DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH
(HANSARD)

MESYUARAT PERTAMA DARI
MUSIM PERMESYUARATAN KEDUA BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PADA

HARI SABTU, ISNIN, SELASA,
RABU, KHAMIS, SABTU, ISNIN, SELASA, RABU,
KHAMIS, SABTU, ISNIN DAN SELASA 25, 27, 28, 29, JAMADILAWAL
DAN 1, 3, 5, 6, 7, 8, 10, 12, 13 JAMADILAKHIR 1437 HIJRAH
BERSAMAAN 5, 7, 8, 9, 10, 12, 14, 15, 16, 17, 19, 21,
DAN 22 MAC 2016 MASIHI

BERTEMPAT
DI DEWAN PERSIDANGAN,
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,
DEWAN MAJLIS,
JALAN DEWAN MAJLIS,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,
PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar,
DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis I (Pertama) Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB.
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Awang Omsarule bin Haji Awang Omar,
Pegawai Pentadbir Tingkat Khas

Yang Mulia Awang Haji Adanan bin Haji Manggong,
SNB., SMB., PIKB., PKL.
Pegawai Tugas-Tugas Khas

Yang Mulia Dayangku Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra,
Penolong Jurutulis

Dayang Siti Ajeerah binti Najib,
Pegawai Perhubungan Awam

PENYEDIAAN LAPORAN PENUH
(HANSARD)

Penyunting

Dayang Sarinah binti Haji Mohd. Hashim, Pemberita Majlis Kanan (Ketua Penyunting)
Awang Haji Moksin bin Haji Durahim, (Mantan Pegawai Bahasa Kanan)

Penyemak

Awang Haji Omar bin Tunjang, Pemberita Majlis Kanan (Ketua Penyemak)
Awang Haji Adam bin Haji Abdul Wahab, (Mantan Ketua Pemberita Majlis)
Awang Haji Rosman bin Abdul Jalil, Penolong Pentadbir
Awang Norhakimin bin Nordin, Pemberita Majlis

Penyusun

Awang Junaidi bin Haji Metussin @ Haji Tuah, Penolong Pegawai Kerja Tingkat I, (Ketua Penyusun)
Dayang Zulia'ah binti Haji Mohd. Zanai, Pemberita Majlis
Awang Muhammad Syahafindey bin Husin, Kerani

Pemberita Majlis Sambilan

Dayang Hajah Ainon binti Haji Abdullah, Setiausaha Sulit
Dayang Rabayah binti Haji Mohamad, Setiausaha Sulit
Dayangku Aminah binti Pengiran Abdul Rahman, Setiausaha Sulit
Dayang Hajah Haspalela binti Haji Abdul Ranee, Setiausaha Sulit
Dayang Fatimah binti Bungsu, Setiausaha Sulit
Dayang Hajah Nurul Afifah binti Haji Lakat, Kerani Sulit
Dayang Emma Malissa binti Haji Isakhan, Kerani Sulit
Awang Azmy bin Untong, Kerani Sulit
Dayang Mashidayawazy binti Haji Mohd. Aminuddin, Kerani Sulit
Dayang Noor Rosmawati binti Haji Ismail, Pembantu Perpustakaan Tingkat I
Dayang Susilawati binti Saie, Kerani
Awangku Md. Syazwan bin Pengiran Haji Bakar, Kerani
Dayang Hajah Adiliana binti Haji Damit, Kerani
Dayangku Rozainah binti Pengiran Haji Bakar, Kerani

Bahagian Penjilidan

Awang Zaini bin Haji Ismail, Pegawai Rekod
Dayang Raidah binti Haji Abdul Rahman, Penjilid Tingkat II
Dayang Hajah Zaliha binti Dato Paduka Haji Mohd. Yassin, Pembantu Penjilid

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 / 5 Mac 2016	
1.	Senarai Nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	1
2.	**PERKARA I** - Doa Selamat	4
	PERKARA IA - Mengangkat Sumpah	5
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara	5
4.	**PERKARA II** - Mengesahkan Minit	6
5.	**PERKARA III** - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	6
	Hari Isnin, 27 Jamadilawal 1437 / 7 Mac 2016	
6.	Senarai Nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	10
7.	Doa Selamat	13
8.	**PERKARA IV - KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO. 1 TAHUN 2016 - SENARAI PERINTAH-PERINTAH DARURAT YANG TELAH DILULUSKAN DALAM TAHUN 2015 MENURUT FASAL 83 DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	14
9.	**KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO. 2 TAHUN 2016 - ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN NEGARA BAGI TAHUN KEWANGAN, 2016/2017**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	15
10.	**PERKARA VI – USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	16
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	21
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	21
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	26

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	31
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	34
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	36
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	38
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	41
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	45
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	46
	Hari Selasa, 28 Jamadilawal 1437H / 8 Mac 2016M	
11.	Senarai Nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	50
12.	Doa Selamat	53
	SAMBUNGAN PERKARA VI – USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS	
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	53
13.	**PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2016) PERBEKALAN, 2016/2017**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	56
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	87
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	88
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	89
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	91
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	92
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	93

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	93
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	94
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	95
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	101
14.	**Bab 2, Ceraian (1), (2)**	
15.	**JABATAN PERDANA MENTERI** **Tajuk SA01A hingga Tajuk SA012A dan Tajuk SA014A dan SA025A - Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan dibawahnya**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	103
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	108
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	108
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	110
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	113
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	113
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	113
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	113
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	117
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	119
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	120
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	120
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	121
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	122

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Haji Zainal	122
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	126
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	127
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	127
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	132
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	134
	Hari Rabu, 29 Jamadilawal 1437 / 9 Mac 2016	
16.	Senarai Nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	136
17.	Doa Selamat	139
18.	**PERKARA V – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS**	
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	140
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	141
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	143
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	144
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	146
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	146
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	150
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	152

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	154
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	154
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	158
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	160
	SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2016) PERBEKALAN, 2016/2017	
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	162
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	167
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	168
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	168
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	170
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	171
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	174
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	175
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	176
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	177
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	178
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	179
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	181
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	183

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	184
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	185
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	186
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	199
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	203
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	204
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	211
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	213
19.	**KEMENTERIAN PERTAHANAN** **Tajuk SB01A hingga SB04A - Kementerian Pertahanan dan jabatan-jabatan di bawahnya**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	214
	Hari Khamis, 1 Jamadilakhir 1437 / 10 Mac 2016	
20.	Senarai Nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	219
21.	Doa Selamat	222
	SAMBUNGAN PERKARA V - SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	222
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	223
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	225
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	225
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	226

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	226
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	228
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	229
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	230
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	231
	SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2016) PERBEKALAN, 2016/2017	
22.	**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ewal Luar Negeri dan Perdagangan**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	233
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	235
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	235
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	236
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	237
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	238
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	239
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	241

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
23.	**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI** **Tajuk SA01A hingga Tajuk SA12A – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	244
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	249
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	250
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	250
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	252
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	254
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	255
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	257
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulaiman	258
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	259
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	260
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	260
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	265
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	266
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	267
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	268
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	269
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	270

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
24.	**KEMENTERIAN KEWANGAN** **Tajuk SD01A hingga SD09A - Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	285
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	292
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	292
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	292
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	293
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	294
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	295
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	296
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	297
	Hari Sabtu, 3 Jamadilakhir 1437 / 12 Mac 2016	
25.	Senarai Nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	299
26.	Doa Selamat	302
	SAMBUNGAN PERKARA V – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	302
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	303
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	306
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	306

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	309
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	309
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	311
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	312
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	316
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	316
	SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2016) PERBEKALAN, 2016/2017	
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN KEWANGAN Tajuk SD01A hingga SD09A - Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	319
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI Tajuk SA01A hingga Tajuk SA12A – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	330
27.	**KEMENTERIAN PENDIDIKAN Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan**	
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	332
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	336
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	339
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	339
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	341
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	342

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	343
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	344
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	346
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	346
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	350
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	361
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	362
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	364
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	365
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	366
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	369
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	370
28.	**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN Tajuk SH01A hingga SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya**	
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	381
	Hari Isnin, 5 Jamadilakhir 1437 / 14 Mac 2016	
	Senarai Nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	389
	Doa Selamat	392
	SAMBUNGAN PERKARA V – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	392
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	393

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	394
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	395
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	397
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	398
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	399
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	400
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	401
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	402
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	403
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	407
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	412
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	414
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	416
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	417
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	420
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	427
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	428
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	430
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	430

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Tahamit bin Haji Nudin	432
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	433
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	433
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	437
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	438
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	440
29.	**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA** **Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	451
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	460
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	461
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	463
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	463
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	466
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	469
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	470
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	472
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	472
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	474

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Selasa, 6 Jamadilakhir 1437 / 15 Mac 2016	
30.	Senarai Nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	480
31.	Doa Selamat	483
	SAMBUNGAN PERKARA V – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	483
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	484
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	486
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	487
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	490
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	491
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	492
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	492
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	494
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	495
	SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2016) PERBEKALAN, 2016/2017	
	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN Tajuk SH01A hingga SH06 - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya	
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	499
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama	
	Yang Berhormat Awang Tahamit bin Haji Nudin	500
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	502
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	503

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	504
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	509
	Yang Berhormat Awang Jumat bin Akim	510
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	512
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	514
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	515
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	516
32.	**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN** **Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya**	
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	528
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	534
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	536
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	538
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	539
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	541
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	548
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	549
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	549
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	551
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	553
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	556

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	559
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	560
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	563
	Hari Rabu, 7 Jamadilakhir 1437 / 16 Mac 2016	
33.	Senarai Nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	566
34.	Doa Selamat	569
	SAMBUNGAN PERKARA VI – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	569
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	570
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	572
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	573
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	573
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	574
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	575
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	575
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	578
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	
	SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2016) PERBEKALAN, 2016/2017	
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA **Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	582

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN **Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya**	
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	585
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	594
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	595
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	597
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	598
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	599
35.	**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** **Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya**	
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	602
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	613
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	614
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	616
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	619
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	627
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	628
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	629
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	631
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	633
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	643

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	645
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	646
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	649
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	651
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	651
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	653
	Hari Khamis, 8 Jamadilakhir 1437 / 17 Mac 2016	
36.	Senarai Nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	664
37.	Doa Selamat	667
	SAMBUNGAN PERKARA VI – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	667
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	668
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	671
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	671
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	675
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	675
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	678
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	678
38.	**KEMENTERIAN KESIHATAN** **SM01A - Kementerian Kesihatan**	
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	681
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	688
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	689

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	691
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	692
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	694
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	696
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	698
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	699
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	701
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	702
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	703
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	704
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	706
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	707
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	709
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	711
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	715
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	717
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	719
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	720
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	722
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	723
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	724
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	726

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	728
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	730
39.	**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN** **Tajuk SN01A – SN08A Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.**	
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	732
	Hari Sabtu, 10 Jamadilakhir 1437 / 19 Mac 2016	
40.	Senarai Nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	740
41.	Doa Selamat	743
	SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2016) PERBEKALAN, 2016/2017	
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN **Tajuk SN01A – SN08A Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.**	
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	744
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	747
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	753
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	754
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	756
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	758
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	761
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	764
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	769
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	769
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	771
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	772

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	774
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	777
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	779
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	781
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	782
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	783
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	786
42.	**KEMAJUAN** **Tajuk SP01A - Kemajuan**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	788
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	792
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	794
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	795
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	795
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	797
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	798
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	78
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	799
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	799
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	801
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	801
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	802

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	803
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	804
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	804
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	804
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	804
	Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zasia binti Sirin	805
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	807
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	807
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	808
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	808
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	808
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	810
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	810
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	811
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	811
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	812
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	812
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	812
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	813
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	813
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	814
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	814
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	814

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	815
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	815
	Hari Isnin, 12 Jamadilakhir 1437 / 21 Mac 2016	
43.	Senarai Nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara	817
44.	Doa Selamat	820
45.	**PERKARA VIII - KETETAPAN**	
	SUATU AKTA UNTUK MEMBEKALKAN SEJUMLAH WANG DARI KUMPULANWANG YANG DISATUKAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN KEWANGAN 2016/2017, DAN UNTUK MEMPERUNTUKKAN WANG YANG TERSEBUT ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD TERTENTU (Bacaan Kali Ketiga)	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	821
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	821
46.	**KETETAPAN DI BAWAH FASAL 83 (7) DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	822
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	823
47.	**KETETAPAN YANG KEDUA DI BAWAH BAB 4 (2) DARI AKTA KUMPULANWANG KEMAJUAN (PENGGAL 136) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	824
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	825
48.	**PERKARA IX - UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	826
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Hamid bin Bakal	831

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	834
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	837
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	840
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	842
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	845
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	847
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	850
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	853
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	858
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Md. Daud bin Karim	860
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	862
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	863
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	866
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	869
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	870
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	872
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	876
	Hari Selasa 13 Jamadilakhir 1437 / 22 Mac 2016	
49.	Senarai Nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	880
50.	Doa Selamat	883

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	SAMBUNGAN PERKARA IX – UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)	884
	Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri	888
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	893
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	898
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	904
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	905
	Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara	907

DEWAN MAJLIS

Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 / 5 Mac 2016

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka

Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, hari Sabtu 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ. الْحَمْدُ لله marilah kita memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat kurnia-Nya jua maka kita dapat bersama-sama hadir pada hari ini di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas, Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesungguhnya persidangan yang kita adakan pagi ini sememangnya sangat signifikan malah amat bersejarah kerana pada hari ini dalam keadaan yang kita hadapi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini akan dirasmikan lagi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada ahli-ahli Menteri-Menteri Kabinet yang baharu dilantik yang telah berkuat kuasa pada 22 Oktober 2015. Kita yakin dan percaya, pelantikan ini merupakan satu pengiktirafan yang sangat bermakna. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Fasal 49 daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam iaitu bagi ahli-ahli yang baharu dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet iaitu *ex-officio* selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Sebelum memulakan tugas dan kewajipan yang lain sekarang dikehendaki untuk ahli-ahli yang berkenaan itu mengangkat sumpah ataupun pengakuan seperti dalam Borang 4 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam hanya bagi mereka yang berkenaan itu.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Majlis mengangkat sumpah didahului oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

Yang Berhormat Awang Haji Bahrin bin Abdullah, Menteri Pembangunan mengangkat sumpah.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengangkat sumpah.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, Menteri Perhubungan mengangkat sumpah.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengangkat sumpah.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Dan yang terakhir Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, Menteri Kesihatan, mengangkat sumpah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. الحَمْدُ لِلَّهِ Majlis Mengangkat Sumpah bagi 5 orang Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet iaitu *Ex-Officio* selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang baharu telah pun selesai. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat semua akan memberikan kerjasama yang berterusan dan lebih dedikasi agar amanah yang besar ini akan dapat dipikul dan dijalankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan penuh iltizam serta dikurniakan taufik dan panduan dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan kita masih ada perkara yang perlu kita selesaikan terlebih dahulu. Maka ada baiknya kita berpindah ke perkara yang seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara II, Meneliti dan mengesahkan Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang selama 13 hari bermula pada 14 hingga 30 Jamadilawal 1436 dan 2 Jamadilakhir 1436 bersamaan 5 hingga 23 Mac 2015 bertempat di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berpandangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun meneliti Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah pun diedarkan sebelum ini. Sekarang saya jemput jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mengemukakan sebarang pindaan ataupun perubahan, saya sekarang persilakan.

Nampaknya tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai sebarang komen ataupun pindaan. Saya mengambil kesimpulan bahawa isi kandungan minit mesyuarat tersebut dipersetujui dengan sebulat suara dan diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini, sebagaimana yang telah saya nyatakan akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebentar lagi.

Maka dengan yang demikian, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan dulu bagi menunggu dan menjunjung keberangkatan baginda ke Majlis ini.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)

T I T A H

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI PERMESYUARATAN KEDUA BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA PADA HARI SABTU, 25 JAMADILAWAL 1437 BERSAMAAN 5 MAC 2016 BERTEMPAT DI BANGUNAN DEWAN MAJLIS, JALAN DEWAN MAJLIS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul sekali lagi di Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara 2016 pada hari ini.

Beta gembira mengikuti perkembangan persidangan sejauh ini yang telah memainkan peranannya dengan baik. Beta ingin mengulangi lagi betapa pentingnya, perbincangan memfokus perkara-perkara strategik yang membawa impak kepada negara, sesuai dengan namanya permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara.

Janganlah semua isu hanya dibincangkan dan dibahas, tanpa adanya susulan pelaksanaan. Kita juga perlu melihat apa yang sudah dicapai. Jika belum, bermakna, kita masih memerlukan tindakan pembaikan.

Pendek kata, apa jua perancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil Pendekatan *Delivery* atau *Delivery Approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Untuk itu, sangat perlu bagi Ahli-ahli mempunyai pandangan yang jauh dan cepat ke hadapan. Mereka perlu mengambil langkah-langkah mitigasi dan membuat persediaan sewajarnya sebelum didatangi oleh sebarang persoalan.

Beta juga sukacita ingin mendengar saranan-saranan atau buah fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengenai cara-cara mengurangkan kebergantungan kepada sumber minyak dan gas. Begitu juga bagaimana negara dapat menjana pendapatan dan kerajaan menjadi rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat?

Saranan-saranan mahupun buah fikiran dan soalan-soalan, hendaklah dibuat bukan atas kepentingan diri sendiri atau hanya mendengar dari satu pihak sahaja tanpa membuat kajian mendalam mengenainya. Jika ini berlaku, ia boleh saja menjadi perkara yang kurang signifikan dan tidak strategik untuk dibawa ke Dewan ini.

Perhatian perlu diberikan, bagaimana memperkasa ekonomi oleh kerajaan sendiri, termasuk bagi sektor swasta. Pada setakat ini, dasar kerajaan ialah memperkasa sektor swasta. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah konkrit untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan. Ini termasuk infrastruktur perundangan yang *pro-business*. Misalnya pendaftaran syarikat perniagaan sekarang, sudah boleh dibuat secara *online* dalam tempoh hanya satu hari sahaja, sementara lesen perniagaan pula tidak diperlukan lagi bagi sebahagian jenis perniagaan.

Juga dengan adanya Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana, adalah diharapkan perusahaan-perusahaan tempatan yang berskala kecil dan sederhana akan

dapat berkembang maju sehingga ke peringkat antarabangasa. Sudah tiba masanya kita mengubah strategi perusahaan daripada hanya semata-mata mencapai sara diri atau *self-sufficient* kepada berasaskan eksport.

Kita sudah ada rangkaian-rangkaian pemangkin serantau dan antarabangsa, seperti BIMP-EAGA, ASEAN, APEC dan baru-baru ini TPP bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi. Apa yang tinggal ialah, usaha-usaha mantap ke arah kejayaan. Kita perlu cekal merebut peluang-peluang yang ada.

Kerana itu, beta menyeru supaya para pengusaha tempatan dapat berdaya saing untuk meraih kejayaan melalui peluang-peluang yang sedia ada. Bukan sahaja bagi merebut peluang yang ada dalam negara, malah lebih jauh peluang-peluang serantau dan antarabangsa.

Alhamdulillah, Pelaburan Langsung Asing (FDI) telah mula beroperasi di negara ini, dan terdapat beberapa lagi pelaburan baru yang masih dalam penelitian. Oleh itu, usaha-usaha untuk memudahcara aktiviti perekonomian negara, perlulah terus dipertingkat dan diperkemaskan.

Pada hemat beta, kita masih boleh dan mampu untuk melakukan yang terbaik, dengan syarat, kita tidak mengambil sikap mudah berpuas hati dengan pencapaian-pencapaian yang ada.

Di bidang kewangan, sungguhpun negara masih mampu menyediakan sejumlah peruntukan bagi pembangunan negara dan operasi kerajaan, namun kita mesti mengambil sikap berhemat dalam berbelanja, dengan cara, lebih melihat kepada keperluan dan keutamaan.

Akhir kalam, beta menyeru kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat supaya dapat meneruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini, sama ada mereka yang bermastautin di kawasan bandar mahupun di kawasan-kawasan luar bandar. Apa jua permasalahan itu, perlu ditangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding. Semoga usaha-usaha yang kita buat akan menghasilkan buah yang baik dan ranum untuk semua.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan pembesar-pembesar negara).

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih dahulu marilah kita merapakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah berkat dan keizinan daripada-Nya jua, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh yang demikian, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini saya tangguhkan dan kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 27 Jamadilawal 1437 bersamaan 7 Mac 2016 pukul 2.30 petang.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Isnin, 27 Jamadilawal 1437 / 7 Mac 2016

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.
(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 2.30 petang

Yang Dimuliakan Jurutulis: Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, Isnin, 27 Jamadilawal 1437 bersamaan 7 Mac 2016 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلْحَمْدُ لِلَّهِ kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir pada petang ini bersidang bagi hari yang kedua dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang setia lagi taat hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari Sabtu, 5 Mac 2016 yang lepas, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara telah selesai disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya baginda juga telah berkenan mengurniakan titah. Majlis ini sebagaimana lazimnya akan menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan menjunjung tinggi atas keberangkatan dan titah yang dikurniakan oleh baginda.

Ahli-ahli Yang Berhormat antara pendekatan yang dapat dipetik dalam kandungan titah baginda ialah tentang peranan Majlis Mesyuarat Negara ini sendiri dalam memainkan peranannya sebagai sebuah platform yang penting agar perbincangan hendaklah memfokuskan terhadap perkara-perkara strategik demi kepentingan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak penubuhan semula Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2004 hinggalah kepada tahun lepas iaitu

2015, saya telah difahamkan bahawa sebanyak 300 lebih Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis iaitu berkenaan dengan isu-isu pendidikan, sosial, agama, pembangunan, perhubungan dan lain-lain lagi telah pun dibincangkan dan dibahas.

Oleh yang demikian, dalam menyentuh titah baginda tentang susulan pelaksanaan terhadap perkara-perkara yang telah dibincangkan itu perlulah dititikberatkan dengan mengambil pendekatan *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Justeru, Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah berpandangan ke hadapan dengan mengambil langkah-langkah mitigasi dalam menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang. Baginda juga telah menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan dapat sama-sama memikirkan tentang cara-cara bagi mengurangkan pergantungan negara terhadap sumber minyak dan gas serta bagaimana negara dapat menjana pendapatan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat. Baginda juga bertitah tentang merealisasikan sektor swasta dalam infrastruktur perniagaan yang lebih mudah dan berkesan bukan hanya setakat *self-sufficiency* malah melalui pertumbuhan ekonomi secara eksport.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya perkara-perkara ini akan lebih lanjut dan tepat untuk diteliti oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan mendalam semasa kita membincangkan perkara-perkara seperti Perkara VI, Usul Yang Telah Diberi Notis dalam menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih ada tugas-tugas yang masih perlu diselesaikan di hadapan kita, maka kita berpindah sekarang ke perkara-perkara yang seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara IV, Kertas-Kertas Yang Akan Dibentangkan Di Atas Meja, Kertas No. 1 Tahun 2016 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan segala hormat memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 1, Tahun 2016 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2015 menurut Fasal 83 daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Kertas No. 2 Tahun 2016 akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II, (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Kewangan II (Kedua):

بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهٗ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kaola dengan segala hormatnya memohon keizinan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja, Kertas No. 2 Tahun 2016 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2016/2017. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mengikuti dua perkara yang dibentangkan di atas meja. Maka sekarang saya ingin meminta atau mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membuat kenyataannya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهٗ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya dan mewakili rakan saya iaitu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) bangun berdiri ingin mencadangkan satu usul iaitu mengikut Peraturan 4 (3) dari Peraturan-Peraturan Mesyuarat Bagi Majlis Mesyuarat Negara telah membolehkan supaya Perkara VI, iaitu Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis, Perkara VII, Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 dan Perkara VIII, Ketetapan-Ketetapan iaitu Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 dan Ketetapan di bawah Bab 4(2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan Penggal 136, adalah lebih dahulu untuk dibincangkan daripada perkara-perkara lain dalam mesyuarat ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkara ini saya cadangkan kerana perkara-perkara tersebut adalah amat mustahak untuk diluluskan dengan segeranya dalam mesyuarat ini, bagi melicinkan pentadbiran-pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tempoh Kewangan 2016/2017. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua):

بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهٗ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua saya menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengemukakan satu Usul iaitu untuk mendahulukan perbincangan Perkara VI, Perkara VII dan Perkara VIII daripada Susunan Kerja menurut Peraturan 4(3) dari Peraturan-Peraturan Mesyuarat bagi Majlis Mesyuarat Negara dan telah disokong oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Saya berpendapat bahawa perkara ini jelas dan tidak perlu untuk dibahaskan lagi. Maka saya ingin bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain adakah Usul ini dipersetujui atau sebaliknya? Nampaknya semua Ahli bersetuju.

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan ini disambung untuk membincangkan Perkara VI. Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara VI, Usul-usul Yang Telah Diberi Notis yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لله رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

الْحَمْدُ لله kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016.

Sebagaimana jua yang disarankan oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua pada hari Sabtu, 5 Mac 2016 dan tengah hari ini, bahawa adalah bersesuaian bagi kita di Dewan yang mulia ini untuk menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya berkenan mengurniakan titah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Majlis ini menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara yang mengandungi nasihat dan peringatan serta pandangan jauh baginda khasnya dalam memperkasa pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat terutama dalam mengharungi cabaran ekonomi global yang dihadapi pada masa ini.

Titah baginda itu jelas mencerminkan keprihatinan, pemedulian dan kebijaksanaan baginda. Baginda telah mengulangi betapa pentingnya Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberikan idea-idea yang bernas dan strategik yang membawa impak kepada ekonomi negara dan juga bagi melipatgandakan usaha masing-masing dalam menangani permasalahan rakyat dan negara ini. Baginda sekali lagi menekankan dan ini telah pun baginda titahkan beberapa kali mengenai pentingnya pencapaian atau penghasilan sesuatu rancangan.

Baru-baru ini, sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32, baginda telah menitahkan supaya rancangan-rancangan atau pelan-pelan tindakan memerlukan kebijaksanaan kerana tanpa kebijaksanaan segala usaha boleh saja gagal atau tidak memuaskan. Baginda juga menasihatkan bahawa dalam merancang dan bertindak juga memerlukan dasar yang jelas dan dasar kita di negara ini ialah MIB.

Setiap rancangan perlu diukur menurut *KPI* atau *Key Performance Indicators*. Kerana itu, baginda menyarankan perlunya apa juga perancangan atau inisiatif mengambil pendekatan *delivery* atau d*elivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan itu saya bangun berdiri di sini mencadangkan satu usul yang berbunyi:-

"Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Majlis ini pada Hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 dan atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sejak tahun 2015, kita telah menyaksikan kedudukan ekonomi dunia merudum. Negara Brunei Darussalam juga menerima kesan dari keadaan ini. Ekonomi Negara Brunei Darussalam

pada Tahun Kewangan 2016/2017, dijangka berada dalam keadaan yang lebih mencabar jika dibandingkan dengan Tahun Kewangan 2015/2016.

Faktor penyebab utama keadaan ekonomi yang mencabar adalah kesan kejatuhan harga minyak mentah. Sekali lagi dalam titah baginda baru-baru ini, baginda dengan tegas menyatakan bahawa cabaran sangat berpotensi untuk membawa kepada perubahan, kerana itu janganlah takut kepada cabaran, cuma cabaran itu mestilah dihadapi dengan kebijaksanaan. Kebijaksanaanlah yang menentukan corak perubahan kepada yang lebih baik.

Ke arah inilah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaruh harapan yang besar agar Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, mengemukakan saranan-saranan atau buah fikiran mengenai cara-cara mengurangkan pergantungan pada sumber minyak dan gas. Bagaimana negara dapat menjana pendapatan dan kerajaan menjadi rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat.

Dalam langkah menangani kemungkinan bahawa harga minyak ini kekal rendah untuk beberapa jangka waktu lagi, dan bagi menghadapi keadaan dunia yang tidak menentu, kerajaan telah mengambil langkah-langkah konkrit untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan. Ini termasuk infrastruktur, perundangan yang probisnes serta penubuhan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai *Darussalam Enterprise* yang bertujuan membantu membangun dan meningkatkan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana atau *SME* serta inisiatif-inisiatif lain.

Dalam usaha membantu membangun dan memperkembangkan ekonomi negara ke arah mewujudkan suasana perniagaan yang probisnes dan *business friendly* ini, agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab akan sentiasa meneliti, mengemas kini dan membuat reformasi yang tertentu mengenai tatacara melaksanakan tugasan bagi memudahkan para peniaga tempatan dan pelabur-pelabur luar negeri untuk melabur di negara ini.

Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa komited dan terus berusaha memperbaiki persekitaran perniagaan yang boleh memperkasa ekonomi negara agar dapat berkembang maju. Ke arah ini semua lapisan masyarakat diminta untuk berganding bahu dengan penuh gigih dan iltizam meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar, terutama di luar sektor minyak dan gas yang dikenal pasti boleh dikembangmajukan. Ini memerlukan kita untuk lebih inovatif dan kreatif serta dengan berani meneroka peluang-peluang baharu.

Sekali lagi, kita perlu dengan serius mengamati titah baginda supaya

membebaskan diri daripada segala sikap yang merugikan iaitu suka berpeluk tubuh dan ketandusan semangat patriotik dan melangkah bergerak menjadi lebih *super* dan progresif bukan lebih culas dan lemah. Kita sewajarnya bertindak menjadikan semua cabaran yang dihadapi sebagai peluang.

Walaupun negara masih mampu menyediakan sejumlah peruntukan bagi pembangunan negara dan operasi kerajaan namun kita mesti mengambil sikap berhemah dalam berbelanja dengan lebih memfokus kepada keperluan dan keutamaan. Dengan usaha-usaha sedemikian dan disertai dengan budaya berhemah, kerajaan dalam jangka panjang إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat meneruskan program-program pembangunan bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk, sama ada bermastautin di kawasan bandar mahupun di kawasan-kawasan luar bandar tidak akan terjejas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertumbuhan ekonomi sebuah negara bergantung pada peranan kerajaan dan sektor swastanya. Sehubungan itu, kita semua wajar mempunyai pandangan yang jauh dan cepat ke hadapan. Kita perlu meningkatkan *sense of urgency*, agar penjimatan, penambahbaikan dan urus tadbir dalam kerajaan dan perniagaan dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertitah, bahawa kita masih mampu untuk melakukan yang terbaik dengan tidak mengambil sikap mudah berpuas hati dengan pencapaian-pencapaian yang ada. Dalam melangkah ke hadapan, kita perlu melakukan anjakan paradigma atau perubahan minda untuk menerokai strategi dengan berani, kreatif, inovatif yang akan mampu mengubah cara kita berfikir dalam membawa kita ke tahap pembangunan yang lebih tinggi. Perubahan minda seperti ini haruslah ditekankan kepada dua aspek iaitu budaya prestasi dan penyampaian di peringkat sektor awam dan swasta, khasnya kepada generasi muda.

Adalah perlu untuk kita meningkatkan kerjasama dan bekerja secara berpasukan antara sektor awam dan swasta dalam menanam semangat bersatu padu untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

Perubahan minda perlu diterapkan bagi membentuk pemikiran yang selari dengan aspirasi negara bagi menghasilkan nilai tambah dalam tugasan dan keupayaan menyediakan warga perkhidmatan awam yang membudayakan nilai-nilai murni. Ini termasuk memupuk keperibadian jati diri bagi menghadapi ekspektasi pelanggan dalam situasi kini yang kian mencabar. Warga perkhidmatan awam juga perlu diterapkan dengan budaya kerja cemerlang agar dapat memberikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, produktif serta berkesan.

Budaya prestasi di sektor awam dan swasta ini adalah sangat diperlukan sebagai salah satu prasyarat penting bagi mencapai aspirasi hala tuju Wawasan Brunei 2035. Marilah kita bersama mempertingkatkan sikap sentiasa bertanggungjawab dan menyumbang kepada perekonomian negara dengan meneroka pelbagai modaliti seperti perkongsian sama awam dan swasta, *public private partnership* dalam membangun infrastruktur yang berpotensi menjana perekonomian yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang Kedua Belas ini, marilah kita berusaha mengukuhkan sektor awam dan swasta untuk lebih berkesan dan berkualiti terutama dalam mempertimbangkan peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara. Pada masa yang sama, rakyat negara ini juga diseru untuk sentiasa berjimat cermat dalam pengurusan perbelanjaan dan sentiasa bijak dalam menangani apa jua cabaran.

Berdasarkan apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita semua diseru agar menjalankan dasar yang kukuh dan sempurna serta mampu untuk memangkin pembangunan di samping juga untuk melahirkan masyarakat yang baik. Apa jua perancangan atau inisiatif perlu untuk mengambil pendekatan *delivery* atau *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Kita perlu mengambil langkah-langkah mitigasi dan membuat persediaan sewajarnya sebelum didatangi oleh sebarang persoalan. Dari itu, marilah kita sama-sama bermesyuarah dengan membuat perundingan secara baik. Inilah sebenarnya pendekatan yang dianjurkan oleh Islam yang selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja, falsafah negara kita. Mudah-mudahan dengan perbahasan yang matang dan berkualiti, kita akan dapat melaksanakan tanggungjawab kita dalam sama-sama memartabatkan institusi Majlis Mesyuarat Negara sebagai sebuah institusi penting bagi pembangunan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum mengakhiri ucapan sembah menjunjung kasih ini, saya penuh berharap dengan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perbincangan-perbincangan yang akan mengambil tempat dalam beberapa hari yang akan datang diharap akan mampu membantu pihak kerajaan dalam melaksanakan usaha-usaha dalam membangun negara yang sama-sama kita cintai ini.

Selari dengan pembangunan tersebut, kita akan terus mengekalkan identiti kita sebagai sebuah negara yang berpaksikan kepada konsep MIB yang rakyat dan penduduknya akan terus hidup dalam keamanan, ketenteraman, kesejahteraan yang berterusan dan berkekalan di bawah kepimpinan

bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menerusi kesempatan ini, saya sukacita mengucapkan tahniah kepada 5 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet yang baharu atas pelantikan menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara dari kalangan Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan berharap akan dapat sama-sama memikul amanah pada memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara ini.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركات Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya sekarang ingin meminta jika sekiranya ada ahli yang boleh menyokong atau suka untuk menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan satu usul dalam menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016. Usul ini telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Maka saya sekarang ingin membukakan supaya usul ini dibahaskan.

Dalam senarai yang terdapat pada saya ketika ini, saya dahulukan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ. رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Lebih dahulu, kaola/saya ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara 2016 pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 yang lalu.

Sesungguhnya, titah baginda sangat-sangat mengharapkan kita semua selaku ahli dalam Majlis Mesyuarat Negara ini untuk berpandangan lebih jauh dan cepat ke hadapan termasuk dalam perkara-perkara yang akan membawa impak kepada kemajuan dan pertumbuhan ekonomi negara ini.

Dari titah baginda itu, terdapat isu-isu ekonomi yang kritikal yang baginda telah tekankan dan titah kali ini pada pengamatan kaola/saya seperti juga yang baginda telah tekankan semasa titah baginda bersempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2016.

Ini menunjukkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat-sangat mengambil berat serta prihatin terhadap prestasi pertumbuhan ekonomi negara kita yang lembap dalam beberapa tahun kebelakangan ini, yang ditambah pula dengan penurunan harga minyak dunia sepanjang beberapa bulan yang lalu.

Titah yang terbaharu ini, dari penelitian kaola/saya memberi penekanan-penekanan seperti berikut:-

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat-sangatlah ingin mendengar saranan-saranan ataupun buah fikiran daripada Yang Berhormat Ahli-ahli mengenai cara-cara mengurangkan kebergantungan negara pada sumber minyak dan gas;

2. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menginginkan bagi kita semua untuk sama-sama memikirkan bagaimana negara dapat menjana pendapatan dan seterusnya bagaimana pula kerajaan dapat menjadi rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat;

3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya, menyarankan pula supaya industri-industri tempatan kita tidak hanya menyasarkan sara diri ataupun *self-*

sufficient semata-mata. Justeru, baginda mengharapkan pula supaya industri-industri tempatan kita ini menerokai pasaran eksport dengan merebut peluang-peluang pasaran serantau dan antarabangsa yang begitu luas melalui rangkaian-rangkaian pemangkin yang sedia ada seperti *BIMP-EAGA, ASEAN, APEC* dan yang terbaharu, *TPP* bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi; dan

4. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyarankan supaya industri-industri tempatan kita sehendaknya tidak mudah berpuas hati dengan pencapaian yang sudah dicapai selama ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola/saya merasa bahawa titah ini sangat bersesuaian untuk dijadikan sebagai panduan kepada semua pihak, sama ada pihak kerajaan, pihak swasta mahupun orang ramai sebagai penduduk di negara ini.

Titah penekanan terhadap peningkatan pertumbuhan industri adalah sangat tepat kerana jika kita rujuk Buku Perangkaan Tahunan Brunei Darussalam 2014 terbitan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, bahawa 89.5 peratus daripada ekonomi atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah bersumber daripada nilai *output* atau hasil keluaran dan perniagaan industri-industri swasta dan syarikat-syarikat milik kerajaan (GLCs).

Seperti mana dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai program, termasuk program bagi memudahkan orang ramai bagi memulakan perniagaan, Program Mengembangkan Pengusaha Kecil Dan Sederhana (PKS) dan Program Menggalakkan Perkembangan Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) ke negara ini.

Kerajaan juga sekian lama telah menubuhkan dana pelaburan atau *Strategic Development Capital* (SDC) di bawah Kementerian Kewangan, untuk membuat pelaburan ke dalam Syarikat *FDI* dan PKS dalam negara tertakluk kepada kesediaan Syarikat *FDI* dan PKS berkenaan.

Akan tetapi, terdapat beberapa persoalan yang perlu kita tanyakan atau bangkitkan:-

i. Adakah pengusaha-pengusaha kita, terutama yang sudah mencapai kejayaan seperti syarikat-syarikat yang sudah menjana hasil pendapatan sehingga $10 juta ke $30 juta mahu atau bersedia untuk tumbuh lebih jauh sehingga mencapai hasil pendapatan $100 juta ke $200 juta setahun dalam masa 5 ke 10 tahun akan datang;

ii. Adakah mereka mahu dan bersedia untuk beroperasi secara skala besar

atau menggunakan teknologi terkini untuk mengurangkan unit kos pengeluaran serta meningkatkan produktiviti;

iii. Adakah mereka mahu dan bersedia untuk menerokai pasaran eksport;

iv. Adakah mereka mahu dan bersedia untuk menyerapkan urus tadbir yang terbaik dalam pengurusan syarikat-syarikat mereka; ataupun

v. Adakah mereka mahu atau bersedia menerima suntikan modal daripada pelabur-pelabur *Venture Capital (VC)* yang akan memudahkan syarikat berkembang dengan cepat dan yang akan menyediakan rangkaian pasaran antarabangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Di pihak kerajaan kita telah menubuhkan *SDC* atau *Strategic Development Capital* sebagai penyedia dana kepada perusahaan tempatan dan FDI yang berminat untuk bertapak dan untuk tumbuh dan berkembang dari tahun ke tahun. Selama ini suntikan pelaburan oleh pihak *SDC* ini kebanyakannya adalah kepada syarikat-syarikat *FDI.*

Ini adalah kerana syarikat-syarikat FDI adalah syarikat yang memang sudah mempunyai *track record* yang terbukti dari segi pertumbuhan hasil dan jualan diperingkat antarabangsa. Kedatangan FDI ke negara ini bukan mensasarkan pasaran dalam negara ini akan tetapi untuk eksport ke negara-negara *ASEAN* dan lain-lain. Kebanyakkannya adalah syarikat-syarikat yang sudah tersenarai di bursa saham terkemuka di negara masing-masing. Oleh itu, isu transparansi dan urus tadbir yang baik adalah tidak menjadi keraguan mana-mana pelabur termasuk pengurus dana Venture *Capital* di bawah *SDC*.

Inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menubuhkan SDC ini memang sangat sesuai apatah lagi dana ini memberi fokus kepada PKS tempatan yang sudah mempunyai produk-produk dan perniagaan yang berpotensi untuk dikembangkan, dengan syarat pihak pengurusan syarikat sentiasa berfikiran terbuka untuk mengamalkan urus tadbir baik dan untuk terus tumbuh sehingga keluar sempadan negara.

Jika hasil syarikat sudah mencapai $20 juta setahun, maka adalah lebih mudah meningkatkan hasil pendapatan syarikat kepada $25 juta atau $30 juta setahun dalam masa 5 tahun ke 10 tahun. Akan tetapi tidak semudah itu bagi menjanjikan pertambahan hasil bagi syarikat yang baharu ataupun (*start up)* untuk mencapai $1 juta ke $5 juta dalam jangka masa yang sama.

Walau bagaimanapun, mengimbas kembali pengalaman kaola/saya ketika menjadi Pengerusi *BEDB* dan ketika berinteraksi dengan pengusaha-pengusaha tempatan, adalah didapati syarikat-syarikat tempatan kita yang sudah mencapai tahap

tertentu sudah mudah berpuas hati dengan pencapaian masing-masing. Ada antaranya yang hasil pendapatan syarikat sepanjang 10 tahun adalah hampir sama sahaja. Umumnya, kelihatan syarikat-syarikat ini sudah Berjaya, nampaknya mereka meraih keuntungan, syarikat membayar dividen kepada pelabur, syarikat juga membayar cukai kepada kerajaan, syarikat ini mengambil pekerja tempatan, syarikat ini aktif dalam kerja-kerja amal dan pemilik syarikat kelihatan hidup sangat selesa dan lain-lain.

Akan tetapi apa yang kurang ialah mereka terlalu selesa. Mereka tidak tumbuh. Mereka cuma membuat sasaran kepada pasaran dalam negara dan mereka masih tidak dapat menembusi pasaran eksport. Apatah lagi ada syarikat hanya diterajui oleh ahli-ahli keluarga dan bukan diterajui oleh orang-orang profesional dan urus tadbir adalah tidak mengikut amalan terbaik antarabangsa.

Kesemua ini menyebabkan pengurus dana pelaburan agak tidak selesa atau agak memakan masa yang panjang untuk menilai dan membuat keputusan sama ada untuk membuat suntikan modal atau tidak dalam syarikat-syarikat berkenaan. Modal-modal ini hanyalah dapat disuntik ke dalam syarikat jika syarikat berkenaan mempunyai aspirasi untuk tumbuh secara berterusan termasuk untuk menembusi pasaran eksport, dan jika syarikat menghargai urus tadbir baik, menghargai adanya buku kira-kira yang terkini, menghargai adanya *talent* dalam pengurusan dan lain-lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, berpandukan Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam 2014 yang dikeluarkan oleh JPKE, ekonomi atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) itu umumnya adalah jumlah semua hasil pendapatan syarikat yang beroperasi dalam negara ini, setelah ditolak *intermediate costs* masing-masing. Ini bererti jika hasil pendapatan syarikat bertahan sahaja bertahun-tahun, maka ekonomi atau KDNK juga cuma akan bertahan dan tidak akan tumbuh bertahun-tahun.

Oleh yang demikian, jika kita mahu melihat ekonomi negara kita tumbuh berterusan maka hasil pendapatan syarikat dalam negara mestilah tumbuh berterusan dan ini tidak akan berlaku jika syarikat-syarikat kita hanya mensasarkan keluaran dan jualan mereka kepada pasaran domestik sahaja. Syarikat-syarikat tempatan, termasuk *GLCs,* tidak boleh tidak, mestilah mensasarkan pasaran eksport yang sangat luas itu.

Inilah pada hemat kaola/saya antara inti pati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan

Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara kali ini.

Akhir sekali, kaola/saya ingin menyembahkan sekali lagi setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah baginda.

Kaola/saya mengambil kesempatan ini untuk mengajak setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini termasuk juga pengusaha-pengusaha tempatan kita untuk sama-sama bergerak ke arah memangkin pertumbuhan ekonomi negara yang kita sama-sama cintai ini dan bagi menjunjung titah Baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat, sekarang dipersilakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
اَلسَّلَامُ عَلٰى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدٰى
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mengucapkan syukur الْحَمْدُ لِلّٰه kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, dapat kaola menghadiri Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas, Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini.

Pertama, kaola sukacita menyokong sepenuhnya usul dan kandungan ucapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saiffuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 dan juga atas pengurniaan titah yang penuh hikmah bijaksana yang pada hemat kaola perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak dalam

usaha memperkasa ekonomi dan mengurangkan kebergantungan pada sektor minyak dan gas yang menjadi sumber utama ekonomi negara kita.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam titah baginda itu, antara lain menekankan tentang perlunya rakyat dan penduduk negara ini menceburkan diri dan menggandakan usaha dalam bidang perniagaan dan perdagangan serta perusahaan bagi mengurangkan kebergantungan pada minyak dan gas atau dengan kata lain bagi menjadikan mereka berdikari dan berusaha sendiri tanpa banyak bergantung pada bekerja dengan kerajaan.

Rangsangan baginda itu adalah selari dengan rangsangan Al-Quran yang mengandungi dorongan kepada kegiatan perdagangan dan urus niaga. Dalam Islam, tiada garis pemisah antara spiritual dan material, kerana apa sahaja yang dilakukan sebagai patuh kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala merupakan amal yang menjadi ibadat. Jika kita mengikuti jalan yang ditunjukkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam semua kegiatan kita, tidak kira sama ada sembahyang di masjid, bekerja di ladang, dalam perjalanan yang jauh kerana misi perdagangan yang biasa atau sibuk, mendidik anak-anak dan sebagainya, semua kegiatan ini merupakan sebahagian daripada agama yang dikira sebagai ibadat di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Jumu'ah Ayat 10:

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَٱبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Tafsirnya: "Maka apabila sembahyang telah disempurnakan maka bertebaranlah kamu di muka bumi untuk menjalankan urusan masing-masing dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat."

Perniagaan dan urus niaga telah mendapat dorongan yang kuat daripada Al-Quran. Umat Islam di peringkat awal telah bertebaran dalam mencari kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala, yang merupakan langkah yang paling praktikal dan berkesan untuk menyampaikan dakwah Islamiah kepada orang lain dan negara yang lain. Umat Islam di rantau Nusantara bahkan juga di Negara China dan India, telah menyahut seruan Islam menerusi dakwah para pedagang dan peniaga yang datang sambil berniaga. Al-Quran memberi galakan kepada orang Islam dalam pelbagai cara untuk menjelajahi bumi Allah Subhanahu Wata'ala dan mencari kurniaan-kurniaan Allah yang menakjubkan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mulk, Ayat 15:

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ ذَلُولًا فَٱمْشُوا۟ فِى مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا۟ مِن رِّزْقِهِۦ ۖ وَإِلَيْهِ ٱلنُّشُورُ ﴿١٥﴾

Tafsirnya: "Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu menjalani kehidupan maka berjalanlah di merata-merata ceruk rantaunya serta makanlah sebahagian rezekinya dan kepada-Nyalah kamu kembali setelah dibangkitkan."

Oleh yang demikaian, memang menjadi tanggungjawab manusia untuk keluar mencari rezeki kurniaan Allah, firmannya dalam Surah Al-Hajj, Ayat 65:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ سَخَّرَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ وَٱلْفُلْكَ تَجْرِى فِى ٱلْبَحْرِ بِأَمْرِهِۦ وَيُمْسِكُ ٱلسَّمَآءَ أَن تَقَعَ عَلَى ٱلْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِهِۦٓ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِٱلنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٥﴾

Tafsirnya: "Tidakkah engkau memerhatikan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala telah memudahkan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu dan demikian juga kapal-kapal yang kamu gunakan sebagai kenderaan dan pengangkutan, belayar di laut dengan perintah-Nya. Dan dia menahan langit daripada runtuh menimpa bumi kecuali dengan izin-Nya. Sesungguhnya Allah adalah maha belas kasihan lagi maha pengasih."

Memang sudah menjadi fakta sejarah bahawa orang Islam sangat bijak dalam perdagangan, urus niaga dan industri dan menguasai lautan di timur dan barat termasuk Laut Mediterranean daripada permulaan abad Ke-8 Masihi hingga abad Ke-14. Menurut Philip K.Hitti pada awal zaman pertengahan tiada orang lain yang memberi perkembangan yang penting kepada kemajuan manusia sebagaimana yang dilakukan oleh orang Arab. Kapal Arab mengembara ke timur sehingga ke China, India Timur dan Filipina di Lautan Pasifik serta kepulauan Atlantik di barat.

Kesemua ini merupakan hasil secara langsung daripada kajian terhadap Al-Quran yang menarik kepada suruhan Allah supaya pergi ke luar negeri untuk mencari kurniaan Allah di negeri-negeri lain dalam kalangan orang-orang lain juga untuk mengembangkan ajaran Allah Subhanahu Wata'ala dalam kalangan mereka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda itu telah menggalakkan para pengusaha untuk mengembangkan perusahaan mereka bukan hanya di dalam negeri bahkan juga di luar negeri.

Pada hemat kaola, sudah sampai masanya, kita orang-orang Brunei merebut peluang sama ada dalam bidang perniagaan atau perusahaan yang terdapat di dalam negara atau di luar negara seperti *ASEAN, BIMP-EAGA, APEC* dan negara-negara lain. Sesuai dengan dorongan Al-Quran yang menyeru umat Islam untuk mencari dan mendapatkan rezeki kurniaan-kurniaan Allah yang disediakannya di muka bumi di mana-mana juga tempat di dunia ini.

Kedua, kaola ingin merujuk dalam Al-Quran dalam merangsang umat manusia supaya sentiasa bersiap sedia menghadapi cabaran-cabaran.

Pada zaman Nabi Yusuf Alaihissalam berada di negara Mesir dan meningkat dewasa di bawah peliharaan seorang pembesar Raja Mesir yang dipanggil oleh Al-Quran sebagai Al-Aziz dan isterinya dipanggil sebagai Imra'atul Aziz. Pada zaman itu Raja Mesir bernama Ar-Rayyan bin Al-Walid, baginda telah bermimpi melihat 7 ekor lembu betina yang gemuk ditelan oleh 7 ekor lembu kurus, baginda juga melihat dalam mimpi itu 7 tangkai gandum yang hijau dilingkari oleh 7 tangkai gandum yang lain yang kering. Raja Mesir itu telah meminta para pembesar baginda supaya mereka mentakbirkan mimpi baginda itu tetapi tiada seorang pun daripada mereka yang pandai mentakbirkan. Nabi Yusuf Alaihi sallam yang pada masa itu dalam penjara telah dipanggil menghadap raja lalu baginda mentakbirkan mimpi raja berdasarkan wahyu yang diterima baginda sebagai berikut:-

i. Pada masa hadapan nanti ada 7 tahun negara Mesir akan beroleh kemewahan dari hasil-hasil pertanian dan ternakan kerana Allah akan menyuburkan buminya dengan hujan. Ini digambarkan menerusi mimpi melihat 7 ekor lembu yang gemuk dan 7 tangkai gandum yang hijau; dan

ii. Selepas berlalu 7 tahun yang mewah itu, negara Mesir akan ditimpa kemarau yang panjang selama 7 tahun. Ini digambarkan menerusi mimpi melihat 7 ekor lembu kurus yang menelan 7 ekor lembu gemuk dan 7 tangkai gandum yang kering melingkari 7 tangkai gandum yang hijau. Ini bererti kemewahan yang diperoleh oleh penduduk Mesir selama 7 tahun subur itu akan beransur-ansur habis setahun demi setahun kecuali yang disimpan untuk dijadikan benih untuk ditanam sesudah kemarau panjang itu berakhir.

Raja Mesir telah mempercayai dan membenarkan takbir mimpi Nabi Yusuf Alaihissalam itu lalu baginda melantik Nabi Yusuf Alaihissalam sebagai seorang menteri dan pembesar negara yang ditugaskan menjalankan dan melaksanakan rancangan bagi menghadapi cabaran-cabaran ekonomi yang dinyatakan dalam mimpi itu. Lalu Nabi Yusuf Alaihissalam meminta rakyat dan penduduk Mesir untuk bekerja keras supaya meningkatkan hasil-hasil pertanian dan ternakan sepanjang 7 tahun yang subur itu. Hasil-hasil itu sebahagian besar dibeli oleh kerajaan dan selebihnya untuk dimakan oleh para pekebun dan penternak.

Hasil-hasil pertanian itu disimpan dalam stor negara dengan tangkai-tangkainya supaya ia tidak cepat rosak selama 7 tahun itu. Nabi Yusuf Alaihissalam yang mengelola pembelian hasil-hasil pertanian itu bersama pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan. Sesudah habis 7 tahun subur itu, bermulalah Mesir ditimpa kemarau yang menjadikan tanaman-tanaman tidak menjadi

dan tidak mengeluarkan hasil, binatang-binatang ternakan tidak dapat hidup dengan baik disebabkan kekurangan air dan rumput-rumput yang kering. Dengan demikian hasil-hasil pertanian yang disimpan dalam stor negara telah dijual kepada orang ramai dengan harga yang berpatutan selama tujuh tahun kemarau itu, bukan sahaja orang ramai itu datangnya daripada rakyat penduduk Mesir bahkan juga datangnya dari rakyat dan penduduk Pelastin, Syam, Iraq dan lain-lain.

Dari hasil tindakan strategik Nabi Yusuf Alaihi sallam itu terselamatlah rakyat dan penduduk Mesir dan lain-lain rakyat penduduk luar Mesir yang menghadapi suasana kebuluran akibat kemarau yang berpanjangan. Kisah Nabi Yusuf Alaihi sallam itu telah dirakamkan dalam Surah Yusuf mimpi raja Mesir telah dinyatakan Ayat 43 firman Allah.

وَقَالَ ٱلْمَلِكُ إِنِّيٓ أَرَىٰ سَبْعَ بَقَرَٰتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ عِجَافٌ وَسَبْعَ سُنۢبُلَٰتٍ خُضْرٍ وَأُخَرَ يَابِسَٰتٍ ۖ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمَلَأُ أَفْتُونِى فِى رُءْيَىَ إِن كُنتُمْ لِلرُّءْيَا تَعْبُرُونَ ﴿٤٣﴾

Tafsirnya: dan Raja Mesir berkata: "Sesungguhnya aku bermimpi melihat tujuh ekor lembu betina yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus dan melihat tujuh tangkai gandum yang hijau dan dilingkari oleh tujuh tangkai lain yang kering. Wahai pembesar-pembesar terangkanlah kepadaku takbir mimpiku ini, jika benar kamu orang yang pandai mentakbirkan mimpi."

Manakala peranan Nabi Yusuf Alaihi sallam bagi menangani cabaran ekonomi yang menghadapi tujuh tahun musim subur dan tujuh tahun musim kemarau itu telah dinyatakan dalam ayat 47 dan 48 dari surah yang sama. Kaola bacakan tafsirnya sahaja, Nabi Yusuf berkata "hendaklah kamu bercucuk tanam seperti biasa selama tujuh tahun berturut-turut kerana apa yang kamu tuai biarkanlah ia pada tangkai-tangkainya, supaya ia tidak cepat rosak kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian akan datang sesudah itu tujuh tahun musim kemarau yang dahsyat yang akan menghabiskan bekalan makanan yang kamu sediakan untuk menghadapinya kecuali sedikit daripada yang kamu simpan untuk dijadikan benih."

Dari kenyataan Al-Quran dan tindakan-tindakan Nabi Yusuf Alahi sallam dalam menangani dan mendepani cabaran-cabaran ekonomi dan suasana kehidupan rakyat Mesir pada masa hadapan itu jelaslah bahawa kewaspadaan dan kesiapsediaan perlulah ada pada setiap ketika. Kewaspadaan dan kesiapsediaan itu menuntut kita menyediakan pelan-pelan strategik dan penuh teliti akan lebih mementingkan keperluan dan pertambahan dalam merancang

segala sesuatu baik pada masa mewah apalagi pada masa merosot.

Pada hemat kaola, kerajaan dalam mempertimbangkan pemberian-pemberian peruntukan kewangan bagi membiayai sebarang rancangan patutlah bukan hanya berdasarkan keutamaan dan kepentingan tetapi juga hendak disertai dengan dasar kesesuaian. Jangan sampai suatu projek yang satu pihak diberi peruntukan berlebihan sedangkan satu pihak lain sukar diberi peruntukan meskipun projeknya itu perlu dan wajar diberi keutamaan.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat saya memikirkan bahawa ada baiknya kita berehat sementara, maka saya tangguhkan persidangan ini selama 30 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Berhormat, sebelum persidangan ini kita tangguhkan tadi, kita telah membahaskan usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai usul bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini, iaitu pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016.

Di hadapan saya masih terdapat lagi senarai Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membuat kenyataan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Silakan, Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersyukur terhadap Allah Subhanahu Wata'ala atas rahmat dan segala nikmat yang dilimpahkan ke atas negara kita terutamanya nikmat Islam dan iman.

Kaola berdiri di sini menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 5 Mac 2016 dan atas kurnia titah baginda dalam istiadat perasmian tersebut.

Kaola amat tersentuh hati mendengar titah baginda yang berbunyi "Akhir kalam beta menyeru kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat supaya dapat menguruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk sama ada mereka yang bermastautin di kawasan bandar mahupun di kawasan-kawasan luar bandar".

Dalam titah itu, baginda dengan jelas senantiasa memikirkan mengutamakan kebahagiaan dan keselamatan rakyat jelata dalam apa juga keadaan pun. Senantiasa dalam pemerhatian baginda lebih-lebih lagi dalam negara kita yang dilanda kegawatan ekonomi. Baginda sering turun padang meninjau pentadbiran kerajaan baginda agar berjalan lebih mantap, efisien dan *up-to-date.*

Sebagai rakyat dalam kehidupan kita sehari-hari, kita bersyukur kerana dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan antaranya ialah sekolah-sekolah, klinik-klinik, hospital-hospital, balai-balai polis, pasar, tempat-tempat riadah, jalan raya juga subsidi makanan seperti gula, beras, minyak petrol malahan perubatan hanya dibayar $1.00 saja bagi setiap seorang. Kita tidak perlu bertanya apakah kerajaan sudah buat untuk kita tetapi kita juga sepatutnya tidak lupa sebagai rakyat patut bertanya kepada diri kita sendiri, apakah yang kita buat untuk kerajaan dan negara. Ada banyak cara untuk menyumbang jasa bakti kepada kerajaan dan negara tanpa imbuhan ataupun upah.

Salah satunya caranya ialah dengan menjaga kesihatan melalui kebersihan dalam kehidupan kita sehari-hari dalam keadaan dunia masa ini yang dilanda krisis kewangan juga dilanda dengan berbagai-bagai penyakit yang lama dan yang baharu yang kita dengar baru-baru ini. Sudah sampai masanya kita menanamkan di jiwa anak-anak, keluarga dan jiran tetangga. Kebersihan hendaklah diterapkan bermula dari rumah. Kita sebagai ibu bapa, para guru juga masyarakat patut mengambil peranan penting dalam menyemai perasaan anti sampah dan kekotoran.

Kepada anak-anak di mana saja kita berada tidak mengira ketika berada di sekolah, di rumah, pejabat, di kampung, di bandar perlu bersih tanpa sampah, tanamkan perasaan tidak camah mata bila melihat sampah dan kekotoran kita sudah terbiasa walaupun di depan rumah sendiri rumput panjang, longkang yang berbau, air bertakung dan sebagainya, kita masih juga tetap menunggu pihak bandaran untuk membersihkannya.

Daripada keadaan kekotoran ini selain memberikan persekitaran yang kurang menyenangkan yang menimbulkan bau busuk berkemungkinan besar juga menimbulkan berbagai-bagai masalah penyakit bawaan binatang seperti lalat yang boleh menyebabkan cirit-birit, tikus yang membawa penyakit kencing tikus, nyamuk yang membawa penyakit denggi dan sebagainya, timbul lagi satu penyakit baru-baru ini yang di permulakan virus yang digelar *Zika* di luar negara yang pada masa ini belum ditemui ubatnya.

Penyakit-penyakit ini selain mengancam nyawa manusia dan kehidupan ia juga akan menjadi bebanan yang berat kepada kerajaan kerana memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk membasmi dan menghapuskannya padahal untuk mengelakkan perkara ini berlaku sebenarnya adalah mudah iaitu kita mestilah sentiasa prihatin dan mengambil berat tentang kebersihan di sekeliling kita. Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.

Dari itu sebahagian daripada landasan kita sebagai rakyat untuk menyumbang bakti kepada kerajaan dan negara ialah keikhlasan mempunyai semangat yang tinggi kepada keamanan, kesejahteraan dan keselamatan, mempunyai tahap kesihatan yang tinggi yang setentunya bermula dengan amalan menjaga kebersihan dari rumah tangga dan alam di sekeliling kita

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebelum kaola mengakhiri ucapan menjunjung kasih ini, kaola ingin mengambil kesempatan untuk menunaikan hajat daripada peniaga-peniaga di Tamu Kianggeh meminta kaola menyampaikan di dalam Dewan yang mulia ini hasrat menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas lawatan bercemar duli yang tidak disangka-sangka oleh mereka ke Tamu Kianggeh pada Hari Ahad 7 Februari 2016 yang lalu.

Ini adalah menunjukkan betapa baginda begitu prihatin dan ingin melihat sendiri akan keadaan persekitaran Tamu Kianggeh.

Syukur الْحَمْدُ لله , semenjak lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada hari tersebut, sekarang keadaan kawasan Tamu Kianggeh dalam keadaan bisai (elok) dan diharapkan keadaan bisai (elok) seperti ini akan berterusan dan diharap juga pihak-pihak yang berkenaan akan membuat satu peraturan bagi tujuan mengelakkan keadaan seperti dulu di persekitaran Tamu Kianggeh dan diharap juga akan senantiasa keadaannya seperti yang kita lihat pada masa ini, bersih dan teratur.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin

Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Silakan Yang Berhormat Datin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang kaola hormati. Kaola/saya berdiri di Dewan yang mulia ini bagi mewakili Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik dari Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan.

Abis kaola menyokong sepenuhnya akan usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyembahkan ucapan banyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016.

Sesungguhnya titah baginda amatlah padat dengan nasihat, peringatan dan berpandangan jauh yang mencerminkan kebijaksanaan pemimpin tertinggi negara dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan pendudukan negara ini akan senantiasa terpelihara dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita panjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menyembahkan berbanyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menitahkan perasaan gembira baginda dalam mengikuti perkembangan persidangan yang telah memainkan peranannya dengan baik.

Sumbangan dari segi pemikiran dan pandangan serta saranan yang telah abis kaola kemukakan sepanjang persidangan adalah dasar amanah dan tanggungjawab sebagai Ahli Mesyuarat Negara Yang Dilantik. Abis kaola sedaya upaya mengolah cara perbahasan dan cara penyampaian supaya dapat difahami dan dibahas serta diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Semua ini semata-mata untuk kebaikan, kesejahteraan dan keharmonian negara dan rakyat dan Negara Brunei Darussalam yang dicintai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Baginda juga bertitah supaya Ahli-ahli Yang Dilantik memberikan saranan atau buah fikiran mengenai cara-cara mengurangkan kebergantungan kepada sumber minyak dan gas. Begitu juga bagaimana negara dapat menjana pendapatan. Seterusnya, titah baginda, perhatian

perlu diberikan bagaimana memperkasa ekonomi oleh kerajaan sendiri termasuk sektor swasta dan dasar kerajaan ialah memperkasa sektor swasta untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan termasuk infrastruktur dan perundangan yang probisnes.

Abis kaola dari kalangan Ahli-ahli Yang Mencapai Kecemerlangan menjunjung tinggi atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah banyak melaksanakan reformasi bagi probisnes untuk kita dapat menjana kepelbagaian ekonomi negara dan menyembahkan sokongan atas usaha-usaha kerajaan dalam menggiatkan lagi sektor perniagaan dan keusahawanan dalam mengimbangi pertumbuhan ekonomi dalam negara.

Menyentuh perkara yang kaola nyatakan tersebut, abis kaola juga menyedari akan keperluan meningkatkan ekonomi negara dengan memperkasa sektor swasta, yang beberapa pandangan dan saranan telah juga diutarakan dalam persidangan-persidangan yang lalu; dan, الْحَمْدُ لله , pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan juga telah membuat perancangan dan pelan-pelan strategik sehingga telah berjaya melaksanakan salah satu antara insiatifnya iaitu *Darussalam Enterprise* atau *DARE*, yang keahliannya dianggotai oleh lapan puluh peratus peniaga dan pengusaha tempatan.

Apa yang diharapkan adalah peluang-peluang yang bakal disediakan akan lebih memberi laluan dan penglibatan secara langsung kepada warga tempatan yang hendak berkecimpung atau yang sudah bergiat, untuk lebih berkembang maju bukan sahaja di dalam negara bahkan di luar negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Menyentuh Pelaburan Langsung Asing atau *FDI* yang menjadi perhatian baginda dan usaha-usaha untuk memudah cara aktiviti perekonomian perlu terus dipertingkat dan diperkemaskan. Abis kaola mempunyai pandangan dalam isu ini, iaitu Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* ke negara ini perlulah benar-benar dibuat penelitian supaya pemilihan *FDI* tersebut bukan sahaja memberi pulangan dan keuntungan dari aspek kewangan kepada negara tetapi juga akan membantu dalam menyediakan sumber tenaga tempatan dalam sektor-sektor berkenaan.

Selain itu, perlu membuat kajian yang terperinci seperti setakat mana keperluan yang kita hendak capai dalam sektor berkenaan dalam mengimbangi hasil pendapatan minyak dan gas di negara ini, kerana dengan adanya sukat-sukat tertentu kita akan lebih berhati-hati dalam pemilihan dan tidak akan berlaku isu kerugian yang besar dalam pelaburan negara. Seterusnya *FDI* juga amat mustahak mengambil kira status negara yang mempunyai standard yang tinggi mengenai isu halal. Apa yang menjadi keutamaan dalam isu ini adalah bagaimana kita menangani isu halal dengan lebih serius lagi, cepat, cekap dan teratur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam usaha untuk lebih maju ke hadapan dan Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara akan lebih fokus kepada perkara-perkara strategi dan supaya mengelak daripada berlakunya kajian yang tidak mendalam, atau akan menjadi perkara yang kurang signifikan dan tidak strategik untuk dibuat ke Dewan ini, dicadangkan supaya Majlis Mesyuarat Negara mempunyai data-data yang senantiasa *up-to-date* atau perpustakaan yang lengkap dan komprehensif, supaya ia dapat menjadi tempat rujukan yang tepat kepada Ahli-ahli Mesyuarat Negara Yang Dilantik yang kita sedia maklum, ahli-ahli berkenaan mempunyai bidang-bidang kepakaran yang berbeza-beza. Dengan kata lain, apa yang dihasratkan dalam menyuarakan persoalan dan pandangan adalah semata-mata untuk kemaslahatan rakyat dan negara.

Untuk tujuan tersebut, sudah setentunya Majlis Mesyuarat Negara memerlukan pertambahan sumber tenaga manusia. Namun dimaklumi akan situasi pada masa kini peruntukan dan kewangan negara yang begitu mencabar, maka yang demikian kita serahkan perkara ini kepada kebijaksanaan pihak-pihak yang berkenaan dan selain itu juga, amatlah diharapkan sokongan padu dari kementerian-kementerian dalam memberikan kerjasama bagi merealisasikan saranan tersebut.

Dengan demikian, apa yang akan kita bincang dan bahas di dalam Dewan ini akan lebih mantap dan bermakna, sesuai dengan titah baginda supaya janganlah isu hanya dibincangkan dan dibahas tanpa adanya susulan pelaksanaan, perlu melihat apa yang sudah dicapai atau kalau belum maka memerlukan pula tindakan pembaikan. Begitu juga titah baginda bahawa apa jua perancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil pendekatan *delivery* atau *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Mudah-mudahan Persidangan Majlis Mesyuarat yang akan datang akan lebih fokus dan terarah dalam menyuarakan pandangan dan saranan, semata-mata untuk kita menuju matlamat negara Wawasan 2035, إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat lebih dahulu kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda. Kaola ingin menyentuh 2 daripada titah baginda:-

i. Baginda menyarankan supaya usaha-usaha untuk memudah cara aktiviti perekonomian negara terus dipertingkat dan diperkemaskan. Ulasan salah satu usaha bagi memudah cara aktiviti perekonomian di negara ini ialah dengan menubuhkan satu kementerian baharu bagi memajukan perindustrian yang boleh mendatangkan pendapatan kepada negara antara industri-industri yang seharusnya diberi perhatian ialah Industri Pelancongan *SME* atau perusahaan kecil dan sederhana dan Pelaburan Langsung Asing *(Foreign Direct Investment)* dan tujuan penubuhan kementerian ini adalah untuk menjadikannya ia lebih fokus dalam menguruskan menjana seterusnya meningkatkan sumber pendapatan hasil pendapatan kerajaan dan sosioekonomi negara.

   Melalui usaha tersebut perekonomian negara akan menjadi lebih teratur dan terancang ke arah penghasilan pendapatan negara dan seterusnya meningkatkan produktiviti dan membolehkan pemasaran ke peringkat serantau dan antarabangsa.

   Ini adalah bagi menyahut titah baginda yang menyarankan untuk mengubah strategi perusahaan daripada hanya mencapai keuntungan bagi mencapai sara diri atau *self efficient* dan kepada keuntungan yang berasaskan eksport yang dilihat baginda adalah usaha-usaha perekonomian yang menuju kepada skala besar atau *large scale*, skala kecil atau *small scale* dan dari mikro kepada makro.

   Mitigasi ataupun pengurusan yang boleh menggugat ekonomi juga dapat diwujudkan dengan adanya satu kementerian baharu itu nanti sedang kita tahu bidang bisnes merupakan bidang yang sangat luas. Penubuhan kementerian baharu itu dihasratkan akan dapat menumpukan perhatian kepada perusahaan-perusahaan yang berpotensi untuk meningkatkan penghasilan negara secara optimum dan berinovatif setaraf dengan negara-negara yang maju.

ii. Titah yang kedua apa yang tinggal ialah usaha-usaha mantap ke arah kejayaan kita perlu cekap merebut peluang-peluang yang ada. Kerana itu baginda menyeru supaya para pengusaha tempatan dapat berdaya saing untuk meraih kejayaan melalui peluang-peluang yang sedia ada bukan sahaja bagi merebut peluang-peluang yang dalam negara malah lebih jauh peluang-peluang serantau antarabangsa.

   Bagi melatih dan mengasah kemahiran anak tempatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, pendedahan kepada bidang perniagaan seharusnya

diwujudkan bagi pengusaha-pengusaha atau anak tempatan yang berminat untuk berkecimpung dalam bidang tersebut. Dengan membekalkan pengetahuan atau *know how* bagi pengusaha-pengusaha adalah dihasratkan agar dapat menarik lebih ramai anak tempatan untuk menceburkan diri dalam bidang aktiviti perniagaan dan keusahawanan.

Antara aktiviti yang dapat dijalankan adalah dengan memberikan kursus motivasi *Financial Budgeting,* kursus perancangan kewangan bagi pengusaha baharu dan *business planning.*

Pada tahun 2014 dalam pembentangan kertas kerja dan kertas Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan 2014/2015 Majlis Mesyuarat Negara, $800,000 telah pun disediakan bagi mendukung program-program yang menjurus kepada melahirkan belia berdikari. Ini termasuklah bagi menggalakkan dan membantu belia untuk menceburi bidang perniagaan kecil-kecilan seperti dalam bidang mekanik, kereta dan langkah-langkah lain ini adalah satu permulaan yang baik dan boleh dijadikan sabagai faktor untuk memperkembangkan perekonomian ini.

Bagi mendukung usaha kerajaan dalam meraih bidang pekerjaan, anak tempatan hendaklah berani menyahut cabaran dan merebut peluang dalam bidang keusahawanan. Sehubungan dengan itu dalam menjana ekonomi pada masa kini yang berdaya saing dalam negara mahupun di luar negara anak tempatan hendaklah melibatkan diri dalam *niche market.*

Niche market yang memfokuskan kepada market yang dikenal pasti mempunyai keunikan dan pemasaran boleh mengaut keuntungan. Contohnya perniagaan yang belum diterokai yang boleh berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa adalah madu kelulut.
Walaupun produk tersebut sama dihasilkan seperti di negara lain akan tetapi yang membezakan ialah kualiti produk tersebut. Selain madu sarang kelulut boleh dijadikan berbagai-bagai jenis ubat, propolisnya boleh dijadikan kosmetik, sabun dan sebagainya dan pengolahan madu kelulut ini setakat ini belum diterokai di negara ini.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسمِ اللهِ الرَّحمٰنِ الرَّحِيمِ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan, Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik yang kaola hormati sekalian. Saya mewakili rakyat di Zon 1 dan 2 Daerah Belait dengan penuh hormat dan takzim menyokong dan bersetuju sepenuhnya atas cadangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri

Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli Ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2016 yang baru lalu.

Dalam kesempatan ini juga kaola ingin mengucapkan tahniah kepada menteri-menteri baharu yang dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan terima kasih juga kepada mantan-mantan menteri yang tidak lagi bersama kita di Dewan yang mulia pada petang ini atas sumbangan bakti mereka terhadap negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola amat menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana ia merupakan satu titah yang solid lagi tulus dalam mengingati kita semua akan bertanggungjawab untuk memfokuskan segala perbincangan mengenai perkara-perkara yang strategik yang membawa kesan kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, koala ingin menyentuh beberapa perkara dalam titah baginda itu antara lain:

Persidangan dan perbincangan di Dewan yang mulia ini merupakan satu kepentingan kepada negara, maka sewajarnyalah segala perbincangan ataupun perbahasan yang diadakan seharusnya mendapat penghormatan dan diambil tindakan yang bersesuaian. Mana-mana isu yang ditimbulkan yang belum atau tidak dapat diusahakan atau diselesaikan, hendaklah diberi penjelasan dan diambil tindakan susulan.

Jika ini berlaku bermakna kita telah berhasil dalam mencerminkan akan ketulusan perbincangan di Dewan yang mulia ini, sekali gus kita mencapai hasrat dan tujuan yang dihasratkan. Kalau tidak kita perlu mengambil pendekatan yang serius untuk mencapainya seperti mana Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

"Sepanjang 12 kali Permesyuaratan diadakan, kita sering membincangkan hal mempelbagaikan ekonomi negara dari terus bergantung kepada sektor minyak dan gas.

Kita tidak menafikan bahawa banyak usaha telah diungkayahkan oleh beberapa agensi kerajaan untuk menuju

ke arah matlamat tersebut. Di akhir-akhir ini *Ease of Doing Business* telah diusahakan dan sudah beroperasi. Beberapa undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada hubung kait dengan perusahaan dan perniagaan di tanah air telah pun dikemaskinikan semata-mata untuk memesrakan dan menyenangkan aktiviti perusahaan dan perniagaan di negara ini. Namun iklim perusahaan dan perniagaan negara masih pada tahap mendatar dan belum berjaya serta boleh dibanggakan kerana kita masih lagi bergantung kepada sektor minyak dan gas".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kelonggaran dalam *Ease of Doing Business* dan mengemaskinikan peraturan-peraturan sahaja tidak memadai atau mampu untuk mengangkat atau meningkatkan tahap sektor bukan minyak dan gas di negara ini. Kita perlu berusaha bersungguh-sungguh dan bertanya lebih jauh mengapa kita belum berjaya. *Platform* perusahaan dan perniagaan sama ada di dalam negeri mahupun di luar negeri seperti *Bimp-Eaga, Asean, APEC* dan baru-baru ini hangat dibincangkan iaitu *Trans Pacific Partnership (TPP)* bagi menjana pertumbuhan ekonomi telah tersedia.

Pada pandangan dan pemikiran kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua, ada beberapa pendekatan dan cabaran-cabaran yang harus kita pertimbangkan bersama bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara antaranya:-

i. *Mindset* pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga kita mestilah mahu berubah untuk berkembang dan berani meneroka pasaran bukan sahaja di dalam negeri bahkan juga di luar negeri;

ii. Pihak-pihak yang berkenaan jangan kendur-kendur terus berusaha membantu dan membimbing para pengusaha dan peniaga yang aktif dalam bidang masing-masing seperti permakanan produk halal, pelancongan, pengangkutan, pertanian, penternakan ayam, ikan dan lain-lain lagi sehingga mereka mencapai kejayaan terutama kepada *entrepreneur* belia kerana mereka inilah harapan kita untuk meneruskan hasrat negara untuk mencapai Wawasan Brunei 2035;

iii. Teruskan dengan kursus-kursus keusahawanan dan jerayawara bagi memberi suntikan kefahaman dan semangat kepada mereka serta ajar dan bimbing mereka ke arah bekerjasama *Tour Adventure* dengan Pelaburan Asing Langsung *(FDI)* dan pengusaha-pengusaha di luar negeri. Kita penuh berharap tertubuhnya pusat untuk Pengusaha Kecil dan Sederhana Darussalam Enterprise akan dapat merealisasikan hasrat murni ini. Sediakan kemudahan pinjaman kewangan yang berpatutan bagi membantu perusahaan dan perniagaan mereka berkembang;

iv. Produk 1K1P yang diusahakan oleh penduduk kampung di seluruh

negara yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal, orang-orang kurang upaya, jangan dipandang kecil akan usaha mereka. Jika produk ini ditangani dan dibantu secara bersepadu dan dipusatkan operasinya, kualitinya dan pasarannya dengan betul, tidak mustahil ia boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara bukan sahaja untuk sara diri bahkan juga untuk pengeksportan ke luar negeri;

v. Kita mempelawa pihak-pihak swasta, dewan-dewan perdagangan dan perniagaan yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam ini dan juga pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga tempatan yang sudah bertapak dan berjaya supaya dapat menyumbang sama terhadap kemajuan ekonomi negara sebagai sumbangan terhadap bangsa dan negara;

vi. Di samping itu kita mohon kerjasama dari duta-duta kita yang berada di luar negara supaya terus berusaha memainkan peranan mereka dalam mengenal pasti peluang-peluang perniagaan dan perusahaan yang bersesuaian dan berpatutan dengan kemampuan para pengusaha dan peniaga kita;

vii. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkara-perkara yang kaola sebutkan di atas tadi dicadangkan untuk dipusatkan di bawah satu agensi kerajaan yang penuh bertanggungjawab. Tujuan supaya mudah memfokus perkembangan nya; dan

viii. Dengan bilangan penduduk Negara Brunei Darussalam yang hanya seramai 400 ribu orang, kita perlu berganding bahu, bersatu dalam semua perkara demi menjana ekonomi negara. Lebih-lebih lagi di bidang keselamatan dan akan terus mempertahankan dasar MIB Negara Brunei Darussalam kerana ekonomi akan mapan bila mana negara dalam keadaan tenteram dan aman.

Akhirnya marilah sama-sama kita bermesyuarat dengan penuh dedikasi dan merancang perjalanan ekonomi negara dan selebihnya kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga apa jua kita rancang, Allah Subhanahu Wata'ala yang berkuasa mementukannya آمين.

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan, Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Sesungguhnya kaola menyokong penuh cadangan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna

Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Maka dengan ini, kaola mengambil kesempatan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah dalam Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara, pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, kaola berkesempatan lagi menghadiri Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Oleh itu, kaola akan cuba sedaya upaya untuk menunaikan amanat dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seperti mana hasrat yang terkandung dalam titah baginda di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas yang menyentuh tentang peranan besar Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara sebagai pemacu kepada pembangunan negara supaya menggunakan pendekatan *delivery* (*delivery approach*) iaitu sentiasa berpandangan jauh ke hadapan sebagai satu persiapan mitigasi dan persediaan sebelum menghadapi berbagai-bagai persoalan yang akan timbul.

Oleh itu, peranan kita sebagai rakyat agar berupaya melakukan tindakan yang bersesuaian dengan keadaan sekarang dan akan datang iaitu berkenaan dengan mengurangkan pergantungan pada hasil sumber minyak dan gas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi memperkasakan ekonomi, terpulang kepada rakyat merebut peluang yang ada kerana kerajaan telah banyak membantu dari segi infrastruktur dan kemudahan yang probisnes. Juga telah menubuhkan Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana (*SME*) bagi meningkatkan pencapaian agar perusahaan ini lebih meluas, berdaya saing dan berdaya tahan, bukan sekadar untuk sara diri, malah akan boleh dieksport dan boleh mencapai ke tahap antarabangsa.

Pemikiran yang masih mahu bergantung pada bantuan-bantuan kerajaan perlu dikikis. Walau bagaimanapun, dalam pemikiran kaola ada beberapa perkara yang perlu dilaksanakan iaitu jangan lagi berfikir bahawa kelulusan tinggi mesti akan menjawat sebagai pegawai tinggi di jabatan-jabatan kerajaan atau sektor swasta.

Kini sudah tiba masanya generasi sekarang dan akan datang menganggap bahawa ilmu itu adalah sebagai pemangkin kepada apa juga bentuk

pekerjaan terutama yang boleh menjana ekonomi negara. Misalnya diguna pakai untuk bekerja sendiri menjadi pengusaha di bidang pertanian, sektor pelancongan, perikanan, perkilangan dan perusahaan-perusahaan lain.

Dalam mendukung perkara yang tersebut di atas, sokongan pihak berkenaan bagi kemahiran, pengalaman, pendidikan dan pemantauan serta modal yang bersesuaian dalam keusahawanan adalah perlu.

Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana *(SME),* adalah sebagai indung *SME*, yang akan mendahului dan memantau sehingga anak-anak *SME* berjaya dan boleh berdiri sendiri barulah boleh melepaskan mereka berdikari. Bagi meningkatkan produktiviti SME setentunya memerlukan persekitaran yang mudah agar memberi impak yang positif dalam kegiatan ekonomi negara.

Selain itu, proses tatacara atau peraturan melaksanakan perusahaan dan perniagaan sangat penting dipermudahkan. Perkara-perkara yang melambat atau menghalang harus diambil perhatian. Oleh itu, dicadangkan supaya kebenaran atau kelulusan semua perkara yang berkaitan perusahaan dan perniagaan sangat perlu dipermudahkan dan dipercepatkan. Terutama bagi mengembangmajukan *SME*, kerana ada sebahagiannya terlalu ketat dan peraturan yang sukar dicapai oleh modal yang kecil.

Memang penting supaya tidak mengabaikan dari segi peraturan keselamatan dan kesihatan, tetapi sekiranya peraturan itu melibatkan kewangan yang besar, maka akan menyebabkan pengusaha berkenaan mengundur diri.

Seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 30 Jamadilakhir 1428 bersamaan 15 Julai 2007. Antara titah baginda, "mana-mana agensi yang masih memakai peraturan-peraturan atau proses-proses yang boleh melambatkan pencapaian dan juga menghalang perkhidmatan yang efisien, hendaklah mereka itu, dengan segeranya mengubah pandangan mereka". Itulah antara titah baginda.

Pada tahun ini, perlaksanaan meniadakan lesen perniagaan sangat dihargai dan disambut baik oleh orang ramai. Yang pentingnya dalam peringkat awal wujud *SME* pemantauan berterusan oleh agensi penguat kuasa. Kemudian apabila keadaannya kukuh dan berjaya barulah mengenakan peraturan dan syarat-syarat berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pihak agensi-agensi berkenaan perlulah mempunyai daya kreativiti mencipta produk atau perusahaan terbaharu dari sumber asli yang banyak tersedia di negara ini, atau sumber dari luar yang lebih murah untuk ditambah nilai (*value added*). Sebagai contoh ada negara yang tidak mempunyai sumber aslinya tetapi ia menjadi negara

pengeluar terbesar untuk dieksport, dengan sumber asli dari negara lain.

Selain itu, keupayaan menjemput pakar-pakar bagi mengajar pengusaha-pengusaha, penduduk mukim dan kampung, menghasilkan ratusan mahupun ribuan jenis produk adalah penting. Kemudian produk-produk yang terhasil dipromosikan menerusi pameran dalam dan luar negara atau menjemput pengusaha-pengusaha luar negara untuk melihat produk-produk kita atau peluang-peluang perusahaan di negara ini bagi menarik Pelaburan Langsung Asing (*FDI*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Titah baginda juga, walaupun kerajaan masih mampu untuk membantu pembangunan, tetapi negara perlu menjimatkan perbelanjaan dengan cara berhemah iaitu menggunakan perbelanjaan kepada projek-projek yang diberi keutamaan sahaja.

Perkara ini juga perlu berlaku di peringkat rakyat dalam pengurusan perbelanjaan terutama bagi yang menerima bantuan. Bagi mengatasi permasalahan ini adalah penting diadakan bengkel atau kursus celik kewangan. Walaupun telah ada agensi yang mengadakan bengkel ini, tetapi jangan berhenti setakat itu sahaja. Diharap dapat dilaksanakan terus menerus dengan melibatkan kepada semua peringkat penduduk mukim dan kampung, pelajar-pelajar, pegawai-pegawai dan kakitangan sektor awam atau sektor swasta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Baginda juga bertitah supaya pihak-pihak berkenaan memeduli semua permasalahan rakyat dan penduduk negara ini agar dapat ditangani melalui perundingan. Berdasarkan titah ini, jelaslah kaola dapat melihat adanya sikap baginda yang sangat pemedulian dan prihatin untuk kesejahteraan penduduk dan rakyat iaitu baginda menitikberatkan terhadap kemajuan dan pembangunan modal insan yang menjurus kepada pembangunan ekonomi terutama sekali memberi peluang anak-anak tempatan bekerja dan memegang jawatan penting di sektor swasta dan peluang-peluang keusahawanan agar tidak bergantung sepenuhnya pada kerjaya di sektor awam sahaja.

Sehubungan dengan itu, peranan proaktif dan inovatif kementerian-kementerian yang berkenaan dengan melaksanakan kursus kemahiran teknikal dan vokasional serta kejuruteraan serta menerapkan unsur-unsur *entrepreneurship* di semua peringkat adalah amat sesuai dan bertepatan dengan sebahagian dari Kerangka Kerja Wawasan 2035. Oleh itu sokongan semua pihak adalah perlu merealisasikannya.

Akhirnya sebagai penutup, marilah kita bersama-sama berdoa agar negara kita sentiasa dalam aman dan makmur serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat beroleh kesejahteraan dan rahmat serta hidayah dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
dan selamat sejahtera.

Kaola dengan hati yang tulus ikhlas, menyatukan diri menyokong apa jua yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Usul menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 bagi merasmikan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bahawa sesungguhnya baginda menitikberatkan dengan penekanan bagaimana memperkasa ekonomi oleh kerajaan sendiri termasuk bagi sektor swasta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sehubungan dengan itu, kaola berpendapat bahawa supaya pelabur luar diberi peluang dan kemudahan untuk mengusahakan sesuatu industri dengan kerjasama sektor swasta negara ini pada meningkatkan pendapatan negara selain daripada minyak dan gas. Di samping itu, anak-anak tempatan yang berkebolehan serta mahir di bidang masing-masing dapat bekerja dan untuk menjadi tenaga penggerak di industri tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola selaku pemimpin masyarakat akar umbi sesungguhnya menyambut baik yang baginda bertitah supaya Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara meneruskan serta melipatgandakan dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini sama ada mereka bermastautin di kawasan-kawasan bandar mahupun di luar bandar. Ini bererti bahawa harapan baginda supaya kita peka dengan apa jua yang dihadapi

oleh mereka itu dan seterusnya tindakan susulan.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu saya mewakili kawasan Zon 4 sukacita turut menyokong Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi sama-sama menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan pengurniaan titah baginda pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya menyifatkan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini merupakan kompas dan pedoman untuk memandu kita semua bagi menuju destinasi yang tepat ke arah negara maju menjelang tahun 2035.

Kita semua juga amat bersyukur atas keprihatinan baginda yang penuh prihatin dan teliti mengikut persidangan dalam Dewan yang mulia ini serta melahirkan perasaan gembira bahawa Majlis Mesyuarat Negara sejauh ini telah dapat memainkan peranannya. Mudah-mudahan pada Majlis Permesyuaratan kali ini, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, kita sama-sama akan dapat menghasilkan perbincangan yang lebih konkrit dan produktif bagi kemajuan rakyat dan negara yang sama-sama kita cintai ini.

Saranan titah baginda agar kita terus berusaha mempelbagaikan ekonomi negara supaya tidak terus semata-mata bergantung pada hasil minyak dan gas perlu kita berikan perhatian dan keutamaan apatah lagi ketika negara-negara pengeluar minyak tidak terkecuali negara kita sedang menghadapi impak dari turunnya harga minyak dunia. Tidak syak lagi sektor swasta perlu diperkasa. Ini merangkumi pelbagai bidang seperti perindustrian, pertanian, perikanan, perladangan,

perkhidmatan dan keusahawanan dan sebagainya.

Kita berharap langkah-langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah dilaksanakan untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara seperti mempermudahkan untuk mendapatkan lesen perniagaan melalui *online* dan beberapa jenis perniagaan tidak lagi memerlukan lesen, tentunya akan mempermudahkan serta mendorong semangat rakyat negara ini untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan dan keusahawanan.

Kita percaya pihak kerajaan akan terus berusaha merancang strategi sekali gus menyediakan dan meningkatkan persekitaran yang lebih kondusif baik dari segi perundangan, peraturan, infrastruktur dan perkara-perkara lain yang diperlukan. Ini tentunya bukan hanya akan dapat merangsang minat peniaga tempatan tetapi jua akan dapat menarik pelabur asing (*FDI*). Pada masa yang sama, para usahawan khasnya dan rakyat umumnya perlu lebih proaktif, kreatif, inovatif dan produktif untuk merebut peluang-peluang yang telah disediakan itu. Untuk mengembangkan bidang perniagaan ini, satu perkara yang juga harus kita berikan tumpuan ialah mengenai para penuntut lepasan daripada institusi-institusi pengajian tinggi, pendidikan vokasional. Sejak beberapa dekat yang lampau kita telah dapat mengeluarkan ribuan lulusan vokasional seperti kejuruteraan, mekanik kereta, mekanik pendingin udara, pendawaian letrik, *welding*, dandanan rambut, jahitan, masakan, pembuatan kek, teknologi maklumat *(IT)* termasuk penuntut lulusan dari sekolah perdagangan dan lain-lain.

Kita berharap mereka itu bergiat dan maju dalam bidang perniagaan. Tetapi apa yang kita terkilan ialah jarang sekali kita melihat mereka yang berjaya mengusahakan. Bengkel membaiki kereta, kedai menjual dan memperbaiki pendingin udara, kedai jahit, kedai gunting, bengkel *welding*, kedai elektrik, kedai membuat kek dan kuih-muih, kedai gunting rambut *(salon)* atau kedai runcit. Dalam hal ini kita perlu membuat kajian mengenai apa yang menyebabkan perkara ini berlaku. Bagaimana kita boleh mengubah minda mereka supaya menjadi *business-minded* atau fasiliti apa yang perlu disediakan untuk mereka.

Sementara itu kita melihat usaha Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* ke negara ini telah menunjukkan peningkatan yang baik termasuk projek mega di Pulau Muara Besar yang akan dapat meningkatkan penghasilan negara dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada anak-anak tempatan untuk mengatasi masalah pengangguran.

Kita berharap usaha menarik *FDI* ini akan terus dikembangkan melalui strategi yang mapan untuk mampu bersaing dengan negara-negara jiran dan serantau. Selain sumber alam, aset yang tidak kurang pentingnya kita miliki

ialah sebuah negara Melayu Islam Beraja yang aman, makmur dan sejahtera termasuk produk nama jenama halal Negara Brunei Darussalam yang sedang kita kembangkan.

Seperti yang kita ketahui, banyak pengusaha luar negara yang berminat dengan jenama Halal Brunei. Peluang ini perlu kita rebut dan manfaatkan melalui strategi yang lebih efektif.

Menyentuh produk-produk tempatan yang dihasilkan oleh pengusaha kecil dan sederhana termasuk hasil produk Majlis Perundingan Kampung (MPK). Kita dapat perhatikan adalah semakin meningkat dan berkembang di seluruh negara. Kita harus berusaha meningkatkan kualiti dan kuantiti bagi menembusi pasaran ataupun eksport keluar negara bagi menyahut kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dalam hal ini kita perlu mencari mekanisme yang tepat termasuklah strategi bagaimana memasarkan produk-produk tersebut keluar negara.

Mengenai pasaran di dalam dan di luar negeri, pihak kerajaan melalui agensi dan syarikat-syarikat milik kerajaan *GLCs*. Diharap akan dapat meningkatkan peranan bagi membantu usahawan-usahawan yang memerlukan.

Sementara itu peluang-peluang perniagaan dalam *BIMP-EAGA, ASEAN, APEC* dan *TTP* seperti yang disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah sangat luas. Tinggal lagi keupayaan dan keberanian peniaga-peniaga kita untuk meneroka pelbagai sektor perniagaan yang ada. Ini juga satu cabaran yang perlu kita fikirkan bersama bagaimana caranya supaya para usahawan kita tampil dan mampu bersaing atau sekurang-kurangnya dengan modal yang ada mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat di negara-negara yang sudah maju.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin memberikan sokongan sepenuhnya atas usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengambil sikap berhemah dalam perbelanjaan negara dan dalam masa yang sama masih mampu menyediakan peruntukan bagi kemajuan serta kesejahteraan rakyat dan negara.

Pada masa yang sama, kerajaan juga akan tetap menjaga kepentingan serta kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Sikap ini perlu disokong dan didukung oleh semua agensi dalam kerajaan termasuk orang ramai agar tidak melakukan pembaziran terutama

dalam sama-sama menghadapi situasi ekonomi dunia ketika ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam menghadapi pelbagai situasi dan persekitaran dalam usaha membangun negara, memajukan ekonomi dan dalam usaha bersaing di arena antarabangsa dan seumpamanya aset penting yang perlu ada ialah sumber kerja manusia yang berilmu, berkepakaran, berkemahiran, berketerampilan dan ke arah itu maka sumber tenaga manusia hendaklah kita mantapkan, tidak lain dan tidak bukan ialah melalui pendidikan yang berkelas dunia.
Dalam menyediakan keperluan tenaga kerja, kita jangan lupa keperluan sektor *3D* yang membawa makna *dangerous, difficult and dirty* (bahaya, susah dan kotor). Sektor ini perlu diberi penjenamaan yang baharu dan tawaran gaji yang lumayan supaya lebih menarik dan glamor agar belia berminat menceburi bidang tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam usul menjunjung kasih ini, kaola berharap agar isu-isu dan cadangan-cadangan yang relevan dan bermanfaat yang telah dibincangkan pada Musim Permesyuaratan yang lalu termasuk yang akan dibincangkan pada masa ini supaya akan dapat dibuat susulan khususnya bagi yang belum dilaksanakan selaras dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mudah-mudahan kerjasama baik antara kementerian dan agensi kerajaan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara akan dapat diteruskan dan ditingkatkan lagi bagi memenuhi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha bersama meningkatkan memeduli permasalahan rakyat dan penduduk di seluruh negara. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, mudah-mudahan dengan kombinasi semua kementerian apa jua perancangan strategi negara akan dapat dicapai dengan kejayaan bagi menepati apa jua yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar beberapa kenyataan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dan dalam senarai saya masih ada seorang lagi Ahli Yang Berhormat membuat ucapan. Agak lewat sedikit, barangkali kita perlu berehat untuk menunaikan solat Asar. Maka, ada baiknya persidangan ini kita tangguhkan sehingga pada esok hari iaitu hari Selasa, 28 Jamadilawal 1437 bersamaan 8 Mac 2016, pukul 9.00 pagi.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Selasa, 28 Jamadilawal 1437 / 8 Mac 2016

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.
(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, bagi hari yang ketiga, hari Selasa, 28 Jamadilawal 1437 bersamaan 8 Mac 2016 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama lagi pada pagi ini bersidang pada hari yang ketiga di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada persidangan yang telah diadakan sebelah petang semalam, Majlis telah membincangkan Perkara VI, Usul Yang Telah Diberi Notis yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Seramai Sembilan orang Ahli Yang Berhormat pada petang semalam juga telah ikut serta dalam membahaskan dan memberikan pendapat masing-masing bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara iaitu pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016.

Ahli-ahli Yang Berhormat masih terdapat senarai bahawa seorang ahli lagi Yang Berhormat yang berkeinginan untuk membahaskan ataupun memberi pendapat dalam perkara yang sama. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Ahli Yang Dilantik bagi mewakili Daerah Temburong untuk berucap, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dan rakan-rakan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik.

الْحَمْدُ لله dengan memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan hidayat-Nya serta dengan izin-Nya jua maka kaola dapat berada dan berdiri di hadapan Persidangan Majlis yang mulia lagi indah ini, untuk menggabungkan diri kaola dalam menyokong Usul Menjunjung Kasih yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Dewan yang mulia ini, bagi mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong, kaola dengan hati yang penuh tulus ikhlas untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda di Dewan Majlis yang indah ini pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya baginda mengurniakan titah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sukacita kaola dalam menyentuh kurnia titah atas keprihatinan dan pandangan jauh baginda itu. Hasrat baginda mendengar saranan, buah fikiran, cadangan mengenai cara-cara atau langkah-langkah supaya kita dapat mengurangkan kebergantungan pada sumber minyak dan gas. Seperti mana yang kita maklum bersama ekonomi global pada ketika ini dalam keadaan lembap dan kurang memberangsangkan kesan daripada kejutan harga minyak dunia. Negara kita, Negara Brunei Darussalam sudah setentunya turut menerima kesannya. Oleh itu, memang wajar untuk kita bersedia menghadapi cabaran ini dengan usaha-usaha gigih, cepat dan berterusan dalam mempelbagaikan sumber ekonomi negara supaya kedudukan negara akan terus kukuh dengan ekonomi yang mantap, sekali gus usaha-usaha membangun negara dapat diteruskan dengan jayanya serta tidak terjejas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola yakin dan penuh percaya bahawa agensi-agensi dan jentera kerajaan yang berkaitan mempunyai pelan strategi untuk dilaksanakan memandangkan negara kita mempunyai sumber-sumber lain, selain minyak dan gas yang boleh

dikembangmajukan sebagai pelengkap kepada sumber ekonomi yang sedia ada. Usaha-usaha memperkasa ekonomi negara seharusnya mendapat sokongan padu dan dukungan kuat dari semua pihak termasuklah juga pihak swasta. Kaedah yang boleh kita pakai dalam menangani dengan baik dan sempurna ialah apa jua permasalahan negara ini hendaklah dibawa dengan jalan berunding, supaya harapan kita untuk memperolehi hasil yang baik dan tercapai dan isu yang timbul dapat diselesaikan dengan resolusi yang terbaik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam hubungan ini, sudah setentunya Majlis Mesyuarat Negara merupakan wadah yang tepat dan paling sesuai dalam melaksanakan tujuan tersebut selain daripada turun padang dan bersemuka dengan pihak-pihak yang terlibat untuk mengenal pasti punca dan status permasalahan yang berkenaan berunding dalam suasana muhibah dan semangat permuafakatan.

Dengan demikian, usaha-usaha penyelesaian akan lebih berkesan dan tepat sebagaimana petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelum menutup titah yang berbunyi: "Semoga usaha-usaha yang kita buat akan menghasilkan buah yang baik dan ranum untuk semua" yang menggambarkan harapan tinggi baginda yang diamanahkan kepada kita semua, sebagai direktif supaya rancangan strategi disusuli dengan implementasi yang memberikan impak positif kepada negara dan hasilnya إِنْ شَاءَ اللَّهُ dapat dinikmati. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang ingin untuk turut serta membahaskan usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai usul bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Majlis ini iaitu pada hari Sabtu 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016.

Oleh yang demikian, saya ingin meminta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat agar usul ini sekarang kita undi sama ada ia diluluskan dan dipersetujui atau sebaliknya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya keseluruhan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyatakan persetujuan masing-masing. Maka usul untuk

menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majis Mesyuarat Negara yang telah diadakan pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sekarang telah diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan telah selesai meluluskan Perkara VI dan seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat telah ikut serta dalam membahaskan usul tersebut. Sekarang saya cadangkan persidangan berpindah ke perkara seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara VII, Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang persidangan berpindah ke Perkara VII dan saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) untuk membuat kenyataannya. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan segala hormatnya saya memohon izin mengemukakan bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menteri Kewangan, satu Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**" untuk bacaan kali pertama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, baru tadi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah memohon izin bagi Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu" untuk dapat dibaca bagi kali yang pertama, maka saya benarkan sedemikian. Silakan Yang Berhormat Pehin.**

Yang Dimuliakan Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu."

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya memohon izin bagi memaklumkan pada Majis ini bahawa saya akan mengemukakan cadangan untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga, akan Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**" pada mesyuarat hari ini jua.

Oleh sebab saya bercadang hendak membawa bacaan yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang tersebut pada hari ini jua, maka saya memohon kebenaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua, supaya digantung Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara supaya dibolehkan dibuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini. Permohonan saya ini semata-mata untuk membolehkan Majlis ini memudahkan kerja-kerjanya dengan lebih lancar dan teratur lagi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah saya mendengar alasan-alasan dan keterangan serta sebab-sebab yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), maka saya izinkan supaya Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantung bagi membolehkan Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu" untuk dibaca bagi kali kedua menurut Syarat 48(3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**". Di baca kali kedua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah **"Untuk membenarkan pengeluaran, sejumlah Lima Ribu, Enam Ratus Juta Ringgit Brunei (B$5,600,000,000.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan, bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017, dan untuk memperuntukkan-nya, bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual"**. Dalam berbuat demikian, saya memohon izin bagi menghuraikan secara ringkas, mengenai perkembangan semasa dan seterusnya unjuran ekonomi negara dan global yang menjadi asas, dalam menyediakan Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2016/2017. Saya juga akan menghuraikan cabaran-cabaran yang sedang dihadapi oleh kerajaan, dari segi keupayaannya untuk membiayai keperluan operasi dan pembangunan sosio-ekonomi negara, mengambil kira kesan langsung dari keadaan ekonomi global masa kini, berikutan penurunan drastik hasil pendapatan kerajaan dan negara;

2. Dalam hal ini, saya juga إِنْ شَاءَ اللّٰهُ, akan turut mengongsikan antara lainnya langkah-langkah yang sedang dan akan diambil serta dirancang oleh kerajaan, agar cabaran-cabaran yang dihadapi ini akan dapat ditangani secara berkesan. Sudah setentunya semua langkah-langkah, serta inisiatif-inisiatif yang diambil akan memerlukan sokongan padu dan kerjasama penuh, dari semua pihak di pelbagai peringkat, sama ada di peringkat perkhidmatan awam, swasta mahupun orang ramai;

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

3. Dalam melangkah ke Tahun Kewangan 2016/2017, الْحَمْدُ لله kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Pemurah, kerana rakyat dan penduduk Negara ini telah terus dapat menikmati keamanan, kemakmuran, ketenteraman dan kesejahteraan hidup yang telah dikurniakan-Nya. Oleh itu, kita semua perlu beriltizam dan mengukuhkan tekad agar keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang kita nikmati masa kini akan dapat berterusan dinikmati oleh generasi-generasi yang akan datang. Setentunya, dengan keadaan ekonomi yang amat mencabar pada masa ini - yang memberi impak langsung kepada hasil pendapatan kerajaan dan negara - sokongan padu dari semua pihak adalah merupakan faktor penting dan paling utama, bagi sama-sama melaksanakan secara berkesan transformasi ekonomi Negara ini, iaitu daripada yang bergantung kepada sumber asli semata-mata, kepada sebuah

ekonomi yang lebih dinamik, dengan hasil pendapatannya dijana daripada pelbagai sumber dan aktiviti perekonomian;

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

4. Di peringkat ekonomi global, proses pemulihan ekonomi masih disifatkan rapuh dan tidak menentu *(uncertain)*. Walaupun positif, namun ia tidak seimbang terutama antara negara ekonomi utama dunia. *International Monetary Fund (IMF)* dalam Laporan *World Economic Outlook Update* keluaran Januari 2016, telah menyemak semula dan menurunkan ramalan pertumbuhan dunia bagi tahun 2016 kepada 3.4 peratus berbanding unjuran awal sebanyak 3.6 peratus. Proses pemulihan ekonomi global terus menghadapi cabaran berikutan kelembapan beberapa ekonomi utama dunia yang sebahagiannya merupakan antara pengguna utama minyak dunia; ketegangan geopolitik; persaingan pasaran antara pembekal-pembekal utama dunia; dan sebagainya;

5. Sejak kebelakangan ini, penurunan harga minyak dunia yang berterusan dan drastik adalah di luar jangkaan banyak pihak. Tekanan kepada harga minyak dunia ini, bukan sahaja berpunca dari kadar bekalan yang jauh meningkat, tetapi jua keupayaan permintaan *(demand)* yang lemah, berikutan pemulihan ekonomi global yang terus berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran. Ini antaranya berpunca daripada kebimbangan terhadap prestasi beberapa ekonomi utama dunia, yang telah menjejaskan pasaran-pasaran saham, di samping volatiliti pasaran kewangan dan ketegangan geopolitik. Menurut *IMF*, harga minyak dunia yang rendah ini dijangka akan berlarutan bagi tempoh beberapa tahun yang akan datang;

6. Bagi negara-negara yang hasil pendapatannya bergantung pada pengeluaran dari sektor minyak dan gas, kejatuhan harga minyak global yang merundum sehingga lebih 70 peratus benar-benar telah memberikan hambatan dan impak langsung yang signifikan kesemua negara-negara terbabit. Semua negara pengeluar utama minyak dunia ini sekarang berhadapan dengan cabaran untuk menangani masalah defisit yang semakin meruncing. Malah sebahagian Negara juga telah mula membuat pinjaman bagi menampong keperluan operasi kerajaan;

7. Bagi menangani masalah defisit yang dihadapi, sebagaimana jua kita telah ikuti dari laporan media semasa, beberapa buah negara pengeluar utama minyak dunia telah mengambil langkah-langkah segera dan drastik. Ini termasuklah dengan mengurangkan peruntukan bagi menjimatkan perbelanjaan; dan mengurangkan kadar subsidi-subsidi

yang dihulurkan, khususnya bagi produk atau perkhidmatan yang berkaitan dengan tenaga, seperti harga minyak kenderaan dan tarif bagi tenaga elektrik. Di samping itu, bagi menampung kekurangan hasil pendapatan yang dijangkakan, beberapa negara juga telah mengambil tindakan tambahan seperti memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan *(Goods and Services Tax, GST);* menjual aset-aset antarabangsa; dan mengurangkan perbelanjaan yang telah pun diperuntukkan. Bagi negara-negara tersebut, langkah-langkah konkrit sedemikian adalah satu keperluan bagi memastikan pengurusan Perbendaharaan Kerajaan akan terus berada dalam keadaan terkawal;

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

8. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, dengan kadar pengeluaran minyak negara yang rendah pada tahun 2015, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) telah mengemaskini kan unjuran pertumbuhan ekonomi Negara bagi tahun 2015 kepada negatif 1.1 peratus. Bagi tahun 2016, ekonomi negara diunjur akan berkembang pada kadar 2.3 peratus إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Sektor Minyak dan Gas dijangka mencatatkan pertumbuhan pada kadar 3.0 peratus manakala Sektor Bukan Minyak dan Gas dijangka berkembang sebanyak 1.3 peratus. Walau bagaimanapun, sumbangan Sektor Bukan Minyak dan Gas kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) masih lagi pada tahap yang minimum. Oleh itu, bagi mengimbangi sumbangan Sektor Minyak dan Gas, usaha bersepadu adalah perlu untuk dipertingkatkan bagi mempelbagaikan aktiviti dan sumber perekonomian agar pertumbuhan negara akan lebih *sustainable* dan progresif;

9. Bagi mencapai hasrat tersebut, amatlah perlu bagi semua pihak untuk sama-sama meningkatkan usaha, lebih berinisiatif, serta keluar dari zon selesa *(comfort zone)* masing-masing untuk meningkatkan produktiviti negara, sama ada di sektor awam mahupun sektor swasta. Dengan matlamat ke arah pembangunan negara yang lebih mantap, *sustainable* dan inklusif, kerajaan akan terus melaksanakan dasar pempelbagaian sumber ekonomi negara bagi mengurangkan penggantungan pada sektor minyak dan gas sebagai sumber utama pendapatan negara;

10. Dari aspek perbelanjaan pula, kerajaan perlu terus meningkatkan usaha pengawalan, selaras dengan dasar *'Fiscal Sustainability'* yang diamalkan pada ketika ini. Langkah-langkah segera perlu diambil dari sekarang untuk memastikan perkembangan ekonomi negara akan dapat mendukung keperluan perbelanjaan kerajaan. Oleh itu, jika kita terus memilih untuk mengambil sikap *'business as usual',* di mana setiap pihak masih berharap kepada

kerajaan dalam memberikan bantuan dan jua menghulurkan peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan, setentunya ekonomi negara dan kewangan kerajaan tidak akan berdaya tahan;

11. Mengambil kira akan hakikat ini, semua pihak perlu melakukan penghijrahan minda (*mindset*) dan bersedia untuk bekerja keras untuk menjadikan cabaran masa kini menjadi peluang bagi meraih faedah dan meningkatkan ketahanan diri masing-masing. Kita perlu meneroka peluang-peluang yang tersedia, dan yang ada di sekeliling kita, bagi menambah nilai, kedayatahanan dan daya saing negara. Perkara ini tidak mustahil jika semua peringkat mengamalkan sikap tekun berusaha, berinisiatif, berinovasi dan berdikari bagi melahirkan bangsa Brunei yang *resilient* dan dinamik;

12. Menyebut mengenai perbelanjaan kerajaan, pada masa ini kira-kira 70 peratus dari jumlahnya adalah merupakan perbelanjaan yang tidak fleksibel. Sebagai contoh, peruntukan yang diperlukan bagi membiayai Gaji Kakitangan Perkhidmatan Awam telah pun mencapai kira-kira 30 peratus dari keseluruhan peruntukan. Dengan hasil pendapatan kerajaan yang jauh menurun, keupayaan kerajaan untuk membiayai perbelanjaan lain sudah setentunya akan terhad. Ini bermakna ruang fiskal *(fiscal space)* untuk melaksanakan Perbelanjaan Kapital dan Kemajuan yang diperlukan bagi projek-projek pembangunan juga akan terbatas, kerana sejumlah besar perbelanjaan tersebut telah diperuntukkan bagi menampung tanggungan-tanggungan operasi yang tidak *flexible* ini;

13. Oleh itu, kerajaan perlu tegas dalam mengawal tahap perbelanjaannya bagi maksud mengurangkan pembaziran sumber kewangan dan tenaga. Ini antara lainnya termasuklah dengan menjimatkan penggunaan tenaga elektrik di bangunan-bangunan kerajaan dan awam termasuk *street lighting* dengan sasaran penjimatan sehingga 30 peratus; mengurangkan perbelanjaan-perbelanjaan operasi dan pemeliharaan aset yang kurang berkeutamaan; meneliti perkhidmatan yang boleh di*outsource* kepada pihak swasta sebagai langkah menggalakkan *Public-Private Partnership* dan lain-lain;

14. Begitu juga agensi-agensi kerajaan juga diarah untuk mengukuhkan pengurusan kutipan hasil masing-masing terutama bagi tunggakan perkhidmatan kerajaan daripada sektor swasta dan orang ramai yang mana pada masa ini adalah berjumlah kira-kira $390 juta. Berkaitan penggunaan tenaga elektrik, orang ramai dan pihak swasta di Negara ini juga diseru agar sama-sama turut mengambil langkah-langkah penjimatan dalam penggunaan

tenaga elektrik bagi membantu mengurangkan beban subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan;

15. Di samping keperluan berhemah dan berjimat cermat, pihak kerajaan juga perlu untuk melaksanakan perubahan cara berbelanja dan dalam membuat perancangan perbelanjaan. Langkah ini perlu untuk memastikan dalam jangka masa sederhana dan panjang, kerajaan akan mempunyai struktur sumber kewangan yang berdaya tahan dan mengawal sebarang bentuk pembaziran;

16. Bagi mencapai hasrat ini, kerajaan telah melaksanakan reformasi dalam kaedah penyediaan belanjawannya. Mulai Tahun Kewangan 2016/2017 ini, penyediaan Belanjawan Kerajaan telah dibuat berasaskan kepada *Program and Performance Budgeting atau PPB* bagi menggantikan kaedah *input based budgeting* yang telah sekian lama diguna pakai. Langkah melaksanakan reformasi belanjawan ini tepat pada masanya. Melalui kaedah PPB ini, fokus perbelanjaan kementerian dan jabatan akan dipertimbangkan berdasarkan *outcome* berpandukan kepada program atau *core functions* kementerian dan jabatan masing-masing;

17. Penggunaan Kaedah *PPB* ini menjurus kepada memastikan peruntukan dan perbelanjaan kerajaan akan dilaksanakan secara efisien, berkesan dan produktif, yang mendukung sasaran *Key Performance Indicators (KPIs)* yang telah ditetapkan. Kaedah ini juga menekankan kepada meningkatkan akauntabiliti dan disiplin kewangan di kalangan pegawai-pegawai pengawal yang perlu memastikan sebarang perancangan perbelanjaan adalah menjurus kepada *value for money* dan *cost-effectiveness.*

18. Apa yang dihasratkan ialah setiap penduduk negara ini akan dapat menikmati faedah pembangunan *(public benefit of spending)* secara inklusif, saksama, dan *sustainable* mengikut kemampuan kewangan kerajaan. Selaras dengan matlamat tersebut, peruntukan akan disediakan berasaskan kepada Keutamaan, Keperluan, Kemampuan dan Kesan signifikannya dalam menjana aktiviti perekonomian dan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan;

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

19. Dengan prospek ekonomi global dan negara seperti yang dibentangkan tadi, terutama pasaran minyak global yang tidak menentu pada masa ini, Anggaran Hasil Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 adalah diunjurkan berjumlah **B$1,764,930,000.00** (Satu Ribu Tujuh Ratus Enam Puluh Empat Juta, Sembilan Ratus Tiga Puluh Ribu Ringgit Brunei) sahaja. Unjuran ini adalah berasaskan

andaian yang lebih konservatif bagi membolehkan kerajaan mengurus kewangannya dengan berhemah dan berhati-hati. Unjuran ini mengambil kira hasil Sektor Minyak dan Gas dianggarkan sebanyak $854 juta sahaja. Manakala, hasil Sektor Bukan Minyak dan Gas dianggarkan stabil sebanyak kira-kira $910 juta, iaitu 51.6 peratus daripada anggaran kutipan keseluruhan;

20. Bagi memastikan keadaan fiskal masa kini dan akan datang dapat ditangani secara berkesan, beberapa langkah reformasi telah dan akan diambil. Semua inisiatif ini, walau bagaimanapun, amat memerlukan kerjasama penuh dan sokongan padu semua pihak untuk ianya berjalan lancar dan berjaya. Selain pelaksanaan *Program and Performance Budgeting (PPB)* yang dihuraikan awal tadi, beberapa langkah lain juga sedang diambil yang antara lainnya termasuklah:-

    i. Mengukuhkan pengawalan dan meningkatkan penjimatan perbelanjaan kerajaan, dengan tumpuan kepada memperkesan kan perkhidmatan kerajaan berdasarkan *core functions* sahaja. Ini memerlukan *restructuring, streamlining* dan consolidation fungsi dan organisasi agensi - agensi kerajaan;

    ii. Melipatgandakan usaha membangun dan mem-perkembangkan ekonomi negara, dengan memberikan keutamaan antaranya kepada menarik Pelaburan *Langsung Asing (FDI).* Ini termasuklah melalui beberapa Projek Usaha Sama *(Joint-Venture)* di antara pelabur asing dengan Dana Pembangunan Strategik *(SDC)* di bawah Kementerian Kewangan; mengukuhkan dan mengembangkan aktiviti perekonomian Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs); meneroka program Public Private Partnership *(PPP);* dan memantapkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana;

    iii. Memberikan tumpuan kepada peningkatan produktiviti negara yang melibatkan sektor awam sebagai pemangkin kepada perkembangan sektor swasta bukan minyak dan gas termasuk meneliti kemungkinan memper-badankan dan pengkomersilan beberapa agensi atau aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan pada masa ini; dan

    iv. Mempertingkatkan hasil pendapatan kerajaan dari Sektor Bukan Minyak dan Gas, termasuk dalam mengukuhkan pengurusan kutipan hasil Kerajaan yang tertunggak.

21. Dari aspek pengurusan kewangan, kementerian dan agensi kerajaan juga dikehendaki membuat perancangan rapi dalam

melaksanakan perbelanjaan mengikut keutamaan *(priority spending),* dan memastikan *outcome* atau sasaran *Key Performance Indicators (KPIs)* yang telah dipersetujui dapat dicapai, dengan memberikan keutamaan kepada Fokus Belanjawan yang telah ditetapkan;

22. Di samping itu, kerajaan juga akan terus meningkatkan lagi inisiatif-inisiatif untuk membina asas ekonomi yang lebih kukuh, stabil dan seimbang berlandaskan dasar *Pro-Business dan Pro-Investment.* Dengan matlamat untuk mencapai *Fiscal Sustainability* dan mendukung dasar mempelbagaikan sumber ekonomi Negara. Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 ini dirancang berdasarkan Tema **"Mengukuhkan Iklim Perekonomian Bagi Mendukung Pembangunan Berterusan"**. Tema ini memberikan mesej yang cukup jelas akan penekanan kerajaan kepada memudah cara aktiviti perniagaan dan pelaburan negara, dengan didukung oleh modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi; peningkatan produktiviti negara; dan kesejahteraan awam. Kesemua ini adalah faktor-faktor penting dalam menyumbang dan mendukung pembangunan negara secara berterusan. Seyogia, semua kementerian dan agensi kerajaan akan memberikan penekanan dan tumpuan perbelanjaan kepada menyediakan prasarana perniagaan dan pelaburan yang lebih kondusif; memudah cara aktiviti perniagaan; meningkatkan produktiviti sektor awam; dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

23. Berasaskan faktor-faktor yang telah dibentangkan sebentar tadi, Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2016/2017, termasuk peruntukan bagi Kumpulanwang Kemajuan, dicadangkan keseluruhannya sebanyak **Lima Ribu Enam Ratus Juta Ringgit Brunei ($5,600,000,000.00)**. Anggaran ini mengambil kira akan keupayaan kewangan kerajaan berdasarkan unjuran hasil pendapatan kerajaan bagi Tahun Kewangan berkenaan; dan keperluan bagi kerajaan untuk membiayai keperluan-keperluan perbelanjaan operasi, serta mendukung pelaksanaan projek-projek yang selaras dengan Fokus Perbelanjaan yang ditetapkan;

24. Hakikatnya, jumlah perbelanjaan yang dicadangkan ini adalah lebih tinggi berbanding Anggaran Hasil Kerajaan yang dinyatakan tadi. Ini bermakna kedudukan fiskal kerajaan dijangka akan terus mengalami defisit belanjawan. Oleh yang demikian, setiap kementerian dan agensi kerajaan adalah diperingatkan untuk memberikan kerjasama penuh dan mensejajarkan usaha pada mengawal perbelanjaan kerajaan berasaskan keutamaan

atau *priority spending.* Langkah ini juga bertujuan untuk membantu pihak kerajaan mengawal keperluan pengeluaran dari dana-dana rizab yang diwujudkan agar ianya berdaya tahan dalam mendukung pembangunan negara ini;

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

25. Bagi mendukung tema Belanjawan Tahun Kewangan 2016/2017, tumpuan dan keutamaan perbelanjaan kerajaan dijuruskan pada mendukung empat fokus utama seperti berikut:-

    i. **Memudah Cara Perniagaan**. Fokus ini dihasratkan bagi mendokong dasar *Economic and Fiscal Sustainability,* terutama dengan keadaan ekonomi dan pasaran minyak dunia pada masa ini yang dijangka akan terus lemah bagi tempoh beberapa tahun akan datang. Tumpuan ini dijuruskan bagi mendukung aktiviti perniagaan dan pelaburan yang dapat menjana *economic activity* di negara ini dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi belia-belia tempatan. Antara tumpuan utama di bawah kategori ini termasuklah menggiatkan lagi usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing yang berkualiti, dalam pelbagai Sektor Bukan Minyak dan Gas dan juga Sektor Hiliran; serta mempergiatkan lagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana tempatan;

    ii. **Meningkatkan Produktiviti Negara** dalam kegiatan perekonomian dan Perkhidmatan Awam sebagai jentera kerajaan bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan *cost effective*, dalam menjana ekonomi yang lebih pesat, berdaya saing dan berdaya tahan;

    iii. **Membina Kapasiti dan Modal Insan.** Tumpuan akan diberikan kepada memperkasa dan mempersiapkan golongan belia negara sebagai harapan negara dalam menerajui agenda pembangunan ekonomi yang dirancang; dan

    iv. **Memelihara Kesejahteraan Awam** bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat sentiasa terpelihara, sebagai asas pembangunan masyarakat yang inklusif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

26. Izinkan saya menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan berkenaan:-

26.1 Memudahcara Perniagaan.

26.1.1. Dasar pempelbagaian aktiviti dan sumber ekonomi negara akan terus diberikan keutamaan dalam

perancangan Belanjawan Kerajaan. Matlamat dasar ialah bagi memudahkan kegiatan perniagaan, pelaburan dan perdagangan bagi mendukung pembangunan ekonomi negara yang lebih seimbang, kukuh, luas dan berdaya tahan. Ke arah itu, inisiatif-inisiatif telah dan akan terus diambil bagi mencapai matlamat ini;

26.1.2. الْحَمْدُ لله setakat ini beberapa usaha dan inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan telah menghasilkan impak yang dihasratkan. Antaranya, dengan sokongan berterusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui beberapa inisiatif yang diterajui oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku peneraju dan Pengerusi Jawatankuasa Pandu PENGGERAK, kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam Indeks *Ease of Doing Business* keluaran *World Bank* telah dapat dipertingkatkan;

26.1.3. Bagi Laporan Tahun 2016, Negara Brunei Darussalam telah memperolehi kenaikan sebanyak 21 anak tangga kepada kedudukan ke 84 berbanding tahun sebelum nya. Pencapaian ini juga menggambarkan hasil kerjasama dan usaha padu semua agensi-agensi kerajaan yang terlibat yang telah melaksanakan reformasi-reformasi yang telah ditetapkan berdasarkan beberapa sasaran atau *KPI* yang telah pun dipersetujui. Reformasi ini melibatkan perubahan yang signifikan terhadap proses, peraturan dan perundangan bagi menambah baik per sekitaran perniagaan dan pelaburan di negara ini;

26.1.4. Antara inisiatif-inisiatif beberapa kementerian dan agensi kerajaan dalam mendukung reformasi tersebut termasuklah:-

i. Menyusun semula bidang kuasa bagi pengeluaran permit pembinaan dan proses-proses bagi memulakan perniagaan;

ii. Mengurangkan lapisan proses-proses yang tidak perlu melalui

penyelarasan, pengemas kinian, dan konsolidasi proses secara lebih teratur bagi memperting katkan lagi keberkesanan perkhidmatan bagi proses pendaftaran syarikat, pendaftaran hartanah dan penyambungan bekalan tenaga elektrik;

iii. Mengurangkan dan memudahkan *proses* pengimportan *secara online* ke atas barangan di bawah kawalan agensi-agensi kerajaan yang lain dengan menggunakan Brunei Darussalam *National Single Window (BNDSW).* Ini termasuk melaksanakan integrasi sistem *Electronic Ports Information System (ePIS)* dengan Brunei Darussalam *National Single Window (BDNSW),* bagi memudahkan lagi proses deklarasi kastam. Setakat ini, beberapa agensi kerajaan telah mula menggunakan modul *auto-approve* di dalam *BDNSW*;

iv. Memberikan pengecualian dari keperluan mendapatkan Lesen Perniagaan di bawah Jadual Akta Lesen Perniagaan (Penggal 127), 2015 bagi beberapa aktiviti perniagaan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016;

v. Melancarkan sistem pendaftaran *online* bagi penubuhan syarikat-syarikat dan pendaftaran nama-nama perniagaan, yang memudahkan dan mempercepatkan prosedur memulakan perniagaan di negara ini, di samping meniadakan keperluan untuk mendapatkan Lesen Rampaian sebelum memulakan perniagaan. Pada masa ini, setiap syarikat yang berdaftar akan terus dikeluarkan dengan Lesen Perniagaan yang akan membolehkan mereka memulakan perniagaan dengan serta merta. Proses ini lazimnya hanya mengambil tempoh kurang dari 1 jam. Sejak sistem ini dilancarkan pada 1 Januari 2015 bagi penubuhan syarikat-syarikat dan pada bulan Julai 2015 bagi pendaftaran nama-nama perniagaan, sebanyak 1,250 nama perniagaan telah didaftarkan dan 568 syarikat ditubuhkan melalui sistem berkenaan;

vi. Memperkenalkan *Insolvency Order* yang membolehkan syarikat untuk mendapatkan perlindungan undang-undang bagi menghadap kan cadangan bagi penyusunan semula hutang-piutang mereka dalam membantu proses pemulihan syarikat-syarikat yang dilanda masalah jangka masa pendek sebelum proses penggulungan syarikat dilaksanakan. Peruntukan peruntukan ini diharap akan dapat membolehkan para peniaga untuk memulihkan dan mengekalkan operasi perniagaan mereka daripada penggulungan dan memberikan para pemiutang peluang untuk menerima bayaran balik hutang keseluruhan yang lebih tinggi berbanding jumlah yang boleh diperolehi melalui penggulungan syarikat; dan

vii. Memperkenalkan *e-Amanah online system* untuk memudahkan para majikan untuk mendaftar dan membayar caruman Tabung Amanah Pekerja (TAP) secara online. Sehingga bulan Januari 2016 seramai 71,901 pekerja (79% *active employees)* membuat pembayaran melalui majikan secara online.

27. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, dengan pengenalan inisiatif-inisiatif baru, usaha-usaha berterusan dan kesepaduan semua pihak yang berkepentingan, adalah menjadi matlamat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi perniagaan dan pelaburan asing yang mudah dan kompetitif. Adalah diharapkan reformasi-reformasi yang telah dan akan dilaksanakan ini bukan sahaja akan dapat memperbaiki kedudukan negara dalam kedudukan *'Ease of Doing Business',* tetapi yang lebih utama ialah, ianya benar-benar akan dapat menghasilkan perubahan atau *outcome* yang ketara dalam menjana aktiviti perekonomian dan pembangunan sektor swasta di negara ini, termasuk bagi mendukung perkembangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS);

28. Ke arah mendukung matlamat di bawah kategori ini, peruntukan-peruntukan bersesuaian akan disediakan antara lainnya seperti berikut:-

i. Pemeliharaan dan Peningkatan Infrastruktur Tapak-Tapak Industri sebanyak $1.0 juta di bawah Fokus Perbelanjaan;

ii. Sejumlah $1.06 juta bagi mendukung perkembangan

Sektor Pelancongan dan Perdagangan Negara;

iii. Sejumlah $10 juta dengan Harga Rancangan $30 juta bagi penyediaan Sistem Pengangkutan Awam yang lebih *efficient, reliable* dan berdaya tahan. Penyediaan ini dihasratkan untuk mengurang kan kos menjalankan perniagaan di negara ini agar lebih berdaya saing untuk menarik dan menggalakkan lagi aktiviti perniagaan dan pelaburan negara di samping mendukung perkembangan sektor pelancongan; dan

iv. Dalam menyediakan rangkaian perkhidmatan pengangkutan bersepadu yang efisien dan selamat, kerajaan juga memperuntukkan sejumlah $89 juta dengan Harga Rancangan $612 juta bagi membiayai projek-projek pembinaan jalan-jalan dan pembinaan Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency. Sejumlah $38.6 juta diperuntukkan untuk pelaksanaan Projek Jambatan Pulau Muara Besar. Di samping itu, sejumlah $300 juta juga disediakan bagi meneruskan pelaksanaan pembinaan Jambatan Penghubung Daerah Temburong dengan Daerah Brunei dan Muara. Projek-projek infrastruktur ini diharap akan dapat mendukung kegiatan perekonomian dengan memudah cara perniagaan, pelaburan dan pelancongan di negara ini.

29. Dalam usaha untuk mendukung perkembangan PMKS dan kooperasi, beberapa inisiatif telah diambil oleh Jabatan Perdana Menteri, yang turut didukung melalui inisiatif *Ease of Doing Business.* Antaranya ialah penubuhan sebuah Badan Khas PKS yang dikenali sebagai *DARe (Darussalam Enterprise). DARe* berperanan untuk menggalakkan perkembangan dan memperkasa PKS; merangka beberapa program khusus untuk meningkatkan kecekapan urus tadbir dan aktiviti perniagaan koperasi; dan melaksanakan Projek KEMAS bagi memastikan koperasi-koperasi mematuhi peraturan-peraturan dalam Akta Koperasi. *DARe* diterajui oleh ahli lembaga yang sebahagian besarnya (iaitu kira-kira 82 peratus) terdiri dari pihak sektor swasta dan wakil-wakil industri. Langkah ini diambil berdasarkan *best practices* di mana *input* pihak sektor swasta dipercayai boleh memberi outcome terbaik bagi sama-sama berganding bahu memberi fokus kepada keperluan perusahaan di negara ini. Usaha ini diharap akan dapat mengembangmajukan lagi perusahaan PMKS baik di dalam mahupun di luar negara;

30. Selain itu, usaha-usaha juga diambil melalui Dana Pembangunan Strategik *(Strategic Development Capital - SDC)* di Kementerian Kewangan untuk mempermudahkan

akses PMKS yang berpotensi kepada sumber kewangan dan berterusan mengenal pasti PMKS yang berpotensi untuk dikembang majukan melalui model *private equity atau venture capital;*

31. Dalam pada itu, bagi terus mendukung pelaksanaan program-program Pembangunan Kemajuan PMKS, sebanyak $1.6 juta dengan Harga Rancangan $74 juta akan disediakan di bawah Dana Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana. Selain itu, kemudahan-kemudahan seperti Program pembiayaan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana dengan peruntukan sebanyak $8.3 juta dengan Harga Rancangan $60 juta juga akan terus disediakan. Sebagai langkah bagi memudah cara lagi urusan perniagaan dan pelaburan di negara ini, sebuah pusat *Business Support Centre* akan ditubuhkan dan dijangka akan mula beroperasi pada bulan April 2016 ini. Pusat ini akan berperanan sebagai pusat utama dalam mendukung keperluan perniagaan dan pelaburan dari dalam dan luar negara;

32. Melalui strategi untuk memperkasa keusahawanan tempatan, program dan skim bagi menjana peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan dan menggalakkan pertumbuhan keusahawanan serta membangunkan sumber tenaga manusia akan dikemaskinikan dan diperkukuhkan. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuklah melalui Program Pembangunan Keusahawanan Belia. Program ini membantu para belia tempatan yang terpilih untuk memulakan perniagaan masing-masing. Dari tahun 2009 sehingga akhir tahun 2014, kira-kira 136 penerima *grant* sokongan telah mengorak langkah untuk menjadi usahawan mikro;

33. Dalam usaha memajukan perniagaan PMKS melalui kegiatan penyelidikan dan pembangunan idea-idea kreatif, Bangunan *Design and Technology Centre* di Anggerek Desa telah siap diubah suai. Kawasan Anggerek Desa ini menempatkan kemudahan-kemudahan multi-media dan inovasi seperti iCentre, *Knowledge Hub* dan juga *CRAFT.* Ianya dihasratkan untuk dapat menyediakan ekosistem yang lebih kondusif untuk menggalakkan inovasi dan juga peningkatan keusahawanan PMKS yang bergiat aktif dalam bidang berkaitan;

34. Kerajaan juga, melalui Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, akan terus meningkatkan usaha dalam memperkembangkan lagi kandungan tempatan *(local content)* dalam aktiviti perekonomian di Sektor Minyak dan Gas dan juga Sektor Hiliran. Usaha ini bukan sahaja untuk memberikan peluang-peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha tempatan, bahkan juga dihasratkan untuk

menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Sepanjang tahun 2015, seramai 2,563 anak-anak tempatan telah diambil berkhidmat oleh syarikat-syarikat pengendali *(operators)* dan perkhidmatan-perkhidmatan dukungan *(support services);*

35. Dalam usaha untuk menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing ke negara ini, satu Jawatankuasa Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* dan Industri Hiliran telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk ditubuhkan. Dengan penubuhan jawatankuasa ini ianya akan dapat mengukuhkan lagi perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar berkaitan *FDI* di negara ini, melalui koordinasi dan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan berkenaan. Dalam pada itu, Dana Pembangunan Strategik *(SDC)* dan lain-lain agensi-agensi kerajaan berkenaan seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) juga akan berterusan mengambil inisiatif-inisiatif dan meneroka peluang-peluang dalam menarik *FDI* yang berkualiti dan berdaya tahan ke negara ini. Setakat ini, dengan kerjasama padu agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, beberapa projek pelaburan melalui usahasama dengan pelabur-pelabur asing telah dapat direalisasikan. Ini antaranya termasuklah *Simpur Pharma* bagi pengeluaran produk-produk *pharmaceutical* dan *food supplement halal; CAE Multi Purpose Training Centre (MPTC)* bagi latihan simulasi berkualiti tinggi; *Amman Shipping* bagi menyediakan perkhidmatan perkapalan yang lebih kompetitif;

Kilang Majerin melalui kerjasama dengan Syarikat dari Turkey; *Brunei Fertilizer Industries* (BFI) dan beberapa projek lagi yang sedang dalam pelaksanaan dan penelitian lanjut. Penubuhan kilang-kilang *Multinational Corporation (MNC)* di negara ini bukan saja akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak tempatan, malahan ianya juga akan memberikan peluang bisnes kepada pengusaha-pengusaha SME, meningkatkan nilai eksport negara dan memberi kesan limpahan kepada aktiviti ekonomi di negara ini. Di samping itu, kilang-kilang ini juga bertindak sebagai pemangkin kepada aktiviti-aktiviti *FDI* yang bakal diterokai pada masa ini dan akan datang;

36. Dengan inisiatif-inisiatif yang telah diambil berserta koordinasi dan perancangan bersepadu daripada semua pihak, adalah diharapkan kegiatan perekonomian sektor swasta dapat dipermudahkan, dipertingkatkan dan diperkesankan bagi membolehkan lebih ramai lagi belia-belia tempatan untuk turut menceburi dunia perniagaan إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Di sinilah sektor-sektor swasta dan belia-belia di negara ini patut merebut peluang untuk sama-sama bergiat aktif dalam menjana

kegiatan-kegiatan ekonomi dan pekerjaan di negara ini;

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

37. Keutamaan Belanjawan kedua ialah **Meningkatkan Produktiviti Negara.** Di bawah keutamaan ini, penekanan akan terus diberikan kepada meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam dan sektor swasta. Keupayaan perkhidmatan awam dalam memberikan perkhidmatan yang bermutu dan berintegriti adalah salah satu faktor penting dalam menyumbang dan memangkin pembangunan sektor swasta secara berterusan. peningkatan produktiviti sektor swasta adalah perlu bagi memacu peningkatan hasil dan sumbangan sektor bukan minyak dan gas kepada KDNK:-

37.1 Untuk mendukung hasrat tersebut, beberapa inisiatif akan terus diambil bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Antara usaha penambahbaikan berterusan tersebut termasuklah dengan meningkatkan penggunaan aplikasi *ICT* melalui projek-projek e-Kerajaan, yang bukan sahaja membantu meningkatkan tahap perkhidmatan, tetapi juga kecekapan dan *cost-effectiveness* perkhidmatan yang diberikan. Contohnya, setakat ini kerajaan telah melaksanakan *e-Darussalam, e-Payment Gateway, e-Registry, Brunei Darussalam National Single Window, Labour Control System, Public Service Commission (PCS) Recruitment Job Centre Brunei, Bru-HIMS, Registry of Companies and Business Names, STARs, TAFIS, Onebiz* dan banyak lagi. Peningkatan tahap perkhidmatan ini akan terus diperkesankan lagi melalui integrasi beberapa sistem yang mempunyai peranan dan fungsi yang sama. Melalui langkah pengukuhan integrasi sistem-sistem yang sedia ada, ianya bukan sahaja akan dapat memudah cara perkhidmatan kepada orang ramai dan komuniti perniagaan domestik dan luar negara, tetapi juga akan mengelakkan sebarang duplikasi dan pembaziran sumber dan tenaga yang ada;

37.2 Bagi Tahun Kewangan 2016/2017 ini, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan-peruntukan bersesuaian bagi menyediakan dan meningkatkan kapasiti *e-services* bagi mendukung kecekapan pengurusan-pengurusan perkhidmatan awam yang antara lainnya termasuklah:-

i. $75.1 juta juga disediakan bagi kegunaan Teknologi

Maklumat kementerian-kementerian secara keseluruhan; dan

ii. Di bawah RKN, sejumlah $17.7 juta dengan Harga Rancangan $326.7 juta untuk keperluan Teknologi Maklumat dan Info-Komunikasi.

37.3 Sebagai salah satu inisiatif untuk mewujudkan budaya kerja cemerlang berasaskan prestasi, Unit PENGGERAK dan Sekretariat Wawasan 2035 di Jabatan Perdana Menteri terus bekerjasama dengan beberapa buah kementerian bagi mengenal pasti bidang-bidang utama yang perlu diberi perhatian dengan memastikan *Key Performance Indicators (KPIs)* yang dipilih akan mendukung matlamat-matlamat yang dihasratkan. Ke arah itu, setiap agensi kerajaan perlulah meneliti semula proses-proses dan berusaha mengelakkan sebarang duplikasi sebagai salah satu usaha dalam meningkatkan efisiensi dan produktiviti negara. Agensi-agensi kerajaan juga digalakkan berterusan menilai dan memantapkan perkhidmatan perkhidmatan masing-masing terutama sekali dalam memendekkan tempoh Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) tanpa menjejaskan tujuan utama perkhidmatan berkenaan diwujudkan;

37.4 Penekanan akan juga diberikan dalam memastikan perbelanjaan kerajaan adalah bagi membiayai program dan aktiviti yang berkeutamaan sahaja *(priority spending).* Dalam perkara ini, kementerian-kementerian akan meneliti semula kesesuaian bagi mengurangkan atau meniadakan sama sekali aktiviti-aktiviti yang tidak berkeutamaan dan tidak produktif bagi menjimatkan perbelanjaan yang mana akan didukung oleh pengemaskinian struktur organisasi, strategi-strategi, *business plans* dan *business processes* dalam kementerian - kementerian dan setiap jabatan kerajaan;

37.5 Begitu jua setiap kementerian juga telah disarankan untuk meneliti kaedah memperbadankan, peng-swastaan dan pengkomersilan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian. Kaedah ini akan diberikan penekanan bagi meningkatkan tahap akauntabiliti pengurusan bukan sahaja dari aspek pengurusan kewangan, tetapi jua peningkatan tahap perkhidmatan yang *cost-effective* dan efisien. Setakat ini beberapa agensi kerajaan telah pun dikenal pasti

berpotensi untuk dikorporatkan tertakluk kepada hasil kajian-kajian lanjut yang sedang dilaksanakan;

37.6 Dari sudut sumber pembiayaan pembangunan infrastruktur, modality *Public-Private Partnership (PPP)* juga akan diberikan penekanan selaras dengan Strategi Pembangunan Infrastruktur dalam Wawasan Brunei 2035. Pelaksanaan melalui kaedah *PPP* ini diharap akan dapat mendatangkan banyak manfaat termasuk dari segi penekanan kepada *value for money* dalam pelaksanaan projek, peningkatkan produktiviti melalui pemberian perkhidmatan yang berinovasi, efisien dan *cost-effective;* pengurusan yang lebih berorientasikan pertimbangan komersil dan lain-lain. Justeru, agensi-agensi kerajaan perlu meneliti kaedah ini sebagai salah satu kaedah yang berpotensi untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai;

37.7 Dalam pada itu, kerajaan juga akan terus melaksanakan beberapa inisiatif bagi mendukung perkembangan penyelidikan dan inovasi di negara ini yang boleh memberi impak kepada produktiviti dan daya saing negara serta bagi meningkatkan produktiviti sektor swasta. Antaranya ialah melalui aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan *[Research & Development (R&D)]* yang ditumpukan bagi meningkatkan produktiviti dan sumbangan kepada KDNK negara melalui hasil-hasil *R&D* yang dikomersilkan. Antara usaha-usaha yang sedang dilaksanakan termasuklah:-

i. Melalui Skim Insentif Penyelidikan Brunei *(BRISc)* yang bertujuan untuk memperkembangkan aktiviti *Research and Development (R&D)* di negara ini. Setakat ini, enam syarikat penyelidikan luar negara telah menubuhkan makmal penyelidikan di negara ini;

ii. Melalui penubuhan Pejabat Pendaftaran Pelbagai Tumbuhan di bawah Pejabat Harta Intelek Brunei BEDB *(BruIPO)* dan pelaksanaan Perlindungan Pelbagai Tumbuhan *(PVP)* 2015 yang berkuat kuasa mulai 1 April 2015 di bawah *BruIPO.* Sistem *PVP* ini membolehkan pendaftaran pelbagai tumbuhan baru daripada pemohon dalam dan luar negara dan menggalakkan kegiatan penternakan bagi meningkatkan tahap sara diri makanan di negara ini; dan

iii. Menyediakan peruntukan bagi *Research and Development (R&D).* Ini termasuk sebanyak $22.5 juta dengan Harga Rancangan $242.3 juta bagi keperluan R & D; Sains dan Teknologi; dan Inovasi; dan $792,800.00 bagi Makmal Diagnostik dan Pusat Penyelidikan Bioteknologi Perikanan.

37.8 Fokus bagi meningkatkan produktiviti melalui peningkatan penyelidikan dan inovasi ini pernah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-65 tahun pada 15 Julai 2011 di mana baginda bertitah:

"Satu lagi faktor penting menuju pembangunan yang berdaya tahan ialah, peningkatan produktiviti di dalam sektor awam dan swasta dengan penggunaan teknologi terkini dan pelaburan dalam penyelidikan dan inovasi. Melalui penyelidikan dan inovasi, banyak gagasan dan pemikiran boleh dimajukan. Kerana itu, penyelidikan dan inovasi ini, biarlah ia bertapak kukuh untuk mendasari ekonomi kita, selaras dengan saiz penduduk kita yang kecil."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

38. Fokus belanjawan yang ketiga ialah **Membina Kapasiti dan Modal Insan**. Bagi mendukung pembangunan ekonomi yang *sustainable* dalam jangka masa panjang, tumpuan turut diberikan kepada membina kapasiti dan modal insan terutamanya dalam kalangan belia di negara ini. Pembangunan kapasiti dan modal insan ini perlulah dilaksanakan secara holistik merangkumi perolehan pengetahuan dan kemahiran, termasuk keupayaan keusahawanan serta memiliki sikap, nilai dan etika positif dan progresif melalui program-program yang tersusun, bersesuaian dan fokus kepada *outcome:-*

38.1 Selaras dengan keutamaan tersebut, kerajaan akan terus berusaha meningkatkan tahap kualiti pendidikan dan latihan bagi belia-belia di negara ini. Pendidikan cemerlang mampu memberi peluang kepada para belia untuk meningkatkan kualiti hidup serta menyumbang secara aktif dan positif kepada pembangunan negara selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035. Ianya juga merupakan salah satu strategi utama kerajaan dalam usaha pembasmian kemiskinan. Antara keutamaan

dan sasaran di bawah kategori ini ialah usaha untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Ini termasuk bagi meningkatkan pencapaian pelajar bagi mencapai sasaran sekurang-kurangnya 90 peratus pelajar mendapat Gred 'A' hingga 'C' di dalam peperiksaan PSR dan 60 peratus pelajar memperolehi sekurang-kurangnya 5 kredit 'O' Level dan ke atas menjelang tahun 2017;

38.2 Dalam memantapkan kepimpinan sekolah, Kementerian Pendidikan telah melancarkan *Brunei Darussalam School Leadership Standard (BSLS)* pada bulan November 2015 lepas. *BSLS* ini dihasratkan untuk menjadi pengukur tahap kepimpinan sekolah, bagi membolehkan langkah-langkah untuk diambil dalam meningkatkan lagi keberkesanan pendidikan sekolah-sekolah di negara ini;

38.3 Selain itu, bagi memupuk pemikiran keusahawanan dari peringkat awal, Kementerian Pendidikan melalui Agenda Keusahawanan Kebangsaan *(National Entrepreneurship Agenda - NEA)* telah berjaya melibatkan sekurang-kurangnya 3,297 orang pelajar dari semua peringkat persekolahan, pendidikan dan komuniti dalam program keusahawanan tersebut. Program ini bertujuan memupuk minda keusahawan yang menjurus kepada sifat berdikari, berdaya cipta, inovatif, berpandangan jauh, mampu meraih peluang, mengenal pasti risiko dan pengawalannya serta pandai berikhtiar;

38.4 Dalam perkembangan lain, kerajaan juga sedang giat menyediakan Rangka Kerja Kompetensi Industri *(Industry Competency Framework, ICF).* Langkah ini sebagai kesinambungan kepada rangka kerja yang sama yang disediakan bagi industri tenaga sejak lima tahun lepas, iaitu di bawah *Energy Industry Competency Framework*. Melalui Rangka kerja ini, akan membolehkan perancangan dan pe-laksanaan program pembangunan kapasiti yang lebih teratur dan berkesan untuk mendukung usaha-usaha menggalakkan aktiviti perniagaan dan pelaburan di negara ini. Rangka kerja *ICF* ini akan menjadi sebahagian daripada agenda pempelbagaian ekonomi dan juga agenda tenaga kerja di negara ini yang diperlukan khusus untuk memanfaatkan potensi perkerja-pekerja tempatan untuk bekerja

di industri-industri bukan minyak dan gas yang dikenal pasti. Usaha ini bukan sahaja diharap akan membolehkan anak-anak tempatan supaya bersedia untuk bekerja di sektor perindustrian *(industry-ready workforce)* dan seterusnya lebih berdaya saing dalam pasaran pekerjaan tempatan;

38.5 Bagi menggalakkan belia berdikari, Pusat Pem-bangunan Belia di bawah kendalian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terus mengendalikan program-program pem-bangunan belia. Setakat ini, sebanyak 74 peratus dari 1,067 belia yang telah menamatkan kursus di pusat tersebut, telah mendapat pekerjaan, berkecimpung dalam perniagaan, atau melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, pelaksanaan program kemahiran keusahawanan belia melalui usahasama pusat tersebut dengan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, telah melahirkan sebanyak 70 buah syarikat baharu yang dipelopori sendiri oleh lepasan belia Pusat Pembangunan Belia;

38.6 Dalam pada itu, dasar kerajaan dalam membina kapasiti rakyat dan penduduk negara ini, akan terus memberikan penekanan kepada perkembangan rohani. Selaras dengan dasar tersebut, beberapa program telah dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, antaranya termasuklah Program Syababul Islam (atau Pemuda Islam) bagi pelajar sekolah menengah; Program Hayya 'Alas-Salah atau Mari Bersembahyang; Program Kempen Kebersihan; Program-program khas bagi pelajar-pelajar Negara Brunei Darussalam yang menuntut di luar negara; Program Keagamaan Senegara dan Program Satu Minggu Satu Juzuk di Persekolahan Ugama. Program-program sedemikian, bukan sahaja akan dapat mendukung visi negara sebagai Negara Zikir, tetapi juga akan dapat mengukuhkan jati diri dan menanamkan sikap yang positif dari semua aspek kepada belia-belia negara ini;

38.7 Selaras jua dengan hasrat untuk meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar dalam berbagai bidang, dan bagi membina kemahiran dan keupayaan yang diperlukan bagi memenuhi permintaan pasaran tenaga kerja tempatan, peruntukan-peruntukan akan terus disediakan, yang antara lainnya termasuk:-

i. Peruntukan Biasiswa disediakan sebanyak $35.2 juta, dan $31.7 juta untuk Elaun Penuntut;

ii. Bagi Mendatangkan Tenaga Pakar dan Pengajar Mahir Untuk Literasi dan Numerasi, sejumlah $15 juta disediakan di bawah Fokus Perbelanjaan;

iii. Peruntukan bagi Perkhidmatan Pendidikan disediakan sebanyak $54.3 juta;

iv. Bagi pembelian peralatan-peralatan pendidikan sekolah dan institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan disediakan sejumlah $9.3 juta;

v. Bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama, sebanyak $3.5 juta disediakan bagi biasiswa; dan $1.0 juta bagi pembelian peralatan; dan

vi. Di bawah RKN, peruntukan sejumlah $47.0 juta dengan Harga Rancangan $572.6 juta disediakan bagi Sektor Pendidikan.

38.8 Sebagai tambahan kepada Skim Biasiswa yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, Skim Kemudahan Pinjaman Pendidikan akan diteruskan untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar yang berpotensi untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Sehingga Disember 2015, seramai 376 pelajar telah diluluskan untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama dalam pelbagai bidang, termasuk jurusan agama dan Arab, selaras dengan keperluan negara;

38.9 Di samping itu, peruntukan bagi Dana Sumber Manusia juga disediakan sebanyak $25 juta. Manakala, sejumlah $45.6 juta diperuntukkan bagi Institut Teknologi Brunei meneruskan usaha mempelbagaikan dan menambahkan lagi peluang belia-belia tempatan termasuk lepasan sekolah, untuk meneruskan pengajian mereka dalam aliran teknikal dan vokasional dalam bidang-bidang tertentu;

38.10 Bagi membina kapasiti para belia secara holistik, usaha juga ditumpukan kepada penerapan program-program jati diri dan latihan kemahiran

bagi belia sesuai dengan keperluan masa kini. Ke arah itu, peruntukan sebanyak $1.5 juta terus disediakan bagi pengendalian Program Khidmat Bakti Negara (PKBN); dan

38.11 Dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan tersebut, adalah diharapkan peluang-peluang yang disediakan akan digunakan dengan sebaik-baiknya untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kemahiran di semua peringkat bagi mendukung pembangunan sosioekonomi negara. Amatlah juga perlu peruntukan-peruntukan yang disediakan diurus dengan bijak dan berhemat, agar matlamat dan wawasan untuk melahirkan warga Brunei yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi serta dapat menyumbang secara positif kepada produktiviti dan ekonomi negara, akan dapat dicapai secara inklusif dan *cost effective*. Di samping itu juga, melalui peluang-peluang pendidikan dan latihan-latihan yang disediakan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ ia akan dapat membantu menangani isu-isu sosial seperti pengangguran dan kemiskinan.

Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

39. Keutamaan belanjawan yang Keempat ialah **Meningkatkan Kesejahteraan Awam**. Kerajaan di bawah pimpinan seorang raja pemedulian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang sangat prihatin dengan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduknya, akan terus memberikan tumpuan kepada memastikan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat di negara ini sentiasa terpelihara, sebagai asas pembangunan masyarakat yang inklusif. Ini termasuk menyediakan kemudahan dan keperluan asas, seperti pendidikan dan perkhidmatan kesihatan. Di samping itu, keperluan-keperluan asas lain seperti bekalan elektrik, air, perumahan dan lain-lain juga akan terus disediakan.

39.1 الْحَمْدُ لله hasil daripada perancangan dan langkah-langkah berterusan kerajaan dalam menitikberatkan hal-ehwal dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, Laporan *Human Development Report* 2015 keluaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu *(United Nations)*, telah menempatkan negara ini di tangga ke 31 dalam kategori *'Very High Human Development';*

39.2 Walau bagaimanapun, realitinya, dengan jumlah penduduk negara ini yang semakin bertambah dari masa ke semasa, kos pemberian kemudahan dan keperluan asas tersebut sudah setentunya juga akan meningkat setiap tahun. Keadaan ini sedikit sebanyak merupakan satu cabaran ke atas pengurusan dan kemampuan kewangan kerajaan dalam keadaan ekonomi yang paling mencabar pada masa ini. Keupayaan kerajaan untuk terus menghulurkan kemudahan dan keperluan-keperluan asas seperti sekarang, mungkin tidak akan *sustainable* bagi tempoh jangka masa sederhana dan panjang, jika langkah-langkah reformasi bersesuaian tidak diambil. Setentunya, kegagalan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu pada waktu ini, dikhuatiri akan jua turut menjejaskan kebajikan dan kesejahteraan generasi-generasi yang akan datang;

39.3 Oleh itu, adalah penting usaha-usaha diambil disemua peringkat untuk menilai semula keperluan dan keberkesanan bantuan-bantuan atau subsidi-subsidi yang dihulurkan agar pemberiannya akan lebih ditumpukan kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukan dengan kadar bantuan yang bersesuaian. Penelitian dan penilaian semula bagi kemungkinan *'merationalise'* bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi ini amatlah penting bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan kerajaan agar ianya akan lebih berdaya tahan dan tidak membebankan bagi jangka masa sederhana dan panjang di samping dapat mendidik penerima-penerima untuk berjimat cermat serta berusaha untuk berdikari;

39.4 Bagi Tahun Kewangan 2016/2017, selaras jua dengan keutamaan memelihara kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, peruntukan-peruntukan ter-tentu akan terus disediakan. Bagi perkhidmatan kesihatan, peruntukan-peruntukan yang akan disediakan termasuklah bagi Pembelian Ubat-Ubatan sebanyak $47.6 juta; $26.5 juta bagi Perbekalan dan Perkhidmatan Perubatan; $8.3 juta disediakan bagi membiayai penghantaran dan rawatan pesakit keluar negara; sebanyak $30 juta terus disediakan bagi Perkhidmatan Rawatan Sakit Jantung di *JPMC*, Pusat Kanser Brunei dan *Brunei Neuroscience, Stroke &*

Rehabilitation Centre; dan di bawah RKN, sejumlah $21.0 juta dengan Harga Rancangan $210.5 juta untuk keperluan Sektor Perubatan dan Kesihatan;

39.5 Bagi memastikan ke-selamatan dan keselesaan pengguna dan orang awam, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan dengan penekanan kepada membiayai kerja-kerja pemeliharaan dan membaik pulih aset-aset kerajaan. Antara peruntukan-peruntukan yang disediakan termasuklah:-

i. Sejumlah $56.2 juta bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Aset serta Pemeliharaan Kemudahan Awam dan Infrastruktur di Jabatan Kerja Raya;

ii. Sebanyak $3.4 juta bagi melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan dan membaik pulih bangunan, kawasan dan perumahan termasuk rumah-rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati;

iii. Sejumlah $5 juta bagi kerja-kerja Pembaikan/ Menaik taraf Sistem Bekalan Air; dan $4 juta bagi kerja-kerja Pencegahan Banjir, termasuk kerja-kerja pembaikan/menaik taraf pembetungan dan saliran; dan

iv. Sebanyak $2.7 juta bagi membiayai per-khidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan kebersihan.

39.6 Dalam usaha menyediakan perumahan bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, merangka strategi jangka panjang di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN) agar tempoh menunggu bagi pemilikan rumah kurang daripada 10 tahun. Walau bagaimanapun pelaksanaannya akan lebih ditumpukan kepada golongan yang benar-benar me-merlukan. Sehingga hari ini, antara projek-projek yang telah dilaksanakan ialah projek fasa pertama pembinaan blok-blok rumah pangsa di kawasan RPN Lambak Kanan/ Salambigar yang akan menyediakan 300 unit rumah pangsa enam tingkat yang dilengkapi dengan kemudahan awam. Secara keseluruhan peruntukan Perumahan Negara akan disediakan sebanyak $53.3 juta dengan Harga Rancangan $756 juta, bagi

membiayai beberapa projek di bawah Skim Perpindahan dan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati di kesemua daerah.

Dalam pada itu, di bawah skim bantuan memiliki rumah bagi ahli-ahli TAP yang terdiri dari rakyat negara ini, seramai 147 orang telah dihulurkan bantuan sejak ia diperkenalkan pada bulan Ogos 2012. Bagi mendukung inisiatif ini, peruntukan sejumlah $1.8 juta akan terus disediakan;

39.7 Bagi meningkatkan keselamatan awam, peruntukan-peruntukan tertentu akan terus disediakan yang antara lainnya termasuklah:-

i. Bagi menangani bencana alam dan wabak penyakit berjangkit, sejumlah $4.5 juta secara keseluruhannya disediakan di bawah Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;

ii. Sejumlah $3.6 juta dengan Harga Rancangan $11.9 juta untuk meningkatkan pematuhan kepada Piawaian *International Civil Aviation Organisation (ICAO)*; dan

iii. Di bawah Fokus Perbelanjaan, Harga Rancangan sebanyak $15 juta disediakan bagi Keselamatan Awam untuk membiayai Projek Penyelarasan Sistem Pengesan (Sistem Pengawalan Video Induk) dan Projek Pangkalan Data *DNA* Kebangsaan.

39.8 Peruntukan juga disediakan bagi menaik taraf sistem bekalan tenaga elektrik negara. Antara peruntukan yang disediakan termasuklah $5 juta dengan harga Rancangan $131.5 juta bagi *'Maintenance of Gas Turbine Generator'*; dan $86.7 juta dengan Harga Rancangan $765.3 juta lagi disediakan secara keseluruhannya di bawah Sektor Elektrik, di bawah RKN;

39.9 Kerajaan juga akan terus mengambil langkah bagi menangani isu-isu kemiskinan. Antara peruntukan - peruntukan disediakan termasuklah sejumlah $2.0 juta bagi Program Bantuan di Kementerian Pendidikan; $10 juta bagi membiayai sewa kemudahan kenderaan bagi penuntut-penuntut yang memerlukan dan mengenalkan Program Latihan Kemahiran bagi memperkasa penerima bantuan dalam usaha menangani isu kemiskinan di

bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan;

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

39.10 Belanjawan yang baharu dibentangkan ini merupakan belanjawan yang dirangka dengan harapan tinggi bagi semua pihak di negara ini, sama ada dari sektor awam, sektor swasta dan juga orang ramai, untuk memainkan peranan masing-masing bagi sama-sama menangani cabaran keadaan ekonomi masa kini. Tujuan utamanya ialah agar negara akan dapat menikmati kesejahteraan dan kemakmuran yang berterusan di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala;

39.11 Walau bagaimanapun, sebaik apa pun inisiatif yang diungkayahkan dan sebanyak manapun peruntukan yang disediakan oleh kerajaan, ia perlulah dipangkin oleh perubahan minda *(mindset change)* semua pihak bagi menanamkan budaya prestasi dan *delivery (performance and delivery culture).* Perubahan *mindset* positif semua warga kerja perkhidmatan awam, komuniti perniagaan dan juga orang ramai secara keseluruhannya, adalah resepi utama mendukung usaha kerajaan untuk meningkatkan dan memperkesankan kecekapan dan produktiviti negara demi membantu melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara ini ke tahap yang lebih kukuh dan *sustainable.* Perubahan minda ini pernah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-69 tahun pada 15 Ogos 2015 yang baginda menekankan bahawa:-

"Brunei mesti dengan segera melakukan penghijrahan minda. Dari suka menunggu-nunggu dan berpeluk tubuh kepada rajin bekerja. Dari banyak bergantung harap, kepada lebih membanyakkan usaha, dan dari kurang berdikari, kepada lebih berdikari. Inilah sumber kekuatan kita";

39.12 Menyentuh sudut pengurusan kewangan, kementerian dan agensi kerajaan perlu memastikan perancangan perbelanjaan terus-menerus dilaksanakan secara berhemat dan *cost effective* dengan mengutamakan hasil *(outcome)* daripada perbelanjaan. Selaras dengan pendekatan ini, perancangan belanjawan akan terus

berteraskan kepada dasar ***'Fiscal Sustainability'*** dan ***'Fiscal Consolidation'***. Pengurangan keupayaan kewangan kerajaan pada masa ini memerlukan semua pihak untuk antara lain meneliti pengurangan kos operasi masing-masing; meneliti pengurangan skop-skop projek yang sedia ada; mengubah sikap *'business as usual'*; dan mempunyai rasa tanggung jawab jika apa yang dilaksanakan tidak memberikan sebarang sumbangan atau hasil yang diharapkan. Semua ini menjurus kepada usaha untuk mengelakkan semua bentuk pembaziran sumber kewangan dan tenaga. Dalam pada itu, ianya juga mengajak kita lebih kreatif dan inovatif dalam merancang dan melaksanakan apa jua projek / program yang mempunyai impak yang signifikan kepada kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini;

39.13 Seperti yang dikongsikan awal, dengan keadaan ekonomi global semasa, khususnya harga minyak dunia yang masih tidak menentu dan sangat *volatile,* kedudukan fiskal kerajaan dijangka akan terus mengalami defisit dalam Tahun Kewangan 2016/2017 ini. Bagi menampung defisit ini, kerajaan telah pun mengeluarkan kewangan dari dana-dana yang telah ditubuhkan. *Sustainability* dana-dana ini akan terjejas jika ianya digunakan bagi perbelanjaan yang tidak mendatangkan pulangan pendapatan kepada kerajaan dalam jangka masa pendek. Oleh itu, adalah penting *priority spending* ini benar-benar dipraktikkan supaya penggunaan dana-dana tersebut akan dihadkan bagi menjana lebih banyak aktiviti perekonomian dalam negeri termasuk menerusi *FDI* ke negara ini agar ia dapat mendukung pembangunan negara di samping ianya akan terus kukuh dan *sustainable* bagi membantu pembangunan secara berterusan;

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

39.14 Adalah menjadi harapan kita bagi setiap lapisan masyarakat di negara ini akan sama-sama mendukung usaha kerajaan dalam mengharungi cabaran ekonomi yang dihadapi pada masa ini. Komuniti perniagaan, terutamanya PMKS di negara ini, perlulah menyambut baik langkah reformasi kerajaan dengan mengambil peluang untuk mengembangkan perniagaan dan perusahaan mereka agar menjadi sebuah

perniagaan yang lebih mantap, berdaya tahan, dan berdaya saing dengan menumpukan penghasilan untuk eksport. Usaha mereka ini akan dapat membantu kerajaan dalam menjana lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada belia-belia tempatan, supaya kebergantungan kepada perbelanjaan dari pihak kerajaan akan dapat dikurangkan dan asas ekonomi dan pendapatan negara dapat diperluaskan dan di pelbagaikan. Mereka ini juga perlu sama-sama berganding bahu membantu meningkatkan produktiviti sektor ekonomi masing-masing dan meneroka secara kreatif, teknologi dan inovasi baharu yang dapat melonjakkan perniagaan mereka ke tahap yang lebih berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing. Sektor swasta juga perlu membantu membimbing dan mengenal pasti keperluan peningkatan kapasiti dan modal insan belia-belia tempatan agar lebih kompetitif dalam memenuhi permintaan pasaran tenaga kerja tempatan mahupun luar negara. Sudah tiba masanya sektor swasta lebih berinovatif dan berinisiatif untuk mengambilalih peranan kerajaan sebagai *'engine of growth'* (penggerak ekonomi negara) terutama dengan penyediaan penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang berkualiti tinggi. Kerajaan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ, akan terus memainkan peranan nya selaku pemudah cara bagi sektor swasta untuk terus berkembang maju, memperluaskan bidang perniagaan mereka dengan menyediakan *environment business* yang kondusif dan mesra pelanggan;

39.15 Ke arah itu, perkhidmatan awam juga perlu melipatgandakan usaha dan inisiatif dalam meningkatkan tahap perkhidmatan dan produktiviti agar mereka akan lebih *'business friendly'*, yang mana amat diperlukan bagi mendukung dasar pempelbagaian ekonomi negara. Melalui pertumbuhan sektor swasta yang berdaya maju dan berdaya tahan, akan menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan yang berkualiti kepada belia tempatan, kerana realitinya, kita tidak lagi mampu hanya berharap kepada sumber minyak dan gas sebagai sumber yang berdaya tahan bagi pendapatan negara. Usaha memantap tadbir urus fiskal, seperti mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu dan berkeutamaan, serta meningkatkan lagi kutipan hasil adalah tanggungjawab semua pihak bagi

membolehkan kemakmuran negara yang kita rasai ketika ini akan terus dapat dinikmati oleh generasi-generasi yang akan datang;

40. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sokongan serta kesepaduan sektor awam, swasta dan rakyat serta penduduk negara ini keseluruhannya, program, projek dan inisiatif yang dirancang ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ diharap akan membantu kita dalam mengharungi cabaran masa kini dengan teguh, bersatu padu dan dengan penuh kesabaran. Dengan etika berpasukan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, kita penuh yakin bahawa Negara Brunei Darussalam yang amalan kehidupannya berteraskan Melayu Islam Beraja (MIB) akan sentiasa kukuh, aman makmur dengan hasil mahsulnya lebih luas, bukan bergantung semata-mata pada satu sumber sahaja, dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan berterusan menjadi sebuah negara بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ iaitu negara yang aman makmur, dengan mendapat keredaan dari Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengampun. Hala tuju dan kelangsungan kita dalam menghadapi cabaran ini adalah bergantung sepenuhnya kepada sikap positif, usaha berterusan, ketabahan dan keikhlasan kita semua selaku rakyat dan penduduk di negara ini. Ini memerlukan kesepaduan dan kesepakatan kita semua kerana dengan kesepakatan tersebut إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan izin Allah, apa jua cubaan akan kita hadapi dengan tabah dan penuh kesabaran, manakala apa jua rintangan akan kita harungi dengan titih usaha disertai dengan tawakal, sambil mengharap keredaan dan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala jua;

41. Oleh itu, adalah penting supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-Undang Perbekalan Negara Yang Dikeluarkan dari Peruntukan Kumpulanwang Yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu, sepanjang Tahun 2016/2017.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله kita telah pun mendengar ucapan belanjawan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Dengan itu sebelum perkara ini dibincangkan seperti lazimnya maka saya cadangkan supaya kita berehat dulu selama 30 minit.

(Mesyuarat berehat sebentar)

(Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar tadi, sebelum kita berehat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), telah pun membentangkan Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut iaitu bagi maksud-maksud tertentu" dengan penuh komprehensif dan *detail.* Sebelum saya membukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan, saya ingin bertanya dulu, adakah Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin untuk menyokong Rang Undang-Undang ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) itu?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya menyokong sepenuhnya akan cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang ini telah pun dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga, dan ia telah pun dibentangkan secara komprehensif dan *detail* sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya membukakan persidangan ini untuk membincangkan Rang Undang-Undang yang berkenaan, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, supaya perbahasan kali ini menumpukan kepada kelayakan atau merit dan asas Rang Undang-Undang yang berkenaan.

Saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, untuk berucap.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Lebih dahulu syabas dan diucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Awang Ibrahim, atas lantikan semula sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan membentangkan Rang Undang-Undang Perbelanjaan sebentar tadi.

Kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), kerana masih meneruskan, mengekalkan, menggaji dan membayar bonus yang sudah diamalkan tanpa memberhentikan ataupun memotong dengan jumlah warga perkhidmatan awam yang berkhidmat iaitu seramai lebih 63 ribu kakitangan kerajaan bagi meneruskan misi kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, demi kepentingan, kemakmuran, keamanan, keberdaya tahanan, ekonomi, penghijaran kepada probisnes dan mengubah ketidakbergantungan kepada hasil minyak dan gas dengan hanya mengurangkan 20 persen perbelanjaan peruntukan bagi perbelanjaan yang tidak dianggap penting atau utama. Walaupun kerajaan akan memikul beban defisit sebanyak $2.3 bilion setahun.

Soalan kaola, seperti diramalkan oleh dunia penurunan harga minyak akan terus berlanjutan antara 5 ke 10 tahun lamanya dan ditambah lagi harganya akan bergelombang seperti ombak di lautan pada musim tengkujuh. Apakah patut *measure* lain, bagi menangani jika keadaan ini tidak berubah. Maksud kaola, harga minyak tidak boleh naik kepada tahap yang *comfortable*.

Jika harga minyak dalam jangka pendek ini, sekiranya di suku kedua, (*second quarter)* tahun ini akan naik kepada US$50 setong, hari ini sudah menjangka US$40 setong, adakah rancangan untuk menggunakan dana yang berlebihan itu kepada menggalakkan atau merangsang pertumbuhan ekonomi (*stimulates economic growth)* negara bagi persediaan menghadapi cabaran yang mungkin sama iaitu harga minyak turun ke tahap yang lebih rendah lagi. Ini amat perlu jika dilihat dari segi perbezaan pergantungan negara kepada pendapatan 90 peratus dari minyak dan gas. Sedangkan persediaan untuk menempuh perbelanjaan pada masa ini sudah ketara, negara belum mampu untuk menangani seperti mana pendapatan minyak dan gas telah menyumbangkan kepada perbelanjaan negara. Sekian dari saya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Silakan Yang Berhormat Datin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan II (Kedua) atas pembentangan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2016/2017 yang dibuat dengan begitu jelas dan terperinci.

Kaola maklum dan turut bersimpati akan kedudukan ekonomi negara yang terjejas berikutan penurunan harga minyak dan gas seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kaola juga mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana negara dapat terus mengeluarkan pebelanjaan tahunan tanpa membuat sebarang pinjaman kewangan kepada Institusi Kewangan Antarabangsa.

Dalam masa yang sama, kaola juga menyokong langkah-langkah berjimat cermat yang sedang dijalankan oleh kerajaan, terutama ke atas pembaziran yang berlaku dalam perkhidmatan awam seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri ketika tadi.

Seperti yang telah dijelaskan kepada kita bahawa kadar penurunan harga minyak dan gas ini mungkin akan berlaku dalam jangka yang panjang dan agak lama, yang membawa erti langkah berjimat cermat juga akan berjalan dalam jangka yang panjang. Dalam kita merancang perbelanjaan negara yang berjimat cermat ini, adalah wajar bagi kita untuk melakukannya secara bijaksana, supaya apabila kemelut ekonomi global ini berakhir nanti, negara akan dapat keluar dari keadaan yang rumit dan mencabar ini, dengan kos yang rendah sama ada dari segi kos kewangan, politik, keselamatan dan sosial إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Dalam kesempatan ini, izinkan kaola untuk menimbulkan beberapa perkara:-

i. Berhubung dengan perbelanjaan kerajaan ke atas kakitangan awam yang telah meningkat kepada 30 peratus dari perbelanjaan keseluruhannya. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tahun 2014, terdapat seramai 12,667 orang atau kira-kira 23 peratus kakitangan perkhidmatan awam berada dalam Divisyen 4 dan seramai 14,570 orang atau kira-kira 28 peratus berada dalam Divisyen 5. Jumlah ini tidak termasuk anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

   Sebagai usaha untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan yang mustahak lagi untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efisien, kaola menyokong cadangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) untuk menswastakan sebahagian perkhidmatan-perkhidmatan awam terutama yang dijalankan oleh kakitangan dalam Divisyen 4 dan 5. Kaola pasti langkah ini juga akan meningkatkan lagi dan memerlukan kegiatan sektor swasta;

ii. Kaola juga difahamkan, salah satu langkah dalam berjimat cermat ialah dengan membekukan jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam. Berhubung dengan perkara ini kaola ingin bertanya, adakah pembekuan jawatan-jawatan kosong ini bererti penuntut-penuntut yang akan berjaya kembali dari luar negara terutama mereka yang memperolehi ijazah dan kemahiran sebagai pakar-pakar perubatan dan juga yang diikat untuk menjadi guru akan dibebaskan dari ikatan *bond* dengan kerajaan dan dibenarkan untuk mencari pekerjaan di sektor swasta sama ada dalam atau di luar negeri?

Dan dengan pembekuan semua jawatan kosong di sektor kerajaan ini, kaola juga ingin tahu apakah kesannya kepada dasar *succession planning* Jabatan Perkhidmatan Awam terutama apabila banyak pegawai kanan akan bersara nanti?; dan

iii. Pada setiap tahun kita telah pun membincangkan perihal perlunya untuk memajukan perusahaan sektor swasta dan pada setiap tahun, kerajaan juga telah menyediakan sebahagian peruntukan yang besar di bawah perbelanjaan pembangunan negara untuk membelanjakan projek-projek yang telah dinilai oleh kementerian boleh membantu memajukan sektor swasta.

Bagaimanapun, sehingga Tahun Kewangan 2016/2017 iaitu tahun terakhir sebelum Rancangan Kemajuan Negara Kesepuluh (RKN10) berakhir, masih terdapat sejumlah 56 peratus peruntukan di bawah Tajuk - Perusahaan masih belum dibelanjakan. Sementara beberapa projek di bawah Tajuk Pertanian yang boleh membantu meningkatkan produk-produk yang dihasilkan oleh *SME* dan juga produk-produk yang dihasilkan di bawah projek Satu Produk Satu Kampung seperti projek pembangunan produk masih mempunyai 78 peratus peruntukan yang masih belum dibelanjakan. Sementara bagi projek-projek di bawah Kemajuan dan Perusahaan masih mempunyai baki sebanyak 56 peratus.

Di sini kaola ingin bertanya, sejauh manakah komitmen agensi-agensi kerajaan dalam memajukan sektor swasta ini? Seperti yang telah dikatakan semalam oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, kejayaan negara dalam meraih kedudukan yang lebih tinggi dalam *Ease of Doing Business* sahaja tidak akan mencukupi dan tidak akan menjamin kejayaan negara dalam mempelbagaikan ekonominya.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dihormati sekalian.

Lebih dahulu, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) kerana telah membentangkan Belanjawan Negara yang sangat komprehensif dan menampakkan satu *future* yang jelas kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Dalam keadaan ekonomi negara yang tidak stabil, adakah pihak kerajaan akan memberikan peluang kepada agensi-agensi swasta dan bank-bank di negara ini untuk membiayai projek-projek mega seperti pembinaan jambatan Temburong, pembinaan jambatan Sungai Kebun dan sebagainya. Melalui pelaburan-pelaburan ataupun pembiayaan daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam ini, akan menambahkan pendapatan kepada pelabur-pelabur yang menyimpan di bank-bank tersebut. Dengan demikian juga, ia dapat mengurangkan defisit kerajaan dalam membiayai apa jua projek-projek yang akan dijalankan.

Perkara yang seumpama ini harus kita sama-sama fikirkan agar pelabur-pelabur yang mengharapkan pulangan yang lebih itu bagi sama-sama memajukan negara ini tanpa menggunakan wang kerajaan.

Mengenai Tabung Amanah Pekerja (TAP). TAP mempunyai wang berbilion-bilion, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menjadikan TAP ini sebagai satu korporat? Kalau dijalankan, ia akan dapat memberikan pulangan yang lumayan kepada pelabur-pelabur. Misalnya, dijadikan satu korporat yang boleh menjana pendapatan seperti mana di negara-negara yang telah maju, mereka ada kumpulan wang simpanan. Oleh kerana ada pihak yang masih berpencen dan sebagainya tetapi bagi yang tidak berpencen, jika ia menjadi satu korporat ataupun satu sumber kewangan yang besar, ia akan dapat memberi pulangan kepada pelabur-pelabur ataupun yang menyimpan di dalam TAP tersebut.

Itu saja Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera. Kaola menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas pembentangan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017, seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) awal tadi.

Apa yang kita simpulkan ialah kerajaan akan meneruskan belanjawan yang mapan dan mengutamakan pengukuhan kestabilan fiskal negara dan dalam pada itu menekankan usaha-usaha pembangunan ekonomi dan sentiasa memelihara kesejahteraan negara. Walaupun tekanan fiskal kepada negara-negara pengeluar minyak terutama Negara Brunei Darussalam masih berterusan dan iklim ekonomi global yang tidak menentu. Dengan tema belanjawan iaitu "Mengukuhkan Iklim Perekonomian Bagi Mendukung Pembangunan Berterusan" dan menekankan memudah cara perniagaan, meningkatkan produktiviti negara, membina kapasiti dan modal insan dan meningkatkan kesejahteraan awam.

Kaola yakin komuniti swasta mengalu-alukan komitmen kerajaan iaitu selain dari meningkatkan kapasiti modal insan dan memastikan kesejahteraan negara masa panjang, tumpuan adalah diberikan untuk merangsang iklim perniagaan dan perekonomian dan melaksanakan skim-skim yang dibentangkan secara terperinci yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) tadi.

Kaola juga yakin, komuniti perniagaan termasuk peniaga-peniaga kecil dan sederhana menyambut baik inisiatif-inisiatif kerajaan dan reformasi yang dilaksanakan untuk memperkasa sektor swasta. Apa yang kita harap ialah supaya komuniti perniagaan akan sama-sama menyahut saranan dan cabaran supaya sektor swasta adalah menjadi *engine of road* bagi perekonomian negara. Ini antaranya untuk menyahut cabaran untuk mengambil peluang iaitu platform perdagangan serantau dan antarabangsa termasuk *BIMP-EAGA, ASEAN, APEC, TPP* dalam memperkembangkan perniagaan mereka.

Akhir sekali, sama-samalah jua kita berdoa semoga semua usaha kita ini akan diberkati dan mencapai apa yang kita hasratkan. Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah di atas pembentangan Rang Undang-Undang Belanjawan Bagi Tahun 2016/2017 yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) sebentar tadi. Kaola tidak

akan mengulas lagi Rang Undang-Undang tersebut kerana ia sudah dibentang dengan begitu *detail* dan cukup difahami.

Apa yang kaola ingin sampaikan ialah semoga pelaksanaan perbelanjaan dapat dibelanjakan dengan penuh tulus dan berhemah, seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kaola berharap penuh supaya ada satu mekanisme untuk memastikan perkara tersebut dipatuhi. Di samping itu, pemantauan hendaklah sentiasa terus dibuat dari masa ke masa supaya ia tidak terkeluar daripada apa yang dihasratkan.

Dalam kesempatan ini, kaola sangat-sangat menjunjung kasih atas kemurahan hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana prihatin dan terus menghulurkan bantuan kebajikan rakyat baginda, seperti mana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Demikian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah atas pembentangan Rang Perbekalan 2016 dan turut menjunjung kasih atas kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan peruntukan dengan tidak menjejaskan pendapatan dalam kalangan warga perkhidmatan awam.
Dengan tema bajet yang disebutkan iaitu "Mengukuhkan Iklim Perekonomian Bagi Mendukung Pembangunan Yang Berterusan", beberapa faktor telah digariskan persamaan dan fokus daripada peruntukan yang dibentangkan sebentar tadi.

Saya ingin cuma menyuarakan kekhuatiran apabila kita bercakap mengenai alternatif kepada kebergantungan minyak dan gas iaitu membuka peluang bidang-bidang perniagaan kepada semua termasuk kakitangan dan warga perkhidmatan awam, iaitu dalam keghairahan kitani menggalakkan orang-orang berniaga. Pentingnya perlu ada pengawalan

terutama bagi kakitangan kerajaan yang dikhuatiri akan menjadikan tempat bertugas untuk berjual beli dan akhirnya fokus kepada tugas-tugas akan terjejas bukan sahaja kepada yang berniaga juga kepada orang yang melihat jualan.

Maka di sini akan timbul impak kurang baik kepada produktiviti perkhidmatan dan bagaimana kita akan mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan sektor awam yang akan kita hasratkan dalam Wawasan Negara 2035. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Nampaknya hanya itu sahaja bilangan Ahli-ahli Yang Dilantik yang turut serta dalam perbincangan mengenai tajuk yang kita hadapi ini. Saya sekarang ingin untuk mempersilakan pihak-pihak di sebelah kanan ini untuk sama ada mahu menjawab. Nampaknya ada beberapa soalan yang ditimbulkan sama ada pihak Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan suka untuk menjawabnya sekarang ataupun menjawabnya pada waktu kita membincangkan bajet ini secara *detail* apabila perkara-perkara itu ditimbulkan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, lebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas pandangan serta juga pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan bagi pihak rakan-rakan kaola di sini, kaola ingin mencadangkan supaya perkara-perkara yang dikemukakan akan dapat dijelaskan apabila Majlis Mesyuarat nanti bersidang sebagai jawatankuasa membincangkan tajuk-tajuk yang ditanyakan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di- Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Setelah mendengar perbincangan mengenai Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Saya mencadangkan sekarang supaya perbincangan kita ini ditangguhkan untuk berehat dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللَّهُ sebelah petang nanti pukul 2.30 petang.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada persidangan yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah pun membentangkan Rang Undang-Undang yang bergelar Satu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017, dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu dengan penuh komprehensif dan *detail* yang membawa tema "**Mengukuhkan Iklim Perekonomian Bagi Mendukung Pembangunan Berterusan**".

Seramai 6 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah ikut serta dalam membahaskan Rang Undang-Undang tersebut. Saya telah pun difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) ingin membentangkan responnya terhadap soalan-soalan yang telah ditimbulkan. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas sambutan dan penerimaan baik dari Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang telah saya bentangkan dalam pembentangan Kertas Belanjawan Tahun Kewangan 2016/2017 pagi tadi. إِنْ شَاءَ اللهُ mana-mana saranan membina yang telah diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi akan diteliti secara mendalam sebagai maklum balas dan nilai tambah dalam usaha untuk memperbaiki lagi pelaksanaan isu-isu yang dibangkitkan.

Saya ingin memperjelaskan beberapa persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli tadi. Misalnya, daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman iaitu mengenai langkah-langkah yang akan kita ambil jika keadaan harga minyak tidak berubah? Apakah rancangan untuk menggunakan dana yang berlebihan itu untuk *economic* stimulus, sekiranya harga meningkat kepada US$50. Lebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas usaha Yang Berhormat menimbulkan isu berkenaan.

Sebagaimana jua yang telah saya terangkan dalam pembentangan Rang Belanjawan pagi tadi, memang kerajaan amat peka dengan keadaan ekonomi semasa dan impaknya kepada kewangan kerajaan.

Oleh itu, pihak kerajaan telah membuat perancangan terperinci bagi memastikan kedudukan kewangan negara terus kukuh dan berdaya tahan. Ini termasuklah dengan langkah-langkah dan inisiatif yang telah saya huraikan dengan panjang lebar dalam pembentangan Rang Belanjawan pada pagi tadi. Langkah dan dasar pengurusan kewangan secara berhemah ini bukan saja bagi menangani keadaan jangka pendek malahan ia juga bagi jangka masa panjang.

Ke arah itulah melalui dasar *fiscal sustainability* dan *fiscal consolidation,* kerajaan juga mempunyai perancangan untuk memastikan perbelanjaan kerajaan ditumpukan kepada sektor-sektor yang dapat mengembangluaskan sumber pendapatan dan perekonomian negara. Ini bukan saja bertujuan untuk mengurangkan kepergantungan pada sumber asli iaitu minyak dan gas sebagai pendapatan utama negara dan kerajaan, tetapi bagi menjadikan ekonomi negara lebih dinamik dan berdaya tahan dalam jangka masa panjang.

Dengan hasrat tersebut, kerajaan amat berhati-hati dalam memilih projek-projek yang akan dilaksanakan, di mana tumpuan perbelanjaan adalah bagi memudah cara perniagaan dan bagi membantu pengukuhan sektor swasta di negara ini. Perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar yang disebutkan tadi akan terus dikekalkan walaupun harga minyak akan meningkat ke tahap US$50 setong atau lebih, memandangkan ianya masih pada paras yang rendah bagi membolehkan negara mencapai bajet yang seimbang ataupun *balanced budget*. Ini semata-mata untuk memastikan kekukuhan dan kedayatahanan kewangan kerajaan supaya apa yang dinikmati sekarang إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan berterusan.

Dalam kesempatan ini, saya ingin menyeru sektor swasta dan komuniti bisnes akan dapat membantu kerajaan untuk menyemarakkan lagi aktiviti ekonomi negara ini dengan mengambil lebih banyak lagi peluang perniagaan yang telah dibukakan melalui dasar-dasar memudah cara kerajaan yang telah dan sedang dilaksanakan ketika ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya juga ingin memperjelaskan mengenai beberapa persoalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Ada 3 soalan iaitu mengenai penswastaan, pelajar-pelajar dermasiswa yang di*bond* dan juga peruntukan RKN yang sebahagiannya belum dibelanjakan. Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan-soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Mengenai isu menswastakan jawatan-jawatan dalam bahagian IV dan V, yang pada menjawabnya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memang ada perancangan bagi penswastaan dan *out sourcing* agensi-agensi dan

perkhidmatan kerajaan yang difikirkan lebih efisien dilaksanakan secara penswastaan. Dalam merancang keperluan untuk penswastaan tersebut, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga melihat isu penswastaan ini bukan saja di peringkat jabatan tetapi juga sebahagian dari perkhidmatan atau *services* yang difikirkan bersesuaian. Selain itu, ia juga tidak dihadkan kepada jawatan-jawatan dalam bahagian IV dan V tetapi adalah secara menyeluruh dalam semua peringkat di perkhidmatan awam.

Dalam hal ini, pihak kerajaan telah dan akan terus meneliti keperluan untuk menswastakan mana-mana perkhidmatan yang bersesuaian, dengan tujuan meningkatkan produktiviti dan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

Mengenai kesan yang boleh timbul daripada cadangan pembekuan jawatan-jawatan terhadap pelajar dermasiswa yang diikat janji atau *bonded* dan kesannya terhadap *succession plan*. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat jawatan-jawatan kosong ini sebenarnya tidak semuanya dibekukan. Jawatan-jawatan yang dibekukan kebanyakannya adalah jawatan-jawatan yang telah lama tidak diisikan, ada sebahagiannya telah dipohonkan dalam 3-4 tahun lepas, jadi apabila direviu nampak-nampaknya jawatan-jawatan ini sebenarnya tidak diperlukan secara mendesak untuk diisikan pada ketika ini. Oleh itu, cadangan pembekuan tidaklah akan menjejaskan perancangan penggantian sesebuah jabatan.

Mengenai isu *bond* para penerima dermasiswa kerajaan yang diikat janji, kebanyakan mereka ini adalah mereka yang mengikuti kursus-kursus yang benar-benar diperlukan oleh pihak kerajaan dan seperti bidang kedoktoran dan perguruan yang jawatan-jawatan yang berkaitan tidak termasuk dalam jawatan-jawatan yang dibekukan. Maka keperluan bagi penuntut-penuntut tersebut untuk dilepaskan dari ikat janji, adalah tidak timbul. Mengenai bidang-bidang lain mungkin nanti rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan dapat menjelaskan kemudian.

Tambahan lagi jumlah pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang akan bersara wajib sehingga Disember 2015 dijangkakan berjumlah 1,012 orang. Jadi ini bermaksud jawatan-jawatan yang akan dikosongkan untuk diisi melalui kaedah rancangan penggantian di samping jawatan-jawatan kosong yang perlu diisi oleh kerajaan untuk jawatan-jawatan yang diperlukan.

Soalan ketiga, mengenai peruntukan RKN10 yang sebahagiannya belum dibelanjakan, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas usaha Yang Berhormat menimbulkan perkara ini. Sememangnya pihak kerajaan berusaha untuk melaksanakan kesemua projek RKN yang dirancang. Walau bagaimanapun dalam

memastikan pengurusan peruntukan RKN yang *cost-effective*, pihak kerajaan telah mengambil langkah untuk menilai semula dan mempertimbangkan projek-projek yang telah dirancang mengikut keperluan dan keutamaan serta impaknya kepada pembangunan negara pada masa kini.

Pemilihan pelaksanaan projek-projek tersebut berpandukan kepada *KPI* dan hasil yang realistik dengan mengambil kira kaedah *cost benefit analysis* dan *value for money*. Dalam hubungan ini, mana-mana projek yang hanya mempunyai impak minimum ditangguhkan pelaksanaannya dan diteliti keutamaannya semula, ertinya *reprioritizing* oleh agensi-agensi yang berkenaan. Ini termasuklah projek-projek yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Datin tadi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola sekarang ingin menjelaskan mengenai soalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim iaitu mengenai pembiayaan projek-projek mega dan jua penggunaan kewangan Tabung Amanah Pekerja untuk pelaburan projek-projek tersebut.

Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas saranan Yang Berhormat tadi. Pada masa ini, seperti yang dimaklumi projek-projek mega masih lagi dibiayai secara keseluruhannya oleh pihak kerajaan melalui Rancangan Kemajuan Negara dan jua *special expenditure*, walaupun terdapat pemikiran bagi projek-projek tersebut dibiayai melalui kaedah perkongsian awam swasta (*Public Private Partnership*) yang melibatkan bank-bank dan pihak swasta.

Namun demikian, secara tidak langsung bank-bank tempatan juga terlibat dalam memperolehi keuntungan dalam pelaksanaan projek ini melalui perkhidmatan-perkhidmatan oleh bank-bank yang antaranya melalui peminjaman kepada kontraktor-kontraktor, subkontraktor dan syarikat-syarikat yang memberikan perkhidmatan sokongan. Syarikat-syarikat tempatan juga, menawarkan perkhidmatan lain seperti jaminan bank (*bank guarantees, lack of credit* dan perkhidmatan lain perbankan).

Mengenai soalan kedua, iaitu kewangan Tabung Amanah Pekerja untuk turut melabur dalam projek-projek mega bagi membolehkan ia mendapat pulangan yang tinggi. Sebelum menjawab perkara ini saya sukacita mengongsikan sedikit mengenai penubuhan dan kedudukan pelaburan TAP.

TAP ini sebenarnya seperti yang kita maklumi ditubuhkan pada tahun 1993 sebagai sebuah badan berkanun (*statutory board*) untuk mengendalikan dana persaraan bagi warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam. Ia mempunyai lembaganya yang tersendiri dan berdasarkan Undang-Undang TAP, ia adalah sebuah badan korporat yang dikawalselia oleh Lembaga Pengarah Tabung Amanah Pekerja, yang terdiri dari wakil-wakil daripada pihak kerajaan dan swasta.

Antara objektif utama TAP ialah untuk mencapai pulangan simpanan yang optimum bagi ahli-ahli TAP pada hari persaraan. Untuk mendukung objektif yang disebutkan dana TAP dilabur untuk mendapatkan keuntungan optimum dengan risiko yang berpatutan serta menjamin keselamatan pelaburan supaya berdaya tahan. Dana TAP buat masa ini dilaburkan dalam bentuk sukuk, *bond*, simpanan tetap dan *equity* di pasaran tempatan dan di luar negara. Mengambil kira wang kumpulan yang diuruskan oleh TAP ini merupakan wang caruman yang disumbang oleh majikan dan pekerja.

Strategi pelaburan TAP yang utama ialah pembelbagaian aset pelaburannya bagi mengurangkan risiko pelaburan. Penempatan dana pelaburan TAP berasaskan mandat yang diberikan bahawa mandat ini mengambil kira risiko dan jangkaan pulangan yang bakal diterima. Ia diagih-agihkan kepada beberapa jenis pelaburan bagi mengurangkan risiko-risiko. Mandat pelaburan ini diteliti dan dikemaskinikan mengikut perkembangan pasaran pelaburan dari masa ke semasa. Hasil dari pelaburan yang dibuat diagihkan kepada semua ahli dalam bentuk dividen tahunan.

TAP dari masa ke semasa akan terus meneliti dan memastikan strategi-strategi pelaburan yang bersesuaian digunakan bagi membolehkan TAP mendapatkan pulangan optimum dengan mengambil kira cabaran-cabaran pasaran yang tidak menentu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid, mengenai saranannya terhadap usaha-usaha kerajaan untuk memperbaiki iklim perniagaan melalui beberapa reformasi yang telah dilaksanakan setakat ini. Seperti mana yang saya sampaikan dalam pembentangan Rang Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2016/2017, saya penuh berharap para peniaga dan usahawan akan sama-sama mengambil peluang-peluang yang tersedia dengan sebaik yang mungkin dalam mengembangkan lagi perusahaan-perusahaan dan perniagaan masing-masing.

Dalam kesempatan ini saya juga memohon kerjasama semua pemimpin perniagaan yang ada pada masa ini supaya dapat membimbing para peniaga dan usahawan tempatan yang baru berkecimpung, supaya mereka juga akan dapat meraih kejayaan-kejayaan yang kita harap-harapkan. Jika lebih ramai anak tempatan kita berjaya ini boleh membantu negara dalam penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan kita.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan tidak akan berhenti dengan apa jua usaha pembaikan yang sudah dilaksanakan pada masa ini, malahan akan terus mengenalkan apa jua inisiatif baharu dari semasa ke semasa bagi memastikan iklim perniagaan negara kita ini lebih kondusif dalam kata lain dengan berpandukan petunjuk *Ease*

of Doing Business. إِنْ شَاءَ اللَّهُ penambahbaikan itu akan fokus pada indikator di bawah *ease of doing business* dan juga perkara-perkara yang di luar indikator berkenaan. Dalam masa yang sama, pihak kerajaan juga sangat mengalu-alukan maklum balas atau *feedback* daripada orang ramai serta cadangan-cadangan yang membina untuk memperbaiki lagi iklim perniagaan di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola jua memperjelaskan mengenai saranan Yang Berhormat Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai dengan pentingnya bagi diadakan mekanisme untuk memantau perbelanjaan secara telus dan berhemah dari semasa ke semasa. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ, saya lebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas saranan dari Yang Berhormat tersebut.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ, seperti mana jua yang saya telah jelaskan sebentar tadi bahawa kerajaan telah mempunyai mekanisme iaitu melalui konsep program dan *performance budgeting (PPB)* yang mempunyai *KPI* dan *outcome* yang jelas. Pemantauan tersebut dilaksanakan di semua peringkat jabatan, kementerian dan Kementerian Kewangan secara khususnya. Pelaksanaan dan pencapaian *KPI* ini yang ditetapkan akan dipantau melalui Jawatankuasa Belanjawan Negara dari semasa ke semasa. Di samping itu Jawatankuasa Perancangan Kemajuan Negara juga akan memantau mana-mana projek-projek yang di bawah bidang kuasa Rancangan Kemajuan Negara.

Terakhir, ialah mengenai saranan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, terutamanya mengenai kekhuatiran beliau jika pegawai kerajaan berkecimpung dalam bidang perniagaan yang akan menjejaskan mereka dari menjalankan tugas dan ini sudah setentunya akan menjejaskan produktiviti perkhidmatan awam.

Pada menjawabnya, berdasarkan kepada Peraturan 10, Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan Kelakuan dan Tatatertib Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 1983

Penggal B: "Seorang pegawai tidak boleh mengambil bahagian dengan secara langsung atau tidak langsung dalam urusan atau perjalanan-perjalanan mana-mana pekerjaan, perniagaan, pertanian dan perusahaan." Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai kerajaan dalam bahagian III ke bawah dipertimbangkan untuk menjalankan perniagaan tertentu selepas waktu bekerja dan cuti awam dengan syarat, mereka hendaklah menghadapkan permohonan ke Jabatan Perdana Menteri dengan sokongan Ketua Jabatan atau Setiausaha Tetap masing-masing untuk mendapatkan kebenaran dari Jabatan Perdana Menteri.

Dalam hal ini, terdapat peraturan dalam mengawal mana-mana pegawai yang telah diberikan kebenaran untuk menjalankan perniagaan, ini antara lainnya termasuklah:-

i. Tidak dibolehkan menjalankan perniagaan pada waktu bekerja, termasuk tidak keluar pejabat kerana urusan pekerjaan atau perniagaan tersebut;

ii. Mematuhi waktu-waktu bekerja yang telah ditentukan;

iii. Menyelesaikan dan tidak menjejaskan kerja-kerja di pejabat;

iv. Tidak boleh menggunakan peralatan pejabat bagi tujuan menjalankan perniagaan;

v. Ketua Jabatan hendaklah mengawal dan memantau prestasi pegawai tersebut dari semasa ke semasa; dan

vi. Mana-mana pegawai yang didapati prestasinya menurun tidak akan disokong untuk disambung kebenaran perniagaannya.

Sekianlah, yang dapat saya perjelaskan untuk menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Sebagaimana yang disebutnya tadi, Yang Berhormat Menteri Pendidikan suka untuk melanjutkan penerangan mengenai perkara yang berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola cuma ingin menambah penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai isu pemegang biasiswa yang minta untuk dilepas ikat janji ataupun sama ada mereka boleh dilepas ikat janji seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman pagi tadi.

Bagi mereka yang mengikuti Kursus Kedoktoran Perubatan atas biasiswa kerajaan, maka mereka tidak akan dilepas dari ikat janji, ertinya perkhidmatan mereka memang diperlukan oleh pihak kerajaan dan selesai atau tamat pengajian, mereka akan diperlukan pulang untuk mengambil tempat bekerja di Kementerian Kesihatan.

Bagi jurusan perguruan pula, mereka yang diikat janji jadi guru juga tidak akan dilepas dari ikat janji dan akan diambil jadi guru, إِنْ شَاءَ اللَّهُ apabila mereka tamat nanti kecuali dalam kes-kes tertentu seperti mata pelajaran yang mereka ajarkan itu tidak diperlukan lagi ataupun tidaklah ramai penuntut yang mengambilnya, maka menyebabkan gurunya berlebihan, mungkin dalam kes-kes seperti ini permohonan untuk dilepas ikat janji dapat dilayan dengan bersyarat.

Bagi jurusan lain, mereka hanya akan dilepas dari ikat janji dengan bersyarat iaitu jika tidak mendapat sebarang

pekerjaan dalam kerajaan mahupun *government linked companies* syarikat milik kerajaan maka mereka bolehlah dipertimbangkan untuk dilepas dari ikat janji jika mereka memohon.

Dalam keadaan demikian, mereka bolehlah bekerja dengan mana-mana pihak swasta dengan dikenakan syarat-syarat yang tertentu. Jika tidak mendapat sebarang pekerjaan dalam negeri, mungkin barulah dipertimbangkan untuk mereka dilepas ikat janji jika mereka itu mendapat pekerjaan di luar negeri. Jika mereka mendapat pekerjaan di luar negeri, mereka juga akan dikenakan dengan syarat-syarat tertentu iaitu mereka masih terikat dengan biasiswa, jika ada keperluan timbul pada masa hadapan untuk mereka bekerja di Negara Brunei Darussalam, mereka akan dikehendaki untuk menyambung perkhidmatan mereka di Negara Brunei Darussalam.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua, penjelasan daripada kaola, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat kenyataan terhadap Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 ini. Ada baiknya Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 ini dibaca bagi kali yang keduanya. Maka sebelum itu, saya ingin mengundi mengenai perkara yang sama. Ahli-ahli yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua Ahli bersetuju. Oleh yang demikian, Rang Undang-Undang ini akan dibaca bagi kali keduanya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Satu Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu" telah pun selesai dibahaskan dan ia telah pun dibaca bagi kali keduanya. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini kita bincangkan satu persatunya, maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu dan Majlis ini akan bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis ini

bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu. Undang-undang ini telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Bab 2, Ceraian (1), (2).

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat Bab 2, Ceraian (1) dan (2). Silakan jika ada ahli-ahli yang ingin membahaskan. Jika tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membahaskan Bab 2, Ceraian (1) dan (2), maka Bab 2, Ceraian (1) dan (2) ini akan saya undi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Bab 2, Ceraian (1) dan (2) sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Nampaknya tidak ada yang membantah, oleh sebab tidak ada yang membantah dan menentang mengenai perkara ini maka Bab 2, Ceraian (1), (2) dijadikan sebagai Jadual dalam Rang Undang-Undang.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Bab 2, Ceraian (1), (2) dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum kita membincangkan Tajuk-Tajuk dalam Jadual seterusnya, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita sekarang hanya akan membincangkan Tajuk-Tajuk di Jadual ini berdasarkan kementerian-kementerian dan tidak lagi melalui jabatan-jabatan. Walau bagaimanapun, oleh sebab Jabatan Perdana Menteri mempunyai 25 buah jabatan di bawahnya, perbincangan mengenai Tajuk ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Tajuk SA01A hingga Tajuk SA012A dan Tajuk SA014A hingga Tajuk SA025A. Sekarang kita mulakan dengan Tajuk SA01A hingga Tajuk SA012A.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi, sebelum Jawatankuasa ini membincangkan bajet Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk kaola mengongsikan secara ringkas mengenai tumpuan dan keutamaan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2016/2017. Perkara ini sebagai langkah untuk memandu perbincangan supaya lebih fokus dan terarah kepada hal ehwal belanjawan yang akan dibincangkan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam keadaan ekonomi dunia dan negara yang paling mencabar pada ketika ini terutamanya berikutan penurunan pendapatan

kerajaan yang sangat signifikan, Jabatan Perdana Menteri sebagai *lead* agensi akan terus mendukung hasrat untuk mempelbagaikan kegiatan perekonomian negara. D*eliverable* Jabatan Perdana Menteri terus fokus kepada penyediaan iklim perniagaan yang lebih kondusif bagi membantu para usahawan dalam kalangan generasi muda untuk mengembang majukan perniagaan masing-masing.

Jabatan Perdana Menteri dalam konteks ini akan terus berusaha untuk memperkenalkan dan melaksanakan pembaikan dasar dan peraturan dalam perkhidmatan awam yang dapat memacu pemberian perkhidmatan yang berkesan kepada orang ramai. Ini termasuklah menerapkan *mindset* positif kepada semua peringkat warga kerja perkhidmatan awam dalam meningkatkan produktiviti dan jua menghasilkan *outcome* yang mendukung tema belanjawan negara Tahun Kewangan 2016/2017 iaitu "Mengukuhkan Iklim Perekonomian bagi Mendukung Pembangunan Berterusan".

Walau bagaimanapun, Jabatan Perdana Menteri dalam masa yang sama terus mendukung dasar *Fiscal Consolidition* dan *Fiscal Sustainability* kerajaan pada masa ini. Jabatan Perdana Menteri إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan terus memainkan peranan sebagai pemudah cara ataupun fasilitator dalam pelbagai yang perlu dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan. Namun demikian, pihak kerajaan tidaklah dapat dilihat sebagai *The Only Main Player* dalam pembangunan ekonomi serta dalam pemberian pekerjaan. Semua lapisan masyarakat perlu turut bersama merealisasikan *deliverable* kerajaan tersebut terutama para usahawan dan belia tempatan kita. Justeru, Jabatan Perdana Menteri telah merangka cadangan belanjawan ini berasaskan prinsip-prinsip berikut:-

i. Perkhidmatan awam. Dalam memacu perkhidmatan awam yang cemerlang selaras dengan hasrat Wawasan 2035, satu peta jalan ataupun *road map* dalam bentuk rangka kerja perkhidmatan awam *civil service framework* sedang dibentuk. Matlamat rangka kerja ini ialah untuk mencapai kecemerlangan terutamanya dalam memudah cara pertumbuhan ekonomi bagi kesejahteraan rakyat dan negara. Matlamat yang menjurus ke arah peningkatan prestasi dan produktiviti serta kualiti kepimpinan dalam perkhidmatan awam ini sejajar dengan perancangan kemajuan jangka panjang negara serta mendukung salah satu haluan dasar di bawah rangka strategi dan dasar bagi pembangunan *OSPD* iaitu strategi pembangunan institusi (*Institutional Development Strategy*). Rangka kerja perkhidmatan awam ini mengandungi tiga tema iaitu Kecemerlangan Kepimpinan (*Leadership Excellent*), Produktiviti Organisasi (*Organisitional Productivity*) dan Persekitaran Properniagaan (*Pro Business Environment*) yang menjurus kepada menghasilkan pemimpin yang berwibawa, kompeten, berkeupayaan

dan berkualiti yang mampu meningkatkan prestasi kerja, berinovasi dan komited. Menekankan kepentingan peningkatan produktiviti untuk meningkatkan keberkesanan dan menggalakkan pelaksanaan reformasi baharu bagi memacu aktiviti ekonomi melalui pengemaskinian, dasar, prosedur proses dan peraturan kerajaan bagi mewujudkan persekitaran yang probisnes;

ii. Perekonomian dan perdagangan dalam menangani impak dari kejatuhan harga minyak global, Jabatan Perdana Menteri sedang melipatgandakan usaha untuk mempelbagaikan ekonomi. peningkatan produktiviti, penarikan pelaburan langsung asing, penyediaan iklim perniagaan yang kondusif dan penurunan kadar pengganguran. Dalam hal ini, Jabatan Perdana Menteri melalui Jawatankuasa Pandu Pelaburan Langsung Asing dan Penggunaan Minyak dan Gas bagi pelaburan Industri Hiliran berusaha untuk meningkatkan daya saing dalam menarik pelabur asing ke negara ini, khusus untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana pula dalam menanai hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara beberapa hari yang lalu, *Darussalam Enterprises* atau lebih dikenali sebagai *DARe* baru sahaja ditubuhkan di samping penyediaan satu pusat dukungan perniagaan atau *business support center* yang terletak di Bangunan *Design and Technology (D&T Building).*

Selain itu, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi juga giat memantau dan melaksanakan rancangan kemajuan negara demi membangunkan perekonomian dan meningkatkan taraf kehidupan negara;

iii. Undang-undang dan kesejahteraan. Dalam menanai kesejahteraan dan mendukung undang-undang negara, Jabatan Perdana Menteri terus memainkan peranan yang aktif dalam usaha melaksanakan reformasi terhadap proses-proses dan undang-undang yang mendukung probisnes dalam usaha menjana ekonomi yang dinamik.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ usaha-usaha yang diambil telah menunjukkan peningkatan dalam tunjuk aras *ease of doing business*. Antara kejayaan yang turut dicapai ialah dengan penubuhan *Arbitration Center*, penubuhan mahkamah-mahkamah komersial, pelaksanaan *Judicial Case Management System* bagi memudah cara proses perundangan yang efisien dan berkesan kepada mendukung iklim perniagaan di negara ini. Selain itu, usaha yang juga turut dilaksanakan bagi mendasari agensi agenda kerajaan

dalam memeduli hal-ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini terutamanya golongan masyarakat yang memerlukan bantuan. Keperluan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat seperti golongan daif, fakir dan miskin yang memerlukan perhatian berterusan diberikan penumpuan. Ini antaranya termasuklah dengan menjayakan pelaksanaan projek bantuan perumahan yang dibiayai perbelanjaan sepenuhnya oleh Majlis Ugama Islam Brunei melalui Kumpulanwang Zakat; dan

iv. *Social security* dan hal-ehwal antarabangsa. Dalam mendukung keselamatan masyarakat dan negara, Wawasan Negara 2035 turut memfokuskan kepada strategik keselamatan melalui usaha memelihara dan mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara dengan pendekatan secara *whole of national approach*. Ke arah itu pihak *stakeholders* yang terdiri daripada pihak agensi keselamatan dan penguatkuasaan bertindak merangka strategi untuk memelihara kestabilan politik dan mempertahankan kedaulatan negara serta menghubungkan keupayaan pertahanan dengan keupayaan diplomatik dan juga persediaan negara dalam menangani ancaman keselamatan. Keselamatan dalam konteks ini merangkumi keselamatan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bagi sama-sama mengalinga (memeduli) dan memastikan perlindungan dan pencegahan daripada ancaman-ancaman keselamatan yang berpotensi menjejaskan kestabilan negara dapat dikengkang.

Selain itu, selaras dengan tertubuhnya Bahagian Antarabangsa di Jabatan Perdana Menteri, dasar luar negara yang jelas dan konsisten dalam melindungi kepentingan negara serta penyelarasan pelaksanaan komitmen antarabangsa negara juga turut menjadi tumpuan jabatan ini secara berterusan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, berasaskan kepada prinsip-prinsip di atas dan dengan penggunaan kaedah belanjawan baharu, *Programme and Performance Budgeting* yang berasaskan kepada *outcome* dan *co-function* jabatan, bagi Tahun Kewangan 2016/2017, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya telah disokong untuk disediakan peruntukan sebanyak $566,597,970.00. Pada Tahun Kewangan 2016/2017, Jabatan Perdana Menteri akan menumpukan aktiviti-aktivitinya kepada beberapa bidang fokus dan keutamaan seperti berikut:-

i. Mempertingkatkan keupayaan kepimpinan dan urus tadbir yang cemerlang bagi mencapai matlamat Wawasan Negara 2035 melalui permodalan perkhidmatan awam melalui rangka kerja perkhidmatan awam. Ini antaranya dengan memperkukuhkan kualiti, produktiviti dan peningkatan keupayaan, modal insan melalui pengoptimuman

penggunaan sumber kewangan yang ada melalui perancangan, penilaian yang sistematik dan juga mengambil langkah-langkah pengauditan;

ii. Penekanan kepada pengukuhan keupayaan dan kapasiti dalam membanteras aktiviti-aktiviti jenayah. Inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan termasuk untuk mengukuhkan dan meningkatkan lagi kerja-kerja pembanterasan dan juga kebolehan serta keupayaan agensi-agensi penguatkuasaan dalam mengendalikan krisis-krisis nasional dan hal-ehwal jenayah merentas sempadan. Dalam masa yang sama mengadakan dan mereviu dasar yang berkaitan mengikut keperluan semasa;

iii. Memantau perkembangan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara ke arah mencapai matlamat ekonomi Wawasan Negara 2035 melalui penyediaan dan pelaksanaan dasar ekonomi yang mantap dan berdaya tahan; dan

iv. Membina dan mempromosi imej kerajaan yang produktif dan responsif melalui platform yang sedia ada dan juga memaksimumkan fungsi perhubungan awam yang efektif.

Bagi Jabatan Perdana Menteri, gaji kakitangan secara keseluruhannya disediakan sebanyak $336,934,860.00. Perbelanjaan Berulang-Ulang diperuntukkan sebanyak $216,248,010.00. Perkhidmatan khas diperuntukkan sebanyak $13,415,100.00. Peruntukan yang diluluskan termasuk bagi melaksanakan 17 projek pembelian baharu berjumlah $4,281,000.00 termasuk 2 projek dan harga rancangan $480,000.00. Bagi melaksanakan 17 projek pengambilan semula berjumlah $9,134,100.00 termasuk 13 projek dan harga rancangan $185,806,527.00 yang dibutirkan dalam Rang Belanjawan Jabatan Perdana Menteri.

Sekianlah sahaja, secara ringkas yang dapat kaola terangkan mengenai tumpuan-tumpuan utama dan perkara-perkara keutamaan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawanya bagi Tahun Kewangan 2016/2017 ini.

Kaola juga ingin memaklumkan bahawa 5 jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah jabatan-jabatan yang tertutup iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei. Oleh sebab jabatan-jabatan ini berkaitan langsung dengan hal-ehwal strategik keselamatan negara, isu-isu yang akan dibincangkan mungkin perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka, maka kaola memohon pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi supaya bajet bagi jabatan-jabatan tersebut tidaklah perlu dibincangkan.

Sebelum mengakhiri, kaola ingin memaklumkan bahawa apa jua soalan dan kemusykilan yang dikemukakan

oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, yang berkaitan dengan isu-isu Jabatan Perdana Menteri juga akan turut dijawab dan diterangkan oleh rakan-rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) dan Yang Berhormat Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri khasnya terhadap isu-isu jabatan yang di bawah tanggungjawab mereka.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Adakah kedua-dua menteri di Jabatan Perdana Menteri yang lain untuk membuat mukadimahnya?

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Cukup sudah barangkali Yang Berhormat Pehin, penerangan dari Menteri Kewangan II (Kedua) sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi: Jadi sekarang kita bukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain untuk memberikan pendapat atau memohonkan keterangan. Saya jemput sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Oleh sebab Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri dibahagi dua, kaola akan menyuarakan 2 Tajuk, iaitu SA01A - Jabatan Perdana Menteri dan Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei:-

1. Kaola ingin menyuarakan Jabatan Perdana Menteri. Seperti mana yang kaola sampaikan pagi tadi bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sungguh prihatin dalam memeduli kesejahteraan rakyat. Dalam hubungan ini, kaola melihat bahawa peruntukan bagi Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2016/2017 kelihatan menurun.

   Kaola maklum bahawa Jabatan Perdana Menteri mempunyai projek membantu membina rumah orang-orang daif di seluruh negara melalui *quickwin* selain Majlis Ugama Islam Brunei di seluruh negara. Di Daerah Belait anggaran 34 permohonan yang disokong oleh Jabatan Daerah Belait masih menunggu, walaupun sudah beberapa kali pihak Jabatan Perdana Menteri bersama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain membuat lawatan ke tapak-tapak tanah permohonan-permohonan, namun setakat ini masih belum mendapat keputusan.

   Kaola ingin bertanya dan mohon penjelasan:-

i. Dari mana dan di mana sumber-sumber kewangan diperolehi bagi membantu membina rumah-rumah orang daif tersebut iaitu melalui *quickwin*?; dan

ii. Dapatkah pihak Jabatan Perdana Menteri meneruskan projek tersebut, kalau tidak ada peruntukan khas disediakan, jika tidak apakah alternatif pihak Jabatan Perdana Menteri?

Untuk makluman, di Daerah Belait terdapat berek-berek kerajaan yang kosong yang tidak terpelihara dan terbiar begitu sahaja. Kaola mencadangkan berek-berek tersebut dibaik pulih, kemudian diserahkan untuk penempatan orang-orang daif di daerah tersebut. Langkah sedemikian ini, kaola rasa sekurang-kurangnya dapat membantu menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan membina rumah-rumah yang berasingan. Selain itu, rumah-rumah kerajaan yang kosong di daerah tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya; dan

2. Yang Berhormat Pengerusi, mengenai Radio Televisyen Brunei. Dalam pengamatan kaola, kaola mendapati prestasi Radio Televisyen Brunei meningkat dari semasa ke semasa. Peningkatan tersebut adalah hasil gigih para pekerja atau kakitangan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka selain peralatan-peralatan baharu yang dibekalkan. Oleh itu, warga kerja yang kreatif dan dedikasi yang memainkan peranan dalam kemajuan tersebut.

Persoalan yang akan kaola suarakan ini pernah kaola suarakan di Dewan yang mulia ini kira-kira lima tahun yang lalu tetapi terdapat kakitangan yang sudah berkhidmat lebih dari sepuluh tahun masih lagi dibayar menggunakan baucer. Kaola ingin minta penjelasan mengapa perkara tersebut berlaku? Mengapa kakitangan tersebut tidak diambil terus dikekalkan dalam jawatan mereka?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin suka untuk menjawab terus ataupun melihat soalan-soalan lain yang ditimbulkan? Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman untuk mengemukakan soalan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas mukadimah yang telah disampaikan. Kaola ada beberapa perkara hendak disampaikan:-

1. Baru-baru ini kaola terbaca dan tertarik dengan apa yang

dilaporkan di media massa semasa Majlis Penutup *Executive Development Programme* yang ke-23, Yang Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyarankan betapa mustahaknya bagi pegawai-pegawai kanan untuk berani mengeluarkan pandangan dan cadangan demi pembangunan negara. Kaola memang bersetuju dan menyokong sepenuhnya pandangan tersebut. Kaola juga berpendapat jika budaya berani mengeluarkan pandangan dan cadangan dalam kalangan pegawai kanan dipraktikkan dari dahulu lagi sudah tentu kerajaan tidak memerlukan pengeluaran perbelanjaan kewangan yang begitu besar untuk mendapatkan perkhidmatan konsultan-konsultan asing yang kurang faham dengan keadaan budaya negara dan tidak mempunyai fakta-fakta mengenai negara kita. Berhubung dengan perkara ini, kaola ada 2 soalan:-

i. Dalam mengamalkan perbelanjaan berjimat cermat adakah kerajaan juga akan menamatkan perkhidmatan konsultan-konsultan asing yang menggunakan perkhidmatan besar kerajaan?; dan

ii. Kaola ingin bertanya apakah peranan Unit PENGGERAK Jabatan Perdana Menteri dalam membantu meningkatkan perkhidmatan Perkembangan ekonomi negara pada ketika negara sedang mengalami kemerosotan ekonomi?;

2. Mengenai perlindungan ke atas kanak-kanak. Kebelakangan ini selalu berlaku kejadian kebakaran rumah. Isu berhubung dengan kawalan perlindungan daripada kebakaran berpunca daripada api elektrik telah pun kaola timbulkan semasa sesi muzakarah bersama dengan Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ nampaknya Jabatan Elektrik mengambil langkah-langkah pengawalan seterusnya.

Di Dewan yang mulia ini, kaola ingin menimbulkan perkara yang lebih serius yang berkaitan dengan isu kebakaran rumah ini, iaitu berhubung perlindungan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa kebakaran. Isu ini tidak kaola tujukan khas kepada Jabatan Elektrik sahaja. Sejauh ini, kebakaran ke atas rumah telah menyebabkan berlakunya kematian kepada kanak-kanak dan terdapat juga kanak-kanak yang cedera dan mendapat cacat anggota. Keperluan untuk memberi perlindungan ke atas kanak-kanak bukan sahaja berikutan dari kejadian kebakaran, terdapat juga kematian dari kejadian kemalangan jalan raya, penderaan dan kejadian mati lemas bagi yang tinggal di Kampung Air.

Isu perlindungan ke atas kanak-kanak ini kaola tujukan kepada Jabatan Perdana Menteri kerana sejauh ini kaola melihat tidak ada satu kementerian

yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam perkara ini. Jika melihat *KPI* atau keutamaan dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, walaupun mereka menjadi *custodian* kepada Perintah *Child and Young Persons Act*. Perintah ini tidak mengandungi siasatan ke atas kanak-kanak yang telah mati. Jika meneliti *KPI* Kementerian Kesihatan pula mereka juga tidak memberi keutamaan kepada perkara ini kecuali memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke bawah dari jangkitan penyakit. Jabatan Bomba dan Penyelamat pula hanya menumpukan menjalankan tugas mereka memadam api dan mencari punca kebakaran. Sementara itu, Pasukan Polis Diraja Brunei pula hanya akan menjalankan siasatan jika mendapat aduan yang jenayah telah berlaku ke atas kanak-kanak tersebut.

Dalam usaha kerajaan memberi perlindungan kepada kanak-kanak terutama apabila negara telah mengadaptasi *conventional right of the child* pada tahun 1965. Kaola ingin bertanya agensi manakah yang bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan dan mereviu ke atas kes-kes yang melibatkan kematian kepada kanak-kanak yang berpunca daripada kejadian-kejadian yang kaola sebutkan di atas.

Di sini kaola mencadangkan supaya ditubuhkan satu *central body* untuk menjalankan siasatan dan mengkoordinat semua agensi supaya memainkan peranan masing-masing. Sejauh ini kita selalu bertindak secara reaktif sebagai misalan apabila kanak-kanak sekolah mati berikutan kemalangan di kawasan sekolah, barulah kitani membuat jejantas atau membuat pagar. Apa yang di kehendaki ialah supaya tindakan yang dibuat bersifat proaktif.

Kaola fikir jika kerajaan menunjukkan keprihatinan yang serius ke atas setiap kes kemalangan kepada kanak-kanak kaola percaya kanak-kanak di negara ini akan mendapat perlindungan dari berlakunya kejadian yang sama pada masa hadapan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin untuk memohon keizinan, iaitu sebab kaola membawa Biro Kawalan Narkotik tetapi tidaklah mengaitkan dengan perkara-perkara yang sensitif. Jadi ini hanya merupakan sesuatu pembaikan kepada Biro Kawalan Narkotik jadi kalau diizinkan oleh pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih. Apa yang kaola ketahui program pemulihan di Pusat Al-Islah di negara ini adalah sama di peringkat residen. Tidak ada perbezaan sama ada kemasukan pertama kali atau berulangkali bagi

residen yang telah berumur 50 tahun ke atas dengan residen yang muda.

Program Pembelajaran Kemahiran Vokasional Kelas Lanjutan, mengikuti peperiksaan *'O' Level*, latihan memandu kelas 6, kemahiran baik pulih kenderaan dan kemahiran memasak memang satu program yang sangat baik tetapi oleh kerana faktor umur mungkin terlalu tipis untuk mendapatkan peluang pekerjaan.

Oleh itu, dengan melaksanakan program khusus seperti kerohanian, keagamaan dan kepimpinan kemahiran berdikari dalam bercucuk tanam, ternakan dan bertukang adalah program yang bersesuaian. Tetapi untuk merealisasikan program ini peruntukan dan sokongan daripada badan-badan dan persatuan-persatuan bukan kerajaan *(NGO)* sangat diperlukan untuk berkerjasama dan membantu mengawal kemasukan residen yang berulang kali ke Pusat Al-Islah. Hal ini bukannya dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada kerajaan iaitu bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-31 tahun pada 23 Februari 2015 yang banyak menyentuh isu keamanan dan keselamatan mengenai penyalahgunaan dadah.

Dalam titah tersebut, perkara ini tidak hanya tertumpu di atas bahu pegawai semata-mata malah ia perlu ada kerjasama daripada badan-badan persatuan-persatuan bukan kerajaan dan masyarakat sekeliling dalam sama-sama membantu membanteras najis dadah. Oleh itu, kaola cadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri menerusi Biro Kawalan Narkotik berunding dengan badan-badan atau persatuan-persatuan *NGO* yang bersesuaian untuk mendapatkan kerjasama.

Seterusnya, kaola akan menyentuh mengenai Radio dan Televisyen Brunei. Radio dan Televisyen Brunei. Adalah suatu saluran penyebar maklumat yang paling berkesan. Ianya boleh berperanan untuk membantu pendidikan keusahawanan. Oleh itu, disarankan Radio Televisyen Brunei dapat menyiarkan juga program bersiri yang berunsur menggalakkan perusahaan. Misalannya seperti rancangan yang boleh dan berupaya dilaksanakan di rumah iaitu industri keluarga. Rancangan ini hendaklah yang menunjukkan proses pembuatannya dari awal iaitu mula mendapatkan sumber yang pertama hingga sampai ke pembungkusan (*packaging)* dan seterusnya pemasaran.

Sebagai contoh membuat peralatan keperluan dapur dan rumah tangga seperti alat kebersihan, bahan pencuci, jus, sirap, bahan pengilat, herba, pemakanan, pertukangan, jahitan, ukiran dan lain-lain.

Seterusnya ialah berhubung dengan Jabatan Penerangan. Kaola tertarik dengan rancangan berbelanja dengan

cara berhemah iaitu dengan mengurangkan perbelanjaan. Apakah kiranya dengan keadaan ekonomi sekarang Jabatan Penerangan mengurangkan pengeluaran Pelita Brunei dari 3 keluaran kepada 2 keluaran sahaja. Apa yang kita lihat sekarang ini berita yang dikeluarkan ada juga dikeluarkan di media-media yang lain iaitu Radio Televisyen Brunei, *Borneo Bulletin* dan Media Permata. Hanya menambah yang perlu ruangnya sedikit bagi mengisi berita yang penting tapi tidak membanyakkan kertas. Misalannya isi kandungannya yang berkualiti serta tambahan kepada ruangan penulisan jawi dengan tujuan memartabatkan tulisan jawi yang sekarang ini semakin kurang dan tidak digemari oleh orang ramai untuk membacanya.

Juga kalau diizinkan Pasukan Polis Diraja Brunei yang tidak juga menyentuh sensitiviti hanya untuk pembaikan. Pengawas kejiranan nampaknya sekarang ini telah kembali bergerak setelah sekian lama sunyi sepi. Dengan adanya wujud pengawas kejiranan sekurang-kurangnya membantu pihak polis menjaga keamanan dan keselamatan mukim dan kampung seperti mana yang kita harapkan dalam Wawasan Negara 2035, menjaga keamanan dan kesejahteraan. Tugas meronda dijalankan bersama anggota polis dengan ahli kejiranan disambut baik. Memandangkan pengawas kejiranan ini nampaknya kumpulan yang sudah diiktiraf adalah dicadangkan supaya diadakan Peruntukan Khas yang bersesuaian diberikan seperti mana juga kumpulan MPM dan kampung yang mempunyai peruntukannya sendiri.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Yang Berhormat Yang Di-Pertua itu yang kedua yang masa ini dibincangkan SA01A sampai SA12A dan SA15A adalah di peringkat yang kedua.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih setakat ini sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat tidak ada lagi pertanyaan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Sebenarnya ada pertanyaan tetapi sudah diarahkan untuk berhenti.

Yang Berhormat Pengerusi: Kalau tidak ada pertanyaan lagi, maka saya mempersilakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat:-

1. *Monetary Authority Brunei Darussalam*. Literasi Kewangan dan Kemudahan Kewangan *Financial Literacy* dan *Financial Access* adalah satu mekasnisme yang efektif

menangani isu kemiskinan dan juga menggalakkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Banci Kebangsaan *(National Survey)* mengenai pengetahuan perancangan kewangan telah didapati 34 peratus tidak mempunyai perancangan kewangan, 49 peratus tidak mempunyai penyimpanan yang aktif, 24 peratus memerlukan pinjaman kewangan bagi membiayai perbelanjaan harian dan 32 peratus tidak mengetahui kadar bunga kad kredit yang mereka gunakan. Sebanyak 1,521 isi keluarga terlibat dalam banci keluarga ini.

Mengikut *Monetary Authority Brunei Darussalam*, kerajaan sedang membuat strategi bagi membuat bagi mengatasi masalah kewangan yang dihadapi oleh orang perseorangan termasuk perbelanjaan yang berlebihan (*overspending),* berhutang *(indebtedness),* penipuan kewangan *(financial fraud)* dan tidak mempunyai budaya simpanan *(lack of saving culture).* Kaola berpendapat, perkara ini terjadi disebabkan kenaikan harga barang keperluan harian seperti kenaikan kadar bayaran elektrik, ikan, daging dan barang-barang lain. Bagi pegawai dan kakitangan kerajaan, nilai gaji yang diterima pada masa ini adalah kecil jika dibandingkan dengan nilai gaji ketika perubahan gaji akhir pada tahun 1984 iaitu 30 tahun yang lalu.

Kaola ingin bertanya:-

i. Apakah strategi-strategi yang sedang dirancang untuk mengatasi perkara ini?; dan

ii. Apakah faktor yang menyebabkan orang tidak mempunyai simpanan yang aktif dan juga golongan 24 peratus yang memerlukan pinjaman kewangan bagi menyara kehidupan harian mereka?

2. Jawatankuasa - jawatankuasa kerajaan. Setiap Kementerian mempunyai lembaga dan juga jawatankuasa-jawatankuasa yang penting yang melibatkan kepentingan orang ramai. Sebagai contoh, Lembaga Bandaran, beberapa orang yang berkepentingan dan juga orang-orang yang mewakili orang ramai, dijadikan ahli kepada lembaga tersebut. Kaola nampak beberapa jawatankuasa peringkat negara tidak mempunyai keahlian yang mewakili orang ramai. Jawatankuasa-jawatankuasa yang kaola maksudkan adalah seperti:

i. Jawatankuasa Biasiswa Kementerian Pendidikan dan Jawatankuasa Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama;

ii. Jawatankuasa Pembangunan *(Development Committee)*;

iii. Jawatankuasa Perancangan *(Planning Committee)*; dan

iv. Jawatankuasa Perumahan *(Housing Committee)* dan beberapa jawatankuasa yang lain.

Dalam hal ini kaola sukacita mencadangkan jawatankuasa-jawatankuasa seperti di atas, keahliannya juga dikehendaki dimasukkan orang-orang awam yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang dan orang yang profesional;

3. Penubuhan Badan Tenaga Kerja. Pengangguran di Negara Brunei Darussalam semakin ketara kebelakangan ini. Bukan sahaja di peringkat bawahan malah juga di peringkat ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah. Inisiatif dan perubahan untuk menyediakan kondisi dan probisnes termasuk penubuhan *Darussalam Enterprise (DARe)* adalah dipuji dan diperlukan untuk meningkatkan perekonomian negara dan menangani masalah pengangguran dalam jangka masa sederhana dan panjang *(medium dan long term)*. Apakah pula langkah kementerian seterusnya bagi menangani pemasalahan pengangguran pada masa terdekat iaitu satu atau dua tahun ini, bagi memastikan graduan-graduan dan *school leavers* dapat mencari peluang bekerja. Kaola mencadangkan bagi kerajaan untuk menubuhkan badan tenaga kerja untuk merancang, mengurus keperluan tenaga kerja di Negara Brunei Darussalam bagi jangka pendek dan jangka panjang;

4. Bahagian Media dan Kabinet. Dalam sesi muzakarah Jabatan Perdana Menteri dengan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada pada 29 Februari 2016 yang menyentuh peranan Bahagian Media dan Kabinet. Dalam catatan kaola nampaknya peranan Bahagian Media dan Kabinet tidak menyeluruh kerana pada pendapat kaola peranan terhad kepada hal-hal dalam negeri. Kaola bercadang supaya peranan Bahagian Media dan Kabinet ini lebih luas merangkumi hal-hal mempromosi imej Brunei secara menyeluruh ke negara luar. Badan ini juga membetulkan persepsi orang-orang luar terhadap Brunei Darussalam seperti pemahaman Konsep Melayu Islam Baraja, pemahaman Undang-Undang Syariah dan lain-lain; dan

5. Di sini kaola jua akan membawa mengenai dengan Pasukan Polis Diraja Brunei, mengenai dengan Skim Pengawasan Kejiranan Kampung. Pada tahun 1984, Pasukan Polis Diraja Brunei telah menubuhkan Skim Pengawasan Kejiranan Kampung di Kampung Madang, Berakas, Daerah Brunei Muara yang pertama, dan telah pun dilaratkan ke seluruh Negara Brunei Darussalam. Keahlian pengawasan kejiranan kampung adalah lebih kurang 12,000 orang sejak ditubuhkan. Tujuan utama penubuhan skim ini ialah memberi

peluang kepada masyarakat untuk bertanggungjawab dan berkerja sama dengan Pasukan Polis Diraja Brunei dalam mencegah dan membanteras jenayah serta menjaga keharmonian Negara Brunei Darussalam.

Sejak penubuhannya Pengawasan Kejiranan Kampung, Pasukan Polis Diraja Brunei telah berjaya menurunkan kadar jenayah yang amat ketara serta berjaya mengeratkan silaturrahim dengan semua lapisan masyarakat di negara ini. Pada tahun 2014 Skim Pengawasan Kejiranan Kampung telah pun diaktifkan semula. Ini menyeluruhi keseluruhan negara secara berperingkat. Di Daerah Tutong, beberapa buah mukim pasukan Pengawasan Kejiranan Kampung ini belum lagi diaktifkan seperti Mukim Pekan Tutong, Mukim Keriam, Mukim Tanjung Maya, Mukim Rambai. Sehubungan dengan itu, kaola mohon supaya pihak Polis Diraja Brunei mengaktifkan semula pasukan Pengawasan Kejiranan Kampung bagi kawasan-kawasan yang belum lagi ditubuhkan pasukan Pengawasan Kejiranan kampung untuk memenuhi kehendak masyarakat yang cintakan keamanan dan keharmonian negara.

i. Apa yang ingin kaola tahu adakah kedudukan Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung yang lama sama ada perkhidmatan dan keahlian mereka dikekalkan atau sebaliknya. Jika keahlian dan perkhidmatan mereka dimansuhkan dan ditamatkan, maka kaola bercadang Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung yang terdahulu diberi sijil penghargaan bagi mengenang jasa bakti mereka; dan

ii. Rondaan Siang dan Malam. Pasukan Polis Diraja Brunei telah memperkenalkan rondaan dengan menggunakan kenderaan di kawasan-kawasan yang tertentu, termasuk kawasan perkampungan untuk mencegah dan membantaras jenayah seperti mencegah kesalahan lalu lintas. Sistem perondaan siang dan malam menggunakan kenderaan adalah satu langkah yang amat wajar sekali gus memberi keyakinan kepada masyarakat dalam tugas harian mereka dan di samping itu meningkatkan lagi persepsi positif masyarakat terhadap Pasukan Polis Diraja Brunei. Dalam kesempatan ini, kaola dengan tulus ikhlas menyarankan supaya sistem rondaan siang dan malam berkenderaan ini hendaklah dilaksanakan secara berterusan dan bukan secara berskala.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang

Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam Dewan Majlis yang mulia ini kaola akan mengutarakan empat Tajuk dalam Jabatan Perdana Menteri.

Dalam Tajuk S01A - Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Pengerusi, tadi rakan saya, Yang Berhormat dari Daerah Belait, ada menimbulkan isu mengenai dengan bantuan bagi golongan daif, fakir dan miskin. Kaola akan menimbulkan isu mengenai bantuan perumahan bagi golongan daif, fakir dan miskin.

Pihak Jabatan Daerah Temburong selaku Urus Setia Kumpulan Kerja Penyiasat Bantuan Rumah bagi golongan Daif, Fakir dan Miskin bersama Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) Jabatan Tanah, Jabatan Ukur dan Jabatan Kemajuan Perumahan telah menghadapkan sebanyak 77 pemohonan kepada Jabatan Perdana Menteri bagi sebarang ketetapan mengenai bantuan perumahan tersebut Yang Berhormat Pengerusi setakat ini proses-proses bantuan perumahan bagi golongan daif, fakir dan miskin mengambil masa yang lama iaitu melebihi tempoh 6 bulan bahkan ada yang sampai bertahun-tahun lamanya.

Belum lagi membina rumah yang dijanjikan, sehingga kini dan sebarang ketetapan mengenainya belum dicapai. Soalan kaola bolehkah kaola tahu Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang diguna pakai oleh jawatankuasa bertindak untuk memproses permohonan yang kaola timbulkan tadi.

Dalam Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik kaola dengan izin jika mendapat pertimbangan dan kebenaran Yang Berhormat Pengerusi untuk kaola dapat dipertimbangkan dalam Tajuk ini, kaola fikir ia tidak bersangkutan dengan perkara-perkara yang negatif. Lebih dahulu kaola mohon maaf dan pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi dalam Tajuk ini jika ada hubung kait dengan agensi lain bagi memudahkan kaola mengutarakan dalam Tajuk ini.

Apa yang kaola maklum di pos-pos kawalan iaitu Pos Kawalan Hujung Jalan dan Pos Kawalan Labu belum ada tempat laluan khas bagi pemeriksaan kenderaan yang disyaki supaya terlindung daripada pandangan orang ramai. Sejauh ini kedudukan untuk memeriksa kenderaan yang disyaki masih di laluan kenderaan orang ramai. Kaola mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya satu laluan khas bagi kenderaan yang disyaki untuk pemeriksaan pihak agensi berkenaan ini akan dapat mengelakkan daripada pandangan orang awam dari aspek sekuriti dan pengetahuan umum yang boleh mengakibatkan sebarang kesan negatif.

Dalam Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei seperti mana yang kaola maklum mengenai cadangan dan rancangan jabatan yang berkenaan untuk membina bangunan RTB cawangan Daerah Temburong di tapak tanah yang disediakan terletak di Mukim Batu Apoi yang belum lagi dilaksanakan. Mengenai bangunan RTB yang ada pada masa ini terletak di Pusat Pekan Bangar telah mendapat perhatian pengunjung. Kaola telah beberapa kali melawat dan melihat keadaan stesen tersebut, berpendapat bangunan dan kawasan pejabat ini memerlukan kenaikan taraf dan pengubahsuaian yang bersesuaian.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengetahui status kedudukan perkara yang pernah ditimbulkan semasa mesyuarat yang lalu dan mencadangkan jika dapat dinaikkan taraf bangunan yang digunakan pada masa ini dalam aspek sekuriti dan keselesaan pekerja. Dalam Tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei, Mukim Bokok adalah satu-satunya mukim yang belum terdapat pos polis memandangkan pos polis Mukim Bokok yang lama telah dirobohkan kerana tidak selamat untuk didiami. Perkara ini pernah juga kaola timbulkan 3 tahun yang lalu dalam persidangan majlis ini.

Pada pandangan kaola ia perlu dibina di mukim berkenaan sebagai menggantikan pos polis yang lama dengan mengambil kira peningkatan penduduk mukim berkenaan. Kaola juga mengambil maklum bahawa satu tapak pos polis ada disediakan di kawasan Perancangan Perumahan Negara Kampung Rataei, Mukim Bokok seluas 0.25 hektar yang telah dicadangkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bertanya mengenai status perkembangan pembinaan pos polis Mukim Bokok di tapak yang telah disediakan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya fikir ada baiknya kita berehat sebentar dan untuk itu saya tangguhkan dulu Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa ini dan kita akan balik untuk bermesyuarat pada Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-ahli Yang Berhormat saya cadangkan supaya mesyuarat kita tangguhkan selama 30 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti dan dibincangkan satu persatunya saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang di peringkat Jawatankuasa dan kita masih lagi membincangkan Jabatan Perdana Menteri bagi Tajuk SA01A hingga Tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei. Sebentar tadi mesyuarat ditangguhkan. Sebelum mesyuarat ditangguhkan seramai 5 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri ini dan di hadapan saya masih lagi ada senarai Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik yang suka untuk bercakap mengenai Tajuk-Tajuk yang berkenaan.

Saya mempunyai keraguan mengenai sebagaimana yang telah pun dipinta oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) bahawa berapa Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang disifatkan sebagai jabatan-jabatan sensitif. Jadi saya agak sukar untuk menentukan manakah Tajuk-Tajuk ataupun *frontier area* yang dikatakan sensitif itu. Jadi, untuk tidak menjejaskan kedudukan *sensitivity* jabatan-jabatan yang berkenaan ada baiknya jabatan-jabatan yang berkenaan itu tidak kita bincangkan.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Yang Berhormat Pengerusi, kalau diizinkan seperti mana yang ditekankan oleh Yang Berhormat Pengerusi soalan daripada Yang Berhormat dari Daerah Temburong mengenai tentang laluan khas untuk operasi menangkap orang-orang yang membawa dadah. Barang ini sensitif kemudian ia akan mengakibatkan tentang rantaian bukti *Change of evidence.* Sepatutnya perkara ini janganlah didiskusi secara terbuka di sini Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya saya ada 2 soalan:-

1. Mengenai pembekuan jawatan-jawatan yang telah dijelaskan dengan terperinci oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Jadi dengan penjelasan tersebut, mudah-mudahan bukan semua jawatan yang dibekukan dan masih ada peluang-peluang pekerjaan yang disediakan akan memberi kelegaan kepada pencari-pencari pekerjaan dan juga kepada warga perkhidmatan awam untuk terus maju dan bersemangat memberikan perkhidmatan mereka kerana tidak dapat disangkal bahawa bagi warga perkhidmatan awam, kenaikan pangkat adalah harapan dan merupakan salah satu motivasi di samping bekerja لِلّٰهِ تَعَالَىٰ; dan

2. Soalan kedua yang menjadi soalan pertama, apa yang akan saya timbulkan ini agak terkeluar daripada peruntukan tetapi masih berkait rapat dengan sektor awam aspek produktiviti dan kebajikan warga perkhidmatan awam terutama pegawai dan kakitangan wanita.

   Saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam dapat memikirkan untuk mengadakan atau menyediakan tempat atau bilik khas yang bersesuaian di jabatan-jabatan kerajaan untuk dijadikan penjagaan anak-anak damit bagi memudahkan ibu-ibu dalam kalangan kakitangan dan pegawai wanita yang mempunyai anak-anak damit yang masih memerlukan penyusuan susu ibu dan sudah setentunya diberikan suatu tempoh yang bersesuaian atau untuk sementara waktu sahaja.

   Hal ini bukan sahaja memberikan keselesaan atau ketenangan ibu-ibu berkenaan tetapi lebih jauh lagi dapat memberi kesan dari aspek produktiviti kerja mereka, mengurangkan waktu keluar masuk pejabat dan prestasi kerja di jabatan juga akan meningkat maju dan satu lagi dapat menyelesaikan satu masalah iaitu untuk mendapatkan pembantu rumah yang sekarang ini bukan sahaja susah untuk mencari calon, kemudian bayaran yang mahal dan kadang-kadang ada yang mengalami kes-kes penipuan, apatah lagi dalam keadaan sekarang ini, kegawatan ekonomi. Jadi saya harap cadangan ini akan dapat dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Gapor @Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi, soalan kaola kepada Tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei. Kaola ingin mengetahui perkembangan berhubung dengan pembinaan pos polis.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya telah pun tadi menyatakan bahawa oleh sebab adalah sangat sukar bagi kita di dalam majlis ini untuk menentukan mana yang sensitif ataupun mana yang tidak sensitif, maka ada baiknya Tajuk-Tajuk berkenaan dengan jabatan-jabatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi sebagai jabatan-jabatan sensitif tidak dibincangkan dalam Majlis ini.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Kaola tarik balik soalan kaola. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada soalan lain lagi Ahli Yang Berhormat?

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Tidak ada Yang Berhormat Pengerusi, itu saja soalan kaola.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya jemput ataupun saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Soalan kaola tujukan kepada Jabatan Perdana Menteri sebanyak 3 soalan:

1. Negara kita Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli pertubuhan serantau antarabangsa seperti *BIMP-EAGA, ASEAN, APEC* dan *TPP*. Saya ingin bertanya, berapa peratuskah kejayaan yang telah dicapai khususnya dalam bidang urus niaga bagi kepentingan kerajaan dan swasta?;

2. Pertubuhan manakah yang banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi bagi negara kita?; dan

3. Apakah persediaan kita setelah kita menjadi Ahli *TPP* yang telah dianggotai oleh 12 buah negara dan apakah pengisian Negara Brunei Darussalam untuk bersaing dengan gergasi ekonomi dunia seperti China, Amerika Syarikat dan lain-lain negara ahli?

Yang Berhormat Pengerusi, perumahan bagi saudara-saudara baharu Kampung Bebuluh. Bilangan saudara-saudara baharu Kampung Berbuluh kian bertambah dari setahun ke setahun. Ini menunjukkan mereka telah mendapat hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta usaha gigih gerakan Pusat Dakwah Islamiah dalam usaha memberikan dakwah yang berkesan dan juga peranan yang dimainkan oleh ketua kampung dan pemimpin masyarakat dalam memberikan contoh teladan yang baik serta peranan umat Islam di mukim berkenaan.

Antara pemangkin yang amat berkesan pemedulian pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan infrastruktur yang lebih selesa seperti jalan penghubung, sekolah, balai ibadat, dewan serbaguna di samping kemudahan-kemudahan yang lain.

Yang Berhormat Pengerusi, dicadangkan agar pihak kerajaan melalui skim perumahan akan dapat menyediakan tapak perumahan khusus bagi saudara-saudara baharu ini di Kampung Bebuluh dan sekitarnya. Dengan adanya skim ini, saudara-saudara baharu berkenaan akan dapat tinggal di Kampung Bebuluh dan meneruskan kehidupan mereka di halaman sendiri.

Melalui skim ini mereka akan menjadi satu entiti masyarakat yang bersatu padu dan menjadi mercu tanda bahawa saudara-saudara baharu mempunyai

pencapaian khusus yang disediakan oleh kerajaan melalui skim perumahan. Kampung Bebuluh memang menjadi lokasi lawatan pengunjung dalam dan luar negeri kerana etnik ini kaya dengan budaya dan perusahan tradisi yang sangat menarik.

Melalui penempatan ini, ia akan menjadi mercu tanda dakwah berkembang dengan pesatnya dan pengunjung akan dapat melihat perumahan saudara-saudara baharu lebih tersusun dan selesa. Perkara ini amat penting bagi menjalamai (mendiami) kawasan yang kaya dengan flora dan fauna yang bernilai tinggi di samping sebagai benteng mengukuhkan keselamatan sempadan dengan negara-negara jiran.

Yang terakhir Yang Berhormat Pengerusi, aktiviti penyeludupan barang-barang subsidi kerajaan perlu diawasi dan diberikan perhatian yang serius seperti minyak, gas, gula dan minyak diesel. Kegiatan penyeludupan ini selalunya akan berlaku di beberapa kawasan yang berdekatan dengan sempadan dengan negara jiran.

Oleh yang demikian, adalah perlu mencari mekanisme bagaimana untuk mencegah kegiatan berkenaan. Sudah tiba masanya kementerian berkenaan mencari kaedah baharu bagi memberikan subsidi yang bersesuaian kepada rakyat dan penduduk yang berkelayakan.

Menurut kenyataan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dalam membentangkan peruntukan Belanjawan Negara pagi tadi, kita telah mendengar Yang Berhormat menyentuh perkara subsidi dan cara pemberiannya, maka kerana itu Yang Berhormat Pengerusi sudah tiba masanya perkara ini akan dapat dibuat penilaian yang berpatutan agar hajat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan subsidi ini akan sampai kepada sasaran iaitu bagi keperluan golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Sekian sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Oleh sebab kaola akan bercakap mengenai Pasukan Polis Diraja Brunei yang diiktirafkan sebagai satu jabatan yang sensitif, maka, kaola menarik diri daripada meneruskannya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato

Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Kaola akan hanya bercakap mengenai dua perkara yang ditujukan kepada Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Penerangan:-

1. Lagu Kebangsaan dan bendera negara merupakan lambang dan simbol rasmi serta identiti sesuatu bangsa dan negara. Termasuklah negara kita Brunei Darussalam dengan Lagu Kebangsaannya "Allah Peliharakan Sultan". Ia menjadi lambang perpaduan dan kedaulatan bangsa, agama dan negara. Lagu Kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan merupakan sebuah Lagu Kebangsaan yang perlu dihayati kerana filosofi bangsa jelas tergambar dalam lagu ini. Penghormatan tidak hanya setakat mengetahui tatacara menyanyikan Lagu Kebangsaan dan menaikkibarkan bendera negara, bahkan mesej yang terkandung di dalamnya hendaklah dihayati. Secara praktikalnya menyanyikan Lagu Kebangsaan dan mengibarkan bendera negara dapat menimbulkan dan menaikkan semangat kenegaraan dan kesedaran hidup berbangsa sebagai negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang berdaulat ini.

   Pada akhir tahun 40-an, dua orang anak muda Melayu Brunei telah mendapat ilham ke arah suatu pemikiran bahawa negeri Brunei yang tercinta pada masa itu patut memiliki ataupun mempunyai Lagu Kebangsaannya sendiri. Mereka yang dimaksudkan itu ialah Pengiran Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim yang menggunakan nama samaran Yura Halim. Sekarang dikenali Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara (Dr.) Pengiran Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Allahyarham Haji Awang Besar bin Sagap.

   Maka, terciptalah Lagu Kebangsaan Brunei "Allah Peliharakan Sultan" yang liriknya atau seni katanya ditulis oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara (Dr.) Pengiran Haji Mohd Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan muziknya digubah oleh Allahyarham Haji Awang Besar bin Sagap pada tahun 1947.

   Pada tahun 1955, lagu "Allah Peliharakan Sultan" telah diakui secara rasmi sebagai Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, selepas Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei yang Ke-28 yang dimahkotakan sebagai Sultan pada tahun 1950 dan sehingga kini ianya dikumandangkan pada acara-acara rasmi dalam dan luar negara.

   Lagu "Allah Peliharakan Sultan" Negara Brunei Darussalam, mempunyai ciri-cirinya yang unik dan tersendiri. Ia merupakan permohonan kepada Allah Subhanahu Wata'ala akan

kesejahteraan negara dan penyataan taat setia kepada Raja.

Seyogialah kita sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah panji-panji Negara Brunei Darussalam menghayati isi kandungan Lagu Kebangsaan kita dan menghormatinya sebagaimana selayaknya. Sehingga kini Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sering dinyanyikan atau diperdengarkan di segenap pelosok negara pada majlis-majlis atau acara rasmi kerajaan. Namun jauh daripada itu, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam "Allah Peliharakan Sultan" ini juga turut dinyanyikan di arena dunia antarabangsa dalam pelbagai acara majlis rasmi yang bersifat kenegaraan.

Sehubungan dengan perkara itu, bagi menghargai dan mengenang jasa bakti kedua-dua warga ini yang berusaha ke arah memertabatkan bangsa, agama, negara dan raja kita, ke mata dunia antarabangsa, kedua-dua mereka ini secara tidak langsung, telah meletakkan Negara Brunei Darussalam setaraf dengan negara-negara lain.

Dengan berkumandangnya lagu "Allah Peliharakan Sultan" di seluruh dunia, maka saya dengan ikhlas mengusulkan kepada pihak yang berkenaan untuk memikirkan apa jua pengiktirafan yang selayaknya kepada mereka termasuklah sejumlah wang sebagai hadiah kepada Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara (Dr.) Pengiran Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan kepada ahli waris Allahyarham Haji Awang Besar bin Sagap, sebagai tanda penghargaan serta bagi mengenang jasa mereka. Itulah Yang Berhormat Pengerusi, perkara pertama kaola tujukan di dalam Dewan yang mulia ini; dan

2. Dalam keadaan dunia tanpa sempadan pada masa ini, negara kita tidak terkecuali daripada mendapat penelitian dan perhatian dunia luar melalui saluran-saluran dan corong media.

   Beberapa kenyataan berkaitan dasar dan hal ehwal dalam negara kita telah mendapat perhatian kurang positif dan berbaur kritikan daripada pihak luar dan media antarabangsa. Sebagai contoh, beberapa kenyataan daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan laporan yang termuat dalam akhbar-akhbar tempatan telah mendapat liputan meluas dari media luar dan pihak antarabangsa.

   Kebanyakan liputan tersebut merupakan kritikan dan pandangan negatif yang pada pendapat kaola bersumber daripada mereka yang kurang memahami akan konteks sosiobudaya dan amalan negara kita.

Satu lagi kenyataan yang dipetik daripada laporan akhbar tempatan mengenai perayaan agama di negara ini, yang diambil daripada petikan khutbah Jumaat telah mendapat liputan media di negara jiran dan antarabangsa. Kebanyakan liputan tersebut kritikan kepada raja dan negara yang ditohmahkan sebagai tidak toleran terhadap agama-agama lain di negara ini.

Bagi rakyat dan penduduk yang bermastautin di negara ini, tahu dan faham bahawa negara kita ini mengamalkan sikap hormat-menghormati agama dan kepercayaan yang dianuti oleh bangsa lain dan kebebasan mengamalkan agama dan kepercayaan tersebut termaktub dalam undang-undang kita, Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Apa yang kita kesali ialah tanggapan yang salah dan manipulasi sesetengah pihak melalui media luar telah memutarbelitkan intipati nasihat khutbah Jumaat tersebut yang ditujukan sebagai peringatan kepada orang beragama Islam sahaja di negara ini.

Saya terharu kerana adanya beberapa pihak luar telah mengeluarkan kenyataan melalui media antaranya, seorang pegawai bertaraf menteri di negara jiran yang membuat kenyataan menyarankan media dan pihak tertentu di negara tersebut agar tidak terburu-buru mengkritik tanpa mendapatkan penjelasan yang sebenar. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada menteri tersebut atas kenyataan yang beliau berikan itu.

Kaola berpendapat kita seharusnya lebih berhak dan lebih wajar untuk membuat kenyataan yang sama melalui saluran-saluran kerajaan yang berkenaan bagi memberikan penjelasan yang sebenarnya dan membetulkan mana-mana jua kekeliruan dari semua pihak dan media luar mengenai apa jua kenyataan dan laporan berkaitan dengan kedaulatan raja dan negara kita.

Sebagai negara Melayu Islam Beraja, negara kita mengamalkan polisi bersahabat dengan negara luar, saling menghormati dan tidak campur tangan dalam hal-ehwal negara lain. Sebagai negara yang merdeka lagi berdaulat, kita berhak dan perlu untuk mempertahankan kedaulatan dan maruah raja dan negara. Kita sepatutnya mengeluarkan kenyataan rasmi untuk membetulkan dan memberikan penjelasan pada kekeliruan dari laporan dan kenyataan yang dibuat oleh pihak luar negara dan media-media asing.

Maka saya berpendapat, pihak jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Penerangan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan sebagai suara-suara rasmi kerajaan untuk mengambil langkah-langkah yang

selayaknya seperti mengeluarkan kenyataan rasmi melalui *mission* luar negara kita untuk dijadikan kenyataan rasmi kerajaan terhadap satu-satu isu yang berkepentingan dan seterusnya menjelaskan pendirian dan keadaan sebenar di sebalik berita yang telah dilaporkan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi daripada kaola. Terima kasih, وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola hanya akan bercakap sedikit mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Tenaga dan Perindustrian yang telah menyelesaikan permohonan kaola beberapa tahun yang lalu iaitu mendirikan Pondok Polis Kampung Perpindahan Berakas. Syukur ٱلْحَمْدُ لله pondok polis telah ada dibuat di sana dan telah dirasmikan oleh Pesuruhjaya Polis. Mudah-mudahan akan dapat digunakan dengan baik, maka pihak Jabatan Tenaga dan Perindustrian terlepaslah dari pantun:-

Makan pinang sambil berdikir,
Dikir datang dari Makassar,
Barang siapa berjanji mungkir,
Akan dituntut di Padang Mahsyar.

Maka terlepaslah menteri yang berkenaan daripada dituntut di Padang Mahsyar.

Sebenarnya RTB adalah satu pengelolaan yang bagus, pendedahan kepada adat, budaya dan lain-lainnya. Kaola menyeru supaya pihak RTB akan menyediakan rancangan-rancangan yang mendedahkan adat dan budaya negara dengan sebaik-baiknya. Mudah-mudahan dari pendedahan televisyen itu akan dilihat oleh rakyat bahawa inilah adat dan budaya Brunei yang sebenar-benarnya termasuklah lagu-lagu asli yang dipunyai oleh orang Brunei sendiri. Dari lagu-lagu asli itu akan kita pilih manakah satu lagu bangsa negara.

Dalam lagu Brunei, pihak kaola ada hampir 20 buah, maka kita memilih satu lagu asli yang dihidangkan sebagai lagu negara. Misalnya kita ke Malaysia, apakah lagu kamu di Malaysia? Maka kita mulakanlah mengeluarkan lagu asli sama ada Adai-Adai dan sebagainya kerana Negara Malaysia itu mempunyai lagu asli masing-masing umpamanya di Negeri Melaka dengan lagu Dondang Sayang, Pulau Pinang dengan lagu Boria dan ada lagi satu yang popular iaitu Dikir Barat. Kalau mereka ada mendedahkan perkara ini, kita juga ada. Begitulah hendaknya dan mudah-mudahan akan dilaksanakan kerana perkara ini banyak hubungan dengan penerangan, budaya dan siapa-siapa untuk menjayakan perkara ini. Mudah-mudahan dari perkataan kaola tadi itu akan dapat difahamkan dan dilaksanakan dengan sebaiknya.

Demikianlah Yang Berhormat Pengerusi. وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Akhirnya saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi, kaola agak tertarik membahas peruntukan RTB SA08A - Radio Televisyen Brunei yang berperanan menyampaikan apa jua keperluan kerajaan dengan rakyat terutama sekali berita-berita dalam negeri, begitu juga berita luar negeri untuk pengetahuan rakyat yang termasuk hiburan dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi, apa yang kaola timbulkan dalam Dewan yang mulia ini, antaranya satu iklan penggunaan telefon bimbit semasa memandu kereta, melalui iklan ini kaola berpendapat tidaklah sesuai didedahkan kerana telefon tersebut jatuh keluar dan pemandu kereta berkenaan terkejut disebabkan ada halangan di hadapannya.

Yang Berhormat Pengerusi, berdasarkan dari apa yang kaola lihat semasa menonton televisyen, apa jualah kiranya seseorang pemandu kereta yang sedang menggunakan telefon bimbit supaya berhenti di bahu jalan dengan menyalakan lampu keselamatan.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan mengambil kira supaya mengelakkan sesuatu kemalangan kedua-dua pihak semasa memandu di jalan raya yang menggunakan telefon bimbit tadi agar pemandu lain tidak terjejas di jalan raya yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat atas pertanyaan-pertanyaan dan kenyataan-kenyataan yang diberikan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) untuk memberikan jawapannya atau masih menunggu soalan-soalan yang lain?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya akan menjawab beberapa soalan tadi yang bersangkut paut dengan tanggungjawab kaola. Salah satunya ialah mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Haji Ahmad mengenai pembiayaan Projek Bantuan Rumah bagi golongan yang berkeperluan.

Sebenarnya, projek ini dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Ugama Islam Brunei melalui Kumpulan Wang Zakat sebanyak $35 juta dengan penyediaan infrastruktur seperti jalan raya, air dan elektrik disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Projek Bantuan Pembinaan Rumah bagi golongan daif, fakir dan miskin ini sebagai manifestasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli kesejahteraan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini khususnya bagi golongan daif, fakir dan miskin yang memerlukan bantuan bagi memberikan mereka kehidupan yang selesa dan sempurna.

Projek Bantuan Perumahan ini merupakan projek yang diusahakan oleh beberapa buah agensi kerajaan termasuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

الْحَمْدُ لله setakat ini seramai 185 pemohon telah dikenal pasti berkelayakan untuk dihulurkan bantuan pembinaan rumah di bawah projek pembinaan ini. Pada tahun 2015, 18 buah rumah telah pun siap dibina di bawah projek ini dan diserahkan kepada penerima rumah bantuan.

Setakat ini sebanyak 89 buah rumah yang telah pun diserahkan kepada penerima-penerima di bawah Projek Bantuan Pembinaan Rumah ini termasuklah 12 buah rumah yang dibaik pulih. Ini termasuklah 12 buah rumah di Kuala Belait dan 20 buah rumah di Daerah Temburong.

Sementara itu, 12 buah rumah bantuan juga telah selesai dibina pada bulan Januari 2016. Rumah-rumah ini adalah rumah bantuan di peringkat 2 di tapak berkelompok Kampung Tagap, Jerudong. إِنْ شَاءَ اللَّهُ penyerahan rumah-rumah ini akan dibuat dalam waktu terdekat sebaik sahaja pihak MUIB menyerahkan senarai pemohon yang akan mendiami rumah tersebut.

Pada masa ini, pembinaan 30 buah rumah bantuan di keempat daerah juga sedang berjalan dan juga pembinaan rumah-rumah bantuan ini adalah pemohon-pemohon yang tersenarai dalam permohonan segera. Ini termasuklah 4 buah di Daerah Belait dan 2 buah di Daerah Temburong. Jawatankuasa bertindak projek juga telah menghadapkan 32 permohonan yang telah disokong oleh MUIB kepada pihak Jabatan Kerja Raya bagi proses tawaran pembinaan rumah-rumah bantuan.

Dalam perkara ini, 13 dari 32 nama yang disokong adalah bagi pembinaan rumah-rumah bantuan kepada penerima-penerima yang dikategorikan sebagai penerima yang diberikan keutamaan dan 19 orang yang tersenarai lagi adalah bagi pembinaan rumah bantuan di bawah Projek Fasa II Pakej II.

Sebahagian lagi, permohonan ada yang telah selesai melalui proses tawaran dan telah dihadapkan ke pihak MUIB untuk sokongan tawaran dan seterusnya penyediaan peruntukan bagi pembinaan rumah-rumah bantuan.

Manakala mengenai kedudukan berek-berek terbiar Daerah Belait untuk penempatan kepada golongan-golongan yang berkeperluan. Sukacita dikongsikan di sini bahawa pihak kerajaan melalui usaha sama pelbagai agensi termasuk Jabatan Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mengusahakan menggunakan berek-berek berkenaan sebagai tempat penempatan bagi golongan-golongan yang berkeperluan. Dalam hal ini, usaha-usaha membaik pulih berek-berek berkenaan hanya akan dibuat setelah pihak-pihak berkenaan mengenal pasti mereka yang akan ditempatkan di berek berkenaan mengikut kriteria kelayakan yang disahkan oleh pihak yang berkepentingan.

Mengenai soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad iaitu proses permohonan rumah bantuan golongan daif. Untuk makluman, bagi melaksanakan projek ini, beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan melibatkan beberapa agensi termasuklah daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan dan satu kumpulan kerja iaitu:-

1. Jawatankuasa Pengesahan Bantuan Perumahan dalam menangani isu yang dipengaruhi oleh kemiskinan. Yang antara lain bertujuan menilai dan mengesahkan bantuan yang dihulurkan, memenuhi syarat-syarat yang diperlukan melalui kutipan-kutipan wang zakat mengikut hukum syarak;

2. Jawatankuasa Bertindak Penyediaan Pembinaan Perumahan Bantuan yang bertujuan antara lain untuk menentukan kedudukan tapak-tapak tanah dan memproses pemberian rumah bagi pemohon yang tidak memiliki tanah atau pemohon yang mempunyai tanah yang bermasalah; dan

3. Kumpulan Kerja Penyiasatan Bantuan Perumahan Golongan Daif, Fakir dan Miskin yang bertujuan untuk menyelaraskan dan menyediakan laporan senarai permohonan bantuan perumahan golongan daif, fakir dan miskin seluruh Negara Brunei Darussalam dan membuat siasatan dan lawatan serta laporan terperinci mengenai latar belakang, butir-butir dan kedudukan tanah permohonan bantuan perumahan.

Jadi dalam hal ini, proses-proses ini sememangnya panjang dan memerlukan satu jangka masa untuk meneliti dan menilai kelayakan yang berkaitan dengan penyediaan perumahan bantuan berkenaan.

Izinkan jua kaola menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah tadi iaitu mengenai perkhidmatan konsultan asing dan jua apa peranan PENGGERAK dalam meningkatkan ekonomi negara. Terima kasih jua atas saranan-saranan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah itu.

Mengenai isu menamatkan perkhidmatan konsultan asing di kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan ini, sebagaimana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Datin Paduka tadi iaitu untuk menjimatkan perbelanjaan kerajaan.

Pada menjawabnya, pengambilan dan pelantikan konsultan yang dibuat oleh kementerian mengikut projek masing-masing. Khidmat konsultan bagi sesuatu projek hanya dibuat jika ia benar-benar diperlukan seperti pihak kerajaan tidak mempunyai kepakaran dan kemampuannya sendiri. Ini sebenarnya adalah untuk menjimatkan perbelanjaan kerajaan dalam memastikan kejayaan projek dan jua tiada pembaziran perbelanjaan semasa projek berlaku. Khidmat konsultan akan dapat dikurangkan atau ditamatkan jika pembangunan modal insan sektor awam dapat menghasilkan pakar-pakar yang diperlukan untuk menjayakan pelbagai projek kerajaan. Perkara ini salah satu inisiatif yang terdapat dalam rangka kerja perkhidmatan awam yang telah pun saya sentuh dalam pembentangan kertas kerja pada pagi tadi.

Yang Berhormat Pengerusi. Sekarang kaola ingin memperjelaskan mengenai peranan PENGGERAK. Seperti mana jua yang dinyatakan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke Sepuluh Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2014 pada hari Khamis 6 Mac 2014.

PENGGERAK berperanan bagi mengenal pasti bidang-bidang utama yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan melalui agensi-agensi tertentu. Ia juga akan bekerjasama dengan agensi-agensi tersebut dalam merangka perancangan, memantau pelaksanaan dan juga menawarkan khidmat nasihat serta bantuan dari semasa ke semasa. Dari segi ekonomi, PENGGERAK sedang memantau petunjuk-petunjuk *index Ease of Doing Business* di bawah Bank Dunia merangkumi *starting a business, dealing with construction permit, getting electricity, registering property, getting credit, protecting minority investors, bank taxes, trading across borders, imposing contract* dan *resolving insolvency.*

PENGGERAK juga sedang melihat isu-isu lain yang berkaitan dalam menambah baik persekitaran, perniagaan seperti buruh dan persijilan halal. Ini bermaksud PENGGERAK dan agensi-agensi berkenaan sentiasa mengambil kira kitaran hayat atau pun *life cycle* sesebuah perniagaan semasa memperkenalkan pembaharuan dalam menyediakan persekitaran yang mesra perniagaan dan kondusif bagi peniaga-peniaga tempatan dan luar negara. Ini akan dapat secara langsung membangun usahawan-usahawan tempatan serta menarik pelaburan langsung asing.

Satu lagi bidang keutamaan PENGGERAK adalah pembangunan perusahaan kecil dan sederhana. Usaha-usaha yang telah dilakukan menghasilkan penubuhan satu badan khas yang akan berperanan untuk mengembangkan perusahaan kecil dan sederhana iaitu *Darussalam Enterprise* atau pun *DARe.* Dalam usaha untuk menyediakan persekitaran mesra perniagaan, PENGGERAK juga telah membuat penyelidikan mengenai keberkesanan pelaburan langsung asing di negara ini dan ini telah membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Langsung Asing dan *Industry Downstream.*

PENGGERAK juga telah melihat mengenai petunjuk-petunjuk prestasi utama ekonomi dengan usaha-usaha telah dibuat telah menghasilkan satu rangka kerja petunjuk prestasi utama yang akan dapat memantau prestasi negara ke arah pencapaian Wawasan Negara 2035. Pada masa ini rangka kerja berkenaan telah diserapkan ke dalam Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035, yang petunjuk-petunjuk prestasi utama adalah dipantau secara berterusan oleh Sekretariat Tetap Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035.

Kaola juga ingin memperjelaskan mengenai dengan soalan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd.Jaafar mengenai penglibatan swasta, orang ramai dalam beberapa jawatankuasa atau lembaga dalam kerajaan.

Sebagai jawapan kaola, lantikan keahlian jawatankuasa lembaga adalah mengikut keperluan yang dibincangkan seperti mana dalam terma rujukan jawatankuasa lembaga yang berkenaan. Memang Jabatan Perdana Menteri menyedari keperluan-keperluan pihak yang berkepentingan, dalam mana jawatankuasa yang membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan orang ramai dan sektor swasta bagi menambah nilai pecambahan fikiran dalam menangani permasalahan yang berbangkit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang sudah menjadi amalan dalam perkhidmatan awam, pihak swasta, orang-orang yang berkepentingan dan yang berkemahiran dilantik menjadi ahli jawatankuasa secara *ad-hoc* atau pun jawatankuasa-jawatankuasa kerja. Contohnya *Darussalam Enterprise* ataupun *DARe*, keahlian lembaga adalah terdiri daripada 20 peratus pegawai kerajaan dan 80 peratus dari sektor swasta. Begitu juga keahlian Jawatankuasa-Jawatankuasa Peneraju Strategi Wawasan Brunei 2035, yang diterajui oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, keahliannya juga terdiri daripada wakil sektor swasta, pada misalannya Jawatankuasa Peneraju Makroekonomi yang dipengerusikan oleh kaola sendiri telah disertai oleh 4 orang wakil dari sektor swasta yang dikenal pasti dapat menyumbang kepada matlamat Jawatankuasa Peneraju tersebut.

Begitu juga Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, 3 ahlinya juga terdiri daripada pihak swasta. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ

kerajaan akan dari semasa ke semasa akan meneliti keperluan-keperluan ahli jawatankuasa untuk melibatkan orang ramai dan sektor swasta. Sekianlah dulu yang kaola dapat jelaskan untuk menjawab soalan-soalan tadi, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Yang Berhormat Pengerusi, kaola menjawab soalan ini dalam 10 minit boleh selesai إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Soalan pertama daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, tentang peruntukan yang disediakan oleh Pasukan Polis Di-Raja Brunei, memang peruntukan ini ada di Bahagian Peruntukan Operasi Pasukan Polis Di-Raja Brunei dan pada ketika ini Pasukan Polis Di-Raja Brunei ada menyediakan peralatan asas seperti baju, *base* dan sebagainya dan beberapa insentif untuk menggalakkan pembabitan orang kampung dalam pengawasan kejiranan. Jika kaola diizinkan dalam kesempatan ini peramba/kaola/saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kejiranan kampung yang terlibat secara langsung dalam memeriahkan perbarisan Hari Kebangsaan yang ke-32 tahun pada tahun ini.

Mengenai kejiranan kampung ini juga, menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar tentang mengapa tidak ada di kampung-kampung di Daerah Tutong? Sebenarnya Pasukan Polis Di-Raja Brunei sudah mahu membuat, orang kampung masih belum bersedia nampaknya.

Dan soalan kedua daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, tentang Pusat Al-Islah, terima kasih atas keprihatinan dan saranan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, saya mengambil maklum jua, Yang Berhormat pernah memberikan sumbangan sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat Pusat Al-Islah. Seperti mana Yang Berhormat maklum juga Pusat Al-Islah menggunakan pendekatan *terperatic community* sebagai asas program lawatan dan pemulihan di Pusat Al-Islah. Walaupun pada dasarnya semua residen mengikut program yang sama akan tetapi inti program tersebut dan penekannya adalah mengikut umur dan keperluan residen. Pegawai Biro Kawalan Narkotik sememangnya mempunyai kerjasama bersama sektor swasta dalam program lawatan dan pemulihan yang dijalankan di Pusat Al-Islah, semasa Skim Pelepasan Sementara (SPS) dalam memberikan residen-residen peluang untuk penempatan bekerja di sektor-sektor swasta adalah suatu perancangan Biro Kawalan Narkotik untuk memperluaskan lagi kerjasama dengan sektor swasta dan *NGO*.

Tadi kaola ada menyebut tentang soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, dari Daerah

Temburong. Soalan pertama tentang Biro Kawalan Narkotik, seperti mana jua yang kaola maklumkan soalan ini tadi ada implikasi hal-ehwal operasi, jadi kaola meminta tidak menjawab soalan ini. Tetapi soalan kedua tentang keperluan Balai Polis di Bokok, seperti mana jua *crime rate* di Bokok ini adalah rendah dan masa ini adalah terkawal dan Bokok pun 20 minit juga dari Pekan Bangar, jadi belum ada keperluan untuk Balai Polis di Bokok ini.

Akhir sekali kaola ingin menjawab tentang isu berbangkit berhubung agenda pembangunan negara yang setentunya penting dan utama bagi negara kita untuk mengurangkan pengganguran di Negara Brunei Darussalam. Pendekatan yang diambil dalam menangani isu pengganguran ini hendaklah dilihat secara menyeluruh dan melibatkan semua sektor. Bagi sektor minyak dan gas ia lebih jelas, memandangkan data-data yang sudah tersedia ada yang menjadi asas penting kepada usaha-usaha proaktif dalam menubuhkan inisiatif-inisiatif strategik yang berkesan. Di sektor tenaga Rangka Kerja Kompetensi Industri Tenaga (*EICA*) ialah hasil kerjasama yang rapat di antara kerajaan dan pihak industri tenaga. Dan ia diterajui dan diperkasa *empower* sendiri oleh pihak industri.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ inisiatif proaktif ini akan dilaratkan ke industri bukan minyak dan gas seperti industri pembinaan, pelancongan dan pengurusan *hospitality* melalui Rangka Kerja Kompetensi Industri atau *Industry Competency Framework*. Selain itu pihak kerajaan telah mengungkayahkan skim-skim tertentu seperti *National Energy Graduate Apprentice Scheme* (*NGAS*) iaitu sebuah skim yang telah diperkenalkan sejak bulan Julai 2014 bagi pencari kerja yang berkelulusan peringkat *HND* ke atas.

Skim ini direka bagi memberikan pendedahan suasana pekerjaan yang sebenar (*Real Working Environment*) bagi membolehkan peserta mempelajari dan meningkatkan kemahiran teknikal serta *soft skill* selama 12 bulan di syarikat-syarikat minyak dan gas. Setakat ini seramai 28 orang telah berjaya mendapat pekerjaan tetap daripada 59 orang *apprentice.*

Satu misalan ialah skim biasiswa *Syarikat Ng Hee Industry Sendirian Berhad* yang telah diungkayahkan pada tahun 2014. Ia adalah satu usaha proaktif dalam memastikan syarikat tersebut mempunyai tenaga kerja tempatan tersedia ada apabila syarikat tersebut beroperasi pada tahun 2019. Setakat ini seramai 44 orang mahasiswa jurusan kejuruteraan telah mengikut skim biasiswa ini dan juga melibatkan kolaborasi antara Universiti Brunei Darussalam dan University Jun Zhang, China. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat jua, antara sasaran tahunan yang dinyatakan dalam kontrak-kontrak syarikat operasi utama minyak dan gas mengandungi syarat-syarat pengambilan anak-anak tempatan yang berkelulusan *HND*, sarjana ke atas. Juga pengambilan penuntut kelulusan

Industry Competency Framework dan *Academy Maritime Brunei (BMA).*
Menyentuh kembali kepada saranan Yang Berhormat untuk penubuhan sebuah tenaga manusia seperti yang diterangkan dalam sesi permuzakaran pada hari Isnin, 22 Februari 2016, hasil kajian konsultan dari Australia di bawah Kementerian Pendidikan pada tahun 2015 telah membuat rekomendasi penubuhan satu badan khas iaitu Majlis Perancangan Tenaga Manusia Kebangsaan (*National Manpower Planning Council*) bagi membentuk dasar perancangan sumber tenaga manusia secara menyeluruh. Majlis ini dalam proses penubuhan dalam masa yang terdekat di bawah Jabatan Perdana Menteri. Terma rujukan telah digubal dan sekretariat perancangan tenaga manusia telah memulakan inisiatif untuk menghalusi pelan tindakan bagi hala tuju seterusnya.

Seperti jua yang telah dimaklumkan kepada pihak Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, kajian tersebut menekankan satu urus tadbir yang sesuai untuk memastikan pendidikan, latihan, peraturan pasaran buruh dan pembangunan dasar industri selaras dengan keperluan perancangan tenaga kerja di Negara Brunei Darussalam. Majlis Perancangan Tenaga Manusia Kebangsaan *National Manpower Planning Council* ini akan memantau cadangan-cadangan kajian tersebut yang antaranya mendapatkan *real-time feedback* akan keberkesanan dasar-dasar program yang ada dan yang akan diungkayahkan, memperbaiki pengumpulan, penyusunan dan pengurusan data, melaratkan, menyesuaikan dan memperkembangkan *ICF*, mengimbangi persaingan keperluan tenaga kerja antara sektor awam dan swasta, membuat perubahan yang perlu dalam program-program sokongan pelajar, melaksanakan hala tuju yang baharu dalam pendidikan dan latihan dan membentuk dasar pekerja asing di Negara Brunei Darussalam.

Walaupun nampaknya usaha-usaha mengurangkan pengangguran masih belum menggalakkan, kerja-kerja yang akan dilaksanakan oleh Majlis Perancangan Tenaga Manusia Kebangsaan akan menggunakan proses yang sinergi dengan pendekatan *One Government Approach* dalam perancangan tenaga kerja. إِنْ شَاءَ اللَّهُ ini akan dapat menambah keberkesanan usaha-usaha pihak kerajaan dalam mengurangkan pengangguran dan akan dikongsikan kepada kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkepentingan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Yang Berhormat Pengerusi, izinkan kaola berucap dalam 2 minit sahaja. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi cadangan-cadangan dan soalan-soalan berkenaan dengan RTB. Oleh sebab masa pun sudah singkat, kaola hanya akan menjawab satu cadangan iaitu cadangan daripada Yang

Berhormat Haji A. Ahmad bin Hussain, kalau tidak dijawab esok ada pantun ni. Jadi cadangan Yang Berhormat itu supaya meningkatkan lagi rancangan-rancangan berkenaan dengan kebudayaan dan adat-adat berserta lagu-lagu asli Brunei adalah agak baik dan akan diberi perhatian yang rapat. Jadi Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengucapkan terima kasih, oleh sebab masa yang tidak sempat untuk cadangan-cadangan dan soalan-soalan yang lain itu, kaola akan menjawab esok saja.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar soalan-soalan, teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan telah pun dijawab oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah kanan, maka saya kira perkara ini boleh sekarang kita pertimbangkan sama ada kita luluskan atau pun sebaliknya. Jadi sekarang saya ingin bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju mengenai dengan Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri hingga Tajuk SA012A - Polis Diraja Brunei, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Manakala yang menentang, tidak ada. Oleh sebab tidak ada yang menentang, maka Tajuk SA01A hingga Tajuk SA02A diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri hingga Tajuk SA012A - Polis Diraja Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mencadangkan supaya mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di Majis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat ini saya tangguhkan sementara waktu dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada esok hari iaitu pada hari Rabu, 29 Jamadilawal 1437 bersamaan 9 Mac 2016 pada pukul 9.00 pagi. Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Rabu, 29 Jamadilawal 1437 / 9 Mac 2016

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.
(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, bagi hari yang keempat, hari Rabu, 29 Jamadilawal 1437 bersamaan 9 Mac 2016 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰه syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua maka kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini untuk bersidang semula bagi hari yang keempat Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya telah difahamkan bahawa ada beberapa orang Yang Berhormat Ahli-ahli rasmi Kerana Jawatan tidak akan hadir atas urusan-urusan rasmi di luar negeri, iaitu pada hari Sabtu, 12 Mac 2016 ini. Yang Berhormat Menteri berkenaan telah memohon supaya perkara yang membabitkan kementerian-kementerian yang berkenaan dengannya, sama ada bagi Tajuk-Tajuk Anggaran Perbelanjaan atau Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis akan dapat terlebih dahulu dibincangkan. Sungguhpun semasa membincangkan usul yang tidak diberi notis yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, kita telah mempersetujui untuk mendahulukan Perkara V dan Perkara VII. Tetapi saya berpendapat untuk melicinkan dan memastikan kelancaran perjalanan persidangan ini, maka saya memberi izin supaya permohonan ini diluluskan.

Maka pada pagi ini, persidangan akan memulakan untuk membincangkan Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang telah Diberi Notis dan kita akan terus sahaja ke soalan-soalan yang berkait dengan Jabatan Perdana Menteri khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan

Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Sebelum itu, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa perbincangan ini hanya akan dihadkan selama 30 minit sahaja memandangkan di hadapan kita masih banyak lagi perkara-perkara yang perlu kita selesaikan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan-Soalan Jawab Mulut Yang Telah Diberi Notis. Soalan No.1 yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim kepada Jabatan Perdana Menteri khusus kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Soalan kaola ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua, ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada inti pati soalan ini telah pun di*highlight* oleh Jabatan Perdana Menteri khususnya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), dan اَلْحَمْدُ لله perkara ini didahului dan diucapkan terima kasih.

Walau bagaimanapun, kaola ingin jua *highlight* balik soalan tersebut. Akhbar Pelita Brunei bertarikh 5 November 2015, menyiarkan bahawa Negara Brunei Darussalam merupakan salah satu negara yang mencapai peningkatan ekonomi yang terbaik bersama dengan Negara Costa Rica dan Kenya. Mengikut laporan, Ekonomi Tahunan Ke 13, *Doing Business 2016* yang diterbitkan oleh Bank Dunia dan Perbadanan Kewangan Antarabangsa. Negara Brunei Darussalam juga menduduki tangga ke-84, kenaikan sebanyak 21 anak tangga dari tahun lepas dengan markah 62.93 pada tahun ini berbanding 58.2 pada tahun lepas. Kerajaan juga bermatlamat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi yang mudah dan murah bagi perniagaan agar dapat bersaing di rantau ini dan seterusnya memperbaiki kedudukan negara dalam Laporan *Doing Business*. Saya ingin bertanya:-

1. Apakah strategi kementerian ini bagi menjadikan perkara di atas menjadi realiti?;

2. Adakah sudah kajian dilakukan untuk memudahkan bagi mendapatkan lesen perniagaan bagi membantu peniaga-peniaga bumiputera dalam mengembangkan bisnes dengan usaha sendiri untuk mengelakkan ber 'Ali Baba' yang cuma mengaut keuntungan sedikit; dan

3. Dengan jatuhnya harga minyak dunia, adalah diakui mendatangkan kesan dan impak kepada negara. Apakah langkah dan usaha kementerian berkenaan untuk mengatasi masalah ini agar semua

projek pembangunan akan terus berjalan?

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu diucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim kerana telah membangkitkan perkara ini. Seperti mana jua, yang tadi diterangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, banyak jua yang soalan ini telah pun dijawab oleh rakan sejawat saya iaitu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Walau bagaimanapun, kaola akan sekali lagi cuba menjawab Soalan Yang Diberi Notis ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Strategi utama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memudahkan perniagaan di Negara Brunei Darussalam adalah untuk menyediakan prasarana dan alam sekitar yang mudah dan kondusif yang akan dapat menggalakkan banyak lagi usahawan-usahawan untuk menceburi bidang perniagaan dan sekali gus memperkasa pihak swasta.

Pihak kerajaan, melalui Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* bekerjasama dengan beberapa kementerian dan agensi-agensi kerajaan dalam *one government approach* untuk melaksanakan perubahan-perubahan proses kerajaan yang akan memudahkan peniaga-peniaga dalam memulakan dan menjalankan bisnes.

Peniaga-peniaga juga akan dipantau dan dibantu dalam perkembangannya oleh Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana yang baru sahaja ditubuhkan iaitu *Darussalam Enterprise*. Adapun usaha bagi meningkatkan ke arah menjadikan Negara Brunei mudah dan murah bagi perniagaan dan sekali gus meningkatkan kedudukan negara dalam *Ease of Doing Business,* ini sememangnya diberi keutamaan oleh pihak kerajaan.

Oleh yang demikian, kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti menubuhkan komersial kod, mengubah perundangan yang lebih probisnes serta memperbaiki proses-proses yang berhubung kait dengan perniagaan seperti pendaftaran syarikat dalam tempoh sehari dan peniadaan lesen perniagaan bagi sebahagian jenis perniagaan. Kesemua aktiviti penambahbaikan tersebut adalah usaha yang diselaraskan di bawah sebuah jawatankuasa mengenai *Stocktake of Ease of Doing Business* yang telah ditubuhkan pada tahun 2014 dan ia malahan dipengerusikan sendiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat ini bertujuan membentuk arah dan hala tuju pembaikan persekitaran perniagaan dan pada masa yang sama bagi memastikan dan memantau usaha-usaha reformasi dilaksanakan dan diselaraskan dengan baik.

الْحَمْدُ لله peningkatan dan kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam Laporan Ekonomi Tahunan Ke-13 *Ease of Doing Business 2016* seperti Yang Berhormat nyatakan tadi telah dicapai atas berkat kepimpinan dan dorongan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah serta sokongan kumpulan *Champion of Ease of Doing Business*.

Menyentuh mengenai keupayaan syarikat tempatan untuk berdaya saing di rantau ini, kerajaan sedang menyediakan program-program tertentu yang akan disampaikan oleh *Darussalam Enterprise (DARe).* Penyediaan program-program tersebut akan diterajui oleh pihak swasta yang juga ahli lembaga urus tadbir *DARe* supaya ia dapat diberi keutamaan kepada keperluan khusus peniaga-peniaga tempatan.

Adalah diharapkan dengan adanya program-program ini perusahaan-perusahaan tempatan akan dapat berkembang maju sehingga dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Mengenai adakah sudah kajian dilakukan untuk memudahkan bagi mendapatkan lesen perniagaan bagi membantu peniaga-peniaga bumiputera dalam mengembangkan bisnes dengan usaha sendiri untuk menggelakkan berali baba yang mengaut sedikit keuntungan, dalam menjawab soalan ini, kajian telah dibuat mengenai persekitaran perniagaan keseluruhan termasuk mendapatkan lesen perniagaan yang telah dilaksanakan sejak 2014 melalui Mesyuarat *Stocktake* mengenai *Ease of Doing Business*.

Beberapa reformasi telah dikenal pasti bagi meningkatkan persekitaran perniagaan hasil daripada kajian tersebut khusus bagi lesen perniagaan. Langkah yang telah diambil ialah meniadakan lessen-lesen perniagaan bagi 33 aktiviti perniagaan yang berisiko rendah. Dengan memudahkan tatacara-tatacara perniagaan diharap ianya akan dapat mengurangkan aktiviti berali baba. Dalam pada ini, maklum balas daripada orang ramai sangat dialu-alukan memperbaiki cara-cara untuk memudahkan bisnes.

Walau bagaimanapun, jika perlu perusahaan-perusahaan yang dikehendaki memperolehi permit-permit tertentu seperti permit pembinaan daripada *Authority of Building Construction Industry (ABCi),* import permit daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei dan sebagainya. Kesemua permit tersebut bolehlah dipohonkan di *Business Support Centre* yang dikendalikan oleh *DARe*. Pada

masa ini 2 minggu sekali dan pada bulan April 2016 akan إِنْ شَاءَ اللَّهُ dikendalikan sepenuh masa.

Agensi-agensi berkepentingan seperti *ABCi*, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Buruh dan lain-lain akan ditempatkan secara tetap di *Business Support Centre* ini. Ini akan memudahkan urusan-urusan para peniaga dengan menempatkan kesemua agensi yang memberi kebenaran dalam satu pusat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, *Business Support Centre* berkenaan bolehlah dikunjungi 5 hari dalam seminggu manakala lagi khidmat *online* pula ia bolehlah dilayari 24 jam sehari.

Dengan jatuhnya harga minyak adalah diakui mendatangkan kesan dan impak kepada negara. Apakah langkah-langkah dan usaha kementerian berkenaan untuk mengatasi masalah agar semua projek pembangunan akan terus berjalan, rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah dengan berpanjang lebar kelmarin menerangkan tentang usaha kerajaan. Kaola akan menambah dalam sedikit sahaja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan pergantungan hampir 90 peratus pendapatan kerajaan dari sektor minyak dan gas, kemerosotan harga pasaran global minyak dan gas ini telah mengakibatkan pendapatan kerajaan menurun 70 peratus dari hasil yang diterima pada Tahun Kewangan 2012/2013. Walaupun pengurangan pendapatan kerajaan, projek-projek pembangunan yang mempunyai *country value* akan terus berjalan sehingga selesai dan diharapkan dapat pulangan balik kepada kerajaan. Kerajaan akan sentiasa memantau projek-projek tersebut bagi memastikan peruntukan yang disediakan itu akan digunakan dengan sebaik-baiknya bagi menjamin kejayaan projek-projek berkenaan. Apa yang diharapkan bagi projek-projek ini akan dapat menyumbang kepada KDNK negara.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan seterusnya ialah Soalan No.5 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kepada Jabatan Perdana Menteri khusus Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kaola hanya akan mengajukan satu pertanyaan atau soalan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

الْحَمْدُ لله segala gejala rasuah di negara ini masih boleh ditangani dengan baik dan belum menjadi satu masalah yang serius. Sungguhpun demikian, perkara ini tidak harus dianggap ringan atau bersikap sambil lewa dalam usaha secara berterusan bagi mencegah dan menghindari rasuah. Dengan perkembangan teknologi masa kini, pastinya perkembangan pesat dunia ke arah globalisasi perkidmatan-perkhidmatan dan perdagangan turut memberikan cabaran yang baharu kepada Biro Mencegah Rasuah (BMR) kerana terdapat pelbagai kaedah rasuah terutama rasuah jarak jauh.

Soalan kaola, dengan memastikan agar ketenteraman dan kemajuan negara tidak akan terancam dan dipengaruhi oleh sebarang pihak yang mengambil kesempatan melalui perbuatan rasuah, apakah Biro Mencegah Rasuah (BMR) sudah mendekatkan diri dengan kaedah-kaedah terkini dalam mengatasi rasuah rentas sempadan dengan mudah? Itu sahaja yang kaola ajukan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sukacita peramba/kaola/saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, berhubung dengan hal-ehwal berkaitan dengan Biro Mencegah Rasuah (BMR). Adalah merupakan peranan Biro Mencegah Rasuah (BMR) untuk menyiasat pelaku rasuah dan pada masa yang sama proaktif dalam mengikuti kaedah-kaedah terkini yang dapat membantu mengatasi ancaman rasuah terutamanya bagi kegiatan rasuah yang melibatkan rentas sempadan *(cross border or transnational)* yang bukanlah satu cabaran baharu.

Dalam menghadapi cabaran ini, Biro Mencegah Rasuah (BMR) telah menjadi ahli kepada kesatuan agensi antirasuah di rantau Asia Tenggara seawal tahun 2003. Biro Mencegah Rasuah (BMR) juga mengambil langkah berterusan dengan mengeratkan hubungan dua hala dengan agensi antirasuah di negara-negara jiran menerusi perkongsian maklumat dan bantuan siasatan yang berkaitan dengan pelakuan rasuah merentas sempadan. Dengan adanya peruntukan undang-undang seperti *Mutual llegal Assistant and Criminal Matters Order 2005 dan Criminal Asset Recovery Order 2013*, akan membolehkan kerjasama penyiasatan yang dilakukan dengan bantuan negara-negara asing untuk menjejaki pesalah ataupun perolehan wang rasuah yang dibawa dan disembunyikan di luar negara.

Biro Mencegah Rasuah (BMR) telah mengambil langkah untuk terus meningkatkan kemahiran dan kapasiti pegawai-pegawai Biro Mencegah Rasuah (BMR) dalam penyiasatan kes-kes rasuah rentas sempadan dengan menggunakan kaedah-kaedah terkini seperti peralatan *digital forensic* untuk mendapatkan bukti dari alat-alat komunikasi, peralatan-peralatan canggih untuk kegunaan operasi, pendekatan siasatan kewangan seperti *money trial* dan *asset tracing*, untuk mengesan wang pelaburan rasuah rentas sempadan bagi tujuan pendakwaan dan pengambilan wang pelaku rasuah kepada kerajaan melalui *Criminal Assets Recovery Order 2012*. Antara kes rasuah yang telah berjaya dibuat penyiasatan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) yang menggunakan peruntukan yang disebutkan bagi mengatasi had kuasa rentas sempadan adalah seperti berikut:-

1. Kes penipuan dan rasuah sebuah syarikat pembekal dengan Syarikat Minyak Shell Brunei (BSP) pada tahun 2014. Ini melibatkan penyelewangan berjumlah lebih B$8,000,000.00 dan telah memberi rasuah kepada 32 orang pegawai dan kakitangan Syarikat Minyak Shell Brunei (BSP) melalui kerjasama rentas sempadan Biro Mencegah Rasuah (BMR) dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara dan Kerajaan Singapura telah berjaya mendapatkan kembali wang jenayah tersebut berjumlah B$1,409,000.00; dan
2. Kes penyeludupan batu kelikir oleh dua buah syarikat kapal asing. Dalam kes ini, dua buah kapal tersebut telah menyeludup masuk dari negara jiran beberapa kali tanpa membuat pengisytiharan kastam, telah berjaya didakwa di mahkamah. Ini melibatkan memasuki negara ini secara haram tanpa menggunakan pasport.

Ini adalah beberapa kes yang disebutkan sebagai manifestasi bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa peka dengan jenayah rasuah dan akan terus memainkan peranan bagi memastikan ancaman jenayah seumpama ini diberi tumpuan dan tindakan. Biro Mencegah Rasuah (BMR) juga akan terus menjalinkan rangkaian hubungan kerjasama serta memberi bantuan kepada agensi-agensi antirasuah serantau dan antarabangsa dalam kes-kes penyisatan mereka yang melibatkan pelakunya atau aset-aset jenayah rasuah yang disalurkan melalui Negara Brunei Darussalam. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, yang akan ditujukan atau dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, iaitu Soalan No. 7.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola akan menyuarakan isu pengangguran khusus ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Negara Brunei Darussalam sedang pesat mempergiatkan usaha ke arah membangun infrastrukturnya dan ini mungkin memerlukan penambahan dan peningkatan pekerja-pekerja asing yang mahir atau separuh mahir bagi memenuhi kehendak pembangunan negara. Pertanyaan kaola ialah:-

1. Adakah inisiatif dan insentif melalui *APTK* bagi menggalakkan syarikat-syarikat tempatan dan juga rakyat Negara Brunei Darussalam sendiri memenuhi permintaan tenaga buruh di negara ini telah mencapai kejayaan?;

2. Jika tidak, apakah lagi usaha-usaha pihak kerajaan, terutama sekali kepada penganggur-penganggur yang mempunyai pendidikan tinggi?;

3. Tidak adakah pengkajian khusus dibuat oleh JPKE bagi mengurangkan pengangguran, selain dari memaparkan statistik pengangguran di negara ini; dan

4. Apakah sebabnya pekerja-pekerja, sama ada di sektor awam atau swasta yang sudah bersara diambil semula dan disambung perkhidmatannya. Ini akan mengurangkan peluang penganggur untuk memenuhi jawatan-jawatan tersebut?

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan berhubung kait dengan agenda pembangunan negara yang setentunya penting dan utama bagi negara kita untuk mengurangkan pengangguran di Negara Brunei Darussalam. Walaupun soalan ini juga boleh dijawab oleh rakan sejawatan saya iaitu ke arah Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga (APTK). Tafsiran saya ialah berfokuskan kepada inisiatif-inisiatif strategik yang dapat menangani isu pengangguran ini dan إِنۡ شَآءَ اللهُ mungkin rakan saya juga boleh menambah apa-apa yang kurang di sini.

Oleh yang demikian, izinkan saya memberi sedikit penjelasan daripada aspek dan pengalaman sektor tenaga dan perindustrian. Pendekatan diambil dalam menangani isu pengangguran ini hendaklah dilihat secara menyeluruh dan melibatkan semua sektor. Bagi sektor minyak dan gas adalah lebih jelas memandangkan seperti mana yang saya sudah tekankan kelmarin data-data

yang sedia ada menjadi asas penting kepada usaha-usaha proaktif menubuhkan inisiatif-inisiatif strategik yang berkesan.

Di sektor tenaga, rangka kerja *competency industry framework* ialah hasil kerjasama yang rapat antara kerajaan dan pihak industri. Ia diterajui dan diperkasa (*empower)* sendiri oleh pihak industri. Program-progam *EICF* ini disokong oleh Skim Latihan Pekerjaan kendalian Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Sejak bulan Julai 2013, *EICF* telah mencatatkan 2,229 pengambilan pelatih, termasuk pelatih-pelatih dari Akademi Maritim iaitu *BMA* dan daripada jumlah ini sebanyak 690 graduan daripadanya telah pun bekerja.

Di samping Skim Latihan Pekerjaan, kerajaan juga telah menyediakan *Scheme Tax Rebate* melalui sistem *STAR* yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan sebagai insentif bagi syarikat-syarikat untuk memberikan latihan-latihan peningkatan keupayaan tenaga kerja tempatan mereka.

Arahan-arahan *Local Business Development (LBD)* dan *EICF* merupakan pemangkin utama dalam meningkatkan peratus anak tempatan di sektor tenaga ke tahap 63 peratus pada tahun 2015. Pada tahun 2010 hanyalah kurang daripada 50 peratus. Di samping itu, semenjak tahun 2012, dalam masa 4 tahun sahaja pengambilan pekerja tempatan secara akumulatif sektor tenaga adalah sebanyak 9,563 orang.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ inisiatif ini akan dilaratkan kepada industri bukan minyak dan gas seperti industri pembinaan, pelancongan dan pengurusan *hospitality* melalui rangka kerja *Competency Industry* atau *Competency Industry Framework*.

Di sektor bukan minyak dan gas seramai 1,750 orang telah mengikuti Skim Latihan Pekerjaan anjuran APTK semenjak ia diperkenalkan. Terdapat banyak peluang bagi menyelaraskan dan mensejajarkan usaha-usaha antara sektor minyak dan gas dengan sektor bukan minyak dan gas. Sebagai contoh Jabatan Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian telah bekerjasama dengan APTK dalam memaksimumkan penggunaan *Job Centre Brunei* iaitu sistem pencarian pekerjaan dan kekosongan secara *online* yang diperkenal pada tahun 2015. Sistem ini memudahkan pencari kerja berdaftar secara *online* mencari peluang pekerjaan dan membolehkan pencari pekerja untuk mengetahui status pencarian pekerjaan mereka.

Setakat ini, seramai 4,852 orang pencari pekerja dan 418 buah syarikat telah mendaftar melalui sistem ini. Langkah proaktif kerajaan ini, secara tidak langsung akan menyumbang kepada pengurangan pengangguran di negara ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

الْحَمْدُ لله saya sebelum ini telah berpeluang untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa beliau menjadi Menteri

Pendidikan dalam penubuhan dan meningkatkan *(EICF)* sebelum ini. إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan berpeluang sekali lagi untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat untuk membantu *(EICF)* beliau selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Inisiatif yang penuh sinergi seperti ini akan dipertingkatkan lagi melalui satu badan khas iaitu Majlis Perancangan Tenaga Kerja Kebangsaan (*National Manpower Planning Council)* bagi membentuk dasar perancangan sumber tenaga manusia secara menyeluruh.

Inisiatif ini adalah hasil cadangan dari kajian yang dibuat oleh konsultan dari Australia yang telah dilantik oleh badan khas Perancangan Sumber Tenaga Manusia di bawah Kementerian Pendidikan pada tahun 2015. Kajian ini telah menekankan keperluan satu rangka kerja urus tadbir yang sesuai untuk memastikan pendidikan, latihan, peraturan, pasaran buruh dan pembangunan dasar industri selaras dengan keperluan industri.

Walaupun nampaknya usaha-usaha mengurangkan pengangguran belum menggalakkan, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Majlis Perancangan Tenaga Kerja Kebangsaan akan menggunakan proses yang bersinergi dan pendekatan *one government approach* dalam perancangan tenaga kerja. Ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat menambah keberkesanan usaha-usaha pihak kerajaaan dalam mengurangkan pengangguran.

Soalan kedua, apakah lagi usaha-usaha pihak kerajaan terutama sekali kepada penganggur-penganggur yang mempunyai pendidikan tinggi? Perancangan keperluan tenaga pekerja tempatan termasuk bagi tenaga kerja yang berpendidikan tinggi, setentunya adalah aspek yang penting dalam perancangan pihak kerajaan. Di sektor tenaga bagi pencari kerja berkelulusan peringkat *HND* ke atas, sebuah skim yang diperkenalkan sejak bulan Julai 2014 iaitu *National Energy Graduate Apprentice* Scheme *(NEGAS).* Skim ini direka bagi memberikan pendedahan suasana pekerjaan yang benar bagi membolehkan peserta mempelajari dan meningkatkan kemahiran teknikal serta *swap skill* dalam masa 12 bulan di syarikat-syarikat minyak dan gas.

Setakat ini, seramai 20 orang telah pun berjaya mendapat pekerjaan tetap daripada 59 orang perintis. Skim Biasiswa *Hengyi Industry* yang diungkayahkan sejak tahun 2014 adalah salah satu usaha proaktif dalam memastikan syarikat tersebut mempunyai tenaga kerja tempatan tersedia apabila syarikat beroperasi pada tahun 2019.

Setakat ini, seramai 44 orang mahasiswa jurusan kejuruteraan telah mengikuti skim biasiswa ini yang juga melibatkan kolaborasi antara Universiti Brunei Darussalam dan University Zhejiang, China. Untuk makluman Dewan, pengambilan pertama pada Universiti Brunei Darussalam seperti mana saya nyatakan kelmarin, sedang menjalani penempatan industri di Kilang

Petrochemical Juan Xuan through chemical company di Republik Rakyat China sebelum menamatkan pengajian mereka pada tahun 2016 ini. Setelah tamat pengajian mereka akan bekerja di Syarikat Hengyi di Negara Brunei Darussalam.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, antara sasaran tahunan yang dinyatakan dalam kontrak-kontrak syarikat koperasi utama minyak dan gas mengandungi syarat-syarat seperti pengambilan anak-anak tempatan yang berkelulusan *HND* ke atas dan juga pengambil penuntut-penuntut lulusan *Industry Competency Prime Work* dan Akademi Maritim Brunei.

Soalan ketiga, tidakkah ada pengajian khusus dibuat oleh JPKE bagi mengurangkan pengangguran ini selain memaparkan statistik pengangguran di negara ini. Soalan adakah atau tidak pengkajian khusus untuk mengurangkan pengangguran selain memaparkan statistik seperti yang dalam jawapan sebentar tadi?

Satu kajian telah dijalankan pada tahun 2015 bagi membentuk dasar perancangan sumber tenaga manusia di Negara Brunei Darussalam. Perancangan ini akan diterajui oleh *Main Power Planning Counselling* yang akan memantau cadangan-cadangan kajian tersebut, yang antara lainnya adalah mendapatkan *real feedback* akan keberkesanan dasar-dasar dan program yang akan diungkayahkan, memperbaiki pengumpulan penyusunan data, melaratkan penyesuaian dan mengembangkan *ICF,* mengimbagi persaingan tenaga kerja antara sektor awam dan swasta, membuat perubahan yang perlu dalam program-program sokongan pelajar dan melaksanakan hala tuju yang baharu dalam pendidikan dan latihan.

Dan seterusnya membentuk dasar pekerja asing di Negara Brunei Darussalam. Cadangan-cadangan ini akan dibincangkan dan diteliti pada masa yang terdekat bagi mengenal pasti tatacara pelaksanaan yang setentunya akan membolehkan kita merancang keperluan tenaga kerja negara dengan lebih teratur.

Walaupun nampaknya pihak kerajaan hanya memaparkan statistik-statistik pengangguran, mestilah juga diingat statistik dan pengangguran adalah mustahak bagi membolehkan perancangan strategik dalam pembangunan sumber tenaga kerja manusia. Data-data ini seperti jumlah pekerja tempatan dan asing mencari pekerjaan serta jawatan-jawatan yang ada termasuklah kemahiran yang dikehendaki oleh industri.

Soalan keempat, Apakah sebabnya pekerja-pekerja sama ada di sektor swasta atau awam yang sudah bersara diambil semula disambung perkhidmatannya, dan ini akan mengurangkan peluang penganggur untuk memenuhi jawatan tersebut. Kalau jawapan secara ringkas Ahli Yang Berhormat pun sudah *retired* dari Shell, jadi kepakaran Ahli Yang Berhormat itu diambil balik di Majlis Mesyuarat Negara

sebagai Ahli. Bagi menjawabnya tertakluklah kepada keperluan atau *succession planning.*

Kaola ingin menekankan di sini kebanyakannya ialah jawatan yang pekerja tempatan belum ada bersedia kerana belum cukup pengalaman atau kemahiran. Keseimbangan adalah penting dalam memastikan tidak ada gangguan terhadap perjalanan pekerjaan sementara menunggu pekerja yang sedia ada bagi mengisi jawatan yang diisikan oleh pesara yang diambil semula. Itu saja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri suka untuk menambah.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ . Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad ada juga berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu mengenai inisiatif dan insentif melalui Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga kerja (APTK) yang tadi telah pun dijawab oleh rakan saya Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Izinkan saya untuk memberikan tambahan kepada apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri tadi. Pada 20 Jun 2015, satu sistem yang dipanggil *Electronic Labour Exchange (ELX)* melalui laman sesawang yang dinyatakan dan telah dilancarkan. Tujuan sistem *(ELX)* ini ialah untuk memberi kemudahan kepada pencari kerja dan juga majikan iaitu sebagai satu jambatan antara majikan dengan pencari pekerjaan.

Sistem ini berfungsi sebagai platform untuk mengumpulkan maklumat seperti iklan-iklan jawatan kosong dan maklumat peribadi pemohon secara *online* bagi melaksanakan *job matching* antara pencari pekerja tempatan dan majikan yang mengiklankan kekosongan jawatan.

Ia dilaksanakan melalui 2 aspek iaitu *supply* dan juga *demand,* agar menggalakkan syarikat-syarikat tempatan dan juga rakyat Negara Brunei Darussalam sendiri memenuhi permintaan tenaga buruh. Sebagai langkah pertama, komitmen kerajaan khusus ia bukan saja dari pihak (APTK) malah semua agensi yang terlibat dalam menangani pengangguran seperti Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi telah berusaha bersama-sama bagi menggalakan syarikat-syarikat tempatan dan juga rakyat Negara Brunei Darussalam untuk mendaftar ke dalam sistem ini. Untuk makluman, APTK telah mengadakan 11 jenis latihan dan kursus sejak pelancaran Sistem *(ELX)* dan kursus-kursus ini telah berjalan sebanyak 17 kali. Selain inisiatif-inisiatif yang disebutkan tadi

APTK juga merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang mengendalikan Skim Latihan dan Pekerjaan atau SLP dengan sokongan JPKE. Skim ini sebagai usaha kerajaan untuk menggalakkan anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta.

Dimaklumkan bahawa dari permulaan skim ini diperkenalkan dalam tahun 2011 sehingga Januari 2016. Seramai 1,769 peserta telah pun menyertai skim di bawah APTK ini dan الْحَمْدُ لله daripada 1,769 peserta yang mengikuti skim yang dikendalikan ini seramai 889 sudah di peringkat pekerjaan tetap. Selain APTK sebagaimana yang telah diterangkan oleh rakan saya tadi, bahawa skim SLP ini juga telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga (*Energy*) di Jabatan Perdana Menteri.

Melihat pada tenaga tempatan yang bekerja di sektor swasta, *trend* menurut Banci Tahunan Majikan 2011 hingga 2014 dalam 5 kategori industri utama telah membuktikan bahawa jumlah pekerja anak tempatan dalam kategori pendidikan rendah dan pendidikan tinggi telah meningkat berbanding pengambilan pekerja asing dalam peringkat yang sama.

Trend ini menunjukkan bahawa anak tempatan mampu diserapkan ke dalam pasaran tenaga kerja:-

1. ***Industry Mining and Quarry*.** Peningkatan sebanyak 16.6 peratus berbanding pekerja asing, iaitu 4,874 pekerja tempatan pada tahun 2011 telah meningkat 8,464 pekerja dalam tahun 2014;

2. ***Industry Wholesale and Retail Trade.***
   Ia mencatatkan kenaikan sebanyak 18.1 peratus dari 9,964 pekerja tempatan pada tahun 2011 kepada 12,226 pekerja tempatan pada 2014;

3. ***Industry Hospitality.***
   Mencatatkan kenaikan sebanyak 21.8 peratus iaitu dari 3,910 orang pekerja tempatan pada tahun 2011 menjadi 5,228 pekerja tempatan pada 2014;

4. ***Industry Transportation*.**
   Mencatatkan kenaikan sebanyak 41.4 peratus iaitu dari 2,878 pekerja tempatan pada tahun 2011 menjadi 3,669 pada 2014; dan

5. ***Industry Services*.**
   Mencatatkan kenaikan 18.2 peratus iaitu sebanyak 8,283 pekerja pada tahun 2014 berbanding dengan 7,207 pekerja tempatan pada 2011.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui APTK akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta dalam hasrat kita untuk mencapai tujuan bagi memberikan peluang pekerjaan kepada pekerja-pekerja tempatan dan mengurangkan pekerja-pekerja asing dalam sektor-sektor yang tertentu.

Sekian, terima kasih Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat bahawa ada baiknya kita berhenti dulu dalam membincangkan Perkara V iaitu Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis. Seperti yang telah saya nyatakan tadi, bahawa kita masih lagi ada banyak perkara-perkara yang perlu kita selesaikan.

Pada persidangan yang telah diadakan semalam, bagaimana kita sama-sama maklum, kita telah membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita masih lagi membincangkan dan meneliti Rang Undang-Undang tersebut satu persatu di Peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa saya sekarang mengambil kesempatan ini untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Pada Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada sebelah petang semalam, kita telah selesai membincangkan dan meluluskan sebahagian daripada Tajuk-Tajuk di bawah Jadual Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini beralih kepada Tajuk-Tajuk seterusnya, saya difahamkan bahawa ada beberapa orang Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan ingin memberikan respons terhadap soalan-soalan yang telah ditimbulkan pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan petang semalam.

Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua).

Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Terima kasih Pengerusi. Seperti mesyuarat kelmarin, kaola telah berjanji untuk memberi jawapan kepada soalan-soalan dan cadangan-cadangan beberapa Ahli Yang Berhormat. Kaola mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyoal soalan-soalan dan juga cadangan-cadangan mereka.

Jadi, kaola mengambil soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang

Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Oleh sebab soalan ini ada berkaitan dengan soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kaola akan menjawab satu jawapan sahaja.

Bahagian Media dan Kabinet, Jabatan Perdana Menteri memang berperanan untuk mempromosikan imej Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang baik, berkesan dan pemedulian. Bahagian ini bertanggungjawab untuk memupuk persefahaman yang lebih baik antara kerajaan dan pelbagai pihak yang berkepentingan termasuk rakyat, masyarakat, agensi-agensi media serta agensi-agensi kerajaan melalui komunikasi yang berkesan. Ini termasuklah jua agensi-agensi media antarabangsa dan mana-mana jua pihak antarabangsa yang berkenaan.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai pengeluaran akhbar "Pelita Brunei" 2 kali seminggu. Kaola ucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat itu. Pengeluaran 3 kali seminggu berdasarkan kepada permintaan atau *demand* orang ramai. Walau bagaimanapun, ia akan diteliti kesesuaiannya dari semasa ke semasa. Di samping itu, jabatan sedang meningkatkan dan meluaskan pemberigaan dan penyebaran maklumat melalui *IT* dan media baharu iaitu sesuai dengan keperluan masa kini dan menggalakkan lagi orang ramai membaca akhbar "Pelita Brunei" melalui laman *Pelita Online*.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai pembayaran kakitangan melalui baucar sukacita dijelaskan bahawa atas kerjasama dan bantuan agensi-agensi berkenaan RTB telah menyerapkan sejumlah 119 orang pekerja sambilan atau *part time* ke jawatan tetap, *openvote* dan bergaji hari mulai 19 Januari 2010 yang diselaraskan berpandukan kepada syarat-syarat dan kelayakan yang digariskan menurut perkhidmatan yang sedia ada. Berhubung dengan kakitangan *part time* yang masih ada, RTB akan membuat penelitian mengenainya dari semasa ke semasa.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, ini adalah cadangannya yang baik berkenaan dengan penerbitan program bersiri yang menggalakkan perusahaan industri keluarga. Untuk makluman Yang Berhormat, rancangan-rancangan demikian ada sudah diterbitkan dan disiarkan sama ada rancangan-rancangan yang berbentuk dokumentari, majalah TV, kapsul rancangan dalam segmen Rampai Pagi dan segmen Berita. Berpandukan keperluan tersebut pihak RTB akan menyiarkan semula program berkenaan.

Satu lagi soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai iklan telefon bimbit semasa memandu. Penerbitan

iklan-iklan atau promo-promo yang berbentuk nasihat dan kesedaran orang ramai adalah penting untuk sentiasa disiarkan dan diperingatkan sama ada melalui radio atau mahupun televisyen. Pembuatan promo atau iklan lazimnya atas kerjasama serta nasihat agensi-agensi yang tertentu. Jadi dalam hal ini RTB mengambil perhatian mengenai saranan Yang Berhormat dan akan sentiasa bekerjasama dengan agensi dan autoriti yang berkaitan dalam memastikan mesej tersebut dibuat agar dapat difahami dengan jelas oleh orang ramai.

Ada satu soalan lagi daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai Bangunan RTB. Kaola masih lagi menyiasat perkara ini dan akan memberi makluman kepada Yang Berhormat selesai sahaja maklumat itu diterima. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar dan mana-mana soalan yang belum lagi dijawab berkaitan dengan isu pengawasan kejiranan kampung seperti yang sudah saya terangkan Pasukan Polis Diraja Brunei amat menggalakkan pembabitan orang kampung untuk lebih proaktif dalam pengawasan kejiranan dan dalam pada itu inisiatif-inisiatif tertentu akan diadakan seperti yang saya nyatakan kelmarin.

Terima kasih juga atas cadangan Yang Berhormat supaya Sijil Penghargaan boleh diberikan kepada Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung yang pada tahun 1998 di Kampung Madang yang telah menamatkan keahlian mereka bagi menghargai jasa bakti ahli-ahli berkenaan. Pasukan Polis Diraja Brunei amat mengalu-alukan cadangan baik Yang Berhormat ini dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ ia akan dilaksanakan.

Mengenai saranan Yang Berhormat untuk meneruskan pelaksanaan sistem rondaan berkenderaan siang malam. Ini juga sememangnya dilaksanakan secara berterusan bukan secara berkala. Hanya rondaan yang melibatkan pengawasan kejiranan kampung yang dilakukan secara berkala. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi saya ingin hanya menjawab 4 soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim dan juga Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Mula-mula mengenai soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman iaitu

berkaitan dengan perlindungan ke atas kanak-kanak. Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan dan seranan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman berkaitan perlindungan ke atas kanak-kanak ini.

Secara umumnya perlindungan ke atas kanak-kanak dipertanggungjawabkan kepada kedua-dua orang tua atau penjaga yang merupakan penjaga dan pelindung pada anak-anak berkenaan. Orang tua ataupun penjaga ini, dalam hubungan tersebut mempunyai *duty of care* terhadap anak-anak mereka. Mengenai agensi yang bertanggung-jawab untuk menjalankan penyiasatan ke atas kejadian-kejadian seperti Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu kematian, kecederaan dan kecacatannya diakibatkan oleh kebakaran, kematian kanak-kanak yang diakibatkan oleh kemalangan jalan raya dan mati lemas bagi yang tinggal di Kampung Air.

Kes-kes seumpama ini dipertanggung-jawabkan kepada pihak Polis Diraja Brunei untuk membuat siasatan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan. Bagi kes-kes penderaan pula Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda atau *Children And Young Person Act* telah pun diwujudkan sebagai peruntukan mengenai penjagaan dan perlindungan kanak-kanak. Antara kanak-kanak yang memerlukan perlindungan di bawah akta tersebut ialah kanak-kanak yang telah atau besar kemungkinan akan secara fizikal atau emosi dicederakan atau dianiaya dari segi seks oleh penjaganya.

Antara lain, akta ini mempunyai peruntukan mengenai kuasa-kuasa yang diberikan pada pelindung (*protector)* dan polis untuk melindungi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Kuasa-kuasa pihak mahkamah, tempat-tempat yang digunakan untuk menempatkan kanak-kanak yang dilindungi dan kuasa pelindung dan polis untuk menggeladah dan menyoal siasat berhubung dengan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

Menteri dan Setiausaha Tetap yang bertanggungjawab di bawah akta ini ialah Menteri dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sementara pelindung yang dirujuk di bawah akta tersebut pula ialah Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Dalam hubungan ini, saya ingin mengongsikan jumlah kes-kes yang dilaporkan disiasat oleh Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Polis Diraja Brunei.

Pada tahun 2014 sebanyak 42 kes pukul kanak-kanak telah dilaporkan dan disiasat oleh Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Brunei dan sebanyak 36 kes pukul kanak-kanak telah dilaporkan disiasat sehingga penghujung tahun 2015.

Dalam perkara yang berkaitan dengan kanak-kanak yang telah mati secara *unnatural death,* pihak polis mempunyai kuasa yang sangat luas dalam membuat siasatan di bawah undang-undang tertentu *Criminal Procedure Code*

dalam hal yang sedemikian kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan seperti pihak hospital juga akan diperolehi bagi membuat siasatan. Oleh yang demikian walaupun akta tersebut tidak mempunyai peruntukan khusus mengenai kuasa untuk menyiasat kanak-kanak yang telah mati mungkin diakibatkan oleh penderaan namun kes sedemikian tidak akan dibiarkan dan akan disiasat oleh pihak polis dengan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah undang-undang lain yakni *Criminal Procedure Court.*

Saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman bagi pihak kerajaan bertindak lebih proaktif dalam menjaga kepentingan dan memberi perlindungan ke atas kanak-kanak amat dihargai. Saranan tersebut إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan diteliti dan saya juga tidak lupa merakamkan terima kasih mengenainya. Dalam hal ini, rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mungkin ingin menambah dan memberi ulasan mengenainya nanti.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai kes penyeludupan dan jua barang-barang yang bersubsidi dan entiti pemberian subsidi yang dihulurkan oleh kerajaan. Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Mengenai usaha menangani aktiviti penyeludupan ini, Kementerian Kewangan melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan kerajaan yang lain dan orang ramai untuk meningkatkan pengawalan dan keberkesanan dalam pencegahan aktiviti penyeludupan barang-barang tegahan kastam. Ke arah itu beberapa langkah jangka pendek, sederhana dan panjang telah pun diatur dan dalam pelaksanaan.

Mengenai saranan berkaitan pemberian subsidi, kaola amat menghargai keprihatinan Yang Berhormat itu. Adalah menjadi matlamat utama kerajaan bahawa subsidi atau bantuan yang dihulurkan bertujuan meringankan beban saraan hidup harian golongan berpendapatan rendah dan yang memerlukan.

Dalam hal ini, pihak kerajaan sememangnya secara berterusan meneliti segala bentuk bantuan, skim dan juga subsidi bagi memastikan ia mencapai matlamat pelaksanaannya secara berkesan. Penelitian ini juga perlu dilaksanakan bagi memastikan perbelanjaan bagi tujuan ini berdaya tahan dan tidak membebankan kewangan kerajaan dalam jangka masa panjang.

Perkara ini selaras juga dengan dasar kerajaan bagi pembangunan yang inklusif iaitu kemajuan dan kesejahteraan yang dikecapi oleh negara ini akan dapat dinikmati oleh semua golongan.

Cadangan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim ini memanglah satu cadangan yang sangat baik dan sangat bertepatan masanya dalam kita sama-sama mengharungi cabaran ekonomi pada ketika ini.

Oleh itu kerajaan menyambut baik dan mengambil maklum mengenai cadangan tersebut dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ sebagaimana jua kelazimannya sebelum sebarang dasar dilaksanakan, pihak kerajaan sudah setentunya akan meneliti sedalam-dalamnya akan cadangan Yang Berhormat ajukan tersebut terutamanya mengenai kesesuaian dan implikasinya terhadap kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini khususnya bagi golongan sasaran yang berpendapatan rendah.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin menyeru orang ramai agar turut membantu usaha kerajaan dalam langkah berjimat cermat dengan mengurangkan penggunaan kemudahan-kemudahan yang dihulurkan subsidi oleh kerajaan seperti minyak kenderaan, bekalan tenaga elektrik, bekalan air dan sebagainya. Mana-mana penjimatan yang diperolehi setentunya akan dapat membantu bukan sahaja dalam meringankan beban kewangan kerajaan tetapi juga bagi penggunaan penjimatan-penjimatan tersebut ke arah perkara yang lebih produktif seperti aktiviti perekonomian dan sebagainya.

Kaola sekarang beralih menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim yang berkaitan dengan cadangan untuk satu skim perumahan bagi saudara-saudara baharu di Kampung Bebuluh untuk menjalamai kawasan-kawasan berkenaan. Lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim di atas saranan ini untuk jawapannya buat masa ini saya telah difahamkan bahawa pelaksanaan Rancangan Perumahan Negara belumlah sampai ke kawasan-kawasan pedalaman seperti Kampung Bebuluh. Walau bagaimanapun, ini ia satu cadangan yang akan dibincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk meneliti *availability* skim sedemikian إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Soalan yang terakhir yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai penyediaan tempat bilik khas untuk dijadikan tempat anak-anak damit bagi kemudahan pegawai-pegawai wanita. Lagi sekali saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin ini.

Pada menjawabnya, cadangan Yang Berhormat Datin tersebut adalah amat baik yang bukan sahaja memberikan kemudahan yang diperlukan tetapi diharap dapat meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam.

Untuk makluman Yang Berhormat Datin, setakat ini tidak ada sebarang dasar khusus bagi pihak kerajaan untuk menyediakan tempat penjagaan anak-

anak damit di pejabat-pejabat kerajaan. Walau bagaimanapun, pada masa ini terdapat penyediaan bilik khas bagi keperluan penyusuan bayi yang penyediaan ini atas inisiatif kementerian dan jabatan masing-masing mengikut keperluan.

Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan memang peka akan keperluan untuk menyediakan tempat bilik khas berkenaan dan dalam hubungan ini beberapa kementerian dan jabatan mengambil inisiatif sendiri untuk mewujudkan bilik khas bagi kegunaan para ibu yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan wanita untuk penyusuan bayi tetapi bukan sebagai tempat penjagaan anak-anak damit secara am.

Dalam pada itu, pihak kerajaan juga memberikan kebenaran dan kelonggaran atas budi bicara Ketua Jabatan kepada para ibu untuk menjalankan hal-ehwal penyusuan bayi. Cadangan ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan diteliti dengan sehalus-halusnya dan terperinci kerana penyediaan bilik khas untuk penjagaan anak-anak damit ataupun *Day Care Centre* melibatkan berbagai-bagai aspek seperti aspek prasarana, khidmat penjagaan, isu-isu keselamatan kepada anak-anak dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun, melihat kepada perspektif lain, pihak kerajaan juga mengambil baik akan saranan Yang Berhormat itu iaitu dalam melihat kesesuaian pewujudan bilik khas ini dapat membuka peluang keusahawanan dan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan untuk membuka *Day Care Centre* di jabatan-jabatan kerajaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Sekianlah yang dapat diperjelaskan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon kebenaran untuk menambah jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Merujuk kepada soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai dengan perlindungan kanak-kanak, saya juga merakamkan setinggi-tinggi terima kasih atas soalan tersebut dan ingin menambah iaitu dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial (MKIS) pada bulan Disember 2015 yang kaola pengerusikan, telah bersetuju bagi isu kanak-kanak untuk ditangani secara khusus oleh MKIS menjadikan semua isu sosial yang ditangani kepada 12 isu.

Sebelum ini isu kanak-kanak ditangani secara menyeluruh di bawah Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga dan Wanita, memandangkan isu kanak-kanak berkait rapat dengan isu keluarga

dan wanita. Isu kanak-kanak ini, termasuk perlindungan dan hak-hak mereka secara komprehensif akan ditangani melalui pelan tindakannya sendiri bagi memastikan perlindungan dan hak-hak kanak-kanak terjamin selaras dengan obligasi negara di bawah *Convention On The Rights Of The Child* (*CRC*).

Walau bagaimanapun, pada masa ini, bagi kanak-kanak yang terlibat dalam kemalangan atau dari *accidential injuries* adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan, khususnya rumah-rumah sakit atau hospital. Walau bagaimanapun, jika kanak-kanak berkenaan didapati mengalami penderaan atau pengabaian, Unit Kanak-Kanak, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), akan membuat penyiasatan terhadap keluarga atau penjaga kanak-kanak berkenaan untuk memastikan penjagaan yang terbaik baginya. Ini termasuklah mencari waris terdekat (*the next of kin)* yang berkemampuan dan sesuai untuk menjaga kanak-kanak berkenaan.

Jika tiada penjaga atau tempat penjagaan yang selamat bagi kanak-kanak berkenaan, untuk kembali tinggal di sana, setelah mendapat rawatan hospital, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) akan memohon perintah perlindungan di bawah *Children And Young Persons Act (Chapter 219)* agar kanak-kanak ini diberikan perlindungan di Kompleks Rumah Perlindungan. Kanak-kanak ini akan diberikan kaunseling dan akan mengikuti program-program bimbingan agama, persekolahan, akademik dan juga aktiviti-aktiviti dalaman yang lain. Unit Kanak-Kanak, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), akan membuat seliaan terhadap kanak-kanak ini, untuk memastikan kesejahteraannya terjaga, di samping membuat *intervention* terhadap keluarganya dari semasa ke semasa untuk mempersiapkan penjagaan kanak-kanak ini apabila bebas dari Perintah Perlindungan nanti. Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cadangkan supaya kita tangguhkan dulu Mesyuarat dalam Jawatankuasa ini bagi membolehkan kita balik ke Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cadangkan supaya kita berehat sementara selama 30 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih lagi

membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kita masih lagi membincangkan dan meneliti Rang Undang-Undang tersebut satu persatu di peringkat Jawatankuasa. Bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa, saya tangguhkan dulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017, satu persatu, yang mana telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Sebelum kita beralih kepada Tajuk-Tajuk Jadual di bawah jabatan-jabatan, Jabatan Perdana Menteri seterusnya, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin membuat kenyataan terhadap soalan yang telah ditimbulkan semalam. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ . اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan berbanyak terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, mengenai cadangan Jawatankuasa Biasiswa, Kementerian Pendidikan, salah satu antara jawatankuasa yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, yang tidak mempunyai keahlian yang mewakili orang ramai yang mempunyai kepakaran dalam berbagai bidang-bidang dan orang yang profesional menangani isu pengangguran.

Untuk makluman Yang Berhormat, keahlian yang ada pada masa ini, bukan saja daripada Kementerian Pendidikan, tetapi juga dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan yang lain. Sukacita kaola memaklumkan bahawa antara lain tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Biasiswa adalah antara lainnya untuk meneliti dan menimbangkan pelajar-pelajar yang layak untuk mengikuti kursus yang bersesuaian di luar negara melalui Skim Biasiswa Kerajaan. Walaupun proses pemilihan pelajar yang dihantar ke luar negara ini berkaitan dengan isu pengangguran disebabkan pelajar ini setentunya akan mencari pekerjaan setelah mereka menamatkan pengajian.

Perkara yang menyentuh isu pengangguran ini, setentunya memerlukan penelitian yang lebih meluas dan kaola kira terlalu berat bagi Jawatankuasa Biasiswa memikulnya. Walau bagaimanapun, sebelum ini

Kementerian Pendidikan, melalui Bahagian Biasiswa, telah pernah memohon pihak-pihak berkenaan untuk mendapatkan bidang-bidang yang diperlukan oleh kerajaan untuk dijadikan sukat-sukat bagi Jawatankuasa Biasiswa menentukan bidang yang dikira akan dapat memenuhi keperluan negara.

Namun disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangkakan bidang-bidang yang telah dikenal pasti tidak dapat dipenuhi oleh pihak berkenaan setelah pelajar menamatkan pengajian. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri telah menjalankan kajian dan seterusnya menyediakan Pelan Tenaga Kerja Kebangsaan untuk dijadikan sebagai panduan, demi mencapai Wawasan Negara 2035.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa peka terhadap keperluan negara dalam isu pembangunan kapasiti insan dan untuk itu akan meneliti dasar-dasar berkaitan penangguhan penganugerahan biasiswa kerajaan dari semasa ke semasa bersama agensi-agensi berkenaan. Perkara ini juga akan membabitkan pihak awam dalam sama-sama mengenal pasti keperluan negara agar bidang-bidang diperlukan dapat dipenuhi. Bidang tugas-tugas Jawatankuasa Biasiswa adalah:-

1. Memastikan adanya penyelarasan dan kesinambungan dasar biasiswa dalam keperluan dan keutamaan negara dari segi perkembangan tenaga manusia di sektor kerajaan, sektor swasta dan sektor separuh kerajaan jangka panjang dan jangka pendek;

2. Meneliti kesesuaian dan keberkesanan aturan-aturan dan peraturan-peraturan biasiswa dan keadaan semasa. Tempoh dan tempat pengajian, jika perlu menghadapkan sokongan bagi perubahan atau pindaan dari semasa ke semasa;

3. Meneliti sokongan daripada panel temu duga untuk penganugerahan biasiswa;

4. Memastikan kriteria-kriteria pertimbangan bagi biasiswa di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dalam dan luar negeri dapat mencapai tujuan dan matlamatnya. Bukan saja dari segi kuantiti tetapi juga kualiti pemohon-pemohon dari semasa ke semasa; dan

5. Seterusnya bertanggungjawab dalam mempertimbangkan semua rayuan yang diterima oleh Kementerian Pendidikan dan akhirnya meneliti kemudahan-kemudahan biasiswa yang diberikan elaun dan lain-lain dari semasa ke semasa.

Sekian penerangan daripada Kementerian Pendidikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih ke Tajuk Jadual seterusnya iaitu Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SA14A hingga Tajuk SA25A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita membincangkan Tajuk SA14A hingga SA25A. Sebelum saya membukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tajuk-Tajuk tersebut untuk dibahaskan, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri ingin membuat kenyataan dulu. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti lazimnya jua izinkan saya memberikan sedikit mukadimah mengenai Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan. Dengan sentiasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana negara kita terus berada dalam keadaan aman makmur serta terus membangun di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seorang raja yang sentiasa prihatin pada kesejahteraan rakyat dan penduduk negeri ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi sektor tenaga, peranan utamanya ialah memastikan khazanah hydrokarbon negara dimajukan secara berdaya tahan di samping program-program lain. Seperti yang kita sudah sedia maklum, harga pasaran minyak global yang telah jatuh sebanyak 75 peratus sejak Jun 2014 iaitu dari paras US$122 ke paras US$30 ini setentunya telah menjejaskan lagi pendapatan negara.

اَلْحَمْدُ لِلّٰه pada tahun 2015, pengeluaran minyak dan gas telah pun melimpasi 3 peratus dari sasaran asal iaitu 370 ribu *boe (barrel of oil equivalent)* sehari dan 5 peratus lebih tinggi dari pengeluaran keseluruhan pada tahun 2014. Pada masa yang sama, sebanyak 55.42 juta *boe (barrel of oil equivalent)* sumber minyak dan gas yang baharu telah berjaya diperolehi.

Bagi industri hiliran pula, dua industri hiliran *FDI (Final Decision Investment)* dijangka akan memulakan operasi pada tahun 2019 iaitu sebuah loji penapis minyak dan petrokimia di Pulau Muara Besar dan Loji *Ammonia/Urea* di Sungai Liang. Projek-projek ini dijangka akan menjana 1,000 peluang pekerjaan langsung bagi anak-anak tempatan dan

lebih kurang 2,000 secara tidak langsung bagi anak-anak tempatan.

Pada masa yang sama, Jabatan Tenaga dan Perindustrian telah berganding bahu dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain untuk merangka undang-undang mengenai Kesihatan dan Keselamatan (*Health and Safety)* iaitu *Control of Major Accident Hazards Regulations (COMAH)* di mana, di bawah *COMAH*, dokumen *safety case* perlu dihadapkan kepada Jabatan Tenaga dan Perindustrian bagi penilaian keselamatan operasi tersebut.

Saya ingin mengambil kesempatan bahawa pihak kerajaan sedang dalam proses untuk menubuhkan satu Badan Autoriti Kebangsaan HSE (*Health, Safety and Environment*) yang akan menangani isu-isu kesihatan, keselamatan dan alam sekitar negara secara menyeluruh.

Saya juga ingin menyentuh mengenai penjimatan tenaga. Sejak pelaksanaan tarif elektrik baharu pada tahun 2012, penggunaan tenaga elektrik telah berhijrah pada kumpulan pertengahan dan terendah dan ini menghasilkan penjimatan tenaga elektrik lebih kurang $8 juta pada tahun 2015. Ini termasuk sebanyak 21,051 (24 peratus) pengguna daripada 86,880 pengguna menggunakan tenaga elektrik 600 *kWh* ke bawah sebulan. Usaha penjimatan telah dilaratkan ke bangunan-bangunan kerajaan dengan sasaran pengurangan sebanyak 30 peratus dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak $26 juta. Penjimatan yang dikira diperolehi dari pengurangan penggunaan lampu-lampu jalan raya di seluruh negara ialah sebanyak $1.6 juta setahun. Usaha-usaha penjimatan tenaga akan dipertingkatkan dengan Undang-Undang Piawaian dan Perlabelan iaitu *Standard and Labelling Order* yang إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan diperkenalkan pada tahun ini.

Dari segi pembangunan perniagaan tempatan *(local business development*) di sektor minyak dan gas, usaha-usaha jabatan telah:-

i. Meningkatkan *local content* dari kurang 15 peratus, $400 juta pada tahun 2010 ke tahap 54 peratus iaitu $2.2 bilion pada tahun 2015;

ii. Peningkatan jumlah pekerja tempatan seramai 16,495 orang pengambilan anak-anak tempatan adalah konsisten iaitu seramai 2,569 pengambilan anak-anak tempatan telah dicatatkan pada tahun 2015. Sasaran pada tahun 2016 adalah seramai 2,600 pengambilan anak-anak tempatan;

iii. Sebanyak 43 buah syarikat perusahaan kecil dan sederhana (*SME*) tempatan telah mendapat kontrak *BSJV* buat pertama kali dengan nilai keseluruhannya kira-kira $921 juta sejak tahun 2011; dan

iv. Sebanyak 11 buah syarikat tempatan telah mencatatkan hasil dari operasi dan perniagaan mereka di luar negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara, pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016, untuk menjana pendapatan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, fokus pihak kerajaan tertumpu pada inisiatif Penarikan Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) yang memberi kemanfaatan pada pihak kerajaan dan mengukuhkan dan mengembangkan perusahaan tempatan.

Walaupun projek-projek *FDI* dalam 5 tahun kebelakangan ini belum mendatangkan hasil yang memuaskan dari segi penjanaan pendapatan dan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan, pihak kerajaan mengambil iktibar dari projek-projek *FDI* yang terdahulu dan seterusnya akan membuat kajian dan strategi-strategi *FDI* yang baharu melalui agensi *FDI (FDI Action Support Team - FAST)* dan Jawatankuasa Kuasa Pandu Pelaburan Langsung Asing dan Industri Hiliran.

Dengan ini juga, sebuah ekosistem yang mantap untuk menampung dan memperkasa usahawan-usahawan tempatan termasuk perusahaan kecil dan sederhana *(SME)* sedang diutamakan. Ini adalah peranan badan *statutory* yang baharu iaitu *Darussalam Enterprise (DARe)* untuk menggalakkan dan memantau perkembangan perusahaan tempatan, bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga untuk menjadi kompetitif di rantau antarabangsa melalui rangkaian-rangkaian antarabangsa yang telah disediakan.

DARe dihasratkan menjadi badan yang *industry driven* dan seperti mana yang *DARe* sudah menunjukkan dalam Dewan ini, 82 peratus daripada Ahli Lembaga Urus Tadbir *DARe* ini adalah dari sektor swasta. Antara perkembangan perindustrian yang lain adalah untuk mengembangkan sektor halal, sektor teknologi inovatif dan kreatif, sektor kotej dan sektor koperasi.

Di samping itu, Bahagian Perindustrian juga akan memperluaskan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh makmal halal dan metrologi yang ada pada masa ini beroperasi di Bangunan Anggerek Desa, Berakas sejak bulan Januari yang lalu. Pusat Standard Kebangsaan pula akan semakin giat memberi khidmat nasihat panduan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana untuk mendapatkan persijilan-persijilan yang diperlukan seperti *Persijilan ISO Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)* bagi menembusi pasaran antarabangsa.

Beralih kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik, atas usaha-usaha yang berterusan melalui kerja-kerja membaik pulih dan pemeliharaan sistem janakuasa, penghantaran dan pembahagian di seluruh negara telah berhasil mengurangkan gangguan

elektrik daripada 300 gangguan pada 2010 kepada 126 gangguan pada tahun 2015 penurunan sebanyak 58 peratus.

Manakala itu sejumlah $9.506 juta peruntukan bagi perbelanjaan khas setelah dipohonkan untuk melaksanakan projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang akan memberi impak yang besar dalam memastikan bekalan elektrik yang berterusan. Ini termasuklah kerja-kerja pemeliharaan ke atas 8 buah *gas turbine*, pengambilan pakar teknikal dan penasihat serta menaik taraf pembahagian voltan rendah di seluruh negara.

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, fokusnya tertumpu kepada projek-projek peningkatan infrastruktur dan pembangunan perkhidmatan guna sama yang merangkumi keseluruhan kerajaan (*whole of government).* Misalannya rangkaian infrastruktur kerajaan menghubungkan sebanyak 857 tapak kerajaan ke semua daerah.

Seterusnya, Perkhidmatan *Government Private Cloud* telah menyediakan sebanyak 335 *server virtual* dan perkhidmatan *e-mail* kerajaan pula menampung hampir 40 ribu akaun. Manakala itu, laman web secara pusat menampung sebanyak 54 laman web kerajaan.

Kesemua inisiatif tersebut memastikan *standardization* dan *consolidation* lalu memberikan penjimatan kos dan memudahkan pemantauan.

Pengukuhan tenaga kerja telah dilaksanakan dalam bidang-bidang yang diperlukan seperti pengurusan projek, kemahiran teknikal, *business analysis* dan lain-lain mengikut trend industri. Kemahiran tenaga *ICT* telah menunjukkan peningkatan melalui *Competency Development Framework,* iaitu seramai 182 orang pegawai *IT* kerajaan telah memperolehi persijilan profesional industri. Ini membolehkan pihak kerajaan menjimatkan kos perlaksanaan projek yang dapat dilaksanakan secara *in-house.*

Dengan adanya pengukuhan infrastruktur dan perkhidmatan-perkhidmatan guna sama, program dan inisiatif seterusnya lebih tertumpu kepada pemberian perkhidmatan untuk orang ramai dari pihak kerajaan. Ini jelas terbukti melalui peningkatan jumlah e-Perkhidmatan yang telah diperkenalkan secara *online* pada tahun sebelum ini.

Dalam usaha meningkatkan urus tadbir kerajaan, beberapa sistem sudah pun dilaksanakan seperti *BruHims, Land Management System (LMS), Judiciary Case Management System (JCMS)* bagi melicinkan proses aliran kerja untuk meningkatkan produktiviti. Manakala bagi memudahkan seorang awam mencari pekerjaan, *Public Service Commission Recruitment System (PSC Recruitment) and Job Centre Brunei* telah pun dilancarkan.

Untuk menghubungkan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh pihak kerajaan, *Portal e-Darussalam*

merupakan *consolidated portal* yang telah dilaksanakan bagi memudahkan akses. Setakat ini, pendaftaran akaun *e-Darussalam* berjumlah seramai 62,049 pengguna. Manakala talian Darussalam 123 adalah pusat panggilan untuk membantu atau menerima aduan dari orang ramai bagi perkhidmatan kerajaan telah menerima sebanyak 479,915 panggilan sejak penubuhannya pada bulan Mac 2014.

Dalam menyokong komuniti peniaga *Portal BusinessBN* telah diperkenalkan pada bulan Januari 2016 sebagai *consolidated single portal.* Sementara itu, sistem-sistem *ROCBN, OneBiz, Brunei Darussalam National Single Window* dan *Labour Control System* (LCS) juga mendukung komuniti peniaga tersebut.

Bagi meningkatkan pembangunan aplikasi tempatan, *Brunei Solution Development Center (BSDC)* telah pun ditubuhkan untuk membantu pembangungan industri *ICT* dan membina kepakaran dalam penyediaan aplikasi perisian *made in Brunei. BSDC* juga menyediakan *Capability And Mentoring Programme (CAMP)* yang telah mengambil 20 graduan, 2 daripadanya telah dapat Persijilan *Microsoft Certified Solution Developer, sharepoint* yang pertama di Negara Brunei Darussalam. Setakat ini, sebanyak 7 buah syarikat *IT* telah mengambil bahagian dalam program *BSDC,* iaitu 3 buah syarikat adalah hasil daripada graduan *CAMP.*

Sebagai langkah seterusnya, pihak kerajaan akan sentiasa mengambil inisiatif bagi memastikan perkhidmatan *online* mudah digunakan, cepat dan senang diakses. Dalam hal ini, strategi kerajaan digital 2015-2020 merupakan langkah kerajaan bagi mendukung Wawasan Negara 2035 melalui penggunaan dan pembangunan *ICT*. Strategi ini mengambil pendekatan terhadap keseluruhan kerajaan (a *whole of government approach)* ke arah perkhidmatan berinovasi melalui transformasi digital agar perkhidmatan *e*-Kerajaan menjadi lebih mudah, cepat dan senang diakses.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ, dengan sentiasa berusaha dan seterusnya bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala jua dan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hasrat bagi peningkatan dan pertumbuhan ekonomi negara dari sektor tenaga mahupun sector perindustrian, إِنْ شَاءَ اللَّهُ boleh dicapai dengan kerjasama kita semua daripada sektor awam, sektor swasta dan orang ramai.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada senarai Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang ingin untuk membahaskan

Tajuk SA14A hingga Tajuk SA25A. Untuk memulakannya, saya persilakan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Di dalam Dewan yang mulia ini, kita berkumpul di sini dengan satu tugas kepada negara kita cintai ini. Tugas murni kita adalah memberikan pendapat dan pengalaman kita yang terkumpul supaya Negara Brunei Darussalam akan dapat menghadapi masalah yang ada sekarang.

Lebih dahulu kaola ucapkan tahniah kepada Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, yang telah menubuhkan *Darussalam Enterprise*. Sebuah badan yang bertanggungjawab untuk membantu *SME* dan menggalakkan *Foreign Direct Investment* (*FDI*).

Kaola sangat menyokong tindakan ini. Bagaimanapun sebelum negara menarik pelaburan luar negara, *Darussalam Enterprise* hendaklah lebih dahulu menyelesaikan masalah dan kelemahan yang ada di negara kita sendiri seperti:-

i. Proses permohonan hendaklah transparen, cepat dan efisien.

ii. Pelabur asing diberikan jaminan dan keyakinan untuk tinggal dalam jangka masa yang panjang termasuklah *SME* orang asing sudah tinggal kurang lebih 20 tahun.

Kaola ingin berkongsi ilham dengan Jawatankuasa *Darussalam Enterprise* bagi membantu *SME,* iaitu dengan *improving the governance and Basic Financial Management* yang berkaitan dengan:-

1. *Financial Statement Accounts;*

2. *Audited Financials;*

3. *ICT; dan*

4. *Research and Development Centre (R&D).*

Selain itu, kita hendaklah meninjau ke luar sempadan memandangkan pasaran negara hanya mempunyai peluang terhad, ini dapat dicapai dengan meninjau:-

1. *BIMP-EAGA ASEAN;*

2. *Asia Economic Community (AEC);* dan

3. *Trans Pacific Partnership (TPP).*

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, pengusaha SME tempatan ini juga berhadapan masalah untuk mengeksport produk mereka ke luar negeri, mereka juga kurang faham bagaimana untuk melaksanakan proses eksport. Untuk itu, *Darussalam*

Enterprise adalah satu *channel* untuk membantu *diversified* produk tempatan ini ke luar negeri.

Kaola mencadangkan *Darussalam Enterprise* juga perlu mencarikan satu agensi luar atau *trading house* melalui kedutaan Negara Brunei Darussalam di luar negeri masing-masing seperti Jepun, Korea, China dan negara *ASEAN* dan lain. Jika ini berjaya, ia akan memberikan keuntungan besar kepada *SME* ini dan juga akan dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerja kepada rakyat tempatan.

Seperti yang kita telah semua maklum, harga minyak dahulu yang berharga lebih US$100 setong telah turun kepada lebih kurang US$36 setong pada masa ini. Ini bukanlah perkara yang baru, kita pernah mengalami masalah yang sama pada tahun 1997-1998, harga minyak turun hampir US$12 setong.

Dengan kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita telah dapat melalui masalah yang kita dihadapi dahulu.

Dengan izin Tuhan Yang Berkuasa dan dengan berkat falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB), masalah global yang teruk melanda negara ini sekarang, kaola yakin akan dapat diselesaikan dengan berkat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seterusnya negara akan kekal aman, makmur dan bahagia, asal saja kita terus bersatu padu, taat setia kepada raja, mendukung dasar Negara Zikir yang melindungi sekalian rakyat Islam dan bukan Islam. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin mahu menjawab ataupun?

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Tunggu dahulu mungkin ada 5, 6 orang lagi akan bertanya jadi teruskan saja soalan.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola juga turut ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, atas tertubuhnya *Darussalam Enterprise (DARe).* Penubuhan badan yang berkanun ini memang ditunggu-tunggu dan sangat dialu-alukan. Lebih-lebih lagi

kebanyakan daripada ahli dalam lembaga tadbir adalah terdiri daripada ahli-ahli sektor swasta.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam era globalisasi ini, perusahaan yang mapan ialah perusahaan berasaskan pengetahuan dan inovasi. Pada zahirnya, setiap pengusaha berjaya berpaut rapat dengan *global value chain* dan dalam usaha untuk maju ke hadapan, pengusaha bumiputera negara khususnya, perlu banyak pembaikan dalam berbagai-bagai aspek keusahawanan seperti perkembangan sumber manusia, akses kepada kewangan dan pelaburan, akses kepada teknologi dan inovasi, akses kepada pasaran, penggunaan *ICT* dan yang penting juga kematangan, pembantuan polisi, peraturan dan suasana pentadbiran perusahaan *(good governance).*

Dalam penubuhan *DARe* ini, kaola berharap pembangunan kapasiti pengusaha-pengusaha tempatan khususnya pengusaha bumiputera dalam bidang yang disebutkan tadi akan dapat dilaksanakan dengan secara lebih afirmatif dan komprehensif, dalam menjadikan peniaga-peniaga tempatan untuk lebih dinamik dan berdaya saing.

Seterusnya kaola juga bercadang agar dibuat skim-skim khusus untuk meningkatkan kapasiti badan-badan bukan kerajaan seperti dewan-dewan perniagaan serta persatuan-persatuan kemahiran dan juga pertubuhan-pertubuhan profesional*,* supaya dengan adanya nanti akan membantu mereka memperluaskan perkhidmatan bagi menerokai peluang-peluang perniagaan bukan sahaja dalam negara bahkan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, kaola juga mencadangkan *DARe* untuk menyelaraskan dewan-dewan perniagaan serta persatuan-persatuan kemahiran dan profesional untuk menubuhkan satu *hub*, yang badan dan pertubuhan berkenaan boleh membuat pejabat-pejabat dengan kemudahan-kemudahan seperti pusat sumber atau *resource centre* serta tempat-tempat untuk mengadakan perjumpaan-perjumpaan.

Ini boleh juga termasuk penyediaan perkhidmatan perkeranian, *secretarial* dan sebagainya untuk guna sama bagi badan dan pertubuhan berkenaan. Kaola percaya dengan adanya *hub* yang demikian akan mempertingkatkan perhubungan pihak berwajib seperti *DARe* dan agensi lain dan juga akan memberi nilai tambah untuk ahli-ahli dewan perniagaan serta persatuan-persatuan kemahiran dan profesional untuk bertukar-tukar fikiran mengenai amalan-amalan terbaik dan menjana kemahiran-kemahiran dalam menerajui badan dan pertubuhan masing-masing.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga ingin mencadangkan supaya maklum balas kepada semua yang berkepentingan akan hasil pemantauan dan pengumpulan data-data penilaian mengenai bantuan-bantuan yang dihulurkan atau skim-skim yang

dilaksanakan akan dibuat secara kerap untuk membolehkan pembaikan yang responsif dan cepat.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ . Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Perkara yang hendak kaola timbulkan juga berhubung dengan Jabatan Tenaga dan Perindustrian.

Kaola juga turut mengucapkan syabas dan menyokong sepenuhnya atas penubuhan *Darussalam Enterprise* ke arah untuk membantu pengusaha-pengusaha mendapatkan maklumat-maklumat dan bantuan yang diperlukan. *Darussalam Enterprise* juga telah menubuhkan *help desk* bagi kegunaan pengusaha-pengusaha. Selepas mesyuarat pertama diadakan oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah *Darussalam Enterprise*, dilaporkan tumpuan utama yang akan diberikan ialah untuk memperbaiki kedudukan negara dalam *Ease of Doing Business*.

Beberapa bulan yang lalu, kaola juga turut terbaca dalam media tempatan bahawa apa yang menjadi penghalang kepada *SME* untuk terus berkembang ialah kesukaran untuk mendapatkan sumber kewangan. Menurut laporan tersebut, disarankan supaya perlunya diadakan berbagai kaedah untuk mendapatkan kewangan yang tidak dibebankan dengan beberapa kawalan ataupun *regulations*. Laporan sama juga menyarankan supaya kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan kewujudan *bench capitalist* yang boleh menjadi alternatif kepada kerajaan.

Dalam masa yang sama, semasa sesi permuzakarahan dengan Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa kerajaan telah menghadapi kerugian kewangan yang besar berikutan sikap pengusaha-pengusaha tempatan yang gagal untuk membayar balik pinjaman kewangan yang telah dijamin oleh kerajaan.

Sementara itu, semasa sesi membahas usul menjunjung kasih, kaola juga tertarik dengan apa yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang mengatakan bahawa syarikat-syarikat tempatan terlalu selesa dengan pencapaian mereka. Mereka tidak tumbuh atau berkembang. Mereka cuma membuat sasaran kepada pasaran dalam negeri dan enggan menembusi pasaran eksport. Kaola berpendapat keadaan ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat tempatan

tidak mempunyai keyakinan atau *confident* untuk mengambil atau menghadapi risiko apabila membuat perniagaan di luar negeri.

Di sini kaola ingin menghadapkan beberapa soalan:-

1. Bagaimanakah Jabatan Tenaga dan Perindustrian akan menyelesaikan masalah yang sering disuarakan oleh *SME* dalam mendapatkan bantuan kewangan dan seterusnya mengatasi supaya perkara yang sama iaitu masalah kegagalan membayar balik pinjaman kewangan yang dijamin oleh kerajaan tidak akan berulang lagi?; dan

2. Bagaimanakah Jabatan Tenaga dan Perindustrian akan dapat membantu syarikat-syarikat tempatan untuk keluar daripada *comfort zone* mereka dan terus berkembang menjalankan perniagaan ke luar negara? Berhubung perkara ini adakah terdapat pemikiran atau inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan insurans atau *risk insurance* bagi melindungi syarikat-syarikat dalam menghadapi risiko semasa membuat perniagaan di luar negara. Risiko seperti kelambatan dalam proses memulakan perniagaan di luar negara, kelambatan dalam pengangkutan barang-barang atau *shipping delays*, keadaan politik dan keselamatan yang huru-hara yang menjejaskan perniagaan mereka di luar negara dan risiko-risiko yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Tajuk SA15A – Jabatan Tenaga dan Perindustrian. Tahun 2016 ini adalah tahun yang mencabar disebabkan penurunan ekonomi yang terjejas dalam sektor minyak dan gas termasuk Negara Brunei Darussalam. Pelbagai strategi ekonomi diusahakan oleh negara-negara pengeluar minyak dan gas bagi meningkatkan ekonomi negara mereka.

Menurut laporan antarabangsa, syarikat-syarikat minyak antarabangsa mengambil langkah-langkah tertentu bagi menurunkan kos tenaga kerja, pentadbiran dan kos operasi. Sebagai contoh *Petronas* dalam tempoh 4 tahun ia akan memotong perbelanjaan operasi sebanyak RM50 bilion termasuklah memberhentikan lebih kurang 1,000 pekerja. Syarikat-syarikat lain antarabangsa yang terlibat ialah *Schlumberger, Elevaton, Waterford, British Petroleum* dan lain-lain.

Kaola ingin bertanya:-

1. Apakah rancangan *Brunei Shell Petroleum Berhad* dalam menghadapi krisis harga minyak ini?;

2. Adakah *Brunei Shell Petroleum Berhad* berhasrat membuat pemberhentian pekerja (*redundant exercise*) bagi mengurangkan kos perbelanjaan atau *Brunei Shell Petroleum Berhad* berhasrat membekukan pengambilan pekerja luar dan tempatan?; dan

3. Menurut laporan media sosial *Brunei Shell Petroleum Berhad* telah memberhentikan kakitangan tempatan yang berkontrak (*LTC*) terutama sekali pekerja yang mansuh kontraknya pada tahun ini. Apakah inisiatif *Brunei Shell Petroleum Berhad* dan kerajaan dalam membantu pekerja yang terlibat?

Pelaburan dalam industri hiliran. Sejak kemerdekaan Negara Brunei Darussalam menubuhkan Syarikat Brunei Methanol merupakan salah satu pelaburan industri hiliran yang sangat besar dan menjana sejumlah kira-kira 200 orang pekerja.

1. Kaola ingin tahu sejak Syarikat Brunei Methanol ini beroperasi, berapakah jumlah hasil kasar pendapatan termasuk pendapatan *spinoff* yang lain pada negara?;

2. Dari pengalaman projek metanol ini sudah tentu mengambil kira kelebihan dan kelemahan dalam menimbangkan projek-projek yang lain secara seimbang dan transparen. Dengan adanya *foreign direct investment* ini, dijangkakan ia dapat menjana peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan;

3. Kompleks Industri Serambangun Tutong. Jika kita berkunjung ke Kompleks Industri Serambangun Tutong ia amat menyedihkan. Banyak ruang untuk berniaga masih kosong dan ini bukannya baru setahun dua tetapi sudah bertahun-tahun kekosongan ini berlaku. Kaola difahamkan pernah pengusaha tempatan menyewa ruang di kompleks ini untuk mengusaha, memproses ubat-ubat tradisional, disebabkan gagal untuk mendapatkan sijil *Good Manufacturing Practice* (*GMP*), maka usaha tersebut tidak diteruskan dan pengusaha ini mengalami kerugian sehingga berbelas ribu ringgit bagi membayar sewa.

Masalah yang dihadapi oleh pengusaha ini ialah tidak ada tunjuk ajar bagaimana untuk mendapatkan sijil *Good Manufacturing Practice* ini sehingga ia menunggu beberapa tahun mengharapkan supaya permohonan ini dapat diluluskan. Kaola difahamkan pada Februari 2016 ini, telah ditubuhkan *Business Support Centre* di Anggerek Desa yang bertujuan untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha tempatan. Dalam hal ini, kaola mencadangkan supaya cawangan-cawangan *Business Support Centre* ini dibuka ke daerah-daerah yang lain untuk menyelesaikan masalah yang

dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kecil di daerah-daerah yang berkenaan.

Masalah pengusaha-pengusaha kecil berlainan dari daerah ke daerah. Diharapkan juga fungsi *Business Support Centre* bukan sahaja menerima aduan dan masalah pengusaha-pengusaha tetapi juga hendaklah proaktif seperti turun padang untuk memberi tunjuk ajar kepada yang kurang berkemampuan dan berpengetahuan;

4. Bantuan untuk *Small Medium Enterprise*. Salah satu fungsi Jabatan Tenaga dan Industri membantu dan membimbing Perusahaan Kecil dan Sederhana *(SME)* sampai berjaya dari peringkat domestik ke peringkat antarabangsa.

   Adakah bantuan dan bimbingan yang diberikan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (*SME) genuine* atau penuh hati sesuai dengan keperluan syarikat? Kaola mencadangkan, supaya pegawai-pegawai yang ditugaskan dalam memberi bantuan dan bimbingan ini dibuat dengan sepenuh hati sampai syarikat dapat menembusi pasaran antarabangsa dan berjaya mewujudkan kedudukan di pasaran antarabangsa. Perusahaan Kecil dan Sederhana (*SME)* hendaklah juga mengambil peranan untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang dilibatkan untuk memastikan keberkesanan peluang pekerjaan dari segi aspek kewangan, pentadbiran dan pemasaran; dan

5. Keberkesanan Dewan Perniagaan. Di Brunei Darussalam ini terdapat beberapa buah dewan perniagaan seperti Dewan Perniagaan dan Perusahaan Kebangsaan Brunei Darussalam, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei, Dewan Perniagaan China dan Dewan Perniagaan India. Adakah dewan-dewan perniagaan ini mempunyai satu visi untuk menolong dalam meningkatkan perekonomian Negara Brunei Darussalam?

   Kaola mencadangkan bagi dewan-dewan perniagaan tersebut, membantu peniaga-peniaga yang ada pada masa ini dan juga peniaga-peniaga yang berhasrat untuk memulakan perniagaan. Kaola ingin menasihati untuk membisaikan lagi perjalanan perniagaan dalam kalangan ahli adalah disarankan supaya ahli-ahli dapat bersatu hati untuk sama-sama menjayakan hasrat kerajaan dalam meningkatkan ekonomi negara.

Bagi Tajuk SA21A - Jabatan Peguam Negara, tajuknya Penyeludupan Rokok. Lesen Pengimportan Rokok ke Negara Brunei Darussalam telah diberhentikan sejak beberapa tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, aktiviti penyeludupan rokok ini masih terjadi seakan-seakan setiap hari. Ini telah dilaporkan dalam media-media harian dan juga disiarkan melalui televisyen. Denda-denda yang dikenakan berbeza-beza mengikut

jumlah rokok yang dibawa masuk. Penyeludupan rokok ini satu fenomena jenayah yang kritikal yang dihadapi oleh kerajaan.

Kaola berpandangan seolah-seolah ada sindiket berada di belakang aktiviti ini dan kemungkinan memperolehi keuntungan yang besar. Sejak akhir-akhir ini nampaknya, kerajaan begitu lembut (*lenient*) kepada yang terlibat dalam memberi peluang bayaran denda yang dikenakan secara beransur-ansur.
Yang Berhormat Pengerusi, dalam hal ini kaola sukacita mencadangkan supaya pihak-pihak yang terlibat untuk meneliti semula undang-undang dan peraturan yang sedia ada dengan mengenakan denda yang boleh memberi efek jera seperti pelaku di penjara dan juga tidak bertolak ansur dengan tidak memberi peluang untuk mereka membayar secara ansuran. Pihak berkuasa juga diminta untuk menyiasat sekiranya terdapat sindiket di belakang aktiviti ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ingin membawa usul daripada keluarga-keluarga yang terlibat supaya membawa usul-usul ini dalam Dewan ini, iaitu:-

1. Berhubung dengan pekerja-pekerja anak tempatan iaitu *Local Term Contract (LTC)* bekerja di syarikat-syarikat yang melaksanakan projek secara kontrak, persoalannya, apabila syarikat ini tidak lagi beroperasi kerana tidak lagi mendapat projek maka melibatkan pekerja anak tempatan akan kehilangan kerja.

   Kaola ingin tahu, apakah peranan dan tindakan Jabatan Tenaga dan Perindustrian demi kesejahteraan pekerja ini terutama yang mempunyai keluarga dan mungkin juga menanggung hutang-hutang kereta dan lain-lain; dan

2. Seterusnya, ialah berhubung dengan penyalahgunaan media sosial. Sekarang ini nampaknya semakin berleluasa dan tidak berkesudahan sehingga perkara-perkara remeh, fitnah, ancaman, keganasan dan penderaan, perkara yang memalukan sudah menjadi satu hiburan biasa. Oleh itu, selain tindakan undang-undang maka dicadangkanlah pendekatan berbentuk pendidikan merupakan jalan terbaik untuk mendidik rakyat dan penduduk untuk menjadi seorang pengguna yang berhemah. Pengguna perlu faham bahawa jangkauan media sosial cukup luas dan boleh diakses di seluruh dunia. Apabila disalahgunakan boleh menggugat keselamatan negara.

Soalan kaola, adakah cadangan untuk melaksanakan jerayawara dan taklimat berbentuk pendidikan tentang kebaikan, kesan negatif dan akibat dari segi perundangan secara bersepadu dengan beberapa agensi yang berkaitan ke mukim-mukim, kampung-kampung dan sekolah-sekolah?

Soalan yang terakhir ialah Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Pelaksanaan sistem prabayar kini menunjukkan perkembangan positif bagi mengurangkan tunggakan kerana sistem ini dapat mengawal pengguna dari belengah-lengah atau melambatkan pembayaran. Apa yang telah dimaklumkan, sektor swasta dan orang ramai berhutang dengan jumlah tunggakan $390 juta kepada perkhidmatan awam iaitu perkhidmatan kerajaan. Penggunaan tenaga elektrik di negara ini adalah tertinggi dari negara-negara lain. Penggunaan tertinggi ini tidak menjimatkan, maka kerajaan berbelanja banyak bagi menjana tenaga elektrik seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2012. Antara lain titah baginda:-

"Oleh itu tidak ada pilihan lain dari mengawal dan mengelakkan apa juga jenis pembaziran termasuk ke atas kemudahan-kemudahan yang diberi subsidi seperti tenaga. Penjimatan tenaga akan secara langsung mengurangkan kadar penggunaan minyak dan gas tempatan yang juga akan membolehkannya lebih banyak untuk eksport dan industri hiliran bagi meningkatkan lagi pendapatan negara dan juga peluang pekerjaan."

Demikianlah titah baginda yang boleh menjadi panduan. Jadi bagi menggalakkan penjimatan, soalan kaola ialah:-

1. Adakah rancangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik mengadakan satu insentif atau anugerah kepada pengguna yang dapat menjimatkan tenaga elektrik dengan menurunkan 50 peratus atau lebih dari penggunaan asal?; dan

2. Adakah rancangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik memper-kenalkan dan menggalakkan kepada orang ramai untuk menggunakan tenaga solar pada masa akan datang.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Sukacita kaola mengutarakan 2 perkara dalam Tajuk SA15A dan SA24A.

1. **Dalam Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga dan Perindustrian.**

   Mengenai Kompleks Koperasi yang ditempatkan di Tapak Perindustrian Batu Apoi di Temburong iaitu Koperasi KITA yang sudah siap sepenuhnya lebih setahun yang lalu masih belum lagi dibukakan kepada orang ramai terutama kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang memohon. Kaola ingin tahu bilakah kiranya bangunan Koperasi KITA ini dapat digunakan sepenuhnya?;

2. **Dalam Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik.**

   Yang Berhormat Pengerusi, sebelum itu melalui Dewan yang mulia ini kaola memohon izin untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Tenaga dan Perindustrian melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Daerah Temburong yang sentiasa berkerja keras dalam menangani masalah kerapnya berlaku terputus bekalan elektrik di daerah ini dalam mengurangkan rungutan daripada orang ramai. Masalah tersebut sudah lama berkurangan dari tahun ke tahun. Jabatan cepat mengenal pasti sebab berpuncanya berlaku keputusan bekalan elektrik yang sering sahaja dihadapi oleh orang ramai sebelum ini.

   Kaola ingin bertanya apabila siap sepenuhnya nanti pelaksanaan Jambatan Temburong dijangka pada tahun 2018 setentunya kemudahan membawa tenaga elektrik dari Daerah Brunei dan Muara ke Daerah Temburong lebih jelas dan ini akan mengurangkan perbelanjaan kerajaan. Apakah usaha-usaha sudah dijalankan pada masa ini mengenai pembekalan dan kerja-kerja pemasangan kabel-kabel, kawat-kawat serta segala kelengkapan yang akan menghubungkan bekalan tenaga elektrik Daerah Temburong dengan Daerah Brunei dan Muara?; dan

   Memandangkan Stesen Janakuasa Belingus sebagai salah satu daripada aset negara yang berharga seperti juga Stesen Janakuasa Belayang. Apakah perancangan jabatan berkenaan bagi Stesen Janakuasa Belingus setelah diketahui khidmat pembekalan tenaganya tidak akan diperlukan lagi atau Janakuasa Belingus akan berfungsi sebagai *backup* atau *standby* sahaja.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 2 persoalan:-

1. Kaola menyokong sepenuhnya atas usaha Jabatan Perkhidmatan

Elektrik mengurangkan lampu-lampu di setengah jalan raya di negara ini dan hanya akan mengekalkan di tempat-tempat yang strategik saja bagi tujuan menjimatkan tenaga. Kaola ingin menyarankan dalam Majlis yang mulia ini supaya lampu-lampu Lebuh Raya Telisai/Lumut yang tiang-tiang lampu sudah pun terpancang itu juga akan dapat dikurangkan bagi menjimatkan tenaga elektrik; dan

2. Kaola suka memberi sokongan kepada apa yang disuarakan oleh kedua-dua teman Yang Berhormat sebentar tadi mengenai pemberhentian pekerja-pekerja anak tempatan atas sebab yang telah pun dihuraikan oleh kedua-dua Yang Berhormat di syarikat-syarikat yang dimaksudkan. Yang Berhormat Pengerusi, kaola hanya ingin menyuarakan supaya pihak Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad dan syarikat-syarikat yang lain dapat memberi pertimbangan memandangkan negara menghadapi masalah pengangguran ketika ini untuk tidak memberhentikan pekerja-pekerja tempatan sebaliknya melepaskan lebih dahulu pekerja-pekerja asing mengikut keperluan dan kalau ini masih belum memadai, pihak syarikat haruslah memberi *grace period* bagi memberi peluang pekerja-pekerja tempatan mencari pekerjaan alternatif kerana ada antara mereka itu telah pun berkhidmat dengan pihak syarikat lebih dari 10 tahun dan yang sedihnya lagi ada dalam kalangan mereka mempunyai keluarga yang besar. Kaola ingin mendengar sedikit penjelasan mengenai pengurangan tenaga kerja di syarikat tersebut yang melibatkan anak tempatan.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh mengenai Tajuk SA21A - Jabatan Peguam Negara.

Dalam Forum Hari Kesihatan Sedunia peringkat Daerah Tutong pada Jun 2012 ada cadangan untuk mewujudkan atau menyediakan Rumah Orang-Orang Tua yakni warga emas di negara ini yang dikendalikan oleh pihak kerajaan. Jawapan daripada ahli yang mengendali forum tersebut adalah positif dan merupakan cadangan yang baik. Majlis memandang serius dan teliti dalam cadangan untuk menyediakan rumah warga emas ini dari sudut kebaikannya seperti:-

i. Bagi kemudahan menjaga kesihatan amat mudah;

ii. Untuk membantu anak-anak mereka yang kurang mampu;

iii. Membantu warga emas yang tidak mempunyai anak-anak atau waris; dan

iv. Menjamin warga emas yang tinggal bersendirian.

Manakala dari segi negatif atau kelemahannya pula adalah:-

i. Menggalakkan anak-anak warga emas tidak bertanggungjawab terhadap ibu bapa mereka;

ii. Bertentangan dengan ajaran agama Islam dan amalan konsep MIB di negara ini;

iii. Boleh melahirkan perasaan warga emas terasa terasing dan tersisih, seolah-olah kehidupan mereka dipinggirkan dan tidak dihargai oleh keluarganya;

iv. Bertentangan dengan budaya kita orang Melayu Brunei yang menyayangi keluarga dan menghormati serta bertanggung-jawab hingga ke akhir hayat mereka; dan

v. Secara langsung sifat-sifat kemanusiaan sedemikian akan dikhuatiri menjadi budaya dan amalan generasi yang akan datang dan akan menjadi bebanan kepada pihak kerajaan seperti menyediakan bangunan, pemeliharaan dan kebajikan yang diperlukan.

Yang Berhormat Pengerusi, oleh sebab perkara ini lebih banyak mendatangkan masalah keburukan daripada kebaikannya, maka Majlis mengesyorkan supaya pihak berkenaan akan mewujudkan undang-undang atau akta bagi menggalakkan anak-anak dan keluarga mereka akan bertanggungjawab kepada ibu bapa mereka dalam apa keadaan sekalipun.

Yang Berhormat Pengerusi, untuk pengetahuan Majlis pada masa ini terdapat beberapa orang warga tua berada di hospital-hospital kerajaan di negara ini tidak diambil perhatian atau kurang diambil perhatian oleh keluarganya dan ada yang tinggal bertahun-tahun lamanya yang menjadi bebanan kepada pihak hospital. Sekiranya sudah ada akta disediakan oleh pihak kerajaan perlulah dikuatkuasakan supaya keluarga berkenaan mengambil langkah-langkah sewajarnya. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh mengenai Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga dan Perindustriaan. Yang Berhormat Pengerusi, اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Setelah mendengar mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana

Menteri dengan begitu jelas, kaola mengucapkan ribuan terima kasih, kerana anak-anak tempatan sudah menceburkan diri dalam sektor ini. Kaola ingin sama-sama membahaskan Tajuk ini:-

1. Sejak diperkenalkan prabayar bahan tenaga, kaola difahamkan ada sebahagian mereka mengatakan mahal dan ada pula mengatakan murah, mana satu yang betul? Apalah juga kiranya pihak berkenaan dapat menjelaskannya.

   Yang Berhormat Pengerusi, selain itu, bahawa sejauh ini mereka yang masih menggunakan meter lama dan belum lagi menukar dengan yang baharu, apakah tindakan pihak berkenaan?; dan

2. Setelah diperkenalkan prabayar, adakah mereka yang menggunakan meter lama masih tertunggak? Sekiranya masih tertunggak, apakah tindakan-tindakan yang sudah dilakukan?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 4 soalan, mengenai Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dan Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Eletktrik.

Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga dan Perindustrian. Lebih dahulu saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhomat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri yang telah banyak membuat reformasi bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya minta kalau sekiranya mukadimah abiskita, dipendekkan sahaja. Tujulah kepada soalan yang akan dikemukakan, oleh kerana kita memakan banyak masa untuk memberikan ucapan-ucapan terdahulu. Jadi saya minta, kalau sekiranya hendak menyoal, ada baiknya terus disoal sahaja.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pelaburan Langsung Asing *(FDI)*, Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2016/2017 menunjukkan 3 Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* telah melabur di Negara Brunei Darussalam:-

1. Apakah nama syarikat yang melabur di negara ini dan lokasinya di mana?;

2. Berapakah jumlah pelaburan asing berdasarkan kapital yang mereka laburkan dan berapakah penglibatan syarikat tempatan sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan

Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

1. Pemantauan bagi masalah ibu bapa yang tidak berkemampuan, Beberapa agensi kerajaan dan swasta telah menghulurkan bantuan kepada golongan yang tidak berkemampuan. Perkara ini adalah merupakan usaha yang sangat baik dalam menghulurkan bantuan kepada orang-orang yang memerlukan bantuan. Antara agensi yang terlibat secara langsung ialah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan ketiga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

   Soalan kaola, adakah pihak Jabatan Perancang Kemajuan Ekonomi (JPKE) membuat pemantauan bagaimana pelaksanaan bantuan dihulurkan? Jika perlu ianya akan dapat diselaraskan dengan pihak Jabatan Perancang Kemajuan Ekonomi (JPKE) agar penerima bantuan ini akan dapat ditangani dengan mendapat dari satu sumber sahaja bagi memberi peluang kepada orang yang memerlukannya.

2. Kita bersyukur di Negara Brunei Darussalam banyak barangan yang telah dikurangkan cukai ataupun ditiadakan cukai. Perkara ini sudah tentu banyak memberikan manfaat kepada rakyat dan penduduk serta pelanggan di Negara Brunei Darussalam.

   Namun demikian, rakyat dan penduduk negara ini belum dapat menikmati pensejajaran harga yang terdapat di beberapa premis perniagaan dan gedung perniagaan ataupun kedai-kedai runcit di negara ini. Adalah dicadangkan kawalan harga haruslah dipertingkatkan dan *enforcement* yang berkenaan daripada pelbagai agensi perlu memainkan peranan yang penting dalam mengawal harga barangan yang memberikan keselesaan kepada masyarakat pengguna di negara ini.

   Pihak kerajaan tidak mengenakan cukai kepada beberapa barangan yang diimport ke negara ini, bertujuan mengurangkan beban kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

   Maka peluang ini patut diambil oleh peniaga dengan menawarkan barangan yang lebih murah berbanding dengan beberapa buah negara di *ASEAN*. Kita dapati komen-komen orang yang datang dari negara jiran, bahawa barangan yang terdapat di negara ini, yang dijual di *supermarket* dan gedung perniagaan, lebih berkualiti dan mempunyai *standard* piawaian antarabangsa. Maka kerana itu, langkah drastik perlu diambil bagi mengawal harga barangan di negara ini agar memberikan keselesaan kepada rakyat dan mengurangkan orang ramai berbelanja di negara lain dan sekali gus kita akan dapat menarik pula orang dari negara jiran

berbelanja ke negara ini melalui barangan yang berkualiti dan harga yang istimewa serta *standard* harga yang terkawal.

3. Pusat Kebangsaan E-Kerajaan merupakan agensi yang sangat penting dan berkesan dalam mendapatkan sumber maklumat yang cepat dan urus tadbir yang efisien dalam beberapa kementerian dan agensi kerajaan serta pihak swasta. Kejayaan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan banyak bergantung pada tenaga mahir dan berpengalaman yang dapat menguasai bidang *IT* untuk melicinkan urus tadbir sebuah organisasi, memerlukan pegawai dan kakitangan yang berkelayakan dalam bidang berkenaan.

   Setelah beberapa tahun Pusat Kebangsaan E-Kerajaan diwujudkan, berapa peratuskah kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang telah melaksanakannya? Apakah usaha pihak Pusat Kebangsaan E-Kerajaan bagi memastikan semua kementerian dan jabatan ini melaksanakan E-kerajaan?

4. Seterusnya yang terakhir Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Adalah dicadangkan supaya laluan kawat letrik yang menghalang dan mengganggu seperti dahan dan pokok serta akar akan dapat dipotong dan dibersihkan agar tidak menggangu dan terputusnya bekalan elektrik, ini yang sering berlaku di kampung-kampung pedalaman, kalau kawasan bandar memang tidak ada.

   Perkara ini dibangkitkan kerana terputusnya bekalan elektrik, penyebab utama mengikut maklumat daripada Jabatan Perkhidmatan Elektrik sendiri ialah *touching* ranting ataupun daun pokok, kayu tumbang di atas kawat letrik. Maka kerana itu, perkara ini memerlukan tindakan yang bersesuaian dan jika perlu Majlis Perundingan Kampung dan Mukim boleh bekerjasama mengadakan kempen pemotongan dan pembersihan pokok secara bergotong-royong dengan bantuan beberapa agensi yang diperlukan seperti Jabatan Kerja Raya, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Bomba dan Penyelamat bagi mengawal keselamatan.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam membahaskan Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga dan Perindustrian. Kaola ingin mengongsikan pandangan mengenai bekalan gas domestik yang dibekalkan ke rumah-rumah di kawasan Pekan Kuala Belait dan Seria yang disalurkan melalui paip dengan bayaran hanya $2.50 sebulan

setiap satu banur. Bekalan ini hampir setengah abad telah disalurkan sebegitu rupa dan sudah setentunya mengalami kerosakan dan kebocoran yang mengeluarkan bau dan bahaya yang mungkin mengakibatkan kebakaran dan pembaziran.

Gas juga salah satu sumber awam yang sedang dikomersialkan di dalam dan di luar negara, untuk menambahkan hasil negara dan mengelakkan pembaziran, mempertingkatkan langkah-langkah keselamatan dan tidak kurang juga untuk mengatasi berlakunya tunggakan hasil terhadap bahan tersebut, maka sudah tiba masanya bekalan gas yang disalurkan melalui bekalan paip itu diberhentikan dan digantikan dengan gas tong ataupun *(LPG)* supaya ia dapat dimanfaatkan dengan secara berjimat dengan harga yang selaras dengan pengguna-pengguna yang lain di seluruh Negara Brunei Darussalam. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar perbincangan mengenai Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri dan di hadapan saya masih terdapat beberapa orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik yang ingin untuk turut serta dalam perbincangan ini. Maka saya cadangkan supaya sekarang perbincangan kita ini ditangguhkan dahulu dan kita akan kembali untuk bersidang dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sukacita untuk menangguhkan mesyuarat kita dan kita akan bersidang semula pada sebelah petang nanti pukul 2.30 petang.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), dan kita masih lagi membincangkan dan meneliti Rang Undang-Undang tersebut satu persatu di peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi kita telah membuka Majlis ini bagi Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu bagi Tajuk - SA14A hingga Tajuk - SA25A.

Di hadapan saya masih ada senarai 3 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang ingin untuk membuat kenyataan. Maka saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Silakan Datin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebagai permulaan terima kasih dan tahniah atas ucapan mukadimah Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri pada sebelah pagi tadi. Saya ada 3 soalan:-

1. Antara strategi mempelbagaikan ekonomi negara bagi mengembangkan sektor bukan minyak dan gas adalah dengan menarik Pelaburan Langsung Asing iaitu *FDI* serta mengukuhkan dan mengembangkan pengusaha-pengusaha tempatan. Industri halal adalah satu sektor industri yang dikenal pasti dapat menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi. Apatah lagi Negara Brunei Darussalam merupakan satu kelebihan daya saing dan *value added* ataupun nilai tambah sebagai sebuah Negara Zikir. Menurut laporan Industri Pasaran Global Halal, dianggarkan bernilai kira-kira US$2.3 trilion setahun.

   Soalan saya, sejauh manakah usaha-usaha yang telah dibuat bagi mempromosi pembangunan industri

halal dengan lebih pesat lagi sekali gus dapat merebut peluang-peluang perniagaan di pasaran global?;

2. Peningkatan bidang perniagaan dalam kalangan orang ramai semakin menggalakkan pada masa ini. Pengusaha-pengusaha tempatan yang semakin berkembang maju, antaranya yang berniaga mengunakan media sosial termasuk yang sedang popular pada masa ini ialah jualan melalui kiub yang juga menggunakan *online Instagram*.

   Soalan saya, adakah pihak-pihak berkenaan membuat pemantauan atau pengawalan terutama yang berhubung dengan keselamatan dan ketulenan, termasuklah keselamatan makanan, kosmetik dan produk-produk kesihatan?; dan

3. Seperti yang diketahui pelbagai macam jenis kajian yang telah dibuat mengenai perbelanjaan keluarga dan isi rumah dan juga mungkin kajian pengangguran dan lain-lain. Kajian yang dibuat ini selain untuk mengetahui statistik dan bilangan pengangguran atau lain-lain sudah setentunya ada perancangan yang lebih teliti akan menyusul dan dibentuk untuk mengatasinya.

   Isu yang ingin saya timbulkan di sini ialah apa yang kita ketahui bukan sahaja lepasan *graduate* yang masih mencari-cari pekerjaan, tetapi juga golongan yang berkemahiran pun sudah ramai yang menganggur terutama dalam sektor minyak dan gas, bilamana pekerja tempatan yang berkontrak menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan apabila majikan mereka tidak lagi meneruskan peluang pekerjaan.

   Sebenarnya isu ini juga telah dibangkitkan oleh dua orang rakan Yang Berhormat, cuma saya ingin bertanya dalam usaha dan langkah-langkah yang dapat membantu golongan yang mempunyai kemahiran seperti ini iaitu untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan, adakah mereka ini juga termasuk dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri pada sebelah pagi tadi bahawa pada tahun 2015 telah dapat memberikan pekerjaan kepada anak-anak tempatan dengan jumlah yang melebihi 2,000 dan menjelang tahun 2016 akan dapat memberi pekerjaan kepada anak tempatan kira-kira berjumlah 2,600 orang? Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato

Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menyentuh Tajuk SA24A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan. Dalam abad teknologi sekarang, semua data juga boleh disatukan kepada satu *database* yang canggih. Negara kita juga tidak ketinggalan seperti kad pengenalan sudah pun dikenali kad pintar, pasport juga sudah dielektronikkan, lesen memandu sudah dibubuhkan dengan cip pintar, pendaftaran kesihatan di seluruh negara menggunakan *database BruHims.*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat soalan saya, bilakah data dari yang kaola sebutkan tadi disatukan untuk menjadi kad canggih, supaya memudahkan seseorang berurusan dengan mudah apabila ia dikehendaki memberikan keterangan tentang dirinya dengan cepat dan mudah seperti yang dijangkakan usia penduduk warga emas akan lebih panjang, walaupun umur mereka panjang namun fitrah manusia apabila tua masih ada masalah ingatan memang akan berkurang dan dengan adanya kad canggih itu sangat berguna bagi menolong warga tua berurusan dan menggunakan untuk diuruskan.

Jika ada penerangan untuk menyatukan maklumat seseorang itu maka menjadi realiti dan bilakah masanya akan dilahirkan kad yang kaola maksudkan? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE). Terdapat sunggutan orang ramai masih lagi ada syarikat-syarikat ataupun kedai-kedai yang masih mengenakan caj 3 peratus kepada pelanggan-pelanggan kerana menggunakan kad kredit. Soalan kaola adakah perkara ini dipantau oleh JPKE dan apakah tindakan dibuat kepada syarikat-syarikat atau kedai-kedai yang masih menggunakan *service charge* ini?

Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Berapa peratuskah rumah-rumah seluruh negara yang menggunakan meter prabayar sehingga pada masa ini dan apakah usaha yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik kepada rumah-rumah yang belum menukar meter prabayar masa kini? Sekian dan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar kenyataan-kenyataan dan soalan-soalan yang dikemukakan oleh 14 orang Ahli Yang Berhormat dilantik. Sekarang saya berikan kesempatan Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan

Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan responnya.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi, kaola lebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan dan sokongan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana.

Lebih dahulu kaola akan menjawab soalan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin dan kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas sokongan Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin menarik perhatian terhadap penubuhan *DARe* ini adalah atas kepimpinan dan sokongan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, yang sejak awal lagi telah bersabda supaya mempercepatkan proses penubuhan *DARe*. Sama-samalah kita menjunjung kasih atas sabda Duli Yang Teramat Mulia itu.

Saranan Yang Berhormat adalah saranan yang baik, kaola akan mengambil berat akan cadangan ini dan akan memberi penekanan untuk berkerjasama dengan Kementerian Hal Luar Negeri dan Perdagangan dan juga agensi-agensi berkenaan yang lain bagi membantu mengakses pasaran antarabangsa melalui perjanjian-perjanjian yang sedia ada seperti *Asean Economic Community, TPP*, *BIMP-EAGA* dan sebagainya bagi pengusaha-pengusaha yang mempunyai produk yang memenuhi standard dan pensijilan eksport.

Sikap Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin yang menaruh keyakinan walaupun berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh Negara Brunei Darussalam yang tercinta dan dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengharungi cabaran-cabaran pada masa ini adalah satu sikap yang terpuji.

Soalan yang kedua dari Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, saya mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat untuk mengenalkan skim khusus seperti untuk menerokai peluang perniagaan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan satu *hub* dengan kerjasama dewan-dewan perniagaan dan badan-badan yang profesional ini adalah cadangan yang baik dan akan diteliti dengan lanjut bersama dengan pihak-pihak yang tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat antara Ahli Lembaga Urus Tadbir *DARe*

adalah terdiri daripada Ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei iaitu Awang Haji Abdul Samad bin Haji Ahmad, wakil dari *Entrepreneurship Association Brunei* Awang Del Goh dan Pengerusi Persatuan Perkapalan Brunei Awang Jin Yong. Dengan keahlian tersebut diharap ia akan dapat membantu dalam penubuhan *hub* seperti mana yang dicadangkan Yang Berhormat dan *hub* tersebut saya masa ini sedang memikirkan kalau dapat ditempatkan di bangunan kepunyaan Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian.

Soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai masalah *SME* memperolehi sumber kewangan, sebenarnya kerajaan ada menyediakan skim-skim pinjaman seperti *Entrepreneurs Facilator Skim* dan *Micro Financing Scheme.* Semenjak skim-skim tersebut disediakan dari Tahun 2006 hingga 31 Disember 2015 lebih daripada $210 juta telah dipinjamkan kepada perusahaan-perusahaan tempatan. Namun sesetengah perusahan gagal membuat pembayaran menyebabkan kerajaan menghadapi kerugian seperti mana Yang Berhormat Datin katakan tadi.

Untuk makluman jumlah pinjaman yang tertunggak bayaran ialah kira-kira $55 juta. Kerajaan bersama pihak bank akan bekerjasama untuk menyelesaikan masalah yang tertunggak. Walau bagaimanapun pihak kerajaan akan lebih dahulu membuat perundingan bersama peminjam-peminjam dan pihak bank sebelum mengambil sebarang keputusan yang lanjut.

Sistem bantuan kewangan yang ada pada masa ini diterajui oleh pihak kerajaan dan didapati beberapa kelemahan dalam proses meluluskan pinjaman. Seperti dalam beberapa permohonan pinjaman pihak kerajaan telah meluluskan walaupun pihak bank pada awalnya tidak menyokong permohon berkenaan berdasarkan analisis mereka terhadap pelan perniagaan pemohon.

Oleh yang sedemikian, pada masa ini pihak kerajaan sedang mereviu bantuan yang ada dan akan mencadangkan perubahan-perubahan supaya bantuan-bantuan kewangan yang dihulurkan lebih efektif dan berkesan. Reviu atas bantuan kewangan ini juga akan diterajui oleh berapa ahli Lembaga Urus Tadbir *DARe,* supaya prespektif sektor swasta akan diambil kira.

Walau bagaimanapun seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah kemudahan pinjaman bagi keusahawan ini perlu menjadi proses yang senang dilaksanakan dan memerlukan sistem pemantauan agar ianya menjadi satu proses yang tulus dan transparen. Perbelanjaan hanya memfokuskan kepada keperluan perniagaan sahaja bukannya untuk keperluan peribadi seperti pembelian kereta-kereta mewah.

Seperti mana yang dimaklumi berniaga sememangnya mempunyai risikonya yang tersendiri apatah lagi perniagaan

yang berunsur eksport terutama sekali dalam negara yang kurang mantap dari segi kestabilan politik dan ekonomi. Buat masa ini pengeluar insurans kurang berkeyakinan untuk menyediakan perkhidmatan insurans bagi aktiviti-aktiviti yang sedemikian. إِنْ شَاءَ اللَّهُ saranan Yang Berhormat Datin akan dikaji lagi pada masa akan datang tentang keberkesanannya.

Untuk menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat Dato Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar dan tentang soalan *LTC* kaola akan cantumkan kerana ada dua orang Ahli Yang Berhormat menyoalkannya, iaitu Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit dan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Isu yang dibangkitkan dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan di sektor minyak dan gas dan di Negara Brunei Darussalam yang bersangkut paut dengan *LTC* akan kaola jawab kemudian. Kaola akan menjawab dulu tentang isu *LTC* ini jua ada kait mengaitnya yang dengan apa yang tadi disoal oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Kaola akan menjawab soalan yang pertama, apakah rancangan *Brunei Shell Petroleum Berhad* dalam menghadapi krisis harga minyak ini?

Syarikat *BSP* adalah tidak terkecuali daripada menghadapi kesan secara langsung krisis harga minyak ini. Syarikat *BSP* melalui Perancangan Perniagaan (*Business Plan*) mereka telah dan akan terus menekankan dasar-dasar penjimatan dalam perbelanjaan dalam menghadapi suasana harga pasaran minyak yang terendah. Dasar-dasar ini termasuklah melalui *strategic corporate,* pemulihan yang dipanggil "*line in the sand"* bagi memastikan keseluruhan operasi Syarikat *BSP cost effective* dan *cost competitive* serta menghapuskan sebarang pembaziran.

Antara tindakan yang telah diambil termasuklah memberi keutamaan terhadap projek yang mempunyai nilai lebih tinggi, mengkaji semula semua perbelanjaan untuk memastikan pembekal menawar harga yang paling kompetitif, mengurangkan serta menangguhkan perbelanjaan bagi projek yang kurang penting, mengurangkan permintaan perkhidmatan, memaksimumkan penggunaan kapal secara guna sama, mengurangkan perbelanjaan bahan-bahan dan memaksimumkan penggunaan bahan-bahan yang sedia ada dan membekukan pembukaan jawatan-jawatan baharu dan mengurangkan jawatan-jawatan yang ketika ini tidak diisi dan sebagainya.

Dalam melaksanakan tindakan ini Syarikat *BSP* akan memastikan perjalanan operasi serta aspek-aspek keselamatan akan terus diberi keutamaan.

Bagi soalan kedua, berapa ramai pekerja asing dan pekerja tempatan di *Brunei Shell Petroleum* pada masa ini? Adakah *Brunei Shell Petroleum Berhad* berhasrat untuk membuat pemberhentian kerja *(redundancy excise*) bagi mengurangkan kos perbelanjaan? Adakah *Brunei Shell Petroleum Berhad* berhasrat untuk membekukan pengambilan pekerja tempatan dan luar?

Sudah saya nyatakan tadi iaitu membekukan pembukaan jawatan baharu. Mengenai jumlah pekerja Syarikat *BSP*, pada masa ini Syarikat *BSP* mempunyai kira-kira 4,347 pekerja iaitu seramai 85 peratus adalah pekerja anak tempatan dan 661 orang adalah pekerja asing. Setakat ini, Syarikat *BSP* belumlah berhasrat untuk membuat pemberhentian pekerja *atau redundancy excise* bagi mengurangkan kos perbelanjaan.

Seperti juga di syarikat-syarikat di sektor minyak dan gas yang lain, Syarikat *BSP* juga tidak terlepas daripada keperluan melihat dan merancangkan keperluan tenaga manusia bagi memastikan syarikat terus terdaya saing dan berdaya tahan ketika harga pasaran minyak yang rendah. Jumlah pekerja sebuah syarikat tertakluk kepada keperluan operasi syarikat dan pasaran atau *operation* dan *market driven*.

Pada ketika ini seperti yang dinyatakan sebelum ini, Syarikat *BSP* telah melaksanakan pembekuan pembukaan jawatan baharu dan mengurangkan jawatan-jawatan yang ketika ini tidak diisi. Pengambilan pekerja-pekerja terutama sekali pekerja asing disaring *(vetting)* lebih dulu oleh Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan keperluan dan kesesuaian pekerja asing tersebut. Pengambilan pekerja asing ini adalah bagi menggantikan pekerja asing yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan di Syarikat *BSP* yang kepakaran pekerja asing ini masih dikehendaki.

Untuk makluman selanjutnya, Syarikat *BSP* telah mengadakan sasaran pengurangan pekerja asing sebanyak 10 peratus setiap tahun bermula dari tahun 2015 bagi 5 tahun akan datang sebagai sebahagian langkah strategik Syarikat *BSP* dalam pengurusan sumber tenaga manusia syarikat tersebut. Pada tahun 2015 Syarikat *BSP* telah berjaya mengurangkan sebanyak 75 orang iaitu menepati sasaran 10 peratus yang telah ditetapkan.

Menurut laporan media sosial, *Brunei Shell Petroleum Berhad* telah memberhentikan kakitangan tempatan yang berkontrak terutama sekali yang mansuh kontraknya pada tahun ini.

Apakah inisiatif *Brunei Shell Petroleum* dan kerajaan dalam membantu pekerja-pekerja yang terlibat? Soalan ini ada kena mengena dengan soalan yang disoal oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad dan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Untuk menjawab soalan mengenai dengan *BSP LTC*. Pekerja-perkerja tempatan di Syarikat *BSP* dapatlah dibahagikan kepada *Regular Local Staff* dan *Local Term Contract Staff (LTC)*. *Regular Local Staff* adalah pekerja tetap Syarikat *BSP* yang kontrak pekerjaan mereka hanya akan tamat apabila mencapai umur persaraan. Sementara *LTC Staff* adalah pekerja tempatan yang berkontrak selama 2 atau 3 tahun saja tertakluk kepada keperluan syarikat operasi *BSP*.

Mengenai perkhabaran yang menyatakan bahawa Syarikat *BSP* bercadang memberhentikan pekerja-pekerja *LTC* tempatan, maklumat tersebut perlulah diperbetulkan. Syarikat *BSP* sebenarnya bercadang untuk tidak membaharui kontrak pekerja *LTC* terbabit apabila kontrak mereka tamat, bagi memastikan organisasi Syarikat *BSP* dapat beroperasi secara *cost effective*.

Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri telah meneliti maklumat-maklumat berkenaan dan memberikan pandangan sebagai panduan kepada Syarikat *BSP* seperti berikut:-

i. Pekerja yang melebihi umur persaraan iaitu seramai 17 orang tertakluk kepada kehendak operasi Syarikat *BSP* dan terpulanglah kepada Syarikat *BSP* sama ada mahu menyambung kontrak pekerja terbabit atau tidak; dan

ii. Pekerja yang tidak mencapai prestasi pekerjaan yang sepatutnya akan diberikan bantuan untuk meningkatkan prestasi mereka melalui Pelan Peningkatan Prestasi atau *Performance Improvement Plan* selama 6 bulan, Syarikat *BSP* bolehlah menggunakan tatacara *human resource management* yang sedia ada bagi menangani mereka yang tidak ada menunjukkan peningkatan prestasi. Kategori ini ialah seramai 8 orang pekerja selebihnya yang seramai 43 orang terdiri daripada mereka yang mempunyai prestasi yang dikehendaki disarankan untuk disambung kontrak mereka dan alasan penamatan kontrak pekerja tersebut pada masa ini belum dapat diterima.

Untuk maklumat dan makluman Dewan juga seramai 125 orang pekerja *LTC* sejak tahun 2010 telah pun diserapkan sebagai pekerja tetap di Syarikat *BSP*. Adalah juga perlu diambil maklum proses penyelarasan tenaga kerja atau apa yang dikenali sebagai *organization right sizing* adalah sesuatu yang biasa dibuat di syarikat-syarikat dan Syarikat *BSP* adalah tidak terkecuali. Ini bagi memastikan syarikat-syarikat dapat kekal berdaya tahan dan berdaya saing terutama sekali semasa keadaan ekonomi yang lembap disebabkan kejatuhan harga minyak yang terus merudum dan rendah. Jumlah pekerja sebuah

syarikat tertakluk kepada keperluan operasi dan pasaran atau *operational* dan *market driven*. Penyambungan kontrak pekerja *LTC* bergantung pada keperluan ia dilihat secara *case by case* iaitu tiada jaminan kontrak akan dilanjutkan secara automatik.

Bagi menangani isu situasi seperti ini di Negara Brunei Darussalam, Jabatan Tenaga dan Industri di Jabatan Perdana Menteri akan terus memantau keadaan ini bagi memastikan kesan ke atas pekerja tempatan dapat diminimumkan. Antara usaha jabatan ini termasuklah menghendaki syarikat-syarikat di Sektor Minyak dan Gas untuk melaporkan serta bermuzakarah bersama *EIDPMO* bagi sebarang perancangan memberhentikan pekerja tempatan. Memastikan syarikat hanya memberhentikan pekerja tempatan dengan alasan-alasan yang kukuh dan munasabah.

Membuat perancangan 2 tahun ke hadapan bagi pekerja yang diberhentikan melalui konsep *rollover* yang memandangkan pelan sasaran pengambilan kerja bagi kontrak yang akan dianugerahkan pada masa hadapan. *Vetting* ataupun persaringan permohonan pas kerja asing di sector ini bagi memastikan pekerja tempatan diberikan keutamaan termasuklah mereka yang telah diberhentikan.

Situasi ini amat mencabar. Untuk makluman Dewan setakat bulan Januari dan Februari 2016 seramai 64 orang anak tempatan pada mulanya dirancang untuk diberhentikan oleh beberapa buah syarikat atas alasan pasaran harga minyak yang rendah. Melalui proses yang disebutkan sebentar tadi 68 orang yang dirancang, 52 pekerja tempatan yang telah diberhentikan. Dari 52 orang itu 27 orang daripadanya telah bekerja semula dengan syarikat-syarikat lain dan selebihnya itu sekarang masih dalam proses untuk dicarikan pekerjaan.

Proses ini tidak akan dapat mengembalikan pekerjaan secara keseluruhan kepada pekerjaan yang telah diberhentikan. Pekerja-pekerja tempatan yang didapati menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan di syarikat lain terdiri daripada mereka yang mencapai umur persaraan, pekerja-pekerja yang mempunyai disiplin dan prestasi pekerjaan yang tidak baik dan mereka yang membuat kerja-kerja bukan teknikal seperti kerani, penyambut tetamu, pembantu pejabat dan sebagainya kerana kerja-kerja ini telah pun dikuasai oleh anak-anak tempatan di syarikat lain. Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri akan terus memantau perkara ini dan akan terus proaktif dalam memastikan *job security* anak-anak tempatan akan dapat dipertahankan.

Bagi menjawab soalan yang berkaitan dari Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, soalan yang berkaitan dengan Syarikat Brunei Methanol. Syarikat Brunei Methanol beroperasi semenjak 2010. Pada masa ini kira-kira 200 anak tempatan bekerja di kilang *BMC* ini daripada 225 keseluruhan pekerjanya. Dari segi *local content* pula sejak

syarikat ini mula beroperasi sehingga sekarang sumbangan secara keseluruhan *local content spending* bagi bangunan dan perkhidmatan serta pekerjaan anak-anak tempatan adalah bernilai BND $287 juta.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat dengan pendapatan kasar syarikat ke *BMC* memandangkan syarikat ini adalah sebuah syarikat milik usaha sama dengan syarikat-syarikat dari negara Jepun. Maklumat berupa komersial ini perlulah memperolehi kebenaran dari syarikat tersebut. Seperti jua mana-mana industri minyak dan gas, Syarikat Brunei Methanol juga menghadapi cabaran yang tersendiri dalam pasaran harga minyak dan gas yang rendah pada masa ini. Saya percaya syarikat usaha sama ini telah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk memastikannya ia boleh berdaya tahan dan berdaya saing.

Satu jawatankuasa yang dikenali iaitu jawatankuasa Pandu Pelaburan Langsung Asing *FDI* dan pelaburan yang ditubuhkan pada 23 November 2015 dalam memastikan usaha-usaha bersepadu ke arah pembangunan industri hiliran di negara ini agar perlaksanaan projek-projek *FDI* dibuat secara teratur serta boleh mendatangkan faedah kepada sosiaekonomi negara termasuklah menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Mengenai dengan soal Industri Serambangun Tutong lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat bagi penubuhan cawangan-cawangan *business support center* di kesemua daerah dan untuk bertindak proaktif seperti turun padang untuk memberi tunjuk ajar kepada pengusaha-pengusaha yang kurang berkemampuan dan berpengetahuan.

Business support center yang akan beroperasi sepenuhnya di bangunan *Design and Technology* di Anggerek Desa mulai 1 haribulan April 2016. Manakala cawangan-cawangan di daerah lain akan ditubuhkan secara berperingkat pada tahun ini. Dalam masa yang terdekat pihak *DARe* akan mengadakan *roadshow* tertentu seperti *Enterprise Open Day* di daerah-daerah sebagai satu usaha memberi peluang pada pengusaha-pengusaha di daerah-daerah berkenaan berkongsi masalah atau mendapatkan nasihat dan bantuan yang ditawarkan oleh pihak *DARe.*

Berkenaan dengan persijilan yang diperlukan oleh pengusaha-pengusaha khususnya terlibat dalam aktiviti-aktiviti pengeluaran produk seperti persijilan *good manufacturing practice* atau pun HACCP *Hazard Analysis Critical Control Point.*

Pada tahun ini pihak *DARe* bersama pusat standard kebangsaan akan menyediakan khidmat nasihat dan membantu bagi membantu para pengusaha tempatan untuk mendapatkan persijilan berkenaan.

Mengenai tapak Industri Serambangun pula, kadar penghunian tapak yang disediakan di tahap 79 peratus manakala kadar penghunian *Consolidate* bagi kompleks pula diakui di tahap

yang rendah iaitu 43 peratus sahaja. Kompleks Perindustrian Serambangun memang sesuai bagi industri ringan seperti pemprosesan makanan, pengetinan makanan, ubat-ubat tradisional seperti Yang Berhormat sebutkan tadi.

Dengan adanya khidmat bantuan dari *DARe* dan Pusat Standard Kebangsaan yang saya sebutkan tadi adalah diharapkan perusahaan-perusahaan yang kini bertapak di sana mahupun perusahaan-perusahaan yang berminat untuk bertapak di sana akan dapat berkembang sehingga dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Bagi soalan yang ke 5 oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai bantuan *SME*. Kaola mengambil maklum saranan Ahli Yang Berhormat bagi pegawai-pegawai yang ditugaskan dalam memberi bantuan dan bimbingan ini dibuatnya dengan sepenuh hati bagi *SME* mengambil peranan untuk bekerjasama dengan agensi-agensi yang tertentu.

Bantuan yang disediakan untuk *SME* berdasarkan peringkat kematangan *SME* itu sendiri dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dibuat secara ikhlas dengan sepenuh hati. Ini bersesuaian dengan kandungan khutbah Jumaat yang lalu yang menekankan pentingnya kita untuk sentiasa berfikiran positif dengan semangat wajar dan tidak mudah berputus asa dan sentiasa menjauhi daripada berprasangka buruk dan negatif serta bersabar.

Bantuan untuk *SME* akan diberikan dalam berbagai-bagai bentuk seperti bengkel untuk memulakan perniagaan dan cara penyediaan pelan perniagaan bagi *SME* yang baru saja memulakan perniagaan. Bantuan boleh juga diberi dalam bentuk bimbingan, penyediaan peluang jaringan perniagaan, kekukuhan, keupayaan, akses prasarana dan penyediaan tapak atau kompleks perindustrian.

Bagi menjawab soalan tentang keberkesanan dewan perniagaan, الْحَمْدُ لله pada masa ini keahlian Lembaga Urus Tadbir *DARe* yang terdiri daripada lebih 80 peratus wakil dari sektor swasta. Salah seorang dari ahli lembaga tersebut ialah Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad, Ahli dari Dewan Perniagaan Perusahaan Melayu Brunei, Awang Del Goh yang mewakili *Entrepreneurship Brunei* dan Awang Jin Yong, Pengerusi Persatuan Perkapalan. Perwakilan dan penglibatan mereka sebagai Ahli Lembaga *DARe* merupakan salah satu langkah untuk memastikan misi dan visi mereka sebagai dewan perniagaan dan persatuan sejajar dalam pembangunan ekonomi Brunei.

DARe juga akan bekerja rapat dengan dewan-dewan perniagaan dan persatuan untuk mendekati komuniti perniagaan serta untuk mempunyai pemahaman yang lebih baik dan seterusnya menangani isu-isu dan keperluan mereka.

Dalam pada masa yang sama dewan perniagaan juga digalakkan untuk lebih

proaktif dan bekerjasama. Saya bersetuju dengan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya Ahli-ahli Dewan Perniagaan akan dapat bersatu hati untuk sama-sama menjayakan hasrat kerajaan dalam meningkatkan ekonomi negara.

Berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, soalan keduanya ialah tentang Telisai *Straight Light*. Pihak kerajaan juga mengungkayahkan inisiatif penjimatan penggunaan elektrik bagi lampu-lampu awam di seluruh negara. Inisiatif berbentuk *Alternate Switching and Off* telah bermula pada 27 Januari 2016. Bagi lampu-lampu baharu yang di pasang di Lebuh raya Telisai Lumut, lampu-lampu ini pada asalnya dipasang pada jarak 40 meter antara tiang. Adapun bagi mendukung usaha penjimatan tenaga elektrik, lampu ini akan dijauhkan jaraknya kepada 80 meter.

Bahan-bahan lebihan daripada projek ini akan digunakan bagi pemasangan di tempat lain yang memerlukan lampu awam. Untuk makluman, kesemua pemasangan lampu sejak tahun 2014 adalah menggunakan teknologi cekap tenaga yang akan menghasilkan penjimatan sebanyak 80 peratus berbanding dengan lampu konvensional. Jadi lampu yang digunakan adalah lampu LED.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tentang tarif baru ini, adakah lebih mahal atau murah dan tunggakan. Tunggakan yang dikatakan $390 juta kurang tepat. Jumlah sebenar tunggakan sektor-sektor tersebut ialah $124 juta bagi sektor perumahan dan $43 juta bagi sektor komersial yang berjumlah $167 juta sahaja.

Untuk memberi insentif ini tertarik saya tentang memberi insentif kepada pengguna-pengguna yang mengurangkan penggunaan tenaga elektrik di samping membantu pengguna-pengguna yang ber-pendapatan rendah dan memerlukan bantuan. Dari 0 ke 600 kwh sebulan caj di Brunei ini hanya $6.00 dan kalau dibandingkan dengan negara jiran, pengguna akan dikenakan bayaran $55.00 sebulan. Jadi insentif *charge* yang dibuat ini berasaskan tarif yang labelnya, kalau 0 hingga 600 ia adalah 1 sen. Ini sudah memberi insentif kepada orang yang sekiranya 7 *kwh* untuk membalikkan penggunaannya itu kepada 600 *kwh* sebulan.

Mengenai penggunaan solar, kajian telah dibuat oleh *Brunei National Energy Research* mengenai tarif dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dijadikan dasar kerajaan bagi penggunaan teknologi *PV Solar* di negara ini. Satu draf perintah telah siap dibuat dan dibincangkan bersama agensi yang berkenaan. Perintah ini akan memberi insentif kepada sektor perumahan dan komersial untuk melabur dalam *PV Solar Rooftop.*

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit jua mengenai *EGNC*, lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima

kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas soalan yang dikemukakan mengenai media sosial.

Media sosial adalah satu platform untuk menyampaikan mesej atau pesanan kepada pihak yang berkenaan. Pendekatan pendidikan mengenai media sosial merupakan jalan terbaik untuk mendidik orang ramai menjadi pengguna yang bertanggungjawab. Pihak *EGNC, AiTi* dan *ITPSS Brunei Computer Emergency Response BruSet* telah mengadakan beberapa kempen mengenai kesedaran risiko dan ancaman-ancaman ruang siber yang tertumpu kepada sekolah-sekolah dan kanak-kanak dalam kalangan murid-murid di sekolah-sekolah.

Antara aktiviti yang dijalankan seperti membuat dan mengambil buku komik dan poster dari negara-negara *ASEAN* bagi kegunaan sekolah dalam memaklumkan bahawa ruangan siber dan juga tip bagaimana untuk sentiasa dalam keadaan selamat. Buku-buku komik dan juga poster telah diedarkan semasa ceramah kesedaran *Cyber Security* kepada pihak-pihak sekolah yang terlibat dalam tahun 2015. Ceramah kesedaran telah diadakan di 21 buah sekolah di kesemua daerah. Di samping itu juga, pihak *ITPSS* dan *BruSet* telah membuat iklan kempen kesedaran melalui pawagam, ceramah, jerayawara, akhbar dan juga laman web yang khusus untuk meningkatkan kesedaran *Cyber Security.* Iklan kempen kesedaran tersebut akan dilaksanakan secara berterusan. Sementara itu, program ini juga akan dilaratkan ke kampung-kampung dan mukim-mukim pada masa akan datang. إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, mengenai Kompleks Koperasi Batu Apoi, belum lagi dibukakan kepada orang ramai, bilakah kompleks ini dapat digunakan?

Saya lebih dahulu mengucapkan terima kasih atas soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, mengenai Kompleks Koperasi Batu Apoi. Pembinaan Kompleks Koperasi tersebut telah siap dilaksanakan pada tahun 2013. Kompleks tersebut akan ditawarkan untuk diurus tadbir dengan memberikan keutamaan kepada koperasi-koperasi melalui proses tawaran kerajaan.

Seperti mana cadangan asal Kompleks Koperasi ini, dicadang untuk ditadbir melalui penubuhan koperasi menengah *(secondary cooperative)* yang akan dianggotai oleh koperasi-koperasi asas (*primary cooperative)* sesuai dengan konsep berkoperasi. Antara aktiviti yang dijalankan di Kompleks Koperasi ini ialah pusat edaran koperasi. Pada masa ini, satu komite sementara pusat edaran berkenaan telah pun ditubuhkan yang ahli-ahlinya terdiri daripada koperasi-koperasi sendiri.

Di samping itu juga, pusat ini mendukung kepada program ekopelancongan negara dalam menyediakan kemudahan tempat penginapan *transits* sebelum

memulakan destinasi ke Taman Negara Belalong dan destinasi lainnya. Beberapa perkhidmatan lain seperti ruang kafe, *minimart* juga disediakan bagi kemudahan para pelancong di Daerah Temburong. Semua aktiviti yang saya sebutkan tadi إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dilaksanakan pada tahun ini.

Soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, apakah usaha yang sudah dijalankan bagi pemasangan kabel di Jambatan Temburong. Rancangan awal kerja-kerja tersebut telah pun dibuat dengan usaha bersama *Berakas Power Management Company* dan juga pihak Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja tersebut termasuk spesifikasi-spesifikasi teknikal talian penghantaran menghubung sistem pembekalan utama Brunei ke Daerah Temburong. Penyediaan *cradle* bagi menempatkan kabel-kabel ini adalah salah satu yang diselaraskan dan ia akan dibina dengan kerja-kerja pembinaan Projek Jambatan Temburong ini.

Jabatan Tenaga dan Perindustrian juga akan mengkaji penggunaan tenaga solar untuk *supplement* tenaga konvensional memandangkan Daerah Temburong merupakan daerah yang *Freestand*. Stesen Jana Kuasa Belingus akan dijadikan sebagai *backup station.*

Menjawab soalan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf. Apakah tindakan jabatan bagi pengguna-pengguna yang masih menggunakan meter konvensional? Setakat ini, baki yang masih menggunakan meter konvensional ialah sebanyak 1,290 orang. Pengguna yang mempunyai tunggakan sebanyak $7.9 juta. Bagi membendung dan mengawal tunggakan ini daripada berlarutan, usaha penggantian meter masih giat dijalankan dan kontrak penggantian meter ini, akan dijangkakan berakhir pada hujung bulan Jun ini.

Untuk makluman jua, sebanyak 22,642 akaun sektor perumahan telah terlibat dalam program penukaran meter yang mempunyai tunggakan sebanyak $59 juta telah pun dituntut secara berperingkat-peringkat bermula dari tahun lepas.

الْحَمْدُ لله hasil daripada kerjasama dan rasa tanggungjawab orang ramai dalam sama-sama menangani tunggakan berkenaan, pihak kerajaan telah berhasil mengutip $4.8 juta melalui pembayaran penuh pemotongan dari baksis, gaji, pencen dan potongan daripada pembelian token meter prabayar dan jumlah tunggakan menurun secara *gradual* kepada $54 juta.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ, dengan adanya kutipan tunggakan secara *gradual* ini, akan menambah lagi kutipan hasil pendapatan kerajaan, seterusnya dapat membantu menjana perekonomian kerajaan. Fungsi utama penggunaan meter prabayar ini ialah mengawal tunggakan bil elektrik yang dulu selain membantu *individual* berkenaan berjimat cermat dan berhemah dalam penggunaan tenaga elektrik.

Oleh yang demikian, bagi merealisasikan hasrat ini, pihak kerajaan memohon sokongan yang jitu dan kerjasama yang baik daripada pengguna yang masih menggunakan meter konvensional akan dapat memudahkan pihak kerajaan melaksanakan kerja-kerja penggantian meter ini dengan secepatnya dan juga membantu pihak kerajaan dalam sama-sama menangani tunggakan yang ada secara holistik. Manakala, bagi penggunaan yang masih mempunyai tunggakan tetapi sudah bertukar ke *prepaid*, jabatan sudah pun mengambil tindakan langkah seperti berikut:-

1. Pengagihan surat tuntutan dikeluarkan secara berperingkat-peringkat setiap bulan kepada pengguna-pengguna yang masih mempunyai tunggakan bil elektrik. Terutama di sektor perumahan dan komersial;

2. Setakat ini, 22,000 akaun yang mempunyai tunggakan, sebanyak 59 juta telah pun dikeluarkan surat makluman; dan

3. Manakala sektor komersial pula, sebanyak 3,981 akaun yang mempunyai tunggakan sejumlah $9.7 juta juga telah dikeluarkan surat tuntutan. Hasil dari pengagihan surat berkenaan, seperti mana yang saya nyatakan tadi, kerajaan telah pun dapat mengutip balik kira-kira $4.3 juta di sektor perumahan dan $562,000 bagi sektor komersial.

Bagi sektor perumahan, الْحَمْدُ لله tunggakan dapat dikawal dan menurun secara *gradual* dari setahun ke setahun. Ini adalah hasil daripada seperti yang saya nyatakan tadi.

Mengenai soalan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, Adakah mahal atau murah tarif kita ini jika dibandingkan dengan dulu? Jawapan yang pendek ialah murah إِنْ شَاءَ اللهُ. Tapi jika untuk orang yang tinggi bayarannya memanglah mahal tapi bagi orang yang membayar sehingga dalam $130.00 adalah lebih murah daripada yang dulu.

Kaola berpindah kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Soalan yang bersangkut paut dengan pelaburan asing akan kaola/saya jawab pada soalan bernotis. Sama jua soalan ini, soalan *FBI* ini, akan saya jawab إِنْ شَاءَ اللهُ pada esok hari.

Seterusnya bagi menjawab soalan mengenai peratus kementerian yang melaksanakan program E-Kerajaan. Setakat ini, seratus peratus kesemua Kementerian telah menggunakan perkhidmatan guna sama yang disediakan oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dan juga melaksanakan beberapa projek E-Kerajaan sendiri. Bagi projek-projek E-Kerajaan yang telah dilaksanakan sendiri oleh kementerian, projek ini dipantau oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan untuk memastikan pensejajaran dari beberapa

aspek seperti teknikal dan sekuriti. Dengan ini ia akan dapat memastikan *standardisation*, *consolidation* dan pensejajaran dalam memberikan perkhidmatan kos dan memudahkan pemantauan.

Seterusnya seperti yang dimaklumkan pada sesi pagi tadi strategi kerajaan digital 2015/2020 merupakan langkah kerajaan bagi mendukung visi negara iaitu Wawasan 2035 melalui penggunaan dan pembangunan *ICT.* Pihak kerajaan melalui Pusat Kebangsaan E-Kerajaan yang telah ditubuhkan akan memastikan pelaksanaan projek *ICT* dan akan terus memberikan perkhidmatan yang berinovasi dan senang diakses.

Merujuk saranan Yang Berhormat tadi untuk mendapatkan bantuan Majlis Perundingan Kampung dalam membantu menangani masalah pokok tumbang atau ranting-ranting yang *touching* yang melibatkan gangguan kepada kawat elektrik. Ini sangat dialu-alukan. Dan seperti mana jua pendapat Yang Berhormat tadi untuk membawanya ke Majlis Perundingan Kampung itu sangatlah dialu-alukan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Sebenarnya pada masa ini ia dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik, tetapi ranting-ranting ini adalah daripada pohon buah anak-anak kampung. Jika hendak ditebang pohon buah anak-anak kampung ini kadang-kadang mereka akan membawa pemarang jua. Dengan adanya ketua kampung dan penghulunya dengan cara bersepadu, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat kitani kurangkan lagi gangguan elektrik ini.

Berkenaan soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin tentang gas domestik di Daerah Kuala Belait, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin mengenai cadangan memberhentikan gas domestik dengan *LPG* bagi pengguna di Pekan Belait bagi diselaraskan dengan pengguna yang lain. Kaola akan memendekkan sahaja bahawa masalah ini perlu dilihat secara holistik.

Memberhentikan gas ini adalah perkara yang paling senang tetapi ia akan melibatkan kepada 10 ribu buah rumah. Kitani mesti fikirkan bersama-sama bahawa 10 ribu buah rumah, bagaimana kitani akan dapat mengatur (*regulate*) supaya perkara ini dapat dikawal (*control*) penggunaannya. Jika 10 buah rumah ini berpindah kepada *LPG*, subsidi yang akan diadakan ialah sebanyak 6.3 juta. Maka harus difikirkan jua, kalau dengan gas pada masa ini, sebenarnya menjana positif *plus* 500 ribu.

Dalam kesimpulan ini, cadangan tersebut adalah baik dan terpaksalah kaola dan pihak Kementerian Pembangunan juga sama-sama memikirkan yang kebanyakannya melibatkan isu keselamatan, isu prasarana gas ini dan kitani juga perlu memikirkan orang ramai dan alat-alat dalam rumah tersebut seperti gas pemanas air rumah mereka, semuanya adalah bersandarkan kepada gas

supaya tidak mendatangkan sebarang kemusykilan kepada 10 ribu buah rumah berkenaan.

Berkenaan soalan daripada 2 orang Ahli Yang Berhormat tadi, salah seorang ialah Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin tentang soalan tentang halal itu, akan kaola jawab juga pada esok hari disebabkan dalam Soalan-Soalan Yang Diberi Notis, ada juga diberikan soalan berkenaan yang kaola kira sama.

Soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, berkenaan ke arah *one database* yang canggih dan kad pengenalan itu, kaola meminta akan menjawab selepas rakan-rakan kaola menjawab soalan yang lain.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin memberikan penerangan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi kerana telah memberi izin pada kaola sekali lagi untuk memberi respons.

Kaola ingin merujuk kepada soalan yang telah pun dikemukakan tadi oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, mengenai faktor yang menyebabkan orang yang tidak mempunyai simpanan yang aktif terdapat 24 peratus golongan yang memerlukan pinjaman kewangan bagi menyara kehidupan harian mereka dan bagaimana kita harus menangani perkara ini. Kaola menjawab soalan ini selaku Timbalan Pengerusi Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Hasil dari kajian yang dibuat oleh Pusat Pengajian Strategik dan Polisi (*Centre for Strategic and Policy Studies - CSPS*), menyatakan antara sebab utama sebahagian besar responden tidak mempunyai simpanan aktif kerana perbelanjaan mereka melebihi daripada pendapatan yang mereka perolehi.

Antara sebabnya ialah *priorities* (keutamaan) perbelanjaan yang dibuat oleh mereka tidak membolehkan seseorang itu membuat simpanan. Kajian itu juga mendapati bahawa 60 peratus daripada responden tidak mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan lebih daripada dua bulan jika mereka kehilangan sumber pendapatan. Adalah diakui bahawa ada juga golongan yang pendapatan mereka memang tidak cukup untuk perbelanjaan bulanan apatah lagi bagi mereka membuat simpanan.

Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengikut dapatan *CSPS* juga, secara amnya sebahagian besar masyarakat

tidak mempunyai kemahiran asas pengiraan atau *basic numeracy skills* dan tidak memahami mekanisme perkiraan kadar faedah. Indikasi ini menggambarkan tahap kemahiran ataupun *financial literacy* yang rendah dalam kalangan mereka dan seterusnya memberi kesan kebolehan mengurus kewangan masing-masing. Oleh itu, kerjasama agensi-agensi berkenaan amat penting dalam usaha untuk meningkatkan celik kewangan kalangan orang ramai terutama dalam keadaan ekonomi sekarang yang memerlukan kita semua mengurus kewangan dan berbelanja secara berhemah.

Kajian yang dibuat oleh *CSPS* juga mendapati bahawa responden mempunyai sikap yang positif yakni bersetuju dan menyambut baik keperluan perancangan kewangan bagi masa hadapan akan tetapi mereka tidak mempraktikkannya. Lebih 40 peratus responden tidak mencapai markah yang memuaskan dalam merancang kewangan mereka.

Maka dengan itu, sebagai salah satu langkah mengatasi isu tersebut, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengeluarkan Notis Peraturan mengenai nisbah keseluruhan khidmat hutang atau *Total Debt Service Ratio (TDSR),* yang telah berkuat kuasa mulai 8 Jun 2015, yang bertujuan memastikan peminjam mempunyai baki gaji atau pendapatan yang mencukupi untuk menampung keperluan perbelanjaan seharian dengan mengehadkan jumlah pembayaran balik hutang bulanan peminjam.

Peraturan *Total Debt Service Ratio (TDSR)* tersebut juga bertujuan mewujudkan sikap dan amalan pengurusan kewangan yang bijak mengikut kemampuan masing-masing terutamanya memastikan orang ramai mempunyai lebihan gaji bagi menyara kehidupan seharian dan tidak terlalu bergantung pada hutang.

Hasil daripada penelitian dan pemantauan pihak AMBD terhadap kesan *TDSR* sejak pelaksanaannya tujuh bulan yang lalu, ia telah menunjukkan impak yang signifikan dan positif. Sejak pengenalan *consolidation loan*, sebanyak 95 peratus daripada 5,318 pemohon telah berjaya mengurangkan beban hutang mereka ke tahap yang tidak melebihi 60 peratus daripada pendapatan. Ini dengan secara tidak langsung memberikan ruang kepada pemohon untuk merancang pengurusan kewangan dengan lebih baik.

Manakala dari segi angka penunjuk *non performing loans (NPL)* bagi sektor isi rumah (*half full debts*), menunjukkan penurunan daripada 23 peratus pada bulan Disember 2014 kepada 1.8 peratus pada bulan Disember 2015. Di samping itu, pihak institusi-institusi perbankan dan kewangan disarankan untuk mengamalkan sikap *responsible lending* dalam memberikan perkhidmatan pembiayaan kepada orang ramai bagi sama-sama mendukung pelaksanaan pengurusan kewangan yang berhemah pihak institusi-institusi perbankan dan kewangan juga perlu lebih telus dalam menawarkan produk-produk

pembiayaan khususnya dari segi ciri-ciri produk tersebut yang merangkumi yuran serta caj-caj perkhidmatan yang dikenakan termasuk pengiraan pembayaran balik pembiayaan. Langkah-langkah yang dinyatakan tadi adalah di peringkat permulaan dan akan terus diteliti keberkesanannya dari semasa ke semasa oleh pihak *AMBD*.

Mengenai kenyataan Yang Berhormat tadi jua bahawa orang ramai tidak dapat membuat simpanan kerana kenaikan harga barangan. Kaola ingin memaklumkan bahawa kadar inflasi di negara ini di tahap yang rendah dan terkawal malahan kadar inflasi pada tahun 2015 ialah negatif iaitu 0.1 peratus sahaja.

Sehubungan dengan ini, mengikut daripada hasil kajian perbelanjaan keluarga pada tahun 2011 menunjukkan corak perbelanjaan keluarga yang menurun yang menunjukkan peningkatan bagi rekreasi meningkat daripada 5.4 peratus pada tahun 2005 kepada 6.4 peratus pada tahun 2010/2011. Begitu juga perbelanjaan bagi restoran dan hotel, daripada 5.3 peratus kepada 6.2 peratus pada tahun yang sama. Barangan lain dan perkhidmatan daripada 3.9 peratus kepada 4.5 peratus. Perbelanjaan ke luar negeri, daripada 2.4 peratus kepada 4.2 peratus. Ini menunjukkan peningkatan perbelanjaan keluarga yang kebanyakkannya bukan bagi keperluan asas tetapi lebih banyak kepada perbelanjaan bukan asasi.

Untuk makluman, pihak JPKE sedang menjalankan kajian perbelanjaan keluarga 2015/2016 yang bermula pada 1 April 2015 dan akan berakhir pada 31 Mac 2016, untuk memantau perkembangan terkini mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin jua menjawab soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai *SME*. Iaitu mengenai usaha bagi membantu ekonomi untuk mendapatkan kewangan sebagai tambahan kepada maklumat yang telah pun ataupun jawapan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Authority Monetary Brunei Darussalam sentiasa mendukung usaha dan inisiatif agensi-agensi kerajaan dalam mengembangmajukan perniagaan kecil dan sederhana *(SME)* selaras dengan objektif-objektif utama *AMBD,* yang antara lainnya untuk mengadakan dan meningkatkan sektor perkhidmatan kewangan yang progresif.

Pihak *AMBD* telah mengeluarkan notis pengawalan kadar pembiayaan maksimum sebanyak 8 peratus tertakluk kepada beberapa kriteria. Dengan adanya pengawalan tersebut, ia diharapkan dapat membantu *SME* dalam membuat pembiayaan pada kadar yang berpatutan.

Di samping itu, dengan adanya *Bureau Credit, AMBD*, bank-bank dapat menilai status kredit peminjam berdasarkan laporan kredit dan seterusnya membantu dalam mengukuhkan pengurusan risiko kredit bank-bank terhadap sektor ini.

Pada bulan Januari 2016, *AMBD* telah menyarankan pihak Persatuan Bank-Bank Brunei *(Bank Association of Brunei)* untuk menerbitkan kadar-kadar pembiayaan bagi sektor korporat yang mempunyai kredit *ratings* yang tinggi. Ini adalah untuk meningkatkan ketelusan mengenai kadar-kadar pembiayaan yang ditawarkan kepada sektor korporat sebagai bandingan dengan kadar-kadar pinjaman yang ditawarkan oleh negara-negara jiran.

Selain itu juga, *AMBD* telah mengarahkan pihak bank untuk meneliti dan mengemas kini kadar pinjaman utama atau *Prime Lending Rate (PLR)* berpandukan dengan kos bank, strategi bank dan kadar faedah semasa bagi meningkatkan lagi persaingan yang kompetitif.

Bagi pihak orang ramai, pemberigaan *(awareness)* telah dibuat melalui akhbar mengenai kefahaman terhadap *PLR* sebelum mendapatkan pinjaman. Pihak *Bank Assosiation Brunei (BAB)* juga telah menyatakan komitmen untuk mendukung perkembangan *SME* di negara ini dengan mengadakan sesi forum, dialog dan bengkel yang bersesuaian seperti menyediakan asas pengurusan kewangan dan urus tadbir perniagaan yang bertujuan untuk meningkatkan celik kewangan *(Financial Literacy)* dalam kalangan *SME. AMBD* akan sentiasa meneliti aktiviti institusi-institusi kewangan dalam mendukung usaha kerajaan untuk mengembangmajukan sektor *SME* di negara ini.

Kaola ada satu lagi respons kepada hal yang ditimbulkan mengenai *surcharge*. Kaola percaya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) akan menjelaskan dengan lebih lanjut tetapi dari sudut pihak *AMBD*, kaola ingin menjelaskan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Sebenarnya *surcharge* bagi penggunaan kad debit ataupun kad kredit dikenakan oleh peniaga-peniaga dan bukan dikenakan oleh bank-bank. Sementara itu, pihak Persatuan Bank-Bank Brunei juga telah mengeluarkan satu siaran akhbar bahawa jika masih ada *surcharge* sedemikian pihak pelanggan bolehlah menghubungi pihak bank untuk mendapatkan penerangan lanjut. Pihak bank-bank akan mengambil tindakan dengan menarik balik *card terminal* yang telah diedarkan sebelumnya bagi peniaga-peniaga yang tidak mematuhi perjanjian dengan bank tersebut.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi penjelasan daripada pihak *AMBD*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat akan bercakap lagi. Silakan Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Kaola akan meneruskan ada 3 soalan yang belum kaola jawab tadi.

Soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat mengenai cadangan bagi mengadakan kad canggih yang menyatukan informasi semua data yang berkaitan. Memang diakui pada masa ini terdapat banyak duplikasi, data-data yang tidak terurus seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu tadi.

Salah satu sebabnya ialah setiap agensi kerajaan berkenaan didorong oleh undang-undang dan akta-akta yang tersendiri. Sebagai langkah awal penambahbaikan strategi kerajaan digital 2015 hingga ke tahun 2020, yang dilancarkan pada bulan Jun, 2015 yang mengandungi satu program bagi melaksanakan akses sejagat untuk sistem kerajaan *implementing universal access* di mana program tersebut dihasratkan untuk menghasilkan satu *ID universal* dari segi aspek teknikal teknologi tersebut boleh dilaratkan untuk digunakan bagi kad universal.

Walau bagaimanapun, disebabkan perkara ini akan melibatkan perubahan dasar kajian secara mendalam dan kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan akan dapat dilaksanakan dalam hal ini, dari segi aspek keselamatan data *privacy* hendaklah diambil kira semasa menjalankan kajian tersebut.

Bagi soalan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Lebih dahulu terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan mengenai pemasangan meter prabayar. Setakat ini الْحَمْدُ لله penukaran meter kepada meter prabayar bagi sektor perumahan komersial sudah mencapai 98 peratus iaitu 85,331 akaun. Manakala masih terdapat 1,549 lagi yang belum ditukar dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ yang selebihnya akan ditukar dengan meter prabayar pada bulan Jun ini jua.

Soalan yang penghabisan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. *Although* besok akan kaola jawab, tetapi nampaknya soalannya ini berlainan daripada soalan yang kaola jawab esok.

Izinkan saya Yang Berhormat Pengerusi untuk menghabiskan menjawab soalan ini. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin atas soalan yang diajukan mengenai Industri Halal. Ingin saya jelaskan dahulu bahawa Industri Halal Global dianggarkan AS$2.3 trilion setahun. Dari jumlah ini, sebanyak $1.37 trilion adalah bagi sektor

makanan halal dan $46 bilion dari sektor kosmetik dan US$72 bilion dari sektor farmaseutikal. Negara Brunei Darussalam memang memfokuskan perkembangan industri halal terutama bagi aktiviti-aktiviti pembuatan produk-produk makanan, kosmetik dan farmaseutikal. Ke arah ini kerajaan telah sedang giat menarik Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* bersama dengan pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*BEBD*).

Beberapa syarikat seperti di negara Jepun, Korea, Negara Timur Tengah, Australia dan New Zealand telah dikenal pasti dan beberapa perbincangan telah diadakan dengan syarikat-syarikat berkenaan. الْحَمْدُ لله sebahagian daripada syarikat tersebut telah menunjukkan minat untuk melabur di negara ini dan sedang menyediakan cadangan pelaburan (*investment proposal*) yang akan mereka hadapkan ke *BEDB* dalam masa terdekat إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Pihak kerajaan juga, telah menyediakan satu tapak khusus bagi industri halal yang dikenali sebagai *BioInovation Corridor* (*BIC*), iaitu sebuah tapak yang telah dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti jalan raya dan elektrik bagi memudahkan pelabur asing untuk memulakan perniagaan mereka di negara ini.

Pada masa ini sebuah syarikat dari negara Jepun iatu *MC Biotec Sendirian Berhad* sedang giat membangun sebuah kilang bagi menghasilkan produk pewarna makanan di tapak *BIC*. Kilang ini dijangkakan akan mula beroperasi pada bulan Julai 2016 tahun ini. Pihak kerajaan sedang dalam proses mendaftarkan pensijilan Logo Halal di United Kingdom bagi membantu para pengusaha menembusi pasaran di luar negara. Pendaftaran di negara-negara lain seperti Timur Tengah, *ASEAN*, Jepun, China dan Korea juga akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat pada tahun ini.

Pihak kerajaan juga sedang meneliti bagi memberikan pensijilan pengiktirafan halal bagi kilang-kilang di luar negara bagi mempromosikan lagi pensijilan halal Brunei di luar negara. Pihak kerajaan juga telah menyediakan garis panduan pengilangan dan pengendalian kosmetik halal dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ garis panduan tersebut akan dilancarkan pada tahun ini.

Pusat Sains Halal dan Metrologi keupayaan bagi membuat penganalisaan dan pengesanan *directive* daging khinzir dan penggunaan peralatan *PCR* (*Polymerase Chain Reaction*) dan *test kid ilica enzyme link,* Pusat ini juga mempunyai peralatan mengesan alkohol dan gelatin dalam produk makanan. Pusat ini akan sentiasa berusaha untuk mengukuhkan dan membangunkan keupayaan teknikal seperti kemajuan teknologi dalam kaedah pengesanan halal dalam produk makanan dan yang bukan makanan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola sebenarnya ingin menjawab 6 soalan daripada 5 orang Yang Berhormat di sebelah sana. Jadi kalau Yang Berhormat Pengerusi mengizinkan kaola teruskan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mula-mula menambah sahaja daripada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai *access to finance.*

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, kalau dapat kita berehat buat sementara selepas itu kitani balik lagi untuk Yang Berhormat menjawab soalan-soalan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II, (Kedua): Boleh Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mencadangkan supaya mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu bagi membolehkan kita balik bermesyuarat secara Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya cadangkan supaya kita berehat dahulu 15 minit dan kita akan menyambung mesyuarat ini dalam tempoh yang berkenaan itu إِنْ شَاءَ اللهُ.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 di peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan kita meneruskan persidangan kita selaku Jawatankuasa saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu. Mesyuarat Jawatankuasa masih lagi membincangkan Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu bagi Tajuk - SA14A hingga Tajuk - SA25A. Saya telah difahamkan sebelum kita berhenti berehat tadi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II, (Kedua), ingin membuat kenyataan berhubung dengan soalan-soalan yang telah ditimbulkan

oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Di lantik. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola sebagaimana yang kaola maklumkan tadi bahawa kaola ingin menjawab 6 soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana iaitu sebanyak 5 orang Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Pertama ialah mengenai dengan cadangan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman bagi Brunei menarik lebih banyak *venture capitalists* bagi menggantikan kewangan daripada kerajaan. Penerangan telah pun diberikan tadi mengenai *access to finance* daripada rakan-rakan sejawatan kaola iaitu Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan selaku Timbalan Pengerusi AMBD. Kaola akan fokus sahaja mengenai *venture capital.* Kementerian Kewangan telah pun menubuhkan apa yang digelar *Strategic Development Capital* ataupun *SDC*, yang selain daripada untuk menarik pelaburan asing ke negara ini melalui pelaburan secara bersama *Joint Venture.* Tetapi ia juga untuk mengenal pasti syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi untuk diperkembangkan melalui suntikan dana sama ada secara penyertaan ekuiti ataupun pinjaman. Penyuntikan dana tersebut juga akan didukung oleh suntikan kepakaran pengurusan, perniagaan dan kewangan bagi memastikan perniagaan berkenaan benar-benar akan dapat dikembangmajukan dan mungkin berpotensi untuk menjadi sumber eksport bagi negara ini. Walau bagaimanapun setakat ini pencapaian *SDC* lebih terhad kepada menarik pelaburan asing ke negara ini seperti *CAE, Simpur, Pharma, Margarine Plant, Brunei Fertilizer* dan sebagainya.

Manakala bagi mengembangmajukan syarikat-syarikat tempatan, beberapa projek usaha sama masih dalam peringkat penelitian disebabkan oleh sebab-sebab tertentu misalannya termasuklah keengganan pengurusan syarikat untuk membenarkan pihak lain untuk terlibat dalam pengurusan syarikat atau membuat penilaian syarikat yang tinggi melebihi penilaian yang bersesuaian dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan melalui skim dan dana-dana bersesuaian akan terus meneliti peluang-peluang untuk mengembangmajukan syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Ke arah itu kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman di atas cadangan tadi.

Soalan kedua daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar yang menyentuh mengenai aktiviti penyeludupan rokok di mana beliau berpendapat kerajaan terlalu *lenient* dengan membenarkan pembayaran yang dibuat secara

beransur-ansur. Jadi Yang Berhormat mencadangkan supaya pihak yang berkuasa meneliti undang-undang termasuk dipenjara dan tidak diberi peluang untuk membayar secara beransur-ansur. Kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas saranan dan soalan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Untuk menjawabnya, kaola ingin menerangkan bahawa Kementerian Kewangan melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja memang secara berterusan meneliti langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang perlu untuk memastikan tindakan-tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan diambil. Kementerian Kewangan mengambil maklum bahawa cadangan bagi memenjarakan secara mandatori ke atas pesalah (penyeludup rokok) akan meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan kerana perkara ini sudah terbukti apabila sebilangan daripada penyeludup minyak bersubsidi dikenakan hukuman penjara di samping denda.

Di samping itu penguatkuasaan di pos-pos kawalan serta di laluan-laluan yang sering digunakan untuk menyeludup memang sentiasa diperketatkan dari semasa ke semasa melalui pemantauan dan perisikan secara berkesan. Ini termasuk bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain dalam membanteras kegiatan yang menyalahi undang-undang negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sejak 1 November 2010, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah membuat pindaan ke atas Perintah Duti Import Kastam 2007 dan Perintah Duti Eksais 2007 yang berkaitan dengan duti eksais bagi rokok, tembakau dan produk-produk tembakau iaitu:-

i. Dengan meniadakan konsesi penumpang tanpa cukai (*duty free passenger concessions*) ke atas 200 batang rokok;

ii. Menaikkan cukai rokok dari $60.00 sekilo kepada $0.25 sebatang; dan

iii. Menaikkan kadar cukai produk-produk tembakau yang lainnya sebanyak 100 persen.

Dengan kenaikan cukai tersebut maka jumlah denda yang akan dikenakan oleh mahkamah juga bertambah tertakluk kepada jumlah rokok yang diseludup iaitu 6 kali ganda dari cukai rokok yang sepatutnya dibayar.

Ketiga ialah mengenai soalan dan saranan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim bagi Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi memantau warga yang diberikan bantuan kebajikan. Sebenarnya pemberian bantuan kebajikan ini adalah di bawah bidang tugas dan tanggungjawab beberapa buah jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat dan agensi-agensi lain.

Oleh itu mungkin nanti rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dapat memberikan penjelasan lanjut mengenai perkara ini. Kaola percaya agensi-agensi berkenaan boleh bermuzakarah bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan dan penyelarasan skim-skim bantuan yang ada. Ini sebagai sebahagian daripada usaha bagi memastikan orang ramai tidak terlalu bergantung pada bantuan-bantuan kebajikan.

Walau bagaimanapun, kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas saranan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim tadi.

Satu lagi soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim iaitu mengenai cadangan pensejajaran harga barang-barang di kedai dan pasar raya di negara ini. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim di atas cadangan dan keprihatinan Yang Berhormat. Seperti yang kita maklumi jumlah kedai yang menjalankan perniagaan di negara ini banyak bilangannya. Oleh yang demikian, secara praktiknya memang sangat sukar bagi JPKE untuk membuat pensejajaran harga ini kerana setiap peniaga mempunyai kos operasi yang berbeza-beza seperti kos sewa kedai, kos penghantaran, kos kakitangan dan lain-lain di samping pembekalan barang-barang yang dijual itu dari sumber-sumber yang berlainan.

Di samping itu cadangan langkah tersebut boleh sahaja memberikan impak negatif kepada ekonomi negara kerana ia akan menjejaskan tahap persaingan di antara peniaga di negara ini. Walau bagaimanapun, dalam memastikan harga barang-barang yang dikawal harganya tidak melebihi daripada harga yang telah ditetapkan oleh JPKE khususnya barang-barang asasi, Bahagian Kawalan Harga secara aktif melaksanakan pemantauan secara berterusan termasuklah secara rutin dengan membuat sebanyak 57 lawatan ke premis-premis perniagaan seperti pasar raya dan kedai-kedai runcit setiap bulan, di samping membuat beberapa lawatan mengejut di keempat-empat daerah.

Sejak pindaan Akta Kawalan Harga dikeluarkan pada November 2012, sebanyak 183 notis amaran dan 19 kompaun telah dikeluarkan. Di antara kesalahan yang telah diambil tindakan termasuklah melebihi harga yang ditetapkan oleh JPKE seperti harga susu tepung anak damit, harga minyak masak dan lain-lain. Tidak mempamerkan sijil harga kenderaan dan membuat penipuan semasa harga jualan murah.

JPKE juga pada masa ini sedang giat meningkatkan keberkesanan *system price watch*, di mana ia akan membolehkan orang ramai membuat perbandingan harga bagi barang-barang yang tertentu secara *online*. Oleh itu JPKE sentiasa menyarankan agar pengguna-pengguna di negara ini mengamalkan konsep pengguna bijak iaitu membuat perbandingan harga atau *window shopping* lebih dahulu

di premis-premis perniagaan sebelum membuat pembelian bagi mendapatkan harga yang berpatutan dan munasabah.

Pihak JPKE sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada orang ramai untuk membantu JPKE memantau amalan penipuan dan tidak adil dengan membuat aduan ke Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Bagi memudahkan orang ramai untuk membuat laporan tersebut ia bolehlah dibuat melalui telefon di talian 2230223 pada waktu pejabat atau melalui e-mail: aduanpengguna@jpke.gov.bn atau *facebook* aduanpenggunajpke tanpa perlu ke JPKE dengan syarat mempunyai bukti.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai perkara yang berkaitan dengan warga emas yang diabaikan. Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas saranan Yang Berhormat itu.

Dalam perkara ini, walaupun pada masa ini tidak terdapat undang-undang khusus berkaitan dengan undang-undang yang mewajibkan tanggungjawab penjagaan dan kebajikan warga emas ke atas ahli-ahli keluarganya terutama sekali anak-anak mereka, namun tidaklah seharusnya terdapat kejadian warga emas diabaikan dan terbiar hak-hak mereka oleh ahli keluarga mereka. Sebagai sebuah masyarakat yang dididik dengan amalan budaya yang murni berteraskan agama Islam, lebih-lebih lagi dengan sistem amalan bernegara yang kita amalkan berteraskan Melayu Islam Beraja, hak-hak kebajikan masyarakat secara menyeluruh adalah perkara yang penting mengikut hak-hak kehidupan dan kebajikan mereka. Apatah lagi hak-hak kebajikan bagi orang-orang tua ataupun warga emas, terutama sekali dalam kalangan masyarakat kitani yang sememangnya dibentuk dengan calak Brunei dalam menjaga kepentingan orang-orang tua, apatah lagi jika warga emas itu adalah ibu bapa kita. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai anak untuk menjaga kehidupan orang tua kita apabila mereka menempuh hari-hari tua dan bukan mengabaikan atau menyerahkan tanggungjawab itu kepada orang lain.

Bagi warga emas atau orang-orang tua yang tidak mempunyai keluarga atau saudara mara untuk menjaga kebajikan mereka, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat memang telah memainkan peranan dalam memberikan pemedulian melalui berbagai-bagai bantuan kepada mereka. Ini termasuklah elaun sara hidup, memberikan dan menguruskan keperluan lain seperti tempat kediaman dan juga menguruskan keperluan mereka dalam mendapatkan rawatan di klinik dan hospital. Perkara ini memang sudah ditangani oleh JAPEM dan terdapat beberapa warga emas yang mereka tangani sehingga kini.

Dalam hubungan ini, saya percaya rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mungkin akan dapat memberi ulasan lanjut mengenai perkara ini.

Mengenai cadangan bagi peruntukan undang-undang seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu tadi, إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan diteliti secara mendalam dan ke arah itu sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan dan saranan yang membina daripada Yang Berhormat seperti yang diutarakan tadi.

Yang terakhir, ialah soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim mengenai langkah-langkah kerajaan menangani isu *service charge* dan 3 peratus *charge* bagi pembelian pengguna kad debit dan kad kredit. Ini sebagai menambah maklumat yang telah disampaikan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Pengerusi *AMBD*. Untuk itu saya lebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Seperti yang dimaklumi, amalan peniaga yang mengenakan *service charge* yang dikongsi tersebut amat mendukacitakan. Perkara ini sepatutnya tidak lagi berlaku kerana agensi-agensi kerajaan seperti *Authority Monetary Brunei* dan Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi telah pun mengambil langkah-langkah untuk memberigakan bahawa amalan tersebut menyalahi undang-undang yang berkuat kuasa di negara pada masa ini.

Jika peniaga-peniaga mengenakan *service charge* atau *surcharge* tanpa pengetahuan pelanggannya, peniaga-peniaga berkenaan boleh dikaitkan sebagai melakukan amalan tidak saksama (*unfair practices*) di bawah Bab 4, Perintah Perlindungan Pengguna (Perdagangan Adil, 2011). Bagaimanapun, disebabkan Perintah Perlindungan Pengguna (Perdagangan Adil, 2011) adalah di bawah Undang-Undang Sivil, pihak JPKE perlu menerima aduan-aduan rasmi sebelum membuat tindakan-tindakan tertentu sebagai prosedur yang tersedia. Amalan yang tidak sihat ini juga boleh diadukan kepada agensi yang bertanggungjawab dalam mengawal selia institusi-institusi kewangan ataupun bank iaitu *Authority Monetary Brunei Darussalam* khususnya di bahagian *Financial Consumer Protection Unit* yang telah ditubuhkan pada bulan Mac 2015.

Namun bagi produk seperti telefon bimbit, komputer dan sebagainya, pihak JPKE telah membuat pemantauan dan pemeriksaan terhadap premis perniagaan yang menjual produk tersebut bagi memastikan syarikat-syarikat tidak mengenakan *service charges* ataupun *surcharge* ketika membuat pembelian menggunakan kad debit ataupun kredit. Dari pemantauan tersebut, didapati sebahagian besar syarikat telah mematuhi dan tidak lagi mempamerkan perbezaan harga jika bayaran dengan kad debit atau kredit dan wang tunai.

Walau bagaimanapun, ada segelintir syarikat yang masih mengamalkan

amalan yang tidak adil ini. Malah memutarbelitkan situasi dan mengelirukan pengguna dengan mempamerkan dua tanda harga secara tidak langsung, iaitu harga asal *normal price* adalah harga menggunakan kad debit atau pun kredit dan harga diskaun adalah harga penggunaan wang tunai.

Dalam Peraturan-Peraturan Kawalan Harga, Harga Jualan Murah 2012, jika syarikat-syarikat mempamer dua tanda harga atau perbandingan harga atau diskaun ia perlu mendapat kebenaran daripada JPKE. Dengan itu, pihak penguatkuasaan JPKE telah mengeluarkan beberapa notis amaran dan tawaran untuk mengkompaun syarikat-syarikat yang mengadakan harga jualan murah tanpa kebenaran tersebut.

Akhirnya, kaola menyeru kepada orang ramai supaya membuat aduan kepada pihak *AMBD* dan JPKE jika berhadapan dengan peniaga yang mengenakan *surcharge* dengan seberapa segera bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil mengenainya. Nombor yang dihubungi sudah pun kaola nyatakan tadi, jadi tidak payah diulangi lagi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga suka untuk membuat kenyataan mengenai beberapa soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik sebentar tadi. Saya persilakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. بِسمِ اللهِ الرَّحمٰنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin merujuk kepada soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai apakah ada pemantauan dibuat terhadap makanan dan ubat-ubatan yang dijual dipremis-premis berkonsepkan seperti *cube shops*?

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar mempunyai tugas dan peranan untuk memastikan keselamatan makanan dan ubat-ubatan yang dijual di negara ini selamat untuk para pengguna.

اَلْحَمْدُ لله perusahaan kedai runcit secara petak *(cube shops)* ini semakin banyak diusahakan dan dengan sendirinya semakin banyak juga penyewa yang menjual barangan mereka. Kebanyakan daripada pengusaha-pengusaha ini terdiri daripada kalangan warga tempatan. Pada masa ini didapati kebanyakan syarikat berjual bermacam-macam produk yang bercampur aduk termasuk makanan, barang-barang kosmetik dan juga pil *supplement*.

Oleh itu, tindakan kawalan perlu ada bagi memastikan keselamatan orang awam tidak terancam dan pada masa yang sama untuk kita bersama-sama masih memberi kemudahan bagi peniaga kecil dan sederhana dijalankan.

Jabatan Perkhidmatan Farmasi dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar memang ada menjalankan usaha *post marketing surveillance* terhadap premis-premis kedai dan perusahaan yang menjual makanan dan ubat-ubatan termasuklah kepada *cube shop* ini. Pemantauan ini dipertingkatkan lagi memandangkan semakin banyak tumbuhnya premis-premis baharu yang dinyatakan tadi itu. Cadangan dan keprihatinan Yang Berhormat tadi itu sangat dialu-alukan dan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Ke arah kepentingan kesihatan dan keselamatan orang awam Kementerian Kesihatan pada masa ini dalam proses penggubalan peraturan kesihatan awam yakni kebersihan pemakanan bersama rakan-rakan di Jabatan Peguam Negara. Dengan adanya penggubalan itu nanti diharapkan pendaftaran premis permakanan akan dimandatorikan bagi memudahkan lagi pemantauan dilakukan. Bersama ini juga pengendali atau pengusaha dapat dipertanggungjawabkan atas perusahaan mereka. Di samping itu, akan meningkatkan kepekaan para pengendali atau pengusaha premis makanan tentang pentingnya keselamatan makanan. Dengan itu, kesihatan dan keselamatan orang awam إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan lebih terjamin. Semua maklumat mengenai *cube shop* yang ada di kesemua daerah telah diperolehi dan beberapa sesi muzakarah atau *stakeholders engagement* bersama pengusaha atau penyewa mengenai kepentingan keselamatan makanan akan diadakan.

Pengawalan produk ubat dan kosmetik pula adalah di bawah Perintah Ubat 2007 dan peraturan-peraturannya. Perintah Ubat 2007 antara lain menyediakan peruntukan undang-undang bagi mengawal selia pengimportan, pendaftaran, promosi iklan dan penjualan produk ubat dan produk kosmetik di negara ini bagi memastikan produk berkenaan adalah selamat, berkualiti dan berkesan dan di bawah perintah tersebut produk ubat-ubatan yang dipasarkan di negara ini adalah mandatori untuk didaftar.

Permohonan hendaklah dihadapkan ke Kementerian Kesihatan untuk diteliti mengikut proses dan syarat-syarat tertentu. Pihak kementerian juga menjalankan program pemantauan ke atas produk-produk yang dalam pasaran iaitu *post marketing surveillance* dengan menggunakan kaedah *risk based assessment* bagi memastikan produk ubat yang diberikan kebenaran berdaftar atau produk kosmetik yang telah dinotifikasikan dan seterusnya dipasarkan menepati spesifikasi yang telah ditetapkan. Untuk makluman, dari aktiviti ini terdapat sebahagian produk yang tidak menepati kehendak peraturan dan menyebabkan pemulangan balik produk ubat atau kosmetik berkenaan. Dalam pada itu melalui *post marketing surveillance* ini juga mendapati ada produk-produk yang tidak diberi kebenaran untuk dipasarkan di negara ini.

Mengenai kawalan jualan atau pemasaran ubat dan kosmetik melalui media soial dan juga *cube*, pihak Kementerian Kesihatan turut menjalankan pemantauan berasaskan kawalan seperti yang telah dijelaskan. Mana-mana pihak yang menjual atau memasarkan produk yang tidak berdaftar atau bagi kosmetik yang tidak dinotifikasikan di negara ini adalah menyalahi undang-undang Perintah Ubat 2007 dan boleh didakwa.

Yang Berhormat Pengerusi, bagi mengakhiri ulasan kaola ini, pihak Kementerian Kesihatan mengesyorkan yang kami akan memberikan segala kerjasama bagi memastikan semua proses akan dipermudahkan dan juga ingin melihat para pengendali dan pengusaha ini akan dapat memajukan perniagaan mereka. Dengan adanya kualiti yang tinggi dari segi keselamatan إِنْ شَاءَ اللَّهُ peluang memang ada bagi mereka untuk mengeksport juga produk-produk mereka ini pada masa hadapan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Seperti jua yang diharapkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) sebentar tadi, dalam kesempatan ini kaola ingin saja menambah maklumat iaitu merujuk kepada soalan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, mengenai pelaksanaan dan penyelarasan program-program bantuan yang diberikan oleh berbagai agensi kerajaan seperti JAPEM, Majlis Ugama Islam Brunei dan lain-lain melalui Mesyuarat Majlis Kebangsaan Isu Sosial pada bulan Januari, perkara ini akan diteliti dan pemantauan akan dibuat secara kerap begitu juga dengan profil-profil yang ada bagi penerima-penerima ini akan dikemaskinikan lagi. Ini untuk mengelakkan daripada duplikasi dan mengelakkan jika data itu tidak lengkap. Penerima akan lebih kemas penerimaannya pada setiap bulan dan juga sepanjang penerimaan hak mereka. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah pun berbincang dengan panjang lebar mengenai Tajuk - SA14A hingga Tajuk - SA25A. Sekarang saya ingin mengundi bagi Tajuk-Tajuk yang berkenaan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Nampaknya tidak ada yang menentang. Semua Ahli bersetuju mengenai Tajuk - SA14A hingga Tajuk - SA25A ini diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk - SA14A hingga Tajuk - SA25A dijadikan

sebahagian daripada Jadual. Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana yang telah kita maklumi bahawa pada kebiasaannya Tajuk Belanjawan Kementerian Pertahanan ini tidak dibincangkan memandangkan Tajuk ini berkait rapat dengan hal ehwal strategi keselamatan negara.

Isu-isu ataupun perkara-perkara di dalamnya adalah sensitif dan tidak sesuai untuk dibincangkan dalam Majlis yang terbuka ini. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) ingin menyampaikan mukadimahnya bagi Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi, kaola hanya ingin mengongsikan secara ringkas sahaja mengenai tumpuan dan keutamaan Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2016/2017.

Pada Tahun Kewangan 2016/2017, Kementerian Pertahanan dan jabatan-jabatan di dalamnya telah disokong untuk disediakan peruntukan sebanyak Lima Ratus Enam Puluh Empat Juta, Enam Ratus Lima Puluh Ribu, Lima Ratus Empat Puluh Ringgit ($564,650,540.00). Antara fokus dan keutamaan Kementerian Pertahanan adalah seperti berikut:-

1. Memastikan kedaulatan dan keselamatan negara yang dinikmati selama ini akan kekal terjamin, إِنْ شَاءَ اللهُ. Melalui pengurusan pertahanan yang dinamik, dengan mengambil kira pelbagai elemen dan langkah-langkah utama seperti perkembangan sains dan teknologi, mengurangkan duplikasi, perkongsian sumber-sumber yang ada, *streamlining* proses-proses, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan mengatur strategi dan perancangan bagi mengukuhkan keupayaan pertahanan selari dengan perkembangan semasa serta mengukuhkan dan memperluaskan jalinan diplomasi pertahanan dengan negara-negara serantau;

2. Peningkatan keupayaan ketenteraan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang meliputi alat kelengkapan tentera, mobiliti dan pengangkutan, institusi-institusi latihan dan sebagainya masih diteruskan dan diambil perhatian bagi memastikan ia pada tahap yang tinggi memandangkan peranan serta tanggungjawab Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang berkembang dan semakin mencabar baik di peringkat negara ataupun antarabangsa.

   Dalam waktu yang sama, Kementerian Pertahanan juga akan mengambil peranan penting ke arah

usaha mencapai Wawasan 2035, iaitu membentuk satu strategi keselamatan yang *robust* dan berkesan untuk memelihara kestabilan dan kedaulatan negara;

3. Dokumen Kertas Putih Pertahanan 2011 dan Perancangan Strategik Pertahanan 2012 serta hala tuju dasar yang digariskan bagi strategi keselamatan negara terus menjadi panduan bagi perancangan perkembangan Kementerian Pertahanan dan ABDB bagi melaksanakan dengan berkesan misi pertahanan iaitu bagi mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah dan mendukung Perlembagaan dan Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB);

4. Langkah-langkah diplomasi pertahanan telah meningkatkan sumbangan negara dalam keselamatan serantau dan dunia, seterusnya mewujudkan persekitaran keselamatan yang kondusif bagi memastikan keamanan negara terus terjamin. Ini termasuk penglibatan aktif dalam inisiatif-inisiatif pembangunan keyakinan *(confidence building),* kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala, serta misi-misi luar negara, baik misi pengamanan mahupun misi bantuan bencana dan kemanusiaan;

5. Pembinaan kapasiti dan pembangunan keupayaan dijuruskan kepada pelaksanaan dengan berkesan. Empat keutamaan operational bagi misi pertahanan iaitu meningkatkan diplomasi pertahanan, memastikan tahap pertahanan, memastikan tahap kesediaan dan siap siaga yang tinggi, mengukuhkan koordinasi dengan agensi-agensi keselamatan tempatan dan meningkatkan perlindungan kepentingan-kepentingan dalam lingkungan wilayah negara; dan

6. Inisiatif-inisiatif yang menjurus ke arah pembangunan tenaga kerja yang mahir, terlatih dan profesional serta penyediaan dan pemeliharaan kelengkapan dan prasarana yang mencukupi dan berdaya tahan telah menyumbang kepada tahap kesediaan dan siap siaga yang tinggi dan ini mewujudkan keupayaan tentera yang berkesan, mampu untuk melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Latihan-latihan ketenteraan yang menyumbang ke arah *interoperability* sama ada secara dalaman atau bersama negara-negara luar masih dilaksanakan melalui perancangan yang teliti. Keupayaan ini mewujudkan faktor *deterrent* dan memberikan jaminan *(insurance)* untuk tindak balas kepada krisis-krisis dan sebarang ancaman yang timbul, baik dalam bentuk *conventional* mahupun *non-conventional.* Setentunya, meskipun kawasan kejiranan Negara Brunei Darussalam agak stabil, tugas utama Kementerian Pertahanan adalah

untuk bersedia bagi persekitaran keselamatan masa hadapan yang sukar diramal.

Secara ringkas peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Pertahanan adalah seperti berikut:-

i. Gaji Kakitangan secara keseluruhannya disediakan $330,626,780.00 iaitu penurunan sebanyak 1.6% berbanding tahun kewangan yang lepas;

ii. Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak $139,433,520.00 iaitu penurunan sebanyak 17.7%; dan

iii. Perbelanjaan Khas disediakan sebanyak $94,590,240.00 bagi melaksanakan 12 projek baharu berjumlah $24,208,000.00 dan 19 projek pengambilan semula berjumlah $70,382,240.00. Jumlah ini termasuk peruntukan bagi Projek Peningkatan Keupayaan Pertahanan yang sebelum ini di bawah kawalan Kementerian Kewangan yang telah pun dipindahkan peruntukannya ke Kementerian Pertahanan.

Dalam usaha menangani penurunan hasil pendapatan negara, Kementerian Pertahanan juga telah merancang beberapa langkah penjimatan. Ini antara lainnya termasuklah:-

i. Mula menggunakan kaedah penggunaan fasiliti secara guna sama bagi memastikan penggunaan fasiliti yang maksimum dan optimum. Dalam hubungan ini penggunaan bagi fasiliti baharu akan mengambil kira nilai penggunaan sama sebelum projek berkenaan diluluskan;

ii. Perbelanjaan projek-projek Kementerian Pertahanan termasuk di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara juga sedang giat dikaji dan diteliti demi mendukung perbelanjaan yang lebih berhemah. Pada waktu yang sama, beberapa projek telah diputuskan untuk ditangguhkan atau dibatalkan sama sekali;

iii. Membuat penelitian semula ke atas kadar-kadar sewa *BRIDEX* dan kemudahan berkaitan bagi memastikan kadar sewa tersebut dapat menampung kos operasi dan pemeliharaan tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan dan penyediaan fasiliti. Di samping itu, usaha untuk meningkatkan hasil kerajaan daripada perkhidmatan lain yang ditawarkan ketika ini seperti khidmat pemusnahan bahan letupan dan perkhidmatan kolaborasi sedang giat dipertingkatkan:-

i. Membuat kajian untuk menyumberluarkan *(outsource)* sebahagian aktiviti yang bukan melibatkan operasi bagi menjadikan Kementerian Pertahanan lebih efisien dalam pengurusan kewangannya; dan

ii. Membuat beberapa reviu untuk memperkemaskan *(streamline)* proses-proses yang sedia ada

bagi mengelak duplikasi, serta menggubal dasar dan garis panduan kepada penyelesaian berinovasi melalui sains dan teknologi, termasuk penggunaan *ICT*.

Performance Management akan terus diberikan keutamaan dalam memantau pelaksanaan strategi ke arah pencapaian misi, visi dan objektif Kementerian Pertahanan. Pada masa yang sama, *strategy review* akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan strategi organisasi akan terus mantap dan responsif kepada persekitaran yang berubah-ubah. Ini termasuk menilai keberkesanan strategi dengan mengambil kira tekanan fiskal yang dihadapi negara sejak tahun kebelakangan ini; dan

7. Kementerian Pertahanan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan sentiasa mengamalkan sikap berhemah dalam berbelanja dan memastikan *corporate governance* seperti menginstitusikan kaedah *Programme and Performance Budgeting* di Kementerian Pertahanan dan *accountability* setiap pegawai yang diamanahkan iaitu *Sub-Vote Controller* akan sentiasa dipantau dari semasa ke semasa. Peruntukan yang diberikan akan dapat memastikan kesinambungan pertahanan negara dan kesiapsiagaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahap yang tinggi bagi terus memainkan peranan dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Akhir sekali, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Pengerusi tadi sebagaimana juga di tahun-tahun yang lepas, kaola memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi agar peruntukan Kementerian Pertahanan ini tidak akan dibahaskan secara terbuka memandangkan sebagaimana Yang Berhormat Pengerusi telah nyatakan tadi ia boleh mendedahkan isu-isu keselamatan pertahanan strategik negara. Apa juga saranan-saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan disampaikan kepada Kementerian Pertahanan untuk sebarang penelitian lanjut dan tindakan-tindakan yang bersesuaian.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita baru sebentar tadi telah mendengar kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai bajet ataupun Rang Belanjawan bagi Kementerian Pertahanan. Maka sekarang, saya ingin untuk melakukan undian sama ada belanjawan ini kita luluskan atau sebaliknya. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk meluluskan belanjawan ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Oleh sebab tidak ada yang menentang, maka Tajuk Kementerian Pertahanan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, الْحَمْدُ لله kita telah meluluskan Tajuk-Tajuk Perbelanjaan bagi Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Pertahanan. Maka saya sekarang mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya sekarang ingin menangguhkan supaya persidangan ini kita berhentikan sementara dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan kita sambung semula pada esok hari iaitu hari Khamis, 1 Jamadilakhir 1437 Hijrah bersamaan 10 Mac 2016 sebagaimana biasa pukul 9.00 pagi.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Khamis, 1 Jamadilakhir 1437 / 10 Mac 2016

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, hari yang kelima, Khamis 1 Jamadilakhir 1437 bersamaan 10 Mac 2016 didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلْحَمْدُ لله kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang semula bagi hari yang kelima di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam kaum kerabat, para sahabat, berserta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan pada pagi ini akan terus sahaja dahulu membincangkan Perkara V, iaitu Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Pada persidangan yang diadakan pada sebelah pagi semalam kita telah menyelesaikan 3 Soalan Yang Telah Diberi Notis yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri, khususnya ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Seperti lazimnya perbincangan ini hanya akan diadakan selama 30 minit sahaja. Maka pada pagi ini kita terus sahaja menyambung perbincangan ke soalan-soalan berikutnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis iaitu Soalan Jawab Mulut No.8 oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Tajuk yang kaola akan suarakan pada pagi ini ialah Pelaburan Asing Langsung *(FDI)* ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga

(*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada awal tahun 2016 mengenai usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi negara secara menarik Pelabur Langsung Asing *(FDI)* dan penubuhan Pusat *SME*, *Darussalam Enterprise,* Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas, telah menggariskan beberapa strateginya. Antara lain ialah mempelawa dan menyediakan tapak-tapak bagi kemudahan Pelabur Langsung Asing (*FDI*) untuk memulakan pelaburan mereka di Negara Brunei Darussalam.

Soalan kaola ialah:-

1. Setakat ini berapa banyakkah sudah Pelabur Langsung Asing yang telah melabur di Negara Brunei Darussalam?;

2. Jika sambutan dari Pelabur Langsung Asing kurang menggalakkan, apakah sebab-sebabnya dan adakah dibuat sebarang kajian mengenainya?;

3. Berapa banyakkah pengusaha-pengusaha tempatan yang diberi peluang bekerjasama *(joint venture)* dengan Pelabur Langsung Asing setakat ini?; dan

4. Apakah butir-butir yang dipersyaratkan oleh Pelabur Langsung Asing yang ingin melabur ke Negara Brunei Darussalam?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad atas soalan yang bersangkut paut dengan Pelaburan Langsung Asing (*FDI*).

Soalan ini juga berhubung kait dengan pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim pada hari kelmarin. Memandangkan beberapa isu dan latar belakang mengenai dengan *FDI* telah dibahaskan kelmarin terutamanya dalam mukadimah saya dan juga rakan saya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Saya hanya akan menjawab secara spesifik sahaja pada soalan yang ditanyakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Semenjak tahun 2010 sebanyak 6 buah syarikat *FDI* telah pun beroperasi di Negara Brunei Darussalam iaitu *Aman Shipping And Trading Company, Brunei Methanol Company, CAE Brunei Multi-Purpose Training*

Centre, Gold Coin Company, SBI Islamic Fund dan *Simpor Pharma Sdn. Bhd*

Pihak kerajaan juga merupakan pemegang saham kepada *Brunei Methanol Company* melalui *Syarikat Brunei Petroleum* dan *Aman Shipping And Trading Company, CAE Brunei Multi-Purpose Training Centre, Gold Coin Company, SBI Islamic Fund* dan *Simpor Pharma Sdn. Bhd* melalui *Strategic Development Capital*, Kementerian Kewangan. Untuk makluman juga, S*yarikat Aman Shipping, Syarikat CAE, SBI Islamic Fund dan Syarikat Simpur Pharma* adalah syarikat yang dibawa oleh *Strategic Development Capital* ke Negara Brunei Darussalam. Syarikat-syarikat ini telah menjana jumlah pelaburan secara keseluruhan sebanyak BND$1.15 bilion dan telah menghasilkan 346 peluang pekerjaan dan sehingga penghujung tahun 2015, 6 buah syarikat *FDI* ini telah berjaya menjana pendapatan sebanyak $178 juta.

Sambutan pelabur asing kurang menggalakkan, apakah sebab-sebabnya? dan adakah sebarang kajian mengenainya? Memang diakui setakat ini belum ada kajian khusus mengenai *FDI* dilaksanakan. Walau bagaimanapun seperti saya nyatakan kelmarin Jawatankuasa Pelaburan Langsung Asing (*FDI)* dan Industri Hiliran telah memulakan kajian untuk mengenal pasti kaedah-kaedah yang efektif dalam penyediaan platform yang telus (*transparent)* dan memperkemas *streamline* untuk *FDI*;

Berapa banyak pengusaha-pengusaha tempatan yang diberi peluang kerja bersama *joint venture* dengan Pelabur Langsung Asing, setakat ini belum banyak pengusaha tempatan yang diberi peluang *joint venture FDI* daripada 6 syarikat pelabur asing tersebut di atas. *Syarikat Gold Coin Sdn. Bhd.* dan *Simpur Pharma Sdn. Bhd.* mempunyai penyertaan usaha sama peniaga-peniaga tempatan. Pihak kerajaan akan memastikan setiap *FDI* yang melabur di Brunei akan menjana perusahaan-perusahaan sampingan *spin off* kepada pengusaha-pengusaha *SME* tempatan Brunei mewujudkan peluang pekerjaan anak-anak tempatan terutama sekali meningkatkan hasil pendapatan negara; dan

Apakah butir-butir yang dipersyaratkan oleh Pelabur Langsung Asing yang ingin melabur ke Negara Brunei Darussalam. Pada umumnya butir-butir yang dipersyaratkan bagi syarikat pelaburan langsung asing yang ingin melabur di Negara Brunei Darussalam seperti berikut:-

i. Pengecualian cukai yang diperuntukkan oleh kerajaan melalui insentif pelaburan di bawah *investment incentive* 2001. Pihak kerajaan juga telah mengadakan insentif cukai seperti rebat cukai ataupun *tax rebate* bagi syarikat-syarikat yang mengambil anak tempatan untuk bekerja di syarikat-syarikat mereka;

ii. Tarif keutamaan seperti harga sewa tanah, air dan tenaga elektrik;

iii. Perkongsian pelaburan yang disediakan oleh kerajaan melalui dana *Strategic Development Capital* Kementerian Kewangan; dan

iv. Pekerja mahir yang mempunyai kelayakan khusus dalam bidang yang relevan.

Kerjasama dengan *National Manpower Consult* nanti adalah penting di sini untuk memastikan kemahiran pekerja-pekerja tepat bagi pekerjaan dikehendaki oleh pelabur asing. Pihak kerajaan juga mengenakan syarat-syarat tertentu bagi *(FDI)* mengeluarkan keluaran eksport dan mengambil pekerja-pekerja tempatan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No.10 daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada satu soalan iaitu Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*BEDB)*. Terima kasih. بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Pada 27 Jun 2014 yang lalu, satu Majlis Menandatangani Perjanjian Memorandum Persefahaman antara Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei *(BEDB)* dengan *Dongchul Co Limited (Korea)* telah diadakan di *Royal Brunei Polo and Country Club* Jerudong.

MOU ini ialah untuk membina kilang aluminium bertempat di Kampung Bukit Panggal, Mukim Keriam di Daerah Tutong dan akan memerlukan sebanyak 500 orang pekerja. Saya ingin tahu, sejauh manakah kilang ini beroperasi dan berapa orangkah anak tempatan yang berkelulusan dalam bidang ini sebagai pemulaan diambil bekerja? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf yang membangkitkan Projek *Dongchul Co Limited (Korea)* di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei.

Seperti yang dimaklumkan dalam soalan Yang Berhormat, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dengan *Dongchul Co Limited Korea* yang diadakan pada 27 Jun 2014 untuk projek yang dicadangkan iaitu pembinaan sebuah Kilang Aluminium di Negara Brunei Darussalam.

Berikutan dengan penandatangan tersebut kelulusan telah diberikan pada 27 November 2014 untuk meneruskan projek tersebut tertakluk

kepada syarat-syarat tertentu berkaitan dengan keperluan gas asli serta tenaga elektrik. *Dongchul Co Limited (Korea)* telah bersetuju dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun berikutan keadaan ekonomi dunia yang agak tidak menentu dan akibat kejatuhan harga minyak, syarikat berbagai bangsa *multinational company* secara am mengambil langkah berhati-hati dengan membuat penilaian wajar *due diligent* sebelum membuat sesuatu pelaburan, maka dengan itu *Dongchul Co Limited (Korea)* meminta tempoh sehingga tahun 2018 untuk meneliti dan mengkaji semula projek yang dicadangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat prasarana asas seperti penyediaan tapak di Bukit Panggal sudah tersedia dan kerajaan tidak semestinya bergantung pada *Dongchul Co Limited (Korea)* sahaja kerana tapak ini bolehlah dimanfaatkan keperluan projek-projek *FDI* yang lain. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No.11 yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Sebelum saya mengemukakan soalan ini, sebenarnya telah ada kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dengan soalan yang saya nyatakan tetapi kerana ia merupakan Soalan Yang Diberi Notis terlebih awal maka saya kemukakan di Dewan yang mulia ini.

Penubuhan Pusat Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) difokuskan keutamaannya kepada memajukan pengusaha tempatan sama ada pengusaha yang sedang meningkat maju atau mereka yang baru berjinak-jinak dengan bidang perniagaan dan keusahawanan yang memerlukan bimbingan, latihan dan bantuan kewangan dan seumpamanya.

Antara mereka yang terlibat dalam bidang ini ialah golongan kaum wanita pelbagai peringkat termasuk ibu-ibu tunggal. Soalan saya, bagaimanakah pusat ini berperanan membantu golongan wanita secara khusus dalam meningkatmajukan bidang keusahawanan atau perniagaan yang mereka ceburi? Adakah terdapat dalam pelan perancangan dalam pusat ini untuk mengadakan dana khusus atau seumpamanya dalam berusaha menyuntik semangat dan membantu dari segi kewangan demi kejayaan pembangunan PKS di negara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin atas soalan dan keprihatinan Yang Berhormat Datin tentang isu Pusat *SME*.

Dalam beberapa hari Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada tahun ini isu penubuhan, isu Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana *(SME)* iaitu *Darussalam Enterprise* telah pun dibahaskan panjang lebar. Oleh yang demikian saya akan menyentuh mengenai isu-isu yang spesifik sahaja seperti soalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin.

Dalam membantu golongan wanita secara khusus 81 peratus iaitu 13 ahli daripada Ahli Lembaga Urus Tadbir *DARe* terdiri daripada sektor swasta yang 31 peratus iaitu 5 ahli daripadanya adalah terdiri daripada golongan wanita. Golongan wanita yang dilantik dalam Lembaga *DARe* ini adalah antara ahli-ahli perniagaan yang berjaya di Negara Brunei Darussalam. Pengalaman dan kepakaran mereka akan memberi panduan kepada *DARe* dalam merangka program-program yang boleh memperkasakan peniaga-peniaga tempatan termasuklah pengusaha-pengusaha wanita di negara ini melalui *focus session* yang akan diadakan dalam masa yang terdekat ini.

Soalan yang kedua, adakah terdapat dalam pelan perancangan pusat ini untuk mengadakan dana khusus umpamanya dalam usaha menyuntik semangat dan membantu dari segi kewangan demi kemajuan pembangunan PKS *(SME)* di negara ini?

Bagi menjawab soalan ini, bantuan dari segi kewangan bagi pembangunan *SME* secara ringkasnya, proses mereviu dan mengkaji semula keberkesanan program bantuan yang telah diperkenalkan terdahulu sedang dijalankan oleh *DARe.* Langkah ini bertujuan menyediakan program bantuan yang bersesuaian dan menepati keperluan bagi menggalakkan perkembangan perusahaan-perusahaan tempatan.

Program bantuan ini perlu dikemaskinikan dari segi proses kriteria permohonan dan keberkesanannya. Program bantuan ini juga telus *(transparent)* dan dipantau supaya bantuan dapat digunakan untuk keperluan bisnes saja.

Pihak kerajaan sememangnya sudah berusaha memberikan bantuan kepada *SME* melalui Skim Pinjaman Kewangan. Bantuan ini bukan dari segi *grant* tetapi pinjaman sahaja yang perlu dibayar balik. Sesetengah individu telah mengambil kesempatan untuk tidak membayar pinjaman mereka. Perkara ini amatlah menyedihkan kerana perangai sesetengah individu berkenaan menyukarkan pihak kerajaan bagi memutarkan modal yang diperlukan bagi menjalankan skim kewangan untuk perusahaan tempatan yang benar-benar memerlukan bantuan.

Antara penemuan terbaharu, lulusan skim kewangan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dahulu telah diluluskan

oleh pegawai-pegawai kerajaan yang tidak memahami analisis komersial daripada pihak bank yang menyediakan kemudahan pinjaman kewangan. Kebanyakan tunggakan berpunca daripada pinjaman yang diluluskan oleh pihak kerajaan yang telah *overruled* keputusan pihak bank yang sebenarnya tidak meluluskan pinjaman berkenaan.

Oleh yang sedemikian, kerja-kerja kajian semula ini akan diterajui juga oleh pihak-pihak swasta seperti Ahli Lembaga Urus Tadbir *DARe* dan pihak bank dengan kepakaran *financial analysis* bersama mereka. Dalam pada ini, saya juga telah mengambil kesempatan dalam beberapa sesi muzakarah dengan beberapa usahawan *online* semalam, mereka bersetuju dengan arah tuju program bantuan pinjaman.

Pihak kerajaan sedang meneliti beberapa jalan untuk membantu *SME* melalui pelaburan daripada *venture capitalist* dan penubuhan bank khas untuk *SME*. إِنْ شَاءَ اللَّهُ kerja-kerja kajian semua ini akan dapat diselesaikan pada tahun ini.

Sekian. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut Yang Telah Diberi Notis. Soalan No.19 yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera. Pensijilan Produk Halal. Industri halal adalah satu sektor yang dikenal pasti untuk membangun dan mempelbagaikan ekonomi Negara Brunei Darussalam. Kadar pertumbuhan dunia dalam industri halal meningkat dengan ketara dan dianggarkan sekitar US$1.4 trilion. Kira-kira 1.8 bilion orang yang beragama Islam di dunia yang mewakili 25 peratus produk dunia mencetuskan peningkatan dalam permintaan produk dan perkhidmatan halal. Dengan pesatnya pertumbuhan dan permintaan itu, Negara Brunei Darussalam hendaklah membuat pelbagai inisiatif supaya boleh berjaya menembusi dalam industri produk halal dunia.

Walaupun Negara Brunei Darussalam sudah pun mewujudkan Pensijilan Halal Brunei, yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei dan penubuhan jenama Brunei Halal untuk makanan dan farmaseutikal dan industri kosmetik oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tetapi yang dikeluarkan oleh 2 agensi yang bersaing, ianya menimbulkan kekeliruan kepada pelabur-pelabur asing dan juga syarikat asing tentang Pensijilan Halal Brunei dan jenama Brunei Halal tentang perkataan makna "Halal". Kekeliruan ini sudah pasti akan menjejaskan terhadap keberkesanan pemasaran produk-produk *Brunei Halal* di luar negeri.

Saya ingin bertanya:

1. Dengan mengambil kira perkara di atas dan untuk mengatasi keliruan penggunaan perkataan "HALAL". Adakah pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan membuat cadangan untuk mengubah jenama atau *brand Brunei Halal*?; dan

2. Adakah agensi-agensi kerajaan yang lain membuat cadangan untuk membuat jenama atau *branding* bagi semua produk-produk buatan Negara Brunei Darussalam secara menyeluruh?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ .

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar atas keprihatinan Yang Berhormat dengan isu yang berhubung dengan jenama Halal Brunei. Lebih dahulu izinkan saya memberi sedikit penjelasan terhadap kedua-dua jenama halal Yang Berhormat maksudkan tadi.

Seperti jua Yang Berhormat telah nyatakan, memang diakui terdapat kekeliruan mengenai jenama-jenama atau pun logo-logo halal keluaran Negara Brunei Darussalam. Dua jenis logo yang dimaksudkan ini ialah logo Pensijilan Halal *(purple logo)* dan logo jenama *Brunei Halal (green logo)* iaitu logo yang berwarna hijau. Ada pun kedua-dua logo ini memainkan peranan yang berlainan seperti berikut:-

i. Bagi logo Pensijilan Halal iaitu *purple logo*, merupakan tanda pensijilan. Logo ini adalah di bawah bidang kuasa Majlis Ugama Islam Brunei dan dikeluarkan bagi menandakan mana-mana produk yang telah diperiksa atau diaudit secara terperinci oleh pegawai-pegawai agama dan teknikal, serta didapati telah memenuhi hukum syara'; dan

ii. Manakala logo jenama *Brunei Halal (green logo)* pula merupakan logo komersial bagi maksud perdagangan sama seperti *Nestle, Cadbury, Cambell* dan sebagainya yang dipunyai oleh Syarikat *Wafirah Holding Sendirian Berhad* sebuah syarikat milik kerajaan.

Untuk mendapatkan logo ini mana-mana syarikat tempatan dan luar negara akan perlu bekerjasama dengan syarikat *Ghanim International Cooperation Sendirian Berhad* sebuah anak Syarikat *Wafirah Holding* bagi produk-produk yang dipersetujui untuk dikeluarkan di bawah jenama Brunei Halal. Produk-produk di bawah jenama ini akan menjalani pengauditan terperinci bukan sahaja dari kehalalan produk bahkan juga dari kilang syarikat-syarikat pengeluar dimestikan untuk mempunyai persijilan *ISO,* persijilan *Hazard Analysis Critical Control Point* (*HACCP)* dan juga

mengamalkan *Good Manufacturing Practise* (*GMP).*

Dengan memenuhi kriteria-kriteria ini, produk-produk syarikat akan diaudit bagi mendapatkan Persijilan Halal dari Majlis Ugama Islam Brunei. Kedua-dua logo ini mesti ada dalam setiap pembungkusan produk *packaging* bagi setiap produk yang memegang nama Brunei Halal.

Ahli Yang Berhormat, pada kesimpulannya kedua-dua logo ini adalah berbeza dari segi fungsi dan tujuan. Logo Persijilan Halal keluaran Majlis Ugama Islam Brunei adalah khusus bagi memastikan produk-produk yang telah memenuhi kehendak hukum syarak, manakala jenama Brunei Halal pula adalah sebagai jenama komersial atau tanda perdagangan *(trademark).*

Kekeliruan antara jenama Brunei Halal dengan logo Persijilan Halal Brunei yang dimiliki oleh Majlis Ugama Islam Brunei ini, sememangnya akan ditangani bersama dengan agensi-agensi yang tertentu dan langkah-langkah juga akan dikenal pasti bagi mengadakan satu persijilan halal sahaja baginya dan dibezakan daripada Brunei Halal. Perkara ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan diteliti lebih lanjut lagi bersama dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam Brunei.

Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah sangat dihargai. إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan ada pensejajaran dalam menetapkan hanya satu persijilan halal untuk digunakan.

Ada lagi 2 soalan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, ialah tentang adakah kerajaan membuat cadangan untuk menjenamakan atau *branding* bagi semua produk buatan Brunei secara menyeluruh?

Menyentuh soalan ini sama ada kerajaan akan membuat atau tidak. Jawapannya tidak pada masa ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut Yang Telah Diberi Notis No.21 yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih. Kali kedua kaola berdiri di sini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang kaola akan utarakan ialah produktiviti koperasi dipertingkatkan. Mengikut akhbar "Media Permata" bertarikh 18 Mac 2015 bahawa produktiviti koperasi dipertingkatkan kerana ada beberapa faktor menyebabkan gerakan koperasi di negara ini semakin lemah. Antara lain ialah disebabkan urus tadbir kurang berkesan kerana tidak taratur dan kurang efisien dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti sesebuah koperasi.

Ini boleh diatasi dengan meningkatkan kecekapan urus tadbir produktiviti koperasi dengan mengadakan program latihan dan penyelidikan khusus bagi gerakan koperasi secara berterusan. Melaksanakan program kerjasama dengan koperasi di Malaysia dan beberapa institut di Jepun dan merangka satu projek yang dilakukan oleh pembangunan koperasi di bawah Jabatan BINA.

Saya bertanya sejauh ini apakah tindakan-tindakan yang sudah dilaksanakan terutama sekali kepada koperasi yang dikendalikan oleh persatuan-persatuan belia di negara ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sukacita saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai dengan tindakan yang telah diambil. Setakat ini usaha bagi meningkatkan produktiviti koperasi khususnya koperasi yang dikendalikan oleh persatuan-persatuan belia antara tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan ialah:-

i. Menyediakan program latihan dan pendidikan, khusus dalam koperasi secara berterusan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dalam urus tadbir dan aktiviti perniagaan koperasi termasuklah Koperasi Belia. Antara program latihan dan kursus yang telah dikendalikan ialah penyediaan rancangan perniagaan, asas pengurusan strategik, asas simpan kira dan perakaunan koperasi, tugas dan tanggungjawab Ahli Lembaga Koperasi dan pengenalan juru audit dalaman;

ii. Mengadakan program bersama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Sendirian Berhad (ANGKASA). Dalam program ini pihak ANGKASA telah membawa bersama beberapa koperasi Malaysia dengan produk-produk keluaran masing-masing. Pihak koperasi di negara ini turut diberi kesempatan untuk menjadi ejen bagi produk-produk berkenaan di negara ini. Program ini juga dapat membuka ruang kepada para belia yang terlibat dalam koperasi untuk menambahkan kegiatan perniagaan. Setakat ini hanya satu program sahaja yang telah dijalankan bersama dengan pihak ANGKASA iaitu program *Business Matching* bagi semua koperasi-koperasi di negara ini dan ia tidak mengkhususkan kepada persatuan belia; dan

iii. Pada tahun 2016, pihak kerajaan kini giat merancang beberapa usaha bagi pembangunan koperasi. Ia termasuklah melibatkan koperasi sebagai ahli kepada kumpulan kerja rakan penggerak koperasi bagi

menyediakan program sepanjang tahun. Seperti program *Business Matching* di antara koperasi dan pengusaha-pengusaha kotej, menubuhkan pusat edaran bagi produk-produk koperasi dan kotej penjenamaan koperasi dan program memperkasa koperasi.

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin memberi gambaran sebenar mengenai isu monopoli saham bagi kepentingan individual tertentu dalam sebuah koperasi. Perkara ini nampaknya sudah menjadi kebiasaan dalam beberapa koperasi dalam Bab 26, Akta Syarikat Kerjasama dan Undang-Undang Kecil Koperasi. Ia menyatakan seorang ahli tidak boleh memegang saham lebih daripada 20 peratus jumlah modal saham yang terkumpul dalam koperasi berkenaan.

Walaupun pemegang-pemegang saham ini mungkin memegang tidak lebih daripada 20 peratus jumlah modal saham dan tidak menyalahi akta berkenaan, kadangkala pemegang 20 peratus saham berkenaan dipegang oleh individu tertentu sahaja dan tidak dibukakan kepada orang ramai.

Saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk sama-sama memikirkan apakah koperasi begini digalakkan? Bukankah tujuan awal koperasi ini ditubuhkan dan dihasratkan bagi memberikan peluang kepada rakyat untuk menyertai dalam bisnes koperasi dan bukan untuk kepentingan sesetengah individu sahaja. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar beberapa Soalan Yang Telah Diberi Notis yang dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dan yang telah ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri pun menjawab soalan-soalan yang dikemukakan itu.

Seperti yang kita maklumi bahawa semalam, kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017, maka pada pagi ini saya bercadang untuk meneruskan perbincangan itu lagi dan bagi membolehkan kita membincang dan meneliti Rang Undang-Undang itu satu persatu, maka sekarang saya tangguhkan Majlis Mesyuarat ini dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang majlis ini bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Dalam mesyuarat di peringkat Jawatankuasa yang diadakan pada petang semalam, kita telah selesai membincangkan dan meluluskan Tajuk-Tajuk dari Jabatan Perdana Menteri dan kemudiannya Kementerian Pertahanan. Sekarang kita akan beralih kepada Tajuk-Tajuk seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita membincangkan Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Sebelum itu, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua) ingin menyampaikan mukadimahnya berhubung dengan kementerian yang berkenaan ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Kementerian Kewangan dalam penyediaan Rang Belanjawan bagi Tahun 2016/2017. Kaola berterima kasih atas peruntukan sebanyak $124,944,570.00 yang disediakan untuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan termasuk peruntukan bagi 43 buah perwakilan-perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri bagi tahun ini.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan akan mengamalkan penggunaan peruntukan secara terbaik dalam melaksanakan tugas dan peranannya untuk mendukung dasar dan menjaga kepentingan negara di arena antarabangsa. Yang Berhormat Pengerusi, kementerian juga akan terus berusaha dan menyokong matlamat kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi negara bagi mendukung pembangunan yang berterusan bagi rakyat dan penduduk negara.

Dalam perkara ini, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan akan sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam menyokong dasar ekonomi negara. Kementerian juga akan melaksanakan inisiatif-inisiatif perekonomian serantau dan antarabangsa seperti komuniti ekonomi *ASEAN* dan perkongsian *Trans Pacific Partnership (TPP)* yang ditandatangani pada 4 Februari 2016 di *Auckland, New Zealand* baru-baru ini.

Kedua-duanya ini akan menyokong perkembangan ekonomi negara dalam menarik pelabur asing. Meningkatkan perdagangan dan mewujudkan peluang pekerjaan bagi rakyat terutama belia.

Kaola ingin menyentuh sedikit Yang Berhormat Pengerusi, mengenai Perjanjian *TPP*. Lebih dahulu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan

Perdagangan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kementerian-kementerian yang terlibat secara langsung dalam memberi sokongan dan *input* dan juga menjadi perunding-perunding utama dalam bab-bab atau isu-isu yang di bawah tanggungan mereka.

Ini termasuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, *AMBD*, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Jabatan Buruh, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Biro Mencegah Rasuah, Kementerian Perhubungan, *AITI,* Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan.

Pencapaian Negara Brunei Darussalam dalam menangani Perjanjian *TPP* adalah kerana sumbangan, sokongan dan kerjasama baik yang diberikan oleh pegawai-pegawai kerajaan berkenaan dalam perundingan *TPP* yang dijalankan selama 5 tahun. Perjanjian *TPP* ini merupakan Perjanjian Perdagangan Bebas antara 12 buah negara termasuk Negara Brunei Darussalam.

Ahli-ahli *TPP* mewujudkan pasaran yang terdiri daripada 800 juta penduduk dan gabungan *GDP* sebanyak 40 peratus dari keseluruhan *GDP* Dunia. Apabila perjanjian ini dilaksanakan, iaitu *rectified* ia akan membuka pasaran bagi produk-produk keluaran Negara Brunei Darussalam dan akan menjana pertumbuhan ekonomi dengan membawa manfaat kepada orang-orang kita.

Satu lagi digelarkan Komuniti Ekonomi *ASEAN*, kementerian terus mendukung penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN selaras dengan Wawasan Negara 2035 untuk meningkatkan kemahiran, kualiti hidup dan pendapatan rakyat.

Penghujung tahun 2015, Komuniti Ekonomi ASEAN telah tertubuh. Rantau ASEAN dengan penduduknya seramai 622 juta menjadi satu gabungan ekonomi yang bersepadu. Inisiatif ini berhasrat untuk mewujudkan pembangunan ekonomi yang saksama merapatkan jurang ekonomi ASEAN dan menjana pertumbuhan inklusif melalui dasar-dasar yang menyokong perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana. Yang Berhormat Pengerusi, atas penerangan itu, kaola berharap Rang Peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan 2016/2017 dapat diluluskan. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) atas kenyataan yang telah dibuat itu. Ahli-ahli Yang Berhormat. Di hadapan saya ada senarai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang ingin untuk membahaskan Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

dan Perdagangan II (Kedua). Untuk memulakannya saya sekarang menjemput Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Setelah kita mendengar mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), ini sebagai ulangan yang sejelas-jelasnya. Pada membahaskan Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), kaola sesungguhnya tertarik mengenai *TPP*. Sebanyak 12 negara telah menyertainya, termasuk Negara Brunei Darussalam yang telah ditandatangani pada 4 Februari 2016 di Auckland, New Zealand.

Yang Berhormat Pengerusi. Apa yang kaola dapati bahawa inti pati sepanjang yang kaola ikuti melalui TV Negara jiran Malaysia ialah antara lain:-

i. Kemasukan pelabur-pelabur; dan

ii. Peluang pekerjaan dan lain-lain.

Perkara ini telah diterangkan oleh Yang Berhormat tadi. Sehubungan dengan ini, apakah negara kita sudah bersedia ke arah ini? Sekiranya tidak ada halangan bahawa apa jua kiranya dapat diperjelaskan secara terperinci untuk pengetahuan kita bersama. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Saya silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), atas mukadimah yang telah diberikan. Kaola ada beberapa isu yang hendak ditimbulkan:-

1. Melalui laman web Bahagian Perdagangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Dasar Perdagangan Antarabangsa Brunei, ialah mencari pasaran dan mengenal pasti peluang-peluang perniagaan di luar negara bagi peniaga-peniaga tempatan. Sementara *Key Performance Indicator (KPI)* yang digunakan oleh Bahagian Perdagangan seperti yang tersenarai di dalam buku Jadual Anggaran Hasil Perbelanjaan 2016/2017, ialah jumlah misi perdagangan dan pelaburan yang dikendalikan bagi Tahun Kewangan 2015/2016 sebanyak 15 pameran telah dikendalikan di 6 buah negara.

Bagi tahun-tahun berikutnya, jumlah pameran ditingkatkan kepada 20.

Soalan kaola sejak Bahagian Perdagangan ditubuhkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, pada tahun 2005, berapakah jumlah *bussiness deals* yang berjaya dirundingkan oleh Bahagian Perdagangan antara pengusaha-pengusaha tempatan dengan negara-negara asing?; dan

2. Untuk mengenal pasti peluang-peluang perniagaan di luar negeri bagi pengusaha-pengusaha tempatan, pada pendapat kaola tugas dan tanggungjawab ini akan lebih berkesan jika dijalankan oleh Jabatan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri kerana ia lebih memahami kedudukan pengusaha-pengusaha tempatan, kelemahan, kekuatan serta keupayaan mereka dan seterusnya mengenal pasti, mengetahui dan memahami cita rasa perindustrian yang akan dimajukan di negara ini.

   Dari itu, bagi menjimatkan kewangan kerajaan dan yang lebih penting ialah untuk menjayakan usaha kerajaan menggalakkan *SME* berkembang di negara ini dan di luar negara. Kaola mencadangkan supaya Jabatan Perdagangan dipindah dan disatukan di bawah satu bumbung dengan Jabatan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri. Sementara promosi-promosi perdagangan boleh dijalankan melalui kerjasama antara kedutaan-kedutaan Negara Brunei Darussalam yang berada di luar negeri dengan Jabatan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, kerana telah memberikan penjelasan dengan terperinci mengenai dengan *TPP*. Apa yang ingin kaola tanyakan ialah selain agensi-agensi kerajaan yang telah dilibatkan dalam meneliti *TPP*, kenapa sektor swasta yang akan terlibat dengan secara langsung, tidak disertakan atau tidak dilibatkan sama dalam meneliti *TPP* ? Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mempunyai pejabat suruhanjaya dan kedutaan-kedutaan Negara Brunei Darussalam, beberapa buah negara sahabat dan seterusnya sebagai wakil atau agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola sukacita memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menegaskan kerajaan harus dan perlu agresif menarik Pelaburan Langsung Asing *(Foreign Direct Investment*) dan usaha mempelbagaikan ekonomi. Agensi-agensi yang diper-tanggungjawabkan untuk menarik pelabur asing ke negara ini ialah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Jabatan Tenaga dan Industri, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan dibantu oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Kaola sukacita mencadangkan perwakilan-perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri agar dapat melengkapkan dengan pegawai-pegawai yang bersesuaian dalam bidang perdagangan dan pelaburan. Diharapkan juga agensi-agensi kerajaan di luar negara seperti *Brunei Investment Agency (BIA)* dan juga *Royal Brunei (RB)*, bekerjasama dan berkongsi maklumat perdagangan bagi mengatasi perekonomian Negara Brunei Darussalam dan memainkan peranan dalam mempromosikan perdagangan, pelaburan dan pelancongan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera.

Lebih dahulu kaola mengucapkan penghargaan dan tahniah atas pembentangan mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pengerusi. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan menerusi Jabatan Ekonomi Berbagai Hala memberi sokongan dan memudahkan misi luar Negara Brunei Darussalam dalam perdagangan dan aktiviti promosi pelaburan seperti mengatur, menyelaras aktiviti promosi perdagangan dan pelaburan termasuk penyertaan dalam ekspo antarabangsa, pameran bergerak promosi di luar negara, keluar dan masuk perdagangan dan misi-misi pelaburan.

Soalan kaola:-

1. Selain dari promosi perdagangan minyak dan gas dan aktiviti promosi pelaburan dan perdagangan, adakah boleh lepasan pengajian tinggi yang masih belum mendapat pekerjaan supaya diberi peluang pekerjaan di negara-negara *ASEAN* umpamanya, untuk mengajar Bahasa Melayu atau pekerjaan lain dengan mengadakan memorandum persefahaman secara berkontrak seperti mana juga yang dilakukan pengajaran Bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain oleh orang luar ke negara ini.

Dengan cara ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ selain memberi peluang pekerjaan juga akan memperkembangkan dan memartabatkan bahasa Melayu di rantau Nusantara ini. Selain itu, apabila mereka kembali ke tanah air pengalaman yang diperolehi di luar negara dapat digunakan dalam pembangunan negara ini;

2. Apakah skop bantuan yang dapat diberikan oleh Konsul Agung atau Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara terhadap mana-mana lawatan bukan jabatan atau kementerian, misalannya, lawatan meninjau perusahaan yang berkaitan Satu Kampung Satu Produk bagi rombongan Ahli Majlis Perundingan Mukim atau Majlis Perundingan Kampung ke luar negara?; dan

3. Kaola ingin tahu, berapakah jumlah dan apakah jenis jawatan pegawai dan kakitangan sokongan bagi kedutaan atau perwakilan negara di setiap negeri berkenaan?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Oleh sebab soalan kaola yang pertama ada persamaan dengan soalan yang telah dikemukakan oleh rakan Yang Berhormat sebelum ini, kaola hanya menambah iaitu kaola ingin memberi sokongan atas cadangan supaya Jabatan Perdagangan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dipindahkan ke Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana kaola berpendapat kementerian tersebut lebih arif tentang profil peniaga-peniaga tempatan.

Sementara itu, kaola ingin bertanya mengenai perwakilan-perwakilan asing sama ada yang menetap di negara ini ataupun tidak, adakah mereka mengambil peranan proaktif atas usaha yang kita sedang dan akan usahakan ini? Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sejak perkara mengenai perdagangan menjadi tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, nampaknya perdagangan di negara kitani Brunei Darussalam semakin melebar dalam kalangan

serantau dan antarabangsa. Tahniah diucapkan.

Kaola ada beberapa soalan:-

1. Bagaimanakah peluang dan ruang bagi anak-anak tempatan bersaing dengan pengusaha luar negara dalam perdagangan antarabangsa, sama ada peluang-peluang pelaburan, tender dan sebagainya dalam konsep perdagangan sehala, dua hala dan berbagai hala?;

2. Relevankah jika sekiranya setiap tender yang dikeluarkan oleh negara kita di peringkat antarabangsa, orang luar yang menyertai tender tersebut dimestikan mempunyai rakan kongsi anak tempatan?; dan

3. Adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mempunyai statistik peniaga-peniaga tempatan terutama dalam kalangan bumiputera Melayu yang berpengkalan di luar negara?

Itu sahaja soalan-soalan kaola, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam pemesyuaratan negara pada tahun-tahun lepas, ada antara Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyuarakan mengenai persempadanan dengan negara-negara jiran. Setelah kaola perhatikan dalam imej satelit, ada antara kawasan-kawasan negara kita di sebelah barat itu termasuk dalam kawasan negara jiran kitani. Sebahagian kecil ladang-ladang yang diterokai oleh penduduk-penduduk di negara jiran kitani pun ada termasuk dalam kawasan kitani.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengetahui bagaimanakah kedudukan perkara tersebut pada masa ini?. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Soalan kaola ringkas, apa pandangan *Foreign Investment* tentang kemudahan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dari segi infrastruktur yang terdapat di negara ini seperti sistem perhubungan, perbankan, *culture system* dan kemudahan-kemudahan yang lain?

Tadi sudah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), dengan tertubuhnya Komuniti *ASEAN*, adalah diharapkan negara kita akan dapat merebut peluang ini dengan menggalakkan penduduk negara ini untuk mencari pekerjaan terutama

sekali lepasan universiti baik di dalam dan luar negeri bagi memenuhi hasrat kitani sebagai komuniti *ASEAN*. Terima kasih, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sekarang ingin mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengarkan keterangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah pun membuat pertanyaan-pertanyaan tertentu. Maka dengan itu, saya ingin menangguhkan mesyuarat ini dahulu bagi membolehkan kita berehat dan kita akan sambung semula mesyuarat ini dalam 30 minit yang akan datang.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat di sambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan kita untuk meneruskan perbincangan bagi meneliti Rang Undang-Undang tersebut satu persatu saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسمِ اللهِ الرَّحمٰنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Majlis Mesyuarat sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Sebelum mesyuarat ini ditangguhkan tadi untuk berehat kita telah membahaskan Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Seramai 8 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah membuat kenyataan dan pertanyaan terhadap Tajuk ini.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

II (Kedua) ingin untuk memberikan kenyataan pula terhadap soalan-soalan ataupun perkara-perkara yang ditimbulkan itu.

Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri berkenaan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih atas soalan-soalan, cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh 8 orang Ahli Yang Berhormat dan kaola mencadangkan Yang Berhormat untuk menjawab dan memberi pendapat dalam 4 atau 5 *area* saja.

Perkara yang banyak ditimbulkan ialah berkenaan dengan *TPP*. Awal-awal tadi saya ada memberi sedikit penerangan mengenai *TPP* dan untuk memberi penjelasan yang lanjut mengenai soalan daripada 3 atau 4 Ahli-ahli Yang Berhormat tadi iaitu soalan-soalan berkenaan dengan faedah-faedah, manfaat berkenaan dengan *TPP* dan kaola selajurkan dengan *BIMP EAGA, ASEAN Economic Community 2015* dan *APEC.* Kementerian Luar Negeri dan Perdagangan sudah bertahun-tahun berunding mengenai pertubuhan-pertubuhan tersebut selama ini.

Apa yang sebenarnya perundingan ini, apa hasilnya dan apa pula faedahnya:-

1. Membuka pasaran atau *increase market access*. Kita sedar Negara Brunei Darussalam, hanya mempunyai 400 ribu penduduk. Dalam perundingan-perundingan ini seperti *ASEAN Economic Community*, *population*nya 622 juta, *TPP* bagi 12 negara 800 juta penduduk, *APEC* 2.7 bilion penduduk dan *ARSET* masih lagi dalam perundingan dan jika dipersetujui akan mengandungi 3.4 bilion *population*nya.

   Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdangangan telah ikut serta dalam perundingan-perundingan tersebut membuka pasaran. Pasaran ini adalah seperti 3.4 bilion dibandingkan dengan 400 ribu itu memanglah banyak;

2. Menyokong eksport bukan minyak dan gas. Minyak dan gas penjualannya, promosinya semua sudah teratur dan telah dikendalikan oleh *Brunei Shell Petroleum, BLNG* dan lain-lain. Macam mana kita untuk *diversify* ekonomi kita daripada minyak dan gas ini dan hasrat kita di kementerian ini adalah bagaimana kita menyokong, *how do we diversify our ecomony;*

3. Dalam pandangan-pandangan ini, kita juga melihat dan mempelajari *best practices* iaitu amalan-amalan yang terbaik supaya kita dapat juga berkecimpung di negara-negara luar macam mana kita belajar. Yang penting ialah *Regulatory Best*

Practices kerana pelabur-pelabur ingin melihat praktis-praktis itu;

4. Satu lagi faedah ialah berkenaan dengan *condusive Business and Investment Environment.* Oleh sebab pelabur-pelabur ingin tahu macam mana *predictable* dan dengan ini kita dapat meningkatkan pelaburan yang akan dapat menambah peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan; dan

5. Kita dapat meningkatkan daya saing produk negara, kita *increase competitiveness*, jadi kualiti-kualiti barangan tempatan memenuhi standard antarabangsa bagi membolehkan mereka bersaing di pasaran antarabangsa.

Barangkali soalan-soalan yang banyak diajukan oleh Yang Berhormat, apakah menjadi *members* dalam *TPP* ini selain faedah-faedah apa yang sebenarnya. Jadi kalau mengikut kajian daripada *World Bank* yang diterbitkan dalam bulan Januari 2016, Negara Brunei Darussalam merupakan negara ke 3 yang paling mendapat manfaat daripada *TPP*, selepas Vietnam dan Malaysia.

Dalam anggaran mereka *GDP* ekonomi negara diramalkan akan berkembang dalam anggaran 5 peratus menjelang tahun 2030. Jadi kaola ada salinan mengenai kajian ini dan kaola dapat berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang *interested.* Dengan *detail* apa faedah-faedahnya. Yang Berhormat Pengerusi, saya terangkan kesemuanya berkenaan dengan *TPP, BIMP EAGA dan juga ASEAN Economic Community, ARSEP* dan *APEC*, dan itulah keseluruhan perundingan yang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan laksanakan selama ini.

Soalan kedua, Yang Berhormat Pengerusi, yang ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan promosi perdagangan. Ada 2 ke 3 cadangan supaya Jabatan Perdagangan ini yang dalam Bahagian Promosi dan lain-lain dapat dipindahkan ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kaola ingin menerangkan sedikit apa yang jabatan ini telah buat dan tanggungjawabnya:-

1. *Exposure Brunei products and services to international event*, iaitu pendedahan barangan dan perkhidmatan tempatan kepada acara antarabangsa. Kementerian ini telah membantu syarikat-syarikat tempatan dengan mempromosikan barangan dan perkhidmatan masing-masing di arena antarabangsa seperti ekspo dan pameran. Contoh bantuan yang diberikan adalah seperti memudahkan penyertaan syarikat-syarikat dan penyediaan *booths;* dan

2. Bantuan teknikal dan peningkatan keupayaan. Bantuan daripada pusat-pusat promosi *ASEAN-Japan, ASEAN-Korea* dari segi pakar-pakar teknikal untuk meningkatkan kualiti dan piawaian barangan dan perkhidmatan tempatan, contohnya:-

i. Pembungkusan (*packaging*) daripada pusat promosi *ASEAN-Japan*; dan

ii. Membantu meningkatkan kefahaman untuk menarik lagi pelancong dari pusat promosi *ASEAN-Korea*;

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan telah membuat perundingan dengan agensi-agensi tertentu. Sejak tahun 2011 Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan telah membantu 248 syarikat-syarikat tempatan untuk menyertai 39 ekspo dan pameran perdagangan di peringkat antarabangsa.

Soalan yang seterusnya ialah berkenaan dengan kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan darat antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia. Secara ringkas sahaja, kerja-kerja pembatasan sempadan darat antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia sedang giat dilaksanakan. Dalam usaha ini, pihak Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah bekerjasama dengan baik melalui Jawatankuasa Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan, yang berfungsi membincangkan, menyelaras dan melaksanakan kerja-kerja teknikal sempadan.

Pengukuran dan pembatasan tanah ini dijalankan secara berperingkat-peringkat dan sepanjang sempadan mengikut keutamaan terma rujukan teknikal dan prosedur yang dipersetujui bersama. Ini melibatkan pasukan ukur dari Negara Brunei Darussalam dan Malaysia untuk masuk ke tempat-tempat yang berkenaan di bahagian sempadan dan membuat kerja-kerja pengukuran bersama *joint-survey*, sebelum membuat pembatasan, penandaan sempadan iaitu *joint-remarktation*, ini dijangka akan mengambil masa 5-7 tahun. Dalam hal ini sukacita dimaklumkan, bahawa sehingga kini sebanyak 388 biji tanda batu sempadan telah selesai dipersetujui dan ditanam dengan jumlah jarak sepanjang 16.1 km.

Soalan yang terakhir ialah cadangan supaya kalau dapat *graduates* yang pada masa ini masih menunggu pekerjaan, kalau mereka dapat diambil untuk mengajar Bahasa Melayu di negara-negara *ASEAN*. Ini memanglah cadangan yang baik dan yang sebenarnya sudah berjalan dalam 2 tahun yang lepas dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Saya mengucapkan terima kasih dan kita harap skim ini akan berjalan lancar. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sudahpun mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua). Saya sekarang berpendapat bahawa ada baiknya Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ini kita undi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju

untuk meluluskan Tajuk ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) tidak dapat hadir pada sebelah pagi ini atas urusan-urusan rasmi.

Maka mesyuarat Jawatankuasa segera berpindah ke Jadual seterusnya dan sekarang kita akan membincangkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dari Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Tajuk ini kita bukakan untuk dibincangkan, maka saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin untuk membuat kenyataan mukadimahnya mengenai cadangan belanjawan kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kepercayaan dan sokongan peruntukan bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017 sebanyak $147,395,040.00.

Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada rakan kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) yang telah membentangkan dengan jelasnya peruntukan ini semasa sesi pembentangan Rang Undang-Udang (2016) Perbekalan, 2016/2017. الْحَمْدُ لله dengan usaha-usaha kerajaan yang amat mengutamakan keperluan berhemah dalam keadaan ekonomi yang sungguh mencabar pada masa ini, peruntukan yang diluluskan adalah tepat dan mendukung sasaran yang berhemah.

Izinkan kaola menyampaikan sedikit mukadimah supaya kedudukan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2016/2017 akan lebih jelas. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dari jumlah peruntukan sebanyak $147,395,040.00 peruntukan Gaji Kakitangan adalah sebanyak $94,810,640.00 ataupun 67.57 peratus, Perbelanjaan Berulang-Ulang $45,506,048.00 atau 32.43 peratus dan selebihnya Perbelanjaan Khas iaitu $7,078,352.00. Selaras dengan dasar perbelanjaan berhemah dalam peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara adalah penting bagi kementerian ini untuk memastikan segala perancangan dan strategi yang dilaksanakan menggunakan kaedah *Programme and Performance Budgeting* mengikut keperluan sebenar dan keutamaan yang berasaskan kepada Penunjuk Utama Prestasi atau *KPI* kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Dengan adanya program ini, jabatan-jabatan diharap akan dapat meningkatkan prestasi masing-masing. Misalannya usaha bagi menambah hasil pendapatan dengan mengukuhkan pengurusan dan pemantauan kutipan hasil sekali gus mengurangkan tunggakan hasil dan lain-lain tunggakan. Kita perlu mengambil langkah untuk sentiasa keluar daripada zon keselesaan dengan memberi penekanan kepada ketangkasan bekerja, ketetapan dan keberhasilan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan dan menguatkuasakan undang-undang negara. Penghasilan kerja kita juga perlu berteraskan *outcome* dengan kesan yang signifikan nilai tambah serta peningkatan secara berganda. Adalah diharap inovasi dan kreativiti akan sentiasa menjadi asas warga kementerian ini dalam mempertingkatkan lagi prestasi kerja, kualiti dan produktiviti.

Dalam usaha kementerian ini untuk menuju matlamat Wawasan Negara 2035, beberapa projek telah dikenal pasti berpandukan kepada 6 tema matlamat strategi kementerian. Bidang-bidang yang dikenal pasti merupakan keutamaan dari segi peruntukan, perancangan strategik dan operasional dan ini termasuk penglibatan pihak-pihak yang berkepentingan.

Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah disebutkan antara lainnya boleh dilihat dari sudut kuasa-kuasa tempatan dan perbandaran di bawah Tajuk - SE02A, Tajuk - SE03A dan Tajuk - SE04A. Dan keselamatan dan kesejahteraan di bawah Tajuk SE05A, Tajuk SE10A, Tajuk SE11A dan Tajuk SE12A.

Di bawah Tajuk SE02A, Tajuk SE03A dan Tajuk SE04A iaitu Kuasa-Kuasa Tempatan dan perbandaran sebanyak $62,852,547.00 atau 42.64 peratus daripada jumlah keseluruhan yang dipohonkan bagi tujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan perpaduan rakyat serta penduduk yang melibatkan masyarakat di peringkat akar umbi, memajukan perbandaran dan meningkatkan prasarana yang kondusif bagi perniagaan.

Di bawah Tajuk SE05A, Tajuk SE10A, Tajuk SE11A dan Tajuk SE12A iaitu keselamatan dan kesejahteraan adalah sebanyak $84,542,493.00 atau 57.36

peratus daripada jumlah keseluruhan. Jumlah yang dipohonkan termasuk penguatkuasaan undang-undang, memelihara keselamatan masyarakat termasuk pengawalan keluar masuk warga asing, pencegahan kebakaran, pengurusan bencana alam, memantapkan keupayaan sumber manusia dan pemulihan banduan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil beberapa langkah untuk sentiasa berada pada tahap kesiapsiagaan dan dalam usaha kementerian ini menggerakkan jenteranya, beberapa cabaran telah dikenal pasti. Bagi menghadapinya, kementerian ini menterjemahkan cabaran-cabaran ini kepada peluang-peluang dalam beberapa bentuk inisiatif atau projek-projek yang diutamakan.

Antara inisiatif kementerian ialah meningkatkan *Ease of Doing Business* sebagai langkah berterusan untuk mempermudahkan, memulakan dan menjalankan perniagaan. Kementerian ini bersama Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri telah menyelaraskan bagi pemansuhan Akta Lesen Perniagaan penggal 127, 2015 bagi 7 aktiviti perniagaan yang mana dikuatkuasakan pada 1 Januari 2016. Dengan ketetapan ini, diharap agar para peniaga akan lebih aktif dalam membantu menyumbang kepada mengembangkan perekonomian negara.

Selain *Ease of Doing Business*, dari segi penjanaan ekonomi di peringkat mukim dan kampung, kementerian ini akan terus berusaha meningkatkan keberhasilan Projek Satu Kampung, Satu Produk dengan melaksanakan rancangan meningkatkan 1K1P termasuk pemasaran dari aspek pembungkusan (*packaging*) yang lebih menarik dan juga penghasilan secara skala besar bagi menembusi pasaran tempatan dan luar negara.

Dengan adanya program-program sedemikian ia akan meningkatkan keupayaan masyarakat mukim dan kampung dalam menjana perekonomian masyarakat ke arah sara diri dan bantu diri dan seterusnya bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk setempat.

Di peringkat nasional pula, الْحَمْدُ لله beberapa penambahbaikan bagi meningkatkan tuntutan hasil kerajaan telah pun dilaksanakan. Di antaranya mengkaji semula dasar dan tatacara pelaksanaan cukai bangunan bersama-sama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan seterusnya meneliti semula cukai bangunan agar dapat mengurangkan permasalahan peningkatan dalam jumlah tunggakan cukai bangunan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Di samping membantu negara meningkatkan menjana ekonomi. Kementerian ini juga bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan bagi mengawal keselamatan dan kesejahteraan penduduk secara amnya. Beberapa strategi digunakan untuk

kementerian memperbaiki keselamatan sempadan dan melindungi ancaman-ancaman lain kepada keselamatan kebangsaan, keselamatan ekonomi dan keselamatan awam.

Dalam konteks membantu memantapkan kawalan sempadan, penguatkuasaan undang-undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bergiat aktif, bergerak secara dinamik dan bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan bagi membanteras pesalah imigresen demi keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan negara.

Beberapa strategi bagi meningkatkan keselamatan sempadan termasuk menguatkuasa undang-undang imigresen dengan lebih tegas, memperketatkan prosedur keselamatan di pos-pos kawalan dan koordinasi bersepadu antara jabatan dan membanteras jenayah rentas sempadan dan bekerjasama dengan agensi berkenaan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan *migrant.*

Di samping itu juga, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dengan agensi-agensi lain berusaha untuk menjamin dan mempercepatkan kemasukan pelancong dan peniaga-peniaga kerana ia merupakan pemacu kepada kemakmuran ekonomi negara. Ini terbukti, dengan meningkatnya jumlah pelancong dan peniaga yang masuk ke negara ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh jabatan ini adalah kemudahan pengecualian visa bagi pelancong dari negara-negara *ASEAN* dan juga penggunaan *e-gate.*

Penggunaan *e-gate* ini akan memudahkan dan mempercepatkan lagi proses keluar/masuk *automated border crossing*. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan terus meneliti dan menilai penggunaan pasport biometrik untuk meningkatkan keselamatan sempadan. Dalam konteks membantu keselamatan awam, Jabatan Penjara bertanggungjawab melindungi orang-orang awam dengan menahan penghuni institusi penjara melalui prasarana yang kukuh dan selamat serta menjalankan program-program pemulihan yang disediakan seperti penyediaan infrastruktur dan kompleks penjara yang baharu dan seterusnya memantapkan sistem keselamatan melalui sistem dan peralatan keselamatan yang lebih berkesan.

Jabatan Penjara juga memastikan kesejahteraan bekas penghuni institusi penjara, dengan menubuhkan Program Prabebas dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan atau *stakeholders* yang berkenaan bagi membantu bekas penghuni dalam mendapatkan hala tuju kerjaya setelah dibebaskan.

الْحَمْدُ لله pada masa ini beberapa rakan seliaan iaitu bekas banduan sedang dalam proses pemilihan jawatan-jawatan tertentu melalui kerjasama Jabatan Penjara dengan Jabatan Hal Ehwal Masjid iaitu melalui perkhidmatan kaunseling dan seliaan. Selain membantu menjaga keamanan negara, kementerian ini sentiasa berusaha untuk

meningkatkan dan mengukuhkan kesiapsediaan dan daya ketahanan *(resilience)* kebangsaan melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan *(NDMC)*.

Beberapa program telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesiapsediaan kebangsaan dengan memperkasa individu dan masyarakat untuk menguatkan dan mengekalkan kesiapsediaan mereka sendiri membina dan mengekalkan keupayaan-keupayaan utama kebangsaan. الْحَمْدُ لله program-program yang dijalankan oleh *NDMC* khususnya untuk masyarakat dan orang awam iaitu *Community Base Disaster Risk Management* dilaksanakan sejak tahun 2009 dan *School Base Disaster Risk Management* dilaksanakan sejak tahun 2012 mendapat sambutan yang amat menggalakkan hingga ke hari ini. Agensi ini juga telah mengagihkan Buku Panduan Asas Kecemasan dan Keselamatan Awam kepada orang ramai.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagai sebahagian daripada komitmen kementerian khususnya dalam meningkatkan dan memantapkan keupayaan sumber tenaga manusia dan penjana peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan pelbagai inisiatif telah pun dijalankan oleh Jabatan Buruh dan Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) melalui penggunaan sistem teknologi maklumat yang sedia ada seperti Labour *Control System (LCS)* supaya profil syarikat dan pekerja tersedia dan mudah diakses dan *System Electronic Labour Exchange (ELX)* bagi mempercepatkan *job-matching*. Kedua-dua sistem ini telah diperkenalkan pada tahun 2015 dan akan sentiasa dipantau agar ia selari dengan keadaan semasa.

Di bawah agenda ini juga, beberapa dasar telah diperkenalkan seperti menetapkan peratus pekerja asing mengikut zon bandar dan luar bandar, pembekuan jawatan-jawatan tertentu bagi memberikan peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan dan pemotongan kouta pekerja asing yang tidak digunakan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ *system levy* yang masih di bawah penelitian kementerian ini akan diperkenalkan dengan objektif sistem ini boleh membantu mengawal kemasukan tenaga pekerja asing dan seterusnya memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Dalam memastikan perbelanjaan berhemah dan *value for money,* kementerian ini akan sentiasa memastikan kesemua langkah atau strategi yang dijalankan akan mencapai visi Wawasan Negara 2035. Di samping itu juga, amat penting bagi kementerian untuk membangunkan modal insan secara holistik merangkumi keupayaan sahsiah dan intelektual bagi memandu pemikiran dan perlakuan dalam rutin harian.

Berdasarkan peruntukan ini, kementerian ini akan berusaha sedaya upaya untuk memberikan perkhidmatan cemerlang dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, jabatan dan agensi sentiasa mencapai standard dan kualiti yang ditetapkan dalam memenuhi kehendak dan ekpektasi rakyat khususnya pelanggan-pelanggan kementerian, jabatan dan agensi.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Kita baru sahaja mendengar keterangan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai Tajuk - SE01A hingga Tajuk - SE12A.

Maka sekarang perbahasan dibukakan dan saya menjemput Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas penerangan dan mukadimah yang telah disampaikan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menerangkan keutamaan-keutamaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Belanjawan 2016/2017.

Izinkan kaola untuk menimbulkan kembali mengenai Pelan Induk Bandar Seri Begawan. Pihak-pihak yang berkepentingan menyambut baik dan menaruh harapan tinggi apabila Pelan Induk berkenaan dilancarkan pada tahun 2011 dan adalah dimaklumi pelan induk berkenaan adalah dalam peringkat pelaksanaan.

Memandangkan telah masuk 5 tahun sejak penyiapannya, kaola ingin mengetahui adakah telah dibuat penilaian mengenai kemajuan dan tindakan yang telah diambil dalam mengimplementasi Pelan Induk Bandar Seri Begawan ini. Adakah difikirkan perlu untuk mengkaji semula pelan induk berkenaan dengan mengambil kira keadaan semasa dari segi keutamaan atau prioriti dan perancangan?

Dalam membantu perkembangan peniaga-peniaga kecil adakah termasuk rancangan infrastruktur fizikal dan rangkaian-rangkaian perkhidmatan bagi penempatan yang teratur dan selesa seperti tamu-tamu dan gerai-gerai makanan.

Khusus bagi perumahan Kampung Air, apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengelakkan bencana-bencana kebakaran, kerosakan-kerosakan disebabkan angin kencang dan kerobohan rumah yang berlaku dari semasa ke semasa dan yang bersangkutan dengan kawasan perbandaran masa kini iaitu ke arah mencapai keindahan, kebersihan dan suasana kondusif?

Adakah kerajaan merancang ataupun membuat peraturan yang mengkehendaki supaya setiap kompleks perniagaan mempunyai pegawai atau

agensi khusus bagi pemeliharaan yang bertanggungjawab bagi memastikan keselesaan dan penampilan persekitaran kompleks perniagaan di kawasan perbandaran yang sentiasa terjaga dengan baik dan menarik? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dalam pada masa ekonomi yang tidak memberangsangkan yang dijangkakan akan berlanjutan sehingga beberapa tahun, disarankan supaya semua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil langkah proaktif untuk berjimat cermat. Ini termasuklah dalam mengungkayahkan acara-acara kenegaraan, acara-acara jabatan mukim dan kampung. Misalannya, sambutan Hari Raya cukuplah di peringkat kementerian sahaja, begitu juga Hari Keluarga dan lain-lain. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Kita jemput sekarang Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Jawatan Ketua Kampung, kaola sukacita membangkitkan kekosongan jawatan Ketua Kampung yang kekosongan jawatan tersebut sudah bertahun-tahun tidak diisi, sebagai contoh Kampung Panchur Papan, Kg Panchur Dulit dan Pekan Tutong.

Selain daripada itu, banyak ketua-ketua kampung yang akan mencapai persaraan dan juga yang sudah melebihi usia persaraan. Perkara ini amat merisaukan kerana penduduk kampung tersebut amat sukar berkomunikasi dan mengadu masalah mereka. Sebagai contoh, untuk meminta pengesahan sesuatu permohonan yang memerlukan pengesahan dan tandatangan ketua kampung seperti pengesahan bermastautin, hal ehwal pernikahan, pengesahan permohonan bagi pencen tua dan lain-lain lagi.

Selain itu, penerima-penerima pencen terpaksa mengambil elaun pencen tua mereka ke rumah ketua kampung yang memangku dan kadang-kadang mereka pergi ke ketua kampung yang lain jika jawatan ketua kampung tersebut dipangku oleh ketua kampung yang lain. Kaola ingin bertanya:-

1. Apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh kementerian untuk mengatasi perkara ini?;

2. Dengan Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung yang

baharu, sejauh mana penarikannya kepada orang ramai untuk memohon jawatan Ketua Kampung; dan

3. Adakah kajian yang menyeluruh telah dibuat? Mengapa, orang tidak berminat untuk memohon dan dicalonkan jawatan Ketua Kampung.

Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Daerah Tutong - Cadangan memperluaskan kawasan Pekan Tutong. Kaola pernah menimbulkan cadangan memperluaskan kawasan Pekan Tutong dalam Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2013 yang lalu.

Cadangan untuk memperluaskan kawasan Pekan Tutong telah pun diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Bandaran Tutong sejak 15 tahun yang lalu. Tujuan memperluaskan kawasan ini untuk menjadikan Pekan Tutong bertaraf bandar.

Mengikut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri perkara ini akan dibuat kajian oleh kementerian berkenaan walaupun pelan ini dibuat oleh konsultan swasta.

Kaola ingin mengetahui hasil dari kajian yang dibuat oleh pihak kementerian; dan bilakah cadangan peluasan kawasan Pekan Tutong akan dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu juga, sukacita kaola menarik perhatian Majlis, keluasan kawasan pekan Tutong adalah kira-kira 0.24 kilometer persegi atau 25 hektar yang ada masa ini seperti yang terkandung dalam buku Anggaran Belanjawan 2016/2017. Keramaian kakitangan Lembaga Bandaran Tutong sebanyak 60 orang dengan peruntukan sebanyak $2.3 juta jika dibandingkan keluasan kawasan jumlah kakitangan dan peruntukan kewangan ia tidak seimbang dan jika dilihat secara keseluruhannya kebersihan kawasan bandaran ini masih tidak memuaskan.

Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong - Prasarana dan kemudahan-kemudahan awam Prasarana dan kemudahan awam di kawasan Pekan Tutong masih terabai. Kemudahan-kemudahan awam yang perlu diambil perhatian ialah:-

1. Jalan raya sekitar kedai didapati rosak dan berlubang-lubang;

2. Jalan raya penghubung dengan Jalan Enche Awang, simpang jalan berhadapan dengan Balai Polis Tutong dan melimpasi Sekolah Menengah Chung Hwa Tutong dengan jalan raya besar perlu dinaik taraf dan dilebarkan kerana banyak kenderaan yang menggunakan jalan penghubung ini;

3. Tandas awam di Pantai Seri Kenangan tidak terpelihara;

4. Bangunan rumah kedai lama sebanyak 3 buah di Kampung Petani telah lama tidak digunakan dan ia menjadi *eye-sore* kepada pengunjung ke daerah ini. Pihak yang berkuasa diminta untuk menghubungi tuan punya rumah kedai tersebut dan memberi notis sama ada mereka ingin membangun

semula rumah-rumah tersebut atau sebaliknya; dan

5. Tempat-tempat letak kereta di kawasan Hospital Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dengan Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong perlu dibaiki. Kawasan ini digunakan oleh pengunjung-pengunjung hospital tersebut.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan kaola juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi. Yang Berhormat Pengerusi, ada 4 perkara yang akan kaola utarakan dalam Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri:-

Tajuk SE05A - Jabatan Buruh. Kaola akan menimbulkan 2 perkara:-

1. Mengenai isu ejen pengambilan amah ataupun pembantu rumah. Kaola telah banyak menerima laporan dalam perkara ini mengenai amah atau pembantu rumah yang di datangkan ke negara ini. Ada juga didapati tidak berkualiti dan juga ada penipuan-penipuan daripada ejen-ejen amah. Sebagai contoh, majikan telah membayar semua kos bagi mendatangkan amah tetapi ejen-ejen tidak dapat mendatangkan amah setelah pembayaran dibuat. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Jabatan Buruh untuk menangani masalah ini dalam meringankan beban yang dihadapi oleh majikan?; dan

2. Mengenai pembayaran gaji amah atau pembantu rumah ketika ini ialah $250.00 sebulan. Apa yang membimbangkan kepada majikan-majikan yang memerlukan perkhidmatan amah atau pembantu rumah ada juga kedengaran bahawa gaji amah atau pembantu rumah akan dinaikkan kepada $350.00 sebulan. Kaola ingin tahu akan kesahihannya perkara ini. Bagi majikan-majikan yang benar-benar memerlukan perkhidmatan amah atau pembantu rumah di negara ini, merayu di Dewan yang mulia ini, supaya gaji amah atau pembantu rumah kalau dapat dikekalkan sahaja kepada $250.00 sebulan.

Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong. Yang Berhormat Pengerusi, sukacita izinkan kaola untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kewangan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, atas Anggaran Peruntukan Perbelanjaan 2016/2017 bagi Jabatan Daerah Temburong pada tahun ini

adalah berjumlah $5,140,480.00 atau $5.1 juta.

Juga setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kaola kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Daerah Temburong kerana telah melaksanakan dan menyelesaikan beberapa projek yang dirancang melalui peruntukan tahun lepas antaranya seperti menaik taraf Kompleks Dewan Belalong, Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, membaik pulih Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar dan memasang pagar Tamu Aneka Selera Pekan Bangar.

Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong, kaola akan mengutarakan satu perkara sahaja. Di Dewan yang mulia ini, sukacita untuk kaola mencadangkan bagi diwujudkan Pusat Aktiviti Dan Perekonomian Warga Kampung Daerah Temburong. Pada pandangan kaola adalah bersesuaian diwujudkan Bangunan Pusat Aktiviti dan Perekonomian ini untuk mengembangmajukan sosial ekonomi masing-masing. Dalam perkara ini juga mana-mana kampung yang telah mempunyai balai raya adalah bersesuaian untuk dinaik taraf sebagai Pusat Aktiviti dan Perekonomian.

Di Daerah Temburong terdapat 6 buah kampung yang masih belum mempunyai balai raya atau pusat riadah sosial ekonomi atau pusat aktiviti untuk tempat anak-anak buah kampung berkumpul bermesyuarah.

1. Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Bagi penduduk tetap yang masih menunggu proses hingga 3 ke 4 tahun, bagi diiktiraf sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara pendaftaran di bawah Bab 5(12) Akta Taraf Kebangsaan. Setelah dimaklumkan oleh jabatan yang berkenaan, bahawa mereka lulus mengikut keputusan ujian Bahasa Melayu. Sukacita kaola ingin tahu, mengapa proses ini memakan masa yang lama? Adakah Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) diberikan di dalam perkara ini bagi yang lulus ujian untuk penerimaan sijil kerakyataan; dan

2. Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat. Dengan terbinanya Jambatan Daerah Temburong ke Bandar Seri Begawan, perkembangan pembangunan di Daerah Temburong, landskapnya akan berubah. Seperti yang sudah ada pada masa ini, Bangunan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) telah siap ditempatkan di Kampung Batu Apoi Temburong dan akan menyusul pula nanti Kampus Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan juga dengan bertambahnya pula Skim Rancangan Perumahan Negara yang dibina untuk keperluan penduduk Daerah Temburong.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada pandangan kaola kemampuan anggota Bomba dan Penyelamat dan kelengkapan anggota bomba dan penyelamat belum cukup untuk menangani bencana skala besar Daerah Temburong dengan bertambahnya bangunan dan penduduk.

Soalan kaola, apakah perancangan kementerian untuk menangani isu cabaran ini bagi persediaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Temburong pada masa terdekat dan akan datang, menambah peralatan anggota bomba dan penyelamat Daerah Temburong. Sukacita juga kaola ingin bertanya, apakah ada program galakan kepada anggota bomba dan penyelamat yang sudah berusia 50 tahun ke atas? Sekian Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta tahniah atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Satu Kampung Satu Produk telah pun dilaung-laungkan supaya dapat dipertingkatkan sekian lama, jadi tujuannya untuk diperkasakan tetapi wujudnya belum menyeluruh dan belum sampai kepada tahap yang diharapkan untuk pasaran dalam negeri mahupun di luar negeri. Perlu ada beberapa pembaikan seperti kawalan mutu, peratus kandungan bahan, jangka hayat produk, pembungkusan dan permasalahan mendapatkan logo halal.

Jadi soalan kaola, apakah pelaksanaan seterusnya akan dilakukan oleh pihak berkenaan bagi membantu penduduk-penduduk berkenaan bagi meningkatkan produk mereka dalam Satu Kampung Satu Produk (1K1P)?

Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, merupakan tulang belakang kepada penghulu dan ketua kampung untuk melaksanakan apa juga aktiviti sehingga terangkat dan berjayanya mukim dan kampung tersebut dalam menjalankan berbagai-bagai projek dan aktiviti kemasyarakatan, perekonomian, keagamaan, kesukanan dan lain-lain. Ada antara ahli jawatankuasa ini, berkhidmat aktif secara sukarela mencapai 10 tahun atau lebih dengan tidak kenal jemu. Soalan kaola, adakah perancangan untuk memendekkan masa menjadi ahli jawatankuasa ini dari 5 tahun kepada 2 tahun atau 3 tahun sahaja? Dicadangkan juga supaya ahli jawatankuasa yang berpotensi ini diberikan penghargaan bagi mengenangkan jasa mereka sempena Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) seperti mana juga adanya Anugerah Belia sempena Hari Belia.

Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong. Lebih dahulu diucapkan tahniah ke atas Jabatan Lembaga Bandaran Tutong yang telah banyak melaksanakan pembangunan dan kemajuan di sekitar kawasan. Antaranya pembinaan landskap yang cantik dan bersih, termasuk juga pembinaan kemudahan untuk perniagaan seperti jualan makanan dan minuman, bangunan tamu dan gerai malam semata-mata untuk membantu penduduk untuk berkecimpung dalam bidang perusahaan.

Soalan kaola, adakah perancangan untuk membina atap bagi bangunan gerai malam di tepi Sungai Tutong yang dahulunya adalah bangunan pasar lama supaya bahagian atas tersebut dapat digunakan untuk perniagaan juga?

Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong. Pegawai Pentadbir yang ditempatkan di Pejabat Daerah Tutong sering sahaja bertukar ganti, paling lama pun 2 tahun. Ini menjejaskan pentadbiran Daerah Tutong kerana pengalaman-pengalaman yang diperolehi oleh pegawai-pegawai tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya. Kaola cadangkan supaya mereka ini ditetapkan sekurang-kurangnya dalam 5 tahun agar pengalaman-pengalaman mereka tentang hal ehwal Daerah Tutong dapat digunakan untuk kemudahan di Daerah Tutong.

Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat. Tugas dan tanggungjawab anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat sangat mencabar dan berbahaya, berisiko tinggi menghadapi berbagai-bagai kemalangan dan penyakit kesan toksik semasa memadam kebakaran. Selain itu, mempunyai tugas menyelamat mangsa kemalangan sama ada di darat, di sungai atau di laut. Semua tugas yang disebutkan di atas memerlukan kepakaran dan kecergasan tinggi, misalannya bagi mengangkat peralatan berat, menarik hos, naik bangunan dan lain-lain.

Soalan kaola, adakah kajian untuk mendapatkan statistik jenis penyakit yang dihadapi anggota bomba dan penyelamat sama ada masih dalam perkhidmatan atau yang sudah bersara kerana ada terdapat anggota bomba dan penyelamat yang meninggal ketika masih dalam perkhidmatan. Adakah pemikiran untuk memberikan insentif yang bersesuaian kepada anggota Bomba dan Penyelamat yang masih berkhidmat dan juga kepada balu yang kematian suaminya semasa dalam perkhidmatan? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 3 Tajuk untuk disuarakan iaitu Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait dan Tajuk

SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat. Yang Berhormat Pengerusi. Sebagai makluman kita semua bahawa kejadian kebakaran di hutan dari *Lumut Bypass* hingga membawa ke *Mumong Bypass* telah berlaku dalam beberapa bulan ini. Kejadian kebakaran ini berlaku setiap tahun. الْحَمْدُ لله pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat telah berusaha gigih dan bersungguh-sungguh dalam menangani kebakaran tersebut serta dibantu oleh agensi-agensi kerajaan berkaitan.

Oleh sebab kebakaran ini sering berlaku tiap-tiap tahun, kaola ingin mencadangkan supaya pihak-pihak yang berkaitan bukan sahaja pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dapat menimbangkan untuk mengambil inisiatif menggunakan lagun-lagun yang terdapat di kawasan-kawasan tersebut sebagai sumber mendapatkan air bagi memadam kebakaran yang memusnahkan khazanah hutan negara.

Melalui pengalaman dua tahun yang lalu banyak cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak bomba dan penyelamat iaitu antara lain sukar bagi mendapatkan bekalan air. Oleh sebab lagun-lagun yang kaola sebutkan itu berada jauh dari jalan raya dan tidak mudah diakses, dengan itu dicadangkan supaya kawasan-kawasan yang sering terbakar itu dibanjiri atau *flooded* dengan kaedah membuat saliran kecil *(small canal)* ke seluruh kawasan yang sering terbakar itu.

Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, mengenai Jawatan Penghulu dan Ketua Kampung di seluruh negara, seperti yang disuarakan oleh teman Yang Berhormat tadi, walau bagaimanapun, kaola menambah sedikit iaitu beberapa tahun ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui jabatan-jabatan daerah di seluruh negara telah mengeluarkan iklan-iklan bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung.

Apa yang kaola maklum respons yang diterima kurang menggalakkan dan ada sesetengah jawatan itu diiklankan beberapa kali. Kaola ingin bertanya:-

1. Adakah pihak kementerian membuat penyelidikan? Mengapa-kah kurangnya respons diterima terhadap iklan-iklan yang dikeluarkan itu?; dan

2. Adakah disebabkan syarat-syarat yang dikehendaki bagi mengisi jawatan tersebut terlalu ketat?;

Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Daerah Belait atas pemberian *quotation* kepada Majlis Perundingan Kampung Lumut I dalam pemeliharaan Balai Raya Lumut dan juga sekitar kawasan landskapnya. Kaola berharap *quotation* sedemikian ini dapat dilaratkan kepada kerja-kerja yang lain yang mampu diungkayahkan oleh Majlis Perundingan Kampung yang lain di daerah tersebut dan di daerah-daerah yang lain juga.

Jabatan Daerah Belait juga sebelum ini pernah membina 2 buah rumah untuk orang kurang upaya di Kampung Lumut I. Dalam perjumpaan Ahli Majlis Perundingan Mukim Labi kira-kira pada tahun 2008, mereka mencadangkan supaya rumah jenis yang dibina sedemikian itu dapat dibina di Mukim Labi bagi menempatkan orang-orang yang kurang upaya di mukim tersebut. Jika mereka menetap di mukim mereka sendiri sekurang-kurangnya memudahkan mereka untuk mencari pendapatan dengan cara bercucuk tanam iaitu pekerjaan yang biasa mereka lakukan. Tetapi jika mereka dipindahkan dikawasan bandar akan menyusahkan lagi kehidupan mereka.

Tempoh pemegang Ahli Jawatankuasa Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara, sebelum ini tempoh seseorang itu memegangnya selama 2 tahun, kemudian ditambah ke 5 tahun hingga sekarang. Kaola menyokong cadangan yang disuarakan oleh teman Yang Berhormat tadi supaya tempoh memegang jawatan sebagai Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung itu yang telah dinyatakan oleh teman tadi sama ada dikurangkan sepertiga tahun sahaja. Sekian yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih atas pembentangan belanjawan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri oleh Yang Behormat Menteri tadi.

Kaola dalam perkara ini menyokong usul yang telah dibawakan oleh rakan kaola iaitu Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Pertumbuhan ekonomi dalam kalangan para penduduk kampung dan mukim memainkan peranan yang penting dan sangat signifikan dalam pertumbuhan ekonomi keluarga, masyarakat dan negara secara berterusan. Banyak produk kampung yang berpotensi untuk diperkembangkan seperti kuih-kuih kering, kraftangan, pertanian dan perladangan yang perlu diberikan perhatian. Oleh yang demikian, dalam kesempatan Yang Berhormat Pengerusi kaola ingin mencadangkan supaya keperluan seperti pusat ataupun *one stop center* diperlukan di semua daerah di negara ini agar dapat penduduk-penduduk ataupun kampung-kampung mengeluarkan hasil produk mereka di pusat berkenaan.

Setiap penduduk kampung dan mukim hendaklah juga kitani tanamkan budaya ingin maju dan bersaing dengan sihat agar menjadi masyarakat yang lebih maju dan bertanggungjawab. Perpaduan masyarakat kampung dan mukim adalah sangat mustahak, untuk itu perlu mereka ini didedahkan dan diberikan kemahiran-kemahiran

yang tertentu dalam sama-sama bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan keamanan kampung dan mukim berjalan dengan baik.

Keselamatan kampung dan mukim perlu juga diambil kira dan dipertingkatkan. Jesteru, itu AJK atau MPK keselamatan kampung dan pengawasan kejiranan hendaklah bersikap proaktif dan komited dalam perkara ini. Kaola juga menyokong supaya Majlis Perundingan Kampung yang telah banyak menyumbangkan jasa bakti kepada kampung, daerah, bangsa dan negara akan dapat pengiktirafan daripada pihak-pihak yang berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam kesempatan ini kaola hanya mengongsikan 2 perkara sahaja yang berhubung kait dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu:-

1. Tuntutan cukai pintu yang dikenakan kepada semua bangunan di dalam kawasan Lembaga Bandaran yang telah lama diperkenalkan sejak beberapa tahun dulu sebelum kita mencapai kemerdekaan hingga pada masa kini.

   Cukai dikenakan adalah bertujuan sebagai imbal balik ke atas kemudahan-kemudahan prasarana yang disediakan oleh kerajaan yang terdapat dalam kawasan Lembaga Bandaran. Pada masa ini setelah negara kita mencapai kemerdekaan kemudahan-kemudahan yang sama telah disalurkan ke kampung-kampung pedalaman seperti bekalan air, elektrik, telefon, jalan raya yang berturap aspal, sistem peparitan yang teratur dan pengangkutan sampah yang tersedia tanpa sebarang tuntutan yang cukai dikenakan.

   Dalam hal ini, sebagai membudayakan rakyat sentiasa menghargai segala prasarana yang disediakan di kawasan kampung itu, maka kaola rasa tidak keterlaluan bagi rakyat pedalaman memberikan sumbangan imbal balik dengan dikenakan cukai pintu dengan kadar yang difikirkan bersesuaian. Perkara ini dicadangkan setelah kita melihat tahap kehidupan rakyat dalam bandar dan di luar bandar hampir-hampir seimbang dengan adanya penyediaan prasarana yang telah disediakan oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari semasa ke semasa sekali gus untuk meningkatkan menjana hasil negara pada masa yang akan datang; dan

2. Menyentuh dengan perkhidmatan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di seluruh negara. Kaola mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih atas perhatian yang diambil ke atasnya. Dalam hal yang

sama, kaola juga ingin menyuarakan mengenai ketua-ketua rumah panjang yang sebahagiannya belum ada penggantinya setelah ketua rumah panjang itu bersara disebabkan fakta umur.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola rasa perkhidmatan ketua rumah panjang itu masih diperlukan di sebuah rumah panjang sebagai pemegang adat resam dan juga menjaga hal-ehwal puak Iban yang tinggal di rumah panjang.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Kita jemput Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Kaola hanya menimbulkan satu perkara sahaja.

Pada masa kini kerajaan sedang bergiat memperbaiki kedudukan negara W*orld Bank Ranking Ease Of Doing Business.* Antara usaha yang dibuat ialah mempercepatkan untuk memulakan perniagaan. Ke arah ini tindakan yang telah dibuat ialah untuk menyediakan Lesen Rampaian sebelum memulakan perniagaan di beberapa buah bidang perniagaan. Dalam masa yang sama kaola juga tertarik dengan petunjuk prestasi utama atau *KPI* Jabatan Buruh yang mengatakan peratus majikan dan pekerja yang tidak mematuhi Perintah Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja 2009 ialah sebanyak 90 peratus iaitu satu peratus yang sangat tinggi. Sementara kes majikan dan pekerja yang tidak mematuhi Perintah Kerja 2009 sebanyak 40 peratus.

Di sini kaola hendak menimbulkan 2 soalan sahaja:-

1. Dalam keadaan sesiapa saja yang boleh memulakan perniagaan tanpa mendapatkan Lesen Rampaian lebih dulu, bagaimanakah Jabatan Buruh akan dapat mengawal dan melaksanakan kedua-dua perintah yang kaola sebutkan di atas dan seterusnya berjaya mengurangkan peratus majikan dan pekerja yang tidak mematuhi perintah-perintah tersebut?; dan

2. Berapakah jumlah pendapatan kewangan kerajaan yang diramalkan akan hilang berikutkan daripada tindakan penghapusan penggunaan Lesen Rampaian kepada sejumlah besar bidang perniagaan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi**.** اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan tahniah ke atas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah yang telah disampaikan tadi. اَلْحَمْدُ لله , pergerakan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung begitu aktif menjayakan apa-apa juga sebarang aktiviti bagi menyatu padukan penduduk-penduduk di mukim dan kampung. Seperti mengadakan beberapa aktiviti berkebajikan khusus bagi kampung-kampung seperti pendidikan, keagamaan, kebudayaan, kesukanan dan lain-lain.

Dalam hubungan ini, kaola melihat Peruntukan Belanjawan Tahun 2016 - 2017, Peruntukan yang khusus bagi aktiviti-aktiviti tahun ini ditiadakan. Dalam hubungan ini, kaola ingin mengetahui apa kedudukan peruntukan tersebut.

Tajuk SE05A - Jabatan Buruh. Kaola menyokong cadangan daripada rakan-rakan sejawatan mengenai pembantu rumah.

Dalam hubungan ini, kaola mencadangkan juga terutamanya kepada ejen-ejen yang mendatangkan pembantu rumah supaya apabila menandatangani perjanjian antara majikan dan pekerja hendaklah di hadapan wakil Jabatan Buruh yang pada masa ini mereka hanya menyerahkan borang tersebut kepada majikan dan menyuruh ditandatangani saja, tidak di hadapan pihak Jabatan Buruh. Maka dari sini seperti nampak ada penipuan dan sebagainya, terutamanya tentang pembayaran gaji.

Ada antara gajinya B$300 dan juga B$350. Perkara ini akan dapat diselaraskan bersama dengan pegawai ataupun pegawai yang diamanahkan oleh Jabatan Buruh menangani surat perjanjian ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal dalam Negeri.

Jawatan Penghulu/Ketua Kampung, sebagaimana yang disentuh oleh rakan sejawatan tadi dengan tujuannya masing-masing.

Yang Berhormat Pengerusi, Jawatan Penghulu dan Ketua Kampung merupakan satu institusi tertua di negara ini. Kewujudannya bertujuan menyatupadukan masyarakat setempat dari kalangan pelbagai kaum, agama dan budaya. Jawatan Ketua atau Penghulu Kampung ini amat penting sebagai melambangkan perpaduan, keharmonian dan kedamaian bagi masyarakat seluruhnya. Di samping itu ia sebagai pengantara atau mata telinga

pihak kerajaan sebagai penghubung maklumat antara rakyat dan pemerintah.

Yang Berhormat Pengerusi. Jawatan Penghulu dan Ketua Kampung bagi sesebuah kampung atau mukim dianggap sebagai indung kepada semua penduduk dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk sama ada berhubung dengan pemerintah mahupun masalah setempat seperti mengenai adat, budaya, sosial, keharmonian kampung dan masyarakat setempat.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan adanya perubahan tangga gaji yang baharu bagi jawatan Penghulu dan Ketua Kampung pada masa ini, maka ia merupakan satu jawatan penting yang perlu diisi bagi mana-mana kampung yang masih belum ada penggantinya.

Dengan terisinya jawatan yang kosong ini nanti maka akan lebih memberikan manfaat dan keberkesanan urusan yang bersangkutan dengan kemajuan keharmonian dan keperluan penduduk-penduduk kampong berkenaan.

Untuk makluman, ada antara Jawatan Ketua Kampung yang masih kosong bertahun-tahun lamanya belum lagi diganti atau diisi, hanya sekadar dipangku oleh ketua-ketua kampung dalam mukim berkenaan saja. Ada antara seorang ketua kampung itu diberi tugas memangku 3 buah kampung, selain menjalankan tugas di kampungnya sendiri.

Yang Berhormat Pengerusi, keadaan seperti ini tidak sepatutnya berlaku terlalu lama dan berpanjangan. Jawatan Penghulu atau Ketua Kampung tidak diganti atau diisi kerana setiap mukim dan kampung itu telah ada jawatankuasa masing-masing yang dikenali Jawatankuasa Mukim dan Jawatankuasa Kampung yang telah dipilih bagi menjalankan tugas masing-masing seperti Timbalan Pengerusi, Setiausaha serta jawatan-jawatan lain yang telah pun diiktiraf oleh pihak berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi. Pada pendapat kaola, mereka yang terlibat dalam badan yang berkenaan atau Jawatankuasa Kampung dan Mukim berhak menyuarakan bagi menyelesaikan dan memberi cadangan untuk mengganti jawatan yang kosong supaya ia dapat diisi atau diganti dan tidak memerlukan masa yang terlalu lama. Jawatan Ketua Kampung itu adalah jawatan yang penting.

Umum mengetahui bahawa tradisi pada masa lalu dan terkini, jawatan Ketua atau Penghulu adalah terdiri daripada kalangan lelaki saja di monopoli pihak lelaki. Pada pendapat kaola, mengapa jawatan Penghulu atau Ketua Kampung hanya terdiri daripada kaum lelaki saja. Jawapannya, situasi pada ketika dulu memerlukan tenaga, ketangkasan serta keberanian dalam menyelesaikan sebarang masalah anak buah kampung di bawah pengawasan masing-masing.

Selain itu, perhubungan antara satu kampung ke satu kampung atau dari

satu tempat ke satu tempat tidak seperti yang terdapat pada masa kini, hubungan jalan raya dan telekomunikasi dapat dilalui dengan mudah dan berada di hujung jari dan mengambil masa yang singkat. Semua masalah dapat diselesaikan dengan mudah, cepat dan tepat.

Yang Berhormat Pengerusi. Oleh sebab keadaan sudah banyak berubah, dan sesuai dengan situasi semasa dan keperluan yang memerlukan perubahan lebih canggih, maka kaola mencadangkan supaya jawatan Penghulu dan Ketua Kampung yang masih kosong dibukakan kepada kaum wanita untuk memberi peluang memimpin masyarakat di kampung kerana kepimpinan pada masa ini sudah terbuka dan tidak terhad atau terletak kepada jantina atau pun *gender* seseorang. Yang penting ialah sifat kepimpinan, keluhuran, ilmu pengetahuan, budi bahasa, ketelusan, bertanggungjawab serta mempunyai daya usaha mengikuti perkembangan semasa.

Cadangan ini bertujuan supaya kaum wanita diberi peluang dan sama-sama memimpin masyarakat, sesuai dengan peredaran zaman bahawa ada terdapat kaum wanita menjadi presiden, perdana menteri, menteri dan pegawai daerah. Dan baru-baru ini, di sebuah negara jiran jawatan Penghulu dan Ketua Kampung telah dilantik dari kalangan wanita. Oleh itu, kaola dengan ini memaklumkan ianya satu peralihan dan cabaran pada kaum Adam. Soalan kaola adakah Kementerian bersedia untuk membuka jawatan Penghulu dan Ketua Kampung ini kepada kaum wanita?

Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong. Bangunan pasar tamu telah digunakan sejak beberapa tahun lepas, tetapi kawasan petak tamu (petak tempat berjual) tidak mencukupi kerana ramai penamu yang mengambil bahagian, terutama sekali pada hari Khamis di Pekan Tutong. Untuk memberi peluang kepada penamu-penamu yang belum mendapat tempat pada hari Khamis, makanya dicadangkan ruang pasar yang ada diuntukkan bagi peniaga berjual sayur di ruang yang masih belum digunakan sejak bangunan tersebut diguna pakai. Ia perlulah diubah suai untuk menempatkan penamu-penamu yang belum mendapat tempat.

Yang Berhormat Pengerusi, bagi mengubah suai ruang/bilik tersebut ia memerlukan kewangan perbelanjaan besar. Dari itu kaola memohonkan peruntukan kewangan bagi melaksanakan pengubahsuaian bangunan tersebut.

Soalan kaola Adakah peruntukan Lembaga Bandaran untuk mengubah suai ruangan pasar tamu seperti dicadangkan?

Tajuk SE05A – Jabatan Buruh. Banci Buruh pada tahun lepas iaitu 2015. Pihak Jabatan Buruh telah mengambil langkah yang canggih dengan memberi peluang kepada semua syarikat bagi membuat dan mengemaskini Laporan

Banci Tahunan Tenaga Buruh menggunakan *online E-Government.* Diucapkan tahniah dan syabas kerana ia merupakan satu kemajuan sesuai dengan perkembangan global dan semasa. Dengan erti kata lain, dengan adanya sistem baharu tersebut tidak perlu lagi menggunakan borang (kertas yang pada lazimnya digunakan pada masa-masa lalu), memadailah pihak syarikat memberi satu tanda (slip penerimaan pendaftaran daripada Jabatan Buruh dan dokumen-dokumen dikehendaki) seperti salinan Borang 16, 17 dan Lesen Mengambil dan Menggaji Pekerja-Pekerja Asing *(quota)* dan Jabatan Buruh juga meminta e-mail syarikat masing-masing.

Setelah itu Jabatan Buruh memberi nama pengguna *(username)* dan kata laluan *(password)* syarikat masing-masing untuk memudahkan memasuki laman web Jabatan Buruh.

Setiap syarikat diakses ke jabatan-jabatan yang dikhaskan seperti Jabatan Perkhidmatan Elektrik bagi pendaftaran laman *Web* dan mendapatkan kata laluan saluran *E-Government.* Ini merupakan satu kemudahan bagi semua syarikat tempatan untuk menyelesaikan masalah dengan pihak jabatan-jabatan yang diperlukan. Terima kasih atas tindakan memberi kemudahan kepada semua pihak.

Yang Berhormat Pengerusi. Oleh sebab cara ini satu perkara baharu bagi membuat Laporan Banci kepada Jabatan Buruh makanya berbagai masalah telah dihadapi oleh syarikat-syarikat ketika hendak cuba mengisi data peribadi dan hal-hal syarikat dalam laman *web* berkenaan seperti apa yang dikehendaki oleh Jabatan Buruh. Masalah yang utama ialah laluan *(online)* sentiasa penuh walaupun dicuba pada waktu malam ia masih sukar untuk mendapatkan laluan (*online)* kerana didapati sentiasa penuh. Sistem tersebut mungkin mengalami masalah semasa untuk mengisi maklumat ketika mendaftar dalam laman web tersebut yang menyebabkan tidak ada respons ketika cuba mengisinya.

Yang Berhormat Pengerusi. Oleh itu pada masa akan datang kaola ingin mencadangkan supaya beberapa cara jadual dibuat, sebagai contoh Pejabat Buruh boleh membuat jadual penghantaran menggunakan saluran *online* bagi menerima laporan banci bermula.

Misalnya pada 1 Oktober hingga 31 Oktober bagi syarikat-syarikat yang pekerjanya 100 orang ke bawah pada 1 November sehingga 15 November bagi syarikat-syarikat yang mempunyai 101 orang ke 150 orang pekerja dan 16 November hingga 30 November bagi syarikat-syarikat mempunyai 151 orang pekerja ke atas. Atau Pejabat Buruh bolehlah menerima sementara Laporan Banci 2015 sahaja iaitu laporan biasa bagi syarikat-syarikat pekerjanya tidak lebih daripada 50 orang pekerja.

Cadangan ini bertujuan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat perniagaan mengenai laporan penggunaan tenaga pekerja masing-

masing seperti lazimnya dibuat setiap tahun. Dengan ini juga jabatan berkenaan akan mengkaji semula tatacara penghantaran Banci Laporan Tenaga Pekerja untuk memberi kemudahan, kemanfaatan bersama antara Jabatan Buruh dan syarikat-syarikat seperti yang ada di negara ini.

Soalan kaola, adakah Jabatan Buruh akan mengkaji sistem yang ada supaya kedua-dua pihak iaitu syarikat perniagaan dan Jabatan Buruh sama-sama mendapat manfaatnya seperti tarikh tutup Banci Buruh dapat ditepati iaitu pada kebiasaannya ialah pada 31 November? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar banyak soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Maka saya cadangkan supaya kita tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka untuk mencadangkan supaya Mesyuarat ini kita tangguhkan bagi membolehkan kita berehat sebelah tengah hari. إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan menyambungnya semula pada pukul 2.30 petang nanti. Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan kita menyambung perbincangan kita yang telah pun kita tangguhkan pada meneliti Rang Undang-Undang tersebut satu persatunya dalam Jawatankuasa maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu. Dan Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi, kita sedang membahaskan Jadual Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah membuat kenyataan terhadap Tajuk-Tajuk SE01A hingga SE12A.

Walau bagaimanapun, di hadapan saya masih ada lagi seramai 4 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk turut serta dalam perbahasan bagi Tajuk ini. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ الْحَمْدُ لله di negara ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam banyak menyediakan taman-taman rekreasi dan peranginan untuk beriadah, dan bersiar-siar, tetapi apakah rancangan kerajaan untuk memastikan taman-taman ini sentiasa dalam keadaan baik agar dapat digunakan dengan selesa sebagai misalan Taman Jubli, Bandar Seri Begawan.

Kemudahan-kemudahan di Taman Jubli, Bandar Seri Begawan nampaknya terbiar sahaja dari dulu lagi dan yang hanya nampak dilihat ialah pekerja-pekerja bandaran saban hari membersihkan taman dan sampah-sampah. Daun-daun kering dan rumput-rumpai, tumbuh di sana sini.

Berbeza dengan Taman Peranginan Tasek Lama dibuka hanya pada pukul 6.00 pagi dan ditutup pada pukul 6.30 petang. Taman Jubli dibuka sepanjang hari dan tidak dipagari. Jadi pengunjung bebas ke sana bila-bila masa dan kadang-kadang untuk melepak. Dan bagi pengunjung-pengunjung muda yang selalu berkunjung ke sana

di sebelah petang dikhabarkan oleh pekerja-pekerja bandaran bahawa sehingga pukul 7.00 malam didapati berjurit (berselerak) sampah seperti bekas-bekas makanan, botol-botol air, pontong-pontong dan kotak-kotak rokok dan ada juga yang sampai merosakkan kemudahan-kemudahan di sana. Manakala Taman Peranginan Tasek Lama tidak dibenarkan membawa ke kawasan tersebut seperti makanan, binatang seperti anjing, berbasikal, mandi-manda dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi, latihan bagi pekerja-pekerja tempatan bagi peniaga-peniaga bukan industri minyak dan gas belum lagi dibuat seperti mana pekerja-pekerja minyak dan gas. Kalau reformasi negara probisnes tentu sekali sambutan daripada peniaga-peniaga tempatan dan luar akan banyak sedangkan pekerja-pekerja tempatan belum mendapat latihan penuh dan jumlah pekerja tempatan yang berkhidmat dengan kerajaan sudah berjumlah 63 ribu lebih dan mana lagi Minyak Shell, Penerbangan Brunei dan syarikat-syarikat Brunei yang lain.

Kalaulah perniagaan di negara ini diharapkan untuk menyumbang, macam manakah peniaga-peniaga boleh menguruskan pengeluaran produk jika memperolehi pekerja-pekerja tempatan yang boleh membantu syarikat untuk mengeluarkan produk-produk yang hendak dibesarkan dengan keadaan terlalu ketat pembekalan pekerja yang ada di dalam negeri ini.

Dengan kesulitan mendapatkan pekerja-pekerja tempatan ianya boleh melambatkan pengeluaran dan mengurangkan hasil negara. Negara akan juga rugi disebabkan terlalu ketat bekalan pekerja bagi menaikkan pendapatan, maka fleksibiliti pengawalan kuota patut disesuaikan dengan keadaan masa dan diseimbangkan dengan dasar kerajaan probisnes. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih. Kaola sentuh Tajuk SE02A – Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Yang Berhormat Pengerusi, اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Apa yang kaola suarakan dalam Dewan yang mulia ini mengenai Tajuk ini tidaklah bererti kaola merentas sempadan hanya mengulangi iaitu Pelan Induk Bandar Seri Begawan. Kaola sesungguhnya tertarik mengenai Pelan Induk Bandar Seri Begawan seperti yang tersiar di akhbar "Media Permata" bertarikh 28 Januari 2011 dan diserapkan kepada Pengerusi Lembaga Bandaran BSB.

Dalam pelan tersebut menjadi peta jalan perancangan dan pelaksanaan kemajuan dalam kawasan bandar dalam

jangka sederhana dan panjang yang lebih terancang, terarah dan tersusun seperti mana kata-kata Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi, Bandar Seri Begawan adalah sebagai sebuah ibu kota yang menjadi tempat yang selamat dan selesa, menjadi kebanggaan iaitu ibu negeri sebuah negara Islam dengan pemerintahan beraja dengan falsafah kenegaraan Melayu Islam Beraja (MIB). Berdasarkan apa jua yang terkandung dalam perancangan tersebut, tambahan pula kawasan Bandar Seri Begawan ini sudah besar, sesuai dengan perubahan masa maka saya berpendapat bahawa Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan supaya dinaikkan tarafnya kepada Majlis Perbandaraan Bandar Seri Begawan yang mana nama ini saya pernah timbulkan pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Yang Keempat Majlis Mesyuarat Negara. Ini untuk membezakan dari segi nama antara Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria begitu juga Lembaga Bandaran Tutong. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kenyataan yang dibuat oleh rakan saya sebentar tadi kurang lebih juga apa yang saya akan kemukakan ini.

Pada 1 Februari tahun ini, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dengan kerjasama Jabatan Perancang dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) telah mengendalikan satu seminar bertajuk Pelaksanaan Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan bagi mendedahkan dan menerangkan tentang garis panduan perkongsian awam *Publics Private Partnership.* Kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak berkenaan atas semua usaha yang telah dilaksanakan bagi mencapai matlamat Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan. Seperti yang kaola telah difahamkan antara projek yang telah dilaksanakan dan dalam perancangan ialah seperti projek merintis menaikkan taraf Kampung Air. Di Kampung Lorong Sikuna, Mukim Peramu yang siap pembinaannya pada 10 Julai 2012.

Ia juga merupakan inisiatif Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah mencantikkan dan mengindahkan lagi persekitaran Kampung Air dengan pembinaan rumah-rumah moden yang kukuh dan teratur. Kita menjunjung kasih atas kurnia inisiatif ini yang dapat mengindahkan dan meningkatkan lagi imej dan ekonomi di Kampung Air.

Satu projek yang saya difahamkan sedang dalam penilaian untuk dilaksanakan ialah Projek Pembangunan Bersepadu yang melibatkan 12 buah rumah kedai di Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Bangunan Pusat Komersial Bumiputera dan Bangunan Letak Kereta Bertingkat, Jalan Cator. Izinkan kaola mengajukan beberapa persoalan berkaitan dengan Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan. Apakah pihak berkenaan merancang untuk memperluaskan projek rintis menaik taraf perumahan ke kampung-kampung dan mukim-mukim di Kampung Air?

Kaola berpendapat bisai lah projek diperluaskan lagi ke kampung-kampung lain di Kampung Air kerana ia bertepatan dengan matlamat untuk menjadikan Bandar Seri Begawan sebuah Bandaraya Dalam Taman yang mempunyai pembangunan dan prasarana yang teratur dan bersih.

Musibah kebakaran yang terjadi di Kampung Air baru-baru ini menunjukkan kita perlunya pengubahsuaian susun atur rumah-rumah di Kampung Air untuk difikirkan semula bagi menyediakan persekitaran kediaman yang lebih selamat dan kondusif untuk orang-orang yang tinggal di Kampung Air.

Bandar Seri Begawan pada masa ini merupakan ibu negara kita yang nampak lesu dan lengang kerana kurangnya kegiatan perekonomian dan pengunjung ke sana. Mengapakah kita tidak mengambil contoh perkembangan dan penstrukturan bandar di negara-negara lain dengan membuka dataran pejalan kaki yang dapat digunakan untuk pelbagai kegiatan dan mengubah suai rumah-rumah kedai yang ada agar ia akan dapat menarik lebih ramai pengusaha untuk membuka perniagaan mereka di Bandar Seri Begawan dengan mengekalkan keadaan luaran asli bangunannya sebagai nostalgia dan ristaan sejarah awal Bandar Brunei.

Kaola berharap projek pembangunan bersepadu yang sedang dirancang akan dapat membuahkan idea-idea pembangunan yang mampu untuk mengubah keadaan Bandar Seri Begawan daripada bandar yang lesu dan lengang kepada sebuah bandar yang menarik. Sekianlah sahaja Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertanyaan-pertanyaan ini, ada kaitan dengan Tajuk SE11A - Jabatan Penjara. Adalah dijangkakan bahawa sebahagian daripada pegawai penjara akan ditugaskan untuk melaksanakan

hukuman ke atas pesalah-pesalah yang dihukum di bawah Akta Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Seperti pesalah-pesalah yang dihukum sebat, pesalah-pesalah yang dihukum rejam dan sebagainya.

Soalan-soalan kaola, sudahkah disediakan pegawai-pegawai penjara untuk tujuan-tujuan yang kaola sebutkan tadi? Adakah mereka itu sudah diberi kursus dan latihan tertentu mengenainya? Sudahkah Jabatan Penjara menyediakan tempat khusus yang akan dilaksanakan hukuman rejam ke atas pesalah-pesalah zina menurut Akta Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Jika sudah ada, adakah ia berdekatan dengan bangunan penjara atau tempat lain yang bersesuaian?

Pertanyaan-pertanyaan kaola ini merupakan antara persediaan-persediaan yang diperlukan sebelum dikuatkuasakan Akta Kanun Hukuman Jenayah Syariah mengenai kes-kes hudud dan qisas. Sekian. وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ ٱلْأَنْبِيَاءِ وَٱلْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

رَبِّ ٱشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَٱحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi barangkali kaola yang terakhir bercakap pada mulanya kaola tidak akan bercakap pada hari ini dalam Tajuk ini. Tetapi oleh sebab terlalu banyak yang bercakap perkara-perkara dalam Tajuk ini, maka kaola pun turut untuk bercakap.

Bandar Seri Begawan. Beberapa tahun lalu ada projek kementerian untuk membuat Bandar Dalam Taman dan dilaksanakan dari satu tempat ke satu tempat dengan tanaman bunga-bungaan. Tetapi nampaknya projek itu bukan gagal barangkali tetapi timbul tenggelam, ada pokok bunga yang tumbuh, ada yang mati, ada yang kering dan terbiar. Kaola mencadangkan supaya projek itu berjalan terus dan pokok-pokok bunga itu dijaga, dibaja dan lain-lain. Mudah-mudahan cita-cita untuk membuat Bandar Dalam Taman itu akan berjaya. Jangan tinggal cakap saja. Nanti kata orang bercadang tapi tidak dilaksanakan.

Yang Berhormat Pengerusi, ini barangkali berat sedikit. Di daerah-daerah ada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dan ada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, tetapi sayangnya Majlis Perundingan Kampung ini banyak yang tidak aktif menjalankan tugas sehingga ada yang 'tidur' seperti dalam peribahasa, tetapi ada juga orang yang aktif, jamuan belanja ia sendiri beri, dalam jamuan ada makan, dalam makan ada *envelope*, dan belum ada fulus (wang). Itu orang yang aktif. Sekiranya semua perkara aktif ini ada berlaku, tentulah cita-cita

Majlis Perundingan Kampung itu akan berjaya. Kalau hanya satu mukim dalam satu negeri membuat sedemikian rupa, tentulah tidak akan berhasil.

Apa yang kaola mahukan, agar Majlis Perundingan Mukim dan Kampung itu diperbaiki dan ditangani dari semasa ke semasa oleh pihak-pihak yang berkenaan dengan baik. Mudah-mudahan cita-cita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang aman makmur akan dapat dicapai. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar maksud kenyataan yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya percaya bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin memberikan penerangan-penerangannya mengenai perkara-perkara yang telah ditimbulkan dan perlu dijelaskan. Maka saya sekarang ingin memberikan kesempatan ini kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membuat responnya. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Lebih dahulu, kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, cadangan dan juga pertanyaan-pertanyaan mengenai Tajuk-Tajuk peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam pemerhatian kaola, ada beberapa Ahli Yang Berhormat mengemukakan perkara atau pertanyaan atau isu yang sama, maka kaola berharap untuk menjawab sekali sahaja mengenai perkara-perkara yang dikemukakan itu. Mana-mana yang dapat kaola jawab hari ini akan kaola jawab dan jika memerlukan penelitian, akan kaola teliti.

Soalan pertama dari Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan, yang juga ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat lain. Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan ini mencadangkan berbagai-bagai projek untuk dilaksanakan di bawah 4 projek mangkin atau *catalyst project* dan dalam 5 kawasan pertumbuhan atau *growth areas* Bandar Seri Begawan oleh pihak kerajaan dan juga swasta termasuk yang boleh dilaksanakan melalui kaedah *public private partnership* (*PPP*).

Pada masa ini, kita dapat menyaksikan beberapa projek yang dibiayai oleh kerajaan sedang giat dilaksanakan oleh agensi kerajaan di kawasan Bandar Seri Begawan seperti jambatan yang menghubung Kampung Sungai Kebun dengan Jalan Residency, pembesaran Jalan Residency Fasa 2, dua buah *interchange* iaitu *interchange* Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Jalan Pengiran Babu Raja dan *interchange* Jalan Gadong Lebuh Raya

Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Jalan Telanai.

Projek pemangkin Regenerasi Ekokoridor bagi kawasan Sungai Kedayan dan Kuala Sungai Kedayan hingga Jambatan Edinburgh yang bertujuan untuk mencantikkan dan mengindahkan kawasan berkenaan sedang dilaksanakan pada masa ini. Kalau kitani berjalan melintasi Jambatan Edinburgh, dapat dilihat kerja-kerja penimbukan tanah sedang dijalankan.

Untuk menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat tengah hari tadi yang mahu tempat pejalan kaki, إِنْ شَاءَ اللَّهُ tempat ini boleh nanti akan memberikan kemudahan untuk orang berjalan kaki dan berekreasi.

Kerja mengorek Sungai Kedayan *(Dredging Works)* bagi Zon A telah bermula pada bulan Januari 2016 dan dijangka siap pada bulan Julai 2016. Projek Regenerasi Sungai Kedayan Menimbuk dan Menambak dari Kuala Sungai Kedayan ke Jambatan Edinburgh iaitu *Design and Build* telah bermula pada bulan Januari 2016 dan dijangka akan siap pada bulan Mei 2018. Projek Regenerasi Sungai Kedayan menimbuk dan menambak bukan sahaja akan dapat meningkatkan kecantikan dan keindahan kawasan berkenaan malah akan menyediakan perkara-perkara berikut:-

1. Penimbukan dan pembinaan dinding sungai dari Kuala Sungai Kedayan bermula di kawasan sebelah komersil Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah hingga ke Jambatan Edinburgh; dan

2. Kemudian, *promenade* sepanjang kawasan yang ditambak yang boleh digunakan bagi maksud riadah termasuk berjalan kaki, joging dan berbasikal.

Projek Regenerasi Sungai Kedayan akan menyediakan zon pembangunan. Kemajuannya akan menghidupkan suasana Bandar Seri Begawan dengan memberikan peluang bagi pembangunan infrastruktur dan kemajuan perdagangan dan ekonomi setempat. Adalah dihasratkan pembangunan infrastruktur akan melibatkan pihak pelabur swasta tempatan dan asing melalui *PPP*.

Perancangan pembangunan dibahagikan kepada 3 zon. Salah satu zon dikhususkan bagi pelabur swasta tempatan manakala 2 zon lagi adalah pembangunan *mixed development* seperti bangunan komersial, kediaman, pejabat dan sebagainya.

Di samping projek *PPP* yang baharu dinyatakan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dengan kerjasama pelbagai agensi yang berkepentingan sedang merancang dan melaksanakan projek *PPP* dalam beberapa kawasan pertumbuhan Bandar Seri Begawan iaitu projek yang sedang dalam penilaian untuk dilaksanakan di bawah *PPP* adalah projek pembangunan bersepadu yang melibatkan:-

1. 12 buah rumah kedai di Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, bangunan Pusat Komersial Bumiputera dan Bangunan Letak Kereta Bertingkat di Jalan Cator;

2. Menaik taraf Gerai Tamu Selera di Jalan Dato Taib;

3. Resort Hotel dan Destinasi Restoran di Kampung Air; dan

4. Pembangunan *mixed development* di Kampung Menglait Zon D iaitu Ekokoridor Sungai Kedayan.

Pelaksanaan projek-projek yang dirancang sama ada melalui pihak kerajaan atau pihak swasta memerlukan kerjasama padu dan jitu dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta dan kaola penuh percaya dengan kerjasama semua pihak yang berkepentingan, projek-projek yang dicadang dalam Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan akan dapat dilaksanakan.

Dalam hubungan ini, kaola ingin menyatakan bahawa memang benar implementasi yang dibuat bagi Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan ini dinilai dari semasa ke semasa akan dikaji bagi tujuan:-

i. Untuk menilai kesesuaian projek yang akan dilaksanakan;

ii. Kaedah pelaksanaan projek yang dicadangkan;

iii. Keberkesanan projek di tempat yang dicadangkan; dan

iv. Ketetapan masa atau time projek yang akan dilaksanakan.

Sebagai contoh projek *Eco-Corridor* Sungai Kedayan. Perubahan kepada projek ini telah dicadangkan di kawasan yang akan ditimbuk dan ditambak bukan sahaja digunakan bagi tujuan riadah malah aktiviti pembangunan dan perekonomian.

Soalan keempat, mengenai perkembangan dan kemajuan Kampung Air. Kaola sukacita memaklumkan bahawa rancangan ini juga sedang diteliti semula bagi meneliti akan kesesuaian rancangan asalnya iaitu Pembinaan Perumahan di Kampung Air Fasa 2. Setelah diteliti kita akan melihat akan kaedah konsep pembinaan rumah di Kampung Air, fokus kepada aktiviti-aktiviti perekonomian di Kampung Air, yang boleh menjana pekerjaan dan pendapatan kepada penduduk Kampung Air.

Mengenai agensi pemeliharaan adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa ini sedang meneliti bagi memperkenalkan *Central Management Policy*. Dengan adanya *Central Management Policy* akan menghendaki pemilik-pemilik bangunan dan kompleks untuk bersatu dan menubuhkan satu pengurusan bagi mengawal dan mengurus hal ehwal kesejahteraan bangunan berkenaan termasuk hal-ehwal

pemeliharaan, keselamatan dan kebersihan.

Isu mengenai bangunan-bangunan yang terletak di kawasan Kampung Air ia dikawal melalui Akta Kesalahan Kecil Bangunan-Bangunan di Kampung Air iaitu:-

1. Pembangunan Rumah-Rumah di Kampung Air adalah mengikut garis sukatan Akta Kecil Berkaitan Dengan Kesalahan berhubung dengan bangunan-bangunan Kampung Air yang memperuntukkan jarak antara rumah ke rumah adalah dalam 20 kaki. Perkara ini mengambil kira dalam pencegahan merebak api kebakaran akan tetapi rumah-rumah yang ada dari dahulu lagi tidak menepati garis sukatan ini dan hanya dapat dilaksanakan pada pembangunan baharu;

2. Berhubung dengan isu rumah usang dan roboh. Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama penghulu dan ketua kampung pada masa ini aktif dalam melaksanakan penelitian dan penilaian mengenai jumlah dan punca rumah tersebut. Ini termasuk melaksanakan Banci Penduduk dan perbincangan bersama pemilik rumah untuk mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian sama ada untuk meroboh atau pun diperbaiki; dan

3. Pengurusan risiko bencana bagi jangka masa pendek. Beberapa program peningkatan kapasiti, projek sedang dilaksanakan di mukim-mukim dan kampung-kampung di seluruh negara. Antaranya Program Pengurusan Risiko Bencana di peringkat masyarakat dan sekolah. Program ini mengandungi taklimat mengenai bencana, tatacara risiko dan tindakan untuk mengurangi risiko oleh orang awam dan penduduk sekolah secara am.

   Program ini melibatkan pelbagai agensi yang berkepentingan untuk memantapkan kualiti penyampaian mengenai berbagai-bagai jenis risiko bencana alam dan buatan manusia seperti agensi daripada Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan, Jabatan Kaji Cuaca, Kementerian Perhubungan dan sebagainya.

Kaola sekarang beralih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Bukan soalan sebenarnya tetapi saranan supaya kementerian dan jabatan akan berjimat cermat dalam menganjurkan acara-acara dan majlis-majlis di peringkat mukim, daerah dan nasional. Kaola menyambut baik saranan dan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat selaras dengan tema Peruntukan 2016/2017 bagi berjimat cermat dan berhemah.

Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Mengenai jawatan Ketua Kampung dan Penghulu Mukim. Ada jawatan-

jawatan ini yang tidak dapat diisikan dan ada juga persoalan mengenai umur, usia pemegang-pemegang jawatan yang sudah melimpasi atau hampir kepada persaraan. Perkara ini juga telah disuarakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola akan menjawab merangkum jawapan ini dari pertanyaan yang dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Apa yang dikemukakan adalah mengenai pengisian jawatan-jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung serta hal-hal yang berkaitan dengan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Bagi tujuan ini kaola akan memberikan sedikit penjelasan mengenai skim perkhidmatan tersebut dan kedudukan perisiannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tujuan dan matlamat Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang baharu ini adalah untuk mempertingkat, mengukuhkan dan memantapkan lagi martabat, kualiti kepimpinan dan keberkesanan teras kepimpinan akar umbi dalam memupuk semangat kewarganegaraan dalam mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mengapakah Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang baharu ini diperkenalkan. Antara sebab-sebabnya ialah peranan tugas dan tanggungjawab penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung pada masa ini yang semakin besar, mencabar dan bukan sahaja hanya menjaga hal-ehwal kebajikan, kesejahteraan, pemedulian anak-anak buah kampung, malahan merangkumi perkara-perkara yang berhubung kait dengan perpaduan, keamanan, keselamatan, permasalahan, perkembangan serta kemajuan mukim dan kampung di bawah jagaan masing-masing yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Peranan penting yang dimainkan oleh Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai perantara dua hala sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan dengan penduduk-penduduk mukim dan kampung bagi sama-sama mengawasi kepentingan, keharmonian dan keselamatan mukim dan kampung. Ia juga bertujuan meningkatkan lagi semangat dan motivasi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dalam melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab sebagai pemimpin akar umbi, yang sentiasa sahaja terdedah dalam berbagai-bagai keadaan dan cabaran tanpa mengira waktu dan masa.

Ia juga bertujuan meningkatkan dan menekankan ciri-ciri kewibawaan dan daya kepimpinan yang tinggi serta mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang murni, yang memerlukan

pengetahuan dan pengalaman yang luas dari aspek pengendalian dengan anak buah mukim dan kampung, serta aktif membuat perancangan dan pelaksanaan mengenai hal-ehwal kemasyarakatan dan juga bagi mempertingkatkan imej dan status penghulu mukim dan ketua kampung sebagai pemimpin akar umbi yang berwibawa.

Antara perubahan-perubahan dan penambahbaikan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang baharu ini, dibanding dengan Skim Perkhidmatan 1998. Skim ini lebih komprehensif, ia menyediakan satu sistem pengurusan dan pentadbiran yang akan mengawal dan memantau hal-ehwal yang berkaitan dengan perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang lebih lengkap.

Satu aspek pembaharuan yang juga diperkenalkan dalam Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung yang baharu ini, adalah skim perkhidmatan secara berperingkat dengan kenaikan pangkat tertentu mengikut syarat-syarat yang disediakan.

Sememangnya, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung diaturkan, diberi peluang untuk memangku dan menjalankan tugas Penghulu Mukim atau Ketua Kampung dan antaranya ada juga terdapat dalam kalangan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung yang diaturkan bagi tujuan ini. Oleh yang demikian, persoalan yang ditimbulkan kemungkinan tidak ada Penghulu Mukim atau Ketua Kampung yang tidak dapat memberikan sebarang pengesahan atau *endorsement* yang diperlukan oleh anak-anak buah kampung seharusnya tidak timbul, kerana mereka yang diberikan kebenaran untuk memangku ini diberi kuasa untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab berkenaan.

Sejak skim perkhidmatan yang baharu ini diperkenalkan, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui jabatan-jabatan daerah sedang giat mengusahakan bagi pengisian kekosongan jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Pengiklanan kekosongan jawatan mengikut Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang baharu telah dilaksanakan secara serentak bagi keempat-empat daerah pada 5 September 2015 dan ditutup pada 7 Oktober 2015, dengan 7 jawatan Penghulu Mukim dan 34 jawatan Ketua Kampung yang telah diiklankan. Jadi termasuklah jawatan Penghulu Mukim Tutong. Ketua Kampung Rambai, Ketua Kampung Merimbun, Ketua Kampung Panchor dan Ketua Kampung Danau bagi Daerah Tutong.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengisian kekosongan jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung berdasarkan kepada syarat-syarat lantikan dalam skim yang baharu ini. Hasil penelitian setakat ini, ada antara calon-calon yang dicalonkan tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti, kelayakan akademik, umur dan sebagainya.

Dalam pada itu, ada juga yang tidak ada pencalonan diterima bagi

mengisikan jawatan-jawatan berkenaan. Bagaimanapun adalah terlalu awal untuk membuat perubahan kepada skim yang baharu ini kerana ia hanya baharu diperkenalkan. Oleh itu, pihak kementerian akan mengambil berat dan mematai-matai akan pengisian jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang kosong, agar tidak menjejaskan perjalanan pentadbiran dan pengurusan mukim.

Dalam pada itu, pihak kementerian bersama jabatan-jabatan daerah telah juga mengambil inisiatif melalui *talent scouting* bagi mengenal pasti penduduk mukim dan kampung sebagai calon-calon yang boleh dipertimbangkan bagi dicalonkan ke jawatan-jawatan berkenaan.

Menyentuh mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, mengenai cadangan bagi jawatan Penghulu Mukim atau Ketua Kampung dalam kalangan kaum wanita, seperti mana yang digariskan dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang baharu hanya mempersyaratkan kepada lelaki sahaja.

Kemudian, kaola beredar kepada soalan mengenai dengan Lembaga Bandaran Daerah Tutong. Soalan yang pernah dikemukakan dalam Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2013, bagi memperluaskan kawasan bandaran Tutong supaya bertaraf bandar. Cadangan bagi peluasan kawasan lingkungan Lembaga Bandaran Tutong telah pun dibincangkan semenjak beberapa tahun yang lalu.

Pada tahun 2006 satu Jawatankuasa *Task-Force* telah ditubuhkan bagi meneliti cadangan-cadangan kawasan baharu untuk memperluaskan kawasan Lembaga Bandaran Tutong yang ada masa ini. Terdapat beberapa cadangan peluasan kawasan telah pun dihadapkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Majlis Lembaga Bandaran Tutong. Jadi pihak kementerian mendapati terdapat beberapa perkara yang perlu dihalusi dalam cadangan tersebut.

Cadangan daripada Lembaga Bandaran Tutong ialah untuk membesarkan kawasan Lembaga Bandaran Pekan Tutong sebesar 62 kali ganda keluasannya dari yang ada sekarang. Setelah penilaian dibuat, terdapat keperluan untuk cadangan-cadangan berkenaan diperhalusi mengikut perkembangan semasa dan juga mengambil kira pertumbuhan pada masa akan datang.

Mengenai tanggungjawab untuk memelihara kebersihan dan keindahan di persekitaran kawasan Lembaga Bandaran Tutong bukanlah dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Bandaran Tutong sahaja.

Terdapat beberapa agensi kerajaan lain yang memainkan peranan masing-masing dalam sama-sama menjaga kualiti kebersihan dan keindahan persekitaran Pekan Tutong, seperti Jabatan Alam Sekitar, Taman dan

Rekreasi. Dalam hubungan ini perbincangan dan kerjasama antara jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan memang sentiasa diadakan dan terus dipertingkatkan bagi sama-sama menjaga imej kebersihan dan keindahan Pekan Tutong.

Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad, perkara yang berkaitan dengan Jabatan Buruh iaitu pembantu rumah. Sejak penguatkuasaan perintah agensi pekerjaan 2004 pada tahun 2012, Jabatan Buruh telah melesenkan para agensi pekerjaan yang pada masa ini sebanyak 81 agensi pekerjaan telah dilesenkan. Walau bagaimanapun, masih juga terdapat individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang bergiat tanpa lesen.

Antara tindakan yang boleh diambil oleh Jabatan Buruh adalah untuk menjalankan siasatan ke atas individu-individu tersebut. Jabatan Buruh juga mengambil tindakan operasi termasuk melaksanakan operasi pemeriksaan, pembekuan lesen agensi dan pembatalan lesen agensi yang melanggar Perintah Agensi Pekerjaan 2004. Ini termasuklah tindakan pendakwaan di mahkamah ke atas agensi atau individu berkenaan.

Mengenai soal pembayaran gaji iaitu gaji minimum bagi gaji amah, Jabatan Buruh belum pernah mengesahkan mana-mana gaji minimum daripada satu-satu negeri dan berpendapat gaji adalah sepatutnya ditentukan mengikut pasaran atau *market force* di antara pekerja dan majikan. Kaola akan terangkan ulasan daripada Jabatan Buruh terhadap isu gaji minimum yang ditetapkan oleh negara-negara penghantar. Pertama, Negara Brunei Darussalam belum ada mengamalkan dasar gaji minimun, ini termasuklah juga pekerja tempatan dan pekerja asing. Pada masa ini tidak ada kadar gaji minimun yang ditetapkan.

Sebarang hal-ehwal pekerjaan, pekerja itu bekerja sama ada ia pekerja tempatan mahupun pekerja asing hendaklah ditentukan oleh undang-undang negara dia bekerja. Bagi tujuan ini Jabatan Buruh telah mengeluarkan siaran akhbar untuk makluman orang ramai pada 1 April 2015.

Mengenai cadangan bagi Pusat Aktiviti Perekonomian, sememangnya perkara inilah perkara yang baik dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ cadangan ini akan diteliti kerana ia juga melibatkan perbelanjaan yang besar. Walau bagaimanapun, pada masa ini kaola ingin menyarankan supaya pihak-pihak yang berkenaan iaitu kampung-kampung yang belum mempunyai balai raya atau tempat-tempat, mereka dapatlah melaksanakan aktiviti-aktivitinya untuk menggunakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada secara berkongsi.

Kemudian soalan mengenai penduduk tetap iaitu seorang penduduk tetap telah lulus peperiksaan Bahasa Melayu untuk mendapatkan kerakyatan terpaksa menunggu atau mengambil masa yang lama. Dalam ingatan kaola,

perkara ini telah pun ditimbulkan beberapa kali dalam Majlis Mesyuarat Negara ini dan pernah diberikan penerangan atau keterangan penjelasan mengenainya. Walau bagaimanapun kaola ingin menyatakan bahawa lulus peperiksaan Bahasa Melayu merupakan salah satu syarat untuk menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ini bermakna tidak semestinya apabila seseorang itu telah lulus, dengan sendirinya dia sudah boleh diterima sebagai rakyat. Penerimaan seorang itu sebagai rakyat bergantung kepada pertimbangan-pertimbangan di bawah syarat undang-undang yang sedia ada. Oleh yang demikian, buat masa ini adalah sukar untuk memberikan tempoh TPOR yang tertentu untuk pemohon yang memohon kerakyatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mengenai Jabatan Bomba dan Penyelamat iaitu keupayaan jabatan tersebut dalam menangani cabaran-cabaran keselamatan di Daerah Temburong dan berkenaan dengan skim galakan bagi anggota bomba yang berumur 50 tahun ke atas. Jabatan Bomba dan Penyelamat mempunyai dua buah balai bomba iaitu Balai Bomba Bangar dan Balai Bomba Rataie dengan keanggotaan sejumlah kira-kira 80 orang yang berkemahiran bagi menangani kejadian kecemasan termasuk kebakaran, tanah runtuh, kemalangan jalan raya, bahan berbahaya dan tugas-tugas mencari dan menyelamat. Unit ini mengadakan latihan dari semasa ke semasa bagi memastikan kesiapsediaan mereka.

Apabila jambatan yang menghubungkan Daerah Temburong dan Daerah Brunei Muara siap nanti, penghantaran bantuan daripada unit bomba yang lain juga akan meningkatkan keupayaan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Daerah Temburong ini pada keseluruhannya.

Berkenaan dengan skim galakan bagi mereka berumur 50 tahun ke atas, anggota bomba adalah di bawah skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan mereka juga menikmati skim persaraan caruman tambahan.

Kaola berpindah kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu mengenai 1K1P Satu Kampung Satu Produk. Rancangan untuk meningkatkan lagi mutu ataupun kualiti produk pemasaran sebagaimana yang kaola nyatakan dalam mukadimah kaola sedang diteliti oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Mengenai pasar malam Pekan Tutong. Perkara ini pernah dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat pada Musim Permesyuaratan yang lalu. Penerangan bagi menjawab perkara itu ialah konsep *design* bangunan pasar malam berkenaan ialah *open air concept*. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Bandaran Daerah Tutong akan sentiasa mengambil kira keadaan dan keperluan semasa bagi reka bentuknya

disesuaikan atau diubah suai untuk dibuat atap dan adalah juga tertakluk kepada keperluan dan peruntukan yang ada.

Mengenai Bomba, isu kesihatan dan keselamatan anggota Bomba. Kaola ingin menyatakan bahawa kementerian mengambil berat perkara ini. Antara langkah yang diambil bagi menangani perkara ini ialah perbekalan *personnel and protective equipments* yang mencukupi dan bersesuaian dengan *environment* tugas mereka dan memenuhi piawaian keselamatan antarabangsa umpamanya *fire jacket, breathing apparatus* (peralatan pernafasan). Jabatan juga menitik berat tahap ketahanan jasmani dan kesihatan dalam kalangan anggota yang tinggi. Setiap anggota menjalani ujian ketahanan jasmani setiap 6 bulan bagi memantau tahap ketahanan jasmani mereka. Pemeriksaan kesihatan juga dibuat ke atas anggota-anggota yang bakal mengikuti program latihan.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyediakan satu Skim Perlindungan Berkelompok sejak tahun 2009 dengan tujuan untuk membantu keluarga anggota jika anggota meninggal dunia atau mendapat rawatan kesihatan. Sejak skim ini diperkenalkan, pampasan telah dikeluarkan kepada keluarga 7 orang anggota yang telah meninggal dunia dan 21 orang anggota menerima pampasan kerana mendapat kecederaan semasa bertugas. Kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat juga mengambil perhatian ke atas kebajikan keluarga yang ditinggalkan sebagai contoh, satu kes keluarga anggota telah dibenarkan terus tinggal di perumahan Jabatan Bomba sehingga mendapat kemudahan kekal di bawah Rancangan Perumahan.

Usul atau cadangan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai perkhidmatan Pegawai Pentadbir di Jabatan Daerah dipanjangkan sehingga tempoh 5 tahun. Perkara ini diambil maklum. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dimaklumi bahawa Pegawai-pegawai Pentadbir ini pada lazimnya diedarkan untuk bertugas dari sebuah jabatan ke sebuah jabatan untuk menerima pendedahan dan mencari pengalaman dalam berbagai-bagai bidang pentadbiran.

Kaola sekarang beredar kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, bukannya soalan ialah cadangan. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin yang menyuarakan supaya cukai bangunan dikenakan di kawasan perbandaran dan dilaratkan ke kawasan-kawasan luar bandar kerana kawasan-kawasan ini juga menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Jadi perkara ini mungkin akan dapat diteliti dan kaola mengalu-alukan akan respons daripada orang ramai.

Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji

Sulaiman mengenai pemansuhan Lesen Rampaian. Tujuan pemansuhan itu ialah bagi menjadikan persekitaran perniagaan di negara ini probisnes dan *business friendly* dan seterusnya membuka peluang perusahaan kepada anak-anak tempatan. Memang disedari bahawa dengan pemansuhan itu, hasil pendapatan kerajaan yang bersumberkan daripada lesen perniagaan berkurangan.

Walau bagaimanapun, kita penuh berharap bahawa jumlah syarikat yang mendaftar bagi menjalankan perniagaan sebagaimana yang dimaklumkan telah meningkat sebanyak 43 peratus bagi tempoh Januari 2016 hingga Februari 2016 dibanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2015.

Jadi dengan kedudukan ini kita berharap bahawa ia akan dapat menjana pendapatan secara langsung dan tidak langsung kepada negara. Bagi perniagaan yang tidak lagi memerlukan lesen perniagaan, memadai untuk majikan menghadapkan *tenancy agreement* yang masih sah bagi tempat aktiviti atau premis perniagaan seperti lazimnya.

Kaola menjawab soalan bagaimana pengawalan buruh. Jabatan Buruh membuat penelitian, penilaian dan pemeriksaan, permohonan lesen, pengambilan pekerja asing. Adalah perlu untuk memastikan perkara utama antaranya pemeriksaan berasaskan keperluan, kesesuaian dan kemampuan majikan dari segi kapasiti bisnes selaras dan sesuai dengan jumlah pekerja yang dipohonkan.

Tempat perniagaan hendaklah memenuhi syarat khas tanah atau telah mendapat kebenaran agensi kerajaan yang mengawalnya. Adalah bersesuaian bagi tempat kegiatan perniagaan berkenaan di tempatkan di kawasan komersial atau tempat yang mempunyai syarat khas tanah bagi perniagaan atau perniagaan sampingan yang telah dikeluarkan kebenaran oleh bahagian Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABCi*).

Memastikan majikan mendapatkan kebenaran atau sokongan daripada agensi-agensi kerajaan yang mengawal jenis perniagaan yang akan diusahakan. Seterusnya memastikan bahawa majikan adalah layak dinilai sebagai *fake and proper employer* menurut penilaian Pesuruhjaya Buruh dan bagi kegiatan yang bekenaan majikan mempunyai projek-projek yang benar-benar sahih. Perkara ini antara sukat-sukat yang diperlukan dalam Jabatan Buruh.

Membuat penilaian bagi memenuhi kehendak Bab 86, Perintah Pekerjaan 2009 iaitu penempatan pekerja yang mana majikan hendaklah membuat pengisytiharan dan memaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Buruh jika berhasrat untuk menempatkan mana-mana pekerja di suatu tempat sedia ada atau tempat baharu sama ada bagi tujuan pekerjaan atau tempat tinggal pekerja. Dalam perkara ini, Jabatan Buruh setelah membuat penilaian adalah berkuasa bagi

menentukan sama ada pekerja-pekerja layak atau sebaliknya untuk ditempatkan bekerja atau tinggal di tempat tersebut.

Bidang kuasa Jabatan Buruh dalam perkara ini, bukanlah ke atas perniagaan tersebut akan tetapi bidang kuasa Jabatan Buruh adalah ke atas tempat pekerja-pekerja tersebut ditempatkan bekerja atau tinggal dan memastikan majikan berkenaan berkelayakan untuk menggaji pekerja secara teratur atau sebaliknya dan juga bagi memastikan kebajikan pekerja-pekerja sentiasa dijaga oleh majikan.

Kaola rasa, kaola telah menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Kaola berbalik semula kepada soalan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai Jabatan Bandaran Tutong iaitu mengubah suai ruang tamu Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong. Perkara ini pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sendiri di Dewan ini pada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2012 yang lalu. Seperti mana kenyataan Yang Berhormat sendiri pengubahsuaian ini memerlukan peruntukan kewangan yang khusus dan dalam keadaan ekonomi negara yang memerlukan kitani untuk mengurus perbelanjaan dengan lebih berhemah. Jabatan Bandaran Tutong melihat perkara ini belum dapat diberikan keutamaan pada masa ini disebabkan sebab-sebab yang dinyatakan.

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan mengenai *Labour Control System* dan penghantaran banci. Pelaksanaan modul-modul dalam *Labour Control System* ataupun *LCS* dijalankan secara berperingkat-peringkat bermula dari modul pertama pada bulan Mei 2015 dan seterusnya dilancarkan pada skala besar bulan Januari 2016 iaitu bagi 6 *module* dan *sub-module* yang ada dalam *LCS.* Pelaksanaan secara berperingkat-peringkat ini dibuat adalah bertujuan untuk memberikan orang ramai masa untuk penyesuaian bagi menggunakan sistem *online* ini.

Dalam pada itu, Jabatan Buruh mengambil maklum mengenai masalah-masalah dan aduan-aduan yang diterima daripada orang ramai yang menggunakan *LCS*.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya faham bahawa banyak perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan setentunya Yang Berhormat Menteri menghadapi kesulitan untuk menerangkan perkara-perkara yang berkenaan itu dengan *detail*. Walau macam manapun, saya kira kita masih ada ruang untuk menjawab soalan-soalan yang sedemikian. Saya cadangkan mesyuarat ini kita tangguhkan dulu dalam Jawatankuasa dan kita balik kepada Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah pun bersidang secara Jawatankuasa sepenuhnya dan sekarang kembali bersidang sebagai Majlis Mesyuarat Negara. Saya cadangkan supaya mesyuarat ini kita tangguhkan selama 20 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat kita masih lagi membincangkan Tajuk-Tajuk yang terkandung dalam Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 dalam sesi sidang peringkat Jawatankuasa. Maka, bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan kita itu di peringkat Jawatankuasa saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya dan kita masih lagi membincangkan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebentar tadi sebelum kita menangguhkan mesyuarat untuk berehat kita masih lagi mendengar penjelasan dan keterangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Maka sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat itu untuk meneruskan penjelasan-penjelasannya terhadap soalan-soalan dan keraguan-keraguan serta cadangan-cadangan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya akan menjawab beberapa pertanyaan atau soalan sahaja lagi. Cadangan tempoh keahlian Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang disuarakan oleh beberapa orang ahli untuk dikurangkan daripada 5 tahun kepada 3 atau 2 tahun. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan meneliti perkara ini dari segi keberkesanan dan keupayaan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan mengambil perhatian mengenainya.

Mengenai soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Mengenai kebakaran yang berlaku di Daerah Kuala Belait, iaitu penggunaan air dari kawasan lagun untuk memadam kebakaran bahawa kaola ingin menyatakan bahawa cara yang paling berkesan untuk memadam

kebakaran tanah gambut seperti yang berlaku di sepanjang Lebuh Raya Seria *Bypass* ialah dengan membanjiri kawasan tersebut *(total flooding).*

Kementerian menyambut baik dan bersetuju dengan saranan Yang Berhormat supaya membuat laluan kecil bagi menyalurkan keluar air luagan ke kawasan-kawasan yang terbakar, yang mana pada masa ini pihak Bomba dan Penyelamat menggunakan air daripada lagun dengan menggunakan *mobile trailer pump, floating pump* dan peralatan bomba.

Perlu jua disebutkan di sini bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat telah dibantu oleh agensi-agensi seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei, Syarikat Minyak Shell Brunei, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Alam Sekitar dan Rekreasi dalam usaha bersepadu memadam kebakaran yang terjadi di Daerah Belait. Kaola menerusi kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi berkenaan. Pada masa ini hanya tinggal 10 peratus daripada kawasan yang terjejas seluas 126 hektar yang masih berasap. Namun kesiapsediaan anggota Bomba dan Penyelamat di kawasan ini sentiasa pada tahap yang tinggi memandangkan musim kering dijangka akan berterusan sehingga penghujung bulan ini.

Kemudian mengenai keperluan Ketua Rumah Panjang iaitu kedudukan Ketua Rumah Panjang adalah sama juga dengan kedudukan Penghulu dan Ketua Kampung. Bilamana jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dikosongkan, memang Penghulu Mukim dan Ketua Kampung atau Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk memangku jawatan berkenaan. Dalam hal ini, Ketua Rumah Panjang juga memang tidak diabaikan dan kementerian melihat akan kepentingannya dan memastikan bahawa jawatan-jawatan Ketua Rumah Panjang juga akan diisikan.

Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim iaitu soalan pengiktirafan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dialu-alukan untuk mengadakan majlis-majlis penghargaan dan sebagainya bagi menghargai Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang telah berjasa. Di samping Penghulu Mukim dan Ketua Kampung boleh menghadapkan sokongan tertentu kepada Pejabat Daerah bagi mereka yang dipertimbangkan memenuhi syarat-syarat untuk pertimbangan kementerian bagi penganugerahan pingat-pingat kehormatan.

Mengenai soalan yang dikemukakan pada tengah hari tadi, iaitu taman rekreasi. Kaola mengucapkan terima kasih atas pengamatan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Perkara yang dikemukakan atau cadangan yang dikemukakannya akan diteliti. Sememangnya Jabatan Bandaran meletakan staf (pegawai-

pegawai bandaran) di tempat-tempat rekreasi seperti Taman Peranginan Tasek Lama, bagi mengawal kesejahteraan tapi kalaulah betul apa yang dinyatakan adanya sampah yang berjurit (berselerak) dan kerosakan-kerosakan kemudahan awam, perkara ini sepatutnya menjadi tanggungjawab semua pengguna untuk memelihara kemudahan beriadah di tempat-tempat rekreasi atau taman-taman rekreasi.

Mengenai latihan pekerjaan tempatan sebagaimana yang telah pun kaola nyatakan dua hari lepas bahawa APTK di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melaksanakan beberapa Program *SLP* bagi membantu majikan-majikan dan pencari-pencari kerja untuk mendapatkan kemahiran-kemahiran tertentu. Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri juga memaklumkan mengenai kepentingan *Industry Competency Framework* yang إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dilaratkan kepada bidang-bidang yang lain bersama-sama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan dengan ini akan memberikan kemahiran-kemahiran berkenaan kepada pencari-pencari kerja sebagaimana juga yang telah dilaksanakan dalam bidang *oil and gas*.

Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan kuota Buruh. Perkara ini, pembekuan kuota memang dilaksanakan tetapi Jabatan Buruh menimbangkan dari semasa ke semasa keperluan untuk mendapatkan kuota ini bergantung pada rancangan atau projek-projek yang dijalankan.

Perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai dengan Pelan Induk Bandar Seri Begawan bagi menaikkan Lembaga Bandaran kepada Majlis Perbandaran Bandar Seri Begawan. Perkara ini akan kita teliti kesesuaiannya.

Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, yang melibatkan Kampung Air, perkara ini telah pun kaola jelaskan tadi dan sebagaimana yang kaola nyatakan juga bahawa rancangan-rancangan di bawah Rancangan Pelan Induk Bandar Seri Begawan diteliti dari semasa ke semasa. Ini termasuklah rancangan untuk menaik taraf perumahan di Kampung Air.

Soalan yang terakhir, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, akan kaola jawab secara persendirian kepada Yang Berhormat nanti.

Sekian sahaja yang dapat kaola jelaskan mengenai soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun dihuraikan dengan jelas dan terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Setentunya soalan-soalan yang sedemikian itu memberikan *stress*. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik masih mempunyai kewahaman terhadap perkara-perkara yang ditimbulkan, saya difahamkan perkara-perkara itu bolehlah ditimbulkan secara tertutup ataupun perseorangan dengan Yang Berhormat. Maka dengan itu saya sekarang ingin mencadangkan supaya Jadual Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini kita undi untuk diluluskan atau sebaliknya.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya kita meluluskan Jadual Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang menentang nampaknya tidak ada. Oleh yang demikian, maka Tajuk-Tajuk SE01A hingga SE12A diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi tadi kita menunggu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) untuk membuat mukadimahnya mengenai Rang Belanjawan Kementerian Kewangan. Nampaknya Yang Berhormat sudah ada bersama kita di sini. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat untuk membuat mukadimahnya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SD01A hingga SD09A, Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

1. Bagi memulakan penerangan kaola mengenai dengan anggaran perbelanjaan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2016/2017, kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk terlebih dahulu mengongsikan secara ringkas inisiatif-inisiatif yang telah diungkayahkan oleh Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya di sepanjang tahun 2015;

2. اَلْحَمْدُ لله selaras juga dengan perkembangan rancangan kerja program reformasi sistem pengurusan kewangan kerajaan *ataupun Public Financial Management Reform* kaedah *Input Based Budgeting* telah pun digantikan sepenuhnya bermula

Tahun Kewangan 2016/2017 dengan kaedah *Programme and Performance Budgeting* (*PPB*). Perbelanjaan setiap kementerian dan jabatan kerajaan melalui kaedah *PPB* ini akan berpandukan kepada program atau *core function* kementerian dan jabatan masing-masing bagi mencapai *outcome* melalui sasaran *Key Performance Indicators (KPIs)* yang telah ditetapkan dan dipersetujui;

3. Beberapa inisiatif juga telah dapat dilaksanakan dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan *cost effective* kepada orang ramai. Ini secara langsung mendukung usaha-usaha kerajaan ke arah menambah baik persekitaran perniagaan dan pelaburan yang kondusif dan kompetitif. Inisiatif-inisiatif tersebut antara lainnya, termasuklah:-

3.1 Melancarkan sistem pendaftaran *online* bagi penubuhan syarikat-syarikat dan pendaftaran nama-nama perniagaan. Melalui inisiatif dan perubahan yang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyediakan keperluan bagi Lesen Rampaian dengan diganti dengan Lesen Perniagaan. Proses mendaftarkan syarikat dan untuk memulakan perniagaan boleh dikendalikan dalam tempoh kurang daripada 1 hari. Sejak pelancaran sistem tersebut sebanyak 1,702 nama perniagaan telah didaftarkan dan 671 syarikat ditubuhkan melalui sistem tersebut.

3.2 Bagi memudahkan lagi proses deklarasi Kastam, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei telah melaksanakan integrasi sistem *Electronic Ports Information System (ePIS)* dengan *Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW)*. Setakat ini beberapa agensi kerajaan telah menggunakan modul *auto approve* di dalam *Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW)* yang membolehkan pengimport-pengimport mendapatkan kebenaran secara automatik, Tertakluk kepada memenuhi pra-syarat yang telah ditetapkan;

3.3 Selain itu, dalam usaha meningkatkan daya saing iklim perniagaan dan pelaburan di negara ini dan bagi mendukung perkembangan perusahaan-perusahaan yang sedia ada, inisiatif-inisiatif yang telah diambil setakat ini termasuklah:-

i. Mengurangkan kadar cukai korporat kepada 18.5 peratus berkuat kuasa tahun tafsiran 2015. Dengan adanya *treshold* cukai yang telah berjalan sekian lama serta

insentif-insentif tambahan melalui "*tax allowance*" dan "*tax credit*" seperti bagi pengambilan pekerja tempatan, pelaburan dalam *capital expenditure* tertentu, jumlah cukai sebenar yang dibayar daripada keuntungan yang diperolehi adalah jauh lebih rendah dari kadar cukai korporat yang dikenalkan.

ii. Bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana *(PMKS)* yang jualan kasar atau pendapatan mereka tidak melebihi $1 juta, mereka tidaklah diwajibkan untuk diaudit dan tidak dikenakan sebarang cukai pendapatan iaitu kadar cukai 0 peratus. Langkah ini bertujuan mengurangkan beban aliran tunai untuk disalurkan bagi perkembangan perniagaan mereka; dan

iii. Mengenalkan Perintah Penyimpanan Rekod (Perniagaan) 2015 yang berkuat kuasa mulai Jun 2015 bagi menggalakkan penyimpanan rekod-rekod kewangan yang teratur. Langkah ini bertujuan untuk memastikan peniaga-peniaga memperolehi berbagai manfaat dari segi mendapatkan fasiliti kewangan dari institusi-institusi kewangan atau di bawah skim-skim yang disediakan oleh kerajaan; membuat keputusan yang lebih baik dan strategik dan membuat perancangan kewangan yang lebih teratur dan sebagainya.

3.4 Melaksanakan keupayaan (*enhancement) system TAFIS* bagi mewujudkan fungsi *Email Notification* dalam *Invoice Tracking Module*. Langkah ini dihasratkan untuk membolehkan syarikat-syarikat atau pembekal perkhidmatan untuk mengetahui dan memantau status pembayaran tuntutan masing-masing secara telus, di samping meningkatkan akauntabiliti kepada setiap kementerian dan jabatan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka untuk membuat pembayaran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

3.5 Memperkenalkan *e-Amanah online system* bagi memudahkan majikan untuk mendaftar dan membayar caruman Tabung Amanah Pekerja (TAP) secara *online*. Sehingga bulan Januari 2016, seramai 71,901 pencarum menggunakan sistem tersebut untuk membayar secara *online;* dan

3.6 Pada Tahun 2015, kerajaan juga telah menubuhkan satu *TaskForce* bagi pengawalan dan penjimatan perbelanjaan serta pengukuhan kutipan hasil kerajaan. Usaha ini bertujuan

untuk mengambil langkah-langkah penjimatan perbelanjaan kerajaan secara lebih berkesan dan mengukuhkan pengurusan kutipan hasil kerajaan selaras dengan dasar *fiscal sustainability* yang diamalkan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

4. Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah disokong untuk disediakan peruntukan sebanyak $1,024,780, 920.00. Jumlah ini adalah berkurangan sebanyak kira-kira $199 juta daripada Peruntukan Tahun Kewangan 2015/2016. Pengurangan ini mengambil kira penurunan-penurunan bagi semua kategori perbelanjaan iaitu sebanyak 2.3 peratus bagi Gaji Kakitangan, sejumlah 6.1 peratus bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang dan sebanyak 27.2 peratus bagi Perbelanjaan Khas; dan

5. Pada Tahun Kewangan 2016/2017, Kementerian Kewangan akan meneruskan tumpuan kepada aktiviti yang dapat mendukung dasar dan fokus belanjawan negara, iaitu memudah cara perniagaan dalam usaha untuk membina asas ekonomi yang lebih kukuh, stabil dan seimbang berlandaskan dasar *pro-business* dan *pro-investment.* Meningkatkan produktiviti negara bagi perkhidmatan-perkhidmatan di bawah kementerian-kementerian, membina kapasiti dan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dan memelihara kesejahteraan awam khususnya berkaitan dengan aspek keselamatan negara.

Selaras dengan keutamaan tersebut Perancangan dan Pelan Tindakan Kementerian Kewangan akan menjurus kepada usaha-usaha dan langkah-langkah seperti berikut:-

1. Meneruskan usaha-usaha dalam mengukuhkan pengurusan kewangan kerajaan bagi memastikan sumber kewangan negara diurus dan digunakan secara berperancangan, berdisiplin dan berhemat bagi mendukung keutamaan belanjawan atau (*priority spending)* dan meningkatkan akauntabiliti di semua peringkat pengurusan perkhidmatan awam. Ini antara lainnya melalui pengukuhan penggunaan kaedah *Programme and Performance Budgeting,* termasuk meneliti kesesuaian. Pengemaskinian ke atas *KPIs* yang telah ditetapkan agar perbelanjaan yang dilibatkan benar-benar akan dapat menghasilkan *outcome* yang dihasratkan dan meningkatkan pemantauan ke atas pengurusan perbelanjaan, tunggakan dan kutipan hasil kerajaan oleh agensi-agensi kerajaan;

2. Melaksanakan inisiatif kutipan hasil-hasil cukai dengan membuat perancangan dan penelitian ke atas syarikat-syarikat yang akan ditaksir dan mengambil tindakan yang tegas

bagi syarikat-syarikat yang gagal menghadapkan penyata tahunan dan membayar cukai; dan

3. Melaksanakan inisiatif berterusan bagi meningkatkan tahap produktiviti dan *excellence in delivery* kepada orang ramai antaranya:-

   i. Dengan memastikan pemantauan dan pengurangan ke atas invois yang tertunggak, memastikan lebih banyak jabatan kerajaan *on-board Sistem ePayment Gateways*, menambah baik Sistem *TAFIS* seperti *e-invoice, integration with GEMS,* dan pengenalan *Data Warehouse System*, memperketatkan *invoice cancellation* melalui *purchase order enhancement*, menambah baik prosedur perdagangan termasuk meningkatkan keupayaan sistem *Brunei Darussalan National Single Window*, meningkatkan lagi kapasiti sistem pendaftaran dan penubuhan syarikat bagi mendukung inisiatif *Ease Of Doing Business*; dan

   ii. Meneruskan usaha membina kapasiti sumber tenaga manusia bagi Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di dalamnya melalui pengendalian program Pembangunan Modal Insan secara lebih *cost-effective*. Setakat ini, program-program yang dikendalikan turut memfokuskan kepada peningkatan daya kepimpinan, motivasi dan produktiviti pegawai dan kakitangan. Program-program tersebut turut memberikan penekanan kepada perubahan minda *(mindset change)* sebagai asas dalam mempertingkat kan tahap perkhidmatan dan produktiviti di Kementerian Kewangan dan seterusnya sebagai usaha untuk melahirkan warga kerja yang berwibawa, berintegriti dan berkualiti, yang mampu membawa pembaharuan-pembaharuan positif ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam negara.

Secara ringkas peruntukan yang disedikan bagi Kementerian Kewangan adalah seperti berikut:-

1. Gaji Kakitangan secara keseluruhannya disokong sebanyak $57,222,996.00;

2. Perbelanjaan Berulang-Ulang disokong sebanyak $530,423,529.00; dan

3. Perbelanjaan Khas disediakan sebanyak $437,134,395.00 bagi melaksanakan:-

   3.i Projek baharu berjumlah $645,000.00 dan 36 projek pengambilan semula berjumlah $436.5 juta termasuk 12 projek dengan harga rancangan sebanyak $336.5

juta. Antara projek utama yang peruntukannya disediakan di bawah Kementerian Kewangan termasuklah pelaksanaan Projek Jambatan Temburong sejumlah $300 juta, Projek Rangkaian *National Digital Communication System* sejumlah $4 juta dan Sistem Pelaksanaan Pertukaran Maklumat Cukai secara automatik;

3.ii Perkhidmatan Rampaian, di bawah kategori Perbelanjaan Berulang-Ulang Kementerian Kewangan, disediakan peruntukan sebanyak $414.1 juta untuk kegunaan guna sama bagi semua kementerian dan jabatan kerajaan. Contohnya, peruntukan penyewaan rumah untuk pegawai dan kakitangan kerajaan, perbelanjaan Elaun Cuti dan Tambang, Lawatan Pakar dan Penasihat dan Elaun Pelajaran yang dipohonkan oleh pegawai dan kakitangan kerajaan; dan

3.iii Akaun Fokus Perbelanjaan disediakan, antara lainnya bagi melaksanakan:-

a. Projek Penyelarasan Sistem Pengesan (Sistem Pengawalan Video Induk) Negara Brunei Darussalam dan Projek Pangakalan Data *DNA* Kebangsaan keseluruhannya berjumlah $3.2 juta;

b. Projek Mendatangkan Tenaga Pakar dan Pengajar Mahir untuk Literasi *(English Language)* dan Numerasi *(Mathematics)* sejumlah $15 juta;

c. Projek Fokus, disediakan sebanyak $10 juta, khusus bagi membiayai program atau projek yang menjurus kepada mendukung Fokus Belanjawan Negara; dan

d. Projek Rampaian, disediakan sebanyak $13 juta khusus bagi menampung pembelian atau kos pelaksanaan projek-projek yang tidak dijangkakan.

Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Kewangan berharap program dan projek-projek yang dirancang, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat mendukung inisiatif *Ease Of Doing Business* di negara ini, selain dapat memastikan dalam jangka masa sederhana dan panjang, kerajaan akan mempunyai struktur sumber kewangan yang berdaya tahan selaras dengan dasar *Fiscal Sustainability* yang diamalkan pada ketika ini, di samping dapat menghasilkan perubahan atau *outcome* yang signifikan dalam menjana aktiviti perekonomian dan pembangunan sektor swasta di negara ini, dalam mendukung tema Belanjawan Negara 2016/2017 iaitu "Mengukuhkan Iklim Perekonomian bagi Mendukung Pembangunan Berterusan".

Sekianlah yang dapat kaola kongsikan sebagai makluman dan panduan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat atas kenyataan yang telah diberikan mengenai dengan Kementerian Kewangan. Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan saya ada senarai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang telah memberi notis untuk bercakap ataupun turut serta dalam perbincangan mengenai Tajuk Kementerian Kewangan.

Sebelum itu saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kenyataan-kenyataan ataupun soalan-soalan yang akan ditimbulkan itu lebih fokus menjurus kepada cadangan-cadangan perbelanjaan yang dikemukakan dalam Tajuk-Tajuk yang berkenaan. Saya berharap untuk mendapat kerjasama semua pihak sebab kita mempunyai banyak lagi perkara yang harus kita selesaikan terutamanya Rang Belanjawan yang perlu kita selesaikan secepat-cepatnya.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang telah diberikan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai strategi Kementerian Kewangan dalam menjana perbelanjaan kerajaan.

Di sini kaola walaupun bukannya menyebut atau membincangkan mengenai perbelanjaan kerajaan tapi kaola memohon izin untuk menimbulkan isu celik kewangan kerana kaola rasa ini ada hubung kaitnya dengan keadaan ekonomi kita sekarang dan pentingnya demi kestabilan kewangan persendirian untuk negara. Adakah kaola boleh teruskan? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pada Majlis Pembukaan Rasmi Hari *Authority Monetary Brunei Darussalam* 2015, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, telah menekankan tentang peri mustahaknya pengetahuan kewangan serta amalan pengurusan yang bijak dan berhemah bagi memenuhi keperluan diri dan masa depan negara. Duli Yang Teramat Mulia telah menyarankan bahawa supaya tahap pengetahuan dan tabiat perilaku orang ramai di negara ini dipertingkatkan dan diperbaiki ke arah memperkasa masyarakat yang celik kewangan dan ia memerlukan kerjasama padu dari semua pihak khususnya agensi-agensi kerajaan berkenaan, institusi kewangan dan *AMBD*.

Dari hasil kaji selidik Pusat Penyelidikan Strategik dan Pengajian Dasar *(CSPS)* mengenai celik kewangan kebangsaan, antaranya, menunjukkan hampir 50 peratus orang Brunei tidak mempunyai

kefahaman asas mengenai kewangan, 34 peratus keluarga tidak ada perancangan belanja keluarga dan 25 peratus terpaksa berhutang bagi menampung perbelanjaan harian, 49 peratus tidak membuat simpanan secara aktif dan 36 peratus tidak dapat menampung perbelanjaan lebih daripada 2 bulan jika mereka kehilangan sumber pendapatan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Adalah juga difahami beberapa cadangan dan sokongan telah dibuat oleh *CSPS* yang termasuk cadangan untuk menubuhkan satu badan untuk menerajui dan melaksanakan Strategi Celik Kewangan Kebangsaan. Dalam meningkatkan kesedaran dan pendidikan hal ehwal kewangan, akses kepada sistem kewangan, peraturan yang mempromosi pilihan bijak dalam mengurus kewangan serta urus tadbir dan penilaian strategi pelaksanaan.

Soalan kaola ialah sejauh manakah Strategi Celik Kewangan Kebangsaan dapat dilaksanakan? Adakah statistik-statistik yang dihasilkan melalui kajian *CSPS* tahun lepas ini dipantau pada masa ini dan jika perlu, adakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang dibuat untuk mencapai pembaikan dalam perkara-perkara yang berkenaan?

Seterusnya di Dewan yang mulia ini kaola minta izin lagi sekali untuk mengulangi cadangan kaola pada Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas iaitu supaya kerajaan mengkaji untuk meningkatkan kadar caruman TAP mengikut kadar sesuai yang disokong oleh pihak-pihak yang berwajib. Ini kerana antara keutamaan kewangan sebagai individu ialah keyakinan akan sumber kewangan yang mencukupi semasa persaraan nanti. Memandangkan sejumlah besar pekerja-pekerja di Negara Brunei Darussalam, harapan adalah melalui hasil dari caruman serta pulangan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP). Kaola berharap pelaksanaan Strategi Celik Kewangan Kebangsaan akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menjadikan masyarakat kita celik kewangan dan lebih bijak dalam pengurusan kewangan, serta mempunyai keyakinan kewangan pada masa persaraan nanti.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana membenarkan kaola meneruskan soalan ini.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat akan menjawab dulu ataupun macam mana?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Biar semua dulu Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kaola difahamkan bahawa *AMBD* telah meng*issue*kan sukuk atau *bond* Islam kepada bank yang berkenaan di Negara Brunei Darussalam namun jumlahnya adalah terhad, cuma *100 million per tranche.* Sukuk ini juga bolehlah digunakan untuk membantu projek kerajaan. Di dalam Dewan yang mulia ini kaola bertanya:-

1. Adakah pihak *AMBD* merancang untuk menaikkan sukuk ini kepada lebih daripada 100 milion?; dan

2. Bolehkah *Government Linked Companies* seperti *DST, BIA, RBA* dan lain-lain untuk meng*issue*kan sukuk atau *bond* di dalam negeri ataupun di pasaran internasional?

   Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada masa ini Kerajaan Negara Brunei Darussalam belum lagi tersenarai di dalam *Big Three credit rating agencies* iaitu *Standard & Poor's (S&P), Moody's, and Fitch Group.* Jika kita ingin meng*issue*kan sukuk atau *bond* ini kepada pasaran global, perkara ini perlulah diberikan perhatian.

   Seperti *government linked companies* di negeri lain, mereka meng*issue*kan *bond* ini untuk menggunakan terhadap projek-projek tanpa menggunakan kewangan daripada pihak kerajaan. Jika kita meng*issue*kan *sukuk* atau *bond* kepada pasaran internasional, Negara Brunei Darussalam bolehlah memikirkan untuk mengadakan *stock exchange* ataupun *financial centre*, ini juga akan membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Kaola ingin bercakap mengenai Tajuk SD06A - Jabatan Perbekalan dan Stor Negara. Seharusnya ada penelitian kualiti beras. Adakah penyimpanan beras mengikut prosedur antarabangsa?

Mesti ada perubahan dalam *management* seperti *pest control, fumigation, rotation* pengeluaran, *FIFO (first in first out)*. Beras yang disimpan bertahun akan mengurangkan kualiti beras. Aroma beras baharu kadang-kadang sudah tidak ada.

Cadangan, sebaik-baiknya beras wangi yang ditanam di Ubon, Thailand dan yang dibeli dari *Cambodia* dan diproses di Thailand supaya dapat dipasarkan di Negara Brunei Darussalam kurang dari setahun lepas dituai.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dato Paduka

Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan membawa Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan.

Penerimaan bayaran lambat. Perkara yang masih berlaku di Jabatan Perbendaharaan ialah lambat memproses tuntutan bayaran sama ada dari syarikat atau orang perseorangan. Perkara ini pernah ditimbulkan dalam Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, tetapi ia masih belum dapat diatasi. Sebagai contoh, tuntutan pengangkutan anak-anak sekolah, syarikat atau pengusaha pengangkutan anak-anak sekolah telah menghadapkan tuntutan mereka ke Bahagian Kenderaan, Kementerian Pendidikan. Selalunya pengusaha atau syarikat kenderaan tersebut menyemak ke Bahagian Kenderaan, Kementerian Pendidikan dan mendapati tuntutan tersebut telah diluluskan untuk dibayar dan sudah pun dihadapkan ke Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Tuntutan tersebut berada di Jabatan Perbendaharaan sehingga 4 sampai 5 bulan sebelum dibayar. Kadang-kadang ada juga bayaran diterima sehingga 1 tahun. Sukacita kaola cadangkan supaya Kementerian Kewangan dapat menubuhkan Satu Badan Pemantau dan juga tempat membuat aduan untuk hal-hal yang berhubung dengan pembayaran.

Kaola juga ingin bertanya sama ada orang perseorangan, kontraktor atau syarikat dibolehkan untuk menuntut ganti rugi jika mereka didenda oleh bank kerana terlewat membayar komitmen mereka disebabkan Kementerian Kewangan lambat membayar pembayaran.

Mengenai Syarikat Penerbangan Diraja Brunei. Syarikat Penerbangan Diraja Brunei telah menyumbangkan khidmatnya selama 41 tahun bermula pada 18 November 1974. Sejak Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang baharu. *Royal Brunei Airline (RBA)* telah dijenamakan sebagai *Royal Brunei RB.* Pada masa ini *Royal Brunei* terbang ke 15 destinasi seperti Kota Kinabalu, London, Melbourne, Singapura dan lain-lain.

Beberapa destinasi juga diberhentikan kerana perjalanan ke destinasi tersebut tidak berpotensi memberi pulangan yang bermanfaat. Kaola sukacita mengetahui selama 41 tahun perkhidmatan adakah Penerbangan Diraja Brunei ini memperolehi keuntungan atau sebaliknya? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah di atas mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga selaku Menteri Kewangan II (Kedua).

Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan. Kaola menyentuh tentang sebahagian Wawasan Negara 2035 berhubung dengan kualiti kehidupan rakyat iaitu akses kepada dan kualiti tinggi autoriti dan infrastruktur awam serta pemilik kediaman yang tinggi yang sudahpun diguna pakai pada masa ini.

Yang Berhormat Pengerusi, pegawai dan kakitangan kerajaan yang tinggal jauh di tempat kerja biasanya disediakan rumah yang disewa oleh kerajaan. Persoalannya kerajaan berbelanja besar membayar sewa rumah persendirian sedangkan pegawai berkenaan hanya dikenakan potongan gaji yang sedikit bagi memberi pulangan kepada pihak kerajaan. Jadi untuk pegawai berkenaan, dia sahaja dikenakan pemotongan gaji dan penginapannya berbeza dengan seorang pegawai yang mempunyai *level* jawatan yang sama tetapi tinggal di rumah pangsa kerajaan. Kaola ingin tahu akan kedudukan persoalan ini dalam keadaan negara kita berusaha untuk berjimat cermat.

Seterusnya kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas penubuhan *CAE Multipurpose Training Center MPTC* pada tahun 2012. Pusat ini merupakan satu usaha kerajaan secara *Joint Venture* semata-mata untuk pembangunan ekonomi negara. Kerana pusat ini boleh menarik pelatih luar negara dan tempatan untuk membuat latihan di sini.

Soalan kaola, sejak ia dibuka berapa ramaikah yang telah mengikuti latihan di pusat ini? Bagi anak tempatan yang telah menamatkan latihan dari pusat ini apakah ada peluang pekerjaan untuk mereka? Seterusnya berapakah jumlah pelaburan bagi menubuhkan *TAE MPTC* dan berapa lamakah jangka pulangan yang akan diperolehi dengan keadaan keramaian pelatih sekarang dan apakah perancangan seterusnya bagi perkembangan pusat ini?

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menarik perhatian di Majlis ini mengenai sasaran Wawasan Negara 2035 iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Iaitu pendidikan mengikut keperluan ekonomi yang menyumbang kepada pembangunan sumber manusia. Antaranya memperbanyakkan bengkel dan kursus berkaitan dengan apa sahaja mengenai aktiviti ekonomi. Dalam pemerhatian kaola berdasarkan pengalaman di kampung-kampung, terdapat perniagaan dilaksanakan oleh satu bangsa yang berkembang dengan pesat tidak pernah menghadiri kursus atau bengkel. Yang penting bagi mereka ada bangunan atau bilik saja. Dalam

jangka pendek 2 ke 3 hari saja bangunan dan bilik berkenaan penuh sesak dengan berbagai-bagai barangan runcit. Kemudian semakin membesar sehingga ada yang membina *mini market* dan seterusnya s*upermarket*.

Soalan kaola, adakah pihak berkenaan pernah membuat kajian kepada cara perniagaan mereka bagaimana kemajuan ini berlaku? Dengan adanya kajian ini mudah-mudahan dapat diajar dan menjadi panduan kepada peniaga dan pengusaha anak tempatan iaitu sebahagian daripada cara membina kapasiti modal insan menjurus kepada pembangunan ekonomi. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) yang telah memberikan *presentation* yang begitu komprehensif dan terperinci. Jadi soalan kaola ini Yang Berhormat Pengerusi, hampir-hampir sama juga dengan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar**.**

Walau bagaimanapun, saya akan meneruskan juga dengan ada berlainan sedikit daripada apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar**.**

Beberapa pembaharuan dan inisiatif telah dilaksanakan bagi memudah cara bagaimana pembayaran kepada pelanggan seperti syarikat-syarikat dan orang ramai. Kita telah mendengar tadi pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan dan saya mengucapkan tahniah.

Walau bagaimanapun, masih terdapat sungutan orang ramai kerana kelewatan pembayaran bagi tuntutan mereka. Dalam kalangan mereka ini terdiri daripada pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor yang memerlukan modal pusingan bagi menjalankan aktiviti perniagaan dan pembayaran gaji kepada pekerja.

Yang Berhormat Pengerusi, kita ingin mengingatkan kepada yang berada di Dewan ini bahawa perlu dibuat penilaian supaya TPOR yang telah ditentukan akan menjadi amalan terbaik dan berterusan dalam memeduli keperluan pelanggan ataupun orang ramai.

Kecanggihan teknologi dan sistem sahaja tidak akan mencukupi tanpa disertai dengan komitmen pegawai ataupun kakitangan yang cekap dan berintegriti. Memang tepat apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga selaku Menteri Kewangan II (Kedua) tadi. Integriti itu amatlah penting. Mudah-mudahan perkara seumpama ini akan dapat dibuat

penilaian bagaimana menolong orang ramai untuk melaksanakan pembayaran cepat dan berkesan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola akan menyentuh Tajuk SD064 - Jabatan Perbekalan dan Stor Negara. Kalau kaola tidak silap sebahagian tawaran yang dikeluarkan oleh jabatan-jabatan kerajaan biasanya dikehendaki syarikat-syarikat yang berjaya membekalkan barang-barang atau mesin-mesin kepada jabatan-jabatan kerajaan hendaklah menyediakan tempat penaruhan dan penyimpanan barang-barang atau mesin-mesin itu.

Sudah tentu ruang-ruang di bangunan Jabatan Perbekalan dan Stor Negara tidak penuh diisikan dan kaola perhatikan apabila kaola melintas di kawasan Jabatan Perbekalan dan Stor Negara Gadong, kaola ternampak ruang-ruang dalam Stor Negara itu kosong.

Yang Berhormat Pengerusi. Soalan kaola adakah ada rancangan kerajaan untuk membanyakkan syarikat-syarikat yang berjaya dalam tawaran bagi membekalkan barang-barang atau mesin-mesin itu supaya Stor Negara tidak lagi menyimpan barang-barang atau mesin-mesin itu sekali gus bolehlah dikurangkan aktiviti Stor Negara dan ruang-ruang kosong itu dapatlah disewakan kepada syarikat-syarikat yang berjaya dalam tawaran membekalkan barang-barang atau mesin-mesin supaya kerajaan dapat menjimatkan perbelanjaan pemeliharaan bangunan, pengurusan, kawalan serangga serta binatang seperti tikus dan lain-lain.

Justeru itu, besar kemungkinan juga kos itu boleh tidak lagi diperlukan dan dengan sendirinya penjimatan boleh dibuat oleh kerajaan bersesuaian dengan mengukuhkan iklim perekonomian negara. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik bagi Tajuk SD01A – Jabatan Kementerian Kewangan. Sungguhpun saya percaya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kewangan II (Kedua) bersedia dan beria-ia untuk menjawab soalan-soalannya yang berkenaan itu.

Saya kira oleh sebab waktunya sudah agak lewat maka saya cadangkan supaya kita berehat dulu dan kita tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini bagi membolehkan kita bermesyuarat dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya sukacita untuk menangguhkan persidangan ini. Dan إِنْ شَاءَ اللهُ kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 3 Jamadilakhir 1437 / 12 Mac 2016 pada pukul 9.00 pagi. Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Sabtu, 3 Jamadilakhir 1437 / 12 Mac 2016

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.
(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini iaitu hari yang keenam, hari Sabtu 3 Jamadilawal 1437 bersamaan 12 Mac 2016 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ. Syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua maka kita dapat bersama-sama hadir sekali lagi di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini Majlis Mesyuarat Negara bersidang memasuki hari yang keenam. Kita masih lagi membincangkan perkara-perkara mengenai jawapan lisan bagi Soalan Yang Diberi Notis dan kita juga masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Sebagaimana jua jawapan lisan bagi Soalan Yang Diberi Notis yang akan dibincangkan menurut urutan dan susunannya seperti Tambahan 'A' yang telah diedarkan sebelum ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, namun demikian, saya ingin mengingatkan supaya perbincangan kita ini dihadkan saja selama 30 minit agar kita segera dapat berpindah ke perkara seterusnya iaitu untuk menyelesaikan Rang Undang-Undang Belanjawan dengan segeranya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Soalan No.4 daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Tajuk yang akan saya bawakan pada pagi ini ialah Wawasan Brunei 2035. Saya ingin merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi

2016, bahawa baginda telah memperkenankan Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 yang telah digubal oleh Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035.

Untuk merealisasikan ketiga-tiga matlamat Wawasan Brunei tersebut. Wawasan Brunei 2035 merupakan satu *grand* projek untuk meningkatkan kemakmuran Negara Brunei Darussalam. Ia memerlukan pelbagai pendekatan dengan mengambil kira pelaksanaan dalam keadaan yang dinamik dan mencabar. Antara fokus utama setiap perjalanan dan pencapaian hendaklah disukat dengan telus dan rapi dan adalah penting negara mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dengannya memastikan ia mapan dan berterusan.

Soalan saya ialah:-

1. Saya ingin tahu, dalam mengukur tahap pencapaian Wawasan Brunei 2035 khusus bagi pihak swasta dan industri, iaitu sebagai *stakeholder* utama dalam usaha meningkatkan perekonomian negara:-

    i. Apakah sukat-sukat yang dibuat untuk memastikan tahap pencapaian dan keberkesanan strategi dan pelaksanaan bagi sektor-sektor tersebut?;

    ii. Adakah galakan atau insentif untuk mewujudkan majlis atau pertubuhan dan memberi dukungan bagi yang sudah tertubuh bagi sektor-sektor yang penting, iaitu dengannya dapat mempromosikan isu-isu yang dihadapi oleh sektor masing-masing, sebagai contoh, *BIT Council* pernah berperanan penting dalam menangani sektor Teknologi Maklumat?; dan

    iii. Setakat manakah pemberigaan wawasan dalam meningkatkan kesedaran dan penglibatan secara aktif kepada golongan muda, iaitu generasi Wawasan Brunei 2035 yang akan mengambil teraju kepimpinan negara dan yang bakal meraih manfaat dengan mencapai matlamat wawasan tersebut?

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih atas soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai dengan parkara ini.

اَلْحَمْدُ لله seperti mana yang kita sama-sama maklumi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035.

Kerangka kerja tersebut telah dihasilkan khusus bagi membantu Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 yang dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dalam mengurus dan memantau agenda pembangunan negara dengan lebih fokus dan holistik; serta menilai dan mengukur tahap pencapaian negara ke arah Wawasan Brunei 2035 dengan lebih jelas dan terperinci.

Kerangka Kerja Wawasan ini menjelaskan fokus utama usaha-usaha pembangunan di peringkat kebangsaan bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035 melalui hasil pencapaian ataupun *national outcomes* yang telah dikenal pasti. Prestasi negara bagi setiap hasil pencapaian akan diukur melalui petunjuk prestasi utama kebangsaan ataupun *National Key Performance Indicators* mengambil kira sasaran dan trajektori yang telah ditetapkan.

Bagi mengukur tahap pencapaian Wawasan Brunei 2035 yang melibatkan pihak swasta dan industri di peringkat kebangsaan ada beberapa *national outcomes* telah dikenal pasti. Ini antaranya bagi memastikan:-

i. Pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan yang meliputi peningkatan dalam produktiviti dan pelaburan;

ii. Memastikan kepelbagaian ekonomi; dan

iii. Memastikan tahap pengangguran yang rendah.

Antara *KPI* Kebangsaan yang akan digunakan untuk mengukur tahap pencapaian *national outcomes* berkenaan adalah seperti:-

i. Kadar peratus pertumbuhan tahunan produktiviti;

ii. Kadar peratus aliran masuk Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* daripada keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK);

iii. Kadar peratus eksport bukan minyak dan gas dari jumlah eksport keseluruhan; dan

iv. Kadar peratus pertumbuhan pekerjaan.

Di samping itu, pada peringkat operasi, peneraju-peneraju strategi wawasan antaranya peneraju strategi ekonomi dan strategi pembangunan perniagaan tempatan bersama agensi-agensi pelaksana yang berkenaan akan bertanggungjawab untuk menghasilkan strategi dan pelan tindakan masing-masing ke arah mencapai hasil pencapaian kebangsaan yang dikenal pasti dalam kerangka kerja tersebut.

Keberkesanan strategi-strategi tersebut juga akan diukur melalui *operational KPI* masing-masing. Keutamaan pelaksanaan berdasarkan strategi-strategi yang mempunyai impak yang tinggi dan memastikan

keberkesanannya ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Mengenai dengan soalan kedua, peneraju-peneraju telah dilantik bagi strategi-strategi wawasan yang mana setiap peneraju bertanggungjawab untuk mengenal pasti matlamat-matlamat strategik ke arah pencapaian *national outcomes* di dalam Kerangka Kerja Wawasan dan memastikan pelaksanaan program dan projek yang berimpak tinggi di peringkat nasional. Setiap peneraju juga diperlukan untuk menubuhkan Jawatankuasa Peneraju Strategi masing-masing yang keahliannya terdiri daripada pihak-pihak yang berkepentingan termasuk pihak kerajaan, swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan individu-individu tertentu ke arah mencapai *national outcomes* yang dihasratkan.

Mengenai dengan pemberigaan Wawasan Brunei 2035, ia dilaksanakan mengikut 3 strategi iaitu:-

1. Pemberigaan bertujuan pensejajaran semula (*Communicate To Realign*) iaitu khusus untuk pemberigaan kepada agensi-agensi kerajaan dan sektor-sektor swasta supaya semua pihak yang berkenaan faham akan tanggungjawab masing-masing dan akan memastikan pelaksanaan strategi propertumbuhan yang lebih bersepadu dan menjurus kepada pembangunan negara;

2. Pemberigaan bertujuan mendidik (*Communicate to Educate*); dan

3. Pemberigaan bertujuan memberi inspirasi (*Communicate to Inspire*).

Strategi kedua dan ketiga ini khusus untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai termasuk golongan belia dan penuntut-penuntut mengenai Wawasan Brunei 2035 dan seterusnya menjelaskan bagaimana mereka boleh menyumbang secara positif ke arah pencapaian wawasan tersebut.

Pemberigaan mengenai Wawasan Brunei 2035 ini telah pun mula dilaksanakan seperti pemberian taklimat kepada agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, penuntut-penuntut dan orang awam dan pemberigaan maklumat melalui risalah, pamflet, kalendar dan lagu.

Pelbagai kaedah media massa juga akan digunakan seperti pemberigaan secara media digital akan dibuat melalui laman sesawang, video Wawasan Brunei 2035, media sosial, promosi melalui radio dan televisyen dan aplikasi mengenai Wawasan Brunei 2035. Sementara itu pemberigaan secara media cetak akan dibuat dalam bentuk buku pengemaskinian Wawasan Brunei 2035, poster, risalah dan pamflet. Sekian yang dapat kaola sampaikan dan kaola mengucapkan terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut Yang Telah Diberi Notis No. 6 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato

Paduka Awang Haji Zainal kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pada tahun 1996, *Semaun Holding Sdn Bhd* telah ditubuhkan sebagai sebuah agensi di bawah pengurusan agensi pelaburan dan perdagangan kerajaan dengan bermatlamatkan untuk meningkatkan perkembangan industri dan perdagangan negara ini. Projek-projek *Semaun Holding Sdn Bhd* seperti *aquaculture, food processing* dan *glass crystal manufacturing* dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan.

Pada masa ini *Semaun Holding Sdn Bhd* telah menjangkau usia lebih kurang 20 tahun dan sudah setentunya orang ramai tertanya-tanya sejauh manakah statistik pendapatan daripada kegiatannya yang boleh membantu perekonomian negara kita.

Kaola ingin bertanya dan ingin tahu:-

1. Berapa buahkah syarikat yang bertaraf *joint venture* atau *government linked companies* yang dimiliki oleh kerajaan?;

2. Apakah perkembangan syarikat-syarikat berkenaan boleh diiktiraf sebagai bertaraf antarabangsa terutamanya dari segi teknologi, pemasaran dan pendapatan negara?;

3. Berapakah caruman kewangan kerajaan untuk projek-projek *Semaun Holding Sdn Bhd*?; dan

4. Apakah kedudukan aktiviti *joint venture* syarikat swasta dengan kerajaan dan berapa peratuskah kerajaan memperolehi hasil dari usaha sama itu?

Sekian saja dari kaola, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai perkara ini. *Government Linked Companies* ataupun *GLCs* adalah syarikat yang ada sebahagian sahamnya dipegang oleh kerajaan sama ada kerajaan merupakan pemegang saham minoriti ataupun majoriti syarikat.

Mengikut definisi ini, dan dalam konteks Negara Brunei Darussalam, pelaburan kerajaan dalam *GLCs* adalah melalui 2 buah entiti iaitu:-

i. *Darussalam Assets* iaitu *investment holding company* yang diberi mandat untuk memiliki dan memantau pelaburan kerajaan dalam *GLCs* ini; dan

ii. Dana Modal Pembangunan Strategik (*Strategic Development Capital*), iaitu dana yang diberikan mandat untuk menyediakan sumber kewangan berupa *risk capital* dengan menawarkan penyertaan pelaburan sebagai rakan kongsi tempatan bagi pelabur-pelabur asing yang berhasrat untuk membuat pelaburan di Negara Brunei Darussalam.

Terdapat sebanyak 75 buah *GLCs* di bawah hak milik atau tanggungjawab pengurusan *Darussalam Assets* dan Dana Modal Pembangunan Strategik (*Strategic Development Capital*) iaitu 44 buah syarikat dimiliki oleh kerajaan sepenuhnya dan 31 buah syarikat merupakan *joint venture* atau usaha sama. Selain syarikat-syarikat di atas, terdapat beberapa buah lagi syarikat bertaraf *GLCs* yang bukan di bawah kawalan selia *Darussalam Assets* dan Dana Modal Pembangunan Strategik (*Strategic Development Capital*).

Mengenai soalan yang berkaitan perkembangan syarikat-syarikat berkenaan, salah satu ukuran kejayaan atau *measure of success* untuk menilai sama ada syarikat-syarikat berkenaan boleh diiktiraf sebagai bertaraf antarabangsa adalah melalui keupayaannya untuk menjana pelanggan luar negara atau eksport.

Setakat ini beberapa buah syarikat telah pun memasarkan produk dan perkhidmatannya ke luar Negara. Contohnya ialah Syarikat Simpor Pharma Sdn Bhd yang 84.5 peratus dari hasil pendapatannya didapati dari pengeksportan ke luar negara. Begitu juga dengan *Ghanim International Corporation Sdn Bhd* melalui anak syarikat *Ghanim International UK Limited* telah pun memasarkan produk-produk jenama *Brunei Halal Brand* di rangkaian pasar raya antarabangsa seperti *TESCO* di United Kingdom dan di Singapura.

Dari segi teknologi, antara strategi untuk memastikan adanya *technology transfer* ialah dengan membuat pelaburan usaha sama dengan rakan kongsi yang pakar industri. Peranan penting yang dimainkan rakan kongsi perniagaan ini adalah untuk membawa masuk dan memindahkan pengetahuan perniagaan ke negara ini termasuk dari segi teknologi.

Misalannya syarikat *CAE Brunei Multi-Purpose Training Centre* yang rakan kongsi teknikalnya ialah *CAE Inc., Canada. CAE Inc.* merupakan sebuah syarikat terbesar di dunia yang pakar dalam penyediaan *simulating and modeling technologies and integrated solutions* bagi industri penerbangan awam dan pertahanan.

Teknologi ini telah pun dibawa ke Brunei Darussalam dan *CAE Inc.* telah pun menyediakan program-program latihan dan *on-the-job training* bagi pekerja-pekerja tempatan dan termasuk program latihan di ibu pejabat *CAE Inc.* di *Canada.*

Sehingga ini *CAE Brunei MPTC* ini telah berjaya mendapatkan beberapa kontrak bersama pelanggan-pelanggan antarabangsa termasuk syarikat-syarikat dari Republik Rakyat China dan Australia. Pihak kerajaan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan terus memantau prestasi syarikat-syarikat *GLC*s ini untuk memastikan ianya mencapai taraf antarabangsa supaya boleh berdaya saing dengan syarikat-syarikat di luar negara. Antara usaha-usaha kerajaan tersebut termasuklah jua untuk memastikan syarikat-syarikat ini mengikut *best practice global standard* termasuk dari segi tadbir urus atau *corporate governance* dan penggunaan piawaian *International Financial Reporting Standard (IFRS).*

Pertanyaan mengenai berapa caruman wang kerajaan untuk projek-projek *Semaun Holdings Sendirian Berhad.* Memandangkan *Semaun Holdings* sebuah syarikat sendirian berhad dan bukannya *Public Limited Company*, jumlah caruman kerajaan untuk projek-projek ini, dukacita tidaklah dapat dikongsikan pada umum atas sebab-sebab komersial.

Kaola beralih untuk menjawab kepada soalan yang keempat. Iaitu kedudukan aktiviti *joint-venture* syarikat swasta dengan kerajaan dan berapa peratuskah kerajaan memperolehi hasil dari usaha sama itu?

Setakat ini, kerajaan telah membuat pelaburan dalam 3 buah syarikat usaha sama dengan sektor swasta tempatan yang terdiri daripada 2 buah syarikat di bawah portfolio *Darussalam Assets Sendirian Berhad* dengan sumbangan peratus kepada hasil pertubuhan portfolio *Darussalam Asset*s dan sebuah syarikat di bawah portfolio Dana *SDC* dengan sumbangan 1.85 peratus kepada hasil portfolio Dana *SDC* iaitu *Simpor Pharma Sendirian Berhad,* dengan pihak kerajaan memegang saham sebanyak 29.4 peratus.

Pada masa ini, Syarikat *Simpor* telah memulakan penjualan beberapa produknya di pasaran tempatan seperti Pasar Raya *Hua Ho, Jaya Hypermart* dan *Guardian Pharmacy.* Bagi pasaran luar negeri pula, *Simpor* telah pun memulakan penjualan produknya ke Canada, Amerika Syarikat dan Hong Kong.

Pada waktu ini, pihak *Simpor* sedang giat mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak tertentu bagi memperolehi persijilan Halal yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Pengurusan *Simpor* juga sedang giat dengan kegiatan-kegiatan pemasaran di luar negara seperti di rantau China dan Timor Tengah bagi memperkenalkan produk-produk *Simpor*. Sekian yang dapat kaola berikan penerangan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut Yang Telah Diberi Notis No. 9 daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mempunyai satu perkara yang hendak dipersoalkan iaitu Perubahan Iklim Dunia *(Climate Change).*

Pada bulan Disember 2015, perwakilan dari 195 buah negara dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu *(United Nations)* telah menerima rangka persetujuan *(Framework Convention)* ke-1992 mengenai perubahan iklim yang bersejarah untuk mengelakkan dunia daripada malapetaka akibat perubahan iklim dengan memberi isyarat untuk memberhentikan penggunaan minyak dan gas yang mengakibatkan *"green-house emission".*

Disebabkan penggunaan *fuel* dan gas yang mengeluarkan asap *carbon dioxide* dari industri-industri besar di dunia, dari ekzos paip kenderaan-kenderaan dan pembakaran yang berleluasa menyebabkan suhu dan ozon dunia terjejas sehingga tidak menentu dan mengakibatkan paras air laut naik, banjir, tanah-tanah runtuh dan kebakaran-kebakaran berlaku. Kaola ingin tahu:-

1. Adakah Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara ahli dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu *(United Nations)* dan *ASEAN* terikat di dalam persetujuan tersebut?;

2. Jika tidak terikat, apakah sumbangan Negara Brunei Darussalam dalam persetujuan tersebut?;

3. Jika tidak, apakah strategi pihak kerajaan dalam menangani isu-isu yang disebutkan di atas bagi melindungi kesejahteraan rakyat dan negara tidak terjejas?; dan

4. Jika pengurangan penggunaan minyak dan gas dikuatkuasakan, sudah setentunya hasil negara akan terjejas. Apakah langkah-langkah kerajaan dalam jangka masa pendek dan panjang untuk menstabilkan hasil dan memperkukuhkan perekonomian negara?

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee atas soalan-soalan berhubung perubahan iklim dunia tadi.

Seperti kenyataan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad itu tadi, bahawa *21st Convention of Parties to United Nations Framework Convention on Climate Change* yang berlangsung pada bulan Disember 2015

lepas di Paris telah bersetuju untuk menerima dan mengguna pakai perjanjian tersebut.

Perjanjian Paris adalah satu perjanjian alam sekitar berbagai hala ataupun *Multi-Natural Environment Agreement* yang menghendaki negara-negara ahlinya melaksanakan tindakan bagi mencapai matlamat dasar rangka *convention* perubahan iklim tersebut iaitu bagi mempertingkatkan tindakan sejagat ataupun global *responds* menangani ancaman dan kesan perubahan iklim.

Perjanjian Paris menghendaki semua negara ahlinya termasuklah negara kita melaksanakan tindakan untuk mengurangkan pengeluaran gas yang menyebabkan perubahan iklim dan menangani kesan perubahan iklim terhadap kehidupan manusia dan sistem ekologi. Walau bagaimanapun, tindakan yang akan dilaksanakan adalah mengikut keupayaan dan kemampuan negara masing-masing.

Tatacara penguatkuasaan perjanjian tersebut ialah perjanjian tersebut hanya akan dikuatkuasakan setelah separuh atau 50 peratus daripada jumlah bilangan negara-negara ahli Konvensyen Perubahan Iklim menghadapkan persetujuan bertulis untuk menjadi negara ahli rasmi kepada Perjanjian Paris yang dimaksudkan, proses ini akan mula dibuka untuk penandatanganan mulai 22 April 2016 ini.

Ringkasnya Negara Brunei Darussalam hanya akan terikat dan dikehendaki memenuhi obligasi dan komitmen untuk melaksanakan tindakan mengurangkan pengeluaran gas yang boleh menyebabkan perubahan iklim dan menangani kesan perubahan iklim setelah Negara Brunei Darussalam menghadapkan perutusan untuk menjadi ahli secara rasmi kepada Perjanjian Paris tersebut.

Walau bagaimanapun, seperti mana jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara mengenai Perubahan Iklim pada September 2014 di New York, Negara Brunei Darussalam memang berhasrat untuk bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan ahli-ahli negara-negara di dunia yang lain dalam menangani cabaran mengenai perubahan iklim ini.

Sehubungan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda telah menyatakan mengenai hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melaksanakan rancangan-rancangan berikut:-

1. Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk mengurangkan penggunaan tenaga kepada kadar 63 peratus menjelang 2035;

2. Kerajaan juga berhasrat untuk menjana kuasa sekurang-kurangnya 10 peratus daripada jumlah keperluan tenaga daripada sumber baru dan sumber yang boleh diperbaharui ataupun *renewable resources* menjelang tahun 2035; dan

3. Negara Brunei Darussalam komited untuk memperuntukkan 58 peratus daripada kawasan tanah negara bagi inisiatif hutan nadi Borneo atau pun *Heart of Borneo.*

Memandangkan sebahagian besar daripada pengeluaran gas yang boleh menyebabkan perubahan iklim adalah dari bahan bakar minyak dan gas, penjanaan dan penggunaan tenaga, peranan dan kerjasama orang ramai dalam mengurangkan pengeluaran gas yang boleh menyebabkan perubahan iklim melalui amalan penggunaan tenaga secara berhemah dan berjimat cermat amatlah penting dan diperlukan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini dan warga sejagat dari kejadian dan kesan perubahan iklim.

Yang Berhormat Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh yang demikian, komitmen kerajaan dan negara kepada sebarang perjanjian antarabangsa seperti yang dimaksudkan tadi, akan dipastikan ia juga untuk menjaga kepetingan negara jangka panjang. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No. 12 daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى اَشْرَفِ الْاَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ اَجْمَعِيْنَ. رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِيْ اَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي يَفْقَهُوْا قَوْلِي

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebenarnya soalan kaola ini, bukanlah menyusur angin atau menyusur ombak, tetapi ia mendamaikan dalam pelayaran. Kita semua pun tahu bahawa barang-barang meningkat naik, makanya gaji perkhidmatan awam belum kedengaran bagaimana riaknya yang masih terlaboi-laboi (terapung-apung), tidak ada pergerakan dan ditakuti akan dihinggapi oleh kapang-kapang (kerang laut).

Dalam perkara ini, kaola ingin bertanya:-

1. Adakah dalam perancangan kerajaan untuk mengkaji tangga gaji perkhidmatan awam seterusnya?; dan

2. Bolehkah Elaun Sara hidup itu dipanjangkan hingga ke akhir hayat? Barangkali itu soalan yang pendek. Kaola akan mengiringinya dengan

pantun yang ada hubungan dengan soalan kaola ini iaitu:-

14 banjar petani,
Pisang emas masak di kebun,
Tindak balas membalas kami,
Siang berpanas malam berembun.

Dembo (h) jiu (ke mana kau),
Itu dia bahasa Tutong,
Allah dan Rasul sahaja yang tahu,
Ke sana sini membawa untung.

Yang Berhormat Pehin pantun yang terakhir:-

Mengail di hujung taman,
Berumpankan siar bangkita,
Hidup sakit mati tidak beriman,
Sakit hidup tidak berharta.

Demikian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat akan berpantun dan jua akan menjawabnya.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Minta maaf Yang Berhormat, tidak arif berpantun. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih atas pertanyaan-pertanyaan yang di timbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain dengan pantun-pantunya tadi, cuma kaola inda akan dapat menjawab dengan pantun-pantunnya tadi, tetapi boleh jua barangkali satu:-

Pulau Labuan tidak berbukit,
Ada bukit di Batu Karang,
Permintaan Yang Berhormat
bukan sedikit,
Dari dahulu sampai sekarang.

Mengenai persoalan adakah dalam perancangan kerajaan untuk mengkaji semula tangga-tangga gaji pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam, kalau kaola tidak silap perkara ini telah pernah ditimbulkan oleh Yang Berhormat sendiri pada Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas. Malah seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dalam soalan yang diajukan, hampir setiap tahun soalan yang sama telah dibangkitkan. Dan pada setiap tahun juga penerangan-penerangan telah pun kaola berikan dengan panjang lebar dan terperinci, terutamanya mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam memastikan kos sara hidup di negara ini terkawal dan untuk tidak membebankan mereka yang berpendapatan rendah.

Dalam hal ini, kaola dengan penuh hormat ingin menyarankan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mendapatkan maklumat mengenai perkara ini, supaya akan dapat merujuk dan menyemak jawapan-jawapan yang pernah diberikan di dalam Majlis Mesyuarat Negara yang terdahulu

termasuklah yang telah dikemukakan pada Majlis Mesyuarat Negara tahun 2015 yang lepas.

Oleh itu, kaola tidaklah akan memberikan lagi penerangan cara panjang lebar mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik semula perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai langkah-langkah berterusan kerajaan yang telah dapat mengawal kos kenaikan sara hidup di negara ini secara berkesan.

Semua langkah ini adalah bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini terutamanya golongan yang berpendapatan rendah sama ada yang berkhidmat di sektor kerajaan atau swasta atau yang bekerja sendiri akan lebih terpelihara dan terjamin.

Di samping itu kaola juga ingin sekali lagi menekankan bahawa tanggapan mengenai tiada pengkajian semula tangga gaji pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam adalah kurang tepat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan keadaan ekonomi semasa yang amat mencabar yang memerlukan kerajaan untuk menangani masalah defisit yang tinggi dengan berkesan dan terurus, setentunya keutamaan perbelanjaan kerajaan pada waktu ini akan lebih ditumpukan kepada usaha untuk memastikan kedayatahanan ekonomi dan kewangan kerajaan dan negara. Kedayatahanan ekonomi dan kewangan negara ini amat penting untuk membolehkan kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati oleh negara pada waktu ini akan dapat terus dikekalkan dan dapat diwariskan kepada generasi-generasi kita yang akan datang.

Perkara ini telah kaola huraikan dengan terperinci dalam pembentangan cadangan Anggaran Perbelanjaan dan Hasil Pendapatan Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 beberapa hari yang lepas.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dasar kerajaan yang dipraktikkan selama ini iaitu untuk memastikan pembangunan negara adalah berdayatahan *(sustainable)* dan inklusif.

Bagi menanai matlamat tersebut, langkah-langkah yang telah diambil pihak kerajaan setakat ini, الْحَمْدُ لله telah membolehkan kos sara hidup di negara ini terkawal. Contohnya pemberian perkhidmatan kesihatan dan pendidikan secara percuma dan skim perumahan kos rendah yang diberikan subsidi oleh kerajaan telah dapat mengawal perbelanjaan bagi keperluan-keperluan tersebut. Begitu juga dengan pemberian subsidi barangan keperluan asas seperti bekalan tenaga elektrik dan air, bekalan gas, beras dan gula dan sebagainya telah dapat mengawal kenaikan kos barangan asas tersebut.

Dasar-dasar menyeluruh ini الْحَمْدُ لله telah membolehkan barangan keperluan dan kemudahan perkhidmatan asas di

negara ini untuk dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini secara berpatutan sama ada mereka yang dalam perkhidmatan awam ataupun sebaliknya.

Selain daripada kadar inflasi negara ini yang amat rendah berbanding dengan negara-negara lain, sebagaimana jua yang dimuatkan dalam laporan tahunan pihak *IMF*, agensi kerajaan yang berkenaan juga sentiasa membuat pemantauan terhadap kenaikan harga barangan bagi melindungi kepentingan-kepetingan orang ramai dan pengguna-pengguna di negara ini.

Di samping itu, kerajaan melalui agensi-agensi kerajaan yang berkenaan juga ada menghulurkan bantuan-bantuan tertentu secara langsung kepada golongan yang memerlukan dan berkelayakan. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ini adalah semata-mata bagi membolehkan taraf hidup rakyat dan penduduk negara ini di semua peringkat sentiasa terpelihara.

Berhubung pengkajian semula tangga gaji pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam, pihak kerajaan beberapa tahun kebelakangan ini telah pun melaksanakan beberapa langkah yang telah membolehkan pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam menerima pendapatan atau *take-home-pay* yang lebih tinggi berbanding sebelumnya.

Antara perubahan tersebut termasuklah pemberian Kurnia Elaun Khas, memperkenalkan Elaun Sara Hidup, pewujudan EB-Khas dan pemberian Kenaikan Mata Gaji Khas (*Accelerated Increment*). Di samping itu, selain pemberian Bonus Tahunan, sebahagian besar perkhidmatan awam juga menerima kenaikan gaji tahunan sehingga mencapai tahap maksimum yang ditetapkan. Kenaikan gaji tahunan pada kadar tertentu ini juga telah membantu dalam menampung sebarang kenaikan kos sara hidup yang disebabkan oleh inflasi pada setiap tahun.

Selain dari itu, melalui pengemaskinian beberapa Skim Perkhidmatan bagi beberapa jawatan dalam perkhidmatan awam, ianya telah memberikan pemegang-pemegang jawatan yang berkenaan kenaikan gaji pokok dan tambahan elaun dan kemudahan lain melalui penyelarasan yang dilaksanakan tertakluk kepada kelayakan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan. Antara jawatan-jawatan tersebut termasuk Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, guru-guru, jururawat, doktor, angkatan bersenjata, tenaga pengajar institusi pengajian tinggi dan lain-lain.

Oleh itu, kenyataan seolah-olah kerajaan tidak pernah membuat sebarang perubahan atau pengkajian terhadap tangga gaji atau kemudahan bagi kakitangan perkhidmatan awam kurang tepat dan tidak berasaskan fakta sebenar. Dalam menimbulkan cadangan seperti ini amatlah perlu kita melihat keperluan dan keutamaannya secara holistik dan saksama. Faktor-faktor asas seperti keadaan ekonomi

semasa; dasar dan usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta bagi mengurangkan pergantunggan pada pekerja-pekerja asing yang begitu ramai; tanggungan serta komitmen kewangan kerajaan bagi jangka masa sederhana dan panjang dan sebagainya perlulah semuanya diambil kira.

Dengan keadaan ekonomi yang mencabar seperti pada masa ini jumlah defisit makin meningkat, kerajaan amat mengalu-alukan dan menghargai cadangan-cadangan positif, membina dan bijaksana dari Ahli-ahli Yang Berhormat bagi langkah-langkah yang bersesuaian untuk diambil oleh kerajaan untuk menjimatkan perbelanjaan atau meningkatkan hasil atau cadangan dapat membantu usaha kerajaan mempelbagaikan sumber perekonomian dan hasil negara yang boleh menjana lebih banyak peluang pekerjaan pada belia tempatan di negara ini. Sebarang cadangan atau pandangan dalam perkara ini setentunya akan diberikan perhatian dan pertimbangan sewajarnya sebelum ianya dilaksanakan nanti إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Mengenai soalan kedua, bolehkah Elaun Sara Hidup dipanjangkan sehingga akhir hayat. Pihak kerajaan juga telah mengambil langkah proaktif pada tahun 2010 dengan memperkenalkan Skim Persaraan Caruman Tambahan. Melalui skim *SCP* ini, pihak kerajaan telah menyasarkan agar setiap pesara yang telah mencapai umur 60 tahun dan ke atas, untuk menerima bayaran *annuity* bulanan dengan kadar minimum sebanyak $400.00 sebulan termasuk Elaun Pencen Tua sebanyak $250.00 sebulan bagi tempoh 20 tahun tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat yang tertentu.

Jumlah minimum ini akan bertambah tertakluk kepada jumlah simpanan pencarum-pencarum tersebut. Skim ini memberikan perlindungan sosial bukan sahaja kepada peserta-peserta skim TAP tetapi juga mereka dalam sektor informal. Bagi mencapai sasaran baki yang mencukupi apabila mencapai umur persaraan 60 tahun, pihak kerajaan juga telah pun menyediakan kemudahan *top-up* bagi mana-mana ahli *SCP* yang gaji minimum tidak mencapai kadar caruman minimum yang ditetapkan setiap bulan.

Di samping itu, mengambil kira skim ini hanya berkuat kuasa mula 1 Januari 2010, pihak kerajaan juga telah menghulurkan pembayaran '*catch-up*' berjumlah keseluruhannya hampir $300 juta, sebagai bayaran caruman *SCP* secara kebelakangan bagi pihak peserta dan juga majikan bagi tempoh mulai tahun 1993 (tarikh TAP dilancarkan) sehingga 2009.

Langkah-langkah yang telah diambil ini menggambarkan bukan sahaja keprihatinan kerajaan tetapi juga kemurahan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kebajikan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini terpelihara selaras dengan dasar pembangunan yang *inclusive* dan *sustainable*.

Sekian yang dapat kaola sampaikan bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain tadi. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No.13 daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, tajuk yang saya bawa kali ini ialah Penyertaan Negara Dalam *PISA.*

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan serta pihak-pihak yang berkenaan atas peningkatan dalam pencapaian Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2015 berbanding dengan tahun sebelumnya. Dijangkakan pelajar-pelajar lepasan PSR 2015 adalah kohort pertama yang akan dinilai mengikut *Programme For International Student Assessment (PISA) 2018,* penilaian pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains diberi keutamaan.

Dengan pencapaian negara yang membanggakan dalam penilaian *PISA* itu nanti, sudah setentunya akan memperkukuhkan lagi sistem pembelajaran negara kita, yang memang diakui antara yang terbaik iaitu sistem yang memandang ke hadapan sambil memperkukuhkan nilai-nilai agama dan kebudayaan dengan berkonsepkan Melayu Islam Beraja.

Soalan saya, apakah rancangan serta langkah yang telah dan akan diambil bagi memastikan pencapaian yang berterusan dan *sustainable* terutama bagi mata-mata pelajaran Matematik dan Sains dalam penilaian *PISA* 2018 dan yang seterusnya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai *PISA* 2018 dan perancangan serta persediaan pelajar yang akan menyertai *PISA* pada tahun 2018 nanti.

Programme For International Student Assessment atau ringkasnya *PISA* ialah bagi kita mengenal pasti tahap pencapaian pelajar Negara Brunei Darussalam dengan pelajar di seluruh negara-negara yang lain. Penilaian *PISA* akan menunjukkan pencapaian pelajar dalam 3 bidang iaitu:-

i. Literasi Membaca *(reading literacy);*
ii. Literasi Matematik *(mathematical literacy)*; dan
iii. Literasi Saintifik *(scientific literacy).*

Sebagaimana yang lazim dikendalikan setiap pusingan penilaian *PISA* akan

memfokus kepada antara salah satu bidang di atas.

Maka bagi penilaian *PISA* 2018, fokus akan diberikan kepada aspek Literasi Membaca. Pelajar-pelajar lepasan PSR 2015 adalah kohort pertama yang akan mengikuti penilaian *PISA* 2018 dan sejak 2015 Kementerian Pendidikan telah melaksanakan beberapa usaha sebagai persediaan penyertaan negara dalam penilaian *PISA* 2018 iaitu dari sudut pengajaran dan pembelajaran dan juga dari sudut kehadiran pelajar.

Di bawah sudut pengajaran dan pembelajaran, usaha pengukuhan konsep giat dilaksanakan di peringkat rendah dengan tujuan untuk memastikan semua pelajar menerima pengajaran yang berkualiti dan pembelajaran yang mapan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Selari dengan itu juga, langkah-langkah mereviu semula kurikulum mata pelajaran Matematik juga turut dilaksanakan. Pengukuhan pembelajaran Matematik dalam konsep ini penting untuk memastikan pemahaman pembelajaran yang berterusan dan إِنْ شَاءَ اللهُ akan membantu pelajar-pelajar dalam penilaian *PISA* nanti.

Langkah analisis pencapaian mata pelajaran yang dibuat untuk membantu guru-guru mengenal pasti kelemahan pelajar mereka bagi langkah intervensi yang diambil dan difokuskan kepada topik-topik yang memerlukan lebih sokongan. Di samping itu, ibu bapa dan penjaga juga akan dapat mengetahui pencapaian atau kelemahan anak-anak mereka dan bagi memastikan mereka mengulangkaji di rumah. Kelas-kelas tambahan sama ada dalam waktu persekolahan dan juga pada setiap hujung minggu adalah juga sebahagian usaha yang diungkayahkan oleh sekolah-sekolah. الْحَمْدُ لله perlaksanaan kelas-kelas tambahan disambut baik oleh pelajar dan ibu bapa.

Dalam usaha memperkukuhkan pencapaian pelajar, penghasilan piawaian literasi dan numerasi *(literacy and numeracy standard)* telah dilaksanakan. Melaluinya nanti, para guru akan dapat mengetahui tahap kompetensi pelajar-pelajar terutamanya dalam literasi dan numerasi yang merupakan dua komponen dalam penilaian *PISA*. Bagi memastikan pencapaian yang berterusan, guru-guru diberikan bengkel-bengkel dan latihan-latihan meningkatkan kapasiti mereka. Di samping itu, kandungan kurikulum juga dikaji agar memenuhi keperluan jangkaan global atau tahap global.

Menyentuh pula mengenai isu kehadiran, ia dilihat sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada kejayaan pelajar. Pelbagai sesi yang melibatkan ibu bapa dan penjaga telah dilaksanakan oleh sekolah-sekolah untuk menjalin hubungan antara rumah dan sekolah bagi meningkatkan kefahaman tentang kepentingan kehadiran anak-anak bersekolah.

Dengan strategi-strategi yang kaola kongsikan ini tadi, maka kita mengharapkan ia akan dapat

merapatkan jurang perbezaan tahap kompetensi pelajar-pelajar dalam *PISA*, إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Usaha-usaha ke arah meningkatkan literasi dan numerasi, meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan memastikan kehadiran anak-anak murid di sekolah bukanlah semata-mata sebagai usaha persediaan penyertaan negara bagi penilaian *PISA* 2018 sahaja. Ia adalah sebahagian daripada strategi keseluruhan Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan tahap pencapaian pelajar sekolah rendah secara keseluruhan melalui berbagai-bagai inisiatif dan program intervensi yang kini dalam pelaksanaan dan dengan kerjasama Kumpulan PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri, إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan dapat memastikan bahawa pencapaian pelajar-pelajar di sekolah rendah bukan hanya bagi tahun 2015 tetapi diharapkan pada tahun-tahun akan datang juga.

Sekianlah yang dapat kaola terangkan. Sekali lagi kaola ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi izin untuk menjawabnya.

Sekian, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar beberapa soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik dan soalan-soalan itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat yang berkenaan. Sebagaimana yang diketahui, bahawa sebelum kita menangguhkan Mesyuarat kita pada hari Khamis yang lalu, kita telah membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu, dan oleh sebab keperluan yang berkenaan, maka sekarang saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dahulu.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa yang kita tangguhkan pada petang Khamis lalu telah membincangkan Kementerian Kewangan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah menyampaikan mukadimahnya berkenaan dengan belanjawan kementerian tersebut dan seramai 7 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan mengenai belanjawan kementerian berkenaan itu.

Saya berpandangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) masih lagi ingin untuk berucap, menjawab soalan-soalan dan pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan itu. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Yang Berhormat Pengerusi, اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Lebih dahulu kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada 7 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan sebanyak 12 buah pertanyaan dan isu termasuk jua mengemukakan pandangan dan cadangan mengenai Tajuk-Tajuk di bawah peruntukan Kementerian Kewangan pada hari khamis yang lalu. Sekarang izinkanlah kaola memperjelaskan isu-isu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Mula-mula Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat dua agensi yang terlibat dalam menangani perkara ini iaitu Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Autoriti Monetari *Brunei* Darussalam (AMBD). Sebenarnya langkah-langkah pemberigaan celik kewangan ini telah pun dilaksanakan secara berterusan dari awal oleh TAP dan juga *AMBD*.

Matlamatnya sememangnya ialah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai pengurusan dan perancangan kewangan. Antara inisiatif-inisiatif yang telah diambil termasuklah dengan mengadakan sesi-sesi taklimat dan jerayawara. Usaha-usaha meningkatkan celik kewangan ini juga dikendalikan melalui kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan yang berkenaan dan juga institusi-institusi kewangan di negara ini.

Inisiatif-inisiatif lain yang telah dilaksanakan oleh TAP dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan masih lagi diteruskan dari masa kesemasa antaranya ialah:-

1. Mengadakan seminar dan forum serta *roadshow* yang berkaitan dengan perancangan kewangan (*financial planning*) kepada penuntut-penuntut sekolah dan institusi pengajian tinggi, belia-belia yang baru memasuki alam pekerjaan, kakitangan kerajaan yang bersara malah juga orang-orang yang akan berkahwin;

2. Mengadakan program menyusur kampung, iaitu taklimat perancangan kewangan di mukim-mukim dan kampung-kampung dengan bantuan para penghulu dan ketua-ketua kampung; dan

3. Mengadakan program mentor perancangan kewangan iaitu dengan mengadakan pertandingan di antara sekolah-sekolah dengan bantuan Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi kewangan.

Berdasarkan maklum balas dan respons yang diterima daripada peserta-peserta, الْحَمْدُ لله ianya menunjukkan peningkatan dalam kesedaran orang ramai mengenai kepentingan perancangan kewangan terutama di kalangan belia-belia yang baharu memasuki alam pekerjaan.

Mengenai cadangan untuk menubuhkan satu badan untuk menerajui dan melaksanakan strategi celik kewangan di peringkat kebangsaan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ ianya akan dikaji, jika didapati langkah-langkah yang diambil setakat ini masih kurang berkesan. Dalam hal ini, kaola jua ingin menekankan bahawa kesedaran mengenai kepentingan dalam pengurusan dan perancangan kewangan ini, perlu juga didukung di peringkat masyarakat dan keluarga yang mana adalah merupakan tunjang utama dalam mendidik anak-anak dan belia-belia mengenai perancangan kewangan dan menanamkan sikap berhemah dalam berbelanja serta berbelanja mengikut kemampuan masing-masing.

Isu berkaitan celik kewangan ini bukan sahaja memerlukan kerjasama dari agensi-agensi kerajaan tetapi ianya lebih berkesan melalui pendekatan secara *whole of nation*.

Seterusnya soalan kedua daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid iaitu bagi kadar caruman TAP untuk dinaikkan. Dalam hal ini, pihak kerajaan memang amat peka akan pentingnya tabungan peserta-peserta TAP dalam menjamin saraan hidup apabila mereka bersara nanti.

Walau bagaimanapun, dalam menimbangkan sebarang cadangan berkaitan perkara ini, yang termasuk jua yang diajukan oleh Yang Berhormat pada hari Khamis yang lepas, kajian perlu dibuat secara terperinci agar dasar yang akan dihasilkan nanti adalah kukuh dan tidak memberi impak negatif kepada usaha atau dasar lain yang berkaitan. Antara faktor-faktor yang perlu diambil kira termasuklah:-

i. Kesan Kenaikan kadar caruman kepada kos perniagaan di negara ini, keupayaan kewangan pencarum atau peserta terutama mereka yang berpendapatan rendah, unjuran kenaikan kos sara hidup dalam jangka masa sederhana dan panjang; dan

ii. Kesan kepada perkembangan sektor swasta dan usaha mempelbagaikan dan kedayatahanan ekonomi negara dan sebagainya.

Sebab itulah, perkara ini masih lagi dalam kajian dan penelitian berterusan Kementerian Kewangan walaupun ia telah ditimbulkan pada sesi mesyuarat yang lepas. Walau bagaimanapun, kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid kerana menimbulkan lagi perkara ini.

Untuk makluman, Ahli-ahli Yang Berhormat jua, Skim SCP telah diperkenalkan pada tahun 2010 yang mana menjadikan kadar caruman untuk skim persaraan mandatori meningkat dari 5 peratus kepada 8.5 peratus iaitu

5 peratus untuk akaun TAP dan 3.5 peratus untuk akaun SCP. Kaola ingin mengongsikan bahawa mulai tahun 2011 TAP telah pun memperkenalkan Caruman Sukarela bagi menggalakkan para ahli TAP atau para majikan untuk mencarum lebih dari kadar yang ditetapkan.

Semenjak skim ini diperkenalkan jumlah terkumpul bagi Caruman Sukarela TAP telah pun mencapai $981,618. Sehingga Januari 2016 sebanyak 239 ahli TAP (70 dari sektor kerajaan dan 169 dari sektor swasta) telah membuat Caruman Sukarela pada setiap bulan. Manakala, terdapat sebanyak 24 majikan di negara ini yang membuat caruman antara 6 peratus hingga 15 peratus iaitu melebihi kadar 5 peratus yang ditetapkan oleh kerajaan. Perkara ini menggambarkan keprihatinan majikan-majikan berkenaan terhadap kebajikan para pekerjanya yang memberikan sumbangan memajukan dan mengembangkan syarikat-syarikat berkenaan.

Dengan langkah-langkah kerajaan mengurangkan beban kewangan syarikat-syarikat seperti pengurangan kadar cukai korporat dan inisiatif-inisiatif cukai yang lain, adalah diharapkan lebih banyak lagi majikan yang akan meningkatkan kadar caruman bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan bagi pekerja-pekerjanya.

Yang Berhormat Pengerusi, mengenai persoalan dan saranan ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin yang berhubung kait dengan pengeluaran sukuk di negara ini, kaola ingin mengongsikan lebih dahulu objektif asal pengeluaran sukuk yang dibuat oleh pihak kerajaan melalui *AMBD* sebenarnya adalah bertujuan untuk membangunkan pasaran modal ataupun *capital market* di negara ini. Ianya bukanlah bertujuan sebagai pinjaman untuk membiayai projek-projek kerajaan atau *GLCs*. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan akan sentiasa meneliti dan mengkaji jika terdapat keperluan untuk menambah jumlah sukuk yang dikeluarkan dari $100 juta pada masa ini kepada satu jumlah yang lebih tinggi.

Untuk makluman jua, kerajaan juga telah mula mengeluarkan sukuk yang mempunyai *maturity* yang lebih panjang iaitu 1 tahun berbanding hanya 3 bulan semasa pengeluaran Sukuk mula dilancarkan dahulu. Memang tidak dinafikan di negara-negara lain, syarikat-syarikat korporat termasuk milik kerajaan mengeluarkan sukuk atau *bond* untuk membiayai keperluan pelaburan mereka. Dan untuk membolehkan Sukuk dan *bond* tersebut dipasarkan dalam pasaran global, syarikat berkenaan perlu mempunyai *rating* daripada agensi-agensi yang diiktiraf. Begitu juga jika pihak kerajaan berhasrat untuk mengeluarkan sukuk kapada pasaran antarabangsa, ratings juga diperlukan daripada agensi-agensi antarabangsa berkenaan. Walau bagaimanapun, pada peringkat ini pihak kerajaan belum berhasrat untuk membuat pengeluaran sukuk ke pasaran global.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Pehin untuk mengadakan satu *capital market* atau bursa saham yang akan menjadi satu platform bagi perdagangan sekuriti-sekuriti ini dan juga saham-saham syarikat-syarikat tempatan, perkara ini memang dalam perancangan pihak kerajaan. Pada masa ini, satu jawatankuasa telah pun ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Kewangan untuk menggerakkan inisiatif ini. Oleh itu, beberapa langkah sedang dirancang dan diambil bagi memastikan penubuhan bursa saham di negara ini akan berdaya tahan dan berdaya maju dan mendukung usaha mengembangkan pasaran modal di negara ini. Malah pada waktu ini pihak *AMBD* telah pun mendapatkan khidmat seorang pakar bagi membantu dalam perancangan dan pelaksanaan penubuhan bursa saham ini. Cuma apa yang perlu diketahui dalam menubuhkan saham ini, beberapa elemen penting juga perlu kita adakan seperti *legal infrastructure, capacity building* dan juga syarikat-syarikat yang akan disenaraikan dalam bursa saham tersebut.

Berhubung dengan pengeluaran sukuk bagi syarikat-syarikat milik kerajaan atau *GLCs,* setentunya dengan matlamat menjadikan *GLC's* sebagai satu cabang untuk mengukuhkan sektor swasta di negara ini dan mendukung dasar pembelbagaian ekonomi negara, pembiayaan projek-projek pelaburan akan mengambil kira semua aspek komersial. Ini termasuk jika terdapat keperluan modal pelaburan yang lebih menguntungkan atau untuk mitigasi risiko pelaburan yang dibuat boleh berasaskan pinjaman sama ada melalui pengeluaran sukuk atau pinjaman daripada institusi kewangan. Projek-projek yang menggunakan Sukuk perlulah dipilih dengan mengambil kira antara lain *commercial viability* keutamaannya dalam menjana ekonomi negara dan sumbangan kepada pendapatan negara secara keseluruhannya.

Mengenai isu dan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin berkaitan dengan pengurusan simpanan beras negara oleh Jabatan Perbekalan dan Stor Negara, kaola berpendapat bahawa perkara ini bersangkut paut dengan prosedur yang sememangnya telah pun diamalkan oleh jabatan berkenaan. Ini kerana pihak kerajaan perlu memastikan bukan sahaja negara mempunyai simpanan beras yang mencukupi (*food security)* tetapi beras yang dibekalkan dan dijual kepada orang ramai berkualiti tinggi dan selamat untuk dimakan. Oleh itu, Jabatan Perbekalan dan Stor Negara sentiasa memastikan amalan terbaik diguna pakai dalam pengurusan simpanan beras negara. Antara kaedah yang dilaksanakan dalam pengurusan penyimpanan beras ini termasuklah:-

1. Melaksanakan kawalan haiwan perosak *(pest control)*;

2. Melaksanakan fumigasi mengikut jadual sekurang-kurangnya setiap tiga bulan;

3. Melaksanakan proses pengasapan *(fogging)* apabila diperlukan;

4. Cara penyusunan secara *interlocking*;

5. Stok beras diletakkan di atas kalang *(pallets)*; dan

6. Pengeluaran berasaskan seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, *first in first out.* Amalan ini juga selaras juga dengan Peraturan Kewangan 1983.

Kaola ingin juga mengongsikan bahawa bagi kontrak perjanjian pembekalan beras wangi dari negara-negara Thailand dan Cambodia, setiap pembekal adalah dipersyaratkan untuk membekalkan beras wangi yang baru dituai *(new crop).*

Di samping itu, kontrak perjanjian juga mempersyaratkan bagi setiap penghantaran beras untuk diperiksa terlebih dahulu oleh *independent surveyor* bagi memastikan beras tersebut adalah berkualiti dan yang pentingnya selamat untuk dimakan. Bagi mematuhi piawaian antarabangsa yang berkaitan dengan penghantaran, pembekal-pembekal adalah dikehendaki untuk menggunakan kontena *zero defects* dan beras tersebut hendaklah mendapat sijil-sijil fumigasi dan *phyto-sanitary.*

Seperti mana penerangan awal tadi, Jabatan Perbekalan dan Stor Negara telah mengamalkan dasar pengeluaran beras berasaskan kepada *first in first out (FIFO).* Dengan mengambil kira perkara tersebut, *turnover inventory* beras adalah sekurang-kurangnya 6 bulan daripada tarikh ianya diterima. Praktis ini telah dapat menjamin kualiti beras yang disimpan di dalam gudang Jabatan Perbekalan dan Stor Negara dan dibekalkan untuk dijual kepada orang ramai.

Yang Berhormat Pengerusi, Sekarang kaola ingin beralih kepada persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, yang juga sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, mengenai dengan kelambatan pembayaran kepada syarikat-syarikat khususnya syarikat kenderaan yang berkontrak dengan Kementerian Pendidikan dan juga kaitannya dengan komitmen dan integriti pegawai-pegawai yang mengendalikan proses pembayaran berkenaan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar juga mencadangkan bagi satu badan pemantau ditubuhkan dan juga tempat membuat aduan hal-hal yang berhubung dengan pembayaran dan menimbulkan sama ada ganti rugi boleh dituntut, jika orang perseorangan atau syarikat dikenakan denda oleh pihak bank kerana terlewat membayar komitmen disebabkan oleh pembayaran lambat oleh pihak kerajaan.

Dalam hal ini, kaola ingin lebih dahulu memperjelaskan perkara-perkara

berikut, untuk pengetahuan orang ramai terutamanya pembekal-pembekal dan syarikat-syarikat yang berurus dengan kerajaan:-

1. Adalah menjadi satu keutamaan dan komitmen Jabatan Perbendaharaan dan Kementerian Kewangan, bagi setiap tuntutan pembayaran dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Kita memang menyedari dan faham mengenai kepentingan syarikat-syarikat yang memerlukan aliran tunai bagi mengurus perniagaan masing-masing; dan

2. Selaras dengan objektif dan komitmen tersebut, Jabatan Perbendaharaan berterusan mengambil inisiatif dan melaksanakan program-program bukan sahaja untuk mempercepatkan proses pembayaran, tetapi juga memantau proses pembayaran tuntutan yang diterima oleh mana-mana jabatan kerajaan.

Ke arah itu, beberapa langkah telah diambil bagi meningkatkan lagi kecekapan proses pembayaran-pembayaran kerajaan ini, antaranya seperti berikut:-

1. Peningkatan keupayaan *(enhancement)* ke atas sistem *TAFIS* melalui *invoice tracking module*. Fungsi ini bertujuan memudahkan Jabatan Perbendaharaan dan juga jabatan-jabatan di mana tuntutan dibuat mengesan dan memantau status pembayaran ke atas tuntutan-tuntutan dari mana-mana syarikat berkenaan berdasarkan nombor invois atau tuntutan yang diterima;

2. Memastikan setiap tuntutan atau invois yang diterima dikeluarkan *notification slip* oleh jabatan-jabatan yang menerima tuntutan tersebut. Ini ialah bagi memudahkan pemborong dan pembekal-pembekal perkhidmatan merujuk status tuntutan pembayaran masing-masing ke kementerian dan jabatan tempat tuntutan dihadapkan; dan

3. Memperkenalkan *e-mail notification* bagi menentukan status pembayaran tuntutan-tuntutan pembekal yang telah dikeluarkan *notification slip*. Melalui fungsi ini, syarikat-syarikat akan dimaklumkan melalui *e-mail status* pembayaran yang dibuat. Fungsi ini akan memudahkan setiap syarikat untuk membuat rujukan atau pertanyaan kepada agensi-agensi berkenaan mengenai status tuntutan pembayaran mereka. *Enhancement* ini juga bertujuan meningkatkan akauntabiliti kementerian, jabatan serta ketelusan dalam proses pembayaran kerajaan; dan

4. Jabatan Perbendaharaan juga telah menubuhkan *Sub-Treasury Office* di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi mengurangkan lagi proses yang diperlukan dalam pembayaran tuntutan-tuntutan projek-projek RKN.

Berdasarkan perangkaan dan *Invoice Tracking System*, ia telah menunjukkan bahawa kira-kira 95.4 peratus atau 1,027,233 invois dari tuntutan yang diterima oleh pihak kerajaan telah dibayar 70.9 peratus atau 728,567, di mana invois adalah dalam tempoh kurang daripada 30 hari. Manakala selebihnya masih dalam pembayaran. Proses pembayaran tuntutan dari syarikat-syarikat kepada mana-mana jabatan kerajaan melalui sistem *TAFIS*. Oleh itu, adalah penting setiap syarikat memastikan mereka menerima *notification slip* setiap kali tuntutan dihadapkan kepada mana-mana jabatan kerajaan bagi memudahkan rujukan dan bagi mendapatkan makluman melalui e-mel berhubung status pembayaran masing-masing.

Mengenai cadangan penubuhan satu badan pemantauan dan juga tempat membuat aduan, sebenarnya satu jawatankuasa mengenai isu pembayaran telah pun ditubuhkan sejak tahun 2013 yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Kewangan. Hasil dari penubuhan jawatankuasa tersebutlah terdapat beberapa inisiatif, termasuk antaranya seperti yang kaola huraikan tadi telah diambil bagi memperkesankan lagi proses pembayaran kerajaan.

Di samping itu, Jabatan Perbendaharaan juga menyediakan laporan prestasi pembayaran pada setiap bulan yang dikelilingkan kepada kementerian-kementerian untuk mengambil maklum dan tindakan yang bersesuaian terhadap invosi-invois yang masih tertunggak.

Dalam hal ini, mana-mana pihak boleh membuat aduan berhubung hal-hal berkaitan pembayaran atau apa jua perkara berkaitan sebarang proses atau perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan atau jabatan-jabatan di dalamnya kepada mana-mana pegawai berkenaan di Jabatan Perbendaharaan atau Kementerian Kewangan, sama ada di peringkat kaola sendiri, Timbalan Menteri Kewangan, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Jurukira Agung dan lain-lain. Mereka ini boleh dihubungi melalui e-mel yang boleh didapatkan dari laman *web* Kementerian Kewangan.

Di sini kaola ingin menyarankan bagi Yang Berhormat untuk mengongsikan sebarang dokumen yang berkaitan dengan pembayaran-pembayaran lambat yang dirujuk oleh Yang Berhormat bagi membolehkan Kementerian Kewangan menyiasat perkara ini untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi mengelakkan perkara ini dari berulang.

Berhubung persoalan sama ada orang perseorangan atau syarikat dibolehkan untuk menuntut ganti rugi jika mereka didenda oleh bank kerana terlewat membayar komitmen mereka disebabkan pembayaran lambat dibuat. Pada masa ini, pihak kerajaan belumlah ada membuat sebarang perancangan bagi mengubah Peraturan Kewangan yang berkaitan dengan perkara ini.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola sekarang ingin beralih kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat

Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai Syarikat Penerbangan Diraja Brunei *(RB).* Sebagaimana kita sedia maklum, *RB* telah ditubuhkan oleh kerajaan bagi mencapai beberapa matlamat strategik negara, terutama dalam memberikan perhubungan melalui udara pada beberapa bandar raya utama di rantau di negara ini dan antarabangsa, untuk mendukung berbagai-bagai keperluan terutama aktiviti perekonomian, sektor pelancongan dan sebagainya.

الْحَمْدُ لله sejak beberapa tahun kebelakangan ini, walaupun industri penerbangan antarabangsa secara keseluruhannya amat mencabar dengan persaingan yang sengit dari syarikat-syarikat penerbangan yang lebih kukuh dan bermodal tinggi serta pengenalan bajet *airlines,* Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (*RB*) telah mencapai beberapa kemajuan yang telah dapat meningkatkan tahap perkhidmatan dan juga prestasi kewangannya.

Melalui langkah-langkah yang diambil seperti penjenamaan semula syarikat, penstrukturan semula organisasi, penggantungan beberapa laluan penerbangan serta pengenalan pesawat-pesawat baharu seperti *B787 Dreamliner* dan *A320 NEO* yang telah dapat meningkatkan tahap kualiti produk yang ditawarkan dan memberikan penjimatan *fuel efficiency* dan langkah-langkah penjimatan kos yang lain, ianya telah dapat membawa kepada *cost rationalization* bagi operasi syarikat.

Walau bagaimanapun, sebagai sebuah syarikat sendirian berhad, maklumat-maklumat komersial seperti tahap jualan, tahap keuntungan atau kerugian dan sebagainya, dukacita tidaklah dapat kaola kongsikan kerana ianya mempunyai *sensitivity commercial* tertentu.

Seterusnya, kaola ingin memperjelaskan mengenai soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai isu perbelanjaan kerajaan untuk membayar rumah persendirian, sedangkan potongan gaji pegawai berkenaan sedikit bagi pulangan kepada kerajaan. Kaola ingin lebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai perkara ini.

Di sini, kaola ingin mengongsikan bahawa setiap tahun perbelanjaan kerajaan bagi penyediaan rumah-rumah sewa ini untuk didiami oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang berkelayakan ialah kira-kira $140 juta setahun. Walau bagaimanapun, kutipan kerajaan hasil dari potongan gaji pegawai dan kakitangan berkenaan adalah kurang daripada $10 juta setahun. Ini menunjukkan bahawa subsidi yang dihulurkan oleh kerajaan ialah melebihi 90 peratus setahun. Ke arah itu pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang berkenaan sedang meneliti dan mengkaji semula dasar-dasar kelayakan untuk mendiami rumah-rumah sewa kerajaan dan sebagainya. Langkah ini juga selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan orang

ramai untuk memiliki rumah sendiri dengan lebih awal.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang berkaitan dengan *CAE Brunei Multipurpose Training Centre Sdn. Bhd.* (MPCT), kaola ingin mengongsikan bahawa *CAE Brunei MPTC* ini telah ditubuhkan pada bulan Mac 2012. Syarikat ini adalah usaha sama antara *CAE Inc. Canada* dan *Strategic Development Capital,* Kementerian Kewangan, dengan objektif untuk menjadikan *CAE Brunei MPTC* sebagai sebuah fasiliti latihan yang bertaraf dunia. Fasiliti ini telah dibuka pada bulan April 2014 dan setakat ini, الْحَمْدُ لله *MPTC* telah berjaya mendapatkan beberapa kontrak, bukan sahaja dari agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat tempatan malahan juga dari pelanggan-pelanggan antarabangsa, termasuk syarikat-syarikat dari China dan Australia. Sebagai sebuah syarikat komersial *CAE Brunei MPTC* akan terus giat memasarkan perkhidmatan mereka kepada pelanggan-pelanggan lain di rantau Asia dan antarabangsa.

Mengenai persoalan sama ada anak-anak tempatan yang mengikuti latihan memperolehi pekerjaan, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, latihan yang dikendalikan di *CAE Brunei MPTC* ini merupakan *specialized simulation training* seperti yang diperlukan oleh tentera-tentera udara, syarikat-syarikat minyak dan gas yang menjalankan operasi *offshore* dan mana-mana syarikat atau agensi kerajaan yang memerlukan latihan khas tertentu. Oleh yang demikian, latihan tersebut bukanlah bagi belia-belia yang berhasrat untuk mencari pekerjaan atau mereka yang baru menamatkan pelajaran.

Mengenai jumlah pelaburan dan unjuran pulangan dari pelaburan tersebut kaola lagi sekali tidaklah dapat mengongsikan maklumat-maklumat berkenaan memandangkan ianya maklumat komersial yang terhad. Walau bagaimanapun, pelaburan dalam *CAE Brunei MPTC* ini sepenuhnya berasaskan penilaian komersial untuk memperolehi keuntungan.

Seterusnya kaola beralih untuk menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai perniagaan yang dilaksanakan oleh satu bangsa yang berkembang dengan pesat walaupun tidak pernah menghadiri kursus atau bengkel yang penting bagi mereka ialah bangunan atau bilik sahaja dan perniagaan mudah saja berkembang maju dan cepat. Pada pendapat kaola, pengamatan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan satu contoh mengenai usaha gigih dan sikap positif yang perlu diteladani oleh mana-mana pihak yang berhasrat menjadi seorang peniaga atau pengusaha yang berjaya.

Di pihak kerajaan memang berbagai-bagai inisiatif telah diambil untuk menggalakkan lebih banyak anak-anak tempatan melibatkan diri dalam bidang dan seterusnya mengembangkan perniagaan mereka. Pelbagai skim

kemudahan juga turut disediakan termasuk kewangan, latihan seperti *Entrepreneurship Village* di UBD, *i-Centre* dan lain-lain yang telah dihuraikan secara panjang lebar oleh rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri di dalam penerangan beliau beberapa hari yang lalu.

الْحَمْدُ لله kita berbangga bahawa pada masa ini kita juga telah dapat melihat ramai belia-belia tempatan yang telah menceburi secara aktif dalam bidang keusahawanan. Ada sebahagiannya secara sepenuh masa dan sebahagiannya bagi mendapatkan pendapatan sampingan. Mereka ini sebahagian besarnya memasarkan produk-produk mereka dengan menggunakan kemudahan-kemudahan *IT* yang ada pada masa ini, misalnya penjualan secara *online*, melalui *facebook, instagram* dan juga melalui penjualan secara *cube.*

Usaha-usaha gigih seperti ini adalah sangat-sangat dialu-alukan dan boleh dijadikan pemangkin kepada pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana dan ekonomi negara secara keseluruhan. Oleh itu sudah tiba masanya kita selaku masyarakat di negara ini berterusan memberikan sokongan, dukungan dan bimbingan kepada para belia-belia yang bersikap positif dan berdikari seperti ini. Kita juga boleh berbangga kerana sebahagian anak-anak tempatan ini juga mencari dan meneroka peluang untuk memperkembangkan perniagaan mereka ke luar negara tanpa berharap bantuan dari pihak kerajaan.

Pihak kerajaan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan berterusan memberikan kerjasama dan sokongan yang bersesuaian dalam memupuk dan mengembangkan semangat serta kemahiran keusahawaan dalam kalangan pengusaha tempatan terutama sekali generasi muda ini.

Yang terakhir Yang Berhormat Pengerusi ialah bagi menjawab soalan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Di sini ingin kaola mengongsikan bahawa salah satu bidang tugas dan tanggungjawab Jabatan Perbekalan dan Stor Negara ialah membekalkan perkakas/peralatan pejabat dan alat tulis kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Pada waktu ini, syarikat-syarikat yang berjaya adalah dipersyaratkan untuk menghantar terus pesanan perkakas, peralatan pejabat dan alat tulis tersebut terus kepada kementerian dan jabatan yang memohon. Oleh yang demikian, Jabatan Perbekalan dan Stor Negara tidaklah lagi menyimpan stok perkakas, peralatan pejabat dan alat tulis di dalam gudang-gudang mereka. Kompleks Stor Negara adalah dikhususkan untuk menyimpan beras dan gula yang diimport dari negara-negara Thailand dan Cambodia. Selain itu kompleks juga menempatkan barang-barang pecah-belah dan lain-lain barangan yang ditetapkan sahaja.

Ruang-ruang stor kosong seperti mana yang dilihat oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi akan bertambah apabila beras dan gula ini disimpan dan akan dijual kepada syarikat-syarikat yang berdaftar walau bagaimanapun, ruang yang kosong tersebut akan dirizab bagi penerimaan beras dan gula yang import mengikut jadual yang ditetapkan dalam konteks perjanjian dan syarat-syarat pembekal.

Oleh yang demikian, sebarang kekosongan yang terdapat di dalam kompleks Stor Negara ini adalah pada waktu-waktu yang tertentu dan sementara sahaja. Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi ruang-ruang kosong ini untuk disewakan, perkara ini akan diteliti secara mendalam memandangkan kompleks Stor Negara, Gadong ini dikategorikan sebagai kawasan terkawal atau *restricted area*. Berasaskan kepada perkara ini, kerajaan pada masa ini belumlah mempunyai sebarang perancangan bagi menyewakan ruang-ruang kosong yang terdapat di Kompleks Stor Negara tersebut.

Sekianlah saja yang dapat kaola perjelaskan bagi menjawab soalan-soalan daripada 7 orang Yang Berhormat tersebut. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah tadi mendengar penjelasan dan keterangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) bagi soalan ataupun pertanyaan yang dikemukakan oleh 7 orang Ahli Yang Berhormat mengenai Tajuk SD01A hingga SD09A - Kementerian Kewangan. Sekarang mengikut prosedur kita saya akan mengundi Tajuk ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi Tajuk ini diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Tidak ada yang menentang, terima kasih. Oleh yang demikian, Tajuk SD01A hingga SD09A - Kementerian Kewangan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SD01A hingga SD09A - Kementerian Kewangan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih bersidang di peringkat Jawatankuasa dan sekarang saya ingin menangguhkan dahulu Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita akan bersidang semula di Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat kita bersidang semula di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara ini. Dengan itu saya tangguhkan ini untuk kita berehat selama 30 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Ahli-ahli Yang Berhormat kita masih lagi membahaskan Rang Undang-undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan kita membincangkan dan meneliti Rang Belanjawan ini satu persatu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Sebelum mesyuarat ini kita tangguhkan tadi, kita telah meluluskan Rang Belanjawan Kementerian Kewangan yang mana telah pun dijadikan sebahagian daripada jadual. Walau bagaimanapun, sebelum kita berpindah kepada Tajuk jadual belanjawan seterusnya, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat kenyataan tambahan terhadap beberapa soalan yang telah dikemukakan semasa kita membincangkan Rang Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah pun kita luluskan pada hari Khamis yang lalu. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ .

Pada hari Khamis yang lalu, kaola telah menjawab soalan-soalan daripada 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat dan kaola belum menjawab satu soalan lagi daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengenai Projek Taman Dalam Bandar dan kedudukan Majlis Perundingan Kampung, serta satu soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai penyertaan Majlis Perundingan Kampung dalam menyertai sebutharga.

Yang Berhormat Pengerusi, mengenai persoalan Projek Taman Dalam Bandar ini yang mana atas pemerhatian Yang Berhormat terdapat kawasan taman, pokok dan tanaman-tanaman landskap berada di dalam keadaan yang tidak begitu rapi dan teratur, perkara ini abis kaola ambil perhatian dan, إِنْ شَاءَ اللهُ akan diperbaiki dari semasa ke semasa mengikut keutamaannya. Untuk makluman, pemeliharaan ke atas taman-taman, bunga-bungaan dan landskap di tepi-tepi jalan di kawasan

Bandaran Bandar Seri Begawan dikawal secara bersama antara Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan.

Perkara kedua yang dibangkitkan, tentang Majlis Perundingan Kampung yang didapati sebahagiannya tidak begitu aktif. Majlis Perundingan Kampung diterajui oleh Ketua Kampung dengan kerjasama daripada anak-anak buah kampung yang berperanan menjadi anggota ahli Majlis Perundingan Kampung. Maju jaya dan aktifnya sesebuah kampung tersebut adalah terletak di tangan dan pengurusan Majlis Perundingan Kampung dengan kepimpinan Ketua Kampungnya sendiri. Kaola penuh percaya Ketua-ketua kampung yang dedikasi dan aktif akan setentunya dapat membawa Majlis Perundingan Kampung bergerak maju dan aktif serta dapat menyatu padukan seluruh anak buah kampung berkenaan. Di samping itu, jabatan-jabatan daerah dari semasa ke semasa akan menghulurkan khidmat nasihat dan latihan bagi membimbing Majlis Perundingan Kampung supaya senantiasa aktif.

Kaola berpindah kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai dengan penyertaan Majlis Perundingan Kampung Lumut II ke atas balai raya melalui kerja-kerja sebut harga.

Kaola mengucapkan tahniah kepada daya usaha Majlis Perundingan Kampung Lumut II ini dan kerja-kerja pemeliharaan ke atas kemudahan awam, apa tah lagi kemudahan yang secara langsung digunakan oleh orang kampung telah dapat dipelihara sendiri oleh Majlis Perundingan. Ini sudah setentunya akan menjadikan Majlis Perundingan Kampung lebih menjaga dan memelihara kemudahan awam tersebut dan dalam hal ini, balai raya berkenaan dapat dipelihara sepanjang masa.

Kaola merasa bahawa tidak ada halangan bagi Majlis Perundingan Kampung yang lain untuk menyertai atau diberikan peluang untuk ikut serta dalam kerja-kerja sebutharga, mengikut tatacara peraturan kewangan yang berjalan pada masa ini dan pendaftaran syarikat. Sekian saja yang dapat kaola sampaikan untuk tambahan kepada penjelasan kaola pada hari Khamis yang lalu. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Pehin. Sekarang kita berpindah ke Tajuk belanjawan seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang mula membincangkan Belanjawan Kementerian Pendidikan. Sebelum Tajuk ini dibuka untuk dibahaskan, saya sekarang memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menyampaikan

pendahuluannya atau mukadimahnya mengenai dengan Belanjawan Kementeriannya. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى اَشْرَفِ الْاَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ اَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana telah memberi kesempatan bagi kaola untuk memberikan penerangan mengenai dengan fokus dan sasaran Kementerian Pendidikan dalam menyediakan Peruntukan Kementerian Pendidikan bagi 2016/2017.

Sebelum tajuk ini dibincangkan, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Terlebih dulu, kaola bagi pihak Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah memperuntukkan Kementerian Pendidikan sebanyak B$726,654,440.00 bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017.

Kita amat bersyukur bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih dapat menyediakan peruntukan ini di sebalik keadaan ekonomi negara yang merudum untuk mempastikan perancangan kemajuan negara masih diteruskan untuk menjamin kemajuan dan juga ke arah mempastikan kesejahteraan dan kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini.

Sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dalam pembentangan Peruntukan Kewangan 2016/2017, peruntukan kerajaan kini menggunakan kaedah *program and performance budgeting* yang lebih menekankan kepada pencapaian atau pun keberhasilan perbelanjaan mengikut sasaran-sasaran petunjuk prestasi utama *(key performance indicators (KPI))* Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Di bawah Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017 Kementerian Pendidikan ini, sejumlah B$507,278,350.00 disediakan untuk gaji kakitangan, $204,331,090.00 untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang dan $15,045,000.00 bagi Perbelanjaan Khas. Perbelanjaan Khas ini adalah bagi melaksana 11 projek antaranya bagi Pembangunan Strategik Institusi-Institusi Pengajian Tinggi, Projek *Programme for International Student Assessment (PISA) and PISA-Based Test for Schools (PBTS),* pembelian peralatan bagi kursus-kursus baharu dipengajian tinggi dan penggantian peralatan dan perkakas komputer di bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional dan projek menaik taraf dan membaik pulih aset-aset bangunan Kementerian

Pendidikan dan pembelian peralatan sekolah-sekolah.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Pendidikan akan mengambil sikap berhemah dalam berbelanja mengikut keperluan dan keutamaan. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan telah menetapkan 7 program utama dalam melaksanakan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017 ini. Program-program ini adalah saling mendukung antara satu sama yang lain untuk memperkesankan lagi usaha Kementerian Pendidikan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara. Program-program tersebut adalah:-

1. Pengurusan Dasar dan Pentadbiran;
2. Perancangan Sektor Pemantauan dan Perkembangan Sistem;
3. Pendidikan Rendah;
4. Pendidikan Menengah;
5. Pendidikan Teknikal dan Vokasional;
6. Pengajian Tinggi; dan
7. Program lain dan Institusi Pendidikan.

Kementerian Pendidikan telah juga mengenal pasti 13 indikator bagi mengukur keberkesanan pencapaian Pertunjuk Prestasi pertama (KPI). Sasaran bagi setiap indikator ditentukan dan bersandarkan impak atau keberhasilan yang dicapai mengikut kumpulan sasaran.

Semuanya ini bertujuan merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Rakyat menikmati kehidupan yang berkualiti tinggi dan ekonomi negara dinamik dan berdaya tahan.

Kementerian Pendidikan telah menyasarkan pencapaian pelajar dari peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi sebagai Petunjuk Prestasi Utama *(KPI*). Inisiatif bagi meningkatkan pencapaian dalam Pendidikan Rendah *(Primary Education Initiative)* telah mula dilaksanakan pada penghujung tahun 2014. Pada tahun 2015 kita telah menyasarkan sebanyak 74 peratus pelajar yang menduduki Penilaian Sekolah Rendah untuk mencapai Gred A hingga C.

Melalui berbagai-bagai inisiatif tersebut keputusan PSR 2015 ialah 67 peratus bagi Gred A hingga C. Walaupun tidak mencapai sasaran pencapaian, keseluruhan ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 3.5 peratus dari tahun sebelumnya. Bagi tahun 2016 ini, Kementerian Pendidikan telah mereviu semula sasarannya kepada 79 peratus bagi Gred A hingga Gred C dalam semua mata pelajaran. Bermula pada tahun 2016 ini juga Kementerian Pendidikan telah menyasarkan 49.1 peratus pelajar untuk mencapai 5 *'O' Level* ke atas di peringkat menengah.

Bagi tahun 2017 sebanyak 60 peratus pelajar disasarkan untuk mendapat 5 *'O' Level* atau lebih. Sasaran ini diharapkan dapat dicapai dengan adanya Program Inisiatif Pendidikan Menengah yang diperkenalkan pada tahun 2016 ini.

Bagi mendukung *KPI* tersebut Kementerian Pendidikan melancarkan beberapa strategi antaranya meningkatkan asas dalam literasi dan numerasi dengan menyediakan *numeracy and literacy standard* dengan program-program intervensi yang tertentu. Menambah baik profesionalisme guru-guru melalui Sistem Penilaian Prestasi *(Teacher Performance Appraisal)* ataupun *TPA.* Meningkatkan penglibatan ibu bapa atau penjaga melalui persatuan ibu bapa dan guru untuk memberi sokongan pembelajaran anak-anak mereka dan membina kapasiti pemimpin sekolah kepada yang lebih mantap.

Untuk itu Kementerian Pendidikan telah memulakan program kepimpinan yang lebih terancang melalui kerjasama dengan *ELIA,* UBD dan *National College for Teaching Leadership in Nottingham University, United Kingdom* dan juga melalui *Brunei Programme for Senior School Leaders (BPSSL).* إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan adanya usaha-usaha ini hasrat untuk meningkatkan lagi pencapaian pelajar akan tercapai dan pada jangka masa panjang, kualiti pendidikan negara akan lebih terjamin dan *sustainable.*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada peringkat pascamenengah pula Kementerian Pendidikan menyasarkan lebih banyak graduan akan tamat dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei *(IBTE)* memperolehi pekerjaan dalam tempoh 6 bulan atau kurang selepas tamat pengajian mereka ini berdasarkan *IBTE Graduates Employment Survey* yang dikeluarkan pada bulan September 2015 yang mendapati bahawa *employability rate* adalah pada kadar 71.6 peratus.

IBTE akan terus meningkatkan kadar tersebut pada masa yang akan datang. Untuk itu Institut Pendidikan Teknikal Brunei mengambil pendekatan *demand driven* dalam menentukan program-program latihan yang perlu disediakan dan dalam merangka kurikulum yang relevan kepada industri. Di samping itu Kementerian Pendidikan telah menyasarkan 30 peratus pelajar berbanding sekarang hanya 17 peratus pada masa ini untuk memasuki institusi-institusi pengajian tinggi menjelang tahun 2017. Ketika ini negara mempunyai sebanyak 4 buah institusi pengajian tinggi awam bertaraf universiti dan sebuah politeknik dan 5 buah institusi pengajian swasta yang menawarkan pendidikan tinggi.

Dalam memastikan dasar pendidikan inklusif berjalan dengan lancar Kementerian Pendidikan juga telah mengenal pasti indikator bagi pelajar berkeperluan khas memasuki sistem persekolahan inklusif. Kementerian Pendidikan menyasarkan kesemua yakni 100 peratus pelajar yang berkeperluan khas ini berada dalam sistem pendidikan pada tahun 2016.

Ke arah mencapai sasaran ini Kementerian Pendidikan bekerjasama rapat dengan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, Kementerian Kesihatan dalam mengenal pasti kanak-kanak yang berkeperluan khas dan menyelaraskan pembelajaran dan bentuk bantuan satu sokongan yang diperlukan bagi pelajar. Ini didukung dalam usaha meningkatkan kapasiti guru pakar bagi kanak-kanak berkeperluan khas melalui beberapa inisiatif latihan permohonan profesionalisme.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu usaha baharu Kementerian Pendidikan ialah penyertaan dalam *(PISA) Programme for International Student Assessment* yang bertujuan mengetahui kompetensi pelajar kita yang berumur 15 tahun dalam bidang Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Untuk tujuan pernyataan dalam *PISA* kita perlu lebih dahulu menyertai *PISA-Based Test for Schools (PBTS).* Pada tahun 2016 bagi menyediakan maklumat *descriptive* dan analisis mengenai kemahiran pelajar seperti berfikiran kritikal, menyelesaikan masalah *(problem solving)* dan berkomunikasi secara bertulis.

Menurut *Global Competitiveness Index (GCI)* 2013/2014. Negara Brunei Darussalam berada dalam kedudukan 32 daripada 148 bagi kualiti sistem pendidikan. 29 daripada 148 bagi kualiti pendidikan Matematik dan Sains. Dan dalam kedudukan 94 daripada 148 bagi peratus kemasukan ke pengajian tinggi. Menjelang Tahun 2017 Kementerian Pendidikan berharap dapat memperbaiki lagi kedudukan kita dalam *GSI.*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti tinggi, berpaksikan konsep Melayu Islam Beraja. Kita menyedari bahawa usaha ini merupakan satu perjalanan yang jauh yang penuh dengan cabaran serta ujian.

Kementerian Pendidikan juga menyedari peranan penting pendidikan dalam mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti dalam titah baginda dalam Perasmian Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 / 5 Mac 2016.

Baginda menyentuh mengenai keupayaan negara untuk memperkasakan ekonomi bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara melalui memperkasa sektor swasta. Kementerian Pendidikan semenjak beberapa tahun ini telah berusaha memupuk minda keusahawanan *(entrepreneur mindset)* dalam kalangan pelajar dengan melaksanakan agenda keusahawanan

kebangsaan iaitu *National Entrepreneurship Agenda (NGA).*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk mengakhiri mukadimah ini sekali lagi kaola ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi kaola peluang untuk memberikan mukadimah ini dalam memastikan peruntukan digunakan dengan sebaik-baiknya seperti mana jua yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam menangani belanjawan dan perancangan negara, kita semua akan sentiasa mendapat petunjuk dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua عٰلمين بٰارِبّ الْعٰلَمِينَ. Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas huraian yang telah dikemukakan mengenai perjalanan dan sasaran-sasaran kementeriannya sesuai dengan belanjawan yang telah pun dikemukakan. Maka sekarang saya bukakan tajuk ini untuk dibahaskan.

Di hadapan saya ada senarai ahli yang suka untuk mengemukakan soalan-soalan dan juga mengharapkan penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Nampaknya Yang Berhormat, ada barangkali 13 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbincangan ini.

Saya sekarang memulakan dan menjemput Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana telah memberikan mukadimah yang lanjut tadi. Di sini kaola hanya ingin menimbulkan perkara-perkara berhubung dengan pendidikan awal kanak-kanak dan kesihatan penuntut-penuntut sekolah.

الحَمْدُ لِلّٰهِ sejauh ini kejayaan negara dalam memberikan pendidikan yang sama rata kepada rakyatnya seperti yang disarankan oleh *Millennium Development Goals* telah mencapai tahap yang paling tinggi. Seperti yang dikongsikan semasa sesi permuzakarahan dengan Jabatan Perdana Menteri, salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035 ialah bagi rakyat mempunyai kualiti hidup yang terbaik dalam kalangan 10 buah negara teratas yang mana matlamat ini akan dicapai melalui pemberian pendidikan kelas pertama kepada semua rakyat dan penduduk.

Bagaimanapun, seperti juga yang turut disuarakan bahawa semasa sesi

permuzakarahan tersebut bahawa mutu pendidikan yang dicapai sejauh ini masih pada tahap yang rendah seperti yang ditunjukkan oleh Petunjuk Prestasi Utama *(KPI)* Kementerian Pendidikan dan juga yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi bahawa peratus pelajar yang mencapai gred A hingga C dalam PSR dalam mata pelajaran teras hanya dalam 59 peratus sementara peratus pelajar yang mencapai 5 *'O' Level* hanya dalam 36 peratus.

Pada pandangan kaola, pencapaian yang rendah dalam Peperiksaan *'O' Level* ini berpunca daripada mutu pendidikan yang diperolehi oleh penuntut semasa mereka berada di prasekolah dan sekolah rendah iaitu di peringkat awal lagi penuntut gagal memperolehi *Basic Foundation* yang kukuh dalam pendidikan.

Dalam masa yang sama, keadaan kesihatan mental dan fizikal penuntut juga perlu diambil perhatian kerana penuntut yang tidak mempunyai kesihatan yang sempurna sukar untuk menerima dengan baik walaupun pendidikan yang diberikan adalah yang terbaik.

Kalau kita melihat hasil kajian *Global School Day Student Help Survey* yang dijalankan pada Tahun 2014 ke atas 2599 orang penuntut yang berumur antara 13 hingga 17 tahun yang menuntut di sekolah-sekolah Brunei Darussalam, kita akan berasa bimbang apabila mendapati sebilangan penuntut bukan sahaja terlibat dalam kegiatan-kegiatan antisosial seperti merokok, melakukan kegiatan seks, bergaduh malah sebilangan mereka juga mempunyai kesihatan mental yang membimbangkan dimana Kajian mendedahkan terdapat kira-kira 9 peratus berfikiran untuk membunuh diri, sementara kira-kira 6 peratus telah cuba untuk membunuh diri.

Berhubung dengan perkara-perkara ini, kaola ingin menimbulkan beberapa soalan dan juga cadangan:-

1. Kaola difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan telah maklum dan mengambil langkah awal untuk meningkatkan pemedulian dan pendidikan ke atas kanak-kanak di peringkat awal persekolahan di mana Kementerian Pendidikan bersama agensi-agensi lain telah menggubal satu dasar yang bertajuk Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak atau *Early Childhood Care and Education (ECC).*

   Kaola ingin bertanya apakah perkembangan ke atas pelaksanaan dasar, pemedulian dan pendidikan awal kanak-kanak ini? Kerana kaola fikir pelaksanaan dasar ini tidak wajar untuk turut terjejas berikutan langkah-langkah berjimat cermat kerana ia merupakan satu pelaburan yang bijaksana yang memberikan kesan positif yang menyeluruh dalam jangka panjang;

2. Perkara ini juga telah pun disentuh dalam mukadimah. Kaola

mengulangi saja lagi. Kaola juga difahamkan semasa menyediakan *framework* dasar pemedulian pendidikan awal kanak-kanak ini beberapa kelemahan dari segi kekurangan tenaga pengajar yang berkemahiran dan infrastruktur juga telah dikenal pasti terutama yang melibatkan dasar inklusif Kementerian Pendidikan iaitu dimana penuntut berkeperluan khas memasuki sistem persekolahan biasa bersama dengan penuntut-penuntut yang lain.

Soalan kaola apakah usaha-usaha yang akan dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk menambah tenaga pengajar yang berkemahiran ini seperti yang disebutkan tadi secara *general* kerana jumlah penuntut yang berkeupayaan khas ini dijangka akan meningkat dari setahun ke setahun dan akan melebihi dari jumlah 130 orang yang masuk ke sekolah kerajaan pada tahun 2014 seperti yang dinyatakan dalam *KPI* Kementerian Pendidikan;

3. Dalam mencari kaedah terbaik untuk memberikan *strong foundation* kepada pendidikan asas semasa penuntut berada di prasekolah dan sekolah rendah terutama kepada mata pelajaran asas seperti *Mathematics, Science* dan Bahasa Inggeris, kaola menyarankan supaya Kementerian Pendidikan mempelajari dari sekolah-sekolah yang telah berjaya memberikan pendidikan asas seperti *JIS* dan *ISB;*

4. Kaola juga ingin mencadangkan supaya Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri membantu dalam mengawasi pelaksanaan dasar, pemedulian dan pendidikan awal kanak-kanak ini, supaya matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk memberi kualiti kehidupan yang terbaik kepada rakyat melalui pemberian pendidikan kelas pertama kepada semua rakyat akan tercapai; dan

5. Perkara terakhir, berhubung dengan kesihatan fizikal dan mental penuntut-penuntut sekolah. Kaola juga ingin menimbulkan kebimbangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa sesi muzakarah berhubung dengan kes-kes *Non-communicable Diseases* (NCDs) yang juga telah berlaku di dalam kalangan golongan muda.

Berhubung dengan perkara ini, kaola ingin menyuarakan supaya Kementerian Pendidikan meningkatkan semula kegiatan bersenam pada waktu pagi di sekolah-sekolah dan kegiatan-kegiatan sukan yang lain seperti *ECA* dan pertandingan sukan antara sekolah terutama dalam jenis-jenis sukan yang baharu yang lebih digemari oleh golongan muda pada ketika ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Sekarang saya persilakan Yang

Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Institusi Pendidikan adalah satu institusi yang paling mustahak bagi menjamin masa hadapan anak-anak kita. Dalam era globalisasi ini kita tidak ketinggalan dalam usaha untuk membangun bangsa dan masyarakat yang berilmu.

Ke arah objektif negara untuk menaikkan taraf *marketing marketability* kedua-duanya membina generasi yang berwawasan. Perancangan ini dalam aspek pendidikan mestilah diatur dengan rapi, selaras dengan hasrat negara. Sukacita kaola cadangkan di Dewan yang mulia ini agar Brunei Darussalam dijadikan sebagai *ASEAN Education Hub* untuk memberikan platform dan tumpuan bagi rakyat tempatan dan pelajar-pelajar dari seluruh *ASEAN* untuk melanjutkan pelajaran di peringkat menengah ataupun tertinggi.

Brunei Darussalam merupakan negara yang aman dan mempunyai *political stability*. Negara ini juga sangat mengambil berat akan bahan-bahan terkawal seperti rokok, arak, dadah dan pusat hiburan. Selain itu infrastruktur negara ini juga ditaraf yang baik dan selamat.

Kadar jenayah juga sangat rendah. Ini juga salah satu faktor yang positif untuk menarik minat pelajar asing ke Negara Brunei apabila ibu bapa merasa yakin untuk menghantar anak-anak ke Brunei Darussalam kerana *environment*nya yang selamat dan terjamin. Ini juga salah satu langkah untuk menarik *FDI* dan pelancong.

Untuk mencapai objektif ini, kaola cadangkan di Dewan yang mulia ini, supaya Kementerian Pendidikan akan dapat membuat *MoU* atau membuka peluang bagi Universiti dari negeri yang *establish* seperti Australia, UK, Canada dan lain-lain untuk menumpukan kompas mereka di negara kita seperti negara Malaysia, Singapura dan lain-lain yang sudah menjadi *Education Hub*. Maka seharusnya Brunei patutlah mengikutnya. Jika kita berjaya ini akan dapat menjadi *spin off* keuntungan kepada negara kita. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada mempunyai dua perkara untuk disuarakan yang pertama ialah Program *Industry Competency Framework (IBT)* yang diungkayahkan bersama dengan Jabatan Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian. Saya maklum bahawa tujuan program ialah antara lain:-

1. Mentakrifkan kemahiran yang dikehendaki bagi melakukan kerja-

kerja dan peranan di tempat bekerja;

2. Mendekatkan jurang melalui pensejajaran antara pembekal latihan dan kehendak industri; dan

3. Menambah bilangan anak-anak Brunei bekerja di industri.

Biasanya pelatih-pelatih menerima tawaran pekerjaan yang bersyarat (*Contract of Employment)* semasa masih dalam program latihan iaitu perjanjian pekerjaan setelah tamat latihan.

Program ini memang sangat bermanfaat kepada belia kita untuk diceburi kerana industri minyak dan gas berada di seluruh dunia memerlukan tenaga pekerja mahir. Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi, berapa ramaikah sudah penuntut yang mengikuti program tersebut mendapat kelulusan setakat ini?

Kaola ingin mencadangkan iaitu memandangkan peluang-peluang pekerjaan di Negara Brunei Darussalam agak terhad ketika ini, ditambah lagi dengan pengurangan tenaga kerja di sesetengah sektor awam dan swasta, kaola ingin mencadangkan supaya Program *ICF* ini dapat ditambah dengan mengambil kira keperluan yang dikehendaki oleh industri yang ada di dalam mahupun di luar negeri supaya penuntut-penuntut ini apabila mereka tamat menjalani Program *ICF* itu nanti akan berpeluang mencuba nasib mereka bekerja di pasaran industri-industri yang berkaitan di luar negara bagi menimba pengalaman jika tidak ada peluang-peluang pekerjaan terbuka di Negara Brunei Darussalam.

Soalan kedua, mengenai peralatan-peralatan mengajar di sekolah-sekolah. الْحَمْدُ لله keputusan PSR tahun 2015 sungguh menggalakkan. Peningkatan keputusan PSR tahun lepas itu sedikit sebanyak adalah berkat kerja keras semua pihak iaitu murid-murid itu sendiri, para ibu bapa serta guru-guru yang mengajar dalam memastikan anak-anak mereka sentiasa datang ke sekolah, belajar dengan tekun dan dapat bimbingan dan perhatian dari ibu bapa serta guru-guru yang berkenaan. Dalam mencapai kejayaan itu, memang ada kekurangan yang dihadapi seperti cabaran dan kesulitan terutama guru-guru yang mengajar.

Perkara ini memang sudah lama dialami sejak SPN21 mula dilancarkan. Sesetengah sekolah, apabila menghadapi kesulitan seperti peralatan atau perkakas mengajar rosak atau kehabisan, guru-guru terpaksa berusaha untuk mengeluarkan peruntukan sendiri bagi mendapatkan alat ganti terutama sekolah-sekolah di luar bandar.

Walaupun telah dibawa ke pengetahuan pihak Jabatan Sekolah-Sekolah, kadang-kadang mereka pun tidak dapat membantu kerana menghadapi kesulitan yang sama. Saya ingin bertanya:-

1. Adakah hal yang disebutkan di atas tadi sampai kepada ke pengetahuan pihak kementerian; dan

2. Bagi mengurangkan kesulitan yang dihadapi oleh para guru sekolah-sekolah di luar bandar ini. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ada 4 soalan:-

1. Kementerian Pendidikan telah berusaha menjadikan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai mata pelajaran wajib sejak tahun 1992. Kemudian menaik taraf Melayu Islam Beraja (MIB) menjadi mata pelajaran teras dalam SPN21 pada tahun 2009.

   Melayu Islam Beraja (MIB) menjadi mata pelajaran teras dan diajarkan sebagai satu subjek bersendirian bermula dari peringkat persekolahan Tahun 1 hingga Tahun 6 dan telah dijadikan sebagai salah satu daripada 5 mata pelajaran yang dimasukkan dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) sejak tahun 2012. Manakala subjek ini mula dimasukkan dalam peperiksaan dalam SPN21 bagi Tahun 8 sejak tahun 2011.

   Walau bagaimanapun, mata pelajaran ini tidak lagi dimasukkan dalam peperiksaan di peringkat 'O' *level* mahupun 'A' *level*. Ia juga masih diajarkan sebagai salah satu subjek di peringkat persekolahan di Pusat Tingkatan Enam malah Melayu Islam Beraja (MIB) masih dijadikan subjek wajib lulus di peringkat pengajian tinggi (universiti dan juga di institusi pendidikan teknik dan vokasional).

   Soalan kaola:-

   i. Mengapakah ada kelopongan peperiksaan di peringkat 'O' *level* dan 'A' *level*?;

   ii. Mengapakah peperiksaan mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) terhenti di peringkat menengah atas dan peringkat tingkatan enam?;

   iii. Apakah rasionalnya perkara sedemikian berlaku?;

   iv. Bagaimanakah pihak Kementerian Pendidikan melihat isu ini?; dan

   v. Jika sudah ada perancangan untuk menjadikannya sebagai mata pelajaran yang akan dimasukkan dalam peperiksaan, sejauh manakah sudah perancangan tersebut?

   Sesungguhnya saya penuh yakin bahawa jika nilai norma dan elemen dalam Melayu Islam Beraja (MIB)

dihayati sepenuhnya dalam kehidupan individu, maka ia akan menjadi inti pada pembangunan jati diri, saksiah dan tingkah laku kerana Melayu Islam Beraja (MIB) ini bukan sahaja mengandungi nilai patriotisme malah merangkumi banyak norma dan disiplin sosiobudaya, sosioekonomi, adat resam dan yang amat penting ialah nilai murni dalam ajaran syiar Islam yang menjadi pemangkin kekuatan, keimanan dan ketakwaan pada Allah Subhanahu Wata'ala yang berteraskan kepada Al-Quran dan hadis.

Jelasnya, kefahaman yang baik, penghayatan yang berterusan terhadap konsep Melayu Islam Beraja (MIB) juga memberikan impak yang positif sebagai perisai kepada bangsa dan negara dalam menempuh arus kehidupan global dan modernisasi yang semakin mencabar, terutama dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan warisan budaya, kenegaraan serta yang berhubungan dengan akidah dan akhlak;

2. Pernahkah pihak Kementerian Pendidikan mengkaji keberhasilan pemberian makanan dan minuman waktu rehat?

   Apa yang didapati, sebahagian besar murid sekolah lebih suka makanan dijual di kantin berbanding dengan makanan dan minuman yang diberikan oleh kerajaan. Apakah ini bukan pembaziran? Sekiranya ia tidak dimanfaatkan, adakah makanan tersebut kurang menarik minat murid-murid sekolah?;

3. Disarankan Kementerian Pendidikan lebih berjimat dalam perbelanjaan terutama sekali dalam merangka dan merancang program-program percubaan yang sudah setentunya menggunakan bajet yang besar seperti mendatangkan pakar dari luar. Sebahagian program tersebut, ada yang cuma bertahan setahun dua sahaja. Contohnya, perubahan buku teks dan akhirnya buku tersebut tidak digunakan; dan

4. Dicadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan menghalusi lagi bantuan Miftahunnajah. Adakah ia menepati sasaran?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pendidikan mahu menjawab dahulu ataupun menunggu semua soalan yang dikemukakan?

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Yang Berhormat Pengerusi, selesaikan sahaja semua.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang kita teruskan dan saya jemput Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera.

Pada awal tahun lepas, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan sistem pemantauan kehadiran pelajar sekolah secara *online* untuk mengemaskinikan *Standard Operating Procedure* (*SOP*) di semua sekolah rendah kerajaan bagi tujuan meningkatkan petunjuk prestasi utama atau *KPI* mereka dalam memastikan kehadiran penuntut mencapai sasaran hala tuju 95 peratus kehadiran setahun.

Dalam Anggaran Perbelanjaan 2016/2017, Kementerian Pendidikan *quote* akaun K23056 – *Student Performance Tracking Programme* diluluskan pada Tahun Kewangan 2015/2016, jumlah $130 ribu di bawah Perbelanjaan Khas dan Anggaran Perbelanjaan 2016/2017, $50 ribu.

Ini belum termasuk gaji pegawai-pegawai yang mengawasi dan mengerjakan pekerjaan ini. Skim ini mengambil kira keperluan supaya murid-murid tidak akan ketinggalan pelajaran mereka dan dengan sendirinya membolehkan mereka mengikuti mata-mata pelajaran yang diajarkan dengan sepenuhnya mengikut jadual dalam bilik darjah masing-masing.

Dengan kehadiran murid-murid sekolah yang penuh itu, diharap murid-murid sekolah itu dapat menumpukan perhatian mereka pada pelajaran mereka dan sekali gus akan dapat berjaya mencapai kelulusan yang tinggi dalam peperiksaan.

Namun demikian, terdapat juga sebahagian pelajar yang tidak hadir ke sekolah dan ini sering terjadi pada hari Sabtu. Keadaan ini sudah tentu akan menjejaskan matlamat Kementerian Pendidikan untuk membantu negara ini mencapai Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan rakyat dan penduduk yang berilmu, berkemahiran dan bertamadun.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk menangani masalah ponteng sekolah ini, dicadangkan supaya cuti 2 hari di hujung minggu diseragamkan di kesemua kementerian dan jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat termasuk sekolah-sekolah di negara ini iaitu menukar hari kelepasan awam selama 2 hari iaitu hari Jumaat dan Ahad kepada hari Sabtu dan Ahad atau pada hari Jumaat dan Sabtu.

Apa yang diperhatikan pada masa ini, pada hari kelepasan awam itu sebahagian jabatan kerajaan dan syarikat swasta ialah pada hari Sabtu dan Ahad. Disebabkan keadaan ini, terdapat keluhan dari pegawai dan kakitangan kerajaan yang keluarga mereka berasal di pedalaman mengalami kesulitan untuk balik bercuti ke kampung masing-masing kerana

baru sahaja sampai ke sana tetapi pada keesokan harinya mereka perlu balik untuk bekerja semula.

Ketua keluarga yang hari kelepasannya pada hari Sabtu, misalannya, tentu sekali mahu menghabiskan masa cuti mereka bersama keluarga di kampung atau bercuti di negara jiran dengan membawa anak-anak mereka bersama. Keadaan ini akan terpaksa menyebabkan anak-anak mereka akan ponteng sekolah pada hari Sabtu.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan menyeragamkan hari kelepasan awam yang dicantumkan menjadi 2 hari misalannya, pada hari Sabtu dan Ahad atau pada hari Jumaat dan Sabtu, sudah tentu akan memberi kesan yang positif kerana masalah ponteng sekolah pada hari Sabtu akan berkurangan dan ini akan membolehkan ibu bapa dan anak-anak dapat bersama-sama bercuti dan mendapat cukup rehat.

Prestasi murid dalam pelajaran dan prestasi ibu bapa dalam pekerjaan akan baik. Kaola fikir *Performance Tracking Programme* mudah diuruskan dan meningkatkan *performance* dalam mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan. Dari itu hala tuju Wawasan Brunei 2035 dapat dicapai. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana telah membentangkan peruntukan belanjawan yang begitu lumayan.

Kaola, Yang Berhormat Pengerusi ingin menghadapkan beberapa soalan. Sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 iaitu lebih kurang 32 tahun yang lalu, perkembangan pesat berlaku dalam bidang pendidikan melalui kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sistem pendidikan yang mantap, telah dapat membina modal insan yang berkualiti bagi pembangunan negara.

Yang Berhormat Pengerusi. Menyorot petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Keputeraan baginda yang ke-52 tahun pada 1 Rabiulakhir 1420 bersamaan 15 Julai 1999 iaitu kira-kira 17 tahun yang lalu.

Antara lain baginda bertitah "Bidang pendidikan kita akan lebih bersikap proaktif sebagai jawapan keadaan dunia yang sentiasa berubah-ubah. Kursus-kursus dan bidang-bidang lain pengajian akan sentiasa diselaraskan dengan

keperluan negara dan manusia." Demikian petikan titah baginda.

Yang Berhormat Pengerusi. Di Dewan yang mulia ini kita ingin menimbulkan pertanyaan:-

1. Adakah kajian dilakukan berdasarkan lambakan bilangan pelajar lepasan institusi pengajian tinggi baik dalam dan luar negeri yang sedang mencari pekerjaan atau menganggur, memilih pekerjaan atau tidak mendapat tempat di sektor awam dan swasta?; dan

2. Berdasarkan kursus-kursus yang telah ditawarkan di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini adakah menjurus kepada keperluan pasaran kerja di sektor awam dan swasta di negara ini?

Yang Berhormat Pengerusi. Di Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan:-

1. Pihak Kementerian Pendidikan melalui institusi-institusi pengajian tinggi akan dapat mengadakan program sijil kemahiran mengikut fasa (liga fasa) sebelum tahun berakhir ataupun selepas berakhirnya pengajian.

   Program ini membolehkan penuntut-penuntut lepasan pengajian tinggi menyesuaikan diri dengan arena alam pekerjaan sebelum menjawat jawatan sebanding dengan kelulusan mereka sama ada di sektor awam dan swasta bagi mengatasi pengangguran; dan

2. Dengan peruntukan tahunan sudah tentu akan memberi banyak peluang kepada usaha pembaikan ataupun *renovation* yang telah dan dalam perancangan yang dimasukkan dalam senarai menunggu. Saya penuh yakin atas keprihatinan Yang Berhormat Menteri Pendidikan perkara ini akan dapat dilaksanakan.

   Perkara ini sudah beberapa kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Di kawasan Zon 4 terdapat beberapa buah sekolah yang memerlukan pembaikan antaranya:-

   i. Sekolah Rendah Putat bagi menaik taraf padang permainan yang sudah beberapa kali disuarakan. Padang permainan ini sudah berusia lebih kurang 50 tahun belum pernah dinaik taraf;

   ii. Sekolah Rendah Masin memerlukan penambahan bangunan bagi menampung bilangan pelajar yang bertambah;

   iii. Sekolah Rendah Kasat memerlukan sebuah dewan yang pada masa ini tidak terdapat dewan;

   iv. Sekolah Rendah Bebuloh memerlukan juga padang permainan untuk dinaik taraf;

v. Sekolah Rendah Panchur Murai juga perlu diberikan perhatian bagi pembaikan; dan

vi. Sekolah Rendah Pangkalan Batu yang pada masa ini sering diserang oleh anai-anai juga memerlukan perhatian.

Jadi, melalui peruntukan yang telah disediakan itu, Yang Berhormat Pengerusi akan dapat memberikan peluang kepada sekolah-sekolah yang disebutkan. Itu sahaja, sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهٗ dan salam sejahtera.

Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas mukadimahnya awal tadi berhubung dengan rancangan dan usaha Kementerian Pendidikan. Soalan kaola:-

1. Kementerian Pendidikan disarankan supaya membuka seluas-luasnya dan memberikan peluang kepada penjawat awam untuk mengikuti pembelajaran di institusi pendidikan tinggi mengikut garis panduan yang telah ditetapkan terutamanya kepada penjawat awam Bahagian III dan IV, diberi peluang untuk mengikuti demi menambahkan sumber tenaga yang berpendidikan tinggi sesuai dengan Wawasan Brunei 2035;

2. Pada masa ini Kementerian Pendidikan mewujudkan elaun untuk mahasiswa dan mahasiswi institut pengajian tinggi awam, salah satu ialah elaun bulanan sebanyak $350 dan Elaun Buku sebanyak $250. Dalam hubungan ini, kaola cadangkan supaya elaun tersebut dikaji semula memandangkan perbelanjaan sara hidup pada masa ini semakin meningkat; dan

3. Adakah Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan untuk membina sekolah-sekolah terutamanya kepada kawasan perpindahan negara seperti Meragang, Tanah Jambu dan Mengkubau.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهٗ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola meminta izin untuk merakamkan terima kasih kepada Yang

Berhormat Menteri Pendidikan atas mukadimah Belanjawan Kementerian Pendidikan sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam Tajuk Kementerian Pendidikan kaola akan membawakan 6 perkara:-

1. Bagi penduduk-penduduk tetap dalam kalangan keluarga yang kurang berkemampuan yang anak-anak mereka mencapai keputusan *'O' Level* yang baik, mereka menghadapi kesukaran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu tingkatan 6 atau PTE. Meskipun cemerlang dalam akademik mereka dikenakan bayaran persekolahan atau ke pusat pengajian tinggi.

   Sukacita kaola bertanya, apakah kerajaan melalui Kementerian Pendidikan memberi pertimbangan dalam perkara ini, dan kalau dapat dicadangkan supaya mereka dikecualikan daripada pembayaran bagi meringankan kepada keluarga yang tidak berkemampuan ini;

2. Mengenai rancangan pembinaan bangunan baharu Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Daerah Temburong, yang termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara, perkara yang sudah lama dicadangkan dalam perancangan Kementerian Pendidikan dan yang sudah beberapa kali dibentangkan di Dewan yang mulia ini, الْحَمْدُ لله seperti yang dinyatakan di permesyuaratan yang lepas di Dewan yang mulia ini, bahawa tawaran bagi pembinaan Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Daerah Temburong akan dibuat di kawasan tapak sebelah utara bangunan lama sekolah ini yang berkeluasan seluas 6.24 hektar, dan diharapkan sekolah ini akan dapat beroperasi pada awal tahun 2018.

   Yang Berhormat Pengerusi setakat ini belum ada tanda-tanda bangunan baharu akan dibina. Dalam masa yang sama keadaan Sekolah Menengah Sultan Hassan sekarang, atas tindakan Kementerian Pendidikan yang membangunkan *porta cabin* secara sementara sejak tahun 2010, nampak semakin kurang selesa kepada pelajar-pelajar dengan kelas yang ramai.

   Sukacita kaola ingin tahu status perkembangan terkini mengenainya. Sekolah Menengah Sultan Hassan, adalah satu-satunya sekolah menengah di Daerah Temburong, tempat murid-murid sekolah rendah daerah ini melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah;

3. Apa yang kaola dapat maklum pada masa ini, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah tidak lagi menawarkan kursus Diploma Pendidikan. Kaola ingin mencadangkan supaya kursus Diploma Pendidikan dapat dibukakan semula bagi memberikan peluang kepada penuntut-penuntut lepasan *'O' level* yang berminat menceburi

profesion perguruan untuk mengikuti kursus berkenaan. Di samping itu juga, ia akan dapat menambah lagi guru di negara ini bagi menampung kekurangan guru pada masa akan datang seperti mengganti guru-guru yang bersara wajib, guru-guru cuti bersalin dan sebagainya.

Kaola jua ingin bertanya, apakah sememangnya ada perancangan pihak Kementerian Pendidikan untuk membukakan kursus Diploma Pendidikan ini?;

4. Pendidikan peringkat prasekolah merupakan pendidikan secara formal yang terawal diterima oleh kanak-kanak di sekolah kerajaan di negara ini. Perkembangan kanak-kanak pada masa ini berada pada tahap membangun dengan pesat sekali meliputi aspek perkembangan fizikal, intelek, emosi, rohani dan sosial. Oleh itu, sebagai guru prasekolah harus mempunyai tahap kesabaran dan kecekalan yang tinggi dalam menghadapi pelbagai kerenah murid-murid semasa berada di sekolah. Melihat kepada cabaran ini, peranan para pembantu guru sangat penting bagi memastikan pihak sekolah memberikan pendidikan yang berkualiti dan berkesan kepada murid-murid prasekolah.

   Apa yang kaola maklum, khidmat pembantu guru prasekolah ini telah sekian lama digunakan di sekolah swasta di negara ini dan telah dapat membantu keberkesanan pendidikan awal kanak-kanak sekolah di sekolah-sekolah berkenaan. Kaola ingin bertanya apakah pihak Kementerian Pendidikan ada mempunyai perancangan untuk mengambil khidmat pembantu guru bagi membantu guru-guru prasekolah di sekolah rendah kerajaan di seluruh negara bagi memberikan pendidikan awal anak-anak yang berkesan dan berkualiti;

5. Mengenai isu kekurangan guru di sekolah menengah dan sekolah-sekolah rendah di Daerah Temburong. Isu ini pernah kaola bawakan di Dewan yang mulia ini, kerana apa yang dimaklumkan kepada kaola, pada masa ini sekolah-sekolah di Daerah Temburong masih lagi menghadapi kekurangan guru. Sejauh ini, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan bagi mengatasi masalah kekurangan guru di Daerah Temburong; dan

6. Keselesaan tempat tinggal adalah merupakan salah satu faktor yang boleh menarik guru-guru dari luar daerah untuk bertugas di Daerah Temburong. Mengikut sumber yang kaola perolehi, masih banyak kerosakan di flat dan rumah guru yang belum diperbaiki, perkara ini pernah ditimbulkan di Dewan yang mulia ini supaya diadakan pembaikan segera jika ada kerosakan dari semasa ke semasa bagi menjamin keselesaan dan kesejahteraan penghuni flat dan

rumah guru. Apakah sudah ada langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan bagi mengatasi segera masalah ini.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya masih lagi ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dalam senarai saya ini yang suka untuk turut serta dalam perbahasan Tajuk ini. Saya suka sekarang mencadangkan supaya mesyuarat peringkat Jawatankuasa sepenuhnya ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya suka untuk menangguhkan mesyuarat ini sehingga pukul 2.30 petang nanti bagi meneruskan perbincangan kita selanjutnya. Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibincangkan dan diteliti satu persatu, saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula sebagai Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 satu persatu. Pada mesyuarat yang telah diadakan sebelah pagi tadi, kita telah membahaskan Belanjawan Kementerian Pendidikan. Seramai 8 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah ikut serta dan tampil dalam menyoalkan soalan-soalan atau pertanyaan-pertanyaan yang berkaitan dengan Belanjawan Kementerian Pendidikan.

Walau bagaimanapun saya masih lagi mempunyai beberapa orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik yang suka untuk turut serta dalam perbahasan dan perbincangan bagi Belanjawan Kementerian Pendidikan ini.

Saya difahamkan bahawa pada ketika ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin memberikan reaksinya pada perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh 8 orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik terdahulu, maka dengan itu saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Yang Berhormat silakan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menjawab soalan-soalan yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik pada pagi tadi, satu persatu dan mudah-mudahan jawapan yang akan diberikan itu tepat dengan soalan yang telah dikemukakan.

Yang Berhormat Pengerusi. Soalan yang pertama yang kaola ingin merespons ialah soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai status dasar pemedulian kanak-kanak dan pencapaian kanak-kanak atau pelajar-pelajar di sekolah yang lemah mengikut laporan itu. Maka mengenai status dasar pemedulian kanak-kanak, satu kertas laporan terkini iaitu hala tuju perancangan pelaburan dalam pemedulian dan pendidikan awal kanak-kanak untuk mengembangluaskan menjadikan kepada kanak-kanak berumur 3-4 tahun telah pun disediakan. Ia merangkumi 6 komponen iaitu definisi, kurikulum, latihan dan

kelayakan pelajar, pengasuh dan pembantu, pelesenan, infrastruktur dan sistem pemantauan dan pihak-pihak bertanggungjawab dalam perkara ini.

Beberapa implikasi dan impak telah dikaji dan memandangkan kualiti implementasi masih prioriti utama, maka Kementerian Pendidikan berhasrat untuk mengukuhkan dahulu pembelajaran dan pelajaran kanak-kanak yang berumur 5-6 tahun ke atas mengikut Akta Perintah Pendidikan Wajib iaitu 9 tahun pendidikan wajib bermula tahun pertama.

Seperti Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kongsikan, memang disedari bahawa pencapaian pelajar di peringkat menengah sangat dipengaruhi oleh prestasi mereka semasa di peringkat rendah. Oleh yang demikian, satu *standard literacy* dan *numeracy* telah disediakan pada penghujung tahun 2015 dan mula diberigakan kepada sekolah-sekolah. *Expected competency* atau tahap kompetensi telah disediakan bagi setiap tahun pembelajaran. Untuk itu pelajar akan dinilai berdasarkan tahap kompetensi ini. *Tool* atau pun dokumen penilaian sudah pun disediakan dan akan diberikan kepada semua pelajar seawal tahun satu bermula tahun ini.

Selanjutnya bagi pelajar-pelajar yang belum mencapai tahap kompetensi tersebut mereka akan terus diserapkan ke dalam program intervensi. Ini adalah bagi memastikan pelajar-pelajar akan mempunyai tahap kompetensi yang minimum bagi setiap peringkat dan seterusnya mempunyai bakal ilmu yang cukup untuk di peringkat menengah.

Isu seterusnya yang ditimbulkan ialah tentang kesihatan kanak-kanak. Bagi memastikan kesihatan para pelajar, mata pelajaran *physical education* memang ada dalam kokurikulum antara 2 atau 3 period seminggu. Jabatan Kokurikulum juga ada menyediakan *tournament* dalam pelbagai bidang sukan bagi mengenal pasti pelajar yang berpotensi serta memberikan mereka peluang untuk *unfolding potential* masing-masing. Bagi membolehkan pelajar-pelajar ini aktif, pemakanan yang seimbang dan cukup juga sangat penting.

Oleh yang demikian, pada tahun 2015 sekolah-sekolah rendah telah memulakan satu inisiatif bagi menyediakan sarapan pagi bagi pelajar-pelajar di tahun enam. Projek ini الْحَمْدُ لله menyediakan sarapan bagi pelajar-pelajar tahun enam dan mendapat sambutan daripada ibu bapa dan juga sebilangan komuniti kampung. Memberikan kesihatan kepada kanak-kanak merupakan tanggungjawab bersama.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru agar pelajar-pelajar diberikan sarapan sebelum mereka bersekolah dan jika mereka tidak bersarapan pihak sekolah lazimnya akan juga memberikan sarapan apabila mereka tiba di sekolah. Ini bagi membantu mereka supaya tidak berasa lapar semasa mengikuti pelajaran mereka.

Yang Berhormat Pengerusi. Memanglah kelemahan-kelemahan di tahap pendidikan kanak-kanak itu disedari dan usaha-usaha untuk mengatasinya telah pun diambil tetapi walau macam manapun, usaha-usaha ini bukanlah dapat kita lihat dalam sekelip mata. إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan usaha yang berterusan kita akan dapat memperbaiki tahap pendidikan kanak-kanak kitani sama ada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Seterusnya, kaola ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin mengenai Negara Brunei Darussalam dijadikan *ASEAN Education Hub*. Sememangnya Negara Brunei Darussalam mempunyai potensi untuk dimajukan sebagai sebuah *hub* pendidikan di rantau ini.

Kelebihan yang kita miliki, seperti suasana politik yang stabil, alam sekitar yang bersih dan kehidupan yang harmoni dan aman damai boleh menjadikan negara kita kondusif dijadikan sebagai sebuah destinasi pendidikan dan *hub* pendidikan.

Selain kelebihan di atas, negara kita juga memiliki kekuatan dan beberapa *niched areas*, yang boleh ditonjolkan sebagai penarik kepada institusi-institusi luar untuk bertapak di negara ini dan pelajar-pelajar luar untuk belajar di institusi tempatan. Kementerian Pendidikan sentiasa menyambut baik mana-mana cadangan dari institusi luar untuk menubuhkan kampus mereka di negara ini. Pada masa yang sama Kementerian Pendidikan melalui institusi pengajian tingginya juga menggunakan pendekatan lain untuk mengadakan kolaborasi dengan universiti-universiti luar termasuk yang bertaraf global dari seluruh pelosok dunia termasuk Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat untuk memberi peluang pelajar dan tenaga akademik di IPT tempatan bekerjasama dan bersaing dengan rakan-rakan mereka di luar negara.

Kolaborasi ini termasuk pertukaran pelajar dan tenaga akademik *joint degree* (ijazah bersama), program pendidikan bersama *(joint research),* persidangan bersama *(joint conferences)* dan sebagainya.

Contohnya, sebagai sebuah negara Islam yang memelihara kedaulatan dan keutuhan amalan beragama, dengan menjadikan agama Islam sebagai agama Rasmi negara berpandukan kepada akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Bidang pengajian Islam dan yang berkaitan dengannya seperti bidang kewangan dan perbankan Islam, industri halal dan perundangan syariah boleh menarik minat pelajar dan cendiakawan dari luar untuk belajar dan membuat kajian dalam bidang-bidang ini. UNISSA kini dikenali sebagai sebuah institusi Islam tulen yang bekaliber dalam kalangan institusi luar negara seperti dari Singapura, Oman dan sebagainya.

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan akan berusaha untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai *hub*

pendidikan terutamanya di peringkat pengajian tinggi selaras dengan Perancangan Strategik Pengajian Tinggi 2020 iaitu menjadikan pengajian tinggi Brunei Darussalam sebagai *hub* pembelajaran, penyelidikan, penginovasian dan perusahawanan melalui pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang berkualiti tinggi yang akan memberikan *vital-impact* kepada keperluan negara serantau dan global, serta memastikan kita wujud di arena antarabangsa dengan kukuhnya. Dengan ini juga, kita akan memberikan penekanan kepada usaha-usaha strategik yang mempunyai matlamat berikut:-

1. Memastikan persekitaran pembelajaran yang berkualiti tinggi dan canggih di kesemua IPT (Institut Pengajian Tinggi) dan penubuhan *centre of excellent* sama ada pusat penyelidikan mahu pun pengajian;

2. Memastikan melahirkan akademik yang berkualiti tinggi, dengan penyelidikan yang inovatif dan komersial yang mampu menjana perkembangan dan kepelbagaian ekonomi negara;

3. Memastikan kepimpinan *transformative*, membina kecekapan dalam urus tadbir dan pembiayaan mapan dan pengurusan sumber yang efektif; dan

4. Memastikan kita mempunyai satu Rangka Kerja Kualiti Kebangsaan (*National Quality Assurance Framework*) yang akan dapat memberikan pengesahan dan akreditasi luar dan dalam negara.

Mengenai dengan soalan kedua daripada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin mengenai dengan *MOU* dengan universiti-universiti terkemuka.

Mengenai cadangan Kementerian Pendidikan mengadakan *MoU* dengan universiti-universiti terkemuka luar negeri, الْحَمْدُ لله setakat ini institusi pengajian tinggi telah menandatangani sebanyak 178 *MoU* dengan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia termasuklah dari negara-negara yang mempunyai sistem pengajian tinggi yang bertaraf global, umpamanya dengan *National University of Singapore (NUS), Australia National University, Ji Xiang University of China, Al-Azhar University Mesir, Kyoto University* di *Japan, Yon Sei University, Republic of Korea* dan *Hongkong University of Science and Technology, Groningen University Netherland, Kings College* dan *University of California* dan banyak lagi universiti-universiti terkemuka dunia.

Kementerian Pendidikan akan terus menggalakkan universiti-universiti tempatan untuk membuat kolaborasi dalam pembelajaran dan penyelidikan. Dan mana-mana universiti yang dapat meningkatkan lagi keupayaan dan kualiti sistem pengajian tinggi kita. Kolaborasi ini juga memberikan peluang mobiliti bagi pelajar, tenaga pengajar dan penyelidik institusi pengajian tinggi untuk meluaskan pengalaman mereka

dan seterusnya memberikan impak terhadap prestasi dan potensi kerjaya mereka.

Walau macamanapun, hingga setakat ini belum terdapat perancangan untuk mengadakan *MoU* dengan universiti terkemuka luar negeri untuk menubuhkan kampus mereka di Negara Brunei Darussalam, sebagaimana saranan Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan akan mempertimbangkan perkara ini jika ada keperluannya nanti.

Izinkan kaola juga Yang Berhormat Pengerusi meneruskan untuk menjawab soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai *Industry Competency Framework* ini. Sebenarnya *Industry Competency Framework (ICF)* adalah usaha sama dan kolaborasi antara Kementerian Pendidikan dengan Jabatan Tenaga dan Industri, Jabatan Perdana Menteri dan syarikat-syarikat dari industri minyak dan gas. Salah satu amalan terbaik *(best practices)* dari *Programme ICF* tersebut adalah memberi *Conditional Offer of Employment (COE)* kepada pelajar-pelajar sebelum mereka menamatkan program mereka.

Menurut data Jabatan Tenaga dan Industri di Jabatan Perdana Menteri, statistik pelajar-pelajar *EICF (Energy Industry Competency Framework)* yang mendaftar dan telah mendapat pekerjaan tawaran kerja bersyarat *(conditional offer of employment)* sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:-

1. Jumlah keseluruhan pelajaran *EICF* sejak Julai 2013 ialah 2,229 orang;

2. Jumlah pelajar *EICF* yang masih menjalani latihan ialah seramai 1,067 pelajar;

3. Jumlah pelajar *EICF* yang sudah mendapat pekerjaan kini seramai 652 pelajar; dan

4. Jumlah pelajar *EICF* yang mendapat tawaran kerja bersyarat *(conditional offer of employment)* ialah sebanyak 519.

Pihak Jabatan Tenaga dan Industri di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan melalui Institut Pendidikan Teknikal Brunei pada masa ini masih dalam proses melaratkan *Programme Industry Competency Framework (EICF)* kepada sektor-sektor industri yang lain seperti industri pembinaan, *ICT*, pelancongan dan sebagainya.

Mengenai cadangan program *ICF* untuk membolehkan lepasan pelajar-pelajar untuk mendapatkan peluang pekerjaan di luar negara, untuk makluman program-progam *ICF* berasaskan *International Accreditation* iaitu untuk memberikan kelulusan yang relevan dengan keperluan industri.

Pihak Jabatan Tenaga dan Industri di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan melalui Institut

Pendidikan Teknikal Brunei berserta dengan pihak-pihak yang berkenaan akan sentiasa memantau dan memastikan program-program *ICF* memenuhi piawaian industri dan benar-benar relevan dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri dengan menyelaraskan piawaian-piawaian antarabangsa.

Pada masa ini, *IBTE* sedang dalam pelaksanaan untuk mendapatkan pengiktirafan *ISO 9001, 2008 EASA 147. IBTE* melalui *IBT Campus Vocasional Sultan Bolkiah* baru sahaja diiktiraf sebagai Pusat Latihan *TWI* pada bulan Januari 2016.

Kaola ingin beralih kepada soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan tersebut. Soalannya ialah mengenai mata pelajaran MIB. Mengapa mata pelajaran MIB tidak ada peperiksaannya di peringkat 'O' dan 'A'.

Sebagai penjelasan, buat pada masa ini belum ada rancangan untuk dibuat peperiksaan di peringkat 'O' dan 'A'. Pada masa ini penilaian kendalian sekolah sahaja dijalankan kerana ia menekankan kepada aspek penghayatan amalan harian falsafah Melayu Islam Beraja. Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* Keberkesanan Penghayatan MIB bagi peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi untuk memastikan penghayatan MIB ini terlaksana secara keseluruhannya.

Mengenai buku teks. Sejak Pelaksanaan SPN 21 pada tahun 2009, Yang Berhormat tadi bertanyakan mengapa ada sebahagian daripada buku teks yang kita keluarkan tidak dipakai kemudiannya seperti buku teks yang dihasilkan dengan kerjasama pakar dari luar.

Untuk menjawabnya, sebenarnya sejak Perlaksanaan SPN 21 pada tahun 2009, Jabatan Perkembangan Kurikulum tidak pernah menggunakan pakar luar bagi penghasilan buku teks percubaan untuk digunakan untuk satu atau dua tahun. Jangka penggunaan buku teks sebelum direviu semula mestilah melalui tempoh sekurang-kurangnya lima tahun penggunaannya.

Beberapa aspek yang diambil kira seperti:-

1. Perubahan dasar;

2. Kaedah-kaedah baharu iaitu *best practices*;

3. Pendekatan pedadogi dan maklumat-maklumat; dan

4. Trend terkini bagi memastikan buku itu terus relevan mencapai efektif dan *up-to-date*. Walau bagaimanapun, buku-buku teks yang terdahulu masih boleh digunakan sebagai buku sumber dan rujukan guru-guru dan para pelajar.

Yang Berhormat Pengerusi. Seterusnya kaola ingin menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat

Awang Haji Jumat bin Akim dan kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan itu, mengenai IPTA. Sebenarnya Kementerian Pendidikan sejak tahun lepas memastikan bagi setiap IPTA membuat kaji selidik dan pengumpulan data pekerjaan bagi graduan-graduan pengajian tinggi melalui pejabat alumni dan kerjaya di IPTA masing-masing. Inisiatif *database* alumni ini adalah untuk mendapatkan data mutakhir mengenai alumni-alumni IPT dengan hasrat berikut:-

1. Untuk membantu mengembangkan kerjaya mereka;

2. Untuk membantu dalam pencarian pekerjaan; dan

3. Membawa alumni berjaya sebagai pendukung perkembangan IPT.

Antara misi pengajian tinggi adalah memastikan institut pengajian tinggi menghasilkan graduan yang lengkap dengan memiliki tanggungjawab ekonomi dan sosial kebolehpasaran *(marketability)* serta mempunyai nilai MIB yang kukuh. Mereka ini juga harus mempunyai nilai-nilai global keusahawanan dan peka terhadap keadaan sekeliling mereka.

Dalam pada itu, Kementerian ini menggalakkan institusi pengajian tinggi untuk menilai semula inti pati pembelajaran dan suasana pengajaran di IPT dengan kerjasama *stakeholders* dan industri dalam pelbagai usaha seperti mereviu kurikulum dalam memastikan program-program yang dijalankan adalah sesuai, relevan dan responsif kepada kehendak industri. Contohnya UBD dengan *curriculum review*. IPT juga mendapat dukungan padu daripada pihak industri dalam memberikan kesempatan perkembangan pelajar melalui inisiatif intensif sebelum tempat pengajian contohnya program 3 tahun program *discovery year* dan *experience plus* dan *industrial placement* dengan para pelajar diberikan pendedahan kepada realiti pekerjaan dan juga mengasah kemahiran mereka.

Program-program ini juga dapat memberikan pelajar satu pengalaman berinteraksi dengan masyarakat di luar kampus mereka. Inisiatif ini adalah dalam usaha mempersedia graduan agar mereka akan boleh proaktif, cekap dan efektif sesuai dengan kehendak bakal majikan mereka nanti.

Selain itu, institut pengajian tinggi juga dikerahkan untuk menyediakan program-program perkembangan alumni selepas tamat pengajian. Antaranya adalah usaha sama bersama bakal majikan dalam mengendalikan program-program yang dapat mempersediakan graduan agar mereka lebih konfiden menghadapi temuduga ujian dan pengambilan dan kerja seperti bengkel penulisan *cv*, bengkel temu duga program perkembangan graduan.

Kaola seterusnya beralih kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim dan kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima

kasih kepada Yang Berhormat. Mengenai perancangan untuk membina sekolah di kawasan-kawasan perumahan seperti di Mengkubau, Meragang, Lugu dan sebagainya, yang sebenarnya, perkara ini memang ada dalam perancangan kita untuk membangun sekolah-sekolah di kawasan-kawasan perumahan yang dikira tadahannya mencukupi untuk sesebuah sekolah sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah dibangunkan dan seperti biasa di kawasan-kawasan tersebut memang ada disediakan tapak-tapak untuk membina bangunan-bangunan sekolah.

Walau bagaimanapun, kadangkalanya terdapat tidak ada keperluan untuk membina sekolah baharu jika kawasan-kawasan tersebut masih terdapat sekolah-sekolah yang *under capacity* yang boleh menampung pelajar-pelajar atau kanak-kanak daripada kawasan perumahan ini. Walaupun memang ada rancangan, memang ada tapak dan sebagainya tetapi jika masih dilihat belum diperlukan ataupun tidak ada keperluan yang terdesak maka perkara itu ditangguhkan buat sementara waktu.

Masa ini kita mereviu aset-aset kitani dalam sekolah-sekolah sama ada mencukupi ataupun tidak dan kita dapati bahawa beberapa sekolah yang kita rancangkan mungkin kita akan kekurangan pelajar-pelajar. Perkara itu dikaji semula dan mana-mana kawasan yang dirasa tidak perlu untuk kitani membina sekolah, maka kita akan menangguhnya buat sementara waktu.

Yang Berhormat Pengerusi. Tadi juga ada soalan mengenai kajian keberkesanan Skim Miftahun Najaah (kajian 2014) yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Dapatan daripada hasil kajian itu menunjukkan bahawa kesan dan impak positif daripada pelaksanaan Skim Miftahun Najaah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan sejak 2011 hingga kini di sekolah-sekolah negara, ada kesan dan impak yang positif. Skim ini nampaknya berupaya meringankan bebanan ibu bapa, penjaga yang menghadapi berbagai-bagai masalah sama ada dari segi kewangan, tempat tinggal, pengangkutan, masalah keluarga dan seumpamanya.

Jenis-jenis bantuan yang diberikan melalui skim ini secara langsung telah mempengaruhi perkembangan positif dari aspek perkembangan yakin diri, personaliti, sikap dan tingkah laku pelajar dalam bidang akademik, psikologi, emosi dan seumpamanya agar menjadi mereka lebih berprestasi dan cemerlang. Hasil kajian juga membuktikan bahawa skim ini berjaya membantu para pelajar menjalani persekolahan dengan selesa serta berupaya meningkatkan minat pelajar di sekolah.

Walau bagaimanapun, pada peringkat pemberian dan penggunaan jenis-jenis bantuan haruslah diberikan tumpuan agar menghasilkan impak yang lebih baik dari semasa ke semasa. Justeru itu, dengan penambahbaikan jenis-jenis bantuan yang bersesuaian, program-

program akademik dan bukan akademik bagi ibu bapa, penjaga dan juga pelajar-pelajar hendaklah dirancang dan dilaksanakan. Inilah yang masa ini yang kita reviu untuk mendatangkan hasil yang lebih baik lagi dengan adanya Skim Miftahun Najaah ini.

Apa yang kita harapkan ialah dengan adanya Skim Miftahun Najaah ini akan membantu pelajar-pelajar memerlukan bantuan. Hasil-hasilnya adalah dari segi kehadiran mereka ke sekolah, pencapaian akademik mereka ke sekolah dan sikap mereka terhadap pembelajaran dan sebagainya itu akan bertambah baik. الْحَمْدُ لله dari kajian yang dibuat nampaknya mereka ini telah menunjukkan impak-impak yang positif. Di sinilah kekuatan atau faedahnya Skim Miftahun Najaah ini bagi membantu keluarga-keluarga atau pelajar-pelajar yang kurang mampu.

Ada satu lagi jawapan kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad yang mewakili daerah Temburong, kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada soalan yang dikemukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Soalan Yang Berhormat mengenai saranan supaya dikecualikan dari pembayaran bagi Penduduk Tetap dalam kalangan keluarga yang kurang kemampuan yang mencapai keputusan '*O' level* yang baik tetapi sukar untuk melanjutkan pelajaran.

Sebenarnya di bawah Skim Miftahun Najaah ada disediakan oleh Kementerian Pendidikan bagi memberikan bantuan kepada pelajar dari keluarga kurang berkemampuan atau keluarga yang susah yang meliputi berbagai-bagai demensi dan takrif yang merujuk kepada latar belakang keluarga pelajar tersebut. Pelajar yang berkelayakan adalah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap pemegang kad pintar warna Ungu. Antara jenis bantuan ialah pengecualian membayar yuran sekolah. Ini bererti pelajar dari kalangan Penduduk Tetap yang kurang berkemampuan dan cemerlang dalam pembelajaran bolehlah memohon untuk mengikuti skim ini dan mereka akan dikecualikan daripada membayar yuran sekolah.

Satu lagi skim bagi membantu pelajar-pelajar dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan juga ada disediakan. Skim ini adalah Skim *BIBD* Alaf. Syarat untuk mengikuti skim ini adalah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap, cemerlang dalam pembelajaran dengan minimum pencapaian akedemik 75% ke atas, peratus kedatangan 90% ke atas, dan pendapatan terkumpul keluarga tidak melebihi daripada B$500.00. Skim ini dibukakan kepada pelajar dari pelajar-pelajar Tahun 3 hingga ke universiti.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, mengenai Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar yang pada masa ini masih menggunakan *portable cabin*. Sebenarnya perancangan bagi projek pembangunan sekolah bermula dengan pelantikan konsultan-konsultan telah pun siap pada 4 April 2014. Bermula dari sini, pihak konsultan telah membuat dan membentangkan konsep-konsep reka bentuk bangunan kepada Kementerian Pendidikan dan masa ini masih dalam perundingan dengan pihak Kementerian Pembangunan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ projek ini akan dilaksanakan dengan segera. Walau macam manapun, pihak abis kaola akan mengambil maklum akan keresahan pelajar-pelajar dan guru-guru di sekolah tersebut mengenai keadaan sekolah yang berbentuk sementara. Walau macam manapun, buat pengetahuan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, bahawa isu keselesaan bilik-bilik darjah memanglah satu perkara yang diambil berat oleh pihak sekolah.

Walaupun mereka ditempatkan di bangunan sementara dan *portable cabin* yang digunakan oleh pihak sekolah pada masa ini saiznya, kalau mengikut *average class room* adalah lebih besar dan lebih selesa. *Portable cabin* ini juga dibekalkan dengan penghawa dingin berlainan dengan sekolah-sekolah yang tiada penghawa dingin, *portable cabin* ini ada penghawa dingin.

Dari segi keselesaan nampaknya, keselesaan penuntut itu tidaklah kita abaikan. Ini dapat kita lihat bahawa Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar dalam peperiksaan *GCE 'O' level* yang lepas telah berjaya menaikkan prestasi mereka, kalau tahun sebelumnya 2014, sekolah berkenaan hanya mendapat 14.5% sahaja daripada penuntutnya yang mendapat 5 *GCE 'O' level* tetapi pada tahun 2015, nampaknya meningkat kepada 25.79% yang mendapat 5 *GCE 'O' level.* Ini bermakna azam mereka untuk belajar itu lebih baik walaupun dalam keadaan sekolah yang *temporary.*

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini kita akan tunduki bersama-sama dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ, sebagaimana telah pun kita janjikan dengan pihak sekolah, kita akan dapat membangun secepat yang mungkin untuk membina bangunan kekal bagi Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar pada masa yang terdekat ini.

Seterusnya ada pertanyaan mengenai cadangan supaya Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan untuk mengambil khidmat pembantu guru di peringkat prasekolah.

Mengikut data 2015, seramai 3,046 kanak-kanak mengikuti pembelajaran prasekolah di sekolah-sekolah kerajaan. Sukacita kaola kongsikan seramai 2,095 orang mereka di Daerah Brunei Muara, 417 orang di Daerah Tutong, 4,007 orang di Daerah Belait dan 127 orang di Daerah Temburong. Seramai 230 orang guru-guru prasekolah juga telah

ditempatkan untuk mengajar kanak-kanak ini.

Nisbah guru dan kanak-kanak adalah 1:13. Nisbah guru pra dan kanak-kanak pra adalah 1:10 dan ini bagi Daerah Temburong. Maka pihak kementerian sebenarnya memang sentiasa peka akan keperluan bagi penambahan guru bagi situasi-situasi tersebut. Sebagai misalannya 13 orang guru sandaran telah diambil bagi membantu guru-guru di Daerah Temburong.

Walaupun guru sandaran ini tidak diperbantukan untuk mengajar sepenuh masa kelas pra tapi sedikit sebanyak ia membantu meringankan beban mengajar para guru.

Selain itu, pada Januari 2013, buat kali pertamanya Kementerian Pendidikan telah mengadakan program penempatan pelajar-pelajar lepasan pendidikan peringkat lanjutan *GCE 'A' level* dan *GCE 'O' level* yang menunggu keputusan peperiksaan mereka sebagai pembantu guru. Ini telah kita aturkan di beberapa buah prasekolah di seluruh negara termasuk juga di Daerah Temburong.

Mengenai isu kekurangan guru sekolah rendah dan menengah di Daerah Temburong. Lebih dahulu ingin kaola mengongsikan bahawa pada tahun 2015, seramai 942 orang penuntut dan 129 orang guru telah didaftarkan belajar dan mengajar di sekolah rendah di Daerah Temburong. Ini menjadikan nisbah guru kepada pelajar adalah 1:8, seorang guru kepada 8 orang pelajar.

Bagi peringkat menengah pula, seramai 849 orang pelajar dan 95 orang guru telah didaftarkan dan nisbahnya adalah seorang guru kepada 9 orang pelajar, ertinya masih di peringkat yang rendah. Pada masa yang sama, seramai 4 orang guru *CfBT* telah ditempatkan di Daerah Temburong.

Maka dengan mengoptimumkan tenaga pengajar yang ada, pihak jabatan sekolah telah membuat penyelerasan waktu mengajar bagi menampung kekurangan tenaga pelajar bagi setiap sekolah di seluruh daerah. Penempatan semula guru-guru di sekolah menengah dan rendah telah dan sedang dilaksanakan bagi memenuhi kekurangan di sekolah-sekolah yang memerlukan khidmat mereka mengikut keperluan. Bagi Daerah Temburong tidaklah nampak kekurangan guru itu dan jika pun ada perkara itu akan kitani sama-sama atasi, إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Soalan terakhir daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad ialah mengenai atau cadangan supaya kursus-kursus Diploma Pendidikan dapat dibukakan semula untuk menampung kekurangan guru pada masa akan datang supaya kursus tersebut diadakan di *SHBIE,* UBD.

Sukacita kaola memaklumkan bahawa pengambilan bakal-bakal guru melalui Program *M-Teach* meningkat dari tahun 2009. Pengambilan Januari 2016, sejumlah 114 yang telah diterima masuk Program *M-Tech* dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat

menampung kekurangan guru di sekolah-sekolah di seluruh negara.

Kerjasama erat antara *SHBIE* dan Kementerian Pendidikan dari segi perancangan tenaga kerja seperti jumlah guru yang diperlukan mengikut bidang-bidang keperluan memang sentiasa ada. Kementerian Pendidikan akan mengambil maklum tentang pelaksanaan pendidikan berkualiti untuk memastikan anak-anak kita mampu bersaing di peringkat antarabangsa dan sama ada kita akan mengadakan *Diploma Education* (Diploma Pendidikan) di *SHBIE* bagi guru-guru yang lepasan *'O' level* dan sebagainya.

Sebenarnya kita sudah beralih kepada *M-Teach*, di mana kita mengutamakan *content*. Kita mahu guru-guru kita ataupun pelajar-pelajar ataupun graduan-graduan kitani yang mengambil jurusan guru itu mempunyai ijazah sekurang-kurangnya pada masa akan datang, bukan lagi *'O' level* dan sebagainya. Sama ada kita akan berbalik pula kepada Diploma Pendidikan, itu satu perkara yang belum kita lihat.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kalau ada keperluan mungkin dapat kitani kaji semula tapi buat sementara waktu ini Yang Berhormat Pengerusi, kita rasa dasar yang berjalan sekarang bolehlah kita kekalkan dengan mengadakan *M-Teach*. Jika pun ada terdapat kekurangan dan *M-Teach* sekiranya jika ianya tidak melengkapi persediaan seseorang itu untuk menjadi guru oleh itu akan dilihat dan jika perlu program-program di bawah *M-Teach* itu akan disesuaikan supaya akan lebih lengkap untuk persediaan seseorang itu menjadi guru.

Sekian dahulu Yang Berhormat Pengerusi jawapan-jawapan kaola yang begitu panjang kepada semua soalan yang dikemukan oleh 8 orang Ahli Yang Berhormat tadi dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ jika ada jawapan-jawapan yang kurang dijawab إِنْ شَاءَ اللَّهُ dalam peluang yang lain kita akan menjawab lagi sekali. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang kita sambung semula dengan perbincangan-perbincangan seterusnya dan saya masih ada dalam senarai saya beberapa orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik yang suka untuk menyertainya. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلسَّلَامُ عَلَىٰ مَنِ اتَّبَعَ اَلْهُدَىٰ

Soalan saya berkaitan dengan keputusan peperiksaan Peringkat 'O'. Dalam analisis keputusan peperiksaan Peringkat 'O' bagi tahun 2015 terdapat calon atau pelajar yang mendapat kosong 'O' level dan jumlahnya juga agak ramai dan keadaan ini amat membimbangkan jika ia berlanjutan kerana ia akan menjadi hambatan ataupun cabaran untuk mencapai

Wawasan Brunei 2035 dan juga hambatan kepada sasaran pencapaian akademik 60 peratus pelajar yang memperolehi sekurang-kurangnya 5 kredit di Peringkat 'O' dan ke atas menjelang tahun 2017. Sebagaimana yang dinyatakan semasa pembentangan Rang Undang-Undang 2016 oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan juga kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam taklimat peruntukan kewangan pagi tadi.

Antara faktor kejayaan pelajar dalam peperiksaan bersijil adalah kerana kesungguhan pelajar belajar di sekolah atau mengikuti kelas-kelas tuisyen sebagai tambahan bagi yang berkemampuan dan ada juga inisiatif guru-guru yang mengajar sehingga memberi kelas-kelas tambahan di luar waktu sekolah.

Soalan saya, adakah pihak Kementerian Pendidikan telah membuat kajian seperti mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar yang lulus dalam peperiksaan Peringkat 'O', dengan memfokuskan skop kajian kepada para pelajar sendiri sebagai *respondence* pengajian dan dibantu dengan skop-skop kajian lain yang boleh mendukung hasil kajian kerana kajian seperti ini amat mustahak diadakan untuk dijadikan sebagai salah satu panduan atau sukat-sukat dalam menilai dan membuat pembaikan terhadap kualiti pendidikan yang merujuk kepada kejayaan sesebuah sekolah dalam mewujudkan persekitaran pendidikan yang membolehkan pelajar mencapai matlamat pembelajaran mereka. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola menyampaikan ucapan penghargaan dan tahniah atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Kaola akan membawa usul mengenai sasaran kerangka kerja Wawasan Brunei 2035 iaitu pendidikan yang memenuhi keperluan ekonomi, iaitu mengenai usahawan pelajar.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Ekspo Pembangunan dan Keusahawanan Pelajar *(Student Entreprenuership Development Expo) (SEDEX)* telah mula dilancarkan pada tahun 2012. Lanjutan daripada ekspo ini, maka wujudnya ekspo seterusnya diadakan setiap tahun di gedung-gedung perniagaan. Ekspo ini mempamerkan hasil tangan pelajar dengan berbagai-bagai jenis mengikut kredibiliti masing-masing seperti seni lukis, anyaman, gubahan, jahitan, makanan, minuman dan lain-lain.

Melihat kepada sambutan orang ramai, setiap kali ekspo ini diadakan maka produk-produk ini perlu diambil perhatian sepenuhnya oleh guru-guru untuk dipertingkatkan lagi mutunya agar boleh menembusi pasaran tempatan dan luar negara. Sebagai galakan dan motivasi, pelajar berkenaan diajar cara membuat Penyata Kewangan masing-masing atau kumpulan bagi melihat keuntungan.

Dari penyata tersebut guru besar atau guru-guru yang diamanahkan sebagai Bendahari membuat Kunci Kira-Kira Kewangan Tahunan sekolah berkenaan untuk dihantar ke jabatan berkenaan di Kementerian Pendidikan dan untuk pengetahuan ibu bapa atau penjaga pelajar yang turut serta mengeluarkan modal. Sekolah yang mempunyai keuntungan yang terbesar pula dicadangkan supaya diberi Anugerah Pembangunan Keusahawanan Pelajar Sekolah.

Sehubungan dengan itu, soalan kaola, adakah Penyata Kewangan dan Kunci Kira-Kira Tahunan Pembangunan Keusahawanan pelajar ini telah dilaksanakan di setiap sekolah yang mengikuti ekspo tersebut? Jika ada, berapakah jumlah kumpulan hasil jualan tersebut pada kesemua sekolah? Sekolah manakah yang paling tinggi dari segi pendapatan mengikut kategori masing-masing iaitu sekolah rendah dan menengah secara berasingan?

Seterusnya memandangkan dalam pameran tersebut tidak ada jualan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan hasil pertukangan kayu, adakah perancangan untuk mengadakan kembali aktiviti pertanian dan pertukangan ini di sekolah-sekolah rendah dan menengah?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi merealisasikan sistem pendidikan kelas pertama dan peluang pendidikan yang saksama sepertimana Wawasan Brunei 2035, berbagai-bagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan pencapaian terutama dari peringkat rendah sebagai asas untuk menentukan kualiti di peringkat menengah yang antaranya Kementerian Pendidikan memberi tumpuan tentang:-

1. Kedatangan pelajar-pelajar ke sekolah;

2. Pemantauan kesihatan; dan

3. Pembekalan makanan sihat yang baru saja dilancarkan baru-baru ini.

Kita maklum bahawa, pelajar mempunyai latar belakang yang berbeza-beza misalannya:-

1. Tinggal di kawasan yang dilanda banjir;

2. Kawasan jauh dari sekolah yang tidak dapat dilalui kenderaan. Oleh itu, ada yang tidak balik tengah hari bagi meneruskan pembelajaran di sebelah petang; dan

3. Terdapat juga keluarga yang kurang mampu.

Kaola ingin tahu apakah inisiatif-inisiatif yang pihak berkenaan terhadap tiga tumpuan yang disebutkan tadi? Iaitu tentang kehadiran ke sekolah, tentang pemantauan kesihatan dan tentang pembekalan makanan sihat berdasarkan latar belakang mereka yang berbeza. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana dalam mukadimah pagi tadi ada menyentuh pendidikan vokasional dan teknikal bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam hubungan ini kaola ingin menyarankan supaya kerja-kerja asas hendaklah diberi tumpuan seperti kerja-kerja pembinaan bangunan yang memerlukan tukang simin, tukang cat, tukang kayu dan pendawai elektrik di rumah-rumah dan lain-lain yang berkaitan dengan pembinaan.

Kursus membaiki jentera ataupun kereta seperti membaik pulih badan kereta, mengecat, mengimpal dan lain-lain yang berkaitan dengannya amatlah digalakkan. Dengan adanya kursus kemahiran seperti ini, ia akan memberikan peluang pekerjaan di negara kitani yang kini terdapat lebih kurang 6000 pekerja luar negara yang menguasai kerja di sektor berkenaan.

Dengan adanya rakyat di negara ini memiliki kebolehan dan kemahiran dalam bidang tersebut secara tidak langsung akan mengambil alih kerja-kerja yang dibuat oleh pekerja luar negara إِنْ شَاءَ اللهُ.

Soalan kaola adakah pihak kementerian akan menambah sekolah vokasional dan teknikal bagi menampung penuntut-penuntut yang akan bertambah setiap tahun? Kalau boleh dibangunkan di setiap daerah bagi mengelak tidak perlu membangun asrama ataupun tempat tinggal penuntut.

Mengenai sekolah contoh. Dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, Kementerian Pendidikan ada menyentuh penubuhan atau mengadakan beberapa sekolah contoh yang bertujuan sebagai memberi motivasi kepada sekolah-sekolah lain dalam negara ini. Majlis ingin tahu sejauh manakah prestasi sekolah berkenaan dan berapa ramaikah murid atau penuntut yang dikategorikan boleh menjadi contoh dari sekolah-sekolah berkenaan (sekolah contoh)? Sekian, Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam kesempatan ini kaola akan menyampaikan sebanyak 4 perkara mengenai dengan pelajaran di sekolah-sekolah rendah dan menengah:-

1. Memperkenalkan subjek pertanian di sekolah rendah dan menengah. Dengan adanya SPN 21, saya rasa amat perlu Kementerian Pendidikan memperkenalkan subjek-subjek yang berkaitan dengan pertanian sebagai salah satu cara memberi pendedahan kepada murid-murid di peringkat rendah dan penuntut-penuntut di peringkat menengah serta institusi teknikal dalam prospek dan peluang-peluang yang banyak yang belum diterokai dalam sektor pertanian. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya.

   Subjek seperti *agriculture* di peringkat '*O' level* mungkin relevan diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah. Manakala di peringkat rendah pula memandangkan semua kokurikulum rendah direka sendiri oleh Jabatan Kokurikulum Kementerian Pendidikan maka semestinya ia amat mudah bagi kita membuat isi sukatan pelajaran murid-murid di peringkat tersebut;

2. Mengenai perkembangan kursus-kursus pertanian baharu di Sekolah Vokasional Wasan. Kursus-kursus pertanian yang sedia ada dan ditawarkan di Sekolah Vokasional Wasan kalau tidak silap sebanyak 4 semuanya. Sudah waktunya perlu kita tambah dan dinaik taraf kerana dengan kemampuan institusi tersebut menawarkan *greatest of agriculture course.* Ia dapat membuka peluang kepada belia untuk memilih bidang pertanian sebagai satu kursus yang berpotensi, memajukan pertanian negara dan mengangkat kemampuan institusi setanding dengan institusi teknikal dan vokasional yang lain;

3. Isu pelajar mempunyai 5 '*O' level* ke atas tidak dapat diterima masuk ke institusi teknikal dan vokasional. Saya juga telah difahamkan bahawa pelajar-pelajar yang berjaya mendapat 5 '*O' Level* ke atas dan berminat untuk melanjutkan pelajaran ke institusi teknikal dan vokasional tidak dapat diterima oleh institusi tersebut atas alasan mereka lebih layak meneruskan pelajaran di tingkatan enam.

   Oleh sebab itu, mereka terpaksa melanjutkan pelajaran mereka ke Pusat Tingkatan Enam yang sememangnya mereka sebenarnya tidak meminatinya. Justeru itu timbullah berbagai-bagai andaian orang ramai mengenai isu ini. Adakah institusi teknikal dan vokasional negara mampu menerima

jumlah pelajar yang ramai. Ramai pelajar kita lebih cenderung untuk menyertai institusi teknikal dan vokasional kerajaan berbanding dengan swasta untuk mengangkat status peperiksaan *local* supaya ia setanding dengan peperiksaan antarabangsa.

الْحَمْدُ لله negara telah mempunyai SPN 21 sebagai ikon dan rujukan kepada guru-guru dan pelajar-pelajar. SPN 21 memberikan tumpuan dan fokus kepada pelajaran sebagai satu pendekatan dalam aspek penilaian peperiksaan yang diguna pakai dalam SPN 21.

Wujudnya anggapan dalam kalangan ibu bapa mengenai status *SPE* pelajar Tahun 8 yang mereka beranggapan peperiksaan *SPE* yang diadakan pada Tahun 8 itu tidak berprofil tinggi, tidak seperti peperiksaan *BJCE* yang pernah diperkenalkan kepada pelajar-pelajar kita dahulu. Justeru itu, mungkin tiba masanya untuk kita sendiri menaikkan status atau mengangkat status peperiksaan *local* supaya ia tidak menjadi satu peperiksaan yang remeh dan tidak bermakna bagi penuntut dan ibu bapa.

Saya percaya kita mempunyai kepakaran dalam membuat dan menyediakan kertas peperiksaan yang baik setanding dengan kertas peperiksaan antarabangsa, walaupun ia hanya peperiksaan yang berbentuk dalaman; dan

4. Akhir sekali Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membangkitkan semula isu Maktab Sains yang telah lama tidak dapat diteruskan kerja-kerja pembinaannya yang terdapat di Kampung Mumong, sukacita memohon penjelasan bagaimanakah kedudukannya pada masa sekarang? Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam Dewan yang mulia ini, kaola ingin mengemukakan 3 usul:-

1. Mengenai isu 3M (menulis, membaca dan mengira). Lebih dahulu saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan, khasnya kepada guru-guru yang terlibat serta pihak-pihak yang berkenaan atas peningkatan secara keseluruhan keputusan Penilaian Sijil Rendah Pelajaran (PSR) pada tahun 2015.

   Saya percaya peningkatan ini adalah atas usaha gigih serta kerjasama

berbagai-bagai pihak semoga usaha-usaha ini akan berterusan demi memastikan kejayaan generasi penerus kita pada masa hadapan. Dalam usaha kita meneruskan perjalanan menuju ke destinasi Wawasan Brunei 2035, amat penting untuk kita memastikan bahawa pelajar-pelajar kita di Negara Brunei Darussalam mempunyai kemahiran serta ilmu pengetahuan yang luas, kerana merekalah yang akan menjalankan visi dan misi Wawasan Brunei 2035 yang telah dirancang. Oleh itu, pemantauan yang rapi serta kajian hendaklah selalu dijalankan bagi mengetahui dan menghindari apa jua faktor yang boleh menyebabkan pelajar-pelajar gagal di dalam pelajaran.

Pada masa ini, antara makluman yang saya terima ialah mengenai sebilangan pelajar yang memasuki Tahun 7 adalah pelajar yang lemah dalam penguasaan 3M (Membaca, Menulis dan juga Mengira). Hal ini sangat membimbangkan kita kerana kemahiran 3M adalah kemahiran asas yang perlu dikuasai seawal sekolah rendah atau bawah lagi. Kegagalan murid membaca dengan baik amat berkait rapat dengan kegagalan dalam peperiksaan. Apabila pelajar lemah dalam membaca, mereka akan mengalami kesukaran untuk memahami isi kandungan buku-buku teks dan nota-nota yang diberikan oleh guru-guru mereka serta soalan-soalan kertas peperiksaan mereka sendiri.

Pelajar yang menghadapi masalah lemah dalam 3M juga akan berhadapan dengan masalah menguasai mata pelajaran yang lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan juga Sejarah. Pada pendapat saya, asas 3M ini adalah asas ke arah penguasaan ilmu dan kemahiran kepada apa jua segenap bidang pembelajaran sama ada duniawi atau ukhrawi. Di manakah silapnya yang menyebabkan pelajar-pelajar sekolah menengah ini lemah di dalam 3M?

Walhal mereka sudah ada di alam persekolahan selama sekurang-kurangnya 6 tahun di peringkat sekolah rendah. Enam tahun itu bukanlah satu jangka masa yang pendek, apakah tidak ada sistem yang khusus yang membolehkan murid-murid yang telah dikenal pasti lemah dalam 3M ini agar dapat diberikan lebih bimbingan dan perhatian sejak dari awal peringkat sekolah rendah lagi. Tambahan lagi sistem pelajaran pada masa ini tidak lagi menahan mana-mana murid yang gagal di dalam peperiksaan akhir tahun, kecuali jika peratus kedatangan mereka ke sekolah kurang daripada 85 peratus. Maka masalah murid yang lemah dalam 3M ini akan lebih mudah terlepas pandang. Perkara ini berlarutan dari setahun ke setahun sehinggalah murid-murid tersebut memasuki sekolah menengah.

Kesan daripada kelemahan 3M ini banyak. Antaranya, ia akan menyebabkan murid-murid dan pelajar-pelajar hilang minat serta motivasi untuk belajar. Mereka akan merasa rendah diri dan terasing daripada rakan-rakan yang dapat menguasai 3M dengan baik. Ini boleh mendorong mereka ponteng sekolah dan seterusnya dikhuatiri mereka terjebak dengan gejala-gejala sosial yang tidak diingini. Oleh itu, amatlah perlu langkah-langkah mengatasi masalah 3M ini diambil tindakan secepatnya.

Program yang bersesuaian bagi memastikan murid-murid dapat menguasai kemahiran membaca, mengira dan menulis sejak di peringkat awal lagi hendaklah diadakan. Bagi pelajar-pelajar di sekolah menengah yang lemah dalam 3M hendaklah dikenal pasti untuk disalurkan ke program untuk menguasai 3M yang bersesuaian.

Adakah ia berpunca daripada kurangnya jumlah guru yang berpengalaman mengajar di bahagian rendah atau bawah. Atau mungkin ianya berpunca daripada jumlah *syllabus* pelajaran yang terlalu banyak, yang mesti atau perlu dihabiskan di dalam tempoh setahun menyebabkan guru-guru terpaksa berebut-rebut meng-habiskan *syllabus* yang telah disusun seperti yang diarahkan sehingga mereka tidak dapat menunggu kesemua muridnya menguasai atau memahami satu-satu topik sebelum berpindah ke topik pelajaran yang lain. Maka faktor-faktor penyebab kelemahan 3M dalam kalangan murid-murid hendaklah diambil perhatian yang serius; dan

Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

2. Perkara kedua yang ingin kaola sampaikan bagi Tahun Kewangan 2016/2017, satu peruntukan sebanyak B$2 juta juga telah diluluskan bagi Pusat Kajian Dasar dan Strategik *(CSPS).* Pusat ini ditubuhkan bagi membuat kajian-kajian bagi faedah dan membantu penggubalan polisi dan perancangan strategik kerajaan.

   Soalan kaola:-

   i. Setakat ini berapa banyakkah kajian dan penyelidikan yang telah dilaksanakan?;

   ii. Apakah susulan daripada penemuan-penemuan dan cadangan-cadangan hasil daripada kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan yang telah dibuat?; dan

   iii. Adakah penemuan-penemuan dan cadangan-cadangan tersebut disampaikan kepada pihak yang berkenaan untuk susulan dan pelaksanaan?

3. Sebanyak B$30 juta telah dibelanjakan bagi mendatangkan tenaga pakar iaitu pengajar

mahir untuk Projek Literasi, Bahasa Inggeris dan Numerasi pada 2015/2016 yang merupakan sebahagian daripada peruntukan B$120 juta yang diluluskan.

Soalan kaola:-

i. Setakat ini berapa ramaikah tenaga pakar dan pengajar mahir yang telah didatangkan dan apakah tugas dan tanggungjawab mereka?; dan

ii. Apakah strategi pihak kementerian bagi pelaksanaan projek ini dan apakah bentuk program-program yang telah dirancang dan telah dilaksanakan?

Itu saja barangkali Yang Berhormat Pengerusi, soalan-soalan kaola di dalam Dewan yang mulia ini, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوْا قَوْلِي

Yang Berhormat Pehin, Kaola akan menyentuh sedikit tentang Kementerian Pendidikan.

Kaola mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah berjaya mengatasi kelemahannya pada tahun lepas. Ini satu kejayaan. Nampaknya kelemahan Pendidikan 2015 itu ialah kerana ada sebab-sebab tertentu. Kaola amat sedih kerana terjadilah umpamanya para ibu bapa marah kepada guru-guru mengatakan guru-guru malas mengajar menjadikan kelemahan anak itu.

Apa yang kaola harapkan supaya semangat kental mengangkat balik pendidikan adalah sesuatu yang sangat baik. Di dalamnya ada ikhlas dan mesti ada إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ (Innamal A'malu Binniat), mesti ada al-kawi, mesti ada al-amin dalam pendidikan itu. Mudah-mudahan mengamalkan perkara itu akan makbullah cita-cita mengangkat pendidikan dengan berpandukan *Waktaa Simmu Bihabbillahi Waljami'a Wal Tafarhu* akan menguatkan lagi semangat perpaduan antara ahli-ahli Kementerian Pendidikan.

Saya bertanya adakah masih mengamalkan dasar *automatic promotion* ke atas penuntut. Kalau masih mengamalkan baiklah berjaga-jaga jangan sampai tergelincir kedua kalinya. Mudah-mudahan bila beringat-ingat itu akan menjadi kebaikan bersama dalam pendidikan dan negara. Hal ini ada menyentuh dalam pantun.

Dia bernama Dandan Setia;
Belayar ke Negeri Yaman;
Kalau dia teguh setia;
Itu tandanya orang beriman.

Begitulah Yang Berhormat. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ Nampaknya Yang Berhormat Menteri Pendidikan memerlukan sedikit masa untuk menjawab pantun Yang Berhormat tadi itu. Sebelum kita berikan kesempatan bagi Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan saya tangguhkan mesyuarat Jawatankuasa ini bagi membolehkan kita bermesyuarat dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat kita ini selama 20 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat Persidangan kita disambung semula dan kita masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan bagi Belanjawan Kementerian Pendidikan. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu saya tangguhkan dahulu persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang di peringkat jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang Perbekalan bagi Belanjawan Kementerian Pendidikan. Sebelum mesyuarat ini kita tangguhkan untuk berehat sebentar tadi kita telah mendengar beberapa pertanyaan dan soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya ingin memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan reaksi ataupun responnya ataupun penjelasan bagi soalan-soalan dan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Silakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Terima kasih kerana telah pun memberi peluang untuk kaola menjawab soalan-

soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum kaola menjawab soalan-soalan yang baru didengar tengah hari ini tadi kaola ingin menjawab 1 atau 2 soalan yang dikemukakan pada pagi tadi yang nampaknya belum sempat abis kaola menjawab.

Soalan pertama ialah soalan ataupun cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim mengenai peluang yang boleh diberikan kepada warga perkhidmatan awam Bahagian III ke bawah untuk belajar di institusi pengajian tinggi. Maka sebagai jawapan Yang Berhormat Pengerusi, kaola sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tersebut. Pada menjawabnya kaola ingin merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 27/1998 dan Surat Jabatan Perdana Menteri Bil. 10/2006 iaitu tidak ada halangan bagi mana-mana pegawai dan kakitangan kerajaan dalam semua bahagian termasuk Bahagian III dan ke bawah untuk mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP).

Walau bagaimanapun pemberian (LDP) antara lain adalah tertakluk kepada perkara-perkara seperti berikut. Keperluan dan perancangan strategik kementerian-kementerian dan jabatan yang mengutamakan kepada pegawai terbaik dalam bidang masing-masing yang mempunyai potensi yang tinggi dan merit untuk mengikuti dan berjaya menamatkan kursus dengan cemerlang bagi memenuhi objektif utama skim iaitu peningkatan tahap kemahiran, pengetahuan dan profesionalisme dalam perkhidmatan awam.

Pegawai-pegawai yang disokong mengikuti Skim (LDP) juga mestilah memenuhi syarat-syarat utama dan syarat kelayakan akademik seperti dinyatakan dalam Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Dalam konteks, ini perlu ditekankan bahawa Skim (LDP) tidak terikat secara langsung dengan pemberian jawatan tinggi atau jawatan tangga gaji yang lebih tinggi kepada pegawai yang telah berjaya dalam latihan atau kursus yang diikuti sama ada dalam latihan ataupun kursus yang diikuti.

Mengikut perangkaan 2006 sehingga Disember 2015, seramai 2,646 orang pegawai di Bahagian III dan ke bawah telah dibenarkan untuk mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri dalam berbagai-bagai tahap dan bidang termasuk Diploma Kebangsaan, Diploma Tertinggi, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Kalau mengikut pecahannya dari Bahagian III jumlah kebenaran yang telah pun diberikan ialah 2,085 orang. 1,941 orang Skim Cuti Belajar Dalam Negeri, 16 orang belajar separuh masa dan 4 orang diberikan Skim Cuti Tidak Bergaji. Sementara Bahagian IV seramai 510 orang telah pun dibenarkan. 314 orang mengikuti Skim Belajar Dalam Negeri, 26 orang separuh masa dan 20 orang Skim Cuti Tidak Bergaji dan di Bahagian V sebanyak 51 orang telah pun

dibenarkan, 9 orang mengikuti Skim Cuti Belajar Dalam Negeri, 32 orang separuh masa dan Skim Cuti Tidak Bergaji hanya seorang.

Bagi tempoh yang sama juga seramai 684 orang pegawai dari Bahagian III dan ke bawah telah dibenarkan untuk mengikuti Skim Latihan Perkhidmatan Seberang Laut di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh untuk mengikuti pengajian pada tahap Sijil Diploma Tertinggi, ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana.

Mengikut data yang kita terima Bahagian III seramai 542 orang telah pun dibenarkan dan 456 orang mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh *(full in service training)*, 15 orang Skim Cuti Belajar Luar Negeri dan sementara di Bahagian IV jumlah 130 orang yang mengikuti Skim Dalam Perkhidmatan Penuh dan seorang Skim Cuti Tidak Bergaji.

Sementara Bahagian V, 3 orang kebenaran telah pun diberikan, ketiga-tiganya mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh dan jumlah yang telah pun dibenarkan ialah 684 orang dan itulah data yang telah pun didapatkan mengenai perkara ini.

Dalam menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Memang tidak ada halangan bagi mereka yang di Bahagian III ke bawah untuk belajar di institut pengajian tinggi dan sebagaimana data yang telah diberikan sudah terdapat banyak yang mengikuti kursus-kursus tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin berbalik kepada soalan-soalan yang telah pun dikemukakan pada tengah hari tadi mengenai beberapa isu di Kementerian Pendidikan. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengajukan soalan kepada kaola.

Soalan pertama ialah daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai keputusan peperiksaan. Pada tahun lepas 2015 didapati amat menggalakkan dan kita telah pun dapat memperbaiki pencapaian pelajar-pelajar kita di peringkat pendidikan rendah.

Memanglah dalam keadaan sedemikian kita pun turut merasa gembira kerana usaha-usaha kita itu nampak hasilnya. Kita meneliti *backtrack* dengan melihat apakah punca-punca kejayaan kitani hingga pelajar-pelajar kitani dapat mencapai pencapaian yang lebih menggalakkan daripada sebelumnya.

Apa yang kita dapati bahawa salah satu punca utamanya ialah kesungguhan pelajar itu sendiri untuk memperbaiki diri mereka dan ini didukung dan disokong oleh usaha guru-guru, ibu bapa dan juga pentadbiran sekolah untuk melihat sekolah masing-masing berjaya mencapai sasaran-sasaran yang telah pun diberikan. Atas usaha semua pihaklah kita dapat menikmati kejayaan seperti yang telah pun dinyatakan itu.

Salah satu kajian mengenai faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar ialah salah satu inisiatif telah pun dilihat. Pencapaian pelajar-pelajar 2009 hingga 2014 mendapati bahawa dalam kalangan pelajar yang mendapat kredit dalam mata pelajar *Mathematics* dan *English,* 95 peratus daripada mereka berjaya memperolehi 5 kredit ke atas.

Bagi pelajar yang hanya mendapat kredit dalam mata pelajaran *Mathematics* atau *English*, 50 peratus daripada mereka yang berjaya memperolehi 5 kredit ke atas. Bagi pelajar yang tidak mendapat kredit dalam kedua-dua mata pelajaran *Mathematics* dan *English* hanya kurang dari 4 peratus daripada mereka yang berjaya memperolehi 5 kredit ke atas.

Dapatan ini menunjukkan bahawa mata pelajaran *Mathematics dan English* adalah satu daripada faktor yang membolehkan mereka mencapai sekurang-kurangnya 5 *'O' Level* kredit. Dalam usaha kita pada masa ini ialah untuk memperbaiki lagi pencapaian kanak-kanak dalam mata pelajaran *English, Mathematics and Science.* Dalam usaha itu kita telah pun berusaha untuk mendatangkan guru pakar misalannya dalam bahagian *Mathematics* dan *English* tersebut bagi membantu guru-guru dan pelajar-pelajar untuk menguasai *English, Mathematics* dan *Science* ini.

Usaha itu bukan sahaja kepada guru-guru tetapi kita juga melihat sejauh mana kurikulum yang disediakan itu betul-betul dapat diikuti oleh pelajar-pelajar berkenaan. Dalam perkara ini kita telah pun membuat reviu jika perlu akan kurikulum-kurikulumnya dan kita membuat pendekatan-pendekatan yang baharu dengan menekankan pada *approach concept.* Kita ingin anak-anak murid kita mempelajari dan memahami konsep mata pelajaran yang mereka pelajari.

Kita juga menekankan kepada bimbingan sekolah kerana kita juga melihat bahawa kepimpinan sekolah yang efektif dapat membawa sekolah itu ke satu tahap yang lebih tinggi. Dalam hal ini, banyak inisiatif yang kita ambil untuk memastikan bahawa pencapaian kita di peringkat PSR pada tahun 2015 bukan hanya bagi tahun berkenaan tetapi bagi tahun-tahun seterusnya.

Dalam perkara ini kita tumpukan peruntukan kita pada Tahun Kewangan 2016/2017 untuk memastikan bahawa peruntukan yang diberikan itu dapat membantu kitani mencapai target kita ataupun sasaran-sasaran untuk memperbaiki PSR dan selanjutnya kita juga bercadang bagi tahun ini memulakan inisiatif-inisiatif tertentu bagi menaik taraf pencapaian di peringkat *'O' level.*

إِنْ شَاءَ اللَّهُ usaha-usaha ini bukanlah usaha satu pihak sahaja atau pun pihak kementerian tetapi juga berbagai-bagai pihak, *stakeholders* yang lain. Kita mengharapkan kerjasama *understanding* dan seterusnya penglibatan pihak-pihak yang berkenaan dalam menjayakan rancangan kita untuk menaik taraf pelajar-pelajar kita

di peringkat PSR, peringkat rendah dan menengah dan seterusnya peringkat *pass* ke menengah.

Soalan yang seterusnya ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai sasaran Wawasan Brunei 2035 dan mengenai dengan ekspo yang telah pun diadakan oleh pelajar.

Dalam mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan tahap *literacy business* ataupun *finance business literacy* kepada belia dan pelajar, Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperkenalkan program-program keusahawanan.

Salah satu program keusahawanan yang telah dan terus akan diusahakan oleh Kementerian Pendidikan ialah Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar *(Student Entrepreneurships Development Expo) (SEDEX).*

Program *SEDEX* mula diperkenalkan pada tahun 2012 sempena sambutan Hari Guru. *SEDEX* merupakan *showcase* yang pelajar-pelajar diberi peluang untuk berniaga dan seterusnya memperolehi pengalaman dalam bidang keusahawanan.

Peranan pendidikan sangat penting dalam membimbing dan mencetus minat keusahawanan dalam kalangan pelajar agar dapat mencungkil bakat pelajar untuk menghasilkan idea-idea kreatif yang mempunyai nilai komersial dan dapat dipasarkan. Selain itu, dengan menyediakan peluang pembelajaran keusahawanan melalui pengalaman ini kita berharap ia akan menarik minat para pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Mengenai cadangan supaya sekolah-sekolah yang menunjukkan potensi yang dapat menjadikan modal untuk diberi penganugerahan satu perkara yang belum kitani fikirkan, dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini dapatlah kitani bincangkan di Kementerian Pendidikan sama ada bersesuaian untuk mana-mana sekolah yang dapat membuat penyata kewangan yang cukup baik untuk dijadikan modal ataupun yang dapat menjayakan *business enterprise* ini ataupun *business mindset* ini di sekolah masing-masing untuk diberi pengiktirafan dan diberikan anugerah.

Mengenai soalan seterusnya iaitu mengenai hasil jualan iaitu sama ada sekolah-sekolah rendah ada rancangan untuk mengadakan aktiviti pertanian kerana nampaknya aktiviti pertanian ini mendatangkan hasil dan sebagainya, jawapannya memang tidak ada pada masa ini. Walau bagaimanapun, ini terpulanglah kepada sekolah masing-masing untuk mengadakannya secara dasar, tidak ada dikenakan sebarang peraturan ataupun sebarang arahan bagi sekolah-sekolah untuk mengadakan aktiviti pertanian. Tetapi jika ada sekolah-sekolah yang ingin mengadakannya itu satu perkara yang dialu-alukan dan tidaklah menjadi

halangan daripada pihak Kementerian Pendidikan.

Mengenai kedatangan pelajar ke sekolah-sekolah. Perkara ini diambil berat oleh pihak Kementerian Pendidikan. Kita berusaha sebaik-baiknya untuk mengatasi masalah ini. Masalah kedatangan pelajar ini berpunca daripada berbagai-bagai perkara, ada antaranya memanglah tidak ada tanggungjawab daripada ibu bapa untuk menghantar anaknya ke sekolah, keadaan keluarga yang kurang berupaya.

Ada antaranya oleh sebab ibu bapa mereka bekerja di tempat yang jauh daripada sekolah ataupun di *opposite direction* daripada sekolah, maka tidak ada peluang untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah dan ada antaranya keluarga yang tidak ada kemampuan untuk memiliki kereta dan tidak berupaya untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Perkara-perkara ini, kita maklumi dan kita mencuba mengatasinya sedapat yang mungkin dan kita juga berusaha dengan pihak-pihak tertentu bagi menyediakan pengangkutan-pengangkutan ke sekolah ini.

Kita ada pengangkutan bas sekolah yang diberikan khas kepada pelajar-pelajar yang tinggal jauh dari sekolah yang melebihi daripada 8 km. Kita juga ada senarai pemohon untuk pertimbangan khas iaitu mereka yang tinggal berdekatan dengan sekolah tetapi menghadapi masalah untuk datang ke sekolah disebabkan oleh perkara-perkara yang kaola sebutkan tadi.

Mereka ini, kita sediakan perkhidmatan bas untuk mengangkut mereka ke sekolah agar mereka tidak tercicir dalam kedatangan sekolah. Kita juga menekankan kepada ibu bapa mereka bahawa pelajar-pelajar yang kedatangannya kurang daripada 85 peratus, tidak akan dinaikkan darjah dan jika kedatangan itu sebagai satu kebiasaan boleh didakwa oleh pihak-pihak sekolah. Walau bagaimanapun, perkara ini kita tunduki bersama dan kita bawa ibu bapa ini untuk mengetahui apa permasalahan persekolahan anak-anak mereka hingga mereka tidak dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Ada juga inisiatif daripada pihak guru itu sendiri yang membawa murid ini ke sekolah. Ini menunjukkan keprihatinan pihak sekolah itu dan juga keprihatinan guru-guru yang ingin memastikan bahawa murid mereka ada yang tidak datang ke sekolah disebabkan isu-isu tidak ada pengangkutan.

Kaola ingin sekarang berpindah kepada soalan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Ada beberapa soalan yang ditimbulkan. Pertama mengenai dengan, sama ada kerja-kerja asas diberi keutamaan seperti kursus-kursus membaiki kereta, mengecat kereta dan sama ada lepasan-lepasan sekolah ini diberi kemahiran. Bagi menjawabnya

untuk makluman ahli-ahli di Dewan Majlis ini bahawa kita sekarang memberi fokus kepada pendidikan teknik. kita membuat transformasi tertentu dan kita menganggap bahawa pendidikan teknik ini merupakan satu daripada tiga tonggak utama perubahan dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN 21).

Transformasi pendidikan teknik ini adalah salah satu daripada 7 inisiatif induk inisiatif yang mendukung Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2012/2017. Transformasi pendidikan teknik merupakan satu usaha kepada penyusunan semula (*realigning system*) pendidikan teknik dan vokasional (ptv) yang lebih menjurus kepada Sistem Pendidikan Pasca Menengah *(for secondary education*) yang responsif dan relevan kepada keperluan negara.

Jadi sistem PTV ini, dijana berdasarkan kehendak *deny demand driven* sumber tenaga manusia yang responsif kepada pelbagai inisiatif pihak kerajaan dan berkolaborasi dengan industri bagi menginovasikan pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan tenaga mahir yang bersifat keusahawanan.

Kita memanglah mengambil langkah-langkah yang ada keperluan sesuatu kepakaran itu, ataupun satu *skill* itu maka pihak pendidikan teknik akan menyediakan kursus-kursus yang bersesuaian agar pelajar-pelajar yang lepasan dari sekolah menengah yang berminat untuk jurusan ini akan dapat disalurkan jurusan ini. Agar apabila mereka selesai pengajian mereka akan mempunyai skill tertentu untuk mengisi keperluan-keperluan yang ada di industri-industri yang berkenaan.

Mengenai soalan seterusnya iaitu soalan mengenai Sekolah Contoh. Sekolah Contoh ini kita adakan bagi menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ingin melihat lebih banyak dijadikan Sekolah Contoh. Memberikan peluang kepada pemimpin-pemimpin, salah satu tujuannya ialah untuk meningkatkan kewibawaan mereka sebagai pemimpin sekolah yang dinamik, berdaya tahan, proaktif dan sentiasa bersedia untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi. Misalannya dengan mempraktikkan autonomi dan akauntabiliti dan kepimpinannya, Guru Besar Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi, Temburong telah berjaya mengadakan kelas pra bagi kanak-kanak berumur 4 tahun.

Mereka juga digalakkan untuk melaratkan amalan-amalan terbaik yang telah diamalkan oleh Sekolah Contoh ini seperti penggunaan pelbagai modaliti pengajaran dan pembelajaran berasaskan amalan-amalan terbaik antarabangsa. Misalannya penggunaan *learning speeches* dalam pengajaran dan pembelajaran yang telah memberikan peluang kepada guru besar dan guru-guru untuk menjalankan *team teaching* dengan 2 atau 3 orang guru akan sama-sama mengajar sekumpulan

pelajar yang terdiri daripada 2 atau 3 buah kelas dalam satu sesi.

Seperti jua yang telah dimaklumkan bahawa inisiatif pertama Sekolah Contoh ini telah diganti dengan inisiatif utama *whole school improvement*. Daripada kita hanya menumpukan beberapa buah sekolah saja yang menjadi Sekolah Contoh, satu inisiatif yang telah kita buat untuk menggantikan inisiatif Sekolah Contoh ini ialah inisiatif utama *whole school system.*

Di bawah *whole school improvement* ini, memang tidak ada perbezaan yang ketara antara *whole school improvement* dengan Sekolah Contoh kerana *whole school improvement* merupakan satu peningkatan konsep dalam Sekolah Contoh. Konsep seperti autonomi, akauntabiliti masih lagi diserapkan dalam *whole school improvement* ini*. WSI* ataupun *whole school improvement* ini merupakan pengajaran-pengajaran yang dipelajari dari Sekolah Contoh bagi peningkatan *teaching and learning* dan tertumpu kepada *efficiency of teaching and learning* dalam usaha meningkatkan produktiviti dalam mata-mata pelajaran dalam pembelajaran.

Ini merupakan faktor kritikal bagi mencapai Wawasan Brunei 2035. Peningkatan pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat hendaklah berpandukan ketulusan *data driven* dan *data driven decision* merupakan *variable* yang penting dalam melaksanakan autonomi dan akauntabiliti Sekolah Contoh ini.

Seterusnya, kaola ingin berpindah kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai SPN21 sama ada ia dapat memperkenalkan subjek pertanian di peringkat rendah. Perkara ini sebenarnya belum ada dalam pertimbangan Kementerian Pendidikan, kerana jika kitani menambah satu lagi mata pelajaran di peringkat rendah ini bermakna masa bagi mata-mata pelajaran lain terpaksa dibahagi-bahagikan. Dalam perkara ini amat sukar bagi kitani menambah mata pelajaran tambahan dalam sistem pendidikan yang ada pada masa ini. Sebagaimana yang semua Ahli-ahli Yang Berhormat tahu, pada masa ini pun kanak-kanak kitani sudah berat dengan mata-mata pelajaran yang terpaksa mereka ikuti sepanjang hari.

Seterusnya mengenai Maktab Sains di Kampung Mumong, yang projek ini telah pun terberhenti. Seperti yang telah pun dimaklumi mengenai kejadian keruntuhan struktur (*structure*) atap di bahagian depan Dewan Serbaguna projek Maktab Sains Kuala Belait yang menyebabkan projek ini keseluruhannya telah pun diletakkan di bawah *stopped work order* bermula pada 23 Oktober 2014.

Kejadian tersebut telah dijalankan siasatan dengan tertubuhnya satu Lembaga Penyiasatan (*Board of Inquiry*). Laporan dapatan daripada lembaga tersebut telah dikeluarkan

pada 4 Februari 2015. Antara lain perkara yang telah mendapat perhatian dalam laporan tersebut ialah seperti berikut:-

1. Kelayakan dari segi keselamatan dan kualiti kerja-kerja pembinaan; dan

2. Reka bentuk sepatutnya mengutamakan keselamatan dan seharusnya faktor keselamatan diambil perhatian berat terhadap keseluruhan reka bentuk sekolah berkenaan.

Berikutan laporan ini, konsultan-konsultan projek yang dilantik telah menyatakan komitmen mereka melalui satu Deklarasi Waran yang mengesahkan reka bentuk dan struktur (*structure*) bangunan adalah mengikut standard profesional dan piawaian antarabangsa yang diiktiraf.

Berikutan dengan ini juga, beberapa konsultan pihak ketiga telah dilantik oleh konsultan utama untuk mereviu reka bentuk struktur (*structure*) bangunan. Dapatan awal telah dihadapkan ke Kementerian Pembangunan, masing-masing pada 29 September 2015 dan 17 Disember 2015. Walaupun demikian, laporan-laporan yang dihadapkan didapati tidak sama dari segi *review structure* reka bentuk projek tersebut. Masih ada perbalahan antara konsultan-konsultan dan laporan-laporan yang tidak sama.

Disebabkan ketidaksamaan dalam kedua dapatan reviu tersebut, maka konsultan pihak ketiga telah mengadakan satu mesyuarat teknikal dan bekerjasama untuk menyelesaikan ketidaksamaan tersebut pada 6 Januari 2016. Pada masa ini, kita masih menunggu jika ada persetujuan antara semua konsultan dan pihak-pihak yang terlibat di mana kesilapannya dan bagaimana membaiki kesilapan itu sama ada struktur atau masalah itu, adakah masalah berkenaan sebahagian sahaja ataupun keseluruhannya. Oleh itu, selagi kita belum mengetahui hasil perbincangan tersebut, maka *stopped work order* itu masih dikekalkan.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan dengan pihak kementerian-kementerian berkenaan akan berusaha untuk mencari jalan supaya projek yang telah pun dibina separuh jalan itu dapat diteruskan secepat mungkin bagi keperluan Maktab Sains di Daerah Kuala Belait.

Kaola seterusnya beralih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai isu 3M, di manakah silapnya sehingga pencapaian di peringkat rendah itu masih di tahap yang rendah. Bagaimana kitani akan membaikinya dan apa lagi usaha kitani untuk meningkatkan ataupun menaiktarafkan pencapaian pelajar-pelajar di bahagian rendah.

Sebenarnya jika ada masalah berkaitan 3M ini seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, Kementerian

Pendidikan sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap pencapaian kanak-kanak kitani di bahagian rendah. Seperti yang telah pun dinyatakan, kita mengenal pasti bahawa literasi dan numerasi adalah punca utama yang menyebabkan kalangan pelajar kita masih lemah.

Dalam hal ini, langkah-langkah telah pun diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan dengan melihat keputusan peperiksaan 2015. Perkara ini boleh kitani atasi, selesaikan dan diperbaiki. Kita telah pun meneliti beberapa langkah yang perlu kitani ambil. Antaranya ialah untuk mewujudkan piawaian literasi dan numerasi kebangsaan (*national literacy and numeracy standard*) yang merangkumi 4 tahap seperti berikut:-

1. Tahap membaca (*reading level*);

2. Tahap menulis (*writing level*);

3. Tahap mendengar dan bertutur (*listening and speaking level*); dan

4. Tahap *numeracy* (*numeracy level*).

Piawaian ini juga mengambil kira piawaian antarabangsa yang berhubung kait dengan *literacy and numeracy standard* seperti *Wales Literacy and Numeracy Framework* (*LNF*), *Common European Framework of Reference for Languages* (*CEFRL*) dan *Programme for International Student Assessment* (*PISA*).

Objektif *LNF* ini untuk mewujudkan tahap ekspektasi negara dalam pencapaian literasi dan numerasi, memberikan maklumat yang berguna sebagai rujukan dalam penyediaan dasar, meningkatkan pemahaman guru terhadap kemahiran membaca dan mengira dan membantu pelajar dalam mengesan kemajuan mereka sendiri.

Melalui *LNF* ini juga, para pelajar akan dinilai melalui penilaian diagnostik dan seterusnya diberi bantuan intervensi selaras dengan kehendak standard yang telah ditetapkan. Guru-guru pula diberikan latihan dalam penggunaan *LNF* ini, bekerjasama dan menyokong pelaksanaan projek program literasi yang dikehendaki oleh Jabatan Sekolah-Sekolah seperti program Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) dan *The Integrated Approach To Reading Acquisition* (*TIARA*).

Bahan-bahan sokongan *LNF* seperti buku teks, buku aktiviti, buku sumber, buku panduan guru dan sebagainya telah pun disediakan bagi mengatasi masalah ini. Bagi memastikan pelajar tidak akan lemah dalam 3M di peringkat menengah, piawaian ini akan ditekankan bermula dari Tahun 1 lagi bermula pada tahun ini dan pelajar-pelajar kita, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan mempunyai tahap kompetensi yang selayaknya bermula pada tahun ini apabila *LNF* berkenaan mula diperkenalkan dan dipergunakan.

Memanglah kita mengambil berat terhadap tahap pencapaian anak murid kitani dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan usaha-usaha

yang telah kitani buat di Kementerian Pendidikan dan dibantu oleh pihak PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri, kita berharap akan mendatangkan hasil seperti yang dihajati iaitu dapat menaiktarafkan pencapaian pelajar-pelajar kitani di peringkat rendah dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ juga di peringkat menengah dan seterusnya.

Seterusnya, kaola ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husin mengenai saranannya supaya kita berhati-hati mengenai *automatic promotion* ini. Memang dalam SPN21 kita ada sistem *no retention policy* ataupun *automatic promotion* tetapi dasar *automatic promotion* ini ataupun *no retention policy* ini bukanlah diadakan *on his own*, ertinya tiada akan begitu sahaja dan mana-mana murid atau pelajar yang kurang berjaya akan terus dinaikkan begitu sahaja, sebenarnya tidak.

Dalam SPN21, kita ada mengenalkan juga intervensi-intervensi tertentu bagi membantu pelajar-pelajar yang dikenal pasti masih lemah, tetapi oleh kerana sistem tidak ada *no retention policy* itu maka mereka akan dinaikkan darjah tetapi usaha-usaha akan diambil bagi membantu mereka supaya mereka dapat memahami mata pelajaran mereka dan setiap tahun mereka berpindah kelas ataupun naik satu darjah, satu tingkat maka mereka akan memahami apa yang dipelajari, إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Untuk usaha-usaha seperti ini, ia juga dibantu dengan *School Based Assessment (SBM)* guru-guru dan pihak sekolah akan menilai kemampuan kanak-kanak itu sebelum mereka naik kelas. Mereka itu walaupun naik kelas pencapaian mereka dipantau supaya mereka itu tidak jauh ketinggalan ataupun tidak terlalu lemah dalam mata pelajaran sehingga akan mengakibatkan mereka lemah seterusnya. Memang ada intervensi-intervensi program kita yang kita jalankan dalam hal-hal ini.

Barangkali Yang Berhormat Pengerusi, itu sahaja yang dapat kaola jawab dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ kalau mana-mana soalan yang masih belum terjawab maklumlah soalan-soalan itu datang bertubi-tubi dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ jika ada kesempatan abis kaola ingin merespons lagi mana-mana yang belum dijawab ataupun soalan-soalan yang penting yang perlu dijawab akan abis kaola cuba menjawab jika ada kesempatan.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang telah memberi keterangan-keterangan dan penjelasan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berpendapat bahawa ada baiknya Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan ini sekarang kita undi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan ini diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Dengan itu Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH01A hingga SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sekarang mula untuk membincangkan belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum saya memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk membuat pengenalan mengenai belanjawan kementeriannya, saya ingin mencadangkan supaya *intervention* ataupun pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik akan dijawab seberapa yang boleh, barangkali saya cadangkan tidak kurang daripada 4 orang untuk mengelakkan soalan-soalan itu bertimbun-timbun.

Kalau sekiranya sampai sudah 13 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik bertanya, maka saya kira banyak soalan itu terlepas pandang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Untuk membolehkan supaya kita berjalan dengan lebih rancak lagi, maka saya cadangkan supaya bagi kementerian-kementerian yang selanjutnya yang bertanya itu nanti kita hadkan kepada 4 orang, tidak kurang daripada 4 orang dan lepas itu dijawab oleh menteri-menteri yang berkenaan dan selanjutnya 4 orang 4 orang lagi.

Dengan itu, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk membuat pengenalan atau mukadimahnya mengenai belanjawan kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
اَشْرَفِ الْاَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ اَجْمَعِيْنَ اَمَّا بَعْدُ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِن لِّسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) kerana menyediakan peruntukan yang bersesuaian bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan mengambil kira cabaran-cabaran fiskal yang kita hadapi sekarang ini.

Sebelum membahaskan peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2016/2017, kaola sukacita ingin mengongsikan hala tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selepas penyelarasan nama dan portfolio kementerian ini pada 22 Oktober 2015 yang lalu.

الْحَمْدُ لله kaola dan semua warga kementerian kaola merasa sungguh bertuah sekali kerana hala tuju kementerian yang telah dilakar beberapa bulan yang lalu, ini benar-benar selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena menyambut Awal Tahun Masihi 2016. Dari titah baginda itu, terdapat isu-isu perekonomian yang kritikal yang baginda telah tekankan dan semestinya pula kita tangani:-

1. Berbangkit daripada keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, penurunan kepada pengeluaran minyak dan gas negara serta kejatuhan harga minyak dunia kebelakangan ini telah menjejaskan prestasi makroekonomi Negara Brunei Darussalam. Pertumbuhan ekonomi negara bukan sahaja perlahan malah telah merekodkan pertumbuhan negatif;

2. Bertolak daripada keadaan tersebut, maka untuk KDNK negara ini tumbuh sangat mustahak bagi kita memperluaskan dan mempelbagaikan asas ekonomi negara ini. Usaha-usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara bukan sahaja perlu dilipatgandakan bahkan perlu juga dipercepatkan; dan

3. Saiz pasaran negara yang kecil tidak boleh dijadikan alasan untuk menyekat pertumbuhan pengeluaran perusahaan perniagaan kita. Bagi menjamin pertumbuhan perniagaan perusahaan, kita perlu menerokai pasaran eksport. Maka selaras juga dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya mensejajarkan hala tujunya.

   Ke arah itu visi kementerian ialah "Ke arah industri sumber-sumber utama dan pelancongan yang progresif dan berdaya tahan dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan dan ekonomi demi mencapai Wawasan Brunei 2035". Sementara itu, misi kementerian ini pula ialah "Menerajui pertumbuhan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan untuk menjadi penyumbang yang

signifikan kepada pertumbuhan KDNK dengan menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara dan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi tinggi serta menfokus kepada pasaran eksport".

Selaras dengan visi dan misi ini, kementerian akan memberikan penekanan kepada 4 teras utama iaitu:-

1. Pertumbuhan (*economic growth*);

2. Produktiviti;

3. Eksport; dan

4. Berdaya tahan ataupun *sustainable.*

Bagi penekanan pertama; pertumbuhan ataupun *economic growth* kementerian ini akan memastikan adanya pertumbuhan dan penambahan besar dalam pengeluaran ataupun *output* secara berterusan setiap tahun daripada industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan yang secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan KDNK.

Bagi penekanan kedua, iaitu produktiviti, kementerian ini pula akan memastikan adanya peningkatan produktiviti berterusan dalam pengeluaran industri-industri pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan. Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, beberapa kali sebelum ini, peningkatan produktiviti adalah jentera utama yang telah terbukti dapat membantu usaha-usaha bagi mempercepatkan pertumbuhan KDNK, termasuklah pertumbuhan keluaran sektor-sektor sumber-sumber utama ini.

Di samping itu, peningkatan produktiviti juga adalah kunci kepada penurunan kos pengeluaran seunit atau *unit cost.* Penurunan *unit cost* ini setentunya dapat pula membantu peningkatan daya saing antarabangsa ataupun *international competitiveness*. Dengan demikian, keluaran industri ini akan dapat menembusi pasaran eksport, ini adalah sesuai dengan penekanan yang ketiga kementerian ini.

Penekanan ketiga ialah eksport. Apa yang penting ialah pengusaha tidak boleh bergantung pada pasaran domestik kita yang kecil, malah terpaksa menerokai pasaran eksport demi menjamin peluang pertumbuhan perniagaan dan pertumbuhan KDNK yang berterusan. Ini selaras juga lagi dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2016 yang lalu.

Merujuk Brunei Darussalam *Statistical Year Book* 2014 terbitan Jabatan Perancangan Dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) Jabatan Perdana Menteri, ketika ini eksport negara adalah 61.9 peratus KDNK. Jika ekonomi minyak dan gas

dikecualikan daripada perkiraan, maka eksport negara hanyalah 12.4 peratus KDNK. Dibandingkan eksport bagi negara-negara Singapura, Hong Kong dan Luxemborg, negara-negara ini bersaiz lebih kecil tetapi mempunyai saiz ekonomi yang lebih besar daripada kita. Jika diperhatikan ternyata eksport masing-masing adalah sekitar 200 peratus KDNK. Ini bererti bagi ekonomi kita yang bersaiz kecil ini, penekanan keluaran dan penjualan industri kita mestilah juga menembusi pasaran eksport demi untuk menjamin pertumbuhan KDNK dan peluang pekerjaan yang berterusan.

Dan bagi penekanan keempat, iaitu berdaya tahan atau *sustainable*, ia mempunyai skop yang sangat luas. Bagaimanapun, antara skop yang ditekankan oleh kementerian ini ialah untuk memastikan bahawa dalam melaksanakan strategi dan program untuk meningkatkan keluaran industri-industri ini, sebarang usaha akan dilakukan untuk mengurangkan pergantungan pada perberlanjaan kerajaan. Kaedah-kaedah seperti *private public partnership*, pelaburan langsung asing (*FDI*) dan lain-lain kaedah yang sesuai dan *cost effective* akan diterokai secara berterusan.

Yang Berhormat Pengerusi. Adalah rasanya tidak lengkap jika kaola tidak menjelaskan apakah jenis-jenis industri yang akan Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tumpukan.

Untuk itu, sekali lagi kaola ingin memohon kebenaran bagi mengongsikan perkara ini, dengan harapan agar pihak swasta, pelabur-pelabur, pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dan termasuk juga dewan-dewan dan pertubuhan-pertubuhan perniagaan dan perusahaan di negara ini, akan dapat merebut peluang-peluang yang إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan pihak kaola ungkayahkan ini, semata-mata sebagai usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara ini khususnya dalam perekonomian berasaskan pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan.

Khusus bagi perancangan 2016 hingga 2020 industri yang akan kementerian ini berikan tumpuan sepenuhnya ialah:-

1. Industri Ternakan Ayam Pedaging berskala besar menggunakan teknologi tinggi dan moden. إِنْ شَاءَ اللَّهُ sasaran untuk meningkatkan nilai keluaran industri ini antara $300 - $400 juta menjelang 2020 berbanding 110 juta pada tahun 2014;

2. Industri sayur-sayuran menggunakan teknologi tinggi seperti *vertical farming* dan *led lighting*. Sasaran untuk meningkatkan nilai keluaran industri ini antara $150 juta ke $200 juta menjelang 2020 berbanding $33 juta pada tahun 2014;

3. Industri Bunga Keratan *(cut flowers*) menggunakan teknologi tinggi seperti *led lighting, black screen* dan *high tech green house*. Sasaran untuk meningkatkan nilai keluaran industri ini antara $40 juta ke $60 juta menjelang 2020 berbanding hanya $0.2 juta pada tahun 2014;

4. Industri Agrimakanan, iaitu dengan menumpukan kepada industri pemprosesan produk-produk berasaskan daging seperti sosej*, cold cuts* dan lain-lain. Sasaran untuk meningkatkan nilai keluaran industri ini antara $200 juta ke $250 juta menjelang 2020 berbanding $102 juta pada tahun 2014;

5. Industri Perikanan. Tumpuan adalah akuakultur perikanan iaitu penternakan ikan luar pantai (*off shore fish culture*), dan penternakan udang (*in-land shrimp culture*) dan industri pemprosesan dan industri dukungan yang berkaitan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ sasaran untuk meningkatkan nilai keluaran industri ini antara melebihi $200 juta ke $300 juta menjelang 2020; dan

6. Industri Perhutanan, kementerian in sedang meneliti perancangan untuk memacu pertumbuhan industri hiliran (*down stream*) dan juga industri *non-timber forest products.*

   Untuk makluman umum memandangkan saiz ekonomi kita kecil ketika ini, maka sebahagian besar daripada pertumbuhan yang dinyatakan tadi disasarkan kepada pasaran antarabangsa ataupun eksport. Banyak lagi aktiviti industri yang akan diteliti dari semasa ke semasa mengikut kesesuaiannya untuk dilaksanakan secara skala besar menggunakan teknologi terkini dan yang ada potensi untuk di tingkatkan keluarannya bukan sahaja bagi menjana petumbuhan KDNK, bahkan jika boleh bagi tujuan meningkatkan eksport; dan

7. Bagi industri Pelancongan, kementerian ini akan melaksankan inisiatif-inisiatif untuk mengukuhkan produk-produk pelancongan di negara ini yang dibahagikan kepada:-

i. Produk-produk utama atau *primary products:-*

   a. Taman Negara Ulu Temburong dan Batang Duri;

   b. Bandar Seri Begawan meliputi Masjid Sultan 'Omar Ali Saifuddien dan Jame 'Asr Hassanil Bolkiah, Muzium-muzium, *Royal Regalia*, Bangunan Lapau, Istana Darussalam dan Istana Nurul Iman, Pasar Malam dan lain-lain; dan

   c. Kampung Air meliputi persekitaran Kampung Air, Galeri Kebudayaan Kampung Air, Jong Batu,

Pulau Selirong, *proboscis monkeys* dan lain-lain.

Produk-produk ini memang sudah terkenal sebagai destinasi utama pelancong-pelanconng dari luar negara ke Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, usaha-usaha akan dibuat bersama *stakeholders* berkenaan untuk mengukuhkan lagi daya tarikan produk-produk ini dengan memberi penekanan kepada ciri-ciri keselamatan, keselesaan, kepelbagaian aktiviti dan ciri-ciri perkhidmatan atau layanan yang diberikan kepada pengunjung-pengunjung;

ii. Produk *emerging* iaitu:-

a) Pantai-pantai seperti Pantai Serasa, Muara, Berakas, Seri Kenangan, Meragang dan Tungku;

b) Taman-taman rekreasi, hutan seperti Taman Rekreasi Sungai Basong, Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas, Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar dan Taman Peranginan Tasek Lama; dan

c) Tasek Merimbun, Luagan Lalak dan lain-lain destinasi berpotensi seperti Tasek Merimbun dan Luagan Lalak.

iii. Produk yang berupa aktiviti *diving, board watching, Islamic tourism, medical tourism, cruise tourism, education tourism, mice adventure, homestay, culture* dan *community base tourism*.

Menyentuh peruntukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi tahun 2016/2017, kaola seterusnya menjelaskan bahawa Perbelanjaan Tahunan yang disokong adalah sebanyak $57,144,550.00. Sebanyak $33,468,420.00 adalah bagi bayaran Gaji Kakitangan, sebanyak $17,299,330.00 adalah bagi Perbelanjaan Tahunan yang Berulang-Ulang dan sebanyak $6,456,800.00 adalah bayaran Perbelanjaan Khas.

Menyentuh fokus belanjawan kementerian ini bagi tahun 2016/2017 di bawah Perbelanjaan Tahunan bayaran Perbelanjaan Khas dengan peruntukan yang disokong sebanyak $6,456,800.00. Sebahagian besarnya akan digunakan untuk:-

i. Projek penanaman padi dan akan melibatkan kerja-kerja membangunkan infrastruktur parit dan pengairan pada beberapa kawasan penanaman padi, pembelian bahan *input*, jentera dan mesin. Ini bertujuan meningkatkan produktiviti dan pengeluaran padi. Peruntukan ini juga digunakan untuk skim pembelian semula hasil padi tempatan;

ii. Projek pelancongan akan melibatkan projek-projek:-

a) Meningkatkan dan memper-kembangkan produk-produk pelancongan supaya akan lebih menarik dan unik kepada pelancong dalam dan luar negara. Keutamaan masa kini akan diberikan pada produk-produk *primary* iaitu Ulu-ulu Temburong, Bandar Seri Begawan dan Kampung Air;

b) Projek promosi dan pemasaran pelancongan dengan memfokus kepada penggunaan teknologi info-komunikasi *ICT* seperti *mobile app*, laman sesawang, website dan lain-lain; dan

c) Menaik taraf galeri kebudayaan dan pelancongan Kampung Air. Dengan terlaksananya projek ini nanti ianya akan memberikan tambah nilai kepada persekitaran Kampung Air sebagai salah satu produk utama atau *primary* produk pelancongan negara ini.

Pihak kaola إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan bersedia untuk berfikiran terbuka terhadap projek-projek yang telah dirancang untuk tahun kewangan ini. Sebagai contoh jika terdapat keperluan untuk melaksanakan projek-projek ini secara *PPP*, maka pihak kaola saya akan membuat perundingan dan penyelarasan lanjut dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk sama-sama menilai kesesuaiannya.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola sampaikan sebagai mukadimah dan sebagai maklumat asas berkenaan hala tuju kementerian ini iaitu sebagai panduan sebelum kita membahaskan peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Setinggi-tinggi terima kasih kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Pengerusi diatas peluang yang diberikan ini.

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar ucapan pendahuluan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengenai dengan belanjawan kementeriannya. Sebelum saya membukakan perbahasan mengenai dengan tajuk ini, saya ingin mengingatkan sekali lagi kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik terutamanya, untuk memberikan fokus terhadap soalan-soalan itu kepada perbelanjaan atau belanjawan yang kita hadapi ini.

Saya telah difahamkan bahawa sebelum ini Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah pun diberi taklimat oleh kementerian-kementerian yang berkenaan dan banyak pertanyaan juga telah pun ditimbulkan dan dijawab. Untuk mengelakkan kita berjawab-jawaban pada bukan tempatnya, maka ada baiknya kalau sekiranya perkara-perkara yang perlu kita selesaikan ini iaitu belanjawan, kita tumpukan perhatian

kita kepada belanjawan ini. Adalah kurang berpatutan bagi kita mengeluarkan setiap kementerian ataupun menteri mengeluarkan banyak maklumat dikhalayak ramai.

Sungguhpun maklumat-maklumat ini barangkali tidaklah begitu sensitif, tetapi saya khuatir sejauh mana kita boleh mengeluarkan maklumat-maklumat seperti ini kepada khalayak ramai. Mesyuarat kita mesyuarat terbuka, jadi dengan itu saya kira adalah lebih berhemah bagi kita untuk berbincang sesama sendiri sekiranya ada keperluan Ahli-ahli Yang Berhormat menjumpai menteri-menteri yang berkenaan di tempatnya sendiri dan dihadapi oleh pegawai-pegawainya yang berkenaan supaya perbincangan dengan lebih teliti akan dapat dibuat dan kita tidaklah menunggu setiap tahun untuk bertanya kepada mereka.

Pada ketika ini kita sedang membincangkan mengenai belanjawan. Saya kira lebih berpatutan kalau perhatian kita fokuskan kepada belanjawan yang berkenaan. Nampaknya sejauh ini yang saya lihat tidak banyak soalan itu bertumpu kepada belanjawan yang kita hadapi.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya kira saya suka untuk menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita beralih balik ke Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula di persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Dengan demikian, saya tangguhkan persidangan ini dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 5 Jamadilakhir 1437 bersamaan 14 Mac 2016 seperti biasa pukul 9.00 pagi.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Isnin, 5 Jamadilakhir 1437 / 14 Mac 2016

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang

Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini iaitu hari yang ketujuh, Isnin, 5 Jamadilakhir 1437 bersamaan 14 Mac 2016, didahului dengan Doa Selamat.
إِنْ شَاءَ اللَّهُ

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua kita dapat sekali lagi bersama-sama hadir di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini Persidangan Majlis Mesyuarat Negara merupakan persidangan bagi hari yang ketujuh.

Seperti lazimnya, sebelum kita mendahului perkara-perkara lain, kita akan lebih dahulu membincangkan perkara-perkara mengenai jawapan lisan bagi Soalan Yang Telah Diberi Notis. Selepas itu kita akan menyusul semula perbincangan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017.

Sekarang kita akan membincangkan Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis iaitu Perkara V yang akan dijawab secara lisan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Yang Telah Diberi Notis, No. 14 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan ini kaola tujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

SPN21 telah dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2009 dengan menyasarkan misi pendidikannya. Antaranya ialah menyediakan bidang kemahiran atau ilmu kemahiran hidup abad ke-21 bagi memenuhi hasrat Wawasan Brunei 2035 khusus untuk pembangunan industri

negara. Penubuhan pelbagai industri seperti *Industrial Park* di Kampung Tungku dan Perancangan Pulau Muara Besar merupakan suatu yang boleh membawa perubahan positif dan peluang pekerjaan kelahiran SPN21. SPN21 juga mempunyai misi untuk meningkatkan kadar jumlah penuntut di peringkat pendidikan tinggi dari kadar 14 peratus yang sedia ada kepada tahap 30 peratus dalam jangka waktu 5 tahun dan dapat mempercepatkan matlamat untuk membolehkan sekurang-kurang 50 peratus jumlah penuntut lepasan sekolah menengah termasuk lepasan sekolah vokasional dapat meneruskan pelajaran di peringkat tinggi.

Saya ingin tahu:-

1. Setelah lebih 5 tahun SPN21 dilaksanakan, adakah kadar peningkatan jumlah penuntut di peringkat tinggi dan lepasan sekolah menengah dan vokasional mencapai kadar seperti yang diharapkan dalam misi SPN21; dan

2. Adakah cadangan untuk mengadakan Pendidikan Asas Vokasional atau Asas Ilmu Kemahiran Hidup bermula dari peringkat sekolah rendah?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas soalan yang dikemukakan mengenai pencapaian kadar jumlah penuntut di peringkat tinggi dan lepasan sekolah menengah dan vokasional sebagaimana yang dihasratkan dalam misi Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 iaitu SPN21.

Sebagaimana kita maklum, setiap pelajar mempunyai kebolehan dan kecenderungan yang berbeza-beza. Maka kita mengadakan SPN21 bagi merangka menawarkan pelbagai peluang laluan (*multiple pass ways*) yang boleh diikuti pelajar mengikuti kencenderungan dan kebolehan masing-masing untuk meningkatkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

Antara laluan yang dimaksudkan itu, termasuklah penyediaan program-program teknikal dan vokasional yang bersesuaian bagi pelajar selepas menamatkan pengajian di peringkat menengah di tahun 10 dan 11. Dalam pada itu juga, dengan penubuhan Politeknik Brunei yang menawarkan berbagai-bagai jurusan dan peringkat telah juga membuka luas akses ke peringkat yang tinggi.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, iaitu berdasarkan dapatan daripada penilaian pelaksanaan prestasi SPN21 dan

merujuk kepada statistik kemasukan pelajar dari tahun 2009 hingga 2015, didapati bahawa kadar kemasukan pelajar ke sekolah-sekolah vokasional dan teknikal menunjukkan peningkatan yang progresif. Data pada tahun 2009 mencatatkan kemasukan pelajar seramai 1,513 orang dan pada tahun 2015 jumlah ini meningkat kepada seramai 3,779 orang pelajar. Ini satu peningkatan yang amat menggalakkan. Kita tidaklah mempunyai kadar tertentu yang ingin dicapai, tetapi kita mahu setiap pelajar ada laluan untuk mengikuti kursus yang boleh membantu mereka mendapatkan pekerjaan dan menyumbang kepada negara.

Soalan No. 2 ialah mengenai jika terdapatnya cadangan Pendidikan Asas Vokasional, Asas Ilmu Kemahiran Hidup *(life skills)* di peringkat sekolah rendah. Pada menjawabnya buat pada masa ini tidak ada cadangan sedemikian, kerana difikirkan terlalu awal jika untuk diadakan di peringkat rendah dan lebih bersesuaian jika di peringkat sekolah rendah mereka mempelajari mata pelajaran asas yang membolehkan mereka meneruskan pengajian ke menengah dengan lebih bersedia.

Walau bagaimanapun, asas ilmu kemahiran hidup diserapkan dalam rangka kerja kurikulum SPN21 dan dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran seharian. Sekianlah yang dapat kaola terangkan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No. 15 Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ . Soalan yang akan kaola bentangkan ini ada hubung kaitnya dengan 2 kementerian iaitu Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.

Kanak-kanak Yang Berkeperluan Khas. Unit-unit pendidikan untuk anak-anak istimewa berkeperluan khas ini sepatutnya diperkenalkan seluas-luasnya kepada umum melalui media massa atau media cetak agar para ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa yang berkeperluan tersebut akan menyedari betapa pentingnya anak-anak mereka diberi bimbingan yang betul dari kecil lagi supaya mereka boleh menikmati kehidupan yang sempurna pada masa hadapan.

Soalan kaola ialah:-

1. Adakah tindakan dan perancangan Kementerian Pendidikan untuk mengemaskinikan Pusat Pembangunan Kanak-Kanak dan Unit Pendidikan Khas ini pada masa akan datang?;

2. Adakah kedua-dua unit ini mempunyai pakar-pakar dan guru-guru yang berkemahiran serta *"specialize"* dalam pengendalian kanak-kanak istimewa ini mencukupi pada masa ini?;

3. Adakah bersesuaian jika kedua-dua unit ini digabungkan dan disatukan menjadi sebuah pusat didikan yang berkemahiran tinggi untuk anak-anak istimewa yang berkeperluan khas ditempatkan di sebuah bangunan yang moden dan dilengkapi dengan bilik-bilik tempat belajar, rehat, makan, surau, bilik rawatan, klinik pergigian dan tempat riadah dan tempat permainan mengikut keperluan yang bersesuaian?

   Kaola difahamkan bahawa unit-unit ini ditempatkan di bangunan yang dahulunya merupakan rumah-rumah kerajaan yang pada pendapat kaola tidak begitu sesuai dan sangat terhad bagi menempatkan beberapa rawatan atau khidmat kaunseling yang diperlukan.; dan

4. Apakah kerjasama antara kedua-dua kementerian iaitu Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan dalam memberikan bantuan dari segi keperluan pelajaran, jasmani dan rohani *(educational, physical and spiritual)* kepada kanak-kanak istimewa yang berkeperluan khas ini?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal atas soalan-soalan yang dikemukakan berkaitan dengan kanak-kanak berkeperluan khas.

Kaola sukacita menjawab soalan berkenaan dengan melihat daripada perspektif pelajar-pelajar berkeperluan khas. Seramai 4,161 orang pelajar bekeperluan khas telah didaftarkan dan sedang belajar di sekolah-sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi di negara ini, iaitu di prasekolah seramai 169 orang, di sekolah rendah 2,935 orang, di sekolah menengah seramai 973 orang dan di pasca menengah seramai 84 orang.

Unit Pendidikan Khas (UPK), ditubuhkan untuk melaksanakan dasar pendidikan inklusif. Fokusnya adalah memberikan pendidikan yang dikhususkan mengikut keperluan pelajar tersebut iaitu *Individual Educational Need*. Kerjasama rapat wujud dengan pihak-pihak yang berkepentingan melalui jawatankuasa empat pihak yang terdiri daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pusat

Perkembangan Kanak-Kanak iaitu Kementerian Kesihatan dan Jabatan Pengajian Islam.

Pelbagai program yang dilaksanakan oleh pihak UPK seperti program bantuan khusus khas yang berdasarkan *Individual Educational Plan* (IEP), program bantuan pembelajaran yakni pemulihan yang berdasarkan *Remedial Educational Plan* bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran dan memerlukan pemulihan di sekolah-sekolah kerajaan. Program pravokasional menengah dan program pendidikan bagi pelajar cerdas, pintar dan berbakat (*Gifted Children).*

Di samping itu, dengan kerjasama rapat pihak-pihak yang berkepentingan, perkhidmatan bantuan juga disediakan bagi pelajar-pelajarnya antaranya seperti:-

i. Perkhidmatan psikologi pendidikan;

ii. Perkhidmatan terapi bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pertuturan dan percakapan;

iii. Perkhidmatan bantuan pelajar masalah penglihatan; dan

iv. Perkhidmatan *continuing education support* bagi pelajar-pelajar, pesakit-pesakit yang sedang menerima rawatan *long term* di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan sebagainya.

Bagi menjalankan program-program tersebut, setentunya memerlukan pakar–pakar dan guru-guru yang berkemahiran. الْحَمْدُ لله Kementerian Pendidikan kini mempunyai seramai 49 orang pakar dalam pelbagai bidang seperti psikologi pendidikan, *autisma, dyslexia, assistive technology, deaf education, speech therapy* dan pendidikan khas. Manakala, Kementerian mempunyai seramai 145 orang guru *Special Education Need Assistant* (*SENA*) dengan dibantu oleh *Learning Support Teacher* dan perancangan berterusan telah pun dirangka bagi menambah bilangan pakar dan guru khas dan juga bagi meningkatkan kemahiran pakar-pakar dan guru-guru yang berkemahiran dalam bentuk latihan jangka panjang dan pendek.

Mengenai kesesuaian kedua-dua unit iaitu *UPK* dan *CDC* digabungkan, buat pada masa ini belum ada pemikiran ke arah itu, kerana kerjasama yang ada sekarang berjalan dengan baiknya. Walau bagaimanapun, seperti pernah kita nyatakan, kita tidak menolak kemungkinan kedua-dua unit *UPK* dan *CDC* akan meneliti peranan masing-masing dan bagaimana dapat meningkatkan lagi perkhidmatan dan pemedulian kepada kanak-kanak dan pelajar-pelajar berkeperluan khas yang menjadi tanggungjawab kita bersama. Kaola percaya rakan saya Yang Berhormat Menteri Kesihatan mungkin juga menambah dalam perkara ini.

Sekianlah yang dapat kaola terangkan dan sekali lagi kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih

kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. بِسمِ اللهِ الرَّحمٰنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola menambah sedikit ulasan yang telah disampaikan oleh rakan kaola Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Kementerian Kesihatan komited untuk memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang terbaik kepada seluruh lapisan rakyat dan termasuk juga kepada kanak-kanak yang berkeperluan khas melalui penjagaan pelbagai disiplin kepakaran secara berintegrasi yang berasaskan kepada konsep *'patient and people centred care'*.

Ini termasuklah menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif yang turut meliputi antara lainnya pengesanan awal dari Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-Kanak sama ada di peringkat kerajaan atau pun peringkat swasta dan juga perkhidmatan Klinik Pediatrik di hospital dan pelaksanaan intervensi terhadap kanak-kanak yang bekeperluan khas dengan kerjasama erat pelbagai disiplin dan juga bersama Kementerian Pendidikan serta para penjaga.

Kementerian Kesihatan menyambut baik cadangan-cadangan yang diberikan yang sudah setentunya menggambarkan keprihatinan Yang Berhormat terhadap hal-ehwal kebajikan kanak-kanak yang berkeperluan khas. Niat atau hasrat untuk menempatkan kanak-kanak berkenaan dalam satu bangunan khas memanglah baik semata-mata demi menjaga hal-ehwal kebajikan mereka. Oleh itu, cadangan akan diteliti dengan mengambil kira pelbagai sudut termasuklah kesan dan impak kepada kanak-kanak berkeperluan khas berkenaan.

Umpamanya apakah kesan stigma oleh masyarakat akan timbul terhadap kanak-kanak ini, jika mereka diasingkan atau *disegregate* dan menyebabkan kanak-kanak tersebut merasa tersingkir, walhal mereka juga adalah sebahagian daripada masyarakat. Lebih-lebih lagi, dengan adanya dasar pendidikan inklusif yang ada di negara ini, maka perlulah cadangan ini diteliti dengan lebih mendalam.

Dalam hubungan ini, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pelbagai disiplin kepakaran lain dan juga para penjaga dan ibu bapa juga sedang meneliti semula perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan pada masa ini bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Ini sejajar dengan fokus utama Kementerian Kesihatan untuk memantapkan lagi kualiti pemberian perkhidmatan antaranya melalui penyatuan perkhidmatan, kemudahan serta infrastruktur yang sedia ada *(consolidation of services, facilties and infrastructure).*

Bagi Pusat Pembangunan Kanak-Kanak khususnya, kementerian telah meneliti pengintegrasian dengan penyerapan perkhidmatannya ke Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak yang baharu ini mempunyai prasarana yang lebih sesuai dan kondusif terutama bagi kanak-kanak sama ada berkeperluan khas atau tidak dan الْحَمْدُ لله Ahli-ahli Yang Berhormat telah berkesempatan untuk melawat pusat baharu ini dalam tempoh beberapa minggu yang lalu. Setentunya mereka yang berkeperluan khas ini juga berhak menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan di pusat yang baharu ini seperti kanak-kanak yang lain. Penyerapan ini akan memberikan nilai tambah dan penyediaan penjagaan kesihatan yang lebih optimum, kaedah *One Stop Centre* bagi memastikan pelanggan akan terus menerima perkhidmatan yang terbaik dan pada masa yang sama hasil klinikal yang positif.

Yang Berhomat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengongsikan juga *referral rate* ataupun rujukan ke pusat *CDC* di Kementerian Kesihatan ini, tiap-tiap tahun akan mencecah kurang lebih 400 *referral* yang baharu. Bukan semestinya kanak-kanak ini dikategorikan di peringkat kanak-kanak bekeperluan khas tapi cuma akan dirujuk untuk dinilai. Jadi kalau kitani dapat mengadakan satu *One Stop Centre* bagi kanak-kanak ini daripada mereka ini terpaksa mengaga (mengunjungi) ke tiap-tiap *speciality,* ini akan memakan masa, kadang-kadang *waiting list* ini akan memakan masa 6 ke 8 bulan. Untuk menyenangkan mereka, pihak Kementerian Kesihatan inginlah memikirkan perkara ini agar dapat ditempatkan di satu tempat Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak yang baharu di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin menjemput dan mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat, agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan pihak berkepentingan terutamanya pihak penjaga dan keluarga kanak-kanak berkeperluan khas ini untuk bekerjasama bersama pihak Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pendidikan dalam mereviu cara yang terbaik dalam memberikan penjagaan yang kondusif bagi golongan kanak-kanak berkeperluan khas. Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No. 16, daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan kaola, mengenai Kelas-Kelas Tuisyen.

Diperhatikan bahawa masa ini, para ibubapa dan penjaga kanak-kanak berlumba-lumba menghantar anak-anak mereka ke kelas tuisyen/kelas tambahan yang dipunyai oleh pihak swasta ataupun persendirian pada hari Jumaat, Ahad dan pada sebelah petang dan malam. Untuk meyakinkan tentang kedudukan kelas-kelas tuisyen/kelas tambahan ini kepada ibu bapa dan penjaga anak-anak menghantar anak-anak mereka ke kelas tuisyen tersebut.

Soalan kaola:-

1. Adakah kelas tuisyen ini mendapat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan ataupun pihak-pihak lain?;

2. Adakah pihak Kementerian Pendidikan membuat pemantauan terhadap kelas-kelas tuisyen ini?; dan

3. Apakah peraturan dan syarat-syarat yang diberikan kepada pemilik kelas tuisyen tersebut?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, atas soalan yang telah dikemukakan mengenai kes kelas-kelas tuisyen.

Menurut Bab 75(1) Akta Pendidikan Penggal 210, individu-individu atau organisasi yang berhasrat untuk menjalankan kelas tuisyen adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan ke Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan untuk mendapatkan kebenaran. Bermakna mereka mestilah mendapat kebenaran lebih dahulu sebelum mereka beroperasi. Pihak Kementerian Pendidikan akan memantau sekolah-sekolah tuisyen yang telah berdaftar dari segi penggunaan premis dan guru-guru yang diambil bekerja, pogram atau kurikulum yang ditawarkan dan yuran yang dikenakan. Sebarang tambahan kepada program atau kurikulum atau kenaikan yuran, pemindahan tempat ataupun premis, pengambilan guru baru dan sebagainya perlu dipohonkan lebih dahulu sebelum melaksanakannya.

Menyentuh mengenai soalan sama ada apakah peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan, sememangnya kita mengenakan peraturan dan syarat-syarat kepada pemilik kelas tuisyen seperti pemilik tersebut hendaklah mendaftarkan sekolah tuisyen yang hendak dijalankan dan juga mendaftarkan guru-guru sekolah bekenaan. Pemilik sekolah hendaklah terdiri daripada Warga Negara Brunei Darussalam, mempunyai kelulusan sijil/diploma dalam bidang berkaitan iaitu pendidikan, pentadbiran dan perniagaan serta berpengalaman dalam pengurusan institusi pendidikan dan sekolah. Jika pengusaha pemilik ataupun pemilik adalah terdiri dari

pegawai dan kakitangan kerajaan, mereka hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Perdana Menteri.

Kebenaran daripada Kementerian Pendidikan juga tertakluk kepada kebenaran dari pihak berkuasa yang lain seperti pihak berkuasa yang layak kawalan kemajuan iaitu Jabatan Tanah, Jabatan Buruh, Jabatan Lembaga Bandaran, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Daerah dan Kementerian Kesihatan jika mereka menggunakan premis-premis itu.

Mengenai tuisyen-tuisyen, yang diadakan di rumah-rumah kita tidak mengetahui yang tuisyen-tuisyen di rumah itu mungkin tidak berdaftar, tidaklah kita dapat memantau tuisyen-tuisyen yang sedemikian itu. Walau bagaimanapun kita menasihati ibu bapa dan pelajar-pelajar berkenaan yang memilih mana-mana tuisyen yang tidak berdaftar, tetapi jika mereka meneruskan juga tuisyen di tempat-tempat berkenaan maka urusan itu adalah tangggungjawab mereka sendiri.

Sepatutnya mereka harus berdaftar dahulu sebelum melaksanakan kelas tuisyen. Tuisyen-tuisyen di rumah mungkin sukar bagi kita mengawal Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekianlah yang dapat kaola terangkan dan sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No. 17 daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola bercakap duduk sahaja.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
اَشْرَفِ الْاَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ اَجْمَعِيْنَ.
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِن لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sejak peraturan guru-guru dikehendaki mengajar sebanyak 30 *period*, banyak sungutan kedengaran daripada guru-guru berkenaan, terutama sekali di sekolah-sekolah yang kekurangan guru. Sebagai misalan, seorang guru yang mengajar Matematik 3 *level* kelas, akan dikehendaki mengajar 30 *period*. Ini tidak termasuk mengendalikan aktiviti, program dan kerja lain sekolah. Bebanan guru-guru yang mengajar di prasekolah yang mempunyai pelajar melebihi 15 orang juga sama keadaannya, tambahan lagi jika ada pelajar-pelajar yang berkeperluan khas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin bertanya:-

1. Sebelum arahan atau peraturan ini dikuatkuasakan, adakah pihak Kementerian Pendidikan mengkaji sehalus-halusnya tentang impaknya?; dan

2. Jika ada, apakah kebaikan-kebaikan yang akan didapati terhadap peraturan atau arahan tersebut?

وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain atas soalan mengenai dengan guru-guru dikehendaki mengajar 30 *period*. Dalam menjawab kedua-dua soalan Yang Berhormat itu, kaola ingin menyatakan bahawa peraturan mengajar 30 *period* bukanlah satu perkara yang baharu. Arahan ini telah pun diperkenalkan semenjak penghujung tahun 1997 iaitu *to be precised* 6 Oktober 1997.

Melalui garis panduan bebanan mengajar dalam memorandum tersebut mengarahkan setiap guru untuk mengajar 28 waktu seminggu, iaitu bagi Lukisan sebanyak 30 waktu seminggu, Guru Bahasa seramai 100 pelajar bagi setiap guru dengan satu waktu 30 minit. Kementerian Pendidikan sepenuhnya seperti lazimnya dari semasa ke semasa akan mereviu atau mengkaji keperluan guru-guru yang sedia ada. Ia bertujuan antara lainnya untuk memaksimumkan sumber tenaga manusia yang ada membantu dalam proses pengagihan tenaga pengajar yang sama rata bagi setiap sekolah. Membantu dalam perancangan Projek C, *(C Projection)* keperluan guru bagi mengganti guru yang akan bersara dan sebagainya.

Maka usaha proses meneliti keperluan tenaga guru dan pengagihannya, Kementerian Pendidikan berpandukan peraturan mengajar 30 waktu seminggu. Dalam meneliti beban guru-guru, jika mereka diaturkan mengajar 30 *period,* Kementerian Pendidikan telah membuat perbandingan jumlah waktu guru mengajar bagi guru-guru di negara-negara jiran seperti Singapura dan Malaysia. Di kedua-dua buah negara tersebut, jumlah waktu mengajar guru-gurunya ialah purata 17.1 jam seminggu, lebih 17 jam seminggu. Di negara kita jumlah waktu mengajar guru-guru kita adalah purata 10.7 jam seminggu.

Berdasarkan statistik yang dikumpul bebanan mengajar di sekolah-sekolah rendah, setelah adanya penempatan berkenaan mendapati hanya 9.3 peratus guru mengajar melebihi 30 waktu seminggu berbanding 27.4 peratus sebelumnya iaitu pengurangan sebanyak 18.1 peratus. Begitu juga guru-guru yang mengajar kurang daripada 30 waktu seminggu menunjukkan peningkatan. Iaitu kalau dahulunya seramai 38.5 peratus guru yang mengajar lebih daripada kurang 30 waktu, sekarang bertambah kepada 61.7 waktu guru yang mengajar kurang daripada 30 waktu seminggu.

Di sekolah-sekolah menengah, peratus keseluruhan guru dalam 30 waktu seminggu adalah berkurangan juga daripada 19.9 peratus sebelumnya kepada 8.6 peratus iaitu pengurangan sebanyak 11.3 peratus. Manakala guru-guru yang mengajar lebih daripada 30 waktu seminggu juga berkurangan, jika sebelumnya 12.1 peratus kini hanya 7.2 peratus guru-guru di sekolah menengah yang mengajar lebih daripada 30 waktu seminggu iaitu pengurangan sebanyak 4.9 peratus.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Amalan yang berlaku di beberapa buah sekolah pada masa ini ialah guru yang mempunyai bebanan mengajar 30 waktu atau melebihi akan dikurangkan beban tugas bukan mengajar (*non teaching responsibilities)* mereka. Pembahagian tugas bukan mengajar ini diberikan kepada beberapa orang guru sebagai pendedahan kepada guru-guru berkenaan. Ini bagi mengenal pasti potensi dan kompetensi mereka dalam bidang-bidang perguruan dan kepimpinan sebagai persediaan untuk melapis kepimpinan sekolah pada masa akan datang.

Kaola ingin jua menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan dan Jabatan Sekolah-Sekolah mengamalkan sikap terbuka dalam isu 30 *period* ini dan mana-mana guru yang merasa mereka dibebankan mengajar 30 *period* dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang lain, mereka bolehlah berunding dengan pengetua atau guru besar masing-masing kerana ini adalah isu dalaman pentadbiran sekolah masing-masing. Kita yakin pihak sekolah ingin melihat semua guru dan kakitangannya senang dan gembira mengajar di sekolah tanpa dibebankan dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang mereka fikirkan mereka tidak dapat melaksanakannya.

Dalam perkara ini, jika masih ada guru-guru yang merasa dibebankan dengan lebih 30 *period* dan tidak dapat melaksanakannya dengan baik, perkara itu bolehlah dirundingkan dengan pengetua dan guru besar masing-masing untuk mencari penyelesaiannya.

Sekianlah yang dapat kaola terangkan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan sekali lagi kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan tadi. Sekian. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Sekian, terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No. 18 daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan kaola menjana ekonomi berikutan kejatuhan harga minyak.

Berikutan dengan penurunan harga minyak dunia yang drastik, Negara

Brunei Darussalam yang hasilnya bergantung pada minyak dan gas telah mengalami pengurangan pendapatan *(revenue)* yang serius dan kerajaan mengalami defisit pada tahun kewangan yang lepas dan tahun ini. Kalau perkara ini tidak ditangani dengan bijak akan menjejaskan simpanan kewangan negara (*foreign reserve*).

Untuk menangani perkara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah untuk mengadakan "Reformasi Ekonomi" dengan mengadakan beberapa langkah terutamanya dalam bidang-bidang perusahan yang bukan minyak dan gas seperti sektor pertanian, perikanan, perusahaan, perkhidmatan, perindustrian, pelancongan dan memperkembangkan perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana.

Untuk mengadakan reformasi ekonomi terutama sekali di bidang pertanian hendaklah lebih dahulu dibuat kajian-kajian yang menyeluruh seperti kesesuaian tanah, tali air, bantuan baja dan racun serangga, kepakaran, kewangan, pengolahan dan pemasaran. Usaha untuk sara diri (*self-sufficiency*) bagi ketahanan makanan (*food security*) supaya tidak bergantung sangat daripada negara luar serta meningkatkan produktiviti adalah penting.

Ke arah ini kaola ingin tahu:-

1. Adakah sudah dibuat kajian yang terperinci tentang keperluan-keperluan bagi mereka yang ingin berkecimpung dalam bidang pertanian bukan saja menggunakan pakar-pakar luar negeri tetapi juga pakar-pakar tempatan yang mungkin lebih mengetahui masalah tempatan yang dihadapi. Jika ada apa hasilnya?;

2. Berapa peratuskah negara ini mengimport keperluan makanan khususnya beras, buah-buahan, ikan dan sayur-sayuran dari luar negara?; dan

3. Apakah pihak kementerian dapat mengkaji tentang keperluan untuk menubuhkan satu koperasi yang membantu peladang, penternak dan nelayan untuk mendapatkan keperluan-keperluan mereka seperti baja, peralatan-peralatan pertanian, nelayan dan ternakan dan memasarkan hasil mereka dengan berkesan? Dengan adanya koperasi ini pengendalian pemasaran hasil dan kualiti produk akan terjaga dan boleh bersaing untuk dipasarkan di luar negara?

Sekian, terima kasih. وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas soalan

yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Bagi menjawab Soalan No. 1 mengenai kajian tentang keperluan bagi mereka yang ingin berkecimpung dalam bidang pertanian. Sebenarnya kajian memang banyak, tapi kajian khusus berkenaan tentang keperluan-keperluan bagi mereka ingin berkecimpung dalam bidang pertanian belum dikatakan ada.

Untuk makluman, pihak kementerian pada masa ini menjalankan kajian dan simulasi kewangan mengenai peluang-peluang dalam bidang agro bisnes termasuk kajian kemungkinan ekonomi ataupun *economic visibility,* analisis kos dan untung rugi bagi mereka yang ingin berkecimpung dalam satu-satu aktiviti pertanian agrimakanan.

Setiap aktiviti akan dinyatakan berapakah anggaran modal permulaan yang diperlukan, apakah kos operasi yang akan ditanggung, berapakah saiz optimum perusahaan yang diperlukan bagi peringkat permulaan, apakah teknologi yang sesuai digunakan, apakah bisnes-bisnes tambahan yang lain dapat dilakukan bagi memastikan pertumbuhan bisnes yang berdaya tahan pada masa akan datang dan lain-lain lagi. Di samping itu, kementerian akan terus memberikan nasihat teknikal kepada individu yang hendak berkecimpung dalam bidang pertanian, perikanan, perhutanan dan penternakan.

Selain daripada itu, bagi Program Pembangunan Belia yang ingin berkecimpung dalam pertanian di negara ini, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah dan akan terus mengadakan kerjasama dalam mengadakan kursus pendek, pertukaran kepakaran melalui latihan taklimat dan seminar dengan institusi tempatan seperti Sekolah Vokasional Wasan dan Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebagai maklumat tambahan, pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan memang menjalankan aktiviti-aktiviti kajian saintifik dan teknikal antaranya kajian tanah untuk menentukan kesesuaian aktiviti pertanian, kajian tali air untuk menentukan keperluan pengaliran terutama bagi tanaman padi, kajian *variety* tanaman untuk memilih *variety* yang sesuai bagi meningkatkan produktiviti ladang, kajian keberkesanan baja dan racun kimia pertanian bagi menangani masalah kemasaman tanah, kekurangan nutrien, masalah musuh dan penyakit tanaman. Kajian makanan ternakan dan kajian lepas tuai dan pemprosesan produk pertanian.

Walau bagaimanapun, sesiapa sahaja yang ingin berkecimpung dalam bidang pertanian dan agrimakanan termasuk penternakan dan perikanan boleh berhubung terus dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk mengikuti sesi taklimat, kursus, khidmat nasihat dan

mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan.

Mengenai soalan berapa peratuskah negara ini mengimport keperluan makanan khususnya beras, buah-buahan, ikan dan sayur-sayuran di luar negara, kita mengimport beras sebanyak 96 peratus. Buah-buah tropika kita mengimport sebanyak lebih kurang 60 peratus. Buah-buahan *temperate* kita mengimport 100 peratus. Sayur-sayuran jenis tropika, kita mengimport sebanyak 23 peratus dan sayur-sayuran jenis *temperate,* kita mengimport 100 peratus.

Soalan seterusnya apakah kementerian dapat mengkaji tentang keperluan untuk penubuhan satu koperasi bagi membantu peladang, penternak dan nelayan untuk mendapatkan keperluan seperti baja, peralatan dan lain-lain. Buat masa ini belum ada kajian menyeluruh dijalankan tentang keperluan atau penubuhan koperasi yang dimaksudkan. Seperti yang kaola maklumkan lebih awal, memandangkan kementerian memberikan fokus kepada pertumbuhan pengeluaran yang cepat, melalui peningkatan produktiviti bagi membantu mengurangkan kos pengeluaran seperti juga di kenyataan Yang Berhormat tadi untuk bersaing di seluruh luar negara, maka kementerian berpendapat bahawa kita harus berfikiran terbuka bagaimana cara yang baik untuk peladang-peladang, petani-petani, penternak-penternak untuk merealisasikan hasrat ini. Peladang, penternak, petani boleh terlibat secara bersendirian, berkongsi modal, melibatkan pelabur-pelabur asing ataupun secara berkoperasi. Yang penting dalam memastikan daya saing ini ialah *scale* ataupun saiz aktiviti. Dengan skala besar maka unit kos akan lebih dapat dikurangi kerana penggunaan teknologi akan lebih berbaloi.

Pada masa ini, terdapat satu atau dua koperasi ataupun hampir koperasi peladang yang aktif mengusahakan tanaman di kawasan kemajuan pertanian, Projek Penanaman Padi Wasan. Walaupun, koperasi ini terdiri daripada kumpulan peladang yang mengusahakan di kawasan yang sama, tapi pengurusan ladang yang ahli-ahlinya adalah tidak mengikut konsep koperasi ataupun pengurusan secara berkumpulan.

Ahli-ahli masih lagi menguruskan ladang secara bersendirian, termasuklah pengambilan buruh, pembelian segala semai-semaian dan bahan-bahan import seperti baja, racun rumput, racun penyakit dan musuh, penyewaan khidmat penggunaan jentera serta penjualan hasil ladang kepada pengilang. Oleh yang demikian, ahli-ahli tidak dapat meraih manfaat sebenar dari kaedah koperasi serta tidak mampu berdaya saing dalam perusahaan yang mereka usahakan. Ahli-ahli tidak mendapat faedah dari pembelian secara pukal atau *bulk* dengan harga borong dan terpaksa membeli dengan harga runcit yang lebih mahal. Kos pengeluaran yang tinggi ini menyebabkan pengusaha sentiasa berharap agar pihak kerajaan membeli

produk atau hasil mereka pada harga yang tinggi daripada harga pasaran bagi memastikan keuntungan mereka.

Berdasarkan simulasi kewangan yang dibuat oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, jika para pengusaha mengendalikan pengurusan ladang benar-benar dengan secara koperasi iaitu mengamalkan skala ekonomi, para pengusaha akan masih mampu menjana keuntungan walaupun dengan bantuan insentif yang terhad, iaitu melalui penjimatan dari segi pembelian bahan-bahan dan import pertanian secara borong dan penggunaan sumber dengan cara sistematik dan berkesan.

Oleh yang demikian, dalam kesempatan ini, pihak kementerian ingin menasihatkan supaya koperasi-koperasi yang berjalan pada masa ini agar betul-betul beroperasi secara koperasi dengan erti kata koperasi yang sebenar, dengan mengukuhkan *leadership* dan urus tadbir koperasi supaya lebih berkesan. Kaedah koperasi jika dilaksanakan secara betul akan dapat mengurangkan kos operasi, akan tetap menjanjikan keuntungan yang memuaskan dan dengan demikian mengurangkan pergantungan dengan subsidi kerajaan serta tidak lagi bergantung pada kerajaan untuk membeli produk mereka.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Saya kira jawapan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat sudah cukup untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi jawapan lisan bagi pertanyaan-pertanyaan yang telah diberi notis iaitu bagi Perkara V, saya berpendapat cukuplah dulu setakat ini, setakat Soalan No.18, kerana kita masih lagi mempunyai Rang Undang-undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang perlu kita segerakan untuk ditunduki. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada hari Sabtu, kita telah meluluskan Belanjawan Kementerian Pendidikan dan pada pagi ini sebelum kita menyambung semula

perbahasan mengenai dengan Tajuk SH01A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin membuat kenyataan atau penjelasan terhadap beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang belum dijawabnya. Dengan yang demikian, saya ingin memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas keizinan Yang Berhormat Pengerusi memberi laluan bagi kaola untuk menjawab beberapa soalan yang telah pun dikemukakan pada hari Sabtu lalu yang mana tidak sempat dijawab. Rasanya kalau tidak dijawab Yang Berhormat Pengerusi, berhutang rasanya. Kaola meminta sedikit masa untuk menjawab soalan-soalan yang telah pun dikemukakan.

Soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman iaitu mengenai dengan apakah usaha Kementerian Pendidikan untuk menambah tenaga pengajar yang berkemahiran bagi pelajar-pelajar yang berkeperluan khas untuk masuk ke pendidikan biasa?

Rancangan jangka pendek, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha mengendalikan *ongoing training* dalam pendidikan khas bagi guru-guru sekolah dan pada Februari hingga Mei yang lepas, Kementerian Pendidikan telah pun mengendalikan kursus singkat iaitu Pengenalan Pendidikan Inklusif bagi guru-guru sekolah rendah dan menengah yang berminat mengajar secara *part time*.

Kursus ini bertujuan melengkapkan guru-guru dengan pengetahuan dan kemahiran bagi menangani pelajar yang berkeperluan khas. Selepas menamatkan kursus, guru-guru ini telah dilantik sebagai Guru Pembantu Pembelajaran *(Learning Support Teacher (LST))* bagi sekolah masing-masing dan seramai 33 orang Guru *LST* dari 31 buah sekolah rendah dan 34 orang Guru *LST* dari 23 buah sekolah menengah telah menyertai dan menamatkan kursus berkenaan.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad iaitu mengenai peralatan persekolahan sama ada maklumat mengenai peralatan persekolahan yang tidak mencukupi di kawasan sekolah pedalaman, di kawasan sekolah luar bandar telah dilaporkan ke Jabatan Sekolah-Sekolah dan apakan tindakan?

Sebenarnya dari semasa ke semasa Kementerian Pendidikan memantau akan pembekalan peralatan sekolah sama ada untuk bantuan mengajar ataupun pentadbiran sekolah-sekolah. Dalam hal ini, peralatan membantu mengajar sememangnya dihulurkan ke semua sekolah termasuklah sekolah

luar bandar. Setakat ini, Kementerian Pendidikan tidak menerima sebarang rungutan daripada guru-guru mengenai kesukaran mengeluarkan peruntukan sendiri bagi membekalkan peralatan sekolah tersebut.

Walau macam manapun, kita berterima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Shafiee atas soalan tersebut dan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan memastikan bahawa setiap sekolah di kawasan luar bandar akan juga mendapat bekalan peralatan sekolah seperti yang diperlukan oleh pihak sekolah.

Kaola beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin iaitu mengenai soalan memberi makan dan minuman dan bagaimana untuk mengelakkan pembaziran?

Seperti mana yang dimaklumkannya bahawa sebahagian daripada anak murid tidak memakan makanan-makanan yang telah dibekalkan. Sebenarnya Kementerian Pendidikan telah pun mengkaji dan meneliti semula keberkesanan pemberian makanan dan minuman kepada pelajar-pelajar. Hasil daripada kajian tersebut pada masa ini bekalan makanan dan minuman tersebut telah pun diubah daripada makanan yang dimasak kepada pelbagai buahan, biskut, roti dan minuman kotak seperti *soya bean, milo, strawberry, chocolate* dan jus. Bagi mengelakkan pembaziran pemantauan terhadap keberkesanan ke atas pemberian jenis makanan dan minuman yang baharu kepada para pelajar akan terus dilaksanakan iaitu bagi memastikan makanan ini akan dimakan oleh pelajar-pelajar berkenaan. Dari segi kesihatan senarai minuman ataupun buah-buahan yang akan telah diberikan pun dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan mengikut senarai yang bermula sejak 1 Januari 2016. Adapun makanan dan minuman yang dijual di kantin sekolah juga berpandukan pada barang-barang yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Kita beralih kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai status 6 buah sekolah rendah di kawasan zon 4. Ingin kaola menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan telah mengatur perancangan bagi memastikan prasarana kemudahan sekolah-sekolah di seluruh negara dalam keadaan yang teratur dan baik. Kerja-kerja utama dalam memfokus kepada 2 aspek iaitu membaik pulih kerosakan dan penambahbaikan dan menaik taraf. Dalam 2 aspek ini kita meneliti dari semasa ke semasa mana-mana yang perlu dibaiki segera akan dibaiki segera dan mana-mana yang dapat ditangguhkan mengikut kemampuan Kementerian Pendidikan.

Walau macam manapun Kementerian Pendidikan secara berterusan akan melaksanakan kerja-kerja membaik pulih kerosakan pada setiap masa berdasarkan keupayaan peruntukan yang disediakan.

Walau bagaimanapun mana-mana kerosakan yang belum dapat dilaksanakan langkah-langkah awal bagi

mencegah dari ia boleh menjadi risiko keselamatan akan diambil kira dan kawasan-kawasan tersebut akan dibaiki secepat yang mungkin. Perihal padang Sekolah Rendah Putat yang telah pun berkali-kali ditimbulkan oleh Yang Berhormat dan masih belum ada jawapan yang tepat mengenainya, Kementerian Pendidikan melalui JPKE telah pun siap menyediakan perancangan dan skop kerja dan ia tertakluk kepada keutamaan Kementerian Pendidikan apabila ada peruntukannya nanti.

Walau macam manapun kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tersebut yang menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat mengenai keadaan sekolah-sekolah Rendah di kawasan berkenaan.

Mengenai soalan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim tentang elaun bulanan $350.00 dan Elaun Buku sama ada akan dinaikkan ataupun dikaji semula berdasarkan keperluan seharian yang meningkat perkara ini diambil maklum dan kita akan mengkaji kesesuaiannya sama ada perlu dinaikkan ataupun tidak.

Seterusnya mengenai tempat tinggal guru-guru di Daerah Temburong. Sebenarnya isu ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Kementerian Pendidikan memang mengutamakan keselesaan dan keselamatan para penghuni flat dan rumah guru dan ke arah itu segala pelaksanaan pembaikan adalah mengutamakan aspek-aspek tersebut. Maka bagi kerja-kerja pemuliharaan dan membaik pulih kerosakan-kerosakan di flat dan rumah guru di Daerah Temburong yang segera ia sedang dilaksanakan pada masa ini secara berkontrak.

Soalan terakhir daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai dengan isu penyaragaman cuti sama ada pada hari Jumaat dan hari Sabtu dapat disamakan. Perkara ini bukanlah dapat dibincangkan oleh Kementerian Pendidikan sahaja mungkin melibatkan agensi-agensi yang lain. Perkara itu kita serahkanlah kepada agensi lain yang untuk mengambilnya dan kita akan duduk bersama berbincang kesesuaian menyeragamkan cuti 2 hari seminggu itu.

Yang Berhormat Pengerusi. Di sebelah tengah hari kita ada beberapa soalan, jadi kaola ingin menjawab jua soalan yang belum terjawab itu secara ringkas.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai perkembangan kursus-kursus pertanian di Sekolah Vokasional Wasan. Pada menjawabnya di peringkat teknikal dan vokasional *Campus IBTE* (Sekolah Vokasional Wasan) menawarkan program-program yang menjurus kepada 3 bidang agrimakanan seperti Program Pertanian *(Agriculture)* yang merangkumi bidang dan perternakan, Program Perikanan dan *Agro culture, Fisheries and Agriculture* dan Program

Pemprosessan Makanan *(food processing)* program-program tersebut menawarkan 2 peringkat persijilan iaitu *National Technical Education Certificate (NTec)* dan *Higher National Technical Education Certificate (HNTec*).

Pada bulan Julai 2016, satu kursus baharu akan diperkenalkan iaitu *National Technical Education Certificate And HNTec In Agro Technology*. Bagi memastikan program-program yang ditawarkan oleh *IBTE* adalah yang bersesuaian, *IBTE* melaksanakan *future analysis* dalam menimbangkan rupa bentuk dan jenis program dengan mengambil kira 6 faktor iaitu nisbah pilihan pertama, nisbah pemohon, purata kadar menamatkan kursus, purata kadar diambil bekerja, kadar-kadar relevan dan keperluan industri. Semua ini adalah untuk memastikan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan itu ada faedahnya bagi pelajar-pelajar dalam mendapatkan pekerjaan.

Seterusnya, kaola ingin berpindah kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin iaitu isu mengenai pelajar yang mempunyai 5 *'O' level* yang tidak dapat diterima masuk ke institut teknikal dan vokasional. Malah mereka ini dinasihatkan untuk terus ke Pusat Tingkatan 6 dan adakah isu teknikal dan vokasional negara mampu menerima jumlah pelajar yang ramai.

Pemohon-pemohon yang mempunyai 5 *'O' level* ke atas boleh diterima masuk tertakluk dapat memenuhi syarat-syarat dikenakan yang antara lainnya mempunyai mata pelajaran yang relevan dan sebagainya. Oleh sebab kekurangan tempat pengajian, adalah salah satu sebab mengapa pengambilan perlu disekat dan mereka diarahkan untuk atau pun disarankan untuk menyambung sahaja ke tingkatan 6.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ buat pada masa ini usaha dilaksanakan bagi menerima peningkatan kemasukan pelajar-pelajar iaitu kita akan menambah kapasiti kemasukan pelajar-pelajar institut teknikal dan vokasional ini kerana dalam pelan menaik taraf Pendidikan Teknik Brunei Darussalam 2013/2018 Institut Pendidikan Teknikal Brunei mempunyai perancangan bagi pembinaan 2 buah kampus mega yang boleh menampung kira-kira 4000 pelajar bagi setiap kampus pada satu masa. Kita inginlah supaya mereka ini dapat diambil kemudiannya bila kita mendapat lebih banyak ruang tempat untuk mereka melanjutkan pelajaran.

Seterusnya Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin juga bertanya mengenai status peperiksaan lokal supaya setanding dengan peperiksaan antarabangsa seperti peperiksaan (SPE) pada tahun 8 tidak berprofil tinggi sama dengan *GCE 'O' Level* yang telah pun diperkenalkan kepada kanak-kanak. Dalam perkara ini kementerian ingin menjawab bahawa dalam SPN 21, SPE adalah satu penilaian yang menjurus dalam melihat kekuatan pelajar dan dijadikan sebagai sukat-sukat bagi menentukan pilihan hala tuju bagi pelajar untuk mengikuti

program-program pendidikan yang ditawarkan di peringkat menengah.

Kementerian Pendidikan adalah mengambil maklum kepentingan (SPE) dalam membantu pelajar dalam membuat pilihan hala tuju pendidikannya iaitu sama ada mengikuti Program Pendidikan Menengah *General* 4 tahun atau pun Program Pendidikan Menengah *General* 5 tahun dan Program Pendidikan (*Aflight Special Aflight V-Tec Programme).* Oleh yang demikian usaha berterusan giat dilaksanakan bagi memastikan bahawa pelaksanaan SPE ini akan lebih mantap dan memenuhi kehendak objektifnya.

Akhir sekali ada satu soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Mengenai Pusat Pengajian Strategi dan Polisi (CSPS) Berapa banyak sudah kajian yang dibuat, apakah susulan dan apakah penemuan-penemuan itu dikongsikan dan sebagainya. Jawapan kita dalam perkara ini ringkas sahaja iaitu kajian *CSPS* ini adalah bukanlah di dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan sentiasa akan bekerjasama rapat dengan *CSPS* dalam menjalankan kajian berkaitan dengan pendidikan.

Soalan seterusnya ialah mengenai guru pakar. Berapa ramaikah guru pakar, tenaga pakar dan tenaga mahir yang telah didatangkan dan apakah tugas dan tanggungjawab mereka. Apakah strategik bagi pihak Kementerian Pendidikan dalam pelaksanaan projek ini dan apakah bentuk program-program yang telah dirancang yang telah dilaksanakan.

Setakat ini belum ada tenaga pengajar yang didatangkan melalui Projek Guru Pakar. Pada masa ini penelitian sedang dibuat untuk proses mendatangkan Ketua Sumber Tenaga Manusia, 2 pakar Pembangunan Profesional dan 30 *coaches literacy* Bahasa Inggeris dan 30 *coaches numeracy* dan sejumlah 200 graduan Bahasa Inggeris dan numerasi tempatan.

Mengenai tugas dan tanggungjawab tenaga pakar dan projek dan pengajar ini, skop kerja adalah seperti berikut:-

1. Ini merangkumi pengambilan Pakar Penasihat, Ketua Sumber Tenaga Manusia, Pakar Perkembangan Profesional *(coaches* bagi literasi Bahasa Inggeris dan numerasi) dan termasuk guru-guru tempatan seramai 200 orang;

2. Rumusan menyeluruh bagi pakar-pakar dan graduan-graduan tempatan yang diambil serta penempatan bertugas, gaji, tempat tinggal dan apa-apa keperluan logistik mengenainya masih dalam pengurusan; dan

3. Kita juga menyediakan Program Perkembangan Profesional bagi graduan tempatan termasuk guru-guru literasi dan numerasi guru-guru tempatan diikuti dengan penyediaan

program pemantauan dan sokongan yang sistematik.

Mengenai strategi pihak kementerian bagi pelaksanaan projek ini, pihak kementerian telah mengenal pasti beberapa pegawai serta guru yang mendampingi pakar-pakar yang akan didatangkan bagi memastikan ia ada *knowledge transfer* dalam projek ini.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi jawapan kepada soalan-soalan yang tidak sempat dijawab pada hari Sabtu yang lepas dan kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita menyambung semula untuk membincangkan Tajuk SH01A hingga SH06A Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Pada hari Sabtu yang lepas kita telah mendengar ucapan pendahuluan atau mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tentang Rang Belanjawan kementeriannya.

Di hadapan saya ada senarai seramai 13 orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik yang suka untuk mengemukakan sama ada soalan-soalan ataupun pertanyaan-pertanyaan tentang belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah yang telah disampaikan pada petang Sabtu lalu. Kaola hanya ingin menimbulkan 3 perkara berhubung dengan 2 jabatan iaitu Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Mengenai Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, kaola tertarik dengan misi dan visi kementerian yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri yang akan memberikan penekanan kepada meningkatkan produktiviti berterusan dalam pengeluaran industri-industri pertanian dan perikanan, perhutanan dan pelancongan.

Kaola bersetuju dan menyokong penuh atas hasrat yang telah dibentangkan dalam Jadual Anggaran Perbelanjaan 2016/2017. Kementerian ini *rightly show* bahawa Jadual Anggaran Perbelanjaan telah memberikan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan peruntukan yang paling tinggi antara jabatan di bawahnya iaitu berjumlah $30,679,230.00.

Kaola hanya ingin memohon penjelasan sedikit, mungkin kaola masih kurang faham mengenai beberapa perkara. Kalau melihat *Key Performance Indicators (KPI)* bagi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi Tahun Kewangan yang akan datang, nampaknya jabatan ini membuat sasaran untuk menurunkan pencapaian-pencapaian yang akan diperolehi oleh jabatan ini dalam beberapa sektor.

Sebagai misalan, sasaran bagi peratus peningkatan pengeluaran sektor pemprosesan agrimakanan akan diturunkan dari 19 peratus kepada hanya 3 peratus pada setiap tahun. Bagi sasaran peratus peningkatan hasil ternakan rumin dan bukan rumin ia akan diturunkan daripada 4.6 peratus kepada hanya 2 peratus pada setiap tahun. Sementara sasaran bagi peratus peningkatan kadar pengeluaran padi akan diturunkan daripada 30 peratus kepada hanya 12 peratus pada setiap tahun.

Semasa membahaskan Rang Undang-Undang Belanjawan 2016/2017 kaola juga telah menimbulkan kedudukan beberapa projek di bawah Tajuk Pertanian dalam RKN Ke-10 yang masih mempunyai baki peruntukan yang besar.

Pada menjawab pertanyaan kaola sebelum ini, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah menjelaskan bahawa kerajaan telah mengambil langkah untuk menilai semula projek-projek tersebut dengan mengambil kira kaedah *cost benefit analysis* dan mana-mana projek yang hanya mempunyai impak minimum akan ditangguhkan pelaksanaannya dan diteliti keutamaannya semula.

Dari itu, dengan meneliti *KPI* Jabatan Pertanian dan Agrimakanan seperti yang kaola sebutkan di atas dan juga mengambil kira ke atas penangguhan beberapa projek di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di bawah RKN Ke-10 seperti Projek Pemprosesan dan Pembangunan Produk yang masih mempunyai baki peruntukan sebanyak 78 peratus, kaola memohon penjelasan bagaimanakah dalam 3 tahun ke hadapan ini Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan mencapai misi dan visi seperti yang dijelaskan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Perkara kedua mengenai Projek Penanaman Padi. Kaola *straight to the point sahaja*. Projek ini telah bermula sejak tahun 2009, kaola ingin bertanya setelah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengungkayahkan projek ini selama kira-kira 6 tahun dan dalam negara sedang menghadapi kemerosotan pendapatan kewangan, adakah sudah dinilai semula sama ada projek ini boleh diteruskan penghasilannya dengan menggunakan strategi yang sama yang dijalankan selama ini atau dalam kata lain adakah kaedah pengendalian yang digunakan selama ini ke atas

pelaksanaan projek ini *sustainable* dalam jangka panjang?

Yang terakhir mengenai pelancongan. الْحَمْدُ لله pelancongan telah pun diberikan keutamaan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kaola hanya ingin menyuarakan cadangan supaya pelancongan ini diusahakan oleh sektor swasta atau melalui *PPP*. Kalau pendapat langkah atau kerja untuk mentadbir dan memasarkan (*marketing)* pelancongan akan lebih berkesan jika ianya dikendalikan oleh sektor swasta yang lebih inovatif dan kreatif. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 4 Tajuk untuk disuarakan. Sebelum itu, kaola lebih dahulu juga mengucapkan tahniah atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada hari Sabtu lepas. Kaola menyokong penuh dan berharap peruntukan sejumlah $57 juta itu akan dapat dilaksanakan mengikuti jadual yang telah dirancang.

Antara projek ialah produk pelancongan yang sudah terkenal di Daerah Temburong dan Daerah Brunei Muara. Dalam kesempatan ini kaola berharap pihak kementerian tidak akan terlepas perhatian akan potensi produk-produk pelancongan yang terdapat dan sudah dikenali ramai di Daerah Tutong dan Belait. Seperti Mukim Kuala Balai yang pernah satu ketika dulu menjadi pusat pentadbiran di daerah tersebut. Pernah diura-urakan untuk dijadikan sebagai sebuah destinasi pelancongan iaitu *birdwatching*. Demikian juga kawasan pedalaman yang lain terdapat beberapa destinasi pelancongan semula jadi yang boleh dikembangmajukan. Sebahagian besar kawasan pedalaman di daerah tersebut adalah dalam kawasan *Heart of Borneo*.

Kaola ingin bertanya demi menyumbang ke arah pertumbuhan *GDP* ekonomi negara, apakah pemikiran atau perancangan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Adakah sesuai produk-produk pelancongan di daerah tersebut diusahakan secara *Public Private Partnership* atau *PPP*?

Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada Sabtu lepas juga, akan membelanjakan $8.2 juta. Dengan menekankan akan menumpukan projek *aquaculture* terutama pemeliharaan ikan dalam sangkar di laut dan ternakan udang di darat bagi sasaran meningkatkan penghasilan 200 ke 300 juta menjelang tahun 2020.

Di Daerah Belait, pengusaha-pengusaha perikanan agak kurang jika dibandingkan dengan di Daerah Brunei dan Muara dan juga Daerah Tutong.

Tetapi nelayan-nelayan persendirian di daerah tersebut agak besar juga bilangannya. Jabatan Perikanan di daerah tersebut pernah membantu menjadikan tempat-tempat penurunan perahu bagi memudahkan para nelayan turun ke laut dan mengadakan beberapa jerayawara mengenai tempat-tempat larangan menangkap ikan dan peraturan-peraturan pelesenan dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Kaola cadangkan, supaya Jabatan Perikanan akan dapat turun padang membuat perjumpaan khusus dalam usaha mendengar aspirasi para nelayan di daerah tersebut dan sekali gus memaklumkan perancangan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi menarik minat para nelayan untuk mengembangmajukan perusahaan perikanan mereka.

Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Kaola berterima kasih dan mengalu-alukan harapan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan peruntukan sebanyak $30.6 juta. Sejumlah $6 juta akan difokuskan kepada penanaman padi, membangun infrastruktur seperti saliran pembelian *machinery*, skim pembelian balik padi tempatan dan lain-lain lagi.

Semasa sesi muzakarah dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebelum ini, kaola telah pun dimaklumkan bahawa satu kajian saliran telah dijalankan bagi lot tanaman padi Sengkuang di Mukim Labi. Soalan dan cadangan kaola:-

1. Adakah kajian tersebut telah diluluskan dan adakah termasuk dalam Anggaran Peruntukan Tahun 2016/2017 ini?;

2. Bagaimana dengan bekalan baja dan racun serangga, adakah sentiasa mencukupi untuk kemudahan para petani dan peladang di mukim-mukim pedalaman?;

3. Apakah perancangan jangka panjang Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi mengembangmajukan aktiviti pertanian di kawasan-kawasan pedalaman di Daerah Belait?;

4. Kaola mencadangkan supaya Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengenalkan kembali skim penanaman buah-buahan bagi menggantikan tanaman limau manis kerana terjejas akibat diserang penyakit sebagai satu dukungan kepada usaha kerajaan mempelbagaikan ekonomi negara.

   Kaola menyokong penuh usaha kementerian melalui Jabatan Perhutanan melaksanakan bahan siap perhutanan untuk dieksport ke luar negara bagi menambah KDNK negara. Di Daerah Belait terdapat beberapa kilang kayu balak yang menghasilkan produk pasang siap dari kayu balak. Selain itu, terdapat juga kawasan yang boleh dikembangmajukan oleh Jabatan

Perhutanan seperti tempat latihan *outward bound* bagi kem belia menjalani latihan dan aktiviti lasak di kawasan Bukit Teraja. Sementara itu, di Hutan Simpan Teraja dan Mendaram terdapat tanaman herba sebagai salah satu sumber penyelidikan menyokong Pusat Biodiversiti, Sungai Liang dan sekali gus menambah destinasi pelancongan ke negara ini; dan

5. Adakah dalam pemikiran Jabatan Perhutanan untuk mengusahakan perkara yang disebutkan di atas tadi secara *public private partnership*? Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bajet yang telah diperuntukkan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan *(MPRT)* adalah sebanyak $57 juta pada tahun 2016. Peruntukan ini yang dikhaskan kepada pelancongan adalah sebanyak $2 juta lebih sahaja. Peruntukan ini untuk menaik taraf produk pelancongan seperti Ulu Temburong, *National Park*, Bandar Seri Begawan dan Kampung Air.

Jika dilihat dalam perancangan ini, peruntukan $2 juta lebih ini, tidaklah mencukupi untuk mempromosikan Brunei Darussalam ke luar negeri. Bagi pendapat kaola, kita hanyalah perlu memfungsikan promosi ini di negara-negara *ASEAN* sahaja yang penduduknya kurang lebih seramai 2 bilion orang. Pelancong dari negara ini juga, merupakan pelancong yang berkualiti. Pada masa ini *Royal Brunei Airlines (RB)* destinasi penerbangannya ke UK, Australia, China, Hongkong dan negara lain.

Di dalam Dewan yang mulia ini, kaola ingin bertanya adakah pihak Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan *(MPRT)* melakukan sebarang kajian tentang berapa peratuskah jumlah pelancong yang *transit* dan juga berapa ramaikah pelancong yang datang ke Negara Brunei Darussalam?

Kaola juga ingin mencadangkan supaya *Royal Brunei Airlines (RB)* membuat satu pakej promosi pelancongan supaya pelancong dapat tinggal di Brunei selama 2 atau 3 hari. Ini akan menguntungkan *spin off* kepada pihak hotel, restoran dan lain-lain.

Lapangan Antarabangsa Brunei merupakan sebuah *airport* yang kecil dan unik. Para pelancong yang datang tidak mengalami apa-apa masalah apabila memasuki ruang bangunan lapangan terbang. Namun yang menjadi masalahnya ialah dokumen yang perlu diisi sebanyak 3 dokumen. Dokumen yang diisi ialah borang imigresen, kesihatan dan kastam. Manakala orang-orang tempatan mengisi 2 dokumen

iaitu kesihatan dan kastam. Hal ini sedikit sebanyak tidak memberikan keselesaan dalam proses kemasukan ke negera ini. Di negara lain seperti Malaysia dan Dubai tidaklah memerlukan pelancong mengisikan ketiga-tiga borang berkenaan. Di negara lain hanya perlu mengisikan borang imigresen sahaja dan borangnya sangat ringkas jika dibandingkan dengan Negara Brunei Darussalam.

Saranan ini wajar, manakala setiap bahan yang ditegah masuk ke negara ini bolehlah diumumkan oleh pramugara/pramugari sebelum mendarat. Oleh yang demikian, kaola berharap agar hal ini diberikan perhatian dan disemak semula, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera.

Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada hari Sabtu, 12 Mac 2016.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menyentuh mengenai isi kandungan mukadimah tersebut iaitu tentang meningkatkan industri-industri perhutanan, perikanan, pertanian, pelancongan dan pemprosesan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama, berkaitan industri perhutanan iaitu mengenai pokok jati (*Foilum Sennae*), dari keluarga *Facacease* yang mempunyai 236 spesis yang hidup dengan mudah dan subur, boleh didapati di mana-mana dengan banyak. Pokok jati di negara kita bengkang-bengkok kerana hidup liar tumbuh sendiri. Berlainan dengan negara jiran yang ditanam secara teratur dan rapat menjadikannya tumbuh lurus dan meninggi.

Sehubungan dengan itu, adakah rancangan untuk memanfaatkan sumber pokok ini untuk membuat perabot, misalannya, papan lapis dan arang?

Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai industri perikanan, khidmat nelayan kecil dan tradisional sepenuh masa yang masih menggunakan secara PPT iaitu perahu, pukat dan tenaga adalah sangat dihargai kerana mereka juga turut serta menyumbang kepada sektor ekonomi negara. Bilangan mereka lebih banyak dari nelayan moden yang menggunakan kapal besar dan menggunakan tenaga orang luar.

Bagi nelayan tradisional ini, sukar bagi mereka untuk meningkat dan maju menjadi pengusaha berjaya kerana masih terdapat kekurangan. Misalannya, hasil tangkapan yang sedikit, tidak ada tempat jualan ikan yang selesa, tidak ada tempat penyimpanan ikan, tidak

ada peralatan pemprosesan dan tidak ada pengetahuan membuat produk tambah nilai *(value added)* dari sumber perikanan.

Contohnya, nelayan-nelayan Mukim Telisai yang berpusat di pondok penjualan ikan di Kampung Danau. Apabila musim tengkujuh, pendapatan selama 3 bulan langsung tidak ada. Oleh itu, adakah perancangan untuk menyalurkan bantuan-bantuan yang tersebut di atas tadi, termasuk membimbing mereka menubuhkan koperasi nelayan dengan bantuan modal permulaan, pengurusan koperasi dan pemantauan sehingga berjaya.

Seterusnya, kaola menyentuh tentang industri pemprosesan. Kita melihat produk makanan berasaskan pertanian, jumlahnya banyak dijual di merata tempat di gerai-gerai negara ini, misalannya ada sumber dari ubi-ubian, pisang, buah-buahan dan lain-lain. Apabila tiba musim buah rambutan, ia terbiar begitu sahaja tanpa ada suatu tindakan atau untuk memprosesnya.

Soalan kaola, apakah ada suatu perancangan akan datang menyatukan produk makanan ini dalam satu pemusatan agar ia dapat diperbanyakkan dan diperbaiki ke tahap pemprosesan di peringkat tinggi agar ia dapat dieksport seperti mana dalam perancangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang akan datang.

Dalam mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menjelaskan tentang rancangan pemprosesan peringkat tinggi bersumberkan daging.

Soalan kaola, bagaimanakah cara mendapatkan sumber daging sedangkan di negara kita, bekalan daging masih lagi mengimport dari luar dan jika ini diproses tentulah harga produk yang terhasil lebih mahal dan sukar menembusi pasaran luar dan dalam negara.

Berhubung dengan industri pelancongan, berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*), Jabatan Kemajuan Pelancongan berperancangan untuk meningkatkan kedatangan pelawat ke negara ini iaitu sasaran dari 3 peratus kepada 5 peratus menjelang tahun 2017 dan 2018.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Daerah Tutong kini sudah menjadi destinasi pelancongan. Sasaran utamanya ialah lawatan ke Taman Sungai Basong kerana di dalamnya ada rumah budaya etnik-etnik Daerah Tutong. Rancangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk mempertingkatkan lagi keadaannya sangat disambut baik kerana rumah-rumah etnik yang ada pada masa ini perlu dibina semula dengan bentuk yang betul-betul asli mengikut etnik dan pembinaannya perlu merujuk kepada orang tua-tua mengikut etnik mereka.

Kawasan sekitarnya pula perlu dibina dengan bentuk rasional dengan peralatan kehidupan harian etnik. Misalannya, etnik kedayan yang kerja hariannya bertani dan berburu secara memasang jerat, puak Tutong misalannya bertani dan memproses sagu, etnik Dusun bertani, menangkap ikan dan menganyam, etnik Iban bertani dan berburu secara menyumpit dan menjerat, etnik China bertani, bertukang dan berniaga.

Selain itu, kerjasama juga perlu oleh agensi-agensi pelancongan dan *stakeholders* dari mukim-mukim dan kampung Daerah Tutong perlu ada untuk menentukan tempat-tempat lawatan lain di kawasan masing-masing, misalannya, menyusur Sungai Tutong, Tasek Merimbun, Wasai Bedanu, Telaga Tujuh, Gerai Mukim, Tamu Tutong, inap desa dan tempat-tempat makan secara tradisional.

Selain itu, ialah persembahan kebudayaan dan galeri produk mukim dan kampung agar semua terlibat dan berampit-ampitan. Ada lagi tempat-tempat yang perlu diambil perhatian untuk dinaik taraf agar ia boleh dimasukkan dalam senarai-senarai pelancongan di Daerah Tutong.

Misalannya:-

1. Untuk mewartakan dan memelihara pasir putih agar ia terkawal dari tempat pembuangan sampah dan membuat kerosakan;

2. Tanjung Danau dan Jeti Bantun yang dibina dari tahun 40-an dijadikan tempat riadah dan jualan ikan;

3. Hutan Piku sebagai tempat Taman Negara atau *National Park*, yang kini sudah dapat dilalui setelah siapnya Lebuh Raya Telisai-Lumut; dan

4. Pembinaan jeti di tempat-tempat bersesuaian untuk persinggahan lawatan di sepanjang menyusur sungai dari Sungai Tutong, Sungai Danau hingga ke hulu Sungai Telamba.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira adalah berpatutan bagi kita sekarang untuk menangguhkan dahulu mesyuarat kita di peringkat Jawatankuasa ini dan kita akan berpindah semula untuk bersidang di Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya bercadang untuk menangguhkan mesyuarat kita ini selama 20 minit bagi kita berehat.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat bersidang semula setelah kita berehat selama 20 minit. Kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Belanjawan 2016/2017. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Sebentar tadi, sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan, kita telah mendengar seramai 4 orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik yang telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan berkenaan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Bagi mengelakkan pertanyaan-pertanyaan daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik terlalu banyak dikumpulkan, maka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, sama ada ia suka untuk memberikan responsnya pada ketika ini?

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih suka menjawab soalan yang diajukan sekarang. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada 4 soalan tadi. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas sokongan terhadap cadangan perancangan seperti yang kaola nyatakan dalam mukadimah beberapa hari yang lalu. Ada beberapa soalan:-

1. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah berkenaan dengan *KPI* yang tertera di buku Anggaran Belanjawan 2016/2017.

   Seperti yang dimaklumi bahawa *KPI* ini telah dibuat sebelum kaola pindah ke kementerian ini, kaola telah meneliti *KPI* ini, dan telah berunding dengan pegawai-pegawai di kementerian dan juga dengan Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab dalam peruntukan dalam memikirkan untuk di*revise-up.* Sebenarnya Kaola mendapati *KPI* ini terlalu

rendah dan tidak selaras dengan hala tuju kementerian. إِنْ شَاءَ اللَّهُ perundingan akan dibuat untuk me*revise-up KPI* berkenaan; dan

2. Berkenaan dengan pelancongan. Seperti jua mukadimah beberapa hari yang lalu, ada 3 sektor ataupun kategori produk yang dikenalkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu:-

   i. *Primary Product*. Produk yang sudah *more or less* kukuh dan diperkukuhkan lagi. Seperti produk pelancongan di Batang Duri dan Ulu Temburong, produk pelancongan di Kampung Air dan produk pelancongan di Bandar Seri Begawan;

   ii. *Secondary Product* iaitu seperti pantai-pantai, kawasan-kawasan di taman-taman peranginan, perhutanan dan lain-lain lagi; dan

   iii. *Activities*, seperti *diving, boat watching, Islamic Tourism*, *Medical Tourism*, *meeting* dan lain-lain lagi. Strategi kita adalah dengan mengukuhkan dahulu yang *primary product* itu.

Ada baiknya kita tumpukan perhatian Bandar Seri Begawan, kawasan di Kampung Air dan Ulu-ulu Temburong. Sebagai contoh, kalau kita melancong ke Daerah Temburong banyak isu yang perlu dikukuhkan dari segi keselamatan, keselesaan dan notis-notis untuk memastikan pelancong itu merasa selamat melalui *briefing*, *maintenance* dan *facilities*.

Jangan yang sudah kukuh ini tidak dapat dikekalkan. Nanti akan ada masalah lain yang berlaku atau kemalangan. Jika pelancong sudah berada di sana, kita pastikan supaya mereka merasa selamat dan selesa. Mereka mungkin akan datang lagi berkunjung atau memberitahu kawan-kawan untuk datang lagi ke sana.

Mengenai strategi penanaman padi sama ada keluaran padi akan diteruskan atau tidak. Strategi untuk menambahkan padi memang akan diteruskan. Kaedahnya akan diubah dengan kaedah memperkenalkan *variety* yang mempunyai penghasilan yang tinggi. Pada masa ini kitani mengusahakan padi jenis 'Laila' yang mengeluarkan hasil sebanyak 4 ke 5 ton padi per hektar.

Pada tahun 2017, kita akan memperkenalkan padi 'Titih' yang mempunyai *yield* sebanyak sekurang-kurangnya 8 ke 10 tan per hektar. Pada masa ini, Jabatan Pertanian sedang mengumpulkan benih-benihnya untuk dapat ditanam mulai 2017. Sambil itu kita juga sedang meneliti mungkin mendapat *variety* yang kecil yang lebih produktif lagi yang hasilnya meningkat kepada 12 tan per hektar. Ini mungkin akan dapat diperkenalkan dalam 2019.

Walau bagaimanapun, semua jenis padi ini hanya akan dapat ditanam di kawasan yang pengairannya mencukupi seperti di kawasan Daerah Brunei dan Muara, iaitu Wasan, Limau

Manis dan Batong. Di tempat-tempat lain seperti di Daerah Temburong dan di Daerah Belait juga di kawasan pengairannya belum lagi lengkap maka masih juga akan di*introduce variety* yang lain daripada padi tradisional seperti padi yang dipanggil Beras BDR5 iaitu campuran 'Laila' dan padi tradisional. Ini akan dapat menghasilkan 5 tan per hektar.

Selain itu mungkin juga tertakluk kepada keupayaan kita berbelanja. Penanamannya mungkin akan dilaksanakan di Kampung Selapun yang mempunyai takungan air yang lebih efektif. Mungkin *variety* padi dapat diperkenalkan di Daerah Belait.

Selanjutnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad berkenaan perkembangan pelancongan di Daerah Belait. Sebagai contoh di Kampung Kuala Balai dan tempat tumpuan lain. Seperti yang kaola maklumkan tadi bahawa fokus masa ini ialah di kawasan *primary* dahulu dikuatkan. Walau bagaimanapun kita tidak akan menafikan untuk mengusahakan tempat-tempat lain sebagai tarikan pelancongan. Cara lain yang digunakan ialah menggalakkan *private sector*, pihak pengusaha tempatan dan luar negara untuk menilai kesesuaian sesuatu tempat itu untuk dijadikan destinasi pelancongan.

Pada masa ini sebagai contoh, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan telah bekerjasama dalam *pilot scheme* menerbitkan *RFP* iaitu semacam tender bagi pihak swasta untuk mengurus, mengendalikan dan juga memelihara *Berakas Forest Reserve.* Contohnya, bila hal ini sudah dilakukan, *Berakas Forest Reserve* akan dikembangkan sebagai destinasi pelancongan oleh pelabur atau pengusaha ini untuk menarik pelancong sama ada untuk berpiknik, mengadakan *mountain biking*, aktiviti-aktiviti pantai ataupun berehat-rehat sahaja.

Pengusaha ini akan menyediakan tempat berniaga untuk disewa dan hasil sewaan itu digunakan untuk kerja-kerja, pemeliharaan. Jika berjaya perkara ini akan dilaratkan ke tempat-tempat lain, seperti di kawasan Bukit Shahbandar, di pantai-pantai dan mungkin juga di Daerah Tutong seperti di Sungai Basong, Pantai Seri Kenangan dan Pasar di Tutong, *even* di Bandar Seri Begawan juga seperti kawasan Taman Peranginan Tasik dan kawasan Tamu Selera dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, tempat-tempat ini adalah kepunyaan pelbagai agensi. Kementerian akan berunding dengan kementerian yang berkepentingan untuk sama-sama memajukan tempat-tempat berkenaan sebagai destinasi pelancongan secara *PPP*.

Berkenaan soalan perikanan, kaola mendapati beberapa soalan yang keliru dengan peruntukan iaitu Peruntukan Gaji, Peruntukan Berulang-Ulang dan Peruntukan Khas. Peruntukan Gaji, Peruntukan Berulang-Ulang itu memang bersifat operasi. Kaola akan menfokuskan kepada Peruntukan Khas

iaitu khas untuk projek-projek perkembangan kementerian.

Perbelanjaan Khas yang disediakan ialah sebanyak $250,000.00 bagi Program Penyelidikan dan Perkembangan Industri Perikanan Tangkapan. Program untuk melaksanakan program sektor tangkapan bagi keperluan pasaran eksport Kesatuan Eropah termasuk kerja menaik taraf Kompleks Pendaratan Ikan Muara dan Projek *Hygiene On Board and Cage Specification.* Yang satu lagi adalah *dry docking or petrol vessel* $100,000.00.

Untuk melaksanakan kerja pemeriksaan kerja bahagian bawah kapal memerlukan kemudahan *dry dock* bertujuan untuk memenuhi syarat sijil *classification* yang dikreditkan/ dikendalikan oleh syarikat yang diiktiraf. Tujuan utama adalah untuk meningkatkan kapasiti Jabatan Perikanan dan kerja-kerja pengawalan dan pemantauan perairan. Jadi sebenarnya Perbelanjaan Khas tidak banyak di Bahagian Perikanan.

Mengenai kemajuan industri perikanan di Daerah Belait, pada masa ini kementerian sedang membantu seorang pengusaha di Kampung Labi untuk membuka industri dalam penternakan udang galah. Dengan demikian *supply* udang galah bukan sahaja daripada Daerah Temburong mungkin juga dari Daerah Belait dan juga dari Daerah Tutong. Perusahaan untuk membanyakkan anak-anak udang galah sedang dijalankan oleh perusahaan di Kampung Serasa pada masa ini untuk tujuan me*release* anak-anak udang galah ini ke seluruh negara.

Soalan seterusnya ialah berkenaan dengan padi. Tadi Yang Berhormat menyatakan ada Peruntukan sejumlah $6 juta. Sebenarnya Perbelanjaan Khas yang digunakan/disediakan bagi rancangan perusahaan padi berjumlah sebanyak $5 juta sahaja. Tujuannya untuk perkembangan infrastruktur parit dan pengairan, pembelian import pertanian, jentera dan mesin. Juga diperlukan untuk meningkatkan produktiviti dan keluaran padi dan skim pembelian semula hasil padi tempatan. Ada $200 ribu bagi meningkatkan infrastruktur dan kemudahan. Keutamaan diberikan kepada Kawasan-kawasan Kemajuan Pertanian, KKP bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil pertanian. Yang satu lagi $100 ribu lebih adalah bagi meningkatkan keupayaan bagi kerja-kerja penganalisis dan kaji uji bagi makmal-makmal veterinar, kaji musuh dan kaji penyakit tanaman dan agrimakanan.

Mengenai Bukit Sengkuang, kementerian sedang mengurangkan harga melalui *reviewing* skop kerja iaitu disebabkan oleh *challenge* dalam bidang fiskal kita masa ini. Fokus adalah kepada *area* yang sedang dijalankan sekarang sahaja dan menggunakan teknologi yang *cost-effective* untuk terus menggalakkan petani-petani untuk bertanam padi di kawasan Bukit Sengkuang. Misalannya dengan menggunakan *variety* beras *BDR 5* yang boleh

bergantung pada air hujan dan bukan daripada *irrigation* tetapi boleh menghasilkan 4 ke 5 metrik tan padi sehektar.

Selanjutnya soalan daripada bahagian-bahagian perhutanan. Mengenai terdapatnya banyak aktiviti perhutanan dan perkilangan di Daerah Belait. Adakah untuk menggunakan kaedah *PPT* dalam menggunakan sumber hutan di Daerah Belait. Seperti yang kaola nyatakan awal tadi, pihak swasta akan terus digalakkan menghadapkan cadangan ataupun secara *RFP* daripada kementerian sendiri untuk mengambil peluang-peluang tertentu menggunakan kawasan-kawasan yang dapat digunakan sebagai sumber destinasi kepada pelancong dan tempat-tempat inilah akan ditawarkan sebagai kawasan pelancongan, jika ia betul-betul menguntungkan kepada pihak pelabur.

Kementerian mendapat banyak cadangan daripada pelbagai pihak untuk memajukan kawasan masing-masing sebagai destinasi pelancongan sama ada di Daerah Temburong, Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong dan Daerah Belait. Jadi agak mustahil bagi kementerian melayan semua cadangan berkenaan. Kita akan juga mengharapkan pihak swasta untuk menilai sama ada cadangan itu sesuai dibuat secara komersil yang menguntungkan semua pihak, iaitu *private sector*, pihak awam dan sekurang-kurangnya tidak merugikan kerajaan.

Selanjutnya kaola ingin menjawab soalan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. Yang Berhormat menyatakan bajet promosi berjumlah $2 juta, sebenarnya tidak sampai $2 juta, cuma dalam $200,000.00 sahaja. Promosi dan Pemasaran $250,000.00 dan Perkembangan Produk $150,000.00. Manakala $150,000.00 itu ialah untuk meningkatkan dan memperkembangkan produk pelancongan supaya akan lebih menarik dan unik kepada pelancong dalam dan luar negara. Keutamaan akan diberikan kepada produk *primary* iaitu Batang Duri dan Ulu Temburong, Bandar Seri Begawan dan Kampung Air.

Selain meningkatkan dan memperkembangkan produk-produk tersebut, program promosi dan pemasaran juga akan digiatkan dengan memfokus penggunaan teknologi info-komunikasi seperti *mobile apps*, laman sesawang, dan sebagainya. Ada juga perbelanjaan lain yang khas sebanyak $60,000.00 dan $100,000.00 iaitu untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan kepada kerosakan-kerosakan yang terdapat di galeri seperti di Galeri Kebudayaan Kampung Air iaitu keretakan dinding, kebocoran siling, cat dinding yang pudar dan papan-papan tanda yang rosak demi keselesaan pengunjung. Selanjutnya ialah untuk mengemas kini pengumpulan dan penganalisisan data berkaitan dengan pelancongan. Itulah sahaja bajet khas yang disediakan kepada Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Soalan selanjutnya ialah berkenaan dengan borang yang banyak diisi oleh pelancong-pelancong ataupun orang-orang yang tiba melalui jalan udara di Negara Brunei Darussalam. Kaola telah pun berunding dengan beberapa pihak yang berkenaan. Borang-borang ini ada yang diterbitkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Kementerian Kesihatan.

Walau bagaimanapun, kaola telah berunding dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menilai semula keperluan untuk pelancong ataupun yang datang dari luar negara mengisi borang kesihatan. Pengisian borang ini telah pun diberhentikan dan dalam jangka panjang tidak akan dikehendaki untuk mengisi jika tidak ada keperluan, jika tidak ada wabak penyakit yang berlaku di negara-negara jiran ataupun negara-negara dari mana mereka datang itu. Belanjanya pun besar untuk mencetak borang tersebut dan oleh yang demikian borang itu tidak diperlukan lagi.

Walau bagaimanapun, borang kastam dan borang imigresen, saya kira masih perlu diisi seperti mana yang kita dapati negara-negara lain pun masih mengisi atas tujuan tertentu iaitu tujuan data dan tujuan untuk mengelakkan membawa keluar masuk duit yang banyak yang boleh menimbulkan keraguan dari segi *money laundering* dan lain-lain lagi.

Soalan selanjutnya ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Pertama berkenaan dengan pokok jati ataupun dikenal dengan pokok kasia. Apakah sudah ada perancangan untuk membuatnya boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi. Walaupun nampak banyak tetapi tidak banyak kalau dibandingkan negara-negara lain. Sumber ini untuk dijadikan sumber ekonomi. Asalnya pokok ini didatangkan dari negara luar, tujuannya untuk mengelakkan hakisan tanah di sepanjang jalan raya dan lebuh raya di Negara Brunei Darussalam.

Pokok ini sekarang didapati boleh tumbuh dengan cepat dan pada masa yang sama juga ia boleh terbakar dengan mudah dan melarat ke tempat-tempat yang lain. Pengurangan jumlahnya akan diusahakan.

Walau bagaimanapun, Jabatan Perhutanan telah menggalakkan orang ramai dan pengusaha-pengusaha *particularly* untuk menjadikan bahan kayu kasia ini sebagai bahan kepada pengeluaran kertas ataupun pengeluaran arang. Hal ini terpulanglah kepada pengusaha. Walau bagaimanapun percubaan yang dibuat oleh pengusaha untuk menggunakannya untuk sumber kertas telah didapati tidak berjaya beberapa tahun yang lalu.

Dari segi perikanan, kebanyakan nelayan kecil kita kurang pengetahuan mengenai macam mana cara menambah nilai ataupun macam mana cara mereka boleh bertahan pada musim tengkujuh. Adakah bantuan daripada kerajaan seperti penubuhan koperasi dan lain-lain. Perkara ini belum ada dibuat oleh

kementerian dan akan diteliti cara yang terbaik untuk mengatasinya.

Walau bagaimanapun kitani kadang-kadang ada cara lain seperti menggalakkan pelabur asing untuk mengusahakan secara berskala besar misalannya di Daerah Tutong, seorang pengusaha daripada Taiwan mengusahakan ladang ternakan udang secara besar-besaran dan masa ini telah ditawarkan untuk mengusahakan beratus hektar lagi dalam mengusaha udang dan beliau juga menawarkan peluang kepada nelayan-nelayan atau pengusaha dalam negara terutama Daerah Tutong untuk ikut serta mengusahakan ladang beliau mengikut standard beliau sendiri. Ertinya beliau menyediakan beberapa kolam untuk peladang kita jika berkehendak dan akan mengusahakan ladang itu secara standard dan dia akan membeli hasil-hasil daripada peserta berkenaan. Perkara ini akan dilaratkan bukan sahaja di Daerah Tutong tetapi di tempat lain juga akan dibuat supaya kita ada sumber pendapatan yang stabil terutama sekali kepada pengusaha kecil.

Berkenaan pemprosesan makanan dan daging seperti mana yang kaola maklumkan ketika mukadimah berkenaan, salah satu daripada industri utama ialah industri ternakan ayam dan pedaging. Memang dimaklumi sumber daging negara adalah terhad. Bagaimana cara kita mengembangkan industri pemprosesan daging ini bukan dengan bergantung pada pengeluaran daging dari negara ini tapi kita boleh juga mengimport daging dari luar negara dan akan memprosesnya menjadi makanan lain dan untuk dieksport ke tempat-tempat lain.

Ini adalah kaedah lanjutan, kaola tidak nyatakan ketika mukadimah. Memang cara kita untuk berkembang ataupun tumbuh tidak boleh bergantung pada hasil dalam negara sahaja. Mestilah kita juga mengimport bahan-bahan mentah dari negara lain misalannya ikan dan pertanian dari Filipina ataupun daging dari negara jiran ataupun lebih jauh dari Australia dan tempat-tempat lain. Ia diproses, ditambah nilai dan akan dijual dalam negara dan juga dieksport. Jawapannya dengan menggalakkan import dan diproses untuk *add value*. Perkara ini adalah perkara yang sering digunakan oleh negara-negara kecil seperti Singapura dan Hongkong.

Pelancongan yang ditanyakan juga oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Seperti yang dinyatakan tadi, memang banyak potensi destinasi pelancongan di seluruh negara. Di Daerah Kuala Belait, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Haji Ahmad menyebut Kuala Balai, Labi dan Sungai Basong di Daerah Tutong dan menyusur sungai dan lain-lain lagi.

Memandangkan Kementerian kapasitinya terhad dan juga kapasiti dari fiskal juga terhad, kita akan menawarkan perkara ini kepada pihak swasta melalui *PPP* untuk menilai sama ada Sungai Basong boleh diuruskan oleh pihak swasta sebagai destinasi pelancongan dengan menarik pelancong ke sana. Berbagai-bagai aktiviti, akan

menawarkan beberapa kawasan di sana untuk disewakan bagi tujuan komersial. Jika pun tidak dapat Sungai Basong diusahakan secara persendirian mungkin akan digabung dengan tempat-tempat lain misalnya kombinasi Sungai Basong, Pantai Seri Kenangan, Bukit Ambok dan juga Kampung Petani Daerah Tutong dan juga kawasan pasar tamu. Kesemua ini kalau digabung akan ditawarkan kepada pelabur yang mungkin menarik minat mereka untuk mengurus, mengendali dan selanjutnya memeliharanya.

Bagaimanapun, seperti yang kaola nyatakan tadi, ini melibatkan berbagai-bagai agensi ataupun *owners* tempat-tempat ini. Perundingan akan dibuat dengan kementerian ataupun jabatan untuk sama-sama melaksanakannya. Ia akan menguntungkan semua pihak, *private sectors*, kerajaan, orang ramai sama ada pelancong domestik ataupun pelancong dari luar negara. Yang Berhormat Pengerusi, demikianlah yang dapat saya jawab. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Dalam senarai saya masih ada 9 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk menyuarakan pendapat atau pertanyaan-pertanyaan mereka mengenai Tajuk ini.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang menghuraikan rancangan-rancangan bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan KDNK pada hari Sabtu, 12 Mac 2016 bersamaan 3 Jamadilakhir 1437, kaola menyokong penuh dan berdoa agar mendapat berkat dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala demi kepentingan negara ini.

Dalam visi dan misi kementerian akan memberi penekanan 4 teras utama iaitu *economic growth, productivity export* berdaya tahan *(sustainable).* Khusus bagi perancangan 2016 hingga 2020, bagi Industri Ternakan Ayam/Daging, Industri Sayur-sayuran, Industri Bunga Keratan *(cut flowers),* Industri Agrimakanan, Industri Perikanan, Industri Perhutanan bagi sasaran kepada pasaran antarabangsa ataupun eksport bagi meningkatkan nilai keluaran industri ini akan bertambah kepada serendah-rendah $890 juta kepada $1.21 bilion setinggi-tingginya menjelang 2020.

Jika dianalisis peruntukan perancangan-perancangan 2016-2017, bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan sebanyak $57,144,550.00 dibandingkan dengan nilai keluaran industri-industri yang terlibat untuk meningkatkan nilai keluaran bagi sasaran kepada pemasaran antarabangsa atau eksport bagi industri terlibat yang akan bertambah kepada serendah-rendah $890 juta hinggalah ke setinggi-tinggi $1.21 bilion. Kalau berjaya ini akan melibatkan kerja-kerja awal persediaan seperti tempat-tempat kegiatan yang dihuraikan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Soalan kaola, adakah dengan peruntukan tahun 2016/2017 ini akan boleh membiayai persediaan seperti tempat-tempat perusahaan, pemantauan dan pengawalan penyakit tumbuh-tumbuhan dan binatang? Jika tidak dikawal dengan cermat impaknya akan merugikan negara dari segi semua aspek kerja sokongan logistik, pengangkutan, perkapalan dan lain-lain yang bersangkutan dengan pengeksportan yang pada masa ini belum lagi ada tersedia, oleh sebab baru dalam rancangan bagi industri-industri terkandung dalam rancangan bagi tahun 2016/2017 yang memberikan peningkatan pengeluaran sampai 4 lebih kali ganda ataupun 493 peratus. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola akan mengemukakan 2 Tajuk sahaja iaitu Tajuk SHO6A - Jabatan Kemajuan Pelancongan dan Tajuk SHO3A - Jabatan Perikanan.

Jabatan Kemajuan Pelancongan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Melihat produk-produk pelancongan yang sedia ada dan mungkin belum diterokai serta perlu dikembangkan di daerah-daerah yang lain secara lebih kompetitif, kita sudah tentu tidak mahu dalam masa 5 ke 6 tahun akan datang, hanya Kampung Air, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah sahaja yang dikenali. Walhal, banyak lagi destinasi pelancongan lain yang menarik yang perlu untuk dikunjungi. Kaola berpandangan seperti Tasek Merimbun, Daerah Tutong, Taman Negara Temburong, Bujang Pahang, Taman Rekreasi, Sungai Basong dan Hutan Selirong dan beberapa buah tempat menarik yang lain perlu dibangun, diperbisai (diperelok) dan dinaik taraf.

Suntikan modal dan bantuan kepakaran perlu untuk individu yang ingin memajukan industri pelancongan dengan berbagai-bagai jenis kemudahan

dan prasarana pelancongannya, seperti mendirikan perkampungan, budaya, pasar seni, kompleks membeli belah, kemudahan kereta kabel, kemudahan inap desa *(homestay)* dan sebagainya.

Begitu juga bagi Daerah Belait, kota minyak tersebut seharusnya berkembang seiring dengan pusat bandar dan merupakan juga pintu masuk laluan negara jiran sehingga sekarang belum begitu menampakkan perubahan yang ketara. Dicadangkan supaya pekan Seria dan pekan Kuala Belait dijadikan kota pelancongan skala besar agar skop pelancongan negara lebih luas dan pelancong tidak tertumpu di Daerah Brunei dan Muara sahaja.

Dari perspektif sejarah, Daerah Belait pernah melalui sejarah sosioekonomi yang tersendiri dan sewajarnya dimajukan secara besar-besaran. Contohnya Kuala Balai, Ingai, Melilas, Sukang dan beberapa tempat lain yang boleh dijadikan produk pelancongan bercirikan rekreasi, penyelidikan, sukan dan sebagainya.

Sektor Jabatan Perikanan dan Agrimakanan - Sektor ternakan ikan dan udang adalah antara sektor industri perikanan yang telah dikenal pasti berpotensi untuk berkembang dan telah pun berhasil menembusi beberapa pasaran eksport luar negara seperti China, Hongkong, Malaysia, Jepun dan Korea. Sektor pemprosesan makanan laut adalah salah satu sektor hiliran industri perikanan yang mampu memberikan pulangan yang lebih.

Kaola ingin mengajukan 2 soalan iaitu:-

1. Apakah perancangan pihak berkenaan bagi membangunkan industri hiliran bagi sektor ternakan udang dan ikan pada masa akan datang; dan

2. Apakah cabaran-cabaran dan masalah yang telah dikenal pasti dalam membangunkan sektor pemprosesan makanan laut?

Itulah saja 2 perkara yang kaola ajukan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi dan juga pada hari Sabtu, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah memberikan sasaran-sasaran kementeriannya. Hala tuju kementeriannya mengenai industri-industri seperti pelancongan, perikanan, perhutanan dan seumpamanya. Maka, saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya supaya soalan-soalan yang sama dapat dielakkan dan kita akan menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang belum ditimbulkan. Perbincangan Menteri yang berkenaan akan lebih tertumpu dan fokus lagi kepada perkara-perkara yang baharu itu.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd Rauf: Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Walaupun Yang Berhormat Pengerusi mengatakan bahawa hal-ehwal pelancongan atau perikanan dan sebagainya sudah disentuh, kaola fokuskan kepada Jabatan Kemajuan Pelancongan, kalau kaola dapat teruskan dan keizinan Yang Berhormat Pengerusi.

Dalam membahaskan peruntukan perlancongan ini, kaola sesungguhnya tertarik untuk membawa semula di dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan Tasek Merimbun. Kaola memohon apa jua kiranya supaya Tasek Merimbun dapat dimajukan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan atau melalui pihak swasta.

Yang Berhormat Pengerusi.

1. Tasek Merimbun dimajukan dengan tidak merosakkan kawasan yang diwartakan sebagai bahan sejarah dan keaslian semula jadi;

2. Kawasan Tasek Merimbun juga dipelihara dan dikekalkan sebagai sumber utama menarik pelancongan; dan

3. Untuk meningkatkan pembangunan di kawasan sekitar Tasek Merimbun dicadangkan dibina hotel bertaraf sederhana. Diadakan restoran, tempat-tempat kegiatan yang bersesuaian, galeri, taman binatang, tempat mengadakan kursus-kursus dan seminar; dan

4. Dengan adanya perkara-perkara yang kaola nyatakan di atas, maka dengan sendirinya menarik pelancong bukan sahaja dari luar negeri bahkan dalam negeri dan

Kesan daripada pembangunan ini, bukan sahaja ekonomi penduduk di sekitar Tasek Merimbun akan meningkat tetapi bagi setiap mukim dan kampung yang menjadi laluan pelancong menuju ke Tasek Merimbun akan melanggan hasil produk kraftangan, pertanian dan lainnya sekali gus menambah pendapatan penduduk kampung.

Kaola penuh yakin, bahawa jika Tasek Merimbun dimajukan maka peningkatan dan membisaikan (mengelokkan) lagi landskap Daerah Tutong sesuai kedudukannya antara Bandar Seri Begawan dan Belait. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola sedikit sahaja menyentuh mengenai pelancongan dalam nada

yang berlainan serta maksud yang tidak sama dengan rakan-rakan. Kaola juga akan menyoal mengenai Jabatan Perhutanan dan juga Skim Pinjaman Makro dan *SME.*

Dalam usaha menarik pelancongan asing datang ke Negara Brunei Darussalam berbagai-bagai kaedah telah dibuat oleh Jabatan Pelancongan *(Tourism).* Selain mewujudkan berbagai-berbagai destinasi yang menarik untuk pelancong asing datang ke Negara Brunei Darussalam, kita perlu mencari keunikan dan keistimewaan yang terdapat di negara ini. Apa yang selalu dikunjungi ialah seperti Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Jame 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Air dan *National Park* di Daerah Belait dan Ulu Belalong.

Selain Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Ulu Belalong ada lagi sesuatu yang amat menarik yang memang terdapat di negara kitani iaitu *Brunei Multipurpose Training Centre* seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Pusat ini sudah beroperasi sejak Tahun 2014 mengendalikan latihan penerbangan kepada pelatih-pelatih tempatan dalam dan luar negeri.

Adalah dicadangkan supaya agensi-agensi pelancongan akan mengambil inisiatif merebut peluang ini menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan pelajaran *(education tourism)* yang terbaik dirantau sebelah ini. Apa yang penting ialah sistem perhubungan seperti pengangkutan perlu diperbaiki, perhotelan, restoran yang mempunyai kelas bertaraf dunia diwujudkan sebagai tarikan negara-negara dunia untuk mengikuti *education tourism* yang standard serta operasi yang bertaraf dunia atau antarbangsa.

Pada 27 Februari 2016 yang lalu, melalui taklimat yang disampaikan oleh beberapa orang pegawai di Jabatan Pelancongan telah digariskan beberapa kaedah bagi mengendalikan *homestay* di kampung-kampung. Berdasarkan taklimat tersebut, setiap kampung hanya dibenarkan mempunyai 5 buah rumah sahaja sebagai *homestay*.

Soalan dan cadangan kaola:-

1. Adakah perkara ini bersesuaian dengan matlamat menjadikan pelancongan sebagai sumber pendapatan Majlis Perundingan Kampung dan Mukim?;

2. Apakah strategi Jabatan Pelancongan untuk menarik kehadiran pelancong ke negara ini?;

3. Adakah sudah promosi-promosi ataupun iklan-iklan di buat di seluruh negara seperti hotel-hotel dan melalui beberapa kedutaan Negara Brunei Darussalam bagi memberigakan bahawa negara ini mempunyai banyak tempat menarik untuk dilawati atau dikunjungi; dan

4. Dicadangkan juga, perlu diberikan kemahiran dalam beberapa aspek kepada ejen-ejen pelancongan yang beroperasi di negara ini seperti

falsafah negara Melayu Islam Beraja umpamanya, budaya, sejarah dan tatasusila bangsa, bagi memberikan kefahaman yang jelas kepada semua pelancong yang datang melalui agen pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi mengenai Jabatan Perhutanan. Fungsi dan peranan Jabatan Perhutanan sangatlah penting dalam memastikan flora dan fauna serta hutan di negara ini dapat berperanan sebagai perlindungan semua ekosistem termasuk semua habitat dan spesis binatang. Kepentingan pengawalan hutan memerlukan kerjasama dari semua agensi termasuklah orang ramai.

Mengenai penebangan pokok, sama ada dikawal di bawah kawalan Jabatan Perhutanan ataupun tidak, didapati telah berlaku beberapa kegiatan penebangan pokok dan pencarian pokok gaharu dan yang paling *famous* pada masa ini ialah mencari madu kelulut. Perkara ini tidaklah dilarang, malah digalakkan tetapi apa yang penting ialah supaya pengusaha-pengusaha yang tersebut di atas secara berhemah dan melalui proses-proses atau prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan. Soalan kaola:-

1. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak yang berwajib dalam memastikan supaya kegiatan atau aktiviti yang melakukan penebangan pokok dengan tidak mendapat kelulusan atau kebenaran daripada pihak Jabatan Perhutanan khususnya?; dan
2. Adakah keperluan-keperluan hutan di negara kita ini khususnya pokok yang bernilai tinggi, seperti meranti, kayu kapur, selangan batu dan lain-lain mencukupi bagi keperluan negara?

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira Ahli Yang Berhormat, banyak antara kita suka akan madu kelulut. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. الْحَمْدُ لله peminat-peminat Taman Agro Kampung Tungku, begitu ramai terutama pada hari Ahad dan hari-hari kelepasan awam sehingga mencapai 3,000 orang sehari. Kebanyakannya beriadah, *jogging*, berbasikal, berjalan kaki dan melihat-lihat ternakan dan bunga-bungaan yang ada di sana. Ada juga aktiviti-aktiviti secara berkumpulan seperti dari maktab-maktab, sekolah-sekolah dan lain-lain. Taman Agro Kampung Tungku menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.

Soalan saya, apakah rancangan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menambah baik *environment* kawasan Taman Agro Kampung Tungku terutama tempat berjualan makanan dan minuman. Kalau boleh diselitkan produk-produk tempatan, dapat dijual di tempat itu.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ . Kaola akan membawa Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Laporan akhbar *Brunei Times*, keluaran 21 Julai 2015 bahawa kajian telah dijalankan pada tahun 2010 untuk menilai jumlah spesis ikan di perairan Negara Brunei Darussalam. Dari kajian tersebut, didapati jumlah spesis ikan telah merosot daripada 12 peratus pada tahun 1999 kepada 75 peratus pada tahun 2010. Mengikut Pengarah Perikanan yang disiarkan oleh akhbar tersebut bahawa pengharaman penggunaan pukat tunda akan dikuatkuasakan mulai tahun 2016.

Soalan kaola:-

1. Mengapakah hanya sekarang Jabatan Perikanan membuat keputusan untuk mengharamkan penggunaan pukat tunda sedangkan hasil dari kajian tersebut telah didapati pada tahun 2010?; dan

2. Bilakah tarikh permulaannya pengharaman ini akan dilaksanakan?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu izinkan juga kaola untuk merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah peruntukan belanjawan kementeriannya pada petang hari Sabtu yang lepas.

Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola supaya dapat mengutarakan 5 Tajuk di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di Dewan yang mulia ini:-

1. Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Taman Negara Ulu Belalong adalah destinasi pelancongan utama untuk pelancong dalam dan luar negara, kerana keindahan alam semula jadi dan flora dan faunanya. Apa yang lebih membanggakan ialah kehadiran pelancong luar negara yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Walau bagaimanapun, perkara yang perlu diambil perhatian, masih terdapat tempat lain yang menjadi tumpuan para pelancong seperti jalan atau trek dari *canopy walkway* yang menuju ke Air Terjun Sungai Apan, yang mana jalan laluannya

tidak dapat dilalui kerana anak-anak tangga kayu banyak yang sudah rosak dan buruk kerana tidak ada pemeliharaan dan termasuklah juga jambatan gantung dibiarkan sahaja sekian lama tidak diperbaiki.

Pada pandangan kaola, Taman Negara Ulu Belalong adalah yang terbaik di rantau ini sebagai warisan negara hingga ke generasi akan datang. Sewajarnya kemudahan-kemudahan disediakan di sana di ambil perhatian penjagaannya terutama apabila terdapat kerosakan.

Yang Berhormat Pengerusi. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan oleh pihak-pihak berkenaan terutamanya peruntukan pembaikan yang mencukupi bagi mengembangmaju kan ekopelancongan di negara ini khususnya di Taman Negara Ulu Belalong yang telah mengharumkan nama negara terutamanya bagi pelancong luar negara; dan

2. Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan. Ada dua perkara yang akan kaola timbulkan.

Pertama, pertumbuhan hutan bakau yang terdapat di perairan Negara Brunei Darussalam, di kawasan-kawasan Sungai Duau dan Sungai Selirong menampakkan pemandangan yang sungguh indah sebagai satu tarikan laluan Jambatan Temburong ke Bandar Seri Begawan apabila siap sepenuhnya nanti.

Soalan kaola:-

i. Apakah kedudukan per-kembangan hutan bakau pada masa ini dan jangka panjang yang masih terkawal dan terpelihara bagi menjamin pertumbuhannya?;

ii. Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong (Hutan Paya Bakau). Apakah ada sebarang cadangan pada rancangan sepanjang Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan untuk mempromosikan taman rekreasi ini sebagai destinasi pelancongan yang menarik di negara ini?; dan

iii. Adakah juga perancangan pihak Jabatan Perhutanan untuk menambah prasarana sebagai tempat penginapan yang disewakan bagi kemudahan pelancongan bermalam di taman tersebut.

Kedua, hutan hujan di Negara Brunei Darussalam merupakan khazanah negara yang amat berharga dipercayai mempunyai potensi besar dan bernilai tinggi dari segi ekopelancongan dan menghasilkan produk-produk berasaskan kayu. Selain itu, hutan di negara ini termasuklah di Daerah Temburong mempunyai

berbagai-bagai spesis tumbuhan herba yang diketahui umum mengandungi khasiat dan kebaikan tertentu dalam pengamalan perubatan tradisional dan kaitannya dengan penjagaan kesihatan kemasyarakatan kampung.

Dalam hubungan ini, kaola percaya potensi tumbuhan-tumbuhan herba yang terdapat di negara ini dan sudah sinonim dengan masyarakat Brunei akan lebih terserlah dan dikenali sekiranya ia diiringi dengan hasil kajian dan penyelidikan yang saintifik atau ilmiah. Masyarakat kita termasuk luar negara akan dapat informasi yang tepat dan lebih meyakinkan, bukan sahaja dari segi khasiatnya tetapi juga kebaikan serta kesan penggunaannya terutama sekali kesan sampingan dari aspek kesihatan.

Kaola ingin tahu apakah sudah ada kajian dilaksanakan terutama sekali oleh pakar-pakar botani yang berkaitan, termasuklah juga mahasiswa-mahasiswi dan para pelajar di institusi pengajian tinggi di negara ini?

3. Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Apa yang kaola maklum Stesen Penetasan Benih Udang Galah, Ikan di Kampung Meragang adalah pusat penetasan Jabatan Perikanan yang utama.

Soalan dan cadangan kaola:-

i. Apakah pusat ini terus beroperasi menghasilkan benih Udang Galah dan ikan?

Bagi penternak udang galah dan ikan di Daerah Temburong sangat-sangat memerlukan benih udang galah dan ikan selungsung untuk diternak dalam sangkar. Kursus dan bantuan mengendalikan penternakan udang, ikan dalam sangkar secara penetasan benih udang galah dan ikan perlu untuk bakal penternak. Mudah-mudahan Jabatan Perikanan akan lebih proaktif dalam perkara ini; dan

ii. Spesis udang galah di Sungai Temburong juga adalah yang terbaik di negara ini. Dicadangkan agar mendapat sokongan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perikanan mengambil inisiatif yang lebih jauh untuk mewujudkan projek penetasan benih udang galah di Daerah Temburong dalam membantu pengusaha-pengusaha tempatan yang bergiat menternak udang galah. Selebihnya, benih udang galah tersebut dapatlah dilepaskan di sungai-sungai Temburong bagi mengatasi kepupusan udang galah yang sudah nampak berkurangan sebagai sumber ekonomi kepada

nelayan tempatan dalam jangka panjang.

4. Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Seperti yang kita ketahui perubahan cuaca pada masa ini tidak menentu dan sukar untuk diramal disebabkan perubahan cuaca tersebut sedikit sebanyak telah menjejaskan penghasilan padi, terutamanya apabila musim kemarau. Kita ketahui air adalah asas keperluan bagi penumbuhan padi. Ladang Padi Lekiun-Perdayan dan Nagalang pada masa ini belum ada mempunyai sistem pengairan yang sistematik.

   Soalan:-

   i. Apakah kaedah yang terbaik bagi memudahkan pengairan ke kawasan padi? Masalah ini dihadapi oleh pengusaha-pengusaha ladang padi di Daerah Temburong bila sahaja musim kemarau; dan

   ii. Dalam menjana pertumbuhan perekonomian mukim dan kampung penduduk Daerah Temburong yang berminat menceburi bidang ternakan kecil-kecilan seperti, menternak ayam, itik, kambing kerbau dan lembu di kawasan tanah *TOL*, Apakah ada dalam cadangan dan perancangan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk membuka tapak-tapak baharu yang bersesuaian khusus untuk ternakan dalam kawasan mukim-mukim atau kampung-kampung di samping menyediakan Skim Bantuan Subsidi khusus untuk benih dan makanan ternakan?

5. Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. Daerah Temburong adalah destinasi pelancongan yang sudah sekian lama dikunjungi oleh pelancong tempatan dan luar negara. Kaola sudah menimbulkan di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang lepas supaya cawangan Jabatan Kemajuan dan Pelancongan ditubuhkan di Daerah Temburong.

   Soalan kaola:-

   i. Apakah tindakan sudah diambil oleh pihak-pihak berkenaan dalam perkara ini bagi memajukan kawasan pelancongan dan membuat promosi bagi pelancong-pelancong berkunjung di Daerah Temburong?

   ii. Kaola juga ingin bertanya, apakah juga ada rancangan khusus yang dibuat oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui jabatan yang berkenaan untuk menyediakan pelan induk atau lebih dikenal sebagai *white paper* bagi mengembangkan industri pelancongan di negara

ini, tidak terkecuali Daerah Temburong yang mempunyai banyak potensi tarikan pelancong yang belum diterokai?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. الْحَمْدُ لله setelah kita mendengar taklimat yang telah disampaikan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengenai industri perikanan di negara ini, nampaknya sangat membanggakan dan boleh membantu meningkatkan hasil negara kita. Apa yang kaola akan utarakan hanya ingin berkongsi sama mengenai dengan industri perikanan yang dilaksanakan oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang tidak mempunyai kemampuan untuk mengusahakan menternak ikan secara besar-besaran dan secara komersial.

Merujuk kepada artikel akhbar *The Brunei Times* tempoh hari mengenai peningkatan jumlah rakyat yang memohon bantuan kepada kerajaan, jumlah pengangguran di Negara Brunei Darussalam amatlah kita bimbangkan. Saya mencadangkan kerajaan membuka pekerjaan bagi mereka ini, khusus dalam industri pertanian dan perikanan. Saya percaya kerajaan mampu merangka satu model ataupun *framework* yang khusus untuk memaju sektor pertanian dengan menggunakan khidmat mereka.

Sebagai contoh, kita hendak memajukan sektor ikan secara terbuka ataupun memeliharanya di dalam tangki. Jika kita dapat tarik 10 peratus dari jumlah pengangguran di negara ini yang memohon bantuan untuk bekerja dalam usaha memelihara ikan di dalam tangki, saya rasa boleh mengurangkan atau merubah pemikiran mereka daripada bergantung pada bantuan kerajaan sahaja.

Kerajaan boleh mengambil atau membuka peluang kepada mereka ini dengan memberikan latihan kursus untuk aktiviti pemeliharaan ikan dalam sangkar ataupun di dalam tangki. Selepas kursus mereka diberikan tempat yang lengkap untuk memulakan ternakan ikan dengan dipantau rapi oleh Jabatan Perikanan. Pemantauan rapi dan bimbingan berterusan oleh Jabatan Perikanan di peringkat awal adalah penting bagi memastikan mereka ini terus kekal dalam memajukan ternakan ikan sekali gus sebagai platform yang terbaik bagi kerajaan melihat prospek industri tersebut yang sememangnya sudah terbukti dan berjaya di negara ini.

Dalam hal ini cabaran yang akan ditempuhi pasti ada. Kita harus percaya bekerja keras dan fokus untuk memajukan perindustrian pemakanan yang sudah jauh atau terlepas pandang. Yang Berhormat Pengerusi, kaola

mengulangi mengenai industri perikanan yang dijalankan oleh rakyat kitani secara kecil-kecilan sejak beberapa tahun yang lepas. Kerajaan di bawah Jabatan Perikanan telah membekukan pengeluaran lesen untuk menangkap ikan secara kecil-kecilan di pesisiran pantai.

Maka kaola rasa kalaupun sekiranya lesen tersebut tidak lagi dikeluarkan maka kaola cadangkan supaya mereka ini akan diberi kebenaran secara permit dalam masa-masa yang tertentu untuk membolehkan mereka ini menangkap ikan untuk kegunaan mereka sendiri pada waktu-waktu musim teduh.

Menyentuh mengenai perikanan ini, bahawa pada sesi mesyuarat yang lepas kaola telah mengajukan cadangan untuk mengadakan tempat penurunan perahu di Pekan Kuala Belait. Sehingga pada masa ini penurunan perahu tersebut belum lagi terlaksana. Kaola juga ingin mengutarakan bahawa terdapat dua tempat penurunan perahu yang telah dibina oleh sebuah agensi kerajaan iaitu Jabatan Kerja Raya bertempat di terusan yang menghubungkan lagun Masjid Perancangan Perumahan Negara Kampung Pandan menuju ke Sungai Belait. Kaola dengan rasa rendah hati memohon kepada pihak kementerian ataupun Jabatan Perikanan supaya akan dapat berunding dengan Jabatan Kerja Raya untuk membolehkan rakyat dan penduduk yang mempunyai perahu menggunakan tempat yang kaola sebutkan di atas tadi. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang telah dapat menerangkan mukadimah dan memberikan penekanan kepada 4 teras utama.

Dalam hubungan ini, kaola dengan sepenuhnya menyokong peruntukan Jabatan Kemajuan Pelancongan sebanyak $2,025,200.000.00 yang Peruntukan Khas sebanyak lebih kurang $650,000.000.00 Dalam hubungan ini kaola ingin bertanya apakah usaha dan rancangan yang akan dibuat oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk mempromosikan negara ini kepada negara-negara luar, khususnya Tahun Melawat Negara Brunei Darussalam yang pernah diadakan beberapa tahun yang lalu. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang mesyuarat di peringkat Jawatankuasa ini saya ditangguhkan dan kita akan bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula di Majlis Mesyuarat. Saya mengambil kesempatan ini untuk menangguhkan Mesyuarat kita ini dan kita akan menyambungnya semula إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada pukul 2.30 petang ini nanti.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula dan kita masih lagi membahaskan mengenai Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula sebagai Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Kita masih lagi membincangkan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi seramai 9 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan mengenai belanjawan khusus kementerian tersebut.

Walau bagaimanapun sebelum perkara ini kita laksanakan sebagaimana menurut peraturan kita, maka saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memberikan respons ataupun reaksinya terhadap pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan sebelum ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengajukan soalan-soalan yang berkaitan dengan belanjawan kementerian abis kaola. Soalan pertama yang kaola ingin jawab ialah soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi, berkenaan dengan 4 teras yang kaola bentangkan pada hari Sabtu yang lalu dan selanjutnya mengenai fokus aktiviti yang akan dilaksanakan.

Memang kaola telah menyatakan beberapa nilai keluaran yang akan dirancang ataupun disasarkan menjelang 2020 dalam pelbagai sektor iaitu dari penternakan ayam, daging, sayur-sayuran, industri makanan, agrimakanan, perikanan, perhutanan dan juga perlancongan. Seperti juga yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi nilainya dari $800 ke $1 bilion. Ini penting bagi abis kaola kerana *target* abis kaola ialah untuk memberi sumbangan yang besar kepada peningkatan KDNK.

Soalannya, bagaimanakah akan dicapai sasaran keluaran yang sebegini besar memandangkan peruntukan cuma $57

juta? Bolehkah membiayai perancangan-perancangan yang dinyatakan sebelum ini? Kebanyakan *target* ataupun sasaran yang dibuat ini bukannya bergantung pada bajet kerajaan sebagaimana yang kaola nyatakan lebih awal. Sedaya upaya kementerian akan berusaha untuk tidak bergantung pada perbelanjaan kerajaan bagi melaksanakan sasaran-sasaran yang telah ditetapkan.

Kebanyakannya melalui tawaran pelaksanaan kepada pihak-pihak swasta termasuk juga pihak *GLCs* (*Government Link Companies)* untuk melabur dan juga kepada pihak persendirian dan selanjutnya juga kepada pihak pelabur-pelabur asing. Ini bukan sasaran yang kosong, sebagai contoh, dalam sektor perikanan apabila kaola menyatakan *target* sebanyak $200 juta ke $300 juta sedangkan masa ini kementerian telah menerima dan telah di*approach* oleh pelabur asing dan abis kaola bersama *BEDB* dan Jawatankuasa *FDI* juga sedang meneliti 2 buah syarikat perikanan daripada sebuah negara besar untuk membuat pelaburan sebanyak $30 juta bagi perusahaan penternakan ikan pompano dalam sangkar di luar pantai. Ikan pompano ini diproses menjadi *fillet* dan akan dijual ke luar negara. Nilai yang dikira oleh pelabur ialah nilai jualan apabila terlaksana nanti dalam 2 tahun ke 3 tahun. Nilai jualan setahun adalah sekitar $200 juta. Inilah yahng dijadikan sasaran kementerian ketika ini untuk dicapai antara 2016-2020.

Barang ini sudah ada dan ketika ini kementerian sedang menyediakan sekitar 18 ribu hektar kawasan luar pantai untuk ditawarkan kepada pelabur asing dan seperti dinyatakan tadi 2 ribu hektar akan diambil oleh pelabur asing ini. Ada lagi 16 ribu hektar. Kalau kita kira dalam 2 ribu hektar ini boleh mengeluarkan hasil tahunan sebanyak $200 juta, kalau kesemua 18 ribu hektar ini akan diusahakan bererti $1.8 bilion. Walau bagaimanapun kementerian tidak akan membuat target $1.8 bilion cuma $200 juta sahaja secara *conservative*.

Ada lagi tempat-tempat lain yang akan ditawarkan kepada pelabur-pelabur tempatan, pihak *GLC's* dan juga pelabur-pelabur asing, seperti kawasan pertanian untuk v*egetable production* di Kampung Tungku iaitu sebanyak 40 hektar. Jadual tawaran *RAP* akan dikeluarkan bulan Mac ini. *Green house for flowers* ada 3 *green houses* di *Agrotech Park*. Tawaran sudah pun dibuat dan dikeluarkan minggu lepas. *Impact Vegetable Plus* telah pun dikeluarkan 2 hari yang lalu. Untuk Perusahaan *Dairy Goods* di *Agrotech Park* juga di Kampung Tungku ada 40 hektar, tawaran akan dibuat kepada pelabur dalam dan luar negara pada bulan Mac atau April ini. *Beef Production* Kampung Batang Mitus 80 hektar, akan ditawarkan kepada pelabur pada Mac dan April. Bagi *Poultry Production* Kampung Senabat Temburong 200 hektar akan dikeluarkan tawaran pada bulan Julai. *Beef Production* di Kampung Batang Mitus sebanyak 145 hektar kesemuanya akan ditawarkan pada bulan Ogos ini. Semuanya bukan

diusahakan oleh kerajaan tetapi akan diusahakan oleh pelabur-pelabur sama ada dalam negara ataupun *FDI*. Diharap mencukupi jawapan untuk soalan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi.

Selanjutnya kaola akan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal iaitu berkenaan dengan produk-produk pelancongan pelbagai tempat di seluruh negara. Perkara ini sudah pun kaola jawab tadi pagi. Memang banyak tawaran atau cadangan destinasi atau kawasan yang difikirkan sesuai untuk dimajukan sebagai produk pelancongan negara ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kesemuanya akan diteliti. Untuk yang tidak menggunakan peruntukan kerajaan akan ditawarkan kepada pihak swasta untuk menilai kesesuaiannya ataupun komersial *viability*nya untuk mereka melabur dan mengembangkannya sebagai destinasi pelancongan supaya lebih cepat. Ia akan dilaksanakan secara komersial dan oleh yang demikian komersial *viability* adalah lebih penting.

Mengenai aktiviti perikanan. Apakah perancangan kementerian mengenai sektor hiliran ataupun pemprosesan makanan laut dan apakah masalah-masalah atau cabaran awal di hadapi? Bercakap berkenaan dengan pemprosesan seperti keropok daripada udang dan yang lain-lainnya memang bahan mentah seperti udang untuk keropok tidak cukup yang dihasilkan oleh negara.

Oleh yang demikian kementerian telah dan akan berunding dengan pengusaha-pengusaha keropok udang dan lain-lain itu untuk mencuba mencari bahan mentah dari tempat-tempat lain bagi *making sure* mereka dapat terus mengeluarkan produk mereka seperti keropok tadi itu.

Soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf berkenaan dengan Tasek Merimbun juga kemungkinan untuk dijadikan kawasan tarikan pelancongan. Seperti yang dinyatakan tadi awal, masa ini kementerian memberi fokus kepada *primary product* iaitu produk-produk yang benar-benar sudah *established* sebagai destinasi pelancongan dan perlu dikukuhkan seperti Ulu Temburong dan Batang Duri, Bandar Seri Begawan dan Kampung Air.

Seterusnya *Emerging Product* termasuklah juga Tasek Merimbun, tetapi kalau dikira *ranking priorities* yang hampir *establish* sekarang ialah seperti pantai-pantai, taman-taman perhutanan, taman-taman rekreasi seperti di Sungai Basong dan lain-lainnya. Selepas kita memberi fokus yang sepenuhnya kepada *primary products* akan beralih kepada *Emerging Products* ini, mengikut *priority*nya, mengikut kesesuaiannya dari segi tarikan dan kemudahan untuk orang mengunjung tempat demikian memanglah dapat kita gunakan secara

PPP untuk mengembangmajukan Tasek Merimbun supaya boleh difikirkan sebagai destinasi pelancong akan digalakkan.

Walau bagaimanapun seperti mana yang diketahui Tasek Merimbun dikategorikan sebagai *heritage* oleh *ASEAN*. Jadinya perlu ada kawalan sejauh mana kita membangun Tasek Merimbun. Walau bagaimanapun, secara aktiviti mungkin masih boleh dikembangkan dengan memastikan elemen-elemen *heritage* itu dikekalkan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Kaola akan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Soalannya mengenai *CAE* dijadikan juga sebagai untuk tarikan pelancong ke Brunei. Memang salah satu daripada aktiviti ataupun pelancongan di negara ini ialah berbentuk *MICE digniting education* dan *Conference International Meeting.* Mungkin *CAE* sebenarnya adalah sudah produk pelancongan *under MICE*.

Selain itu kaola telah berunding dengan sekolah-sekolah antarabangsa di Brunei seperti *Jerudong International School* dan *Sekolah International Berakas* untuk mereka juga aktif dalam menawarkan sesi pelajaran kepada orang luar di musim-musim panas dalam bulan Julai, Ogos dan September. Respons daripada sekolah-sekolah ini sangat menggalakkan dan kaola difahamkan sekolah-sekolah ini terutamanya *(JIS)* telah pun membuat tawaran kepada pelajar-pelajar asing untuk menghadiri kelas *summer school* untuk belajar bahasa Inggeris yang potensi dari Korea dan China untuk menghadiri sesi Inggeris *course* selama 3 minggu di sini.

Kadang-kadang *students* ini akan membawa ibubapa mereka untuk *stay* di sini. Waktu pagi sesinya adalah belajar, sesi petangnya berupa aktiviti-aktiviti pelancongan. Mengenai *homestay* kampung-kampung setahu kaola tidak ada halangan untuk sesiapa sahaja meng*initiate* untuk *homestay* di kampung masing-masing dan memang digalakkan.

Walau bagaimanapun, standard perlu dikawal supaya betul-betul selesa, bersih, selamat dan ada standard yang dipakai sekarang iaitu standard yang telah diberikan oleh *ASEAN*. Negara kita memakai standard yang telah ditetapkan oleh *ASEAN*. Sebelum satu pengusaha boleh menawarkan produknya ataupun rumahnya sebagai *homestay.* Ini satu potensi besar untuk kita mengalakkan pelancongan di semua daerah negara ini.

Mengenai kayu gaharu dan kelulut. Tidak ada halangan untuk orang berusaha dalam bidang kelulut dan gaharu ini. Kementerian melalui Jabatan Perhutanan telah membuat perancangan yang bersesuaian bagi memastikan kegiatan penanaman gaharu dapat dikembangmajukan sebagai sebuah industri yang boleh menjana ekonomi juga.

Dan hal ini jabatan berkenaan juga mendukung industri hiliran gaharu sebagai contoh penghasilan minyak

wangi, daun teh, kepingan-kepingan kecil atau *chips* untuk terapi aroma dan hasil kraf tangan seperti tasbih, gelang, tikar sembahyang dan lain-lain. Pihak Jabatan Perhutanan juga akan meneliti amalan-amalan terbaik (*best practices)* dalam perusahaan gaharu dilaksanakan di negara luar yang terbukti berhasil dan dijadikan sebagai *benchmark* dalam memajukan industri huluan dan hiliran berasaskan gaharu di negara ini. Dari penilaian ini juga akan dijadikan sebagai panduan bagi meningkatkan kapasiti pengusaha-pengusaha.

Begitu juga dengan madu kelulut. Mengenai isu pengambilan madu kelulut yang melibatkan penebangan pokok-pokok yang terdapat di dalam hutan-hutan kerajaan dan kawasan perkuburan. Pemantauan dan pengawalannya merupakan tugas dan tanggungjawab yang dijalankan oleh kementerian ini melalui Jabatan Perhutanan secara berterusan. Langkah-langkah pemantauan dan pengawalan ini bukan sahaja dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan sendiri tetapi secara bersepadu dengan Jawatankuasa Penguatkuasaan Undang-Undang dan jawatankuasa teknikal lain yang berkaitan seperti Jawatankuasa Koordinasi Rondaan Senegara dan Jawatankuasa Keselamatan Salimbada.

Sebagai misalannya bagi koordinasi rondaan hutan secara bersepadu yang dijalankan di bawah Jawatankuasa Keselamatan Salimbada ia melibatkan Pasukan Polis Hutan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Tanah, Jabatan Ukur dan Jabatan Perhutanan.

Untuk makluman, Jabatan Perhutanan tidak menegah pengambilan sarang madu kelulut selagi ia mengikut peraturan yang berkuat kuasa pada masa ini. Sebagai contoh, pengambilan madu kelulut hendaklah lebih dahulu mendapat kebenaran dari Jabatan Perhutanan.

Selanjutnya kaola ingin menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai *Brunei Agro-Technology Park* yang sangat popular kepada pengunjung-pengunjung. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bukanlah seperti Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Walau bagaimanapun kawasan ini popular seperti kawasan rekreasi.

Pihak kementerian pada masa ini telah merancang untuk membuka tawaran secara terbuka melalui *request for proposal* kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang berminat mahupun pelabur asing untuk mengembangmajukan lagi taman tersebut ke tahap yang lebih produktif dan memberi pulangan yang lebih signifikan dalam masa yang terdekat ini, terutama dari segi pertanian dan agrimakanan.

Antara skop kerja bagi *RFP* ini ialah untuk mengurus dan memelihara kebersihan taman di samping memajukan dan meningkatkan lagi keluaran hasil tanaman hiasan di tapak-

tapak berkenaan ke tahap yang maksimum melalui penggunaan teknologi tinggi dan penyediaan perkhidmatan bersesuaian untuk mendapatkan pulangan yang lebih menguntungkan kepada pengusaha ataupun Pengurus *Agro-Tech Park* itu nanti.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar iaitu mengenai kajian pada tahun 2010 untuk menghentikan penggunaan pukat tunda, pengharaman pukat tunda.

Dialog sedang dibuat dengan pengusaha-pengusaha pukat tunda untuk secara halus memujuk pengusaha supaya secara sukarela menukar kaedah penangkapan ikan daripada pukat tunda kepada kaedah-kaedah lain yang lebih *sustainable* dan perundingan masih berjalan pada masa ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan jerayawara dan cara-cara lain dan memberi jalan kepada mereka untuk terus dapat aktif dalam bidang perikanan ini akan dibincangkan bersama mereka supaya mereka tidak terus terputus mata pencarian disebabkan pengharaman secara mendadak kaedah menggunakan pukat tunda ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Isu-isu lain yang jika berkaitan, akan tetapi ketika ini perbincangan sedang dibuat, kaola tidak dapat menyatakannya.

Sebelum kaola menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, kaola menjawab dulu soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin iaitu mengenai nelayan-nelayan yang tidak mampu untuk aktif secara komersial. Apakah cadangan kerajaan untuk menubuhkan pekerjaan kepada mereka ini, terutama sekali jika ada *limitation* seperti musim tengkujuh ataupun adakah perancangan menyediakan seperti kolam ataupun tangki-tangki untuk mereka mengusahakan industri bisnes perikanan ini.

Sebenarnya tidak ada. Jadi sebagai jalan lain yang difikirkan ialah dengan adanya pihak orang lain yang beroperasi secara komersial dan secara besar-besaran termasuk pihak dalam negara dan juga luar negara maksudnya *FDI*, diharap mereka akan memberi peluang kepada *local SMEs* untuk ikut serta. Ertinya pada sebelah pagi pun kaola ada menyatakan *FDI* kadang-kadang beroperasi secara besar-besaran sampai 200 hektar dan ada yang sampai 2000 hektar.

Mereka bersedia untuk menawarkan beberapa kolam dan sangkar mereka untuk dioperasikan dan dikendalikan oleh *SMEs* asal saja mereka bersedia untuk mengikut standard yang ditetapkan *FDI* ataupun pengusaha-pengusaha *entrepreneurs* tujuan untuk mengeluarkan hasil yang berkualiti.

Jadualnya adalah teratur, misalannya dari segi berapa saiz anak ikan itu akan dapat digunakan untuk dipelihara dan dibesarkan hingga keberapa saiznya

untuk dijual dan berapa makanannya yang perlu diberikan, berapa kali sehari ataupun berapa kali seminggu dan berapa *amount*nya.

Selagi *SME* ataupun siapa-siapa sahaja yang berminat untuk menyertainya mengikut peraturan dan standard yang demikian adalah tidak menjadi masalah kepada mereka untuk terlibat dalam industri ini melalui kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh pengusaha-pengusaha besar sama ada di dalam ataupun di luar negara.

Mengenai penurunan perahu. Abis kaola akan berunding dengan jabatan-jabatan tertentu untuk memastikan tempat perahu itu dapat digunakan oleh nelayan-nelayan di Daerah Belait.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim berkenaan rancangan untuk mempromosi Negara Brunei Darussalam ke luar negara. Perkara ini sudah pun disentuh tetapi secara ringkasnya kementerian tidak bercadang untuk membuat promosi besar-besaran seperti ke London atau Moscow, Amerika Syarikat ataupun ke China memandangkan keadaan fiskal kita yang pada masa ini yang agak mencabar.

Bagaimanapun peruntukan telah disediakan kira-kira berjumlah $200 ribu. Kita akan menggunakan kaedah *ICT*, website, *SMS* apabila pelancong datang atau pun ada pelawat datang melalui lapangan terbang kita, apabila mereka membuka telefon bimbit mereka akan mengeluarkan *SMS* dengan kerjasama *DST* dan Progresif yang akan mengiklankan tempat-tempat menarik di Negara Brunei Darussalam untuk mereka lawati dan ejen-ejen yang perlu ataupun patut dihubungi untuk mereka dapat informasi yang selanjutnya berkenaan dengan bagaimana untuk mereka sampai ke tempat tersebut.

Kaola akan menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad iaitu apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk pembaikan yang mencukupi bagi mengembangmajukan lagi *eco-tourism* negara ini khususnya Taman Negara Ulu Temburong yang telah mengharumkan negara?

Lebih dahulu terima kasih atas soalan demikian. Taman negara ini dipanggil Taman Negara Ulu Temburong. Mengenai soalan yang diajukan berkenaan *track* dari *canopy walkway* menuju ke Air Terjun Sungai Apan dan Jambatan Gantung, kedua-dua kemudahan ini telah pun dilupuskan dan tidak lagi digunakan sejak 2004. Pelupusan dibuat kerana laluan dan Jambatan Gantung tersebut sering mengalami kerosakan akibat ketumbangan pokok, hakisan tanah dan tanah runtuh. Walaupun usaha-usaha pembaikan telah pun dibuat beberapa kali.

Oleh yang demikian, langkah-langkah pembinaan semula ke atas tempat ini tidak lagi dilaksanakan memandangkan ia tidak berbaloi dan tidak lagi menjadi

zon laluan bagi pengunjung-pengunjung di Taman Negara Ulu Temburong.

Mengenai hutan bakau dan herba. Memang ia masih terkawal dan terpelihara. Mengikut kajian pelan pengurusan yang dibuat oleh konsultan pada tahun 2015, mendapati bahawa kawasan hutan bakau di Negara Brunei Darussalam meliputi keluasan 18 ribu hektar.

Cuma 16 ribu hektar di bawah Jabatan Perhutanan, manakala selebihnya hutan tanah kerajaan. Hutan bakau yang di bawah kawalan Jabatan Perhutanan terletak di dalam Hutan Simpan Pulau Selirong dan Hutan Simpan Labu. Hutan Simpan Labu dikategorikan hutan pengeluaran, manakala Hutan Simpan Selirong sebagai hutan rekreasi. Sebagai langkah untuk memastikan pertumbuhan dan pemeliharaan hutan bakau, jabatan akan mengambil langkah mengawal pengambilan sumber hutan bakau dengan memberikan lesen kepada 5 pemegang permit.

Pengambilan sumber hutan bakau ini dipantau dan dikawal dengan teliti dan terarah bahawa setiap pemegang permit diberikan had kuota tahunan. Pembelian had kuota tahunan kepada pemegang permit ini, bukan saja mengambil kira aspek ekonomi, bahkan juga melibatkan aspek *sustainability* hutan bakau yang ada. Di samping itu, jabatan juga akan membenarkan pengambilan kayu bakau kepada orang persendirian yang pengambilannya adalah dipantau dan dikawal.

Rancangan untuk mempromosi Taman Rekreasi Hutan Simpan Pulau Selirong iaitu apakah ada rancangan untuk mempromosinya?

Memang menjadi program dan perancangan Jabatan Perhutanan untuk membukakan Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong ini sebagai salah satu destinasi ekopelancongan. Selain itu, taman ini juga dipromosi sebagai tempat pelajaran dan penyelidikan bagi institusi-institusi luar dan dalam negara. Program dan perancangan ini juga dilaratkan kepada taman-taman rekreasi hutan dan taman negara di seluruh negara.

Soalan menambah prasarana di Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong, Jabatan Perhutanan telah membuat kajian kemungkinan bagi mengetahui kesesuaian pembinaan prasarana seperti tempat penginapan pelancong di Taman Selirong ini.

Daripada kajian menunjukkan bahawa taman ini tidak sesuai dibangunkan prasarana seperti tempat penginapan oleh sebab faktor-faktor seperti ketiadaan kemudahan air bersih, bekalan elektrik dan aspek keselamatan pelancong.

Soalan, apakah sudah ada dilaksanakan kajian oleh pakar-pakar botani yang berkaitan termasuk juga mahasiswa dan para pelajar pengajian tinggi.

Mengenai perusahaan yang berkaitan dengan kajian potensi tumbuh-tumbuhan herba, Jabatan Perhutanan

tidak membuat kajian mengenai potensi herba tempatan untuk dikomersialkan sebagai ubat-ubat herba kerana aktiviti kajian yang berkaitan dengan biodiversiti termasuk tumbuh-tumbuhan herba merupakan bidang tugas Pusat Penyelidikan dan Inovasi Biodiversiti di bawah kementerian ini. Untuk peringkat awal ini, kerja-kerja yang sedang dijalankan oleh pusat ini yang difokuskan kepada menjalankan aktiviti pengumpulan maklumat mengenai tumbuh-tumbuhan herba bagi memperkayakan pangkalan data *(database)* khusus berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan herba ini.

Soalan mengenai udang galah. Jabatan Perikanan mempunyai sebuah pusat penetasan di Kampung Meragang yang masih beroperasi. Objektif utama untuk membekalkan baka indung udang yang berkualiti dan terjamin daripada jangkitan penyakit yang spesifik dan mengatasi masalah kekurangan benih-benih ikan dan udang. Jabatan Perikanan mula melaksanakan program penghasilan benih ikan dan udang yang berdaya tahan dan berkualiti dengan melibatkan pihak swasta.

Pada masa ini terdapat sebuah syarikat berkeupayaan menghasilkan benih udang rostries iaitu *Syarikat Semaun Marin Resourses Sendirian Berhad* dan sebuah syarikat menghasilkan benih ikan selungsung iaitu Syarikat Adila Sendirian Berhad yang mampu memenuhi permintaan industri aquakultur di dalam negara.

Terdapat dua buah syarikat lagi telah ditawarkan tapak untuk mengusahakan pusat penetasan bagi spesis ikan yang lain seperti *golden pompano* dan kerapu.

Pada masa ini, penetasan udang galah telah ditempatkan di Pusat Penghasilan Induk Serasa dan di Pusat Aquakultur Air Tawar yang bertanggungjawab dalam menghasilkan bekalan benih udang galah untuk membekalkan kepada pengusaha kolam di Daerah Temburong dan di Daerah Belait serta melaksanakan aktiviti pelepasan benih ke perairan Brunei.

Pada masa ini, Jabatan Perikanan sedang dalam proses menubuhkan strategik *alliance* dengan sebuah syarikat yang menternak udang galah terletak di kampung Rampayoh Ulu Belait, iaitu Syarikat Usaha Tani Deli Duman demi memastikan bekalan benih udang galah yang berterusan tanpa bergantung pada pihak kerajaan dan sekali gus dapat membekalkan ke ladang-ladang udang galah yang memerlukannya nanti.

Soalan selanjutnya ialah berkenaan dengan Jabatan Perikanan. Seperti yang dijelaskan tadi, Jabatan Perikanan telah pun menjadualkan latihan penempatan kepada seorang pengusaha udang galah di Daerah Belait iaitu Syarikat Usaha Tani Deli Duman. Dalam penghasilan bekalan benih udang galah secara komersial di Pusat Penghasilan ikan induk Serasa pada bulan Mac 2016. إِنْ شَاءَ اللَّهُ inisiatif serupa ini akan dilaratkan

kepada pengusaha-pengusaha Daerah Temburong bagi melengkapkan pengusaha dalam pembinaan dan dalam mengoperasikan fasiliti penetasan udang galah di daerah masing-masing.

Untuk makluman sehingga kini, lebih 500 ribu anak udang galah yang dihasilkan oleh Pusat Penghasilan Induk Serasa dan Pusat Akuakultur Serasa, Air Tawar Sungai Jambu yang telah dilepaskan di Sungai Temburong. Jabatan Perikanan akan meneruskan program pelepasan anak-anak udang ini bukan hanya di sungai Daerah Temburong tetapi juga di sungai di Daerah Tutong dari semasa ke semasa.

Soalan mengenai pertanian. Kajian perlu dibuat oleh kementerian apakah kaedah terbaik bagi memudahkan pengairan di kawasan padi iaitu perkara yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha ladang di Daerah Temburong.

Kawasan tanaman padi di Lekiun, Perdayan dan Negalang apabila dimajukan sepenuhnya akan menjadikan kawasan ini bertambah dari kira-kira 72 hektar yang aktif diusahakan pada masa ini kepada kira-kira 200 hektar. Pertambahan kawasan ini akan memerlukan kawasan tadahan air hujan yang mencukupi bagi membekalkan pengairan kira-kira 200,000 meter padu sehari.

Oleh itu, cadangan untuk membuat empangan di Sungai Lekiun memerlukan kajian dan penelitian terperinci kerana ia memerlukan kawasan tadahan air yang berkeluasan kira-kira 85 hektar. Tambahan pula kawasan tadahan ini akan melibatkan kawasan Hutan Simpan Batu Apoi dan juga melibatkan kawasan terkawal di bawah kawasan Nadi Borneo. Di samping itu, pembinaan empangan akan melibatkan isu sosial ekonomi dan alam sekitar di kawasan-kawasan berkenaan.

Soalan yang selanjutnya ialah, adakah rancangan pihak kementerian untuk membuka tapak-tapak baharu khusus untuk ternakan di samping menyediakan skim bantuan subsidi khusus untuk benih dan makanan ternakan?

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengenal pasti tapak yang berpotensi digunakan bagi aktiviti-aktiviti penternakan. Walau bagaimanapun, tapak tersebut dikhususkan bagi aktiviti ternakan berskala besar. Tapak yang dimaksudkan ialah di kawasan Kemajuan Pertanian Semabat yang mempunyai keluasan 200 hektar. Aktiviti yang dikhususkan ialah pemeliharaan ayam pedaging reban tertutup secara integrasi yang merangkumi dari pemeliharaan ayam, pembiakan, penetasan, ayam pedaging dan penyembelihan.

Manakala bagi subsidi benih dan makanan ternakan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tidak akan memasukkan perkara tersebut dalam senarai subsidi kerajaan. Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah membuat simulasi kewangan terhadap

aktiviti ternakan seperti penternakan ayam pedaging dan mendapati tanpa harga subsidi bagi benih dan makanan ternakan tersebut, pihak syarikat masih boleh memberikan keuntungan yang positif terhadap perusahaan yang dijalankan.

Selanjutnya ialah berkenaan pelancongan yang diajukan juga oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, bagi cadangan membuka cawangan Jabatan Kemajuan Pelancongan di Daerah Temburong. Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengadakan perundingan bersama pihak Jabatan Daerah Temburong untuk membuka cawangannya di Daerah Temburong dalam masa yang terdekat.

Dalam pada itu, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga telah mengaturkan beberapa orang pegawai untuk ditugaskan secara tetap bagi membantu perancangan perkembangan dan kemajuan pelancongan di Daerah Temburong. Antara tugas dan tanggungjawab pegawai ini ialah untuk memastikan produk-produk pelancongan yang terdapat di Daerah Temburong mematuhi kehendak, keperluan dan peraturan semasa. Pegawai-pegawai ini juga bekerjasama dengan *stakeholders* yang berkait rapat dengan industri pelancongan meliputi agensi kerajaan yang lain, ejen pelancongan, perhotelan, pengendali pengangkutan dan masyarakat setempat.

Pada masa ini tumpuan utama Jabatan Kemajuan Pelancongan ialah mengukuhkan produk pelancongan yang sedia ada di Batang Duri dan Ulu Temburong yang menawarkan keunikan alam semula jadi dan sumber biodiversiti seperti mempunyai tarikan pelancongan yang tersendiri khususnya bagi yang menggemari *adventure tourism*.

Sebagai tambahan kepada soalan tadi, apakah usaha Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk memastikan operator pelancongan mengambil kira konsep Melayu Islam Beraja (MIB) di negara ini?

Jabatan Kemajuan Pelancongan sedang membuat inisiatif untuk bekerjasama dengan institusi pendidikan sama ada kerajaan ataupun swasta untuk menawarkan *short training* bagi Pemandu Pelancong (*Tour Guides*) supaya mereka memahami sejarah tempat-tempat yang selalu dilawati oleh pelancong dan juga apa-apa perkara yang berkaitan dengan Melayu Islam Beraja (MIB) untuk mereka fahami sebelum mereka diiktiraf sebagai Pemandu Pelancong (*Tour Guides*), dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan diusahakan sedikit masa lagi.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola jawab soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

yang telah menjelaskan secara terperinci pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berpendapat bahawa adalah sesuai sekarang bagi Tajuk-Tajuk di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini kita undi untuk menentukan sama ada ia diluluskan atau sebaliknya.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk meluluskan Tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang menentang? Tidak ada, maka Tajuk SH01A hingga SH06A - Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan diluluskan sebulat suara.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SH01A hingga SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita mula membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maka dengan itu seperti lazimnya, saya memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan ucapan pendahuluannya mengenai Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sudah lama diam-diam, tidak kedengaran suaranya. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ



اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih kerana memberikan kaola laluan untuk menyampaikan mukadimah mengenai Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2016/2017.

اَلْحَمْدُ لله peruntukan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2016/2017, disokong sebanyak $249,737,970.00 iaitu berkurangan sebanyak $11,452,530.00 (4.4%) daripada peruntukan Tahun Kewangan tahun lepas. Sebahagian besarnya iaitu sebanyak $208,827,560.00 ialah Gaji Kakitangan; selebihnya sebanyak $38,760,410.00 adalah bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang; sementara Perbelanjaan Khas disokong sebanyak $2,150,000.00 sahaja.

Dengan peruntukan sejumlah itu, Yang Berhormat Pengerusi, إِنْ شَاءَ اللَّهُ kementerian akan sedaya upaya mengoptimumkannya untuk menjayakan 5 program fungsi utama kementerian yang ditetapkan iaitu:-

1. Memastikan pengurusan dan pentadbiran secara keseluruhannya beroperasi dengan cekap dan berkesan;

2. Memastikan penyebaran dakwah dan syiar Islam yang berkesan untuk memperkasakan budaya dan amalan penghayatan beragama sebagai cara hidup yang lengkap;

3. Menggerak serta menyelaraskan persiapan pelaksanaan penuh Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah 2013 dengan semua agensi berkenaan semata-mata kerana Allah sambil meningkatkan pengetahuan dan kesedaran awam mengenai kedudukannya sebagai sebahagian daripada undang-undang negara;

4. Memastikan keberkesanan per-sekolahan dan pendidikan ugama serta persekolahan Arab, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dalam usaha melahirkan generasi yang berilmu dan beriman bagi mendukung dan mengekalkan ciri-ciri sosial dan politik negara Melayu Islam, berpemerintahan Beraja yang berkebajikan; dan

5. Memperkasa Sijil dan Label Halal Majlis Ugama Islam Brunei dalam mengawal dan memastikan kehalalan serta kesucian permakanan dan barang gunaan yang dipasarkan dalam negeri serta mempromosikannya ke peringkat antarabangsa sebagai mendukung produk halal negara ke pasaran luar negeri.

   Pecahan peruntukan masing-masing 5 fungsi utama itu disokong peruntukkannya seperti berikut:-

   i. Pengurusan dan Pentadbiran sebanyak $25,840,270.00;

   ii. Penyebaran Da'wah dan Syi'ar Islam sebanyak $26,370,470.00;

   iii. Perundangan Islam sebanyak $7,413,900.00;

   iv. Pendidikan Islam sebanyak $182,872,280.00; dan

   v. Keselamatan Sosial sebanyak $5,091,050.00.

Butir-butir selengkapnya ialah sebagaimana dalam kertas No. 2, 2016 Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2016/2017, Lampiran 1.8, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Izinkan kaola menyebutkan sebahagian sahaja daripadanya untuk pengetahuan Dewan ini dan juga untuk pengetahuan awam. Dalam bidang Pengurusan

dan Pentabiran, peruntukan bagi Perbelanjaan Khas sejumlah $2.15 juta itu adalah untuk melaksanakan 3 projek pengambilan semula.

Sebanyak $600,000.00 disokong untuk Menaik taraf Bangunan-Bangunan dan Kawasan-Kawasan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dan sebanyak $550,000.00 lagi untuk Pemeliharaan dan Menaik Taraf Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi. Seterusnya untuk Pembelian Peralatan Sekolah-Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi disokong sebanyak $1 juta.

Sementara bagi Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang untuk Pengurusan, Dasar dan Pentadbiran, disokong sebanyak $13,083,370.00. Untuk Pengurusan Haji sebanyak $2,987,656.00, untuk Pengurusan Aset sebanyak $7,254,717.00, untuk Pengurusan Sistem Teknologi Maklumat sebanyak $1,116,878.00 dan Pengurusan Hal Ehwal Ugama Daerah-Daerah sebanyak $1,397,649.00.

Dalam bidang Penyebaran Da'wah dan Syi'ar Islam, peruntukan bagi Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang untuk Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam diperuntukkan sebanyak $1,686,740.00. Untuk Pentakmiran Masjid sebanyak $15,460,210.00 dan untuk Penyebaran Da'wah sebanyak $9,223,520.00.

Dalam bidang Perundangan Islam pula Peruntukan Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang untuk Majlis Ugama Islam Brunei iaitu sebanyak $1,134,431.00, untuk Perundangan Islam sebanyak $1,181,741,00 dan untuk Pendakwaan sebanyak $1,069,448.00 dan untuk Penguatkuasaan sebanyak $4,028,280.00.

Dalam bidang Keselamatan Sosial Peruntukan Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang untuk Permakanan dan Barangan Halal sebanyak $2,468,363.00. Untuk Gaji Kakitangan sahaja Khidmat Nasihat Keluarga sebanyak $990,797.00 dan Gaji Kakitangan sahaja bagi Kutipan dan Agihan Zakat sebanyak $1,631,890.00.

Sementara itu dalam bidang Pendidikan Islam. Peruntukan Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang untuk KUPU-SB sebanyak $9,882,150.00. Untuk Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah sebanyak $7,148,248.00. Untuk Pengajian Menengah sebanyak $72,058,182.00 dan Pengajian Rendah sebanyak $93,783,700.00.

Dalam hubungan ini, kaola menjangkakan sambutan yang baik daripada pihak yang berkepentingan terutama sekali pelajar-pelajar dan ibu bapa dan juga pegawai-pegawai yang layak dan ingin melanjutkan pengajiannya. Tentu mereka itu akan mengalu-alukan apa yang diumumkan oleh rakan sejawatan kaola di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) bahawa Kementerian Hal

Ehwal Ugama diperuntukkan $3.5 juta bagi keseluruhannya biasiswa.

Yang Berhormat Pengerusi, keseluruhan peruntukan itu mengalami pengurangan jumlah keseluruhan Pebelanjaan yang diperuntukkan Tahun Kewangan 2015/2016 sebagaimana yang dinyatakan tadi sebanyak 4.4 peratus, yang antaranya mengambil kira perkara berikut:-

i. Gaji Kakitangan, pengurangan bersih 25 jawatan dan pembekuan 151 jawatan kosong daripada keseluruhan 358 jawatan kosong (sehingga bulan September 2015) yang melibatkan pengurangan peruntukan sebanyak $1,168,650.00 Jawatan-jawatan kosong yang dibekukan adalah 23 jawatan dalam bidang Pengurusan dan Pentabiran, 68 jawatan dalam bidang Penyebaran Da'wah dan Syi'ar Islam 20 jawatan dalam bidang Perundangan Islam, 1 jawatan dalam bidang Keselamatan Sosial dan 41 jawatan dalam bidang Pendidikan Islam. Jawatan kosong selebihnya sebanyak 207 jawatan diberikan peruntukan gaji 6 bulan sahaja mengambil kira proses pengiklanan, temu duga dan pelantikan.

ii. Perbelanjaan Berulang-Ulang berkurangan antaranya adalah dengan mengambil perkiraan sebenar gaji Pekerja Open Vote dan Pekerja Gaji Hari yang jumlahnya pada masa ini ada seramai 747 orang, 372 orang adalah *open vote* dan 375 orang adalah bergaji hari.

iii. Perbelanjaan Khas berkurangan dengan mengambil kira antaranya ialah keutamaan belanjawan yang mendukung projek-projek yang selaras dengan fokus perbelanjaan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kementerian Hal Ehwal Ugama setentunya akan berusaha menyempurnakan kelima-lima fungsi utamanya sedaya upaya إِنْ شَاءَ اللَّهُ wa biiznillah dengan mengoptimumkan peruntukan belanjawan yang disokong.

Kaola, mengalu-alukan sumbangan buah fikiran berupa saranan dan bahkan juga kalau perlu ada teguran-teguran yang membina daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik mengenai belanjawan yang disokong ini.

Dalam kesempatan ini sukacita pula kaola membentangkan dengan ringkas sasaran yang ditetapkan oleh kementerian sebagai Petunjuk Prestasi Utama *(KPI)* bagi Tahun Kewangan 2016/2017.

Bagi bidang pendidikan Islam, kementerian menetapkan sasaran seperti berikut:-

i. Seorang graduan baharu Ijazah Doktor Falsafah;

ii. 27 orang graduan baharu Ijazah Sarjana Perguruan;

iii. peratus calon lulus Sijil Tinggi Pelajaran Ugama (STPUB) sebanyak 96 peratus, pada tahun lepas adalah seramai 152 orang calon lulus;

iv. Sementara peratus calon lulus Sijil Pelajaran Ugama (SPUB) sebanyak 61 peratus. Pada tahun lepas seramai 205 orang calon telah lulus;

v. Peratus lulus calon Sijil Sekolah Rendah Ugama disasarkan sebanyak 95 peratus. Pada tahun lepas ada seramai 4,785 orang;

vi. Jumlah terkumpul huffaz al-Quran 30 juz yang sudah dipunyai oleh Brunei setakat ini, disasarkan meningkat kepada 39 orang Tahun Kewangan ini, sebagai tambahan seramai 3 orang إِنْ شَاءَ اللَّهُ;

vii. Sementara peratus yang lulus mengikuti PSR (Sijil Penilaian Sekolah Rendah), kerana Sekolah Arab juga mengikuti pendidikan umum iaitu mata-mata pelajaran umum, sasaran kementerian Yang Berhormat Pengerusi ialah sebanyak 97 peratus;

viii. Peratus calon yang lulus mengikuti peperiksaan *"O" Level* dengan mendapat 5 "O" ke atas sebanyak 35 peratus disasarkan, walaupun rendah di bawah 50 peratus. Kaola ingin menyatakan bahawa pencapaian Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan pencapaian Institut Tahfiz Al-Quran dalam peperiksaan *"O" Level* ini sangat membanggakan dari jumlah sekolah-sekolah menengah yang mengambil peperiksaan tersebut. Institut Tahfiz Al-Quran mendapat kedudukan yang ketiga dalam *ranking* ke 36 sekolah-sekolah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang ke-8 dalam *ranking* tersebut; dan

ix. Peratus yang lulus mengikuti peperiksaan *'A' Level* pula dengan mendapat 3 *'A' Level* ke atas, disasarkan sebanyak 65 peratus إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Sementara bagi Hal Ehwal Masjid, kehadiran jemaah mengikut qaryah masjid disasarkan meningkat 6 peratus. Pada tahun 2014/2015 seramai lebih 20,435 orang peningkatannya.

Dalam bidang syi'ar Islam khasnya pengembangan ugama, sasaran yang ditetapkan bagi pendaftaran saudara baharu ialah seramai 500 orang, iaitu sama seperti sasaran dalam tahun lepas juga, namun angkanya yang sebenar bagi tahun 2014/2015 lebih daripada 500 iaitu seramai 585 orang.

Bagi bidang perundangan Islam, jumlah kes baharu Jenayah Syar'iyah disasarkan menurun sebanyak 3 peratus kepada 247 kes berbanding 255 kes pada tahun 2014/2015.

Sementara pengeluaran Sijil dan Label Halal yang baharu dan pembaharuan bagi restoran disasarkan 300 bukan 500 sijil sebagaimana yang dicatatkan. Sementara bagi produk disasarkan sebanyak 80 sijil. Pengeluaran ini

ataupun sasaran ini mungkin akan berubah.

Pertama sekali, apabila dengan mengambil kira bahawa pada 2 tahun yang terakhir, pengeluaran sijil-sijil bagi restoran-restoran dan premis-premis yang membuat makanan dalam jumlah yang banyak dan tempoh masa bagi mereka untuk membaharui ialah selama tiga tahun, maka dijangkakan dalam tahun ini dan tahun hadapan ataupun awal tahun hadapan akan berkurangan untuk pembaharuan dan cuma akan ada misalannya ialah permohonan-permohonan yang baharu.

Dalam hubungan ini, kaola ingin mengambil kesempatan menyatakan bahawa langkah-langkah telah diambil untuk menjadikan Perintah Sijil dan Label Halal 2005 itu untuk dipinda menjadikannya sebagai suatu perintah yang wajib diikuti oleh pengusaha-pengusaha. Pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi, perintah itu adalah tidak mandatori (secara *volunteer*), ia cuma menjadi wajib kerana besukut kepada lesen perniagaan (di bawah kuasa Pegawai Melesen) yang di bawah undang-undang diberikan autoriti untuk mengenakan syarat-syarat, maka di bawah syarat itu perintah tersebut ataupun menghendaki peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha yang berkenaan dalam bidang makanan dan minuman untuk mengambil sijil tersebut.

Oleh sebab lesen sudah tidak lagi dikehendaki bagi bisnes sedemikian, maka perintah itu perlu dipinda menjadikannya ia wajib dengan mengambil kira untuk meluaskannya sehingga meliputi bukan sahaja makanan dan minuman bahkan juga termasuk kepada barang-barang gunaan, ubat-ubatan, farmaseutikal dan kosmetik, langkah-langkah sedemikian itu sedang diambil.

Dalam bidang zakat, sasaran zakat harta ialah peningkatan disasarkan sebanyak 6 peratus pada tahun lepas kutipan zakat harta melebihi $16 juta, iaitu $16.38 juta.

Yang Berhormat Pengerusi kaola memohon untuk melanjutkan mukadimah ini dengan membuat kenyataan bahawa seperti juga pada tahun lepas, tahun ini hasil kerajaan dijangkakan lebih jauh berkurangan yang mewajarkan kerajaan untuk mengambil langkah yang bijaksana dalam menyokong belanjawan yang berhemat dan berjimat.

Dalam hubungan ini, kaola ingin menyatakan bahawa sekalian kita, rakyat dan kerajaan adalah wajib menginsafinya sebagai cabaran yang mesti dihadapi dengan tabah sabar, tidak hilang punca, tidak hilang pegangan, tidak gelabah. Gelabah itu kalau dirujuk pada kamus Nunsantara, muka surat 779, bermakna sedih, susah hati dan resah gelisah.

Dalam hal ini, mari kita renungkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam ayat 155, 156 dan 157, Suratul Baqarah:-

وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَيْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِ ۗ وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Tafsirnya: "Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan - kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu - Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar."

Ayat seterusnya Ayat 156, Siapa dia mereka orang yang sabar itu Allah menyebutkannya:-

ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌ قَالُوٓا۟ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Tafsirnya: "Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah mereka berkata, sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jualah kami kembali."

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ iaitu mereka orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah mereka berkata إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jualah kami kembali. Bukan dalam konteks yang biasa kita gunakan tetapi dalam konteks yang luas.

Ayat seterusnya menyatakan siapa dan apa faedah-faedah yang akan mereka terima dengan bersabar dan dengan berserah kepada Allah, bertawakal dan berusaha:-

أُو۟لَٰٓئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَٰتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

Tafsirnya: "Mereka itulah orang yang mendapat keampunan daripada Tuhan mereka dan mendapat rahmat-Nya dan mereka itulah orang-orang yang mendapat hidayah."

Yang Berhormat Pengerusi. Sesungguhnya dalam keadaan negara mengalami kekurangan hasil pendapatan, kita diberikan kesempatan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk meraih apa yang disebut oleh Allah صَلَوَٰتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ iaitu berbagai-bagai kebaikan daripada Allah dan rahmat-Nya dengan tetap sabar, tabah, tidak gelabah, tidak hilang punca dan tidak hilang pegangan bahkan insaf bahawa kita hamba-Nya dan milik-Nya awal akhir kita adalah daripada-Nya dan kepada-Nya.

Tidak gelabah itu ialah tidak resah gelisah, tidak tentu rasa terutama sekali setelah mengikuti tulisan-tulisan dalam media serantau mahupun media antarabangsa yang menganalisis ekonomi dan kewangan kita sebegitu muram. Seolah-olah kalau mengikut analisis mereka itu kitani akan terpunduk (jatuh) jika tidak segera mengambil langkah-langkah yang bersesuaian terutama sekali mengadakan *reform*. Kita sebenarnya bukan *anti-reform*, kerana Brunei dalam sejarahnya daripada klasiknya kepada modennya ini, dari zaman kunonya kepada modennya ini sentiasa melalui reformasi-reformasi dan akhirnya kitani

dalam keadaan moden ini adalah sebuah negara yang dinamik, Brunei kitani bangsa yang dinamis.

Reform yang kitani lakukan ialah *reform* mengikut keperluan kitani bukan mengikut ukuran-ukuran orang kerana *reform* mengikut ukuran-ukuran orang sebagaimana juga ibarat pakaian. Kalau salah ukur, mungkin ia besar nampak gabah-gabah (longgar), mungkin ia damit (kecil) nampak ia kiting-kiting (mengibas), diangkat ke atas nampak yang di bawah, turunkan ke bawah nampak pula yang di atas tidak kecukupan. Silap memakai pakaian orang akan menghilangkan rupa kitani, asal usul kitani yang bisai (elok) menjadi sebagaimana tidak lagi tentulah mengikut sebagaimana yang dikehendaki orang.

Dalam hal inilah Yang Berhormat Pengerusi, maafkan kaola menyebutkan hal ini dalam konteks belanjawan. Mewajibkan kita tetap yakin, tidak akan dipersia-siakan oleh Allah selama mana kita terus-menerus iaitu berusaha dan berikhtiar serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Memang dalam perkiraan mengenai harta, orang menyebut ekonomi, kewangan akan ada statistik-statistik, akan ada angka-angka. Tapi rahmat dan berkat Allah lebih dari cuma statistik lebih dari cuma angka-angka Allah menjanjikan:-

إِنَّ رَبَّكَ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ بِعِبَادِهِۦ خَبِيرًۢا بَصِيرًا ﴿٣٠﴾

Tafsirnya: "Allah akan memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menentukan kadarnya."

Maka dengan bersikap bersivik itu إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dengan tabah, tidak gelabah, tidak hilang punca, tidak hilang pegangan kita akan tetap selamat dan sempurna mantap. Kerajaan kita bukannya tidak berusaha, usaha dan ikhtiar dengan bersikap positif demikian itu telah ada, sedang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan dan dalam Dewan ini dalam beberapa hari kitani bersidang, usaha-usaha itu telah pun dibentangkan oleh kerajaan dan telah pun diperkatakan dalam perbincangan bajet ini ataupun pertanyaan-pertanyaan bertulis. Terutama sekali dengan strategi mengurangkan pergantungan pada hasil minyak dan gas.

Kita mengetahui ada banyak inisiatif telah dan akan dibuat. Kaola ingin menekankan itulah berkatnya dalam keadaan yang dilihat sebagai kesempitan ini. Itulah berkatnya adanya kepimpinan pemerintahan beraja yang diterajui oleh raja yang berpegang kuat kepada agama, berkeyakinan teguh terhadap pertolongan Allah iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola yakin dengan sokongan padu rakyat sekalian, terutama sekali kita yang dalam posisi penyandang amanah

jawatan yang dipercayakan إِنْ شَاءَ اللَّهُ negara kita akan tetap mantap, aman tenteram, berkemajuan yang diredai oleh Allah, berkesejahteraan, berkat dan berkebajikan dengan limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Demikianlah Yang Berhormat Pengerusi.

Sekali lagi kaola mengucapkan ribuan terima kasih. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat atas penerangan-penerangan mengenai sasaran-sasaran kementerian Yang Berhormat dan juga atas doa abis Yang Berhormat tadi dan diharapkan kita semua akan dapat petunjuk dan hidayah-Nya jua. Sebelum perkara ini saya buka untuk dibahaskan, maka saya bercadang untuk menangguhkan dulu Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita akan balik untuk bermesyuarat dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini selama 20 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرحمةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسمِ اللهِ الرَّحمٰنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Susunan Kerja pada petang ini masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang Belanjawan. Bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 dan diteliti satu persatu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسمِ اللهِ الرَّحمٰنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Kita masih lagi membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebelum mesyuarat ini kita tangguhkan tadi untuk berehat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah membentangkan ucapan mukadimahnya berkenaan dengan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan jelas dan komprehensif.

Sebelum Jadual ini diluluskan seperti lazimnya, ia akan lebih dahulu diteliti dan dibincangkan bersama. Bersama saya di sini ada senarai Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik yang telah

memberi notis untuk turut serta dalam membahaskan berkenaan dengan belanjawan kementerian ini. Seramai 16 orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik telah membuat permintaan untuk turut serta dalam perbincangan bagi Tajuk ini. Saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلسَّلَامُ عَلَى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَى

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola mula-mula akan bercakap mengenai penyebaran dakwah yang diberi peruntukan menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama tadi sebanyak $1.8 juta bagi belanjawan negara tahun 2016. Dimaklumi bahawa mendakwah manusia untuk masuk ke dalam agama Allah bukanlah usaha yang mudah. Dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wata'ala banyak menerangkan tentang berbagai-bagai kisah para Rasul yang hendak berdakwah menyeru kaum masing-masing supaya beriman kepada Allah dan masuk ke dalam agama Allah.

Misalannya, Nabi Noh Alaihissalam telah mendakwah kaumnya selama lebih 900 tahun namun yang masuk agama Allah tidak sampai 100 orang. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah mendakwah kaum Baginda s.a.w. selama 13 tahun di Makkah namun yang masuk Islam hanyalah sebilangan kecil daripada mereka. Mereka yang enggan menerima dakwah Baginda s.a.w. itu bukan sahaja enggan malah menentang dan berkonspirasi untuk membunuh Baginda dan menghapuskan agama Islam.

Soalan kaola:-

1. Kaola ingin mengetahui statistik kemasukan orang-orang bukan Islam selama 10 tahun kebelakangan ini di Negara Brunei Darussalam untuk penilaian sama ada dakwah terhadap orang-orang bukan Islam di negara ini menghadapi kesukaran-kesukaran tertentu atau sebaliknya?; dan

2. Kaola ada terbaca dalam akhbar-akhbar malah dalam mukadimah Yang Berhormat tadi, bahawa kutipan zakat harta pada tahun-tahun kebelakangan ini semakin bertambah di Negara Brunei Darussalam. Kaola ingin mengetahui, adakah sebarang rancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mempergiatkan lagi pengutipan zakat daripada syarikat-syarikat perniagaan orang-orang Islam seperti mengadakan kempen-kempen tertentu di seluruh negara bagi maksud meningkatkan hasil kutipan zakat perniagaan?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya

persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Kaola lebih dahulu tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah yang telah disampaikan.

Perkara yang akan kaola sentuh adalah seperti berikut:-

1. Berhubung dengan pencapaian Sekolah Rendah Ugama dan hubungannya dengan institusi keluarga.

   Kaola mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam mencapai peratus calon-calon yang lulus Sijil Rendah Ugama yang mana mencapai 90 peratus ke atas pada setiap tahun. Dalam masa yang sama, kaola juga tertarik dengan satu taklimat mengenai 'Memperkasa Institusi Keluarga' yang telah disampaikan semasa Sesi Permuzakarahan yang diadakan pada awal tahun ini bersama dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

   Kaola sangat bersetuju dengan pandangan yang disampaikan dalam taklimat tersebut bahawa institusi keluarga di negara ini sedang menghadapi keretakan yang semakin membimbangkan. Walaupun kaola bersetuju dengan pandangan Kementerian Hal Ehwal bahawa gejala sosial bermula dari rumah tangga, akan tetapi kaola juga berpendapat bahawa pendidikan awal kanak-kanak semasa di sekolah agama juga sedikit sebanyak boleh memainkan peranan yang wajib dalam menentukan akhlak kanak-kanak apabila mereka remaja nanti.

   Berhubung dengan perkara ini, kaola ingin mengimbas kembali laporan media yang dikeluarkan pada tahun 2013, yang mengatakan pada setiap tahun sejumlah 1,095 orang penuntut yang gagal menamatkan pendidikan agama di sekolah-sekolah rendah.

   Dari itu, dalam kita mengawasi perkembangan mengenai masalah-masalah yang berlaku yang boleh menjadi penyebab berlakunya keruntuhan kepada institusi keluarga, maka pada pendapat kaola selain memberikan tumpuan utama kepada pencapaian penuntut dalam peperiksaan Sijil Rendah Ugama, adalah juga wajar jika tumpuan juga dibuat secara berterusan ke atas usaha-usaha untuk mengurangkan jumlah penuntut yang gagal menamatkan sekolah agama dan dijadikan satu sasaran utama dalam *KPI* Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Itu hanyalah merupakan cadangan kaola;

2. Pelaksanaan Perintah Sekolah Ugama Wajib 2012. Perintah Sekolah Ugama Wajib 2012 telah diluluskan dan dilaksanakan pada tahun 2012. Berhubung dengan perkara ini, kaola ingin bertanya, bagaimanakah Kementerian Hal Ehwal Ugama melaksanakan perintah ini dengan berkesannya. Sejak dilaksanakan, berapakah jumlah penuntut yang didapati tidak hadir ke sekolah agama pada setiap hari atau pada setiap minggu atau pada setiap bulan seperti yang telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan?;

3. Berhubung dengan perancangan untuk meningkatkan jemaah masjid atau jumlah mereka yang bersembahyang berjemaah di masjid-masjid. Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menjadikan kehadiran jemaah di masjid-masjid sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama *(KPI)* kementerian bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama telah membuat sasaran supaya peningkatan tahunan kehadiran jemaah mengikut qariyah masjid akan meningkat sebanyak 3 peratus pada setiap tahun. Dari taklimat yang disampaikan semasa sesi muzakarah dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, ke arah meningkatkan jumlah jemaah yang datang berjemaah di masjid-masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dikatakan akan mengambil salah satu strategi iaitu dengan berkerjasama dengan Jabatan Pengajian Islam supaya melibatkan murid-murid sekolah agama yang berhampiran masjid untuk hadir bersembahyang berjemaah di masjid.

   Kaola menyokong sepenuhnya cadangan tersebut kerana kaola berpendapat usaha untuk menjadikan orang ramai rajin bersembahyang berjemaah di masjid ianya hendaklah dibudayakan sejak dari kecil semasa dibangku sekolah. Walau bagaimanapun, dari taklimat tersebut kaola tidak ternampak adanya kesinambungan dalam perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama berhubung dengan perkara ini.

   Sebagai misalan, dalam perancangan yang dikongsikan tidak terdapat sebarang perancangan untuk menempatkan pembinaan masjid-masjid baharu berhampiran dengan sekolah-sekolah agama atau sebaliknya.

   Pada pandangan kaola, strategi ini adalah penting supaya tidak berlaku satu ketika nanti kita terpaksa menggunakan perkhidmatan bas untuk membawa murid-murid sekolah agama untuk pergi bersembahyang berjemaah di masjid-masjid; dan

4. Mengenai pengeluaran Sijil dan Label Halal. Berhubung dengan pengeluaran Sijil dan Label Halal

nampaknya apa yang menjadi tumpuan utama kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah jumlah sijil dan label Halal yang akan dikeluarkan kepada restoran dan barang-barang makanan pada setiap tahun. Kaola ingin tahu apakah TPOR yang digunakan oleh kementerian dalam mengeluarkan sijil dan label Halal ini. Adakah jangka masa atau TPOR yang digunakan dalam mengeluarkan sijil dan label Halal ini juga selari dengan hasrat negara untuk memperbaiki kedudukannya dalam *Ease of Doing Business.* Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas penerangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Kaola dalam sama-sama ikut serta membincangkan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Yang Berhormat Pengerusi apa yang akan kaola bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini ialah tambang menunaikan fardu haji. Mengikut apa yang kaola difahamkan bahawa ada sebahagian mereka yang berhak mendapatkan tambang menunaikan fardu Haji sudahpun menunaikan fardu Haji dengan perbelanjaan sendiri.

Yang Berhormat Pengerusi, sehubungan dengan ini, juga, ada suara-suara dari mereka yang telah menunaikan fardu haji dengan perbelanjaan mereka sendiri berharap supaya hak Tambang Haji mereka akan dapat digunakan untuk mengerjakan umrah, kerana kaola juga difahamkan bahawa keutamaan untuk menunaikan fardu haji hanya bagi mereka yang belum menunaikan fardu haji.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola sesungguhnya berharap bahawa apa yang mereka pohonkan ini akan mendapat kejayaan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلٰى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدٰى

Yang Berhormat Pengerusi, saya ada 2 soalan dan satu saranan:-

1. Usaha ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 ialah untuk melahirkan generasi berpendidikan tinggi. Penumpuan kepada pendidikan sekolah rendah yang telah

menampakkan hasil keputusan yang ketara meningkat dikebanyakan sekolah rendah kerajaan.

Antara analisis keputusan adalah peratus yang agak menurun bagi sekolah-sekolah persediaan Arab sebagaimana yang ditaklimatkan ketika muzakarah bersama dengan Kementerian Pendidikan iaitu daripada 97.1 peratus pada tahun 2014 kepada 91.6 peratus pada tahun 2015. Kalau dilihat daripada peratusan 90 peratus ke atas adalah masih pada tahap yang tinggi berbanding peratusan yang diperolehi oleh sekolah-sekolah rendah kerajaan yang lain. Namun ia perlu dibuat kajian kenapa boleh menurun sehingga 6 peratus.

Soalan saya apakah faktor penyebab berlaku penurunan sehingga 6 peratus. Adakah disebabkan pengambilan jumlah pelajar yang memasuki sekolah persediaan Arab lebih ramai berbanding beberapa tahun yang lalu atau jumlah guru yang tidak seimbang dengan keramaian penuntut? Adakah semua pengambilan pelajar-pelajar yang memasuki sekolah persediaan Arab melalui peperiksaan kemasukan yang wajib diambil oleh semua calon?;

2. Terdapat beberapa artikel yang diterbitkan dalam akhbar *Brunei Times* yang bertarikh 10 dan 29 Februari 2016 mengenai negara-negara di rantau Asia yang berminat untuk mendapatkan Sijil Halal Brunei yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei. Terdapat juga maklum balas dalam akhbar *Brunei Times* bertarikh 5 Mac 2016 dari pihak syarikat awam bahawa proses permohonan pensijilan halal tersebut mengambil masa sekurang-kurangnya 3 bulan iaitu lebih lama daripada TPOR yang mengambil masa selama 45 hari yang dijanjikan. Ini sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman sebentar tadi.

Selaras pula dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai matlamat mempelbagaikan ekonomi negara yang juga menjadi hasrat baginda untuk turut dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini di samping menjalankan amanah dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam mengawal dan menangani segala isu pemakanan halal di negara ini.

Soalan saya, apakah rancangan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dan agensi yang berkepentingan yang lain dalam usaha meningkatkan daya saing, kecekapan dan kredibiliti pensijilan halal agar ia dikenali dan diiktiraf di pasaran Islam serantau dan antarabangsa sebagai pensijilan yang ada nilai tambah bagi mana-mana produk makanan dan bukan makanan seperti barangan

kosmetik, farmaseutikal dan produk kesihatan dan perubatan.

Kalau tadi, kita telah mendengar kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai perintah ini akan diwajibkan, barangkali dapat diperincikan lagi rancangan-rancangan susulan atau usaha-usaha kerjasama yang dirangka oleh pihak kementerian sendiri.

Seterusnya adakah usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengadakan aplikasi secara *online* untuk orang ramai mengetahui senarai restoran halal di negara ini dan senarai bahan-bahan makanan yang telah diiktiraf halal bagi tujuan memudahkan permohonan sijil atau permit halal?; dan

3. Sebagai saranan, dalam akhbar tempatan juga iaitu *Brunei Times* pada 20 Februari 2016 ada menyiarkan mengenai hampir 40 peratus graduan lepasan Universiti Islam Sharif Ali, (UNISSA) masih mencari pekerjaan iaitu dari tahun 2011 dan 2014. Dalam kenyataan tersebut juga ada menyebutkan para graduan ini semasa menjalani pengajian tahun 3 didedahkan dengan persekitaran kerja di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta bagi menimba pengalaman sesuai dengan kursus-kursus yang mereka ikuti.

   Dalam Jadual Peruntukan Kewangan Kementerian Hal Ehwal Ugama 2016/2017 hanya menyatakan dalam Tajuk Keselamatan Sosial bagi jumlah pegawai di Bahagian Kawalan Makanan Halal seramai 62 jawatan dan ini besar kemungkinan merangkumi pegawai-pegawai yang berkhidmat di Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Majlis Ugama Islam yang menangani hal-hal yang berkaitan dengan proses kehalalan termasuk penyiasatan, pengesahan, pemantauan, pengawalan dan lain-lain tanggungjawab yang berkaitan.

Sehubungan dengan perkara tersebut, pada pandangan saya, para graduan dari Universiti UNISSA yang mempunyai kelayakan dan pengetahuan tentang hukum syarak dan hanya memerlukan latihan dalam bidang berkaitan iaitu halal, diberi peluang untuk berkhidmat secara sementara dan sukarela sebelum mereka mempunyai pekerjaan tetap bagi membantu menyelesaikan isu kelambatan proses pensijilan halal dan juga untuk mendapat pengiktirafan Sijil Halal Brunei di rantau ini dan juga di peringkat antarabangsa, dalam usaha mempelbagaikan ekonomi Negara Brunei Darussalam dengan kadar yang cepat.

Sebagiamana dinyatakan beberapa hari yang lalu, oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, beberapa negara berminat untuk mendapatkan Sijil Halal Brunei seperti *United Kingdom*. Perkara ini bukan sahaja dapat memberi peluang pendedahan

dan pengalaman kerja kepada para graduan berkenaan tetapi juga memberi *input* penting sebagai bahan pemikiran pihak universiti berkenaan iaitu UNISSA, bagi mengadakan modul-modul kursus yang berkaitan isu halal dari aspek tuntutan hukum syarak dan sains teknologinya supaya negara kita juga mempunyai ahli-ahli dalam kalangan anak-anak tempatan yang mahir dan pakar dalam bidang-bidang tersebut.

Malah dengan kelebihan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir, Industri Halal Brunei akan berdiri setanding dengan negara-negara Islam yang sudah lebih awal ke hadapan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama suka untuk menjawab dahulu ataupun menunggu yang lain-lain?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Hanya setakat dapat kaola catat di sini Yang Berhormat Pengerusi. Mana yang sempat kaola dapat jawab, إِنْ شَاءَ اللَّهُ selebihnya mungkin kaola akan minta tangguh.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada 4 orang Ahli Yang Dilantik. Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf dan yang terakhir tadi ialah Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, ingin tahu statistik 10 tahun orang-orang yang masuk Islam. Kaola terus terang tidak dapat menyebutkan yang 10 tahun itu tetapi yang dapat kaola sebutkan sebagaimana tadi yang dalam angka yang dinyatakan dalam sasaran tahunan. 6 tahun terakhir ataupun 5 tahun terakhir, menunjukkan angka pendaftaran baharu saudara-saudara baharu masuk agama Islam adalah 500 orang dan malah tahun lepas 585 orang. Jadi angka ini nampaknya konsisten selama ini dan kalau berdasarkan kepada angka 500, maka dalam masa 10 tahun, 5 ribulah lebih kurang.

Perlu juga diingat dakwah yang dilakukan terutama sekali oleh Pusat Da'wah Islamiah, tidak semata-mata ditujukan untuk orang-orang yang bukan Islam supaya masuk ugama Islam. Dakwahnya juga kepada umum meliputi semua peringkat orang-orang Islam bahkan daripada murid-murid

sekolah, penuntut-penuntut, belia sehingga kepada orang-orang dewasa melalui saluran-saluran yang dibuat oleh Pusat Da'wah Islamiah.

Pusat Da'wah Islamiah sedang mengikuti pekembangan dalam erti kata perubahan-perubahan dalam cara-cara menyampaikan dakwah sesuai dengan perkembangan *ICT* dengan adanya media sosial dan sebagainya. Jadi Pusat Dakwah Islamiah sendiri untuk menyalurkan dakwahnya itu sudah mempunyai *blogspot* yang boleh diakses oleh orang ramai. *Address*nya inda kaola dapat menyebutkan, mungkin akan diberitahu kemudian.

Yang penting ialah الْحَمْدُ لله walaupun demikian ada pemotongan peruntukan bagi pegawai dan kakitangan iaitu pemotongan gaji, pembekuan dan sebagainya. Abis kaola di Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak menganggapnya sebagai mengurangkan usaha-usaha pendakwahan. Pemotongan itu dilakukan secara realistik. Pertamanya, pembekuan ke atas jawatan-jawatan yang sudah lama tidak diisikan. Perkara itu tidak akan melemahkan usaha-usaha dalam semua bidang bukan sahaja bidang da'wah dan sebagainya.

Kaola mengucapkan terima kasih mengenai perkara ini. Mengenai kutipan zakat semakin bertambah dari segi zakat harta. Adakah juga rancangan untuk meluaskan kutipan zakat meliputi zakat harta dan juga zakat perniagaan. Memang ada rancangan, kitani secara realistik mengakui berkeupayaan untuk melaksanakannya dalam jangka masa yang pendek. Satu dasar hala tuju yang teratur, secara bersistem dan sebagainya memerlukan penelitian dan memerlukan keahlian-keahlian yang tertentu.

Undang-undang memang mewajibkan untuk orang ramai membayar zakat. Mana-mana yang wajib membayar zakat dan mewajibkan juga dikutip dan diurus. Setakat ini kita belumlah lagi berjaya untuk bergerak ke arah itu. Kita mengucapkan الْحَمْدُ لله kerana kesedaran orang awam juga. Inilah berkatnya kesan daripada dakwah dan kesan daripada pendidikan agama jua. Ramai orang yang tampil membayar zakatnya termasuklah syarikat-syarikat kecil seperti restoran dan katering tampil untuk membayar zakat ini kita alu-alukan.

Mengenai soalan dari Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, memanglah kaola mengalu-alukan pandangan-pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat itu terutama sekali mengenai keretakan kekeluargaan yang ada hubungannya juga dengan pendidikan awal agama. Namun demikian faktor-faktor yang lain tentulah Yang Berhormat tidak juga mengenepikan keretakan itu berpunca daripada berbagai-bagai punca. Misalannya, keretakan itu dilihat dari segi perceraian. Angka perceraian dalam beberapa tahun ini konsisten iaitu 600 setahun. Kebanyakan punca utama perceraian itu adalah tiada persefahaman.

Adakah pendidikan awal agama mempengaruhinya sebagaimana asas peribadi seseorang Islam atau macam mana? dilihat kepada kes-kes yang ada misalannya jenayah atau kesalahan dadah. Penghuni-penghuni yang ditahan di pusat pemulihan ataupun di mana-mana jua. Pernah, bukan kajian secara terperinci tetapi secara *random,* mereka itu tidak sempat bersekolah agama ataupun bersekolah agama tidak secara terus menerus *(consistent)* dan tidak sampai ke darjah enam dalam keadaan sebelum Perintah Pendidikan Ugama 2012 dikuatkuasakan.

Kita berharap, kalau sedemikian itu menunjukkan tiada pendidikan agama kerana pada masa itu pendidikan agama tidak diwajibkan, maka sekarang setelah pendidikan agama diwajibkan, kita berharap generasi yang akan datang adalah generasi orang yang sudah sempurna dalam erti kata mempunyai asas yang sempurna bagi menjadi seorang Islam yang menunaikan fardu ain iaitu dengan pendidikan di sekolah rendah agama. Saranan-saranan supaya perintah agama ini dilaksanakan dengan mempunyai usaha-usaha untuk memantau sejauh mana kejayaannya.

Setakat ini, kaola belum mendapat maklumat yang lengkap mengenai perkara itu. Apakah ada dibuat sebagaimana jua dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk menentukan kehadiran murid-murid dalam seminggu dalam sebulan dan sebagainya. إِنْ شَاءَ اللَّهُ kalau ada maklumat sedemikian kaola akan berikan Yang Berhormat Pengerusi.

Berhubung dengan soalan ketiga daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf tentang tambang menunaikan fardu haji, bolehkah ditukar kepada umrah bagi orang yang sudah menunaikan fardu haji? Walaupun mungkin ada orang manyarankan ia berhak memohon dan permohonannya disalurkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama dan kementerian akan memanjangkan kepada Jawatankuasa Jemaah Penasihat Haji.

Kaola berterus terang menyokong permohonan seumpama ini. Terutama sekali terdapat Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri yang menentukan siapa yang berhak mendapat Tambang Haji. Hatta, orang yang terhalang kerana penyakit ada 3 kategorinya yang masih mendapat Tambang Haji. Hanya Tambang Haji itu untuk ditunaikan hajinya secara badal/ganti/upah. Bukan untuk menunaikan umrah. Oleh itu, kaola tidak dapat berjanji Yang Berhormat Pengerusi dan minta maaf kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Kaola mengalu-alukan pandangan dan buah fikirannya terutama sekali Yang Berhormat bekas seorang pegawai kanan di kementerian yang banyak tahu selok-belok kementerian dan aspirasi kementerian dalam hal ini. Sesuai dengan itu, beliau telah mengemukakan beberapa saranan. Kaola tidaklah menumpukan kepada muhazah atau *observation* yang beliau kemukakan dan sarankan. Kaola

dengan hormatnya menyatakan kaola menghargainya dan mudah-mudahan dapat dicatat oleh pegawai-pegawai di sini. Kementerian akan mengambil kira Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sambung semula. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sebentar tadi. Kaola menyokong penuh atas peruntukan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang keseluruhannya berjumlah $249.7 juta itu bagi membiayai perbelanjaan kesemua jabatan di bawahnya.

Apa yang kaola akan suarakan hanya ingin memberi *compliment* atas usaha-usaha pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menitikberatkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam. Dalam hubungan ini, kaola ingin fokus kepada Jabatan Pengurusan Haji yang diberi peruntukan berjumlah $2.9 juta bagi Belanjawan Tahun 2016/2017.

اَلْحَمْدُ لله pada awal tahun ini pihak Jabatan Hal Ehwal Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah pun memberi kebenaran kepada 4 buah syarikat tempatan untuk mengendalikan pakej umrah dan haji. Ini memberi peluang kepada para jemaah di Negara Brunei Darussalam membuat pilihan mereka dan sekali gus membuka peluang perniagaan kepada rakyat di negara ini.

Pada kebiasaan yang kita sedia maklum bahawa jemaah-jemaah haji. kita mengerjakan haji mereka dalam tempoh sebulan. Pada pemikiran kaola tempoh tersebut boleh dikurangkan tanpa menjejaskan ibadah haji. Dengan itu para jemaah dapat membuat pilihan untuk tidak berada lama di Kota Makkah dan Madinah terutama yang pernah menunaikan fardu haji berkali-kali. Ia juga memberi kemudahan kepada para jemaah yang masih bekerja memohon cuti pendek bagi mengerjakan ibadah haji yang manfaatnya kos perbelanjaan mengerjakan haji tidak akan terlalu mahal malah akan dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun, terserahlah kepada para jemaah untuk membuat pilihan sendiri pakej manakah yang lebih sesuai untuk mereka, sama ada mereka mahu tinggal sebulan ataupun sebaliknya.

Pertanyaan kaola Yang Berhormat Pengerusi:-

1. Apakah pandangan dan pemikiran pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam perkara ini?; dan

2. Adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama akan memberi kebenaran sekiranya ada antaranya 4 buah syarikat tersebut ingin merancang untuk melaksanakannya?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya jemput sekarang Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kurnia taufik dan hidayah-Nya jua saudara-saudara baharu makin bertambah dan terus bertambah dari tahun ke tahun dan diucapkan terima kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana peruntukan mengenai Pusat Da'wah Islamiah ada tercatat dalam peruntukan hari ini.

Dengan bertambahnya saudara baharu, ini menandakan bahawa agama Islam telah dapat diterima dan difahami oleh mereka yang telah menganut agama Islam dan menghayatinya. Ini adalah petanda atas hasil usaha Pusat Da'wah Islamiah yang berterusan dan berkesan. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di satu majlis di Daerah Temburong pada satu ketika dahulu, antaranya baginda bertitah "walaupun ada antara rakyat baginda belum memeluk agama Islam, tetapi memadailah jika mereka itu mengamalkan Islam itu sebagai satu cara hidup."

Yang Berhormat Pengerusi. Oleh sebab tanggungjawab Pusat Da'wah Islamiah ini terus beroperasi dari semasa ke semasa dan sudah tentu saudara baharu terus bertambah dan semakin ramai bilangannya. Dalam pada itu, tenaga serta kakitangan pembimbing perlu ditambah seiring dengan keperluan untuk memimpin mereka yakni saudara baharu supaya lebih berkesan akan kefahaman akidah dan amalan mereka tentang agama Islam. Untuk itu dicadangkan supaya setiap kampung melalui kerjasama Ketua Kampung masing-masing mengadakan kelas bimbingan bagi memberikan kefahaman dan penghayatan akidah ke arah yang lebih mantap kepada mereka yang belum menghadiri kelas agama Islam di tempat masing-masing.

Ini selaras dengan konsep MIB, Negara Zikir dan dalam pada itu akan dapat memperluaskan lagi mengenai kefahaman undang-undang syariah yang menjadi pegangan negara ini. Yang Berhormat Pengerusi, kefahaman agama adalah wajib bagi seorang muslim, tanpa kefahaman yang mantap akan boleh menggugat amalan dan ibadah masing-masing lebih-lebih lagi terhadap saudara baharu. Di samping memberi bimbingan akidah kepada saudara baharu yang lebih penting juga ialah taraf kehidupan mereka hendaklah diberi perhatian yang sewajarnya.

Ramai antara mereka ini tidak mempunyai rumah sendiri. Ada sesetengahnya menumpang rumah saudara mara dan kalaupun ada rumah sendiri hanya rumah sendiri tanpa air

dan api. Mereka membina rumah di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran seperti mana terdapat di kampung-kampung pedalaman.

Oleh itu, kaola mengharapkan kepada Ketua Kampung, Penghulu, Pegawai Daerah, Jabatan Tanah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pusat Da'wah Islamiah dan Baitulmal supaya memeduli akan nasib saudara-saudara baharu ini yang masih berada dalam keadaan miskin dan dikhuatiri melalui hadis miskin itu menghampiri kekufuran.

Dari itu, menjadi harapan supaya tindakan bersepadu daripada semua pihak yang berkenaan akan berusaha demi menyelamat akidah dan menjamin kehidupan saudara-saudara baharu dan keluarga mereka yang mengalami serba kekurangan dan terus terbiar tanpa tempat tinggal yang sesuai bagi menjamin keselamatan mereka.

Di samping itu perlu diingatkan juga jika sekiranya kehidupan mereka terbiar, aib dan tidak terurus ia boleh menyebabkan pandangan serong daripada pihak lain dan akan menjejaskan perkembangan agama Islam. Ia akan dianggap tidak selari dengan konsep MIB dan Negara Zikir yang menjadi pegangan dan amalan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini.

Soalan kaola Yang Berhormat, apakah perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi mengurus dan membantu menaik taraf kehidupan saudara-saudara baharu yang sebahagiannya dalam keadaan miskin.

Mengenai Masjid Kampung Birau. Penduduk-penduduk dalam Kampung Birau yang bermastautin termasuk Kampung Kebia, Kampung Bakiau, Luagan Timbaran dan Santul makin ramai. Masjid di Kampung Birau yang ada pada masa ini tidak mampu bagi menampung keramaian para jemaah setiap hari Jumaat dan jawatankuasa terpaksa menyediakan tikar di luar tempat mengambil air sembahyang yang lebih-lebih lagi apabila waktu sembahyang Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Haji para jemaah ini lebih ramai dari hari Jumaat.

Pada Ramadan 1436, jawatankuasa masjid terpaksa mengambil tindakan untuk membina dan menambah membuat atap sebelah hadapan masjid berkenaan seluas 1000 kaki persegi (20x50 kaki) dan lantainya disumbangkan oleh Jabatan Daerah Tutong sebanyak 40 keping papan lapis untuk sementara waktu dipakai waktu-waktu sembahyang Jumaat. Mewakili Jawatankuasa Masjid dan penduduk Kampung Birau, saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Daerah.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin tahu adakah perancangan untuk menambah luas atau membesarkan bangunan Masjid di Kampung Birau yang ada sekarang untuk jangka panjang?

Satu ketika dahulu Masjid Kampung Ukong ada iklan pembinaannya. Apakah perkembangannya pembinaan masjid tersebut? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola membawa isu Tabung Dana Bangunan Masjid. Kaola berasa syukur atas tabung dana bagi pembinaan masjid yang dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam pada bulan April 2014 dan ia memberi makna yang besar kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Rakyat dan penduduk juga diberi kesempatan untuk menyumbang seperti mana petikan titah "Ini adalah satu peluang keemasan bagi orang-orang Islam untuk bertanam saham di akhirat".

Dalam hal ini, kaola sukacita ingin mengetahui setakat ini berapakah jumlah dana yang terkumpul dan adakah sudah perancangan-perancangan untuk menggunakan dana ini? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Soalan ini sama dengan 2 orang rakan-rakan kaola iaitu Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman dan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, walau bagaimanapun kaola ringkaskan soalan ini.

Di samping tambahan cepatnya proses pemberian Sijil Halal itu, kaola perlu juga bersikap berhati-hati demi menjaga reputasi Negara Brunei Darussalam sebagai pengeluar Sijil Halal yang diiktiraf dan mendapat kepercayaan di rantau ini dan di dunia. Untuk menjaga reputasi ini, haruslah kita mempunyai tatacara yang cermat selaras dengan kehendak syariah Islam dan peraturan di bawah Sijil Halal dan Label Halal 2005.

Kita tidak hanya memikirkan untuk mempercepatkan dan membanyakkan pemberian Sijil Halal untuk menepati dan memperbanyakkan pemberian Sijil Halal hanya semata-mata untuk mencapai *KPI.* Janganlah juga kecepatan itu sampai tidak meneliti dan membuat pemeriksaan yang cermat dan cara yang tidak berhemah seperti yang dikehendaki oleh hukum Islam.

Soalan kaola:-

1. Setakat ini berapakah tambahan kakitangan serta pegawai yang diperlukan bagi Jabatan Syariah Bahagian Halal sehingga ia mampu

untuk mempercepatkan pengeluaran Sijil Halal itu?;

2. Adakah kaedah yang canggih diamalkan?;

3. Adakah dimaklumi bahawa setiap pelekat atau label halal yang diletakkan kepada bungkusan botol atau tin bagi produk itu dikenakan bayaran sebanyak 2 sen satu label?; dan

4. Adakah pengeluaran label-label halal itu dalam keadaan terkawal dan sentiasa dipantau akan kelulusannya serta label-label itu dijaga dengan cermat? Jika tidak, begitu ia dikhuatiri pengunaan label-label halal itu mungkin saja disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab seperti yang berlaku di negara lain.

Tujuan kaola hanya ingin memartabatkan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang sangat berhemah yang menjaga pemakanan yang diiktiraf kehalalannya. Brunei boleh digalati dan diiktiraf dalam pengeluaran Sijil Halal di samping kedudukannya sebagai Negara Zikir kedudukan ini sekali gus akan meningkatkan lagi keistimewaan Negara Brunei Darussalam sebagai pengeluar makanan halal yang terkenal di rantau ini dan mungkin juga di seluruh dunia nanti.

Ini akan memberi *added advantage* kepada negara ini untuk mengekalkan status BRUNEI HALAL untuk menjadi *trust business* kita di negara ini. Itulah hasrat kaola supaya Negara Brunei Darussalam menjadi pusat yang digalati di dunia dari segi persijilan halal. Satu Yang Berhormat Pengerusi kaola ingin mengingati sahaja pihak berwajib telah melaksanakan tanggungjawabnya agar pengguna-pengguna muslim di negara ini dapat menikmati makanan-makanan halal ketika makan di luar dan juga membeli barang makanan dari premis-premis pembuat makanan.

Walau bagaimanapun, sukacita mendapat pencerahan lanjut mengenai perkara ini, apakah nasihat pihak berwajib mengenai:-

1. Restoran-restoran yang tersenarai di senarai premis membuat makanan atau minuman yang mendapat Sijil Halal dan Permit Halal MUIB kemas kini Disember 2005 di kemas kini di laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama, tetapi kebenarannya sudah mansuh; dan

2. Restoran-restoran bahan yang telah tersenarai dalam senarai restoran dan kedai makan yang telah mendapat Sijil Halal dikemas kini pada Disember 2015. Restoran yang tersenarai di senarai di atas tetapi kebenarannya sudah mansuh, bolehkah pengguna-pengguna Muslim terus membeli barang-barang makanan di premis-premis itu atau makan di restoran yang berkenaan?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama suka untuk menjawab dahulu, silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terutama sekali kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad dari Daerah Belait. Kaola menyambut baik *compliment* yang diberikan kepada kementerian dalam menitikberatkan syiar Islam dan dalam hal ini juga pengurusan haji telah mengambil langkah membenarkan 4 buah syarikat mengendalikan pakej umrah dan haji. Kitani percaya langkah itu ialah untuk memberi peluang terutama sekali peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha dalam negeri. Selain itu, faedahnya ialah untuk jemaah-jemaah membuat pilihan.

Yang Berhormat menyarankan, apakah boleh dikurangkan tempoh sebulan itu kepada kurang daripada sebulan naik haji kepada orang-orang yang ingin mengikutinya tanpa menjejaskan ibadat haji. Dengan itu akan mengurangkan kos supaya tidak terlalu mahal. Tujuan kementerian meluaskan agensi yang dibenarkan menawarkan pakej haji dan umrah daripada 2 selama ini kepada 4 akan dapat, memberikan peluang kepada jemaah membuat pilihan.

Dalam masa yang sama, kita melihat dengan adanya tambahan sedemikian itu ada persaingan untuk mendapatkan pelanggan-pelanggannya. Kita berharap tambahan ini akan mendorong kesemua agensi yang berkenaan itu bukan saja menawarkan harga yang berpatutan bahkan memberikan servis yang terbaik yang diharapkan oleh jemaah.

Adapun memendekkan tempoh menunaikan haji kurang daripada sebulan, perkara ini sudah banyak disuarakan. Ada ura-ura orang-orang yang ingin menunaikannya dan hanya dapat cuti beberapa waktu atau tidak sampai 2 minggu atau sebulan, supaya mereka juga dapat masuk dalam pakej tersebut. Hal ini boleh mereka uruskan asalkan memasuki dalam istilah termasuk orang-orang yang dalam kuota pada masa ini. Dalam pada itu, perkara ini juga harus diperiksa mengikut apa yang dilaksanakan oleh Jabatan Urusan Haji mengenai cara pelaksanaannya.

Apakah ia akan mengurangkan kos? Pada zahirnya memang sedemikian. Urusan haji ini Yang Berhormat Pengerusi, susah kitani menentukan. Ianya ditentukan oleh keadaan di tanah suci Makkah dan Madinah. Apa yang penting ialah usaha daripada agensi-agensi ini terutama sekali agensi yang baru menjadi *players.* Pertama sekali mengenai tempoh naik haji. Kedua ialah meneroka harga yang lebih murah. Empat atau lima tahun dahulu untuk naik haji masih boleh di bawah $10 ribu.

Pada tahun lepas tidak ada harga $10 ribu itu. Kalau 5 tahun ke hadapan mungkin $20 ke $30 ribu. Siapakah yang mampu dengan jumlah itu. Alasan kita ialah kita tidak dapat menguasai untuk menentukannya. Yang dapat kitani tentukan barang kali tambang yang turun naik, bergantung pada

penempatan hotel di sana. Salah satu contohnya sahaja perundingan tahunan baru-baru ini mengenai haji iaitu 2 minggu lalu untuk harga di Masyai'r (Arafah dan Mina). Mereka menetapkan $8 ribu. Perunding-perunding dan pegawai-pegawai kitani berunding berjaya mendapatkan setakat $7 ribu riyal sahaja, itu. Mengenai hotel belum lagi diketahui dan sebagainya.

Kalaulah syarikat baharu dan lama meneroka bagaimana jemaah dari negara jiran kitani yang masih boleh menunaikan haji di bawah $10 ribu dengan tidak menjejaskan ibadat mereka. Cubalah ejen-ejen ini untuk menerokanya macam mana caranya. Setakat yang kitani ketahui ialah jemaah sedemikian itu datang hampir tiba saat hari Arafah iaitu kira-kira dalam seminggu ataupun beberapa hari, tiba hari Arafah dan mereka tinggal di luar daripada kawasan yang memang mahal, iaitu hotel ataupun *apartment* ataupun rumah-rumah persendirian. Mereka sempat juga diaturkan oleh agensi mereka untuk beribadat dengan mengikut ketentuan-ketentuan tertentu di Masjidil Haram dan sebagainya. Apabila waktu untuk hari Arafah mereka terus ke Arafah dan terus ke Mina.

Selepas itu barulah mereka masuk ke kawasan-kawasan yang dekat dengan Masjidil Haram termasuk hotel seperti Gufran tempat orang Brunei tinggal. Pada masa itu mengikut perkiraan dan mengikut maklumat yang diketahui hotel sudah dalam harga yang murah. Dalam beberapa hari mereka tinggal di Gufran menunaikan ibadat di Masjidil Haram mereka barulah berangkat ke Madinah yang hotelnya murah.

Kaola berharaplah pakej sedemikian ini akan diterokai oleh ejen-ejen kitani untuk menjamin supaya kos naik haji dapat dikawal sesuai dengan kemahuan dan keperluan jemaah. Pada masa ini, naik haji kitani adalah naik haji prima, tidak dapat dikatakan kitani tinggal di kawasan yang berdekatan Masjidil Haram dan Masjid Madinah. Pelayanan-pelayanan kitani pun keseluruhannya الْحَمْدُ لله tapi bagaimana pula akan datang? Begitulah yang kaola rasakan Yang Berhormat Pengerusi mengenai *respons* kaola kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad dan kaola mengucapkan terima kasih.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. الْحَمْدُ لله Yang Berhormat mengalu-alukan segala usaha-usaha berhubung dengan pengislaman. Satu perkara yang mesti diingat daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu jelas bahawa kita tidak memaksakan akidah kepada orang yang bukan Islam bahkan kita tidak memaksakan cara hidup Islam tetapi kita memperkenalkan cara hidup Islam, menawarkan kepada mereka mengenai akidah, kitani pun bergantung pada hidayah Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekalipun Nabi s.a.w. sendiri tidak dapat memasukkan iman kepada dalam hati pamannya yang mengasihinya

dan melindunginya. Yang sedemikian itu hidayah adalah milik Allah Subhanahu Wata'ala untuk memberikan kepada sesiapa berusaha untuk memperkenalkan akidah itu kepada orang lain. Tetapi kita tidak memaksakannya itu yang penting. Tetapi kita memperkenalkan cara hidup Islam untuk sama-sama diamalkan sebagai rakyat dan penduduk yang duduk di negara Islam dan yang duduk di bawah kepimpinan raja Islam yang mana nilai-nilai cara hidup Islam itu maksudnya ialah nilai-nilai yang universal yang juga ada termasuk dalam nilai-nilai adat mereka yang tradisional tidak bertentangan dan nilai-nilai universal yang selebihnya.

Mengenai *ritual* itu bergantung pada akidah. Itu yang penting diketahui dan memang kaola bersetuju Yang Berhormat Pengerusi bukan semata-mata untuk mengislamkan setelah Islam tetapi diajarkan pengajaran-pengajaran untuk pemahaman, peningkatan dan sebagainya. Yang Berhormat itu mengalu-alukan supaya dipergiatkan lagi kegiatan pemahaman supaya kehidupan mereka terjaga.

Yang Berhormat tadi menyebut kalau saudara-saudara baharu itu yang tergolong dalam golongan miskin, itulah yang telah disasarkan oleh Pusat Da'wah Islamiah dengan dana yang disediakan oleh Majlis Ugama Islam Brunei melalui wang zakat jika mereka itu berhak seperti memerlukan rumah.
Ada beberapa rancangan perumahan yang dilakukan di Pusat Da'wah Islamiah di Daerah Temburong untuk perumahan saudara-saudara baru yang memerlukannya perumahan dalam erti kata mereka itu orang yang miskin. Dibantu menyediakan perumahannya. Ada 3 buah yang sudah siap dan sebuah lagi akan siap. إِنْ شَاءَ اللَّهُ Bahkan juga disediakan berek-berek untuk penempatan mereka. Penempatan mereka ini Yang Berhormat Pengerusi ialah apabila didapati di kampung tersebut ramai bilangan keluarga yang saudara memeluk agama Islam. Mereka asalnya yang tinggal di rumah panjang yang misalnya diubah rumah panjang itu kepada berek yang bersesuaian dengan keadaan sekarang dan mereka tinggal di sana umpamanya di Semabat ada beberapa buah keluarga, begitu juga di Selapu. Ada berek-berek itu didiami oleh keluarga tidak kurang daripada 6 keluarga satu berek. Keperluan untuk memberikan perumahan itu memang ada. Mereka itu sebagai orang miskin yang memerlukan perumahan dan diberikan perumahan, untuk penempatan secara berkeluarga dan berkumpul di satu tempat di kampung dengan menyediakan berek-berek.

Dasar adakah orang yang bukan Islam yang memeluk agama Islam mesti terpisah daripada keluarganya. Ini mestilah diperhatikan baik-baik. Itu bukan dasar dalam pengislaman bahkan lagi ideal ia sebagai anggota keluarga hidup bersama-sama dengan keluarga mereka. Tidak ada halangan dari segi syarak dalam perkara ini. Kalau ada keperluan khas dalam erti kata kerana memeluk agama Islam itu timbul perselisihan kekeluargaan maka hal

sedemikian itu diberi pertimbangan khas maka disediakanlah rumah-rumah kediaman sementara tapi untuk menyisihkan daripada keluarga itu bukan dasar Pusat Da'wah Islamiah dalam pengislaman.

Perkara yang seterusnya mengenai sijil. Perkara ini sama iaitu sudah penambahan tenaga untuk mencapai sasaran *KPI* . Adakah TPOR tidak dapat dipenuhi hingga ada sampai 3 bulan dan sebagainya. Dua tahun lepas langkah-langkah sudah menunjukkan kejayaan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Pada masa itu untuk mempercepatkan proses ini kejayaannya telah dibuat TPOR 45 hari kemudian turun kepada 28 hari dan sebagainya.

Ada ungkayah (usaha) di Bahagian Kawalan Halal ini yang memerlukan tambahan pegawai-pegawai dan memanglah tepat dan bersesuaian jikalau kelebihan peruntukan untuk digunakan bagi tenaga-tenaga yang belum mempunyai pekerjaan diambil sementara secara gaji hari atau pun *open vote* supaya mereka itu diberikan pekerjaan dan ini dilakukan dalam bahagian zakat kutipan dan agihan zakat.

Ada beberapa orang penuntut lepasan tinggi Islam berkhidmat sebagai penyiasat bukan dari peruntukan dana kewangan yang ada tetapi dibayar daripada dana zakat iaitu daripada Asnaf Amin. Mereka bekerja untuk membantu penyiasatan dan mempercepatkan proses-proses yang dihadapi masa ini. Hal itu boleh juga dipertimbangkan tapi bilangannya terhad berapa ramai sahaja.

Keupayaan untuk membayar dengan wang zakat itu mudah-mudahanlah tambahan wang zakat dapat digunakan lagi. Selain itu mempercepatkan penjamin supaya sijil ini mempunyai reputasi dapat dipohonkan dalam masa segera tetapi menepati kehendak syarak dan sebagainya. Belum lagi dapat direspons secara konkrit oleh kementerian sendiri untuk meng*outsource* bidang persijilan halal kepada sesuatu badan bebas untuk mengendalikannya.

Kaola mengalu-alukan pandangan-pandangan untuk memantau apa jua mengenai label yang sudah digunakan dan produk ini adakah ia dipantau? Memanglah dibuat pemantauan bergantung secara *random* dan sebagainya. Prinsipnya kita tidak berkompromi kepentingan dalam menjaga kehalalannya.

Berhubung dengan Sijil Halal yang mansuh, soalannya ganjil bunyinya apakah orang Islam boleh makan di tempat itu. Selama ini kitani tidak menghalang di restoran umum bukan restoran yang diketahui istilahnya bukan makanan orang Islam.

Kalau di restoran umum atau kedai makan umum, maknanya bukanlah menjadi kesalahan kepada orang Islam makan di restoran umum yang tidak mempunyai Sijil Halal tetapi kalau benar sijil itu ada digantungnya sudah mansuh kesalahannya ialah kesalahan restoran

itu menggunakan label halal dengan menggunakan Sijil Halal yang sudah mansuh ataupun ia tidak mempunyai sijil daripada Majlis Ugama Islam Brunei, Bahagian Kawalan Makanan menggantung tanda-tanda halal maka itu ertinya penyalahgunaan sijil dan tindakan undang-undang boleh diambil.

Mengenai Tabung Dana daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. الْحَمْدُ لله memanglah sebagaimana titah untuk memberikan peluang kepada orang Islam sama-sama bertanam saham akhirat dalam perkara ini. Yang Berhormat ingin tahu, sejauh ini berapakah sudah jumlah kutipan dan apakah sudah ada rancangan? Setakat ini sejak dilancarkan 4 Jun 2015 ianya telah berhasil dan kira-kira hasil itu mula-mula sekali ia telah diumumkan kepada orang ramai pada 31 Disember 2015 iaitu daripada bulan Jun hingga Disember 2015 adalah sebanyak $1,216,996.72 atau $1.21 juta.

Dalam masa 2 bulan pertama tahun ini, Januari sehingga 29 Februari 2016, angka ini telah meningkat kepada $2,374,900.59 iaitu meningkat sebanyak $746,752.87. Kalau kita melihat dalam masa 2 bulan ini sebanyak $786 ribu, meningkat setiap bulan $300 ribu الْحَمْدُ لله . Ini menandakan suatu pertambahan yang إِنْ شَاءَ اللَّهُ dalam masa 2 tahun kita boleh mengumpulkan dalam jumlah $3 ke $4 juta dan kalau masjid sederhana yang berharga sejumlah itu boleh kitani membangun masjid yang sedemikian.

Penyumbang tetap yang diharapkan selain tabung-tabung masjid-masjid atau di mana-mana tempat yang sudah dibenarkan, ialah juga penyumbang tetap sukarela daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

Setakat ini menunjukkan suatu perkembangan yang baik. Bermula dari 41 orang yang mengisi borang yang sedemikian itu pada bulan September 2015 kepada 4,364 orang pada bulan Februari tahun ini. Jumlah yang sudah terkumpul daripada sumbangan tetap daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan ini adalah sebanyak $152,805.20. Daripada jumlah 4,364 orang ini 7 orang daripadanya adalah saudara-saudara kitani yang bukan Islam. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas penerangan yang telah pun diberikan terhadap soalan-soalan yang telah pun dikemukakan setakat ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat ada baiknya perbincangan bagi Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Majlis Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Dengan yang demikian, saya ingin menangguhkan persidangan ini dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu pada hari Selasa, 6 Jamadilakhir 1437/15 Mac 2016 seperti biasa pada pukul 9.00 pagi. Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Selasa, 6 Jamadilakhir 1437 / 15 Mac 2016

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini iaitu hari yang kelapan, hari Selasa, 6 Jamadilawal 1437 bersamaan 15 Mac 2016 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهٗ بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ. Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya dan kurnia-Nya jua maka kita dapat bersama-sama hadir di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman. Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah memasuki hari yang kelapan.

Seperti lazimnya, sebelum kita mendahului perkara-perkara lain, kita akan membincangkan dulu Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Sehingga ke hari ini, kita telah menyelesaikan sebanyak 22 soalan bagi jawapan lisan. Pada pagi ini kita akan terus saja pindah ke soalan yang seterusnya bagi Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Yang Telah Diberi Notis No. 20 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهٗ بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola mengusulkan soalan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kerajaan telah menggubal Akta Perlindungan Binatang Liar, 1978

(Pindaan 1984) dan Perintah Fauna dan Flora Liar, 2007 bagi mencegah kepupusan hidupan liar, fauna dan flora liar supaya tidak pupus di negara ini akibat dari pemburuan, penangkapan, pembalakan, pengambilan dan penebang haram. Ini termasuklah pencegahan, penjualan dan penangkapan ikan yu serta pemeliharaan takat-takat di perairan negara ini.

Dalam melaksanakan penguatkuasaan tegahan-tegahan ini, beberapa program telah diaturkan oleh Perkhidmatan Aduan Gangguan Hidupan Liar dan Perkhidmatan Menyelamat dan Merawat Hidupan Liar seperti rondaan dan pemantauan di darat, sungai, laut dan udara, jerayawara ke mukim-mukim dan sekolah-sekolah bagi meningkatkan kesedaran semua.

Saya juga difahamkan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah dianggap sebagai *"Role Model"* oleh *Freeland Foundation* yang menjadikan *consultant* kepada ASEAN-WEN dalam melaksanakan perlindungan spesis yang dilindungi.

Untuk mengukuhkan lagi usaha-usaha dan anggapan yang baik dari agensi-agensi antarabangsa saya ingin bertanya:-

1. Adakah dalam perancangan Bahagian Hidupan Liar untuk menjalankan penyelidikan mengenai populasi hidupan liar di negara ini bagi menentukan jumlah yang ada dan dapat mengetahui jumlah kepupusannya?;

2. Adakah pegawai-pegawai yang ada pada masa ini mencukupi, terlatih dan boleh menjalankan tugas-tugas yang dikehendaki oleh akta dan perintah yang dinyatakan di atas? Jika tidak apakah langkah-langkah pihak berkenaan untuk memperkesankan lagi dalam usaha seperti menyelamat, merawat, menangkap dan membuat kajian hidupan liar?;

3. Apakah jenis spesis hidupan liar yang belum lagi termasuk dalam senarai Akta Kawalan Perlindungan Hidupan Liar dan adakah ia akan dimasukkan pada masa akan datang?; dan

4. Adakah perancangan kementerian ini untuk bekerjasama dengan Jabatan Kurikulum, Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan lagi kesedaran dalam Perlindungan Kehidupan Binatang Liar dengan memasukkan dalam sukatan pelajaran Melayu Islam Beraja?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهٗ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang

Haji Ramli bin Haji Lahit, atas soalan berkenaan mengenai perlindungan binatang-binatang liar di Negara Brunei Darussalam.

Soalan pertama, mengenai perancangan Bahagian Hidupan Liar. Sememangnya Bahagian Hidupan Liar mempunyai perancangan untuk menjalankan penyelidikan ke atas populasi dan taburan (*distribution*) beberapa spesis secara selektif di negara ini. Walau bagaimanapun, pada masa ini kajian dan penyelidikan populasi hidupan liar di negara ini, belumlah dibuat dan bukanlah menjadi satu keutamaan untuk dilaksanakan dalam waktu yang terdekat ini. Namun begitu, tumpuan utama adalah dari segi penguatkuasaan ke atas aktiviti-aktiviti pemburuan dan penjualan binatang liar khususnya 34 *protected species* serta program *rescue* dan *release* spesis berkenaan agar tidak diancam kepupusan.

Di samping itu, inisiatif yang seringkali dijalankan bagi mendukung usaha tersebut adalah melalui program pendidikan dan kesedaran awam yang dijalankan dari semasa ke semasa. Dengan adanya program ini, setiap lapisan masyarakat akan dapat melaksanakan tanggungjawab sosial mereka dengan memberikan kerjasama untuk menjaga dan memelihara kestabilan sumber hutan dan alam semula jadi yang merupakan habitat bagi pelbagai spesis fauna dan flora liar dari kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam kepupusan sesuatu spesis berkenaan.

Selanjutnya, soalan kedua adakah pegawai-pegawai yang ada pada masa ini mencukupi serta terlatih? Pada masa ini, bilangan pegawai dan kakitangan di Bahagian Hidupan Liar tidak mencukupi. Secara keseluruhannya bahagian ini hanya mempunyai 13 orang pegawai dan kakitangan sahaja. Pegawai-pegawai dan kakitangan berkenaan secara amnya masih lagi kekurangan pengalaman dan perlu diberikan latihan-latihan yang bersesuaian secara berterusan untuk meningkatkan kemahiran masing-masing dengan mengikuti latihan-latihan yang dijalankan di dalam dan di luar negara.

Walau bagaimanapun, kapasiti yang terhad ini bukanlah menjadi satu alasan untuk Bahagian Hidupan Liar tidak menjalankan tugas dan peranannya dengan berkesan. Beberapa aktiviti yang dilaksanakan oleh bahagian ini seperti membuat rondaan dan sebagainya bukan sahaja dilaksanakan secara persendirian oleh Bahagian Hidupan Liar tetapi dari semasa ke semasa dijalankan secara bersepadu dan melibatkan kerjasama dengan agensi-agensi yang lainnya seperti pihak Pasukan Polis Diraja Brunei, Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Daerah, Jabatan Bandaran dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Bagi Soalan No. 3, apakah jenis spesis hidupan liar yang belum lagi termasuk dalam senarai Akta Kawalan Perlindungan Binatang Liar?

Pada masa ini, hanya terdapat 34 spesis binatang liar yang disenaraikan dalam Jadual 1 sebagai *protected species* dalam Akta Kawalan Perlindungan Binatang Liar 1978. Beberapa spesis binatang liar tempatan yang belum lagi dimasukkan ke dalam senarai tersebut termasuklah beruang madu, tenggiling, musang, payau dan beberapa jenis burung seperti bayan, murai batu dan lain-lain.

Dalam cadangan pindaan ke atas akta yang sedia ada yang pada masa ini sedang dalam proses penyediaan dengan bantuan pihak Pejabat Peguam Negara, beberapa penambahan senarai spesis binatang liar telah dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam akta tersebut khususnya dengan menambah beberapa spesis tempatan yang tersenarai dalam *International Union for Conservation of Nature (IUCN) Red List of Threatened Species* dan *Convention on International Trade in Endangered Species (CITES) of Wild Fauna and Flora*, termasuklah senarai binatang liar yang disebutkan tadi sesuai dengan perkembangan semasa status berkenaan di peringkat global.

Soalan seterusnya mengenai perancangan kementerian untuk bekerjasama dengan Jabatan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Ketika ini belum ada perancangan kementerian untuk memasukkan Perlindungan Hidupan Liar dalam sukatan mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) ataupun dalam mata pelajaran lain yang lebih bersesuaian seperti sains, geografi atau pengetahuan am. Pihak kementerian ini bersedia untuk memberikan kerjasama jika terdapat sebarang keperluan mengenainya.

Dalam hubungan ini juga, sukacita memaklumkan bahawa Bahagian Hidupan Liar seringkali mengadakan beberapa siri program jerayawara yang berupa pendidikan dan kesedaran awam bagi peringkat sekolah rendah sehinggalah peringkat menengah bagi sama-sama melindungi dan memelihara kepelbagaian spesis binatang liar yang ada sebagai salah satu khazanah dan aset negara.

Sekian sahaja jawapan kaola, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No. 22 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

اَلسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola akan mengutarakan soalan kaola kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Dalam usaha kerajaan untuk mencapai sasaran sara diri *(self-sufficiency)* bagi pengeluaran beras negara, pihak yang berkenaan hendaklah memikirkan pengeluaran secara komersial dan langkah-langkah atau cara-cara yang terbaik hendaklah dicari iaitu dengan menggunakan teknologi penanaman padi secara moden seperti menggunakan mesin penyemai, penggerek, penanam, pembajak dan pengering padi.

Daerah Temburong adalah pengeluar hasil padi kedua terbesar di negara ini dengan mempunyai seramai lebih dari 200 pengusaha padi dan sudah mencapai lebih 30 tahun dalam perusahaan ini. Untuk meningkatkan lagi hasil dari penanaman padi ini mereka memerlukan bantuan bukan saja dari segi insentif seperti baja, racun rumpai, racun penyakit dan racun serangga serta menaikkan taraf jalan ke ladang, parit dan sistem tali air yang masih lagi berkurangan, tetapi juga bantuan teknologi penanaman secara moden seperti penggunaan mesin dan lain-lain yang ada hubung kaitnya dengan perusahaan padi perlu diadakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ke arah ini kaola bertanya:-

1. Apakah usaha-usaha pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mengatasi dan menangani, dalam menambah lagi hasil pengeluaran padi?;

2. Kenapakah mesin-mesin penanaman padi belum lagi diperkenalkan dan dibuat ujian akan kesesuaiannya di ladang-ladang padi di Daerah Temburong?; dan

3. Apakah status bantuan keperluan yang sudah diberikan oleh pihak berkenaan sejauh ini kepada peladang-peladang di Daerah Temburong dalam menangani kekurangan-kekurangan seperti yang kaola nyatakan?

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kerana mengajukan pertanyaan-pertanyaan berkenaan aktiviti berpadi di Daerah Temburong.

Apakah usaha-usaha pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mengatasi dan menangani penambahan hasil pengeluaran padi di Daerah Temburong?

Memang ada usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mengatasi dan menangani dalam menambah lagi hasil pengeluaran padi di Daerah Temburong. Antara usaha yang telah dijalankan

untuk meningkatkan lagi pengeluaran padi di kawasan-kawasan tadahan hujan (*rainfed*) di ladang-ladang padi di Daerah Temburong termasuklah:-

1. Menyediakan insentif-insentif bahan pertanian termasuk baja, racun, mesin dan jentera serta skim bantuan harga padi bagi padi pusu, bario, adan dan laila;

2. Menganjurkan kursus sekolah perladangan pengusaha padi untuk meningkatkan pengetahuan pengusaha-pengusaha dalam pengurusan tanaman yang efektif dan menyumbang kepada peningkatan kuantiti dan kualiti hasil; dan

3. Menjalankan kajian kesesuaian baka-baka padi baharu di kawasan tadahan hujan untuk mengenal pasti jenis-jenis padi berhasil tinggi yang sesuai untuk ditanam di kawasan yang hanya bergantung pada air hujan.

   Pada masa ini, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah menjalankan kajian kesesuaian baka *BDR5* selama beberapa musim di Ladang Lekiun, Daerah Temburong, Ladang KKP Lot Sengkuang serta Gatas di Daerah Belait.

Setakat ini prestasi baka *BDR5* di kawasan-kawasan tersebut menunjukkan potensi yang sangat tinggi. Baka *BDR5* ini merupakan salah satu baka yang dihasilkan di bawah Program Penyelidikan Padi yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Ia dihasilkan daripada kacukan antara padi pusu dan padi laila iaitu dua jenis padi yang sangat digemari oleh *consumer* tempatan. Ia tidak peka terhadap *photo colour* dan boleh ditanam 2 kali setahun. Ia juga mempunyai potensi hasil antara 3 hingga 5 metrik tan sehektar dan mempunyai ketahanan terhadap kemarau yang lebih baik berbanding dengan padi laila.

Walau bagaimanapun, ia mempunyai tempoh matang yang lama iaitu 135 ke 140 hari. Oleh yang demikian, baka *BDR5* ini disasarkan di kawasan tadahan hujan sebagai satu alternatif kepada padi tempatan yang mempunyai tempoh matang sekitar 150 hari dan hanya boleh ditanam sekali dalam setahun.

Dalam memastikan perkembangan industri padi yang berterusan dan berdaya tahan, salah satu strategi pihak kementerian adalah untuk meningkatkan produktiviti dengan menggunakan varieti padi yang berhasil tinggi contohnya pengisytiharan dan penanaman padi 'Laila' secara besar-besaran pada tahun 2009, dan telah menyumbang kepada peningkatan hasil yang ketara berbanding dengan penggunaan padi tempatan yang berhasil rendah pada tahun-tahun sebelumnya.

Pihak kementerian menyasarkan tahun 2017 bagi penanaman padi 'Titih' yang berupaya mencapai potensi hasil bagi 8

metrik tan bagi sehektar semusim. Pada masa ini, pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang berusaha untuk mendapatkan varieti yang boleh menghasilkan 12 metrik tan padi sehektar setahun. Adalah disasarkan varieti tersebut untuk diperkenalkan kepada peladang pada tahun 2019 iaitu setelah kajian-kajian penyesuaiannya dilaksanakan.

Berkenaan dengan mesin-mesin penanaman padi. Kenapakah belum lagi diperkenalkan di Daerah Temburong? Sebenarnya penggunaan mesin-mesin dan pemajakan tanaman padi telah pun diperkenalkan kepada peladang-peladang padi di Daerah Temburong sejak tahun 2009.

Walau bagaimanapun, melalui ujian-ujian kesesuaian yang telah dijalankan didapati bahawa hampir keseluruhan kawasan penanaman padi di Daerah Temburong iaitu Perdayan, Lekiun, Senukuh dan Nagalang belum lagi sesuai untuk diusahakan menggunakan mesin kerana kawasan-kawasan tersebut mempunyai jenis tanah gambut *(pit soil)*. Ditambah lagi dengan keadaan struktur tanah yang belum stabil dan ketiadaan sistem pengairan yang teratur. Maka penggunaan mesin adalah terhad pada mesin-mesin yang ringan sahaja atau tidak dapat menggunakan mesin langsung.

Walau bagaimanapun, hanya ladang padi Selapun di Daerah Temburong sahaja yang dapat menggunakan mesin traktor yang telah mula digunakan pada akhir tahun 2015. Ladang ini mempunyai tanah yang sesuai untuk penggunaan mesin yang dilengkapi dengan sistem saliran dan pengairan yang lebih yang telah siap dibina.

Mesin penanaman ataupun *transplanter* juga sesuai digunakan jika terdapat penyediaan semaian yang moden di Daerah Temburong. Pihak kementerian memang menggalakkan penggunaan mesin bagi perusahaan padi untuk meningkatkan efisiensi pengurusan dan pengeluaran padi tempatan.

Manakala mesin penggerek dan mesin pengering padi juga telah pun diperkenalkan kepada peladang-peladang padi di Daerah Temburong tetapi hanya sebilangan peladang sahaja yang mampu untuk memilikinya walaupun mesin-mesin ini telah disenaraikan dalam Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan yang peladang-peladang boleh membelinya secara subsidi.

Bagi peladang-peladang yang ingin mendapatkan mesin pembaja, mesin penanam, mesin penggerek dan mesin pengering padi melalui di Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan *(SIPA)* ini, mereka boleh membuat permohonan dan terus berhubung dengan Unit Perkembangan Pertanian Daerah Temburong; dan

Berkenaan status bantuan keperluan yang diberikan kepada pihak berkenaan. Status bantuan keperluan yang diberikan oleh pihak kementerian sejauh

ini kepada peladang-peladang di Daerah Temburong adalah seperti berikut:-

Dari segi bantuan baja, racun rumpai, racun penyakit dan racun serangga. Bantuan ini masih lagi akan diteruskan mengikut peruntukan yang diberikan setiap tahun kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Selain itu, bantuan infrastruktur ladang juga akan terus diberikan seperti pembinaan dan penyediaan sistem saliran dan pengairan; dan

Bagi pembinaan jalan ladang utama. Pada masa ini hampir keseluruhan ladang penanaman padi utama di Daerah Temburong yang sedia ada telah pun dilengkapi dengan jalan-jalan ladang. Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan secara berterusan melaksanakan projek pemeliharaan dan menaik taraf projek tersebut mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Bagi penyediaan sistem saliran dan pengairan, setakat ini hanya kawasan padi Kampung Selapun sahaja yang telah dilengkapi dengan sistem saliran dan pengairan yang teratur.

Secara amnya, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan secara beterusan akan melaksanakan projek-projek pembangunan dan pemeliharaan infrastruktur di semua ladang-ladang di Daerah Temburong mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Selain itu, pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga ada memberikan bantuan-bantuan lain seperti taklimat dan khidmat nasihat teknikal dari segi penjagaan dan pengawalan musuh di ladang misalannya khidmat nasihat teknikal mengenai pengawalan musuh bersepadu *(IPM),* amalan tanaman secara bergilir, tanaman terlindung, pemilihan biji benih yang berkualiti dan rentang penyakit serta Amalan Pertanian Baik atau *Good Agriculture Practice (GAP).*

Demikianlah jawapan kaola bagi soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No. 23 daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola tujukan soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah bagi Pegawai Daerah Tutong, Kuala Belait dan Temburong telah disediakan oleh kerajaan di ketiga-tiga daerah. Nampaknya tidak ramai pegawai-pegawai daerah yang tinggal di Rumah Kediaman Rasmi tersebut dan

memilih tinggal di luar daerah berulang-alik setiap hari untuk bertugas.

Sebelum Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaannya pada 1 Januari 1984, terutama sekali pada tahun-tahun 1950-an hingga awal tahun 80-an, pegawai-pegawai daerah dimestikan tinggal di daerah tempat mereka bertugas. Selain dipertanggungjawabkan untuk mentadbir daerah, mereka juga disifatkan wakil kerajaan yang paling kanan di daerah tersebut. Dengan adanya mereka bermastautin di daerah tersebut mereka bukan hanya dapat bergaul rapat dengan penduduk di daerah tersebut malah memberi nasihat dan boleh mengambil tindakan dengan cepat dan berkesan jika ada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Saya ingin tahu:-

1. Adakah perubahan atau *directive* sudah dibuat bahawa pegawai-pegawai daerah tidak perlu lagi tinggal atau bermastautin di daerah mereka bertugas; dan

2. Jika tidak ada, apakah alasan pegawai-pegawai daerah tidak mahu tinggal di rumah kediaman rasmi yang disediakan itu?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menghargai Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar kerana bertanyakan 2 perkara iaitu mengenai direktif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada pegawai-pegawai daerah dan mengenai apa alasan pegawai-pegawai daerah tidak mahu tinggal di Kediaman Rasmi yang disediakan di daerah-daerah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan atau direktif bagi pegawai-pegawai daerah untuk tidak perlu tinggal atau tidak bermastautin di daerah masing-masing tempat mereka bertugas sebagai Pegawai Daerah. Sebaliknya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seringkali menekankan akan perlunya keberadaan pegawai-pegawai daerah di daerah-daerah berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara ini ditekankan lagi dalam Surat Arahan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengarahkan pegawai-pegawai daerah untuk mengambil perhatian keberadaan pegawai-pegawai daerah dan pemangku pegawai daerah bukan sahaja semasa waktu pejabat malah jua di luar waktu pejabat termasuklah hari Jumaat dan Ahad serta hari-hari kelepasan awam.

Ini termasuklah juga arahan untuk mendiami dan tinggal di Rumah Kediaman Rasmi masing-masing seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil berat mengenai perkara ini dan mengambil kira akan kepentingan orang ramai dan masyarakat setempat supaya dapat berhubung dengan pegawai-pegawai daerah dan pemangku pegawai daerah pada bila-bila masa diperlukan bagi memeduli hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan semua lapisan masyarakat, rakyat dan penduduk di daerah masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Walau bagaimanapun, terdapat dalam waktu-waktu tertentu pegawai-pegawai daerah dan pemangku pegawai daerah tidak dapat memenuhi keberadaan dan tinggal setiap masa di daerah masing-masing, disebabkan oleh tugas-tugas rasmi atau menghadiri majlis-majlis dan aktiviti-aktiviti di luar daerah.

Maka dalam keadaan ini, pegawai-pegawai daerah akan mengarahkan dan memastikan penolong-penolong pegawai daerah ataupun pegawai-pegawai kanan yang lain untuk berada di daerah bagi memastikan perjalanan pentadbiran dan pengurusan daerah tidak terjejas dalam memastikan terhadap pemedulian rakyat dan penduduk di daerah masing-masing secara berterusan. Sekian yang dapat saya jelaskan Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan yang No.24 daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim kepada Yang Berhormat Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan kaola ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal dalam Negeri mengenai cukai tahunan pintu bangunan dan rumah di kawasan Lembaga Bandaran.

Salah satu sumber pendapatan negara ialah daripada bayaran kutipan cukai tahunan, pintu bangunan dan rumah di kawasan Lembaga Bandaran. Adalah difahamkan bahawa ada cukai-cukai telah tertunggak dan mempunyai masalah untuk mengutipnya.

Soalan kaola:-

1. Adakah benar banyak pemilik bangunan yang masih mempunyai tunggakan cukai tahunan yang belum dijelaskan dan jika benar berapakah jumlahnya?; dan

2. Apakah langkah-langkah yang sudah dan akan dibuat oleh pihak berkenaan kepada mereka yang masih lagi tertunggak bayaran cukai tahunan ini?

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli. Yang Berhormat. Saya lebih dahulu merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap isu tunggakan cukai bangunan. Adalah benar ramai pemilik bangunan yang masih mempunyai tunggakan cukai tahunan yang belum dijelaskan.

Jumlah akaun pemilik-pemilik yang mempunyai tunggakan bagi ketiga-tiga Jabatan Bandaran ialah sebanyak 2,993 akaun iaitu Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan sebanyak 2,314 akaun, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria sebanyak 688 akaun dan Jabatan Bandaran Tutong sebanyak 11 akaun.

Bagi Tahun Kewangan 2015/2016, jumlah tunggakan terkumpul bagi ketiga-tiga Jabatan Bandaran mencecah sehingga $45.08 juta, sehingga 31 Januari 2016 sejumlah $6.3 juta sahaja yang berjaya dikutip dan masih berbaki $38.78 juta iaitu Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan mempunyai jumlah tunggakan sebanyak $41.41 juta. Dari jumlah tersebut sejumlah $5.41 juta telah berjaya dikutip. Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria mempunyai jumlah tunggakan sebanyak $3.64 juta Sejumlah $0.89 juta telah berjaya dikutip. Jabatan Bandaran Tutong mempunyai jumlah tunggakan $25,190.98 dan sejumlah B$2,782.00 telah berjaya dikutip.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Tatacara tuntutan cukai bangunan semasa yang berjalan pada masa ini, ialah cukai bangunan dituntut kepada pemilik bangunan dengan mengeluarkan notis makluman pada awal tahun. Jika cukai bangunan tidak dibayar, peringatan pertama akan dikeluarkan dan jika masih belum dibayar, peringatan terakhir dikeluarkan.

Selain itu, bagi memperkesankan tatacara pengutipan tunggakan cukai bangunan ini, Jabatan Bandaran juga mengambil langkah mengeluarkan pemberitahuan melalui media massa. Dalam usaha untuk memantapkan proses pengutipan cukai bangunan ini, Jabatan Bandaran bekerjasama dengan pihak Pejabat Peguam Negara. Sebelum tindakan undang-undang diambil pemilik-pemilik bangunan juga diberikan peluang untuk berunding dengan Jabatan Bandaran bagi menyelesaikan masalah pembayaran.

Jika peringatan terakhir telah dikeluarkan dan pemilik masih belum membuat pembayaran, Jabatan Bandaran akan memohon kerjasama pihak Peguam Negara untuk mengeluarkan *Letter* dengan *Demand*. Bagi kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, sejak bulan Oktober 2015 sehingga bulan Februari 2016, sebanyak 121 kes yang melibatkan tunggakan telah dihadapkan ke Pejabat Peguam Negara bagi mengeluarkan *Letter* dengan *Demand*.

Di Dewan yang mulia ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi

penghargaan kepada Pejabat Peguam Negara atas kerjasama berterusan dalam usaha mengutip tunggakan cukai bangunan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada 17 Oktober 2015 yang lalu, satu Jawatankuasa Khas Mengutip Tunggakan Cukai Bangunan telah pun ditubuhkan di Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan. Sejak tertubuhnya jawatankuasa ini pada bulan Oktober 2015 hingga 29 Februari 2016, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan telah berjaya mengutip cukai bangunan sebanyak $8,507,339.61 dimana dari jumlah tersebut sejumlah $3,091,375.27 adalah bayaran bagi tunggakan cukai bangunan yang menunjukkan satu kenaikan daripada tahun sebelumnya.

Bagi kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan sebanyak 253 akaun tunggakan yang melibatkan jumlah tunggakan $5,645,222.02 telah membuat perjanjian untuk membuat pembayaran ansuran. Sejauh ini jumlah tunggakan yang telah berjaya dikutip adalah sejumlah $1,022,664.23 iaitu sebanyak 18.1 peratus.

الْحَمْدُ لله dengan kerjasama pihak pemilik-pemilik bangunan berkenaan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan telah dapat meningkatkan kutipan hasil cukai bangunan bagi tahun kalendar 2015 dan juga bagi Tahun Kewangan 2015/2016.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan bandaran akan terus berusaha untuk menyelesaikan isu tunggakan cukai bangunan dengan mengambil langkah-langkah pembaikan iaitu:-

1. Mengadakan permuzakarahan dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan;

2. Memperkasakan dasar serta prosedur tuntutan dan kutipan cukai bangunan;

3. Memperkasakan penguatkuasaan; dan

4. Mengemaskini data dan maklumat pemilik-pemilik bangunan dan hartanah dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang dapat saya jelaskan terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Soalan No. 25, Soalan Yang Telah Diberi Notis yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ . Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengenai proses perubahan di agensi-agensi kerajaan. Pada tahun lepas beberapa agensi kerajaan telah membuat reformasi atau perubahan bagi membantu pihak kerajaan mencapai hasrat untuk memperbaiki lagi

kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam Laporan Bank Dunia bagi *Ease of Doing Business*. Antara agensi tersebut ialah Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Pihak Berkuasa Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABCi*), Jabatan Kerja Raya dan pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (*AITI*) di bawah Telekom Berhad dengan bantuan Unit PENGGERAK, Jabatan Perdana Menteri.

Fokus utama pembaharuan itu adalah memproses untuk mendapatkan kebenaran bagi perancangan, pelaksanaan, kebenaran pendudukan, penyambungan bekalan air dan elektrik serta permohonan bagi talian telefon dan internet yang sebelum ini dihadapkan ke *AITI*.

Soalan kaola:-

1. Adakah pemohon-pemohon dari orang ramai yang tergendala sebelum perubahan dikuatkuasakan mulai 1 November 2015 itu seperti permohonan pecah tanah *(sub-division*), memajukan projek dan industri seperti stesen minyak, perumahan dan sebagainya yang memakan masa lama diperlukan membuat permohonan semula atau diteruskan prosesnya supaya dapat dipercepatkan kelulusannya?; dan

2. Adakah pihak yang layak mengambil tindakan kepada kontraktor yang membuat salah laku dengan tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan seperti tidak mengamalkan ciri-ciri keselamatan yang mengakibatkan kecuaian dan kemalangan berlaku dan tidak mengendahkan kebersihan alam sekitar yang menyusahkan orang ramai? Jika ada apakah tindakan-tindakan yang dikenakan ke atas mereka?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim atas soalan-soalan tadi. Mengenai soalan pertama iaitu adakah permohonan-permohonan dari orang ramai yang tergendala sebelum perubahan dikuatkuasakan mulai 1 November 2015 iaitu permohonan pecah tanah ataupun *sub-division*, memajukan projek dan industri seperti stesen minyak, perumahan dan sebagainya yang memakan masa lama, diperlukan membuat permohonan semula atau diteruskan prosesnya supaya dapat dipercepatkan kelulusannya.

Saya menjawab bahawa petunjuk Bank Dunia dalam *Ease of Doing Business* yang dimaksudkan ialah berurusan dengan kebenaran pembinaan ataupun *dealing with construction permit*. Dalam Laporan Tahunan 2016, Negara Brunei Darussalam telah mencapai kedudukan yang ke-21 daripada 189 ekonomi dunia bagi petunjuk ini. Proses mendapatkan kebenaran

pembinaan telah dipermudahkan kepada 5 peringkat sahaja iaitu:-

1. Mendapatkan kebenaran perancangan dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa;

2. Mendapatkan kebenaran kemajuan dari *ABCi*;

3. Mendapatkan kebenaran memulakan kemajuan dari *ABCi*;

4. Mendapatkan kebenaran mendiami dari *ABCi*; dan

5. Mendapatkan penyambungan air dari Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya.

Informasi yang dimaksudkan berkuat kuasa pada 1 November 2015 iaitu mulanya berkuatkuasa Perintah Kawalan Bangunan 2014 dalam konteks proses 5 peringkat yang saya nyatakan tadi. Perintah ini mengawal peringkat II, III dan IV iaitu mendapatkan kebenaran kemajuan, mendapatkan kebenaran memulakan kemajuan dan mendapatkan kebenaran mendiami atau dikenali sebagai *Occupation Permit*, semuanya dari *ABCi*. Perintah ini tidak mengambil alih kuasa Jabatan Perancang Bandar dan Desa sebagai Pihak Yang Layak Kawalan Kemajuan yang mengeluarkan kebenaran perancangan di peringkat pertama tadi. Reformasi atau Perintah ini juga tidak melibatkan permohonan pecah tanah ataupun *sub-division* mahupun penyatuan tanah atau pun *solidation*.

Pendeknya tidak ada keperluan untuk menghadapkan semula sebarang permohonan kepada mana-mana pihak. Jika ada pembetulan yang perlu dibuat, pihak *QP* akan menghadapkan pembetulan ataupun pindaan pelan tetapi ini bukanlah permohonan semula. Khusus untuk menangani permohonan-permohonan yang masih belum lulus walaupun telah lebih daripada TPOR, pihak *ABCi* pada 11 dan 13 Februari yang lalu telah pun mengadakan klinik bagi orang-orang yang berkelayakan atau pun *QP*, untuk mengemukakan pertanyaan dan mendapatkan penjelasan mengenai permohonan-permohonan yang belum lulus. Klinik ini mendapat sambutan baik dan atas permintaan *QP* klinik ini akan diteruskan setiap bulan.

Impak terbesar Perintah Kawalan Bangunan ini ialah ia menggariskan tanggungjawab kepada pemaju, *QP* dan pembina. Orang berkelayakan pembina dan pemaju yang dilantik akan bertanggungjawab untuk memastikan kemajuan yang dijalankan mengikut peraturan dan piawaian yang ditetapkan.

Dengan adanya perubahan ini, proses di *ABCi* dapat dipercepatkan lagi, misalannya proses peringkat 3 iaitu mendapatkan kebenaran memulakan pembinaan telah dipendekkan dari 7 hari kepada 1 hari. Manakala permohonan-permohonan kemajuan tanah pembangunan yang telah pun dihadapkan kepada pihak Berkuasa *(authority)* Kawalan Bangunan dan Industri (*ABCi)* sebelum 1 November

2015 tetapi masih belum lulus yang memerlukan pindaan akan diproses semula selepas pihak arkitek atau jurutera profesional atau tukang pelan menghadapkan pelan pindaan yang telah mematuhi perkara-perkara yang diperlukan oleh setiap disiplin yang ada untuk ulasan sahaja ke *ABCi* dengan merujuk kepada permohonan asal. Permohonan baharu tidak perlu dihadapkan.

Mengenai soalan No.2, adakah pihak yang layak *(competent officer)* mengambil tindakan kepada kontraktor yang membuat salah laku dengan tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan seperti tidak mengamalkan ciri-ciri keselamatan yang mengakibatkan berlakunya kemalangan dan tidak mengendahkan kebersihan alam sekitar yang menyusahkan orang ramai. Jika ada, apakah tindakan-tindakan dikenakan ke atas mereka?

Kontraktor dan pembekal yang berhasrat ikut serta dalam tawaran kerajaan dalam industri pembinaan dimestikan untuk berdaftar sebagai kontraktor dan pembekal Kementerian Pembangunan. Ini termasuk kontraktor yang hendak melaksanakan projek-projek pembinaan di sektor swasta atau persendirian.

Pada masa ini, pendaftaran kontraktor dan pembekal dibuat secara pentadbiran berdasarkan syarat-syarat yang terkandung dalam Buku Prosedur Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal dan peraturan-peraturan yang berjalan pada masa ini. Pendaftaran sebagai kontraktor dan pembekal dipertimbangkan melalui Jawatankuasa Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan.

Mengenai soalan tindakan yang dikenakan ke atas kontraktor yang membuat salah laku dan tidak mematuhi piawaian, tidak mengamalkan ciri-ciri keselamatan yang mengakibatkan kecuaian dan kemalangan dan tidak mengendahkan akan kebersihan alam sekitar yang menjejaskan orang ramai. Prosedur pendaftaran kontraktor dan pembekal Kementerian Pembangunan memperuntukkan tindakan bagi penggantungan dan pembatalan Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal seperti yang terdapat dalam Jadual x bahawa Sijil Pendaftaran boleh digantung tidak melebihi 6 bulan. Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal boleh dibatalkan jika pihak syarikat melakukan 3 kali kesalahan dan telah diberi peringatan bertulis daripada Jawatankuasa Pendaftaran.

Dalam perkara ini juga, isu-isu yang berkaitan dengan prestasi keselamatan dan kesihatan, masalah projek, kecuaian kontraktor boleh dibawa oleh Ahli-ahli Jawatankuasa atau jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan atau surat aduan daripada orang ramai untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa untuk tindakan sewajarnya mengikut peraturan dan garis panduan yang berjalan pada masa ini.

Syarikat juga boleh ditegah untuk mengikuti tawaran-tawaran kerajaan dalam satu tempoh tertentu dalam bidang kuasa Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan. Dalam Perintah Kawalan Bangunan *(Building Control Order)* 2014 di bawah Seksyen 15; *Duties of Builders*, terdapat peruntukan untuk pembina (*builders)* supaya mematuhi perintah dan peraturan yang ada.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat cukuplah dahulu setakat itu soalan-soalan No. 25, kerana di hadapan kita masih terdapat lagi Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang perlu kita segerakan untuk diselesaikan. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Kita masih lagi membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pada mesyuarat yang telah kita adakan petang semalam, kita telah mendengar ucapan pendahuluan berkenaan dengan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini secara komprehensif yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Kita telah mendengar sebanyak 8 soalan daripada 8 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang mengemukakan pertanyaan-pertanyaan dan pada petang semalam. Pertanyaan-pertanyaan tersebut telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sungguhpun demikian, di hadapan saya masih ada lagi senarai seramai 8 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk ikut serta dalam membahaskan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini.

Walau bagaimanapun, sebelum itu saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah memohon untuk diberi laluan bagi memberi jawapan-jawapan ringkas kepada soalan-soalan yang belum sempat dijawabnya yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik semasa kita membincangkan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Dengan itu, sebelum saya memberikan kesempatan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka untuk membincangkan Rang Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama, saya berikan kesempatan kepada Yang

Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menjawab soalan-soalan yang berkenaan itu. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menjawab 2 soalan yang belum terjawab, iaitu soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Berkenaan dengan bekalan racun dan baja. Adakah mencukupi bagi peladang pedalaman? Jabatan Pertanian dan Agrimakanan memang sentiasa peka mengenai keperluan pengusaha mendapatkan bahan insentif seperti baja dan racun kimia pertanian. Penyediaan bahan-bahan insentif tersebut tidaklah dapat disediakan sepenuhnya mengikut kehendak keperluan semua pengusaha di seluruh daerah kerana pembekalannya tertakluk kepada peruntukan yang diberikan.

Oleh itu, Jabatan hanya berkemampuan untuk menyediakan keperluan baja dan racun yang asas sahaja untuk diedarkan kepada pengusaha-pengusaha di keempat-empat daerah bagi mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan racun dan bahan-bahan kimia pertanian untuk mengawal masalah rumpai serangga perosak dan penyakit tanaman.

Pengusaha-pengusaha digalakkan supaya mengamalkan kaedah pengurusan musuh bersepadu iaitu seperti:-

1. Mengutamakan kebersihan ladang;

2. Menjalankan aktiviti seperti memotong rumput;

3. Memastikan penyediaan ladang yang rata dan bersih untuk mengelakkan tumbuhnya rumput-rampai;

4. Mengamalkan pemantauan tahap serangan berumpai, serangga perosak dan penyakit tanaman di ladang;

5. Menggunakan peralatan ladang seperti pukat, perangkap, lampu dan sebagainya untuk mencegah dan mengurangkan tahap serangan; dan

6. Seterusnya mencabut, membuang dan membakar secara terkawal bahagian pohon atau keseluruhan pohon yang sudah teruk diserang.

Sekiranya pengusaha-pengusaha berhasrat untuk membeli racun atau bahan kimia pertanian, pengusaha-pengusaha berkenaan dinasihati membeli bahan-bahan tersebut di syarikat swasta yang mempunyai Lesen Racun dari Kementerian Kesihatan dan membincangkan kos-kos pembeliannya yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak.

Usaha untuk mengekalkan penghasilan padi yang tinggi dan berkualiti, pengusaha disarankan untuk menukar penggunaan jenis baja *compound* kepada baja campuran fizikal atau

tunggal dan membeli baja secara berkumpulan atau berkoperasi untuk mendapatkan harga borong atau *discount* daripada syarikat swasta atau mengimport dari luar negara baja campuran lebih murah berbanding harga baja *compound.*

Apakah perancangan kementerian bagi mengganti tanaman limau yang sudah tidak dijalankan di Daerah Belait. Penyakit *Citrus Greening* adalah penyakit sejenis bakteria yang menyerang kesemua jenis tanaman limau termasuk limau manis. Kesan serangannya menyebabkan tanaman limau menguning, kurang membuahkan hasil dan kualiti buah turut terjejas seperti saiznya kecil dan tahap manisnya berkurangan. Penyakit ini tidak mempunyai antidot atau racun dan pokok yang teruk diserang disarankan untuk ditebang dan dihapuskan.

Pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang membuat perancangan melalui kajian *rehabilitation* (pemulihan industri limau manis) dengan penyediaan bahan tanaman limau manis yang bebas penyakit *Citrus Greening*. Pada masa ini, kajian pembiakan bahan tanaman yang bebas penyakit melalui kaedah *micropropagation* sedang giat dijalankan oleh pihak jabatan dan juga pihak jabatan merancang untuk menjalankan kegiatan *heat therapy* melalui informasi yang didapati daripada Amerika Syarikat sebagai kaedah bagi memulihkan tanaman limau manis yang terkena serangan penyakit *Citrus Greening* itu.

Sekianlah sahaja jawapan kaola bagi soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita balik kepada Tajuk Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin untuk menyuarakan keraguannya.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ada 3 soalan untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama:-

1. Dicadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama menubuhkan Unit Mencari Jodoh. Pada masa ini, kebanyakan wanita dan lelaki sukar mencari jodoh. Pada zaman dahulu urusan jodoh ditentukan oleh kedua-dua orang tua. Pada masa itu terdapat banyak acara kekeluargaan misalannya dalam perkahwinan seperti berusah-rusah, gotong-royong dan lain-lain. Dalam acara berkenaan, peluang untuk mencari jodoh lebih luas serta memilih-milih menantu dilihat dari kerajinan seseorang lelaki dan perempuan dengan lain-lain cara.

Kini perkara tersebut tidak lagi berlaku di masyarakat kita. Oleh sebab itu, ramai yang kahwin lewat. Masa kesuburan untuk melahirkan anak yang berkualiti akan terjejas dan mungkin akan menyebabkan anak-anak yang lahir mendapat *down syndrome*, terutama pasangan perempuan yang sudah meningkat umurnya.

Dengan memperkenalkan sebuah unit untuk mencari jodoh, diharapkan agensi tersebut akan dapat membantu wanita dan jejaka yang bujang untuk mencari pasangan. Mudah-mudahan dengan cara ini boleh membantu mereka yang berkenaan;

2. Penggunaan teknologi pada masa kini membawa fenomena baharu dalam bentuk komunikasi apabila fokus kini tertumpu kepada penggunaan media sosial dalam pelbagai aspek kehidupan. Justeru, penggunaan media sosial juga meliputi tuntutan pelaksanaan dakwah yang mengikut arus perubahan zaman. Mesej dakwah di rangkaian media sosial memberikan impak kepada anak-anak pada masa ini.

   Terdapat pengaruh dan manfaat yang positif terhadap penyebaran dakwah melalui media elektronik dan mudah diakses. Namun, kini peredaran maklumat mudah diputar belitkan dan ini tidak terkecuali mengenai soal agama.

   Penyebaran amalan syiah, pengaruh *IS* dan ideologi radikal, mereka adalah antara pengaruh negatif yang dikhuatiri akan disebarkan dan mesej yang disebarkan setentunya bertentangan dengan ajaran agama Islam.

   Oleh itu, Pusat Da'wah Islamiah seharusnya mengambil peluang terhadap penyebaran mesej dakwah melalui media sosial kerana sifatnya yang pantas dan lebih global. Pada masa yang sama Pusat Da'wah Islamiah seharusnya secara berterusan menggunakan kecanggihan media elektronik untuk menapis sebarang anasir yang bertentangan dengan agama dan fahaman yang boleh memesongkan akidah kita atau fahaman-fahaman radikal yang boleh menjerumuskan anak-anak muda; dan

3. Masalah perkuburan. Terdapat kawasan tanah perkuburan di hutan-hutan yang ada kawasannya sudah digazet dan belum. Apa yang terjadi beberapa tahun dahulu ada perkuburan telah diselongkar oleh pemaju. Kontraktor mengalihkan batu nisan atau meratakan kubur. Sebilangannya melibatkan Perkuburan Batu Bersurat dan ada perkuburan orang kenamaan telah dipindahkan. Nisan-nisan yang ada di sekitar kawasan projek hanya boleh dialih, diubah ke tempat lain sebagaimana diharuskan oleh syarak. Kubur tersebut dikhuatiri digali oleh pencuri atau binatang

atau runtuh kerana banjir, tanah susur dan seumpamanya.

Adalah diingatkan supaya mana-mana pemaju dan kontraktor untuk mematuhi segala peraturan dan spesifikasi projek pembinaan terutama yang berdekatan dengan tanah perkuburan dan masjid. Perkara ini harus dipandang serius kerana ia berkaitan dengan sensitiviti agama. Dari segi sejarah juga ia merugikan bagi generasi-generasi akan datang.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terlebih dahulu izinkan kaola juga untuk merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah peruntukan belanjawan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama pada petang semalam. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sukacita kaola akan menyampaikan 4 perkara dalam Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama, iaitu:-

1. Mengenai dengan cadangan dan rancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan yang berkenaan bagi menaik taraf beberapa buah masjid di Daerah Temburong termasuklah juga menaik taraf Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. Kaola ingin tahu status perkembangannya sejauh ini. Apakah ia masih diteruskan seperti mana yang sudah dirancangkan?;

2. Kaola melihat surau-surau atau balai ibadat bagi saudara-saudara baharu (mualaf) yang terdapat di Daerah Temburong yang memerlukan perhatian kerana ada yang sudah rosak di beberapa bahagian dan perlu pembaikan.

   Di Dewan yang mulia ini, sukacita kaola bertanya pada jangka masa panjang, apakah ada dalam perancangan dan cadangan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan berkenaan supaya bangunan surau-surau atau balai ibadat bagi saudara-saudara baharu di Kampung Sumbiling, Mukim Amo dan Kampung Semabat, Mukim Bokok dapat dinaik taraf daripada bangunan kayu kepada bangunan konkrit seperti mana juga surau/balai ibadat Kampung Selapun, Mukim Batu Apoi pada masa ini;

3. Kaola ingin mengetahui tempoh proses pemohon bantuan kepada pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui wang zakat seperti permohonan bantuan perahu dan alat-alat menangkap ikan yang

menyebabkan terdapat kes-kes permohonan menunggu terlalu lama, masih belum ada maklum balas. Kaola ingin tahu akan kedudukan perkara ini; dan

4. Di Daerah Temburong yang masih lagi menghadapi kekurangan rumah penempatan tinggal sementara bagi keluarga saudara-saudara baharu (mualaf) yang sudah lama memeluk agama Islam, ada yang masih tinggal di rumah ibu bapa mereka yang belum Islam.

الْحَمْدُ لله atas keprihatinan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan berkenaan, pada masa ini sudah pun ada 2 buah bangunan Rumah Bahagia yang sudah lama dibina bagi saudara-saudara baharu (mualaf) yang dibangunkan melalui Pusat Da'wah Islamiah Daerah Temburong iaitu di Kampung Sibut, Mukim Amo yang didiami oleh 6 keluarga dan di Kampung Semabat, Mukim Bokok yang didiami oleh 6 keluarga.

Sukacita kaola bertanya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian melalui jabatan berkenaan dalam menangani masalah yang kaola nyatakan tadi dan perancangan jangka panjang seperti penambahan Rumah Bahagia bagi menangani penempatan saudara-saudara baharu (mualaf) di Daerah Temburong.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah yang telah diberikan pada petang semalam dengan fungsi 5 utama. Peruntukan sejumlah $249,737,970.00.

Kaola sendiri menyokong sepenuhnya. Sementera Perbelanjaan Khas sebanyak $2.15 juta berbanding dengan Tahun Kewangan 2015/2016 sebanyak $5.4 juta. Dalam hubungan ini, kaola ingin mengetahui:-

1. Mengenai usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama memasang *CCTV* di masjid-masjid seluruh negara. Berapa buahkah masjid sudah dipasang dengan *CCTV* ini?; dan

2. Kaola ingin tahu perkembangan pembinaan masjid di kawasan Zon 2 terutamanya di kawasan Perpindahan Perumahan Meragang, Tanah Jambu dan Mengkubau setakat ini?.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya

sekarang bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, sama ada mahu menjawabnya? Silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih. Soalan dari pada 3 orang Ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan tersebut:-

1. Mencadangkan supaya diadakan Unit Mencari Jodoh dengan alasan pada masa ini, keadaan sudah berubah. Pada masa dahulu peranan tersebut banyak dimainkan oleh orang tua dan oleh sebab keadaan masyarakat kitani sudah berubah, acara-acara kekeluargaan makin berkurangan maka perlulah dicari, cara-cara iaitu dengan secara *formal* maksudnya ada agensi di pihak kerajaan untuk menjalankan peranan ini.

   Yang Berhormat Pengerusi. Diakui bahawa peranan kedua ibu bapa dapat menemukan jodoh dalam kalangan keluarga dalam masyarakat pada keadaan masa itu. Dalam keadaan masa ini, masyarakat semakin terbuka, lelaki dan perempuan lebih mempunyai *direct access* terhadap satu sama lain. Ia akan lebih mudah kalau dibandingkan dengan zaman dahulu. Pemilihan pun namanya *direct.* Terjadi hal-hal seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu lambat menemui jodoh. Kaola dapat menyebutkan belumlah namanya bertemu jodoh.

   Apakah peranan ini akan dijalankan oleh kerajaan? Kaola fikir tidaklah perlu secara formal mengenai hal-hal peribadi seperti ini. Adalah lebih baik diserahkan kepada yang berkenaan itu untuk berjalan secara *natural* sahaja;

2. Media sosial untuk Pusat Da'wah Islamiah me*respons* perkara-perkara keperluan untuk meluaskan dakwahnya dengan media sosial telah pun kaola sebutkan pada jawapan semalam. Walaupun bukan jawapan secara langsung mengenai perkara ini, kaola telah menyebutkan Pusat Da'wah Islamiah sudah pun mengorak langkah ke arah ini dan mempunyai *blogspot* sendiri yang boleh di akses oleh orang ramai. Melalui media sosial Pusat Da'wah Islamiah menyalurkan bahan-bahan dakwah, bahan-bahan yang bersesuaian dengan peringkat-peringkat tertentu mengikut peringkat yang memerlukannya.

   Memang perlu, terutama sekali orang ramai untuk memahami apa sebenarnya satu-satu isu yang berbangkit untuk tidak tepengaruh dengan pemikiran ataupun fahaman radikal dalam beragama. Oleh sebab itulah Pusat Da'wah Islamiah telah menggunakan peluang dalam media sosial ini, walaupun tidak secara langsung untuk me*respons* kepada aliran *radicalisms* dalam beragama. Apa yang disalurkan itu menepati kehendak tersebut itu; dan

3. Kawasan tanah perkuburan. Kalau diteliti daripada soalan Yang Berhormat itu tadi lebih banyak merupakan pemikiran daripada Yang Berhormat, saranan supaya pemaju-pemaju lebih berhati-hati dalam memajukan tanah terutama sekali pada masa dahulu di kawasan hutan, yang mendapati ada tanah-tanah perkuburan di kawasan yang dimajukan.

   Adapun peranan kerajaan dalam hal ini, ialah agensi-agensi yang meluluskan sebarang permohonan untuk kemajuan tanah, tentu mengetahui tanah yang ada kawasan perkuburan. Jika terjadi sedemikian itu lazimnya, akan diambil langkah-langkah berhati-hati, umpamanya merundingkan dengan pihak-pihak berkenaan di bahagian agama, apa yang patut dilakukan mengenai perkara ini.

   Yang Berhormat pun telah menyebutkan ada persyaratan tertentu untuk nisan atau perkuburan untuk dipindahkan dan sebagainya. Itulah ada manualnya, dan aturannya sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin tadi.

Mengenai Soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Daerah Temburong, kaola mengucapkan terima kasih atas perhatiannya berhubung dengan menaik taraf beberapa buah masjid termasuk Masjid Utama Mohammad Salleh di Pekan Bangar dan juga Masjid Kampung Batu Apoi. Rancangan menaik taraf ini dalam perancangan untuk Masjid Utama Mohammad Salleh di Pekan Bangar dan Masjid Kampung Batu Apoi.

Kedua-duanya adalah dalam Projek USAI. Statusnya pada masa ini, Masjid Utama Mohammad Salleh di Pekan Bangar dalam peringkat menyediakan reka bentuk dan dalam proses ini, beberapa perundingan telah diadakan sambil mengkaji beberapa kedudukan struktur masjid yang lama itu untuk diambil kira sebarang perubahan-perubahannya yang bersesuaian dan keperluan teknikal. Berdasarkan perundingan itu beberapa *input* juga telah didapatkan untuk dimasukkan beberapa perubahan kepada reka bentuk yang sudah mula dicadangkan.

Mengenai Masjid Batu Apoi, sudah siap lukisan reka bentuknya dan telah dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Ugama Islam. *Input* dari Mesyuarat Majlis Ugama Islam telah pun dicatat dan diambil kira. Kedua-dua projek ini menunggu peruntukan yang bersesuaian, Yang Berhormat Pengerusi.

Kedua, ditimbulkan tadi ialah perancangan supaya surau atau balai ibadah bagi saudara-saudara baharu di Daerah Temburong diperbaiki dan dinaik taraf daripada bangunan kayu kepada konkrit di Kampung Sumbiling dan di Kampung Semabat. Mungkin yang disebutkan itu balai ibadah bagi saudara-saudara baharu di Kampung Sumbiling, Mukim Amo itu ialah Balai

Ibadah Kampung Semabat, Mukim Bokok.

Ia termasuk dalam Projek USAI untuk dinaik taraf dari bangunan kayu kepada bangunan konkrit dan yang disebut sebagai surau atau balai ibadah Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi itu mungkin yang dimaksudkannya ialah Pos Kawalan Ugama di Kampung Selapon yang dikendalikan oleh Pusat Da'wah Islamiah.

Kementerian memang tidak pangling (alpa) daripada usaha memperbaiki bangunan surau atau balai ibadah di masjid-masjid di seluruh daerah. Bukan sahaja untuk saudara-saudara kita di pedalaman yang memeluk agama Islam. Ini tertakluk tentang besar kecilnya projek itu yang akan diperiksa dahulu untuk menentukan langkah-langkah yang bersesuaian bagi pelaksanaannya.

Mengenai adakah tempoh bagi proses menimbangkan permohonan bantuan melalui wang zakat. Ada disebutkan tadi ialah mengenai perahu dan alat menangkap ikan. Kaola ingin membetulkan permohonan bantuan zakat, bukan namanya bantuan Yang Berhormat Pengerusi. Bagi zakat permohonan mendapatkan agihan, kerana zakat itu ada orang yang berhak menerimanya.

Tempohnya itu pada masa dahulu ditetapkan *TPOR*nya selama 89 hari bagi satu permohonan yang diproses dan diberikan respons sama ada berjaya atau tidak. Memandangkan kepada pengalaman yang telah dialami berhubung dengan banyaknya bilangan pemohon, maka *TPOR* sedemikian itu tidak lagi berjalan. Sedaya upaya permohonan-permohonan yang diterima itu akan disiasat, kemudian diteliti dan dibawa ke mesyuarat. Bilangan bermesyuarat adalah dalam seminggu dan sebagainya mempengaruhi juga tempoh kelamaan sesuatu permohonan.

Oleh itu, menyebut tentang permohonan perahu dan alat menangkap ikan, kaola teringat, seorang pemuda di Daerah Temburong, mungkin saudara baharu memohon perkara tersebut pada tahun lepas. Respons daripada Majlis Ugama Islam, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat ialah meminta pemohon itu lebih dahulu mendapatkan Lesen Menangkap Ikan, tetapi sehingga kini kaola dapat tahu belum ada respons daripadanya sama ada ia sudah berusaha mendapatkan lesen ataupun sebaliknya.

Sebaik-baiknya kalaulah kes yang sama seperti kes pemuda tersebut kaola meminta kerjasama daripada Yang Berhormat untuk bertanya kepada yang berkenaan itu. Jika mereka benar-benar berminat segeralah merespons kehendak yang diperlukan oleh Majlis Ugama Islam untuknya mendapatkan lesen dan kalau ada masalah pun beritahu kepada Majlis Ugama Islam supaya dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya Yang Berhormat Pengerusi.

Berhubung dengan perumahan bagi saudara-saudara baharu yang sudah

lama memeluk agama Islam dan masih lagi tinggal bersama dengan keluarga yang bukan Islam, semalam pun sudah kaola jelaskan mengenai perkara ini. Secara ringkas, memang ideal bagi seorang yang memeluk agama Islam untuk kekal bersama-sama dengan keluarganya. Tidak ada halangan dari segi syarak bersama-samanya malah hubungan kekeluargaan tidak putus kerana berlainan akidah. Walau bagaimanapun, jika terjadi masalah keluarga maka bagi mengatasi masalah ini dicarilah rumah kediaman sementara.

Kes untuk mengadakan perumahan saudara-saudara baharu akan dibuat apabila penduduk di tempat itu ramai yang memeluk agama Islam, misalannya mereka semua di rumah panjang itu sudah memeluk agama Islam. Maka rumah panjang itu pun dijadikan berek seperti mana yang ada di Semabat yang didiami oleh 6 keluarga Islam.

Dalam masa yang sama, seperti yang dijelaskan semalam kalau ada kes saudara-saudara baharu yang memang memerlukan rumah dan mereka itu berhak dari segi agihan zakat sebagai orang yang miskin dan bukan mualafnya yang dilihat yang memerlukan rumah sebagaimana juga saudara-saudaranya lain yang Islam diberikan perumahan kerana daif dan miskinnya serta tidak berkemampuan. Kaola terangkan semalam di Daerah Temburong sahaja ada 3 buah rumah yang sudah siap dan akan mula diserahkan dan sebuah lagi dalam penyiapan. Itulah jawapan yang kaola berikan kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim iaitu *CCTV* di masjid-masjid yang sudah dipasang. Kalau tidak silap sebanyak 32 buah masjid yang sudah ada mempunyai *CCTV.*

Memang dalam Peruntukan Khas tahun ini tidak ada peruntukan untuk *CCTV* tapi ada usaha daripada masjid-masjid itu sendiri dan Jabatan Hal Ehwal Masjid menggalakkan masjid-masjid itu sendiri berusaha mendapatkan *CCTV* daripada tabung atau dana dan bantuan orang-orang perseorangan seperti pemasangan pendingin hawa. Kita menggalakkan orang ramai untuk menyumbang *CCTV* ini kepada masjid-masjid.

Masjid memerlukan *CCTV* kerana sering terjadi kecurian. Masjid merupakan tempat suci dan tempat beribadat terjadinya kecurian. Tabung masjid tersebut terpaksa dibandut (diikat). Ada pintu-pintu bilik di masjid dibuat *grill* seolah-olah macam *factory.* Adakah masjid berkeadaan seperti ini wajar, inilah yang patut kita fikirkan. Seperti dalam dua tiga hari yang lalu ada disebarkan misalannya satu kejadian di masjid lama Kampung Kilanas, ada seorang pemuda nampak di *CCTV* sedang mengorek tabung.

Sebaik-baiknya kaola mengharapkan kepada orang ramai dan juga mengharapkan pihak kementerian untuk mengubah dan mencari satu huraian-

huraian yang lebih sempurna. Masjid itu tempat beribadat. Kita meletakkan tabung dengan niat ikhlas untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai, bersedekah untuk maslahat masjid.

Jemaah menderma dan bersedekah melalui tabung masjid dan sedekahnya itu sifatnya ikhlas. Moga-moga apa yang kita nampak pada masa ini tabung dikorek, tabung dibandut dan bilik-bilik di setengah-tengah masjid dibuat *grill* akan dapat kita selesaikan supaya masjid-masjid benar-benar akan kelihatan sebagai tempat suci untuk beribadat.

Perkembangan pembinaan masjid di Zon 2. Satu perkara yang memang disedari bahawa penduduk Mengkubau dan Meragang merupakan kawasan-kawasan ledakan penduduk. Kementerian Hal Ehwal Ugama memang ada perancangan mengenai perkara ini dan buat masa ini kita meletakkannya untuk ditangguhkan dahulu rancangan-rancangan tersebut hingga ke satu masa yang bersesuaian.

Kita mesti ingat juga akan keperluan ini adalah untuk beribadat bagi orang-orang di kawasan-kawasan tersebut. Memang sangat diperlukan, lebih-lebih lagi apabila didapati masjid-masjid yang berdekatan dengan kawasan Zon 2 seperti Masjid Tanah Jambu, Perpindahan Kampung Mentiri, Kampung Mentiri lama dan di Kampung Kapok sentiasa penuh.

Semua ini memerlukan kita untuk menyumbang kepada tabung dana masjid. Mudah-mudahan juga akan menimbulkan kesedaran kita untuk menyumbang kepada tabung itu dan berharap dengan adanya tabung dana itu kita boleh memenuhi keperluan kawasan-kawasan seumpama ini.

Kawasan seumpama itu memerlukan masjid yang besar bukan masjid yang kira-kira 1,000 orang tapi masjid yang lebih dari itu dan ini memakan peruntukan yang tinggi berbanding dengan masjid yang antara 1,000 orang boleh dibina dengan peruntukan kira-kira antara $3.5 juta dengan $4 juta tapi masjid sedemikian itu lebih daripada itu.

Mudah-mudahan penduduk-penduduk di sana bersabar dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya negara kitani akan segera terkeluar daripada kekurangan pendapatan hasil yang mengakibatkan kita berbelanja dengan berhemat dan berjimat. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat atas penjelasan-penjelasan yang telah diberikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa ini kita di tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhomat, kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara, saya cadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini kita tangguhkan selama 20 minit untuk membolehkan kita berehat.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dan masih lagi membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Sebagaimana kita maklumi kita masih lagi membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebentar tadi, sebelum kita tangguhkan Mesyuarat ini, kita telah mendengar 3 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan beberapa soalan dan pada waktu yang sama Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah juga memberikan responnya terhadap soalan-soalan yang telah dikemukakan.

Dalam senarai saya masih lagi terdapat 5 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbahasan mengenai Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin untuk memulakannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Kaola ingin mengutarakan mengenai pakej haji yang sedang diperkenalkan oleh ejen-ejen yang menguruskan pakej haji dari Negara Brunei Darussalam semasa musim haji pada setiap tahun. Pada akhir-akhir ini, ada antara rakyat kitani yang berhasrat untuk menunaikan fardu haji telah mula membandingkan bayaran pakej haji yang terdapat di Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara di rantau *ASEAN.* Dengan jelas mendapati bahawa pakej haji di Negara Brunei Darussalam ini lebih jauh mahal setelah dibandingkan dengan negara-negara *ASEAN* yang lain.

Rasa-rasanya persoalan yang kaola utarakan tersebut di atas telah pun mendapat penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menjawab soalan daripada rakan sejawatan dari Zon I, Daerah Belait. Walau bagaimanapun, diharap perkara ini dapat dilihat semula, sebagai satu keperluan ataupun usaha bagi memenuhi hasrat rakyat Brunei yang berminat terhadap pakej yang lebih murah di perkenalkan di Negara Brunei Darussalam. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyokong sepenuhnya Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan nampaknya menunjukkan harapan apa yang disuarakan pada pagi ini.

Program Asnaf Zakat (PROPAZ) yang dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) merupakan program yang sangat baik dan memberikan kefahaman tentang bagaimana menjalani kehidupan yang tidak hanya bergantung pada bantuan semata-mata. Program ini sangat bermanfaat dalam menanamkan rasa tanggungjawab kepada masyarakat khususnya mereka yang dikurniakan bantuan sama ada agihan zakat ataupun Jabatan Pembangunan Masyarakat (*JAPEM*) dan juga agensi-agensi yang lain yang menghulurkan bantuan.

Di Dewan yang mulia ini kaola rasa dengan rendah hati ingin mencadangkan supaya pihak berkenaan akan dapat mengubah format proses pemberian bantuan seperti berikut:-

1. Setelah penilaian dibuat mengenai status permohonan mereka bagi yang disokong untuk mendapatkan bantuan, sebelum bantuan dihulurkan mereka perlu mengikuti kursus PROPAZ yang dianjurkan oleh MUIB iaitu bagi mereka yang segar-bugar, orang tua-tua memang tidak memerlukannya kerana kurang upaya dan sebagainya, iaitu bagi mereka yang masih muda dan bertenaga sahaja. Dengan yang demikian sekurang-kurangnya mereka mempunyai kesedaran betapa perlunya berdikari untuk mendapatkan rezeki bagi menyara diri dan keluarga; dan

2. Masjid baharu Kampung Tanjung Bunut. Dalam tajuk akhbar Media Permata yang terpapar bertarikh 19 Mac 2015, hampir setahun yang lepas antara lain menyebut sebab mengapa projek ini tergendala ialah kerana struktur bangunan yang lama tidak kukuh dan tidak boleh dihubungkan dengan bangunan baharu yang akan dibina. Pihak kementerian ketika itu memohon maaf atas kejadian tersebut. Dalam

pada masa yang sama pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan peruntukan bajet daripada $1.5 juta (bajet lama) dinaikkan menjadi $3.6 juta bagi pembinaan bangunan.

Yang Berhormat Pengerusi, di Dewan yang mulia ini, kaola ingin mengetahui, bilakah projek yang tergendala hampir 3 tahun ini dimulakan dan bilakah akan dapat disiapkan? Rakyat dan penduduk di kawasan tersebut ingin mengetahui lebih terperinci akan status berkenaan bila dapat dimulakan.

Pada sesi mesyuarat lepas di Dewan yang mulia ini, kaola telah membangkitkan berapa buah masjid di kawasan Zon 4 yang perlu diberikan pehatian kerana sebab-sebab tertentu dan perkara ini juga dibangkitkan sesi muzakarah dan pencambahan minda dengan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di kawasan Zon 4 pada 11 Januari 2016 yang lalu antara lain:-

i. Antara lain, Masjid Kampung Tanjung Nangka yang dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dan bila akan dibina?;

ii. Masjid Kampung Masin yang telah dijanjikan bila akan diperbesarkan bangunannya?;

iii. Masjid Kampung Lumapas bila akan diperbesarkan kerana tidak dapat menampung keperluan jemaah yang semakin meningkat?; dan

iv. Masjid Kampung Junjungan yang baharu bila akan dibina?

Dalam kesempatan yang baik ini kiranya ada peruntukan supaya akan dapat dibubuhkan ataupun diampit-ampiti sekadar yang termampu oleh kementerian.

3. Yang terakhir, tanah perkuburan merupakan tempat terakhir bagi penempatan orang Islam yang telah meninggal dunia menuju ke alam barzakh dan tempat bersemadinya jasad yang telah meninggal. Maka kerana itu kita dituntut memelihara tempat tersebut agar tidak dicemari oleh binatang-binatang liar, seperti anjing dan khinzir. Adalah dipohonkan supaya tanah perkuburan yang masih lagi aktif digunakan oleh masyarakat kampung dan mukim dipagar dan dipelihara sebaik mungkin.

Di kawasan Zon 4, banyak tanah perkuburan yang belum lagi dipasang dengan pagar. Antara tanah perkuburan tersebut ialah Tanah Perkuburan Kampung Sengkirap ataupun Buang Tekurok. Tanah Perkuburan Kampung Putat dan Kampung Baung. Tanah Perkuburan Kampung Limau Manis, Tanah Perkuburan Kampung Kulapis, Tanah Perkuburan Kampung Masin

dan banyak lagi di kawasan yang lain. Maka kerana itu kaola ingin memohonkan supaya tanah perkuburan yang disebutkan supaya akan disokong untuk disediakan pagar. Sekian sahaja.

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

1. Kaola menyentuh berhubung dengan Tambang Haji dari kerajaan. Kaola menyampaikan saranan daripada beberapa pegawai lelaki yang menghidap penyakit yang sentiasa dalam rawatan. Soalan kaola adakah pegawai lelaki ini boleh memohon Tambang Haji kerajaan yang beliau tidak dapat pergi atas sebab sakitnya tersebut dan beliau menyerahkan Tambang Haji tersebut dengan sukarela kepada anak lelaki beliau untuk menemani ibunya menunaikan Fardhu Haji?;

2. Seterusnya kaola menyentuh mengenai Program dan Aktiviti Pentadbiran Masjid yang diperuntukkan $15,460,210.00 berbagai-bagai aktiviti keagamaan telah dilaksanakan dalam mengimarahkan masjid melalui kegiatan Ahli Jawatankuasa Takmir dengan tujuan meramaikan dan mempertingkatkan kehadiran jemaah terutama untuk menjinakkan para belia. Dalam hal ini sudah tentu Ahli Jawatankuasa Takmir memikirkan kesesuaian aktviti yang boleh menarik minat belia dan beliawanis untuk hadir ke masjid.

   Soalan kaola, selain aktiviti keagamaan adakah kewangan tabung masjid atau peruntukan kerajaan boleh digunakan untuk membiayai aktiviti sukan seperti membuat gelanggang sepak takraw atau bola tampar bola keranjang agar mereka bersukan di sebelah petang bersama dengan Ahli-Ahli Jawatankuasa Takmir di kawasan berhampiran masjid dan secara tidak langsung dan berhemah memberhentikan permainan apabila waktu solat hampir tiba dan mengajak mereka berjemaah Solat Maghrib dan Isya;

3. Kaola melihat anggaran perbelanjaan dalam Program dan Aktiviti Bahagian kutipan dan Agihan Zakat 2016 dan 2017 adalah $1,631,890.00 dan Kutipan zakat harta tahun 2014 dan 2015 adalah $20.2 juta.

   Jika tidak bercanggah dengan hukum agihan zakat, adakah boleh wang zakat ini digunakan untuk mengendali keusahawanan pada penerima bantuan fakir miskin iaitu keusahawanan asnaf secara berfasa

dan untuk melaksanakan program ini juga supaya ditubuhkan Unit Keusahawanan Asnaf yang memfokus khusus kepada keusahawanan fakir miskin.

Misalannya fasa 1 untuk sara diri bagi keperluan harian, keperluan keluarga dan tanggungan persekolahan sehingga menampakkan ada peningkatan untuk masuk fasa 2 dan seterusnya sebagai keusahawanan sosial;

4. Seterusnya ialah mengenai sumbangan pembersihan masjid-masjid dalam mukim oleh pemotong rumput berbangsa asing yang mereka sendiri sebagai pekerja, tetapi bangsa tersebut menggaji lagi orang kampung. Cadangan kaola supaya pemotongan rumput di masjid-masjid dalam mukim perlu diberikan kepada penduduk mukim berkenaan secara langsung dan tidak perlu lagi untuk ditender secara terbuka. Kebijaksanaan tuan imam atau ketua kampung dapat memilih dan dapat memberikannya kepada golongan yang sangat memerlukan bantuan; dan

5. Masalah dan kesukaran acara pengebumian pada waktu malam. Pengalaman ini kaola kongsikan bersama kerana iaitu banyak kali berlaku pada waktu malam dan tidak ada lampu terutama sekali di Tanah Perkuburan Kampung Telisai dan ada ketika menggunakan lampu suluhan lampu kereta kalau tidak ada bantuan daripada Jabatan anggota Bomba dan Penyelamat kerana mempunyai tugas di tempat lain.

Dalam Majlis ini kaola mengambil kesempatan menyampaikan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat di Daerah Tutong kerana telah banyak kali membantu mengatasi masalah ini. Oleh itu, adakah cadangan untuk membekalkan tenaga elektrik secara kad prabayar di bangunan tetap di kawasan kubur berkenaan dengan tujuan untuk memudahkan menyambung bekalan tenaga elektrik dengan menggunakan kabel secara tarif semasa keperluan sahaja.

Segala peralatan lampu dan lain-lain yang berkenaan diamanahkan kepada Badan Takmir Masjid berkenaan atau jika perlu ditubuhkan Biro Pengurusan Fardu Kifayah yang akan mengendalikan penyediaan papan, kain kafan, batu nisan dan lain-lain agar memudahkan ahli waris berurusan jika berlaku kematian dan ahli waris si mati akan menggantikan semula peralatan yang telah dipakai sama ada dengan wang atau barang.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin

Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Berdasarkan Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama menunjukkan ada peningkatan jumlah kutipan zakat iaitu $20.2 juta bagi tahun 2014/2015. Sudah tentulah bagi tahun 2016 akan bertambah lagi jumlah tersebut daripada jangkaan saya. Dalam Dewan yang mulia ini sukacita saya mengetengahkan penerangan-penerangan tersebut.

Semasa muzakarah dan dialog bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada 10 Februari 2016, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerangkan antara peranan dan tanggungjawab kementeriannya ialah memberikan tumpuan kepada isu yang menjadi kritikal dan perlu ditangani dengan segera iaitu Isu Kemiskinan. Yang Berhormat menerangkan, bilangan yang memohon bantuan sama ada bantuan kebajikan bulanan melalui JAPEM mahupun yang menghadapkan permohonan bantuan kumpulan wang zakat yang ditadbir oleh Majlis Ugama Islam semakin meningkat sebanyak hampir 8 peratus dari tahun sebelumnya.

Yang Berhormat seterusnya berkata, perkara ini merupakan satu perkembangan yang membimbangkan dan perlu diatasi melalui usaha yang bersepadu dengan semua *stakeholders*. Kaola juga ingin mengimbas kembali ucapan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan pada 27 Januari 2016.

Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menerangkan bahawa dalam sistem perekonomian Islam, zakat dan wakaf merupakan salah satu strategi yang berpotensi tinggi dalam mengatasi masalah perekonomian umat.

Antaranya mengatasi masalah kemiskinan tegar, mengurangkan jurang perbezaan hidup yang keterlaluan dan mengurangkan masalah pengangguran dalam masyarakat. Dengan zakat, إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan mampu meningkatkan kegiatan ekonomi dalam keberkatan.

Di samping itu kita juga akan dapat memberikan jaminan sosial kepada masyarakat khususnya kepada golongan yang amat memerlukan. Demikianlah antara ucapan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama yang kaola petik dari Akhbar Pelita Brunei yang bertarikh 5 Mac 2016.

Berdasarkan kepada maklumat daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ucapan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama itu mendorong kaola mengajukan beberapa cadangan untuk menggunakan lebihan wang zakat yang dikutip setiap tahun. Mudah-mudahan tidak bercanggah dengan hukum Islam jika

wang zakat ini digunakan kepada perkara-perkara berikut seperti:-

i. Biasiswa Pelajaran. Wang lebihan zakat berkenaan untuk digunakan untuk biasiswa pelajaran dalam kalangan anak-anak dari golongan asnaf yang berhak di negara ini tanpa menggunakan biasiswa daripada kerajaan. Dengan tawaran ini ia dijangka akan menjadi dorongan dan rebutan bagi golongan yang berhak untuk mendapatkannya. Saya yakin dengan keberkatan zakat ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ penerima-penerima berkenaan yang benar-benar berhak dan layak diberi biasiswa pelajaran dalam dan luar negara;

ii. Suntikan Modal Keusahawanan. Untuk memberi peluang kepada penerima-penerima yang dikenal pasti mempunyai kebolehan atau minat dalam bidang keusahawanan atau kemahiran untuk mengembangmajukan bakat dan kebolehan yang ada dalam diri mereka untuk menjadi pengusaha yang berjaya seperti membuka perniagaan atau bengkel-bengkel kereta, kedai jahit, anyaman, restoran dan lain-lain lagi yang difikirkan bersesuaian dan berkebolehan untuk mereka ini berusaha menaik taraf kehidupan dan seterusnya belajar untuk berdikari dan keluar dari kepompong kemiskinan; dan

iii. Pembiayaan Rawatan dan Perubatan Dalam dan Luar Negara. Lebihan wang zakat untuk membiayai perbelanjaan bagi pesakit-pesakit daripada golongan asnaf yang menghidap penyakit berat seperti penyakit jantung, buah pinggang, kanser, strok dan lain-lain penyakit yang memerlukan rawatan-rawatan khusus sama ada dalam dan luar negara tanpa menggunakan wang kerajaan dalam membiayai kos-kos rawatan dan perubatan.

Dari ketiga-tiga cadangan yang kaola nyatakan tadi bukan sahaja memberi kemudahan kepada penerima bahkan ia dapat membantu dalam mengurangkan beban dan kos belanjawan kerajaan. Kaola juga yakin bahawa dengan berkat dan izin Allah Subhanahu Wata'ala dana wang zakat tidak akan berkurang ataupun putus malah إِنْ شَاءَ اللَّهُ ia akan senantiasa bertambah dari semasa ke semasa.

Jadi kita gunakan ia ke arah yang sepatutnya sambil memupuk keazaman bagi warga penerima ini berjaya untuk keluar dari belenggu kemiskinan. Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat dan akhirnya sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِيَ أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengajukan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah berpanjang lebar dan berat untuk menghadapi penyelesaian bajet yang baharu ini.

Ucapan tahniah dan terima kasih juga kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana siapnya Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah yang telah lama ditunggu-tunggu oleh penuntut-penuntut di sana dan juga pembinaan sekolah yang baharu di Kampung Lambak, Terunjing, Jalan Bedil kerana sudah lama berpuluh tahun menunggui baru ada ura-uranya untuk membangunkan sekolah ugama ini. Mudah-mudahan akan lancar pembinaannya.

Kaola juga ingin menyuarakan bahawa Sekolah Ugama Madang masih terbiar dan terlantar keadaannya diharap supaya pihak yang berkenaan akan dapat melihat-lihat dan membetulkan keadaan tersebut.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama akan menghidupkan, menyuburkan kelestarian kenderaan yang terapung di Lagun Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Hal ini sudah lama disuarakan supaya kapal itu diberikan nada baharu dengan bermacam-macam acara agama di samping untuk menghidupkan kawasan bandar yang sunyi. Mudah-mudahan dengan adanya acara agama itu bandar akan menjadi ramai dan tidak lagi sunyi seperti yang ada sekarang. Mudah-mudahan ianya akan dapat disempurnakan. Bagaimanapun, kaola ada pantun dakwah:-

Kalau makan buah gelugur,
Gelugur dimakan bersirang-sirang,
Menangis mayat di pintu kubur,
Kerana tidak mengerjakan
sembahyang.

Burung selangkir merah matanya,
Daup-daup dari Damuan,
Munkar Nangkir datang bertanya,
Apakah penjawab kepada tuan.

Dengan itu, mudah-mudahan akan dapat difahamkan dan dihuraikan oleh pihak yang berkenaan apakah maksud pantun tersebut. Demikian Yang Berhormat Pengerusi, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ terima kasih Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله 5 orang Ahli Yang Berhormat telah pun menyuarakan pertanyaan-pertanyaan dan juga cadangan-cadangan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan responnya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Mengenai pakej haji telah pun dijelaskan pada menjawab soalan daripada rakan Yang Berhormat sendiri dari Daerah Belait.

Pakej haji ini memang dialu-alukan. Semalam saya meminta kepada syarikat yang menjalankan pakej haji dan umrah meneroka pakej atau perbelanjaan yang turun daripada $10,000.00 supaya kembali kepada 4 tahun yang lalu iaitu di bawah $10,000.00 antara $7,000.00 ke $9,000.00 dan sebagainya.

الْحَمْدُ لله saranan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, bagi perkara ini difikirkan demi kepentingan jemaah haji pada masa akan datang. Kaola cuma akan mengulang sedikit dan menegaskan bahawa penerokaan itu ialah dengan mengambil kira bahawa pakej haji yang ada pada masa ini dilakukan dengan penempatan yang berhampiran dengan Masjidil Haram dan Masjid Nabawi di Madinah. Penempatan agak selesa juga di Masya'ir iaitu di Arafah dan di Mina, maka harganya sampai membawa kepada harga yang sekarang ini.

Perbandingan yang dibuat oleh sesetengah orang ramai mengenai pakej haji ini didapati lebih mahal kerana pakej haji kita adalah pakej haji prima. Jika dibandingkan dengan pakej haji prima di negeri-negeri jiran, pakej haji kita masih boleh dikatakan tidak melebihi ataupun tidak tinggi sebagaimana yang mereka sangkakan. Kalau ada penerokaan kepada usaha untuk mendapatkan pakej haji yang bersesuaian dengan pilihan jemaah untuk tidak masuk kepada pakej yang prima, maka usaha sedemikian itu, dialu-alukan. Dan kaola semalam menyeru supaya diambil inisiatif yang secara sungguh-sungguh oleh syarikat-syarikat yang menjalankan pakej-pakej ini.

Daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Program PROPAZ yang dinilai memang sangat baik dan dimulakan dalam tahun 2007. PROPAZ ini ada dua. PROPAZ bermaksud Program Pengupayaan Asnaf Zakat dan PROPAZ PPB, iaitu Pusat Pembangunan Belia bersikut (berdukung) kepada Pusat Pembangunan Belia.

الْحَمْدُ لله Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dari tahun 2007 telah memberikan laluan untuk programnya itu diikuti oleh Asnaf Zakat. Satu lagi program perintis yang langsung kepada syarikat-syarikat untuk ahli Asnaf mendapatkan *attachment* pekerjaan di syarikat-syarikat dan sebagainya.

Sekarang ini ada cadangan supaya mereka itu perlu mengikuti Program PROPAZ lebih dahulu sebelum bantuan diberikan. Ertinya kepada pemohon-pemohon yang masih muda belia yang tidak cacat, yang mempunyai tenaga untuk bekerja dan layak untuk bekerja sebelum mendapat agihan zakat. Agihan zakat tergolong dalam orang asnaf fakir dan miskin dikehendaki supaya mereka ini, melalui program PROPAZ lebih dahulu.

Ini satu cadangan yang baik dan boleh juga ditimbangkan dalam usaha kementerian pada masa ini, untuk meluaskan dan mengemaskan lagi skim PROPAZ ini. Pada masa ini Skim PROPAZ PPB di Pusat Pembangunan Belia, dan Pusat Perintis ada kemungkinan diluaskan, misalnya akan dikenal pasti daripada kalangan asnaf yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ataupun daripada anak-anak mereka dan lepasan-lepasan sekolah yang tidak mempunyai kelayakan untuk memasuki pengajian di peringkat sijil dan peringkat diploma boleh dimasukkan di bawah skim yang ada dalam kerajaan dan sebagainya untuk mereka mendapatkan kemahiran.

Cadangan ini boleh dipertimbangkan sama ada dapat disesuaikan dalam usaha memperluaskan Skim PROPAZ ini dan megemaskannya pada masa yang akan datang.

Mengenai beberapa buah masjid. Masjid yang mula-mula sekali disebut bilakah Masjid Tanjung Bunut akan dimulakan tambahannya? Tambahannya tidak dapat dilakukan kerana struktur bangunan lama tidak mengizinkan untuk disambungkan dengan yang baharu. Langkah-langkah untuk mengatasinya pun telah diusahakan dengan reka bentuknya sudah selesai. الْحَمْدُ لله dibawa ke Majlis Ugama Islam Brunei dan projek itu asalnya $1.5 juta naik kepada $3.6 juta.

Pada masa ini Majlis Ugama Islam Brunei akan diminta menimbangkan sama ada projek ini diteruskan dengan memikirkan dari mana sumber dananya yang bersesuaian. Kerana memang diketahui kalaupun untuk mendapatkan dana yang sesegera mungkin memang tidak mungkin akan dapat, tapi yang sebaik-baiknya ialah Majlis Ugama Islam Brunei akan dibawa bersama memikirkan perkara ini iaitu dari sumber-sumber yang ada pada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sendiri. Mudah-mudahan apabila itu dapat diperolehi dan diputuskan maka pembinaannya akan dimulakan dan bila ia akan siap bergantung pada kontrak untuk menyiapkannya.

Mengenai masjid-masjid di kawasan Zon 4, saya mengambil maklum bahawa ada rancangan untuk pembaikannya dan ia termasuk dalam senarai untuk menaik taraf ataupun pembesaran dan sebagainya dan ini juga bergantung pada peruntukan yang mengizinkan.

Kemudian, tambang haji kerajaan, bagi penghidap penyakit yang sentiasa dalam rawatan. Semalam kaola menyebutkan tidak dapat berjanji untuk menimbangkan sokongan kepada Jemaah Penasihat Haji sekiranya ada permohonan menukar tambang haji kepada umrah atau menukar tambang haji kepada apa jua atau tidak naik haji dan digunakan kewangannya.

Kaola tidak berjanji untuk menyokong perkara itu kerana pertama sekali ada peraturan melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2016, pada awal tahun ini berhubung dengan orang yang berhak dan layak menerima

pengurniaan tambang bagi menunaikan fardhu haji.

Kelayakan seperti orang yang sakit yang memang tidak ada harapan sembuh, orang yang tidak berupaya, dalam erti kata terbatas pergerakannya disebabkan sangat tua atau cacat atau memang tidak dapat melakukan haji disebabkan kesukaran yang keterlaluan ketika dalam kenderaan, sedangkan ia belum menuntut pengurniaan tambang bagi menunaikan fardhu haji, adakah ia berhak mendapat pengurniaan Tambang Haji bagi menunaikan fardhu haji?

Surat Keliling itu menetapkan ia berhak menuntut pengurniaan tambang bagi menunaikan fardhu haji dan tambang itu hendaklah dengan melantik atau mengupah orang lain menunaikan haji wajib. Oleh yang demikian, dalam konteks ini, apakah anaknya boleh atau tidak? Maka bolehlah kes ini dibawa ke Jabatan Urusan Haji untuk menelitinya. Jika anaknya itu sememangnya layak sebagai orang yang boleh menunaikan haji bagi pihak orang lain iaitu kelayakan dari segi hukum syarak, pentadbiran seperti termasuk dalam kuota yang terdapat dalam sekitar 400 orang dan sebagainya, maka perkara ini boleh dibawa untuk penelitian Jabatan Urusan Haji.

Aktiviti masjid dengan peruntukan $15 juta itu mungkin salah, kerana peruntukan $15 juta itu ialah termasuk bayaran gaji bagi pegawai-pegawai masjid, imam-imam dan sebagainya di samping aktiviti-aktivitinya mengikut pecahannya masing-masing.

Apakah boleh digunakan, wang Tabung Masjid yang terkumpul di masjid-masjid itu untuk membangun tapak-tapak sukan seperti futsal, badminton dan sebagainya di kawasan masjid supaya menarik belia ke masjid? Perkara ini akan pihak kaola teliti mengikut kesesuaiannya dari segi polisi-polisi tertentu dan hukum syaraknya, perkara ini boleh diteliti dari segi itu sahaja.

Agihan zakat, peruntukan $1 juta untuk Keusahawanan Asnaf Fakir Miskin. Kalau dikategorikan fakir miskin, memang ia berhak sebagai asnaf mendapat agihan zakat. Jika ia mempunyai kelayakan atau ada usaha untuk mengembangkan keusahawanannya atau baru akan memulakan keusahawanan, ia boleh memohon untuk mendapatkan agihan zakat ini.

Dari segi memulakan keusahawanan ini tertakluk kepada sokongan-sokongan berdasarkan kelayakannya. Kelayakannya dari segi asnaf memang ada, tetapi apakah ia benar-benar akan masuk dalam keusahawanan, kerana seperti pada masa dahulu, dalam menjalankan perniagaan pengangkutan perahu, maka diberikan agihan wang zakat untuk membeli perahu dan enjin. Memang pada awalnya benar, membeli perahu untuk menjalankan perniagaan menambang tetapi pada akhirnya perahu dan enjin itu dijualnya.

Pengagihan sedemikian itu tidak teliti maka usaha-usaha untuk memastikan

segala agihan bagi memulakan keusahawanan itu dan sebagainya dapat dilakukan dengan lebih teliti. Maka dalam hal ini, kaola cuma dapat mengatakan, jika ia memang asnaf dan mempunyai kelayakan dari segi ia benar-benar dipercayai dapat melakukan keusahawanannya dan ini akan dapat dipastikan apabila kembali pada saranan salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi, ia sudah mengikuti Program PROPAZ di Pusat Pembangunan Belia (PPB) atau Program PROPAZ pada masa yang akan datang. Maka akan dikenal pasti jika sudah nampak ada kemahuan untuk berusaha, إِنْ شَاءَ اللَّهُ ia akan layak diberikan bantuan keusahawanan sebagai asnaf fakir miskin.

Pemotongan rumput di masjid-masjid didapati dibuat oleh orang asing dan ada didapati mengambil pekerja tempatan di kawasan tersebut. Maka alangkah baiknya perkara ini dari awal-awal lagi diserahkan kepada orang tempatan di mukim atau daerah itu. Ini memang suatu cadangan yang baik yang sebelum ini dicadangkan dalam Majlis Perundingan Kampung (MPK) atau Majlis Perundingan Mukim (MPM), untuk ikut serta dalam usaha-usaha pembersihan di kawasan masjid di kampung dan mukim mereka. Mengikut Peraturan Kewangan, jika ingin menyertai tender terbuka hendaklah lebih dahulu mendapatkan Lesen Rampaian No. 16 & 17. Pada masa ini, Lesen Rampaian tidak lagi diperlukan tetapi bolehlah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Takmir itu sendiri, jika ia berbangkit dengan peruntukan kerajaan. Jika menggunakan peruntukan tabung masjid, bisaitah Jawatankuasa Takmir Masjid yang dipengerusikan oleh imam itu sendiri untuk mengambil inisiatif sedemikian dan jangan terlalu mengusut atau berharap kepada Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan hal-hal kecil.

Dalam beberapa lawatan ke masjid-masjid dan berkesempatan sembahyang Jumaat akhir-akhir ini. Pertanyaan saya ialah adakah Jawatankuasa Takmir bermesyuarat untuk memikirkan perkara-perkara begini? Maksud saya ialah supaya Jawatankuasa Takmir itu lebih merasa bertanggungjawab dan *ownership* terhadap masjidnya dan yang sedemikian tidak perlu membebankan ke jabatan atau kementerian sedangkan mereka ada mempunyai tabung yang secukupnya.

Pembersihan masjid-masjid ini boleh mereka lakukan menggunakan peruntukan tabung masjid asalkan tentu penggunaannya kerana ianya menggunakan kewangan Jawatankuasa Masjid ini. Juga ada peraturan-peraturannya seperti pengeluaran wang bukan ditentukan oleh imam itu sendiri tetapi mestilah ada persetujuan daripada ahli-ahli jawatankuasa dengan membuat perundingan. Maka saya meminta Jawatankuasa Takmir sentiasa aktif dan proaktif dalam usaha-usaha mentakmirkan masjid dan kawasan-kawasannya.

Kesukaran pengebumian pada waktu malam. Dalam hal ini, terima kasih kepada pihak anggota Jabatan Bomba

dan Penyelamat di Daerah Tutong, Brunei dan Muara dan mana-mana anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat yang berhampiran dengan kawasan perkuburan yang memberikan bantuan-bantuan semasa pengebumian pada waktu malam. Ada dicadangkan supaya diberikan bekalan tenaga elektrik dengan prabayar.

Soalan kaola berbalik kepada Ahli Yang Berhormat tadi. Ini adalah satu usaha yang baik, mengapa tidak menggunakan mesin jentera (*generator*) sahaja dari bekalan tenaga elektrik prabayar? Sedangkan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat juga menggunakan mesin jentera (*generator*).

Jika sekiranya masjid-masjid tertentu di kawasan yang berkenaan sebagaimana ia mempunyai kereta jenazah hasil daripada wakaf orang-orang yang tertentu sama ada orang di dalam mukim berkenaan atau bukan dalam mukim berkenaan. Maka boleh juga masjid-masjid berusaha untuk mendapatkan *generator* bagi keperluan seumpama ini.

Nampak kita mempunyai daya usaha boleh dan tidak semata-mata menunggu inisiatif dari atas. Idea yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini sangat baik cuma kaola nyatakan jangan ditunggu meter prabayar disambungkan kabel tetapi boleh diusahakan dengan mendapatkan *generator* dalam kawasan masjid di kawasan berkenaan sebagaimana masjid itu mempunyai kereta jenazah sendiri.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Penggunaan lebihan wang zakat pada masa ini satu perkara yang menarik.

Kedudukannya begini Yang Berhormat Pengerusi. Wang zakat adalah hak asnaf tertentu. Dalam Al-Qur'an ada 8 asnaf tetapi kita melaksanaannya kurang daripada 8, fatwa menetapkan ada 2 asnaf yang tidak didapati di Brunei. Kalau yang dinamakan anak-anak yang memerlukan biasiswa umpama dalam kalangan anak asnaf memang seperti sekarang ini pun mereka diberikan bantuan pelajaran, bantuan wang saku malah kepada asnaf dalam segi orang mualaf umpamanya yang bukan rakyat belajar di Pusat Pengajian Tinggi di UBD dikenakan bayaran. Tetapi oleh kerana tidak mampu membayar, mereka tidak dibenarkan meneruskan kursus selanjutnya walaupun mereka tidak lulus dan ada yang telah lulus telah dikeluarkan sijilnya dan ijazahnya kerana belum membayar. Jadi hal ini dapat diseleraskan dengan wang zakat Yang Berhormat Pengerusi.

Begitu juga usaha bagi keusahawanan, sebagaimana yang kaola nyatakan lebih awal tadi. Biaya perbelanjaan rawatan perubatan. Ini pun kalau ia asnaf memang orang yang berhak mendapat agihan zakat yang terdiri daripada orang yang tidak ditanggung oleh kerajaan

perbelanjaan perubatannya pada masa ini.

Misalannya Penduduk Tetap. Baru-baru ini dalam akhbar Media Permata disiarkan seorang wanita yang kematian suami di Kuala Belait menanggung kesulitan dalam membayar tunggakan bayaran hospitalnya sebanyak $19,000.00 lebih dan bayaran tunggakan air sebanyak $1,000.00 itu. Lalu berdasarkan berita itu Unit Penyiasatan Bahagian Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Belait telah menyiasat dan pada petang itu juga dapat dibuat laporan dan pada keesokan harinya pasukan yang sedia ada menyelesaikan hal ehwal pengagihan-pengagihan zakat bagi asnaf yang ada di kementerian diketuai oleh Yang Mulia Timbalan Menteri dapat menyelesaikan kes ini.

Berdasarkan beliau itu Asnaf Zakat dan mempunyai tunggakan hutang untuk dilepaskan daripada hutangnya sebagai Al-Gharimin kepada kerajaan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ. الْحَمْدُ لله , perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu, kaola mengalu-alukannya dan perkara itu boleh dikaji lebih lanjut lagi di peringkat yang lebih berkelayakan terutama sekali Majlis Ugama Islam Brunei.

Kemudian Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, berpantun juga. Tahniah kaola terima dan ingatannya supaya kaola menyubuk-nyubuk (melihat-lihat) jua mengenai sekolah ugama yang dikatakan terbiar juga kaola mengucapkan terima kasih.

Tinggal lagi pantunnya yang tadi ditujukan kepada siapa yang tidak sembahyang itu? Kalau kepada orang ramai usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama memimpin orang supaya bersembahyang sehingga saya nyatakan tadi kalau sembahyang Jumaat di kawasan-kawasan tertentu terutamanya di kawasan-kawasan yang tertentu Zon 1 Daerah Brunei Muara menghadapi kesesakan dalam masjid, ramai sudah orang bersembahyang. Jadi, pantun Yang Berhormat itu kepada siapa?

Kaola mengucapkan terima kasih setakat yang kaola dapat jawab Yang Berhormat Pengerusi. Mana-mana soalan yang kaola belum dapat menjawabnya, kaola minta tangguh kalau Yang Berhormat Pengerusi dapat memberikan kaola laluan pada waktu yang bersesuaian.

Sebelum Yang Berhormat Pengerusi membuat *conclusion* mengenai perbahasan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini, kaola memohon memperjelaskan lagi jawapan kaola bagi setengah-setengah jawapan kaola pada hari semalam.

Berhubung dengan Zakat Harta syarikat. إِنْ شَاءَ اللَّهُ syarikat-syarikat tampil membayar zakat harta daripada syarikat-syarikat mereka. Kutipan zakat pada tahun lepas sebanyak $13 juta lebih. Kaola memohon maaf, bukan untuk tahun lepas sebanyak $13 juta lebih itu adalah kutipan pada tahun 2012. Pada tahun lepas adalah sebanyak $16.83 juta Yang Behormat

Pengerusi. Jadi dapat diperbetulkan nanti mengenainya.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah bin Haji Sulaiman, menyentuh mengenai Perintah Pendidikan Ugama Wajib bagaimana mengetahui melaksana berkesan berapakah ramai yang tidak bersekolah? Apakah ada pemantauan kehadiran sekolah agama sama seperti yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan? Perintah itu telah diketahui adalah wajib bagi anak-anak untuk bersekolah agama mengikut Bab 3 yang pengenaannya kepada kanak-kanak yang beragama Islam lahir pada atau selepas 1 Januari 2016, tinggal di Negara Brunei Darussalam dan ibubapanya sekurang-kurangnya salah seorang daripada mereka adalah warga Negara Brunei Darussalam ataupun Penduduk Tetap. Mereka itu diwajibkan untuk disekolahkan di sekolah-sekolah ugama mengikut pendidikan agama.

Bagaimana pelaksanaannya. Bahawa di bawah Pelaksanaan akta ini ia dipantau dengan sebaik-baiknya oleh satu jawatankuasa yang dilantik yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan akta ini. Antaranya membuat pemantauan dan memastikan kanak-kanak yang berumur wajib iaitu berumur 7 tahun untuk mendaftar ke sekolah-sekolah. Pemantauan tentang kehadiran juga akan dipantau dan *benchmark* yang dipakai untuk menetapkan kehadiran itu tidak kurang 85 peratus dalam setahun kehadiran iaitu sama sebagaimana yang dibuat untuk mengira kehadiran murid-murid di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan.

Sejauh ini dengan pelaksanaan akta itu, boleh dikatakan keseluruhan kanak-kanak yang dalam jaringan umur 7 tahun sudah pun masuk ke sekolah ugama. Ada beberapa kes sahaja yang diketahui iaitu sebanyak 20 kes kanak-kanak yang tidak bersekolah ugama, tetapi dengan adanya jawatankuasa ini, jawatankuasa ini telah berunding, mendatangi ibubapa atau penjaga kanak-kanak yang berkenaan. Perkataan "berunding" di sini ialah menyiasat mengapa ia tidak bersekolah. Kalau tidak menyekolahkan atas sebab-sebab yang tidak munasabah, ia suatu kesalahan. Maka didapati hasil perundingan إِنْ شَاءَ اللَّهُ dapat diselesaikan 20 kes itu dan kanak-kanak yang berkenaan itu telah pun memasuki persekolahan dan sekarang ini bersekolah di sekolah ugama.

Yang Berhormat Datin Paduka Hjh Salbiah binti Haji Sulaiman, tentang strategi meramaikan jemaah ke masjid dengan membawa penuntut-penuntut yang bersekolah agama yang berdekatan dengan masjid untuk bersembahyang.

الْحَمْدُ لله melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah berusaha untuk menarik ramai orang ke masjid dengan melalui strategi yang antaranya seperti ini. Ada 2 waktu, iaitu waktu Zuhur dan Asar bagi sekolah-sekolah yang berdekatan iaitu pada masa ini sekolah-sekolah yang berdekatan ialah misalannya Masjid

Mohammed Bolkiah, Kampung Serusop dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop, Masjid Kampung Masin dengan Sekolah Ugama Kampung Masin, Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dengan Sekolah Ugama Kampung Jerudong, Masjid Kampung Sungai Besar dengan Sekolah Ugama Kampung Sungai Besar, Masjid Kampung Mentiri dengan Sekolah Ugama Kampung Mentiri, Masjid Kampung Batu Marang dengan Sekolah Ugama Kampung Batu Marang. Melalui perancangan yang berikutnya nanti, tapak-tapak masjid baharu di Kampung Perpindahan Rimba terletak berdekatan dalam satu kawasan dengan sekolah ugama baharu dan Sekolah Arab baharu.

Pembinaan masjid dan sekolah agama di kawasan Rancangan Perpindahan Negara seperti Kampung Mengkubau, Meragang, Tanah Jambu dan Kampung Lugu. Semua ini dengan kerjasama Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kemajuan Perumahan telah menyediakan tapak-tapak pembinaan masjid berhampiran dengan pembinaan sekolah-sekolah agama. Setakat ini ada beberapa buah masjid yang berdekatan dengan sekolah dan untuk memastikan murid-murid ini bersembahyang pada waktu Zuhur dan Asar di masjid memang dapat diusahakan.

Satu perkara yang mesti kita ingati, kanak-kanak atau murid-murid sekolah ugama, sebahagian daripada kurikulumnya ialah untuk bersembahyang Zuhur dan Asar di sekolahnya. Ia adalah merupakan, sebahagian daripada pengajaran dan tunjuk ajar. Pada masa itulah sebahagiannya ada yang diajar untuk berwudhu dan berbagai-bagai. Tidak semua murid akan masuk dalam jaringan untuk dibawa ke masjid. Hanya murid-murid yang sudah memang layak untuk berdikari sendiri menunaikan sembahyang dengan tidak payah tunjuk ajar. Kalau pada masa itu ada tunjuk ajar akan menganggu jemaah lain. Murid-murid yang memerlukan tunjuk ajar masih lagi akan melakukan sembahyangnya di sekolahnya masing-masing, kerana itulah sekolah-sekolah agama memerlukan musalla/surau atau tempat bersembahyang.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai masjid sesak di Kampung Birau. Perkara ini telah dibangkitkan jua semasa perjumpaan/muzakarah kitani di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Semasa surau lama di Kampung Kiudang diroboh dan dibangunkan untuk Masjid Kampung Kiudang, perkiraan pada masa itu yang dirancang untuk 1,000 jemaah bukan sahaja untuk Kampung Kiudang tetapi juga untuk kampung-kampung yang berdekatan Masjid Kampung Birau. Diharapkan kesesakan di Masjid Kampung Birau tidak akan terjadi lagi kalau penduduk-penduduk yang di dalam tadahan Masjid Kampung Birau pada masa dahulu itu apabila Masjid Kampung Kiudang sudah siap, mereka dapatlah bersembahyang berjemaah di Masjid Kampung Kiudang

dan ini dapat mengelakkan kesesakan dan sebagainya.

Dari segi perancangan untuk meluaskan masjid-masjid yang sesak seperti ini memang ada bukan sahaja di Kampung Birau tetapi di kawasan-kawasan lain termasuk di Daerah Brunei Muara, di masjid yang sudah dikenal pasti sesak sehinggakan menuju kepada lorong, tempat berwudhu dijadikan tempat sembahyang pada hari Jumaat, Masjid Kampung Sungai Hanching misalannya, sudah ada Masjid Kampung Salambigar yang baharu, ada juga Masjid Kampung Lambak, Masjid Kampung Tanah Jambu, tetapi masjid-masjid di kawasan yang berkenaan itu sentiasa sesak yang mengizinkan jemaah dan Masjid Kampung Sungai Hanching berpindah ataupun bersembahyang di masjid yang lain itu, kerana semuanya sesak.

Dalam hal ini prioriti, antara Kampung Birau dengan Kampung Sungai Hanching. Dalam melaksanakan pembesaran masjid melihat kepada prioriti. Prioritinya itu ialah Kampung Birau masih ada alternatif bagi jemaah-jemaah untuk bersembahyang di masjid lain iaitu Masjid Kampung Kiudang.

Tetapi Masjid Kampung Sungai Hanching tidak lagi ada alternatif bagi ke masjid-masjid sekitarnya kerana masjid di sekitarnya itu sudah penuh, maka prioritinya dalam 2 perkara ini sebagai misalannya antara Kampung Birau dan Kampung Sungai Hanching, kalau ada pelaksanaan, maka pelaksanaan yang akan dimulakan ialah Kampung Sungai Hanching.

Soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman berkenaan pensijilan.

TPOR 45 hari adalah standard dan bersesuaian dengan mana-mana badan pengiktirafan luar negara. Pada masa ini, jangan dikatakan banyak orang menunggu untuk diluluskan. Perangkaan yang ada ialah 98% pemohon yang dahulu menunggu sudah dapat diselesaikan mengikut TPOR yang tersebut itu. Malah kalau permohonan itu bukan permohonan baharu ataupun membaharuinya, ia tidak boleh dengan kerjasama pemohon-pemohon bagi urusan lantikan penyelianya mudah, bahan-bahannya dikenal pasti halal dan sebagainya. Segala perkara lain dari segi pentadbiran selesai, borangnya lengkap dan sebagainya, 45 hari itu boleh turun kepada 28 hari. Mengapa masih lagi 28 hari? Restoran bukan sahaja yang akan dilihat bahan-bahannya, tergantung lagi tempatnya, kesesuaiannya, tempat-tempat itu betulkah memang halal atau bersih, ataupun keperluannya memasak halal dan bersih dan sebagainya maka standard itulah yang kita pakai.

Kaola beralih kepada soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai kemerosotan pencapaian PSR Sekolah Arab dari tahun sebelumnya ini sebanyak 97.10 peratus kepada 91 peratus penurunan sekitar 6 peratus, apakah sebab-sebabnya?

الْحَمْدُ لله sebab-sebab itu tidak ada kaitannya dengan soalan apakah disebabkan pengambilan jumlah pelajar yang memasuki sekolah, atau apakah guru-guru yang tidak seimbang, atau adakah semua pengambilan pelajar memasuki Sekolah Persediaan Arab melalui peperiksaan kemasukan.

Berdasarkan keputusan peperiksaan penilaian PSR itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Jabatan Pengajian Islam telah membuat kajian, mengapa kemerosotan penurunan peratus dalam pencapaian gred A hingga C sebanyak 6 peratus iaitu kira-kira 6 peratus bukan sepatutnya 5.47 peratus. Penurunan sejumlah peratus sedemikian iaitu gred A dan C disebabkan oleh pertambahan peratus pada gred D iaitu 7.93 peratus dan pertambahan pada gred E iaitu 0.44 peratus bagi mata pelajaran Matematik. Penambahannya mengakibatkan ia menurun.

Yang kedua, penurunan peratus bagi mata pelajaran Matematik adalah faktor utama yang menyumbang kepada penurunan purata gred A hingga C. Walau bagaimanapun, dari segi kualiti jumlah peratus pelajar yang mendapat 5 bagi tahun 2015 seramai 128 orang iaitu 18.8 peratus meningkat sebanyak 1.41 peratus berbanding dengan tahun 2014 iaitu cuma seramai 96 orang.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, berapa lama lagi?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Tidak sampai 5 minit Yang Berhormat Pengerusi. Kaola minta laluan Yang Berhormat Pengerusi. Semua usaha untuk mengongsikan teknik-teknik pengajaran yang ada semua dilakukan dengan mengadakan kelas-kelas tambahan di luar waktu persekolahan, mengendalikan bengkel-bengkel untuk guru-guru mata pelajaran PSR yang tertentu. Semua usaha ini pada keseluruhannya, الْحَمْدُ لله akan dilakukan dan sasaran untuk meningkatkan peratus kelulusan PSR di Sekolah Arab إِنْ شَاءَ اللَّهُ mudah-mudahan akan ditaufikkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian kaola mengucapkan terima kasih atas kemurahan hati Yang Berhormat Pengerusi memberikan kaola laluan dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekaliannya atas kesabaran menunggu sehingga kepada melimpasi waktu. Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada baiknya mesyuarat di peringkat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya bercadang untuk menangguhkan Mesyuarat ini bagi membolehkan kita

berehat sebelah tengah hari dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada sebelah tengah hari nanti pukul 2.30 petang. Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibincangkan dan diteliti satu persatu, saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Pada mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita tangguhkan pada sebelah pagi tadi, kita telah membahaskan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Saya kira semua soalan yang dikemukakan dan pertanyaan-pertanyaan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah pun dijawab dengan teliti oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Maka jika sekiranya tidak ada apa-apa lain yang ingin dikemukakan, saya cadangkan supaya Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini kita undi sebelum diluluskan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Ahli-ahli yang menentang. Oleh yang demikian, Belanjawan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita mula membincangkan Kementerian Pembangunan. Seperti lazimnya, sebelum Tajuk ini kita bincangkan dan bahaskan saya ingin memberi peluang dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk membuat ucapan pendahuluannya atau mukadimahnya mengenai Belanjawan Kementerian Pembangunan ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi sebelum Jawatankuasa ini membincangkan bajet Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, kaola ingin mengongsikan secara ringkas mengenai tumpuan dan

keutamaan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2016/2017.

Pada Tahun Kewangan 2016/2017, dengan mengambil kira perlunya pengukuhan dan pengawalan serta penjimatan perbelanjaan kerajaan. Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di dalamnya telah disokong untuk disediakan peruntukan sebanyak $234,779,890 iaitu merupakan penurunan hampir 21 peratus dari peruntukan yang diluluskan bagi Tahun Kewangan 2015/2016. Secara ringkas, peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Pembangunan adalah seperti berikut:-

1. Gaji Kakitangan secara keseluruhannya disediakan sebanyak $104,353,700;

2. Perbelanjaan Berulang-Ulang diperuntukkan sebanyak $116,224,050; dan

3. Perbelanjaan Khas diperuntukkan sebanyak $14,202,140.

Peruntukan yang diluluskan termasuk bagi melaksanakan 6 projek atau pembelian baharu berjumlah $1,520,000 termasuk 2 projek dan harga rancangan $1.5 juta dan bagi melaksanakan 12 projek pengambilan semula berjumlah $12,682,140 termasuk 8 projek dan harga rancangan $17,100,000 yang dibutirkan dalam Rang Belanjawan Kementerian Pembangunan.

Sesuai dengan tema Belanjawan Tahun Kewangan 2016/2017 iaitu "Mengukuhkan Iklim Perekonomian Bagi Mendukung Pembangunan Berterusan", Kementerian Pembangunan dalam melaksanakan tanggungjawabnya secara amnya akan memberikan penekanan kepada perkara-perkara berikut:-

1. Kemesraan pelanggan terhadap komuniti bisnes dan orang ramai *(business citizen friendliness)*;

2. Penjanaan dan pengukuhan hasil kewangan dari aktiviti-aktiviti (program-program dan projek-projek yang dikendalikan);

3. Pembaikan pengurusan *cash flow* atau aliran tunai termasuk keberkesanan pengutipan hasil dan penyelesaian isu-isu tunggakan;

4. Peningkatan efisiensi dalam pengurusan kos sama ada berupa kos organisasi mahupun kos projek-projek yang dikendalikan dengan pengutamaan aktiviti-aktiviti yang terpenting serta skop kerja yang benar-benar perlu, termasuk penekanan *cost effectiveness* melalui *organisational streamlining and consolidation* dan pengendalian program-program dan projek-projek dengan penekanan kepada *value for money;*

5. Pengenalan kaedah-kaedah *PPP (Private Public Partnership)* dalam pelaksanaan projek-projek yang bersesuaian dan *bankable* dengan

melibatkan kepakaran-kepakaran pelaburan dan kewangan dari luar Kementerian Pembangunan yang berkepentingan; dan

6. Pertimbangan kesesuaian bagi pengkorporatan dan penswastaan mana-mana perkhidmatan-perkhidmatan yang berpotensi di *coporatised* atau di *privatise*.

Deliverables atau penyampaian perkhidmatan yang menjadi fokus dan keutamaan Kementerian Pembangunan, secara khususnya ialah seperti berikut:-

1. Rancangan Perumahan Negara yang berdaya tahan *(sustainable)* bagi manfaat golongan sasaran yang berkelayakan dan memerlukan;

2. Perancangan dan penggunaan tanah yang optimum dengan fokus terhadap mendukung kegiatan sosioekonomi negara;

3. Proses permohonan-permohonan orang ramai yang lebih efesien;

4. Projek-projek kerajaan seperti pembinaan Rancangan Perumahan Negara dan kemudahan awam yang mula dibiayai melalui *PPP*;

5. Jumlah pegawai-pegawai *competent* dan *professional* yang meningkat melalui pengurusan sumber tenaga yang terarah; dan

6. Kapasiti pengurusan kontrak perundangan dan penguatkuasaan yang lebih mantap.

Menyentuh mengenai Rancangan Perumahan Negara sehingga kini lebih 24 ribu buah rumah yang telah dianugerahkan kepada penerima yang berkelayakan di seluruh negara. Cabaran utama Rancangan Perumahan Negara ini ialah kedayatahanan atau *sustainability* kerana kadar subsidi yang sangat tinggi. Ketidakmampuan penerima membayar balik yang menjadikan tunggakan semakin meningkat dan sumber tanah yang terhad untuk meneruskan Rancangan Perumahan Negara secara berkepadatan rendah *(low density).*

Di samping itu juga, dari segi kelayakan dan keperluan terdapat golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan perumahan tetapi tidak menepati syarat kelayakan untuk mengikut skim yang ada pada masa ini. Di sebaliknya, terdapat pula mereka yang berpendapatan lumayan dan sepatutnya mampu mendapat perumahan di pasaran terbuka tetapi menikmati subsidi perumahan yang tinggi.

Isu perumahan ini memang kompleks dan dalam hal ini, الْحَمْدُ لله Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah memperkenankan penubuhan satu *housing focus group* yang melibatkan beberapa kementerian dan jabatan untuk sama-sama menimbangkan isu-

isu perumahan dan berkaitan dengannya yang terpenting secara holistik dan komprehensif dan membuat cadangan-cadangan tertentu bukan sahaja dengan menumpukan kepada rancangan perumahan negara tetapi secara lebih meluas lagi.

Seterusnya, berhubung dengan perancangan dan penggunaan tanah secara optimum dengan fokus terhadap mendukung kegiatan sosioekonomi negara. Kajian Negara Brunei Darussalam *Masterplan* 2006 sehingga 2025 mendapati tanah-tanah yang mudah untuk dimajukan atau *easy developable* di negara ini hanyalah 5.5 peratus atau lebih kurang 32 ribu hektar sahaja dari keluasan seluruh Negara Brunei Darussalam. Selebihnya ialah kawasan-kawasan yang memerlukan kos pemajuan yang lebih tinggi atau kawasan-kawasan yang terpelihara seperti kawasan tadahan untuk bekalan air, hutan simpan dan inisiatif Nadi Borneo atau *Heart of Borneo*.

Untuk mendukung kegiatan perekonomian, setakat ini seluas 1,533 hektar tanah-tanah untuk kegiatan industri telah diserahkan di bawah kawalan agensi-agensi kerajaan yang mempromosikan kegiatan industri. Manakala, 5,373 hektar lagi telah dikenal pasti untuk kegunaan industri bilamana diperlukan nanti. Keluasan ini tidaklah termasuk tanah-tanah persendirian bagi kegiatan yang bersyaratkan perniagaan atau perusahaan dengan seluas 158 hektar tanah persendirian di negara ini adalah bersyaratkan perniagaan dan 1,266 hektar pula bersyaratkan perusahaan.

Menyentuh mengenai proses-proses permohonan orang ramai yang lebih efisien, Kementerian Pembangunan memang banyak terlibat dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Menyedari akan hal ini, proses-proses permohonan akan sentiasa dikaji dan diperbaiki sebagaimana perlu.

Walau bagaimanapun, saya cuma ingin menyentuh mengenai 2 jenis perkhidmatan yang berkaitan dengan Petunjuk Bank Dunia dalam Laporan *Ease of Doing Business* kerana terdapat banyak pengalaman dalam memperbaiki proses yang boleh dilaratkan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Petunjuk yang berkaitan di Kementerian Pembangunan ialah *Registering Property* dan *Dealing with Construction Permit*.

Bagi *Registering Property* yang berkaitan dengan proses pindah milik tanah, walaupun negara menduduki tempat ke-148 tetapi reformasi dan pembaikan yang telah dilaksanakan telah dapat mengurangkan tempoh proses dari hampir 300 hari yang dilaporkan Bank Dunia kepada purata 98 hari bagi permohonan-permohonan bulan Disember 2015 iaitu menurut data terkini yang dipantau oleh Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri. Tempoh proses ini akan diperbaiki lagi dengan adanya sistem *Learn Application and Registration Information System (LARIS)* yang percubaannya telah dilancarkan pada

bulan Februari yang lalu dengan sistem memudahkan pengguna menjalankan urusniaga berkaitan tanah secara *online*.

Bagi *Dealing with Construction Permit* pula, negara menduduki tempat yang ke 21, tetapi sungutan orang ramai di negara ini ialah kelambatan mendapat kebenaran. Dengan mulanya berkuat kuasa Perintah Kawalan Bangunan 2014 pada 1 November 2015, proses-proses mendapatkan kebenaran memulakan kemajuan, kebenaran mendiami dijangka akan dapat dipercepatkan lagi terutama bagi kerja-kerja kecil atau sederhana.

Permohonan bagi kebenaran kemajuan akan diproses mengikut kategori berasaskan saiz kemajuan dengan fokus kepada perusahaan dan perniagaan. Kebenaran memulakan kemajuan telah dikurangkan TPOR nya dari 7 hari kepada 1 hari dan kebenaran mendiami sedang diteliti cara untuk memendekkan tempoh prosesnya.

Menyentuh mengenai pembiayaan projek melalui *TPP*. Mengenai pembiayaan projek-projek dan kemudahan awam melalui *Public Private Partnership,* ini Kementerian Pembangunan sedang giat berusaha menilai dan menyenaraikan perkhidmatan-perkhidmatan projek infrastruktur yang berpotensi untuk dibiayai secara kerjasama atau *TPP* ini. Antara projek-projek yang telah dikenal pasti mempunyai potensi setakat ini ialah projek perumahan dan perkhidmatan air.

Kementerian Pembangunan juga akan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk menggunakan kaedah *TPP* yang berpatutan yang dapat memberi pulangan kepada para pelabur dan yang dapat disesuaikan dengan keadaan iklim perekonomian negara.

Mengenai pengurusan sumber tenaga manusia. Pengurusan sumber tenaga manusia untuk meningkatkan jumlah pegawai-pegawai kompeten dan profesional. Kementerian Pembangunan sedang merangka pengurusan sumber tenaga manusia yang lebih terarah dengan mereviu struktur organisasi jabatan-jabatan dan pengagihan sumber tenaga manusia masing-masing. Menilai keperluan, meningkatkan atau menseimbangkan kakitangan teknikal dan bukan teknikal, melihat keperluan menggabung sumber, menyediakan *career development part* dan perancangan penggantian atau *succession planning*.

Mengenai kapasiti penguatkuasaan yang lebih mantap, diakui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan kerajaan yang ada pada masa ini masih banyak yang boleh diperbaiki. Isu-isu yang ketara ialah seperti isu-isu pencerobohan tanah kerajaan, kemajuan atau kegiatan yang dijalankan tanpa ada kebenaran, pembuangan sampah yang tidak teratur dan sebagainya.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan berhasrat untuk menggabungkan tenaga

penguatkuasaannya dengan penguat kuasa-penguat kuasa yang lain di jabatan-jabatan kerajaan yang berkepentingan yang dengan penggabungan ini diharapkan akan lebih berupaya menjalankan penguatkuasaan secara lebih bersepadu.

Salah satu isu yang boleh juga dianggap sebagai satu isu penguatkuasaan ialah isu tunggakan. Pada masa ini tunggakan utama di kementerian ialah tunggakan tanah sebanyak $3 juta, tunggakan bayaran Perancangan Perumahan Negara sebanyak $25 juta dan tunggakan bayaran air sebanyak $33 juta. Tunggakan-tunggakan sedemikian ini, setentunyalah membebankan dan merugikan kerajaan.

Oleh yang demikian, Kementerian Pembangunan melalui jabatan-jabatan berkenaan akan meningkatkan usaha dengan lebih giat lagi untuk mengutip tunggakan-tunggakan tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 yang lalu, antara lain telah menekankan "apa jua perancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil pendekatan *delivery* atau *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan".

Selaras dengan titah baginda itu, saya ingin mengongsikan bahawa Kementerian Pembangunan dalam memacu reformasi sama ada ke arah perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang ramai mahupun proses-proses dalaman agar lebih berkesan. Sejak bulan November 2015, telah memperkenalkan *rolling 90 day plan* (pelan 90 hari) sebagai pendekatan pembaikan berterusan *(continues improvement)* di negara ini.

Berasaskan pelan ini, cadangan-cadangan pembaikan disenaraikan oleh jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di dalam kementerian dan kemajuan setiap inisiatif dipantau secara berkala sekurang-kurangnya setiap selepas 3 bulan. Walaupun inisiatif ini baru saja diperkenalkan dan masih terlalu awal untuk menilai berjaya atau tidaknya, setakat ini ia telah dapat membuahkan hasil awal dengan menumpukan pemikiran khususnya dalam kalangan peringkat ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kementerian untuk sentiasa mengusahakan secara berterusan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekianlah sahaja secara ringkasnya yang dapat kaola terangkan mengenai tumpuan-tumpuan utama dan perkara-perkara keutamaan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun Kewangan 2016/2017 ini sebagai asas perbincangan terhadap sokongan peruntukan bagi Kementerian Pembangunan sekarang ini.

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Yang Berhormat Menteri telah pun menggariskan tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat kementeriannya dan juga sasaran-sasaran yang ditujunya berhubung dengan belanjawan yang ada ini. Saya ingin membukakan perbincangan mengenai dengan Tajuk ini dan dalam senarai saya terdapat 15 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta. Saya persilakan sekarang untuk memulakannya Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Saya lebih dahulu mengalu-alukan inisiatif-inisiatif Kementerian Pembangunan yang telah disampaikan dalam mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebentar tadi.

Merujuk kepada Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 dalam kumpulan Tajuk 002/000 - Perbelanjaan Rancangan dan Pengurusan Polisi iaitu Tajuk 002/003 - Merancang dan melaksanakan pembangunan infrastruktur ke arah Wawasan Brunei 2035, Tajuk 002/004 - Langkah-langkah pengauditan industri pembinaan dan Tajuk 002/006 - Merangka dan menerbitkan pelan strategik yang baharu serta Kertas Putih Kementerian Pembangunan.

Saya yakin, semua yang berkepentingan mengalu-alukan akan inisiatif-inisiatif tersebut. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Industri pembinaan merupakan antara industri yang pertama terjejas dalam kitaran ekonomi *(economic cycle)* bagi mana-mana negara termasuk negara kita. Oleh itu, penting diambil tindakan awal supaya kesan kitaran ekonomi tidak akan menjejaskan *core capability* atau keupayaan teras industri berkenaan.

Ianya juga akan menjejaskan produktiviti industri berkenaan dalam jangka waktu pendek dan sederhana. Di samping itu, ia juga boleh mengurangkan kualiti apabila terdapat kekurangan pekerja-pekerja mahir termasuk dalam pengurusan teknikal dan profesional.

Semasa *upward cycle* (kitaran menaik) atau mereka tidak akan dapat mempraktikkan kemahiran secara berterusan semasa *downward cycle* (kitaran menurun) dan juga dari segi *supplying demand*, ada baiknya pihak kerajaan untuk mengambil peluang ketika berkurangnya *demand* yang membolehkan tawaran yang lebih kompetetif.

Seterusnya merancang untuk mengelakkan terjadinya *demand* terlalu tinggi yang menyebabkan harga tawaran yang melambung naik. Soalan saya:-

1. Apakah perkara-perkara yang ditangani dalam rancangan pengauditan kapasiti dan Kertas

Putih yang berkenaan? Bilakah dapatan-dapatannya akan dapat dikeluarkan?; dan

2. Adakah isu *cyclical demand* (kitaran permintaan) ini akan ditangani atau diuruskan?

Berhubung dengan rancangan masa panjang, saya ingin menyentuh mengenai Rancangan Perumahan Negara, walaupun ianya sedikit sebanyak telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan awal tadi.

Saya lebih dahulu memetik sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, semasa Majlis Perasmian Sambutan 60 tahun Rancangan Perumahan iaitu pada April 2014 iaitu tempoh 60 tahun kita melaksanakan Rancangan Perumahan Negara adalah satu jangka masa yang panjang. Ini jelas menunjukkan komitmen kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk menyediakan perumahan untuk rakyat jelata.

Matlamat adalah sangat jelas iaitu untuk memenuhi keperluan rakyat dari segi kualiti dan jangka masa pemilikan rumah.

Seterusnya, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda iaitu mahu melihat permohonan-permohonan di bawah Rancangan Perumahan Negara akan dapat memiliki rumah dalam jangka masa tidak lebih dari 5 tahun pada tahun 2021.

Soalan saya ialah, adakah penilaian dibuat mengenai pencapaian skim perumahan dari segi kualiti penyediaan rumah-rumah yang disediakan? Adakah dalam rancangan untuk membentuk strategi baharu dalam menangani isu perumahan negara termasuk penglibatan sektor swasta dan membuat pembaikan-pembaikan untuk menyesuaikan cita rasa perumahan masa kini;

3. Dari segi jumlah perumahan yang dilaksanakan, apakah perancangan khusus untuk mencapai seperti yang disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri iaitu pemohon dapat memiliki rumah dalam jangka tidak melebihi 5 tahun menjelang tahun 2021; dan

4. Dalam perancangan perumahan negara dan estet-estet yang ada dan dalam rancangan, adakah diambil kira untuk mencapai hasrat kerajaan bukan sahaja untuk membangun rumah bahkan untuk membangun komuniti serta memperbaiki sosial dan *environmental outcome* (hasil sosial dan hasil pesekitaran alam). Ini antaranya untuk mengukuhkan ikatan keluarga serta komuniti, meningkatkan keharmonian masyarkat, meningkatkan tahap pendidikan dan tahap persekitaran alam serta mengurangkan gejala sosial dan sebagainya.

   Saya berharap rancangan dan penyediaan Pelan Induk Rancangan Kemajuan Negara dan Estet-Estet akan terus dibuat dengan secara holistik dengan membuat penilaian berterusan dan maklum balas dari semua yang bekepentingan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya harap perkara-perkara yang saya timbulkan ini akan diambil pertimbangan dengan secara menyeluruh untuk menghasilkan perancangan yang lebih mantap. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan, sama ada Yang Berhormat Menteri Pembangunan akan menjawab terus ataupun sebaliknya?

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Kumpul dulu Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah yang telah kongsikan. Kaola hendak menimbulkan 3 perkara:-

1. Mengenai Jabatan Tanah. Menurut *Key Performance Indicator (KPI)* Pejabat Tanah seperti yang dinyatakan dalam jadual Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017. Sejauh ini Jabatan Tanah masih belum berjaya untuk meluluskan permohonan-permohonan tanah dalam tempoh masa Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan dari sasaran yang dinyatakan bagi Tahun Kewangan 2015/2016, perkara ini akan cuba ditangani dengan membuat sasaran iaitu 20 peratus jumlah permohonan tanah akan cuba diluluskan dalam tempoh TPOR. Perkara ini telah pun disebut tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam mukadimahnya dengan secara ringkas.

   Setahu kaola, budaya agensi-agensi kerajaan menggunakan TPOR dalam memberikan perkhidmatan kepada

orang awam telah dimulakan pada kira-kira akhir tahun 90-an. Kaola ingin bertanya, apakah masalah-masalah yang di hadapi oleh Jabatan Tanah dalam meluluskan permohonan-permohonan tanah sehingga masih belum berjaya mematuhi tempoh TPORnya?;

2. Berhubung dengan Jabatan Kerja Raya. Kaola terkejut apabila melihat Petunjuk Prestasi Utama *(KPI)* Jabatan Kerja Raya bagi perkara berhubung mengekalkan kualiti jalan raya dan standard keselamatan di peringkat antarabangsa. Ia menyatakan peratus mencapai standard kualiti antarabangsa permukaan jalan raya bagi tahun 2014/2015 ialah kurang dari 2 peratus dan bagi tahun 2015/2016 ialah kurang dari 1 peratus. Kalau kaola tidak salah faham, ini membawa erti bahawa permukaan jalan raya di negara ini masih belum lagi mencapai standard dan kualiti antarabangsa.

   Masalah jalan raya ini telah pun disuarakan pada setiap tahun di Dewan yang mulia ini dan juga semasa sesi muzakarah dengan Kementerian Pembangunan.

   Soalan kaola, pada setiap tahun kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar bagi membina, membaiki dan menaik taraf jalan raya. Kenapa sejauh ini permukaan jalan raya di negara ini masih belum mencapai *standard* kualiti antarabangsa? Adakah ini disebabkan kontraktor-kontraktor yang dipilih untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan dan pembaikan jalan-jalan raya tidak mempunyai kepakaran atau tidak diberikan pengawasan yang berkesan? Kalau alasan disebabkan keadaan tanah dan cuaca, kaola fikir negara-negara jiran dan negara-negara di rantau ini juga mempunyai keadaan yang sama. Kaola memohon penjelasan mengenai dengan perkara ini; dan

3. Berhubung dengan Projek Pembinaan Jambatan Temburong. Kerja-kerja pembinaan Jambatan Temburong yang bernilai $1.6 bilion telah bermula pada tahun 2014. Sementara pekerjaan membina jejambat bermula pada tahun lepas. Syarikat-syarikat utama yang menjalankan kerja-kerja bagi pembinaan projek mega ini adalah kerjasama antara syarikat-syarikat dari Korea Selatan, China dan 2 buah syarikat tempatan. Kaola juga difahamkan beberapa orang rakyat tempatan telah diambil bekerja oleh syarikat-syarikat asing yang terlibat.

   Kaola hanya ingin bertanya, apakah *spin off* atau penghasilan sampingan yang diberikan oleh projek mega ini kepada industri-industri pengeluaran bahan-bahan binaan tempatan, seperti industri simen dan industri konkrit tempatan? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji

Sulaiman. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebentar tadi. Walaupun ringkas, tetapi padat dan kaola menyambut baik atas beberapa projek yang akan dilaksanakan di bawah peruntukan yang akan diluluskan ini. Antara lain yang menarik pada kaola ialah mesra pelanggan, pengawalan keberkesanan projek-projek yang akan diungkayahkan dan lain-lain lagi.

1. Kaola ingin menyentuh mengenai Jabatan Kerja Raya dengan peruntukan sejumlah $160.1 juta bagi pembangunan infrastruktur dan pemeliharaan aset-aset kerajaan. Pada permesyuaratan kali kesebelas pada tahun lepas, kaola pernah menimbulkan tentang menaik taraf jalan raya dari Kampung Buau ke Kampung Melilas dan pemeliharaan jalan-jalan dan saliran-saliran di kawasan luar bandar dan pedalaman yang sesetengahnya dalam keadaan kurang baik dan kurang selamat dilalui dan memerlukan pembaikan;

   Kaola ingin bertanya:-

   i. Bila agaknya kerja-kerja menaik taraf jalan dari Kampung Buau ke Kampung Melilas yang kaola sebelum ini dimaklumkan tawaran telah pun dikeluarkan dan bila ia akan dapat dimulakan?; dan

   ii. Kaola berharap jalan-jalan yang kurang baik seperti yang kaola sebutkan di atas tadi akan dapat diusahakan untuk diperbaiki dari semasa ke semasa bagi menjaga keselamatan pengguna-pengguna jalan raya dan juga saliran-saliran, khususnya di kampung-kampung di Mukim Liang di Daerah Belait?

2. Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Peruntukan bagi Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi pada tahun 2016/2017 ini berjumlah $14.9 juta. Dalam memastikan keadaan alam sekitar dan taman-taman rekreasi yang di bawah jagaan jabatan tersebut sentiasa dalam keadaan terjaga dan terpelihara.

   Kaola ingin bertanya:-

   i. Sejauh ini berapa banyak sudahkah taman-taman rekreasi yang di bawah jagaan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi sudah diswastakan dengan *Public Private Partnership (PPP)* khusus dari Daerah Belait.

   ii. *Skip* pembuangan sampah di kawasan pedalaman yang dahulunya di bawah jagaan

Jabatan Daerah khususnya Daerah Belait. الْحَمْدُ لله pada tahun lepas telah pun diambil alih oleh pihak *JASTRE*. Penduduk-penduduk di kawasan tersebut membuang semua jenis sampah di *skip* yang disediakan, termasuklah sampah besi dan plastik dan lain-lain, disebabkan hanya satu *skip* yang disediakan.

Soalan kaola, apakah perancangan pihak *JASTRE* dalam kita menangani tempat membuang sampah jenis besi dan plastik ini bukan sahaja di kawasan pedalaman bahkan di kawasan-kawasan yang lain juga?; dan

3. Jabatan Tanah. Proses penukaran milik tanah ketika ini masih mengambil masa yang agak lama untuk mendapat kebenaran daripada pihak-pihak yang berkenaan. Ada sesetengah permohonan tergantung begitu lama tanpa sebarang penjelasan dan keputusan diterima. Walaupun penukaran milik tanah tersebut hanya melibatkan penukaran nama dalam kalangan ahli keluarga, kita memahami malah menyokong dan bersetuju atas sikap berhati-hati kerajaan. Jika ia bertujuan untuk mengawal tanah jatuh kepada orang yang bukan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Soalan kaola, ingin mendapat penjelasan yang memaparkan mesra pelanggan mengenai dengan kelambatan mendapat kelulusan di atas permohonan yang kaola sebutkan di atas tadi. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi. Saya akan membawa Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Hampir setiap tahun apabila musim hujan banyak kawasan rendah di setiap daerah menghadapi masalah banjir. Banjir terjadi setiap penghujung tahun dan tidak ketinggalan kepada tahun 2014 dan juga tahun 2015. Kaola juga pernah mendengar dari salah seorang yang terlibat dalam banjir di Kampung Tanjung Maya pada tahun 2014 yang lalu bahawa kerajaan sedang menimbangkan untuk menempatkan penghuni yang terlibat untuk dipindahkan ke kawasan Perumahan Bukit Beruang.

Dalam hal ini, sukacita kaola mendapat maklum balas daripada pihak yang bertanggungjawab apakah perkembangan terhadap perkara ini?

Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency. Projek mega yang sedang dan dalam pembinaan adalah Jambatan Penghubung Bandar

Seri Begawan ke Temburong. Bandar Seri Begawan ke Kampung Sungai Kebun dan juga Pulau Muara Besar.

Jambatan-jambatan ini akan dijangkakan siap tidak berapa lama lagi, terutamanya Jambatan Penghubung Bandar Seri Begawan ke Kampung Sungai Kebun. Seperti yang kita maklum penduduk di kawasan yang terlibat bagi Jambatan Penghubung Bandar Seri Begawan ke Temburong telah pun menerima taklimat-taklimat dari pihak-pihak yang berkuasa.

Walau bagaimanapun taklimat pada penduduk yang terlibat dalam kawasan pembinaan jambatan dari Sungai Kebun ke Jalan Residency belum lagi dibuat taklimat yang serupa. Dalam hal ini, kaola mencadangkan supaya satu pelan induk bagi setiap projek ini dengan adanya pelan induk ini maka bangunan dapat dirancang dengan teratur dan sistematik terutama sekali dari aspek penggunaan tanah.

Tajuk SK06A - Jabatan Tanah. Proses-proses permohonan tanah lambat. Kaola merujuk sesi muzakarah Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik pada 21 Januari 2016, kaola menyanjung tinggi penambahbaikan proses-proses dan prosedur-prosedur membantu *Ease of Doing Business* bagi proses pembangunan kemajuan tanah dan bangunan.

Proses-proses ini dikendalikan oleh autoriti bagi pengawalan bangunan dan industri pembinaan. *Authority for building control and construction industry* yang ia meliputi kesihatan, keselamatan, kebakaran, elektrik, pembetungan, saliran air, jalan raya dan Telbru. Mengikut taklimat yang diberikan *registering property* di Jabatan Tanah telah pun melaksanakan perubahan prosedur bagi pemohon pindah milik tanah iaitu bagi peringkat pertama pindah milik tanah semakin cepat dari 6 bulan kepada lebih kurang 15 hari.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam realitinya proses-proses yang di atas mengambil masa yang lebih lama adakalanya mengambil masa lebih setahun. Dalam hal ini disarankan kementerian dan jabatan-jabatan yang lain untuk mengkaji semula *TPOR* ini untuk menghantarkan pandangan negatif oleh orang ramai.

Kaola juga mencadangkan supaya dasar-dasar kerajaan dapat diperbaiki dan mengurangkan birokrasi dan ketua-ketua jabatan diminta untuk meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai dan kakitangannya dalam melaksanakan tugas dengan lebih efisien dalam menangani isu-isu yang dikemukakan oleh orang ramai. Kementerian dan jabatan hendaklah mengambil tindakan yang bersesuaian kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang diper-tanggungjawabkan kerana tidak menjalankan tugas-tugas dengan amanah dan jujur; dan

Perancangan penggunaan tanah yang teratur. Salah satu matlamat kementerian pembangunan bagi penggunaan guna tanah yang teratur ialah untuk memastikan tanah sedia ada yang agak terhad dan digunakan secara optimum bagi pembangunan fizikal ke arah pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan untuk kesejahteraan rakyat.

Dalam hal ini kaola sukacita menimbulkan isu tanah-tanah persendirian dengan syarat penggunaan penanaman padi, getah dan sebagainya. Penggunaan tanah seperti yang disyaratkan di atas sudah tidak relevan dan sukar untuk dimajukan. Dengan mengambil kira keadaan semasa kaola cadangkan supaya pihak kerajaan akan dapat menukar syarat tanah tersebut kepada syarat perumahan atau perniagaan.

Ini juga akan meningkatkan hasil pendapatan negara melalui cukai tanah dan yang ada berhubung kait denganya. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan mahu menjawab dahulu?

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Kaola menjawab 4 soalan sahaja. Kaola cuba menjawab apa yang dapat kaola jawab manakala yang kaola tidak dapat jawab akan kaola baliki kemudian. Terima kasih.

Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid berhubung soalan-soalan yang menyentuh Pelan Strategik Kementerian Pembangunan dan berkaitan dengan soalan itu ialah mengenai *cynical demand* yang dihadapi sekarang ini. *Demand*nya ialah *down turn* (penurunan kitaran) dan apa yang difikirkan sesuai bagi menangani isu pakar-pakar di industri binaan yang sepatutnya dipertahankan kemahiran mereka ini kerana mereka ini adalah memiliki kompetensi yang akan diperlukan apabila *cycle* akan meningkat nanti.

Dari segi Pelan Strategik sedang dalam usaha untuk dibuat ketika ini dan apabila siap sahaja akan dikongsikan secara terbuka إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Dan dari segi apa yang dimasukkan dalam Pelan Strategik ini mungkin tidaklah jauh dari apa yang telah saya sampaikan dalam mukadimah saya dari segi tumpuan usaha yang tumpuan itu memang dalam bidang tanggungjawab Kementerian Pembangunan.

Apa yang mungkin berbeza sedikit ialah mengenai penekanan terhadap keberkesanan pelaksanaan. Pelan Strategik sudah setentunya akan menfokus mengenai dengan kemungkinan keperluan meneliti semula dasar-dasar perundangan-perundangan, tatacara pengendalian dan mungkin peningkatan kapasiti yang diperlukan bagi pelaksanaan yang lebih berkesan dan bagi memastikan penyediaan perkhidmatan yang diperlukan kepada orang ramai mencapai apa yang

dihasratkan. Itu secara umumnya Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai dengan sama ada akan difikirkan kesesuaian seperti yang disentuh berhubung dengan apa yang dipanggil dengan mungkin dalam bidang *economy pump priming* yang dalam keadaan ekonomi yang turun ini kitani cuba untuk *revive* ekonomi dengan cara kerajaan berbelanja. Apa tah lagi dalam ekonomi yang menurun ini harga barang binaan yang memungkinkan pembekal-pembekal dan kontraktor-kontraktor, perunding-perunding akan bersedia menawarkan harga yang lebih kompetitif seperti yang dinyatakan itu.

Kaedah ini sudah banyak dipratikkan di negara-negara yang dasar fiskalnya telah mantap. Di negara kita pula ini satu perkara yang masih cuba diperkukuhkan terutama sekali dari segi:-

1. Sistem percukaian;

2. Subsidi yang menepati sasaran; dan

3. Kekukuhan sektor swasta.

Perkara ini perlu ada sebelum kita mengamalkan dasar fiskal seperti negara lain yang mengunakan kaedah *pump priming.* Walau bagaimanapun dalam keadaan yang sedang difikirkan ialah pembiayaan alternatif. Oleh itu difikirkan mengenai kesesuaian *PPP* yang selalu kita sebut-sebut ketika ini. Juga kita cuba menarik *Foreign Direct Investment (FDI)* ke negara kita sebagai alternatif untuk pembiayaan projek-projek yang terdapat di negara ini. Mudah-mudahan berjaya. Satu cabaran utama ialah memastikan bahawa projek-projek yang akan ditawarkan kepada mereka ini adalah projek-projek yang *bankable* kalau tidak ada *bankable* tidak ada minat di pihak mereka.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ sekiranya kita berjaya dalam usaha kita dalam menarik pelabur-pelabur asing dan projek-projek dapat diungkayahkan melalui *PPP* ini, ini merupakan satu lagi sumber untuk kerja-kerja pembinaan *construction industry* di negara ini. إِنْ شَاءَ اللَّهُ dalam keadaan sedemikian pakar-pakar kita akan terus dapat mempraktikkan kemahiran-kemahiran mereka.

Satu perkara yang kaola ingin sentuh mengenai bajet kita yang menurun pada masa ini, iaitu turun lebih kurang 10 peratus, 20 peratus tertakluk kepada kementerian dan kementerian kaola telah diturunkan lebih kurang 21 peratus. Dalam penurunan sedemikian, sekiranya pihak industri binaan bersedia untuk juga menurunkan harga tawaran mereka/harga pembekalan mereka, dengan sendiri penurunan 20 peratus di sektor pembinaan akan dapat menyeimbangkan penurunan bajet kerajaan. Dengan cara ini mungkin tidak perlu terlalu banyak projek yang terbengkalai oleh sebab keadaan ekonomi sekarang.

Asal saja pihak swasta bersedia untuk memainkan peranan yang sama. Kaola berpendapat, perkara ini adalah *win-win*

situation Yang Berhormat Pengerusi. Dengan berterusannya projek-projek, memanglah dengan keuntungan yang kurang sedikit tetapi pekerja-pekerja mahir akan terus dapat mempraktikkan kemahiran mereka.

Itu saja Yang Berhormat Pengerusi berhubung dengan soalan pertama Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Kaola berpindah kepada soalan yang seterusnya berhubung dengan Jabatan Kemajuan Perumahan. Kaola sediakan jawapan di sini.

1. Skim Perumahan Negara sejak bermulanya sebagai Skim Perpindahan semenjak lebih 60 tahun yang lalu telah menjalani banyak perubahan dan penyesuaian dari segi reka bentuk dan kualiti perumahan yang disediakan. Pada masa ini Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kemajuan Perumahan sedang menjalankan penilaian atau reviu secara menyeluruh mengenai dengan Skim Perumahan Negara termasuk juga mengenai reka bentuk perumahan dan kualiti pembinaan bagi rumah-rumah yang akan datang.

   Penilaian ini akan melibatkan berbagai-bagai pihak dari agensi-agensi kerajaan dan orang ramai serta sektor bukan kerajaan. Ini yang kaola maksudkan dalam mukadimah kaola tadi yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan *Housing Focus Group*. Bidang/ mandat yang diberikan untuk meneliti secara menyeluruh berbagai-bagai aspek perumahan ini;

2. Adakah dalam perancangan untuk membentuk strategi baharu dalam menangani isu perumahan negara termasuk penglibatan sektor swasta dan membuat pembaikan-pembaikan untuk menyesuaikan cita rasa perumahan terkini?

   Seperti yang sudah dilaksanakan pada masa ini, bermacam-macam sudah perubahan yang telah kita lihat dari segi penyediaan bentuk perumahan umpamanya *cluster housing* dan *vertical housing*. Ini bukan saja difikirkan, tapi dilaksanakan. Ianya secara terus-menerus akan diambil kira dalam memastikan bahawa cita rasa penerima-penerima rumah akan diambil kira dan seperti yang kaola maksudkan tadi *Housing Focus Group* juga akan memasukkan perkara ini sebagai salah satu perkara yang dipertimbangkan;

3. Dari segi jumlah perumahan yang dilaksanakan, apakah perancangan khusus untuk pencapaian seperti yang disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri,

iaitu pemohon dapat memiliki rumah dalam jangka tidak melebihi 5 tahun menjelang tahun 2021 bagi setiap daerah?

Apa yang kita lihat ialah di Daerah Tutong, Daerah Temburong dan Daerah Belait, matlamat ini sudah tercapai tapi yang belum tercapai ialah di Daerah Brunei dan Muara. Tempoh menunggu lebih kurang 12 tahun. Isu yang perlu kita ambil kira ialah kesesuaian kaedah sekarang dari segi pelaksanaan Skim Perumahan Negara ini. Sama ada kita akan terus-menerus dengan cara kita sekarang ini dan menghadapi isu *sustainability* ataupun kita fikirkan semula cara yang lebih *sustainable*, umpamanya mengukuhkan syarat-syarat untuk penerima rumah-rumah ini terutama sekali dengan menekankan kepada mereka yang benar-benar berkeperluan.

Kalau kita melaksanakan sedemikian, kaola rasa ini akan tertakluk kepada apa yang didapatkan melalui *Housing Focus Group* itu nanti juga. Kaola rasa mungkin dapat kita mengawal pengurusan pemberian tanah ini dengan lebih cepat lagi; dan

4. Dalam Perancangan Perumahan Negara dan estet-estet yang ada dan dalam rancangan, adakah diambil kira untuk mencapai hasrat kerajaan, bukan saja untuk membangun rumah bahkan juga untuk membangun komuniti serta untuk memperbaiki sosial dan *environmental outcomes* dan sebagainya?

Terima kasih atas soalan ini. Abis kaola di pihak Kementerian Pembangunan sewaktu berbincang-bincang mengenai perumahan ini ada juga memikirkan mengenai negara-negara lain, terutama sebuah negara jiran yang selalu kita rujuk (mengenai dengan hal ini) dan menjadi *benchmark* kita mengenai dengan keberkesanan pelaksanaan skim perumahan mereka. Kita juga pernah menimbulkan perkara *social engineering* (dari segi apa yang dimaksudkan tadi) bagi tujuan keharmonian masyarakat dan bagi tujuan pengukuhan institusi keluarga dan sebagainya.

Ini kaola rasa telah pun diambil kira juga sebelum ini dan mungkin sesuai lebih diperkemaskan lagi pada masa-masa akan datang. Sudah kita lihat berbagai-bagai cabaran, umpamanya dalam kita cuba memastikan keharmonian kejiranan dalam Skim Perumahan, kita melarang daripada pagar-pagar untuk dibina di sekeliling rumah. Apa yang kita lihat ialah ada masalah-masalah lain yang timbul akibat kita tidak membenarkan ini.

Umpamanya ada pemilik-pemilik rumah mengatakan isu keselamatan tidak ditangani dan kadang-kadang pencemaran dari segi binatang-binatang yang memasuki kawasan-kawasan rumah. Kalau kita lihat di tempat-tempat lain yang bukannya Skim Perumahan Kerajaan, kebanyakan rumah telah memasang pagar-pagar. Itulah barang

kali antara perkara-perkara yang perlu juga diambil kira dalam *social engineering* ini.

Itulah saja Yang Berhormat Pengerusi berhubung dengan jawapan kaola bagi soalan-soalan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai *KPI* dan TPOR yang tidak dicapai.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, saya kira ada baiknya kita tangguhkan dulu Mesyuarat Jawatankuasa ini dan bagi membolehkan kita balik kepada Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya tangguhkan Mesyuarat ini selamat 20 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula dan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi memboleh Rang Undang-Undang ini kita teliti satu persatu saya tangguhkan dahulu persidangan Majlis Mesyuarat ini dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbangkan, meneliti belanjawan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum mesyuarat ini ditangguhkan untuk berehat sebentar tadi seramai 4 orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik telah menimbulkan beberapa pertanyaan.

Walau bagaimanapun bersama saya di sini masih terdapat seramai 11 orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik yang lain yang suka turut serta dalam membahaskan Tajuk Kementerian Pembangunan ini.

Saya mempersilakan semula Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk meneruskan jawapan-jawapannya.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Yang Berhormat Pengerusi bisai juga kaola habiskan soalan-soalan yang sudah dikemukakan tadi jawapan-jawapannya. Terima kasih. Soalan seterusnya tadi ialah soalan dari Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman

berhubung dengan *KPI* atau TPOR yang tidak pernah tercapai selama ini dan apa sebab-sebabnya sedangkan budaya TPOR ini sudah lama kitani amalkan tetapi nampaknya bermasalah.

Kaola tidak pula tahu *the reason* Yang Berhormat Pengerusi. Seperti yang kaola kongsikan tadi pada masa ini Kementerian Pembangunan telah memperkenalkan kaedah pendekatan 90 *days plan.* Isu-isu yang akan diperbaiki, dikenal pasti dan dipantau proses pembaikannya sehingga selesai dan dengan itu إِنْ شَاءَ اللَّهُ dan dengan *partnership* daripada ketua jabatan dan ketua bahagian إِنْ شَاءَ اللَّهُ isu memenuhi TPOR ini mungkin ditangani dengan lebih baik lagi pada masa akan datang.

Mengenai kualiti jalan raya di Brunei. Ini yang *shocking International roughness index* nampaknya salah baca barangkali Yang Berhormat mengenai dengan data-data itu. Sebenarnya apa yang dilihatkan dalam data itu lebih 50 peratus jalan raya di Brunei ini adalah diakui sebagai *above average.* Kurang daripada 50 peratus adalah *poor* dan memerlukan pembaikan itulah dihasratkan akan dapat diperbaiki keadaan-keadaan jalan raya yang dikategorikan sebagai *poor* itu.

Bukanlah jalan raya kita ini antaranya keadaannya tidak dapat diterima di jalan raya berbanding di tempat lain. Kita pun dapat merasai secara praktiknya bahawa jalan raya kita ini memang bagus tapi ada antaranya yang kurang memuaskan.

Mengenai Jambatan Temburong dan *spin off.* Ada beberapa *spin off* daripada projek Jambatan Temburong ini terutama sekali dari segi bekalan bahan binaan yang terdapat di negara ini. Simen umpamanya kita menggunakan bekalan dari sini malahan tidak mencukupi dan *spin off* yang lain daripada *sub-contract* yang turut serta dalam projek ini banyak *sub-contract* tempatan. 7 *sub-contractors* tempatan dan *material suppliers* yang terbabit 20 *locals works and consultancy and services contractors* semuanya.

Kalau tidak silap saya 25 orang *local engineer* kitani yang bekerja bersama dengan *joint venture* ini dan sudah setentunya sudah siap nanti *economics spin off* akan lebih ketara lagi.

Seterusnya kaola cuba menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Terima kasih atas soalan-soalan yang diajukan tadi. Menaik taraf Jalan Buau Melilas. الْحَمْدُ لله telah diluluskan di peringkat *LTN* dan akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi seperti yang dimaklumkan. Dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan mengambil masa kira-kira 2 tahun untuk disiapkan. Perkara-perkara di bawah jagaan (JASTRe) taman-taman rekreasi, terus terang pada ketika ini belum ada taman-taman rekreasi ini yang sudah di*DPP*. Walaupun sudah dihasratkan akan di*DPP* dan usaha sedang giat dijalankan. Mudah-mudahan kita akan menampakkan pencapaiannya.

Mengenai penyediaan *skip* sebagai cara untuk menyediakan tempat-tempat pembuangan sampah ini memang

disediakan oleh JASTRe. Bagi Kementerian Pembangunan secara keseluruhannya ialah kaedah *skip* ini bukanlah merupakan kaedah yang terbaik dalam isu pembuangan sampah kerana masalah alam sekitar yang disebabkan olehnya. Apa yang sedang disediakan sekarang ini dari segi *skip* ialah sebagai penyelesaian secara sementara sahaja sementara kita menanti penyelesaian dalam jangka waktu yang panjang. Terutama sekali dalam bentuk pembuangan sampah secara berlanggan dengan syarikat-syarikat komersial. Itulah yang dihasratkan dan *skip* ini secara terpaksa sahaja disediakan pada masa ini.

Ada soalan lagi berhubung dengan proses penukaran milik tanah yang agak lama. Ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini, seperti yang saya terangkan tadi dalam mukadimah saya sudah nampak pembaikan yang ketara dari segi tempoh kebenaran yang diperolehi berhubung dengan kebenaran pemilik tanah ini dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan lebih diperbaiki lagi pada masa akan datang.

Soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar berhubung dengan masalah banjir. Masalah ini satu masalah yang dikira agak serius. Oleh itu dalam keadaan kewangan kitani dengan $4 juta telah disediakan sebagai peruntukan bagi untuk penanganan atau mitigasi banjir.

Berhubung dengan banjir di kawasan Kampung Tanjong Maya, ada ura-ura sebelum ini untuk memindah penduduk-penduduk yang terbabit ke Perumahan Negara Bukit Beruang. Seperti yang saya telah dimaklumkan telah dibuat *survey* dalam kalangan penduduk yang terlibat ini sama ada mereka mahu untuk berpindah. Usul-usulnya lebih 90 peratus daripada mereka ini tidak berhajat untuk berpindah atas sebab tersendiri. Mungkin *the legends* itu tempat lahir mereka atau tanah mereka itu jauh lebih besar daripada tanah atau rumah tempat mereka akan dipindahkan. Masing-masing dengan alasan tertentu. Oleh itu rancangan itu tidak diteruskan.

Projek-projek mega Jambatan Temburong, Jambatan Sungai Kebun dan Pulau Muara Besar bagi mereka yang terbabit dalam projek Jambatan Temburong telah diberi taklimat kepada mereka yang kawasan tanah dan rumah mereka terlibat dalam projek itu. Manakala mereka yang terlibat melalui jambatan menyeberangi Sungai Kebun tidak dilibatkan. Mungkin juga *overnight* di pihak kita oleh sebab tidak ramai yang terbabit di sana.

Cadangan daripada Yang Berhormat mengenai dengan pelan induk ataupun perancangan yang terancang bagi projek-projek sedemikian harus disediakan pada masa-masa hadapan, saya menyambut baik saranan tersebut.

Yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat mengenai proses permohonan tanah, sudah saya jawab tadi. Mengenai tanah-tanah yang syaratnya getah atau padi dan tidak lagi sesuai untuk syarat-syarat tersebut dikekalkan, saya dimaklumkan

oleh pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa bahawa perkara ini sedang diteliti dan selalunya akan tertakluk kepada dasar yang sedia ada. Terutama sekali *zoning* di kawasan-kawasan tersebut. Kalau sekiranya kawasan tersebut memang dibuat sebagai *zoning* untuk tujuan pertanian tidaklah dapat dipertimbangkan syarat-syarat ini ditukar kepada syarat perumahan umpamanya.

Sekiranya kawasan tanah itu sudah dikelilingi oleh *residential* memang perkara ini sesuai untuk dipertimbangkan tertakluk kepada *case by case basis*. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah yang telah disampaikan tadi.

1. Kaola menyentuh Tajuk SK03A- Jabatan Kerja Raya. Kaola menyokong sepenuhnya peruntukan Jabatan Kerja Raya sejumlah $160 lebih juta sementara Perbelanjaan Khas sebanyak $11.6 juta:-

   i. Dalam hubungan ini, kaola ingin mengajukan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Perpindahan Meragang yang seringkali menghadapi masalah tekanan air ataupun tidak dapat menerima air dengan baik. Apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Jabatan Air, Jabatan Kerja Raya bagi mengatasi masalah ini?; dan

   ii. Masalah kesesakan jalan keluar Perpindahan Meragang iaitu daripada Bukit Kabun adalah dicadangkan supaya akan dipasang lampu isyarat bagi keselamatan pengguna jalan raya sebab kawasan tersebut sering terjadi kemalangan; dan

2. Tajuk SK06A - Jabatan Tanah, peruntukan kewangan sejumlah $11.2 juta. Kaola ingin mengetahui kenapa cukai tahunan tanah kawasan lingkungan bandaran berbeza dengan kawasan luar bandar? Contohnya bayaran cukai tahunan $20.00 setahun sekarang menjadi $100.00 setahun. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi, setelah mendengar mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan, kaola menyambut baik apa jua sasaran atau yang difokuskan demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ikut serta pada membincangkan Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya yang perkara ini telah pun kaola bangkitkan pada masa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Yang Kesepuluh Tahun 2014.

Apa yang kaola suarakan dalam Dewan yang mulia ini ialah jalan utama, Jalan raya Tutong supaya dinaik taraf seperti mana jua Jalan Tutong dari Bandar Seri Begawan ke Sengkurong. Sepanjang apa yang kaola lihat bahawa pada masa ini sebahagian jalan Kampung Luagan Duduk dan begitu juga di Kampung Kupang telah diaspal sedangkan kerosakan-kerosakan yang lain hanya ditampal sahaja.

Walau bagaimanapun, kaola mengucapkan terima kasih atas tindakan Kementerian Pembangunan melaksanakan perkara ini. Mengikut sejarah, sepanjang yang kaola ketahui bahawa Jalan Raya Utama Tutong adalah jalan yang tertua untuk menghubungkan antara Pekan Tutong dan Pekan Brunei. Diharapkan bahawa dalam Bajet 2016/2017 akan dapat diusahakan demi kebaikan serta keselamatan pengguna-pengguna jalan yang tersebut. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi serta Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ingin bergabung dalam Tajuk SK06A - Jabatan Tanah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan kerana dalam mukadimah Yang Berhormat ada menyentuh mengenai pemprosesan segala penggunaan mengenai tanah. Oleh kerana ramai rakyat yang terlibat dalam pembangunan tanah menghadapi masalah terlalu lama, ada antaranya 3 hingga 11 tahun. Itu pun belum selesai seperti mana yang dikemukakan oleh rakan sejawatan tadi.

Oleh itu dipohonkan supaya orang ramai tidak terlalu lama menunggu kelulusan pembangunan mereka. Pihak berkenaan hendaklah berpegang teguh pada slogan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dalam menyelesaikan masalah mereka. Yang Berhormat Pengerusi, kaola hanya menyampaikan salam dari orang ramai.

Tajuk SK02 - Jabatan Kemajuan Perumahan. Kajian semula ke atas Dasar Perumahan Negara. Yang Berhormat Pengerusi saya ingin menyarankan supaya Dasar Perumahan Negara pada masa ini, dikaji semula melibatkan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (Skim Perumahan Negara dan Skim Perumahan Rakyat Jati).

Dasar yang ada pada masa ini, terhad dan tidak ada ruang bagi rakyat yang telah memiliki tanah termasuk suami dan isteri dalam keluarga berkenaan. Sama ada tanah tersebut dimiliki secara waris atau diwarisi, terpaksa diterima oleh anak-anak atau si penerima waris atau dibeli atas daya usaha mereka sendiri. Untuk pengetahuan, ada sebahagian tanah waris ini berkedudukan di kampung-kampung pedalaman dan di hulu sungai dan jauh dari jalan raya. Untuk memajukan tanah tersebut dan membina rumah persendirian kebanyakannya mereka tidak mampu untuk membuat jalan masuk yang memerlukan kewangan berpuluh-puluh ribu ringgit. Mereka ini kebanyakannya terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan yang berjawatan kecil.

Dengan gaji yang kecil sebulan sukar untuk menabung bagi sebuah keluarga yang mempunyai ramai anak kerana keperluan lain seperti membayar kenderaan, api elektrik, air, wang belanja anak-anak sekolah, minyak kereta, buku teks, pakaian dan potongan TAP dan SCP. Oleh itu ada sebilangan pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menghadapi masalah untuk menyertai Skim Perumahan Negara dan Rakyat Jati kerana telah memiliki tanah waris tetapi, kurang upaya untuk memajukan lantaran kekurangan wang.

Makanya melalui Majlis ini, disarankan supaya mereka yang berkenaan yang memiliki tanah waris, suami isteri untuk menyertai Skim Perumahan dan Skim Rakyat Jati. Ini selaras dengan titah dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengingatkan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada suatu ketika dahulu dalam Majlis ini bertitah "Jangan ada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat terlepas pandang akan keadaan rakyat baginda termasuk mereka yang berada di kampung-kampung dan di pedalaman".

Yang Berhormat Pengerusi. Dengan adanya kelonggaran ini nanti diharapkan mereka, kakitangan yang belum memiliki rumah akan dapat rumah sendiri lebih awal sebelum menjelang persaraan seperti mana antaranya pada masa ini sebahagian daripada mereka terpaksa menghadapi tunggakan perumahan kerana tiba hari persaraan dan tidak lagi berkhidmat atau bekerja dengan mana-mana pihak. Dalam hubungan ini, saya telah mendapat maklum bagi kakitangan atau pesara

kerajaan yang beragama Islam tunggakan mereka telah dibantu oleh pihak Baitulmal untuk menyelesaikannya. Bagaimana bagi mereka yang tidak termasuk dalam Asnaf tersebut?

Seterusnya Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Penggunaan plastik atau kantung (bakul). Kempen penggunaan beg plastik pada masa ini hanya terhad dibuat di kedai-kedai tertentu sahaja (di kedai-kedai besar di kawasan bandar) pada setiap hujung minggu pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Sedangkan kedai-kedai di kampung-kampung luar bandar belum melaksanakannya seperti mana yang dilakukan di kedai-kedai besar *(Mall)* di kawasan bandar.

Oleh sebab kebersihan alam sekitar itu amat penting kepada penduduk dan masyarakat seluruhnya, langkah-langkah drastik hendaklah dilakukan oleh semua pihak sebelum keadaan lebih berleluasa dan tidak dapat dikawal. Langkah-langkah yang hendak diambil ialah penguatkuasaan undang-undang di seluruh negara, khasnya kepada pekedai-pekedai dan premis-premis perniagaan. Sampah yang tidak mudah buruk atau hancur dalam masa singkat seperti plastik hendaklah dikurangkan penggunaannya di seluruh negara termasuklah kedai-kedai di kampung-kampung dan di pasar tamu dan juga gerai tamu. Digalakkan pengguna-pengguna menggunakan bakul masing-masing apabila hendak membeli barang-barang keperluan. Soalan saya, apakah tindakan yang telah dan akan diambil dalam masalah ini oleh pihak-pihak yang berkenaan? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya harap Yang Berhormat Menteri Pembangunan menerima salam daripada orang yang berkenaan melalui Ahli Yang Berhormat tadi. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

1. Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan iaitu Perbelanjaan Khas yang disediakan Anggaran 2016/2017, $200 ribu sahaja yang mana peruntukan asal 2013/2014 dengan harga rancangan $2,800,000.00 untuk kajian geologikal dan penilaian bagi sumber pasir di kawasan lombongan pasir, Sungai Paku, Mukim Telisai.

   Keadaan fizikal bumi kawasan ini sudah lapang, gersang, berbukit-bukit dan berlubang-lubang. Soalan kaola:-

   i. Apakah dapatan atau hasil kajian berkenaan?;

   ii. Apakah perancangan pembangunan di kawasan ini?; dan

iii. Jika perlombongan diberhentikan dan tidak ada pembangunan. Dicadangkan supaya projek membaik pulih dan tanaman pokok dilaksanakan.

2. Tajuk SK02A - Dalam Jabatan Kemajuan Perumahan ada diperuntukkan Perbelanjaan Khas berjumlah $1 juta dalam program dan aktiviti kerja-kerja pembaikan dan penaiktarafan rumah-rumah dan kawasan Perancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati. Soalan kaola:-

   i. Adakah cadangan untuk membaik pulih rumah-rumah berkenaan yang terbiar (*abandon house*) yang rosak akibat kebakaran atau lain-lain yang mengaibkan pandangan. Misalannya terdapat rumah berkenaan di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Telisai; dan

   ii. Dicadangkan jua pemotongan rumput di tepi-tepi jalan dan pembaikpulihan jalan-jalan rosak di kawasan perumahan.

3. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya telah diperuntukkan Perbelanjaan Khas dalam Tahun 2016/2017 berjumlah $4 juta melalui Bahagian Saliran dan Pembetungan untuk pencegahan banjir, pembaikan dan menaik taraf.

   Lebih dahulu kaola menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Kerja Raya, Bahagian Saliran dan Pembetungan kerana telah membina sebahagian penghadang ombak di Kampung Danau Pantai Telisai untuk mengelakkan hakisan pantai. Oleh sebab sebahagian sahaja yang dibina, maka akibatnya bahagian yang tidak berpenghadang terhakis teruk membuatkan bentuk 'u' yang menyebabkan:-

   i. Pokok Aru dan kelapa tumbang;

   ii. Stor, bengkel, reban dan tempat tinggal pekerja lesap; dan

   iii. Tanah individu yang susur. separuh dan lesap batu sempadan. Kemungkinan akan datang terjejas jika penghadang tidak dibina ialah beberapa buah rumah di tepi pantai terutama sebuah rumah besar yang penghuninya seramai 26 orang. Hanya 4 meter sahaja lagi yang tinggal dari tebing dan sebuah bangunan pam pembekal air laut ke kolam-kolam udang Kampung Keramut, Mukim Telisai.

   Kaola mempunyai harapan yang tinggi agar pembinaan penghadang ombak tebing Pantai Danau, Telisai ini sebagai suatu keutamaan agar dibina dari Pantai Danau hingga ke Taman Rekreasi Pantai Telisai yang sudah ada penghadang kerana sepanjang pantai ini

terdapat banyak rumah berhampiran pantai.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Berhubung dengan kolam tadahan pencegahan banjir. Soalan saya:-

1. Apakah perkembangan pembinaan sekarang ini khususnya bagi Daerah Tutong?;

2. Pada penghujung tahun 2015 dan awal tahun 2016, tidak ada berlaku kejadian banjir yang serius seperti mana tahun-tahun sebelumnya di Daerah Tutong. Adakah pengisian air ke dalam Empangan Nyamuk Nying di Daerah Tutong ini membantu mengurangkan berlakunya banjir?; dan

3. Jika pengisiannya berlaku beberapa bulan iaitu hampir setahun, adakah tidak menjejaskan kekeringan kawasan-kawasan pertanian dan menjejaskan pencarian rezeki penduduk di sungai-sungai berkenaan?

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas pembentangan kertas kerja yang diharap akan menjadi satu realiti.

Yang Berhormat Pengerusi, di sini ada 4 soalan iaitu:-

1. Isu alam sekitar merupakan isu nasional yang perlu diberikan keutamaan dan perhatian. Sejak kebelakangan ini kita sering terbaca dalam media baik surat khabar ataupun media elektronik, isu sampah dipaparkan sama ada tempat-tempat awam dan tempat-tempat pembuangan sampah.

   Perkara ini selalu dikeluarkan dalam media cetak dan elektronik seperti *Whatsapp* dan sebagainya. Longgokan sampah di tempat-tempat premis perniagaan, tempat pembuangan sampah dan seumpamanya kerana lambat dikutip. Lalu timbul persoalan, siapa yang bertanggungjawab bagi mengendalikan sampah berkenaan? Maka berkatalah si polan, ini adalah tanggungjawab pihak yang berwajib.

   Yang Berhormat Pengerusi. Pendekatan yang terbaik ialah menerusi pendidikan kepada masyarakat terutama sekali anak-anak supaya akan dapat menanamkan sikap bertanggung jawab menjaga kebersihan alam sekitar melalui rumah tangga dan

insititusi pendidikan sama di peringkat rendah ataupun menengah.

Oleh yang demikian, dicadangkan agar tempat-tempat pembuangan sampah disediakan di tempat-tempat awam, sekolah-sekolah dan kampung-kampung. Sesetengah masyarakat suka mengambil jalan pintas dengan alasan tempat membuang sampah tidak disediakan.

Kaola mencadangkan supaya pihak JASTRe khususnya, akan membina beberapa tempat pembuangan sampah di kawasan-kawasan yang memerlukannya. Memang diakui pihak JASTRe ingin supaya masyarakat di negara ini khususnya rumah-rumah persendirian menggunakan kaedah langganan secara bayaran melalui beberapa ejen pengutipan sampah yang diberikan lesen.

Namun bagi menimbangkan sebahagian daripada mereka yang tinggal di kampung-kampung mungkin tidak mampu membayar secara langganan. Maka langkah yang baik bagi mengatasi isu sampah ini, dicadangkan pembinaan tempat membuang sampah di kawasan tersebut khususnya bagi Zon 4. Dipohonkan supaya dibina di Kampung Sengkurong, Kampung Jerudong, Mukim Pengkalan Batu, Mukim Kilanas dan beberapa kampung yang tidak mempunyai tempat pembuangan sampah.

2. Tadi rakan saya, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking menimbulkan isu mengenai penggunaan beg plastik. Beberapa tahun yang lepas, kempen tidak menggunakan beg plastik di premis-premis perniagaan telah rancak dilaksanakan dan kempen ini telah mendapat sambutan dari gedung-gedung perniagaan, *supermarket* dan beberapa kedai runcit. Usaha ini sangat baik dan perlu disokong oleh semua pihak.

   Kita ingin mengetahui, adakah perkara ini diteruskan oleh pihak peniaga terutamanya *supermarket* di negara ini?

   Mengikut penilaian pihak yang berwajib, adakah pengurangan ataupun penurunan kadar sampah di negara ini setelah kempen ini dijalankan?

3. Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, kualiti perkhidmatan kontraktor. Kualiti atau mutu kerja biasanya dikaitkan dengan *International Standard Organisation* (*ISO*). Perkara demikian biasa digunakan oleh negara-negara yang maju dan sedang membangun. Kita di Negara Brunei Darussalam juga mempunyai piawaian yang sering disebut *ISO*. Perkara ini selalunya dikaitkan dengan beberapa projek mega dan separuh

mega. Kita mengharapkan apa jua projek sama ada besar ataupun kecil, hendaklah dinilai pada kualiti dan keberkesanannya.

Kita amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berterima kasih terlaksananya beberapa projek mega yang menjadi kemegahan negara seperti pembinaan 2 buah jambatan iaitu Jambatan Penghubung dari Bandar Seri Begawan ke Daerah Temburong dan Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency serta Lebuh Raya Telisai, Tutong ke Daerah Belait hampir siap pembinaannya. Tahniah diucapkan kepada Kementerian Pembangunan.

Tetapi apa yang sering menjadi perhatian masyarakat ialah kerja-kerja rutin yang dibuat oleh kontraktor seperti pembinaan jalan, pembaikan jalan, pemotongan rumput, pembersihan longkang-longkang dan seumpamanya, masih di tahap yang kurang memuaskan dan memerlukan perhatian.

Perkara ini perlu diambil perhatian kerana pihak kerajaan telah membayar kerja-kerja tersebut mengikut apa yang telah dipersetujui tanpa mengurangkan nilai sesen pun. Tetapi kualiti kerja tidak berbaloi dengan apa yang kerajaan bayar.

Yang Berhormat Pengerusi, apa yang berlaku kebanyakan kontraktor diberikan tanggungjawab berkenaan tidak melaksanakan pekerjaan seperti mana yang telah dikehendaki. Adakah kerja-kerja tersebut dipantau dari semasa ke semasa dan berterusan?

Dalam kesempatan ini, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mencadangkan kiranya kerja-kerja seperti pemotongan rumput dan pembersihan longkang-longkang akan dapat diberikan kepada orang-orang kampung ataupun Majlis Perundingan Kampung yang tinggal di kawasan berkenaan. Ini bertujuan memberikan pekerjaan kepada masyarakat dengan memberikan penekanan agar kerja yang boleh dibuat perlu diberikan kepada mereka yang benar-benar boleh melakukannya.

Di sini kita akan dapat menilai sejauh mana masyarakat dapat melaksanakan kerja-kerja yang hanya memerlukan tenaga dan kesungguhan boleh dibuat oleh orang-orang kitani Brunei.

4. Seterusnya, Yang Berhormat Pengerusi. Pembaikan dan menaik taraf jalan-jalan raya di kawasan Zon 4. Mutu jalan raya di beberapa kawasan Zon 4 yang sudah berusia lebih 30 tahun, jika dapat dinaikkan tarafnya bagi memberikan keselesaan kepada semua pengguna khususnya di kawasan yang berkenaan. Antara jalan yang

perlu diberikan perhatian ialah Jalan Bebuluh ke Kampung Wasan, Jalan Kampung Bebuluh, Jalan Kecil Emang dan Batong.

Kemudahan infrastruktur yang selesa dan baik akan dapat meningkatkan produktiviti dan memudahkan sistem-sistem perhubungan. Maka kerana itu supaya pihak yang berwajib akan dapat membuat penilaian dan sokongan agar jalan-jalan yang disebutkan di atas itu akan diberikan peruntukan.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: وَعَلَيْكُمْ السَّلَامْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهْ Yang Berhormat Menteri Pembangunan suka untuk menjawab sekarang ataupun kita teruskan dengan soalan-soalannya lagi?

Yang Berhormat Menteri Pembangungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menjawab mula-mula soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim berhubung dengan tekanan air yang rendah di kawasan Perumahan Meragang.

Kawasan Perumahan Meragang merupakan terminal bagi *pipeline* negara ini dan sebarang masalah gangguan air yang dihadapi, inilah kawasan yang paling teruk terjejas oleh sebab ia kawasan yang hujung sekali.

Baru-baru ini pun kita telah melihat mungkin lebih kurang dari satu minggu kawasan ini tidak mendapat bekalan air. Oleh itu Jabatan Perkhidmatan Air telah bekerja keras menyediakan tangki-tangki dan servis penghantaran air dan termasuk plastik bag disebabkan oleh keadaan yang begitu mendesak sekali. Itu cuma merupakan penanganan jangka pendek yang memang kurang berkesan dan kurang memuaskan tetapi sekadar itulah yang dapat dibuat dalam jangka masa yang pendek.

Penyelesaian jangka panjang, إِنْ شَاءَ اَللَّهُ sekiranya paip besar yang sedang dilaksanakan sekarang ini melalui jalan pantai yang dijangka akan siap pada akhir tahun ini. Jika projek ini terlaksana, إِنْ شَاءَ اَللَّهُ masalah tidak mendapat air ini akan berkurangan.

Mengenai Jalan Raya Meragang ke Bukit Kabun, lampu-lampu perlu dipasang. Nampaknya perkara ini sudah dalam perancangan mengikut maklumat-maklumat yang sudah ada dikongsikan dengan saya Yang Berhormat Pengerusi. Termasuk juga dengan pembesaran persimpangan di kawasan tersebut. الْحَمْدُ لله ini akan terlaksana sedikit masa lagi.

Mengenai Cukai Tanah. Kaola memohon untuk menjawab kemudian sahaja, berhubung perbezaan antara cukai tanah di dalam dengan di luar bandar.

Soalan berikutnya ialah soalan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha

bin Abd. Rauf mengenai jalan utama Jalan Tutong iaitu sebagai jalan raya yang *quite nostalgic* antara jalan raya yang tertua di negara ini, bagi jalan raya ini untuk dinaik taraf.

Sebarang jalan raya untuk dinaik taraf seperti ini perlu untuk dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN11). Ia akan dipertimbangkan berbanding keutamaan-keutamaan yang lain. Setakat itu yang dapat kaola kongsikan mengenai cadangan menaik taraf Jalan Raya Tutong.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Kaola menjawab berhubung dengan isu tanah yang tidak selesai-selesainya sejak sekian lama. Seperti pada mukadimah kaola tadi, kaola melihat ada penambahbaikan. Sekiranya isu ini secara khusus boleh dibawa kepada perhatian kementerian kaola atau Jabatan Tanah secara terus menerus, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat diselesaikan. Itu saja yang kaola dapat janjikan pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai Dasar Perumahan Negara dikaji semula seperti yang kaola terangkan tadi. *Housing Focus Group* telah pun ditubuhkan dan banyak perkara yang akan dilihat dan diambil kira dalam *Housing Focus Group* ini.

Salah satu daripadanya ialah isu kesamaan atau ketidaksaksamaan antara penduduk yang tidak mempunyai tanah dan yang mempunyai tanah tetapi tidak mempunyai kemampuan untuk membangun rumah. Ada tanah tetapi tidak mampu mendirikan rumah. Dengan sendirinya mereka tidak akan termasuk kategori sebagai pemohon-pemohon yang layak dipertimbangkan bagi RPN.

Inilah antara sebab-sebab utama mengapa *Housing Focus Group* ini telah ditubuhkan untuk meneliti isu-isu seperti ini dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara-perkara ini setelah diteliti dan diambil kira bersama dengan isu-isu yang lain akan dapat diutarakan satu penyelesaian yang lebih memuaskan berhubung dengan penyediaan perumahan negara ini.

Isu tunggakan ini bukan kaola barangkali yang menjawab. Ini mengenai tunggakan macam mana boleh diselesaikan terutama sekali mereka yang tidak berkemampuan. Kalau Al-Gharimin mungkin barangkali dijadikan sebagai sandaran untuk mereka yang tidak mampu membayar tunggakan. Kaola rasa kaola tidaklah arif dalam bidang ini.

Mengenai sampah. Kempen untuk meningkatkan kesedaran cara penanganan sampah ini memanglah satu perkara yang sangat dialu-alukan pada masa ini dan juga sesuai dilaratkan ke peringkat yang lebih tinggi dan pada peringkat nasional. Hal ini masih pada peringkat ini dalam pemikiran, Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai penanganan sampah-sampah yang *non-biodegradable*. Kita masih lagi di peringkat awal kajian mengenai cara menangani plastik atau sampah

daripada besi-besi, alat-alat elektronik dan sebagainya. Setakat ini, dikumpul sahaja dan lepas itu dijual kepada pembeli dan selalunya dieksport ke luar negara sebagai sampah yang mempunyai *value*, ada nilai untuk *recycle* tetapi *recycling* tersebut tidak dibuat di negara kita sendiri.

Seterusnya, kaola cuba menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai Lombong Sungai Paku. Kaola perlu memohon limut (tangguh) dulu dan nanti menjawab apa keputusan kajiannya. Kaola tidak pasti kajian itu sama ada selesai atau pun tidak, mengikut daripada adanya 200,000 disediakan untuk tujuan itu. Sudah setentunya berdasarkan hasil kajian itu nanti akan ditangani secara tepat apa kegunaannya lombong tersebut.

Mengenai peruntukan sebanyak $1 juta untuk pembaikan rumah yang disediakan disentuh mengenai ada rumah yang hangus dan yang tidak indah dilihat sama ada dapat diperbaiki. Ini mungkin dilihat secara penilaian keutamaan. Isu yang hangat baru-baru ini juga yang telah keluar di media massa ialah mengenai ada beberapa buah rumah di kawasan Kampung Danau yang telah menerima kesan hakisan pantai yang *attribution* ialah Projek Pengawalan Pesisiran Pantai yang belum selesai jadi hakisan telah berlaku begitu teruk sekali mengganggu kawasan-kawasan perumahan ini. Ini sebenarnya projek jangka panjang dan setakat ini belum lagi sampai ke kawasan yang telah terjejas ini. Memang dilihat perlu juga dibandingkan dengan keutamaan-keutamaan yang lain, ini satu perkara yang serius yang sedang dihadapi di sana.

Mengenai penahanan banjir (*retention pond)* mungkin yang dimaksudkan kaedah *retention pond* ini telah banyak membantu dalam mitigasi banjir di banyak kawasan termasuk di kawasan-kawasan Daerah Tutong, tetapi kaola perlu memohon untuk menangguhkan menjawab seterusnya, sama ada kawasan-kawasan ladang terjejas oleh kaedah *retention pond* yang dikendalikan di sana.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim berhubung dengan sampah terlampau banyak, sama jua isunya tidak dapat ditangani dengan sempurna tetapi kalau disoal siapa yang salah sebenarnya adakah autoriti yang patutnya menangani masalah ini ataupun pembuang-pembuang sampah, kedua-duanya mempunyai peranan penting iaitu saling mengukuhkan. Kalau satu pihak saja menanganinya masalah ini akan berlarutan. Dimasukkan juga dalam rancangan kita untuk mengadakan kempen kesedaran mengenai dengan pembuangan sampah secara teratur ini.

Mengenai penyediaan banyak lagi tempat-tempat pembuangan sampah, perkara ini perlu tertakluk kepada nasihat daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan mengikut kesesuaiannya, kerana sampah ini bukanlah satu perkara yang mudah

untuk ditangani. *Skip* umpamanya yang disediakan mudah kita untuk membuang sampah di sana, tetapi daripada *skip* ia tidak bertahan dan terpaksa ditangani lagi untuk dibawa mungkin ke *landfill*. Penggunaan *skip* tidak digemari kerana:-

1. Harganya mahal;

2. Tidak menyelesaikan sepenuhnya masalah sampah kita.

Seterusnya mengenai beg plastik. Adakah diteruskan *banning of plastic bag* sewaktu hujung minggu. Masih diteruskan *in fact* dilaratkan, ditambah satu hari lagi. الْحَمْدُ لله usulnya penerimaan adalah baik dan tidak tahu satu hari nanti kita akan mengadakan *banned* bag plastik ini secara lebih menyeluruh, tetapi peringkat ini, الْحَمْدُ لله penerimaan agak baik.

Mengenai kualiti perkhidmatan kontraktor yang memerlukan standard-standard tertentu termasuk *ISO,* kualiti kerja yang tidak berbaloi, perkara-perkara ini diambil perhatian dan terima kasih juga atas teguran-teguran ini. Mudah-mudahan ditangani dengan lebih sempurna lagi di masa akan datang.

Mengenai pemotongan rumput agar diberikan kepada penduduk-penduduk kampung ataupun kepada Majlis Perundingan Kampung, selalu sudah perkara ini disuarakan cuma masalahnya belum ada penyelesaian. إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita cari cara jalan yang sebenarnya sesuai untuk memastikan barang ini berjalan, sejauh ini banyak sudah ditimbulkan tetapi tidak juga jadi-jadinya.

Mengenai jalan raya yang ada, banyak disyorkan untuk dinaikkan taraf, ini tertakluk kepada keutamaannya dan dalam pertimbangan bagi Program RKN Ke-11.

Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Kita teruskan, saya menjemput sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola ada 3 soalan:-

1. Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Pantai Tungku perlu pembaikan dan pembisaian (mengelokkan) seperti tempat letak kereta, pondok, tempat orang berjual-jualan, pondok untuk orang berehat, tempat berbeku hujung minggu serta tandas dan tempat permainan seperti *ATV*, tempat pembuangan sampah, dikhaskan supaya nampak teratur;

2. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Tahun lepas ada kejadian banjir di beberapa kawasan Daerah Brunei Muara. Banyak kerugian telah dialami orang ramai. Kaola rasa

tindakan awal patut dibuat sebelum musim banjir seperti pembersihan sungai-sungai dan longkang-longkang. Pembetungan air menghalang daripada banjir nampaknya berkesan. Soalannya adakah jabatan berkenaan merancang untuk membuat pembetungan tersebut dan kalau ada di mana rancangannya?; dan

3. Tajuk SK06A - Jabatan Tanah. Mengapa proses gantian tanah bagi tanah-tanah *Plot* dan tanah-tanah terkena jalan daerah terlalu lama. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu, kaola juga sukacita merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah peruntukan belanjawan di bawah Kementerian Pembangunan Yang Berhormat sampaikan sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi. Melalui Peruntukan Belanjawan 2016/2017 Kementerian Pembangunan, kaola akan menimbulkan 5 perkara di Dewan yang mulia ini:-

1. Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan. Perkara yang pernah kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini dan dalam mempertimbangkan masalah yang dihadapi oleh orang ramai berhubung peraturan yang dikenakan kepada orang ramai. Pada pandangan kaola perkara yang perlu juga dipertimbangkan atau kajian dibuat mengenai proses mendapatkan kelulusan dan kebenaran untuk membangun rumah kediaman secara persendirian melalui pihak kawalan bangunan dan industri iaitu *ABCi*, memakan masa yang lama untuk menyelesaikannya. Ditambah lagi dengan kos yang mahal, terutamanya penduduk luar bandar atau penduduk pedalaman yang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan, seperti menimbuk dan meratakan tanah menghendaki pemaju tanah dan rumah untuk membuat pelan yang lengkap melalui arkitek dan konsultan dan lain-lain.

   Dalam hubungan ini, apakah langkah-langkah penyelesaian oleh kementerian melalui jabatan yang berkenaan untuk menangani perkara yang ditimbulkan. Sukacita juga kaola ingin tahu apakah perancangan dan perubahan daripada *ABCi* mengenai perubahan terkini pada masa ini bagi memudahkan kepada rakyat dan penduduk di negara ini khususnya di Daerah Temburong;

2. Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. Kaola akan membawakan 3 perkara:-

i. Sebagaimana yang kaola maklum pada masa ini sudah ada rumah teres yang sudah siap di Skim Perumahan Negara Kampung Rataie, Temburong. Sukacita kaola ingin tahu status unit-unit rumah yang sudah siap ini, bilakah rumah-rumah ini boleh diserahkan kepada penghuni yang layak?; dan

ii. Syarat-syarat permohonan Skim Perumahan Negara pada masa ini hanya diperuntukkan atau dibenarkan kepada Warganegara Brunei Darussalam, bagi penduduk-penduduk tetap negara ini yang belum dibenarkan untuk memohon Skim Perumahan Negara, kaola ingin bertanya apakah syarat kelonggaran permohonan Skim Perumahan Negara dapat dipertimbangkan untuk Penduduk Tetap di negara ini bagi mengikuti Skim Perumahan Negara memandang kan jumlah penduduk tetap di Daerah Temburong semakin bertambah?;

iii. Dalam Pelan Induk atau *Master Plan* Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie Temburong ada perancangan Jabatan Kemajuan Perumahan untuk menyediakan kemudahan yang lengkap kepada penduduk kampung termasuklah bangunan perniagaan seperti bangunan gerai untuk kemudahan penduduk kampung berjaja sayur, ikan, daging, kedai runcit dan kuih-muih. Isu mengenai kemudahan bangunan perniagaan ini pernah juga kaola bawakan pada tahun lepas dan kemudahan ini belum dapat dibangunkan di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie. Kaola bertanya sejauh ini apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pembangunan melalui jabatan berkenaan dalam memberi kemudahan ini bagi memenuhi keperluan memandangkan penambahan penduduk di Perumahan Negara Kampung Rataie pada masa ini?;

3. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Perkara yang sama kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini, apa yang menjadi rungutan penduduk pengguna jalan raya, rumput yang tumbuh di tepi kiri kanan jalan raya pada masa ini hampir keseluruhan jalan raya di Daerah Temburong sama ada jalan raya utama, jalan kecil, jalan raya ke mukim-mukim dan kampung, rumput-rumputnya didapati panjang. Diharapkan agar pihak jabatan yang berkenaan mengambil perhatian menangani perkara ini. Kerja-kerja yang mustahak untuk diteruskan dan dipelihara sepanjang masa seperti pemotongan rumput dan pembersihan longkang di tepi-tepi jalan, perubahan kontraknya jangan tergantung memakan masa yang lama mestilah serta merta bagi mengurangkan berlakunya banjir kilat terutama sekali di kawasan-kawasan yang rendah.

Selain itu, masalah dengan keadaan jalan raya utama dan jalan-jalan raya di mukim-mukim Daerah Temburong terutamanya di Mukim Amo dan Mukim Bokok banyak menghadapi kerosakan seperti jalan berlubang, memakan masa yang lama untuk diperbaiki. Perkara ini memerlukan pembaikan segera dalam mengurangkan rungutan orang ramai dari segi keselamatan penggunaan jalan raya. Dari aspek keselamatan jalan raya, apakah cara yang terbaik pihak jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan untuk menangani masalah ini tidak berulang lagi?; dan

4. Tajuk SK04A - Jabatan Perancang, Bandar dan Desa. Daerah Temburong semakin berkembang setiap tahun. Kenderaan bukan sahaja datangnya dari daerah ini tetapi juga dari luar daerah. Menyediakan kemudahan letak kereta awam di tempat-tempat tertentu di beberapa buah kawasan utama di persekitaran Pekan Bangar adalah masalah yang utama yang dihadapi kerana kekurangan tempat letak kereta. Melalui jabatan berkenaan sukacita kaola bertanya sejauh ini apakah perkembangan perancangan tertentu dalam Pelan Induk Daerah Temburong khususnya Pekan Bangar bagi menangani masalah kekurangan petak letak kereta awam termasuklah tempat letak kereta bas-bas pelancong?; dan

5. Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi. Dua perkara yang kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini:

   i. Mengenai Taman Batang Duri Daerah Temburong. Sudah lebih empat tahun masih belum dibukakan bagi kunjungan orang ramai. Taman Batang Duri juga destinasi tarikan pelancong dalam dan luar negara. Keadaan mini zoo ini haruslah diberi belanjawan secukupnya agar lebih cantik dan menarik. Kaola ingin tahu mengenai status pembaikan Taman Batang Duri Temburong masa kini, kenapa ia belum dapat lagi dibukakan bagi kunjungan orang ramai? Kaola kalau boleh mencadangkan pengurusan Taman Batang Duri ini akan dapat diswastakan untuk memperkembangkan *Program Public Private Partnership* (*3P*) daerah ini. Kaola juga mencadangkan pada masa jangka panjang supaya Taman Batang Duri ini dapat dinaikkan taraf seperti Taman Agro di Kampung Tungku Rimba Gadong; dan

   ii. Kaola sungguh menghargai dan mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi (JASTRe) yang telah berusaha dalam mengambil perhatian bagi menangani isu pengutipan sampah yang masih

dirasakan kurang teratur dan memuaskan di daerah ini.

Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Pembangunan sudah pun jua ada menjelaskan mengenai pembuangan sampah ini, dalam menjawab soalan-soalan dari rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Walau bagaimanapun, izinkanlah kaola memberi beberapa pandangan dalam perkara ini. Bahawa kebersihan tidak dapat dicapai semata-mata oleh penduduk-penduduk mukim dan kampung jika sistem pengutipan pembuangan sampah kurang teratur di daerah ini.

Pihak berkenaan hendaklah mengambil perhatian serius dalam menangani perkara ini dengan mengkaji semula dalam memperbaiki sistem pengutipan pembuangan sampah yang sedia ada supaya akan lebih terurus, ini termasuklah dengan menambah pondok-pondok pembuangan sampah. Kaola mengambil contoh, di Daerah Temburong hanya ada terdapat dua buah pondok tempat pembuangan sampah di kampung-kampung selain dengan tong-tong yang rosak dan tidak mencukupi. Tempat tong sampah harus dipagar agar anjing, monyet dan kucing tidak merosakkan sampah.

Soalan kaola, kaola ingin bertanya apakah pendapat pihak jabatan yang berkenaan ataupun cara untuk mengelakkan kejadian yang serupa ini tidak berlaku berulang-ulang bagi mengurangkan rungutan orang ramai?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ أَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola akan membawakan 2 perkara. Kalau kaola tidak silap pada tahun 2012 di Dewan yang mulia ini, kaola pernah membangkitkan *Power of Attorney*. Kini sudah 4 tahun kaola belum lagi mendengar apa-apa cara yang mudah dan cermat bagi memberi pengurusan yang terbaik kepada negara dan orang-orang yang terlibat dengannya. Apa yang kaola khuatiri sejak *Power of Attorney* ini terbantut beberapa tahun, banyak dalam surat khabar tawaran-tawaran penjualan rumah luar negeri nampaknya banyak kejayaan bagi menarik pembeli-pembeli tempatan membeli rumah-rumah di luar negeri.

Ini boleh diertikan berjuta-juta ringgit Brunei *outflow of fund* telah keluar selama ini. Ini boleh mengurangkan *cashflow* negara yang tidak baik kepada ekonomi terutama sekali sekarang negara menghadapi ekonomi yang mencabar disebabkan oleh harga minyak begitu jauh murahnya. Soalan kaola:-

1. Bilakah masalah *Power of Attorney* ini dapat ditangani dan apakah ia akan diselaraskan dengan hasrat negara untuk menarik Pelabur-Langsung Asing (*FDI*) ke negara ini dengan membuat satu skim atau satu pakej bagi tarikan kepada pelabur-pelabur asing itu supaya dapat mempunyai rumah secara *leasehold* dengan tempoh tertentu bagi keyakinan (*confident*) diri mereka untuk melabur wang mereka yang berjuta-juta ringgit dalam negeri ini justeru membantu menaikkan KDNK; dan

2. Pengurusan jalan raya di negara ini melibatkan banyak agensi kerajaan. Tentu sekali tidak ada agensi kerajaan yang menumpukan pengurusan penuh masa harian hal-ehwal jalan raya. Kalau dilihat dari segi amalan pengurusan yang terbaik jalan raya di negeri ini, sukar untuk dicapai kerana tidak ada satu agensi kerajaan berkuasa penuh terhadapnya. Ini menyebabkan kelambatan kerja-kerja kecemasan dikendalikan, contoh beberapa tahun yang lalu apabila hujan lebat turun berjam-jam lamanya hingga menyebabkan terowong di pusing keliling berdekatan dengan Masjid Jame 'Asr dipenuhi dengan air. Selepas air sudah surut, jalan raya tidak dibersihkan beberapa hari.

Mengimbas beberapa tahun dulu, terjadi lagi satu kejadian di jalan raya Jangsak Gadong, paip di bawah jalan itu pecah, air memancut keluar dengan derasnya dan tidak dapat dikawal atau diperbaiki dengan cepat. Begitu juga kejadian jalan raya di Jalan Tutong berdekatan dengan Hospital RIPAS yang jalannya berlubang besar menyebabkan gangguan kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalan tersebut dan menyebabkan kesesakan jalan raya dan menyusahkan pergerakan kenderaan sekali gus melibatkan keseluruhan jalan raya di sekitar kawasan itu. Masalah ini sering berlaku seperti paip pecah, pokok-pokok tumbang, bangkai binatang yang mati telah tidak dibersihkan hingga badan binatang itu hancur berderai.

Laporan Tahun 2014, jalan raya di bawah jagaan JKR, *District Office, ABDB* sepanjang 3,191.2 kilometer, *figure* petikan dari Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi dan panjangnya jalan raya negara kita dan juga kenderaan sebanyak 166,213 tentu sekali jalan raya kita terlalu sibuk semasa waktu *peak hours.* Maka pengurusan jalan raya sepenuh masa harian amatlah perlu supaya dapat mengurus dengan baik dan untuk lebih mengetahui bilakan

merancang, menambah, mempulih baik, penjagaan, pemuliharaan dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Pengerusi, soalan kaola, adakah Kementerian Pembangunan mempunyai rancangan hendak mengambil alih keseluruhan pengurusan jalan raya sepenuh masa seharian supaya keadaan seperti kaola sebutkan tadi tidak begitu rumit atau sebaliknya, demi mengurus jalan raya dengan amalan yang terbaik. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mempunyai 3 orang ahli lagi yang suka untuk turut serta dalam perbincangan mengenai Tajuk ini. Walau macamanapun, bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk meneliti soalan-soalan yang telah dikemukakan, maka saya berpendapat ada baiknya perbincangan bagi Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya suka untuk menangguhkan persidangan ini. إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Rabu, 7 Jamadilakhir 1437 bersamaan 16 Mac 2016 seperti biasa pada pukul 9.00 pagi.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Rabu, 7 Jamadilakhir 1437 / 16 Mac 2016

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.
(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, iaitu hari yang kesembilan, Rabu, 7 Jamadilakhir 1437 bersamaan 16 Mac 2016, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهٗ بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua kita dapat sekali lagi bersama-sama hadir di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ini iaitu hari yang kesembilan.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman. Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagaimana lazimnya Susunan Kerja kita pagi ini, kita akan mendahulukan Perkara V Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis Bagi Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis yang akan dijawab secara lisan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Yang Telah Diberi Notis No.26 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهٗ بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ dan salam sejehtera. Kaola akan membawa Soalan Yang Telah Diberi Notis kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan iaitu:-

Mengenai tanah runtuh dan susur. Kejadian tanah runtuh dan susur berlaku setiap tahun pada musim hujan bulan September hingga Disember di negara ini yang mengakibatkan kerosakan rumah dan jalan-jalan raya.

Kejadian ini ialah disebabkan antara lain:-

1. Pergerakan tanah atau batuan serta bahan yang membentuk sesuatu cerun *(escarpment)* di bawah pengaruh graviti bumi yang merupakan semula jadi seperti hakisan sungai dan proses luluhhawa;

2. Akibat daripada aktiviti manusia yang mengubah cerun bukit tanpa kawalan dan sukat-sukat standard; dan

3. Kekurangan pengikat akar pokok kepada tanah disebabkan penebangan kayu-kayan di bukit-bukit atau kawasan tinggi bagi maksud perumahan menyebabkan mengurangkan kestabilan cerun dan tanah menjadi tepu menambahkan lagi aliran air hujan.

Soalan saya ialah:-

1. Apakah tindakan awal yang dibuat oleh pihak yang berkenaan di kementerian ini sebelum sesuatu aktiviti pemotongan cerun dilakukan oleh syarikat-syarikat atau orang awam?

2. Sebagai satu tindakan pencegahan sebelum satu-satu kejadian yang tidak diingini berlaku, adakah kajian tanah dibuat terhadap cerun atau bukit yang mempunyai kawasan perumahan di lereng atau di bawahnya?; dan

3. Apakah tindakan undang-undang yang dikenakan kepada syarikat-syarikat atau orang awam yang meneroka atau mengganggu kestabilan tanah yang memberi kesan dan risiko bencana kepada tanah atau kawasan orang lain?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejehtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit berhubung dengan Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis tadi.

Mengenai soalan apakah tindakan awal yang dibuat oleh pihak yang berkenaan di kementerian ini sebelum sesuatu aktiviti pemotongan cerun dilakukan oleh syarikat-syarikat atau orang awam? Sebelum kerja-kerja tanah atau pemotongan cerun dapat dilaksanakan, orang awam atau syarikat-syarikat yang akan memajukan mana-mana tanah hendaklah melantik orang yang berkelayakan atau *qualified person* yang berdaftar dengan *Board of Architect Professional Engineers and Quantity Surveyor* (*BAPEQS*) untuk menyediakan lukisan cadangan kerja tanah dan seterusnya menghadapkan ke divisyen Pihak Yang Berkuasa Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABCi)* untuk mendapatkan kebenaran kemajuan, memulakan kemajuan dan persiapan kemajuan.

Mana-mana pihak yang melakukan aktiviti kerja tanah, pemotong cerun tanpa kebenaran aktiviti tersebut adalah dikehendaki untuk diberhentikan dengan serta-merta. Jika terjadi tanah susur pada cerun-cerun, pihak Jabatan Kerja Raya akan membuat pemeriksaan secara *visual* setelah menerima aduan dan seringkali mencadangkan supaya pihak pemaju melantik jurutera profesional yang berdaftar dengan *BAPEQS* di Kementerian Pembangunan bagi mereka bentuk sebarang kemajuan tanah, struktur dinding penghadang tanah atau mana-mana sistem pelindungan cerun. Ini kerana pada dasarnya, jika tanah runtuh terjadi di tanah persendirian, maka kerja-kerja pemotongan cerun adalah tanggungjawab pihak pemaju itu sendiri.

Saya beralih kepada soalan iaitu sebagai satu tindakan pencegahan sebelum sesuatu kejadian yang tidak diingini berlaku, adakah kajian tanah dibuat terhadap cerun atau bukit yang mempunyai kawasan perumahan lereng atau di bawahnya?

Sebagai menjawabnya, kajian tanah hanya dilaksanakan bagi projek-projek kerajaan sahaja dan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Teknikal di Jabatan Kerja Raya.

Sementara itu, kajian tanah bagi projek-projek ke atas tanah persendirian adalah menjadi tanggungjawab pihak pemilik tanah atau pemaju itu sendiri. Pemaju atau pemilik tanah hendaklah melantik Jurutera *Civil and Structural* yang berdaftar dengan *BAPEQS* yang akan memberikan khidmat nasihat tentang apa yang mesti dibuat dan apa yang diperlukan sebelum lukisan cadangan kerja tanah dapat disediakan.

Jurutera *Civil and Structural* juga bertanggungjawab untuk memastikan cadangan kemajuan kerja tanah adalah stabil dan kukuh dengan membuat kajian terhadap tanah tersebut.

Soalan apakah tindakan undang-undang yang dikenakan kepada syarikat-syarikat atau orang awam yang meneroka atau mengganggu kestabilan tanah yang memberi kesan dan risiko bencana kepada tanah atau kawasan orang lain?

Merujuk kepada *Building Control Order 2014*, setiap pemaju atau pemilik tanah, *qualified person* dan pembina mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam melaksanakan dalam setiap projek atau *building works* termasuk kerja tanah. Jika mereka tidak melaksanakan tanggungjawab mereka boleh didakwa jika didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda, penjara atau kedua-duanya sekali. Di samping itu, *qualified person* juga terikat dengan perintah *Architect Professional Engineers and Quantity Surveyor 2011* dalam memberikan perkhidmatan profesional masing-masing.

Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya melalui Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Bumi hanya bertanggungjawab untuk membuat pemeriksaan ke tapak tanah susur dan membuat penganalisisan serta khidmat nasihat awal dari segi teknikal sahaja. Pada lazimnya bila kejadian kemalangan berlaku ke atas tapak kemajuan, tapak kejadian akan ditutup atau di*quadrant off* oleh pihak Polis Diraja Brunei bagi mengelakkan pihak-pihak yang tidak berkenaan memasuki kawasan tersebut.

Jabatan Buruh melalui *Workforce Safety and Health Order 2009,* iaitu perintah di bawah pentadbiran jabatan tersebut akan mengeluarkan *work stop order* bagi menjalankan penyiasatan selanjutnya dari pihak-pihak yang berkaitan. Jika kejadian kemalangan melibatkan kematian, *workers compensation insurance* akan dituntut kepada pemaju yang pada lazimnya disediakan bagi urusan selanjutnya. Selain itu, insurans pekerja juga sepatutnya disediakan oleh pihak majikan akan dituntut. Pihak pemaju perlu menghadapkan laporan kemalangan dan tindakan pembetulan *(corrective measure report)* bagi menyediakan keadaan bekerja yang selamat *(safe working environment)* kepada pentadbir *Work Place Safety and Health Order 2009.*

Tindakan lebih tegas akan diambil dan dilaksanakan mengikut akta dan perintah yang berkuat kuasa pada masa ini dan bagi memastikan pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek kemajuan kerja tanah dan bangunan mengetahui tanggungjawab masing-masing dan mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No. 27 yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya akan mengajukan soalan yang telah diberi Notis kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Soalan saya ialah Masjid Kampung Sengkarai.

Pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun 2013 yang lalu, saya pernah menimbulkan mengenai tergendalanya pembinaan Masjid Kampung Sengkarai dan telah pun dimaklumkan bahawa kontrak atau pemborong yang dipilih telah menarik diri dan projek tersebut terpaksa dibuat *tender* semula. Pada tahun 2014 dan 2015, rakan-rakan saya di sebelah sini juga pernah menyuarakan tentang kelambatan ini walaupun kerja-kerja pembinaan dimulakan. Pada pertengahan tahun 2015 didapati bahawa kerja-kerja pembinaan masjid tersebut terhenti sekali lagi.

Soalan saya:-

1. Apakah sebabnya kerja-kerja pembinaan itu terhenti? Adakah pemborong atau kontraktor tersebut tidak mampu untuk menyiapkan kerana memberi tawaran yang rendah?;

2. Adakah kementerian atau jabatan berkenaan sebelum membuat sokongan meneliti profil dan prestasi pemborong atau kontraktor yang disokong atau hanya menyokong penender yang rendah dengan tidak mengira tentang risikonya; dan

3. Bilakah jangkanya projek ini akan dapat disiapkan dan boleh digunakan oleh penduduk di sana?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلسَّلَامُ عَلَى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَى

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar kerana perkara ini menjadi perhatian ramai terutama sekali penduduk di Daerah Tutong, khususnya di Kampung Sengkarai. Memang betul bahawa projek Masjid Kampung Sengkarai ini tergendala dan menghadapi masalah sehinggalah sekarang ini dimulakan kerja dengan pelantikan kontraktor yang baharu.

Kaola ringkaskan sahaja jawapan kaola kepada ketiga-tiga soalan tersebut. Projek itu terhenti bukanlah kerana hal yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tetapi apa yang diketahui ada masalah daripada kontraktor berkenaan walaupun telah diberikan tempoh lanjutan untuk menyudahkannya namun tidak juga dapat disudahkan. Kontraktor yang dipilih bukanlah yang selarah-larahnya, pemilihan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak yang berkuasa, garis panduan JKR untuk melantik kontraktor atau pemborong. Kontraktor yang diberikan projek itu mempunyai *track record* yang sangat baik.

Bagaimanapun, projek ini telah dimulakan semula dengan pemborong yang baharu. Kontraknya bermula pada 2 November 2015 dengan harga $3,833,000.00 dari Dana Al-Gharimin. إِنْ شَاءَ اللهُ dalam kontrak perjanjian ditetapkan akan siap selama setahun iaitu pada 3 Disember 2015. Kementerian Hal Ehwal Ugama percaya, kalau tidak ada lagi halangan projek ini akan siap mengikut sebagaimana yang dijadualkan melihat kepada progresnya pada masa ini. Itu sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut No. 28 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang

Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan saya adalah pengiktirafan anak luar nikah sebagai anak yatim.

Pada bulan Oktober tahun lepas, telah dilaporkan melalui media tempatan bahawa jumlah anak yatim yang berdaftar dengan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah telah meningkat sebanyak 130 peratus, iaitu dari jumlah 1,756 orang pada tahun 2014 meningkat kepada 4,044 orang pada tahun 2015. Walaupun di negara ini kadar kematian dalam kalangan kaum lelaki lebih tinggi daripada kaum perempuan, namun kadar kematian secara keseluruhan pada kebelakangan ini tidak menunjukkan sebarang peningkatan yang serius yang boleh menjadi penyebab ke atas meningkatnya jumlah anak-anak yatim yang begitu mendadak *(drastic)* seperti yang telah dilaporkan.

Memang setiap kanak-kanak yang dilahirkan berada dalam keadaan fitrah bersih tanpa dosa. Ini termasuklah anak luar nikah yang juga wajib diberikan layanan yang baik. Anak luar nikah juga mempunyai status atau taraf tertentu tertakluk bila ia dilahirkan selepas pernikahan kedua ibu-bapanya.

Kaola ingin bertanya, kenapa di Negara Brunei Darussalam, anak luar nikah diiktiraf sebagai anak yatim? Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Mengapa yang sedemikian itu diiktiraf sebagai anak yatim. Secara ringkas dapat dijelaskan bahawa ia diiktiraf sebagai anak yatim berdasarkan kepada hukum syarak, sebagaimana yang difatwakan oleh Mufti Kerajaan yang diterbitkan dalam buku Fatwa 2001 halaman 231 yang memetik nas daripada kitab Hashiah Al-Baijuri jilid II muka 281 yang menyebutkan seperti berikut:-

Anak-anak Yatim itu ialah:-

1. Kanak-kanak yang tidak mempunyai bapa;

2. Kanak-kanak daripada anak luar nikah;

3. Anak Pungut; dan

4. Kanak-kanak yang dinafikan dengan sebab li'an atau sumpah antara suami isteri bagi menafikan keturunannya atau nasabnya.

Berdasarkan kepada hukum syarak, demikianlah pengiktirafannya dan ini memang tidak ada disebutkan dalam mana-mana akta. Hatta, dalam Undang-Undang Keluarga Islam 1999 Penggal 2017 tidak menyebutkan sedemikian.

اَلْحَمْدُ لله kita di Brunei apabila sesuatu perkara hendak ditetapkan, tiada undang-undang yang tertentu dan

dasar-dasar tertentu, kita merujuk kepada hukum syarak dan sah bahawa hukum syarak mengiktirafnya sebagai anak yatim. Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No.29, yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ اَلسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan kaola kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai agihan zakat. Hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengatasi kemiskinan di negara ini disanjung tinggi. Antaranya ialah dengan secara pengagihan zakat kepada mereka yang berhak.

Soalan saya:-

1. Dari sejak pengagihan zakat pada tahun 2009, sejauh manakah sudah perkembangan pengagihan zakat kepada pemohon-pemohon di semua daerah, terutamanya di Daerah Temburong, dan adakah menampakkan kejayaan dalam mengatasi kemiskinan kepada fakir miskin di negara ini; dan
2. Apakah sudah ada program bantuan yang telah dan sudah diberikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan berkenaan kepada golongan miskin seperti latihan-latihan kemahiran, bantuan dalam usaha perniagaan dan pekerjaan untuk membolehkan mereka berdikari dan terkeluar daripada kepompong kemiskinan dan tidak hanya bergantung semata-mata pada bantuan dari kumpulan wang zakat?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. وَالسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad wakil dari Daerah Temburong. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola memohon menjawab agak panjang sedikit dari soalan yang lain.

Memang diketahui bahawa antara asnaf yang berhak menerima zakat ialah orang-orang yang fakir dan miskin. Pada tahun 2009 membawa kepada 2010, 2011, 2012 dan 2013 seramai 38,835 orang yang menerima agihan baki wang zakat yang terkumpul sekian lama dan sekian banyak jutanya itu. Dalam pengagihan tersebut masing-masing mendapat sejumlah agihan yang ditentukan menurut kategori-kategori bagi tempoh 12 bulan, atau tempoh 36 bulan atau 60 bulan mengikut yang ditetapkan kategorinya.

Perkiraannya berdasarkan kepada haddul fardu kifayah atau had minimum perbelanjaan bagi keperluan asasi seseorang. Had minimum tersebut ialah sebanyak $253 sebulan bagi seorang mengikut perkiraan Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi. Had ini masih terpakai sampai sekarang bagi Majlis Ugama Islam Brunei. Jika seorang itu pendapatan bulanannya berjumlah $1,000 dengan anggota keluarganya seramai 5 orang termasuk dirinya, maka $1,000 itu dibahagi kepada 5 jumlahnya iaitu $200, maka ia di bawah daripada $253, keluarganya itu tergolong dalam golongan miskin.

Lain dengan halnya bagi fakir. Fakir adalah orang yang tidak mempunyai apa-apa kecukupan pada satu hari untuk belanjanya, dan juga tidak mempunyai barang untuk dijualnya bagi mencukupi akan keperluannya itu, ertinya fakir bukan miskin. Had minimum itu perlu difahamkan, bukanlah *official poverty line* yang dipakai bagi negara ini. Kita tidak mempunya *official poverty line.* Namun ia digunakan bagi perkiraan menentukan kadar agihan zakat kepada fakir miskin. Ia diguna pakai sehingga pada masa ini dengan penerima-penerima dari kalangan asnaf fakir dan miskin berserta tanggungannya boleh dikatakan telah 'kaya' atau 'dikayakan' dengan pemberian selama 12 bulan, 24 bulan, 36 bulan atau 60 bulan, setahun, 2 tahun, 3 tahun dan 5 tahun itu berdasarkan kepada perkiraan ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Maka penerima-penerima itu memang sudah cukup untuk perbelanjaan asasinya. Dari segi syarak, maka mereka itu istilahnya "sudah kaya dan dikayakan". "Kaya dan dikayakan" itu maksudnya, terlepas daripada perlu mengemis dan meminta-minta, kerana sudah ada perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mereka diagihkan daripada wang zakat.

Sebahagian mereka yang memerlukan perumahan pun juga telah disewakan rumah yang bayarannya antara $350-$500 sebulan. Hal ini menepati tujuan syarak yang mewajibkan zakat itu dibayar, dikutip, dikumpul dan diagih-agihkan kepada yang berhak supaya mereka yang berhak itu dari kalangan fakir miskin tidak perlu keluar meminta-minta dan mengemis. Sebuah hadis dalam konteks zakat fitrah berbunyi:-

"أغنوهم عن المسألة في مثل هذا اليوم"

"Kayakanlah mereka itu, lepaskanlah mereka itu daripada meminta-minta pada hari ini, iaitu pada bulan Ramadan, membayar zakat fitrah dan juga termasuk pada hari raya". Itu bagi soalan yang pertama. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Menjawab soalan adakah sudah program bantuan kepada golongan miskin seperti latihan kemahiran, bantuan usaha niaga dan pekerjaan yang membolehkan mereka akhirnya berdikari dan terkeluar daripada kepompong kemiskinan?

Dalam perkara ini kaola, ingin menegaskan bahawa selama ini

memang program sedemikian telah ada sebagai agihan kepada asnaf zakat untuk memungkinkan mereka itu pada akhirnya tidak lagi bergantung pada agihan zakat telah dibuat bantuan modal untuk berniaga, bantuan mesin jahit umpamanya untuk mengambil upah menjahit, bantuan peralatan seperti pukat dan perahu bermotor untuk menangkap ikan dan perahu bermotor untuk usaha pengangkutan motor tambang.

Di samping itu ada juga bantuan bayaran yuran sekolah atau bayaran belajar di pusat-pusat pengajian tinggi bagi asnaf yang bukan rakyat iaitu Penduduk Tetap kesemua itu dalam usaha mengupayakan mereka untuk berdikari pada akhirnya.

Program Pengupayaan yang ada lagi ialah Program Asnaf Zakat memang yang disebut *PROPAZ* (Program Pengupayaan Asnaf Zakat). Sejak 2007 Program *PROPAZ-PPB* yang bersikut kepada Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan *PROPAZ-PERANTIS* dengan kerjasama dan sokongan beberapa buah syarikat sektor swasta.

Seramai 193 orang menyertai program *PROPAZ-PPB* iaitu 139 orang dari Daerah Brunei Muara, 29 orang dari Daerah Temburong, 14 orang dari Daerah Belait dan 12 orang dari Daerah Tutong. Pada masa ini seramai 22 orang sedang menjalani penempatan kerja di syarikat-syarikat swasta di seluruh negera selama 6 bulan.

Sementara itu seramai 40 orang lagi menyertai *PROPAZ-PERANTIS.* Pada masa ini 30 orang daripadanya sedang menjalani latihan kemahiran kerja di syarikat-syarikat swasta seperti *Setia Motor Sdn Bhd, Serikandi, Hyatt, Telbru, Borneo United, The Rizqun International Hotel* dan banyak lagi.

Peserta program *PROPAZ* boleh dikira berjaya diupayahkan dengan mempunyai pekerjaan setelah memperolehi latihan kemahiran. Berdikari dengan menubuhkan usaha niaga sendiri yang setakat ini kira-kira 70 peratus bekas peserta *PROPAZ-PPB* yang bersikut (berdukung) kepada Pusat Pembangunan Belia dan kira-kira 50 peratus bekas peserta *PROPAZ-PERANTIS* telah berdikari dan tidak lagi memerlukan agihan zakat. Mereka yang muda umurnya meneruskan pelajaran mereka manakala selebihnya ada antaranya gagal dalam usaha mereka.

Ada contoh tentang kejayaan program berkenaan, kaola berikan 3 contoh sebagai *success story* yang menandakan pencapai cemerlang program *PROPAZ*:-

1. Seorang pemuda berusia 32 tahun, Awang Saifullah bin Sahari, sekarang ini memiliki syarikat sendiri termasuklah syarikat pembinaan rumah. Syarikatnya pada masa ini mempunyai bengkel sendiri di Kampung Tanjung Bunut;

2. Seorang wanita berumur 43 tahun, Dayang Salmiah binti Tarang, bergiat dalam perniagaan kuih-muih dan mempunyai syarikat katering.

Produk kuih-muih beliau telah juga dibawa oleh *MIPR* ke luar negeri menyertai ekspo. Dayang Salmiah juga menjalankan perniagaan *homestay* melalui *Seri Tanjung Tourism Services Centre* iaitu satu usaha *MPK* Kampung Sungai Bunga, Mukim Kota Batu; dan

3. Seorang wanita juga berumur 49 tahun Dayang Saleha binti Pengarah Haji Basi. Beliau juga bergiat dalam pembuatan kuih tradisional sehingga menjadi pembekal kepada beberapa kedai atau syarikat yang menyalurkan pemasarannya.

Begitulah. Usaha berterusan yang lebih kemas adalah diakui perlu diadakan dan dilaksanakan pada masa ini dan pada masa akan datang. Cabaran yang penting bagi abiskaola ialah untuk mengembangkan usaha pengupayaan ini. Kaola berseru kepada asnaf yang masih sihat dan segar bugar, bukan yang sudah berusia yang tidak boleh berkerja tampil untuk mengikuti program-program yang pada masa ini sedang berjalan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ beberapa program lagi akan menyusul, mereka tampillah untuk kebaikan diri sendiri bukan hanya bergantung pada agihan zakat bagi satu tempoh-tempoh tertentu dan jadilah seperti contoh 3 orang yang kaola sebutkan itu tadi. Sekian. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No.28 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ . Soalan saya adalah mengenai program-program bantuan kebajikan yang ditujukan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam ekonomi yang lembab dan jumlah golongan yang memerlukan bantuan meningkat dari setahun ke setahun, kaola bertanya apakah pembaharuan strategik yang telah dikenal pasti oleh kepimpinan yang baharu dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dilaksanakan bagi memperbaiki, memperkesankan atau meningkatkan keberkesanan program-program bantuan kebajikan yang dijalankan selama ini ke atas golongan rakyat yang kurang bernasib baik. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola/Saya merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman atas soalan tersebut dan juga keprihatinan yang berterusan daripada Yang Berhormat Datin mengenai perkara program bantuan kebajikan ini.

Respons kaola dalam hal ini selaku agensi utama yang bertanggungjawab dalam memberikan bantuan kebajikan kepada golongan yang kurang bernasib baik di negara ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus memperkukuhkan lagi strategi dalam meningkatkan keberkesanan program-program bantuan kebajikan yang telah dijalankan selama ini, termasuklah dengan mencadangkan program-program baharu di samping mempertingkatkan lagi koordinasi yang sudah terjalin dengan agensi-agensi lain dalam mempertingkatkan dan menyelenggarakan program-program membasmi kemiskinan di negara ini.

Melalui Majlis Kebangsaaan Isu-Isu Sosial (MKIS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah pengerusinya. Melalui beberapa mesyuarat terkini kebelakangan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengorak beberapa pembaharuan yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan tindakan bagi mengatasi dan membantu warga yang mudah atau terdedah kepada risiko-risiko kemiskinan atau masalah sosial *(vulnerable)* untuk keluar daripada kepompong kesusahan dan juga kemiskinan iaitu:-

1. Kementerian ini akan memberikan fokus kepada 100 orang penerima Bantuan Kebajikan Bulan (BKB), untuk permasalahan mereka diambil tindakan secara bersepadu oleh semua jawatankuasa khas, untuk dikeluarkan daripada kemiskinan dengan kaedah-kaedah yang sesuai dan mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan;

2. Meningkatkan pemantuan Penerima Bantuan Kebajikan Bulanan. Seterusnya mengenal pasti garis panduan pemberian bantuan kebangsaan dengan menggunakan Kadar Kos Minimum Keperluan Asas (KAMKA) untuk diguna pakai sebagai sukat-sukat bagi pemberian apa jua bantuan dan pensejajaran dasar dan prosedur yang diguna pakai oleh pelbagai agensi seperti Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Pendidikan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan; dan

3. Seterusnya merangka program bantuan kebangsaan baharu dengan menggunakan garis panduan yang telah dipersetujui di atas dengan menggunakan 2 bentuk program bantuan yang berasingan iaitu:-

    i. Program Bantuan bagi mereka yang benar-benar tidak dapat bekerja atau mencari pekerjaan seperti orang kurang upaya, uzur, tua dan mereka yang berrisiko tinggi untuk terjerumus kepada kemiskinan (seperti penjaga kepada orang-orang kurang upaya dan lain-lain); dan

    ii. Program Insentif Pekerjaan dengan memberi fokus kepada golongan yang tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk menyara kehidupan

seharian dan persekolahan anak-anak melalui pemberian insentif agar mereka akan dapat terus bekerja; dan

4. Seterusnya untuk mencadangkan sumber kewangan yang lebih berdaya tahan untuk membiayai program-program bantuan melalui pelan tindakan yang berkaitan ke arah menangani isu kemiskinan dalam beberapa buah jawatankuasa khas diterajui oleh kementerian ini. Misalannya, Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan dan Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga dan Isu Wanita.

Hendaklah dipastikan tindakan-tindakan yang dinyatakan dalam pelan tersebut akan dikemaskinikan lagi ke arah memastikan keberkesanan pelaksanaannya dan kementerian ini akan mempastikan setiap program yang dirancangkan akan disediakan pada percapaian yang dapat dilaksanakan atau *deliverable milestone* dan *Key Performance Indicators* yang lebih menjurus kepada pencapaian hasil kejayaan selaras dengan strategi jaminan sosial dalam Wawasan Brunei 2035.

Dalam membantu mereka yang tidak bernasib baik, program yang diungkayahkan pada tahun-tahun sebelumnya juga diteruskan pada tahun ini dan seterusnya dengan hala tuju program ini ke arah meningkatkan penyertaan para belia, terutamanya kumpulan sasaran program.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menghadapi cabaran dalam memastikan sejauh mana bantuan kebajikan akan dapat diberikan secara lebih berdaya tahan memandangkan terdapatnya peningkatan jumlah penerima bantuan dari semasa ke semasa.

Berkaitan dengan ini sangat bertepatan sekali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi penyerapan positif *mindset* kepada rakyat supaya mereka lebih matang bertindak selaras dengan tuntutan zaman. Titah baginda ini perlu difahami dan diamati agar pemikiran yang suka bergantung pada bantuan dalam kalangan masyarakat itu dapat ditukar kepada yang lebih positif dan produktif.

Dari beberapa permuzakarahan dari pelbagai pihak, cabaran utama yang dikenal pasti dalam menangani isu kemiskinan serta cabaran dalam mengungkayahkan apa saja program pembasmian kemiskinan ialah mentaliti masyarakat yang masih bergantung sepenuhnya pada bantuan kerajaan.

Sehubungan dengan ini juga, kaola mengalu-alukan pandangan dan pemikiran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai kaedah-kaedah yang lebih berkesan bagi mengubah mentaliti masyarakat khususnya

penerima-penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) ini.

Adalah diharapkan dengan adanya garis panduan baharu dalam Program Baharu Bantuan Kebangsaan ini nanti akan lebih fokus untuk membantu golongan atau kumpulan yang benar-benar perlu dibantu dari segi kewangan dan akan diberikan latihan dan program kemahiran dan pekerjaan. Diharapkan jua program seumpama ini akan mengurangkan budaya yang terlalu suka bergantung pada bantuan kerajaan dalam kalangan masyarakat dan sekali gus menggalakkan budaya berdikari.

Sekianlah saja respons dari kaola. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah mendengar beberapa Soalan Yang Telah Diberi Notis yang disuarakan oleh beberapa orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik dan soalan-soalan mereka yang berkenaan telah pun dijawab oleh beberapa orang Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan.

Segera sekarang kita berpindah untuk membincangkan Rang Undang-undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Bagi membolehkan Rang Undang-undang ini diteliti sebagaimana biasa satu per satu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbangkan dan meneliti Rang Undang-undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Pada Mesyuarat Jawatankuasa pada petang semalam, kita telah membahaskan Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan beberapa pertanyaan atau soalan-soalan. Soalan-soalan serta beberapa pertanyaan bagi 4 orang Ahli Yang Berhormat itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan selebihnya, saya kira, ia akan menjawab lagi pada pagi ini. Walau macamanapun, dalam senarai saya masih ada 3 orang lagi Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyertai perbahasan mengenai dengan Tajuk Jadual ini.

Selanjutnya, saya telah difahamkan sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan respons atau reaksinya, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ingin pula untuk mendapat kesempatan atau laluan untuk menjelaskan bahawa beberapa pertanyaan yang belum sempat dijawabnya. Maka saya sekarang memberikan kebenaran bagi Yang

Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk membuat kenyataannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan laluan kepada kaola untuk menjelaskan perkara yang tidak sempat kaola simbat (sertakan) dalam jawapan-jawapan kaola sebelum ini.

Soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai apakah usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengadakan aplikasi secara *online* untuk orang ramai mengetahui senarai restoran halal di negara ini dan senarai bahan-bahan makanan dan minuman yang telah diiktiraf halal bagi tujuan memudahkan permohonan sijil atau permit halal.

Secara ringkas dapat kaola nyatakan bahawa aplikasi halal *(halal management tracking system)* sedang diusahakan oleh pegawai di Bahagian Kawalan Makanan Halal dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ apabila semua proses yang bersesuaian untuk menggunakan aplikasi tersebut selesai ia akan dipromosikan kepada orang ramai.

Bahan-bahan halal yang diberi label halal oleh Majlis Ugama Islam Brunei إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dipamerkan dalam aplikasi tersebut. Sementara bahan-bahan yang diiktiraf halal oleh badan pensijilan halal luar negeri sedang dalam penelitian sama ada dapat dipamerkan dalam aplikasi berkenaan dengan mengkaji aspek-aspek dari segi peraturan pengiklanan dan juga *intelectual property (IP)* daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Kalau kemudahan-kemudahan ini sudah jelas, maka bahan-bahan yang sedemikiannya diiktiraf halal oleh badan-badan pensijilan halal luar negeri tidak berlawanan dengan aturan-aturan pengiklanan dan berhubungan dengan *IP* إِنْ شَاءَ اللَّهُ ia juga dimuatkan di dalam aplikasi yang sedang dirancang itu.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang berjalan sehingga pada masa ini bahan-bahan yang diiktiraf halal oleh pihak pensijilan halal kita sendiri iaitu Bahagian Kawalan Makanan Majlis Ugama Islam Brunei dan juga bahan-bahan yang diiktiraf halal oleh badan-badan persijilan halal di luar negeri itu disiapkan sudah dalam bentuk cekera padat untuk diberikan kepada pemohon-pemohon yang berkenaan.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai wang tabung masjid untuk digunakan bagi membina gelanggang sukan di kawasan masjid. Secara ringkas dapat kaola nyatakan bahawa wang tabung masjid boleh digunakan bagi tujuan maslahat masjid. Jika membina gelanggang sukan dalam kawasan masjid termasuk maslahat masjid, maka ia harus dan boleh digunakan. Maslahat masjid itu antaranya ialah untuk mentakmirkan masjid.

Dengan adanya kemudahan-kemudahan sedemikian dijangkakan akan lebih

ramai orang yang akan tertarik datang ke masjid mengikuti program sukan yang diaturkan melalui garis panduan tertentu supaya sukan yang berkenaan sukan yang mengikut etika kesukanan dan sesuai dengan kehormatan majlis dan bahkan juga mengenai ketetapan waktu-waktu tertentu yang membolehkan mereka sebelum atau sesudah bersukan akan mengerjakan sembahyang di masjid. Dengan itu apakah boleh membina gelanggang sukan di dalam kawasan masjid ada Fatwa No. 41/2008 Fatwa Mufti Kerajaan kita mengharuskan sedemikian itu.

Selanjutnya kaola ingin mengambil kesempatan Yang Berhormat Pengerusi kerana semalam walaupun bukan soalan kepada kaola tetapi kaola mendengar Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking menimbulkan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan rakan saya mengenai tunggakan. Benar pun pertanyaannya mengenai tunggakan perumahan kalau orang Islam dapat dibantu oleh Majlis Ugama Islam Brunei tetapi orang yang bukan Islam macam mana? Kaola tidak akan menjelaskan mengenai orang bukan Islam tetapi mengenai orang Islam. Kerana ada kepentingan awam untuk kaola menjelaskannya pada masa ini.

Pada tahun 2007 membawa kepada tahun 2009 Kementerian Hal Ehwal Ugama terutama sekali Majlis Ugama Islam Brunei mengambil langkah-langkah untuk mengagihkan baki wang zakat yang terkumpul sekian tahun dalam jumlah yang besar. Dalam pengagihan tersebut telah difikirkan juga ialah asnaf yang menanggung tunggakan perumahan negara iaitu dalam Skim RPN, STKRJ dan bahkan juga asnaf yang menanggung tunggakan bayaran kepada Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Kampung Bolkiah di Kampung Air.

Majlis Ugama Islam Brunei telah meminta data-data daripada Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Kemajuan Perumahan dalam bulan Julai 2008 ada memberikan data yang berkenaan dengan anggaran tunggakan sebanyak $16,324,307.38. Angka dan senarai orang yang diberikan oleh Jabatan Perumahan itu telah diteliti oleh Sekretariat Majlis Ugama Islam dan mendapati tidak semua mereka itu layak. Dalam senarai tersebut:-

1. Termasuk bukan asnaf iaitu yang terutama sekali bukan Islam; dan

2. Tidak juga dapat dimasukkan kategori Al-Gharimin (orang yang menanggung hutang) kerana mereka itu mengikut data-data yang diketahui setelah disiasat juga adalah orang yang mampu membayarnya tetapi enggan membayarnya. Antaranya tanda-tanda yang mampu membayar rumah itu dibesarkan dan tinggal bersamanya anak umpamanya sekalipun berkeluarga tetapi mempunyai pendapatan. Dalam perkiraan kalau mereka beraup-aup (bersama-sama) untuk membayar rumah bukanlah tunggakan

keseluruhannya tetapi membayar secara bulanan yang tidak sampai kepada $500 sebulan, hanya $200-$300 mereka masih mampu dan dengan itu mereka terkeluar daripada Asnaf Al-Gharimin tersebut.

Walau bagaimanapun, Majlis telah memutuskan untuk membantu membayarkan mana-mana yang layak dan telah diperuntukkan sejumlah $16 juta lebih bagi tujuan ini. Setelah dilaksanakan hanya sebanyak $7.574 juta sahaja yang digunakan daripada jumlah $16 juta lebih itu, Yang Berhormat Pengerusi.

Pada masa ini ada lebihan sekitar $8.75 juta. Wang ini adalah wang baki zakat yang mahu dilaksanakan dan diagihkan kepada orang-orang yang berhak. Kaola mengambil kesempatan Kementerian Hal Ehwal Ugama yakin menyatakan bahawa memang ada lagi orang-orang yang berhak menerima agihan untuk membantu mereka membayar tunggakan perumahan sama ada Perumahan RPN, STKRJ ataupun Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kaola meminta supaya mereka itu tampil dengan baik untuk memohon. Permohonan mereka tidak perlu langsung kepada Majlis Ugama Islam Brunei tetapi bolehlah disalurkan bagi yang mengikuti Rancangan Perumahan Kerajaan, RPN dan STKRJ kepada Jabatan Perumahan. Jabatan Perumahan akan memanjangkan kepada Majlis Ugama Islam Brunei selengkapnya dengan data-data berhubung mereka itu. Sementara yang di Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mereka memohon melalui pengurusan yayasan dan pihak yayasan akan memanjangkan kepada Majlis Ugama Islam.

Apabila sampai kepada Majlis Ugama Islam Brunei, ia akan di teliti dan di siasat oleh Sekretariat. Setelah hasil penyiasatan itu akan dibawa kepada satu jawatankuasa lagi yang dinamakan Jawatankuasa Pengesahan yang diketuai atau dipengerusikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan dan sokongan-sokongan daripada Jawatankuasa Pengesahan ini akan diteliti lagi oleh satu jawatankuasa tertinggi yang dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei atau juga oleh Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei.

Itulah keterangan kaola Yang Berhormat Pengerusi dan kaola mengucapkan terima kasih atas laluan yang Yang Berhormat Pengerusi berikan ini. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: وَعَلَيْكُمُ السَّلاَم Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita seterusnya mula membincangkan Belanjawan Kementerian Pembangunan. Saya telah menyatakan bahawa masih terdapat 3 orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik yang suka untuk turut serta dalam membincangkan Belanjawan Kementerian Pembangunan ini. Sebelum itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan sama

ada Yang Berhormat Dato suka untuk menjawab soalan-soalan sebelumnya ataupun kita terus mendengar soalan-soalan yang akan dikemukakan oleh 3 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik ini.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada beberapa soalan daripada sesi kelmarin yang ditunda jawapannya bagi saya mendapat jawapan-jawapan yang lebih tepat. Antaranya ialah soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman berhubung dengan *KPI Department of Road* yang seolah-olah menunjukkan kualiti jalan raya di negara ini adalah pada tahap yang begitu rendah.

Untuk mengelakkan kekeliruan dan apa jua sebarang tanggapan negatif mengenai kualiti aset jalan raya di negara kita ini, sukacita kaola menambah penerangan seperti berikut berhubung *KPI* yang dimaksudkan.

Angka yang dirujuk oleh Yang Berhormat Datin sebagai sasaran 2.5 peratus itu sebenarnya indeks 2.5 *absolute* bukannya peratus dan menurut *international roughness index* jalan-jalan hendaklah mencapai *roughness index* yang tidak lebih dari 2.5 untuk dikategorikan sebagai jalan yang mempunyai *comfort level* atau *riding quality* yang baik. Jika lebih misalannya indeksnya 2.6 atau 3.5 ini adalah pada tahap keselesaan yang memuaskan dan seterusnya makin tinggi indeksnya semakin tidak selesa.

Dalam hal ini sukacita mengongsikan bahawa secara keseluruhannya 50 peratus jalan-jalan Kelas A (lebuh raya) di negara kita adalah dalam kategori keselesaan yang baik dan 49 peratus dalam kategori memuaskan. Sementara itu bagi jalan-jalan kelas B atau jalan utama 30 peratus dalam kategori baik dan 20 peratus dalam kategori memuaskan. Secara keseluruhannya 60 peratus jalan di negara ini dalam keadaan *riding quality* yang baik dan memuaskan.

Jabatan Kerja Raya telah menyasarkan supaya 75 peratus daripada keseluruhan rangkaian jalan raya di negara ini mempunyai *riding quality* yang baik dan memuaskan.

Soalan seterusnya yang kaola tunda kemarin ialah soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim berhubung dengan Cukai Tahunan kawasan lingkungan bandaran berbeza dengan di kawasan luar bandar. Perbezaan cukai-cukai tanah dalam kawasan bandaran dan kawasan luar bandar hanyalah bagi tanah-tanah yang bersyaratkan perumahan am dan perniagaan

sampingan. Ini mengambil kira kedudukan tanah adalah dalam kawasan *prime area* dengan infrastruktur dan kemudahan asas disediakan dan mudah didapati. Juga mengambil kira kemajuan bangunan dalam kawasan bandaran mempunyai kepadatan yang tinggi dan peluang penggunaan tanah berkenaan untuk ditukar bagi tujuan komersial adalah tinggi. Manakala peluang bagi tanah-tanah di luar bandar adalah lebih rendah.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit mengenai kajian geologikal di Sungai Paku, apa hasil kajian mengenainya dan apakah perancangan Kementerian Pembangunan terhadap kawasan ini? Yang Berhormat telah mencadangkan penanaman pokok di sana.

Kajian geological dan penilaian bagi sumber pasir di kawasan Lombong Pasir Sungai Paku, Daerah Tutong dilaksanakan oleh sebuah syarikat tidak perlu saya sebutkan namanya dengan jumlah kontrak asal sebanyak $2.1 juta dan kontrak bermula pada 13 Mac 2014 dan akan siap dilaksanakan pada 25 Ogos 2016 ini.

Tujuan kajian untuk menyediakan penilaian simpanan sumber pasir di kawasan kajian tersebut. Hasil kajian hanya akan dihadapkan oleh pihak kontraktor kepada Kementerian Pembangunan pada akhir tarikh kontrak. Perancangan Kementerian Pembangunan terhadap kawasan ini pada ketika ini belumlah ada perancangan, menunggu jua hasil daripada kajian yang dimaksudkan. Bagaimanapun, saranan daripada Yang Berhormat untuk menanam pokok-pokok akan dikaji kesesuaiannya di samping itu ada juga pemikiran-pemikiran awal pada peringkat ini bagi mungkin menempatkan bahan-bahan binaan terutama sekali berupa pasir di kawasan tersebut.

Jawapan kaola sediakan bagi soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit ini berhubung dengan adakah cadangan untuk membaik pulih rumah-rumah berkenaan yang terbiar atau *abandoned houses* yang rosak akibat kebakaran. Memohon maaf juga Yang Berhormat, usulnya jawapan kaola kelmarin tidak selaras dengan dasar yang pada masa ini mengenai tanggungjawab pembaikan rumah yang hangus. Jawapan kaola kemarin mengikut keutamaan dapat dilihat pengusaian rumah sedemikian.

Jawapan yang disediakan di sini ialah lebih tepat apabila rumah-rumah di bawah Skim Perumahan Negara telah diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang berjaya, tanggungjawab sepenuhnya terhadap rumah tersebut terletak kepada pemilik rumah berkenaan termasuk juga bertanggungjawab terhadap kebersihan dan pemeliharaan kawasan rumah masing-masing.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan hanya akan bertanggungjawab untuk membaik pulih rumah-rumah yang mengalami kerosakan yang melibatkan struktur sahaja. Mengenai rumah-

rumah yang terbakar adalah menjadi tanggungjawab pemilik rumah untuk membaiki atau membina semula rumah berkenaan. Seperti yang kita sedia maklum pemilik-pemilik rumah adalah dikehendaki untuk mengambil insurans perlindungan api seperti yang terkandung dalam syarat dan peraturan perjanjian menyertai Skim Perumahan Negara yang telah ditandatangani oleh pemilik-pemilik rumah. Ini bertujuan untuk membantu pemilik-pemilik rumah untuk membaiki atau membina rumah baru jika berlaku musibah kebakaran.

Mengenai dengan rumah-rumah yang terbiar, siasatan akan dibuat bagi memastikan pemilik rumah tersebut masih menggunakan rumah yang dimaksudkan. Jika pemilik rumah berkenaan didapati meninggal dunia atau tidak ada pewaris yang sah, maka rumah tersebut akan diambil balik oleh kerajaan dan akan ditawarkan kepada pemohon-pemohon dalam senarai yang masih dan sedang menunggu.

Oleh itu, diharapkan supaya pemilik-pemilik rumah di bawah Skim Perumahan Negara akan lebih bertanggungjawab untuk menjaga dan memelihara rumah-rumah mereka dan untuk tidak terlalu berharapkan kepada kerajaan sahaja memandangkan kerajaan telah pun membelanjakan sejumlah peruntukan yang begitu besar dalam menyediakan perumahan rakyat dan penduduk negara ini di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara dan STKRJ.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, seterusnya ialah mengenai pokok ru dan kelapa tumbang di kawasan persisiran pantai yang mengakibatkan bahaya.

Sebagai menyambung jawapan kaola kelmarin Yang Berhormat Pengerusi, pihak Kementerian Pembangunan telah mengambil maklum dengan masalah hakisan di persisiran Pantai Danau yang memang serius dan pada ketika ini peruntukan bagi pelaksanaan tembok penghadang telah dicadangkan melalui RKN11 bagi perancangan jangka masa panjang. Bagaimanapun, seperti yang kita sedia maklum sudah setentunya pertimbangan prioriti ini atau keutamaan ini adalah bersaing keutamaan dengan prioriti yang lain.

Mengenai dengan soalan berhubung kolam tadahan banjir di Daerah Tutong. Apa status pembinaannya dan adakah menjejaskan kawasan ladang atau kawasan pertanian? Projek Tadahan Kolam Banjir di Sungai Tutong telah pun ditawarkan dan sedang menunggu kebenaran. Semasa musim hujan, kolam tadahan adalah untuk menampung air dan ketika kering air akan dilepaskan ke hilir.

Dengan pengendalian yang teratur tidaklah akan menjejaskan tanah-tanah bagi tujuan berladang ataupun bertani, إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi mengenai dengan soalan yang tertangguh. Ada 3 soalan yang lain lagi daripada 3 orang Yang Berhormat, jika diizinkan kaola akan

menjawab yang disoal pada sebelah petang kelmarin.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin berhubung dengan Pantai Tungku memerlukan pembaikan dan pembisaian seperti tempat letak kereta, pondok untuk orang berjual, pondok untuk orang berehat dan tandas, permainan seperti *ATV* supaya nampak teratur. Pada menjawabnya Pantai Tungku bukanlah sebenarnya kawasan awam di bawah kawal seliaan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe).

Ia adalah tanah milik persendirian di bawah kawalan Agensi Pelaburan Brunei dan kaola difahamkan bahawa aktiviti-aktiviti yang berjalan di sana pada masa ini dibenarkan buat sementara waktu sahaja. Mungkin setelah tempat yang lebih sesuai yang berupa kekal didapati, aktiviti-aktiviti di sana mungkin akan diberhentikan oleh kerana Agensi Pelaburan Brunei mempunyai rancangan-rancangan tertentu bagi kawasan tersebut.

Soalan berhubung Jabatan Kerja Raya, banjir di kawasan Brunei dan Muara banyak menimbulkan kerugian kepada pihak orang ramai dan tindakan awal perlu dibuat seperti pembersihan sungai-sungai dan longkang-longkang, seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin, jawapan kaola ialah pihak kementerian memang sentiasa cuba membersihkan longkang-longkang dan sungai-sungai melalui kontrak bermusim ataupun *term contract* melalui projek rutin jabatan seperti yang dirancangkan.

Mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat mengenai pembetungan air ialah kolam takungan ataupun *retention pond* bagi mengawal dan mengurangkan banjir di kawasan yang dulu sering dilanda banjir seperti kolam takungan banjir di Kampung Sengkurong dan Kampung Selayun. Perancangan bagi pembinaan kolam takungan banjir ini akan diteruskan ke kawasan Ban Mulaut, Kampung Rimba dan Kampung Salar, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ.

Soalan mengenai mengapakah proses gantian duit dan gantian tanah bagi *Plot* X yang terkena jalan daerah terlalu lama untuk dibayar atau diselesaikan? Hampir 90 peratus pemilik-pemilik tanah *Plot* x telah pun selesai diproses mengikut senarai tanah-tanah *plot* x yang terdaftar yang telah dibuat pembayaran ganti rugi dalam bentuk wang. Selebihnya bagi pemilik-pemilik tanah yang belum dibayar adalah kerana tanah-tanah berkenaan masih dalam urusan waris atau tiada mempunyai alamat atau pemilik-pemilik tanah belum hadir ke Jabatan Tanah, walaupun telah beberapa kali dihubungi.

Manakala pengambilan balik tanah bagi jalan kecil daerah pada masa ini memang diakui masih dalam proses penyediaan taksiran tanah. Proses gantian tanah bagi tanah-tanah *Plot* x pula atau tanah yang terkena jalan daerah adalah ada yang boleh mengambil masa yang lama disebabkan proses permohonan-permohonan ini

melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan seperti penelitian mengenai cadangan tapak gantian tanah dan ada antara pemohon tidak bersetuju dengan tapak yang dicadangkan dan terpaksa mencari tapak-tapak tanah gantian yang lain. Itulah antara penyebab mengapa penyelesaian isu tersebut.

Kaola beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Kaola akan menjawab mengikut susunan Tajuk dalam Belanjawan Kementerian Pembangunan.

Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan. Mengenai Daerah Temburong semakin berkembang setiap tahun dan Yang Berhormat bertanya sejauh ini apakah perkembangan perancangan tertentu dalam Pelan Induk khususnya Pekan Bangar bagi menangani masalah kekurangan petak letak kereta awam termasuklah tempat letak kereta bas-bas pelancong.

Sebagai jawapan kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan tadi. Pelan Induk Daerah Temburong yang dimaksudkan adalah Pelan Daerah Temburong atau *Temburong Districts Plan* bahawa plan tersebut lebih membincangkan perkara-perkara strategik seperti cadangan kawasan pertumbuhan bandar dan guna tanah secara menyeluruh.

Khusus mengenai masalah kekurangan letak kereta awam di Pekan Bangar. Pada masa ini belumlah ada perancangan untuk meningkatkan kawasan letak kereta dan bas di Pekan Bangar. Bagaimanapun perkara ini akan dibincangkan bersama dengan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Jalan Raya dan Jabatan Daerah Temburong dan juga Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan, mengenai kesesuaiannya.

Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. Yang Berhormat ingin tahu status unit-unit perumahan yang sudah siap di Skim Perumahan Kampung Rataie di Daerah Temburong. Bilakah rumah-rumah ini boleh diserahkan kepada pemohon yang layak?

Mengenai unit-unit perumahan yang telah siap di skim perumahan yang dimaksudkan, sebanyak 232 unit teres sudah siap dibina. Walau bagaimanapun, infrastruktur pembetungan bagi rumah-rumah tersebut masih dalam pembinaan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ Jabatan Kemajuan Perumahan merancang untuk menyerahkan unit-unit teres berkenaan kepada pemohon-pemohon yang berkelayakan sebaik sahaja siapnya penyambungan sistem pembetungan yang dijangka siap dilaksanakan pada pertengahan tahun 2016 ini.

Mengenai soalan apakah syarat kelonggaran pemohon Skim Perumahan Negara dapat dipertimbangkan untuk Penduduk Tetap di negara ini bagi mengikuti Skim Perumahan Negara tersebut memandangkan juga jumlah Penduduk Tetap di Daerah Temburong

semakin bertambah yang ingin mengikut Skim Perumahan Negara.

Sebagai jawapan mengenai pertimbangan bagi Penduduk Tetap menyertai Skim Rancangan Perumahan Negara pada masa ini syarat kelayakan untuk menyertai Skim Perumahan Negara adalah untuk rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sahaja iaitu yang mempunyai kad pengenalan yang berwarna kuning. Oleh itu Penduduk Tetap belum dapat dipertimbangkan untuk mengikuti Skim Perumahan Negara pada masa ini, seperti mana jua yang telah kaola kongsikan dalam ucapan mukadimah kaola.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan satu *Housing Focus Group* untuk menimbangkan isu-isu perumahan yang berkaitan dengannya secara komprehensif dan membuat cadangan-cadangan tertentu bukan sahaja memfokus kepada Rancangan Perumahan Negara tetapi secara lebih meluas lagi. Perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dimasukkan dalam pertimbangan *Housing Focus Group* yang dimaksudkan.

Seterusnya, sejauh ini apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pembangunan melalui jabatan berkenaan dalam memberi kemudahan seperti tempat berjaja dan sebagainya?

Memandangkan penambahan penduduk di Perumahan Negara Kampung Rataie pada masa ini, setiap kawasan perumahan ada menyediakan kawasan-kawasan untuk komersial dan perniagaan bagi keperluan penduduk kampung. Pada masa ini Kementerian Pembangunan sedang mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi termasuk di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, untuk ditawarkan secara tawaran terbuka kepada pihak-pihak yang berminat untuk memajukan dan menjalankan kemudahan bangunan komersial di kawasan-kawasan berkenaan.

Soalan berhubung SK03A - Jabatan Kerja Raya. Penjelasan ini panjang, Yang Berhormat Pengerusi. Dari aspek keselamatan jalan raya, apakah cara terbaik pihak jabatan ataupun agensi yang berkenaan untuk menangani masalah yang berulang-ulang? Maksudnya di sini ialah jalan raya yang tidak terusaha menyebabkan longkang-longkang tidak dibersihkan dan menyebabkan banjir-banjir kilat dan sebagainya.

Pengurusan pemeliharaan rangkaian aset jalan raya di seluruh negara cuba diadakan secara berperancangan berterusan secara *term contract* bagi memastikan aset tersebut sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan dengan memfokus terhadap keselamatan di jalan raya itu sendiri. Daerah Temburong tidak terkecuali dari

proses yang sama iaitu menggunakan *term contract* secara berintegrasi. Walau bagaimanapun, dalam keadaan kita mengamalkan penjimatan pada ketika ini, kementerian perlulah memberi keutamaan dalam membuat kerja-kerja pemeliharaan ini mengikut keutamaan dengan fokus terhadap keselamatan di jalan raya.

Dalam usaha untuk menangani isu tersebut, maka pihak Jabatan Kerja Raya telah pun berusaha untuk meningkatkan penggunaan tenaga buruh di Jabatan Kerja Raya sendiri bagi melaksanakan sedikit sebanyak kerja rutin seperti pemotongan rumput, pembersihan longkang-longkang kecil, pemotongan dahan-dahan pokok dan sebagainya mengikut kemampuan dan keupayaan yang sudah setentunya terhad. Kawasan-kawasan yang diusahakan hanyalah di persimpangan akses jalan di sepanjang jalan utama Puni, Bangar dan Labu bagi keselamatan pengguna-pengguna dari segi pemandangan pemandu yang terhalang.

Kaola mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ketua-ketua kampung dan penduduk di Kampung Senukuh dan Kampung Batu Apoi atas inisiatif mereka untuk bergotong-royong memotong rumput di kawasan kampung sendiri. Usaha ini amatlah dihargai dan dialu-alukan. Pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya juga turut turun padang untuk bergotong-royong dalam menangani isu ini dan seterusnya cuba menyuntik semangat perpaduan dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan meneruskan inisiatif ini pada zon-zon yang lain.

Soalan apakah perancangan dari *Authority for Building Control and Construction Industry (ABCi)* mengenai perubahan terkini bagi memudahkan rakyat dan penduduk negara ini khususnya di Daerah Temburong? Soalan ini ada hubung kaitnya dengan soalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, yang sudah kaola jawab jua berhubung dengan *ABCi*.

Walau bagaimanapun, kaola ringkaskan sahaja. Perubahan yang paling signifikan ialah Perintah Kawalan Bangunan 2014 dan Peraturan Kawalan Bangunan *(ABCi)* yang berkuat kuasa pada 1 November 2015, yang bertujuan menjamin keselamatan dan kesihatan orang ramai melalui kawalan kemajuan pembangunan dan menghendaki pemohon-pemohon kemajuan tanah dan pembangunan menghadapkannya kepada *ABCi* oleh orang yang berkelayakan (*qualified person*).

Perintah ini juga memperuntukkan tanggungjawab pemaju, orang berkelayakan dan pembina dalam mana-mana projek. Ini bermakna dalam projek-projek tertentu, kebenaran akan boleh dikeluarkan dengan lebih cepat lagi. Dalam masa yang sama, kemajuan yang mempunyai risiko yang rendah (*low risk development*), khususnya ubah suai ataupun tambahan rumah, ubah suai unit kedai dan kerja tanah boleh diteruskan untuk dihadapkan kepada *ABCi* tanpa melalui proses mendapat kebenaran daripada

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa seperti sebelumnya.

Permohonan bagi perumahan *residential* boleh dihadapkan secara serentak (*concurrent)* kepada *ABCi* dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan dengan itu permohonan akan dapat diteliti pada masa yang sama, yang dengan sendirinya boleh memendekkan tempoh masa proses permohonan dibenarkan.

Pada bulan Februari lalu, *ABCi* telah mengadakan klinik bagi orang yang berkelayakan (*qualified person*) terdiri daripada arkitek-arkitek bagi memberi peluang kepada mereka berbincang bersama pegawai-pegawai *ABCi* berkaitan dengan permohonan-permohonan yang masih lagi dalam proses penelitian. Klinik tersebut merupakan salah satu usaha lagi bagi *ABCi* untuk lebih telus mengenai status permohonan-permohonan yang telah dihadapkan dan akan diteruskan setiap bulan.

Soalan mengenai Taman Batang Duri, yang begitu berpotensi untuk dibuka bagi kunjungan orang ramai dan mungkin juga untuk pelancongan. Pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) masih dalam proses perbincangan dengan agensi-agensi yang berkepentingan untuk melihat kesesuaian dan *viability* bagi perkara ini untuk dilaksanakan secara *Private Public Partnership* sebagai salah satu inisiatif bagi menjana bidang perekonomian khususnya dalam bidang industri pelancongan.

Seterusnya soalan mengenai pendekatan oleh jabatan berkenaan berhubung dengan pembuangan sampah bagi mengelakkan kejadian serupa ini berlaku berulang-ulang bagi mengurangkan rungutan orang ramai, yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi penambahan tempat-tempat pembuangan sampah di kawasan yang dimaksudkan.

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan mengambil maklum dan memandang serius mengenai masalah mutu perkhidmatan dan kebersihan kawasan pusat-pusat pengumpulan sampah di Daerah Temburong khususnya keperluan bagi menambah pondok sampah dan rungutan orang ramai yang memerlukan pembaikan ke atas kondisi tong-tong sampah yang sedia ada serta juga keperluannya untuk dipagar bagi menghindarkan binatang-binatang seperti anjing, monyet dan kucing merosakkan kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan.

Dalam hal ini, pihak jabatan akan meneliti kesesuaian dan keperluan perkara tersebut demi mempertingkatkan perkhidmatan yang diberikan dengan cara memperketatkan lagi pemantauan ke atas pengendalian pusat-pusat pengumpulan sampah berkenaan. Pada dasarnya, penyediaan tapak-tapak atau pusat-pusat pengumpulan sampah yang sedia ada merupakan alternatif kepada orang ramai untuk membuang sampah pada masa ini iaitu bagi mereka yang

belum menggunakan perkhidmatan pembuangan sampah secara berlanggan dengan syarikat-syarikat pembuangan sampah yang telah diluluskan untuk menjalankan perkhidmatan ini.

Bagaimanapun, rancangan Kementerian Pembangunan bagi pembuangan sampah secara *skip* ini untuk di *phase out* secara beransur-ansur dan berperingkat-peringkat untuk memupuk kesedaran individu dan masyarakat yang lebih bertanggungjawab ke atas sampah-sampah yang dihasilkan sendiri serta juga untuk membina dan menjana masyarakat yang cintakan kebersihan dan keindahan alam sekitar, sekali gus tidak terlalu bergantung pada pihak kerajaan bagi mengurus dan mengendalikan kutipan pembuangan sampah secara menyeluruh.

Seterusnya kaola akan menjawab, Yang Berhormat Pengerusi, soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Soalan pertama berhubung dengan apa yang sudah terjadi kepada *Power of Attorney and Trust Deed (PATD)*. Bilakah masalah *PATD* akan dapat ditangani? Bila ia akan diselaraskan? Apakah dapat diselaras dengan pelabur asing melalui *FDI*? Mempunyai rumah secara *leasehold*?

الْحَمْدُ لله kita baru sahaja menerima kebenaran mengenai sokongan-sokongan penyelesaian terhadap perkara *PATD* ini, yang إِنْ شَاءَ اللَّهُ dalam sedikit masa lagi akan diberigakan kandungan sokongan tersebut kepada pihak-pihak yang berkepentingan dan secara dasarnya *PATD* ini ialah untuk mengawal orang yang tidak berhak memiliki tanah khususnya tanah kekal.

Bagi kegunaan *FDI* seperti yang saya terangkan dalam mukadimah saya kelmarin, seluas 1,533 hektar tanah untuk kegiatan industri telah diserahkan di bawah kawalan agensi–agensi kerajaan yang mempromosikan kegiatan industri manakala 5,375 hektar lagi telah dikenal pasti untuk kegunaan industri bila diperlukan nanti.

Pendeknya tidak ada masalah bagi *FDI* untuk mendapatkan tanah untuk kegiatan industri. Bagi pemilik atau *executive FDI* pula yang disentuhkan memerlukan tempat tinggal, tidak ada masalah bagi mereka memiliki kediaman secara *strata title* atau secara pajakan.

Ditekankan lagi bahawa *PATD* adalah untuk mengawal pemilikan tanah kekal oleh mereka yang tidak berhak. Sebagai *assurance* atau terutama sekali kepada peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur asing, proses penyelesaian isu *PATD* ini akan memastikan tidak ada kesan negatif terhadap *Ease Of Doing Business* di negara kita ini.

Soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman berhubung dengan pengurusan jalan raya yang diurus oleh pelbagai pihak dan nampaknya boleh melambatkan

respons bila ada kejadian yang memerlukan respons yang cepat.

Jawapan kaola ialah JKR mempraktikkan amalan terbaik dari segi cara-cara pengurusan aset-aset jalan raya di negara ini kita yang mem*benchmark* dengan negara-negara lain termasuk negara-negara yang sudah maju iaitu United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat. Itulah sebagai *benchmark* kita. Kebanyakan keadaan jalan raya pada masa ini pun memang sudah di bawah tanggungan pihak JKR. Kategori jalan raya di bawah JKR adalah seperti berikut:-

1. Lebuh Raya atau *Primary roads (Highways)*;

2. Jalan-jalan utama *(Secondary Roads)*;

3. Jalan-jalan agihan *(Distributor Roads)*; dan

4. Jalan-jalan simpang *(Excess Roads).*

Pada masa yang sama terdapat juga jalan-jalan lain seperti di Kawasan Rancangan Perumahan Negara dan kementerian-kementerian lain yang di bawah kawalan JKR. Pihak JKR lazimnya menyediakan bantuan perkhidmatan teknikal serta pelaksanaan berbagai-bagai projek pembinaan baharu serta pemeliharaan aset yang sedia ada kepada pihak-pihak agensi yang berhajat dengan menggunakan tajuk peruntukan agensi masing-masing.

Kejadian yang dijadikan contoh oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman kesemuanya adalah bagi jalan-jalan yang di bawah kawalan JKR. Dari itu isu kordinasi antara agensi-agensi lain tidak timbul. Cuma tinggal bagi JKR untuk memperkesankan lagi responsnya dan perkara ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ sedang dalam perhatian dan akan diusahakan oleh pihak JKR dan Kementerian Pembangunan. Itu sahaja yang dapat kaola jawab Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas ulasan dan penerangan yang telah diberikan itu. Sekarang, saya meneruskan perbincangan ini dan saya menjemput Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya menyentuh 2 perkara sahaja iaitu mengenai Tajuk SK06A - Jabatan Tanah yang ada hubung kaitnya dengan lesen perniagaan.

Ke arah mengembangluaskan aktiviti perniagaan di negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan supaya Lesen Perniagaan bagi rakyat di negara ini tidak lagi diperlukan, الْحَمْدُ لله

Dalam perkara yang sama, setiap pembayaran Lesen Perniagaan yang pernah diberikan sebelum ini tertakluk kepada syarat-syarat kedudukan tanah dan perumahan dan tempat tinggal setiap pemohon. Perkara ini ditimbulkan bagi pemohon-pemohon yang tinggal di Rancangan Perumahan Negara, STKRJ ataupun RPN di seluruh negara.

Kaola ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Adakah syarat-syarat yang ada hubung kaitnya dengan Jabatan Tanah juga tidak diperlukan ataupun disebaliknya?

Menyentuh dengan Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Nampaknya berbagai-bagai cadangan dan pandangan telah pun diutarakan dan telah pun mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Kaola hanya ingin menyentuh sedikit mengenai pembuangan sampah iaitu sampah-sampah berat yang terdiri daripada mesin-mesin rosak (buruk), seperti mesin cuci, peti sejuk, *freezer,* computer dan televisyen termasuk juga kereta-kereta buruk yang banyak tersadai di kawasan lembaga bandaran dan di luar bandar.

Kaola ingin memohon penjelasan adakah satu tempat yang khusus dicadangkan untuk menempatkan ataupun mengumpulkan bahan-bahan yang kaola sebutkan di atas. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah. Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan yang telah membuat mukadimah panjang dan elok untuk difahamkan oleh orang-orang yang berkenaan bagi menyokong peruntukan kementerian.

Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan bahawa cadangan-cadangan pada tahun-tahun lalu iaitu mengenai mengelakkan kesesakan jalan telah dibina jambatan di Kampung Jaya Bakti, Berakas. Nampaknya jambatan itu boleh mengurangkan kesesakan cuma bila ia akan mencukupi kerana mungkin akan sesak lagi pada masa-masa yang tertentu.

Persoalan lama iaitu mengenai Simpang 123-133 yang telah diusai oleh

Kementerian Pembangunan pada 6 tahun yang lalu tetapi belum selesai sebenarnya. Dipohonkan supaya dapat diselesaikan, jangan terbiar begitu sahaja kerana ini boleh menimbulkan bahaya, jadi untuk mengelakkan bahaya eloklah diperbaiki dan diusai simpang tersebut.

Pada 2 tahun yang lalu telah dimaklumkan bahawa ada sebuah Tugu Peringatan di Kampung Perpindahan Lambak Kanan. Tugu Peringatan ini dibuat untuk memperingati bila Kampung Perpindahan Lambak Kanan diwujudkan. Dan keadaannya cantik tetapi sekarang sudah terbiar tidak lagi dipeduli oleh mana-mana pihak. Kalau dapat diusai (diperbaiki) sama sekali kerana di dalamnya ada mencatatkan pembesar-pembesar negara.

Kampung-kampung di kawasan Berakas yang termasuk dalam kawasan Bandar Seri Begawan. Barangkali banyak sudah kaola cakapkan tetapi hasilnya baharu sedikit iaitu keadaannya jalannya perlu dinaik taraf, longkang-longkangnya perlu diperbaiki, keadaan pagar longkangnya yang lintang-pukang, patah, mumut (rapuh) dan masih terbiar, apa salahnya pagar itu agar dapat diperbetulkan dan diganti dengan besi yang elok.

Voltage lampu di kawasan tersebut masih rendah dan tiang eletriknya pun masih kayu dan belum ditukar seperti yang digunakan pada masa ini. Mudah-mudahan perkara ini akan diambil perhatian. Begitu juga jalan-jalan di kawasan Kampung Perpindahan Zon 1, dipohonkan supaya ianya akan dinaik taraf, jangan terbiar begitu sahaja kerana dikhuatiri menimbulkan masalah pada masa akan datang.

Mengenai longkang juga iaitu di kawasan Kampung Burong Pingai, Berakas. Kalau mengikut perkiraan permohonan ini sudah 10 tahun. Kalau mengikut perkiraan lagi lebih daripada itu. Mudah-mudahan pihak yang berkenaan akan mengerti dan faham. Tidaklah payah saya menjelaskan berapa longkangnya. Jabatan Kemajuan Perumahan lebih tahu akan keadaan tersebut supaya diperbaiki supaya jangan mendatangkan mudarat dengan keadaan-keadaan demikian.

Di samping itu, di kawasan perumahan terdapat anjing-anjing berkeliaran yang belum dapat diselesaikan. Mudah-mudahan ada usaha mengatasi anjing tersebut supaya tidak terus membiak kehidupannya.

Pada mesyuarat tahun-tahun yang lepas ialah mengenai permohonan tanah. Mukim Berakas 'A' memohon tanah yang berada di hadapan *Mall Gadong* dan di kawasan Kampung Perpindahan Jaya Bakti, Berakas. Daripada 7/8 soalan kaola itu diharap akan dapat diambil perhatian iaitu mana yang penting didahulukan.

Demikianlah yang dapat kaola sampaikan. Bagaimanapun biasanya penghujung percakapan kaola berpantun yang berbunyi:-

Udang-udang bekalan semut,
Dampar-dampar makanan pikat,
Kalau dibuang pemohon pun hanyut,
Di mana dengan kan berikat.

Orang Aceh pergi ke Buma,
Dari Buma ke Surabaya,
Kalau ada kasih diterima,
Kalau tidak apakan daya.

Demikianlah Yang Berhormat Pengerusi.
وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kaola ada 2 sahaja perkara akan diketengahkan iaitu:-

1. Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. الْحَمْدُ لله pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pembangunan telah dan sedang giat membangunkan projek perumahan bagi kemudahan dan kediaman rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam di antaranya ialah:-

i. Perumahan Kampung Panchor Mengkubau yang sebanyak 4,000 unit rumah dibina dan 1,000 unit lagi sedang dibina di kawasan Kampung Lugu. Ini adalah untuk memenuhi permintaan rakyat negara ini yang tidak mempunyai rumah dan ingin memiliki rumah sendiri. Tahniah kepada pihak Kementerian Pembangunan di atas kejayaan melaksanakan projek berkenaan.

Mengenai perumahan 4,000 unit Perumahan Kampung Panchor Mengkubau, beberapa kemudahan dan keperluan asas juga sepatutnya difikirkan untuk dibina di kawasan perumahan tersebut iaitu seperti masjid ataupun surau, balai bomba, pos polis dan sekolah. Sukacita juga mencadangkan diadakan kedai koperasi diusahakan oleh penduduk-penduduk yang tinggal dalam kawasan perumahan.

Dengan adanya kedai koperasi ini, sedikit sebanyak ianya akan dapat menjana dan akan meningkatkan ekonomi penduduk di kawasan tersebut dan juga akan dapat mengurangkan kadar pengangguran dengan mengambil pekerja-pekerja penduduk tempatan,

terutamanya mereka yang sedang mencari pekerjaan yang tinggal dalam kawasan berkenaan; dan

ii. Beberapa perkhidmatan kerajaan jika difahamkan sesetengah fungsi yang diper-tanggungjawabkan beberapa taman di bawah Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi. Ada lagi sesetengah atau beberapa taman di bawah Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah. Dan ada pula yang di bawah Jabatan Muzium-Muzium seperti Tasek Merimbun. Tidakkah boleh fungsi ini diselaraskan di bawah satu agensi sahaja untuk mengelakkan kerja bertindih-tindih serta peruntukan yang banyak dan berlebihan. Diharaplah perkara ini akan dapat dipertimbangkan.

Sekian itulah sahaja daripada kaola وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: وَعَلَيْكُمُ السَّلَام Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekarang membenarkan Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman yang memohon untuk mengajukan soalan-soalan tambahan mengenai belanjawan Kementerian Pembangunan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kerana membenarkan kaola sekali lagi untuk bersuara. Yang Berhormat Pengerusi kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan kerana telah menjawab soalan-soalan yang telah kaola suarakan. Cuma terdapat kekeliruan berhubung dengan buku Jadual yang telah dihadapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan *KPI* Jabatan Kerja Raya yang telah diberi jawapan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Pada pandangan kaola kalau dibaca indikator yang dinyatakan di sini, nampaknya ada mengelirukan sedikit kalau boleh izinkan kaola membaca. Indikator bagi Jabatan Kerja Raya Mengekalkan Kualiti Jalan Raya dan Standard Keselamatan di Peringkat Antarabangsa (peratus mencapai standard kualiti antarbangsa permukaan jalan raya, pada Tahun Kewangan 2014/2015 yang telah dicapai menurut Menteri Pembangunan tadi ialah kurang daripada 2 peratus, 1.5 peratus tadi disebutkan, dan bagi anggaran 2015/2016 kurang daripada 1 peratus dan bagi sasaran 2016/2017 ialah 5 peratus dan yang berikutnya 10 peratus dan 20 peratus.

Peratus dari penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan yang mempunyai data-datanya, ia kalau sekali pandang ia tidak membayangkan keadaan jalan raya di negara ini melalui dengan indikator yang telah dinyatakan di sini.

Itulah sebabnya kaola ingin kalau boleh penjelasan itu dilanjutkan lagi daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua atas soalan lanjutan daripada isu *KPI* berhubung kualiti jalan raya di negara kita. Ada kekeliruan di sana maksud saya ialah indeks dibaca sebagai *percentage*. Mungkin *presentation* sahaja Yang Berhormat Datin, *presentation*nya yang salah di sana, itulah yang saya maksudkan dengan kekeliruan.

Jadi yang *target*nya itu nampaknya seolah-olah menurun oleh kerana indeks itu semakin rendah semakin bagus. Di sana mungkin apa yang menyebabkan kekeliruan ialah dimasukkan perkataan 'peratus', itu sahaja kali, kalau kita mengeluarkan peratus itu, lurustah itu. Maksud saya tadi, lebih tinggi indeksnya lebih buruklah kualiti dan lebih rendah, makanya menurun lebih bagus dan kita ingin mencapai angka 75 peratus itu akan dicapai dengan menurunnya indeks bukannya dengan meningkatnya indeks.

Penerangan kaola yang lebih awal adalah konsisten dengan penerangan sekarang ini. Keluarkan sahaja perkataan 'peratus' itu. Di sana timbul kesilapan, mungkin kesilapan itu timbul daripada pihak kaola sendiri untuk menyampaikan hari itu termasuk juga perkataan 'peratus' itu. Ini sebenarnya banyak kekeliruan macam indeks jadi peratus memang jauh perubahannya. Itu sahaja mohon maaf saya sekiranya itu yang menyebabkan kekeliruan. Tidak ada konsistensi antara penerangan itu dengan maksud yang sebenarnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Selanjutnya izinkan kaola menjawab soalan-soalan selebihnya Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai soalan Lesen Perniagaan di RPN. Sekarang ini Lesen Perniagaan tidak lagi diperlukan tetapi syarat-syarat lain perlu dipenuhi. Untuk RPN ini, ada syarat-syarat tertentu oleh kerana rumah-rumah yang diberi di kawasan RPN itu adalah termasuk tanah yang dikurniakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan setiap tanah di negara ini mempunyai syarat-syarat yang tertentu.

Oleh yang demikian, tanah-tanah sama ada RPN atau STKRJ tertakluk kepada *conditions* tanah seperti umpamanya di sini Bab 9 (5) Kanun Tanah Penggal 40 yang menjadikan tanah-tanah RPN dan tanah-tanah STKRJ khusus untuk tujuan rumah kediaman sahaja dan untuk ahli-ahli keluarga dan disyaratkan tidak boleh digunakan bagi tujuan perniagaan, perusahaan, tumpangan

dan sewa. Ini dengan sendirinya jelas bukannya kawalannya semestinya di bawah syarat-syarat RPN tetapi syarat-syarat tanah sendiri yang menghalang daripada kita berniaga.

Walau bagaimanapun, ini tidak semestinya perniagaan tidak dapat dijalankan langsung di kawasan itu seperti yang saya terangkan. Setiap RPN ini disediakan kawasan untuk komersial. Di sanalah diharapkan dapat disediakan kemudahan komersial bagi penduduk di kawasan yang dimaksudkan. Kalau ada pihak yang berminat untuk membuat perniagaan perlulah melalui prosedur dan proses tertentu untuk mendapatkan peluang berniaga di kawasan yang disediakan tersebut.

Isu pembuangan sampah berat yang ditimbulkan tadi. Pada masa ini pembuangan sampah berat yang dihasilkan oleh jabatan-jabatan kerajaan kebanyakannya dikumpulkan di Pusat Besi Buruk Sinarubai. Tetapi yang lain-lain itu, masa ini tertakluk kepada ke mana orang yang mempunyai sampah itu membuang. Boleh dibuang ke tempat-tempat pembuangan milik syarikat-syarikat kitar semula. Sama ada perlu disediakan satu tempat khusus lagi sebagai tempat tambahan akan difikirkan kesesuaiannya.

Soalan seterusnya ialah soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengenai dengan jalan sesak yang الْحَمْدُ لله beberapa jalan yang dahulunya sesak telah dapat diselesaikan. Isu kesesakan tersebut dengan pembinaan jambatan kebanyakannya *flyover* dan khusus disentuh mengenai simpang 123-133 untuk diperbaiki juga ditimbulkan. Mengenai tugu peringatan di Perumahan Lambak Kanan dan pagar-pagar rosak dan *voltage* lampu yang tidak bersesuaian. Kebanyakannya perkara ini berupa pemeliharaan dan akan tertakluk kepada keutamaan dan dilihat kesesuaiannya untuk dilaksanakan dan dibiayai melalui pemeliharaan aset Kementerian Pembangunan.

Jalan raya di Zon 1 yang memerlukan penaiktarafan. Ini tertakluk kepada keutamaan bila dipertimbangkan di peringkat RKN mungkin RKN11. Jika sangat mendesak akan mendapat keutamaan kalau tidak perlu bersaing prioriti dengan keutamaan yang lain. Longkang-longkang di Kampung Burung Pingai juga, isunya pemeliharaan dan seperti jua jawapan saya tadi إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dilihat perkara ini supaya ditangani oleh pihak-pihak yang berkenaan di Kementerian Pembangunan.

Anjing yang membiak mungkin di luar tanggungjawab Kementerian Pembangunan. Ada permohonan yang telah dibuat mengenai tanah di hadapan *Mall Gadong* yang sudah lama dan masih menunggu kebenaran akan dilihatlah perkara ini, kaola kurang pasti apa statusnya.

Seterusnya kaola berpindah menjawab soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang

Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Terima kasih atas soalan-soalan Yang Berhormat tadi dan terima kasih jua atas ucapan tahniah kepada Kementerian Pembangunan yang berjaya melaksanakan perumahan-perumahan di Kampung Panchor, Mengkubau, Kampung Lugu dan sebagainya الْحَمْدُ لله . Cadangan Yang Berhormat untuk kemudahan asas yang lebih lanjut seperti masjid, sekolah, balai bomba dan lokasi koperasi. Terima kasih.

Tapak-tapak selalunya memang disediakan di kawasan-kawasan perumahan termasuk tapak-tapak sekolah, tapak-tapak masjid. Pelaksanaannya mungkin menunggu kesesuaian bila benar-benar diperlukan akan dilaksanakan. Mengenai tempat-tempat untuk koperasi, mungkin boleh dipenuhi keperluan ini jika koperasi-koperasi ikut bersaing untuk menjadi pengendali tempat-tempat komersial yang telah disediakan di RPN.

Mengenai kemungkinan pertindihan bidang kuasa dan pelaksanaan penjagaan taman iaitu ada di bawah jagaan Jabatan Muzium-Muzium, JASTRe, dan Lembaga Bandaran. Terima kasih jua atas pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pehin tadi. Akan dilihat kalau ada pertindihan memang sesuai untuk *consolidate* perkara ini.

Itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak atas peluang yang diberikan kepada kaola untuk menjawab soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih banyak.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun membincangkan dengan panjang lebar Tajuk Belanjawan Kementerian Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah pun menjawab soalan-soalan yang ada kalanya agak *complicated.*

Maka sampailah sudah masanya bagi kita untuk mengundi Belanjawan Kementerian Pembangunan ini sama ada diluluskan atau sebaliknya. Sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin bertanya, yang bersetuju supaya Belanjawan Kementerian Pembangunan ini diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Belanjawan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya secara sebulat suara diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada baiknya mesyuarat di Peringkat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita balik

bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya suka untuk mencadangkan supaya Persidangan ini ditangguhkan selama 20 minit bagi membolehkan kita berehat.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 dan bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu, saya tangguhkan dulu persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Sebelum mesyuarat ini ditangguhkan untuk berehat kita telah meluluskan Belanjawan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sekarang kita berpindah untuk membincangkan Tajuk seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SL01A hingga SL06A, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita akan membincangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Seperti lazimnya sebelum Tajuk ini saya bukakan untuk dibahaskan, saya ingin memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi membuat ucapan pendahuluannya atau mukadimahnya tentang Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Selamat pagi dan salam sejahtera.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli

Yang Berhormat yang dirahmati Allah. Dalam kesempatan awal dan istimewa di Dewan yang mulia ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatannya pada Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini terlebih dahulu menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia cadangan peruntukan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan atas kebijaksanaan dan pandangan jauh baginda jua dalam penyediaan peruntukan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 yang memfokuskan ke arah menggerakkan pembangunan rakyat dan negara yang dinamik dan berdaya tahan dapat kita nikmati.

Kaola/saya juga secara peribadi dan bagi pihak rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang baharu dilantik Ahli Rasmi Kerana Jawatan sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas ucapan tahniah lantikan abis kaola/kami itu. Ucapan tahniah tersebut setentunya menjadi suntikan semangat kepada abis kaola/kami semua.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2016 yang lalu mendorong Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk sama-sama melipatgandakan usaha dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang kita sama-sama cintai.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, secara langsung dan tidak langsung akan terus memainkan peranan pada menjunjung hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peranan teras *core functions* iaitu 4K: Kebudayaan, Kebeliaan, Kesukanan dan Kemasyarakatan.

i. Kebudayaan dari segi memelihara dan menjaga budaya, sejarah dan warisan bangsa sebagai tunjang perpaduan dan identiti bangsa yang mempunyai tamadun tinggi dan gemilang.

ii. Kebeliaan dari segi membangun dan meningkatkan jati diri rakyat dan penduduk negara ini termasuk golongan belia selaku ejen perubahan, pewaris dan generasi penerus agar mereka akan lebih

berdikari, berwawasan dan bertanggungjawab serta dapat memberikan sumbangan bermakna kepada pembangunan dan kesejahteraan negara.

iii. Kesukanan dari aspek menyediakan prasarana sukan dan riadah ke arah masyarakat yang sihat dan cergas; dan

iv. Kemasyarakatan dari aspek memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk dan mengukuhkan institusi keluarga ke arah mewujudkan perpaduan, keharmonian dan keamanan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatannya telah dicadangkan peruntukan sebanyak $85,131,230.00 (lapan puluh lima juta, seratus tiga puluh satu ribu, dua ratus tiga puluh ringgit) untuk Gaji, Perbelanjaan Berulang-ulang dan Perbelanjaan Khas. Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang melebihi had yang ditetapkan masing-masing 2.7 peratus dan 0.2 peratus, manakala Perbelanjaan Khas berkurangan sebanyak 74.6 peratus. Keseluruhannya ketiga-tiga Tajuk berkurangan sebanyak 14.9 peratus daripada Peruntukan Tahun Kewangan 2015/2016.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersyukur kerana rata-rata akaun-akaun Peruntukan Tahun Kewangan 2015/2016 dikekalkan yang membolehkan program-program rutin berjalan seperti biasa. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melihat pengurangan peruntukan ini secara positif dan merasakannya bukan sebagai penghalang bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk terus melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna.

Malah ia dijadikan sebagai cabaran untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan cara yang lebih berkesan dan berhemah melalui kaedah yang lebih kos efektif dan munasabah. Lebih-lebih lagi jika terdapat sesuatu keperluan utama lazimnya perubahan peruntukan tambahan boleh diperolehi atau dipohonkan melalui Kementerian Kewangan. Peruntukan ini akan digunakan sebaik-baiknya dengan berbelanja secara terancang dan mengikut keutamaan di mana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi fokus dan keutamaan kepada:-

1. Mengekalkan usaha bagi mendukung wawasan Kementerian iaitu 'Bangsa Brunei Yang Cemerlang' dengan menerapkan dan mengekalkan identiti Bangsa Melayu yang beragama, bersopan santun, pemedulian, penyayang, semangat taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja dan cintakan negara, dan mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan, berasaskan kepada falsafah Negara Melayu Islam Beraja dan matlamat Wawasan Brunei 2035;

2. Menumpukan perhatian kepada program-program teras kementerian iaitu:-

   i. Sambutan Hari Kebangsaan;

   ii. Program Khidmat Bakti Negara;

   iii. Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan;

   iv. Program Memperkasa Komuniti;

   v. Latihan Kemahiran di Pusat Pembangunan Belia;

   vi. Program Belia Berdikari; dan

   vii. Sambutan Hari Belia Kebangsaan.

3. Meningkatkan lagi produktiviti rakyat dan penduduk negara ini melalui promosi aktiviti-aktiviti sukan dan riadah di samping membina kapasiti terutama golongan belia melalui program-program seperti Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan latihan kemahiran di Pusat Pembangunan Belia;

4. Memberi tumpuan kepada usaha-usaha membasmi kemiskinan di negara ini, melalui pelaksanaan Program Perkasa Komuniti yang telah diperkenalkan sejak tahun 2013. Program ini dihasratkan untuk dapat mengubah nasib kumpulan sasaran melalui penimbaan ilmu pengetahuan dalam bentuk kemahiran, supaya mereka dapat mula atau terus berusaha sendiri dan berdikari untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Sebagai hala tuju pada masa hadapan, program ini dihasratkan supaya akan dapat secara berterusan membantu kumpulan sasaran yang telah dikenal pasti serta meluaskan lagi bidang-bidang yang bersesuaian untuk mereka ikuti; dan

5. Mengukuhkan institusi keluarga sebagai asas ke arah melahirkan masyarakat yang berkualiti dengan memupuk kefahaman masyarakat tentang kepentingan institusi keluarga dalam pembangunan masyarakat negara, menggalakkan masyarakat khususnya keluarga di negara ini untuk membina keluarga bahagia, harmoni dan berdaya tahan, mencegah dan mengurangkan permasalahan kekeluargaan, meningkatkan kualiti kehidupan dalam berkeluarga, mendidik generasi akan datang mengenai kepentingan institusi keluarga, menggalakkan ibu bapa untuk meluangkan masa yang berkualiti bersama ahli keluarga serta menggalakkan dan menekankan kepentingan ahli keluarga khususnya anak-anak untuk sentiasa menghormati, mengambil berat mengenai hal-ehwal kebajikan ibu bapa dan keluarga mereka.

Ke arah itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah membuat langkah-langkah mereviu dan menilai kemajuan pelaksanaan pelan Tindakan

Bidang Keberhasilan Utama *(Key Result Areas)* berkenaan untuk mengenal pasti keperluan perubahan dalam strategi pada tahun-tahun kebelakangan supaya bersesuaian dengan perkembangan semasa, iaitu menilai kemajuan pelaksanaan program dan projek, mengkaji prospek pelaksanaan program dan projek dan menyusun semula program dan projek berdasarkan keperluan dan keupayaan jentera pelaksana serta mengambil kira semua keperluan sumber.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Berpaksikan kepada tema Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2016/2017, "Mengukuhkan Iklim Perekonomian dan Mendukung Pembangunan Berterusan", yang berfokus kepada 4 keutamaan iaitu memudah cara perniagaan, meningkatkan produktiviti negara, membina kapasiti dan modal insan dan memelihara kesejahteraan awam.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan meneruskan program-program rutin dan mengetengahkan inisiatif-inisiatif baharu dalam bidang kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menubuhkan akedemi budaya dan seni pada satu masa yang bersesuaian iaitu tempat belajar kebudayaan dan kesenian orang-orang Brunei yang akan melahirkan tenaga kreatif yang diperlukan dalam industri kreatif dan industri kebudayaan. Inisiatif ini dijangka memberi kesan limpahan kepada bidang kebudayaan dan kesenian dalam menjana ekonomi.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga akan membuka muzium di daerah-daerah dalam rangka memelihara dan mempromosi warisan budaya dan menambah mukim-mukim buku untuk meneruskan matlamat menambah prasarana membaca di mukim-mukim.

Di sepanjang tahun 2015, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengungkayahkan lebih 200 kegiatan kebudayaan dan kesenian umpamanya festival dan program promosi kebudayaan, penerbitan buku-buku dan pameran-pameran. Dalam memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara, Program Bulan Bahasa akan diperkaya supaya berimpak tinggi. Bagi menggalakkan masyarakat Brunei yang celik ilmu pengetahuan, $50 ribu dicadangkan diperuntukkan ke arah menggalakkan budaya membaca dan diperkuatkan lagi dengan projek Pesta Buku dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca.

Pusat Sejarah Brunei pula akan terus menerus menyebarkan kepentingan sejarah melalui karnival dan pidato sejarah. Pada menjayakan matlamat pembangunan negara, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan turut menyumbang antara lain ke arah pembangunan modal insan misalnya melalui Program Pembangunan Belia. Menurut perangkaan tahun 2013, sekitar 46.5 peratus dari penduduk negara ini terdiri daripada kaum belia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-8, pada tahun 2013 telah mengurniakan titah:-

"Untuk mengetahui corak kepimpinan sesebuah negara, kita perlu melihat kepada generasi belia, kerana belialah bakal peneraju kepimpinan pada masa akan datang. Merekalah perancang dan penggerak satu-satu pembangunan. Makanya, belia itu menjadi tumpuan dan perhatian dalam perbincangan-perbincangan serantau dan antarabangsa".

Menurut Indeks Pembangunan Belia Komanwel (*Commonwealth Youth Development Index*) pada tahun 2013, yang diterbitkan oleh Sekretariat Komanwel, belia di Negara Brunei Darussalam adalah pada kedudukan 31 daripada 51 negara-negara Komanwel dari segi pembangunannya. Terdapat ruang untuk menaikkan profil belia kita ke arah meningkatkan kualiti kehidupan dan pembangunan mereka.

Inisiatif baharu di bawah kebeliaan ialah kementerian akan melihat atau menunduki semula Dasar Belia Negara yang telah diluluskan sejak tahun 2002, antaranya untuk mereviu definisi belia khususnya dari aspek umur dan bidang-bidang strategi yang akan lebih menepati keperluan negara ke arah Wawasan Negara 2035 dan Negara Zikir.

Program Khidmat Bakti Negara yang pengambilannya yang ke-5 baru selesai menamatkan latihan pada hari Isnin, 2 hari yang lalu, dan program-program di Pusat Pembangunan Belia, *Outward Bound Brunei Darussalam,* program-program kebeliaan, keagamaan, kenegaraan, keusahawanan dan sukarelawan di Pusat Belia dalam negeri akan diteruskan dan diperluaskan skop dan matlamatnya.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melihat belia mampu memegang tampuk persatuan belia. Golongan belia perlu diorganisasikan. Persatuan belia adalah ejen sosialisasi golongan muda. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Ke-5 pada 14hb Mac baru lalu bersabda:-

"…Program Khidmat Bakti Negara memang menitikberatkan penglibatan para belia yang merupakan pemangkin dan ejen kemajuan dan kemakmuran negara".

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah juga bersabda:-

"…Malah perkara ini juga pernah disentuh oleh Paduka Ayahanda semasa

sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun 2015 yang antara lain baginda bertitah:-

"Menyebut belia ejen masyarakat, adalah penting bagi mereka itu, untuk memiliki jati diri dan sikap yang mantap kerana tanpa jati diri dan sikap, seorang belia itu tidak akan dipandang hebat".

Kerajaan cukup peka terhadap hal ini dan amat menghargai peranan persatuan belia sebagai platform yang mendidik pemimpin-pemimpin muda untuk memainkan peranan yang positif, bermakna dan berkesan kepada masyarakat dan negara. Ke arah ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengupayakan persatuan belia supaya dapat menarik minat golongan belia untuk menyokong dan menyertai aktiviti belia, menyediakan lebih banyak kemudahan serta aktiviti gaya hidup aktif dan sihat dalam kalangan generasi muda, membantu, memantau persatuan belia serta mengaktifkan persatuan yang lemah. Belia yang berpersatuan lebih mudah dibentuk atau diperkasa daripada mereka yang bergerak secara bersendirian. Untuk ini, Program Khidmat Bakti Negara dicadangkan peruntukan $1.5 juta dan Program Belia Berdikari sebanyak $200 ribu.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam bidang kesukanan pula, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan meneruskan agenda sukan negara, pensejahteraan prasarana dan kemudahan-kemudahan sukan, membudayakan sukan sebagai cara hidup sihat ke arah generasi yang lebih cergas, cerdas dan penuh keyakinan diri dan melahirkan kumpulan atlet sukan negara yang boleh bersaing dan mencipta nama, menaiki podium dan menaikkan bendera serta melagukan Lagu Kebangsaan negara di arena sukan serantau dan antarabangsa termasuk atlit kurang upaya yang الْحَمْدُ لله telah berjaya mengutip 3 pingat emas, 3 pingat perak dan 6 pingat gangsa di Kejohanan *ASEAN Para Games* yang ke-8 di Singapura pada bulan November tahun lepas.

Pemeliharaan aset fasiliti sukan dicadangkan peruntukan hampir $4 juta di samping akaun sukan berjumlah $208 ribu. Pembangunan sukan memerlukan pelaburan tinggi. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan melihat kaedah pengkomersialan *(Public-Private-Partnership)* bagi penyediaan prasarana dan kemudahan sukan.

Dalam membangun kumpulan atlet negara, program-program yang diperkenalkan pada tahun-tahun sebelum ini, seperti *Talent Identification (TID),* penggunaan kaedah Sains Sukan (*sports science*), Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan, dan Akademi Sukan telah menunjukkan hasil yang positif.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan meneruskan sinergi dengan Sekolah Sukan di Kementerian Pendidikan iaitu sekolah untuk mengumpul atlet murid yang berpotensi supaya bakat cemerlang sukan dan

akademik mereka dapat dipupuk serta dipertingkatkan di bawah bimbingan jurulatih yang berdedikasi serta guru-guru akademik yang terpilih. Melalui pengawasan yang lebih tersusun dan cekap, peningkatan prestasi akademik dan sukan dapat diseimbang dan disepadukan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memberi kerjasama dalam misi Sekolah Sukan iaitu untuk:-

1. Pembangunan atlet murid bertaraf dunia;

2. Penggunaan tenaga jurulatih profesional; dan

3. Penekanan sukan sebagai kerjaya.

Permuzakarahan dengan majlis-majlis sukan, persatuan-persatuan sukan kebangsaan juga akan diadakan secara berjadual dan aktif ke arah merangka strategi kemajuan atlet dan pencapaian kecemerlangan sukan negara.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyedari menjanjikan kecemerlangan sukan seperti negara-negara yang pesat penduduk dan telah maju dalam dunia sukan bukanlah perkara yang mudah, akan tetapi apa yang kita harapkan ialah supaya perkembangan sukan di negara ini akan terus membanggakan dan meningkat dari setahun ke setahun, dan para atlet negara mampu bersaing sekurang-kurangnya di peringkat serantau dan seterusnya melangkah ke peringkat antarabangsa. Kementerian ini, dengan peruntukan yang disediakan dengan keadaan prasarana sukan yang di antaranya memerlukan usaha pensejahteraan segera akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai hasrat Dasar Sukan Negara yang sudah wujud sejak tahun 1991. Dasar ini juga difikirkan perlu disemak semula *(review)* dalam masa yang terdekat ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam bidang Kemasyarakatan dan Kesejahteraan, kementerian ini melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (*JAPEM*) menyediakan satu sistem jaringan sosial *(social safety net)* yang meluas di negara ini untuk menjaga kesejahteraan golongan masyarakat yang tertentu, terutama sekali yang lemah dan dalam kesusahan. Dalam tempoh 1 April 2015 hingga 29 Februari 2016 yang lalu, kerajaan telah membelanjakan sebanyak $103,799,990.00 dari segi bantuan dan pencen, bantuan kebajikan bulanan, pencen umur tua, pencen-pencen hilang upaya dan lain-lain. Jumlah ini semakin meningkat setiap tahun atas berbagai-bagai sebab, termasuk bertambahnya penduduk yang menghadapi kesusahan kewangan dan juga meningkatnya kumpulan warga emas.

Pada bulan Februari 2016, jumlah penerima pencen adalah seramai 31,730 orang manakala jumlah penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) adalah seramai 6,442 ketua keluarga. Walaupun dengan keadaan ekonomi yang mencabar masa kini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan tetap memainkan tanggungjawabnya kepada rakyat dan penduduk negara ini demi untuk memastikan kesejahteraan mereka terpelihara.

Sungguhpun demikian, pergantungan pada bantuan bukanlah satu jalan penyelesaian yang terbaik khususnya kepada yang menerima bantuan kebajikan bulanan, kerana ia berbentuk sementara dan tidak menjamin masa depan yang kukuh kepada si penerima bantuan. Tanpa usaha mereka sendiri untuk lebih berdikari dan memperbaiki kedudukan kewangan mereka, mereka ini akan terus bergantung pada bantuan. Mereka haruslah menyedari dan sama-sama mencari jalan yang lebih baik untuk menjamin masa depan mereka dan anak-anak mereka. Selaras dengan itu, kementerian ini melalui Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial (MKIS) sedang mengorak langkah yang lebih munasabah dan berdaya tahan untuk membantu dan memperkasa golongan yang memerlukan bantuan untuk berusaha sendiri untuk memperbaiki kedudukan kewangan mereka dan membolehkan mereka keluar daripada golongan yang kurang berkemampuan atau dalam istilah lain kepompong kemiskinan. Program latihan kemahiran bagi memperkasa penerima bantuan dalam menangani isu kemiskinan dicadangkan peruntukan $60 ribu.

Sebagai langkah awal ke arah ini, Program *Profiling* para penerima bantuan sudah pun mula dilaksanakan oleh JAPEM dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan diperluaskan lagi pada tahun ini. Melalui program ini, kita akan dapat mengenal pasti program-program yang lebih sesuai dan berkesan bagi setiap penerima bantuan, sama ada melalui program meningkatkan kemahiran, program keusahawanan ataupun sebarang program yang bersesuaian berdasarkan latar belakang dan keupayaan masing-masing. Kementerian ini juga meneliti inisiatif baharu yang terbukti telah berjaya diguna pakai di negara-negara lain yang boleh diadaptasikan dan diperkenalkan di negara ini.

Pada tahun ini, program lain yang sebelum ini telah menunjukkan keberkesanan seperti program Pengukuhan Institusi Keluarga, program yang berkaitan dengan kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak, program-program memperkasa kaum wanita dan program bagi memperkasa warga emas dan warga kurang upaya akan diteruskan dan diperluaskan lagi.

Sebagai misalan, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong telah pun siap pembinaannya dengan bantuan dan sumbangan daripada sebuah syarikat swasta dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan mula beroperasi tidak lama lagi. Pusat-pusat kegiatan berkenaan akan diteruskan lagi pembinaannya di daerah-daerah lain iaitu di Daerah Belait dan Daerah Temburong.

Begitu juga bantuan yang diberikan kepada persatuan-persatuan bukan

kerajaan *(NGOs)* bagi membantu mengendalikan program dan aktiviti yang boleh membantu kesejahteraan kumpulan sasaran tertentu, akan masih dapat diteruskan. Di bawah inisiatif ini, Program Pengukuhan Institusi Keluarga Dan Bantuan Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan masing-masing dicadangkan peruntukan sebanyak $250 ribu dan $200 ribu.

Dua isu yang akan jua diberi keutamaan tahun ini ialah menangani isu kanak-kanak. Kesejahteraan kumpulan ini sangat perlu dijaga. Dalam hal ini, Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial (*MKIS*) baru-baru ini telah meluluskan bagi isu kanak-kanak untuk ditangani secara khusus. Penekanan ini bukan saja akan memudahkan lagi pensejajaran program-program yang khusus bagi kepentingan dan hak kanak-kanak, malahan ia selaras dengan komitmen negara di bawah *Convention on the Rights of the Child (CRC)* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Begitu juga mengenai hak-hak dan kesejahteraan Orang-Orang Kurang Upaya (*OKU*). Kementerian ini akan meneliti semula akan keperluan penyediaan perundangan khusus bagi menjaga kesejahteraan kumpulan sasaran ini. Kementerian ini juga akan meningkatkan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan *NGOs*, pihak swasta, persatuan-persatuan sukarelawan dan sebagainya untuk lebih memeduli kesejahteraan OKU.

Komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memelihara dan menangani kesejahteraan kumpulan-kumpulan yang lemah dan berkeperluan khas, termasuk juga warga emas, kanak-kanak, orang miskin dan kaum wanita ini tidak akan kendur atau luntur dan akan tetap diberi perhatian segar dan keutamaan. Inilah lambang dan kewalihan kita sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (*MIB*) yang aman makmur, yang dipimpin dengan bijaksana oleh seorang raja yang adil, berdaulat, penyayang dan sentiasa memelihara dan mengutamakan kesejahteraan rakyatnya.

Inisiatif-inisiatif baharu yang telah direncana dalam bidang kesejahteraan antaranya program fokus kepada 100 penerima Bantuan Kebajikan Bulanan untuk permasalahan mereka diambil tindakan bersepadu oleh semua jawatankuasa-jawatankuasa khas untuk dikeluarkan daripada kemiskinan dengan kaedah-kaedah yang sesuai dan Program Insentif Pekerjaan *(Work Fare)* iaitu program yang fokus kepada golongan yang tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk menyara kehidupan harian dan persekolahan anak-anak melalui pemberian insentif agar mereka dapat terus bekerja.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Semasa interaksi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik pada 10 Februari 2016, Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan

pandangan dan soalan kepada perjalanan bidang tugas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang membuka minda dan jalan ke hadapan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memikirkan langkah-langkah intervensi dan penambahbaikan.

Antara lain Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan mengenai permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan melalui Ketua Kampung, sambutan Hari Keluarga dan impaknya, penganjuran aktiviti belia yang tidak seimbang di daerah-daerah, pergerakan belia, reviu umur belia, pengkomersialan pemasaran Pusat Belia dan isu kanak-kanak. Semua perkara-perkara yang diketengahkan memerlukan perspektif segar. إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sangat-sangat menghargai keprihatinan sedemikian dan sangat dialu-alukan kehadirannya pada setiap masa.

Oleh sebab itu mengambil kira bidang tugas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah perkara sambat malam hari (sepanjang hari) masyarakat dan prihatin mengalinga (memeduli) kesejahteraan insan dari buaian hingga ke liang kubur. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengambil pendekatan memperbaiki sinergi dan jaringan kerjasama antara semua pihak yang berkepentingan sama ada antara sektor kerajaan, bukan kerajaan, swasta mahupun di peringkat kepimpinan akar umbi. *Engagement* ataupun *public consultation* mustahak untuk percambahan fikiran dan penjanaan idea bagi mengatasi isu dan masalah.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Peneraju Bersama Jaminan Sosial bersama Yang Berhormat Menteri Kementerian Hal Ehwal Ugama di bawah Wawasan Brunei 2035 akan banyak menggunakan pendekatan menuai fikiran/minda (*harvesting ideas)* daripada seramai mungkin pihak secara sistematik, terbuka dan telus bagi keberkesanan misinya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan penjelasan perjalanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan peruntukannya sama ada yang dicadangkan diperuntukkan di kementerian, jabatan-jabatan dan rampaian Kementerian Kewangan, saya mengakhiri mukadimah ini, dengan satu kesimpulan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan wawasannya "Bangsa Brunei Yang Cemerlang" dan misinya Mencanai Masyarakat Cemerlang yang Beragama, Berbudaya, Penyayang, Cerdas, Bersatu padu, Dinamik dan Berwawasan memerlukan perancangan bagi menentukan hala tujunya disediakan berasaskan konsep perancangan strategik.

Perancangan strategik yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang dapat dicapai dan direalisasikan seperti adanya matlamat pencapaian dan matlamat pemudah cara yang mementingkan matlamat yang dapat disukat yakni *measurable goals,* penyata-penyata prestasi utama (*KPIs)* dan faktor-faktor penentu

kejayaan penting atau *critical success factors*.

Menerusinya, serta tawakal, komitmen dan iltizam yang kuat daripada seluruh warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan iltizam yang kuat daripada seluruh warga KKBS dan pihak-pihak yang berkepentingan dan pihak KKBS dengan izin kurnia taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala jua akan dapat *deliver* matlamat-matlamat yang digariskan.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah memberikan huraian mengenai sasarannya dan tujuan serta hala tuju kementeriannya sesuai dengan belanjawan yang kita hadapi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada senarai sebanyak 12 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan Tajuk Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Untuk memulakannya saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ .

Lebih dahulu kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas mukadimah yang telah disampaikan. Kaola menyambut baik dan menyokong hasrat dan strategik yang dibentangkan.

Di sini kaola hendak menimbulkan perkara berhubung Jabatan Pembangunan Masyarakat. Masalah sosial seperti masalah keluarga, wanita dan kanak-kanak serta program-program bantuan kebajikan yang memerlukan, termasuk mereka yang berkeperluan khas semakin meningkat bukan sahaja dari segi kos perbelanjaan akan tetapi yang paling serius jumlah kes-kes tersebut tidak berkurangan malah meningkat dari setahun ke setahun.

Isu-isu yang begitu mencabar ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menyelesaikannya atau sekurang-kurangnya untuk membendung masalah tersebut dari terus menjadi parah.

Kaola melihat dari tugas dan bidang tugas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang kementerian ini menghadapi cabaran yang serius. Untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan dan berjaya ke atas 3 cabang utama iaitu Kebudayaan, Belia dan Sukan terutama bidang belia yang memerlukan perhatian yang serius terutama bila negara mengharapkan golongan belia untuk memainkan peranan mereka sebagai ejen masyarakat seperti yang disebutkan dalam mukadimah tersebut

dan seterusnya menjadi belia yang berwawasan.

Sementara bidang sukan seperti yang dilaporkan pada tahun lepas berhubungan dengan keadaan negara terpaksa menarik diri dari menjadi tuan rumah kepada *Sea Games* juga memerlukan perhatian yang lebih fokus jika negara mahu meningkatkan dan memajukan sukan negara. Sejauh ini keupayaan yang terhad yang ada pada Jabatan Pembangunan Masyarakat untuk menjalankan tanggungjawabnya yang begitu besar dan luas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan antara lain menggunakan strategik untuk menjalin kerjasama dengan agensi-agensi yang lain melalui penubuhan pelbagai jawatankuasa sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat jawatankuasa.

Pada pandangan kaola dengan sumber kewangan dan kepakaran tenaga yang terhad Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang tidak mempunyai pilihan yang lain. Bagaimanapun strategi ini mempunyai banyak kelemahan dari segi keberkesanan ke atas tindakan dan program yang dijalankan sebagai misalan agensi-agensi yang terlibat dalam jawatankuasa tersebut juga mempunyai keutamaan atau *priority* di kementerian masing-masing.

Dari itu, kaola menilai sebelum masalah-masalah masyarakat bertambah serius dan boleh menjejaskan kewangan negara, kaola mencadangkan semua masalah ini ditangani oleh sebuah kementerian yang khas mengendalikan hal-ehwal kemasyarakatan. Pada pandangan kaola sudah masanya bagi pihak kerajaan untuk menubuhkan sebuah kementerian baharu iaitu Kementerian Kemasyarakatan dengan cara ini tanggungjawab berhubung masalah seperti masalah kemasyarakatan, masalah institusi keluarga, masalah wanita, masalah kanak-kanak dan masalah mereka yang berkeperluan khas akan dapat diletakkan di bawah satu bumbung dan di bawah satu kepimpinan yang membolehkan semua masalah masyarakat dapat dinilai dengan lebih fokus dan menyeluruh serta pelan tindakan dapat dijalankan secara komprehensif. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana telah membentangkan mukadimahnya tadi serta menyokong peruntukan yang telah disediakan. Kaola ada 4 soalan Yang Berhormat Pengerusi.

Negara kita Brunei Darussalam telah menjadi ahli kepada beberapa pertubuhan sukan serantau dan antarabangsa. Sebagai ahli dalam pertubuhan sukan di peringkat antarabangsa. Apakah strategik negara dalam menghadapi sukan-sukan yang

akan disertai pada misalnya *SEA GAMES*, Sukan Komanwel dan lain-lain sukan-sukan lain yang bertaraf dunia?

Adakah kita membuat sasaran atau *target* beberapa pingat yang akan kita perolehi di kejohanan seperti di *Sea Games* dan sukan-sukan yang lain. Yang Berhormat Pengerusi, kaola berpendapat melalui sasaran *target* tersebut sekurang-kurangnya ada cabaran dan usaha semakin tinggi bagi mencapai apa yang dihajati. Sektor sukan tinggi mengikut apa yang digariskan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah fokus kepada 4 kategori yang utama:-

1. Program pembangunan sukan kebangsaan;

2. Penyertaan sukan serantau antarabangsa;

3. Menganjurkan sukan serantau dan antarabangsa; dan

4. Menyediakan infrastruktur ataupun kemudahan sukan yang bertaraf antarabangsa.

Kita merasa optimis dan menyokong sepenuhnya usaha yang telah digariskan dan berharap ianya akan menjadi kenyataan.

Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi. Adakah perancangan kementerian untuk menyediakan (memang tadi ada disebut) pakar-pakar sukan yang bertaraf dunia seumpamanya jurulatih yang berpengalaman (sudah disebut juga) dalam bidang tertentu seperti yang diamalkan oleh negara-negara yang maju dalam bidang sukan.

Kenapakah kita tidak menyertai acara-acara yang kurang memerlukan tenaga seperti memanah, menembak, *bowling* dan seumpamanya?

Kaola berpendapat sukan-sukan tersebut memerlukan konsentrasi, emosi dan kepakaran berbanding dengan acara sukan yang lain lebih kepada fizikal, kekuatan, piawaian ataupun standard antarabangsa.

Isu-isu sosial ada 12 isu-isu sosial yang digariskan oleh jawatankuasa yang ahli, yang dikendalikan oleh berbagai-bagai agensi terdiri daripada sektor awam dan sektor swasta. Mereka ini adalah berperanan sebagai peneraju bagi strategi jaminan sosial. Daripada 12 isu yang digariskan, isu kemiskinan menjadi salah satu isu yang telah diberikan perhatian dan keutamaan.

Saya ingin bertanya:-

1. Apakah hasil keputusan kajian mengenai isu kemiskinan yang dibuat beberapa tahun yang lalu. Adakah tahap kemiskinan menurun atau sebagainya?;

2. Dari hasil kajian tersebut apakah sudah ada kejayaan mengenai orang-orang miskin yang telah dibantu?; dan

3. Mengenai muzium atau penutupan Muzium Brunei. Penutupan Muzium Brunei telah bermula pada 28 Januari 2014 disebabkan kerosakan struktur bangunan, tanah susur yang berlaku pada 23 Januari 2014 dan tanah susur kali kedua pada 12 Februari 2014 (menurut laporan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan). Beberapa artifak dan pameran telah dipindahkan kepada beberapa lokasi yang bersesuaian di negara ini.

   Kita memahami bahawa untuk membaik pulih bangunan tersebut mengambil masa yang lama dan memerlukan kos yang tinggi. Dalam kes tersebut adakah pihak kementerian berhajat untuk membina bangunan baharu untuk menggantikan bangunan yang sedia ada, tanpa memindah lokasi kerana tempat berkenaan mempunyai nilai sejarah yang bernilai tinggi?

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih juga atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kaola menyokong sepenuhnya Belanjawan B$85.1 juta itu dalam melaksanakan program-program termasuk Program 4K Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sampaikan sebentar tadi. Kaola ada 4 tajuk untuk disuarakan:-

1. Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) ke-5 telah pun menamatkan latihan mereka pada hari Isnin, 14 Mac yang baru lalu. Kita menyedari bahawa program sedemikian ini amat berfaedah kepada belia kita bagi melengkapkan mereka dengan ilmu pengetahuan dan kefahaman dalam menghadapi cabaran-cabaran masa depan menuju ke arah Wawasan Brunei 2035.

   Keunikan program tersebut ialah dapat membentuk jati diri, semangat beragama, berpasukan dengan penekanan terhadap nilai-nilai Kebruneian seperti taat kepada raja, mentaati ajaran agama, penuh berdisiplin dan bantu-membantu ke arah Konsep Melayu Islam Beraja. Sepanjang tempoh 12 minggu mereka telah didedahkan dan diajar dengan pelbagai aspek pengetahuan dan ilmuan. Kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala mudah-mudahan rebung muda yang kita lentur ini akan menjadi buluh yang amat berguna dalam mengubah *mindset* belia kita sebagai generasi berwawasan dan pemangkin kemajuan dan pemimpin masa depan negara. Dalam pemikiran

kaola platform yang kita guna pakai sekarang ini sesuai sebagai pemangkin aspirasi belia.

Kaola hanya ingin mencadangkan supaya aspek-aspek seperti berikut dapat diselitkan dalam Program PKBN, jika difikirkan bersesuaian:-

i. Kefahaman berpersatuan dalam Negara Melayu Islam Beraja;

ii. Ciri-ciri mentransformasi minda *(mindset)* belia; dan

iii. Keusahawanan dan kepimpinan, berjiwa besar lagi komited dalam mencerminkan keunggulan belia di Negara Brunei Darussalam seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebentar tadi.

2. Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka - Beberapa tahun dahulu pihak Dewan Bahasa dan Pustaka pernah berura-ura untuk mewujudkan sebuah *library* di Mukim Liang yang dicadangkan untuk ditempatkan di Pejabat Pos, Lumut. Tetapi sehingga kini belum dapat dilaksanakan. Pernah juga berbincang mengenainya dengan mewujudkan *Mukim Buku* di mukim tersebut, tetapi tidak juga kesampaian sehingga sekarang.

   Kaola ingin bertanya perkembangan pemikiran-pemikiran yang telah diluahkan itu dan bila ianya boleh menjadi satu kenyataan?;

3. Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan. Sukan bolasepak memang diminati ramai oleh golongan belia kita. Belia yang tinggal dalam bandar bernasib baik kerana mempunyai kemudahan-kemudahan sukan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Tetapi belia yang tinggal di mukim-mukim dan kampung kurang atau tidak mempunyai kemudahan-kemudahan sukan yang lengkap seperti di bandar-bandar. Mereka mengadakan latihan sukan dengan meminjam padang-padang bola sepak sekolah atau swasta di mukim masing-masing. Dengan bilangan padang bola yang terhad, para belia kampung terpaksa mengadakan latihan dan permainan sukan menggunakan mana-mana tanah lapang yang ada di kawasan kampung dan mukim masing-masing sahaja.

   Soalan kaola, kaola memohon supaya kemudahan-kemudahan sukan bagi keperluan pencinta sukan tanah air khususnya padang bola di mukim-mukim dapat diusahakan; dan

4. Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyuarakan kebimbangan tentang bertambahnya bilangan anak-anak damit lahir di luar nikah.

   Statistik anak-anak damit sedemikian ini dari setahun ke setahun semakin bertambah. Ini berdasarkan kepada fakta yang

kaola terima semasa pengagihan wang zakat asnaf anak-anak yatim pada tiap-tiap tahun. Kaola maklum bahawa anak-anak damit ini diiktiraf, mengikut Fatwa Mufti, sebagai anak yatim. Mereka berhak menerima agihan wang zakat untuk anak-anak yatim. Kaola tidak terlintas untuk mempersoalkan, mempertikaikan akan fatwa yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Kaola hanya bersimpati akan nasib anak-anak yang di luar nikah ini.

Dalam hubungan ini, kaola ingin bertanya apakah program dalam pemikiran pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dalam jangka panjang, untuk sama-sama kita memberi kesedaran yang mendalam kepada kaum belia remaja di tanah air bagi usaha mengurangkan kesan emosi yang mungkin akan timbul dan dirasai atau ditanggungi oleh anak-anak yang di luar nikah ini nanti.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada baiknya Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dan saya ingin untuk mencadangkan supaya persidangan kita ini kita tangguhkan untuk membolehkan kita berehat. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, kita akan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti.

Sekian. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ اَلسَّلَامُ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهٗ Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibincangkan dan diteliti satu persatu, saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 bagi Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pada mesyuarat yang telah kita adakan di sebelah pagi tadi Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyampaikan ucapan pendahuluannya atau mukadimahnya tentang Belanjawan Kementerian berkenaan dengan huraian struktur dan pembentangan maklumat yang cukup jelas dan menyeluruh. Dan seramai 3 orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik telah diberi peluang untuk mengemukakan soalan-soalan mengenai belanjawan kementerian yang berkenaan ini.

Sebelum itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan sama ada ia suka untuk menjawab 3 soalan daripada 3 orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik yang telah kita dengar tadi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dengan izin Yang Berhormat. Kaola akan cuba menjawab dahulu.

Yang Berhormat Pengerusi: Maka kita berikan peluang ini kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan untuk memberikan responsnya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسۡمِ اللهِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِيۡمِ Kaola akan menjawab pada soalan pertama yang diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman yang antara lain dalam usulnya mencadangkan **bagi penubuhan sebuah** kementerian yang khas atau baharu **bagi menangani masalah sosial** iaitu Kementerian Kemasyarakatan.

Dalam hal ini saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka

Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman atas keprihatinan dan pemerhatian yang cukup menepati realiti yang dihadapi oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amnya dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) khususnya.

Pada memberikan respons **kepada** cadangan bagi penubuhan sebuah kementerian yang khusus bagi menangani isu-isu kemasyarakatan **jika dilihat negara-negara jiran kita, memang ada sebahagian darinya** mempunyai kementerian yang khusus bagi menangani isu-isu kemasyarakatan dan keluarga.

Walau bagaimanapun tanpa kementerian khusus tersebut **dan** dengan pendekatan yang diguna pakai iaitu **'*whole of government* dan *whole of society approach'*** khususnya melalui **penubuhan** Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial, kaola fikir adalah masih wajar **dan masih bersesuaian** pada masa ini. **MKIS** mempunyai keahlian yang terdiri dari menteri-menteri dari kementerian-kementerian yang berkaitan dan berkepentingan seperti **Jabatan Perdana Menteri,** Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan sektor bukan kerajaan iaitu Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kaedah ini adalah juga berkesan dalam menangani isu kesejahteraan seperti yang telah diterangkan dalam mukadimah kaola/saya pada pagi tadi. Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial akan **mempertingkatkan** lagi usaha-usaha secara bersepadu **dalam** menangani isu-isu berkenaan.

Manakala bagi menjawab persoalan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai dengan strategi yang dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan **dalam meningkatkan prestasi sukan.**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan dalam usaha untuk memastikan negara mampu bersaing untuk memperolehi pingat di peringkat kejohanan serantau dan **antarabangsa** termasuk Sukan *SEA,* telah menyusun strategi-strategi **yang memberi fokus kepada** sukan-sukan yang boleh menghasilkan keputusan **yang** berpotensi dan memerlukan dukungan dengan program pembangunan dan pengenalan bakat yang berkesan, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi sukan, meningkatkan jumlah dan kualiti orang bersukan dan beriadah, meningkatkan kerjasama dengan pihak *NGO's*, agensi kerajaan dan swasta, membudayakan sukan dan meningkatkan sumber tenaga manusia (pakar sains sukan dan jurulatih dan prasarana).

Bagi strategi pertama iaitu mengenal pasti sukan teras, sukan-sukan teras yang telah dikenal pasti ialah 9 sukan pada masa ini iaitu **wushu,** pencak silat, bowling padang, olah raga, akuatik dan bolasepak.

Bagi strategi kedua pula, **iaitu** program-program pembangunan dan pengenalan bakat. **Demi** mencapai hasrat tersebut, strategi utama kementerian ialah melaksanakan program dalam jangka panjang **dengan** memfokus kepada perkembangan atlet dari akar umbi sehinggalah mereka menjadi **atlet elit** seperti program mengenal pasti bakat atau *TID* dan **Akademi Sukan**.

Program *Talent Identification* adalah sebagai satu mekanisme untuk mencungkil bakat dalam kalangan peringkat usia muda terutama pelajar-pelajar yang berusia **di bawah** 17 tahun. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan persatuan-persatuan sukan kebangsaan. Setakat ini *TID* telah diadakan di 16 buah sekolah menengah dan 15 buah sekolah rendah di seluruh negara. Seramai 1,363 orang yang telah menjalani *TID* umum dan hanya 26 orang dikenal pasti mempunyai potensi untuk diberikan latihan lanjut.

Bagi ***Talent Identification*** khusus pula seramai **1,281** orang telah menjalani ujian dan hanya 367 orang yang dikenal pasti berpotensi untuk diberikan latihan lanjutan.

Hasil daripada *TID* tersebut, seramai 19 atlet telah layak untuk memasuki Akademi Sukan. Sukan-sukan yang terlibat dalam **program** *TID* ialah sebanyak 11 sukan iaitu Karate-do, lawan pedang, kayak, lumba basikal, olah raga, bola sepak, lumba perahu, silat, sepak takraw, bola baling dan taekwando.

Walaupun jumlah yang dikenal pasti dari program *TID* umum dan *TID* khusus **adalah** berjumlah 393 orang atlet akan tetapi hanya 143 atlet sahaja yang pada masa ini menjalani latihan. Ini disebabkan oleh faktor-**faktor** tidak mendapat kebenaran dari ibu bapa atau majikan dan tidak berminat untuk meneruskan latihan.

Penubuhan Akademi Sukan berperanan untuk memberikan tumpuan khusus bagi atlet-atlet muda yang terpilih hasil dari program *TID* dan skim-skim latihan sukan dan telah mampu menunjukkan bakat dan diasuh untuk menjadi atlet **elit** melalui program-program dan pemantauan yang khusus dan **ber**sistematik.

Strategi ketiga pula ialah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi sukan. Antara usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi sukan iaitu persatuan-persatuan sukan kebangsaan ialah melalui kursus-kursus pentadbiran yang dikendalikan oleh badan-badan antarabangsa seperti **Kursus** Pengarah atau Pengadil Bola Sepak daripada *Federation of International Football Asociation* atau *(FIFA), Tournament Director Hockey daripada Federation of International*

Hockey, ***Umpiring*** *Course* Sepak Takraw **dari** *International Sepak Takraw Federation* ***(ISTAF),*** dan *Technical Course* **Olah Raga** dari *International Association of Athletics Federation (IAAF).*

Strategi keempat ialah meningkatkan jumlah dan kualiti orang yang bersukan

dan beriadah. Usaha **dipertingkatkan melalui** menganjurkan lebih banyak program-**program** sukan untuk masyarakat yang akan memberikan faedah dari segi kesihatan, fizikal dan minda.

Dalam penganjuran program-program tersebut kerjasama antara Jabatan Belia dan Sukan dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan juga agensi-agensi swasta dengan tujuan **mencapai** objektif untuk memperbanyakkan penyertaan orang ramai dalam aktiviti kesukanan.

Strategi kelima pula ialah meningkatkan kerjasama dengan pihak *NGOs*, agensi kerajaan dan swasta. Tanggungjawab pembangunan sukan di negara ini bukanlah sahaja tertumpu kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan malah ia memerlukan kerjasama yang padu dengan *NGOs*, agensi kerajaan dan juga swasta. Kementerian ini melalui Jabatan Belia dan Sukan sentiasa bekerja rapat dengan pihak-pihak seperti Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam dan juga Persatuan - **Persatuan** Sukan

Kebangsaan dalam merancang program sukan yang menjurus kepada sukan berprestasi tinggi dan juga pembangunan.

Strategi keenam, membudayakan sukan, meningkatkan sumber tenaga manusia, **yakni** pakar sains sukan dan jurulatih, dan penyediaan prasarana.

Dalam usaha untuk meningkatkan kepakaran kejurulatihan dan juga pakar-pakar sains sukan, beberapa langkah telah diambil iaitu **seperti** dengan mendapatkan perkhidmatan jurulatih profesional daripada luar negara **bagi** sukan-sukan yang diberi keutamaan.

Di samping itu, usaha untuk mempertingkatkan kapasiti jurulatih tempatan juga diadakan dengan memberikan mereka peluang untuk mengikuti kursus persijilan kejurulatihan yang diiktiraf oleh badan-badan sukan kebangsaan.

الْحَمْدُ لله Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan terdapat beberapa pakar jurulatih dari luar negeri pada masa ini bagi beberapa sukan tertentu seperti sukan renang dari **Netherlands, olahraga** dari **Cameroon** dan Tanzania, **wushu** dari China, Karate-do dari Indonesia dan Sepak Takraw dari Thailand. Dengan adanya kepakaran ini para atlet negara dapat dipersiapkan untuk bersaing di arena serantau dan juga antarabangsa.

Sementara dalam bidang sains sukan pula, Jabatan Belia dan Sukan telah mendatangkan pakar-pakar sains sukan seperti Doktor Perubatan Sains Sukan, pakar ***Psychology*** dan **jurutlatih *strength* and *conditioning.*** Dengan adanya pakar-pakar tersebut akan dapat mempertingkatkan lagi prestasi atlet melalui sains sukan yang lebih **bersistematik.**

Dengan kombinasi pakar-pakar di atas program latihan yang berterusan dan sistematik dapat dijalankan dengan lebih berkualiti dengan menggunakan kaedah sains sukan dan teknologi sukan terkini.

Sementara penyediaan infrastruktur dan prasarana sukan **adalah** sebagai platform bagi latihan atlet yang mana menepati piawaian antarabangsa iaitu kemudahan tempat latihan yang memudahkan atlet dan jurulatih menjalankan program latihan serta **menyediakan tempat bagi** penganjuran kejohanan oleh Persatuan-Persatuan **Sukan** Kebangsaan; dan

Strategi ketujuh iaitu menyediakan dana yang mencukupi dan **dalam masa yang sama untuk** meningkatkan kutipan hasil **kerajaan**. Melaksanakan strategi **sukan ini** memerlukan **peruntukan** yang **tinggi**. Dengan ini **perancangan** adalah lebih menjurus kepada sukan-sukan yang terpilih dan benar-benar boleh menyumbangkan pingat kepada negara. Dalam masa yang sama, dengan prasarana yang sedia ada juga dapat meningkatkan hasil kutipan melalui **penyewaan** penggunaan prasarana jabatan **oleh** pelbagai agensi-**agensi** kerajaan dan swasta.

Dalam pada itu, jurang kemajuan dalam bidang sukan berbanding dengan negara luar yang **lebih** maju **juga berbangkit** dari **sebab** isu dalaman seperti peruntukan, masalah persatuan, hal-hal peribadi atlet yang lebih menumpukan pada akademik, pembahagian masa, kebenaran bagi kelonggaran bekerja dan sebagainya. Sebagai contoh, komitmen atlet menghadiri waktu latihan tidak mencukupi seperti mana perlu dipenuhi sebagai atlet **elit**. Oleh itu, apabila mereka menyertai sebarang kejohanan, mereka tidak berkeupayaan menyaingi pihak lawan.

Menyentuh mengenai sasaran atau pingat iaitu *KPI*, salah satu penilaian bagi prestasi Jabatan Belia dan Sukan ialah jumlah pingat kutipan di kejohanan-**kejohanan** yang mereka sertai.

Di samping itu pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga **menilai** pencapaian atlet **dari segi** masuk ke peringkat akhir atau *podium finish*.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2015 negara telah berjaya meraih 1 pingat perak dan 7 pingat gangsa pada Sukan *SEA* Ke-28 di Singapura dan pada Sukan ASEAN Para *Games*, kontinjen negara telah berjaya meraih 3 pingat perak dan 6 pingat gangsa.

Sementara bagi kejohanan-kejohanan jemputan di peringkat serantau dan antarabangsa, Sukan **Wushu** juga telah menyumbangkan pingat melalui penyertaan di kejohanan *Asia Junior* ***Wushu*** *Championship* di China pada tahun 2015 dengan memperolehi 1 pingat emas, 2 pingat perak dan 1 pingat gangsa.

Sukan lawan pedang juga turut menyumbangkan pingat melalui

penyertaan di kejohanan **SEA / *Asia-Pacific*** *dan ASEAN Junior Fencing Championships 2015* dengan perolehan 2 pingat gangsa. Pada tahun 2016 ini, pasukan ***Lawn Bowl*** negara telah berjaya menduduki tempat ketiga secara keseluruhan daripada 11 negara **Asia** yang menyertai sukan ***ASIAN*** *Lawn Bowl* yang ke 11 dan pada **9th Asian *ASEAN U25 Singles*** *Championships* telah **berjaya meraih** 1 pingat emas, 2 pingat perak dan 3 pingat gangsa bagi kategori *senior* dan **2 pingat gangsa** bagi kategori belia di bawah 25 tahun.

الْحَمْدُ لله pencapaian ini telah mencapai *KPI* Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan. Walau bagaimanapun, usaha yang **jitu** akan terus dipertingkatkan.

Mengenai soalan Yang Berhormat menyentuh sukan yang **kurang menggunakan** tenaga dan fizikal iaitu *Skill Related Sport,* pihak kementerian memang mengambil kira akan faktor ini.

الْحَمْدُ لله terdapat beberapa sukan yang kurang menggunakan tenaga dan fizikal telah menunjukkan pencapaian yang baik di sukan serantau dan antarabangsa. Antaranya seperti Sukan *Petanque* di kejohanan ***Petanque Pan Pacific*** di Filipina pada tahun 2014 yang telah berjaya meraih 1 pingat perak. Sukan *Tenpin Bowling* bagi atlet orang berkeperluan khas berjaya meraih 1 pingat emas, 1 pingat gangsa di kejohanan ***ASEAN*** *Para Games,* Singapura dan *bowling* padang yang baru-baru ini di kejohanan *Lawn Bowl* ke 11 dan **Asian U25** *Single* yang ke 9 dengan meraih 1 pingat Emas, 2 pingat perak dan 3 pingat gangsa bagi kategori *senior* dan **2 pingat gangsa** bagi kategori belia di bawah 25 tahun.

Soalan yang berikutnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, **iaitu** apakah hasil dari kajian isu kemiskinan yang telah beberapa tahun lalu diadakan? Bagi menjawab mengenai soalan ini, hasil kaji selidik mengenai kemiskinan yang telah **dilaksanakan** pada tahun 2010 **yang mana** persoalan yang sama telah pun dikemukakan di Dewan yang mulia ini pada tahun-tahun yang sebelumnya. Kementerian ini akan mengadakan satu taklimat khusus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara ini.

Soalan berikut daripada Yang Berhormat, sama ada KKBS akan membina sebuah muzium yang baharu dilokasi yang sama mengambil kira kerosakan yang ada pada muzium yang ada pada masa ini.

Merujuk kepada soalan tersebut, memang Muzium Brunei telah ditutup sejak 28 Januari 2014 dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahap ini tidak berhasrat untuk membangun bangunan muzium yang baharu memandangkan bangunan itu masih mempunyai ciri-ciri warisan yang sangat tinggi dengan usianya telah melewati lebih **40 tahun dan dengan keadaan** yang tersergam itu perlu dikekalkan.

Walau bagaimanapun, kerosakan pada struktur binaan seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat sendiri iaitu hasil daripada tanah susur, serangan anai, kerosakan pada pendawaian elektrik dan kerosakan pendingin hawa telah dan sedang ditangani seperti kerja-kerja pengukuhan tanah bernilai **$1,033,440.00**, **membaik pulih struktur** bangunan bernilai $836,270.00 dan kerja-kerja tambahan yang **dipohonkan yang dianggarkan bernilai $1,418,000.00.**

Kerja-kerja pembaikan dan **penaik tarafan** bangunan Muzium Brunei dijangka akan **memakan masa** 5 tahun dengan mengambil kira penambahan dan pembisaian (mengelokkan) bangunan dan galeri-galeri muzium ini seperti yang kaola jelaskan tadi. Sementara itu sewaktu penutupan ini, walaupun ia mendukacitakan, bahan-bahan pameran telah pun dipindahkan ke tempat-tempat yang lain dan sebahagiannya dipamerkan di Muzium Teknologi Melayu, Muzium Maritim, Taman Warisan Merimbun dan Muzium Kuala Belait yang إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dibuka pada bulan Julai pada tahun ini.

Soalan berikutnya ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad yang menyelitkan aspek-aspek kefahaman berpesatuan dalam negara MIB, ciri-ciri transformasi minda belia, keusahawanan dan kepimpinan, berjiwa besar dan komited **yang** mencerminkan keunggulan belia, ke dalam program PKBN ataupun Program Khidmat Bakti Negara.

Pada menjawabnya Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Program PKBN menggunakan kurikulum dan modul-modul yang mengandungi 9 komponen utama berikut:-

i. Jati diri;
ii. Kenegaraan dan keagamaan;
iii. Latihan disiplin dan fizikal;
iv. Keusahawanan;
v. Khidmat komuniti budaya kerja;
vi. Menangani media sosial;
vii. Kesihatan dan keselamatan kerja;
viii. Hukum Kanun Jenayah Syariah; dan
ix. Pemikiran **kritis** dan pengucapan awam.

Cadangan Yang Berhormat bagi menyelitkan aspek-aspek kefahaman, berpesatuan dalam MIB dan aspek-aspek lain seperti yang dicadangkan adalah dihargai dan diucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Perkara tersebut sememangnya sudah diselitkan dalam **modul** yang saya nyatakan tadi. Kementerian ini dari **masa** ke semasa memikirkan untuk menambah modul-modul lain. Walau bagaimanapun, ini sedikit sebanyak akan menjejaskan jangka waktu latihan yang ada pada masa ini yang hanyalah 3 bulan ataupun lebih kurang 100 hari. Memandangkan penglibatan pelatih-pelatih pada kebanyakan mereka masih bersekolah dan ditakuti jika tempoh dipanjangkan akan menjejaskan persekolahan pelatih-pelatih itu.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad seterusnya mengemukakan

pertanyaan mengenai rancangan untuk membangun Mukim Buku di Mukim Lumut. Dalam hal ini beberapa tindakan telah dilaksanakan dari tahun 2013 termasuk cadangan penempatan di Balai Raya Kampung Lumut dan di Bangunan Pos Lumut. Namun demikian, setelah diteliti didapati lokasi-lokasi tersebut tidak bersesuaian dan akan menggunakan perbelanjaan yang tinggi. Dari itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka akan terus melihat lokasi-lokasi lain yang lebih sesuai dengan mengambil kira beberapa perkara seperti **aksesibiliti**, keselamatan dan kos sebagainya.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat, untuk mengemukakan tempat yang sesuai mengambil kira kedudukan **sumber** dan pada **masa** yang sama mengambil kira jua Mukim Buku yang telah wujud di Mukim Rimba. **Namun demikian, perkara ini tidaklah** akan disenyapkan begitu sahaja bahkan masih lagi dalam pemikiran kementerian dan juga Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, juga seterusnya mencadangkan supaya mengadakan kemudahan-kemudahaan sukan di mukim-mukim bagi belia yang aktif dan cintakan sukan bola sepak.

Pada masa ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah melaksanakan inventori kemudahan sukan yang dilaksanakan pada tahun 2014 tentang tempat-tempat bersukan dan riadah di seluruh negara yang melibatkan bukan saja di bawah kawalan kementerian ini bahkan termasuk *stakeholders* lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan pihak swasta.

Hasil statistik inventori tersebut menunjukkan terdapat 663 kemudahan sukan dan riadah di seluruh negara. Kemudahan sukan bola sepak di keempat-empat daerah adalah berjumlah 142 padang bola sepak dan sebanyak 18 padang bola sepak terdapat di Daerah Belait. Maka dengan adanya inventori tersebut, cadangan Yang Berhormat untuk membina padang bola sepak di mukim-mukim bagi belia aktif dalam bola sepak **hendaklah** mengambil kira inventori yang sedia ada.

Seterusnya Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad juga mengutarakan soalan, iaitu adakah program dalam pemikiran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam jangka panjang **untuk sama-sama memberi** kesedaran yang mendalam **kepada** kaum belia remaja bagi usaha mengurangkan kesan emosi anak-anak di luar nikah?

Bagi menjawab soalan tersebut, **perlu ditekankan** bahawa isu mengenai anak-anak yang dilahirkan di luar nikah memerlukan pendekatan yang melibatkan semua pihak, bukan sahaja *whole of government approach* melalui kementerian-kementerian malahan juga,

pihak bukan kerajaan seperti pihak akar umbi. Walau bagaimanapun peranan khusus Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam perkara ini adalah seperti berikut:-

1. Bagi mana-mana anak luar nikah ataupun anak yang tidak sah taraf yang memerlukan sokongan dan bimbingan pengukuhan emosi ataupun moral yang datang ke pengetahuan Jabatan Pembangunan Masyarakat sama ada melalui rujukan ataupun yang datang sendiri, Jabatan Pembangunan Masyarakat akan membuat pendekatan intervensi kepada anak berkenaan. Ahli keluarganya dan juga orang-orang yang membawa kesan dalam hidupnya melalui program-program kaunseling, motivasi dan menyalurkannya untuk mengikuti program yang bersesuaian. Rujukan kepada agensi-agensi berke-pentingan bagi tindakan lanjut juga akan dibuat. Sokongan emosi kepada anak-anak yang tidak sah taraf di Negara Brunei Darussalam memerlukan kerjasama dari pelbagai agensi seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan.

2. Dari segi program-program kesedaran yang ditujukan kepada orang awam mengenai perkara ini, Jabatan Pembangunan Masyarakat lebih menumpukan perhatian kepada program-program pencegahan agar kes-kes kelahiran anak luar nikah ini dapat dibendung.

3. **Di samping itu**, wadah untuk sama-sama memikirkan, menghasilkan dan melaksanakan program-program yang bersesuaian yang juga lebih memfokuskan **kepada** bagaimana masyarakat boleh mengurangkan risiko kelahiran anak luar nikah adalah melalui Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial dan Kumpulan Bertindak Ke **Atas Perlindungan Kanak-Kanak** *(Action Team On Child Protection).* Demikianlah jawapan kaola kepada 3 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan soalan pada pagi tadi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat kaola hanya akan mengetengahkan 2 Tajuk iaitu Tajuk SL01A - Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam menduduki tangga yang ke-3 atas mengenai masalah pengangguran dalam kalangan negara-negara ASEAN. Dengan meningkatnya jumlah pengangguran di negara kita ini, dikhuatiri boleh menimbulkan isu negatif seperti peningkatan kadar jenayah serta gejala sosial yang sedikit sebanyak akan mencacatkan identiti negara kita.

Kaola difahamkan satu jawatankuasa khas untuk menangani isu kemiskinan telah ditubuhkan beberapa tahun yang lalu yang bertujuan antara lain untuk mengenal pasti punca kemiskinan dalam negara kita. Dalam hubungan ini ingin kaola mengetahui hasil penelitian dan tindakan yang dijalankan oleh jawatankuasa berkenaan. Setakat manakah hasil usaha-usaha itu telah berjaya mencapai matlamat ke arah membasmi kemiskinan. Kenapa soalan ini saya tujukan kepada kementerian ini?

Seperti yang diterangkan semasa dialog bersama Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu antara peranan dan tanggungjawab kementerian berkenaan ialah memberikan penumpuan kepada isu kemiskinan.

Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemartabatan bahasa Melayu yang telah diperundangkan dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan Pindaan 2004, sebagai Bahasa Rasmi Negara membuktikan pengiktirafan peranan bahasa Melayu.

Kini masyarakat terdedah dengan cabaran-cabaran baharu yang menghambat proses pengembangan dan pemantapan bahasa Melayu sendiri seperti tulisan dalam bahasa siber, pesanan ringkas *(sms)*, e-mel, laman media sosial seperti *facebook* dan sebagainya, membawa banyak kecacatan malah masyarakat kitani sendiri lebih suka menggunakan bahasa asing sehingga adakalanya mencampuradukkan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian, sekali gus menjadi cabaran kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menanganinya.

Kaola ingin mengetahui pendekatan-pendekatan yang telah dirancang dan dibuat oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dalam menghadapi permasalahan bahasa pertuturan dan bahasa siber ini? Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya silakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana telah menganjurkan Pameran Pesta Buku baru-baru ini dan seperti yang kita maklum ia diadakan pada setiap tahun. Adalah diambil maklum, pengunjung-pengunjung bagi pameran ini sangat menggalakkan. Dalam era *internet* ini,

kita berharap usaha untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat akan terus dipertingkatkan lagi.

Seterusnya, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada program literasi awal yang dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, walaupun perkara ini pernah saya utarakan pada tahun 2014. Saya berkeyakinan tinggi yang ia adalah satu program pelaburan awal yang membolehkan pulangan yang banyak jika dijalankan dengan baik dan dipupuk kemajuannya.

Soalan saya ialah:-

1. Setelah 2 tahun berjalan, apakah perkembangan program berkenaan setakat ini?;

2. Adakah pihak kementerian bercadang untuk melibatkan institusi tinggi dalam membuat kajian untuk meningkatkan keberkesanan jangka pendek dan jangka panjang program ini dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan ibu bapa dan anak-anak dan juga manfaat-manfaat yang lain?; dan

3. Adakah dalam perancangan untuk melibatkan sama badan-badan bukan kerajaan dalam pelaksanaan pada masa yang akan datang? Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola akan membawa Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan.

1. Pembangunan Belia:-

   Penglibatan serta peranan agensi kerajaan, pihak swasta, institusi keluarga, organisasi belia dan juga masyarakat adalah penting bagi melahirkan belia cemerlang. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan memainkan peranan yang penting dalam memeduli hal-ehwal belia.

   Salah satu aktiviti yang boleh membangun belia ialah konsep berpersatuan. Jika pada tahun 60an dan 70an dahulu, persatuan belia berfungsi dengan baik, cemerlang dan melahirkan tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin belia yang disegani. Nampaknya, kegiatan berpersatuan ini sudah semakin hilang dari setahun ke setahun dan hanya beberapa persatuan sahaja yang dapat bertahan, itu pun seperti 'hidup segan, mati tak mahu.'

Kaola berpendapat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan sebagaimana yang telah disarankan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, sudah tentu akan dapat menghidupkan semula institusi persatuan belia ini dan membantu memulihkan kecemerlangan persatuan seperti era pada tahun 60an dan 70an.

2. Bahagian Sukan:-

Kita tidak melihat prestasi sukan negara kita. Jika kita melihat prestasi sukan negara kita sama ada sukan dalam negeri, sukan serantau dan juga sukan antarabangsa, belum lagi memuaskan.

Walau bagaimanapun, sukan yang disertai oleh orang-orang kurang upaya seperti *ASEAN Para Games* yang diadakan di Amerika Syarikat dan juga Singapura menunjukkan prestasi yang baik dan tahniah kepada peserta yang mengharumkan negara. Apa yang kaola perhatikan ialah, kita kurang memberikan imbuhan insentif kepada pelatih-pelatih terutama sekali dari segi kewangan.

Pelatih-pelatih yang mengikuti latihan adalah secara sukarela. Pelatih-pelatih ini mengeluarkan belanja sendiri ketika menjalani latihan seperti perbelanjaan kenderaan, pakaian dan perkakas permainan dan juga makan minum mereka.

Setelah 32 tahun merdeka, kita sudah sekurang-kurangnya dapat melahirkan atlet-atlet yang berkaliber. Kaola sukacita mencadangkan kepada pihak kementerian, perkara-perkara yang berikut:-

i. Mengadakan satu peruntukan khas bagi pembangunan sukan. Atlet yang berpotensi dipilih untuk menjalani latihan sepenuh masa dalam bidang-bidang sukan yang dipilih dan dibayar elaun secara tetap; dan

ii. Seperti yang kita maklum, peruntukan tahunan yang diperuntukkan untuk membangun pembangunan sukan tidaklah banyak. Jumlah tersebut kecil dan amat mustahil bagi kita dapat melahirkan atlet yang baik.

Dalam hal ini, kaola cadangkan supaya dana sukan diwujudkan bagi menampung kekurangan ini. Dana sukan ini di bawah kawalan satu jawatankuasa tadbir ditubuhkan untuk mentadbir dana ini. Selain itu, dana ini hendaklah diaudit oleh juruaudit profesional.

Aktiviti-aktiviti yang boleh menjana tabung ini ialah melalui penajaan dalam sukarela dan lain aktiviti lain yang difikirkan bersesuaian. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya silakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu izinkan kaola untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas mukadimah Peruntukan Belanjawan 2016/2017 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Yang Berhormat sampaikan sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Kaola akan menimbulkan 3 perkara dalam Tajuk Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan di Dewan yang mulia ini.

1. Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kaola menimbulkan 2 perkara:-

    i. Sukacita untuk kaola dapat bertanya mengenai per-kembangan baharu Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) di Batu Apoi di Daerah Temburong pada masa ini? Bilakah kemasukan pelatih-pelatih PKBN di pusat ini dan bilakah latihannya akan bermula di Daerah Temburong?; dan

    ii. Dicadangkan di Dewan yang mulia ini dalam jangka waktu terdekat atau panjang KKBS melalui jabatan berkenaan dapat menubuhkan Pusat Pembangunan Belia di Daerah Temburong bagi belia di daerah ini yang tidak dapat meneruskan pendidikan formal dan belia yang menganggur dalam mengikuti kursus pembangunan belia negara untuk mempelajari dan diberikan kemahiran latihan jati diri dan penempatan kerja yang sesuai sebelum masuk ke alam pekerjaan yang sebenarnya.

2. Dalam Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan. Bagi kemudahan orang ramai untuk bersukan, masyarakat dan penduduk di Daerah Temburong amat mengharapkan agar KKBS melalui jabatan berkenaan mempertimbangkan supaya dewan serbaguna yang lebih lengkap dapat dibina di Daerah Temburong. Dengan adanya tempat bersukan yang lengkap akan melahirkan lagi atlet sukan yang berkaliber di daerah ini.

3. Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat. Kaola akan menimbulkan 2 perkara:-

    i. Pusat Bahagia di Daerah Temburong yang terletak berhadapan dengan Terminal Perahu Pekan Bangar Temburong dipinjamkan oleh Jabatan Daerah Temburong. Kaola difahami Pusat ini telah ditubuhkan pada tahun 1989 dengan keramaian murid pada masa itu seramai 7 orang. Pada

masa ini, pelatih-pelatih sudah meningkat seramai 31 orang termasuklah yang pemulihan dalam komuniti PDK yang kebanyakannya mempunyai masalah *Mentally Retarded.*

Pada pandangan kaola, Pusat Bahagia Temburong harus ada bangunannya sendiri di tapak yang lebih sesuai, ada ruang yang lebih besar, selesa, persekitaran yang nyaman, bersih dan keadaan tempat yang mesra alam khusus pelatih-pelatih mengikut kesesuaian dan tahap ketidakupayaan mereka di pusat ini.

Di Pusat ini, apa yang kaola lihat ruang yang tidak mencukupi bagi pelatih-pelatih yang dibahagikan kepada beberapa bahagian. Iaitu Bahagian Kelas Bimbingan Orang Berkeupayaan Khas dan Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Cacat, Bahagian Pelatih Pusat Latihan Pekerjaan Orang-Orang Cacat dan Bahagian Pelatih Latihan Industri *(PLI).*

Kaola ingin bertanya apakah sudah ada dalam perancangan dan rancangan jangka panjang KKBS melalui jabatan yang berkenaan bagi penaiktarafan Pusat Bahagia Daerah Temburong ke arah ini?

i. Dicadangkan sebuah kenderaan bagi keperluan pihak JAPEM Temburong yang belum ada disediakan atau dibekalkan selama ini dalam menghadapi jika berlakunya bencana alam ataupun semasa aman (tiada berlaku bencana) untuk penambahbaikan lagi semua tugasan berkaitan bagi menangani bencana alam di daerah ini seperti berlakunya banjir kilat, kebakaran, tanah susur dan lain-lain.

Apa yang kaola lihat bila kejadian ini berlaku untuk menghantar keperluan-keperluan seperti makanan, catuan dan lain-lain kepada mangsa terutama semasa bencana berlaku, ke rumah-rumah atau ke pusat penempatan sementara kenderaan yang digunakan oleh para pegawai kebanyakannya menggunakan kenderaan sendiri. Adakalanya kenderaan mereka tidak dapat memasuki ke tempat mangsa yang memerlukan bantuan disebabkan keadaan jalan raya ditenggelami air apabila berlakunya banjir kilat.

Kenderaan semasa aman (tiada bencana berlaku) untuk melaksanakan tugas seharian seperti membuat lawatan ke rumah-rumah pemohon bantuan, lawatan kes-kes keluarga dan juga ke rumah warga emas (Program Pemedulian Warga Emas) amatlah diperlukan.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: وَعَلَيْكُمُ السَّلاَم Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mahu menjawab soalan-soalan itu sekarang?

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: إِنْ شَاءَ اللَّهُ Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan cuba jua namun yang demikian sekiranya jawapan-jawapan itu kurang tepat nanti akan kaola susuli jua. Kaola mengucapkan terima kasih atas beberapa soalan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pemerhatian dan juga soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal berkaitan dengan isu pengangguran yang melibatkan juga kemiskinan.

Soalan Yang Berhormat ialah mengenai punca kemiskinan di Negara Brunei Darussalam dan hasil penilaian yang **dibuat mengenai isu kemiskinan ini.**

Memang **isu sosial** seperti dalam mukadimah kaola terbahagi kepada 12 isu yang ditangani oleh Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial **termasuk isu kemiskinan dan yang** juga ditangani oleh 6 jawatankuasa khas **termasuk** Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan.

Kaola tidak dapat menjelaskan dahulu apa dapatan daripada penilaian yang telah dibuat itu. Namun demikian isu kemiskinan akan menjadi keutamaan juga untuk dibanteras. Makanya kaola tadi dalam mukadimah itu menyatakan mendapatkan 100 orang **daripada senarai penerima bantuan BKB** sebagai kumpulan sasaran yang **akan** dikenal pasti dan akan **dibantu agar mereka dapat keluar dari kepompong kemiskinan** dalam keadaan yang terarah, terurus dalam sedikit masa yang bersesuaian. Kaola akan melengkapkan lagi jawapan ini nanti kalau kaola mendapatkan laporan yang lengkapnya.

Mengenai soalan Yang Berhormat yang seterusnya iaitu mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu cabaran yang dihadapinya **dalam** memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara dengan impak-impak daripada penggunaan bahasa-bahasa **siber** atau ejaan-ejaan ringkas dan penggunaan bahasa-bahasa lain daripada Bahasa Melayu yang dicampuradukkan. Memang satu pemerhatian yang sangat sensitif juga dan sentiasa juga dipeduli oleh kementerian dan juga khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka.

Inilah realiti yang dihadapi oleh kita dan juga generasi muda. Namun demikian usaha **memartabatkannya akan** terus **dibuat** dengan beberapa projek antara lain yang kaola nyatakan dalam mukadimah awal tadi dengan aktiviti seperti **Bulan Bahasa dan Karnival Bahasa**, Pesta Buku dan sebagainya dan **juga melalui** penglibatan dengan pertubuhan-pertubuhan bahasa serantau untuk memartabatkan Bahasa Melayu ini.

Namun demikian, usaha untuk membendung 100 peratus itu mungkin juga susah kerana pencemaran bahasa ini **mempunyai punca yang tulen**, **seperti** untuk cepat dan *connectivity*. **Walau bagaimanapun, perkara ini** akan

diteliti secara strategik dan secara sistematik **oleh pihak** Dewan Bahasa dan Pustaka **bagi** menangani isu-isu yang sedemikian.

Beredar pula kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid iaitu mengenai Program Awal Literasi yang telah dilancarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Program Awal Literasi adalah program yang berbentuk intelektual yang menjurus kepada memperkasa budaya membaca seawal **di kalangan** kanak-kanak damit.

Kaedahnya ialah dengan menyediakan pek yang diisi buku-buku awal literasi yang diberikan percuma kepada anak damit yang baharu lahir di Negara Brunei Darussalam dengan harapan ibu bapa anak-anak damit akan menanamkan minat membaca dengan cara membacakan buku tersebut selagi awal. Setakat ini **peserta program** berjumlah 357 keluarga dan pemantauan perkembangan anak damit yang menerima pek ini telah dilakukan di perpustakaan dan borang kaji selidik secara temu bual juga telah dijalankan.

Hasil daripada kaji selidik tersebut, didapati respons awal daripada ibu bapa terhadap Program Awal Literasi adalah positif dan menggalakkan. Ibu bapa yang terlibat dengan program ini berpuas hati dengan tindak balas dan perkembangan anak damit mereka. Keberkesanan penuh Program Awal Literasi ini hanya dapat dilihat pada usia 5 tahun pertama anak damit tersebut. Kerjasama yang padu daripada ibu bapa dalam membantu merealisasikan kejayaan program ini amat diperlukan. Dewan Bahasa dan Pustaka akan terus membuat pemantauan perkembangan **program peserta** dari semasa ke semasa.

Program Awal Literasi sememangnya dihasratkan untuk semua anak-anak damit yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam. Dewan Bahasa dan Pustaka telah memulakannya dengan memilih anak damit yang lahir pada Februari 2014 sahaja, supaya pemantauan bagi melihat keberhasilannya lebih mudah dan dapat dicapai. إِنْ شَاءَ اللَّهُ projek ini akan diteruskan dan **akan** dapat disertai oleh semua anak-anak damit yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam pada masa akan datang.

Dapatan dari program yang sama yang dilaksanakan oleh negara-negara lain untuk dikongsikan di sini ialah seperti negara Jepun, Korea, Switzerland dan sebagainya menunjukkan kanak-kanak yang mengikuti Program Awal Literasi lebih cepat pembangunan awal kanak-kanaknya yang memberi kesan kepada pembangunan keseluruhan mereka seterusnya, dari aspek emosi, sosial dan fizikal. Itulah jawapan kaola bagi Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Soalan-soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar bersekitar

jua mengenai sukan dan ada hubung kaitnya dengan mukadimah kaola yang awal dan penjelasan kaola kepada jawapan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Namun demikian saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan mengenai Pembangunan Belia khususnya mengenai pentingnya belia kita dalam berpersatuan.

الْحَمْدُ لله **sebagai maklumat, sebanyak 95 buah persatuan belia** yang masih sah berdaftar dengan ***Registrar of Society (ROS)*** di Polis Di-Raja Brunei dan juga di Jabatan Belia dan Sukan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melihat belia mampu memegang tampuk persatuan belia dan peranan persatuan belia sebagai platform yang mendidik pemimpin muda, memainkan peranan yang positif dan berkesan kepada masyarakat dan negara. Ke arah ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan meningkatkan usaha bagi mengupayakan dan memperkasa persatuan belia supaya dapat menarik minat golongan belia untuk menyokong dan menyertai aktiviti belia.

Menyediakan lebih kemudahan serta aktiviti gaya hidup aktif dan sehat dalam kalangan generasi muda, membantu, memantau persatuan belia serta mengaktifkan persatuan yang lemah. Dalam mukadimah kaola tadi, kaola menerangkan belia yang bepersatuan lebih mudah dibentuk atau diperkasa daripada mereka yang bergerak secara bersendirian.

Antara program dan tindakan yang telah diungkayahkan melalui pusat-pusat belia dan cawangan-cawangan belia Jabatan Belia dan Sukan di keempat-empat daerah bagi menarik minat para belia **untuk** berkecimpung dalam **berpersatuan** adalah seperti berikut:-

1. Memberikan bantuan seperti penggunaan fasiliti dan kemudahan yang di bawah kawalan Jabatan Belia dan Sukan kepada persatuan-persatuan belia dan kumpulan belia yang ingin menganjurkan aktiviti kebeliaan; dan

2. Mengadakan beberapa bengkel, kursus dan seminar dalam dan luar negeri termasuk program **pertukaran belia antarabangsa** seperti *ASEAN-Summit, CHOGM, Singapore Brunei Young Leaders Programme (**SBYLEP),* ***ASEAN Young Professional Volunteer Corps (AYPVC)*** bagi memberikan pendedahan kepada pemimpin-pemimpin belia sebagai langkah dan persiapan belia sebagai pemimpin persatuan belia. Tambahan itu, untuk menggalakkan pemimpin-pemimpin belia, **Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan** juga telah mengadakan kursus-kursus atau program-program kepimpinan yang bersesuaian seperti Program *Outward Bound Brunei **Darusssalam**,* Kursus Asas Kepimpinan, *Outreach Program* dan tidak kurang pentingnya Program Khidmat Bakti Negara, Program Cabaran Belia dan sebagainya.

3. **Selain itu,** pihak kementerian juga telah mengenal pasti 9 kluster kerja-kerja kesukarelawanan yang boleh dilaksanakan oleh persatuan-persatuan belia dengan kerjasama agensi-agensi dan badan-badan lain iaitu kemanusiaan dan kemasyarakatan, alam sekitar, pendidikan, keagamaan, keusahawanan, kebeliaan, kesukanan, kesihatan, kesenian dan kebudayaan.

4. Pihak kementerian juga telah membuat projek penjenamaan ataupun ***rebranding*** Pusat Belia bagi para belia berkumpul secara individu mahupun berpersatuan dan mengadakan aktiviti ataupun program yang berfaedah. Melalui usaha penjenamaan semula Pusat Belia ini, **ianya** dihasratkan akan dapat mempertingkatkan lagi pembangunan belia di negara ini, bukan hanya semata-mata bagi melaksankan program untuk mengisi masa lapang dan menyediakan aktiviti yang menyeronokkan, tetapi lebih utama lagi untuk menjadikan Pusat Belia sebagai tempat untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pentas kepada penghasilan inovasi-inovasi baharu melalui cetusan dan gabungan kreativiti belia selaras dengan kehendak para belia itu sendiri.

Sebagai pengiktirafan pencapaian persatuan belia, satu kategori Anugerah Belia telah diperkenalkan iaitu Anugerah Persatuan Belia yang diadakan setiap tahun sempena **Sambutan** Hari Belia Kebangsaan. Ia menilai keberkesanan sesebuah persatuan belia dalam aspek-aspek pengurusan dan pentadbiran mahupun pelaksanaan aktiviti serta projek persatuan dalam bidang ekonomi, kemasyarakatan, agama, riadah dan didukung oleh pengurusan yang baik dan kepimpinan yang mantap.

Adalah diharapkan bahawa dengan anugerah ini akan menjadi dorongan kepada persatuan-persatuan belia untuk melipatgandakan lagi usaha dan mempertingkatkan tahap dan prestasi persatuan masing-masing. Dengan adanya kategori anugerah ini akan mendorong persatuan-persatuan belia untuk bergiat aktif dan lebih berkesan dan mengikut dasar yang digarispandukan dalam perlembagaan persatuan masing-masing.

Di samping itu juga, ia akan dapat menggalakkan persatuan belia dalam **pergerakan** belia **dan penglibatan** mereka dalam pembangunan belia dan seterusnya memberi pengiktirafan kepada kerja-kerja yang disumbangkan.

الْحَمْدُ لله kebanyakan belia masa kini telah bergiat aktif dan berani melibatkan diri dalam program-program **melalui** beberapa persatuan belia seperti Persatuan ***SCOT*** dan tidak dinafikan pemikiran belia pada masa ini berbeza daripada pemikiran dahulu. Ini memang hakikatnya juga, kalau zaman dahulu kita selalu memikirkan generasi 'siapa yang awal makan garam' tetapi generasi sekarang ini ialah generasi yang awal menggunakan *internet*. Tambahan pula belia-belia sekarang lebih berani

berbanding pada masa dahulu dan **ini** merupakan *value added* kepada kementerian.

Untuk masa akan datang, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan selalu berhubung dan bekerjasama dengan belia dan persatuan-persatuan belia. Tambahan pula, ada **di antara** mereka ini telah diiktiraf di luar negara dengan menerima penghargaan di atas usaha dan aktiviti yang mereka berikan.

Yang Berhormat juga ada menyuarakan mengenai penjanaan tabung untuk sukan dan atlet di negara ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai perkembangan atlet dan juga perkembangan sukan khususnya mengenai imbuhan atau insentif kepada pelatih-pelatih terutama sekali dari segi kewangan.

Pembangunan sukan prestasi tinggi melibatkan semua pihak yang berkepentingan termasuklah atlet itu sendiri sebagai fokus utama. Jurulatih dan penggunaan kaedah perubatan sains sukan secara maksimum kerana kaedah-kaedah sains sukan dapat membantu meningkatkan lagi prestasi atlet ke tahap yang lebih tinggi.

Negara kita memang mampu bersaing dan akan mendapat banyak kejayaan jika betul-betul fokus dan selektif kepada beberapa sukan yang berpotensi untuk meraih pingat dan kejayaan di kejohanan-kejohanan serantau ataupun antarabangsa. Dengan peruntukan yang sedia ada, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai beberapa strategi ke arah mencapai kecemerlangan sukan di sukan serantau dan antarabangsa seperti berikut:-

1. Fokus kepada sukan-sukan yang berpotensi dan memerlukan dukungan ke arah menghasilkan atlet cemerlang dan **boleh menghasilkan kejayaan**;

2. Mempunyai Program Pembangunan dan Pengenalan Bakat **[*Talent Identification (TID)]*** yang kaola jelaskan awal tadi;

3. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi sukan;

4. Seterusnya meningkatkan jumlah dan kualiti orang bersukan dengan mengadakan sukan-sukan di peringkat kebangsaan;

5. Meningkatkan kerjasama dengan pihak *NGOs,* **persatuan-persatuan sukan,** agensi kerajaan dan swasta; dan

6. Membudayakan sukan meningkatkan sumber tenaga manusia iaitu pakar sains sukan dan jurulatih dan prasarana.

Dengan itu, kementerian telah merancang dengan sebaik-baiknya dengan menggunakan peruntukan yang ada dengan memfokus kepada perkara-perkara yang lebih diutamakan seperti memfokus kepada *core* ***sports*** yang boleh meraih

pingat di sukan-sukan serantau dan antarabangsa.

Jenis-jenis bantuan bagi sukan *core* ***sports*** termasuklah bagi penyediaan tempat latihan, jurulatih profesional, menjalani latihan luar negara yang dijadikan *warm-up* kepada *games* yang disertai, penyertaan ke kejohanan di luar negara, khidmat nasihat pakar sains sukan, kelonggaran waktu bekerja secara berterusan, makan minum atlet, kelengkapan dan pakaian sukan, *supplement*, insurans, bayar balik gaji yang tidak dibayar oleh majikan swasta dan elaun latihan bagi atlet yang terpilih.

Memelihara kebajikan atlet dalam memberikan elaun bantuan yang terpilih adalah penting ke arah menghasilkan atlet cemerlang. Di samping itu, beberapa insentif lain juga perlu diambil kira termasuklah memberikan Insentif Skim Ganjaran Kemenangan, Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) apabila atlet berjaya meraih pingat di kejohanan sukan serantau dan antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) ini adalah di antara rancangan tindakan strategik dalam Dasar Sukan Negara untuk memberi kemudahan insentif dan ganjaran yang lebih menarik dalam memberikan penggalakan kepada atlet-atlet ke arah perkembangan sukan di negara ini. Sejak skim ini diluluskan pada tahun 1991 banyak perkembangan dalam bidang sukan khususnya dari segi penyertaan negara ke kejohanan serantau dan antarabangsa. Kecemerlangan para atlet, jurulatih, pengurus, pemimpin persatuan sukan kebangsaan dan individu yang menyumbang ke arah pembangunan sukan serta mengharumkan nama negara adalah antara insentif yang **disediakan** sebagai asas ke arah kecemerlangan sukan **di** negara ini.

Dengan peruntukan yang ada, pihak kementerian telah banyak meng-gunakan SPKS melalui **Skim Ganjaran Kemenangan** bagi membantu hal-ehwal kebajikan atlet yang difahami penyertaan mereka merupakan kerja secara sukarela dan bukanlah berbentuk profesional. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amat menghargai pengorbanan mereka ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah ganjaran Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan **yang telah dihulurkan sepanjang** tahun 2014 adalah sebanyak $118,150.00 diberikan atau diagihkan kepada atlet, jurulatih dan Persatuan Sukan Kebangsaan bagi kejayaan mereka meraih pingat di sukan serantau dan antarabangsa seperti sukan **wushu**, **petanque**, sepak takraw dan atlet Orang Berkeperluan Khas. Manakala bagi tahun 2015, sebanyak $70,170.00 telah diberikan kepada sukan-sukan seperti pencak silat, bowling padang, wushu, lawan pedang dan olahraga.

الْحَمْدُ لله pada masa ini pihak kementerian **ada** memberikan elaun latihan atlet yang akan mewakili negara ke sukan-sukan serantau dan antarabangsa bagi tempoh 3 bulan sebelum kejohanan bermula dengan mengikut syarat-syarat tertentu.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar tadi iaitu bagi menubuhkan Tabung Sukan, kaola mengucapkan ribuan terima kasih mengenai cadangan Yang Berhormat dan perkara ini setentunya memerlukan penelitian yang lebih rapi mengenainya.

Berikutnya Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad telah pun mengutarakan jua soalan berhubung kait **dengan** Daerah Temburong. Soalan Yang Berhormat yang pertama ialah mengenai masa depan **Kompleks** PKBN yang sudah dibina di **Daerah** Temburong dan bilakah latihan akan dimulakan di sana? Bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu, projek pembinaan Bangunan PKBN baharu di **Mukim** Batu Apoi, Temburong dibahagikan kepada beberapa fasa.

Fasa Pertama, **melibatkan pembangunan** lima blok utama iaitu blok pentadbiran, blok tempat tinggal pelatih perempuan, blok tempat tinggal jurulatih perempuan, blok dewan makan, surau dan bilik darjah dan dewan serbaguna dan blok tempat tinggal jurulatih lelaki dan pelatih lelaki. Di samping itu juga ia dilengkapi dengan klinik dan juga bilik gerakan.

Manakala bagi fasa kedua, adalah **penyediaan padang kawad** dan fasiliti latihan **(*multi-training structure*).** Bagi fasa pertama, bangunan tempat tinggal, kemudahan dan pembelajaran mula dilaksanakan pada 21 Jun 2014 dan الْحَمْدُ لله siap pada 20 Jun 2015 mengikut sasaran penyiapan. Fasa kedua, **ianya** sepatutnya bermula pada tahun 2015 yang lalu. Walau bagaimanapun, projek ini terpaksa dikaji semula dengan mengambil kira keupayaan sumber, kesesuaian dan keutamaan fasiliti yang akan dibina.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ langkah ke hadapan, tawaran bagi projek fasa kedua akan dibukakan pada bulan april mendatang ini dan dijangka siap pembinaannya pada bulan November 2016. إِنْ شَاءَ اللَّهُ jika tidak ada sesuatu yang menunda lagi, **Program Khidmat Bakti Negara** bagi Pengambilan ke-6 akan memulakan latihannya di sana pada hujung tahun 2016 ini nanti.

Yang Berhormat juga ada bertanyakan dalam jangka waktu panjang **sama ada perancangan** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan **untuk menubuhkan Pusat Pembangunan Belia di Daerah Temburong.**

Pusat Pembangunan Belia, sebagai jawapannya adalah sebuah pusat latihan untuk para belia yang tidak dapat meneruskan pendidikan formal dan belia yang ingin mendapatkan kemahiran secara *hands-on* **melalui** menawarkan kursus-kursus kemahiran yang menepati

keperluan pasaran. Pada masa ini, PPB menawarkan program dua lokasi iaitu di Pusat PPB di Kampung Tanah Jambu dan juga di cawangannya di Daerah Belait, di bangunan Rumah Persinggahan Kerajaan Jalan Maulana. PPB mempunyai bangunan kekal di Jalan Utama Tanah Jambu dan mempunyai asrama yang boleh menampung lebih kurang 200 orang pelatih.

Dalam rancangan masa panjang, memang terdapat perancangan PPB untuk **membuka** pusat latihannya di setiap daerah tetapi ini tertakluk kepada beberapa faktor seperti *demand* atau keperluan belia dan juga keperluan pasaran industri. Pada masa ini, jika dilihat dari jumlah pemohon, permohonan yang diterima dari pemohon-pemohon Daerah Temburong, keperluan untuk **menubuhkan** pusat belumlah begitu mendesak atau kritikal dan untuk makluman bersama pada tahun 2015 yang lalu, PPB hanya menerima 18 permohonan dari belia Daerah Temburong untuk mengikuti Program PPB. Manakala pada tahun ini hanya 16 permohonan. Mungkin kaedah lain yang boleh diterokai adalah seperti mengadakan kursus-kursus pendek kemahiran yang menepati keperluan pasaran di Daerah Temburong dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan diteliti lagi secara terperinci ataupun secara rapi.

Bagi soalan berikut Yang Berhormat ada menyatakan bagi kemudahan orang ramai bersukan di Daerah Temburong agar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan mempertimbangkan supaya dewan serbaguna yang lebih lengkap dapat dibina di Daerah Temburong.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu, pada masa ini KKBS menyediakan beberapa kemudahan sukan yang berpusat di Kompleks Sukan Batu Apoi yang termasuk padang bola sepak, trek, gelanggang luar dan kompleks kolam renang. Memang diakui di antara kemudahan yang ada di sini ada yang sudah usang, memerlukan pensejahteraan segera yang mengizinkan.

Dalam hubungan yang sama untuk makluman Yang Berhormat, hasil inventori yang dilaksanakan oleh kementerian ini pada tahun 2014 tentang tempat-tempat bersukan dan riadah di seluruh negara seperti yang kaola jelaskan dalam soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad awal tadi, ia melibatkan bukan sahaja di bawah kawalan kementerian ini bahkan termasuk *stakeholders* lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan pihak swasta.

Daerah Temburong didapati mempunyai 16 buah padang bola sepak, 23 gelangang luar, 6 tempat berjogging, sebuah kolam renang dan beberapa dewan yang menyediakan 16 gelangang sukan di dalam dewan. Maka dengan adanya inventori tersebut cadangan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad untuk membina sebuah dewan serbaguna yang lengkap hendaklah mengambil kira inventori yang sedia ada.

Dalam hubungan yang sama melalui kemudahan-kemudahan yang sedia ada, Jabatan Belia dan Sukan telah pun menjalankan beberapa skim latihan remaja bagi sukan pencak silat, karate-do dan ragbi di bawah jurulatih tempatan **dan dalam** perancangan untuk menambahnya. **Program** mengenal pasti bakat **(TID)** Daerah Temburong jua dilaksanakan dan setakat ini 2 orang atlet karate-do dari daerah Temburong telah pun terpilih ke akademi sukan bagi diberikan latihan yang lebih intensif dan **bersistematik.**

Walau bagaimanapun, dengan kemudahan yang ada saya yakin kita masih mampu menghasilkan atlet yang berkaliber atau dapat diketengahkan dari Daerah Temburong.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari senarai atlet negara terdapat juga beberapa orang atlet muda dari Daerah Temburong yang berpontensi dari sukan karate-do dan telah menyertai Akademi Sukan Negara Brunei Darussalam sejak Mei 2015 tahun lepas dan telah mewakili negara ke Sukan Malaysia *(SUKMA)* 2014 di Perlis, Malaysia dan meraih 1 pingat perak bagi sukan karate-do di kejohanan Sukan Borneo 2013 Labuan, Malaysia. Jadinya, **ada lah** pencapaian sukan jua oleh atlet-atlet dari Daerah Temburong ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad juga mengutarakan soalan, apakah sudah ada dalam rancangan jabatan **yang berkenaan** untuk menaik taraf Pusat Bahagia Daerah Temburong.

Bagi menjawabnya, JAPEM (Jabatan Pembangunan Masyarakat) pernah memohon untuk melaksanakan pengubahsuaian terhadap Pusat Bahagia Daerah Temburong dalam Tahun Kewangan 2013/2014 melalui peruntukan Perbelanjaan Khas berjumlah $56,000.00. Pengubahsuaian yang dirancangkan ialah untuk menambah ruang serbaguna, untuk menempatkan bilik aktiviti, galeri pameran dan bilik mini mesyuarat, **pengubahsuaian** bilik stor dan membaik pulih pagar serta tandas.

Walau bagaimanapun, memandangkan bangunan Pusat Bahagia berkenaan adalah bangunan warisan bagi Daerah Temburong dan sebarang penambahan bangunan dikhuatiri menjejaskan reka bentuk asal, maka perkara tersebut tidak dapat diteruskan. Oleh yang demikian, pengubahsuaian hanya tertumpu kepada pembaikan pagar sekeliling dan bilik air sahaja yang **dilaksanakan** pada Tahun Kewangan 2014/2015.

Sungguhpun demikian, Kementerian ini menyedari akan kepentingan untuk menyediakan prasarana yang lebih kondusif bagi pelatih-pelatih Pusat Bahagia dan keperluan ini pernah diterokai dengan agensi-agensi yang berkenaan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan terus ditunduki ataupun di*revise* semula dengan mengambil kira keperluan lokasi yang lebih mudah dikunjungi oleh pelatih-pelatih dan juga keluarga mereka.

Akhirnya, Yang Berhormat juga menyuarakan soalan mengenai persediaan atau keperluan bagi pihak JAPEM Daerah Temburong untuk dilengkapkan kenderaan jika terjadi satu bencana atau musibah.

Untuk jawapan, cawangan JAPEM Daerah Temburong sebenarnya mempunyai sebuah van pada masa ini bagi keperluan pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan menjalankan tugas mereka termasuklah untuk membuat siasatan ke rumah-rumah, menghantar catuan makanan khususnya semasa berlakunya musibah atau bencana alam dan juga menghantar dan mengambil murid-murid dan pelatih-pelatih Pusat Bahagia Temburong.

Kementerian ini mengambil maklum kenderaan ini tidak mencukupi untuk menampung perkhidmatan harian dan berkala yang dijalankan oleh JAPEM Temburong. Oleh yang demikian, JAPEM mendapat kerjasama dari Jabatan Daerah Temburong, Jabatan Belia dan Sukan, Pusat Pengurusan Bencana Daerah Temburong dan juga dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam memberikan perkhidmatan pengangkutan dukungan terutama sekali apabila berlakunya musibah ataupun bencana alam.

Walau bagaimanapun, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ Kementerian ini menyambut baik akan saranan ataupun keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad bagi penambahan kenderaan untuk cawangan JAPEM Temburong ini dan perkara ini akan diteliti dengan lebih terperinci lagi termasuk dengan mengambil kira keutamaan peruntukan atau sumber yang ada ataupun yang akan diluluskan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Itulah antara lain yang dapat kaola jawab pada soalan-soalan yang telah pun diutarakan oleh 4 orang Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi: Dengan jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, maka saya ingin mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya ini ditangguhkan dahulu dan kita balik untuk bermesyuarat dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin menangguhkan mesyuarat ini selama 20 minit dan kita akan menyambungnya semula sesudah itu.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan sebagaimana yang diketahui kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 bagi Jadual Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Maka bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan kita secara teliti, saya tangguhkan dulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 bagi Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebelum mesyuarat ini kita tangguhkan untuk berehat tadi, kita telah mendengar seramai 4 orang Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik telah mengemukakan soalan-soalan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah memberikan huraian jawapan terhadap pertanyaan-pertanyaan tersebut.

Sebelum kita memulakan perbincangan seterusnya, saya ingin meminta kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik kalau sekiranya dapat mengurangkan mukadimah masing-masing dan teruslah menyoal ataupun mengeluarkan soalan-soalan yang dikemukakan itu dan saya minta sekiranya jawapan-jawapan yang diberikan, kalau sekiranya jawapannya itu tepat kepada soalan-soalan yang dikemukakan, saya bercadang sekiranya tidak ada apa-apa, إِنْ شَاءَ اللهُ pada petang ini kita akan menyelesaikan Tajuk Jadual Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Silakan Datin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola ingin mengemukakan beberapa soalan:-

1. Peruntukan Kewangan 2016/2017 dalam Anggaran Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu bantuan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang berjumlah kira-kira $200 ribu sahaja, berkurangan daripada jumlah peruntukan tahun sebelumnya iaitu sebanyak $300 ribu.

   Soalan saya:-

   i. Dengan jumlah peruntukan yang berkurangan sebanyak $100 ribu, bagaimanakah pembahagian dan pengagihan peruntukan ini kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang berkenaan?;

   ii. Adakah peruntukan ini juga diberikan kepada persatuan-persatuan Orang Yang Berkeperluan Khas dan Kurang Upaya yang bertambah bilangan dan program-program yang mereka rancang dan laksanakan?; dan

   iii. Adakah terdapat garis panduan atau syarat-syarat tertentu dalam membuat permohonan bagi mendapatkan bantuan tersebut supaya pem-bahagiannya dapat dihulurkan dengan lebih efisien dan berkesan.

2. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam ucapan mukadimah pada sebelah pagi tadi yang menggariskan usaha-usaha kementerian dalam memperkasa para belia dengan pelbagai program dan juga telah menampakkan hasil dan impak positif kepada para belia.

   Soalan saya bagaimana pula pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberikan kerjasama, sokongan dan bantuan kepada pihak-pihak atau agensi-agensi yang berperanan lainnya dalam menangani para belia kita yang kurang bernasib baik yang tercicir pencapaian sekolahnya, yang terlibat gejala penyalahgunaan dadah, terlibat gejala-gejala penyakit masyarakat yang lain seperti mencuri dan sebagainya.

   Jumlah ini tidaklah seramai para belia yang terlibat dalam program-program kementerian yang disebutkan dan yang saya maksudkan ialah belia yang berada di luar daripada kawalan dan pengawasan pihak kementerian iaitu melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat yang mungkin berada di kampung-kampung yang selalunya kita terlepas pandang;

3. Sebenarnya soalan ini sudah dijawab secara tidak langsung oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada soalan rakan kaola iaitu mengenai usaha untuk

membendung masalah sosial supaya ia tidak terus berlaku dengan merancang program-program kesedaran iaitu melibatkan isu-isu anak yang tidak berdosa ataupun anak-anak yang tidak sah taraf. Sebagaimana pada pagi tadi kita mendengar bahawa statistik seramai 4,044 orang anak yatim telah didaftarkan pada tahun 2015 berbanding dengan 1,756 orang pada tahun 2014 yang berdaftar dengan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah.

Dalam hal ini, kita tidaklah beranggapan bahawa jumlah yang meningkat drastik itu disebabkan kebanyakannya oleh anak-anak yang tidak berdosa ini. Walau bagaimanapun, kita juga berhak menyuarakan kebimbangan kita akan pertambahan ini melibatkan jua ramainya jua anak-anak yang tidak berdosa yang ikut didaftarkan; dan

4. Saya cuma hanya ingin menambah kepada respons Yang Berhormat Menteri tadi bahawa pihak kementerian telah merancang program-program kesedaran dan saya cuma hanya ingin menambah supaya program-program yang dirancang tersebut oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan sukan juga akan melibatkan secara bersepadu dan bersungguh-sungguh dengan agensi-agensi kerajaan yang lain terutamanya Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu melalui Jabatan Pusat Da'wah Islamiah dan jabatan-jabatan lain di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berkenaan.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Sepanjang apa yang kaola dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang kebanyakannya hal belia. Di sini, kaola akan memfokuskan hal beliau-beliau.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebagai pemimpin masyarakat akar umbi dan lidah penyampai antara rakyat dengan kerajaan, maka kaola suarakan lagi dalam Dewan yang mulia ini mengenai dengan Elaun Pencen Tua yang diilhamkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada 1 Januari 1955 sebanyak $20.00 sebulan hingga 31 Ogos 1971, dan diteruskan hingga sekarang atas kepimpinan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana kenaikan kali yang ke-8 pada 1 Oktober 2006

sebanyak $50.00 sehingga sekarang berjumlah $250.00 sebulan.

Perkara ini pernah kaola suarakan dalam Dewan yang mulia ini pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan begitu juga pada Mesyuarat Dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh dan ini adalah kali ke-3.

Mengapa Elaun Pencen Tua ini kaola timbulkan. Ini adalah disebabkan:-

1. Ramai warga menerima pencen tua ini, menyuarakan akan dapat diketengahkan lagi;

2. Mereka yang tidak menerima pencen bulanan hanya berharap $250.00 ini sahaja tanpa mendapat pendapatan dari sumber-sumber yang lain;

3. Kenaikan perbelanjaan keperluan sara hidup sejak akhir-akhir ini meningkat harganya daripada biasa; dan

4. Tidaklah dinafikan bahawa ada antara mereka ini setahun sekali memakan daging. Itupun daging korban.

Yang Berhormat Pengerusi. Apa jua kiranya dapat difikirkan supaya ada kenaikannya kali yang ke-8 ini. Justeru itu, apa pun jawapan balas daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan, namun demikian bahawa pada Musim Permesyuaratan Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas ini sekali lagi kaola sarankan, ini mungkin kali terakhir kaola duduk di Dewan ini kerana masuk di penghujung penggal kedua sebagai wakil dari Daerah Tutong.

Mengimbas kembali Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Majlis Mesyuarat Negara pada 15 Safar 1427 bersamaan 15 Mac 2006, baginda bertitah "Majlis Mesyuarat Negara adalah seperti Majlis Mesyuarat yang lain. Ia berperanan sebagai penasihat kepada beta dalam perkara yang bersangkutan dengan kepentingan rakyat dan negara".

Justeru itu, kaola penuh berharap bahawa sesungguhnya akan dapat difikirkan lagi demi kepentingan rakyat yang memerlukan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih dahulu kaola merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang

Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas mukadimah yang diberikan. Yang Berhormat Pengerusi, Perbelanjaan Khas untuk Program Budaya Membaca diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 berjumlah $50,000.00 sahaja.

Pelbagai kempen membaca sedang dilaksanakan di negara ini, namun keberkesanan kempen masih tidak menyeluruh kerana tidak mendapat sambutan masyarakat. Oleh itu perlu adanya penggemblengan tenaga bersepadu bagi membentuk masyarakat yang gemar membaca agar menjadi masyarakat yang berilmu.

Oleh itu masyarakat hari ini memerlukan anjakan paradigma agar menyuburkan benih membaca dalam sanubari mereka, umpamanya melalui ibu bapa dan pihak media massa dan elektronik. Berdasarkan pengurangan peruntukan dari Anggaran Perbelanjaan 2015/2016 iaitu $100,000.00, adakah boleh dilaksanakan berdasarkan soalan dan cadangan kaola berikut ini:-

1. Adakah cadangan untuk memberi taklimat kesedaran membaca ke mukim-mukim dengan sasaran utama kepada ibu bapa agar bekerjasama untuk memainkan peranan penting supaya mewujudkan suasana membaca di rumah kepada anak-anak mereka?;

2. Adakah perancangan mengadakan kerjasama dengan pihak media massa dan elektronik yang berperanan sebagai penyebar maklumat untuk menjayakan Kempen Galakan Membaca, kerana masyarakat sekarang menggunakan bahan-bahan elektronik sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan menumpukan perhatian kepada berita hangat dan cerita sensasi. Oleh itu, pihak media massa dan elektronik menyeru dan menggesa masyarakat supaya membaca dan menyatakan kebaikan-kebaikan membaca;

3. Adakah perancangan mengadakan Pertandingan Mari Membaca Buku di peringkat kanak-kanak yang berupaya memancing minat terhadap buku?;

4. Dicadangkan pula, jika ada syarikat-syarikat swasta mempunyai inisiatif untuk menaja surat khabar dan buku-buku untuk bacaan pelajar atau kedai-kedai buku menjual harga rendah kepada pelajar?; dan

5. Adakah program penggerak bacaan ini sampai dilaksanakan di kawasan pedalaman Daerah Tutong misalnya Rumah Panjang Kebubuk, Mukim Rambai?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 adalah $2,120,471,000.00, Perbelanjaan Berulang-Ulang bagi pembangunan atlet-atlet berpotensi. Sukan bola sepak dan futsal di negara ini, sebagai salah satu daripada sukan yang sangat

diminati oleh semua peringkat masyarakat.

Program Ikan Pusu, merupakan sebuah Program Pembangunan Sukan Bola Sepak. Penubuhan Sekolah Sukan pula bertujuan melahirkan atlet-atlet berpotensi dan mengembangkan kemahiran mereka dengan kemudahan asas seperti asrama, padang, gelanggang sukan dan jurulatih yang bertauliah.

Soalan kaola:-

1. Apakah kerjasama atau peranan Jabatan Belia dan Sukan dalam membantu perkembangan bola sepak, Program Ikan Pusu dan perkembangan Sekolah Sukan?; dan

2. Adakah cadangan membaik pulih gelanggang-gelanggang sukan yang rosak? Kalau ada kaola memohon gelanggang sukan sepak takraw dan bola tampar Kampung Danau dibaik pulih kerana terdapat kerosakan tapak konkritnya pecah dan berlubang-lubang yang boleh mendatangkan bahaya. Walau bagaimanapun, terpaksa digunakan juga setiap petang oleh belia di kampung tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai Jabatan Pembangunan Masyarakat, kaola akan menyentuh mengenai perkhidmatan bantuan am dan bantuan bencana alam dan perumahan, yang masing-masing mempunyai Peruntukan Perbelanjaan Yang Berulang-Ulang. Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 iaitu $1,393,887,000.00 bagi Kebajikan Am dan $62,222,000.00 bagi Bencana Alam dan Perumahan.

Di Daerah Tutong, untuk mencari rumah sewa bagi membantu orang yang sangat memerlukan adalah sangat sukar. Seperti ibu tunggal yang sakit, tidak bekerja dan menanggung anak yang kurang upaya, keluarga yang dihalau keluar oleh tuan rumah kerana tertunggak sewa rumah dan tidak ada saudara mara untuk menumpang.

Sehubungan itu, cadangan kaola supaya jabatan ini bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang maksudnya sangat mendalam iaitu satu kiasan, "umpama sebuah perahu, supaya semua orang yang di dalamnya berkayuh bersama-sama".

Ini bermakna supaya kita mengamalkan sikap bantu membantu secara bersepadu. Harapan kaola, supaya setiap kementerian atau jabatan yang mempunyai rumah, berek atau flat yang kosong di Daerah Tutong untuk membenarkan diguna sama sebagai penempatan bagi orang-orang yang dimaksudkan tadi iaitu yang dalam kecemasan dan keperluan serta-merta.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Perbelanjaan

Berulang-Ulang bagi Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 dalam Muzium-Muzium untuk Program Kesedaran Awam dan Pameran Bergerak berjumlah $65,806,000.00 dan untuk Memasyarakatkan dan Membudayakan Muzium di dalam dan di luar negara, berjumlah $124,151,000.00.

Soalan kaola:-

1. Adakah cadangan untuk mengadakan Pameran Bergerak ini ke daerah-daerah agar individu-individu yang mempunyai barangan antik, manuskrip atau artikel-artikel lama, artifak bernilai sejarah, dapat bersama-sama untuk dipamerkan;

2. Adakah cadangan untuk mewartakan terminal feri 40an dan sebuah bangunan guru 50an, Kampung Danau, agar ia dapat dibaik pulih dan dipelihara; dan

3. Apakah kedudukan membudayakan barang antik, artifak, manuskrip dan artikal bernilai sejarah dibawa masuk dari luar negara ke negara ini?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Belia Kebangsaan kali ke-9, Tahun 2014.

Baginda ada menyentuh "usaha untuk merealisasikan perpaduan dan persefahaman dalam berpasukan". Titah itu dikurniakan selepas 2 tahun Pasukan Tebuan Muda Brunei Darussalam, buat pertama kalinya melakar sejarah menjuarai Piala Hassanal Bolkiah 2012, yang terdiri daripada pemain-pemain bola sepak tempatan melalui acuan dan aduan bijak jati diri ilmu pengadilan berpasukan. Kejayaan ini turut dihargai oleh pihak luar negara khususnya *ASEAN Football Confederation (AFC) dan ASEAN Football Federation (AFF)* yang mengiktiraf Piala Hassanal Bolkiah sebagai satu kejohanan bola sepak belia yang terunggul di rantau ini.

Justeru itu, pasukan ini seharusnya dijadikan *role model* untuk belia muda, kalau tidak pencapaiannya yang terbukti kuat pasukan Brunei setelah 10 tahun berjuang akhirnya impian itu menjadi realiti.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Menyedari semangat

berpasukan oleh kita dalam merangkul kejayaan ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus menyarankan dalam titah baginda sempena Istiadat Pengurniaan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan sebagai menghargai kejayaan pihak pengurusan dan pemain-pemain bola sepak Negara Brunei Darussalam memenangi Piala Hassanal Bolkiah pada 5 April 2012.

Kaola membacakan titah iaitu "Piala Hassanal Bolkiah dijadikan sebagai satu platform dalam memajukan kecemerlangan bola sepak di rantau Asia Tenggara. Ke mana hilangnya semangat berpasukan itu dan mana dia pengurusan pasukan yang telah diamanahkan meneruskan perjuangan ini."

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Belia tahun 2014 menyentuh tentang kepentingan memiliki ilmu cara mengendalikan diri dalam apa-apa bentuk keadaan. Pasukan bola sepak Tebuan Muda dalam diam-diam melalui dalam bimbingan mereka yang cukup sederhana telah mampu membuktikan prestasi mereka pada tahap cemerlang. Tetapi di mana letaknya kecemerlangan pada tahun 2016 ini. Jika ada mekanisme yang sepatutnya lebih mampu dan lebih memiliki kesedaran tentang makna kaedah urusan yang komprehensif dan efektif untuk mencapai kejayaan seterusnya.

Apakah usaha kita sendiri menjadikan bola sepak ini sebagai bahan *ceremony* semata-mata? Apakah usaha yang dijalankan untuk menghidupkan semula semangat juang untuk mencapai kejayaan dalam Piala Hassanal Bolkiah? Apakah mereka yang diamanahkan itu menerajui pasukan Brunei pada masa ini sudah pun bersedia sepenuhnya? Apakah persediaan rapi yang dirancang untuk membolehkan pasukan kebangsaan belia kita mengembalikan imej negara dan seterusnya meraih kejayaan buat kali yang kedua.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan kaola:-

1. Apakah persediaan sudah mantap sebelum berlangsungnya pertandingan yang akan dijangka berlaku pada tahun 2017?;

2. Apakah persediaan yang sudah, sedang dan akan diusahakan oleh pihak Kebudayaan, Belia dan Sukan?

   Mereka yang terlibat secara langsung sudahkah bersedia untuk berkongsi ilmu, mereka faham, memerhati, mempraktikkan dan membuktikan kejayaan? Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pengerusi: Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengajukan satu perkara sahaja iaitu di bawah Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat. Seawal tahun 1955 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bermurah hati mengurniakan pemberian Pencen Umur Tua kepada Rakyat dan Penduduk Tetap di negara ini yang mencapai umur 60 tahun sehingga selagi hayat dikandung badan.

Adalah difahami bahawa jumlah penerima-penerima Pencen Umur Tua seperti mana ditaklimatkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada awal perbincangan kementerian yang berkenaan pagi tadi mempunyai jumlah penerimanya melebihi ke angka 31,000 orang dari sebulan, setahun ke setahun semakin meningkat. Dengan jumlah pembayaran sebanyak $250.00 seorang setiap bulan jika dibandingkan dengan jumlah seawal mulanya sebanyak $20 seorang sebulan jumlah kewangan yang menjangkau seratus ke $200 ribu, yang akan diuruskan oleh pelaksana pembayarannya maka kaola mencadangkan supaya Akta Pencen Umur Tua itu dapat dikaji disesuaikan atau diselaraskan dengan keadaan semasa masa kini atas tujuan:-

1. Untuk meringankan beban mempercepatkan pelaksanaan pembayarannya dan untuk membolehkan Pencen Umur Tua tersebut dibayar melalui bank bagi penerima-penerima yang berkeinginan;

2. Sebagai langkah berjaga-jaga demi keselamatan kewangan yang berjumlah banyak seperti tersebut di atas; dan

3. Bagi memastikan penerima-penerimanya tetap tinggal di negara ini dan tidak bermastautin di luar negara yang hanya bertujuan untuk mengambil kesempatan terhadapnya.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah panjang lebar, membentangkan Peruntukan Kewangan 2016/2017 bagi kementeriannya. Dalam perancangan yang lalu mengenai Anugerah Sastera, adakah sudah dirancang, dilaksanakan atau belum? Kalau belum, bila melaksanakannya? Begitu juga cadangan, rancangan

tahun lepas iaitu menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipanggil Lembaga Pengarah supaya pengarah di sesebuah jabatan itu sebagai menyokong kepada pengarahnya sendiri. Kaola ringkas sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Mengangkat bahasa Melayu kita sokong semuanya, tidak ada yang tidak menyokong. Kelihatan papan-papan tanda yang kabur, tunjung (condong) dan mungkin tumbang. Perhatikanlah semula keadaanya untuk diperbaiki dan diperelokkan supaya tidak diperolokkan oleh orang lain.

Mengangkat bahasa itu lagi. Ertinya kalau kita mengangkat bahasa ini di mana ada hal-hal bahasa seperti peraduan, persembahan sokonglah beramai-ramai datang ke sana. Belia tidak ada yang datang, orang tua pun tidak datang akhirnya pesta-pesta itu kosong sedangkan itu pesta bahasa yang akan kita angkat.

Kaola mendengar saranan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu akademik seni. Ini satu perancangan bahan yang baik dan dinanti-nantikan oleh para belia yang berkecempung dalam bahasa sastera dan budaya. Cadangan macam ini bukanlah ditinggalkan atau diampaikan sahaja tetapi terus diangkat untuk dimajukan oleh belia dan bangsa sendiri.

Oleh sebab ramai belia dalam persatuan bahasa, penulis bahasa dan sastera makanya untuk memajukan bahasa dan sastera kaola mencadangkan supaya mereka itu diampiti (diberi) sedikit pingat-pingat kebesaran negara supaya bersemangat lagi untuk menulis dan beraksi dalam persatuan bahasa dan sastera.

Saya tadi mendengar mengenai dengan perbahasan menyebut anak luar nikah. Saya sebenarnya tidak bersetuju kalau disebut berulang kali rawan rasanya hati. Kalau boleh ditukar panggilannya seperti Orang Kurang Upaya (OKU) bisai bunyinya orang mendengar.

Di samping itu kaola mendengar perkataan-perkataan yang tidak dapat difahami katanya, bahasa ringkas dalam *sms* dan lain-lain. Sebenarnya kalau mengikut perkembangan bahasa meringkaskan bahasa ini tidak boleh ia mesti dilengkapkan kalau perkataan 'yang' jangan dipendekkan apa lagi atas nama misalnya Pengiran janganlah ditulis "Pg" kerana meringkaskan bahasa seperti itu tidak sesuai dilihat dari segi penggunaan, dipendekkan jadi "Ak" (Awangku) pun tidak sedap bunyi bahasanya, mana ada bunyi "Pg", apa salahnya ditulis dengan lengkap. Jadi maksud saya supaya mengelakkan terjadinya kekeliruan tentang perkataan-perkataan tersebut. Kalau orang Brunei sememangnyalah tahu dengan sebutan tersebut tetapi kalau orang luar mungkin tidak akan faham.

Yang terakhir kaola mendengar kita memanggil pakar-pakar pelatih dari luar itu adalah baik untuk mengaktifkan lagi sukan-sukan yang ada tetapi mereka itu janganlah dibiarkan begitu sahaja tetapi akan digandingi juga oleh orang-orang Brunei sendiri untuk melihat bagaimana

caranya membuat latihan, bagaimana caranya mengatur dan lain-lain.

Mereka ini bukannya lama ditugaskan paling pendek pun dalam 3 atau barangkali 5 tahun. Lepas itu ia akan balik, jangan ditahan-tahan itu merugikan sahaja dan tempatnya itu nanti diganti dengan orang Brunei. Begitulah serba sedikit dan secara ringkas-ringkas kaola sebutkan mudah-mudahan pihak berkenaan akan memahami maksud kaola itu dan akan dapat dilaksanakan dan diwujudkan demi kebaikan bersama-sama.

Demikian Yang Berhormat Pengerusi. وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: وَعَلَيْكُمُ ٱلسَّلَامُ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan respons.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Seperti juga yang kaola sarankan awal tadi, kaola akan melengkapkan jawapan yang mungkin belum lengkap daripada soalan yang awal sebelum soalan no. 6 Yang Berhormat kalau diizinkan menjawab soalan yang ditujukan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal iaitu soalan mengenai hasil usaha dalam membasmi kemiskinan, hasil siasatan atau kaji selidik.

Sebagai jawapan tambahan kaola menerangkan mengenai Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan iaitu satu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial. Beberapa punca kemiskinan telah dikenal pasti termasuk kelulusan rendah dalam kalangan sebahagian lepasan sekolah yang menyebabkan gaji yang diterima rendah dan jumlah tanggungan yang banyak yang menyebabkan gaji yang diterima tidak mencukupi.

Usaha untuk mengatasi isu ini adalah memang kompleks dan memerlukan strategi yang komprehensif dan meluas. Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial dan Jawatankuasa Isu Kemiskinan memahami akan keperluan untuk melaksanakan strategi yang meluas termasuk daripada aspek pendidikan, latihan, kesedaran dan sebagainya.

Satu pelan tindakan telah diluluskan yang menggariskan beberapa usaha yang perlu dilaksanakan iaitu pendidikan, kesihatan, pekerjaan, latihan, perumahan, keusahawanan, pengangkutan, infrastruktur, kewangan dan dasar-dasar perundangan. Sebagai misalan satu langkah yang mustahak dilakukan dengan segera adalah meningkatkan kesedaran mengenai mustahaknya pendidikan dan mendapatkan kelulusan yang setinggi-tinggi dan juga kesedaran isu bijak berbelanja.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Seperti juga yang kaola sarankan awal tadi, kaola akan melengkapkan jawapan yang mungkin belum lengkap daripada soalan yang awal. **Kalau** diizinkan menjawab soalan yang ditujukan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal iaitu soalan mengenai hasil usaha dalam membasmi kemiskinan, hasil siasatan atau kaji selidik.

Sebagai jawapan tambahan kaola menerangkan mengenai Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan iaitu satu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial. Beberapa punca kemiskinan telah dikenal pasti termasuk kelulusan rendah dalam kalangan sebahagian lepasan sekolah yang menyebabkan gaji yang diterima rendah dan jumlah tanggungan yang banyak yang menyebabkan gaji yang diterima tidak mencukupi.

Usaha untuk mengatasi isu ini adalah memang kompleks dan memerlukan strategi yang komprehensif dan meluas. Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial dan Jawatankuasa **Khas** Isu Kemiskinan memahami akan keperluan untuk melaksanakan strategi yang meluas termasuk daripada aspek pendidikan, latihan, kesedaran dan sebagainya.

Satu pelan tindakan telah diluluskan yang menggariskan beberapa usaha yang perlu dilaksanakan iaitu pendidikan, kesihatan, pekerjaan, latihan, perumahan, keusahawanan, pengangkutan, infrastruktur, kewangan dan dasar **dan** perundangan. Sebagai misalan satu langkah yang mustahak dilakukan dengan segera adalah meningkatkan kesedaran mengenai mustahaknya pendidikan dan mendapatkan kelulusan yang setinggi-tinggi**nya** dan juga kesedaran isu bijak berbelanja.

Antara perkembangan terkini yang dilaksanakan oleh jawatankuasa khas ini ialah mengadakan taklimat celik kewangan bagi penerima-penerima Bantuan Kebajikan Bulanan yang mesti dihadiri sebelum menerima **Bantuan Kebajikan Bulanan daripada** JAPEM. Taklimat ini dilaksanakan dengan kerjasama *Authority Monetary Brunei Darussalam,* Tabung Amanah Pekerja, Agensi **Pekerjaan** Tempatan dan **Pembangunan** Tenaga Kerja (*APTK*) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam.

Di samping itu berbagai pihak yang berkenaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan dan agensi-agensi yang lain yang berkenaan juga **sedang** giat melaksanakan program-program yang bertujuan mengatasi isu kemiskinan ini. Kejayaan program ini mencapai matlamat ke arah membasmi kemiskinan akan hanya dapat dilihat dalam jangka masa yang panjang, إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Yang Berhormat Pengerusi. Sekarang kaola berusaha untuk menjawab beberapa soalan daripada Yang Berhormat sebentar tadi yang didahului oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin iaitu mengenai dengan jumlah sumber kewangan, adakah diberikan kepada Persatuan Orang Kurang Upaya dan garis panduan untuk mendapat bantuan tersebut untuk lebih efisien dan berkesan.

Bagi menjawabnya Yang Berhormat Pengerusi. Peruntukan Bantuan Kewangan untuk Badan-Badan Bukan Kerajaan yang diperuntukkan melalui Peruntukan Perbelanjaan Khas ini diagih-agihkan kepada persatuan-persatuan dalam bidang kebajikan dan kemasyarakatan termasuk Persatuan-Wanita, Persatuan Orang Kurang Upaya dan Persatuan-**Persatuan** Warga Emas.

Peruntukan ini diagihkan bagi menampung perbelanjaan operasi tahunan persatuan-persatuan berkenaan khususnya bagi membiayai program-program pembangunan dan peningkatan kapasiti bagi ahli-ahli mereka termasuk untuk pembayaran tenaga **kerja** pakar yang membantu menjalankan program-program berkenaan; atau menganjurkan ataupun menghadiri persidangan seminar ataupun bengkel yang berkaitan dengan isu-isu yang mereka tangani. Bantuan kewangan yang diluluskan adalah berbentuk **grant** tahunan.

Sebelum bantuan kewangan akan dapat dipertimbangkan setiap persatuan dikehendaki untuk menghadapkan perancangan tahunan masing-masing dalam menyatakan anggaran perbelanjaan bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Permohonan akan dipertimbangkan berasaskan *value for money* dan impak aktiviti-aktiviti berkenaan kepada perkembangan golongan yang **dipeduli** oleh persatuan berkenaan.

Soalan berikutnya daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin ialah bagaimana pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberikan kerjasama sokongan dan bantuan pada pihak-pihak dan agensi-agensi dalam menangani isu-isu kanak-kanak yang tercicir dari sekolah terlibat dengan gejala tidak sihat seperti dadah dan sebagainya.

Jawapan abis kaola Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Jabatan Sekolah-Sekolah mempunyai satu platform untuk membincangkan pelajar-pelajar yang mempunyai kehadiran yang kurang daripada 85 peratus. Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) berperanan untuk menjalankan pendekatan sosial terhadap pelajar-pelajar tersebut dan juga keluarganya. Melalui pendekatan ini isu-isu sosial lain akan dapat dikenal pasti jikalau ada dan tindakan selanjutnya boleh dilakukan. Dengan adanya Mahkamah Juvana, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda dan Akta **Probesyen** dan Khidmat Masyarakat; ini telah membolehkan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) untuk memberikan pemulihan kepada belia-belia yang di bawah umur 18 tahun sama ada dalam

masyarakat ataupun di Kompleks Rumah Kebajikan.

Orang ramai boleh membuat aduan kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) melalui ***helpline*** Kebajikan 141, *Facebook* **atau** datang sendiri ke pejabat apabila mendapat tahu belia-belia terlibat dengan dadah, curi dan sebagainya. Jikalau isu yang dialami adalah di luar bidang Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) akan merujuk kepada agensi-agensi lain yang bersesuaian.

Yang ketiga adalah sebagai saranan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, jawapannya إِنْ شَاءَ اللَّهُ sama-samalah kita akan mencuba mengurangkan status anak-anak yang tidak sah taraf ini supaya tidak akan menjadi masalah yang besar dan belarutan di Negara Brunei Darussalam.

Soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf iaitu mengenai **Pencen Umur Tua**. Soalan itu ada hubung kait dengan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin dari Daerah Belait. Mengenai Pencen Tua ini memang satu kurnia yang sangat dijunjung dan disyukuri oleh semua warga yang layak iaitu **yang telah mencapai usia** 60 tahun.

Namun demikian sebagai mengambil maklum, perkara ini sudah pun berulang kali disuarakan di Dewan yang mulia ini dan beberapa penjelasan telah pun dibuat oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Pada masa ini belum ada perancangan untuk mereviu jumlah Pencen Tua. Walau bagaimanapun, **adalah** difahami bahawa terdapat warga emas yang mungkin **bergantung** sepenuhnya pada pencen ini yang mungkin tidak mencukupi **untuk menyara kehidupan harian**. Jika hal ini terjadi, terdapat pertimbangan khas yang diberikan sebagai tambahan **Pencen Umur Tua** kepada golongan-golongan daif.

Pertimbangan khas yang diberikan sebanyak $100.00 sebagai tambahan kepada Pencen Umur Tua iaitu pada golongan yang daif iaitu melalui **permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan** Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Dalam Mukadimah kaola, **kaola ada** menyatakan **jumlah peruntukan bagi bantuan BKB** ini **semakin meningkat** dan walaupun peruntukan asalnya $38 juta, **tetapi** sekarang telah meningkat hampir kepada 3 kali ganda. Namun demikian semua ini **adalah** atas keprihatinan kerajaan **jua dan semua keperluan** telah pun dipenuhi dan mudah-mudahan akan dapat meringankan **bebanan yang memerlukannya.**

Mengenai isu berkaitan dengan gaji tua dan jumlah yang banyak yang dipegang

ataupun diagihkan oleh seorang Penghulu Mukim ataupun Ketua Kampung yang memikirkan keselamatan mereka, perkara ini seringkali juga disuarakan, maka tidaklah kaola jawab satu persatu cukuplah memadai bahawa Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung itu adalah **berperanan sebagai** mata dan lidah masyarakat yang perlu bukan saja menyampaikan **dan** mengagihkan **Pencen Umur Tua, malah** adalah **jua** untuk melihat persekitaran di mana mereka yang menerima bantuan ini dengan keadaan mereka. Keselamatan mereka yang membawa ataupun mengagihkan sudah pun dibuat kaedah-kaedah untuk mereka mendapatkan takaful perlindungan dan sebagainya.

Mengenai beberapa soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Mengenai **usaha** memperkasa budaya membaca, sebenarnya Program Memperkasa Budaya Membaca ada banyak iaitu Projek Memperkasa Budaya Membaca, Program Awal **Literasi**, Program Membaca Bersama di Rumah Sakit, Seminar Memperkasa Budaya Membaca, Persidangan Kebangsaan Memperkasa, Budaya Membaca, Bimbingan Motivasi Kecemerlangan Diri, Bimbingan Motivasi Menghadapi Peperiksaan, Bengkel Fonetik Menyediakan Khutbah Jumaat, Pengurusan Perpustakaan Yang Cemerlang, Forum Memperkasa Budaya Membaca Belia, Menambang Syair dan Mendeklamasikan Sajak, Peraduan **Cerita** Berkumpulan, Hari Buku Sedunia, Pertandingan Pentadbiran Dan Pengurusan Perpustakaan, Peraduan Mari Bercerita dan Gerakan Budaya **Membaca dengan** kerjasama daripada rakan-rakan strategiknya.

Dengan senarai sedemikian memang penanaman **minat** membaca ini diberikan perhatian yang khusus dan dilaratkan kepada beberapa pihak ataupun golongan di kesemua peringkat. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka akan sentiasa memantau dan menilai kegiatan dan program **yang direncanakan** ini seperti pandangan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit awal tadi.

Mengenai soalan Yang Berhormat berikutnya, iaitu Pameran Bergerak **Muzium Brunei** ke daerah-daerah, Jabatan Muzium-Muzium memang merancang mengadakan Pameran Bergerak di daerah-daerah. Pusat Sejarah juga akan mengadakan pameran dalam acara Karnival Sejarah dan seumpamanya dengan manuskrip lama dipamerkan kepada orang awam. Maklumat tambahan, **tahun 2015 yang lalu**, **Karnival Sejarah telah** diadakan di Daerah Temburong dan akan **juga dirancang untuk dilaratkan** di daerah-daerah lain **termasuk pameran bergerak ristaan sejarah yang dirancang untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah**.

Mengenai soalan pengiktirafan kepada tapak-tapak lama seperti Feri **Kampung** Danau untuk dipelihara, Jabatan Muzium-Muzium **memang ada kuasa untuk mewartakan monumen dan dan tapak-tapak bersejarah di bawah** Akta Akta Barang-Barang Purbakala dan **Harta** Terpendam **1967**. **Terdapat tiga monumen bersejarah diwartakan di Daerah Tutong iaitu bekas Bangunan Daerah Tutong dan Mahkamah, Istana Pantai dan Jeti Kuala Tutong. Manakala itu Jeti Danau adalah dalam proses pewartaan.**

Seterusnya pada menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai isu penempatan sementara di Daerah Tutong apabila terjadi sesuatu **musibah** dan sebagainya, penempatan tempat tinggal sementara bagi golongan yang memerlukan khususnya mangsa-mangsa bencana alam amat diambil berat oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). **Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mempunyai** beberapa unit penempatan sementara. Kalau di Daerah Brunei Muara 60 unit Flat Penempatan Sementara itu di Kampung Belimbing, Jalan Subok, 45 telah didiami dan 15 masih kosong; dan 43 **unit** di Flat Sentosa, 41 telah didiami dan 2 masih kosong; manakala di Daerah Belait 103 unit, 76 telah didiami dan 27 masih kosong.

Dalam memberikan penempatan sementara bagi mangsa-mangsa bencana sama ada melalui penyediaan perumahan ataupun pembayaran sewa rumah, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mendapat kerjasama daripada Jabatan-Jabatan Daerah, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan juga agensi-agensi kerajaan yang mempunyai perumahan. Terdapat juga individu persendirian yang menyumbangkan bantuan yang berkaitan. Setakat ini Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) tidak mempunyai penempatan sementara di Daerah Tutong ini memang diakui dan mangsa-mangsa bencana ataupun golongan susah di Daerah Tutong yang memerlukan tempat tinggal akan ditawarkan penempatan sementara di Daerah Brunei Muara. Jika bersesuaian akan diserahkan kepada Jabatan Daerah Tutong ataupun agensi kerajaan yang berkenaan untuk menyediakan tempat tinggal. Oleh yang demikian إِنْ شَاءَ اللَّهُ kementerian ini menyambut baik saranan Yang Berhormat ke arah kerjasama pelbagai agensi yang berkepentingan dalam hal seperti ini.

Tadi juga Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengutarakan soalan mengenai Projek Bola Sepak Ikan Pusu. Projek Bola Sepak Ikan Pusu merupakan satu projek pembangunan sukan bola sepak yang diungkayahkan oleh beberapa pihak termasuk Kementerian Pendidikan dan pihak swasta yang tertentu. Projek ini dijalankan setiap hari Jumaat dan Ahad di padang Sekolah Menengah SMJA dan **adalah** bagi pemain yang berumur di bawah 12, 14 dan 16 tahun.

Hasil daripada projek ini beberapa orang pemain telah diambil bermain di kelab-kelab tempatan untuk mengikuti kejohanan Liga bola sepak tempatan, kejohanan peringkat umur dan juga diserapkan kepada pasukan kebangsaan seperti Piala Hassanal Bolkiah.

Pada masa ini projek berkenaan adalah diungkayahkan secara persendirian tanpa bantuan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Untuk makluman Yang Berhormat selain **Kementerian** Kebudayaan Belia dan Sukan, pembangunan sukan termasuk sukan bolasepak adalah juga **tanggungjawab** persatuan kebangsaan **sukan** masing-masing.

Bagi sukan bola sepak, **ianya** adalah di bawah bidang kuasa Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam ***(NFABD)*** dan pada masa ini pihak berkenaan juga ada menjalankan *Junior Development Programme* bagi kanak-kanak berumur di bawah 21 tahun. Kementerian ini memberikan kerjasama kepada Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam dari segi bantuan kemudahan dan juga jurulatih. Ini sama juga **dengan** persatuan-persatuan kebangsaan bagi sukan-sukan yang lain.

Sehubungan dengan itu saya mengesyorkan bagi mana-mana persatuan atau kelab persendirian bola sepak yang memerlukan bantuan supaya akan dapat merujuk dan berunding lebih dahulu dengan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Pihak Persatuan Bola Sepak Kebangsaan nanti akan **memanjangkan permohonan tersebut** kepada Jabatan Belia dan Sukan jika bersesuaian.

الْحَمْدُ لله mengenai kerjasama dengan pihak Sekolah Sukan pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan sentiasa bekerjasama dan mendukung program-program kesukanan yang diadakan oleh pihak Sekolah Sukan.

Antara kerjasama yang diberikan ialah bantuan khidmat jurulatih-jurulatih sukan, sains sukan di Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan di Jabatan Belia dan Sukan untuk melatih dan membimbing atlet-atlet Sekolah Sukan; menempatkan atlet-atlet Sekolah Sukan berlatih bersama-sama atlet-atlet skim latihan Jabatan Belia dan Sukan di tempat-tempat latihan Jabatan Belia dan Sukan; akan bersama-sama membuat penilaian dan pemilihan atlet Sekolah Sukan bagi kejohanan peringkat umur dan *ASEAN School game;* menerima lawatan sambil belajar pegawai-pegawai, pengajar dan jurulatih Sekolah Sukan ke Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan Jabatan Belia dan Sukan. Seterusnya bertukar-tukar pandangan mengenai sistem dan struktur hal ehwal jurulatih-jurulatih sukan di Jabatan Belia dan Sukan yang diaplikasi di Sekolah Sukan. Sebahagian atlet di Sekolah Sukan juga dipilih untuk mewakili negara di peringkat serantau dan antarabangsa berdasarkan pencapaian.

Mengenai gelanggang luar sepak takraw di Danau, pihak kementerian mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat untuk dibaiki. Perkara ini akan dirundingkan bersama dengan pihak-pihak berkenaan. Perkara ini pun mengikut musim. Kalau musim sepak takraw gelanggang yang sudah dibuat digunakan tetapi apabila musim futsal gelanggang takraw akan digunakan sehingga ada binatang-binatang peliharaan pun turut tidur di tempat tersebut. Inilah hakikatnya juga yang terjadi.

Ada beberapa soalan berikutnya yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih juga atas soalan mengenai perancangan bagi persediaan Piala Hassanal Bolkiah atau *Hassanal Bolkiah Trophy.*

Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan menyedari bahawa pencapaian negara tidak konsisten termasuk Pasukan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah. Antara faktor penyebab perkara ini antaranya **disebabkan** atlet tidak dapat memenuhi waktu latihan yang telah ditetapkan kerana tiada kelonggaran waktu bekerja atau sekolah, keutamaan atlet yang masih belajar, menuntut dan bekerja. Walaupun atlet kita ada menunjukkan peningkatan namun negara-negara lain jauh lebih maju dalam program latihan atlet masing-masing.

Dalam usaha untuk meningkatkan prestasi sukan negara kerjasama padu daripada Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sangat penting termasuklah sokongan dan dukungan daripada ibu bapa atlet dalam memastikan latihan dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

Antara perancangan dan usaha yang diutamakan adalah latihan intensif yang sistematik, menyertai kejohanan luar negeri, pemedulian dan pemantauan kebajikan hal ehwal atlet kelonggaran latihan sepenuh masa, cuti tanpa catat diberikan oleh majikan tanpa menjejaskan gaji atau prestasi kerja atau persekolahan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini kejohanan Piala Hassanal Bolkiah telah ditangguhkan ke tarikh yang akan dimaklumkan kemudian dan pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan mengambil kesempatan ini untuk membuat persiapan yang rapi demi pencapaian yang lebih mantap.

Mengenai ganjaran kaola difahamkan juga apabila negara menjuarai Piala Hassanal Bolkiah yang **lalu** beberapa ganjaran telah mereka terima termasuklah menerima penghargaan bintang ataupun pingat kebangsaan negara.

Akhirnya kaola merujuk dan berterima kasih kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain yang

merupakan lebih saranan daripada soalan, tapi soalan yang dapat dirakamkan ialah bagaimana mengangkat **penggunaan** bahasa Melayu.

Sebagai jawapan cadangan bagi memperhebat lagi penggunaan Bahasa Melayu **dalam** Bulan Bahasa merupakan satu usaha yang baik dan relevan dalam **objektif** pelaksanaan **Bulan Bahasa**. Dewan Bahasa dan Pustaka bukan sahaja menekankan menggunakan bahasa Melayu secara meluas semasa Bulan Bahasa malah menggunakan bahasa Melayu sepanjang masa.

Dalam hal ini, peranan menyemarak dan menggemakan **penggunaan** bahasa Melayu bukanlah terletak **sepenuhnya** ke atas pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Bahasa bahkan harus ditanai oleh semua kementerian dan semua **jabatan kerajaan** seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam **seperti yang pernah** baginda **titahkan**.

Akhbar "Pelita Brunei" misalannya merupakan akhbar kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan. **Akhbar berkenaan menyediakan ruang yang boleh dimanfaatkan untuk menayangkan iklan-iklan yang bersesuaian. Ini merupakan** peluang bagi memperkasa **lagi** penggunaan bahasa Melayu melalui penyiaran iklan-iklan tersebut dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ **ini akan** dimanfaatkan oleh **DBP** sebagai **salah** satu langkah proaktif jabatan berkenaan bagi sama-sama mendukung semangat Bulan Bahasa.

Bulan Bahasa juga digemakan ke seluruh negara setiap tahun melalui aktiviti Dewan Bahasa dan Pustaka yang diadakan sepanjang tahun termasuk di kesemua cawangan-cawangannya di keempat-empat daerah. Aktiviti bersempena Bulan Bahasa bukan sahaja terhad kepada majlis perasmian **atau** pelancaran sahaja tapi lebih menyeluruh dan melibatkan apa jua kegiatan sepanjang tahun yang menjurus kepada pemerkasaan dalam penggunaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta, *NGO's*, orang awam dan penuntut sekolah.

Peraduan Mari Bercerita di setiap daerah adalah salah satu usaha bagi memperkayakan **penggunaan Bahasa Melayu baku di kalangan** kanak-kanak dari peringkat awal lagi. Aktiviti-aktiviti percutian sekolah juga di perpustakaan cawangan diisi dengan berbagai-bagai program seperti menambang syair, deklamasi sajak, teater dan lain-lain **yang semuanya** menanamkan semangat cinta kepada bahasa ibunda atau bahasa Melayu itu sendiri.

Ada juga Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengutarakan cadangan bagi penubuhan Lembaga Pengarah bagi bahasa. Ini soalan pada tahun 2015. Penubuhan Lembaga

Pengarah Bahasa juga perlu memiliki dasar yang kuat atau *legal standing.* Dengan adanya ***legal standing,*** Lembaga Bahasa boleh melantik ahli dalam kalangan penjawat awam, peringkat tinggi **dan** komposisi ahli lembaga boleh terdiri daripada pakar-pakar bahasa dari jabatan kerajaan **yang signifikan** dan kalangan **tenaga** akademik universiti.

Pada prinsipnya Lembaga Bahasa bukanlah sebuah jawatankuasa yang biasa tapi ia perlu memiliki pengaruh dan ***political will*** dalam gerakan bagi memperkasa bahasa Melayu dan penggunaan tulisan Jawi di negara ini. Dalam hal ini mungkin hal-ehwal kebahasaan ataupun tulisan Jawi di negara ini boleh dimasukkan dalam Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja dan **menjadikannya** sebagai salah satu agenda utama dalam komitmennya sebelum Lembaga Pengarah bagi bahasa benar-benar diwujudkan.

Mengenai saranan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain iaitu anugerah pengiktirafan dalam membantu mencapai matlamat dasar kebudayaan negara. Sebagai jawapannya sebagai bentuk penghargaan kepada penggiat aktif dalam bidang kebudayaan dan sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan beberapa anugerah melalui Projek Anugerah **Sastera terutama bagi** penulis tanah air, umpamanya Anugerah Kesusasteraan Islam (AKI), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Anugerah Sastera **MASTERA**, Anugerah Bahasawan, Anugerah Sasterawan, Anugerah Penulisan Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Penghargaan Penulis Muda **MASTERA** dan Hadiah **MASTERA**.

Ramai juga penulis kita yang diangkat penulisan dan produk penulisan mereka di peringkat serantau dan antarabangsa seperti memenangi *Anugerah SEA Write Awards,* ***Sunthorn*** *Awards* dan sebagainya. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang berhasrat untuk mengadakan anugerah bagi Budayawan Negara ini. Anugerah ini **adalah** bagi memberikan penghargaan kepada penggiat-penggiat seni yang telah menaikkan dan mengharumkan nama negara menerusi karya, bakat dan pengurusan budaya yang telah disumbangkan kepada negara.

Mengenai perhatian dan juga soalan Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husain mengenai isu papan tanda yang kabur, rosak dan tumbang **sebenarnya perlara ini** bukanlah di bawah kawalan Dewan Bahasa dan Pustaka. Ia lebih sesuai ditujukan atau diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan **iaitu Pihak Berkuasa Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan *(The Authority for Building Control and Constuction Industry, ABCi)*** yang mempunyai kuasa dalam hal-hal papan-papan tanda ini.

Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husain juga menyoalkan mengenai pembangunan jurulatih sukan tempatan. Terima kasih atas keprihatinan itu. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan sentiasa

berusaha untuk mengimbangi persaingan atlet negara dengan negara-negara lain dan salah satu usaha ialah mendatangkan pakar-pakar jurulatih daripada luar negara bagi beberapa sukan tertentu. Pernah sudah kaola nyatakan di awal-awal jawapan-jawapan dan juga mukadimah tadi.

Ke arah mengimbangi jurulatih luar negeri dengan jurulatih tempatan pihak KKBS memang mempunyai ***succession*** *planning* **(program penggantian)** bagi jurulatih tempatan yang akan mengambil alih jawatan jurulatih kebangsaan pada waktu yang difikirkan sudah sesuai dan layak bagi mereka mengambil alih tugas **sebagai** jurulatih kebangsaan. Antara usaha yang dilaksanakan ialah seperti memberikan kursus kejurulatihan kepada jurulatih-jurulatih tempatan dan memberikan peluang berganding bahu dalam membimbing pasukan kebangsaan.

Mudah-mudahan terjawab semua sekali soalan ini kerana memang banyak soalan Yang Berhormat itu yang berhubung kait dan ada juga terpaksa dicantumkan dan mungkin ada juga yang tidak sempat dicatat.

Namun demikian jika ada satu kesempatan kaola ingin juga Yang Berhormat Pengerusi untuk memberikan laluan kepada kaola mengemaskinikannya lagi untuk melengkapkan keterangan ataupun fakta-fakta yang kurang lengkap daripada jawapan yang dijadikan secara spontan dan juga daripada khidmat bantuan daripada kementerian ini.

Kaola ucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan setinggi-tingginya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sama-sama membahaskan dan juga menyokong bagi cadangan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sekian

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana memberikan jawapan-jawapan yang tepat dan terperinci terhadap soalan-soalan yang telah pun ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat ada baiknya Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini kita undi sama ada diluluskan atau sebaliknya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya belanjawan ini diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Oleh sebab tidak ada yang menentang maka Belanjawan

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira sampai waktunya bagi kita untuk mengakhiri Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita tangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, الْحَمْدُ لله kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Dengan yang demikian, saya tangguhkan dahulu Persidangan ini dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan besidang semula pada esok hari iaitu pada hari Khamis, 8 Jamadilakhir 1437 bersamaan 17 Mac 2016 seperti biasa pada pukul 9.00 pagi. Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Khamis, 8 Jamadilakhir 1437 / 17 Mac 2016

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.
(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, iaitu hari yang kesepuluh, Khamis, 8 Jamadilakhir 1437 bersamaan 17 Mac 2016, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua kita dapat sama-sama hadir di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman. Ahli-ahli Yang Berhormat.

Hari ini kita memasuki hari yang Kesepuluh. Kita duduk bersidang bermesyuarat. Kita masih lagi membincangkan Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis dan juga Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Kita masih lagi mempunyai 2 perkara daripada Susunan Kerja yang perlu kita selesaikan. Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti lazimnya Susunan Kerja kita pada pagi ini dengan mendahulukan Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis dan yang mana akan dijawab secara lisan oleh Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan. Maka sekarang kita lanjutkan soalan-soalan seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis. Soalan No.31 daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. Sebagai membuka tirai hari kesepuluh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara, kaola tujukan

soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang kaola timbulkan ialah Dasar Belia Negara. Dasar Belia Negara yang bermatlamatkan "Mewujudkan Belia Brunei Cemerlang" dan mempunyai definisi "Belia" ialah lelaki dan perempuan berumur 40 tahun ke bawah telah diperkenalkan pada 15 Julai 2002 sudah pun mencapai lebih daripada 13 tahun. Sepanjang tempoh tersebut, nampaknya kurang terdapat belia yang menjadi pemimpin badan-badan atau persatuan, kerana didapati pemimpin-pemimpin persatuan belia di kampung-kampung kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berusia lebih daripada 40 tahun. Sekiranya ini berlaku berlarutan kemungkinan dasar ini akan menempuh kegagalan.

Saya ingin tahu:-

1. Adakah perkara ini disedari oleh pihak yang berkenaan. Jika disedari apakah usaha-usaha dan program-program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengatasinya?; dan

2. Apakah usaha-usaha bagi memantau pergerakan-pergerakan belia di kampung-kampung untuk menjana pergerakan tersebut terus maju, sesuai dengan kehendak Dasar Belia Negara iaitu "Mewujudkan Belia Brunei Cemerlang"?

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ Lebih dahulu kaola/saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, atas soalan berkenaan dan juga keprihatinan Yang Berhormat mengenai dasar dan juga masa depan belia negara.

Pada menjawabnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Dasar Belia Negara telah diperkenalkan pada 15 Julai 2002 yang definisi belia ialah lelaki dan perempuan yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Manakala pemimpin belia terdiri daripada ahli-ahli persatuan yang dilantik semasa Mesyuarat Agung Tahunan atau *Annual General Meeting* oleh persatuan-persatuan tiada dihadkan umur mereka.

اَلْحَمْدُ لِلّٰه pada masa ini terdapat 95 persatuan-persatuan belia tercatat di dalam rekod Jabatan Belia dan Sukan. Mereka ini juga berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan atau *Register of Societies* di Pasukan Polis Diraja Brunei.

Dari jumlah berkenaan, ada persatuan yang baharu, lama, ada aktif, dan kurang aktif. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyedari adanya

persatuan yang kurang aktif dalam memperkembangkan persatuan mereka. Selain itu, antara faktor mengapa persatuan belia kurang dipimpin oleh pemimpin belia di bawah umur 40 tahun, kerana pemilihan pemimpin belia semasa Mesyuarat Agung Tahunan lebih cenderung memilih mereka yang lebih berpengalaman dan matang. Pada lazimnya persatuan yang sudah lama tertubuh ini mempunyai pemimpin daripada kalangan yang sudah berusia.

Walau bagaimanapun, kebanyakan persatuan yang baharu ditubuhkan telah dipimpin dalam kalangan belia muda. Sebagai contoh *Beach Bunch*, *Young Entrepreneurs Association Brunei, Society For Community Outreach And Training (SCOT)* dan Persatuan Kemajuan Insan atau KESAN. Pemimpin-pemimpin belia muda ini juga ada antaranya telah mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar negara.

Pada masa ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang meningkatkan usaha untuk memastikan persatuan belia akan bergerak lebih aktif terutama dalam aspek penyediaan program dan kursus kepimpinan dalam menangani isu kepimpinan belia yang ditimbulkan. Antara usaha pihak kementerian ialah:-

1. Mengadakan muzakarah dengan persatuan-persatuan belia. Salah satu perkara yang dibincangkan ialah perancangan penggantian atau *succession planning* persatuan-persatuan belia dengan memberi peluang pemimpin persatuan dipegang oleh golongan belia dan pemimpin yang ada pada masa ini selaku penasihat kepada persatuan belia berkenaan. Kementerian lebih cenderung melihat transisi kepimpinan oleh mereka yang telah berusia akan dapat diserahkan kepada golongan belia. Walau bagaimanapun, pemimpin belia yang telah berusia yang lebih matang dan berpengalaman masih berperanan dalam membimbing golongan yang lebih muda sebagai penasihat; dan

2. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah dan masih menganjurkan berbagai-bagai kursus dan program latihan bagi memperkasa pemimpin belia. Termasuk kursus pengurusan persatuan belia, kursus kepimpinan, Program Pembangunan Jati Diri, Program Kemasyarakatan dan Kesukarelawanan, Program Khidmat Bakti Negara, Program Pertukaran Luar Negeri, Program Kepimpinan dan Program di Pusat Pembangunan Belia.

Pihak kementerian juga memberikan sokongan kepada rangkaian agensi yang relevan yang menganjurkan kursus kepimpinan kepada golongan belia. Di samping itu, kaola sendiri berpendapat dan menyeru para belia haruslah tampil ke hadapan, berani menyahut cabaran menjadi pemimpin yang berwibawa, berwawasan dan bertanggungjawab.

Mengenai soalan seterusnya iaitu usaha kementerian bagi memantau pergerakan - pergerakan belia di kampung-kampung, الْحَمْدُ لله belia kitani pada masa ini semakin aktif dalam menjalankan berbagai-bagai aktiviti yang berbentuk kemanusiaan, kemasyarakatan, alam sekitar, pendidikan, keagamaan, keusahawanan, kebeliaan, kesukanan, kesihatan, kesenian dan kebudayaan bukan sahaja dalam negeri seperti di kampung-kampung tetapi juga di luar negara.

Antara penglibatan ketara golongan belia baru-baru ini ialah melalui *Program Day of Action (DOA)* yang diadakan pada 10 Januari 2016 bersempena dengan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa. Program *DOA* melibatkan lebih kurang 1,000 orang belia termasuk belia berpersatuan dan sukarelawan yang melaksanakan berbagai-bagai aktiviti di seluruh negara.

Program *DOA* memberikan peluang bagi *networking* antara persatuan yang akan memudah cara usaha sukarelawan dan bantuan terutama sekali pada waktu negara dilanda musibah ataupun bencana. Perkembangan pergerakan-pergerakan belia bukan sahaja di bawah tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ia juga turut melibatkan beberapa kementerian, jabatan dan badan-badan bukan kerajaan.

Sebagai contoh, penglibatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung terdapat biro-biro belia, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jawatankuasa Takmir Masjid, Kementerian Pendidikan melalui kelab-kelab dan program belia di sekolah-sekolah dan Kementerian Kesihatan melalui program kesihatan yang melibatkan belia.

Manakala, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam menjana pergerakan-pergerakan belia adalah melalui penglibatan pusat-pusat belia di keempat-empat daerah, persatuan-persatuan dan kelab-kelab belia. Bagi pergerakan belia dalam persatuan-persatuan, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menghendaki persatuan-persatuan belia untuk menghadapkan kalendar aktiviti sepanjang tahun dan laporan Mesyuarat Agung Tahunan *(Annual General Meeting)* yang diterima setiap tahun daripada persatuan-persatuan yang berdaftar.

Sebagai tambahan, laporan aktiviti persatuan tersebut hendaklah mempunyai kesinambungan dengan bantuan kewangan yang telah dipohonkan kepada pihak kementerian. Bagi pergerakan belia di kampung-kampung, kerjasama dan inisiatif daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui biro-biro Majlis Perundingan Kampung dan Mukim yang dipengerusikan oleh Penghulu Mukim ataupun Ketua-Ketua Kampung turut memainkan peranan yang besar dalam sama-sama memajukan dan memantau pergerakan-pergerakan belia.

Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan sentiasa mendukung sebarang aktiviti kebeliaan yang bersesuaian dan memberikan bantuan seperti fasiliti dan kemudahan lain di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya, Jabatan Belia dan Sukan dan bantuan nasihat pakar berhubung persatuan belia. Kesedaran dan kerjasama ini perlu dari semua pihak yang bertanggungjawab untuk tidak kendur-kendur menjana pergerakan belia ke arah mewujudkan Belia Brunei Cemerlang.

Sekianlah jawapan kaola, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No. 32 daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim kepada Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan kaola ditujukan kepada Kementerian Perhubungan. Sistem "*DEMERIT*" atau SIKAP, sejak bulan Oktober 2012 yang lalu sistem "*DEMERIT*" atau SIKAP telah pun dilancarkan. Kaola ingin tahu:-

1. Apakah dapatan-dapatan yang diperolehi oleh pihak berkenaan khususnya Jabatan Pengangkutan Darat mengenai sistem ini?;

2. Sejak sistem SIKAP dilaksanakan, adakah kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pemandu menurun atau masih meningkat dan apakah sebabnya?; dan

3. Adakah tindakan-tindakan terhadap mereka yang membuat kesalahan melalui sistem SIKAP ini, dan dari segi apakah tindakan yang dibuat?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

رَبِّ ٱشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِيٓ أَمْرِي وَٱحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي يَفْقَهُوا۟ قَوْلِي

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu kaola berterima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim yang telah mengutarakan soalan mengenai Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SIKAP).

Kaola sependapat dengan Ahli Yang Berhormat bahawa keselamatan jalan raya perlu diberi sepenuh perhatian terutama memandangkan kes-kes kemalangan yang serius terus meningkat di negara ini. Kaola amatlah

menghargai kesempatan untuk membahaskan isu ini dalam Dewan yang mulia ini.

Kementerian Perhubungan akan terus komited kepada meningkatkan usaha ke arah menjaga keselamatan di jalan raya dengan melibatkan semua agensi kerajaan, pihak swasta dan orang ramai dalam konteks pendekatan seluruh negara *(whole of nations approach)*.

Ini selaras dengan sasaran Kementerian Perhubungan bagi mencapai komitmen dalam inisiatif *5E* di bawah *The United Nations of Decade of Action for Road Safety* Tahun 2011 - 2020. *5E* bererti *Education, Enforcement, Engineering, Emergency and Enviroment*. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SIKAP) adalah salah satu lagi daripada usaha Kementerian Perhubungan untuk meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan lalu lintas dengan mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya.

Dalam sistem ini, mana-mana pemandu yang didapati melanggar peraturan dan undang-undang jalan raya, maka selain dikenakan denda, pemandu berkenaan juga akan diambil tindakan pentadbiran dengan diberikan Mata *Demerit* yang membolehkan lesen memandu mereka digantung atau ditarik balik.

Ingin kaola tekankan di sini bahawa hanya mereka yang didenda sama ada yang dikenakan kompaun atau denda yang dijatuhi oleh mahkamah sahaja dikenakan Mata *Demerit*. Sejak ia dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2013, SIKAP telah menunjukkan kesan yang positif terutama dalam mengawal kes-kes melanggar undang-undang lalu lintas negara.

Mengikut statistik yang diambil Jabatan Pengangkutan Darat, telah didapati bahawa kadar pemandu yang melanggar peraturan jalan raya yang dikenakan mata demerit adalah menurun iaitu daripada 4,080 kes pada tahun 2014 kepada 992 kes pada tahun 2015. Berdasarkan kepada maklumat terkini yang diterima, jumlah pesalah keseluruhan yang didapati sehingga 14 November 2015 ialah sebanyak 6,669 orang. Jumlah yang sudah membayar kompaun dan yang dikenakan mata demerit ialah sebanyak 3,583 orang.

Mengenai jumlah pesalah yang telah dikumpul mata demerit ialah sebanyak 20 Mata Demerit telah dikenakan kepada 8 orang. Jumlah pesalah yang telah mengumpul 21 mata demerit ada 61 orang. Jumlah pesalah yang telah mengumpul 18 mata demerit ialah 171 orang dan jumlah pesalah yang telah mengumpul 12 mata demerit ialah 361 orang. Ternyata sistem SIKAP mempunyai pengaruh yang kuat dalam kelibat (imbas) pemandu khususnya dalam memberikan ingatan yang berterusan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan lalu lintas.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Yang Di-Pertua kadar kemalangan jalan raya sejauh ini belum menunjukkan perubahan yang signifikan. Kadar

kemalangan masih tahap yang tinggi iaitu sebanyak 3,366 kejadian pada 2014 dan 3,345 kejadian pada tahun 2015.

Dari data yang dikumpulkan sebanyak 85 ke 95 peratus kemalangan berpunca daripada berbagai-bagai hal perilaku pemandu. Ini termasuk kecuaian dan sifat pemandu yang suka mengambil risiko semasa memandu, antaranya ialah:-

i. Memandu dalam keadaan lelah;

ii. Memandu di bawah pengaruh alkohol;

iii. Memandu dengan had laju; dan

iv. Menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Akhir-akhir ini kemalangan yang melibatkan kenderaan komersial dan kenderaan berat semakin meningkat dan semakin ketara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pelaksanaan Sistem Mata Demerit ini memerlukan ketegasan dan keazaman yang berterusan. Jabatan Pengangkutan Darat akan sentiasa menjelaskan sistem ini kepada orang ramai melalui media massa, kurikulum pendidikan, kempen keselamatan jalan raya, dan sebagainya.

Kaola juga ingin menyentuh mengenai peranan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya yang selama ini telah banyak mengambil inisiatif dan program yang menjurus kepada meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap keselamatan lalu lintas.

Antara aktiviti yang diungkayahkan secara berterusan termasuk acara-acara keagamaan, pameran, taklimat, poster-poster, mesej-mesej melalui radio dan juga pembuatan video yang disalurkan melalui RTB. Ini selaras dengan cadangan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf minggu lepas mengenai iklan video dengan pendekatan yang diambil berunsurkan nasihat, pendidikan dan peringatan.

Semua video *production* akan ditayangkan atau dikongsikan akan lebih dahulu melalui proses reviu dan penapisan oleh pihak Majlis Keselamatan Jalan Raya dan pihak-pihak yang berkenaan untuk memastikan kandungan, kesesuaian plot dan cerita yang dimaksudkan.

Majlis Keselamatan Jalan Raya berterusan mengambil sikap terbuka dengan idea baharu dan berkolaborasi dengan agensi lain yang berkaitan seperti RTB dengan semangat *Whole of Nation Approach* dalam sama-sama memberigakan *Road Safety Message* untuk orang ramai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola percaya kemalangan dapat dibendung dengan mematuhi undang-undang dan peraturan serta dengan membudayakan keselamatan di jalan raya. Keselamatan di jalan raya juga tanggungjawab semua pihak terutama pengguna-pengguna jalan raya, syarikat-syarikat pengendali

koperasi dan kereta-kereta komersial serta pembekal-pembekal kereta.

Justeru itu kaola, ingin memohon komitmen dan kerjasama pihak yang berkenaan untuk mengambil langkah proaktif membudayakan keselamatan di jalan raya dan memastikan bahawa setiap kenderaan yang dipakai dalam keadaan baik dan pemandu-pemandu mereka dalam berkeadaan layak untuk memandu.

Mengenai tindakan-tindakan kepada mereka yang membuat kesalahan melalui SIKAP, maklumat ini ada terdapat di laman sesawang atau *website* Jabatan Pengangkutan Darat untuk makluman orang ramai.

Walau bagaimanapun, kaola ingin menjelaskan secara ringkasnya antara tindakan yang akan diambil mengikut Akta Lalu Lintas Jalan Raya Penggal 68 dari Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya (Demerit), 2013 ialah bagi kesalahan yang mengumpul 24 mata demerit atau lebih dalam tempoh 24 bulan tindakan pentadbiran yang dikenakan adalah seperti berikut:-

i. Lesen Memandu akan digantung kali pertama bagi tempoh selama 3 bulan dan dimestikan menyerahkan Lesen Memandu ke Jabatan Pengangkutan Darat;

ii. Jika pemandu yang sama mengumpul 12 mata demerit atau lebih selepas tarikh akhir penggantungan kali pertama dalam tempoh 12 bulan dan seterusnya, tindakan yang dikenakan ialah penggantungan Lesen Memandu kali kedua selama 6 bulan dan dimestikan menyerahkan Lesen Memandu ke Jabatan Pengangkutan Darat; dan

iii. Jika pemandu yang sama mengumpul 12 mata demerit atau lebih selepas tarikh akhir penggantungan kedua dalam tempoh 12 bulan seterusnya, denda dikenakan adalah seperti berikut:-

iii.a Pembatalan Lesen Memandu selama 1 tahun;

iii.b Tidak boleh belajar;

iii.c Menempah Ujian Memandu dalam tempoh pembatalan; dan

iii.d Dikehendaki mengulang Ujian Memandu untuk mendapat Lesen Memandu baharu.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang dapat kaola terangkan dan mudah-mudahan ini akan dapat memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat. Sekian,
وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No. 33 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kepada Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ أَمَّا بَعْدُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan kaola kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan mengenai Pembinaan Menara Telekomunikasi.

اَلْحَمْدُ لله pembinaan beberapa buah Menara Telekomunikasi *DST* dan *Progresif Cellular* telah pun sudah siap di beberapa kawasan strategik di semua Mukim Daerah Temburong. Walau bagaimanapun masalah yang masih timbul ialah penerimaan telefon bimbit masih lagi pada tahap yang rendah kerana ada di antara kawasan-kawasan yang langsung tidak menerima signal dan liputan telefon bimbit. Perkara ini telah pun disuarakan beberapa kali di Majlis Mesyuarat Negara pada tahun-tahun yang sudah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin tahu:-

1. Sejauh ini berapa buahkah menara telefon bimbit yang dibangunkan oleh *DST* dan *Progresif Cellular* di Daerah Temburong yang sudah berfungsi sepenuhnya?;

2. Apakah sebabnya beberapa menara yang dibina oleh *Progresif Cellular* yang sudah siap itu belum lagi berfungsi, dan bilakah ia akan dapat diaktifkan?; dan

3. Apakah usaha-usaha yang dibuat oleh pihak yang berkenaan mengenai masalah kemasukan pancaran *Maxis, Digi* dan *Celcom* dari negara jiran yang menembusi di semua kawasan di Daerah Temburong yang menjadi sungutan orang ramai?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola untuk menjawab soalan yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, mengenai menara yang tidak berfungsi di Daerah Temburong dan limparan atau limpahan pancaran daripada kawasan jiran.

Kaola mengambil maklum bahawa perkara ini pernah dibangkitkan di Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Daerah Temburong mempunyai 16 *base station* yang berfungsi, 9 adalah kepunyaan *Syarikat Data Stream Technology (DST)* dan 7 kepunyaan *Syarikat Progresif Cellullar Sendirian Berhad atau PCSB.* Tempat-tempat letak stesen tersebut ialah Bangar, Labu, Lekiun, Puni, Sibulu, Rataie, Batu Apoi, Belalong, Bangar *Exchange* dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik Temburong.

Selain lokasi yang tersenarai ini, terdapat 6 buah lagi *base station* atau menara yang terletak di Batang Tuau, Kampung Lagau, Rataie, Batang Duri, Labu Estate dan Kastam Labu, yang semua *base station* ini sehingga kini masih belum berfungsi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Menara-menara ini adalah antara infrastruktur yang telah dipersetujui untuk diambil alih oleh *Syarikat PCSB* dalam *Take Over Agreement* dengan *Syarikat B-Mobile Communications* yang kaola difahami tidak lagi menjalankan perniagaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan hasrat untuk mengaktifkan menara-menara ini pihak *Syarikat PCSB* telah memohon kepada pihak berkuasa Industri Teknologi Info Komunikasi (*AITI)* untuk menambah kategori di dalam lesen *Infrastructure Provider For The Telecommunication Industry* atau *InTi Licence* untuk membolehkan syarikat berkenaan mengadakan *lease line* dan *microwave* sebagai *back bone* atau tulang belakang kepada perkhidmatan *mobile phone* dan jalur lebar di kawasan berkenaan.

Perkara ini telah pun dipertimbangkan dengan baik dengan tujuan membuka dan menjaga kestabilan pasaran sektor telekomunikasi dan dengan hasrat pihak berkenaan akan menggalakkan pertumbuhan sektor pembuatan terutama dalam pek teknologi telekomunikasi di Negara ini. Pihak kaola juga sedar bahawa syarikat-syarikat telekom mempunyai peranan besar dalam proses pemberian perkhidmatan jalur lebar di seluruh tempat di negara ini terutama dalam tujuan untuk merapatkan jurang digital selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola juga ingin menjelaskan mengenai kemasukan pancaran *Maxis, Digi* dan *Celcom* dari negara jiran yang menembusi kawasan-kawasan di Daerah Temburong. Isu kemasukan pancaran timbul disebabkan oleh beberapa faktor:-

i. Kawasan dan ceraian atau taburan penduduk yang berhampiran dengan pembatasan yang menerima perkhidmatan telefon;

ii. Sifat dan karakter pancaran *spectrum* frekuensi itu sendiri;

iii. Kekuatan dan *decibels* pancaran berkenaan; dan

iv. Menara-menara telekom juga perlu diletakkan di kawasan-kawasan strategik untuk mendapatkan liputan pancaran yang *maximum coverage* kepada penduduk yang tinggal di kawasan berkenaan.

Ini bermakna limparan pancaran berlaku di mana-mana tempat di perbatasan bergantung pada keadaan yang dinyatakan tadi, ini termasuklah pancaran-pancaran dari Negara Brunei Darussalam yang juga memasuki kawasan jiran.

Pancaran-pancaran tersebut bukan hanya terhad kepada perkhidmatan *mobile* sahaja, tetapi juga pancaran perkhidmatan radio dan perkhidmatan pancaran televisyen. Sementara itu syarikat *DST* dan *PCSB* juga perlu meningkatkan pancaran mereka di kawasan-kawasan sempadan dan di kawasan-kawasan yang masih rendah liputannya. Ini bagi memastikan pelanggan *DST* dan *PCSB* dapat menggunakan perkhidmatan yang lebih baik tanpa menggunakan perkhidmatan *roaming*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi menangani isu liputan pancaran daripada telefon bimbit, penyedia-penyedia telekomunikasi daripada kedua-dua negara telah mengadakan perundingan dan usaha untuk mencari jalan yang terbaik untuk mengawal pancaran. Salah satu cara ialah dengan mengurangkan tenaga pancaran dan menundukkan ke bawah antenna-antena *base station* telefon bimbit.

Sehubungan dengan itu, penyedia-penyedia telekomunikasi daripada kedua-dua negara bersetuju untuk menurunkan pancaran dan menundukkan antena-antena *base station* telefon bimbit jika sekiranya pancaran radio daripada negara jiran sama ada daripada Negara Brunei Darussalam ataupun kawasan jiran melebihi daripada -98 *decibel milliwatt* selepas 3 kilometer daripada sempadan iaitu melebihi kurang daripada 98 *decibel milliwatt* selepas 3 kilometer daripada sempadan.

Para penyedia telekomunikasi dari Negara Brunei Darussalam akan sentiasa membuat *drive test* bagi memastikan kadar tenaga pancaran radio daripada *mobile base station* negara jiran tidak melebihi daripada kadar tenaga yang dipersetujui oleh kedua belah pihak.

Pihak *AITI* juga menasihatkan pengguna-pengguna telefon bimbit yang tinggal di kawasan berhampiran dengan sempadan atau yang berada di kawasan sempadan Negara Brunei Darussalam untuk membuat pilihan secara manual mengenai perkhidmatan telekomunikasi yang hendak digunakan. Ini untuk mengelakkan pengguna-pengguna telefon bimbit daripada menggunakan telefon bimbit mereka secara automatik dengan kadar *roaming*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kementerian Perhubungan akan sentiasa memantau perkara ini dan meneruskan usaha untuk mencari kaedah-kaedah yang lebih baik untuk mengatasi masalah. Maka, itulah sahaja yang dapat kaola terangkan untuk makluman di Majlis ini. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut Yang Telah Diberi Notis yang terakhir ialah No. 34 daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman kepada Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Pemodenan telah pun selesai dilaksanakan pada penghujung tahun 2014. Projek ini antara lain ialah bertujuan menyediakan keselesaan dan kemudahan bagi orang ramai khususnya para penumpang yang dijangka makin meningkat daripada 1.5 kepada 3 juta orang.

Adalah diperhatikan beberapa kemudahan yang disediakan tidak mencukupi, sebagai misalan kerusi-kerusi menunggu bagi penumpang-penumpang yang hendak berlepas atau *transit,* kaum keluarga dan sahabat yang menghantar atau menunggu tidak mencukupi. Tidak ada bilik atau tempat khas bagi perokok untuk merokok, menyebabkan tandas-tandas di ruang berlepas atau *transit* dijadikan tempat merokok dengan tidak ada kawalan. Restoran-restoran dan tempat makan di ruang berlepas dan *transit* tidak mencukupi. Perkhidmatan bilik mandi tidak disediakan ataupun jika ada tidak mencukupi bagi penumpang-penumpang yang *transit* walau perkhidmatan itu sangat berfaedah bagi mereka yang memerlukan untuk berehat.

Saya berpendapat bahawa walaupun seindah dan besarnya Lapangan Terbang Antarabangsa itu, kalau perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan *service* dan *facilities* tidak ada atau tidak mencukupi tidak akan bermakna.

Soalan kaola:-

1. Adakah pihak yang berkenaan menyedari tentang kekurangan-kekurangan dalam memberikan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan ini; dan

2. Jika disedari apakah perancangan untuk memperbaiki dan menambah lagi kekurangan-kekurangan tersebut supaya Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam benar-benar berstatus sebagai sebuah lapangan terbang antarabangsa yang boleh dibanggakan.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin berterima kasih atas perhatian Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman atas saranan yang diberikan mengenai keadaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola akan memberi jawapan secara

menyeluruh untuk memberi gambaran mengenai langkah-langkah yang akan diambil demi meningkatkan imej Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

الْحَمْدُ لله program pemodenan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam telah hampir siap yang meliputi peningkatan infrastruktur dan menaik taraf sistem pengurusan pengangkutan udara atau *air transport management system* yang sejauh ini telah menelan belanja berjumlah kira-kira $164 juta. Namun, masih banyak lagi perkara yang perlu diuruskan, antaranya memerlukan perhatian yang berterusan mengikut keupayaan Kementerian Perhubungan.

Dua projek segera yang sedang diungkayahkan ialah projek membaik pulih landasan kapal terbang atau *rehabilitation runway* dengan harapan untuk menjadikan status landasan kapal terbang kepada *Court 'F' Compliance* dan yang satu lagi ialah *aviation revelatory advice* projek yang diselenggarakan oleh *Civil Aviation Authority, United Kingdom*. Semua ini akan menelan belanja kira-kira sebanyak $114 juta dalam jangka dua tahun akan datang.

Begitu juga sistem pemeliharaan alat-alat kelengkapan yang canggih yang terdapat di lapangan terbang jika perlu diusahakan secepat mungkin untuk memastikan sistem tersebut sentiasa beroperasi sepenuh masa. Ini termasuk keperluan-keperluan latihan, pemeliharaan, dokumentasi, *spare-part provisioning* dan *technical support*. Jaminan awal daripada pihak pembekal penting untuk memastikan sistem berkenaan dapat digunakan sepanjang hayat atau *through life*.

Dengan tujuan untuk memperbaiki lagi pengurusan lapangan terbang yang bersistem dengan sasaran untuk berdaya saing mengikut amalan-amalan yang terbaik dan mesra pelanggan. Jabatan Penerbangan Awam telah mengambil pendekatan *customer focus strategy* untuk lebih jelas dan telus dengan pengurusan.

Ke arah ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Jabatan Penerbangan Awam akan mengambil kriteria dan *benchmark* yang telah ditetapkan oleh *Sky Track World Airport Award* dengan hasrat untuk menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei antara yang terbaik di dunia. Berdasarkan kriteria tersebut, di peringkat awal beberapa kemudahan sudah dirancang seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dan memerlukan beberapa kerja *interior refurbishment*.

Ini termasuklah kedai-kedai *retail, food court, transit hotel*, *business* dan *cyber centre*, kemudahan tempat-tempat rehat, kawasan rekreasi seperti *TV areas* dan sebagainya. Semuanya ini dirancang untuk diselenggarakan di bawah sistem *PPP* atau *Public Private Partnership* selaras dengan dasar probisnes kerajaan.

Begitu juga dengan pengendalian kemudahan pengangkutan awam seperti

teksi dan bas, yang menghubungkan lapangan terbang dengan pusat bandar dan kawasan-kawasan menarik di negara ini juga sedang diusahakan.

Semua perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memanglah disedari dan selaras dengan kriteria yang dipakai oleh syarikat *World Airport Award*. Penyelia-penyelia kedai, tempat makan dan perkhidmatan lain seperti *mobile phone* dan kewangan telah dilantik melalui proses *tender* dan akan memulakan kerja dalam sedikit masa lagi.

Sementara itu, *expression of interest* untuk mengendalikan transit hotel dan perkhidmatan yang berkenaan akan dikeluarkan secepat mungkin, juga dengan kaedah *PPP* setelah kajian dibuat.

Mengenai tempat merokok, tempat merokok yang sesuai juga telah dikenal pasti, walau bagaimanapun memandangkan Negara Brunei Darussalam mempunyai undang-undang dan peraturan yang mengawal kegiatan merokok di bangunan-bangunan awam dan kerajaan di bawah Akta Tembakau, maka perkara ini perlu dibincangkan lebih lanjut dengan pihak kementerian yang berkenaan mengenai kesesuaian tempat tersebut diberi pengecualian dengan mengambil kira keperluan penumpang-penumpang yang *transit* di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Maklumat mengenai perancangan perkembangan dan *layout plan* bagi perkhidmatan yang dinyatakan telah dipaparkan di tempat *check-in* dan *transit area* di lapangan terbang untuk makluman orang ramai. Sekianlah sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang dapat kaola kongsikan.

Mudah-mudahan pandangan tersebut dapat menjawab soalan dikemukakan dan sekali lagi kaola berterima kasih kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman atas soalan dan saranan yang diberikan dan Jabatan Penerbangan Awam akan sentiasa terbuka dalam mengalu-alukan pandangan dan sumbangan daripada mana-mana pihak untuk mempertingkatkan lagi imej Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله sekarang kita telah selesai membincangkan pertanyaan-pertanyaan jawapan lisan terhadap Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis yang terkumpul dalam Perkara V Susunan Kerja kita. Sebanyak 32 Soalan Yang Telah Diberi Notis daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang berkenaan.

Sekarang kita beralih pula kepada Susunan Kerja seterusnya iaitu untuk membincangkan Rang Undang-Undang

(2016) Perbekalan, 2016/2017. Sehingga hari ini, kita telah meluluskan Tajuk-Tajuk bagi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sungguhpun demikian, kita masih ada lagi dua kementerian dan juga Tajuk Perbelanjaan kemajuan yang perlu kita tunduki dan teliti.

Maka bagi membolehkan kita meneliti Rang Undang-Undang ini satu persatu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang dalam peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang sekarang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Pada mesyuarat yang telah kita adakan petang semalam, kita telah pun meluluskan Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan sekarang kita akan beralih ke Tajuk seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sekarang akan membincangkan Belanjawan Kementerian Kesihatan. Sebagaimana lazimnya, sebelum Tajuk ini saya bukakan untuk dibahas, saya ingin memberi laluan dahulu ataupun peluang kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menyampaikan ucapan pendahuluannya ataupun mukadimahnya tentang belanjawan Kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ salam sejahtera بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لله Peruntukan Tahun Kewangan 2016/2017 yang disokong bagi Kementerian Kesihatan berjumlah $349,597,790.00. Ini menunjukkan betapa kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan sifat keprihatinan, pemedulian serta komitmen baginda, sentiasa mengambil perhatian berat akan perkhidmatan penjagaan kesihatan rakyat dan penduduk negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Negara yang sihat

ialah negara yang makmur. Rakyat yang sihat yang mempunyai nilai tinggi terhadap agama dan negara dapat menjadikan sumber tenaga manusia yang lebih berdaya tahan dan produktif yang sudah setentunya akan meningkatkan kebolehan dan kedayatahanan ekonomi negara. Produktiviti yang tinggi dapat memberikan kesan terhadap pencapaian pendidikan dan kemahiran, pengeluaran inovasi dan kreativiti yang tinggi, pekerjaan yang membolehkan si pekerja untuk terus membangun dan berkembang *(gainful employment),* peningkatan pelaburan, peralihan demografi dan alam sekitar. Semua ini akan menyumbang kepada hasrat pembangunan inklusif lagi saksama.

الْحَمْدُ لله jika kita renung kembali dalam jangka masa 20 tahun kebelakangan ini, Negara Brunei Darussalam telah meraih beberapa pencapaian yang signifikan. Salah satu daripadanya ialah kadar jangka hayat yang telah meningkat daripada 73 tahun ke 76 tahun bagi lelaki dan daripada 76 tahun kepada 79 tahun bagi wanita.

Walau bagaimanapun, pencapaian tersebut bukanlah bermakna kita dapat bersikap *complacent* atau leka. Kementerian kaola menyedari masih banyak lagi cabaran yang perlu ditangani dalam mencapai tahap kesihatan yang berkualiti tinggi, termasuklah keadaan ekonomi global yang tidak menentu, perubahan demografi penduduk dan peningkatan kadar penyakit tidak berjangkit *(Non-Communicable Diseases)*.

Lebih membimbangkan, seperti mana kaola terangkan semasa Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik di Kementerian Kesihatan ialah penyakit-penyakit seperti darah tinggi dan kencing manis sudah mula timbul pada umur yang masih muda dalam lingkungan 20 ke 30 tahun. Ini bukan saja memberikan implikasi terhadap kos rawatan yang kian meningkat malahan produktiviti juga turut terjejas jika pesakit terpaksa menjalani rawatan yang berterusan. Ini menggambarkan situasi yang tidak memberangsangkan dalam keadaan negara memerlukan rakyat yang produktif di samping keperluan untuk berbelanja secara berhemah serta bernilai tinggi.

Selain cabaran penyakit-penyakit tidak berjangkit, cabaran mengenai tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan di Kementerian Kesihatan juga perlu ditangani. Aduan mengenai tahap perkhidmatan yang diberikan oleh kementerian abis kaola dari segi kelamaan waktu menunggu di semua peringkat, sama ada menunggu berjumpa doktor, menunggu mengambil ubat, menunggu untuk masuk ke hospital, menjalani pembedahan dan sebagainya, layanan yang tidak mesra, masalah ubat-ubatan, kakitangan, ambulans dan fasiliti yang tidak mencukupi dan lain-lain bukanlah perkara yang baharu saja kita dengar.

Perkara-perkara ini mungkin sudah dibangkitkan berulang kali dan kita juga mendengar hampir setiap hari sama ada melalui telefon, media sosial atau surat khabar dan besar

kemungkinan akan disuarakan lagi di Dewan yang mulia ini sebentar lagi.

Kementerian Kesihatan sebenarnya sangat mengalu-alukan dan berterima kasih terhadap maklum balas dan nasihat yang diterima daripada orang ramai dan menganggap segala maklum balas yang diterima adalah membina dan bermanfaat terhadap kementerian ini. Ini juga bermakna mereka sayang serta mengambil berat betapa pentingnya kesihatan kepada mereka.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam menangani cabaran-cabaran ini, Kementerian Kesihatan telah mengambil pendekatan kembali kepada asas atau *back to basics* dengan menilai semula 5 aspek yang difikirkan sangat penting:-

i. Menilai visi, misi dan matlamat Kementerian Kesihatan dalam konteks masa ini dan akan datang. الْحَمْدُ لله perkhidmatan kesihatan di Negara Brunei Darussalam telah wujud lebih daripada 100 tahun yang dahulu. Apa yang berkesan mungkin dalam masa 5 ke 10 tahun kebelakangan mungkin ini tidak lagi relevan pada masa sekarang atau masa akan datang. Jadi, kita harus menilai semula aspek visi, misi dan matlamat ini;

ii. Memahami siapakah pelanggan sebenarnya. Saya bagi contoh kalaulah kita memikirkan pesakit, pesakit itu tidak sepatutnya dilihat dari segi penyakitnya sahaja malahan dilihat sebagai seorang manusia yang penyakitnya itu akan memberi kesan bukan saja pada dirinya malahan pada ahli keluarganya, sahabat handai dan mungkin majikannya;

iii. Memahami ekspektasi pelanggan kami;

iv. Menilai prestasi Kementerian Kesihatan sejauh ini; dan

v. Untuk memikirkan apakah perancangan dan pelan selanjutnya?

Ke arah ini, sesi muzakarah di setiap daerah telah diadakan dan akan terus diadakan bersama pihak-pihak berkepentingan dari dalam dan luar *(internal and external stakeholders)* termasuklah bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Kesihatan menyedari bahawa untuk mencari penyelesaian kepada isu-isu yang dibangkitkan, kita mesti memahami punca permasalahan *(root cause of the problem).* Kalau barangkali abiskita berjumpa doktor, sakit kepala barangkali *automatically* kita fikir kan membagi ubat menahan sakit, tapi kalau kita membagi ubat menahan sakit seperti yang seringkali dilaung-laungkan ini *panadol*, mungkin itu cuma *symptomatic treatment* sahaja tapi *root cause of* permasalahan itu tidak diatasi.

Perkara yang lebih penting ialah untuk memastikan kita tahu apakah sebenarnya puncanya. Kita dapat

mengubati untuk memastikan yang perkara ini tidak kembali lagi. Perkara ini sudah setentunya memerlukan pandangan dan nasihat daripada kesemua *stakeholders* yang berkenaan. Apa yang lebih utama ialah bagi kita mengambil pendekatan bersepadu dan mencari penyelesaian yang merentasi *(cross-cutting)* pelbagai pihak berkepentingan.

الْحَمْدُ لله , segala buah fikiran dan cadangan yang telah dikongsikan semasa sesi-sesi muzakarah setakat ini sejajar dengan apa yang direncanakan oleh Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan amat mengambil berat peri mustahaknya pensejajaran dan kongsi sama dilaksanakan dalam memastikan apa jua usaha yang dilakukan menepati kehendak rakyat dan aspirasi negara. Ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali ke-22 pada 24 November 2015 bahawa baginda telah bertitah bagi kementerian-kementerian bersikap lebih proaktif dengan meningkatkan penyelarasan melalui pendekatan *whole-of-nation* di semua peringkat dalam pelaksanaan dasar-dasar negara.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah menilai hasil pencapaian dan tahap perkhidmatan kesihatan pada masa ini, ditambah lagi dengan cadangan dan nasihat pihak-pihak berkepentingan melalui sesi-sesi muzakarah ataupun *stakeholders engagement*, fokus utama Kementerian Kesihatan dalam masa yang terdekat ini ialah peningkatan tahap pengalaman pelanggan *(enhancing customer experience).* Usaha ini akan meliputi beberapa aspek seperti:-

i. Memperbaiki lagi ihsan asas (*basic courtesy*);

ii. Mengurangkan masa menunggu;

iii. Memastikan bekalan ubat-ubatan dan khidmat asas tersedia;

iv. Meningkatkan secara berterusan kualiti dan reputasi para warga Kementerian Kesihatan; dan

v. Memantapkan lagi kualiti pemberian perkhidmatan melalui penyatuan perkhidmatan, kemudahan serta infrastruktur yang sedia ada (*consolidation of services, facilities and infrastructure*).

Memang tidak dapat dielakkan bahawa kos rawatan kesihatan akan semakin meningkat dengan perubahan demografi penduduk serta kemajuan teknologi yang semakin canggih. Oleh itu, kita perlu bersama-sama memikirkan bagaimanakah kita dapat memberikan perkhidmatan kesihatan yang berdaya tahan dan berkualiti tinggi agar ianya selamat, tepat pada masanya, komprehensif, kos efektif, responsif, tidak membebankan (*affordable*), saksama dan mudah diperolehi dalam jangka masa panjang bagi seluruh penduduk negara selaras dengan dasar *Universal Health Coverage.*

Selain daripada mempastikan kedayatahanan sistem penjagaan kesihatan, Kementerian Kesihatan juga melihat situasi ekonomi sekarang sebagai satu peluang untuk mendorong kepada perubahan terhadap tingkah laku dan sikap kebertanggungjawaban orang awam untuk lebih menjaga dan menilai tinggi tahap kesihatan diri masing-masing. Dalam erti kata lain, tanggungjawab dan akauntabiliti menaikkan tahap kesihatan seharusnya didukung dan digalas bersama oleh semua pihak termasuk pelbagai peringkat lapisan masyarakat di negara ini selaras dengan hasrat bahawa kesihatan adalah tanggungjawab semua *(health is everyone's business).*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ingin memohon rakan kaola Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga untuk membetulkannya iaitu agama Islam sendiri meletakkan kesihatan dan kesejahteraan itu di tempat yang tinggi selepas keimanan, selaras dengan sabda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam riwayat Ibnu Majah yang bermaksud:-

"Mintalah kepada Allah kesihatan dan kesejahteraan, kerana sesungguhnya tidak ada perkara yang lebih baik daripada kesihatan selepas iman".

Islam juga mengajar kita untuk menjaga kesihatan dengan cara pencegahan sebelum ditimpa sebarang penyakit "Mencegah itu lebih baik daripada mengubati" *"Prevention is better than cure".*

Yang Berhormat Pengerusi, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan Kaola untuk menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin hadirat di dalam Dewan yang mulia ini untuk berhenti sejenak dan membayangkan satu senario pada satu masa nanti dan bukan sekarang, bahawa cucu, cicit, anak kitani dan setiap individu di Negara ini bertanggungjawab dan memainkan peranan dalam menjaga kesihatan masing-masing dengan mengamalkan pemakanan dan gaya hidup yang sihat.

Semua tempat riadah dipenuhi setiap hari oleh semua peringkat umur tua dan muda. Kanak-kanak belusiran (berlarian) dan bermain basikal, orang muda dan tua berjalan sama-sama kerana ini sudah menjadi amalan setiap hari. Tidak ada alasan lagi walaupun bagi mereka yang sibuk dengan kerja harian kerana mereka ini juga mengamalkan cara hidup aktif dengan berbasikal atau menggunakan bas ke tempat kerja, meletakkan kereta sejauh yang boleh dari pintu ofis dan memilih memakai tangga daripada menaiki lif atau di Dewan ini menaiki tangga atau *escalator*.

Bayangkan juga betapa Negara Brunei Darussalam menjadi negara pertama di dunia yang bebas daripada tembakau. Tidak ada lagi nampak di negara ini orang ramai merokok di tepi kedai, jalan apatah lagi restoran. Manakala, restoran-restoran mahupun majlis kenduri menghidangkan juadah atau menu pilihan sihat dengan mempamerkan jumlah kalori. Kombinasi makanan yang dihidang juga

dibanyakkan sayur-sayuran dan buah-buahan daripada pilihan yang lain. Barang-barang makanan sihat yang berjual di pasar raya juga lebih murah dan *affordable* dari pilihan yang tidak sihat, dengan terdapatnya polisi kesihatan yang menyeluruh di seluruh negara sama ada bagi pihak kerajaan atau bukan kerajaan.

Dari segi perkhidmatan pula, dengan menggunakan teknologi terkini setiap individu boleh memantau kesihatan, mendapat khidmat nasihat yang sahih, mengesan tanda-tanda penyakit, dan boleh berhubung dengan para profesional kesihatan, umpamanya melalui penggunaan telefon pintar *(smartphones),* aplikasi *(apps)* dan jam pintar *(smartwatch).* Tidaklah semestinya perlu lagi bagi setiap pesakit yang menghidap penyakit ringan berkunjung ke pusat-pusat kesihatan atau hospital.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alangkah indahnya bayangan ini. Untuk mencapai semua impian yang dibayangkan tadi, kita perlulah sentiasa bersedia untuk berubah, bersikap proaktif dan tidak semestinya berpaut kepada cara lama dalam menghadapi cabaran-cabaran yang bersifat dinamik lagi kompleks. Sesungguhnya, kita perlukan perubahan minda *(mindset change)* dan tidak dapat lagi bersikap *business as usual.*

Kita semua hendaklah mempunyai pemahaman bersama dan persetujuan terhadap hasil (*outcome*) yang hendak dicapai kerana *outcome* atau hasil yang digariskan akan memberikan haluan destinasi kitani. Kementerian Kesihatan telah mula menggunakan pendekatan *delivery* yang memberi penekanan kepada pengukuran prestasi melalui Petunjuk Prestasi Utama *(KPIs)* dan data yang sahih.

Dengan cara ini kita akan dapat memantau prestasi kita secara berterusan dan memastikan penghasilan impak yang diharapkan lagi tepat pada masanya. Ini adalah pada menjunjung tinggi Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini yang menyarankan bagi penggunaan pendekatan *delivery approach* dalam apa jua perancangan dan inisiatif. Kaola percaya pendekatan seperti ini bukan sahaja akan menghasilkan perbelanjaan kerajaan yang kos efektif tetapi juga memberikan nilai tambah kepada rakyat dan pihak berkepentingan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam sama-sama menuju ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035 dan melalui visi "Bersama Ke Arah Warga Sihat", Kementerian abis kaola akan memberikan keutamaan perbelanjaan untuk tempoh 5 tahun mendatang kepada 3 keutamaan strategik:-

i. Menerapkan bahawa kesihatan adalah tanggungjawab semua (*health is everyone's business*);

ii. Mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit (*NCDs*); dan

iii. Memberi perkhidmatan cemerlang melalui penyepaduan (*consolidation*) dan pensejajaran (*realignment*) perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan demi memberikan nilai tambah kepada para pelanggan ataupun orang awam dan mengurangkan serta menghentikan pembaziran (*wastages*).

Ketiga-tiga keutamaan strategik ini akan diintegrasikan ke dalam kelima-lima program bajet yang dipohonkan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ, dengan sokongan padu daripada semua pihak, sistem kesihatan negara akan berdaya tahan, dilengkapi dengan nilai-nilai murni yang sentiasa mengutamakan masyarakat, yang sakit mahupun yang sihat, agar kesihatan akan dapat menyumbang kepada iklim perekonomian yang positif ke arah pembangunan negara yang mapan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Melalui mukadimah ini, kaola berharap ia bukan sahaja akan dapat mengongsikan status terkini tahap perkhidmatan kesihatan di negara ini, malahan yang lebih penting ialah hala tuju dan langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian abis kaola ke arah merealisasikan visi "Bersama Ke Arah Warga Sihat".

Kaola juga amat berharap ia akan sedikit sebanyak memberikan kesedaran kepada kita semua selaku rakyat dan penduduk di negara ini untuk menjadikan kesihatan sebagai tanggungjawab bersama.

Dalam hubungan ini, Kaola dengan rendah hati menyeru bagi kita semua bersama-sama berganding bahu dan bekerjasama dalam merealisasikan aspirasi negara untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan setara dengan 10 negara teratas di seluruh dunia.

Sekianlah dahulu dan sekali lagi kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhomat Pehin Pengerusi kerana memberikan kesempatan dalam menyampaikan mukadimah ini.

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas huraian penjelasan struktur perbelanjaan yang memfokuskan kepada jangka panjang kesejahteraan rakyat negara ini yang akan dipelopori oleh Kementerian Kesihatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Di hadapan saya ada senarai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk turut serta dalam membincangkan dan membahaskan Belanjawan Kementerian Kesihatan ini. Setakat ini, seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat untuk menyertai dalam perbincangan belanjawan kementerian ini.

Saya percaya sesudah mendengar pendahuluan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi, bilangan ini akan bertambah. Saya menjemput sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad untuk memulakan perbincangan kita. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih atas huraian yang sungguh komprehensif yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebentar tadi.

Kaola menyokong sepenuhnya Peruntukan Kementerian Kesihatan yang berjumlah $349,597,790.00 itu dan mengalu-alukan usaha dan inisiatif pihak Kementerian Kesihatan dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan, tekad pemedulian kesihatan kepada orang ramai dan mengambil berat akan kelambatan melayan para pesakit, sikap keterbukaan dalam erti kata lain, mahu menerima, mendengar dan berbincang terhadap buah-buah fikiran, pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan dari *stakeholder* yang berkepentingan.

Rakyat di Daerah Belait khasnya, penuh berharap kepada para doktor dan kakitangan hospital di daerah tersebut dapat menerima akan perubahan inisiatif ini dengan hati yang lebih terbuka dan terus akan memberikan perkhidmatan yang cemerlang terutama kepada pesakit-pesakit yang kondisi kesihatan mereka memerlukan layanan segera dan cepat.

Walaupun, rasanya terlalu awal untuk menyoal perkara yang kaola sebutkan di atas tadi, namun hati kecil kaola ingin juga mengetahui secara ringkas akan progres pencapaian hasil yang diperolehi dari sesi perjumaan bersama *stakeholders* yang berkepentingan khususnya di Daerah Belait yang diadakan baru-baru ini.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin memfokuskan isu perkhidmatan ambulans dan paramedik di Daerah Belait. Di Pusat Kesihatan Labi terdapat sebuah ambulans kecil dan seorang pemandu tetapi tiada paramedik. Di Pusat Kesihatan Sungai Liang, ada 2 buah ambulans tetapi hanya satu sahaja yang beroperasi disebabkan tidak mempunyai cukup paramedik.

Isu ini pernah kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini beberapa tahun yang lalu, jawapan yang diterima adalah kekurangan dan susah mendapat paramedik lelaki. Walaupun ada, mereka lebih cenderung membuat pilihan untuk berkhidmat dengan syarikat-syarikat swasta daripada berkhidmat dengan kerajaan disebabkan tawaran gaji yang agak lumayan.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin bertanya:-

1. Apakah perancangan pihak Kementerian Kesihatan dalam menangani masalah kekurangan paramedik di Daerah Belait

khususnya di Mukim Liang dan Mukim Labi?; dan

2. Diharap pihak Kementerian Kesihatan di Pusat Kesihatan Sungai Liang dapat menambah bilangan kakitangan jururawat yang bersesuaian bagi membantu para doktor melayan para pesakit luar.

Untuk makluman, *respond time* melalui panggilan 991, bagi Mukim Labi dan Bukit Sawat dan di pedalaman seperti Sukang dan Melilas, mengambil masa untuk sampai ke tempat kejadian. Masyarakat setempat mengalu-alukan pembaikan di atas perkhidmatan paramedik di mukim-mukim tersebut.

Kaola berharap, pihak Kementerian Kesihatan dapat mengambil perhatian dan inisiatif ke atas isu-isu yang kaola bangkitkan di atas tadi. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan suka untuk menjawab terus? Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan kaola untuk merespons terus. Pertama-tamanya saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Yang Berhormat adalah salah seorang daripada penyokong yang kuat bersama rakannya di Kuala Belait bagi Kementerian Kesihatan ini dan sempat hadir di sesi muzakarah abis kaola baru-baru ini.

Ada 2 perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad ialah:-

1. Progres pencapaian hasil sesi muzakarah di Kuala Belait. الْحَمْدُ لله Kitani sudah berjalan ke hadapan daripada sesi yang kitani adakan pada beberapa minggu yang lalu. Beberapa perkara telah dirancangkan dan malah diimplementasikan dari segi umpamanya perkhidmatan pelanggan, penyambut tetamu dan juga usaha-usaha untuk memastikan yang kelambatan menunggu bagi doktor dan sebagainya akan diatasi.

   Perkara ini Yang Berhormat Pengerusi, ialah *work in progress*. Pada masa ini, segala perubahan yang dilaksanakan ini masih dalam tahap pemantauan dengan menggunakan *delivery approach.* Bagi pihak abis kaola, tiap-tiap minggu abis kaola akan menyukat apakah perbezaannya dari minggu lepas, abis kaola ada satu moto *"we have to make today better than yesterday but we have to do that every day".* Tiap-tiap hari ini, warga Kementerian Kesihatan bertekad إِنْ شَاءَ اللهُ memastikan yang apa pun kitani punya perkhidmatan ini, *performance* lebih baik daripada hari-hari yang lalu.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan kesabaran dan juga sokongan padu dan berterusan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee ini, kitani dapat merealisasikan lagi hasrat kitani itu secepat mungkin.

Perlu juga ditekankan, apa yang dilaksanakan ini bererti kitani terpaksa mengubah minda. Bukan sahaja mengubah minda rakyat atau pengguna tetapi juga menggubah minda bukan sahaja mengubah minda rakyat atau pengguna tetapi juga mengubah minda warga kementerian abis kaola. Kaola berterus terang jua *this is what we call change of mindset*.

Kalau kita mengubah minda ini bukan semestinya ia akan berubah dalam masa sehari, manusia ini ada perasaan, hati dan sebagainya. Kita terpaksa juga menghormati mereka ini dan mencari jalan bagaimana kita mendapatkan kefahaman yang bersatu. Mengapa kita mengerjakan kerja-kerja sebegini. Itulah jawapan untuk soalan yang pertama.

2. Pada soalan yang kedua ini, sekali lagi kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat mengutarakan isu-isu yang perkhidmatan ambulans dan paramedik. Kaola lebih cenderung lagi melihat secara mikro. Ada beberapa perkara yang kaola ingin kongsikan di sini.

Baru-baru ini pihak abis kaola sudah berbincang dengan rakan-rakan Menteri Kabinet yang ada perkhidmatan kecemasan seperti pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, pihak Pasukan Polis Diraja Brunei, mungkin pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang mana mereka ini terdapat fasiliti ataupun aset-aset untuk *first responder* ini.

Alangkah lebih baik jika kita *consolidate* perkhidmatan ini. Jika kita bayangkan fasiliti yang ada *capability* untuk *first responder* ini. الْحَمْدُ لله aset-aset ini mencukupi di dalam Negara Brunei Darussalam. Cuma tinggal untuk kita sama-sama memikirkan macam mana kita akan mengungkayahkannya.

Umpamanya, sekiranya satu kecemasan yang berlaku dekat dengan Anduki, mungkin pihak *Brunei Shell Petroleum* dengan paramedik mereka boleh merespons dulu, sambil-sambil pihak Kementerian Kesihatan akan datang selepas itu. Konsep *first responder* ini akan diteliti sedalam-dalamnya dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ dalam masa yang terdekat akan diimplementasikan.

Yang kedua, pendidikan ke atas orang ramai. Walaupun kita boleh membuat satu perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang di dunia ini, tetapi kalau orang kita ini tidak juga menelefon pihak kecemasan, jika ada orang yang tiba-tiba pengsan di bandar, orang itu tidak akan datang

ke tempat kecemasan itu. Orang awam pun perlu juga ditingkatkan lagi kesedaran mereka. Mungkin pihak abis kaola memikirkan macam mana kita akan mengadakan, mungkin latihan asas terutama sekali di sekolah-sekolah, persatuan-persatuan bagi memberi khidmat *First Aid* ini Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai paramedik, sebenarnya perkhidmatan paramedik ini sebelum Kursus Paramedik ini diadakan pada 3 tahun yang lalu, yang baru diadakan dan abis kaola berterima kasih kepada rakan kaola di Kementerian Pendidikan untuk mengadakan kursus ini. Khidmat kecemasan ini sudah diberikan sekian lama tetapi bukan melalui paramedik tetapi melalui jururawat-jururawat yang latihan mereka pun setaraf dengan paramedik ini. Cuma tinggal namanya sudah diubah. إِنْ شَاءَ اللَّهُ dari segi perkhidmatan dan kualitinya tidak akan berubah. Seberapa daya upaya kita boleh melaksanakannya. Abis kaola akan cuba memastikan yang khidmat paramedik ini akan tetap ada tapi kualiti tidak akan dikurangkan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas jawapan yang diberikan itu. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejatera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah Peruntukan Belanjawan Kementerian Kesihatan dan dalam mengongsikan status kesihatan rakyat negara ini Yang Berhormat sampaikan sebentar tadi.

Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan. kaola akan menimbulkan 2 perkara sahaja:-

1. Tidak dapat dinafikan bahawa perkhidmatan kejururawatan adalah salah satu perkhidmatan teras dan penting dalam memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan di negara ini, termasuklah juga di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Daerah Temburong.

   Soalan kaola, apakah jumlah pegawai dan perkhidmatan kejururawatan di Daerah Temburong pada masa akan datang akan bertambah selaras dengan perkembangan perkhidmatan perubatan kesihatan di daerah ini?; dan

2. Memandangkan masa ini, cuaca di negara kita ini tidak menentu, apa tah lagi tibanya musim tengkujuh

tidak mustahil nyamuk-nyamuk akan berkeliaran dan membawa penyakit seperti penyakit demam denggi yang berpunca dari nyamuk aedes merupakan ancaman yang membimbangkan kepada negara. Senario ini merupakan betapa bahayanya demam denggi dan perlu ditangani segera agar tidak meragut nyawa.

Soalan kaola:-

i. Sejauh manakah bahayanya pembiakan nyamuk aedes di negara ini?;

ii. Berapakah bilangan kes denggi di negara ini khususnya di Daerah Temburong?; dan

iii. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawal jangkitan denggi sejauh ini?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menjawabnya terus.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad wakil daripada Daerah Temburong.

Isu pertama, iaitu isu perkhidmatan kejururawatan di Daerah Temburong. الْحَمْدُ لله pada masa ini, kita terdapat kurang lebih 60 tenaga kejururawatan yang ditugaskan di Daerah Temburong. Jika diizinkan untuk melihat dari prespektif yang lebih besar, Negara Brunei Darussalam, الْحَمْدُ لله dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, nisbah jururawat dengan penduduk Negara Brunei Darussalam, kita pada tahap yang membanggakan. Jika kita melihat dari segi seluruh penduduk Brunei ini, nisbahnya ialah 80.5 jururawat bagi tiap-tiap 10,000 penduduk. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara jiran kita mungkin lebih baik daripada Singapura atau Malaysia. Kalau di Singapura nisbahnya ialah 57.6 bagi tiap-tiap 10 ribu penduduknya. Malaysia agak kurang sedikit iaitu 32.8 pada tiap-tiap 10,000 penduduk negara itu. Mungkin nisbah kita tidak setinggi seperti negara-negara yang *first world,* umpamanya *Finland* ataupun *Belgium* yang nisbahnya amat tinggi.

Walau bagaimanapun, dari segi keperluan negara ini, الْحَمْدُ لله . Apa yang kita harus usahakan bagi pihak kaola sendiri, memastikan nisbah ini dapat *deliver* impak atau hasil yang kita kehendaki. Pihak Kementerian Kesihatan akan bekerja keras secara berterusan bersama dengan *stakeholders* seperti Yang Berhormat sendiri untuk memastikan layanan pelanggan yang hasilnya akan dapat tercapai.

Dalam masa jangka panjang, dengan adanya pembinaan, الْحَمْدُ لله Jambatan Penghubung ke Daerah Temburong pihak Kementerian Kesihatan sudah mula mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang tertentu. Kita semua maklum dengan adanya satu Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan Jambatan ini, jadi الْحَمْدُ لله dengan kerjasama rakan-rakan sejawatan. Abis kaola mendapat *intel* dan *information* macam mana abis kaola akan merancang sumber tenaga manusia bagi perkhidmatan kesihatan pada masa akan datang.

Izinkan kaola Yang Berhormat Pengerusi untuk beredar kepada soalan mengenai penyakit denggi. Terima Kasih Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Ini satu perkara mustahak bagi orang awam untuk mengetahuinya. الْحَمْدُ لله penyakit demam denggi di Negara Brunei Darussalam ini pada tahun 2015 sebanyak 317 kes telah dilaporkan. Kalau dibandingkan dengan 2014 yang lebih tinggi lagi iaitu 436 kes.

Jadi kalau dipecahkan di Daerah Temburong untuk tahun lepas daripada 317 kes-kes yang telah dilaporkan itu hanya 17 kes saja yang ada di Daerah Temburong. الْحَمْدُ لله barangkali mencerminkan betapa penduduk di sana memfokuskan kepada kebersihan di persekitaran perumahan mereka, di tempat kerja dan sebagainya.

Mengapa kaola becakap begini Yang Berhormat Pengerusi, ini ialah kerana cara yang lebih baik untuk memastikan berkuranganya kes-kes denggi ini melalui langkah-langkah pengawalan, penjagaan persekitaran yang bebas daripada tempat menjadi punca pembiakan nyamuk aedes. Nyamuk aedes ini adalah pembawa atau *vector* bagi virus denggi ini.

Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir di Dewan ini memikirkan macam mana kalau kita dapat menyembur saja *spray* nyamuk ini. Sebenarnya *Fumigation spray* ini adalah perkara *secondary. Fumigation spray* ini tidak mencegah walaupun balik-balik kita menyembur, setiap hari 2-3 kali sehari. Selagi ada takungan air atau saliran yang tidak mengalir nyamuk-nyamuk ini akan membiak. Kaola menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang awam untuk sama-sama memastikan kawasan keliling rumah kita dan tempat-tempat bekerja tidak lagi ada tempat takungan-takungan air atau tempat pembiakan nyamuk ini. Itu saja jawapan kaola untuk Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Saya berpendapat ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini ditangguhkan bagi membolehkan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) maka bagi membolehkan, kita meneliti Rang Undang-Undang ini satu persatu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Kita masih lagi membincangkan Belanjawan Kementerian Kesihatan. Sebelum mesyuarat kita ini ditangguhkan untuk rehat sebentar tadi, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menghuraikan dalam mukadimahnya dengan jelas mengenai belanjawan dan sasaran-sasaran Kementerian Kesihatan.

Seramai 2 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan tentang Belanjawan Kementerian Kesihatan dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sekarang saya lanjutkan lagi perbincangan kita dengan menjemput Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima Kasih**,** Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah yang telah disampaikan tadi.

Kaola ada 2 perkara untuk ditimbulkan:-

1. Mengenai *non-communicable diseases (NCDs).* Kaola menyokong dan bersetuju berhubung kebimbangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengenai meningkatnya *non-communicable diseases (NCDs)* dalam kalangan golongan muda seperti yang dikongsikan dalam mukadimah tersebut. Ke arah mencari jalan untuk membendungnya kaola percaya beberapa langkah akan diambil oleh Kementerian Kesihatan. Seperti yang telah dilaporkan melalui media massa, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan *Health Advisory Council* dan seterusnya *Health*

Promotion Centre di bawah *preview* Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri.

Berhubung dengan perkara ini, kaola ingin bertanya apakah tindakan yang akan dijalankan oleh *Health Promotion Centre* ini dalam mencegah *non-communicable diseases (NCDs)* dari terus merebak berlaku dalam kalangan penuntut sekolah dan juga golongan muda yang gemar memakan dan meminum makanan dan minuman yang menjejaskan kesihatan seperti minuman *carbonated soft drink* dan mi segera *(instant mee)*? Beberapa tahun lalu Negara Brunei Darussalam telah pun dilaporkan sebagai sebuah negara paling tinggi dalam penggunaan mi segera atau *high consumption instant mee*; dan

2. Kerajaan memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk mendapatkan anak-anak tempatan yang memperolehi kepakaran dalam bidang-bidang tertentu seperti perubatan dan kesihatan dengan harapan mereka ini akan menggunakan kepakaran masing-masing untuk memajukan bidang-bidang berkenaan. Namun akhir-akhir ini timbul kemusykilan awam tentang pakar-pakar perubatan yang sedemikian dipindah ke luar dari Kementerian Kesihatan untuk menjalankan kerja-kerja pentadbiran di kementerian-kementerian lain.

Seperti yang kita faham bahawa *mismatches* begini amat merugikan sumber tenaga manusia. Dalam negara sedang mengalami keadaan ekonomi yang mencabar ini, kita telah mendengar serta membincangkan di Dewan yang mulia ini bagaimana kerajaan sedang berusaha untuk merangka perbelanjaan yang berjimat cermat, berusaha untuk mengoptimumkan perbelanjaan dan pengunaan aset-aset kerajaan termasuk tenaga manusia serta memberi prioriti projek yang telah diungkayahkan sehingga memberhentikan perlaksanaan sebahagian projek tersebut.

Pada pandangan kaola Kementerian Kesihatan, juga sepatutnya mengambil langkah yang sama sebagai misalan sepatutnya telah mengambil balik pakar perubatan yang berkhidmat di kementerian lain demi mengoptimumkan penggunaan tenaga manusia dalam perkhidmatan kerajaan.

Kaola ingin bertanya apakah keuntungan yang diperolehi kerajaan terutama Kementerian Kesihatan dalam tindakan memindah 2 orang pakar perubatan yang senior untuk menjalankan kerja-kerja pentadbiran di kementerian-kementerian lain dan apakah impaknya kepada usaha kerajaan untuk menarik minat atau menggalakkan pakar-pakar perubatan yang masih bekerja di luar negara untuk kembali bertugas di dalam negeri? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Kesihatan suka untuk menjawab terus, silakan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola rakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman atas 2 isu yang ditimbulkan tadi iaitu;

Isu penyakit-penyakit yang tidak berjangkit *(non-communicable diseases).* الْحَمْدُ لله baru-baru ini ada penstrukturan organisasi Kementerian Kesihatan. Bahagian *Health Promotion Centre* itu dinaikkan di bawah previu kaola sendiri. Ini untuk mengambarkan betapa seriusnya kementerian kesihatan melihat isu *non-communicable diseases* ini. Melalui *Instrument Health Promotion Centre* ini nanti kaola akan mengendalikan beberapa langkah yang strategik untuk memastikan kita secara terus-menerus mengintegrasikan *message health is everyone's business* ini kepada seluruh penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam ini.

Diwujudkan Majlis Penasihat. Majlis Penasihat ini ialah komite peneraju bagi Wawasan Brunei 2035 yang kita panggil Peneraju Strategi Kesihatan yang mana kaola sendiri mempengerusikannya dan ahli-ahli komite ini, kaola lantik terdiri daripada bukan sahaja daripada kementerian-kementerian malah juga daripada pihak-pihak orang awam dan juga orang ramai.

Kita melihat mereka ini sebagai *grass roots leaders* yang datangnya dari *business sector*, juga dari industri-industri yang berkenaan. Kita akan mengambil maklum balas daripada ahli-ahli ini untuk memikirkan *implementation plan* kita bagi memastikan kita boleh memasukkan *everyone's health is business* ini kepada rakyat di negara kita ini.

Kaola rasa inilah satu cara untuk menjadi lebih terbuka lagi supaya kita faham akan isu-isu yang timbul dalam kalangan rakyat kita ini. Kadang-kadang kalau kita akan *introduce* apa-apa perkara yang baharu, sebelum kita membuatnya lebih baik kita berbincang dahulu supaya nanti rakyat maklum mengapa kita membuat apa yang kita laksanakan itu.

Apa yang kita laksanakan ini untuk kebaikan semua tetapi kadang-kadang kalau kita tidak menerangkan sebaik-baiknya mungkin perkara ini tidak akan diterima. Seumpamanya kalau kita mendengar satu ucapan daripada *Chancellor of the Exchequer* di United Kingdom beberapa jam yang lalu mengenai bajet mereka ada memberi satu *surprise message* mengenai "cukai gula". Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid kelmarin ada mengongsikan bersama kaola juga mengenai dengan cukai gula.

Mereka mementingkan "cukai gula" kerana mereka sudah gagal dalam mengurangkan tahap obesiti dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur

10 tahun. Kaola mendengar masa ucapan itu mengatakan yang kalau disukat jumlah gula yang dimakan oleh kanak-kanak di sana dalam setahun berat gula itu seperti berat daripada yang anak berumur 5 tahun.

Inilah permasalahanya dan di Brunei Darussalam tidak jauh masalah seperti ini. Kita mesti mendapat sokongan orang ramai memerhatikan macam mana untuk mengurangkan obesiti ini sebab obesiti ini kalau dibiarkan Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pendidikan saja untuk memastikan yang kanak-kanak ini tidak memakan makanan yang tidak sihat, mungkin tidak mencukupi. Ia harus datang dari peringkat rumah, iaitu ibu bapa, adik beradiknya dan semua sekali dan sekali lagi kaola ketengahkan isu *health is everyone's business.*

Buat langkah awal ini Kementerian Kesihatan mengalu-alukan apa juga cadangan yang biskita cadangkan, kami terbuka. Buat waktu ini kami akan merancang satu pelan tindakan dahulu dengan mengambil kira komen-komen daripada orang awam dan rakyat di Negara Brunei Darussalam dan juga *membench mark* (menanda aras) dengan apa-apa praktis yang terbaik agar kita tidak *reinventing the wheel* dahulu, kita mahu bekerja lebih cepat ke hadapan.

Mengenai dengan *job skill mismatch*. Ini satu isu yang kaola utamakan sejurus selepas lantikan kaola sebagai menteri kesihatan sebagaimana yang kita maklum Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melabur banyak wang atau kos untuk membangun *human capacity* di Brunei Darussalam termasuklah pakar-pakar, doktor-doktor dan sebagainya.

Kaola sudah memulakan satu dasar. Mereka yang pakar dalam Kementerian Kesihatan untuk terus-menerus mempraktikkan kepakaran mereka ini termasuklah kaola sendiri. Timbalan Setiausaha Tetap kementerian kaola seorang pakar kesihatan penjagaan organisasi, pegawai-pegawai dalam bidang yang lain dari segi terapi, fisioterapi, farmasi dan jururawat dimestikan sekurang-kurangnya tiap-tiap minggu mempraktikkan *skill* mereka itu kerana itulah *core business* mereka. إِنْ شَاءَ اللَّهُ hal ini akan terus dipraktikkan.

Untuk mengatasi isu pentadbiran, doktor kanan terpaksa juga melaksanakan sedikit hal-hal pentadbiran untuk mengatur jabatan-jabatan dan sebagainya. Apa yang kaola adakan ialah untuk menggandingkan mereka dengan pentadbir. Mana-mana isu pentadbiran mereka ada *second hand person* mereka untuk menjalankan perkara-perkara pentadbiran itu.

Kaola harap yang Berhormat Pengerusi, kaola sedikit sebanyak dapat menjawab soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji

Sulaiman. Sekiranya tidak cukup kita boleh berbincang lagi bagaimana cara untuk mengatasinya. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola juga bersependapat dengan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai dengan doktor-doktor yang ditempatkan untuk mentadbir bahagian pentadbiran. Pada masa ini saya rasa doktor-doktor tempatan telah melebihi 200 orang dalam pelbagai bidang dan kepakaran yang memegang tanggungjawab sebagai pentadbir sudah berkurangan bagi mereka untuk menjalankan tugas-tugas klinikal. Kaola rasa satu kerugian dalam profesionalnya.

Dalam hal ini kaola mencadangkan supaya doktor tempatan ditugaskan menjalankan kerja-kerja pentadbiran diberikan kesempatan juga untuk membuat kerja-kerja klinikal.

Peningkatan penyakit obesiti dan *diabetes* dalam kalangan kanak-kanak. Lebih dari 3 dekad penyakit tidak berjangkit seperti kanser, kardiovaskular dan kencing manis iaitu punca kematian yang terutama di Negara Brunei Darussalam.

Apa yang lebih membimbangkan ialah kes-kes *NCDs* dalam kalangan kanak-kanak yang menghidap *diabetes* dan obesiti kian meningkat. Dalam hal ini, pihak Kementerian Kesihatan hendaklah mengambil berat hal ini kerana ia akan mengancam kesihatan, produktiviti dan kualiti hidup anak-anak tersebut pada masa hadapan.

Kaola ingin bertanya, adakah Kementerian Kesihatan mempunyai program-program bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi mengurangkan hal-hal penyakit *diabetes* dan obesiti dalam kalangan kanak-kanak?

Bahagian Pesakit Luar di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong Hospital (PMMPHAMB Hospital) dibuka dari hari Isnin hingga hari Khamis dan Sabtu dari pukul 7.45 pagi - 12.15 tengah hari dan pukul 2.30 petang - 4.30 petang.

Pesakit yang menghadapi masalah selepas waktu kerja akan dirujuk ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan. Jika sekiranya terdapat kes-kes kecemasan maka kes ini didulukan dan pesakit lain akan menunggu hingga kes tersebut selesai. Kita juga mendapati ramai pesakit menunggu untuk mendapat rawatan setiap hari.

Sementara di Bandar Seri Begawan pesakit luar yang ingin mendapat

rawatan pada waktu malam mereka akan pergi ke Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan di Jalan Ong Sum Ping. Waktu perkhidmatan Pusat Kesihatan ini ialah dari 6.00 petang hingga 9.00 malam pada hari Isnin hingga hari Khamis dan hari Sabtu. Dan dari pukul 2.00 petang hingga 9.00 malam pada hari hujung minggu dan hari kelepasan awam. Jika hari kelepasan awam berturutan *(consecutive public holiday)* maka pusat tersebut dibuka dari pukul 2.00 petang hingga pukul 11.00 malam.

Kaola dengan ini mencadangkan supaya Bahagian Pesakit Luar di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong (PMMPHAMB Hospital) dibuka pada waktu malam seperti di Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan di Jalan Ong Sum Ping, ini akan dapat mengurangkan tugas-tugas pegawai perubatan yang bertugas di Bahagian Kecemasan dan membolehkan mereka menangani kes-kes kecemasan yang lain dengan lebih berkesan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Ada 3 isu ditimbulkan tadi Yang Berhormat Pengerusi:-

1. Satu saranan sokongan untuk memastikan yang doktor-doktor ini akan terus menceburi bidang kepakaran mereka. Kaola sendiri Yang Berhormat Pengerusi menyambut baiklah saranan itu;

2. Mengenai isu *diabetes* dan obesiti terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja ini, kalau kaola boleh mengongsikan sahaja data kaji selidik yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan kadar obesiti dalam kalangan penuntut atau remaja berumur 13 ke 15 tahun ialah 17.7 peratus.

   Ini dikirakan sudah tinggi kerana kita belum lagi melihat tiap-tiap tahun kanak-kanak yang umur bawahan ini akan masuk ke had yang meningkatkan lagi kadarnya. Lelaki 20.4 peratus dan perempuan 15.3 peratus. Ini bagi obesiti sahaja tapi kalau kitani melihat kadar lebih berat badan yang belum mencecah ke obesiti ini dapatannya ialah 35.2 peratus.

   Jadi 1/3 daripada kanak-kanak dan remaja kitani ini dilihat sebagai melebihi berat badan. Ini sangat membimbangkan, kerana kita tahu isu berat badan obesiti ini boleh mengakibatkan timbulnya penyakit tidak berjangkit yang seringkali kita timbulkan seperti kencing manis jenis kedua *(Type 2 diabetes)* dan darah tinggi dan kesan darah tinggi ini akan mengakibatkan anak-anak muda ini untuk, mendapat penyakit lain seperti kelemahan jantung *(heart failure)*, buah pinggang dan sebagainya.

Dalam masa jangka panjang seperti mana juga yang kaola sudah mengetengahkan dalam mukadimah ini akan meningkatkan bebanan bukan sahaja buat Kerajaan Negara Brunei Darussalam, malah bebanan untuk si pesakit, keluarganya, majikannya dan sahabat handainya.

Kaola alu-alukan saranan Yang Berhormat tadi untuk melihat isu ini dengan lebih teliti dan barangkali cara kita mengatasinya ialah dengan sama-sama berganding bahu. Bukan sahaja di pihak kerajaan di pihak kementerian abis kaola, Kementerian Pendidikan dan mungkin juga dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memastikan belia kita belia sihat, belia produktif tapi cara kita mengajak mereka ini lebih penting.

Seperti mana sebelum ini kaola mengatakan kalau mengaturkan mereka ini senang tapi impaknya mungkin tidak ada. Kita mesti menerapkan kefahaman mengapa kita mahu jadi sihat. Kita mahu sihat kerana mahu hidup dan umur lebih panjang إِنْ شَاءَ اللَّهُ dapat bermain bola, dapat bersama cucu, cicit kita umpamanya.

Perkara yang kita terpaksa pertimbangkan dahulu sebelum membuat apa-apa peraturan, memang kita perlu juga *legislation* dan akta yang tertentu untuk menolong mengubah sikap dan perangai orang untuk memastikan yang kita akan menjalani hidup sihat ini; dan

3. Mengenai dengan isu *OPC (Out Patient Clinic).* Isu ini kalau boleh dikongsikan bukannya isu di Tutong sahaja. Kaola berjalan melawat tiap-tiap minggu ke klinik-klinik, hospital-hospital. Memang isu ini seringkali ditimbulkan.

   Pada masa ini abis kaola ingin mengetahui apa sebenarnya *root cause problem* ini. Mengapa ada isu menanti. Mengapa ada isu yang kerap kali tidak mencukupi dalam perkhidmatan ini. Walhal bajet yang sudah dihulurkan ini rasa kaola memang mencukupi. Kadangkala lebih mencukupi. Kita melihat dari segi efisiensi lebih dahulu. Adakah kita banyak mengadakan duplikasi umpamanya? Kaola minta maaf sahaja Yang Berhormat Pengerusi balik-balik sudah mengatakan mengenai *consolidation of services* ini.

   Kadangkala dalam niat kita akan menyenangkan, dengan mengaturkan ataupun mengadakan beberapa khidmat klinik ini, terpaksa kita membahagi-bahagikan orang-orang ini jua ke sana. Sampai tahap barangkali perkhidmatan itu terjejas kerana kononnya tidak mencukupi orang. Sekarang apa yang kita akan adakan ialah menyatukan bersama dengan rakyat dan pengguna ataupun pelanggan kita apakah sebenarnya impak yang kitani mahukan ini dahulu. Sudah kita tahu

bersama barulah kita merancangkan bagaimana kita menuju ke arah impak yang kita inginkan ini.

Mengenai mengadakan *extended hours.* Kaola sendiri secara peribadi merasai kalau boleh jangan tah dipanggil *extended hours* ini lagi. Kita mengadakan satu perkhidmatan yang orang ramai boleh datang tetapi lebih baik lagi kalau orang ramai tahu penyakitnya ini penyakit ringan iaitu *flu* ataupun batuk yang biasa sahaja Kementerian Kesihatan patutnya mengadakan satu *Apps* ataupun satu talian khidmat nasihat daripada mereka menunggu, berjalan jauh-jauh menunggu doktor melihat, mereka menelefon sahaja minta nasihat.

Ubat-ubat tersebut boleh dibeli malah saja mengambil *paracetamol* ataupun apa yang patutnya. Kita memastikan rakyat kita ini tahu menjaga kesihatan mereka itu sendiri. Berbalik kepada pencegahan lebih baik lagi daripada berubat itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah yang telah disampaikan sebentar tadi.

Kaola dengan sepenuhnya menyokong Peruntukan Perbelanjaan Kementerian Kesihatan sejumlah $349.5 juta. Kaola bersependapat dan menyokong sebagaimana yang dikatakan oleh 2 orang rakan kaola mengenai doktor-doktor tempatan.

1. Mengenai doktor tempatan yang menamatkan perkhidmatan mereka dengan Kementerian Kesihatan. Soalan Kaola:-

   i. Berapa orangkah doktor tempatan yang telah menamatkan perkhidmatan mereka dengan kerajaan;

   ii. Apakah peringkat kepakaran mereka?;

   iii. Adakah pihak Kementerian Kesihatan menemuduga untuk mengetahui punca mereka ini menamatkan perkhidmatan mereka?; dan

   iv. Adakah Kementerian Kesihatan mengambil tindakan untuk menangani punca-punca tersebut?;

   Ini amat penting kerana ia melibatkan pelaburan negara dalam memberikan biasiswa kepada mereka ini untuk belajar mengikuti kursus kepakaran bidang perubatan

yang setentunya memerlukan perbelanjaan yang tinggi;

2. Pusat Kesihatan Sultan Omar 'Ali Saifuddien Kampung Sungai Kebun. Kaola ingin mengetahui perkembangannya, penaikan taraf Pusat Kesihatan Sultan Omar 'Ali Saifuddien Kampung Sungai Kebun setakat ini; dan

3. Klinik Kesihatan Pekan Muara dicadangkan supaya dipanjangkan masa operasinya ataupun perkidmatan dari pukul 6.00 petang hingga 10.00 malam bagi kemudahan penduduk kawasan Muara dan sekitarnya.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kesihatan, silakan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga saya rakamkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Hj Md. Daud bin Karim. Ada 3 perkara yang ditimbulkan, yang pertama seperti mana juga rakan-rakan Yang Berhormat terdahulu mengenai doktor-doktor tempatan yang berhenti daripada perkhidmatan di Kementerian Kesihatan.

Mengenai punca-puncanya barangkali ini ada beberapa punca. Kalau kita fikirkan sama ada ia berhenti oleh sebab hal-ehwal peribadi atau keluarga, ada sesetengahnya terutama sekali kemungkinan doktor-doktor wanita sudah berkeluarga, mereka mahu perkhidmatan mereka secara *part time*. Ada jua kalanya, mereka yang belum balik itu mungkin sudah dapat pekerjaan di negara mereka menjalani latihan. Barangkali mereka sudah berubah fikiran untuk bermastautin di negara berkenaan daripada balik ke Brunei.

Apakah langkah-langkah pihak kementerian. Abis kaola setiap minggu, pada masa ini sedang berjumpa dengan doktor-doktor kita terutama sekali doktor-doktor tempatan kerana, doktor-doktor tempatan ini ialah pelaburan Negara Brunei Darussalam. Abis kaola mendengar apa-apa isunya dan keluhan-keluhan mereka. Hasil daripada *coffee chat* ini dan duduk secara informal bersama mereka ini, الْحَمْدُ لله menampakkan betapa orang-orang tempatan ini sangat ingin untuk memperbaiki lagi kesihatan di sini, الْحَمْدُ لله

Cuma barangkali abis koala terpaksa melihat dari segi apa yang dapat kita hulurkan kepada mereka. Ini bukan kaola bermaksud gaji atau yang lainnya tetapi dari segi bagaimana idea mereka ini dapat digunakan. Banyak idea dapat dikongsikan bersama pihak abis koala ini adalah idea yang sangat bagus. Mencari jalan bagaimana kita mengimplimentasikan idea mereka ini. Kalau difikirkan pun latihan mereka ini kebanyakannya bukan di Brunei tetapi di luar negeri. Mereka sudah melihat apa yang ada di negeri-negeri yang maju dan bagaimana kita boleh mengadakannya di negara kita ini.

Apa yang harus mereka maklum juga, ialah negara lain itu lain caranya. Negara kita ada caranya tersendiri. Bagaimana kita boleh menyatukannya atau mengintegrasikannya dari konteks negara kita yang mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja. Ini perlu kita tangani sebaik-baiknya. Itu sahaja untuk menerangkan mengenai isu-isu orang-orang yang berhenti bekerja pihak abis kaola akan terus-menerus berusaha untuk memastikan barangkali doktor-doktor yang masih lagi dalam latihan ini sebelum mereka balik ini kita terpaksa mengongsikan bersama mereka apa peluang-peluang mereka semasa mereka balik nanti.

Kita mesti memastikan bila mereka balik nanti tidak lagi mereka tertunggu mencari tempat tinggal, tidak lagi tertunggu-tunggu mereka bergaji hari dan sebagainya. Pihak Abis kaola bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang tertentu untuk memastikan yang segala proses ini *smooth sailing*. Nanti bila mereka balik ke Brunei kita tahu yang mereka ini akan berkhidmat terus dan tidak lagi perlu menghiraukan isu-isu seperti gaji dan sebagainya, إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Isu yang ditimbulkan mengenai Pusat Kesihatan Sultan Omar 'Ali Saifuddien di Sungai Kebun. Kaola ingin meminta tempoh dahulu Yang Berhormat Pengerusi.

Isu ketiga mengenai Pusat Kesihatan Pekan Muara. Kaola rasa ini isunya sama dengan isu mengenai *extended hours.* Memadailah jawapan kaola sebelum ini untuk menjawab soalan Yang Berhormat yang ketiga ini mengenai *extended hours* ini. Walau bagaimanapun, kaola memikirkan bisailah (eloklah) kita berunding selepas Majlis ini untuk melihat bagaimana caranya kita mengatasinya.

Izinkan kaola berbalik semula kepada soalan nombor 2. Mengenai Klinik Sultan Omar 'Ali Saifuddien pada masa ini sudah roboh dan tidak lagi ada, dalam usaha pihak Kementerian Kesihatan bagi penyepaduan (*consolidation of services*) ini, setakat ini masih dalam tahap perancangan untuk memastikan apa pun yang kita bangunkan ini nanti tidak menduplikasi dan membazir bukan saja dari segi kewangan tetapi membazir dari segi mengadakan *manpower, services* dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kesihatan mengesyorkan Yang Berhormat, apa pun yang akan diadakan nanti, perkhidmatan-perkhidmatan ini, tidak akan membebankan rakyat kita dan mereka akan mendapat perkhidmatan yang terbaik yang ada pada masa ini. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Setelah meneliti apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, bahawa sesungguhnya kaola dapat fahami secara terperinci inti pati yang begitu jelas memfokuskan semua bidang yang berkaitan dengan kesihatan, demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum itu kaola mengucapkan terima kasih atas perubahan tempat pesakit luar berjumpa dengan doktor yang dulunya di tingkat atas sekarang sudah diubah di lantai 1. Ini memudahkan kepada orang ramai terutama sekali warga emas. Yang Berhormat Pengerusi, apa yang kaola suarakan di Dewan ini, pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada 11 Jamadilawal 1434 bersamaan 23 Mac 2013 mengenai bangunan pejabat dan Pusat Kesihatan Pekan Tutong, Ini sebagai ulangan pertama seperti mana yang dinyatakan dalam Laporan Penuh (Hansard) Tahun 2013, muka surat 721.

Yang Berhormat Pengerusi. Menyentuh mengenai Wawasan Brunei 2035 hanya lebih kurang 19 tahun lagi, bolehkah kita capai apa yang dinyatakan pada Wawasan Brunei 2035 ini, bahawa antaranya rakyat berpendidikan tinggi? Ini adalah berkaitan dengan pakar-pakar dalam semua bidang kedoktoran atau doktor-doktor yang berpengalaman dalam sesuatu penyakit untuk mengganti doktor-doktor asing yang ada pada masa ini. Disarankan bahawa doktor anak tempatan yang sedang berkhidmat pada masa ini, diberi peluang untuk mendapatkan kepakaran yang bersesuaian.

Mengikut apa yang kaola sama-sama bincangkan mengenai Peruntukan Kementerian Kesihatan dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Yang Kesepuluh Tahun 2014, perbelanjaan menghantar keluar negeri bagi rawatan seterusnya agak besar juga dalam Peruntukan 2014/2015 sebanyak $55 juta, yang termasuk membeli ubat-ubatan.

Yang Berhormat Pengerusi. Untuk mengurangkan perbelanjaan ini, bahawa sekiranya pesakit-pesakit yang menerima rawatan di luar negeri, disarankan mereka itu dirawat dalam negeri oleh pakar-pakar yang ada sekarang atau mendatangkan pakar-pakar luar negeri. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola menjawab soalan tadi. Terima kasih juga kaola rakamkan kepada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf. Soalan Yang Berhormat, mengenai bolehkah kita mencapai Wawasan Brunei 2035? Ini *loaded question*, kita tidak lagi ada alasan, destinasi tersebut sudah ditetapkan, Wawasan Brunei 2035 ini, kita tidak boleh berundur lagi.

Secara peribadi, Kementerian Kesihatan menjanjikan seperti itu jika kita ada perasaan yang mungkin "bolehkah inda ni". Ini sudah mencerminkan barangkali sudah ada *second thought*. Kaola rasa janganlah berfikiran begini. Kita harus yakin dan berusaha, harus bersepadu dan yang lainnya serahkan dan berdoa. إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Jika dilihat dari segi pencapaian kita setakat ini, banyak sudah laluan ini, sama ada 5 ke 10 tahun yang lalu, إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan dicapai.

Mengenai doktor mendapat kepakaran bersesuaian, pihak kementerian memang akan terus-menerus menyokong mereka mengadakan latihan. Sebenarnya doktor-doktor ini, seperti kaola sendiri, walaupun sudah menjadi pakar bedah, latihan tersebut tidak berhenti dan pembelajaran tersebut akan berterusan selagi masih memberi perkhidmatan. Ini sama di pihak-pihak mana pun, disiplin mana pun. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, ia akan diteruskan, tetapi ingin juga kaola menekankan, jika kita bayangkan sebelum 2005, di Negara Brunei Darussalam ini tidak mempunyai fakulti perubatan ini.

الْحَمْدُ لله , dengan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Canselor Universiti Brunei Darussalam, satu fakulti yang dinamakan sekarang, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, telah ditubuhkan sudah pun mengelolakan program perubatan.

Semenjak tahun 2005 pada masa ia bermula, kita sudah melahirkan 5 kohort doktor-doktor melalui program ini. Program ini secara *twinning* dari beberapa institusi-institusi perubatan, sekolah perubatan yang terkemuka seperti di United Kingdom, Canada dan juga Australia.

الْحَمْدُ لله , apa salahnya jika kita sekarang memikirkan bagaimana kita dapat menyokong latihan *development* doktor-doktor yang sudah keluar daripada sekolah-sekolah perubatan di negara kita ini seperti mana jua dengan cara modal kita dengan sekolah perubatan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan ditangani dan akan diusul lagi secepat mungkin.

Mengenai perbelanjaan yang sangat besar bagi menghantar pesakit-pesakit keluar negeri tadi, Yang Berhormat ada mengongsikan jumlah sebanyak $55 juta termasuk perkara *supply* ubat dan sebagainya untuk bajet Tahun Kewangan 2015/2016 ini. Terima kasih Yang Berhormat. Kaola rasa ini adalah satu pandangan yang jauh bagi menolong pihak kerajaan untuk memastikan yang segala perbelanjaan kita ini akan lebih kos efektif.

الْحَمْدُ لله juga, dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, jika diperhatikan dalam jangka masa 10 tahun yang lalu ini beberapa *centre's of excellence* sudah ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam ini, termasuklah Pusat Jantung Negara satu *joint venture* dengan *Gleneagles* yang berpusat di Jerudong. Dalam jangka masa mungkin dalam 3-5 tahun lalu, kita ada 2 pusat baharu lagi umpamanya Pusat Kanser Brunei (*The Brunei Cancer Centre*) dan juga Pusat Pemulihan Neurosains dan Strok Brunei *(The Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre)*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bangunannya sudah hampir siap dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ jika tidak ada apa-apa halangan, mungkin mula beroperasi pada tahun ini juga. Di bahagian kerajaan pula, kita sudah menubuhkan Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak *(Women and Children Centre)* yang bertapak di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Oleh itu, harapan Kementerian Kesihatan untuk meringankan lagi beban kerajaan dan untuk menyenangkan lagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ialah untuk mengadakan pusat-pusat ini di Brunei.

Kaola, Yang Berhormat Pengerusi, mengalu-alukan segala pandangan dan cadangan bagi kitani menuju ke masa depan ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera.

Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah yang sungguh menarik kerana memberi harapan menawarkan sikap terbuka dan layanan baik kakitangan Kementerian Kesihatan terhadap pesakit dan keluarga pesakit. Hal ini suatu khabar yang menggembirakan, mudah-mudahan menjadi satu budaya bersesuaian dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Pengerusi. Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 untuk perkakas dan peralatan berjumlah $3 juta, untuk perkembangan sumber tenaga manusia berjumlah $2,400,430.00, untuk penambahbaikan infrastruktur berjumlah $2,500,000.00 dan untuk perbelanjaan operasi $2,808,720.00.

Berdasarkan keempat-empat jumlah Perbelanjaan 2016/2017 ini, adalah bertepatan sekiranya boleh dikongsikan juga untuk Daerah Tutong. Oleh itu, dicadangkan:-

1. Jika boleh, adanya peningkatan atau penaiktarafan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong menjadi hospital utama kedua di Negara ini berdasarkan kedudukannya di tengah-tengah umpamanya penambahan peralatan operasi, doktor pakar dan pengubahsuaian infrastruktur yang bersesuaian dengan keperluan hospital utama seperti juga Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha;

2. Jika ada kesesuaiannya, dicadangkan sebuah ambulans di Pusat Kesihatan Lamunin untuk memudahkan dan memendekkan masa bertindak (*response time*) perjalanan jika mengambil pesakit ke pedalaman Tutong, kemudian perjalanan balik untuk penghantaran menuju ke Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong. Jika ambulans ini bersedia *(standby)* atau menunggu di Pusat Kesihatan Lamunin, maka masa dapat disingkatkan;

3. Dipohonkan juga supaya bekalan ubat yang mencukupi di Pusat Kesihatan Lamunin ini kerana pesakit luar dari ulu Mukim Rambai dan sekitarnya, lebih banyak bertumpu di Pusat Kesihatan Lamunin daripada mendapatkan rawatan atau bekalan ubat di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong; dan

4. Kaola ingin tahu, mengenai risiko *trend* demografi *vaping electronic cigarette (e-cigarette)* yang mengeluarkan asap yang banyak sebagai ganti rokok yang semakin diminati. Jika ia bersalahan, apakah ada rancangan untuk tindakan?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga saya rakamkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit dari Daerah Tutong yang mengutarakan 4 perkara yang ditimbulkan tadi.

Mengenai belanjawan yang ditimbulkan tentang rancangan untuk menjadikan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong sebagai hospital utama yang kedua di negara ini. Jika dilihat hospital-hospital kitani, ada 4 buah hospital utama yang di bawah jagaan Kementerian Kesihatan dan 18 buah pusat kesihatan dimerata tempat di daerah-daerah di negara kita. Ini tidak mengambil kira hospital swasta dan pusat-pusat kecemerlangan seperti Pusat Jantung, Pusat Neurosains dan juga Pusat Kanser.

Kaola ingin berbalik semula, kita mesti memikirkan apa sebenarnya kita mahu? Kita mahu rakyat sentiasa sihat

seberapa lama yang boleh. Kita mahu konsep *wellness* ataupun kesihatan daripada konsep penyakit *(illness)*. Sudah tiba masanya kita memikirkan kesihatan *(wellness)* daripada penyakit ini. Oleh itu, jika kita menubuhkan hospital lagi bermakna kita seperti bersiap sedia pula untuk penyakit. Mungkin lebih baik kita mengubah sedikit pemikiran itu dengan mengutamakan kesihatan.

Walau bagaimanapun, kaola juga bersetuju jika Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong dijadikan satu pusat kerana semasa lawatan kaola beberapa kali ke sana, kaola sangat sayang melihat hospital ini kerana ia banyak kemudahan-kemudahan. Ia dibuat dengan tujuan utama sebagai satu hospital, ada 2 bilik bedah tetapi penggunaan bilik bedah ini berkurangan. Mungkin kita harus memikirkan perkara ini dan kaola akan membawa Ahli-ahli Yang Berhormat dan mana-mana pihak yang berkepentingan termasuk juga rakyat nanti untuk meneliti apa sepatutnya Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong ini dijadikan.

Ada pemikiran dahulu, mungkin kita adakan satu Pusat Kecemerlangan Bahagian Mata, Telinga, Hidung dan Kerongkong sebagai *Centre of Excellence* di sana kerana kita mempunyai rangkaian jalan berkeadaan bagus. Jika dari bandar ke Tutong bukan seperti dahulu. Sekarang dalam jangka masa 30 – 40 minit dengan pemanduan perlahan pun sudah sampai. Sudah tiba masanya bagi dibuat perkara-perkara ini untuk mengoptimumkan lagi perkhidmatan *(services)* kita untuk memastikan jangan diduplikasikan lagi.

Mengenai ambulans ditempatkan di Pusat Kesihatan Lamunin. Kaola sudah menjawabnya tadi, perkara ini akan diteliti semula. Bekerjasama dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan sebagainya untuk memperkenalkan konsep respons pertama *(introduce concept of first responder)*. Ini yang paling utama, jika kita banyak aset, bagaimana kita membahagikan (*deploy*) aset sebaik mungkin. Jika kita tidak menggunakan aset-aset ini, besar kemungkinan kepakaran itu akan hilang dan ini masih dalam perbincangan rakan-rakan kaola.

Seterusnya, risiko *e-cigarette* ini, *very topical*. Kelmarin, kaola ada berbincang dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengenai risiko *e-cigarette*. Sebenarnya, walaupun perkara ini belum lagi ada penyelidikan yang komprehensif, tetapi secara awal pihak Kementerian Kesihatan merasa risikonya memang ada. Sebenarnya *e-cigarette atau vape* ini, memang banyak digunakan tetapi masih lagi terkandung dalam Akta Tembakau 2005, ia sejenis rokok juga walaupun tidak menggunakan tembakau.

Yang paling mengkhuatirkan pihak abis kaola, apa yang dimasukkan ke dalam *e-cigarette* ini terutama

sekali kepada belia, yang kitani takuti nanti *substances* yang dimasukkan ini, mungkin *subtances* yang di *control.* Ini dikhuatiri akan menyebabkan ketagihan nanti.

Dari segi isu *vape* risikonya kaola berpendapat haruslah dilihat ia seperti tembakau juga dan termasuk dalam Akta Tembakau 2005. Kalau biskita mengagai anak-anak buah biskita di kampung-kampung atau di mana-mana haruslah ditegur, bukannya asap *carbon*nya yang dikatakan *steam* tetapi *substance* yang di dalamnya yang mustahak.

Kaola kini memikirkan soalan ke-3 tadi. Kaola *missed* mengenai stok-stok ubat Yang Berhormat Pengerusi. Stok-stok ubat dan *consumable* hospital ini, dan alat pekakas, akan dipastikan cukup di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan. Abis kaola masih lagi di peringkat penelitian mengenai *inventory* kita.

Kadang-kadang kalau kita melawat stor *medical* perubatan kalau dilihat dalam stor perubatan macam-macam ada di sana. Kebolehan kita untuk mengusahakan atau menguruskannya lebih utama iaitu dengan memastikan yang kita dapat *deliver* atau menghantar stok-stok ini pada masa yang tepat supaya ubat tidak berkurangan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ abis kaola berjanji akan memastikan dalam masa yang terdekat ini tidak lagi ada isu yang berlaku dan mungkin sudah tiba masanya kita memikirkan *Public Private Partnership (PPP)* dari segi menjalankan inventori dan *supply of medication* ini. Kaola rasa untuk memastikan efisiensi barang-barang ini jangan semua kerajaan yang mengusahakannya demi memastikan ada ubat-ubatan tepat pada masanya.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola jawab. Kalau ada apa-apa yang kaola tertinggal mohon saja Ahli Yang Berhormat kepada kaola. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat. Tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas pembentangan Peruntukan Belanjawan yang bernilai $349.5 juta.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyokong sepenuhnya apa jua inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan yang memberikan manfaat kepada rakyat dan penduduk negara ini.

1. Apa yang menarik dan perlu juga diberikan perhatian ialah Kaunter Pertanyaan khusus bagi kemudahan orang ramai yang berkunjung ke Hospital RIPAS yang bertujuan melawat saudara-mara

yang dimasukkan ke dalam wad-wad untuk diberikan rawatan.

Dicadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya perkara ini akan diwujudkan dengan menempatkan pegawai di kaunter tersebut dan setiap pesakit yang berada di Hospital RIPAS hendaklah didaftarkan dan dimasukkan ke dalam *database* Kementerian Kesihatan. Ini akan dapat memudahkan pengunjung dengan hanya memberikan nama pesakit pegawai bertugas akan merujuk melalui *database* dan terus memberikan maklumat di mana mereka ditempatkan;

2. Dalam taklimat semasa Sesi Muzakarah dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan juga taklimat pada hari ini Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menggariskan beberapa strategi Kementerian Kesihatan. Kaola ingin mengetahui strategi yang menjadi keutamaan kepada kementerian terutamanya dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang;

3. Dalam menangani pelbagai penyakit kronik ketika ini tentunya memerlukan peruntukan yang tinggi serta memerlukan pakar-pakar dalam dan luar negeri, kaola ingin tahu apakah langkah-langkah kementerian bagi mengurangkan penyakit kronik di negara ini dan berapakah peruntukan kesihatan yang diperlukan bagi menangani masalah penyakit ini ketika ini;

4. Demam denggi. Demam denggi memang sudah lama dikenali dan penyakit ini adalah penyakit bermusim. Kenapa saya mengatakan penyakit bermusim? Ia bergantung pada tahap penjagaan kebersihan di tempat-tempat awam dan di rumah-rumah persendirian.

   Punca utama seperti yang diterangkan tadi ialah nyamuk aedes ataupun biasa dipanggil di kampung rangit. Kalau disebut rangit aedes tidak berapa menarik. Kaola ingin mengongsikan juga pada zaman dahulu cerita orang tua-tua ada orang berjual ubat, iaitu ubat rangit. Ubat itu dalam sampul surat. Balik ke rumah dibuka "Kalau takut digigit rangit pakailah kelambu." Ertinya sama seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi perlu penjagaan kesihatan.

   Sebagaimana yang diketahui bahawa nyamuk aedes ini membiak di tempat-tempat takungan air yang terbiar, ataupun longgokan sampah sarap yang tidak terurus. Adakah peruntukan diberikan untuk mencegah dan membunuh spesis nyamuk aedes ini yang dikenal pasti sangat berbahaya dan boleh menyebabkan kematian jika tidak dikawal dengan sepenuhnya. Manakah kawasan yang mempunyai risiko tinggi bagi menyumbang kegiatan nyamuk aedes ini?; dan

5. Mengenai tahap keselamatan di hospital dan klinik-klinik kerajaan.

Merujuk kepada beberapa kes kejadian yang berlaku di hospital, klinik ataupun pusat kesihatan, terdapat kejadian yang melampau yang mengancam keselamatan pegawai dan kakitangan tersebut yang tidak sepatutnya berlaku seperti berlaku kasar dan tidak bermoral.

Kita sepatutnya berterima kasih kerana para doktor dan kakitangan hospital telah membuat kerja yang sangat mulia dalam usaha merawat dan memberikan layanan yang berkualiti kepada pesakit. Perkara yang remeh-temeh selalunya menjadi kemarahan kepada sebahagian pesakit atau keluarga pesakit sehingga mengeluarkan kata-kata kesat yang tidak manis didengar. Soalan kaola:-

i. Bagaimanakah tahap keselamatan, kawalan dan disiplin pegawai dan kakitangan hospital pada memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pesakit dan pengunjung hospital dan pusat-pusat kesihatan di negara ini?;

ii. Perkhidmatan Kereta Kecemasan (*Ambulance*) yang sering diperlukan oleh orang ramai ketika menghadapi saat kecemasan seperti kemalangan di jalan raya, di tempat kerja, di rumah dan seumpamanya sangat diperlukan. Berapa buah-kah kereta kecemasan di negara ini yang boleh berfungsi dengan baik dan menurut *KPI* Kementerian Kesihatan.

   Berapa lamakah jangka waktu tempoh kereta kecemasan ataupun ambulans ini akan sampai ke lokasi panggilan kecemasan yang memerlukan perkhidmatan ambulans?; dan

iii. Dicadangkan supaya per-khidmatan kereta kecemasan ini akan dapat ditempatkan di Pusat Kesihatan di luar bandar seperti di Pusat Kesihatan Sungai Asam di Mukim Lumapas, Pusat Kesihatan Sengkurong, di Mukim Kilanas; dan

iv. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola jua menghargai atas pendirian Yang Berhormat Kementerian Kesihatan mengenai Wawasan Brunei 2035 seperti kata peribahasa "gunung yang tinggi akan didaki, laut yang dalam akan diselami, namun berundur tidak sekali".

Terima kasih. وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya rakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Nampaknya Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, ini sayang benar akan Kementerian Kesihatan dan untuk itu saya berterima kasih seikhlas-ikhlasnya kerana kalau dilihat banyak isu yang ditimbulkan dan semua isunya

relevan. Ringkas sahaja Yang Berhormat Pengerusi kaola menjawabnya.

Mengenai Kaunter Pertanyaan, pihak Kementerian Kesihatan sebenarnya sudah memulakan satu projek yang kami gelar "Projek Assalam" untuk meningkatkan lagi Perkhidmatan Mesra Pelanggan. Kalau orang datang ke hospital tidak lagi akan tercari-cari bagaimana untuk masuk ke wad-wad. Kadang-kadang kaola sendiri pun pada mulanya memang begitu tercari-cari.

Sebelum orang mencari atau bertanya mungkin ada sudah perkhidmatan pelanggan mendatangi mereka. Umpamanya ada papan notis *(signage)* dan sebagainya. Perkara ini nampaknya mudah sahaja diadakan, tetapi adakah ia sudah diadakan ataupun tidak, perkara ini kita akan terus mengatasinya.

Database itu satu cadangan yang baik. Sebenarnya *BruHims* yang sudah dimulakan di Kementerian Kesihatan, di hospital-hospital di daerah-daerah dan juga di klinik-klinik kesihatan ada *capabilities* untuk membuat perkara begini. Pada masa ini kita masih lagi *BruHims 1.0* dan akan berpindah. Mengapa kaola bercakap *BruHims 1.0,* kerana teknologi ini ada *life cycle*nya. Pada permulaan menggunakan *BruHims* ini banyak pengajarannya, banyak juga aduannya, umpamanya doktor-doktor ini lebih menumpukan perhatian kepada komputernya daripada pesakitnya.

الْحَمْدُ لله perlahan-lahan perkara ini sudah berubah kerana doktor-doktor pun sudah biasa menggunakan komputer. Tumpuan akan ditumpukan sepenuhnya kepada pesakit dan banyak juga cadangan daripada pengguna bagaimana untuk menambah baik lagi *BruHims* ini. *Database* itu akan diserapkan supaya nanti kalau sekiranya ada pelawat/pesakit dalam hospital pergi ke Kaunter Khidmat pelanggan, petugas boleh terus-menerus memberitahu di wad dan katil mana. Mungkin nanti perkara ini akan dilaratkan kepada *applications* sebelum mereka datang ke hospital pun boleh dicari, tetapi ada sekuriti ataupun *confidentiality* terpaksa diteliti lagi nanti.

Pihak Kementerian Kesihatan akan bekerjasama rapat dengan pihak *EGNC* di Jabatan Perdana Menteri untuk membisaikan (mengelokkan) lagi *BruHims* ini. Strategi untuk menangani isu gawat pada masa ini. الْحَمْدُ لله dengan kaedah kita balik kepada asas ini dapat kita melihat apa yang benar-benar kita perlukan untuk negara dari segi kesihatan. Apabila pihak kaola meneliti semula الْحَمْدُ لله kebanyakan daripada perkhidmatan yang diperlukan ini dapat ditangani dengan bajet yang akan diberi kepada pihak Kementerian Kesihatan. Cuma yang mustahak bagaimana kita menambahkan nilainya lagi daripada bajet yang diberi.

Pihak Kementerian Kesihatan dengan rakan-rakan kementerian yang lain juga sudah mula memikirkan adakah semua perkhidmatan ini terpaksa diberikan oleh pihak kerajaan sahaja atau mungkin ada yang boleh disalurkan kepada pihak-pihak swasta umpamanya menggunakan

khidmat *PPP (Public Private Partnership)* ini. Dengan sendirinya kita juga pun mengampiti orang lain juga.

Kalau sekiranya diswastakan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan memberi peluang pekerjaan untuk orang ramai dan orang-orang yang masih menganggur umpamanya. Kita terpaksa memikirkan sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu "*Whole of Nation Approached*".

Kaola menyarankan agar perbincangan sebegini yang terbuka harus kita selalu mengadakannya supaya kita sama-sama menangani isu negara ini. Kaola menggabung isu ke-3 dan ke-4 mengenai dengan *NCDs* dan demam denggi. Bagaimana kita mengatasi isu-isu kronik, *non-communicable diseases* ataupun *infective* ataupun *communicable diseases* seperti denggi.

Tumpuan utama ialah pencegahan, kalau kita melihat pecahan bajet Kementerian Kesihatan dari segi kesihatan awam, penjagaan kesihatan asasi dan penjagaan kesihatan *secondary tertiary* (penjagaan hospital). Jumlah yang terbesar masih lagi penjagaan kesihatan *secondary* dan *tertiary* iaitu berjumlah kalau digabung semua $195.09 juta. Walhal, kesihatan awam dan penjagaan kesihatan asasi cuma berjumlah kurang lebih $42 juta sahaja. Kalau kita dapat mefokuskan usaha kepada pencegahan ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan lebih kos efektif, kerana di Bahagian Pencegahan ini tidak mahal, kita mesti sama-sama bekerja, mendidik sama sendiri bagaimana kita boleh memastikan kesihatan kita daripada penyakit ini.

Mengenai dengan tahap-tahap hospital dan pusat-pusat kesihatan, bagaimana kita memantau tahap kualiti dan juga dari segi fasiliti, ambulans dan sebagainya, kaola tidak akan menjawab mengenai ambulans itu lagi, kaola rasa memadailah apa yang sudah jawapan kaola sebelum ini, tetapi sedikit sahaja kaola kongsikan mengenai tahap-tahap hospital dan *Health Centre*.

Kementerian Kesihatan pada masa ini sudah memulakan satu rancangan *Quality Assurance Scheme* dengan menanda aras dengan satu *benchmark* yang tinggi iaitu *JCI* (*Joint Commission International*). Di Negara Brunei Darussalam ini cuma satu hospital yang di *accredited* oleh *JCI* ini, iaitu *Jerudong Park Medical Centre*. Kaola sudah berunding dengan rakan-rakan di *Jerudong Park Medical Centre,* bagaimana mereka mendapatkan pengiktirafan *JCI.* Kaola nampak sebenarnya perkara ini tidak berapa susah, kita dapat mencapainya, yang baiknya kalau kita dapat mencapai pengiktirafan *JCI,* bermakna kita sudah memenuhi perkhidmatan yang tinggi. Buat masa sekarang pihak Kementerian Kesihatan berharap sekurang-kurangnya 1 hospital dan 2 klinik kesihatan akan diusahakan untuk mendapatkan pengiktirafan *JCI* dalam masa 12 ke 18 bulan ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Barangkali progresnya akan dikongsikan pada masa

akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan dahulu Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita bersidang balik di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dan saya cadangkan supaya persidangan ini ditangguhkan dahulu untuk berehat dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang ini.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibincangkan dan diteliti satu persatu, saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula sebagai Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 dan kita masih lagi membincangkan Belanjawan Kementerian Kesihatan. Ahli-ahli Yang Berhormat.

Bersama saya di sini terdapat senarai 5 orang ahli lagi yang suka untuk turut serta dalam membahaskan Belanjawan Kementerian Kesihatan. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi.

Soalan kaola:-

1. Soalan ini nampaknya sudah pun dikemukakan oleh rakan-rakan saya pada sebelah pagi tadi iaitu tentang kebimbangan mengenai masalah obesiti terutama di dalam kalangan kanak-kanak dan jua telah disentuh banyak oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam responnya melalui beberapa soalan pagi tadi.

   Saya tidak akan mengulangi soalan saya dari aspek yang sama, cuma saya ingin melihat dari aspek lain iaitu cara orang dewasa mengatasi kadar berat badan yang berlebihan ataupun obesiti ini dengan mengambil ubat-ubatan ataupun mengambil *supplement* dari yang murah hinggalah mahal harganya atau ubat-ubatan tradisional yang menarik cara promosi dan pengiklanannya yang berkesan tanpa memikirkan risiko kesan sampingan.

   Malah mereka lebih rela memilih cara sedemikian daripada berjumpa doktor untuk mendapatkan konsultasi atau galakan bersenam yang bersesuaian dan kitani tidak menyalahkan cara sedemikian kerana kadang-kadang stigma seseorang berlainan, ada yang rasa tertekan, emosi, ada

yang merasa rendah diri dengan imej penampilannya.

Makanya mereka mencari solusinya tersendiri. Peratus obesiti ataupun kadar berat badan yang berlebihan juga telah dinyatakan tadi dan cara-cara atau langkah-langkah mengatasi pun sudah dibuat dan akan terus dirancang oleh pihak Kementerian Kesihatan supaya masalah obesiti ini dapat dibendung sesuai dengan sasaran Petunjuk Prestasi Utama *(KPI)* Kementerian Kesihatan iaitu kadar penurunan akan meningkat sebanyak 1 peratus pada tahun 2016/2017.

Berbalik kepada isu yang saya timbulkan tadi iaitu pengambilan ubat-ubatan yang dijual di kedai-kedai atau yang mudah didapati secara pembelian *online*, perlulah jua ada langkah pengawalan dan pemantauan dibuat oleh pihak Kementerian Kesihatan secara berterusan dari aspek keselamatan memakannya, atau dari aspek sekiranya ada kesan sampingan yang perlu diketahui oleh orang ramai supaya usaha untuk membendung masalah ini akan lebih menyeluruh demi menjaga kesejahteraan dan kesihatan masyarakat di negara ini; dan

2. Saya ingin merujuk kepada artikel di dalam akhbar tempatan iaitu pada Januari 2014 pada kedudukan nisbah seseorang doktor dengan pesakit bagi Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara maju yang lain. Nisbah seorang doktor untuk 671 pesakit di Brunei. Manakala seorang doktor di negara-negara maju iaitu 170 hingga 300 orang pesakit. Begitu juga seorang doktor gigi atau *dentist* bagi setiap 4,253 orang di Brunei berbanding dengan seorang doktor gigi bagi 600 hingga 1,300 di negara-negara maju. Begitu juga dengan seorang ahli farmasi untuk setiap 7,839 orang di Brunei jika dibandingkan dengan negara-negara maju di mana seorang ahli farmasi untuk 500 hingga 1,200 orang iaitu satu perbezaan yang agak ketara tinggi.

Data dan fakta tersebut adalah dua tahun yang lalu. Saya percaya pada masa ini bilangan profesional kesihatan telah menunjukkan peningkatan yang positif dari tahun ke tahun untuk memenuhi keperluan masyarakat yang semakin meningkat untuk hidup sihat dan hidup yang lebih berkualiti.

Namun sebagaimana juga kita maklum, bahawa terdapat segelintir doktor tempatan kita yang lebih memilih untuk berkhidmat di luar Kementerian Kesihatan seperti membuka klinik-klinik sendiri atau memilih bekerja di luar negara seperti yang disebutkan tadi yang akhirnya kita masih lagi akan menghadapi kekurangan doktor tempatan.

Soalan saya selain cara mengatasi dengan mendatangkan tenaga-

tenaga pakar kesihatan dari luar negara seperti yang ada sekarang, apakah ada lagi inisiatif lain yang dapat dikongsikan di dewan ini bagi mengatasi kekurangan doktor-doktor atau pakar-pakar kesihatan tempatan yang lain? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ, بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Pertama-tamanya Yang Berhormat Pengerusi kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin atas 2 isu yang ditimbulkan yang kaola rasa Yang Berhormat Pengerusi, sangat penting bagi Kementerian Kesihatan.

Isu pertama, iaitu kebimbangan mengenai masalah obesiti Yang Berhormat Datin mengetengahkan mengenai isu ubat-ubatan yang alternatif, barangkali kaedah rawatan alternatif bagi mengatasi masalah obesiti ini. Kedudukan Kementerian Kesihatan masa ini ialah seperti mana yang sudah saya ketengahkan pagi tadi, untuk mementingkan pencegahan daripada rawatan.

Kalau sudah sampai tahapnya yang orang yang mengalami masalah obesiti ini ataupun berat badan yang berlebihan ini perlu memakan ubat, pihak Kementerian Kesihatan tidaklah menggalakkan untuk mereka menggunakan kaedah ataupun ubat-ubatan yang tidak *proven*. Yang kita khuatiri ialah mungkin akan mendatangkan masalah lain pula, seperti masalah *liver* (hati) dan sebagainya ataupun buah pinggang.

Mengenai pemantauan ubat-ubatan ini, memanglah melalui Jabatan Farmasi, Kementerian Kesihatan. Kami ada satu perkhidmatan iaitu mana-mana ubat-ubatan yang akan dibawa untuk dijual di Negara Brunei Darussalam ini pertamanya haruslah meminta kebenaran dahulu. Ubat-ubatan ini akan diperiksa dari segi keselamatannya dan sebagainya, dan apa pun *claim* dibuatnya, umpamanya mengenai penurunan berat badan ini.

Yang kedua, Jabatan Perkhidmatan Farmasi melalui unit yang tertentu juga mengadakan *post marketing surveillance. Post marketing surveillance* ini dijalankan dengan menggunakan kaedah *risk based assessment*. Kadang-kadang kalau kita melihat di kedai-kedai runcit seringkali kalau arah *cashier* atu melangoi (memandang ke atas) kita sekejap ke belakang *cashier* ada bermacam-macam ubat berjual di sana. *Paracetamol* barangkali O.K., tapi adatah lagi kalau kita melihat ubat-ubatan lain, ubat untuk memutihkan kulit, ubat untuk menguruskan badan dan lain-lain lagi.

Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan tidaklah menggalakkannya. Sekiranya orang ramai hendak memastikan sama ada ubat-ubatan ini selamat ataupun sudah dibenarkan di Negara Brunei Darussalam, bisaitah (eloklah) kaola mencadangkan mereka itu berhubung

dengan pihak Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi.

Kaola ingin menekankan yang paling utama ialah jangan ditunggu sampai masalah ini timbul. Kalau dapat dielakkan, lebih baik dielakkan. Kaola tertarik dengan rancangan yang dibuat semasa lawatan kaola ke Daerah Temburong. Pihak Jabatan Daerah yang bekerjasama dengan Ahli Yang Berhormat dari Daerah Temburong mengadakan rundingan dengan penduduk kampung mengenai aktiviti hidup cara sihat ini. Cara mereka mengadakan ini ialah secara *engaging.*

Kalau orang datang hujung minggu, orang pun iski mengaga aktiviti ini kerana inilah masanya untuk mereka berkumpul, berjumpa di samping mereka mengadakan sesi *exercise* dan sebagainya. Inilah perkara-perkara atau aktiviti-aktiviti yang pihak kementerian menggalakkannya.

Bagi pihak kementerian, kami mengesyorkan pihak yang memerlukan bantuan, mungkin abis kita akan menyempati *medical check up* semasa aktiviti seperti itu, إِنْ شَاءَ اللَّهُ kami boleh menghantar pihak yang tertentu mungkin daripada *Health Promotion Centre* dan sebagainya untuk bekerjasama sebagai satu *partnership* dalam sama-sama mengadakan aktiviti sebegini. Tidak semestinya kita menunggu pihak Kementerian Kesihatan mengadakannya. Yang lebih baik, kalau perkara ini datang dari akar umbi sendiri.

Bagi isu yang kedua ini, mengenai nisbah doktor pakar dan pegawai-pegawai yang tertentu di Kementerian Kesihatan. Memang kalau dibandingkan dengan nisbah 14 Januari 2014 yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, jika dibandingkan dengan sekarang ini sudah meningkat.

Walau bagaimanapun, kaola sendiri menerangkan belum lagi cukup sebenarnya. Walaupun belum cukup nisbahnya itu bukanlah satu alasan yang kita tidak dapat memastikan perkhidmatan yang cemerlang dan terbaik. Nisbah doktor daripada data-data yang dikumpulkan pada masa ini, untuk 10 ribu penduduk di Brunei nisbah doktornya ialah kurang lebih 14.4 per 10 ribu penduduk. Kalau dibandingkan dengan negara jiran, misalannya Malaysia 12 per 10 ribu, Singapura 19.5. Kita mungkin terpaksa membubut lagi sedikit.

Walau bagaimanapun, sepertinya kaola tadi bukanlah satu alasan, kita masih boleh memberi perkhidmatan yang cemerlang. Sama juga kalau doktor pergigian, الْحَمْدُ لله di Brunei lebih baik sedikit data nisbahnya 4.2 per 10 ribu penduduk. Kalau di Malaysia 3.6 dan di Singapura 4.1, kita tinggi sedikit daripada negara jiran tersebut. Di samping itu, perlu juga ditekankan kita masih jauh kalau dibandingkan dengan negara-negara yang sudah maju seperti di Eropah, Korea dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk memastikan yang nisbah doktor dengan penduduk negara ini akan meningkat. Ingin jua kaola kongsikan seperti awal pagi tadi, kaola mengongsikan mengenai penubuhan Sekolah Perubatan di Brunei Darussalam bagi menampung keperluan doktor. Kita sudah menubuhkan rancangan ataupun program latihan kepakaran terutama sekali Program Kesihatan Asasi ataupun *Family Medicine.* Kita sudah bekolaborasi dengan pihak *Royal College of General Practitioner of UK.* Program ini pun sudah berjalan kian lamanya dan juga kolaborasi dengan Universiti Brunei Darussalam.

Dalam bidang-bidang lain seperti bidang perubatan dalaman, bidang pembedahan, bidang *obstetrician gynaecology,* perkara ini sudah mula dirancangkan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, abis kaola akan mengusahakannya agar program-program ini dapat dijalankan dan diformulasi sekejap masa lagi. Ini bukan bermakna pakar-pakar kita tidak akan ke luar negeri nanti. Kita akan *repeatriate* sahaja sebahagian daripada *training* itu menjadi pakar di Brunei. Segala penyakit dan *conditions* yang dihadapi di Brunei ini kadang-kadang unik untuk Brunei sahaja.

Kaola menjalani latihan kepakaran kaola di luar negeri, sudah balik ke Brunei terpaksa dipelajari lagi masalah di Brunei itu. Alangkah lebih baik kalau diadakan separuh daripada latihan itu di Brunei dan mungkin setahun dua tahun untuk mereka membuat *fellowship* di luar negeri seperti di Amerika Syarikat, Eropah, Australia dan sebagainya.

Itu sahaja dahulu kaola harap sedikit sebanyak kaola dapat menjawab soalan Yang Berhormat itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ أَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Mengesan penyakit kanser lebih awal bagi semua umur. Biasanya kanser mula membiak dan bergiat mengikut kajian pakar-pakar kanser sedunia. Di Negara Brunei Darussalam, penyakit kanser adalah punca kematian yang utama.

Kaola ingin mengongsikan statistik pesakit kanser yang meninggal dunia setiap tahun untuk 3 tahun dari tahun 2012 hingga 2014. Selama 3 tahun berturut-turut bilangan pesakit meninggal berpunca dari penyakit kanser telah meningkat. Misalannya, pada tahun 2012 sebanyak 280 pesakit, tahun 2013 sebanyak 295 pesakit dan tahun 2014 sebanyak 300 pesakit. Ada peningkatan bilangan kematian disebabkan penyakit kanser. Statistik ini

diperolehi dari Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

Kaola mendengar kebanyakan pesakit kanser apabila didapati penyakit kanser itu biasanya sudah berada pada tahap kritikal, sama ada pada tahap 3 ataupun pada tahap 4. Kaola difahamkan, penyakit kanser kalau sudah pada tahap 4 amat sukar untuk disembuhkan dan kos rawatan sangatlah tinggi. Ongkosnya boleh mencapai beribu-ribu ringgit sehari dan peluang untuk sembuh sangatlah tipis.

Apakah kiranya jika Kementerian Kesihatan membuat kajian kos jika pemeriksaan awal dijalankan mandatori dengan tujuan untuk menyelamatkan nyawa berbanding dengan kos merawat pesakit kanser pada tahap 4. Kaola berpendapat kerajaan tentu akan mengalami kerugian kerana pesakit yang meninggal dunia berpunca kes kanser tahap 4.

Pertama sekali, rawatan dan kos yang tinggi tidak bermanfaat dan juga yang diketahui meninggal dunia kebanyakan kes kanser payudara yang kebanyakannya dari kalangan cerdik pandai yang berumur muda dan berpotensi. Kaola ingin menyebutkan dalam bahasa inggeris "*prevention is better than cure".*

Itulah juga hasrat negara untuk mengurangkan kos perbelanjaan boleh berjaya, إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kalau kaola meminta kajian lebih lanjut perlu dibuat secepat-cepat yang mungkin, kalau tidak, pembaziran segi banyak aspek akan boleh merugikan negara ini.

Satu lagi ingin kaola membangkitkan mengenai kencing manis. Salah satu penyakit yang tidak berjangkit. Kalau tidak dikawal ia akan melibatkan komplikasi kepada pesakit itu. Perkara ini juga telah disebut dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebentar tadi. Kalaulah betul gula diberi subsidi, untuk langkah awal supaya gula digugurkan daripada kategori subsidi. Itulah saja yang dapat kaola/saya sampaikan. Terima kasih Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman kerana mengetengahkan 2 isu. Kaola, ingin merespons kepada isu yang ke 2 iaitu mengenai kencing manis dan subsidi gula ini.

Sebenarnya, pagi tadi kaola merujuk mukadimah kaola daripada *Chancellor of Exchequer* di *Great Britain* yang akan memulakan *sugar tax* kepada *manufacturer*, bukan sahaja kepada gulanya, tetapi kepada *manufacturer* pembuat minuman ringan ini. Lagipun dalam pemahaman kaola semasa membaca akhbar ini, mereka memberi *grace period* dalam masa 2 tahun untuk memastikan mereka ada masa untuk menukar bahan-bahannya.

Jika sekiranya kita membuat seperti ini di sini bukan semestinya mengurangkan ataupun menghilangkan subsidi gula itu, akan tetapi lebih baik lagi seperti *Fast Food* ataupun makanan yang sedia dijual yang mengandungi gula ini kita kenakan, mungkin sahaja ini satu pemikiran sahaja, jika dikenakan *sugar tax* ia membuatkan kita untuk berfikir dua kali sebelum *consume* atau memakan makanan seperti ini, mungkin dalam jangka masa panjang akan memudaratkan kesihatan kita. Isu pertama ini hanya untuk mengesahkan sahaja yang pentingnya dalam isu pertama ini ialah mengenai barah atau kanser.

Memang benar *observation* Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, peningkatan kematian daripada kanser dalam 3 ke 4, malah 5 tahun kebelakangan ini. Dalam 5 tahun dahulu, punca utama kematian ialah penyakit jantung, sekarang sudah dipintas (*overtaken*) oleh penyakit barah ini.

الْحَمْدُ لله dahulu semasa ada isu masalah penyakit jantung ini, kita bekerja keras untuk memastikan yang rakyat ini diberi kefahaman mustahaknya cara hidup sihat ini.

Aktiviti-aktiviti ini giat dijalankan pada masa ini. Pada masa itu jua, pihak kerajaan sedang membuat keputusan untuk mengadakan satu Pusat Kesihatan Jantung di negara ini yang *joint venture* kita dengan pihak Jerudong Park dengan *Gleneagles Medical Centre*. Setelah tertubuhnya Pusat Jantung ini, nampak-nampaknya kematian daripada jantung ini menurun.

Dengan penubuhan Pusat Kecemerlangan *(Centre of Excellence)* ini dan *consolidate* segala perkhidmatan jantung nampaknya berkesan. Oleh itu, kita telah menubuhkan satu Pusat Kebangsaan Kanser *(The Brunei Cancer Centre)* yang sudah tertubuh barangkali dalam 2, 3 tahun lepas dan bangunan baharunya إِنْ شَاءَ اللهُ akan siap pada tahun ini juga seperti yang kaola terangkan pagi tadi.

Mungkin dalam beberapa tahun akan datang, إِنْ شَاءَ اللهُ kita akan melihat penurunan. Bukan itu sahaja yang harus difikirkan, kaola rasa atas keprihatinan orang ramai jua mengenai masalah kanser ini. Orang ramai sudah berani tampil ke hadapan, malah sebabnya penyakit kanser ini makin meningkat, ada kesedaran, ada *awareness* itu, cuma belum lagi sampai masanya orang ramai datang atau maju ke hadapan apabila mereka ada simptom awal.

Kebanyakan orang yang datang, apabila simptom kanser itu sudah mencecah ke *stage* 3, *stage* 4 yang mana memang ada rawatan tetapi rawatannya dari segi keberkesanannya jika dibandingkan dengan *stage* 1 memanglah berbeza. Lebih baik orang itu tampil ke hadapan semasa kanser *stage* 1 daripada *stage* 4.

الْحَمْدُ لله jua, dengan adanya kaedah yang lebih canggih sekarang untuk mengesan kanser, kebanyakan daripada kanser ini dapat dikesan lebih awal lagi. Melalui diagnostik dan *scannya* yang ada dan sebagainya.

Sebab yang satu lagi, mungkin penyakit kanser ini makin meningkat disebabkan oleh penduduk di sesuatu negara itu makin meningkat umurnya. Risiko untuk ditimpa masalah penyakit kanser ini akan meningkat. Jika kita bayangkan sistem kedayatahanan (*immune system*) semakin tua semakin berkurangan. Di sanalah risiko mendapat penyakit kanser lebih tinggi lagi.

Jika kita melihat negara-negara yang maju rata-rata di dunia ini, mereka yang demografinya lebih banyak orang tua, insiden kansernya lebih tinggi. Umpamanya Jepun, sebagai satu contoh yang bagus. Di sana insiden kansernya makin meningkat kerana umur penduduknya makin meningkat.

Mengenai persoalan *screening*, kalaulah dibuat mandatori, tidaklah perlu dibuat penyelidikan ini. Bukan pula tidak perlu mahu membuat kerana semua penyelidikannya sudah diadakan cuma kita akan melihat mana-mana data yang *reliable* dan mengaplikasikan data-data ini ke negara kita sendiri dan melihat bagaimana kita boleh mengadakan *screening programme* ini secara kos efektif.

Di Brunei, الْحَمْدُ لله kita sudah memulakan *screening programme* umpamanya bagi wanita *servic screening programme* sudah dimulakan. Kaola ingin menjemput kaum wanita di peringkat umur yang tertentu tampil ke hadapan untuk menjalani *cancer screening programme* ini. Selalunya wanita yang berumur 40 tahun ke atas.

Breast Screening programme pun telah diadakan. Perkara-perkara ini memang sudah berjalan, cuma kita ingin mengukuhkan lagi Pusat Promosi Kesihatan, klinik-klinik kesihatan dan hospital mempromosikan lagi *screening programme* ini di Brunei. Yang utamanya orang ramai mestilah faham yang *screening programme* ini ada dan macam mana untuk kita ke hadapan menjalani *screening programme* ini. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ .

Yang akan kaola sampaikan ini, hampir serupa dengan rakan-rakan bawakan tadi tapi tidak sama. Setiap tahun, ramai pesakit yang dihantar ke luar negeri untuk perubatan, tentunya memakan bajet yang banyak. Rawatan kemoterapi dan kanser tidak menjanjikan kesembuhan, boleh dikatakan 50-50. 50 peratus yang sembuh tidaklah normal seperti dulu.

Soalan kaola, bolehkah Kementerian Kesihatan menasihatkan mereka yang menghidap penyakit seperti di atas, di peringkat awal di samping mengesyorkan ubat-ubatan moden, disyorkan juga ubat-ubatan tradisional didapati ada perubatan moden yang tidak boleh menyembuhkan penyakit sebaliknya ada perubatan tradisional yang boleh menyembuhkan dan harganya pun murah. Sekiranya ini berjaya, saya percaya banyak bajet yang boleh dikurangkan. Kaola beri contoh, ada seorang pesakit di Brunei terkena penyakit strok. Dia berubat dengan minyak zaiton *(virgin olive oil)* dan itu sahaja ubatnya. Dalam beberapa waktu dia pun sembuh. Ubat seperti ini ada disebut dalam Al-Quran. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga saya rakamkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Isu ditimbulkan tadi mengenai rawatan selain yang diberikan oleh pihak Kementerian Kesihatan ataupun barangkali kes yang di rujuk ke luar negeri ini, terutama sekalinya bagi pesakit kanser. Yang Berhormat ada menyebut mengenai strok (angin akhmar).

Kaola menjurus kepada pesakit-pesakit kanser ini saja dulu. Pada masa ini, الْحَمْدُ لله berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mana-mana pesakit yang rawatannya itu tidak ada di Brunei ataupun tidak mencukupi di Negara Brunei Darussalam akan dihantar ke luar negeri.

Memanglah ini akan memakan kos dari segi perbelanjaan. Walau bagaimanapun pihak Kementerian Kesihatan berpendapat sekiranya kalau ia itu tidak ada di negeri kitani, kitani seharusnya tidak berputus asa *(give up)* kerana kitani bercakap mengenai nyawa orang. Apa pun yang dapat kitani laksanakan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dilaksanakan.

Mengenai dengan kemoterapi ataupun kaedah-kaedah yang lain, yang mungkin memberi 50 peratus barangkali peluang untuk sembuh. Ini tertakluklah, kalau kaola memakai topi doktor kaola, barangkali statistik ini memang statistik saja. Tetapi akhir-akhir yang kitani lihat, manusia di depan kitani.

Mungkin berdasarkan statistik di Pusat Rawatan Kanser di negera ini, kalau merawat kanser payudara, statistiknya melihatkan kesembuhan barangkali mencecah 80 peratus. Kalau kitani sudah berhadapan dengan pesakit itu, kalau kaola tidak akan sampai hati mengatakan harapan pesakit itu cuma 80 peratus sahaja.

Kita mesti berazam untuk menyembuhkan orang itu seberapa yang boleh, yang lainnya, kitani dari segi Islam, kita berserahlah, kitani berdoa, tapi mesti diusahakan seboleh-bolehnya. Kaola rasa statistik ini *is always remain statistic.* Kita mesti melihat perkara/masalah di depan kitani

dulu. Kitani ingin tahu apa lagi ada rawatan alternatif lain dan sebagainya.

Itulah pendirian perkhidmatan Kementerian Kesihatan dan sekarang dengan adanya *The Brunei Cancer Centre* ini, Pusat Kanser Negara kita ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ kaola pun sudah maklum sekarang yang kitani sudah ada 2 pakar radioterapi. Bila kitani punya pusat ini dibuka nanti, إِنْ شَاءَ اللَّهُ kitani akan mengadakan kaedah rawatan radioterapi juga di negara ini. Ini dengan sendirinya akan mengurangkan kos juga.

Dari segi kepakaran *Medical Angiology*, ini pun akan ditingkatkan lagi pakar-pakarnya di Brunei ini dan apa yang lebih penting, *The Brunei Cancer Centre* ini ada jaringan *(network)* yang mana kalau sekiranya kes-kes yang jarang dilihati di negara kita ini, keputusan rawatan *(treatment planning)* akan dibuat dengan konsultasi jaringan *(network) The Brunei Cancer Centre (TBCC),* إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Mengenai contoh strok tadi itu, minta maaf Yang Berhormat Pengerusi, memanglah kitani kalau sudah kena penyakit macam itu, kitani akan berusaha sedaya upayanya. Umpamanya kalau sekiranya kaola ditimpa perkara macam ini, memang walaupun kaola ini doktor perubatan, kaola akan mencari usaha, macam mana untuk memperbaiki diri sendiri, supaya sihat lagi.

Itu memang sifat manusia, ia inda mahu melepaskan macam itu sahaja kerana ia masih mahu hidup. Sama ada *virgin olive oil* ini betul-betul mendatangkan faedah untuk pesakit itu, itu والله أعلمُ بالصواب tapi tidaklah pihak abis kaola melarang, asal sahaja apa pun yang dipakai oleh pesakit itu, mereka akan meneruskan rawatan *conventional* ini dan rawatan yang digunakan pesakit itu tidak bercanggah dan memudaratkan. Pihak Kementerian Kesihatan tidak akan melarang orang-orang yang mencuba kaedah alternatif ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah memberikan penerangan sebagai menteri dan juga sebagai seorang doktor. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola mempunyai 2 perkara sahaja akan dibentangkan. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah mengenai Belanjawan Kementerian Kesihatan.

1. Walaupun Negara Brunei Darussalam kini menghadapi cabaran ekonomi global yang tidak menentu dan dihambat oleh kedudukan fiskal yang mengalami defisit, kita selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam seharusnyalah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana masih memperolehi dan dapat menerima lagi ubat-ubatan vaksin secara percuma untuk rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

   Kaola ingin mengimbas kembali ucapan mantan Menteri Kesihatan semasa Majlis Pelancaran Hari Terbuka dan Jerayawara Farmasi Tahun 2014, mengatakan ada sebilangan para pesakit tidak memakan ubat yang diberikan atau dibekalkan mengikut arahan doktor. Perkara ini setentunya akan mengakibatkan penyakit semakin bertambah teruk dan sukar untuk dirawat atau dikawal. Ia bukan sahaja memudaratkan dan membebankan diri sendiri bahkan juga melakukan pembaziran. Dalam perkara ini, kaola mengusulkan kepada Kementerian Kesihatan untuk mencetak harga ubat-ubatan ataupun menulis pada label sampul ubat berkenaan. Berapa harga yang diberikan kepada pesakit. Tujuan kita mencetak, menulis harga pada bungkusan pada setiap ubat-ubatan yang diserahkan kepada mereka itu ialah untuk memberitahu kepada pesakit akan harga setiap ubat-ubatan yang diambil oleh mereka dengan tujuan untuk memberi kesedaran kepada pesakit akan perbelanjaan yang dibiayai oleh pihak kerajaan pada setiap pesakit berkenaan.

   Kita bayangkan, berapa banyak jumlah kewangan kerajaan yang dibelanjakan untuk membeli ubat-ubatan. Kaola merasakan bahawa pendekatan yang diperlukan sahaja yang akan dapat mengurangkan pembaziran bahkan secara tidak langsung mengajar atau memberi kesedaran kepada para pesakit untuk lebih menghargai pemberian ubat-ubatan percuma dari pihak kerajaan, dengan memupuk sikap berjimat cermat dan menghindarkan sikap pembaziran; dan

2. Kaola juga akan bangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah mengenai perkembangan dan pertumbuhan klinik-klinik swasta di negara kita ini yang sememangnya disambut baik oleh masyarakat di negara ini. Soalan kaola:-

   i. Adakah pada masa ini kakitangan di Kementerian Kesihatan, khususnya di hospital-hospital kerajaan mencukupi terutama sekali doktor dan pakar?;

ii. Apa yang kaola ketahui sebilangan doktor dan pakar di klinik-klinik swasta sebelumnya pernah berkhidmat di hospital-hospital kerajaan. Mereka ini menamatkan perkhidmatan dengan kerajaan dan memilih untuk membuka ataupun berkhidmat di klinik-klinik swasta. Adakah klinik-klinik swasta ini dipantau oleh pihak Kementerian Kesihatan dari segi mutu kualiti perkhidmatan dan keselamatannya terutama sekali prosedur perawatan dan ubat-ubatan?; dan

iii. Pada masa ini, kita juga sering mendengar melalui media massa mengenai produk-produk makanan kesihatan dan kecantikan yang ditarik balik disebabkan oleh pencemaran dan sebagainya. Kaola mendengar suara-suara orang ramai, bahawa mereka sudah lama menggunakan produk-produk tersebut.

Perkara ini menjadi kekesalan kepada pihak pengguna dan sudah setentunya menjadi persoalan orang ramai dan pengguna. Adakah jawatankuasa atau satu badan dibentuk untuk memantau penjualan ubat-ubatan, produk-produk makanan dan barang-barang kosmetik yang dijual di pasaran.

Termasuklah di kedai-kedai runcit, kedai kiub dan penjualan melalui internet dan media sosial di keempat-empat daerah untuk memastikan tahap keselamatan penggunaannya dan kehalalan nya? Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, kaola hadapkan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal atas 2 isu yang diusulkan tadi:-

1. Cadangan untuk memasukkan harga ubat-ubatan. Yang Berhormat terima kasih banyak-banyak. Kaola sokong Yang Berhormat. Ini adalah satu cara mungkin untuk kita secara halusnya, sebaik-baiknya untuk mengingatkan orang kita, jika diberitahu pun memang tidak akan mengubah sikap itu. Jika dengan secara baik dan halus kita label sahaja harganya. Mungkin pesakit akan berfikir dua kali jika lupa memakan ubat itu; dan

Mungkin juga kaola rasa di peringkat abis kaola, abis kaola terpaksa juga berusaha untuk memastikan yang keterangan yang diberi kepada pesakit ini terpaksa dimantapkan lagi, macam mana cara kita untuk memastikan yang pesakit-pesakit ini faham apa sebenar masalahnya.

Kalau sekiranya mereka ini menjalani rawatan, umpamanya rawatan darah tinggi, mereka ini mesti faham bukan sahaja untuk mengawal darah tinggi itu kerana mengakibatkan masalah jantung, juga masalah seperti buah pinggang. Jika masalah penyakit buah pinggang itu terbiar dan hal ini terjadi, apa akan jadinya nanti?

Kalau kita menggambarkan, mengapa mereka harus memakan ubat itu dan apakah kesan jika mereka makan dan kesan jika tidak memakannya, jika mereka mungkin betul-betul faham *non-compliance* (orang yang lupa) tidak mengambil endah ubat itu semakin kurang. Kaola sendiri sering melihat terutama sekali orang muda yang kaola bangkitkan semasa mukadimah pagi tadi mengenai orang yang menghidap masalah kencing manis pada tahap 2 dan darah tinggi.

Kebanyakan daripada pemuda ini, semasa reviu mereka telah diketahui tidak memakan ubat itu. Mereka mengatakan sudah sihat dengan bermain bola, melakukan aktiviti yang biasa dan juga mengatakan tidak ada masalah. Mengapakah kita menunggu sehingga ada masalah. Tujuan berubat itu untuk mengawal masalah pesakit ini. Jika dapat dikawal الْحَمْدُ لله risiko ataupun *complication* yang akan timbul tidak akan terjadi, إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Kaola sambut baik saranan daripada Yang Berhormat tadi itu.

2. Perkembangan dan pertumbuhan klinik-klinik swasta. Kaola menyambut baik pertumbuhan klinik-klinik swasta ini. Mungkin rakan kaola di Kementerian Pendidikan memang juga menyambut baik. Jika sekiranya sekolah-sekolah swasta ini ditubuhkan ia akan menolong kita, sama-sama bagi mengatasi bebanan kos untuk memberi rawatan untuk pesakit ini.

   Ia juga memberi pilihan alternatif bagi pesakit ini. Kadang-kadang di klinik swasta disebabkan *convenience.* Mungkin mereka ke sana supaya mereka tidak akan menunggu lama, kalaupun mungkin dari segi *confidentiality* ia tidak mahu orang tahu yang ia sakit dan seumpamanya. Memang pihak Kementerian Kesihatan menyambut baik usaha-usaha ini. Di samping itu, saranan Yang Berhormat juga kita terpaksa juga memastikan tahap kualitinya terjaga.

   Kementerian Kesihatan memantau kualiti klinik-klinik kesihatan ini dengan beberapa cara. Salah satu caranya ialah melalui Lembaga Perubatan Brunei tiap-tiap doktor di Negara Brunei Darussalam ini, mereka bekerja adalah mandatori untuk mendapat *Certificate of Practice* yang dikeluarkan oleh Lembaga Perubatan Brunei. Ia dikeluarkan pada tiap-tiap tahun yang memerlukan *requirement.* Jadi mana-mana ahli perubatan yang tidak mencukupi *requirement* ini

tidak akan dibenarkan untuk membuka klinik ini ataupun untuk mempraktikkan kepakaran mereka itu.

Selain itu, pada masa ini pihak Kementerian Kesihatan sedang menggubal satu akta bersama dengan rakan-rakan di *Attorney General Chambers* dengan satu akta supaya klinik itu sendiri dapat dipantau. إِنْ شَاءَ اللَّهُ dalam masa yang terdekat jika ada perkembangannya, kaola akan memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai progres akta ini nanti.

Pemantauan ubat-ubatan ini, tiap-tiap klinik akan juga menjual dan memberi perkhidmatan ubat-ubatan ini. Melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi dengan unit yang tertentu akan juga memantau klinik-klinik ini bagi memastikan bahawa ubat-ubatan yang dijual ini akan dipastikan berkualiti tinggi ataupun yang sudah mendapatkan permit, malah akan dipastikan cara mereka menyimpan ubat ini dengan *storage*nya dan sebagainya kerana kadang-kadang ubat ini perlu disimpan di peti sejuk ataupun sebahagian daripadanya tidak dapat disimpan di peti sejuk.

Kita memastikan juga ubat yang diberikan kepada pelanggan ataupun pesakit itu adalah pada tahap ataupun kualiti yang tinggi. Terima kasih kaola rakamkan kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diajukan dan juga terutama sekali dengan saranan-saranan Yang Berhormat itu tadi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan akhirnya saya jemput Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah jelas bercakap dengan lantang, yang penuh dinamik, progresif dan profesional untuk mengangkat dan memajukan kehendak mental, fizikal dan spiritual. Walau bagaimanapun, walaupun begitu banyak apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu kalau tidak diberi sokongan makanya tidak akan berjaya. Kita berharap supaya kita akan menyokong atas taklimat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu tadi. Terima kasih.

Bagi diri kaola adalah kecil dan ringan sahaja. Kaola selalu ditanya apabila kaola berada di Klinik Kesihatan Anggerek Desa. Selalu ditanya mengapa ada bayaran $1.00 lagi sedangkan khabar-khabarnya tidak ada lagi caj

pendaftaran. Kepala saya penuh dengan pertanyaan tersebut mengapa ada bayaran $1.00 itu. Kalau balik-balik bayaran tersebut akan menjadi banyak.

Keutamaan selalu dicakapkan apa keutamaan bagi warga emas di jabatan tertentu dalam negara kita. Nampaknya keutamaan ini tidak diperjelaskan barangkali orang yang berkenaan di mana-mana tidak tahu apa dia keutamaan untuk warga emas itu. Pada suatu ketika kaola sendiri pergi membaharui pasport di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan memberikan nombor giliran masing-masing. Saya yang tua ini ikut mengambil nombor. Sepatutnya saya yang sudah berumur 60 tahun tidak perlu mengambil nombor kerana ada kenyataan bahawa warga emas mesti diutamakan. Sebaliknya saya sebagai yang warga emas terpaksa juga ikut sama-sama berbaris.

Begitu juga di hospital, misalannya selepas berjumpa doktor, mengambil ubat kemudian ditunggu kalau dapat dibuat pada waktu pagi atau kalau tidak dapat waktu petang kerana *queue* yang ramai. Kalau warga emas diutamakan, sebelah pagi memperolehi ubat tidaklah perlu menunggu hingga ke sebelah petang.

Warga emas yang sakit susah berjalan akan diperiksa di hospital seperti mengambil darah. Sekadar mengambil darah ia datang bersusah payah ke hospital, apa kiranya darah itu diambil ke rumahnya dan dibawa balik ke hospital jadi orang tua tidak sakit dan susah.

Pada suatu ketika kaola/saya berjumpa di Klinik Kesihatan Berakas dan diarahkan oleh doktor ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dengan menggunakan ambulans. Kaola/saya sendiri mahu menggunakan kereta saya tetapi doktor tidak membenarkan kerana perlu menggunakan ambulans. Apa yang kaola/saya nampak ambulans itu sudah usang dan kurang menyenangkan. Mudah-mudahan kejadian serupa ini tidak akan berlaku di mana-mana. Ini adalah dari pengalaman kaola/saya sebagai makluman di dalam Dewan ini.

Seterusnya berkenaan perkataan "RIPAS" kaola/saya berharap perkataan ini akan dapat dipenuhkan dengan sebutan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, supaya tidak menjadi kekeliruan kepada orang ramai. Perkara ini pernah saya timbulkan pada permesyuaratan yang lepas. Perkataan RIPAS itu popular digunakan dan nama itu bagus tetapi tidak tepat disebut dengan perkataan RIPAS sesuailah jika disebut sepenuhnya.

Berikutnya kita sudah bercakap dengan kesihatan, jantung dan lain-lain, apa kiranya diperiksa balik bagaimana keadaannya pada masa ini. Adakah menghidap darah tinggi, kencing manis dan sebagainya untuk menentukan kesihatan mereka supaya jangan sampai terlambat sebelum tempoh lantikan berakhir.

Kalau bercerita tentang kaki sakit, tajam-tajam rasanya dibawa ke hospital biasa diberitahu *gout* dan diberi ubat *gout*. Saya kata "Ada ubat lain?" jawabnya "Tidak ada, Bahagian Pakar ada". Saya cuba pergi ke Bahagian Pakar dan menjalani *x-ray* tetapi tidak ada apa-apa hanya diberikan kasut span. Sekarang ini kasut yang saya sebutkan itu tidak dapat dipakai kerana menyakitkan kaki kaola/saya bukannya kerana penyakit *gout*. Itulah kaola/saya menggunakan tongkat pada masa ini, itulah masalahnya.

Yang akhir mudah-mudahan apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menyokong bersama-sama dari segi fizikal dan mental dan mudah-mudahan akan berjaya mencapai cita-cita untuk mengangkat taraf kesihatan di Negara Brunei Darussalam.

Demikian Yang Berhormat Pengerusi. وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Mudah-mudahan doa Yang Berhormat dimakbulkan dan bagi kepentingan kita semua. Yang Berhormat juga mempunyai minat yang besar mengenai kesihatan dan diharap pihak Kementerian Kesihatan akan terus melihat kesihatan Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya memberi kesempatan untuk Yang Berhormat Menteri Kesihatan sama ada untuk memberikan reaksinya ataupun penerangan lanjut mengenai apa yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Barangkali pendek saja. Kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan seikhlas-ikhlasnya kepada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain atas segala saranannya dan lebih-lebih lagi atas doa Yang Berhormat tadi. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ abis kaola mengaminkannya dan yang paling utama kita menunaikannya, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ

Sepertimana juga saranan Yang Berhormat Haji A. Ahmad bin Husain, perkara ini bukan sahaja perkara Kementerian Kesihatan. Perkara ini direalisasikan kita terpaksa membuatnya isu kita juga, sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Kaola tidak akan menjawab di Dewan yang mulia ini, kalau ada sesetengah daripada isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu merupakan isu peribadi. Dari segi etikanya sebagai seorang doktor tidak kaola berani mengongsikannya dengan orang ramai di sini kerana ia isu peribadi. Mengenai sakit tumit dan kurang keselesaan di ambulans, kaola sendiri meminta maaf kepada Yang Berhormat kenapa ia tidak selesa. Nanti sahaja diperiksa ambulan itu, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ.

Mengenai keutamaan warga emas ini, telah beberapa kali ditimbulkan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat lain juga, memang diutamakan. الْحَمْدُ لله sekarang di Negara Brunei Darussalam kita berbangga dengan adanya pakar orang kita dalam bidang perubatan bahagian pediatrik, penjagaan orang-orang yang umurnya sudah meningkat. Negara Brunei Darussalam, الْحَمْدُ لله masih di peringkat awal lagi dari segi *demographic shift* ini. Di negara-negara jiran seperti Singapura, Jepun ataupun Korea, kebanyakan daripada penduduknya terdiri daripada orang tua. Mereka sudah ada masalah macam mana mereka menangani isu orang sudah meningkat umur.

Di Negara Brunei Darussalam, 50 peratus masih lagi dikatakan yang muda. Inilah masanya kita memikirkan macam mana kita memeduli warga emas walau pun masa ini masih lagi di peringkat yang rendah tetapi mereka ini mustahak. Kalau kita di Negara Brunei Darussalam ini orang tua, dituakan lagi. Tanpa orang tua ini macam mana jua kita akan ke depan. Tempat kita memohon nasihat dan sebagainya.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ abis kaola akan bekerja sedaya upaya memastikan yang warga emas ini diberi keutamaan. Sambil itu, abis kaola memohon kadang-kadang sesetengah daripada warga emas ini sensitif, tidak mahu orang tahu atau mengucap mereka warga emas kerana hati masih muda. Jadi kaola mencadangkan kalau kita hati masih muda ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ kesihatan akan meningkat.

Itu saja kali Yang Berhormat Pengerusi buat masa ani, yang selainnya akan kaola susul kemudian. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah pun membincangkan mengenai Belanjawan Kementerian Kesihatan dengan panjang lebar. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah pun menyuarakan harapan mereka dan juga soalan-soalan telah pun dijawab dan diteliti oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Saya berpendapat, masanya sudah tiba bagi kita untuk menilai sama Belanjawan Kementerian Kesihatan ini diluluskan atau sebaliknya.

Dengan itu saya ingin mengundi. Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju supaya Belanjawan Kementerian Kesihatan ini diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya Belanjawan Kementerian Kesihatan diluluskan secara sebulat suara.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat bahawa adalah sesuai Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dulu dan kita bersidang

semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara dan saya tangguhkan Mesyuarat ini selama 20 minit bagi kita untuk berehat.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ . Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang semula dan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan kita meneliti Rang Undang-Undang yang berkenaan ini satu persatu, saya tangguhkan persidangan Majlis Mesyuarat ini dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbangkan dan terus meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Sebelum mesyuarat kita ini ditangguhkan untuk berehat sebentar tadi kita telah selesai meluluskan Belanjawan Kementerian Kesihatan. Sekarang kita beralih pula kepada Tajuk seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SN01A - Kementerian Perhubungan hingga Tajuk SN08A

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita akan membincangkan belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum saya membukakan Tajuk ini untuk dibahaskan sebagaimana lazimnya saya ingin memberikan kesempatan ini untuk Yang Berhormat Menteri Perhubungan menyampaikan ucapan pendahuluannya atau mukadimahnya berkenaan dengan sasaran-sasaran belanjawan Kementerian Perhubungan bagi tahun ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوْا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan dan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan

salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. الْحَمْدُ لله negara yang berkat ini, Negara Brunei Darussalam dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus kekal menikmati keamanan dan kesejahteraan dan dapat lagi meneruskan usaha ke arah pembangunan negara demi meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan kesinambungan kesejahteraan generasi yang akan datang.

Kaola, bagi pihak seluruh warga Kementerian Perhubungan, merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi satu Anggaran Peruntukan Belanjawan sebanyak $68.5 Juta (B$68,545,090.00) bagi tahun Kewangan 2016/2017 untuk diamanahkan kepada Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi tujuan untuk melaksanakan program pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

Dari peruntukan ini sebanyak $42.6 juta dikhususkan untuk pembayaran Gaji Kakitangan; sebanyak $17.4 juta untuk Perbelanjaan Operasi atau Perbelanjaan Berulang-Ulang; dan sebanyak $8.5 juta diperuntukan untuk perbelanjaan khas, khususnya bagi pembaikpulihan prasarana di bawah Jabatan Laut, Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Penerbangan Awam.

Hasil pendapatan tahunan yang dikutip oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan ialah antara $75.1 juta pada tahun 2013/2014 dan meningkat kepada $98.5 juta pada tahun 2014/2015.

Sumbangan Sektor Perhubungan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) hanyalah sebanyak 3 peratus iaitu kira-kira $600 juta lebih setahun.

الْحَمْدُ لله Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih mampu mengadakan anggaran belanjawan yang agak tinggi, terutama kalau dilihat dari segi *per capita spending*.

Sungguhpun demikian, kita peka kepada impak ekonomi global yang tidak menentu, terutama dengan suasana persaingan harga minyak dan gas antarabangsa yang begitu sengit, yang bakal menjejaskan kestabilan fiskal negara.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Perhubungan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi kerajaan baginda memberi fokus sepenuhnya kepada menggiatkan sektor swasta untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan generasi akan datang.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ, Kementerian Perhubungan akan meneruskan sikap berjimat cermat, dengan memberi sepenuh perhatian kepada prestasi meningkatkan produktiviti dan menghindarkan sebarang pembaziran dalam rangka *performance budgeting* serta akan mengambil sikap sebagai pemudah cara atau *facilitator* dalam semua aspek pengurusan demi kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Sektor Perhubungan memainkan peranan penting dalam mendukung pembangunan dan perekonomian negara yang *dynamic, resilient,* dan *kempetitif*.

Ini ada hubung kaitnya dengan apa yang dipanggil sebagai *mobility* atau *movement of people, goods and services.* Setiap ekonomi yang dinamik mempunyai sistem perhubungan yang efisien bagi keperluan rakyat dan penduduk untuk menjana masyarakat yang dinamik menjelajahi dan merantau di merata tempat meluaskan pasaran untuk mencari nafkah dan mata pencarian.

Setiap barangan dan perkhidmatan perlu kelangsungan laluan yang lancar tanpa halangan dari satu tempat ke tempat yang lain menuju destinasi. Dapat kita simpulkan bahawa antara faktor penting dalam aspek *mobility* dan perhubungan ialah kesalinghubungan atau *connectivity* dengan rangkaian perkhidmatan pengangkutan yang meluas.

Ini bukan hanya dalam konteks pengangkutan awam dalam negara sahaja, tetapi juga *connectivity* antara Negara Brunei Darussalam bersama negara-negara luar melalui penerbangan awam dan perkapalan.

Faktor kedua yang penting, negara harus mempunyai sistem perhubungan dan pengangkutan awam yang *reliable*, baik pengangkutan udara, laut dan darat. *Reliability* atau sistem pengangkutan yang tepat dan boleh dipercayai, diasaskan kepada perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan yang berterusan dan tidak tergendala, atau boleh diharapkan sebagai aspek penting dalam urusan seharian.

Melihat kepada faktor-faktor ini, dan dengan adanya sistem perhubungan, pengangkutan dan perkapalan yang efisien dan selamat, kaola percaya ia akan membukakan lagi ruang pasaran atau *creating economic space,* dan menggalakkan perdagangan dan pelancongan di negara ini.

Disamping itu sistem pengangkutan yang *reliable* juga akan dapat membantu rakyat dan penduduk di negara ini untuk mencari peluang pekerjaan, terutama lepasan sekolah,

yang belum mempunyai kenderaan sendiri dan juga dapat menggalas tekanan daripada kesempitan keluarga.

Sehubungan dengan itu, kaola percaya sektor pengangkutan berpotensi untuk diangkat sebagai salah satu *economic fundamental* penting yang mampu untuk menjana ekonomi yang *vibrant* dan *competitive*. Ke arah ini, sebagai kesinambungan kepada perancangan strategik 2008 - 2017, Kementerian Perhubungan akan memberi tumpuan kepada lima (5) keutamaan seperti berikut.

Keutamaan Pertama ialah mengambil strategi pengurusan yang berfokus kepada pengguna - atau *Customer Focus Strategy*. Ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-25 supaya rakyat baginda mengubah minda untuk mempergiatkan pertumbuhan ekonomi.

Memandangkan kepada cabaran ekonomi yang dihadapi ketika ini, dan selaras dengan dasar kerajaan pro-bisnes untuk berhijrah dari bergantung sepenuhnya pada pendapatan minyak dan gas, Kementerian Perhubungan telah mengambil strategi untuk memfokus kepada pelanggan.

Di bawah strategi ini jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan, selaras dengan peranan mereka sebagai *facilitator* akan lebih peka kepada keperluan dan *expectation* orang ramai, memahami cita rasa dan aspirasi mereka dan membentuk hubungan yang serasi dan pengurusan yang mesra pelanggan.

Front end process atau *client charter* dan Tekad Pemedulian Orang Ramai akan lebih telus dan *accountable* dengan tujuan memudah cara, meningkatkan integriti, dan prestasi kutipan hasil kerajaan dan mengurangkan tunggakan.

Keutamaan Kedua ialah mengukuhkan *regulatory framework* dengan mengemaskinikan undang-undang dan peraturan dalam perhubungan, dengan tujuan untuk melahirkan sistem pengangkutan awam yang teratur, berdisiplin dan selamat.

Dalam konteks ini, Kementerian Perhubungan telah mengambil langkah-langkah berikut:-

1. Mengemaskinikan Perundangan atau Akta Penerbangan Awam bagi menepati kehendak piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa atau *International Civil Aviation Organisation*.

   Pengemaskinian Akta Penerbangan Awam ini juga bertujuan untuk menggariskan dengan jelas perbezaan peranan yang diambil oleh Jabatan Penerbangan Awam

sebagai pengawal selia atau *regulator,* pengurusan lalu lintas udara atau *air traffic* management dan sebagai a*irport operator* serta membentuk satu Badan Penyiasatan yang *autonomous* atau berkecuali.

Jabatan Penerbangan Awam berhasrat untuk menyasarkan usahanya menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei antara yang 100 yang terbaik mengikut *Skytrax World Airport Ranking*, dengan pengurusan perkhidmatan dan prasarana yang selamat, efisien, moden dan selesa, mengikut amalan terbaik dan memenuhi kehendak piawaian antarabangsa; dan

2. Pembentukan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan, atau *Maritime and Port Authority*, sedang dalam proses yang nanti akan *stream-line* pengurusan sistem perkapalan dan pelabuhan, serta menggariskan dengan jelas peranan antara *regulator* dan *operator*.

   Sektor maritim disasarkan untuk menjana suasana yang kondusif bagi pertumbuhan industri maritim, dan memastikan sistem perkapalan dan pengawalan alam sekitar yang selamat; dan

3. Kementerian Perhubungan juga sedang mengkaji kesesuaian untuk membentuk satu Badan Berkuasa Pengangkutan Darat atau *Land Transport Authority*, dengan menilai keperluan dan kesesuaian bagi satu badan berkuasa, sebagai *regulator* untuk mengawal selia dan memperluaskan sektor pengangkutan darat khususnya teksi dan bas awam.

Ke arah ini, Jabatan Pengangkutan Darat telah mengambil pendekatan dengan berstrategikan fokus pelanggan, untuk meningkatkan *reliability dan connectivity* pengangkutan bas awam secara meluas, yang akan mendorong kepada peningkatan pergerakan, pelancongan dan pertumbuhan ekonomi.

Kementerian Perhubungan juga sedang berusaha untuk memperbaiki perkhidmatan teksi dengan pengenalan sistem teksi bermeter, tempahan melalui sistem *ICT*, dan struktur tambang yang terkawal dan kompetitif. Ini diharap akan meningkatkan lagi keyakinan terhadap perkhidmatan teksi negara dan memperbaiki imej negara di mata orang ramai khususnya pelawat-pelawat yang melancong ke negara ini.

Beberapa sesi dialog dan perbincangan bersama pengusaha-pengusaha teksi telah diadakan dan apa yang dihasratkan ialah bagi para pengusaha teksi dapat memperluaskan sumber pendapatan mereka melalui dasar pelesenan yang fleksibel yang membolehkan teksi negara memberikan pelbagai perkhidmatan selain perkhidmatan teksi.

Priority untuk mencapai keberkesanan dan *cost effectiveness* dalam pengurusan khususnya dalam rangka

PPP atau pengkorporatan. Perkara ini berhubung kait dengan kapasiti jabatan dalam pemberian perkhidmatan dengan permintaan orang ramai semakin bertambah. Terdapat 2 aktiviti khusus yang menjadi sasaran iaitu Penswastaan Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan atau *Outsourcing of Vehicle Inspection Services* dan Pengkorporatan Pengurusan Pelabuhan di Muara.

Penswastaan Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan dihasratkan untuk mengongsikan tanggungjawab dalam memestikan *roadworthiness* setiap kenderaan kepada bengkel-bengkel dalam *Class A* dengan mengambil kesempatan dari *excess capacity* yang terdapat di bengkel-bengkel berkenaan. *The value change* atau faedah dari pendekatan ini ialah pemeriksaan kenderaan yang rapi dan berkualiti, penjimatan susbsidi kerajaan terutama dari perbelanjaan pemeliharaan dan meringankan beban pemeriksaan kenderaan yang juga semakin bertambah.

Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Pos juga tidak akan ketinggalan untuk membuat perubahan untuk sentiasa relevan dalam menangani cabaran perkembangan pos masa kini. Jabatan Perkhidmatan Pos akan mengambil kaedah *enterpreneural management* untuk mempelbagaikan perkhidmatan yang menjurus kepada e-*commerce* dan penghantaran barangan melalui pos bagi menggalakkan perniagaan komuniti setempat dan perhubungan pos sejagat yang dipercayai, selaras dengan komitmen Kesatuan Pos Sedunia dan *Universal Service Obligation*.

Antara perkhidmatan yang dipertimbangkan ialah *V-Post* atau *Virtual Post* untuk menyalurkan pesanan-pesanan melalui *e-commerce* yang ketika ini disalurkan melalui pos-pos di negara jiran.

Keutamaan Peningkatan Infrastruktur, Kementerian Perhubungan akan terus berusaha untuk menaik taraf prasarana perhubungan dengan tujuan untuk memperluaskan lagi kapasiti dan meningkatkan kelancaran laluan dalam perhubungan. Antara projek yang diungkayahkan di bawah Kementerian Perhubungan ialah peningkatan Landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, dengan tujuan untuk membolehkan pesawat yang bersaiz besar terutama pesawat kargo untuk mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan satu lagi projek yang akan diusahakan ialah Pembesaran Pelabuhan Muara untuk memuatkan banyak lagi kapal untuk berlabuh di tempat berkenaan.

Jabatan Pelabuhan berperanan untuk mendukung pertumbuhan ekonomi melalui sistem pelabuhan dan logistik yang cekap dan berdaya saing bagi kelancaran pergerakan pelancong dan kargo. Dengan meningkatnya perdagangan antarabangsa dan pasaran yang terbuka di rantau Asia, Pelabuhan Muara perlu menempatkan dirinya sebagai salah satu pelabuhan yang strategik, bagi mengambil faedah dari kegiatan perkapalan dan penghantaran

container atau kargo yang dijangka meningkat dengan bertambahnya permintaan serantau.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Perhubungan juga sedang giat mencari jalan untuk meningkatkan hasil melalui *transhipment* dan berharap untuk bekerjasama dengan pihak *Asian Development Bank* untuk membuat kajian ke arah mengorak strategi meningkatkan potensi tersebut sebagai lanjutan kepada kajian mengenai peluang *transhipment* antara negara negara *BIMP-EAGA*.

Dalam bidang *ICT,* pihak *AITI* atas dasar *ICT White Paper* akan berusaha ke arah mengembangkan sektor *ICT* sebagai pemangkin atau *engine of growth* bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara dan memberi perhatian kepada merapatkan jurang digital selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Kementerian Perhubungan ingin menggalakkan syarikat-syarikat telekomunikasi agar terus peka dan responsif kepada meningkatkan usaha ke arah pembinaan prasarana yang menembusi kawasan luar bandar dan pedalaman serta kawasan Rancangan Perumahan Negara.

Keutamaan seterusnya ialah *Health, Safety and Environment*. Dalam usaha Kementerian ini untuk memastikan keupayaan memudah cara aktiviti-aktiviti perekonomian, isu keselamatan tidak diabaikan. Antara tujuan yang ingin dicapai ialah untuk membudayakan aspek keselamatan, kesihatan dan penjagaan alam sekitar dalam pengurusan sistem pengangkutan awam.

Ke arah ini Kementerian Perhubungan telah menubuhkan Bahagian Keselamatan dan Siasatan yang berfungsi sebagai badan untuk membuat penyelarasan dan penyelidikan mengenai seluruh aspek keselamatan dan penyiasatan dalam sistem pengangkutan awam.

Berhubung dengan keselamatan motor sangkut di negara ini, sukacita jua kaola memaklumkan mengenai penetapan satu *Domestic Class* sebagai piawaian perahu-perahu tempatan. Ini bertujuan memastikan perahu yang dibina mengikut piawaian dan *standard* keselamatan yang ditetapkan. Sementara itu Jabatan Kaji Cuaca juga tidak ketinggalan dalam berusaha untuk meningkatkan kapasiti dalam memberi perkhidmatan menyediakan maklumat cuaca dan iklim yang tepat untuk keselamatan penduduk dan rakyat di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Dengan peruntukan yang diluluskan bagi Kementerian Perhubungan, الْحَمْدُ لله semua perancangan yang telah dan sedang berjalan ketika ini, akan dapat diteruskan untuk kemudahan rakyat. Kementerian Perhubungan akan terus melaksanakan projek-projek strategik sebagai usaha berterusan ke arah kemajuan ekonomi dengan membuka ruang perdagangan *(creating economic space*), meningkatkan ketahanan ekonomi

(*economic resilience*) dan menggalakkan persaingan ekonomi yang mapan (*economic competitiveness).*

Dalam memikul tanggungjawab ini, kaola amatlah menjunjung kasih setinggi-tingginya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, terutama pada memastikan kesinambungan pembangunan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam berdasarkan Melayu Islam Beraja, aman makmur di bawah payung pemerintahan baginda, Negara Brunei Darussalam بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Yang Berhormat Pengerusi. Sekian sahaja yang kaola dapat bentangkan mengenai agenda dan perancangan Kementerian Perhubungan dan mudah-mudahan ianya mendapat restu dan *endorsement* daripada semua Ahli Yang Berhormat.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas huraian mukadimah yang begitu jelas, yang menggariskan dasar-dasar terperinci berkenaan hala tuju Kementerian Perhubungan, sesuai dengan belanjawan yang diperuntukkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengamat-amati isi kandungan mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan, maka saya berpandangan Mesyuarat Jawatankuasa ini sesuai kita tangguhkan dan kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Dengan yang demikian, saya tangguhkan dulu Persidangan ini, dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 10 Jamadilakhir 1437 bersamaan 19 Mac 2016, pada pukul 9.00 pagi.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Sabtu, 10 Jamadilakhir 1437 / 19 Mac 2016

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.
(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini iaitu hari yang kesebelas, 10 Jamadilakhir 1437 bersamaan 19 Mac 2016, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir lagi di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari yang kesebelas ini.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰه sehingga hari ini, kita telah banyak menyelesaikan perkara dalam agenda kita (dalam membincangkan Perkara V - Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis, yang telah dijawab secara lisan oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang berkenaan dan Perkara VI - Usul Yang Telah Diberi Notis).

Walau bagaimanapun, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang tersebut di peringkat Jawatankuasa untuk membolehkan kita menelitinya satu persatu. Maka bagi membolehkan kita meneruskan Persidangan selaku Jawatankuasa sepenuhnya, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017.

Pada petang hari Khamis yang lalu, sebelum kita menangguhkan mesyuarat, kita telah mendengar ucapan pendahuluan atau mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Perhubungan berkenaan dengan Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya, yang begitu jelas dalam menggariskan dasar-dasar hala tuju tentang kementerian tersebut dalam Tahun Belanjawan yang akan datang ini.

Maka dengan yang demikian, saya berpandangan Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya, bolehlah sekarang kita buka untuk dibahaskan sebagaimana biasa.

Bersama saya di sini, terdapat satu senarai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang ingin untuk turut serta dan suka untuk membahaskan Tajuk tersebut. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad untuk memulakannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ

Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada hari Khamis yang lalu.

Kaola sangat menyambut baik dan menyokong sepenuhnya Belanjawan Kementerian Perhubungan yang berjumlah $68.5 juta itu bagi tahun 2016/2017. Kaola berharap pihak Kementerian Perhubungan akan meneruskan sikap berjimat cermat dengan memberi sepenuhnya kepada prestasi, peningkatan dan produktiviti dan menghindarkan sebarang pembaziran dalam rangka *Performace Budgeting* serta akan mengambil sikap sebagai pemudah cara dalam aspek pengurusan demi kepentingan rakyat dan negara serta dapat memfokuskan kepada 5 keutamaan yang telah digariskan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan itu.

Kaola akan menyentuh beberapa keutamaan sahaja seperti berikut:-

1. Setiap barangan dan perkhidmatan perlu kelangsungan laluan yang lancar tanpa halangan dari satu tempat ke satu tempat yang lain menuju destinasinya. Bukan hanya dalam konteks pengangkutan awam dalam negara sahaja tetapi juga *connectivity* antara Negara Brunei Darussalam bersama dengan negara-negara luar seperti penerbangan awam dan berkapalan.

Soalan kaola:-

i. Bagaimanakah pihak Kementerian Perhubungan dapat merealisasikannya?; dan

ii. Setakat ini, berapakah destinasi *connectivity* Negara Brunei Darussalam melalui Penerbangan Awam dan perkapalan di seluruh dunia yang telah kita meterai?;

2. Jabatan Penerbangan Awam berhasrat untuk mensasarkan usahanya untuk menjadi Lapangan Terbang Antarabangsa antara yang ke-100 yang terbaik mengikut *Skytrax World Airport Ranking* dengan pengurusan, perkhidmatan dan sasaran yang selamat, efisien, moden dan selesa mengikut amalan terbaik dan memenuhi kehendak piawaian antarabangsa. Sungguh tinggi hasrat Kementerian Perhubungan ini.

Soalan kaola:-

i. Apakah perancangan ini mampu diusahakan dengan keadaan kedudukan kewangan negara masa ini?;

ii. Berapakah sudah destinasi penerbangan *Royal Brunei* ketika ini?; dan

iii. Adakah Kementerian Perhubungan bercadang untuk meluaskannya?;

3. Yang Berhormat Menteri Perhubungan mengatakan sistem pengangkutan yang *reliable* dan yang mengikut strategi pengurusan yang tinggi fokus kepada pelanggan akan dapat membantu rakyat untuk mencari peluang-peluang pekerjaan.

Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan yang sebagai fasilitator akan membentuk hubungan yang serasi dan pengurusan yang mesra pelanggan dengan Tekad Pemedulian Orang Ramai Jabatan Pengangkutan Darat yang telus lagi *accountable*.

Soalan kaola, apakah jenis peluang-peluang pekerjaan yang dapat direbut oleh rakyat dari strategi pengurusan yang berfokus kepada pengalaman ini?

4. Dalam aspek kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.

Soalan kaola:-

i. Apakah inisiatif yang akan diambil oleh pihak Jabatan Pengangkutan Darat terhadap operator-operator pengangkutan bas awam jika didapati keadaan bas yang kurang baik, penumpang merasa kurang selesa, hawa panas di dalam bas kerana tidak berhawa dingin, menunggu terlalu lama untuk mendapatkan perkhidmatan terutama perjalanan yang jauh seperti dari Seria ke Bandar Seri

Begawan, menurunkan penumpang tidak menentu dan sesuka hati disebabkan kurang perhentian bas?;

ii. Apa tindakan Jabatan Pengangkutan Darat terhadap *pirate taxi* yang beroperasi berleluasa tanpa terkawal ketika ini?;

iii. Apakah inisiatif pihak Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) dalam menangani cabaran-cabaran yang melibatkan beberapa kekecohan yang berlaku khususnya tahun lepas di *front desk* di JPD Kuala Belait tidak berulang lagi?; dan

iv. Sikap pemedulian JPD terhadap orang ramai disanjung tinggi terutama kepada warga emas dalam membaharui Lesen Memandu dan membaharui *road tax* kenderaan. Bagaimanakah JPD dapat memastikan yang prestasi sedemikian ini akan terus diamalkan?;

5. Dalam tahun 2012, satu kajian telah dijalankan oleh 2 buah konsultan luar negeri bagi Pelan Induk Pengangkutan Darat Negara Brunei Darussalam yang telah pun siap pada tahun 2014.

Soalan kaola:-

i. Apakah hasil rumusan pengkajian tersebut dan adakah sudah ianya sedang giat dilaksanakan?;

ii. Bilangan kenderaan di Negara Brunei Darussalam kian bertambah demikian juga demografi penduduk. Tidak adakah dalam pemikiran Kementerian Perhubungan untuk membuat kajian sistem pengangkutan *LRT* atau *MRT* bagi mengurangkan kesesakan jalan raya di negara ini?; dan

iii. Kaola ingin mengetahui juga satu penyelidikan mengenai pengangkutan *shuttle bus* dari Sungai Liang ke Sungai Mau, Mukim Bukit Sawat seperti yang kaola pernah dimaklumkan sebelum ini?

6. Manakala di bidang *ICT,* pihak *AITI* atas dasar *ICT White Paper* akan berusaha ke arah mengembangkan sektor *ICT* sebagai pemangkin atau *engine of growth* bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara dan memberi perhatian kepada merapatkan jurang digital selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Untuk makluman, sesetengah kawasan di Daerah Belait termasuk kawasan di luar bandar dan pedalaman masih belum dapat menghantar atau menerima panggilan melalui *mobile phone* yang memuaskan. Dicadangkan supaya syarikat-syarikat yang mengendalikan perkhidmatan *mobile phone* seperti *DST* dan *Progresif*

Cellular yang baharu itu seharusnya mengadakan perkhidmatan yang lebih baik dan mengambil kira aspek-aspek keselamatan dan keselesaan orang ramai terutama pelanggan-pelanggan mereka; dan

7. Mengenai Jabatan Perkhidmatan Pos. Kita mengalu-alukan usaha Jabatan Perkhidmatan Pos akan mengambil kaedah *Entrepreneurial Management* untuk mempelbagaikan perkhidmatan yang menjurus kepada *e-commerce* dan penghantaran barangan melalui pos bagi menggalakkan perniagaan komuniti setempat.

   Soalan kaola:-

   i. Bagaimanakah dapat kita sama-sama memberigakan Perkhidmatan Pos yang ada di Lumut yang kaola nampak sunyi dan sepi itu?; dan

   ii. Adakah dalam pemikiran untuk menswastakannya dengan kaedah *PPP*?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perhubungan mahu menjawab terus? Silakan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ أَلسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, atas sokongan yang telah diberikan kepada Kementerian Perhubungan, terutama dalam melaksanakan Rang Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2016/2017. Bagi kaola Rang Belanjawan ini adalah penting sebagai salah satu lagi usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan usaha pembangunan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Yang Berhormat Pengerusi. Banyak soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Kaola kurang pasti sama ada kaola akan dapat menjawab semuanya. Walau bagaimanapun kaola akan cuba satu persatu dan kalau sekiranya ada yang tidak mencukupi jawapan itu, إِنْ شَاءَ اللهُ kaola akan memberi maklumat seterusnya walaupun di luar Dewan Majlis ini.

1. *Connectivity.* Yang perlu ditekankan bahawa apa yang kita mahukan ataupun kehendaki dalam menubuhkan satu sistem perhubungan awam ataupun pengangkutan awam baik dari segi pengangkutan darat, laut dan perkapalan *(shipping),* perlu

ada satu sistem yang mempunyai *connectivity* yang meluas dengan erti kata bahawa Negara Brunei Darussalam berhubung dengan negara-negara terutama dengan negara yang mempunyai kepentingan ekonomi; dan

2. Perlu ada sistem yang *reliable* bermakna bahawa satu sistem yang dapat diharapkan oleh orang ramai dapat dijanjikan ataupun dapat dipastikan bila waktunya bertolak dan bila waktunya akan datang. *Realibility* itu juga bersangkut paut dengan keadaan *transportation* atau kenderaan itu sendiri. Ia hendaklah selesa, selamat, sempurna, senonoh dan sesuai dengan ugama dan adat resam negara. Ini yang kita hajati sebenarnya.

Mengenai *connectivity*, ini juga bagi menjawab soalan pertama, Kementerian Perhubungan dan juga Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan sedang berusaha untuk meluaskan *connectivity* antara Negara Brunei Darussalam dan negara-negara lain. Hampir kesemua negara *ASEAN* terutama dengan melalui perjanjian *Open Sky Policy* ataupun *ASEAN Single Aviation Market* sudah dimeterai.

Hal ini bergantung pada *airlines* ataupun *operators airlines* untuk mengambil faedah daripada perjanjian yang sudah dimeterai antara kerajaan.

Walau bagaimanapun, ingin kaola maklumkan bahawa sejauh ini *connectivity* Syarikat Penerbangan Diraja Brunei telah membuat penerbangan dengan Arab Saudi, Australia, China, Emiriah Arab Bersatu, Hong Kong, Indonesia, Malaysia, Phillipines, Singapura, Thailand, United Kingdom dan Vietnam.

Dari segi dasar dan strategiknya, adalah hasrat Kementerian Perhubungan untuk terus meluaskan peluang untuk mengadakan kerjasama penerbangan dengan negara-negara lain. Ini bermakna Kementerian Perhubungan akan terus mencadangkan kepada negara sahabat terutama negara-negara yang ingin berbaik-baik dengan Negara Brunei Darussalam untuk mengadakan satu persetujuan atau perjanjian sebagai harapan untuk membuka jalan bagi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei mengambil kesempatan daripada persetujuan tersebut, إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Yang Berhormat Pengerusi. Ketika ini kita membuat perjanjian dengan bermacam-macam negara yang akhir-akhir ini seperti Turki. Kalau kita lihat dari segi dinamik *airlines* yang ada sekarang ini, dari segi perkhidmatan yang diberikan untuk serantau kita menggunakan pesawat-pesawat yang kecil seperti 320 yang hanya membawa penumpang sebanyak 180 orang sekali, sudah mencukupi dengan kapasiti yang kita ada.

Begitu juga dari jangka jarak jauh di luar daripada negara-negara *ASEAN* kita sudah mempunyai penerbangan seperti pesawat 787 yang boleh membawa penumpang lebih daripada

200 orang dan menghampiri ke 300 orang.

Dari dapatan ini, Negara Brunei Darussalam dapat meletakkan dirinya sebagai satu *hub* atau pusat penerbangan daripada negara lain. Kita hendaklah menyediakan satu fasiliti yang mencukupi terutama untuk membuatkan pesawat yang besar untuk mendarat di Negara Brunei Darussalam. Bagi Negara Brunei Darussalam sendiri mungkin keupayaan untuk membawa sejumlah besar penumpang mungkin terhad disebabkan penduduk negara ini.

Namun demikian keupayaan dari negara luar khususnya Turki mempunyai peluang yang besar dan mereka memerlukan kapasiti yang boleh memberi perkhidmatan kepada pesawat-pesawat seperti 777, 340 ataupun 380.

Makanya, Kementerian Perhubungan dalam rancangan 2016/2017 memberi penekanan kepada perlunya untuk meningkatkan taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei supaya dapat memberi perkhidmatan kepada pesawat yang lebih besar untuk memberi erti kepada persetujuan yang dicapai antara kerajaan Negara Brunei Darussalam dan negara berkenaan.

Seperti yang kita lihat sekarang ini kita mempunyai cabaran daripada negara-negara jiran di rantau ini. Walaupun ada persetujuan penerbangan antara negara di luar *ASEAN,* namun penerbangan negara-negara tersebut masih terhad disebabkan oleh *limitation* yang ada sekarang ini. Ini makanya kita harus memikirkan secara menyeluruh dan memahami sebenarnya dinamik dalam *aviation market* ini.

Mengenai dengan fasiliti yang terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, seperti yang kaola tekankan semasa mukadimah, walaupun Negara Brunei Darussalam berhadapan dengan cabaran daripada keadaan ekonomi global yang tidak menentu, namun strategi kerajaan ketika ini untuk memberi fokus kepada *pro-business policy,* akan membuka kesempatan bagi pihak swasta untuk meningkatkan lagi usaha dan memperbaiki lagi *fundamental* ekonomi yang ada sekarang.

Kementerian Perhubungan tidak ketinggalan dalam menyahut seruan ini dengan memberi peluang kepada pihak-pihak swasta terutamanya dalam memberi pemberian perkhidmatan yang diperlukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Salah satu daripada perkhidmatan tersebut ialah:-

1. Dengan menyediakan fasiliti atau kemudahan yang diperlukan oleh penumpang yang *transit* di Negara Brunei Darussalam. Seperti yang kaola terangkan semasa jawapan bernotis tempoh hari, kaola telah menekankan bahawa semua proses ini telah berjalan dan masih menunggu pihak operator untuk melaksanakan atau membuat *banner-banner* di tempat yang tertentu, *this process is ongoing*; dan

2. Mengenai sistem pengangkutan darat khususnya bas-bas awam dan juga yang berhubung dengan teksi sapu di negara ini, perlu kita melihat secara menyeluruh. Izinkan kaola untuk mengutarakan dulu mengenai isu teksi sapu ini dan memberi jawapan yang menyeluruh bagi memberi gambaran dan menjawab soalan yang lain yang ada hubung kaitnya. Pihak Jabatan Pengangkutan Darat atas bantuan Pasukan Polis Diraja Brunei telah sedaya upaya berusaha untuk mengekang kegiatan teksi sapu di negara ini. Beberapa tindakan telah diambil dan beberapa orang telah pun diberi notis dan dalam sedikit masa lagi beberapa dakwaan akan dilaksanakan.

   Walau bagaimanapun, apa yang berlaku dan apa yang kita lihat ketika ini kegiatan teksi sapu masih berleluasa dan semakin bertambah terutamanya di tempat perhentian bas dan juga di tempat awam. Mengenai hasil yang didapati, masalahnya ia bukan *depriving taxi drivers*. Malah pendapatan itu hasil hak daripada pendapatan pengangkutan awam bas. Apa yang kaola fahami bahawa tarif atau pun *charges* yang diberikan terlalu murah jauh daripada harga teksi malahan hampir menyamai dengan harga menaiki bas.

Apa yang kita fikirkan dan perolehi daripada kajian ini bahawa Negara Brunei Darussalam menghendaki *alternative form of transportation*. Sejauh ini juga, berhubungan dengan peningkatan jumlah kereta persendirian di negara ini menunjukkan bahawa negara memerlukan satu *alternative form of transportation* yang *efficient*, yang *connectivity* dari dalam negeri mencukupi, di mana bas-bas ini akan singgah di tempat yang strategik sebagai contoh *airport*, jabatan kerajaan, hospital, hotel, tempat pasaran, tempat menarik dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi. Kalau kaola mengambil analogi daripada perubatan, kalau sekiranya urat dan nadi itu penting kepada tubuh badan, maka perhubungan itu urat dan nadi untuk masyarakat yang sehat. Kalau urat dan nadi tidak berfungsi, akan sakitlah tubuh badan dan begitu juga halnya kalau perhubungan itu tidak cekap atau tidak berfungsi maka akan lumpuhlah masyarakat kitani.

Untuk kitani mengadakan satu ekonomi yang *vibrant* perlu ada masyarakat yang dinamik. Untuk mengadakan satu masyarakat yang dinamik, perlu ada sistem pengangkutan yang *efficient, reliable and well-connected*. Itulah harapan Kementerian Perhubungan dalam usaha untuk mengetengahkan pentingnya untuk mengadakan pengangkutan awam. Saya harap penerangan ini akan memberi penjelasan kepada beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Soalan itu *inter-related* dengan sistem pengangkutan awam di negara ini.

Pelan Induk Jabatan Pengangkutan Darat. Perkara ini masih berjalan malah apa yang dicadangkan dalam mukadimah kaola sebahagian daripada usaha untuk melaksanakan Pelan Induk tersebut. Apa yang kita perlukan, Pelan Induk ini akan dibentuk dalam bentuk *Balanced Scorecard*, dan akan dibuat *KPI* nya dan setiap bulan satu mekanisme yang dipanggil *Strategic Management Group* telah dibentuk untuk memantau *KPI* dalam Pelan Induk ini. Apa yang kita lakukan sekarang ini adalah sebahagian daripada usaha untuk merealisasikan Pelan Induk Kementerian Perhubungan.

Mengenai pengangkutan *Shuttle Service Bus* Sungai Liang dan Sungai Mau, perkara ini akan kaola selidiki, kaola kurang pasti mengenai masalah berbangkit daripada perkhidmatan *shuttle bus* ini.

Mengenai perkhidmatan pos, juga seperti yang kaola terangkan dalam mukadimah kaola mengenai perbelanjaan Kementerian Perhubungan, kaola tegaskan bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos ketika ini sedang menghadapi satu cabaran yang besar terutama dengan adanya *ICT*, *e-Commerce* ataupun sistem perhubungan melalui teknologi komunikasi.

Penjualan-penjualan setem ternyata sudah semakin menurun dan dengan suasana ini kerajaan harus mengamalkan sifat berjimat cermat. Maka segala aktiviti yang dilaksanakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Pos ketika ini sedang direviu semula secara menyeluruh. Kaola bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos perlu mengambil pendekatan yang lebih meluas, *out of the box approach*.

Dalam kawalan ini, ada beberapa perkara yang dirancang untuk dibuat, salah satu perlunya untuk menutup antara cawangan pos yang tidak mendatangkan hasil yang begitu *cost-effective* sesuai dengan *operational cost* yang dibelanjakan. Ada 3 tempat yang telah dikenal pasti, dan 3 tempat ini sedang dikaji, antaranya ialah tempat di *The Mall* Gadong.

Walau bagaimanapun, usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ataupun Jabatan Perkhidmatan Pos untuk menutup cawangan-cawangan ini perlu apa yang kaola panggil *change management* supaya jangan ada terjadi masalah kepada orang ramai terutama dalam menggunakan perkhidmatan pos. Walaupun Jabatan Perkhidmatan Pos akan membuat pertukaran dan perubahan yang agak drastik dan sejauh yang boleh, keperluan orang ramai tidak akan terjejas.

Yang kedua Yang Berhormat Pengerusi. Jabatan Perkhidmatan Pos akan mengambil langkah untuk lebih terbuka, lebih fokus kepada pengguna. Satu perkara yang sedang *daring* ketika ini ialah Jabatan Perkhidmatan Pos

menempatkan dirinya sebagai satu tempat *where there's no wrong door policy* bermakna apa pun keperluan orang ramai untuk berurusan dengan kerajaan, kalau sekiranya diperlukan untuk menyampaikan sesuatu, borang permohonan atau sebagainya, Jabatan Perkhidmatan Pos boleh berperanan sebagai *inter-facing point* untuk menerima segala permohonan tersebut.

Dengan demikian, aktiviti Jabatan Perkhidmatan Pos akan lebih *diversified*. Begitu juga perkhidmatan dari sektor awam sebagai contoh Jabatan Perkhidmatan Pos boleh menawarkannya memandangkan kedudukan Jabatan Perkhidmatan Pos yang strategik terutama di kawasan luar bandar boleh menempatkan dirinya untuk membantu orang ramai berurusan dengan kerajaan.

Yang terakhir yang ingin kaola sentuh ialah mengenai *Digital Divide* ataupun pancaran yang tidak kuat di kawasan luar bandar. Perkara ini masih menjadi satu cabaran kepada pihak *AITI*. Ini berhubung antaranya dengan isu komersial. Ketika ini *TelBru* berusaha untuk menyalurkan apa yang dipanggil, *fibre to the home,* projek yang mengambil tempat dalam 3 fasa.

Fasa pertama, dihasratkan untuk mengeluarkan perkhidmatan kepada 40 ribu lebih buah rumah dan fasa pertama ini sudah pun dicapai dan fasa kedua akan mencapai lebih 20 ribu lebih buah rumah dan akan berakhir pada pertengahan tahun ini, pertengahan tahun 2016. Fasa ketiga, إِنْ شَاءَ اللَّهُ rencananya akan mengeluarkan lagi perkhidmatan sebanyak 10 ribu buah rumah seperti yang kaola difahami.

Walau bagaimanapun, *target* perumahan ini semakin berubah sebab dengan pertumbuhannya rumah-rumah di negara ini, maka keperluan itu semakin meningkat. Dengan selesainya fasa pertama dan fasa kedua bermakna 75 peratus daripada perumahan yang ada di negara ini sudah dibekalkan dengan perkhidmatan *fibre to the home.*

Walau bagaimanapun, cabaran yang dihadapi oleh pihak Syarikat Penyelia Telefon untuk mengeluarkan perkhidmatan infrastruktur mesti memerlukan *demand* yang mencukupi dan pelaburan dalam sektor ini adalah agak tinggi. Pada kelazimannya adalah diasaskan kepada kehendak-kehendak yang akan diterima.

Timbul persoalannya, apakah peranan ini kita serahkan sepenuhnya kepada penyelia-penyelia telefon seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat. Ataupun memandangkan bahawa telefon ini adalah *public goods,* harus ada kerjasama daripada kedua-dua belah pihak atas kepentingan *narrowing the digital divide* ataupun atas kepentingan bahawa semua rakyat di negara ini akan mendapat akses kepada *internet* supaya mencapai Wawasan Brunei 2035 dan mencapai wawasan supaya perkembangan ataupun pertumbuhan pembangunan masyarakat itu adalah sama rata.

Ini yang perlu Kementerian Perhubungan ketika ini memikirkannya. Kementerian Perhubungan lebih menjurus kepada usaha kerajaan dan penyelia-penyelia telefon terutamanya adalah kepunyaan kerajaan. Maka adalah penting kepentingan sosial, dan rakyat lebih diutamakan daripada kepentingan yang lain.

Itu sahaja dahulu Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola terangkan. Kalau sekiranya ada yang kurang daripada penerangan kaola, kaola bersedia untuk memberi jawapan selanjutnya dalam kesempatan yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Setelah mendengar taklimat daripada Yang Berhormat Menteri Perhubungan sesungguhnya menitikberatkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, berusaha mendapatkan hasil tahunan yang dikutip oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan bahawa pendapatan 2014/2015 meningkat kepada $98.5 juta, kaola ucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola fokuskan kepada Tajuk SN04A - Jabatan Penerbangan Awam dan Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat.

Pada membahaskan peruntukan SN04A - Jabatan Penerbangan Awam ini, kaola ikut serta mengambil bahagian. Apa yang kaola ingin timbulkan bahawa semasa sesebuah pesawat, sebelum berlepas ke satu destinasi pada lazimnya membaca doa selamat. Kaola difahamkan bahawa doa ini dari *cockpit* yang mungkin ia adalah rakaman dari kaset. Berdasarkan apa yang kaola nyatakan, maka ada baiknya bacaan doa selamat ini secara langsung dari seseorang pembaca semoga mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala seperti mana yang dilakukan sebelum Majlis Mesyuarat ini dimulakan. Apa yang kaola maksudkan ialah untuk memberi peluang kepada beberapa orang graduan lepasan UNISSA atau KUPUSB yang sedang mencari kerja terutama bagi mereka yang berminat dalam bidang ini. Kaola penuh yakin bahawa dengan adanya peluang tersebut dapatlah mereka meneruskan kerjaya mereka di samping mengurangkan pengangguran.

Yang Berhormat Pengerusi. Di Daerah Tutong, semasa membaharui Cukai Jalan Raya pada bulan Disember 2015 lepas, didapati agak ramai yang menunggu untuk giliran pemeriksaan kereta mereka berbanding pada bulan-

bulan lain. Sehubungan dengan itu, apakah ada satu cara untuk melancarkan pergerakan mereka supaya tidak lama menunggu? Mengikut apa yang kaola difahamkan, bahawa sudah ada beberapa peraturan dan peringatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat bagaimana untuk memudahkan kepada mereka yang akan membaharui Cukai Jalan Raya.

Kaola berpendapat bahawa apa jua kiranya pegawai-pegawai berkenaan digandakan kalaulah didapati kereta beratur panjang. Ada baiknya pemeriksa ini dilakukan seperti yang sebelum peralatan canggih yang ada sekarang. Dengan adanya pemeriksaan sedemikian kaola penuh yakin bahawa ada salah satu jalan keluar supaya mereka tidak lama menunggu. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf. Barangkali soalan ini *quiet straight forward*, إِنْ شَاءَ اللَّهُ kaola akan menjawab secara pendek demi kepentingan masa.

Mengenai cadangan supaya doa-doa sebelum bertolak di dalam pesawat kapal terbang, إِنْ شَاءَ اللَّهُ ini merupakan satu idea yang baik. Kaola sendiri pernah mengalami dalam satu penerbangan pembaca doa itu ialah salah seorang daripada krew di syarikat penerbangan berkenaan.

Walau bagaimanapun, hasrat untuk membuka peluang pekerjaan kepada kumpulan tertentu, mungkin ini satu perkara yang harus dikaji dengan lebih teliti. Peranan dan tanggungjawab untuk seseorang itu diambil bekerja mengikut proses yang dijalankan hendaklah cukup dengan tanggungjawab yang diberikan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diteliti dan mungkin ini merupakan satu cara yang baik untuk memperbaiki lagi perkhidmatan Jabatan Penerbangan Awam.

Kaola akan berpanjang lebar sedikit mengenai soalan kedua, iaitu mengenai pemeriksaan kereta. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sistem yang ada sekarang ini memberikan tanggungjawab kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan setiap kenderaan yang ada di Negara Brunei Darussalam ini dalam keadaan baik dan menepati syarat-syarat *road worthiness* yang sudah ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perbelanjaan kerajaan untuk memenuhi tanggungjawab ini amat tinggi. Dengan bertambahnya kenderaan di Negara Brunei Darussalam pendaftaran kereta baharu meningkat sampai ke 18,000 setahun. Ini bermakna tanggungjawab

ini akan menjadi mencabar pada satu masa yang akan datang.

Dalam masa yang sama kita melihat banyak *access capacity* yang terdapat di pihak swasta yang difikirkan boleh diambil kesempatan bagi digunakan untuk membantu kerajaan dalam memberi perkhidmatan, untuk memastikan setiap kenderaan yang ada di Negara Brunei Darussalam ini dalam keadaan yang baik.

Dalam hal ini, untuk menjimatkan perbelanjaan dan juga untuk memenuhi kehendak orang ramai supaya tidak beratur dengan mengambil masa yang lama, diharapkan pihak swasta juga memainkan peranan untuk membantu kerajaan dalam memberikan perkhidmatan pemeriksaan kereta.

Perkara ini telah dibincangkan dengan *Brunei Association of Transport Automobile (BATA).* Sebanyak lebih 13 buah syarikat telah bersetuju untuk memberi perkhidmatan berkenaan dengan harga yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat ketika ini.

Ini adalah atas dasar bahawa ia menggunakan *access capacity* yang ada dan memberikan kesempatan perdagangan juga kepada syarikat-syarikat swasta berkenaan. Idea ini sedang dikaji untuk menentukan mekanisme dan mudah-mudahan pada jangka waktu yang panjang kalau boleh tanggungjawab untuk memastikan kenderaan yang ada di negara ini biarlah terserah kepada syarikat pembekal kereta, syarikat penyelia kereta berat dan kerajaan akan berperanan untuk menjaga perundangan dan peraturan serta standard yang diperlukan untuk memastikan standard yang diperlukan oleh kerajaan.

Mengenai *queue* yang panjang di Daerah Beliat, الْحَمْدُ لله satu perubahan telah berlaku di Jabatan Pengangkutan Darat, Gadong. Sebelum ini orang beratur dari pukul 6.30 pagi ke pukul 7.30 pagi sudah datang ke sana untuk mendapatkan nombor beratur. Semua ini sudah pun ditukar baharu Jabatan Pengangkutan Darat telah mengambil polisi *(no reject policy).*

No reject policy ini mempunyai beberapa rasional:-

1. Setiap pelanggan yang berurusan dengan kerajaan terutama untuk mendapatkan Lesen Memandu yang sah, apabila permohonan itu diserahkan kepada kerajaan dan ditolak oleh seorang pegawai kerajaan, mungkin akan menjadikan satu kesalahan, walaupun permohonan itu dihadapkan selepas tutupnya akaun pukul 3.00 petang. Dalam perkara ini adalah tidak munasabah bahawa pejabat berkenaan menolak permohonan untuk membaharui Lesen Memandu kerana lesen tersebut diperlukan untuk kehidupan seharian orang ramai. Jabatan Pengangkutan Darat berazam untuk tidak akan menolak sebarang permohonan;

2. Jabatan Pengangkutan Darat, telah menyediakan beberapa sistem untuk orang ramai boleh berurusan, sebagai contoh sistem janji temu *(appointment)* iaitu boleh menghubungi Jabatan Pengangkutan Darat untuk bertanyakan bilakah datang dan berapa hari kah itu boleh siap. Sebenarnya untuk membaharui Lesen Memandu itu hanya mengambil masa 5 minit sahaja, tetapi disebabkan orang ramai itu banyak yang datang menyebabkan *queue* itu panjang;

3. *Online system* sudah diadakan. Permohonan Lesen Memandu atau membaharuinya, sekarang ini tidak lagi perlu ke Jabatan Pengangkutan Darat, boleh dilayari melalui *e-Darussalam* dan terus ke Jabatan Pengangkutan Darat untuk mengisi borang permohonan di sana.

   Penggunaan *e-Darussalam* ketika ini masih lagi pada tahap yang rendah walaupun *ICT* di negara ini terlalu tinggi penggunaannya. Kesedaran *ICT* nampaknya masih merupakan satu cabaran yang besar bagi Kementerian Perhubungan; dan

4. Sekarang ini, tidak lagi ada *queue.* Semua permohonan akan diserahkan awal. Setiap pelanggan bolehlah membuat keputusan untuk menunggu mengikut *queue* yang ada atau akan ditinggalkan dan balik kemudian hari untuk mengambil semula permohonan tersebut.

Itu sahaja secara ringkas Yang Berhormat Pengerusi, mudah-mudahan penjelasan ini dapat menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya persilakan Yang Behormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas mukadimah yang telah dikongsikan pada hari Khamis lalu. Kaola menyambut baik dan menyokong sepenuhnya pandangan-pandangan Yang Berhormat Menteri Perhubungan mengenai aspek *Mobility* dan *Connectivity* dalam sistem perhubungan dan pengangkutan bagi menjana ekonomi negara yang dinamik.

Kaola juga bersetuju bahawa sistem perhubungan efisien dan *reliable* sangat diperlukan oleh rakyat terutama bagi mereka yang kurang berkemampuan untuk menjana kehidupan mereka mencari rezeki seharian. Dalam membincangkan Peruntukan Kementerian Perhubungan, kaola hanya ingin menimbulkan 2 perkara yang merupakan cadangan sahaja:-

1. Berhubung dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, perkara ini telah ditimbulkan semasa sesi Soalan Yang Diberi Notis pada hari Khamis dan telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Dalam mukadimah yang disampaikan juga, Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah mengongsikan rancangan untuk meningkatkan kapasiti landasan Lapangan Terbang Antarabangsa. Pada pandangan kaola, apa yang lebih penting ialah landasan tersebut sentiasa dikekalkan dalam keadaan selamat untuk digunakan oleh pesawat-pesawat udara.

   Ketika menjawab Soalan Yang Telah Diberi Notis berhubung perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan untuk orang awam di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Kaola menyambut baik atas rancangan Yang Berhormat Menteri Perhubungan bagi perkhidmatan yang tersebut diungkayahkan oleh *Public Private Partnership*.

   Jika kita mahu belajar dari apa yang telah dilakukan negara-negara yang mempunyai pengalaman dalam mengendalikan bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa mereka, maka kaola mencadangkan supaya kaedah *Public Private Partnership* ini juga dilaratkan kepada keseluruhan pengurusan *(management)* dan pemasaran *(marketing)* Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

   Melalui penglibatan sektor swasta kaola percaya, pengurusan ke atas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei akan dikendalikan dengan lebih sempurna dan efisien dan pemasarannya akan dijalankan dengan lebih agresif. Kaola menyambut baik dan menyokong hasrat Kementerian Perhubungan untuk menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei antara 100 yang terbaik mengikut *Skytrax World Airport Ranking.* Walau bagaimanapun, pada pandangan kaola hasrat ini sukar untuk dicapai tanpa melibatkan sektor swasta; dan

2. Mengenai isu *connectivity* dalam perkhidmatan udara dan hubungannya dengan mengembangkan *SME* tempatan ke luar negara kaola ingin merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2016.

   Baginda telah bertitah bahawa "sudah tiba masanya kita mengubah strategi perusahaan daripada hanya semata-mata mencapai sara diri atau *self sufficient* kepada berasaskan eksport". Kita sudah ada rangkaian pemangkin serantau dan antarabangsa seperti *BIMP-EAGA, ASEAN, APEC* dan baru-baru ini *TTP* bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi.

Pada pandangan kaola, bagi membantu *SME* tempatan untuk merebut peluang yang ada di rantau ini, Kementerian Perhubungan sepatutnya turut memainkan peranannya dalam memberikan atau menyediakan kemudahan kepada *SME* tempatan untuk bergerak di rantau ini terutama kawasan-kawasan yang terdekat seperti kawasan-kawasan *BIMP-EAGA* sebelum mereka melangkah lebih jauh.

Dalam kesempatan ini, maka kaola mencadangkan supaya Kementerian Perhubungan dapat memikirkan bersama supaya Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (*RB*) bagi menyediakan penerbangan ke sebahagian kawasan *BIMP-EAGA* seperti Kalimantan dan Mindanao. Usaha ini boleh juga dijalankan melalui kerjasama dengan agensi penerbangan di rantau ini tertakluk kepada keupayaan dan strategi perniagaan Penerbangan Diraja Brunei *(RB).* Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. الْحَمْدُ لله kaola lebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman atas 2 cadangan yang diberikan mengenai harapan untuk mempertingkatkan lagi imej Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan untuk memperkembangluaskan lagi *connectivity* penerbangan antara Negara Brunei Darussalam dengan negara serantau yang di bawah *BIMP-EAGA* khususnya di Kalimantan dan Mindanao. Kaola akan mengambil perhatian atas cadangan ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ mudah-mudahan harapan ini akan dapat dicapai.

Mengenai dengan usaha untuk mengkorporat, menswastakan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei berasaskan kepada *best practices* yang dilakukan di negara luar, ada beberapa perkara yang kaola kongsikan kepada Yang Berhormat mengenai pertimbangan sejauh mana idea untuk menswastakan keseluruhan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei itu dapat di capai.

Harus ditegaskan di sini, walaupun ternampak peningkatan dari segi pengguna-pengguna Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei semakin meningkat terutama, dengan adanya *operators* pesawat dan dengan adanya kapal terbang yang besar datang ke Negara Brunei Darussalam ini dan sudah setentunya ekspektasi mengenai Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei itu semakin meningkat tinggi.

Ini merupakan satu cabaran kepada Jabatan Penerbangan Awam untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik. Kaola bersetuju kalau keseluruhan perkhidmatan itu diberikan oleh pihak kerajaan sahaja ataupun *public sector*, ini merupakan satu cabaran yang besar. الْحَمْدُ لله dengan kerjasama yang ada dalam bentuk *PPP* yang ada di negara ini, hasrat tersebut akan dapat dicapai. Mungkin bukan dalam

waktu yang terdekat ini tetapi akan memakan masa sedikit.

Kaola menekankan bahawa perkhidmatan lapangan terbang *(airport)* adalah merupakan satu *public goods.* Kerajaan mempunyai peranan untuk memastikan bahawa ada peraturan tertentu yang harus diikuti. Status lapangan terbang ketika ini dari segi pendapatannya masih mencabar walaupun kaola katakan peningkatan pengguna-pengguna lapangan terbang. Dari segi perbelanjaan kerajaan dan pendapatan khusus untuk *airport* sahaja masih mencabar.

Dengan keadaan yang demikian, apakah cadangan yang diutarakan itu merupakan satu yang *viable* ataupun bolehkah kerajaan menempatkan kepentingan awam di atas kepentingan untung/rugi sebagai contoh. Begitu juga dengan unjuran hasil pendapatan masa akan datang sama ada perkara ini akan merupakan satu prospek yang baik untuk pihak swasta sebagai contohnya:-

1. Dalam usaha untuk kita memberi kesempatan kepada pihak swasta, perlu ada kajian, sejauh manakah pihak swasta boleh memberi perkhidmatan yang diberikan? Berapa orangkah *service providers* yang ada di negara ini? Bolehkah kitani mengadakan satu suasana yang *competitive?* Bermakna ada persaingan dari segi perkhidmatan harga dan sebagainya.

   Dalam menimbangkan perkara ini, bukan sahaja kita memikirkan bahawa adalah pihak swasta lebih efisien daripada sektor awam. Hal ini mungkin menimbulkan satu perdebatan dari segi prospektif pengurusan. Kalau sekiranya sektor awam boleh melahirkan satu pengurusan yang efisien, kaola sendiri tidak yakin bahawa pihak kerajaan juga tidak dapat mengeluarkan perkhidmatan yang efisien.

   Apa yang harus kitani fikirkan, apakah *change value* yang kita harapkan daripada penukaran sistem pengurusan, memandangkan bahawa suasana di negara ini dari segi *service provider* masih terhad. Inilah perkara yang difikirkan sama ada kita harus bergerak secara berperingkat-peringkat ataupun secara komprehensif *(incremental management verses comprehensive management)*. Memandangkan dengan keadaan itu, abis kaola lebih cenderung kepada apa yang dipanggil *government link companies*, untuk membuat pengurusan *airport* secara menyeluruh.

   Perkara ini telah pun dibincangkan secara *informal* dahulu untuk memikirkan sejauh mana pihak *GLC's* sendiri dapat memberikan perkhidmatan berkenaan dan dapat menempatkan kepentingan sosial dan pengguna *airport* itu ditempatkan di tempat yang tinggi bukan berasaskan kepada kepentingan untung/rugi;

2. Mengenai *BIMP-EAGA*. Lagi sekali kaola mengucapkan terima kasih atas cadangan ini. Pada dasarnya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyambut baik atau mengalu-alukan hasrat untuk mengadakan kerjasama perkhidmatan ataupun jalinan perkhidmatan udara antara Negara Brunei Darussalam dengan negara sahabat termasuk *ASEAN.*

   Mengenai peluang yang ada di kawasan *BIMP-EAGA* yang melibatkan negara Indonesia, Malaysia dan Filipina, ini merupakan satu perkara yang sudah difikirkan di peringkat *ASEAN as a Sub-Regional Growth Area* dan banyak bidang yang dapat dipelopori dan salah satu daripadanya ialah dari segi perkhidmatan udara. Perkhidmatan udara bukan hanya tertumpu kepada penumpang-penumpang sahaja tetapi juga kepada pengangkutan barangan dan pihak *PSB* dapat mengambil kesempatan daripada suasana ataupun *connectivity* yang ada.

   Satu perjanjian *MoU on expension of air linkages* antara negara *BIMP-EAGA*, akan ditandatangani pada tahun 2017 dan perjanjian ini hampir mecapai ke peringkat *open sky policies.* Hak mendarat ataupun hak kargo telah dipersetujui ke peringkat yang tinggi iaitu *fifth freedom traffic right*. Walau bagaimanapun, dengan adanya *understanding* daripada kerajaan yang berkenaan, seperti yang kaola terangkan terserah kepada pengendali pesawat *(airlines)* yang ada di negara ini ataupun di *BIMP-EAGA* untuk mengambil kesempatan perjanjian ini. Ini merupakan satu pertimbangan komersial kepada mereka yang menentukan sejauh manakah kesempatan itu betul ada ataupun sebaliknya; dan

3. Menyentuh sedikit mengenai di peringkat *ASEAN,* apa yang dipanggil *ASEAN single aviation market* telah dipersetujui. Negara-negara *ASEAN* bersetuju untuk *liberalize* pasaran *aviation* di negara-negara *ASEAN* dan meliputi berbagai-bagai bidang bukan hanya *passangers, cargos* dan semua segala komersial aspek *maintenance* dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi, itu sahaja yang dapat kaola terangkan dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ, cadangan dan saranan yang diberikan daripada Ahli Yang Berhormat tadi akan kaola kaji lebih mendalam lagi dan mudah-mudahan tujuan untuk meningkatkan hubungan, mengukuhkan kerjasama antara negara-negara *BIMP-EAGA* akan dapat terlaksana, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera. Alhamdulilah اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang kaola/saya hormati sekalian.

Yang Berhormat Pengerusi, saya menyokong sepenuhnya bajet yang telah dibentangkan oleh Kementerian Perhubungan pada hari Khamis yang lalu membentangkan pelan strategiknya.

Kaola menghadapkan 4 isu mengenainya, iaitu:-

1. Industri Pengangkutan *(Transport Industry)*. Industri Pengangkutan merupakan satu keperluan kepada negara. Dalam memberikan perkhidmatan yang efisien, cepat, berkualiti dan selamat dan demi menyokong industri ini mendapat sambutan masyarakat dan pengguna, kita perlu mencari satu mekanisme yang menjamin, berdaya tahan atau *sustainable* untuk menjadi penggerak kepada kemajuan ekonomi negara.

   Bedasarkan pengalaman pengusaha bas di negara ini, kita cukup optimis kejayaan industri ini hanya akan dapat dicapai dengan kerjasama pihak kerajaan sebagai *partnership* bagi memberi kemudahan yang diperlukan.

Yang Berhormat Pengerusi, di Dewan yang mulia ini kaola ingin menimbulkan beberapa soalan yang antaranya:-

i. Siapakah sasaran kementerian untuk menggunakan bas awam?;

ii. Adakah kajian telah dibuat berapa peratuskah orang tempatan menggunakan perkhidmatan bas?; dan

iii. Adakah infrastruktur yang terdapat pada masa ini sudah mencukupi bagi keperluan industri pengangkutan, misalannya stesen bas, perhentian bas, laluan bas bagi memudahkan pergerakan pengangkutan awam?

Yang Berhormat Pengerusi. Saya penuh yakin dan percaya kiranya semua keperluan dan kemudahan yang disebutkan di atas dapat dipenuhi termasuk jadual perjalanan yang tepat. Tidak ada sebab orang awam termasuk pelajar sekolah akan menggunakan kemudahan ini menuju destinasi masing-masing dengan cepat, selesa dan selamat. Kita menyokong sepenuhnya matlamat Kementerian Perhubungan menjadikan industri pengangkutan ini sebagai satu industri yang efisien dan berdaya tahan dalam memenuhi keperluan sistem pengangkutan yang sebanding dengan negara membangun di rantau ini;

2. Perkhidmatan *mobile, broadband* dan internet sudah beberapa kali ditimbulkan oleh rakan-rakan. Pada masa ini, sistem komunikasi yang berkesan merupakan keperluan yang sangat penting dalam kehidupan zaman moden. Maklumat di hujung jari sudah menjadi perkara lumrah diamalkan oleh masyarakat seluruh dunia. Namun ada beberapa kawasan yang tidak berfungsi dengan baik melalui perkhidmatan *mobile phone, broadband* dan internet. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi perkara ini seingat kaola sudah 3 kali di bawa ke Dewan yang mulia ini tentang kurangnya servis perkhidmatan mobile, *broadband* dan *internet* di beberapa kawasan di Mukim Lumapas seperti Kampung Putat, Kasat dan Kampung Lumapas serta kawasan di Zon 4.

   i. Saya ingin mengetahui apakah punca perkara ini berlaku dan apakah hasil kaji selidik yang telah dijalankan oleh berapa orang pegawai *AITI* yang diketuai oleh Pengarah *AITI* sendiri pada 16 Disember 2015 yang lepas mengenai kurangnya servis di kawasan berkenaan?;

   ii. Apakah usaha yang telah dibuat oleh pihak yang berwajib bagi meningkatkan keupayaan perkhidmatan *DST, Progresif Cellular* dan *TelBru* dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna? Kita juga merasa hairan banyak menara atau *tower* telah didirikan di kawasan yang di sebutkan di atas, antaranya di Kampung Putat 2 buah menara, Kasat 2 buah menara dan Lumapas 4 buah menara yang jumlah keseluruhannya 8 buah menara.

   Di Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan supaya pihak yang berwajib akan mengambil tindakan sewajarnya mengenai penambahbaikan perkhidmatan berkenaan agar dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti pada pengguna dan masyarakat di kawasan tersebut.

3. Pelan Strategiknya Kementerian Perhubungan telah mengariskan 4 strategik utama atau *strategy thrust*:-

   i. Kaola akan bercakap mengenai strategi ke-2 iaitu menggalakkan penyertaan sektor swasta. Merujuk kepada mukadimah yang disampaikan mengenai *National Broadband Policy* di bawah inisiatif *Telbru* sebanyak 34,606 buah rumah sudah dihubungkan dengan *fiber optic.* Saya ingin mengetahui adakah penglibatan pengusaha tempatan yang terlibat dalam mengambil bahagian dalam projek?;

   ii. Bilakah sasaran *(target)* menghubungkan semua rumah

di Daerah Brunei dan Muara dengan kemudahan yang disebutkan?; dan

iii. Di bawah *National Broadband Policy* adakah pemantauan ataupun pengawalan yang dibuat oleh pihak kementerian bagi memastikan perjalanannya dan kesesuaian pengguna tidak menyalahkan kemudahan yang berkenaan?; dan

4. *Vehicle Inspection Center (VIC),* bagi perkhidmatan pemeriksaan kenderaan. Seperti mana yang digariskan kenderaan yang berumur 7 tahun ke atas akan di*out sources* ke bengkel kelas 'A' yang diiktiraf oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD). Langkah ini sangat baik dan diharapkan akan memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan membuka ruang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dalam menggalakkan dan meningkatkan *Ease of Doing Business* bagi rakyat dan penduduk negara ini.

Adakah cadangan untuk memberikan peluang kepada pengusaha tempatan (orang Brunei) yang bukan *under licence* iaitu lesen itu dipunyai oleh orang Brunei dan orang Brunei mengusahakan sendiri menjadi pengusaha. Dicadangkan kiranya boleh pihak kerajaan akan menyediakan tempat ataupun bengkel sebagai *pilot scheme* untuk rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kerana ketika ini pihak Kementerian Pendidikan telah banyak mengeluarkan penuntut dari sekolah vokasional, maktab kejuruteraan dan ITB yang mempunyai kelulusan *Certificate* Diploma dan Ijazah telah menjalani penempatan di beberapa sektor awam dan swasta dan ada juga penempatan di luar negeri dalam bidang mechanical *engineering.*

Dengan yang demikian, kita akan dapat membuka ruang kepada mereka menceburi bidang ini. Ini adalah salah satu usaha yang murni dan menepati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya bidang industri akan dimajukan. Kita jangan takut mengeluarkan perbelanjaan bagi pelaburan jangka panjang agar orang kitani Brunei khususnya anak tempatan akan dapat bersaing dengan bangsa asing di negara ini.

Apa yang kita lihat ketika ini orang kitani memerlukan bantuan sebagai *capital* daripada agensi kerajaan barulah boleh berdikari sendiri. Melalui usaha ini akan mewujudkan peluang pekerjaan dan mengurangkan pengangguran. Yang Berhormat Pengerusi, saya kira soalan ini tidak perlu dijawab pada masa ini kerana memerlukan kajian ataupun penelitian.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya fikir Ahli Yang Berhormat mahu menyoal lagi. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Yang terakhir saja, maksud kaola tidak perlu dijawab.

Yang Berhormat Pengerusi: silakan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim atas pandangan, saranan dan soalan yang dikemukakan tadi. إِنْ شَاءَ اللَّهُ usul-usulnya الْحَمْدُ لله nampaknya Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim sependapat dengan apa yang Kementerian Perhubungan hasratkan dalam mempertingkatkan usaha ke arah satu sistem pengangkutan awam yang efisien dan berkesan terutama dari segi menjadikannya sebagai salah satu *economic fundamental transport industry,* salah satu daripada sektor yang penting.

Apa yang dihasratkan bukan hanya untuk memberi kemudahan ataupun keselesaan kepada orang ramai bahkan *transport industry* sebagai satu peluang yang besar untuk rakyat menceburi bidang ini.

Dari segi peluang pekerjaan melalui sektor ini akan meluas terutama khususnya pemandu-pemandu bas di Negara Brunei Darussalam ini masih bersandar kepada pemandu-pemandu dari luar negeri. Kalau hasrat ini tercapai walaupun kita akan mendekatinya dengan secara berperingkat-peringkat, إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan tertubuhnya satu sekolah memandu bas akan membuka peluang pesara-pesara ataupun orang yang ingin berkecimpung dalam bidang memandu bas dan membuka lagi satu peluang pekerjaan إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Itu kaola sengajakan menyentuh mengenai perkara itu untuk menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad juga.

Mengenai saranan Kementerian Perhubungan yang akan menggunakan bas awam di negara ini, barangkali ada *indirect question* di sini daripada Ahli Yang Berhormat memandangkan pengguna bas awam terutama jumlah orang tempatan adalah masih lagi rendah.

Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka ini terdiri dari pekerja-pekerja daripada luar negeri dan pekerja-pekerja negara masih berharap kepada pekerja-pekerja luar negeri. Kaola kira satu langkah yang bijak untuk menjadikan pengangkutan darat itu sebagai sesuatu yang murah dan memurahkan lagi untuk menjalankan perdagangan di negara ini.

Untuk mengongsikan kajian yang kaola baca daripada *transport associations* di sebuah negara yang tidak dapat kaola sebutkan dari kajian itu merupakan bahawa sistem pengangkutan yang ada di negara ini merupakan satu sistem yang sudah berkembang (*develop*), 20 peratus daripada pengguna bas awam itu adalah terdiri daripada

mereka-mereka yang mempunyai dua buah kereta ke atas ini kita menyentuh negara yang mempunyai pendapatan yang tinggi dan mempunyai sistem bas yang baik. 40 peratus terdiri daripada pendapatan yang sederhana dan 20 peratus adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah dan juga termasuk orang yang mencari pekerjaan, pelancong-pelancong dari luar negeri dan tidak lupa juga kepada orang-orang yang berpencen dan anak-anak sekolah.

Dari struktur yang berkenaan ternyata industri pengangkutan ini merupakan satu sektor yang banyak memberikan peluang untuk dipelopori. Makanya Kementerian Perhubungan dan kaola sendiri pun semakin *concern* mengenai sektor ini. Tugas untuk melahirkan satu *transport industry* ini agak mencabar. Apa yang kaola cadangkan, ia merupakan intervensi dari pihak kerajaan untuk campur tangan kerajaan dalam menggalakkan industri ini perlu kefahaman daripada pihak orang ramai juga. Terutama penyelia bas awam untuk mengubah minda seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mengapa kaola menyuarakannya kerana ada 3 cara untuk kita mencapai matlamat menjadikan sektor awam ini sebagai satu sektor yang menawarkan keperluan kepada orang ramai:-

1. Pendekatan apa yang kaola panggil berasaskan kepada *market forces* *laissez faire* diserahkan sepenuhnya kepada *market forces*. Perkara ini sudah berjalan ketika ini dan nampaknya belum ada menunjukkan harapan bahawa *land transport* kita akan bergerak atau berkembang, pasal pertimbangan utama dalam suasana *leisure fare* ini, ataupun berserahkan sepenuhkan kepada *market forces* ini kalau tidak menguntungkan maka operator bas tidak akan memberikan perkhidmatan melainkan ianya menguntungkan.

   Beberapa buah negara dalam suasana begitu diperkenalkan apa yang dipanggil *universal service obligation. Universal service obligation* menghendaki setiap operator bas menyumbang kepada pertumbuhan sektor penggangkutan bermakna sebahagian daripada keuntungan itu harus diambil untuk dimasukkan ke dalam satu *fund*. *Fund* itu digunakan untuk memperkembangkan sektor berkenaan;

2. Penyelia bas itu terserah kepada kerajaan, *centralise plan economy*, keseluruhannya diserahkan kepada kerajaan. Tidak banyak negara-negara yang sanggup untuk membuat, kalau dahulu pada zaman Soviet Union mungkin ada sehingga sekarang ini pun berubah keadaan itu. Tanggungjawab sepenuhnya itu tidak lagi diserahkan kepada kerajaan; dan

3. *Mixed economy* iaitu kerajaan bersama *private sector* bekerjasama untuk menyalurkan tanggungjawab memberi perkhidmatan. Di sinilah Kementerian Perhubungan berharap kerjasama daripada pihak swasta untuk mencapai matlamat menjadikan sektor bas awam itu sebagai satu sektor yang berkembang dan menawarkan peluang ekonomi kepada negara.

   Dalam usaha ini:-

   1. Model bisnes yang harus kita fikirkan; dan

   2. *Connectivity*nya harus difikirkan dan diperbaiki untuk menghubungkan setiap tempat di Negara Brunei Darussalam. Ini kalau dapat 100 peratus. الْحَمْدُ لله mungkin itu satu perkara yang *idealism* kalau kita mencapai 60 – 70 peratus itu pun syukur الْحَمْدُ لله dapat kita sudah mengusahakan sektor bas awam dan menjadikannya sesuatu yang baik.

Infrastruktur itu penting. Kelancaran itu penting. *Reliability* itu penting. Makanya kebanyakan negara yang mempunyai sistem perhubungan yang efisien menegaskan perlunya ada kelancaran dalam infrastruktur bas awam. Ini bermakna akan difikirkan bahawa ada laluan-laluan khusus bagi bas-bas awam untuk memastikan kelancaran dalam memberikan perkhidmatan. Lebih daripada itu, kaola juga memikirkan perkhidmatan bas awam itu juga *Embrace Intelligent Transport System* dengan menggunakan teknologi yang terkini termasuk juga *ICT* dan ini akan dapat memberi maklumat awal kepada pengguna-pengguna bas mengenai ketibaan, bertolak, jangkaan masa, internet ataupun *Bus Tracking System* dan sebagainya. إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan diusahakan dan ini 3 aspek penting dalam Kementerian Perhubungan untuk meningkatkan perkhidmatan bas awam.

Mengenai *mobile* dan *internet* kaola mengambil maklum dengan masalah-masalah yang telah dihadapi oleh orang ramai ketika ini, perkara ini bukan hanya di kawasan pedalaman sahaja mungkin kawasan-kawasan yang baharu dibuka di tempat perpindahan, timbul isu mengenai perkhidmatan *mobile* dan internet seperti yang kaola terangkan tadi, isu yang *fundamental* ialah memandangkan kepada kepentingan rakyat dan dengan adanya dasar kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai *smart nations* pada tahun 2035, *ICT* perlu maju sebaya dengan teras strategi yang lain maka harus ada perbincangan mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Setelah menerima *feedback* daripada pihak penyelia telefon, khususnya daripada *TelBru*, memandangkan bahawa tanggungjawab untuk mengadakan perkhidmatan di negara ini banyak diasaskan kepada *profit and loss*, perlu ada pertimbangan daripada pihak kerajaan juga untuk memastikan bahawa kepentingan rakyat, kepentingan orang ramai dan kepentingan negara *to narrow the*

digital divide hendaklah diberi keutamaan dan perlu ada tindakan daripada pihak yang berkenaan, terutamanya daripada pihak *AITI* untuk memastikan bahawa perancangan itu mengikut apa yang dihasratkan terutama Wawasan Brunei 2035. إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan abis kaola tunduki lagi dan mudah-mudahan dapat sokongan daripada pihak yang tertentu khususnya daripada pihak penyelia telefon.

Mengenai penyalahgunaan per-khidmatan telekom, kita mempunyai sistem media sosial seperti telefon-telefon digunakan untuk *download* beberapa maklumat dan *whatsapp.* Dari segi aspek sekuriti, kita sudah mempunyai satu *mechanism* untuk menanai semua isu yang boleh mendatangkan ketidakstabilan negara, kita sudah mempunyai undang-undang yang tertentu sementara kita membukakan penggunaan media sosial secara liberal. Setiap pengguna haruslah menggunakan alat kelengkapan ini dengan penuh tanggungjawab kerana Negara Brunei Darussalam mempunyai agama, adat resam dan lebih penting lagi mempunyai undang-undang yang tertentu, bahawa seseorang itu boleh diambil tindakan kalau sekiranya tidak menepati peraturan dan undang-undang negara. Maka adalah digalakkan supaya pihak pengguna telefon bimbit dan pengguna-pengguna media sosial untuk menggunakan kemudahan ini dengan penuh tanggungjawab.

Mengenai *Vehicle Inspection Centre*, ini merupakan satu cadangan yang baik. إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Perhubungan akan senantiasa terbuka dalam mendengar idea yang baharu. Idea untuk *outsource Vehicle Inspection Centre* ini sudah pun dikeluarkan *tender.* Walau bagaimanapun, daripada cadangan yang diterima, kebanyakannya tidak sanggup untuk menyelanggarakan *Vehicle Inspection Centre* disebabkan oleh harga penyelanggaraan atau *operational cost* pusat tersebut, harga yang dikenakan oleh kerajaan pada ketika ini jauh terlalu rendah.

Kaola ingin menekankan bahawa *Vehicle Inspection Centre* itu memakan subsidi kerajaan hingga lebih daripada $1.0 juta setahun seperti yang terdapat di Jabatan Pengangkutan Darat, Gadong sahaja. Makanya dicadangkan supaya di*outsourced*. Mudah-mudahan ada pihak yang berminat seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, untuk tampil ke hadapan menubuhkan satu *Vehicle Inspection Centre* dan menjadikannya sesuatu yang kompetitif di negara ini. Cuma harga itu sahaja menjadi halangan yang besar. Kaola kira melainkan pada satu masa harga tersebut di*reviu* lagi, ini pun bergantung pada respons orang ramai. Kaola yakin cadangan untuk meningkatkan harga mungkin bukan satu perkara yang dialu-alukan oleh orang ramai. Makanya abis kaola memikirkan cara yang lebih baik ialah untuk mengambil kesempatan daripada *excess capacity* yang terdapat di bengkel yang bertaraf Kelas "A" yang mempunyai kapasiti dan *human capacity* untuk melaksanakan tugas berkenaan.

Sekian jawapan kaola, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Saya sebenarnya ternampak mengenai wajah Ahli Yang Berhormat tadi, apabila ia memberikan huraian mengenai sistem bas awam. Kita senantiasa mendoakan semoga apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat itu, bagi kepentingan Negara Brunei Darussalam dan rakyatnya, akan dapat tercapai.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira eloklah Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dulu dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini selama 20 minit bagi membolehkan kita berehat seperti lazimnya.

Sekian. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya saya tangguhkan persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan untuk berehat sebentar tadi, kita telah mendengar seramai 4 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan dan pertanyaan-pertanyaan tersebut telah juga dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan dengan jelas.

Sungguhpun demikian bersama saya di sini masih ada lagi Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk membahaskan Tajuk Perbelanjaan Kementerian Perhubungan ini. Untuk memulakannya semula saya

mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola ada satu soalan sahaja. Pada pendapat kaola penambahbaikan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan belanja yang besar dari semasa ke semasa adalah untuk keselesaan orang ramai dan dari luar dan dalam negeri.

Di samping itu ia juga untuk menampung penerbangan yang makin bertambah. *Royal Brunei Airlines (RBA)* ditubuhkan pada 14 November 1974 dan mula beroperasi dalam tahun 1975. Di era hujung tahun 80an *RBA* pernah mencapai keuntungan sebelum *upgrade* pesawat *B757*. *RBA* banyak mengalami saingan dari syarikat penerbangan yang sudah *established.* Ada ketikanya juga pernah berlaku *miss management* disebabkan *strategic plan* yang tidak menjadi.

Investment of grading dengan menempah pesawat terkini pun tidak menjanjikan keuntungan dalam dekad terdekat. Saingan bertambah berat dari *budget airline* yang semakin meningkat di kawasan *ASEAN. RBA* bergantung pada *market* pengguna, terhad orang-orang Brunei dengan penduduk tidak mencapai 1 juta orang. Pasaran lokal yang rendah membuatnya sangat sulit mengejar untuk boleh mendapat keuntungan.

Soalannya, adakah pelan-pelan strategik untuk mengatasi perkara tersebut di atas? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola sebelum menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Kaola menjawab soalan-soalan awal dari 4 soalan yang belum kaola jelaskan:-

1. Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai keadaan bas awam di Negara Brunei Darussalam terutama perkhidmatan di daerah-daerah di negara ini. Jabatan Pengangkutan Darat mempunyai kriteria yang tertentu bagi semua penyelia bas mematuhinya kriteria ini untuk memastikan bahawa keadaan kenderaan bas awam di Negara Brunei Darussalam ini dalam keadaan yang teratur, sempurna, selamat, selesa, bersih dan sebagainya di samping kriteria-kriteria yang berhubung dengan keselamatan seperti *brake, screen*, dan sebagainya.

   Ada 2 cara di mana Jabatan Pengangkutan Darat berusaha untuk memastikan perkara ini dipatuhi:-

i. Dengan mengadakan rondaan ataupun *road block* seperti yang diterangkan semasa menjawab Soalan Yang Telah Diberi Notis. Sebanyak 6,600 lebih kes pengguna jalan raya ataupun yang mempunyai kenderaan gagal untuk mematuhi undang-undang dan الْحَمْدُ لله jumlah tersebut menurun dengan adanya sistem SIKAP.

Perkara ini akan diusahakan lagi supaya kenderaan di Negara Brunei Darussalam di peringkat yang memuaskan; dan

ii. Dengan adanya sistem bahawa setiap kenderaan komersial di negara ini hendaklah didaftarkan, dilesenkan setiap tahun dan setiap lesen ini hendaklah perlu dicek lagi semula.

Kaola berpandangan mungkin perkara ini masih berlaku, dan perkara itu belum ada ke pengetahuan Jabatan Pengangkutan Darat.

Abis kaola berharap kerjasama daripada orang awam kalau sekiranya terdapat mana-mana bas awam yang tidak sesuai untuk digunakan atau tidak selamat digunakan oleh orang ramai supaya dapat melaporkannya kepada Kementerian Perhubungan. Kementerian Perhubungan boleh mengambil tindakan untuk memanggil semula bas berkenaan untuk diperiksa semula dan ditentukan kesesuaiannya sama ada dibolehkan untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai khususnya bas-bas yang memberi perkhidmatan antara daerah;

2. Mengenai *LRT* dan *MRT.* Satu penyelidikan telah dibuat mengenai perkara ini dan telah ditekankan dalam penyelidikan tersebut bahawa belum tiba masanya bagi Negara Brunei Darussalam untuk mengadakan *LRT* dan *MRT* berasaskan kepada *viability* untuk mengadakan perkhidmatan tersebut.

Ini berhubung juga dengan aspirasi Kementerian Perhubungan untuk menubuhkan *Land Transport Authority* seperti yang dimaklumkan supaya sentiasa memantau keperluan pengangkutan awam di negara ini dan akan membuat cadangan-cadangan yang bersesuaian mengikut dengan keadaan semasa;

3. Mengenai Jabatan Perkhidmatan Pos. Cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad supaya pejabat pos di kawasan Lumut akan dapat dipelbagaikan lagi perkhidmatan yang diberikan.

Dalam perkara ini telah diadakan rundingan dengan jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan khususnya Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membuka satu Kutubkhanah atau *library* di tempat tersebut. Perkara ini sudah pun mencapai persetujuan إِنْ شَاءَ اللَّهُ mudah-mudahan *library* tersebut akan dapat direalisasikan dalam masa yang terdekat; dan

4. Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Yang Berhormat Pengerusi. Ini merupakan satu isu pengurusan syarikat penerbangan awam dan abis kaola tidak mempunyai maklumat-maklumat mengenai perkara ini maka kaola tidaklah dapat menjawab soalan ini.

Itu sahaja yang kaola dapat jawab Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Yang Berhormat Pengerusi:-

1. Tajuk SN01A - Kementerian Perhubungan, kaola mengajukan beberapa pandangan dan pertanyaan:-

i. Mengenai TOL Jambatan Rasau yang pernah kaola suarakan dalam Permesyuaratan Negara yang telah lalu di dalam Dewan yang mulia ini. Dalam memperkatakan mengenai TOL Jambatan Rasau ini yang dulunya pernah kaola cadangkan supaya bayaran tol itu tidak mahu dikenakan ataupun dipindahkan ke satu tempat selepas Kampung Sungai Teraban. Perkara ini bertujuan memberi laluan supaya penduduk lain yang berkunjung ke Kampung Sungai Teraban tidak lagi perlu membayar TOL bagi semua urusan ke kampung tersebut.

Sekiranya bayaran TOL ditiadakan kepada warganegara Brunei atau bayaran hanya dikenakan kepada kenderaan asing sahaja maka bangunan TOL Rasau yang ada itu tidaklah perlu dipindahkan. Kalau ianya masih diperlukan untuk dikenakan bayaran kepada semua kenderaan maka perlulah ia dipindahkan seperti mana yang kaola cadangkan sebelum ini. Dalam hal ini juga kaola ingin tahu sejauh manakah sudah perhatian atau pemikiran yang telah diambil terhadap TOL Jambatan Rasau ini oleh agensi-agensi yang berkenaan; dan

ii. Menyebut mengenai perhentian bas yang ada sangkut pautnya

seperti mana yang diperkatakan oleh rakan sejawatan dari Daerah Belait bermula dari Mukim Seria hinggalah ke Mukim Kuala Belait terutama sekali di kawasan Jalan Maulana, Jalan Singamenteri perlu ditambah laluannya melalui kawasan Rancangan Perumahan Panaga.

Perlulah diambil kira untuk memberi kemudahan kepada penduduk di kawasan yang berkenaan termasuklah sebuah perhentian bas ataupun tempat menunggu bas, terletak di sebelah kiri Jalan Rasau, Kuala Belait bagi memberi keselesaan kepada penumpang-penumpang yang menunggu bas yang akan menuju ke negara jiran kita ketika keadaan cuaca panas dan hujan semasa menunggu bas. Ini juga untuk memudahkan penumpang-penumpang bas naik atau turun di tempat yang selamat dan tidak diturunkan di tempat yang tidak sesuai dan dianggap berbahaya;

2. Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat mengenai peralatan alat ganti kenderaan yang dijual di kedai-kedai yang dianggap kurang ketulenannya dengan harga yang murah:-

   i. Adakah Jabatan Pengangkutan Darat telah dan akan memastikan bahawa peralatan tersebut sesuai dan terjamin keselamatannya jika dipasang di kenderaan-kenderaan di negara ini? Ini termasuklah juga peralatan hiasan seperti lampu hadapan yang berwarna biru, ada yang berwarna hijau dan ungu yang boleh mengelirukan pengguna-pengguna kenderaan yang lain termasuklah bunyi ekzos yang bising bagi kereta dan motosikal.

3. Tajuk SN04A - Jabatan Penerbangan Awam. Panji-panji Negara Brunei Darussalam adalah lambang yang termaktub dalam Perlembagaan Negara:-

   i. Mengapakah warna panji-panji Negara Brunei Darussalam yang terdapat di kapal terbang termasuk dokumen-dokumen pengurusan Diraja Brunei berwarna hitam?.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin menghadapkan 3 soalan mengenai Peruntukan Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Pengerusi. Abis kaola mengambil maklum cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat

Awang Hj Yusof bin Haji Dulamin iaitu untuk memindahkan ataupun meniadakan Tol Jambatan Rasau. Perkara ini sudah pun dibincangkan beberapa kali dalam Kementerian Perhubungan dan perkara ini masih belum mendapat apa-apa penyelesaian.

Ada beberapa perkara yang harus kaola kongsikan di sini untuk makluman Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin:-

1. Kementerian Perhubungan mengambil maklum bahawa tujuan memindah ini untuk memudahkan sanak-saudara dan sahabat-sahabat handai yang berkunjung ke Kampung Sungai Teraban dan yang berhampiran yang melalui Jambatan Rasau terutama dalam saat-saat suka duka ataupun acara-acara kekeluargaan. Isunya definisi ataupun istilah keluarga dan sahabat handai itu terlalu luas dan dikhuatiri akan disalahgunakan ataupun disalahertikan pengiktirafannya; dan

2. Memindah tempat berkenaan akan menimbulkan beberapa persoalan juga. Apa tujuan sebenarnya kita memperkenalkan konsep atau motif tol itu. Kita perlu harus tahu kalau sekiranya tujuan tol itu bukan lagi untuk mengutip hasil daripada penggunaan jambatan mungkin akan disalahertikan juga oleh pihak lain, dikhuatirkan ada *backlash*. Abis kaola akan terus berusaha mencari jalan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ini dari segi memudahkan orang ramai yang lalu lintas di kawasan tersebut.

Apa yang kaola maklum ketika ini TOL Jambatan Rasau dikecualikan kepada penduduk yang tinggal di Kampung Sungai Teraban sahaja dan yang berdekatan dengannya. Kalau ini dibuka kepada orang ramai mungkin kita harus fikirkan apa implikasi yang akan terjadi dengan tindakan tersebut. Sementara menunggu cara yang paling baik, sistem yang ada sekarang akan terus dikekalkan.

Mengenai alat ganti yang kurang ketulenannya dan juga kereta yang dilengkapi dengan hiasan lampu, ekzos yang berbunyi bising dan sebagainya. Perkara ini sentiasa di bawah perhatian Jabatan Pengangkutan Darat dan Jabatan Pengangkutan Darat mempunyai kriteria yang mengikut Akta Jalan Raya, lampu, saiz tayarnya dan sebagainya ada sukat-sukatnya telah ditetapkan oleh kerajaan ataupun yang menjaga lalu lintas negara. Walau bagaimanapun, dari segi penguatkuasaan ini satu cabaran kepada Jabatan Pengangkutan Darat.

Walaupun diadakan *road block* dan rondaan dan sebagainya masih lagi terdapat kereta yang menggunakan alat kelengkapan yang *illegal* yang diharamkan di negara ini, seperti tayar yang lebar, tidak tertutup, lampu yang berwarna-warni dan juga ekzos yang

bukan kereta *sport* dijadikan kereta *sport* dan sebagainya.

Lagi sekali, kaola memohon kerjasama dari orang ramai jika terdapat isu seperti ini hendaklah dilaporkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat. Jabatan Pengangkutan Darat akan dapat memanggil tuan punya kereta berkenaan untuk diperiksa keretanya sekali lagi. Yang masalahnya setiap kali diadakan pemeriksaan, keadaan kereta itu sudah berubah. Ini menyebabkan cabaran bagi Jabatan Pengangkutan Darat untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang.

Mengenai penerbangan awam (*Royal Brunei Airlines*), dari segi perspektif *requirement* yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Authority*, tidak ada menentukan apa-apa warna yang harus digunakan untuk cat ataupun lambang-lambang *airlines*. Walau bagaimanapun, perlu ada *call sign* dan sebagainya untuk digunakan sebagai asas pengurusan *air traffic management*. Perkara ini mungkin, rakan-rakan sejawatan yang terlibat dalam pengurusan *Royal Brunei Airlines (RB)* akan dapat memberikan penerangan mengenai perkara ini. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas mukadimah yang disampaikan pada hari Khamis, 17 Mac 2016 oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Kaola menyokong penuh saranan Pelan Strategik dan sasaran kepentingan Kementerian Perhubungan agar rakyat dan penduduk beroleh faedah dan kesejahteraan tidak terjejas dari perancangan kemajuan yang dilaksanakan namun berbelanja dengan berjimat cermat.

Dalam menyokong anggaran 2016/2017 Kementerian Perhubungan ini, kaola akan membangkitkan isu:-

1. Mengenai Jabatan Pengangkutan Darat bagi Perbelanjaan Berulang-ulang berjumlah $1,321,428.00 untuk penambahbaikan operasi dan transformasi perkhidmatan lesen memandu, lesen kenderaan, pendaftaran kenderaan dan pemeriksaan kenderaan:-

    i. Soalan kaola. Kaola membawa isu yang pernah dibawa oleh rakan sejawatan semasa Musim Permesyuaratan Kesepuluh Tahun 2014. Adakah pemikiran untuk menubuhkan Cawangan Pendaftaran Kereta Baharu di Cawangan Jabatan Pengangkutan Darat Daerah Tutong? Dengan penubuhan cawangan ini, akan mewujudkan

rangkaian perniagaan peralatan kereta dan jualan kereta dan wujudnya perusahaan bengkel pemeriksaan kereta seperti mana perancangan jabatan ini, untuk menswastakan Bengkel Pemeriksaan Kereta yang mencapai umur 7 tahun ke atas.

Selain itu, adanya tersedia bangunan Jabatan Pengangkutan Darat di Daerah Tutong, terletak di Kampung Serambangun, yang bertepatan sekali dengan kedudukannya berhampiran dengan bengkel-bengkel kereta dan sebab lain ialah mengurangkan kesesakan dan mengurangkan kelamaan menunggu bagi pendaftaran kereta baharu di Jabatan Pengangkutan Darat, Gadong, Bandar Seri Begawan;

ii. Mengenai Lesen Memandu yang menggunakan kad plastik yang boleh dicetak seperti kad pintar yang sering diganti setiap kali membaharui. Soalan kaola, adakah pemikiran dapat dipakai semula dengan tidak perlu mengganti kad plastik berkenaan untuk mengelakkan pembaziran, sebagai misalan mungkin kita boleh gunakan dengan beberapa implikasi tambahan kepada implikasi utama?; dan

iii. Berikutnya mengenai lesen kenderaan yang berpelekat di cermin depan tidak dapat dibuka atau ditanggalkan, jika cuba ditanggalkan ia akan rosak. Masalahnya apabila penggantian cermin depan yang pecah, lesen berkenaan tidak dapat dipindahkan lagi pada cermin baharu. Jika kereta ini dipandu dan kebetulan ada sekatan penguat kuasa jalan raya, maka sudah tentu akan berlaku soal jawab dan melambatkan tujuan perjalanan. Soalan kaola, ingin tahu apakah kedudukan dan penyelesaian mengenai masalah ini?;

2. Jabatan Penerbangan Awam, Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 bagi Perbelanjaan Berulang-ulang dalam Pengawalan dan Pemantauan Keselamatan dan *Security Aerodrone*, berjumlah $47,326.00 dan dalam Pengawalan dan Pemantauan Keselamatan *(Security System)* Navigasi Udara berjumlah $47,326.00 juga.

Yang Berhormat Pengerusi. Sukan permainan kapal terbang, helikopter dan *skydrone* (*heli* 4 kipas) kawalan jauh sangat digemari oleh kanak-kanak dan orang dewasa, seperti mana jua kawalan kereta jauh. Kaola difahamkan, permainan *heli skydrone* (*heli* 4 kipas) kawalan jauh ini, dilarang penjualannya.

Soalan kaola:-

i. Bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini, adakah cadangan untuk membina atau membenarkan

suatu kawasan bagi permainan ini?; dan

ii. Adakah pemikiran sekiranya jabatan ini menerbitkan Buku Panduan Keselamatan dan syarat peraturan mendapatkan kebenaran permainan kawalan jauh yang menggunakan ruang udara?

3. Jabatan Laut. Pendaftaran perahu atau kapal adalah penting. Jika ia digunakan sebagai suatu objek jaminan hutang di bank sama seperti juga pembelian kereta atau beroperasi sebagai pengangkutan awam seperti nelayan dan pengangkutan kargo.

Soalan kaola:-

i. Adakah pemikiran untuk membina bangunan khas untuk Unit Pendaftaran Perahu di setiap daerah di kawasan sungai yang bersesuaian, yang boleh dihubungi melalui perjalanan sungai tanpa perlu menunda menerusi jalan raya agar ia mudah untuk pemeriksaan spesifikasi, pendaftaran dan pembaharuan Lesen Perahu?;

ii. Adakah perancangan untuk mengadakan latihan dan ujian pemanduan perahu yang menggunakan kuasa enjin atau suatu hari nanti melaksanakan latihan panduan kapal-kapal kecil untuk memberi peluang pekerjaan dalam pengangkutan maritim?; dan

iii. Apakah syarat pendaftaran yang diperlukan untuk pendaftaran perahu mengikut kegunaannya yang berbeza-beza?; dan

4. Jabatan Perkhidmatan Pos, pos laju, kotak prabayar atau sampul surat prabayar memberi manfaat kepada urus niaga dalam talian kerana harganya murah dan tetap yang memudahkan usahawan dan peniaga untuk mengira kos penghantaran dan mengurus perbelanjaan perniagaan. Perniagaan pembungkusan dalam talian berkembang pesat di seluruh dunia dan dijangka ia berkembang.

Soalan kaola:-

i. Kaola ingin mengetahui akan perkembangannya atau kedudukannya di negara ini?; dan

ii. Adakah perancangan untuk memberigakan perkhidmatan pos dengan mengadakan jerayawara pameran dan taklimat mengenai Jabatan Perkhidmatan Pos kerana jarang atau sedikit orang mengetahui akan peranan dan fungsi Jabatan Perkhidmatan Pos semasa kini atau semakin canggih?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas beberapa soalan yang telah dikemukakan.

Yang Berhormat Pengerusi. Soalan-soalan yang dikemukakan merupakan soalan-soalan praktikal dan kaola akan cuba menjawab sedaya upaya yang kaola dapat jawab sebab ini melibatkan antara proses-proses di beberapa buah jabatan. Mengenai cadangan untuk membuka cawangan pemeriksaan kereta baharu di Daerah Tutong seperti yang kaola terangkan awal tadi, bahawa dengan adanya harga pemeriksaan yang dikenakan ketika ini iaitu sebanyak $5.00 bagi setiap sebuah kereta yang berusia lebih dari 7 tahun, adalah tidak kos efektif untuk membuatnya dengan cara yang ada sekarang. Maka Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat mengambil keputusan untuk menggunakan apa yang dipanggil *excess capacity*.

Tidak semestinya perkara ini tidak mungkin dibuat, tetapi harus dipertimbangkan mengikut dengan berasaskan kepada *operational cost* dan pendapatan hasil yang dijangka akan diperolehi. Kaola sendiri berpendapat adalah baik jika sekiranya *facilities* yang ada dioptimumkan lebih dahulu sebelum membuat dan menambah satu lagi bengkel pemeriksaan kereta.

Walau bagaimanapun, jika sekiranya satu masa, dari segi perspektif pengurusannya boleh mendatangkan keuntungan, Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat terbuka kepada cadangan-cadangan untuk meningkatkan lagi kegiatan bisnes di negara ini. Abis kaola tidak menolak idea ini, walau bagaimanapun harus dipertimbangkan mengikut dengan kos efektifnya.

Mengenai Lesen Memandu dan kad plastik, ini akan abis kaola selidiki lagi dan kaola berterima kasih atas cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan apa yang *interesting* mengenai Lesen Memandu ini, dengan usaha untuk menjimatkan perbelanjaan, mungkin untuk difikirkan jangka waktu Lesen Memandu itu yang akan diberikan.

Jika sekiranya Lesen Memandu itu terpaksa diperbaharui setiap setahun atau setiap 3 tahun, setiap 5 tahun, apakah kebaikan *(the change value)* yang boleh diperolehi jika sekiranya lesen-lesen berkenaan di*extend* waktunya pada jangka masa yang lebih panjang? Penjimatan perbelanjaan yang dapat diperolehi itu terutamanya perbelanjaan daripada kos pembuatan lesen berkenaan, apakah boleh juga diberi faedahnya kepada orang ramai dengan menjadikan pembuatan lesen itu sedikit lebih murah daripada harga biasa? Ketika ini sedang difikirkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat dengan usaha atau tujuan untuk menjimatkan perbelanjaan Jabatan Pengangkutan Darat.

Mengenai keselamatan *aerodrone* dan penggunaan yang dipanggil *unmanned*

aerial vehicles, perkara ini sedang dalam proses pembuatan satu undang-undang di bawah Akta Penerbangan Awam dan akan diadakan satu peraturan penggunaan *aerodrone* berkenaan bahawa tidak akan dibenarkan operasinya di kawasan berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Perkara ini telah pun diberigakan oleh Jabatan Penerbangan Awam. Pengarah Jabatan Penerbangan Awam telah membuat wawancara di Radio dan Televisyen Brunei untuk memaklumkan kepada orang ramai tentang bahaya yang akan boleh terjadi jika penggunaan *unmanned aerial vehicles* ini terkawal ataupun tidak di*regulate*.

Kaola kurang pasti mengenai pengharaman penjualan alat-alat ini. Abis kaola dari pihak *The Authority for Info-communications Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI)* juga maklum pentingnya negara faham akan teknologi yang ada ketika ini yang berhubung dengan *unmanned aerial vehicles* ini dan pendekatan daripada pihak *The Authority for Info-communications Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI)* ialah untuk tidak mencegah teknologi ini masuk ke Negara Brunei Darussalam.

Apa yang penting ialah penggunaan teknologi berkenaan hendaklah dengan penuh tanggungjawab dan orang ramai harus faham akan kesannya. Jika diperlukan ada satu tempat yang sesuai disediakan untuk tujuan ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ ini satu perkara yang dapat kita usahakan tetapi kita sama sekali tidak akan menolak kemasukan teknologi yang baharu ke negara ini. Begitu juga dengan Buku Panduan Keselamatan merupakan satu usaha yang baik. Apa saja yang diperlukan untuk makluman orang ramai yang sesuai untuk diadakan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan diadakan nanti.

Mengenai pendaftaran kapal di kawasan perairan Daerah Tutong, ini juga merupakan satu cabaran ketika ini terutama dari perspektif mengadakan *manpower* dan *capacity* Jabatan Laut ketika ini. Kaola menyentuh mengenai *manpower* ini salah satu isu yang harus dipertimbangkan ialah jawatan *Master Mariner, in particular* Negara Brunei Darussalam tidak mempunyai tenaga pekerja yang mempunyai *qualifications* dalam bidang ini dan الْحَمْدُ لله dengan adanya *Maritime Academy* ini nanti Jabatan Laut berharap akan banyak lagi rakyat Brunei berminat dalam bidang maritim ini terutama untuk menjadi *Seaman* dan *Master Mariner* dan dapat menceburkan diri dalam bidang *Maritime Affair* khususnya dalam perkapalan.

Ini merupakan satu cabaran kepada pihak Jabatan Laut untuk mengadakan dan memperluaskan lagi aktivitinya di daerah-daerah lain. Walau bagaimanapun, إِنْ شَاءَ اللَّهُ pandangan ini akan sentiasa diberi perhatian kalau sekiranya satu masa keadaan menghendaki supaya diadakan satu cawangan di sana untuk pemeriksaan bot-bot dan sebagainya, kalau sekiranya

keperluan itu ada إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dilaksanakan.

Mengenai Jabatan Perkhidmatan Pos. Seperti yang diterangkan awal tadi Yang Berhormat Pengerusi bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos ketika ini berhadapan dengan beberapa cabaran terutamanya dengan sistem perhubungan yang semakin canggih dengan adanya *ICT* dan sebagainya. Jabatan Perkhidmatan Pos akan berusaha untuk mempelbagaikan lagi peranannya untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai khususnya dalam bidang kargo. Kita juga tidak berhentikan pemberian perkhidmatan dari *private sector* ataupun pihak swasta seperti *DHL* dan sebagainya.

Ternyata perkhidmatan yang diberikan oleh pihak swasta jauh lebih efisien daripada apa yang ada pada ketika ini. Maka, perlunya Jabatan Perkhidmatan Pos untuk bersaing dan perlunya orang ramai juga mengetahui bagaimana peranan Jabatan Perkhidmatan Pos di dalam suasana adanya persaingan yang hebat mengenai penghantaran bungkusan dan sebagainya.

Mengenai perahu tadi Yang Berhormat Pengerusi. Seperti yang dinyatakan dalam mukadimah kaola ada disebutkan mengenai *classification* untuk perahu di Negara Brunei Darussalam ini telah pun ditetapkan supaya ada satu *National Classifications* untuk perahu yang akan digunakan di negara ini. Semua perahu yang baharu didaftar hendaklah menepati *classifications* yang ada.

Masalahnya, sebelum ini kebanyakannya *classifications* yang digunakan berasaskan kepada piawaian antarabangsa dan memandangkan bahawa piawaian antarabangsa itu melibatkan kepada perkapalan yang melalui perairan antarabangsa maka harusnya semua pendaftaran perkapalan berasaskan kepada piawaian antarabangsa.

Walau bagaimanapun, kalau sekiranya kenderaan berkenaan ataupun bot berkenaan dikhususkan digunakan di dalam negeri makanya difikirkan secara sesuai juga Negara Brunei Darussalam mempunyai *classification domestic* yang khas untuk perahu digunakan di negara ini. Perkara itu sudah pun kaola maklumkan semasa mukadimah kaola pada hari Khamis yang lalu. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan sekarang saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Pada hari Khamis 17 Mac 2016, Penerbangan Diraja Brunei (RB) akan mempunyai *CEO* baharu. Sejauh ini Penerbangan Diraja Brunei *(RB)* telah membuat perubahan-perubahan yang melibatkan peruntukan kewangan begitu besar. Sebagai misalnya, beberapa tahun Penerbangan Diraja Brunei *(RB)* telah membuat *re-branding* dan mengubah imej Penerbangan Diraja Brunei *(RB).* Kalau kita melihat penerbangan antarabangsa yang terkenal dan berjaya, mereka terus mengekalkan imej mereka. Supaya imej mereka itu terus dikenali oleh orang ramai.

Soalan kaola:-

1. Adakah satu dasar audit dalaman bagi mempertingkatkan kawalan atasan iaitu dari *Board of Directors* untuk memantapkan pengurusan yang berkesan lagi cekap kerana diketahui pengurusannya masa ini masih lagi lemah? Contohnya cara memperkesankan pengurusan *Royal Sky* dari segi memori kad yang akan mansuh bagi *turn around day* menggantikan kad baharu yang masuk itu;

   Kecekapan adalah satu-satu cara pemasaran paling berkesan dan disukai oleh ramai penumpang jika dibandingkan dengan iklan cara mudah dan cepat memberikan tuntutan ukuran jarak atau *mileage claim* tanpa banyak urusan dan pertanyaan oleh sebab *updating mileage* yang cekap sudah tersimpan dalam data sistem komputer syarikat atau di pasaran boleh didapati;

2. Adakah kajian kepada perkhidmatan bagi meningkatkan penjualan tiket supaya dapat *full flights* setiap penerbangan untuk mahu tahu di mana letaknya *office GSA* Penerbangan Diraja (RB) di luar negara? Wakil penjual sentiasa memasarkan dan memberi keutamaan tiket *RB* dan lokasi wakil penjual senang dilihat dan dikunjungi berhampiran dengan pusat perniagaan yang banyak *consumer traffic*; dan

3. Kenapa *computer glides check-in counter* mengambil masa begitu lama untuk mengatasi masalah itu. Ini boleh menimbulkan banyak kerugian kepada *lane time charge fee*, *pilot and crew hourly payment*, reputasi syarikat, gangguan jadual penerbangan dan lain-lain?

Yang Berhormat Pengerusi. Tahniah kepada Kementerian Perhubungan kerana berjaya mengutip hasil dengan peningkatan dari $75.1 juta pada tahun 2013 dan 2014 dan $98.5 juta pada tahun 2014 hingga 2015. Ini bererti peningkatan sebanyak $23.4 juta jika dibuat perbandingan Anggaran Peruntukan Perbelanjaan sebanyak $6.8 juta bagi Tahun Kewangan 2016/2017. Kalau dianalisis hasil sebanyak $98.5 juta pada tahun 2014/2015 tolak dengan peruntukan perbelanjaan sebanyak $60.5 juta bagi Tahun Kewangan 2016/2017. Jika dilihat

kelebihan daripada pendapatan ini ialah $20 juta.

Dengan adanya kelebihan $20 juta dari hasil kutipan perkhidmatan dari Kementerian Perhubungan, cadangan kaola Yang Berhormat Pengerusi bagi mencepatkan penyediaan prasarana ruang bagi *duty free* menjual arloji atau jam tangan berjenama dan elektronik ketika penumpang-penumpang singgah dari Melbourne Australia dan London. Kaola fahami di dua negara ini harga barang itu sangatlah mahal. Ia boleh menghasilkan pendapatan yang banyak. Pada masa ini jumlah penumpang ini sudah sedia dan ia dipanggil *ever ready business opportunity*. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, mengenai dengan soalan-soalan yang dikemukakan dan ternyata Yang Berhormat begitu *passionate* mengenai dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan menjadi *partner* yang setia dalam usaha untuk meningkatkan lagi imej Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Mengenai soalan yang pertama, mudah-mudahan rakan sejawatan kaola akan dapat membantu kaola dalam memberi jawapan yang jelas mengenai soalan yang dikemukakan.

Walau bagaimanapun, ingin kaola maklumkan bahawa salah satu sebab mengapa Jabatan Penerbangan Awam memilih *sky tracks airport award* sebagai *benchmark* salah satu ialah penilaian yang diberikan begitu positif kepada *Royal Brunei Airlines (RB).* Makanya kaola memikirkan sesuai dengan dapatan ataupun *assessment* daripada *Skytrax World Airport* terhadap *Royal Brunei Airlines (RB)* mungkin untuk digunakan asas kepada *benchmark* kepada usaha untuk mengadakan pengurusan yang lebih cekap di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Mengenai perkhidmatan *duty free* di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, terima kasih kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Ini merupakan satu *market analysis* yang mustahak mungkin tidak ramai yang tahu bahawa harga barang elektronik kalau dibandingkan antara Negara Brunei Darussalan dengan negara-negara maju seperti Australia, London jauh lebih murah.

Ini merupakan satu kesempatan bagi pihak swasta untuk mengambil faedah daripada kesempatan ini. Ketika ini *operator* ataupun penyelia kedai *retail* telah pun dilantik dan kaola galakkan supaya mereka yang ada *interest* dalam bidang ini untuk menjual barang elektronik di Lapangan

Terbang Antarabangsa Brunei untuk menghubungi penyelia-penyelia berkenaan dan membuka kedai-kedai yang bersesuaian. Mungkin ini merupakan satu *niche advantage* kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan mudah-mudahan idea ini akan dapat di*advance* lagi kepada pihak yang berkenaan. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu izinkan kaola untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas mukadimah Peruntukan Belanjawan Tahun 2016/2017 Kementerian Perhubungan Yang Berhormat sampaikan pada petang hari Khamis, lepas.

Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat ada 2 perkara dalam Tajuk Kementerian Perhubungan untuk kaola utarakan di Dewan yang mulia ini:-

1. Tajuk SN02A - Jabatan Laut. Mengenai isu sistem jadual bergilir, iaitu waktu pergi dan balik bagi perkhidmatan perahu tambang Temburong dan Bandar Seri Begawan yang diaturkan oleh pihak jabatan berkenaan kepada syarikat dan koperasi tambang bot laju merupakan masalah yang berpanjangan yang dihadapi oleh orang ramai yang berurusan, termasuklah pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas di Daerah Temburong.

   Mereka terpaksa menunggu giliran yang lama sama ada dari Bandar Seri Begawan dan dari Daerah Temburong yang berulang-alik yang menjejaskan tugas mereka dalam waktu bekerja yang diperlukan. Ini termasuklah perjalanan pergi dan balik membawa pesakit Hospital Raja Isteri Pengiran Isteri Hajah Mariam ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Bandar Seri Begawan.

   Dengan kaedah sistem bergilir ini, pada pandangan kaola perkara yang perlu dibuat kajian, masalah yang dihadapi dan kurang keselesaan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas di Daerah Temburong kerana memakan masa dan waktu menunggu yang lama. Sukacita kaola bertanya apakah langkah penyelesaian terbaik yang telah diambil oleh jabatan berkenaan dalam menangani dan memperbaiki lagi sistem yang lebih teratur dalam mengurangkan sungutan orang ramai yang berurusan dan juga tidak menjejaskan perniagaan kepada syarikat dan koperasi bot laju dalam

memberi perkhidmatan kepada orang ramai?; dan

2. Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. 2 perkara untuk kaola utarakan:-

   i. Perkara yang sudah pernah kaola timbulkan di Dewan yang mulia pada tahun lepas berhubung dengan keperluan pemasangan lampu isyarat iaitu *traffic lights* di kawasan tertentu di Pekan Bangar, Daerah Temburong. Kaola juga berpandangan dan membuat pendekatan dengan orang ramai di daerah ini, ia perlu diperkenalkan di Daerah Temburong memandangkan pada masa-masa tertentu, Pekan Bangar mengalami kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu bekerja dan sesi persekolahan. Sukacita kaola, ingin tahu apakah perkembangan yang telah diambil oleh Kementerian Perhubungan yang berkaitan melalui pihak jabatan yang berkenaan berhubung mengenainya; dan

   ii. Dalam usaha kerajaan melalui Kementerian Perhubungan untuk memberikan kemudahan perhubungan dan perkhidmatan kepada orang ramai ialah pembinaan perhentian bas/terminal bas di Pekan Bangar, Temburong sebagaimana yang sudah ada dalam perancangan dan cadangan oleh Kementerian Perhubungan melalui jabatan berkenaan. Kaola sukacita ingin tahu, sejauh manakah perkembangan proses projek yang sudah dibuat dalam merealisasikan cadangan ini?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai perkhidmatan tambang bot laju antara Daerah Temburong dan Bandar Seri Begawan. Kalau sekiranya soalan ini dapat di*address* lebih awal daripada apa yang berlaku sekarang yang berhubung dengan Daerah Temburong mungkin ada sesuatu cadangan yang dapat difikirkan yang boleh kita usahakan. Walau bagaimanapun, ini sama juga dengan *entire* konsep mengenai perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini. Untuk meningkatkan peluang ekonomi negara, perlunya ada sistem pengangkutan yang efisien yang *reliable.*

Jadinya, *approach* pendekatan kaola mengenai perkara ini adalah sama, iaitu sejauh ini sudah diadakan rundingan-rundingan, masalahnya penyelia bot masih berfokus kepada untung dan rugi bukan melihat perspektif ini daripada secara meluas ataupun kepentingan untuk meningkatkan perkhidmatan bot

laju antara Daerah Temburong dan Bandar Seri Begawan.

Ada 5 buah penyelia bot laju di negara ini. Sebanyak 4 buah yang memberi perkhidmatan yang tetap dan 1 buah yang memberi perkhidmatan yang khusus dan bot yang ada di tempat yang berkenaan semua sekali ada 18 buah bot yang dikhususkan untuk perkhidmatan berjadual, 2 buah untuk perkhidmatan sewa khas.

Waktu operasi bahagian bot adalah antara pukul 6.30 pagi hingga pukul 5 petang sahaja, manakala waktu menunggu dikhaskan ialah selama 45 minit. Walaupun demikian, ada jadualnya, ada waktunya, perkhidmatan itu masih belum lagi *regular*, bukan sesuatu perkhidmatan yang boleh kita harapkan ataupun *reliable*. Penyelia bot laju masih berpegang teguh kepada asas untung rugi.

Mungkin akan dirundingkan lagi dengan usaha untuk menekankan peranan Jabatan Laut dalam memastikan bahawa penyelia bot laju harus mengikuti jadual yang diberikan. Nampaknya harus ada campur tangan dari pihak kerajaan bagi menangani isu ini. Hanya dengan cara yang demikian, makanya sistem ini dapat diperbaiki.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Jabatan Laut akan berbincang sekali lagi mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, dari segi holistik reviu yang dibuat oleh Kementerian Perhubungan mengenai sistem pengangkutan keseluruhannya dan memandangkan bahawa Jambatan Temburong sudah dalam proses pembangunan, mungkin rancangan ini tidak dapat dilaratkan kepada perkhidmatan bot, sebab untuk mendapatkan perkhidmatan apa yang kita inginkan menghendakkan satu *investment* yang agak besar.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ untuk sementara waktu ini Jabatan Laut mencadangkan supaya pengguna perkhidmatan pengangkutan bot terutamanya kakitangan kerajaan untuk menyewa bot khas daripada syarikat yang beroperasi bagi perkhidmatan bot tambang laju untuk pergi dan balik bekerja. Ini boleh dilakukan dengan membuat perjanjian atau waktu pergi dan balik yang tetap dengan pihak pengendali bot tambang.

Yang kedua, membuat jadual perjalanan tetap bagi waktu yang tidak dikategorikan sebagai *peak hours*. Yang ketiga bagi perkhidmatan yang berkaitan dengan *service* kerajaan seperti perkhidmatan bot ambulans, pihak berkenaan bolehlah membuat perjanjian dengan syarikat yang dipilih bagi membekalkan *service* bot sewa khas sebagai ganti bot ambulans. Itu sahaja yang dapat kaola jawabkan mengenai bot tambang ke Temburong dan ke Bandar Seri Begawan.

Mengenai *traffic light*, perkara ini telah dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara musim yang lepas dan telah pun diambil tindakan. Kaola telah dimaklumkan bahawa cadangan daripada Yang Berhormat telah pun dimasukkan dalam salah satu

perancangan kementerian yang berkenaan khususnya Kementerian Pembangunan. Mungkin rakan sejawatan saya akan dapat memberi penjelasan mengenai perkara ini nanti.

Mengenai terminal bas di Temburong. Sejak perkara ini dicadangkan, pihak Kementerian Pembangunan telah pun memohon tapak yang bersesuaian untuk dijadikan dan digunakan sebagai terminal bas di Daerah Temburong. Tapak yang dicadangkan di sini ialah tapak hospital lama berdekatan Pusat Belia dan Sukan Pekan Bangar dengan keluasan 0.4 hektar. Tapak ini sudah pun digazetkan di bawah Kementerian Perhubungan untuk perlaksanaan selanjutnya.

Walau bagaimanapun, kaola ingin menerangkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad, mengenai konsep terminal bas yang dicadangkan. Dalam usaha untuk memperbaiki lagi sistem pengangkutan awam, kita berharap bahawa perkhidmatan bas itu ialah perkhidmatan yang berterusan, bukan perkhidmatan yang basnya berehat menunggu, mengusai kereta, mengisi minyak kereta dan sebagainya. Kalau sekiranya konsep yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu merupakan konsep yang sama dengan ada yang ada di Bandar Seri Begawan, mungkin pemikiran daripada pihak Kementerian Perhubungan agak berbeza sedikit. Apa yang kita harapkan ialah terminal itu digunakan oleh pengguna bas awam untuk mereka berehat dan menunggu bas, bukan untuk bas berehat sebaliknya.

Hendaklah difikirkan bahawa kalau sekiranya ada terminal bas ataupun terminal penumpang, *passenger terminal not bus terminal* ini yang dimaksudkan, hendaklah disesuaikan keadaannya. Bukan seperti apa yang ada sekarang di Bandar Seri Begawan ia hendaklah lebih sesuai dengan keadaan di perbandaran Bangar dan dari pandangan mata pun bukan sesuatu yang tidak elok dilihat dan haruslah harmoni dengan keindahan di kawasan Pekan Bangar.

Konsep yang ingin kita cadangkan ialah konsep *passenger terminal* (terminal penumpang) dan disesuaikan untuk dijadikan sebagai pusat perdagangan ataupun pusat pelancongan, dan dikhaskan untuk memberi perkhidmatan pengangkutan antara *district* ataupun *inter-district* ataupun *interstate services* antara negara seperti ke negara jiran. Penyelia bas yang memerlukan kemudahan bas terminal dicadangkan supaya disediakan dengan mencari tempat di luar daripada kawasan bandar. Apa yang ingin kita lihat bahawa perkhidmatan bas itu sentiasa berjalan *non-stop*. Ini yang kita cadangkan untuk di Daerah Brunei Muara dan tidak memerlukan bas terminal seperti apa yang dimaksudkan. Itu sahaja yang kaola ingin terangkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Nampaknya Yang

Berhormat Menteri Pembangunan suka untuk membuat penerangan lanjut.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuba menambah penerangan mengenai Royal Brunei Airlines (RB). Dua soalan telah dikemukakan. Yang pertama daripada Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin dan yang kedua daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Untuk makluman bersama, untuk Tajuk bajet dibahaskan tidaklah ada, bagaimanapun kaola mengongsi maklumat yang dianggap tidak sensitif dari segi memberi penerangan.

Soalan yang pertama berhubung dengan warna panji-panji *RB* yang hitam bukannya merah. Logo yang dipakai *RB* bagi *livery* baharu *rebranding* ialah berwarna hitam dan ada panji-panji yang kecil sahaja yang berwarna hitam. Huruf *RB* dan ada di atasnya panji-panji berwarna hitam kecil mengikut saranan daripada *rebranding consultant*. *Contrast*nya kurang jika diwarnakan panji-panji itu merah dan tidak berapa *contrast* apabila dipasang pada *tailfin RB* dengan *livery*nya yang baharu.

Untuk tujuan memastikan perkara ini boleh dilaksanakan, perkara ini sebenarnya telah dibenarkan melalui proses permohonan kepada pihak yang berkenaan. Itulah sebabnya *for visual effect* digunakan logo yang ada *RB* di bawahnya dan di atasnya panji-panji yang berwarna hitam. Bagaimanapun *since RB* ini adalah *national flag carrier*, terdapat pada badan pesawat-pesawat *RB* Bendera Negara Brunei Darussalam. Pada Bendera Negara Brunei Darussalam tidak diubah langsung, ini adalah bendera penuh yang menggunakan panji-panji yang berwarna merah. Itulah penerangan kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai soalan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman masih banyak pembaikan yang perlu dilalui oleh *RB,* seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) sebelum ini berhubung soalan yang berkaitan dengan *RB* juga, *RB* setelah melalui proses penstrukturan telah berjaya mengukuhkan kedudukan kewangannya, jauh lebih kukuh daripada sebelum penstrukturan dan sudah semestinya jelas daripada apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman masih banyak perkara yang mungkin memerlukan pembaikan. Ini adalah perkara yang perlu untuk terus diusahakan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ mudah-mudahan dapat diperbaiki lagi pada masa-masa akan datang. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi sebagai tambahan mengenai *RB.* Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah mendengar soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik dan soalan-soalan serta pertanyaan-pertanyaan itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan ditambah sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Maka saya berpendapat ada baiknya Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A bagi Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya ini diundi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Belanjawan Kementerian Perhubungan ini diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua bersetuju secara sebulat suara. Maka Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A - Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang supaya mesyuarat kita di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara dan saya bercadang supaya Majlis Mesyuarat Negara ini kita ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula pada pukul 3.00 petang nanti.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.00 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Saya tangguhkan dulu persidangan Majlis Mesyuarat Negara kita ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Pada Mesyuarat yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi sebelum kita berehat, kita telah meluluskan Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sekarang kita akan selanjutnya berpindah ke Tajuk seterusnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SP01A - Kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sidang sekarang membincangkan Tajuk SP01A - Kemajuan.

Walau bagaimanapun, sebelum saya membukakan Tajuk Kemajuan ini untuk dibahaskan, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) suka untuk menyampaikan ucapan pendahuluan dan mukadimahnya tentang Belanjawan kemajuan ini. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat itu. Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas keizinan Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan kepada kaola untuk menyampaikan sedikit mukadimah dan menghuraikan secara ringkas tujuan Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara yang dicadangkan sebagai panduan kepada perbincangan yang akan menyusul.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Tahun Kewangan 2015/2016 merupakan tahun keempat Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 dilaksanakan. اَلْحَمْدُ لله sebahagian besar projek-projek RKN 10 yang dirancang telah dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan di samping beberapa tambahan projek lain yang juga dilaksanakan berdasarkan keperluan dan keutamaan.

Setakat ini dari 567 projek yang telah diluluskan. Sebanyak 378 projek atau 67 peratus telah pun siap dilaksanakan.

Sebanyak 18.7 peratus projek sedang dalam pelaksanaan dan sebahagian dijangka akan siap pada penghujung RKN Ke-10, إِنْ شَاءَ اللَّهُ. 7.4 peratus adalah dalam peringkat tawaran manakala 21 projek ataupun 3.7 peratus adalah peringkat reka bentuk dan selebihnya masih lagi di peringkat perancangan.

Bagi projek-projek yang memerlukan untuk ditunda ke RKN seterusnya, ianya akan dinilai semula kepentingan dan keutamaannya. Apa yang diharapkan hasil pelaksanaan tersebut akan dapat mendukung perkembangan kegiatan perekonomian di negara ini selain dalam memelihara kesejahteraan dan kebajikan masyarakat termasuk dalam membuka peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Sebagaimana kita sedia maklum Tahun Kewangan 2016/2017 merupakan tahun terakhir bagi pelaksanaan RKN10. Sebagaimana jua penerangan yang kaola sampaikan semasa pembentangan Rang Belanjawan Tahun Kewangan 2016/2017 beberapa hari yang lepas bagi Tahun Kewangan 2016/2017 ini, Negara Brunei Darussalam dijangka berdepan situasi ekonomi yang lebih mencabar berbanding tahun-tahun kewangan sebelumnya dan perbelanjaan Kemajuan RKN juga akan terhad.

Justeru, kerajaan akan memberikan lebih perhatian dan tumpuan kepada merancang dan melaksanakan projek-projek yang akan dapat mendukung tema belanjawan negara iaitu "Mengukuhkan Iklim Perekonomian Negara" serta fokus belanjawan yang telah ditetapkan dengan mengambil kira dasar *fiscal sustainability* kerajaan.

Dalam meneliti perancangan bagi setiap projek yang akan dilaksanakan, keutamaan akan diberikan berasaskan pertimbangan kepada keperluan awam atau *public necessity.* Dalam hal ini, setiap kementerian adalah juga diperlukan untuk mengambil kira kaedah *value for money* dan *cost affectiveness* dalam menilai setiap projek yang akan dilaksanakan, kaedah tersebut adalah penting bagi memastikan sumber kewangan kerajaan digunakan secara lebih produktif berdasarkan *outcome* yang jelas dan mengawal sebarang bentuk pembaziran.

Dalam pada itu, setiap kementerian dan juga agensi kerajaan digalakkan untuk menilai kesesuaian, pelaksanaan dan pembiayaan sebahagian projek secara *Public Private Partnership* (*PPP*). Mengkorporatkan agensi kerajaan yang berkenaan atau perkomersialan sebahagian aktiviti dalam sesuatu agensi kerajaan yang berkenaan. Mengambil kira keutamaan dan fokus belanjawan yang ditetapkan, Anggaran Perbelanjaan Kemajuan bagi Rancangan Kemajuan Negara bagi Tahun Kewangan 2016/2017 dicadangkan keseluruhannya sebanyak $700 juta. Peruntukan ini adalah bagi membiayai 196 projek RKN10 yang akan dan sedang dalam perlaksanaan.

Daripada peruntukan tersebut sebanyak 21.4 peratus diagihkan bagi memudah cara perniagaan, 14.2 peratus bagi meningkatkan produktiviti negara,

13.1 peratus bagi membina kapasiti dan modal insan dan selebihnya sebanyak 51.3 peratus bagi memelihara kesejahteraan awam.

Secara keseluruhannya pengagihan peruntukan mengikut beberapa sektor utama adalah seperti berikut:-

1. Sektor Perkhidmatan Sosial disediakan peruntukan besar sebanyak $178.4 juta atau pun 25.5 peratus. Sektor ini meliputi projek-projek pendidikan, kesihatan, perumahan negara dan sumber tenaga manusia;

2. Sektor Pengangkutan dan Perhubungan disediakan sejumlah $153.3 juta ataupun 21.9 peratus;

3. Sektor Perindustrian dan Perdagangan diperuntukkan sebanyak $134.7 juta atau pun 19.3 peratus bagi melaksanakan beberapa projek perekonomian yang telah dikenal pasti untuk mendukung usaha mempelbagaikan aktiviti dan sumber perekonomian negara;

4. Sektor Penggunaan Awam disediakan peruntukan sejumlah $133.4 juta ataupun 19.1 peratus. Tumpuan sektor ini, antara lainnya termasuk menyediakan bekalan air bersih, merawat pembetungan, pembaikan sistem pengaliran air temasuk bagi pengawalan banjir serta penyediaan bekalan elektrik;

5. Sektor Keselamatan yang meliputi *sub-sector* ABDB dan Polis Diraja Brunei diperuntukkan sebanyak $28.9 juta atau 4.1 peratus dari jumlah keseluruhan;

6. Sektor Bangunan Awam pula disediakan sejumlah $25.1 juta atau pun 3.6 peratus dengan penekanan perbelanjaan diberikan kepada kerja-kerja membaikpulihan dan pemeliharaan infrastruktur dan aset-aset kerajaan;

7. Sektor Sains dan Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi diperuntukkan sebanyak $22.5 juta ataupun 3.2 peratus. Ia antara lain merangkumi peruntukan bagi *research and development* di bawah kawalan Majlis Penyelidikan Brunei ataupun *Brunei Research Council*; dan

8. Sektor Teknologi Maklumat dan Info Komunikasi diperuntukkan sejumlah $17.7 juta ataupun 2.5 peratus bagi melaksanakan projek-projek e-Kerajaan yang akan dapat membantu meningkatkan tahap perkhidmatan *efficiency* dan *cost effectiveness*. Ini termasuk juga keutamaan bagi mengukuhkan integrasi sistem.

Sehingga 15 Mac 2016, perbelanjaan sebenar Rancangan Kemajuan Negara bagi Tahun Kewangan 2015/2016 berjumlah $694.6 juta hampir 70 peratus daripada peruntukan yang disediakan. Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara 2016/2017 ini

dijangka akan meningkat kepada $800 juta pada penghujung tahun kewangan berkenaan.

Bagi memastikan pelaksanaan dan perbelanjaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan dan peruntukan yang telah diluluskan, pihak yang terlibat akan terus membuat pemantauan rapi dan memperkenalkan serta melaksanakan langkah-langkah bagi memperkesankan lagi pelaksanaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara ini.

Bagi mendukung usaha pembangunan negara, Jabatan Perancang dan Kemajuan Ekonomi akan berterusan meneliti kesesuaian projek-projek yang dirancang dalam menyumbang secara *sustainable* dan berkesan pada pertumbuhan sosio ekonomi negara.

Ini antara lainnya termasuklah dengan memastikan:-

1. Setiap projek pembelian yang dilaksanakan hendaklah berdasarkan peruntukan tahunan yang telah disediakan;

2. Keperluan projek-projek yang akan dilaksanakan akan dinilai melalui keperluan sebenar, keutamaan dan hasil ataupun *outcome* yang akan diperolehi. Ini termasuklah bagi menyediakan peluang-peluang pekerjaan tetap dan berkualiti kepada anak-anak tempatan dan hasil pendapatan kerajaan yang akan diperolehi;

3. Cadangan perbelanjaan bagi setiap projek termasuk skop dan prestasi kerja diteliti secara terperinci bagi mengelakkan daripada pembaziran dan kerugian dalam perbelanjaan kerajaan;

4. Perhatian hendaklah diberikan terhadap peningkatan akauntabiliti dan integriti jabatan dalam pengurusan kewangan dalam memastikan pemprosesan bayaran adalah cekap dan teratur dengan menepati tekad pemedulian orang ramai yang telah ditetapkan; dan

5. Meneliti secara berterusan keperluan projek-projek yang dirancang secara berhemah agar mana-mana projek yang tidak diperlukan dan tidak berkeutamaan ditiadakan bagi memberi laluan kepada projek-projek baharu yang lebih utama dan berkualiti bagi mendukung Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekianlah yang dapat kaola sampaikan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, apa-apa juga persoalan spesifik yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang nanti, ia sudah setentunya akan diperjelaskan oleh rakan-rakan sejawatan kaola selaku agensi-agensi yang bertanggung-jawab melaksanakan projek-projek kementerian masing-masing, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhomat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

II (Kedua) dengan huraian yang telah menjelaskan dengan terperinci tentang struktur Belanjawan Rancangan Kemajuan Negara secara menyeluruh.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) itu tadi, bahawa segala penjelasan mengenai tujuan-tujuan serta butir-butir peruntukan bagi projek-projek dalam Rancangan Kemajuan Negara ini telah banyak disentuh semasa menyampaikan huraian ucapan pendahuluan Rang Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan juga Yang Berhormat Menteri-menteri lain semasa awal persidangan yang telah kita adakan sebelum ini.

Begitu juga semasa membincangkan kementerian-kementerian lain, kita telah meluluskan belanjawan kementerian-kementerian tersebut dengan secara tidak langsung sebilangan besar dari projek yang terdapat dalam Rancangan Kemajuan Negara ini, ada yang sudah dibahaskan secara terperinci dan dijelaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan.

Oleh yang demikian, saya berpendapat bagi mengelakkan perkara yang sama berkait dengan Tajuk ini berulang-ulang ditimbulkan, maka saya meminta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat, jika ada soalan-soalan yang hendak dikemukakan biarlah perkara itu tertumpu kepada perkara-perkara yang belum disentuh sebelum ini.

Walau bagaimanapun, saya bukakan Tajuk ini untuk dibahaskan. Bersama saya ada senarai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang ingin untuk membahaskan Tajuk Kemajuan ini. Untuk memulakannya, saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhomat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) atas penjelasan akan perkembangan dan keutamaan Rancangan Kemajuan Negara sebentar tadi.

Kaola menyentuh mengenai pencapaian pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara yang nampaknya berbeza dari satu sektor ke sektor yang lain dengan mengambil maklum kerajaan mengutamakan *fiscal sustainability* dalam strategi perbelanjaan kerajaan. Yang dapat kita perhatikan, hanya 67 peratus sahaja dari keseluruhan peruntukan untuk Rancangan Kemajuan Negara dijangka dapat dilaksanakan sehingga Tahun Kewangan 2016/2017 iaitu tahun terakhir Rancangan Kemajuan Negara Ke-10.

Antara Tajuk Perbelanjaan yang paling rendah pencapaiannya ialah di bawah Tajuk 1022 - Sains dan Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi. Hanya 44 peratus dari peruntukan dijangka dapat dilaksanakan.

Ke arah ini, kaola mengimbas kembali sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, semasa Pelancaran Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 pada April 2012 iaitu supaya setiap kementerian untuk lebih proaktif dan membuat pendekatan konkrit dan efisien dalam pelaksanaan program dan projek yang diluluskan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sains Dan Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan dan Mempromosi Inovasi merupakan bidang yang banyak memberi peluang untuk memperkembangkan ekonomi bernilai tinggi dan yang mapan. Penggubalan dan pelaksanaan polisi dari program yang efektif adalah satu asas penting.

Soalan saya:-

1. Adakah Dasar Sains dan Teknologi Negara yang komprehensif atau *white paper* sudah digubal untuk meningkatkan keberkesanan pendekatan negara mengenainya dan memperkasa sektor ini?;

2. Kenapakah pencapaian pelaksanaan dalam Perancangan Kemajuan Negara bagi sektor ini adalah rendah?; dan

3. Adakah pihak yang berwajib bercadang untuk membuat penilaian untuk memperbaiki pencapaian pelaksanaan dalam Sektor Sains dan Teknologi Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi ini?

Pada pandangan saya, ini termasuk pembaikan perkara seperti proses mendefinisi projek, perancangan projek dan pelaksanaan projek bagi sektor ini.

Saya juga memohon penerangan mengenai Tajuk 1022/031 Sains dan Teknologi Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi iaitu Sistem Pengangkutan Awam dengan peruntukan $10 juta. Dan selanjutnya saya mencadangkan supaya apa-apa perbelanjaan dibuat dalam Tajuk 1022 Sains dan Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi akan lebih fokus kepada program meningkatkan penyelidikan dan pembangunan *research* dan *development* sahaja iaitu seperti program penghasilan *intellectual property* yang dapat di*patern*kan. Bukan mengenai kajian kemungkinan pencegahan banjir, pusing keliling dan stadium baharu yang saya percaya mempunyai objektif yang berlainan.

Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri

Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola akan menyentuh Tajuk 1022. Sebenarnya sejumlah $172,234,000.00 telah diperuntukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN10) melalui Majlis Penyelidikan *(Brunei Research Council)* bagi membaiki pelaksanaan Projek Penyelidikan di bawah Sains dan Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi.

Sebanyak 52 Projek Penyelidikan telah diluluskan. 36 daripada Universiti Brunei Darussalam, 6 daripada Institut Teknologi Brunei, 4 dari *Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS)* dan 4 daripada *Innovative Technology And* Creative *Industries Division (ITCI)*, Jabatan Tenaga dan Perindustrian di bawah *Brunei Research Incentive Schemes (BRICS).* 1 daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan *(MPRT).* 1 daripada Jabatan Tenaga dan Perindustrian.

Setakat ini 16 projek telah dilaksanakan. Peruntukan asal yang telah dikhaskan untuk melaksanakan 52 projek berjumlah $121,924,938.26. Dari jumlah tersebut sebanyak $50,573,040.29 telah dibelanjakan iaitu 40.13 peratus. Dalam usaha menarik pelabur-pelabur asing untuk membuat penyelidikan dan pembangunan.

Satu skim *Brunei Research Incentive Scheme (BRICS)* telah diperkenalkan dan segmen ini diperuntukkan sebanyak $50 juta. Skim ini bertujuan mempercepatkan pembangunan industri-industri baharu terutama sekali industri berteknologi tinggi. Sebanyak 4 syarikat Australia, China, Jepun dan Malaysia telah pun menjalankan projek penyelidikan mereka di negara ini. Sejak penubuhan *Brunei Research Incentive Scheme (BRICS)* tahun 2009, Projek Penyelidikan, *Brunei Research Incentive Scheme (BRICS)* telah menghasilkan 61 *pattern* yang telah difailkan di dalam dan luar negara seperti Singapura, Malaysia dan Amerika Syarikat yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan. Pada masa ini sebanyak 8 *pattern* telah diluluskan di Negara Brunei Darussalam, Singapura dan Amerika Syarikat.

Sebagai usaha untuk meningkatkan taraf profil di peringkat antarabangsa kerjasama penyelidikan dan *memorandum of understanding* (*MoU*) bersama institusi bertaraf dunia dan syarikat antarabangsa yang ternama seperti *Pixler, senjnik, IBM* dan *National Research Foundation of Korea* telah dibuat dan ditandatangani.

Dari segi penerbitan beberapa Projek Penyelidikan, *Brunei Research Incentive Scheme (BRICS)* telah berjaya menghasilkan sebanyak 170 penerbitan.

Dari segi pembangunan kapasiti tenaga tempatan seramai 239 anak tempatan

telah diberi latihan dan peluang pekerjaan dalam bidang sains dan teknologi secara berkontrak. Selain itu melalui Projek Penyelidikan *Brunei Research Incentive Scheme (BRICS)* 21 anak tempatan telah diberikan tawaran untuk melanjutkan pengajian mereka di institusi-institusi pengajian tinggi dan tempatan.

Kesimpulannya yang tidak ada *research* fokus di Brunei ini yang tidak dibuat secara bersepadu tidak betul jua, Yang Berhormat Pengerusi. *Brunei Research Incentive Scheme (BRICS)* adalah satu organisasi yang sentiasa memantau tentang kejayaan projek Penyelidikan di Brunei ini. *Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS)* untuk *communication* berjumlah $10 juta saya serahkan kepada rakan sejawatan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلْحَمْدُ لله kaola bagi pihak warga Kementerian Perhubungan menjunjung kasih setinggi-tingginya atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memberikan anggaran belanjawan bagi tujuan pembangunan dan inovasi yang dikhususkan untuk Sistem Pengangkutan Awam dengan harga rancangan sebanyak $30 juta dan diperuntukkan pada tahun ini sebanyak $10 juta.

Perkara seperti ini yang telah diterangkan pagi tadi dan pada hari Khamis dalam mukadimah kaola. Saya harap tujuan yang dirancangkan, cara pengunaan peruntukan ini sudah pun jelas dan kaola tidak akan menerangkan lagi apa yang dimaksudkan dalam pengunaan pengangkutan awam ini. Mencukupi untuk menekankan bahawa peruntukan ini akan digunakan bagi tujuan untuk meningkatkan Sistem Pengangkutan Awam khususnya bagi bas awam dan teksi. Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanyalah meluruskan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih atas komennya. Cuma yang kaola nyatakan tadi 67 peratus itu sehingga 15 Mac 2016 yang sudah siap. Pada waktu ini 106 projek sedang dalam pelaksanaan, jadi ia akan mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus akan siap dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN10) ini sehingga tahun kewangan yang terakhir ini nanti. Sekian, Terima Kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

1. Kaola merujuk belanjawan Jabatan Pertanian di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Tajuk 1001 - Jabatan Pertanian hanya mendapat peruntukan berjumlah $475,000,000.00 Walaupun kita dituntut berbelanja secara berhemah namun peruntukan yang tidak mencapai $1 juta.

   Soalan kaola:-

   i. Adakah ia menepati wawasan dan visi kementerian menjadikan negara ini mampu menyara diri melalui pengeluaran beras, buah-buahan dan sayur-sayuran?

      Industri pertanian merupakan salah satu matlamat negara bagi memenuhi keperluan negara untuk menjadi *food security* yang mampu menghasilkan produk yang berdaya tahan dan bercita-cita untuk menjadikan eksport negara; dan

   ii. Adakah dengan peruntukan sebanyak $475,000,000.00 mencukupi bagi memenuhi keperluan menyediakan infrastruktur seperti menambah kapasiti bekalan air ke ladang-ladang padi di kawasan Wasan, Pengkalan Batu, Junjungan dan Bebuloh itu bagi Daerah Brunei Muara belum lagi mengambil daerah lain seperti Lot Sengkuang Daerah Belait, Lekiun Daerah Temburong dan Kampung Rambai di Daerah Tutong?

      Ini belum lagi mengambil kira keperluan baja, racun-racun rumput dan pembelian mesin serta membayar hasil padi dari pengusaha-pengusaha. Yang Berhormat Pengerusi. Kalau ini menjadi sukat-sukat bagi memenuhi target sasaran dan harapan yang digariskan dalam pembentangan peruntukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan agak sukar untuk dicapai. Adalah dicadangkan supaya peruntukan ini akan dapat dikaji semula supaya bersesuaian dengan keperluan dan matlamat bagi meningkatkan produktiviti bagi menepati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan ekonomi negara melalui sektor pertanian;

2. Skim perumahan memang mendapat *demand* yang tinggi daripada penduduk di Negara Brunei Darussalam. Setiap orang memerlukan tempat tinggal yang selesa dan kondusif. Dengan bertambahnya bilangan rumah yang telah dibina melalui Skim Perumahan Negara menjadikan ia sudah berubah. Perubahan yang dimaksudkan ialah dari segi *design*, saiz dan fizikalnya serta keluasan

tanah berbanding dengan skim perumahan negara yang terdahulu dengan keluasan tanah, besar bangunan, kedudukannya berasingan dan seumpamanya.

Pada masa ini ada beberapa jenis rumah yang telah disediakan berdasarkan kemampuan dan keupayaan pelanggan. Besar, kecil dan luas tanahnya bukanlah menjadi persoalan yang besar. Cuma sahaja yang menjadi sungutan yang banyak didengar dalam kalangan pemilik rumah kembar atau teres ialah banyak terdapat keretakan struktur bangunan, air melimpah masuk ke rumah, bocor di dinding rumah dan air keluar daripada lantai dan sebagainya.

Dicadangkan agar semua pemaju perumahan akan mengambil perhatian bagi memenuhi *KPI* Jabatan Perumahan bagi memberi perkhidmatan yang berkualiti; dan

3. Pemantauan bagi produk ubat-ubatan, kosmetik kecantikan dan sebagainya yang diimport atau didatangkan dari negara luar. Cadangan supaya apa juga produk yang diimport dari luar akan sentiasa dipantau sebelum dikeluarkan ke kedai ataupun premis perniagaan akan kesesuaian dan keburukannya. Soalan kaola adakah pihak kementerian mempunyai makmal khas bagi mengetahui apa juga produk sama ada dalam dan luar negeri yang masuk ke negara kita.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat kita bercakap dengan Tajuk apa sekarang ini?

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Tajuk Kemajuan tapi belum pernah dicakapkan mengenai perkara ini iaitu mengenai dengan makmal.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk bilangan berapa Yang Berhormat supaya kita senang melihat. Kalau kita tidak spesifik kita sudah membincangkan belanjawan kementerian-kementerian secara terperinci. Sekarang kita melihat dari segi Rancangan Kemajuan.

Dalam Rancangan Kemajuan mempunyai tajuk-tajuk Perbelanjaan secara spesifik. Saya berharap sekiranya Ahli Yang Berhormat menentukan secara spesifik manakah Tajuk yang ditanyakan itu.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Tajuk 1015 - Perubatan dan Kesihatan Yang Berhormat Pengerusi. Kalau diizinkan kaola meneruskannya.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya sekali lagi bertanya Yang Berhormat Tajuk 1015 - Perubatan dan Kesihatan tetapi dalam Tajuk 1015 - Perubatan dan Kesihatan itu apakah Sub Tajuk yang dituju ini.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Tajuk 1015 - Perubatan dan Kesihatan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya minta supaya kita tidak mengulangi lagi perbincangan yang dahulu mengenai aduan orang ramai dan seumpamanya. Kita sekarang bercakap mengenai Rancangan Kemajuan yang mempunyai Tajuk secara spesifik.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Barangkali kaola hanya melihat keseluruhan iaitu terdapat keretakan bangunan tadi sudah.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Kita juga bercakap mengenai kenyataan itu. Bukan Ahli Yang Berhormat sendiri sahaja yang tahu kenyataan itu. Jadi saya minta Ahli Yang Berhormat untuk menunjukkan kepada kita sekarang Sub Tajuk yang mana di sebut oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Baiklah Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tidak akan meneruskan soalan itu dan setakat ini sahaja yang kaola sampaikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada respons daripada Ahli yang Berhormat dari sebelah sana, silakan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Tadi ada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim berkenaan dengan peruntukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam bidang Pertanian yang berjumlah $300,000.00 lebih.

Soalannya adakah mencukupi untuk kita melaksanakan perancangan untuk memastikan keupayaan kita untuk mengeluarkan padi sampai sara diri. Sebenarnya anggaran perbelanjaan yang besar tidak banyak dalam RKN tetapi diletakkan pada Perbelanjaan Khas malah berjumlah $5,390,000.00 iaitu untuk kerja seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi untuk pembangunan infrastruktur, parit, pengaliran, pemulihan, import pertanian, jentera, mesin dan juga diperlukan untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran padi.

Skim pembelian semula hasil padi pun termasuk dalam Tajuk berkenaan dan juga meningkatkan infrastruktur dan kemudahan *equipment* diberikan kepada kawasan pertanian bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil-hasil pertanian. Jadi, yang diletakkan di bawah RKN10 itu ialah untuk jangka masa yang lebih panjang dan bukan *urgent* sebab itu ia jumlahnya tidak besar. Tetapi, yang paling *urgent* adalah untuk membeli balik padi daripada orang ramai diletakkan pada masa ini di bawah Perbelanjaan Khas Tahunan. Demikian sahaja jawapan kaola, Yang Berhormat Pehin. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola

hanya akan menambah saja. Memang benar Peruntukan bagi 2016/2017, $450,000, cuma kalau kita melihat 4 tahun yang lepas, kerajaan sudah berbelanja bagi sektor pertanian dalam RKN10 sudah $23 juta. Kebanyakan projek itu sudah banyak yang siap.

Dalam *list* yang ada di depan kaola ini, banyak projek itu yang siap dan sebagaimana jua yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tadi, semenjak 3 tahun yang lepas banyak sudah di*allocate* ataupun diperuntukkan dalam *Special Expenditure*. Misalannya dalam tahun 2012, B$20 juta untuk padi, selepas itu dikurangkan kepada B$15 juta dan B$10 juta. Memang tiap-tiap tahun kita membelanjakan untuk pertanian ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Barangkali Yang Berhormat Menteri Pembangunan suka untuk menjawab mengenai rumah retak ini tadi. Silakan, Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai pelaksanaan Skim Perumahan, Yang Berhormat Pengerusi, pada peringkat ini kita mengumpul pengalaman jua. Oleh sebab *queue* yang menunggu untuk mendapatkan rumah melalui RPN dan STKRJ terlalu banyak, kita telah cuba melaksanakan pembinaan rumah ini secepat mungkin. Projek yang telah dilaksanakan itu sebanyak 2,000 buah ke 4,000 buah. Agensi-agensi yang dibabitkan termasuk juga *BEDB*. Barangkali dalam kita cuba mempercepatkan membuatnya dengan banyak dan cuba jua mencapai kualiti, ada perkara yang tidak tercapai. Barangkali itu juga antara penyebabnya, Yang Berhormat Pengerusi.

Mengikut *term contract* pembinaan ini memang ada *liability period* untuk mereka membaiki rumah itu. Jika dikenal pasti rumah itu retak atau bocor, memanglah diperbaiki dulu sebelum diserahkan kepada penerima-penerima. Barangkali ada juga sekali-sekala kesnya sudah diterima dan didiami, adanya retak itu dikira kes *unfortunate*. Seboleh-bolehnya akan cuba dibaiki selepas itu dan dianggap *exceptional cases*. Itu saja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Di dalam Dewan yang mulia ini kita pun membincangkan selama lebih kurang 2 minggu untuk peruntukan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Kaola rasa langkah-langkah bagi melaksanakan peruntukan dan dasar-dasar bagi setiap kementerian perlulah dilaksanakan dengan jujur, amanah dan

menjurus kepada kepentingan rakyat dan Negara Brunei Darussalam.

Beralih kepada Peruntukan Rancangan Kemajuan bagi Tahun Kewangan 2016/2017, kaola difahamkan bahawa jumlah peruntukan yang diberikan adalah sebanyak $700 juta pada tahun 2016. Jika dibandingkan dengan tahun 2015, jumlah sebelumnya adalah $1.0 bilion. Walau bagaimanapun, pada pandangan kaola, jumlah sebanyak $700 juta ini satu jumlah yang realistik. Ini memandangkan kepada keadaan masalah ekonomi telah melanda seluruh dunia, termasuklah Negara Brunei Darussalam. Jumlah ini satu inisiatif kerajaan yang sangat positif kerana ia masih menumpukan kepada perbelanjaan ataupun *spending* yang diperlukan dan memilih projek kerajaan yang penting yang menjurus kepada meningkatkan taraf kehidupan *(quality of life)* rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Kaola selaku ahli perniagaan di *private sector* berasa bahawa jumlah $700 juta ini satu jumlah yang realistik kerana memandangkan keupayaan *private sectors* untuk menyerap atau *absorb* jumlah tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, apakah pertanyaannya?

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Maksud kaola, Yang Berhormat Pengerusi, peruntukan sebanyak $700 juta ini mencukupi untuk belanja kerajaan.

Yang Berhormat Pengerusi: Jadi, Ahli Yang Berhormat memberikan pandangan?

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Ya, $700 juta ini adalah jumlah peruntukan yang realistik (untuk membenarkan *private sector* tidak dapat *absorb* jumlah tersebut). Dengan cara ini *private sector* akan dapat mengendalikan projek-projek yang disenaraikan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN10) dan lebih *cost saving* dan efektif. Kaola melihat ini peluang yang baik bagi kerajaan dan pihak swasta berganding bahu, bekerja sama dalam sama-sama mencapai objektif kita ini. Sekian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat tadi telah menyatakan bahawa perbelanjaan yang diperuntukkan bagi Kemajuan tahun ini lebih realistik daripada tahun yang sudah-sudah?

Yang Berhormat, *can you use your microphone. I am hard of hearing you myself.*

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Kaola *as a businessman minded*, masa ini *the economy is not so good*. *I think that the* peruntukan $700 *million is sufficient on the business*

mind of thinking. *Thank you*, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas dukungan dan *understanding* Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin mengenai bajet yang ada kita sediakan ini satu bajet yang realistik. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan 2016/2017, Kaola akan membawa persoalan kepada 4 sektor secara khusus mengikut gelaran projek. Sebelum itu kaola merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara 2016/2017 sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola akan mengemukakan Sektor 1001, (muka surat 4) Gelaran Pertanian 012. Pembangunan Industri Buah-buahan yang mempunyai peruntukan 2015/2016 berjumlah 67 ribu tetapi berkurang pada 2016/2017 berjumlah 40 ribu sahaja.

Kaola ingin tahu:-

i. Apakah perkembangan pembangunan industri buah-buahan ini. Adakah belanjawan ini termasuk juga kajian dan percubaan pembenihan buah tempatan seperti. Buah sibut atau sabal, serapit, santol, menunggan, pinanasan, keranji, kawang, sulang dan lain-lain seperti yang pernah diusulkan pada Mesyuarat Negara yang lalu.

   Ini dengan tujuan pembenihan supaya mengelakkan buah-buahan tersebut pupus yang sudahpun jarang sudah didapati;

ii. Sektor 1004 Kemajuan Perusahaan, Ceraian 019. Pusat Penyelidikan Herba Traditional di Kampung Sinaut, Tutong yang mempunyai peruntukan 2016/2017 berjumlah $384,600.00. Dari jumlah peruntukan ini kaola ingin tahu apakah kemajuan herba yang sudah dan boleh diangkat untuk menjadi produk eksport?;

iii. Sektor 1007 Gelaran Jalan Raya - Ceraian 009. Jejambat di Persimpangan Lebuh Raya Ceraian 003 Persimpangan Lebuh Raya Tutong - Telisai dan Jalan Perumahan Bukit Beruang yang

mempunyai peruntukan 2016/2017 berjumlah $1,565,000 sahaja;

Apakah peruntukan ini boleh dimasukkan sebahagiannya digunakan untuk melebarkan jalan susur keluar dari Jejambat Bukit Beruang menuju ke Telisai yang sempit dan pendek yang jauhnya lebih kurang 50 meter sahaja? Tujuannya untuk mengelakkan kemalangan pelanggaran dari belakang kerana kenderaan yang akan melalui dari jalan susur keluar ini sebahagian badan kenderaan terkeluar dari garis putih di tepi lebuh raya utama yang dilalui oleh kenderaan yang banyak dan Tutong. Dari sebelah kiri jalan susur keluar ini adalah pagar keselamatan yang memang kenderaan tidak boleh menepi ke kiri kerana sempit;

iv. Sektor 1021, Gelaran Hal Ehwal Ugama - Ceraian 005 Masjid Baharu Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Telisai yang mempunyai baki peruntukan RKN 10 berjumlah $9,182,726.00 dan pada tahun 2016/2017 tidak ada peruntukan. Kaola ingin tahu adakah projek pembinaan ini diteruskan?; dan

v. Sektor 1016, Gelaran Kebersihan - Ceraian 015. Kampung Telisai. Dengan Peruntukan 2016/2017 berjumlah $641,000.00.

Adakah peruntukan ini termasuk untuk membina tapak pembuangan sampah Kampung Telisai iaitu bagi menggantikan tapak sampah yang berpindah dari Gerai Telisai ke tapak baharu? Untuk makluman tapak cadangan pengganti ini telah abis kaola lawat bersama pihak berkenaan untuk kepastian dan ia sesuai untuk mendapat kelulusan. Kaola dimaklumkan oleh pihak berkenaan tidak ada halangan untuk menggunakan kawasan ini untuk membina tempat pembuangan sampah yang baharu. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada beberapa soalan daripada Ahli Yang Berhormat yang perlu jawapan daripada Menteri-Menteri yang berkenaan. Silakan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga pada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas beberapa soalan berkenaan dengan berkait yang kementerian kaola:-

Tajuk 1001 - Pertanian, Ceraian 102 berkenaan Industri Buah-buahan yang ada Peruntukan $40,000.00. Seperti juga Tajuknya, adalah bagi Perkhidmatan *Site Staff Fruit Physiologist.* Ertinya ia adalah Peruntukan Perkhidmatan *Site Staff* bagi perkhidmatan kerja-kerja Penyelidikan *Sociology* dan *Agronomy*. Penyelidikan terhadap tumbuhan dan bunga-bungaan dan pembentukan buah

termasuk kawalan mutu dan hasil. Sebenarnya masa ini tujuannya cuma untuk sebagai kajian sahaja; dan

Tajuk 1004 - Kemajuan Perusahaan - Ceraian 019 juga berkenaan dengan Pusat Penyelidikan Herba Traditional di Kampung Sinaut, Tutong berjumlah $384,600.00.

Ini adalah untuk melaksanakan aktiviti *RND* terhadap herba yang berpotensi untuk kegunaan perubatan tradisional dan makanan tambahan ataupun *food supplement*. Strategi untuk buah-buahan ataupun herba ini masih lagi dalam penelitian dan penilaian kementerian pada masa ini. Seperti dimaklumkan lebih awal, kita *more* fokus kepada aktiviti *high productivity* yang boleh menjana kepada eksport.

Masa ini kajian masih lagi dibuat dan *infact* masa ini di kawasan *Agro-Tech Park* itu ada 40 hektar akan ditender atau di *RAP* pada orang ramai untuk membuat *proposal* berkenaan apakah tanaman buah-buahan yang boleh mereka usahakan dan boleh menjana kepada penambahan penghasilan ataupun pengeluaran dan kalau boleh untuk eksport.

Walau bagaimanapun, Tajuk kedua-dua ini untuk penyelidikan sahaja pada masa ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menjawab soalan mengenai soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit berhubung dengan peruntukan sebanyak $1.56 juta bagi Tajuk 1007 - Ceraian 009 - Sub Ceraian 003 - Persimpangan Lebuh Raya Tutong - Telisai/Jalan Perumahan Bukit Beruang.

Pertanyaan Yang Berhormat sama ada dapat digunakan peruntukan ini untuk tujuan menambah baik jalan susur keluar Telisai. Kaola baru sahaja difahamkan oleh Yang Mulia Pengarah Jabatan Jalan Raya bahawa jumlah yang disediakan ini ialah tujuannya *retention money* yang masih lagi dipegang buat masa ini. Dan perlu akan di*release* setelah tamatnya *defect liberity period* nanti. Jadi ada peruntukan khususnya. Usul-usulnya payah duit itu di*release* untuk tujuan lain. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Nampaknya ada barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat ada kekeliruan mengenai skim *value* dan belanjawan yang diperuntukkan setiap tahun. Baki yang ditinggalkan itu mungkin ada yang salah faham mengenainya. Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Projek di Telisai ini, untuk pengetahuan Dewan sama juga dengan projek yang lain yang ditangguhkan.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya teruskan dengan menjemput Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengutarakan 2 Tajuk sahaja dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara dari April 2016 hingga Mac 2017 iaitu dalam sektor:-

1. Tajuk 1018 - Kemudahan Awam dan Alam Sekitar, muka surat 43 iaitu Menaik Taraf Terminal Bas dan Teksi Seria yang bernilai $1 juta. Tiada sebarang aktiviti yang akan dijalankan pada Belanjawan Tahun 2016/2017; dan

2. Tajuk 1021 - Masjid Baharu Rancangan Perumahan Negara Lumut (muka surat 56) yang berjumlah $15 juta. Setakat ini ia hanya dibelanjakan dalam $8,400 dalam peruntukan bagi Tahun 2016/2017, tiada menunjukkan sebarang aktiviti. Kaola memohon penjelasan dari kementerian yang berkenaan iaitu adakah kedua-dua projek ini tidak akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2016/2017 yang mungkin disebabkan keadaan kewangan kerajaan ketika ini tidak begitu mengizinkan ataupun dalam erti kata yang lain projek tersebut ditangguhkan?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Beberapa projek RKN 10 untuk dilanjutkan bagi tahun hadapan ini nampaknya tidak ada bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama. Ada yang ditangguhkan, termasuklah juga di Daerah Belait sebagaimana yang disebutkan tadi iaitu Masjid Lumut. Kalau spesifiknya dapat dikatakan ia ditangguhkan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai Tajuk 1018 - Menaik Taraf Terminal Bas dan Teksi Seria. Apa yang kaola perhatikan bahawa projek tersebut tidak ada peruntukan, bukan hanya bagi tahun 2016/2017 malahan juga pada tahun 2015/2016 dan ternyata perkara ini telah dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Negara pada musim yang lalu dan tidak ada peruntukan disediakan bagi tujuan ini.

Walau bagaimanapun, perkara ini seperti yang kaola terangkan tadi pagi mengenai Pembinaan Terminal Bas, konsep yang kita mahukan supaya terminal bas itu biar menjadi *passenger terminal* bukannya dikhususkan untuk menempatkan bas. Ia hendaklah digunakan untuk kemudahan pengguna-pengguna bas dan digunakan untuk berehat, membeli tiket dan menunggu ketibaan bas. Projek ini nanti

akan dimasukkan dalam rancangan Peningkatan Pengangkutan Awam sebanyak $10 juta. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada lagi yang mahu menjawab? Kalau tidak saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلسَّلَامُ عَلٰى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدٰى Sebelum saya meneruskan, setelah saya melihat Anggaran Perbelanjaan Kemajuan, beberapa Tajuk, saya hanya ingin berkongsi beberapa pandangan sekiranya dibenarkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

1. Dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara dalam Sektor Pendidikan beberapa peruntukan kewangan telah diperuntukkan untuk peningkatan Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional.

   Sebagaimana kita maklum jua, pelbagai program dan modul kursus teknikal dan vokasional telah ditawarkan dengan lebih terancang dan tersusun dan ini telah menarik minat pelajar-pelajar kita yang bukan sahaja bagi pelajar yang mendapat kurang daripada 5 kredit *'O' Level,* malah yang mencapai lebih daripada 5 kredit '*O' Level* pun ada yang lebih berminat untuk memilih bidang-bidang yang ditawarkan oleh institusi pendidikan teknikal dan vokasional ini berbanding memasuki pusat Tingkatan Enam. Saya ucapkan syabas dan tahniah atas usaha gigih pihak yang berkenaan.

   Berkaitan dengan pusat teknikal dan vokasional ini saya tertarik dengan pencapaian yang dibuat oleh sebuah negara jiran yang berjaya menubuhkan atau mengadakan sebuah Sekolah Pendidikan Vokasional Pendidikan Khas iaitu bagi Tingkatan 4 dan 5. Sebagai satu usaha bagi membantu dan melatih pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik yang mempunyai keistimewaan masing-masing untuk maju dalam bidang vokasional untuk masa depan mereka.

   Sejak ditubuhkan dalam tahun 80-an dengan keramaian penuntut hanya 100 lebih orang. Sekolah ini telah banyak mencapai kejayaan dalam berbagai-bagai bidang kemahiran termasuk bidang *IT* dan keusahawanan dan lain-lainnya. Saya berpendapat, di samping kita sudah mempunyai pusat-pusat khas bagi Orang-Orang Berkeperluan Khas di negara ini adakah Kementerian Pendidikan juga mahu mengadakan sebuah Sekolah Pendidikan Vokasional Pendidikan Khas dalam pelbagai modul kursus dan latihan yang bersesuaian bagi Orang Yang Berkeperluan Khas ini ditempatkan dalam satu bumbung pendidikan vokasional semata-mata untuk melihat masa depan orang-

orang istimewa dan berkeperluan khas ini lebih terjamin.

Ia bukan sahaja melatih bidang kemahiran malahan memberi ruang dan peluang untuk bidang keusahawanan dan pekerjaan bagi mereka; dan

2. Tajuk 1005 - Perdagangan dan Kemajuan Usahawan, Sub Tajuk - 1005 iaitu Program Promosi Produk Tempatan bagi Tahun Kewangan 2016/2017. Nampaknya tidak ada peruntukan yang untuk Program Promosi Produk Tempatan. Namun pada pandangan saya Promosi Produk Tempatan ini masih perlu dipergiatkan lagi terutama di dalam negara. Kita melihat produk tempatan khususnya dalam projek Satu Kampung Satu Produk semakin berkembang maju, meskipun masih dalam kuantiti yang terhad.

   Perkara ini pernah disentuh semasa sesi muzakarah bersama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini. Yang terlibat dengan Satu Kampung Satu Produk ini, kebanyakannya terdiri daripada kaum wanita iaitu suri-suri rumah tangga yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan tertentu. Dengan adanya Projek Satu Kampung Satu Produk ini telah memberi peluang kepada kaum wanita untuk menambah pendapatan dan meningkatkan ekonomi keluarga.

   Saya rasa optimis untuk projek seperti ini diteruskan dengan lebih giat lagi umpamanya memikirkan tempat khusus untuk mereka ini memasarkan dan menjual hasil produk mereka dengan lebih menarik dan bermutu tinggi. Sebagai contoh kita ada sebuah bangunan yang dikenali sebagai Bangunan Parking Bertingkat iaitu di kawasan Bandar Seri Begawan. Kalau tidak silap saya ia dibina untuk orang tempatan kitani berniaga, tetapi pada masa ini nampaknya tidak lagi banyak dikunjungi oleh orang ramai.

   Pada pandangan saya, eloklah tempat seperti ini dihidupkan semula dengan tujuan asalnya untuk orang kita berniaga. Terutama peniaga wanita tempatan yang terlibat dengan Satu Kampung Satu Produk ini, kerana mereka ini tidak ada tempat khusus dan tempat untuk menjual produk mereka. Kalau sekiranya bangunan ini difikirkan bersesuaian, mestilah dibuat sedikit pengubahsuaian iaitu:-

   1. Disegarkan suasana persekitaran;

   2. Diberi sentuhan konsep yang lebih moden;

   3. Kemudahan laluan orang ramai untuk ke sana; dan

   4. Banyakkan promosi dan pengiklanan dan yang paling mustahak ada pihak yang benar-benar memeduli perjalanan program ini ataupun projek ini di peringkat kebangsaan dan *Darussalam Enterprise* dikenali sebagai *DARe*, selayaknya dilibatkan

secara langsung supaya badan ini bukan sahaja indah pada nama tetapi indah lagi pada pencapaian dan kemajuannya sesuai dengan tujuan badan ini ditubuhkan iaitu untuk membantu Perusahaan Kecil dan *sederhana (SME)* untuk berkembang maju bukan hanya di peringkat dalam negara, serantau malah antarabangsa.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, atas saranan yang telah dikemukakan mengenai keperluan pelajar-pelajar dalam kategori berkeperluan khas ini. Sebenarnya kita di Kementerian Pendidikan sentiasa meneliti keperluan pelajar-pelajar dalam Pendidikan Khas ini. Sebab itulah kita telah pun mengadakan berbagai-bagai program bagi membantu mereka ini iaitu:-

1. Melalui sistem pendidikan yang inklusif; dan

2. Dengan menyediakan prasarana yang cukup yang dapat menangani isu keperluan mereka dan juga dengan pembekalan guru-guru yang pakar dalam bidang-bidang mereka ini.

Dari cadangan Yang Berhormat tadi, memanglah kita belum ada cadangan yang sedemikian. Walau bagaimanapun, kita telah pun meneliti kemudahan yang telah diberikan dan memanglah dari semasa ke semasa kita akan sentiasa menaik taraf pemberian kemudahan yang telah pun kita berikan. Tidaklah satu perkara yang kita tolak, kemungkinan pada satu masa nanti kita juga akan meneliti sejauh mana Sekolah Vokasional Khas bagi mereka ini sesuai untuk diadakan ataupun tidak. إِنْ شَاءَ اللّٰهُ jika perkara itu akan ada keperluannya akan diadakan seperti jua saranan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ Berbalik kepada soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, tentang Program Produk Tempatan. Sebenarnya perkara ini memang sedang dilaksanakan untuk menolong mempromosikan dan memasarkan produk Satu Kampung Satu Produk ini. Masa ini sedang dijalankan bersama Bahagian Koperasi dan Industri Kotej, di Jabatan Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri dan untuk sama-sama bekerjasama dalam memasarkan produk

tersebut melalui koperasi yang ada pada masa ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Datin supaya *DARe* ini, jangan indah daripada segi nama sahaja, إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan berbaik sangka, kaola akan memastikan *DARe* ini akan menyediakan program untuk membangun perusahaan tempatan sehingga mereka dapat menembusi pasaran antarabangsa. Mengenai Satu Produk Satu Kampung ini, perbincangan telah pun dibuat dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ program ini, malah program yang dijalankan oleh *DARe* pada saat ini pun sedang berjalan. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pendidikan mahu menambah lagi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuma ingin menambah sedikit Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai cadangan Sekolah Kemahiran Khas ini. Memang perkara ini sudah dibincangkan dan cadangan site sudah pun dibuat hanya setelah dikumpul maklumat kos dan sebagainya. Didapati kosnya terlalu tinggi pada masa ini, jadi perkara itu kita tangguh dulu dan kita cari usaha lain bagaimana kita mengadakan Sekolah Kemahiran ini dengan kos yang *affordable* bagi kita. Perkara itu, seperti mana jua yang telah pun kaola nyatakan tadi, memang sudah ada dalam perundingan hanya cuma belum dapat dilaksanakan oleh sebab kos yang terlalu tinggi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada tertinggal satu soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, iaitu berhubung dengan Tajuk 1016 - Kebersihan. Tajuk ini sebenarnya Skim Pembetungan Kampung Telisai. Tujuannya khusus untuk *sewerage pipe* dan *pump station*. Yang Berhormat tadi mencadangkan peruntukan ini digunakan untuk tempat pembuangan sampah baharu di Telisai. Tempat pembuangan itu sudah juga ada dalam pertimbangan pada masa ini, tapi bukan Tajuk RKN 10. Ia di bawah Tajuk jabatan sahaja. Pada peringkat ini, sedang diteliti kesesuaian tapaknya. Nanti setelah didapati bersesuaian barangkali difikirkan keutamaannya berbanding dengan keutamaan yang lain. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ingin menambah penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Terkaduhung (kebetulan) Yang

Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, menimbulkan mengenai Satu Kampung Satu Produk.

Sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri ada perundingan di antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan *DARe* bagi meningkatkan Satu Kampung Satu Produk dan walaupun bagi Satu Kampung Satu Produk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa tidak ada dalam Rancangan Kemajuan Negara.

Dalam Bajet Anggaran Perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diperuntukkan $400 ribu bagi Satu Kampung Satu Produk dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sekarang ini sedang meneliti cadangan bagi pemasaran bagaimana cara untuk membantu Satu Kampung Satu Produk memasarkan hasil produk mereka.

Bangunan yang disebutkan tadi Bangunan *Letak Kereta* Bertingkat adalah termasuk dalam satu pembangunan yang akan dilaksanakan dan akan di dalam rancangan Bandar Seri Begawan *Master Plan* iaitu di*retain* 12 buah kedai di Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien dengan 2 blok bangunan di belakangnya. Oleh itu, ada sudah perancangan untuk memajukan (*develop*) kedua-dua buah bangunan berkenaan bagi tujuan tertentu. Sekian saja yang dapat kaola maklumkan, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dulu bagi membolehkan kita balik ke Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya tangguhkan Mesyuarat ini selama 15 minit dan kita akan menyambung Mesyuarat kita sebentar tadi, nanti.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan kita bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya, saya tangguhkan dulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya dan kita masih menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Bersama saya di sini, masih terdapat beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk turut serta dalam perbincangan mengenai belanjawan bagi Tajuk Kemajuan.

Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) atas mukadimah yang telah disampaikan sebentar tadi. Kaola menyokong Peruntukan Kemajuan sebanyak $700 juta bagi perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara Tahun Kewangan 2016/2017.

Soalan kaola:-

1. Tajuk 1007 - Jalan Raya, Ceraian 016 – Pembinaan Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency:-

   i. Berapa peratuskah projek ini sudah dilaksanakan?; dan

   ii. Bilakah projek ini dijangka siap sepenuhnya?

2. Tajuk 1016 - Kebersihan, Ceraian 002 - Skim Pembetungan, Ceraian 001 - Kampung Berangan, Kianggeh dan Subok. Projek ini diberikan peruntukan sebanyak $5.8 juta. Kaola ingin mengetahui:-

   i. Bilakah projek ini dijalankan?; dan

   ii. Bagaimana perkembangannya setakat ini?

3. Tajuk 1018 - Kemudahan Awam dan Alam Sekitar, Ceraian 009 - Pembinaan Terminal Bas, Ceraian 001 - Muara. Projek ini diberikan peruntukan sebanyak $2.2 juta. Kaola ingin mengetahui perkembangan projek ini dan bilakah dijangka siap?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah Ahli Yang Berhormat bersedia untuk menjawab soalan-soalan itu, secara *detail* barangkali. Pihak Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Berhubung dengan bas terminal di Muara, sukacita kaola ingin memaklumkan kepada Yang

Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim bahawa projek tersebut telah pun siap dan akan mula beroperasi dalam sedikit masa lagi, إِنْ شَاءَ اللَّهُ Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola belum ada *detail* mengenai projek Jalan Penghubung dari Jalan Residency, *in terms of percentage*. Projek berkenaan dijangka siap pada tahun 2018. *Percentage so far*, belum ada dan kaola akan balik nanti untuk menerangkannya.

Yang Berhormat Pengerusi: Sementara menunggu *detail* itu, saya kira ada baiknya kita beralih kepada soalan lain. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola menyentuh muka surat 55, Tajuk 1021 - Hal Ehwal Ugama, Ceraian 001 - Tambahan Masjid Kampung Keriam. Dalam anggaran tersebut ada tercatat baki pembinaan Masjid Kampung Keriam iaitu $352,706.00.

Dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) tadi, bahawa tahun akhir ialah pada 15/16. Kaola ingin bertanya:-

1. Adakah baki ini boleh digunakan untuk menyiapkan masjid yang telah pun siap dibina tetapi belum keseluruhannya? Umpamanya di ruang makan ataupun ruang jamuan, masih belum ada pagar dan dinding. Apabila hari hujan, kadangkalanya ada anjing masuk ke dalam kawasan itu. Oleh itu, untuk membina pagar dan dinding ini saya kira $352,706.00 ini mencukupi jika sekiranya ada peruntukan atau dibolehkan atau dilanjutkan projek 2016/2017.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Kalau salah-salah ada yang tidak dibayar ni.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: *Retention*nya kalau nanti akan kaola periksa lebih lanjut lagi apakah keperluan wang ini untuk *retention* atau apa selebihnya lagi. Kalau pun selebihnya berbaki daripada projek termasuk sudah dibayar *retention* dan sebagainya nanti abis kaola berunding dengan pihak Kementerian Kewangan. Memang ada keperluan, kaola sampai ke masjid didapati keperluan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking tadi dan kaola menyatakan penghargaan atas perkara yang dikemukakan. Nanti abis kaola melihat

sebenar-benarnya Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ . Tajuk 1001 - Pertanian, Sub Tajuk 022 - Pembangunan Semula Stesen Pertanian. Peruntukan RKN10 sebanyak $450,000.00 manakala peruntukan 2016/2017 $0. Dalam tahun 60-an hingga tahun 80-an peranan stesen-stesen pertanian adalah sebagai pemangkin petani di kampung-kampung. Boleh dikatakan ketika itu pertanian di kampung-kampung adalah maju.

Saya rasa patut stesen pertanian ini diaktifkan semula terutama Unit Perkembangan ini dihasratkan untuk menjana perekonomian selain minyak dan gas. Soalannya adakah rancangan Jabatan Pertanian untuk memajukan pertanian di kampung-kampung misalnya tanaman yang sudah langka (jarang-jarang ada) seperti nenas, sekoi, limau manis dan lain-lain? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai soalan berkenaan dengan Tajuk 1001-022 Pembangunan Semula Stesen-Stesen Peruntukkannya kosong bagi tahun 2016/2017 samalah 2015/2016 pun kosong juga.

Walaupun kosong, objektif kementerian di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan memang masih sama untuk dapat membantu peladang-peladang kampung untuk terus aktif dalam tanaman-tanaman tradisional, sayur-sayuran dan buah-buahan juga.

Walaupun kementerian dengan keghairahannya untuk memfokus kepada peningkatan produk keluaran bagi tujuan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK dan juga pertumbuhan eksport demi mempelbagaikan ekonomi negara, keperluan untuk membantu orang kampung untuk tanaman tradisi masih dibuat, tidak semestinya dengan membanyakkan stesen tetapi dengan memberi peluang kepada pegawai-pegwai kitani misalnya kalau dilihat daripada Perbelanjaan Berulang-Ulang Kakitangan dukungan bertambah daripada $439,000.00 setahun 2015/2016 perbelanjaannya naik kepada $455,760.00.

Kakitangan masih ada untuk membantu orang ramai di luar bandar lebih aktif ertinya memberi nasihat dalam bidang baja, racun, benih dan lain-lain lagi bagi keperluan orang ramai. *In fact* abis kaola menggalakkan pegawai-pegawai itu untuk keluar dari daerah untuk

meneliti dan meninjau perkembangan petani-petani yang aktif. Dalam pada masa yang sama, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan sentiasa terbuka untuk sesiapa saja peladang yang ingin mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar-pakar di kementerian. Demikian sahaja yang dapat kaola jawab Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan sudah bersedia.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Soalan yang diberikan tadi dari Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Md. Daud bin Karim berhubung dengan projek Jalan *Residency* seperti yang kaola nyatakan tadi penyiapan dijangka Januari 2018 dan perkembangan projek setakat ini 20.3 peratus, dan ada *delay*. Ini disebabkan oleh ada beberapa isu umpamanya pada mulanya *barge* tidak diluluskan oleh Jabatan Pelabuhan atas sebab spesifikasinya yang tidak memenuhi tetapi الْحَمْدُ لله sudah ada *barge* yang memenuhi spesifikasi, yang sudah memulakan kerja-kerja tersebut. Jadi 20.3 peratus perkembangannya, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan selesai pada Januari 2018 jua.

Mengenai Skim Pembetungan Kampung Menglait, *tender*nya perlu diberhentikan atas sebab teknikal tetapi sudah di*tender* semula dan pada masa ini sedang menunggu proses sokongan. Skim Pembetungan Kampung Berangan dan Kianggeh, Subok telah dimulakan pada tahun 2013 sebenarnya sudah siap pada Februari 2016 ini. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu izinkanlah kaola juga untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai Anggaran Perbelanjaan April 2016 / Mac 2017 Yang Berhormat sampaikan tadi.

Dalam Tajuk SP01 - Kemajuan. Anggaran Perbelanjaan Negara April 2016/Mac 2017 kaola hanya akan mengutarakan satu sahaja iaitu muka surat 74 dalam Sektor 1031 - Gelaran Pengaliran Air, Ceraian 103 *Team* Pencegahan Banjir Temburong Fasa II. Yang Berhormat Pengerusi dalam Peruntukan 2016/2017 menyatakan Peruntukan berjumlah $384,600.00. Sukacita kaola ingin meminta penjelasan mengenainya apakah projek yang telah atau sudah dibuat dalam Fasa II ini?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Juga bagi pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Kalau dapat kaola menunggu *detail* dulu, Yang Berhormat Pengerusi, belum ada.

Yang Berhormat Pengerusi: Disebabkan oleh penangguhan kita buat tadi maka saya memberikan kesempatan sekali lagi kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim untuk meneruskan pertanyaannya.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih banyak Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola memohon maaf atas gangguan yang tidak disangka-sangka. Jadi besar harapan kaola kerana diberi peluang sekali lagi. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan bercakap mengenai Sektor 1015 - Perubatan dan Kesihatan, Pelan Induk Kementerian Kesihatan 002 berjumlah $2.9 juta.

Ini merupakan cadangan sahaja supaya apa juga produk yang diimport dari luar negeri akan sentiasa dipantau sebelum ianya diedarkan di kedai atau premis perniagaan di negara ini akan kesesuaian atau keburukannya. Kaola ingin bertanya adakah pihak kementerian mempunyai makmal khas atau khusus? Jika ada diucapkan tahniah bagi mengetahui apa juga produk sama ada dari dalam dan luar negeri yang masuk ke negara ini tidak mendatangkan kemudaratan kepada pelanggan-pelanggan apabila ia digunakan.

Yang Behormat Pengerusi. Saya juga memohon maaf kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan jika sekiranya terkeluar daripada yang akan disoalkan ini. Masyarakat atau orang ramai selalu mengatakan sama ada benar ataupun tidak, mereka mengatakan apabila ada produk makanan dan produk perubatan yang dilarang atau diharamkan oleh negara jiran baharulah kita berbuat demikian ataupun mengeluarkan kenyataan sama ada benar ataupun tidak?

Walaupun kita mempunyai rangkaian ataupun akses dengan *World Health Organisation* ada jua baiknya perkara ini diusahakan membuat kajian sendiri melalui makmal yang canggih, jika ada dan mengeluarkan kenyataan berdasarkan penilaian dan pemantauan kita sendiri tanpa bergantung pada berita dari luar negeri. Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih banyak. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim atas isu yang ditimbulkan mengenai pemantauan.

Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai produk ubat dan juga kosmetik, pihak Kementerian Kesihatan memang ada makmal yang tertentu untuk

menjalankan ujian-ujian untuk ubat-ubatan yang dibawa masuk, malah adalah satu keperluan yang mandatori pada siapa-siapa yang ingin mengimport ubat-ubatan atau kosmetik ke negara kita untuk lebih dahulu memohon kebenaran. Untuk menyenangkan si pemohon ini, kadangkala lebih senang lagi kami melihat *database* yang sesetengah daripada produk ini sudah pernah dibawa masuk, tidak perlu kita menduplikasikan lagi.

Selain itu, rakan kaola Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri ada mengutarakan mengenai makmal di bawah jagaan Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Mereka ada *capability* untuk menilai segala *DNA-DNA* babi dan sebagainya. Kita haruslah memikirkan secara menyeluruh sebagaimana yang kaola terangkan sebelum ini mengenai *consolidation of services*. Kita mesti bekerja sebagai satu kerajaan agar kita tidak menubuhkan terlalu banyak makmal ini, Yang Berhormat Pengerusi ini pun kaola masih dalam perbincangan lanjutan dengan rakan-rakan kaola iaitu Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan yang ada makmal-makmal ini. Kaola akan mengadakan satu *reference laboratory without duplication.* Kaola mengesyorkan segala produk ini dipantau, diikuti dengan *post marketing surveillance* dan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin mahu bertanya lagi.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Tidak ada. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Ada *detail* sedikit mengenai fasa ke-II Pencegahan Banjir di Daerah Temburong ialah Kampung Bangar. Tujuan bajet ini untuk *drainage channel* dan *outlet* ertinya untuk mendalamkan *channel, retention pond* dan *pumping station* juga. Ini untuk *flood mitigation*. Semua ini dimasukkan dalam satu kaedah untuk mencegah banjir. Itu sahaja untuk Pekan Bangar. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada lagi yang mahu bertanya atau mahu menambah. Sekiranya tidak ada, kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan dan juga soalan-soalan daripada kedua-dua belah pihak, maka mesyuarat ini saya fikir adalah sesuai bagi Tajuk Belanjawan untuk SP01A - Kemajuan ini kita undi sama ada diluluskan ataupun sebaliknya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk ini diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya, secara sebulat suara Tajuk ini diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SP01A - Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk Bab1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat kuasa.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat kita sedang membincangkan mengenai Tajuk Bab 1 - Gelaran Pendek Dan Permulaan Kuat kuasa. Akta ini bolehlah digelar sebagai Akta Perbekalan 2016/2017 dan hendaklah mula berjalan/berkuatkuasa pada **1 April 2016.** Saya kira Tajuk Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat kuasa tidaklah perlu dibahaskan.

Oleh yang demikian, adakah Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju supaya Gelaran Pendek dan tarikh permulaan berkuat kuasa Akta ini diluluskan, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Nampaknya, semua Ahli-ahli bersetuju. Maka Bab 1 iaitu Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat kuasa diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat kuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله kita telah selesai membincangkan dan meluluskan Tajuk-Tajuk yang terdapat dalam Jadual Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah memberikan kerjasama yang selayaknya semasa perbahasan Rang Undang-Undang ini sehingga ia selesai kita luluskan pada petang ini.

Oleh yang demikian, bagi membolehkan kita membincangkan perkara seterusnya, saya ingin mencadangkan supaya kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Dengan yang demikian, saya tangguhkan Persidangan ini dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 12 Jamadilakhir 1437 bersamaan 21 Mac 2016 pukul 9.00 pagi seperti biasa.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Isnin, 12 Jamadilakhir 1437 / 21 Mac 2016

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL. Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini iaitu hari yang kedua belas, 12 Jamadilakhir 1437 bersamaan 21 Mac 2016, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama sekali lagi hadir di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang kedua belas ini. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada petang hari Sabtu yang lepas, kita telah selesai meneliti kesemua Tajuk dan Jadual dari Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 secara terperinci. Rang Undang-Undang ini telah dicadangkan sebagaimana yang kita fahami bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) yang telah dibaca bagi kali pertama sebagai notis pemberitahuan tentang Usul Belanjawan di persidangan ini. Ia juga telah dibaca kali keduanya dan kita telah duduk meneliti tentang kepentingan dan kesan terhadap usul tersebut dan pada itu juga segala persoalan telah pun dijawab dan dijelaskan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang berkenaan.

Dalam meneliti dan menimbangkan Rang Undang-Undang ini satu persatu, kita telah membahaskan kesemua Tajuk yang terdapat dalam Jadual ini dengan terperinci di Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa Sepenuhnya yang segala pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan. Oleh yang demikian, sebagai prosedur perundangan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan,

2016/2017 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) akan dibaca bagi kali ketiga sebelum ia kita luluskan untuk dijadikan Akta. Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** telah pun dipertimbangkan dalam persidangan Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tidak ada apa-apa pindaan.

Oleh yang demikian, saya mohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dapat dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya untuk diluluskan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah menyatakan supaya Rang Undang-Undang Yang Bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatu-kan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** untuk dibaca bagi kali ketiga. Adakah antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyokong cadangan ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dengan sepenuhnya. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لله Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dengan ini telah dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan. Cadangan itu telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju akan cadangan ini? Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju secara sebulat suara. Maka **Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 ini diluluskan**.

Yang Dimuliakan Jurutulis: "Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2016/2017 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai meluluskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 dan ia akan mula berkuat kuasa pada **1 April 2016**. Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita beralih kepada Perkara VIII daripada Susunan Kerja Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara VIII, iaitu Ketetapan di bawah Fasa 83(7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan saya menerangkan secara ringkas mengenai Kertas yang dibentangkan di atas meja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sebanyak 28 Perintah-Perintah telah disenaraikan dan Perintah-Perintah tersebut telah pun dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diguna pakai.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa sebahagian daripada Perintah-Perintah ini sudah pun berjalan dan diguna pakai pada tahun 2015, dan sebahagian lagi telah mula berjalan pada tahun ini. Kesemua Perintah ini telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-ahli Yang Berhormat Perintah-Perintah ini telah pun diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan memastikan ia berjalan dengan teratur. Oleh sebab Perintah-Perintah ini telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka saya berpendapat tidaklah perlu kita membahaskan dan sebaliknya lebih bersesuaian untuk diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Keterangan

ringkas mengenai Perintah-Perintah yang saya sebutkan seperti terdapat dan tersenarai dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara No.1 Tahun 2016. Oleh yang demikian, izinkan saya sekarang untuk mencadangkan sebuah ketetapan yang berbunyi:-

"Majlis ini membuat ketetapan menurut Fasal 7, Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai Kertas No. 1 Tahun 2016 adalah masing-masing mulai dari tarikh Perintah itu diluluskan."

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan satu Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, adakah antara Ahli Yang Berhormat yang menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya akan cadangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mengemukakan satu Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, dan perkara ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Sebagaimana jua yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi, bahawa kebanyakannya ataupun kesemua Undang-Undang yang disenaraikan dalam Kertas No. 1 Tahun 2016 telah pun diluluskan secara *Emergency Orders* dan sebahagian Undang-Undang tersebut telah pun berjalan dan berkuat kuasa pada masa ini.

Oleh yang demikian, saya juga berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu untuk dibahaskan lagi. Maka ada baiknya Ketetapan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini diundi. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. الْحَمْدُ لله semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan sebulat suara. Maka ketetapan ini diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ketetapan yang kedua, di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggal 136) akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di dalam Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan bahawa **"Majlis ini menetapkan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4(2) dari Akta Wang Kemajuan (Penggal 136), bagi Perbelanjaan sejumlah $700,000,000.00 untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan daripada Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan terutama sekali disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2016/2017 dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2016."**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Butir-Butir Perbelanjaan Kemajuan dalam tahun tersebut dinyatakan dalam Anggaran-Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas No. 2 Tahun 2016.

Yang Behormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Cadangan Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun kita bincangkan secara terperinci dan panjang lebar dalam satu sidang Jawatankuasa dan telah pun diluluskan dengan tiada pindaan.

Maka, saya sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dirancangkan.

Dari itu, saya sukacita mencadangkan supaya "Majlis ini menetapkan menurut Bab 4(2) dari Akta Wang Kemajuan (Penggal 136) bahawa Perbelanjaan sejumlah $700,000,000.00 untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan terutama disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2016/2017 dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2016." Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah mencadangkan sebuah Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136). Adakah di antara Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk menyokong mengenai cadangan ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah mengemukakan **"Satu ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan Penggal 136 Negara Brunei Darussalam"**, dan cadangan ini telah pun mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebagaimana yang dinyatakan tadi bahawa semua Peruntukan Wang Kemajuan ini telah pun diluluskan dan dijadikan Akta. Oleh yang demikian, perkara ini tidaklah perlu untuk dibahaskan lagi.

Maka, ketetapan ini sekarang bolehlah diundi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk meluluskannya sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

الْحَمْدُ لله semua Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka ketetapan ini diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara IX. Ucapan-ucapan Penangguhan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mencadangkan untuk menangguhkan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menyampaikan ucapannya, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa mengikut Peruntukan 35 Ceraian 4, Peraturan Majlis Mesyuarat Negara bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat hanya dibenarkan untuk berucap dan Ucapan Penangguhan masing-masing tidak melebihi 10 minit.

Walau macamanapun, sekiranya ada keperluan yang tertentu, maka tempoh itu bolehlah kita lanjutkan. Oleh yang demikian, saya sekarang menjemput Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membuat

Ucapan Penangguhannya. Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

بِسمِ اللهِ الرَّحمٰنِ الرَّحِيمِ
اَلحَمدُ لِلّهِ رَبِّ العَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشرَفِ الأَنبِيَاءِ وَالمُرسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ أَجمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sungguh bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita telah dapat bersidang selama 12 hari dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara 2016.

اَلْحَمْدُ لله kita telah dapat meluluskan beberapa akta penting, khususnya Akta Perbekalan, 2016/2017. Dengannya إِنْ شَاءَ اَللَّهُ akan membolehkan kerajaan untuk melaksanakan rancangan pembangunan negara demi meningkatkan tahap kemajuan ekonomi dan sosial bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Sebelum saya meneruskan ucapan ini, saya bagi pihak Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan iaitu Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-ahli Yang Dilantik dengan penuh hormat sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kewibawaan dalam memimpin Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara kita dengan sungguh lancar dan teratur lagi efisien.

Demikian juga Yang Berhormat Yang Di-Pertua, telah memberikan kesempatan dan laluan yang luas kepada Ahli-ahli Yang Dilantik untuk mengemukakan pengamatan dan pandangan serta soalan-soalan dan kepada Ahli-ahli di pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan dan jawapan. Dengannya, kita telah dapat meneliti dan membahaskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 dalam suasana permuzakarahan dan hormat menghormati selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Permesyuaratan Majlis Mesyuarat pada kali ini, jauh berbeza daripada tahun-tahun sebelum ini kerana berlangsung dalam keadaan negara menghadapi cabaran besar akibat ekonomi global yang merudum dan berkurangnya pendapatan negara akibat dari turunnya harga minyak mentah yang memberi impak langsung kepada negara ini.

Walau bagaimanapun, kita telah dapat juga membincangkan dengan penuh kesepakatan hala tuju program-program kerajaan bagi tahun 2016/2017 yang memfokuskan kepada usaha kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengukuhkan iklim perekonomian bagi mendukung pembangunan berterusan. Keutamaan-keutamaan telah dikenal pasti bagi mencapai hala tuju melalui

pelbagai usaha yang melibatkan bukan sahaja pihak kerajaan malahan pihak swasta, masyarakat dan setiap individu di negara ini.

Kepentingan untuk mengurangkan kebergantungan pada minyak dan gas melalui usaha menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* dan menyediakan suasana perniagaan yang kondusif seperti inisiatif *Ease of Doing Business* telah dibahaskan. Penekanan kepada pendekatan *delivery approach* dan perbelanjaan yang berhemah untuk penghasilan impak dan penambahan nilai dalam apa jua inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan juga telah dikupas dengan mendalam sepanjang perbahasan kali ini.

Sekali lagi, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan baginda masih mampu untuk menyediakan peruntukan kewangan munasabah bagi Peruntukan Kewangan 2016/2017 demi memelihara ketenteraman dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله sepanjang tempoh kita membahaskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017 kita di Dewan ini telah dapat membincangkan berbagai isu, masalah dan persoalan serta mendengar berbagai-bagai pandangan dan cadangan daripada masalah ekonomi global sehingga kepada perkara biasa yang dianggap signifikan kepada kehidupan dan kesejahteraan seperti jalan berlubang, tekanan air yang rendah dan pembuangan sampah-sarap.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas pandangan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada cadangan-cadangan yang disuarakan itu memerlukan pihak kerajaan untuk membuat penilaian yang sehalus-halusnya dan penelitian yang mendalam terutama yang melibatkan peruntukan yang mungkin belum bersesuaian untuk dilaksanakan dalam keadaan negara mengalami kekurangan pendapatan *(fiscal deficit)*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dari pengamatan saya, terdapat perbincangan dan isu-isu yang ditimbulkan masih bersifat bukan strategik sebagaimana juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini yang menyarankan betapa pentingnya perbincangan memfokus kepada perkara-perkara strategik yang membawa impak kepada negara.

Walau bagaimanapun, masih ada saranan-saranan mahupun buah fikiran dan soalan-soalan yang bersifat peribadi dan isu yang dibangkitkan nampaknya memerlukan kajian mendalam mengenainya. Soalan-soalan atau isu-isu yang dibangkitkan juga seperti sudah dapat diramal *trend*nya dan majoriti adalah bertahap *operational*.

Dalam hal ini, saya menyarankan bagi isu yang dapat ditangani dengan segera, untuk dapat dibawa ke kementerian-kementerian untuk diambil tindakan tanpa menunggu tibanya Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara.

Oleh itu, saya juga dengan penuh hormat mencadangkan ada baiknya bagi soalan yang hendak dibangkitkan/dibahaskan dan dikongsikan bersama Ahli-ahli Yang Berhormat lebih dahulu untuk memastikan ia adalah strategik dan pada masa yang sama diteliti untuk mengelakkan daripada soalan yang sama dikemukakan berulang kali.

Sesi perbahasan juga akan lebih bermanfaat dan menarik jika ia berkisar mengenai bagaimanakah kita iaitu kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam dapat bersama-sama memikirkan bentuk cabaran yang akan ditempuhi dan pelan tindakan yang sesuai untuk menanganinya. Ini bertepatan dengan situasi negara kita yang sudah mencapai Kemerdekaan Ke-32 tahun dan hanya lebih kurang 20 tahun sahaja lagi melangkah Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan keadaan ekonomi yang semakin mencabar, kita tidaklah dapat bersikap leka *(complacent)* dan perlu sedar yang perjalanan di hadapan kita tidaklah mudah. dengan rakyat yang semakin berpendidikan dan kehendak *(expectation)* mereka yang semakin kompleks, kita perlulah bersedia untuk menanganinya dengan pantas, inovatif lagi efisien. Cabaran sumber tenaga manusia yang terhad dan keadaan ekonomi global yang semakin kompetitif malah *volatile* dan sukar diramal, juga tidak lagi membolehkan kita beroperasi dengan *business as usual.*

Kita perlu bersatu dalam memastikan ekonomi kita akan terus berkembang dan berdaya tahan demi masa depan generasi anak cucu kitani di Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini. Tanggungjawab kita bukan hanya terhad kepada menjaga kebajikan dan kesejahteraan generasi yang ada pada masa ini, kita juga bertanggungjawab untuk memastikan kemakmuran yang kita nikmati masa ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat dirasai oleh generasi yang akan datang.

Sesungguhnya tindakan-tindakan yang kita ambil pada masa ini, akan memberi implikasi kepada generasi yang akan datang. Apa yang kita lakukan sekarang mungkinlah sukar, pahit dan perit untuk diharungi akan tetapi kita harus melihat ini sebagai satu pelaburan masa depan. Kita memanglah tidak dapat meramal masa depan namun ia satu amanah untuk kita memastikan masa depan

anak cucu dan negara kitani dengan izin Allah terjamin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya melihat segala cabaran yang ada pada masa ini sebagai satu hikmah dan *opportunity* kepada kita. Inilah saat yang penting untuk kita bersama-sama mendefinisi harapan dan aspirasi yang sama *(shared hope and aspirations)*.

Dengan ini, saya menyeru bagi kita semua untuk bekerja keras dan komited maju ke hadapan untuk membina masa depan yang kukuh bagi Negara Brunei Darussalam. Untuk merealisasikan semua ini, ia memerlukan perubahan minda *(mindset).*

Kita perlu mulakan perubahan ini dari dalam diri sendiri terlebih dahulu. Perubahan minda kepada yang lebih berkembang *(growth mindset)* akan membolehkan kita mampu memikirkan cara baharu dalam menangani apa jua isu yang dihadapi secara berlainan *(different way of doing things).* Sampai bilakah kita akan bersikap sentiasa berharap dan meminta-minta kepada kerajaan dalam apa jua hal dan terus-menerus menyuarakan masalah terutamanya melalui media sosial. Bukankah sudah tiba masanya pemikiran kita berubah iaitu sama-sama memberi buah fikiran dan mencari jalan penyelesaian apa jua permasalahan yang kita hadapi pada masa ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Izinkan saya menimbulkan di sini sebagai misalannya, isu sampah yang dibuang di merata-rata tempat baik dalam kawasan bandaran, luar bandar, kawasan perumahan dan perindustrian di negara ini. Saya percaya ia berkait rapat dengan *mentality, mindset* ataupun sikap.

Pada hemat saya isu sampah mungkin sahaja tidak timbul jika setiap individu mempunyai tanggungjawab dan berperanan untuk sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, menganggap atau menyifatkan memelihara kebersihan rumah dan sekitarnya menjadi keperluan dan kewajipan sebagaimana jua rumah memerlukan bekalan air dan elektrik. Isu sampah dapat diatasi atau dikurangi jika semua orang menganggap memelihara kebersihan rumah dan persekitaranya suatu kemestian atau keperluan hidup.

Pelanggan telefon bimbit di negara ini sudah melebihi 500 ribu, jauh lebih tinggi daripada jumlah penduduk seramai 411,900 orang. Jika memiliki telefon bimbit sudah menjadi satu kemestian dan kita mampu berbelanja setiap minggu dan bulan, mengapa kita tidak mahu berbelanja menjaga kebersihan yang kita anggap penting dalam kehidupan bernegara.

Seterusnya, saya berpendapat pihak komuniti pula boleh memikirkan cara menangani pembuangan sampah dengan pendekatan keusahawanan *(entrepreneurial)* yang sudah setentunya bukan sahaja akan dapat menjamin alam sekitar yang bersih malahan menjana peluang pekerjaan

kepada anak-anak muda di kampung dan mukim berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Natijah daripada perkara ini ialah sikap bertanggungjawab. Ada orang yang ingin menyerahkan masalahnya untuk orang lain menyelesaikannya. Ada orang yang ingin dan mengharap kerajaan untuk menyelesaikan masalahnya, sedangkan kebersihan suatu yang dituntut oleh agama Islam.

Menggunakan isu sampah sebagai analogi, saya amat khuatir, isu besar di hadapan kita ialah masalah defisit kewangan, kekurangan pendapatan Negara di mana keadaan global yang tidak menentu dan sukar diramal, tidak akan dapat diatasi dengan jayanya jika ada orang yang bersikap hanya ingin menyerahkan segala penyelesaiannya atau cara mengatasinya kepada kerajaan sahaja.

Dari aspek kesihatan pula, dengan adanya minda dan tanggungjawab tinggi untuk menjaga kesihatan sendiri ia sudah setentunya akan dapat membantu setiap individu itu akan menjadi sentiasa sihat produktif dan membantu meringankan beban kos penjagaan kesihatan di negara ini.

Dapatlah kita lihat yang rakyat dan pihak kerajaan perlu bekerjasama dalam membangunkan sistem sosial dan ekonomi yang berdaya tahan. Rakyat yang berfikiran positif akan dapat memastikan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa terus berada di hadapan. Sebagai jentera kerajaan, kita di Dewan yang mulia ini mestilah bersatu bersama rakyat dan memastikan setiap individu akan memainkan peranan dalam pembangunan negara. Kita sudah ada impian dan aspirasi untuk direalisasikan iaitu Wawasan Brunei 2035.

Cabaran sudah setentunya ada menunggu kita. Saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan Ahli Rasmi kerana Jawatan yang menyatakan bahawa ini bukanlah lagi masanya bagi kita mempersoalkan apakah kita akan mampu mencapai Wawasan Negara 2035? Tetapi Untuk kita bersedia melaksanakannya dan bertanya pula apakah peranan dan sumbangan kita mencapai aspirasi negara.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama, sebagai *whole nation* melangkah ke hadapan melakar lembaran dan seterusnya menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang cemerlang lagi dihormati dengan ekonomi yang berkembang dan rakyat yang berkualiti dan bernilai tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, maka saya mengusulkan agar Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2016 ini ditangguhkan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sukacita merekodkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis

Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan seluruh kakitangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah menyediakan persiapan sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dengan penuh efisien dan dengannya melancarkan lagi perjalanan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini sesuai dengan Anggaran Belanjawan 2016/2017, mengukuhkan iklim perekonomian dan bagi mendukung pembangunan berterusan.

Akhirnya, marilah kita renungkan bersama petikan Syair Perlembagaan Negara Brunei Darussalam oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang berbunyi:-

Bertulus ikhlas membuat kerja,
Jangan hendaknya disenghajakan sahaja,
Jangan berperangai lekaskan manja,
Sebab tak dapat maksud dipuja.

Untuk kebajikan bangsa masyarakat,
Untuk kesenangan handai sahabat,
Bagi kemakmuran negara yang berkat,
Mudahan keamanan akan berlekat.

Harum semerbak bunga serumpun,
Usaha dan ikhtiar dapat disusun,
Menjalankan pekerjaan sama berhimpun,
Salah dan khilaf ampun berampun.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang kedua yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:
اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وَالسَّلَامُ عَلَى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَى

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ
أَمَّا بَعْدُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dalam Ucapan Penagguhan ini, kaola suka mengalih pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebarang kejadian yang berlaku kepada seseorang atau kepada sesuatu masyarakat sebuah negara di dunia ini tidak terlepas daripada kehendak Allah 'Azza Wa Jalla sebagai Tuhan yang mencipta dan mentadbir seluruh alam. Manusia disuruh berikhtiar, berusaha dan bekerja menurut potensi masing-masing. Sebagai sifatnya khalifah Allah Ta'ala di muka bumi ini dan sebagai hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Selain sebagai khalifah dan hamba Allah, Allah menghidupkan kita di dunia ini adalah untuk diuji sama ada kita berbuat yang terbaik atau sebaliknya dan sama ada kita benar-benar mematuhi petunjuk-petunjuk Allah atau sebaliknya. Dalam Al-Quran Surah Al-Mulk Ayat 2, Allah Subhanahu Wata'ala Allah berfirman:-

ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْمَوْتَ وَٱلْحَيَوٰةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفُورُ ﴿٢﴾

Tafsirnya: "Dia yang mencipta mati dan hidup untuk menguji siapakah antara kamu yang lebih baik amalannya dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun".

Jangka banyak bentuk ujian Allah itu ialah pada harta dan diri manusia itu sendiri sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-'Imran Ayat 186:-

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ لَتُبْلَوُنَّ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ

Tafsirnya: "Demi sesungguhnya kamu akan diuji pada harta dan diri kamu termasuklah juga kepada kesusahan dan kesenangan".

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam suratul Anbiya Ayat 35:-

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَنَبْلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلْخَيْرِ فِتْنَةً ۖ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

Tafsirnya: "Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan dan kepada Kamilah kamu akan dikembalikan untuk dihisab dan menerima balasan".

Selain daripada itu, ujian-ujian Allah itu termasuklah juga menimpakan sedikit ketakutan, kelaparan atau kekurangan harta benda, kekurangan jiwa serta kekurangan buah-buahan. Firman Ta'ala Allah dalam Surah Al-Baqarah Ayat 155-157:-

وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَىْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِ ۗ وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٥﴾

ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌ قَالُوٓا۟ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَٰتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ ۟ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

Tafsirnya: "Dan demi sesungguhnya Kami pasti menguji kamu dengan sedikit perasaan takut, kelaparan dan kekurangan harta benda, jiwa dan buah-buahan kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak di atas ujian itu. Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar, iaitu apabila orang-orang yang ditimpa suatu musibah mereka berkata إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ "sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jua lah kembali." Itulah orang yang mendapat keampunan daripada tuhan mereka dan mendapat rahmat-Nya dan mereka itulah orang-orang yang mendapat hidayah-Nya."

Dari ayat-ayat Al-Quran itu dapatlah kita memahami bahawa kita sentiasa terdedah kepada ujian-ujian Allah. Sebelum tahun 2014 harga minyak melebihi USD$100 setong tetapi sesudah itu harga minyak semakin merudum hingga akhirnya sekitar USD$30 setong. Harga gas pun turut turun berikutan turunnya harga minyak itu, kerana itu penghasilan negara kita turut terjejas, apa lagi ekonomi negara kita banyak bergantung pada sektor minyak dan gas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jika kita melihat perihal jatuh bangunnya sesuatu bangsa dunia ini nescaya kita dapati ada di antara bangsa itu boleh bangun semula setelah dilanda peperangan dan kerosakan yang parah misalannya bangsa Jepun dan Jerman yang mengalami kekalahan dalam Perang Dunia II telah bangkit semula dengan penuh semangat dan kerja keras sehingga kedua-dua bangsa itu muncul mempunyai negara yang maju dan menjadi ekonomi yang terkuat di dunia.

Kita boleh mendapat inspirasi dari semangat dan kerja keras dari kedua-dua bangsa tersebut dalam kita melangkah menuju Wawasan Brunei 2035. Sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dalam keadaan sekarang ini patutlah memulakan langkah bergerak dan bekerja keras memajukan diri untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan untuk memperkasa ekonomi masing-masing sesuai dengan kebolehan dan potensi masing-masing dan lain-lain langkah yang bersesuaian.

Di samping kita tidak lupa memohon pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala memohon petunjuk-Nya. Menyentuh sedikit tentang Belanjawan Negara 2016/2017, kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah membuka hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengurniakan Peruntukan Belanjawan Negara bagi Tahun 2016/2017 walaupun berkurangan $300 milion daripada tahun 2015/2016 namun masih mampu memperuntukkan untuk membiayai beberapa projek-projek mega dan projek lainnya dan masih mampu membayar gaji-gaji pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan meneruskan pembayaran pencen, bantuan dan lain-lain kepada para penerima.

Cuma agak sedikit sayang dalam bajet tersebut peruntukan pembinaan masjid ditangguhkan. Pada hemat kaola sangatlah elok jika pihak kerajaan dapat mempertimbangkan untuk membina sebuah atau dua buah masjid pada Tahun 2016/2017 bagi menunjukkan bahawa kerajaan masih memberikan perhatian khusus dan serius kepada perkara ini untuk meninggikan syiar-syiar Islam sesuai dengan firman Allah dalam Surah Muhammad Ayat 7:-

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن تَنصُرُواْ ٱللَّهَ يَنصُرۡكُمۡ وَيُثَبِّتۡ أَقۡدَامَكُمۡ ٧

Ertinya: "Wahai orang-orang yang beriman jika kamu menolong menegakkan agama Allah Subhanahu Wata'ala nescaya dia menolong kamu dan meneguhkan pendirian kamu."

Sebahagian daripada Peruntukan Kemajuan Negara mungkin boleh diberikan bagi maksud itu. Mudah-mudahan dengan demikian, kita dapat meraih keberkatan dan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala untuk kita keluar daripada kesulitan yang kita hadapi.

Akhirnya, kaola ingin mengongsikan sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam untuk diamalkan oleh setiap orang Islam bagi maksud terhindar dari kefakiran, Baginda Sallallahu Alaihi Wassallam dalam satu hadis bersabda yang bermaksud;

"Sesiapa yang membaca Surah Al-Waqi'ah setiap malam nescaya dia tidak akan ditimpa kefakiran buat selama-lamanya."

Hadis tersebut tidaklah bermakna dengan hanya mengamalkan membaca Surah Al-Wa'qiah pada setiap malam secara automatik kita tidak ditimpa kefakiran ia mestilah juga sertai dengan ikhtiar dan usaha serta juga kerja keras untuk keluar daripada keadaan fakir itu. وَاللَّـهُ أَعْلَمُ

Akhirnya kaola mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Di-Pertua kerana telah berjaya memimpin Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas dan tahun ini dengan teratur dan lancar serta dengan suasana muhibah. Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته اَلسَّلَامُ عَلَىٰ مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَىٰ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun sampai ke penghujung dengan jayanya. Sepanjang sesi perbahasan dan perbincangan kita di Dewan yang mulia ini berjalan dengan lancar dalam suasana muhibah, semangat permuzakarahan dan hubungan silaturahim yang mantap tanpa menunjukkan atau menimbulkan perasaan emosi kedua-dua belah pihak, syukur الْحَمْدُ لله

Bagi memenuhi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu 5 Mac 2016 yang lepas, baginda bertitah "Apa juga permasalahan itu perlu ditangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berbincang ataupun berunding." Semoga usaha-usaha yang kita buat akan menghasilkan buah yang baik untuk semua.

Majlis Mesyuarat Negara telah menyahut titah baginda dengan memainkan peranan dalam membincangkan dan membahaskan isu utama seperti agama, pembangunan, hal-ehwal dalam negeri, pendidikan dan yang menjadi fokus utama ialah untuk memperkasa ekonomi negara termasuk sektor swasta.

Dalam kesempatan ini, kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah memimpin permesyuaratan ini dengan sabar, tenang dan penuh bijaksana serta memberi peluang yang saksama kepada semua ahli untuk mengutarakan soalan-soalan serta meneliti penjelasan setiap isu yang ditimbulkan oleh pihak abis kaola sebagai Ahli Yang Dilantik.

Kaola juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan yang mendengar dan seterusnya memberi komen dan penerangan yang terperinci terhadap usul-usul dan pertanyaan yang dikemukakan. Kaola juga mengucapkan tahniah kepada menteri-menteri kabinet yang baharu dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara kerana mereka mampu menampakkan keupayaan yang membanggakan.

Tidak lupa ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Ahli-ahli Kabinet yang telah bersara yang pernah bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini pada tahun-tahun yang lalu, mudah-mudahan mereka dilimpahi rahmat Allah atas jasa dan bakti yang pernah mereka taburkan untuk negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله sepanjang hampir 2 minggu kita berbincang di Dewan yang mulia ini banyak isu, kemusykilan dan saranan telah dibincangkan, pembentangan kertas cadangan, Rang Undang-Undang (2016) Perbekalaan, 2016/2017 yang membawa tema: "Mengukuhkan Iklim Perekonomian Negara bagi Mendukung Pembangunan Berterusan", memberi mesej yang cukup kuat akan penekanan kerajaan dalam memudah cara aktiviti perniagaan dan pelaburan bagi memperkasa ekonomi negara.

Dengan keadaan dunia yang tidak menentu, menjadi satu cabaran besar bagi negara kita, akan tetapi tidak mustahil bagi mencapai apa yang dihasratkan. Pada pandangan kaola, untuk menjayakannya kita sama ada yang berkhidmat di sektor awam mahupun sektor swasta adalah jentera penggerak negara yang perlu diberi fokus lebih dahulu. Pantas atau lambatnya jentera penggerak ia memberi kesan yang jelas kepada ekonomi negara. Dari itu, kita perlu mengubah *mindset* kita ke arah yang lebih positif, produktif dan berdaya saing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pada kelazimannya untuk menerima sesuatu perubahan biasanya memakan masa. Dalam perkara ini, sedari awal kita perlu mengasuh anak-anak dan belia sekarang untuk menjadi pembela

bangsa dan negara serta membentuk belia yang kukuh jati diri, berani untuk tampil ke hadapan, menyumbang ke arah kemantapan ekonomi negara.

Persiapan dalam membina kapasiti dan modal insan ini memerlukan pelaksanaan pendidikan dan latihan yang berkualiti dan holistik. Untuk melaksanakannya, kaola yakin, tenaga kemahiran dalam kalangan rakyat dan warga tempatan yang sedia ada ini boleh melakukannya. Kita cuma perlu memberi peluang untuk menonjolkan kebolehan dan keistimewaan yang dimiliki tanpa dibayangi oleh tenaga mahir dari luar negara, kecuali yang benar-benar dikehendaki ataupun diperlukan.

Kaola rasa sudah sampai masanya kita perlu menjadi masyarakat yang matang. Masyarakat yang matang ialah mereka yang mempunyai mentaliti dan sikap keusahawanan, senantiasa 'berkarih' (berusaha) sanggup berusaha tanpa putus asa, mahu 'berjarih' (bersusah payah) tanpa mengharap bantuan dan 'balurih' (berezeki) atas usaha sendiri. Nilai-nilai beginilah yang perlu kita, selaku orang Brunei pertahankan di samping mendukung konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir. Cekal berhadapan dengan apa jua bentuk cabaran yang akan melanda.

Sepanjang Permesyuaratan, pegamatan kaola, antara usul yang telah kaola kemukakan, kaola berpendapat usul mengenai penggunaan lebihan wang zakat diharap akan dikaji dengan lebih lanjut lagi kerana ia boleh memberi kesan yang positif bukan sahaja kepada penerima bahkan juga kepada kerajaan.

Selain itu, usul kaola kepada Kementerian Kesihatan berhubung dengan cadangan kaola untuk menunjukkan harga kepada sampul ubat-ubatan, kaola berharap dapat dipertimbangkan. Kaola percaya, akan menjadi titik permulaan bagi agensi-agensi kerajaan yang lain dalam memikirkan pendekatan untuk memupuk sikap menghargai, berjimat cermat serta menghindarkan pembaziran dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini.

Kaola mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dan rakan-rakan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik, atas kerjasama yang diberikan kepada kaola/saya dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing sepanjang Permesyuaratan. Mudah-mudahan segala apa yang kita bincangkan dan bahaskan di dalam Dewan yang mulia ini akan membuahkan hasil, demi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara kita.

Kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan ini dengan beberapa rangkap pantun:-

Indera Perkasa mudik ke hulu,
Hujan berlari dibawa awan,
Tidak terasa waktu berlalu,
Lima tahun menjadi ahli Dewan.

Jangan diambak titian buluh,
Buluh disusun bawah kuali,

Sembah dirapak jari sepuluh,
Menjunjung kasih Kehadapan Duli.

Buah padi dalam takiding,
Takiding disangkut di pohon sena,
Budi Yang Di-Pertua tidak terbanding,
Memimpin Dewan penuh bijaksana.

Banyak tulangnya si ikan bilis,
Direbus bersama buah berangan,
Sekalung budi buat Jurutulis,
Akan senantiasa dalam kenangan.

Penghabisan sekali kaola akan membacakan pantun ini. Ini bersemangat sedikit:-

Cendrawasih burung yang sakti,
Turun bersarang di Bukit Bendera,
Yang Berhormat di sebelah sana
teruskan bakti,
Demi bangsa, agama dan negara.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Untuk Ucapan Penangguhan ini, izinkan kaola bagi menyampaikannya dalam bahasa Inggeris dan bahasa 'pasar':-

1. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Dilantik Mewakili daerah-daerah yang telah menimbulkan isu kerakyatan pada tahun lepas dan juga pada tahun ini. Kaola sangat menyokong hal ini.

   Pada pandangan kaola, laporan yang dibuat di media sangat mengelirukan ataupun *confusing*. Ini boleh menjejaskan *Foreign Direct Investment (FDI).*

   Seperti yang dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dahulu dan Menteri sekarang iaitu dengan menyatakan bahawa "*passing examination does not guarantee your citizenship"*.

   Untuk makluman, mereka telah menerima surat rasmi daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menyatakan mereka 'LULUS' Peperiksaan Kerakyatan Secara Pendaftaran Di Bawah Bab 5 (1) - Akta Taraf Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang keputusannya akan diumumkan kemudian.

   Dalam Dewan yang mulia ini, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri perlulah menghalusi komen dengan menyatakan bahawa permohonan mereka ini masih

dalam proses dan demikian para pemohon akan berasa yakin untuk menunggu Sijil Kerakyatan mereka.

Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri perlulah juga melakukan siasatan lebih dahulu seperti yang dinyatakan dalam garis panduan Undang-Undang, *Section 11 (3)* - Akta Kebangsaan Negara Brunei Darussalam *Cap. 15*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola bacakan surat yang diterima oleh salah seorang pemohon melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menyatakan:-

Keputusan Ujian Bahasa Melayu

Daripada: *Headquarters Department of Immigration and National Registration, Ministry of Home Affairs,* Bandar Seri Begawan dated 7 May 2012.

Awang,

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa mengikut minit keputusan yang telah disampaikan oleh Lembaga Bahasa Melayu, Awang telah lulus dalam ujian yang Awang duduki pada hari Ahad 26 Jun 2011 bertempat di Dewan Cancelor UBD (University of Brunei Darussalam).

Sehubungan dengan keputusan tersebut, pihak jabatan akan melaksanakan proses seterusnya untuk mengiktirafkan Awang sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara Pendaftaran di bawah Bab 5(1) Akta Taraf Kebangsaan Brunei yang keputusannya akan dimaklumkan kemudian.

Saya berharap menteri yang berkenaan akan dapat menghalusi. Apatah lagi surat ini daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

2. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara ini telah kaola timbulkan pada tahun yang lalu. Sekali lagi, kaola ingin menimbulkan satu masalah serius yang dihadapi oleh Penduduk Tetap Brunei yang masih lagi memegang pasport *CI.* Untuk makluman, mereka memanglah pemegang pasport *CI* yang merupakan orang-orang yang berkualiti seperti *businessman*, *expatriate,* dan *professional* dalam bidang masing-masing.

   Mereka ini hanyalah dibenarkan masuk ke Singapura, Sabah dan

Sarawak tanpa memerlukan visa. Namun mereka tidak dibenarkan masuk ke negara *ASEAN* yang lain tanpa mendapatkan visa lebih dahulu. Memandangkan mereka ini mempunyai kewangan yang memuaskan dan dapat membantu dalam memperkembangkan perniagaan *SME* ke luar negeri, maka kaola memutuskan agar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mengambil inisiatif untuk merundingkan bersama dengan negara-negara *ASEAN* yang lain supaya Penduduk Tetap Brunei yang masih memegang pasport *CI* ini dibenarkan masuk ke negara mereka tanpa mendapatkan visa.

Ini juga akan seterusnya menyenangkan peniaga *SME* untuk mempromosikan produk kita di luar negeri; dan

3. Izinkan kaola membaca dalam bahasa Inggeris. *International Competition to attract foreign investment has increasing intensify. Brunei has the advantage of political stability, natural resources, lane capital good geographical location. How to attract foreign direct investment to Brunei? In my view, it is important to trade a friendly business environment such as streamline directed simplify the business setup application process. Clarify of foreign ownership rules and benefit for the foreign investment in Brunei and allowed foreign company to employs skills foreign workers on technical and management level.*

We must ensure to the foreign investors our long term commitment on foreign investment policy. So that, they will be confident to invest in our country on the long term basis. No foreigners investors will invest in our country where by policy toward foreign investment is unfriendly, uncertainly and unprofitable. A part from oil and gas downstream industry we should attract foreign investment in the industry which are not a labor at intensive such as information technology, healthcare education, research and development. As a long term strategy, we should attract knowledge base industry such as financial services, legal, accounting and text advisory sectors where by to invite the foreign company to setup a regional head office in Brunei.

We should not attract foreign investment in the low cost manufacturing and labor intensive industry due to our small population and strong currency economic of scale. The education system in our country need to be review and change to stood the industry need in order to attract foreign direct investment.

The world has change and our mindset have to change otherwise we will left behind. Subsidies for example special allowances for

government from government to local who work in private sectors is not to the key to resolve the unemployment but foreign investment and local investment are the solution for the unemployment problem.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. *Before I include my speech I wish I would like to thanks and really thanks and congratulate your Honorable Speaker for your most dedicated professional during this session. Thank you very much.*

Yang Berhormat Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya cadangkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan selama 20 minit bagi kita untuk berehat. Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسمِ اللهِ الرَّحمٰنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sidang sekarang disambung semula. Kita masih lagi mendengar kenyataan-kenyataan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Perkara IX iaitu Ucapan-Ucapan Penangguhan dan sekarang saya persilakan Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya untuk membuat ucapan-ucapan mereka.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakan-rakan sejawat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, اَلْحَمْدُ لله kita semua kakitangan kerajaan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan dan keprihatinan baginda memberi anugerah Elaun Sara Hidup kepada semua kakitangan kerajaan mengikut kategori masing-masing. Sekali lagi saya mengucapkan syukur اَلْحَمْدُ لله

Dengan adanya kurnia kepada semua kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan berkenaan, sekurang-kurangnya dapat membantu meringankan beban yang mereka tanggung berikutan dengan kenaikan harga barang keperluan harian yang semakin mahal dan termasuk harga ikan, daging dan keperluan lain yang terdapat di kedai dan di pasar di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Oleh itu melalui Majlis ini disarankan kepada kerajaan supaya mengkaji dan mempertimbangkan untuk memberi Elaun Sara Hidup atau kurnia lain kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat swasta yang berpendapatan $2,000 ke bawah mengikut kategori yang diguna pakai kepada pegawai-pegawai kerajaan.

Ini bertujuan selain untuk meringankan beban yang mereka hadapi kerana kenaikan harga barang, ia juga sebagai daya penggalak kepada rakyat tempatan yang mahu bekerja dan berkhidmat di syarikat-syarikat swasta dan secara tidak langsung akan membantu mengurangkan bilangan pengangguran dan pencari kerja. Selain dari itu, perlu juga diberi perhatian kepada bekas pegawai dan kakitangan kerajaan yang tidak menerima wang pencen persaraan dan Skim Pencen Caruman Tambahan *(SCP)* sebagai penghargaan khidmat bakti yang telah mereka sumbangkan dan curahkan kepada anak bangsa dalam sama-sama membangun negara ini sehingga mencapai seperti yang kita semua nikmati sekarang.

Cadangan yang dihadapkan di dalam Dewan ini tidak bermaksud meminta atau mendesak dilakukan dalam keadaan ekonomi masih belum stabil kerana semua lapisan masyarakat amat memahami situasi kewangan negara berikutan turunnya harga minyak yang diluar jangkaan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ jika keadaan ekonomi pulih nanti perkara ini haruslah difikirkan secara saksama demi kesejahteraan rakyat untuk sama-sama menikmati rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala beri kepada Negara Brunei Darussalam.

Adalah tidak keterlaluan bila saya mengatakan kerajaan yang dipimpin oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat pemurah dan prihatin kepada rakyat dan penduduk negara ini selari dengan konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir. Marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah semoga keadaan ekonomi negara kembali pulih demi kesejahteraan rakyat dan Negara Brunei Darussalam seperti mana yang tercatat dalam Al-Quran:-

فَإِنَّ مَعَ ٱلْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٥﴾ إِنَّ مَعَ ٱلْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾

Tafsirnya: "Bahawa setiap kesukaran itu ada kemudahan dan tiap-tiap kesukaran itu ada kemudahannya".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis kerana telah berjaya dengan lancarnya serta harmoni dalam mengendalikan Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini hingga selesai. Kepada Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan

diucapkan terima kasih dan syabas kerana telah berjaya menjelaskan segala pertanyaan dan masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Kami hanya menyampaikan masalah rakyat kepada pihak kerajaan seperti mana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa peranan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik adalah sebagai penghubung dan penyampai masalah rakyat yang berada di luar bandar ataupun di bandar.

Seterusnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya ingin berpantun kerana kawan-kawan tadi telah berpantun:-

Mesyuarat berlaku pada Jamadilakhir,
Bulan Islam tahun Hijrah,
Sidang Kedua Belas sudah berakhir,
Petanda Yang Berhormat tamat berhujah.

Mesyuarat Negara di Dewan Utama,
Membincang agenda dalam cadangan,
Selamat tinggal Dewan Negara,
Menabur jasa dalam kenangan.

Dalam mesyuarat perkara biasa,
Tersasul hujah tiada sengaja,
Silap dan salah maaf dipinta,
Kepada peserta yang ada terasa.

Berakhir sudah Permesyuaratan kita,
Meninggalkan kisah yang tidak dapat dilupa,
Berunding bersama kita semua,
Untuk rakyat, bangsa dan negara.
Madu kelulut dikenali sudah,
Mencari jodoh dicadang bersama,
Tidak menyindir bukan jenaka,
Ia perlu dibuat acara.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola lebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah berjaya memimpin dan mempengerusikan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal hingga akhir dengan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua serta dengan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, اَلْحَمْدُ لله persidangan yang berjalan selama 12 hari ini telah berjalan dengan baiknya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana

Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Sudah 5 tahun telah berlalu maka Ucapan Penangguhan kali ini merupakan peluang terakhir bagi kaola untuk berdiri dan bercakap di Dewan yang mulia ini. Kaola tidak akan membuat sebarang ulasan ke atas perkara-perkara yang telah dibincangkan atau ke atas keadaan ekonomi yang dihadapi negara pada masa ini kerana banyak telah diperkatakan mengenainya.

Dalam kesempatan ini, kaola hanya ingin menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah memberikan peluang serta pengalaman yang sungguh berharga dan mencabar kepada kaola untuk menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik.

Dalam menjalankan tugas sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Yang Dilantik, kaola berharap kaola telah berjaya melakukan atau menjalankan saranan-saranan yang telah dititahkan oleh baginda dalam setiap Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara tumpuan-tumpuan utama yang selalu baginda timbulkan seperti usaha untuk meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi, menaik taraf kesejahteraan rakyat, meningkatkan kualiti pendidikan, kesihatan rakyat serta menangani isu sosial telah pun ditimbulkan oleh kaola setiap kali membincangkan Anggaran Perbelanjaan.

Teguran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak memadai hanya setakat menyebut jumlah peruntukan yang besar tanpa melihat apa dan bagaimana digunakan dengan berkesan merupakan nasihat yang wajib diamalkan oleh setiap Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dari itu, kaola menyambut baik dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), kerana pada tahun ini telah memperkenalkan program dan *performance budgeting* yang memudahkan kaola untuk memfokus penganalisisan yang dibuat ke atas pencapaian kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya serta sasaran-sasaran yang hendak dicapai oleh setiap kementerian dan jabatan, kaola harap perkara ini akan diteruskan.

Dalam masa yang sama, kaola juga berharap yang kaola telah turut memainkan peranan kaola untuk memartabatkan Majlis yang mulia ini, selaku institusi yang dihormati seperti yang telah disarankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, walaupun hanya sekadar setitik nila yang jatuh di lautan yang luas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik. Kaola dengan hati yang penuh ikhlas tidak lupa mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang penuh sabar memberikan jawapan-jawapan dengan panjang lebar, jelas dan terperinci ke atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan.

Fakta-fakta yang dikongsikan dalam ucapan-ucapan mukadimah dan dalam menjawab soalan-soalan yang kaola kemukakan sungguh berguna kepada kaola, kerana ia memudahkan kaola untuk menyampaikan jawapan-jawapan dan meyakinkan orang awam berhubung masalah dan soalan yang telah mereka kemukakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Sebagai mengakhiri ucapan kaola ini, kaola juga ingin mengambil kesempatan untuk memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, jika terdapat pertuturan bahasa dan suruk langkah (tindak tanduk) yang kurang menyenangkan. Kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, kaola juga memohon maaf jika terdapat soalan-soalan atau pandangan-pandangan yang disuarakan telah menyakitkan hati dan menyinggung perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Apapun yang disuarakan di Dewan yang mulia ini, hanyalah sebagai perkongsian pandangan dan menyuarakan masalah-masalah yang disuarakan oleh orang ramai dan semata-mata menjunjung amanah yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik kaola/saya juga menyusun jari sepuluh memohon maaf jika ada perkataan, perbuatan serta sebarang keolahan yang tidak diingini atau yang menyakitkan hati selama 5 tahun bergaul dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Segala pengalaman pahit dan manis yang kita alami bersama akan menjadi kenangan manis kepada kaola/saya.

Dalam kesempatan ini juga, kaola/saya tidak lupa mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, iaitu seorang yang begitu fasih dan berpengalaman dalam hal ehwal Majlis Mesyuarat Negara yang telah banyak memberikan nasihat dan tunjuk ajar pada kaola. Dan Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Yang Mulia Timbalan Jurutulis, semua pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan.

Kaola/saya berdoa, semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan melimpahkan rahmat dan kurnia-Nya atas segala jasa baik yang telah dihulurkan.

Kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis dan pegawai-pegawai serta kakitangan Majlis Mesyuarat Negara, kaola/saya juga tidak lupa memohon maaf jika terdapat sebarang perbuatan yang kurang sopan dan percakapan yang menyinggung perasaan yang sengaja atau tidak sengaja.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Kaola lebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas kebijaksanaannya memimpin Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara dengan lancar dan penuh bermakna serta dalam suasana aman.

Kaola juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang begitu tabah mendengar soalan-soalan dan juga saranan-saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik dan memberi penjelasan-penjelasan kepada program-program kemajuan dan perkembangan serta pelaksanaan projek-projek di kementerian masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah memperuntukkan sebanyak $6 bilion bagi memenuhi keperluan rakyat, meskipun negara mengalami kekurangan hasil pendapatan sebanyak $3.835 bilion, berikutan dengan kejatuhan harga minyak di pasaran antarabangsa. Kita rasa bersyukur negara kita masih mampu menyediakan sejumlah peruntukan bagi pembangunan negara dan operasi kerajaan. Kita merasa lega dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), bahawa Negara Brunei Darussalam masih mempunyai simpanan (*reserved*) kewangan yang mencukupi untuk menampung keperluan generasi akan datang. Langkah berhemah dan berjimat hendaklah diamalkan oleh rakyat dan penduduk termasuklah pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan juga kakitangan swasta.

Dalam pembentangan Belanjawan 2016/2017, tema belanjawan ialah "Mengukuhkan Iklim Perekonomian Bagi Mendukung Pembangunan Berterusan" yang berfungsi kepada memudah acara perniagaan, meningkatkan aktiviti negara, membina kapasiti dan modal insan dan memelihara kesejahteraan awam.

Huraian bagi tema ini dibuat secara terperinci, belanjawan berpaksi kepada program dan *performance* bajet. Apa yang dihasratkan semua pihak untuk sama-sama meningkatkan usaha lebih berinisiatif serta keluar daripada *comfort zone* untuk meningkatkan produktiviti negara di sektor awam dan sektor swasta. Penglibatan seluruh rakyat dan penduduk dalam sama-sama mendukung raja dengan kerajaan untuk meneruskan pembangunan ini sangat-sangat diperlukan.

Kaola difahamkan bahawa setiap kementerian mempunyai strategi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Strategi ini, termasuklah strategi untuk menangani kelambatan dalam proses pembangunan dan sebagainya. Apa yang dikhuatiri *solution* atau langkah penyelesaian yang dirancang oleh kementerian tidak sampai peringkat pelaksana. Pegawai-pegawai yang diamanahkan hendaklah menanamkan sifat jujur, amanah dan mempunyai nilai-nilai agama Islam.

Kesan penurunan harga minyak dunia melebihi 70 peratus telah memberi kesedaran kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bahawa dasar arah tuju *structure* perekonomian negara ini perlu diubah supaya tidak terus bergantung pada hasil minyak dan gas. Sekarang kerajaan haruslah meneliti dan mengulang kaji semua fokus jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan kemampuan atau stabiliti ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu perkara yang kaola ingin timbulkan ialah mengenai kemudahan dan bantuan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik ini adalah berhubung kait dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2016, saranan-saranan mahupun buah fikiran dan soalan-soalan hendaklah dibuat bukan atas kepentingan diri sendiri atau hanya mendengar dari sebelah pihak sahaja tanpa membuat kajian mendalam mengenainya.

Dalam kesempatan ini, kaola mencadangkan kepada pihak yang berkenaan hendaklah menyediakan Pegawai Penyelidik dan Pembantu Pegawai Penyelidik untuk kegunaan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik pada bila-bila masa diperlukan. Ini

untuk mengelakkan perkara-perkara yang kurang signifikan dan tidak strategik dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola juga berharap isu-isu yang abis kaola hadapkan dalam Majlis Mesyuarat Negara ini di sepanjang perkhidmatan abis kaola agar dapat diambil perhatian dan tidak terlepas perhatian kerana isu-isu tersebut adalah juga kepentingan negara, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Akhir kalam, kaola mengambil kesempatan ini untuk memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, jika terdapat tingkah laku yang kurang sopan dan perkataan yang menyinggung perasaan yang tidak disenghaja. Kaola tutup dengan beberapa rangkap pantun berikut:-

Belajar mengaji pada malam Jumaat,
Habis mengaji menghadap hidangan,
Lima tahun kita bermesyuarat,
Tutur kata yang silap harap maafkan.

Pergi ke pasar bersama Awang Tahir,
Kucing berlari telompat-lompat,
Majlis Mesyuarat Negara tahun terakhir,
Diharap berjumpa di lain tempat.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan selanjutnya akan dibuat oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. الْحَمْدُ لله syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi peluang menyampaikan Ucapan Penangguhan ini.

Dengan jatuhnya harga minyak kepada 70 peratus dari *bench marking* harga minyak pada Jun 2014, yang harga minyak pada masa itu sebanyak USD$112 setong, apatah lagi negara kita bergantung dari hasil minyak sebanyak 90 peratus, impak dari kejatuhan harga minyak ini, sesuatu yang amat merunsingkan bagi ketua negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Namun, baginda telah memberi laluan bagi rakyat baginda meneruskan kehidupan yang baik seperti gaji dan bonus yang baginda kekalkan dan belanjawan hanya dikurangkan sebanyak 20 peratus dan menyedari kemewahan dari berharap pendapatan dari hasil minyak sudah

menyedari kemewahan dari berharap pendapatan dari hasil minyak sudah menjadi masa yang lalu dan kesedaran ini, baginda mengorak langkah yang probisnes.

Ini nampak baginda sangat prihatin terhadap kesejahteraan rakyat baginda yang sangat ketara bagi Wawasan Brunei 2035. Baginda berpandangan jauh bagi menyediakan negara kepada kehidupan yang lebih baik yang terbukti dalam rancangan dan hala tuju Wawasan Brunei 2035 seperti teras utama, rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi, ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan dengan berhasratkan untuk mencapai kecemerlangan 8 kunci utama strategi pendidikan, ekonomi, keselamatan, pembangunan institusi, pembangunan keusahawanan dan perniagaan tempatan, pembangunan infrastruktur, jaminan sosial dan alam sekitar. Strategi ini sudah ketara, kerajaan akan menuju ke arah tidak akan bergantung penuh pada pendapatan hasil minyak dan gas untuk persediaan negara ini mengikut apa-apa yang telah dikenal pasti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Pembukaan Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016, kaola ingin memetik sebahagian titah baginda itu antaranya:- "Begitu juga bagaimana negara dapat menjana pendapatan dan kerajaan menjadi rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat...

Perhatian perlu diberikan bagaimana memperkasa ekonomi oleh kerajaan sendiri termasuk bagi sektor swasta. Pada setakat ini dasar kerajaan ialah memperkasa sektor swasta. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah konkrit untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan. Ini termasuk infrastruktur, perundangan yang probisnes."

Kalau diamat-amati titah ini dengan ringkasnya, kerajaan dalam huraian Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dalam membentangkan rancangan kementerian-kementerian, sudah pun bersedia untuk menghayati titah baginda itu. Sekarang hanya rakyat sahaja lagi patut menghayati dan mengambil peluang yang disediakan dari Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 berjumlah $5.6 bilion. Dengan perancangan ini, bersesuaian dengan temanya, "Mengukuhkan iklim perekonomian bagi mendukung pembangunan berterusan".

Seperti dititahkan baginda supaya sentiasa tidak meninggalkan kesejahteraan rakyat dan sekarang rakyat perlu untuk tidak akan menghampakan pengorbanan seorang raja yang tidak kendur-kendur mahu rakyat mendapat kemanfaatan dari

semua rancangan negara dan mengambil inisiatif bagi memajukan negara demi kepentingan bersama dan mendukung sepenuhnya hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola berasa tidak lengkap ucapan ini kalau tidak menyebut menyambut baik usaha kementerian-kementerian untuk memberi sokongan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, membuat pendekatan dan perundangan negara ini menjadi probisnes seperti penubuhan *DARe (Darussalam Enterprise)*, yang keahliannya terdiri daripada 80 peratus peniaga dan pengusaha tempatan dan pusat perusahaan kecil dan sederhana. Dengan adanya jentera penggerak perniagaan ini akan dapatlah membimbing peniaga-peniaga turut serta mengambil peluang perniagaan dalam dan luar negara.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan siapnya akan dimaklumkan pada sedikit masa lagi iaitu mengenai mengatasi masalah perundangan *Power of Attorney* akan mungkin melegakan kebimbangan para peniaga dalam negara ini. Dengan adanya pemudah cara ini, yakinlah mereka akan melabur berjuta-juta ringgit di negara ini dengan bolehnya mereka membuat pembelian dari tempat mereka tinggal dengan tidak mengingaukan (mengkhuatiri) masalah perumahan mereka lagi.

Sasaran menjelang 2020 pelbagai sektor iaitu penternakan ayam pedaging, sayur-sayuran, industri makanan dan agrimakanan, perikanan, perhutanan dan juga pelancongan yang menyasarkan penjanaan ekonomi yang bernilai $800 juta ke $1 bilion maka penting *target* ini untuk menyumbang besar kepada peningkatan *KDNK*. Ini tidak ketinggalan membina kapasiti dan modal insan bagi memelihara kesejahteraan awam.

Sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Yang Dilantik dari Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan, kaola sepenuhnya menyokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai Anggaran Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 yang berjumlah $500 ke $600 juta.

Kaola tidak lupa juga mengucapkan berbanyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memberi kepercayaan dan melantik kaola sebagai Ahli Mesyuarat Negara.

Justeru itu, tidak lupa juga memohon maaf jika ada tersilap bahasa, terkasar

kata, tersilap persoalan, yang ia semata-mata adalah untuk menjalankan amanah yang diberikan kepada kaola. Kaola sanjung tinggi apa-apa rancangan yang telah dicadangkan menjurus kepada Anggaran Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 demi hala tuju yang berdaya tahan seperti dalam rancangan yang telah diperkenankan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tidak lupa mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua sepanjang mempengerusikan Majlis Mesyuarat Negara dengan bijaksana hingga membawa pelaksanaan mesyuarat yang berjaya menuju ke matlamatnya. Dari itu, kaola berdoa semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua akan sentiasa dirahmati dan diberkati Allah dan sentiasa dalam keadaan sihat walafiat.

Sepanjang 5 tahun penyertaan kaola dalam Permesyuaratan Negara di Dewan yang mulia ini, sedikit pun kaola tidak bermaksud niat yang tidak baik untuk mengingati sumpah dan perakuan yang diangkat, dibuat dan ditandatangani oleh seseorang Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat iaitu "Wallahi (والله), Wabillahi (وبالله), atau watallahi (وتالله)".

Dengan selesainya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara 2016 ini maka berakhirlah tempoh lantikan kaola sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang lepas ataupun yang baharu dan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik serta warga Jabatan Majlis Mesyuarat Negara. Jika terdapat tersilap bahasa dan tersalah langkah, yang baik hanya datangnya daripada Allah Subhannahu Wata'ala dan yang tidak baik itu daripada hamba-Nya juga. Kaola akhiri dengan serangkap pantun:-

Negara indah biarlah bersih,
Pelancong datang terasa aman,
Titah perasmian dijunjung kasih,
Kandungannya pun jadi panduan.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لله Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara telah sempurna dilaksanakan. Dalam kesempatan ini kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memimpin permesyuaratan dengan lancar dan teratur.

Diharap permesyuaratan yang telah berjalan mencapai tujuan untuk memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara, sebagai platform untuk menilai sistem pentadbiran, pembentukan serta pelaksanaan dasar dan program kerajaan iaitu selain meluluskan perundangan dan belanjawan. Ini untuk memenuhi peranan dan sumbangan Majlis Mesyuarat Negara sebagai institusi negara untuk memastikan keamanan, kestabilan, pembangunan dan kemakmuran negara yang kitani cintai ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Mesyuarat Negara. Ekonomi global sekarang tidak menentu dan harga minyak yang merudum menyebabkan berkurangan pendapatan kerajaan dan telah memberi kesan kepada perancangan dan keutamaan jangka pendek dan sederhana seperti yang tertera dengan pengurangan Belanjawan 2016/2017.

Dalam usaha untuk menjadikan negara lebih bersedia menghadapi cabaran era globalisasi, kaola berharap perancangan dan inisiatif jangka panjang akan ditangani dengan lebih bijaksana dan efektif serta diteruskan dengan secara lebih fokus dan lebih teratur agar negara dapat menghadapi masa hadapan yang lebih terarah dan demi kesejahteraan generasi yang akan datang.

Antara agenda jangka panjang nasional yang pernah kaola sentuh sepanjang permesyuaratan di Dewan yang mulia ini ialah:-

1. Wawasan Brunei 2035. Iaitu untuk meningkatkan kemakmuran negara dengan pencapaian matlamat serta memastikannya mapan dan berterusan. Kaola menyambut baik penggubalan rangka kerja wawasan dan mengalu-alukan inisiatif untuk melibatkan pihak swasta dan industri dengan penubuhan badan peneraju khusus. Seterusnya kaola berharap penglibatan golongan muda sebagai generasi Wawasan Brunei 2035 akan dipertingkatkan lagi;

2. Modal Insan sebagai aset negara yang paling berharga. Kaola pernah menyebut mengenai pembentukan Strategi Pembangunan Sumber Tenaga Manusia Kebangsaan berkenaan pada tahun 2013. Kaola berharap badan khas yang bertanggungjawab menyediakan Dasar Perancangan Sumber Tenaga Manusia yang diperkenankan penubuhannya pada Disember 2013 dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia Kebangsaan yang dalam perancangan akan dapat membantu kerajaan untuk merancang penghasilan Modal Insan Negara yang lebih menyeluruh, terarah dan berjadual;

3. Produktiviti. Pertumbuhan ekonomi penting untuk kesejahteraan negara dan berkait rapat dengan peningkatan produktiviti. Kaola pernah menyebut mengenai penubuhan *National Productivity Council* dan telah mencadangkan agar dikenal pasti bidang kemahiran

sesuai dengan orang Brunei yang boleh membantu meningkatkan inovasi dan produktiviti.
Kaola juga menyarankan agar dibudayakan dan diinstitusikan pembelajaran sepanjang hayat iaitu sebagai landasan dalam peningkatan produktiviti;

4. Pendidikan. Kaola telah menekankan agar pendidikan awal akan dapat dilaksanakan kerana memberi kesan positif kepada pembelajaran di peringkat berikutnya. Kaola berharap pendidikan awal yang *universal* dan berkualiti tinggi adalah sedia untuk dilaksanakan dan juga untuk menghadapi saingan global, para pelajar negara hendaklah menguasai mata-mata pelajaran sains dan matematik serta dibuat penilaian mengenai pencapaiannya. Ke arah ini, penyertaan negara dalam penilaian *PISA* pada tahun 2018 diharap mencapai tahap yang membanggakan. Sambil itu diteruskan pengukuhan nilai-nilai keagamaan dan kebudayaan dengan berkonsepkan Melayu Islam Beraja bagi melahirkan anak bangsa yang beriman, taat dan berbudaya; dan

5. Sekuriti Kewangan Persendirian. Sekuriti Kewangan Persendirian memanglah tanggungjawab setiap individu, akan tetapi usaha kerajaan untuk sentiasa mengkaji keperluan meningkatkan kadar caruman *TAP* dan *SCP* adalah dialu-alukan, kerana ia dapat membantu untuk menambahkan keyakinan kewangan pada waktu persaraan nanti. Seterusnya kaola berharap strategi Celik Kewangan Kebangsaan akan dapat dilaksanakan agar masyarakat kita akan lebih bijak dalam pengurusan kewangan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu lagi agenda nasional yang kaola ingin sentuh ialah pembangunan keusahawanan. Dalam konteks masa kini, untuk mengurangkan kebergantungan negara pada minyak dan gas dan untuk menjana perekonomian negara yang mapan, sektor swasta perlu diperkembangkan. Seperti mana juga ekonomi maju di dunia, sektor swasta dalam pelbagai sektor diterajui oleh para usahawan.

Oleh itu, tiba masanya persepsi masyarakat untuk lebih positif dan lebih menggalakkan dalam bidang keusahawanan. Kalau kita merujuk buku panduan telefon negara, kita patut menghargai para usahawan dan syarikat-syarikat perniagaan yang disenaraikan dalam *Yellow Pages* seperti juga kita menghargai mereka yang tersenarai dalam *Blue Pages* iaitu senarai jabatan dan agensi kerajaan.

Ramai berkemungkinan tidak tahu negara kita antara negara dunia yang mempunyai keunikan dalam Muka Surat Biru iaitu senarai agensi-agensi kerajaan dengan tulisan *font* 7 sahaja lebih tebal daripada Muka Surat Kuning iaitu senarai bagi syarikat perniagaan. Ini adalah satu petanda yang sektor swasta perlu diperkembangkan dengan lebih cepat lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti yang diperkatakan kita tidak dapat membangun masa depan untuk golongan muda, akan tetapi kita akan dapat membantu golongan muda untuk masa depan mereka. Kita sekarang menghadapi era globalisasi, era *digital revolution*, *big data, internet options, professional and social networking* dan *interdependencies* dalam pelbagai aspek. Oleh itu, kita hendaklah memfokuskan usaha memaju bidang perekonomian dengan memperkembangkan setiap sumber dan aset negara terutama sekali modal insan dengan secara optimum dan mapan.

Selanjutnya hendaklah diutamakan *learning opportunities* iaitu dalam pembentukan dan pelaksanaan polisi kerajaan, rangka kerja perundangan, pembentukan amalan terbaik, pembangunan modal insan dan sebagainya. Selain itu hendaklah juga dipertingkatkan lagi kestabilan persekitaran makro perniagaan, terus memperbaiki kedudukan negara dalam *Ease of Doing Business ranking* dan pembentukan polisi, memperkukuhkan ekosistem perniagaan.

Kita percaya generasi usahawan muda negara akan mengutamakan *self-reliance* atau berdikari sebagai asas pembangunan jati diri dalam menghadapi cabaran-cabaran. Kita juga merasa yakin mereka akan bersemangat dalam apa jua bidang keusahawanan yang diceburi, sentiasa meningkatkan keupayaan dengan berlandaskan pengetahuan dan meneruskan belajar untuk belajar, berada di barisan hadapan dalam bidang keusahawanan untuk menyumbang kepada pertumbuhan perekonomian negara. إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan peningkatan persepsi, pengiktirafan dan galakan masyarakat serta dengan peningkatan usaha bersepadu kerajaan untuk memperkasa usahawan dan sektor swasta dan semangat berdikari dan usaha gigih usahawan muda akan bertambahlah para usahawan negara yang berjaya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi mengakhiri ucapan kaola ini, kaola hanya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar negara kita akan sentiasa aman dan makmur dan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته, Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
وَالسَّلَامُ عَلٰى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدٰى.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu

kaola mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi menyampaikan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini.

الْحَمْدُ لله kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, selama beberapa hari kita bersidang di Dewan yang mulia ini persidangan telah dapat berjalan dengan lancar. Kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kerana dengan kebijaksanaan dan kewibawaan pimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dibantu dengan dedikasi Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis sepanjang persidangan yang telah berjaya menfokuskan perbahasan kepada Anggaran Rang Belanjawan 2016/2017 sebagai agenda utama dalam persidangan, di samping berjaya memandu persoalan dan isu lain yang tidak kurang pentingnya untuk disuarakan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan yang sangat berharga ini izinkan kaola menyentuh mengenai penglibatan kaum wanita yang sama-sama turut serta berperanan dalam membangun dan memajukan Negara Brunei Darussalam, baik dalam sektor awam, swasta dan dalam pertubuhan bukan kerajaan di negara ini.

Dengan pendidikan percuma yang selama ini dinikmati oleh rakyat dan penduduk telah memberikan peluang yang sama antara kaum lelaki dan kaum wanita untuk memberi khidmat bakti pembangunan dan kemakmuran negara, sama ada dalam sektor awam mahupun sektor swasta sebagai seorang ahli masyarakat, seorang isteri atau ibu dalam keluarga dan rumah tangga.

Golongan wanita yang berpendidikan tinggi sudah sama setanding dengan golongan lelaki, malah tidak dapat disangkal akan jumlah wanita lebih ramai dibanding lelaki di institusi-institusi pendidikan tinggi di negara ini. Peratus pekerja warga perkhidmatan awam dalam kalangan wanita juga sudah hampir menyamai jumlah pekerja lelaki.

Namun, pada hakikatnya kebanyakan pekerja wanita bekerja di peringkat pertengahan berbanding di peringkat atasan hanya sebilangan kecil sahaja daripada kalangan wanita diberi kepercayaan untuk memegang jawatan-jawatan tertentu.

Menurut statistik Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 2014, jumlah pegawai wanita yang berkhidmat dalam Bahagian I seramai 269 orang berbanding 615 pegawai lelaki. Berbeza dalam Bahagian II, seramai 6,164 pegawai wanita berbanding 3,691 orang pegawai lelaki.

Dengan prestasi kerja yang cemerlang, berdedikasi dan berpotensi dalam kalangan pegawai-pegawai wanita adalah diharapkan mereka juga diberikan peluang untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi kerana dengan adanya wanita berada di peringkat lebih

kanan dalam pentadbiran kerajaan, bukan sahaja akan dapat membantu mengetengahkan isu berhubung dengan kemaslahatan wanita, keluarga dan masyarakat malahan akan turut sama berperanan dalam mencorak kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Inilah juga yang dapat saya fahami antara inti sari pengajaran dari petikan ayat suci Al-Quran dalam surah At-Taubah tafsirnya: "Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah penolong bagi sebahagian yang lain, mereka menyuruh yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat kepada Allah dan rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah maha perkasa lagi maha bijaksana".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin menyatakan rasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana kepercayaan baginda melantik kaola sebagai salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik.

Dengan ilmu dan pengetahuan serta pengalaman yang sedikit, kaola telah berusaha sedaya yang kaola mampu untuk menunaikan amanah besar yang dimandatkan kepada kaola dalam memberikan sumbangan yang optimumnya dalam Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara. Khasnya dalam membincangkan dan membahas peruntukan kewangan yang seringkali diperingatkan kepada abis kaola sepanjang persidangan supaya perbahasan tidak jauh tersasar kepada isu-isu yang tidak berkaitan.

Semasa persidangan yang hanya diadakan sekali dalam tempoh setahun, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan kebenaran untuk abis kaola mengongsikan isu-isu lain yang tidak kurang pentingnya untuk disuarakan dalam Dewan yang mulia ini yang juga berkaitan kemaslahatan negara dan rakyat dari isu yang dianggap biasa dan remeh sahaja hinggalah isu yang lebih besar telah dibahas sebagaimana Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Yang Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara yang dapat dipetik, baginda menyeru kepada Ahli-ahli Mesyuarat Negara supaya dapat meneruskan serta melipatgandakan usaha masing-masing

dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini. Baginda juga bertitah supaya apa jua permasalahan itu perlu ditangani dengan baik dan sempurna dengan jalan berunding, semoga usaha-usaha yang kita buat akan menghasilkan buah yang baik dan ranum untuk semua.

Apa yang diharapkan hasil dari perbahasan tersebut, sedikit sebanyak ada jua manfaatnya untuk dijadikan sama ada sebagai bahan tambahan pemikiran, idea sokongan dan seumpamanya sehingga tidaklah sia-sia pelantikan kaola sebagai Ahli Mesyuarat Negara yang kaola junjung tinggi.

Begitu juga sebarang cadangan dan saranan yang diberikan dan kaola rasa terkilan dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa tidak ada cadangan atau saranan bersifat strategik telah disuarakan selama ini. Namun dari pengamatan kaola, ia juga menuju kepada hala tuju dan matlamat Wawasan Brunei 2035 dan juga sejauh ini daripada pengamatan kaola terdapat beberapa saranan yang telah pun diterima pakai oleh pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu lagi perkara yang kaola ingin sarankan di dalam Dewan yang mulia ini, jika tidak menjadi kesalahan. Kita belum lagi mempunyai perwakilan di kalangan anak-anak muda belia yang kita sangat maklum bahawa mereka ini mempunyai aspirasi yang selaras dengan kehendak dan keperluan masa kini. Sesuai mereka ini sering kita sebut-sebut sebagai aset negara, sebagai generasi pelapis kepimpinan masa depan dan lain-lain julukan yang merujuk kepada memberi semangat dan motivasi kepada golongan yang akan jadi peneraju kepimpinan masa depan negara.

Dengan adanya pandangan dan cadangan untuk didengar dan dibahas di Dewan yang mulia ini oleh wakil belia yang berpotensi khasnya dalam bidang yang menjadi keutamaan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ hasrat dan visi negara yang diterjemahkan dalam slogan tema 'Generasi Berwawasan' akan lebih bermakna dan dapat dicapai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi kaola mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Jabatan Majlis Mesyuarat Negara di bawah pimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dibantu oleh Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan Jurutulis, pegawai-pegawai dan kakitangan Majlis Mesyuarat Negara serta siapa sahaja yang terlibat yang sentiasa bekerja keras dan bersungguh-sungguh semata-mata untuk kejayaan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Kaola berdoa semoga segala usaha dan kerja gigih tersebut akan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagai penutup ucapan ini kaola sudahi:-

Dari Brunei ke Bandar Miri,
Singgah Sebentar ke Pekan Seria,
Selesai sudah tugas diberi,
Semoga Allah Ta'ala memberkatinya.

Bunga Seroja di atas para,
Dipetik oleh gadis rupawan,
Andai kata tersilap bicara,
Kemaafan jua kaola pohonkan'.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar beberapa Ucapan Penangguhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Berbagai-bagai saranan juga telah pun diutarakan dan saya kira *mood* kita yang agak berlainan daripada waktu kita berbincang mengenai belanjawan. Maka untuk rancangan kita seterusnya saya cadangkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat kita ini, kita tangguhkan dahulu untuk kita berehat dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kita akan bersidang semula pada petang nanti seperti biasa pukul 2.30 petang.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan sekarang disambung semula bagi Perkara IX, iaitu Ucapan-Ucapan Penangguhan.

Pada sidang yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi, seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat telah membuat kenyataan-kenyataan dalam Ucapan-Ucapan Penangguhan masing-masing. Sungguhpun demikian, dalam mengambil kira mengenai kenyataan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik itu, saya berpendapat seeloknyalah Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang suka untuk memberikan responnya atau penjelasan yang ringkas terhadap perkara yang ditimbulkan yang perlu mendapat penjelasan.

Sekarang saya mempersilakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya untuk menyambung semula Ucapan-Ucapan Penangguhan masing-masing.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Agenda perbincangan kita pada petang ini ialah Ucapan-Ucapan Penangguhan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Pertama-tama kita mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah mempengerusikan Majlis dengan sebaik-baiknya dengan tidak ada cacat celanya. Untuk itu memanglah sesuai kalau kaola berpantun:-

Pagar buluh babatnya jarang,
Kembang melati kuntumnya rata,
Dalam sepuluh sakit seorang,
Tahukan hati menimbang rasa.

Dalam ucapan ini, kaola menyentuh 2 perkara:-

1. Kaola timbulkan perkara gaji Penghulu, Ketua Kampung yang telah dihasratkan sekian lama iaitu sejak 5 tahun yang lalu, dan kini telah direalisasikan sepenuhnya oleh kementerian berkenaan, dan diucapkan tahniah dan terima kasih; dan

2. Mengutarakan bagi pengurniaan pingat kehormatan dan bintang kebesaran kepada penulis-penulis dan orang yang berkecimpung dalam bidang bahasa, sastera dan budaya iaitu Persatuan Asterawani Brunei dan lain-lain. Mudah-mudahan ia akan dapat

direalisasikan bagi menyuntik semangat para penulis bahasa, sastera dan budaya dan orang-orang yang berkaliber mengangkatnya.

Dalam banyak hal, kaola menyedari bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien merupakan seorang raja dan pemimpin yang berpengetahuan dalam banyak hal.

Baginda memahami dan menyedari bahawa doa-doa para ulama, anak-anak yatim, ustaz-ustaz, imam-imam dan lain-lain adalah mustajab untuk memajukan dan mencapai cita-cita baginda, baginda mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam mentadbir negara sama seperti ayahanda baginda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang sentiasa mengasihi dan menyayangi rakyatnya.

Kalau baginda tidak tahu luasnya langit, baginda bertanya kepada burung helang, jika baginda tidak tahu luasnya laut, baginda bertanya kepada ikan, jika baginda tidak tahu tentang lebarnya bumi, baginda akan terus bertanya kepada cacing, dan kalau baginda kurang faham tentang luasnya padang, baginda bertanya kepada belalang. Sebab itulah dihubungkan dengan pantun:-

Pengiran bersabda di pataratna,
Memakai baju selempang baldu,
Titah sepatah banyak makna,
Kalau dijumlah bukan seribu.

Mengenai pengurniaan pingat kehormatan dan bintang kebesaran yang kaola sebutkan itu, baginda juga telah tahu siapa pendukung-dukung bahasa, sastera dan budaya sama seperti Pengiran Sarmayuda Pengiran Mohd. Salleh yang masyhur dengan Syair Rakisnya dan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien masyhur dengan Syair Perlembagaannya dan beberapa syair baginda seperti Syair Rajang Hari, Rajang Jenaka dan lain-lain lagi.

Dengan demikian, karya-karya baginda itu hebat semuanya sehingga baginda digelar dengan julukan 'Arkitek Brunei Moden'. Penulis-penulis seperti Nur Ilham, Putera Ditanjung, Jamidul Hayat, Ali Tamin, Wan Muhammad, Yura Halim, Jamil Umar, Syukri Zain, Yahya MS, Badaruddin HO, Adi Rumi dan banyak lagi. Mereka ini berkumpul dalam Persatuan Asterawani yang selalu disebut di sana sini. Mereka ini sangat berjasa kepada negara dan mereka juga penyuntik semangat yang dinamik, progresif dan revolusi untuk memajukan Negara Brunei Darussalam dan adalah patut untuk dikenang jasa-jasa mereka itu.

Seorang lagi guru muda yang berani menyongsong angin dan arus dalam menjayakan cita-cita berbahasa dan

berbudaya ini iaitu mendayungkan Asterawani. Jika kita imbas balik memang panjang ceritanya dan saya tidak akan memanjangkan cukuplah dengan menyebut namanya sahaja.

Ia telah berkorban dengan moral dan materialnya untuk mengangkat perlembagaan bertulis pada tahun 1959 dalam Astrewaninya. Dia dianggap mendayung sebuah panggung wayang yang besar semata-mata untuk mengangkat dan memajukan bangsa dan negara.

Di samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama dengan ayahanda baginda bergerak bersama-sama menjayakan cita-cita bangsa Brunei sendiri.

kita imbas kembali pengorbanan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung yang menjadi teras dan teraju kepimpinan orang-orang brunei. penghulu dan ketua kampung itu sebagai indung yang sanggup berbasah bekaring (bertungkus-lumus) menjalankan tugas dan cita-cita demi kemajuan bangsa Brunei. Tidak ada penghulu dan ketua kampung dan tidak juga akan wujud jika Penghulu dan Ketua Kampung tidak diangkat oleh Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien. Dengan adanya kedua-dua golongan seperti penulis dan penghulu itu telah berusaha dan berkorban dari segi materialnya untuk menjadikan Brunei maju dalami arena penulisan. Kaola akhiri dengan sebuah pantun:-

Burung pingai dari Melaka,
Hinggap di dahan bunga kemboja,
Negara Brunei sudah merdeka,
Dengan falsafah Melayu Islam Beraja.

Itulah yang diangkat oleh penulis-penulis dan penghulu-penghulu selama ini untuk menjayakan cita-cita. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas segala limpah, rahmat serta izin-Nya jua, permesyuaratan ini berjalan selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallalahu Alaihi Wassallam, kaum kerabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun berjalan dengan lancar dan sempurna dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua mempengerusikan dan memimpin kesemua permesyuaratan yang bermula pada hari Sabtu, 5 Mac 2016 hingga ke hari ini dan ucapan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang telah memberikan jawapan kepada beberapa soalan yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini dalam suasana harmoni, persefahaman, muhibah dan saling menghormati.

Belanjawan sejumlah $5,600 juta telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat-sangat dijunjung tinggi dan menunjukkan betapa prihatinnya baginda terhadap kesejahteraan rakyat. Apa yang ditimbulkan di Dewan yang mulia ini ialah menjurus kepada mempertingkatkan keperluan rakyat dan penduduk negara ini.

Sebagai merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016, antara lain dalam titah baginda supaya Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara meneruskan serta melipatgandakan dalam pemedulian permasalahan rakyat dan penduduk negara ini sama ada bermastautin di kawasan bandar mahupun di luar bandar.

Merujuk kepada peruntukan Pembinaan Jalan sejumlah $89 juta disediakan dan ini akan dapat membanyakkan lagi rangkaian jalan yang akan dibina di Negara Brunei Darussalam. Sehubungan dengan itu, mana-mana kawasan perumahan yang padat seperti Perumahan Negara di Meragang, Tanah Jambu dan Mengkubau yang sering mengalami kesesakan lalu lintas (trafik) terutamanya di kawasan keluar simpang, pusing keliling Mentiri dan pusing keliling Sungai Akar supaya akan dapat ditingkatkan dan dinaik taraf.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola juga menyokong langkah berjimat cermat yang sedang dijalankan oleh kerajaan yang berlaku dalam perkhidmatan awam yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) semasa membentangkan Peruntukan Belanjawan Tahun Kewangan 2016/2017.

Dalam hubungan ini, rakyat dan penduduk diseru untuk sentiasa berjimat cermat dalam merancang perbelanjaan dan sentiasa bijak dalam penggunaan pemberian subsidi seperti tenaga elektrik, air, minyak, gas dan lain-lain.

Dalam kesempatan ini, kaola mewakili Kawasan Zon 2, Daerah Brunei dan Muara menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pelantikan kaola di Kawasan Zon 2 dalam tempoh 5 tahun yang akan berakhir pada 5 Mei 2016 ini.

Di Dewan yang mulia ini, kaola memohon supaya peruntukan yang telah diluluskan akan dapat digunakan kepada projek-projek ataupun rancangan yang telah disusun, siap pada waktunya terutama sekali projek jalan raya, penaiktarafan sistem bekalan air. Masalah ini sentiasa dinantikan oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis serta pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang telah melaksanakan tugas mereka dengan baik dan sempurna.

Sebelum kaola mengakhiri ucapan penggulungan ini kaola mengambil kesempatan untuk memohon maaf, jika ada tersuruk langkah (tindak tanduk), tutur kata yang terutama sekali kepada semua Ahli Yang Berhormat. Kaola akhiri dengan beberapa rangkap pantun.

Pergi ke bandar naik kereta,
Mari singgah di Kuala pekan,
Tersalah kata maaf dipinta,
10 jari hamba pohonkan.

Bintang barat terbit petang,
Bintang timur terbit pagi,
Jika tidak melarat pandang,
Ada umur ketemu lagi.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Lebih dahulu kaola/saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis kerana dengan jayanya mempengerusikan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara. Kaola juga tidak lupa ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang memberikan taklimat dan jawapan yang komprehensif.

Kaola selaku Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, menyampaikan permasalahan negara dan rakyat, walaupun kadang-kadang pendapat dan pandangan berbeza tetapi tujuan kita sama, demi penambah-baikan kehidupan, keharmonian, perekonomian, pembangunan,

keagamaan dan lain-lain demi negara yang sama-sama kita cintai.

Dalam dunia yang serba mencabar ini, susah untuk diramal terutama harga minyak yang kita hampir sepenuhnya bergantung pada komiditi ini dan ditambah lagi dengan isu pengangguran yang perlu kita tangani bersama. Mekanismenya sudah ada, seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda memperkenankan beberapa reformasi penting bagi mempelbagaikan ekonomi negara seperti *Foreign Direct Investment (FDI)* dan *Downstream Industry*.

Bagi perusahaan tempatan yang berskala kecil dan sederhana, apa yang tinggal adalah untuk merealisasikan matlamat kerajaan tersebut. Jika kita melihat sejarah Brunei, ujian yang lebih getir telah kita tempuhi. Berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ujian yang sedang kita hadapi pada masa ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan kita selesaikan satu persatu dengan sokongan semua rakyat. Sebelum mengundur diri, kaola menyusun jari sepuluh, memohon ampun dan maaf sekiranya ada menyinggung perasaan di dalam Dewan mahupun yang di luar Dewan.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Ucapan Penagguhan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. Dalam menyokong Usul Penangguhan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam, kaola sama-sama menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam kesempatan ini, kaola juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin mesyuarat di Dewan yang mulia ini, dengan cemerlangnya dengan dibantu oleh Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Dalam membahaskan Peruntukan Belanjawan Tahun 2016/2017, semua Ahli Yang Berhormat telah diberi

kesempatan untuk bercakap serta memberikan pandangan, terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Pengerusi.

Bajet yang telah diperuntukkan iaitu berjumlah hampir $500 juta, merupakan satu kurnia yang patut disyukuri dan dihargai dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, memberikan perhatian terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, seperti mana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada musim permesyuaratan yang lepas.

Menghayati titah baginda itu, dengan penuh seribu makna dan nasihat untuk menjadi panduan dalam sama-sama menangani kegawatan ekonomi negara supaya Majlis Mesyuarat Negara berperanan sebagai ejen pencetus idea bagi pembangunan ekonomi negara serta pemangkin ekonomi negara.

Menyentuh mengenai Pelan Strategi kementerian-kementerian yang mendapat peruntukan masing-masing, saya penuh yakin dan percaya kiranya 70 peratus strategi yang telah digariskan akan dapat dilaksanakan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, Negara Brunei Darussalam ini akan aman makmur serta mendapat limpah rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita mengharapkan semua perancangan akan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan di samping kita berbelanja secara berhemah tanpa menjejaskan kepentingan masyarakat. Rakyat juga diseru akan sentiasa menanamkan semangat rajin berusaha, merebut peluang perniagaan yang sekarang ini telah diberikan berbagai-bagai kemudahan melalui perubahan, pelbagai prosedur dan sistem semata-mata untuk menjijnakkan rakyat dan penduduk negara ini dalam bidang urus niaga bagi sara diri serta keluarga dan menjana ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN10), pelbagai rancangan telah dilaksanakan dan sedang dalam pelaksanaan bagi memastikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dapat menikmati pembangunan yang seimbang dengan keperluan semasa. Apa yang diharapkan supaya kementerian yang berkenaan akan dapat memberikan fokus kepada bidang yang memberikan keuntungan yang besar kepada kerajaan dan rakyat serta penduduk negara ini.

Menyentuh mengenai keusahawanan yang perlu dikembangkan bagi membina belia yang ingin bergiat aktif dalam perniagaan dan industri kecil dan sederhana, peluang yang ada memang tersedia dan perlu direbut. Cuma apa yang penting, bagaimana mereka memulakan? Inilah yang agak sukar

bagi mereka. Bagi melaksanakan perkara ini, pihak yang berwajib perlu memikirkan bagaimana mekanisme yang dapat merangsang belia ini bergiat dan menceburi bidang perniagaan yang mereka boleh lakukan.

Dicadangkan, agar Pusat Perniagaan untuk belia disediakan di keempat-empat daerah di negara ini. Dalam pusat tersebut disediakan ruang seperti kedai gunting rambut, dandanan rambut, restoran tempat berjual jenis-jenis makanan ringan, kedai membaiki telefon, bengkel membaik pulih kereta dan lain-lain yang dilengkapi dengan kemudahan yang diperlukan.

Setiap belia yang menjalani apa juga bidang kursus ditempatkan sementara menggunakan ruang tersebut bagi mempraktikkan apa jua kursus yang diikuti dalam berbagai-bagai bidang. Apa yang nampak sekarang ini, banyak kursus yang telah dijalankan dan banyak juga mereka yang telah menamatkan kursus tapi belum banyak kita lihat mereka ini bergiat aktif dalam bidang perniagaan.

Melalui kaedah ini, kita akan dapat menyemai benih yang nantinya tumbuh menjadi buah yang segar dan manis rasanya untuk negara dan menjadikan pelaburan masa depan seperti yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Ucapan Penangguhan pagi tadi.

Dalam mempelbagaikan ekonomi negara dalam bidang industri yang boleh diterokai dan signifikan dalam isu sampah dan kitar semula. Kita kaitkan dengan masalah sampah yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik, tin minuman yang banyak digunakan di negara ini, biasanya dikumpulkan secara berasingan dan dijual kepada ejen yang mengendalikannya.

Apa yang berlaku pada masa ini, syarikat yang mengendalikan kitar semula ini akan menjual balik kepada ejen luar negara seperti Singapura dan seumpamanya. Apakah tidak boleh kiranya barang kitar semula ini diproses di dalam negara ini dengan ditawarkan kepada syarikat tempatan atau *joint venture* dengan syarikat luar negara bagi menghasilkan produk seperti tisu, tin-tin minuman dan seumpamanya. Melalui usaha ini akan dapat menjamin ekonomi serta peluang pekerjaan bagi rakyat dan penduduk negara ini.

Mengenai dengan teguran dan peringatan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai isu sampah, saya menyokong sepenuhnya saranan Yang Berhormat berkenaan bahawa isu sampah dan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Kita ingin membuat perbandingan kebersihan negara yang sedang membangun dan negara maju di dunia ini. Rakyatnya mengamalkan sikap berdisiplin, pembersih serta bertanggungjawab terhadap kebersihan alam sekitar. Isu ini banyak bergantung pada budaya cara hidup masyarakat yang tinggal di sesuatu tempat. Ia memerlukan kesedaran atau *civic minded* dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Kita buat kajian masyarakat yang tinggal di darat dan Kampung Air di sekitar tahun 70-an. Isu sampah dan alam sekitar kurang diberi perhatian ketika itu. Sampah dibuang sesuka hati tanpa menghiraukan keselamatan dan kebersihan. Maknanya budaya 'malas ku ingau' (tidak endah) menjadi warisan hingga kepada generasi sekarang. Kita mengharapkan melalui pendidikan dan teladan daripada ibu bapa dan masyarakat, perkara ini akan dapat diperbaiki dari semasa ke semasa.

Perlu juga diambil perhatian, kehadiran pekerja asing ke negara kita juga turut menyumbang kepada pencemaran alam sekitar. Banyak didapati mereka juga membuang sampah merata-rata. Misalannya membuang sampah di tepi jalan dan di tempat bukan pembuangan sampah. Maka dicadangkan agar mereka ini akan diberikan kursus serta orientasi mengenai peraturan dan undang-undang negara ini yang perlu dipatuhi, sebelum mereka ini bekerja atau diberi permit kerja melalui majikan masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kesempatan ini, saya ingin memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan jika terdapat kelakuan yang sumbang dan tidak menepati kehendak Dewan ini, dalam menyampaikan apa jua ucapan dan cadangan sepanjang Majlis ini berlangsung. Cadangan dan pandangan yang disampaikan adalah berniat baik untuk kepentingan rakyat dan negara kita Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai. Akhir kalam, kaola jua ingin sama-sama berpantun:-

Rancangan disusun dengan teliti,
Dituntut bersabar dalam menanti,
Rakyat bersyukur kepada Ilahi,
Menuju kemajuan untuk dinikmati.

Prasarana tiada kurang,
Tempat berjaja sudah dibisaikan,
Kurangkan meminta apa yang kurang,
Usaha gigih perlu ditingkatkan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik yang kaola hormati sekalian. Kaola lebih dahulu dengan penuh hormat bersetuju dan menyokong sepenuhnya akan Ucapan Penangguhan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam yang disampaikannya pada sebelah pagi tadi.

Kaola menyambut baik dan menyokong sepenuhnya saranan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tersebut. Setiap rancangan yang difikirkan strategik yang hendak

dijalankan seharusnya dikongsikan sama dengan Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik, bagi mengurangkan soalan-soalan yang kurang strategik yang disuarakan di Dewan yang mulia ini. Ini akan dapat memberi ruang untuk Ahli Majlis Mesyuarat Negara memfokuskan dirinya membincangkan kepada perkara-perkara yang lebih substantif, kalaupun ada hanya sepintas lalu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin kurang arif tentang *boundary issue* yang *strategic* itu. Sama jua seperti halnya dengan isu-isu keselamatan negara yang dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli kerana Jawatan telah dapat merespons dengan baik isu, cadangan dan saranan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik dengan penuh tanggungjawab selaras dengan apa yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola ingin memberi sedikit saranan dan pandangan dalam beberapa aspek yang telah dibahaskan bersama-sama semasa permesyuaratan kali kedua belas ini:-

1. Destinasi Pelancongan. Banyak pemikiran, cadangan dan saranan yang telah dibangkitkan itu haruslah ditunduki dan dihalusi sedalam-dalamnya bagi menunjukkan ketelusan Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara ini. Misalannya isu mengembangmajukan destinasi pelancongan di negara ini.

   Di Daerah Belait terdapat banyak lokasi yang berbentuk semula jadi yang menarik jika diterokai sepenuhnya selain lokasi yang sedia ada. Jika kita dapat usahakan secara *Public Private Partnership (PPP)* dengan nilai tambah yang bersesuaian, tidak mustahil ia boleh menarik minat para pelancong dalam dan luar negeri untuk berkunjung ke Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini dan ini akan dapat menyumbang pertumbuhan ekonomi negara;

2. Generasi Berwawasan. Generasi hari ini sangat bertuah kerana prasarana pendidikan dan lain-lain telah dapat disediakan oleh pihak kerajaan dengan secukupnya. Jika dibandingkan dengan generasi-sebelumnya. Generasi hari ini hendaklah mempunyai iltizam yang tinggi dan jangan mudah rapuh atau cair dalam mengawal diri daripada arus perkembangan globalisasi masa kini. Negara memerlukan generasi yang berwawasan, dinamik dan berdaya saing.

   Harus lebih berusaha gigih dan komited dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Adakah kita berpuas hati terhadap prasarana yang kita sediakan untuk belia kita mengharungi cabaran-cabaran masa kini dan masa akan datang jika sebelum menyediakan platform yang

kondusif dengan memberi peluang yang bersesuaian untuk mereka berkembang lengkapi mereka dengan ilmu duniawi dan ukhrawi diiringi dengan *mentorship* yang membina dan bantulah perkembangan mereka sehingga Berjaya;

3. Dasar kerajaan yang probisnes. Kaola mengalu-alukan dasar kerajaan yang pro-bisnes. *Mindset* kakitangan perkhidmatan awam dalam melayani pelanggan haruslah juga berubah. Iklim bisnes di negara kita tidaklah seperti era sebelum tahun 1994. Bisnes ketika ini boleh dijalankan secara *online* ia mudah dan sesuai dengan inspirasi muda kita. Rancangan dengan *Ease of Doing Business* kita dengan tunjuk ajar yang membina, bantuan kewangan yang berpatutan perlu dihulurkan jika diperlukan.

   Bagi memudahkan peniaga muda berkembang kursus-kursus yang relevan harus diteruskan dari semasa ke semasa bagi melengkapkan belia kita untuk menjadikan usahawan yang berjaya. Kita harus mulakan dari sekarang jika ingin melihat belia Negara Brunei Darussalam cemerlang kerana kejayaan itu bukan boleh dicapai dalam sehari *dua Rome is not built in one day* kalau tidak berkecailah harapan negara untuk melihat belia kita menerajui bangsanya menuju ke Wawasan Brunei 2035;

4. Pemedulian terhadap permasalahan rakyat. الْحَمْدُ لله kerajaan masih mampu memeduli komitmen sosialnya dalam membantu dan menghulur bantuan kepada orang yang kurang berkemampuan walaupun menghadapi kegawatan ekonomi namun pihak kerajaan khususnya Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Ugama Islam Brunei dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah terus memberikan pertimbangan kepada pemohon-pemohon yang benar-benar susah dan memerlukan bantuan.

   Apa yang kita harapkan ialah proses bagi mendapatkan bantuan tersebut hendaklah diharmonisasikan dan dipercepatkan kerana keperluan hidup seseorang insan yang susah itu sangat memerlukan bantuan segera. Ini adalah pengalaman seorang pemimpin akar umbi melayan nasib anak bangsa yang berpendapatan rendah dalam hati kecil berkata 'apa halnya kalau kita *in their shoes'*. Adakah kita biarkan keadaan sedemikian ini berterusan? Kita harus mencari penyelesaian dalam jangka panjang bagi mengurangkan kadar kemiskinan di Negara Brunei Darussalam. Memberi peluang pekerjaan dan bisnes kecil-kecilan melalui *term contract* yang bersesuaian dengan tidak mengenakan syarat-syarat yang memberatkan atau membebankan harus dipertimbangkan. Secara tidak langsung ianya dapat mengurangkan kemiskinan di negara ini.

Dalam masa yang sama, kita berharap agar *mindset* insan yang memerlukan bantuan itu pun juga harus cuba berdikari dengan berusaha kecil-kecilan untuk *generate income* dan janganlah bergantung sangat pada bantuan orang lain; dan

5. Keselamatan negara dengan semboyan yang sering didengar bahawa keselamatan negara adalah tanggungjawab semua. Pihak Pasukan Polis Diraja Brunei telah mengaktifkan semula pengawasan kejiranan yang melibatkan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara. الْحَمْدُ لله setakat ini respons sungguh menggalakkan.

   Kita menyokong cadangan pihak Pasukan Polis Diraja Brunei untuk mempertimbangkan keahlian pengawasan kejiranan dengan melibatkan juga *stakeholders* yang berkepentingan di kawasan masing-masing dalam sama-sama menjaga keselamatan negara. Diharapkan juga pihak-pihak yang berkenaan akan dapat membuat pemantauan perkembangannya di samping memohon akan dapat juga menilai kepentingan dan kesejahteraan para pengawas itu sendiri supaya ia akan bertahan dengan lama dan jangan sampai ia terhenti atau terbantut di tengah jalan.

Akhirnya kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengambil kesempatan ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis serta pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat kerana telah berjaya melicinkan perjalanan Majlis Mesyuarat Negara Kali Kedua Belas tahun ini. Ahli-ahli Yang Berhomat kaola mohon maaf sekiranya terdapat sebarang tutur kata dan tingkah laku yang kurang manis dan yang tidak disenangi tanpa kaola sedari sepanjang sesi perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Sekian sahaja Ucapan Penangguhan kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته. Tidak ada pantun Yang Berhormat yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيكُم وَرَحمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله akhir kalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara 2016 yang telah bersidang mula pada 5 Mac 2016 yang didahului dengan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pengurniaan titah antara lain berbunyi "Janganlah semua isu hanya dibincangkan dan dibahaskan tanpa adanya susulan pelaksanaan. Kita juga perlu melihat apa yang sudah dicapai jika belum bermakna kita masih memerlukan tindakan dan pembaikan".

Titah tersebut telah pun dibincangkan dengan panjang lebar dan penuh teliti serta berhati-hati oleh kita semua untuk diterjemahkan dan direalisasikan di dalam satu kesimpulan yang amat berharga.

Oleh itu, kita selaku ahli pemikir bagi rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam khasnya, seperti mana petikan titah tersebut di atas dalam memikirkan keperluan negara dan rakyat kita telah banyak mengemukakan cadangan dan pandangan yang perlu dipertimbangkan, ditangani dan dilihat keperluannya demi kemakmuran rakyat dan negara dalam berbagai-bagai bentuk sama ada skala besar, mega atau sekecil manapun ia dilihat, semua itu sama dan merupakan satu keperluan untuk rakyat dan negara juga.

Buat akhirnya kaola wakil dari Daerah Belait Kawasan Zon 2 mengambil kesempatan menyusun jari sepuluh memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat terkasar bahasa dan terlanjur bahasa sepanjang perkhidmatan saya selama 5 tahun yang akan berlalu yang tidak tersengaja dengan diiringi:-

Kalau ada jarum yang patah,
Jangan disimpan di atas peti,
Kalau ada silap dan salah,
Jangan disimpan di dalam hati.

Kalau ada sumur di ladang,
Terasa dingin ketika mandi,
Kalau kita sihat dan umur panjang,
Jika diizinkan lain kali berjumpa lagi.

Tuan bilal pergi ke pekan sambil tersenyum,
Hajah Maimon berjalan bertongkat,
Meminta halalkan yang termakan dan terminum
Dipohonkan doa mendapat berkat.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima Kasih**,** Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. اَلْحَمْدُ لله kita sama-sama bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana kita dapat hadir di Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Kedua Belas hari ini, membincangkan Perbekalan Tahun 2016/2017. Semua Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian pada membahaskan Peruntukan tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita menarik perhatian Ahli-ahli

Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, bahawa semua peruntukan yang sudah diluluskan akan dapat digunakan sepenuhnya pada sesuatu projek yang telah dirancang dan akan dapat disiapkan pada masa yang tertentu.

Sebelum kaola meneruskan Ucapan Penangguhan ini, kaola selitkan dengan serangkap pantun:-

Pak Selamat membeli wajit,
Wajit dibeli di kedai Pak Mat Dasing,
Bulan Mac meluluskan bajet,
Bajet untuk kementerian masing-masing.

Pantun ini ada kaitannya dengan nasihat Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya difokuskan Tajuk peruntukan berkenaan maka dengan sebab itu kaola cadangkan bahawa supaya direviu peruntukan yang telah diluluskan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan. Sejauh mana peruntukan ini sudah dibelanjakan pada projek-projek yang dirancang dan supaya dapat diadakan satu perjumpaan bersama Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet sama ada bulan September atau Oktober 2016 bertempat di Dewan yang Mulia ini. Tujuan perjumpaan ini ialah untuk mengenal pasti bahawa perbelanjaan tersebut diurus dengan sebaik-baiknya.

Baru-baru ini mengikut media cetak yang dikeluarkan melalui Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi (JPKE) bahawa seramai 10,640 orang yang berumur 18 hingga 59 tahun rakyat Brunei dan Penduduk Tetap mengenai mencari kerja. Tidaklah dinafikan bahawa usaha pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan penyertaan anak-anak tempatan dalam pasaran kerja di negara ini khususnya di sektor swasta iaitu seperti Skim Meningkatkan Tahap Pengetahuan dan Kemahiran dengan Latihan Skim Mahasiswa-Mahasiswa Khas antara Skim Biasiswa Pendidikan, Teknikal dan Vokasional di Institusi Pengajian Swasta di dalam negeri dan Skim Latihan Pekerjaan.

Walau bagaimanapun bahawa pengambilan anak-anak tempatan agak terhad kerana mereka ini tidak mempunyai kemahiran seperti mana yang dikehendaki oleh sektor swasta berkenaan.

Selain dinyatakan di atas, apalah jua kiranya diwujudkan Pusat Latihan Kemahiran untuk latihan perladangan, ternakan dan nelayan. Ini adalah persediaan bagi mereka yang masih mencari kerja. Dengan adanya pusat sedemikian bahawa ada peluang pencari kerja yang berminat untuk ikut serta dalam bidang masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di Pertua. Ini masalah perikanan. Tidaklah dinafikan bahawa Jabatan Perikanan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah berusaha

membantu pengusaha-pengusaha tempatan untuk memenuhi keperluan sendiri seperti projek memelihara ikan dalam sangkar, udang dalam kolam dan sebagainya.

Pada masa ini kita masih mengimport ikan dari luar negeri sama ada basah mahupun beku. Dalam hubungan ini, kaola sarankan kementerian berkenaan membuka Pusat Latihan Perikanan dan Laut Dalam serta Skim Bantuan kepada belia yang berminat sebagai nelayan. Dengan adanya pusat sedemikian akan melahirkan nelayan yang berkemahiran bukan sahaja nelayan pantai tetapi juga sebagai pengusaha laut dalam.

Di samping itu peluang pekerjaan dan pengusaha anak tempatan bukan sahaja mengunakan bot kecil tetapi kapal khas menangkap ikan seperti mana di negara yang maju dalam bidang ini dan mengurangkan pengimportan ikan dari luar negeri.

Sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan ini. Kaola sesungguhnya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan kerjasama semua pihak. Apa jua dibahaskan dalam sesuatu Tajuk Peruntukan Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya dapat diselesaikan kerana Yang Berhormat Yang Di Pertua sendiri memberi peluang yang seluas-luasnya kepada rakan sejawatan di sebelah sini. Begitu juga jawapan-jawapan Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan sekiranya belum dapat dijawab pada masa ini, Yang Berhormat berkenaan meminta tangguh dan akan dijawab esok ataupun sebaliknya. Ini satu peningkatan dan memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan. Abis kaola sebelah sini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Di samping itu kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis kerana berganding bahu pada menjalankan tugas masing-masing, lebih-lebih lagi dengan bantuan mereka yang mengenal pasti Yang Berhormat selain sebelah sini untuk bercakap lagi, kaola mengucapkan terima kasih.

Sebelum mengakhiri, ini bukan berpantun. Baru-baru ini, Negara Brunei Darussalam ikut serta memadam lampu selama 1 jam (dari pukul 8.30 malam hingga 9.30 malam). Apalah jua kiranya pada masa akan datang membaca doa selamat dan kesyukuran sesuai dengan falsafah negara kita Melayu Islam Beraja dan sebagai sebuah Negara Zikir. Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ اَمَّا بَعْدُ. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan dan Yang

Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلْحَمْدُ لله Peruntukan Belanjawan 2016/2017 telah pun diluluskan dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Dengan kebijaksanaan dan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih dapat juga penduduk dan rakyat di negara ini menikmati kemakmuran dan kesejahteraan dari Peruntukan Tahun Kewangan 2016/2017 Walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi kesan turunnya harga minyak dunia.

Oleh itu mewakili penduduk dan rakyat Daerah Tutong, kaola menyembahkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola berharap semoga peruntukan yang telah diluluskan ini dapat digunakan dengan sepenuhnya untuk projek yang telah dirancang dengan teliti dan berjimat cermat.

Dalam kesempatan ini kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan keupayaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengendalikan Majlis Mesyuarat Negara ini, maka majlis berjalan dengan lancar dalam suasana yang penuh mesra dan harmoni dan kadangkala menghiburkan.

Kaola tidak lupa juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan kerana sedaya upaya dapat memberikan jawapan dan penjelasan terhadap soalan dan cadangan kaola. Begitu juga ucapan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas sokongan dan kerjasama yang diberikan kepada abis kaola sepanjang permesyuaratan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola sebagai Ahli Yang Berhormat yang Dilantik dari Daerah Tutong khususnya Zon 2 dan selaku pemimpin akar umbi yang banyak memeduli hal kesejahteraan anak buah setentunya dalam mesyuarat ini membawa juga sedikit isu yang dianggap tidak bersesuaian di dalam Dewan yang mulia ini tapi oleh sebab kesejahteraan anak buah yang belum terlaksana maka isu-isu yang dianggap kecil ini terpaksa juga dibawa dalam mesyuarat ini, kaola bersandar dan menyahut kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara yang menekankan janganlah sahaja semua isu dibincangkan dan dibahas tanpa adanya susulan pelaksanaan ia perlu juga dilihat apa yang sudah dicapai jika belum tentunya masih ada pembaikan.

Berhubung dengan perkara susulan pelaksanaan dan pencapaian ini, kaola lebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak berkenaan atas pembinaan kolam tadahan pencegahan banjir di Daerah Tutong sekurang-kurangnya telah mengurangkan banjir. Walau bagaimanapun ada antara kolam tadahan ini tidak dapat menampung limpahan air malah banjir berlaku apabila hujan lebat hanya dalam masa 2 ke 3 jam sahaja.

Di kawasan yang tidak pernah berlaku banjir sebelumnya. Misalannya di kawasan Jalan Ikas Bandung Kampung Kupang. Walaupun Kampung Kupang bukan dalam Zon yang kaola wakili tetapi kami Yang Berhormat Daerah Tutong tetap bersatu dan bekerjasama dalam memedulikan persoalan rakyat dan penduduk Daerah Tutong.

Harapan penduduk kawasan tersebut supaya ada susulan penyelidikan dan pantauan tentang kolam tadahan ini agar masalah yang dihadapi penduduk ini dapat diselesaikan. Begitu juga diharapkan ada pemantauan dan penyelidikan oleh pegawai luar yang berkenaan terhadap projek kerajaan di negara ini untuk memastikan projek ini terlaksana dengan sempurna dan berbaloi dengan perbelanjaan yang diperuntukkan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Kaola berjanji akan cuba bekerjasama dengan keupayaan yang ada pada kaola kepada pihak yang berkenaan dalam menghidangkan saranan atau buah fikiran mengenai cara mengurangkan kebergantungan pada sumber minyak dan gas. Iaitu bagaimana negara dapat menjana pendapatan dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat. Antaranya ialah memfokuskan ke arah memperkukuhkan asas sektor pertanian dan agrimakanan serta industri pelancongan adalah di antara yang mesti diangkat menjadi sebahagian penyumbang utama.

Daerah Tutong mempunyai berbagai-bagai perusahaan yang telah dilaksanakan seperti ternakan udang, ternakan ikan dalam kolam, ternakan ayam, malah mempunyai kilang memproses makanan dan minuman, kilang memproses ikan dan udang, perusahaan kebun buah-buahan, padi dan sayur-sayuran.

Oleh itu, jika sumber asas yang disebutkan tadi dipertingkatkan secara terancang dan sistematik maka Daerah Tutong mampu menjadi pusat permakanan halal atau halal dan berpeluang menambah lagi produk yang boleh dieksport.

Tambahan pula sektor pertanian dimajukan di sepanjang jalan yang baharu dibuka iaitu di sepanjang Jalan Empangan Nyamuk Nying di hulu Tutong dengan diberi peluang kepada penduduk tempatan mengusahakannya kerana dengan adanya perusahaan ini secara tidak langsung akan bertambahnya penduduk yang boleh mencegah daripada kemasukan pendatang haram dan penyeludupan menerusi jalan tikus di kawasan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat. Sektor pelancongan boleh membantu mempelbagaikan ekonomi negara kerana ia boleh berperanan sebagai pemasaran meningkatkan sumber hasil pertukaran asing dan mempromosi produk di negara ini keluar negara dan berupaya untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi percutian yang boleh menjana peluang pekerjaan. Oleh itu, beberapa sumber asli atau produk yang sudah ada penting diketengahkan dan dimajukan serta diperbisaikan (dielokkan) untuk destinasi pelancongan dalam dan luar negara. Agar dapat memberikan hasil yang lumayan kepada negara ini.

Misalannya penambahbaikan unsur tradisional seperti kesenian dan kebudayaan dan pemakanan tradisional dalam perkampungan budaya etnik Daerah Tutong dan juga mengangkat dan membina unsur warisan seperti muzium dan galeri Daerah Tutong dan menambah artifak-artifak antarabangsa, memperkenalkan sejarah atau legenda setempat, mengadakan kalendar tahunan untuk melawat Brunei dengan mempromosi hari perayaan, sukan negara, mengadakan pertandingan antarabangsa dan mempromosi tempat menarik dan lain-lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dan Ahli-ahli Yang Berhormat, selain itu, keperluan juga untuk mendatangkan tenaga pakar ke Perlembagaan Industri iaitu sebagai usaha lanjutan untuk mengisi keperluan negara menjelang Wawasan Brunei 2035. Agensi-agensi kerajaan telah dipertanggungjawab membangunkan sumber tenaga manusia dengan memperlengkapkan berbagai-bagai kemahiran kepada anak-anak tempatan. Maka ke arah ini pelbagai skim patut disediakan bagi mempertingkatkan dan memperbaiki taraf akademik dan kemahiran dalam bidang masing-masing.

Sehubungan dengan itu, dicadangkan supaya suatu hari nanti Pusat Pembangunan Kemahiran berkaitan dengan industri dibangunkan di Daerah Tutong. Pusat ini nanti berfungsi meningkatkan kemahiran pelajar tentang industri berkenaan untuk mewujudkan perubahan tatacara kerja yang lebih efesien bagi menyediakan pekerja mahir, separuh mahir dan pekerjaan anak tempatan. Terutama untuk mengisi peluang pekerjaan *3D* yang masih dimonopoli oleh pekerja asing.

Pada tahun 50-an tidak ada sekolah kemahiran tetapi bapa dan nenek kita yang bekerja membina jalan, yang mencangkul longkang, yang membina

bangunan, bekerja balak dan melakukan berbagai-bagai kerja *3D*. Apa lagi zaman sekarang sudah ada kursus dan bengkel kemahiran sudah tentunya boleh melakukan pekerjaan berkenaan. Kita tidak mahu dengan pengambilan pekerja asing menjejaskan peluang anak tempatan untuk bekerja atau pemberhentian pekerjaan anak tempatan.

Dalam hal ini, pemberhentian pekerjaan anak tempatan oleh sebahagian syarikat sudah setentunya menambahkan pengangguran dan gejala meminta bantuan tidak akan berhenti. Gejala meminta-minta bantuan ini memang sebagai pengalaman biasa bagi abis kaola sebagai pemimpin akar umbi, sebagai saluran dan juga tempat meminta-minta. Sudah tentunya pihak berkenaan ada garis panduan meneliti dan membuat penyiasatan dari pekerja bawahan yang lebih mengetahui akan persoalan rakan sejawatan mereka dan bukannya penyiasatan sebelah pihak sahaja.

Akhirnya, kaola memohon berbanyak-banyak ampun dan maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan, Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik, Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan pegawai-pegawai serta kakitangan andainya terdapat kesilapan dan kecacatan kaola sepanjang permesyuaratan.

Diharap apa jua yang menyinggung perasaan hendaknya jangan di simpan di dalam hati dan sama-samalah kita berdoa semoga apa jua hasil dari permesyuaratan ini akan mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Sebagai penutup kaola persembahkan pantun berkait:-

Pantai indah barat tenggara,
Pasukan Telus mudik terlena,
Selesai sudah Mesyuarat Negara,
Peruntukan lulus projek dibina.

Pasukan Telus mudik terlena,
Mudah terkena tangan tersela,
Peruntukan lulus projek dibina,
Sudah sempurna jangan tercela.

Mudah terkena tangan tersela,
Juara benua saingan lencana,
Sudah sempurna jangan tercela,
Pelihara semua dengan sempurna.

Juara benua saingan lencana,
Jarum percuma serunai dipinta,
Pelihara semua dengan sempurna,
Harum nama Brunei tercinta.

Sekian وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang terakhir daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Yang Dilantik Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola dengan hati yang tulus ikhlas menyokong ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas kebijaksanaan dan kesempurnaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia lagi indah ini.

الْحَمْدُ لله Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas telah pun sampai ke penghujungannya. Di Dewan yang mulia lagi indah ini, marilah kita sama-sama mensyukuri atas limpah rahmat dan nikmat rezeki Allah Subhanahu Wata'ala kepada rakyat dan negara dan dengan berkat daulat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam negara kita sentiasa aman damai dan makmur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sungguhpun kita semua menyedari bahawa pada hakikatnya kemampuan kewangan negara dalam keadaan terhad iaitu kesan terjejasnya pendapatan negara ekoran kejatuhan harga minyak ketika ini. Namun kerajaan di bawah kempimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam raja yang berdaulat dan kita kasihi masih saja mampu untuk menyediakan sejumlah peruntukan yang besar untuk Tahun Kewangan 2016/2017.

Ini membuktikan komitmen penuh kerajaan baginda untuk memastikan kelancaran pembangunan negara dalam pelbagai bidang dan yang lebih utama lagi menyediakan berbagai-bagai bentuk kemudahan demi kesejahteraan rakyat negara ini. Segenap lapisan rakyat negara ini seharusnya prihatin dengan situasi semasa ekonomi negara dan memahami keadaan yang sebenarnya dan dalam masa yang sama terus menyokong dan mendukung apa usaha berterusan kerajaan untuk memastikan keselesaan, keamanan dan keharmonian dalam masyarakat serta keperluan dan kepentingan rakyat sentiasa terpelihara.

Di samping itu semua pihak sewajarnya memainkan peranan masing-masing untuk membantu agensi-agensi yang berkenaan untuk mempelbagaikan sumber ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Seterusnya kaola bagi mewakili segenap lapisan rakyat dan penduduk Daerah Temburong menyambut baik apa jua perancangan yang akan disusun atur oleh semua kementerian yang akan dilaksanakan pada masa hadapan termasuklah juga projek-projek yang

sedia ada yang sedang giat dan rancak dilaksanakan.

Namun demikian harapan dan ekspektasi orang ramai ialah untuk ingin melihat dan menikmati hasil perlaksanaan projek berkenaan. Apa yang kita sama-sama harapkan ialah semua perancangan dan projek yang dilaksanakan akan berjalan mengikut jadual dan dapat disiapkan tepat pada masa yang ditetapkan.

Dalam usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi keberkesanan pendidikan sekolah-sekolah di negara ini merupakan saluran utama dalam usaha memberikan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang sempurna kepada rakyat. Khususnya generasi muda yang bakal mencorakkan masa depan negara. Berbagai-bagai usaha pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah dan sedang dilaksanakan ke arah ini. Pada pengamatan kaola sudah setentunya tempat belajar dan pengajar yang cukup sempurna, selesa dan kondusif amatlah diperlukan.

Kaola percaya pihak yang berkenaan mempunyai strategi dan perancangan dalam perkara yang dimaksudkan. Kita semua menyedari bahawa persekitaran pembelajaran yang selesa dapat membantu keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan yang demikian pelajar kita akan dapat mengikuti pembelajaran dengan lebih baik dan tekun belajar untuk menjadi lebih berpendidikan, matang dan mempunyai daya tahan, seiring dengan hasrat dan harapan kerajaan untuk memastikan Wawasan Brunei 2035, tercapai dengan jayanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola di Dewan yang mulia ini, sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kaola kepada kerajaan melalui Kementerian Pendidikan. Perkara yang diambil berat oleh pihak kementerian menjanjikan untuk membangun secepat yang mungkin Sekolah Menengah Sultan Hassan yang ditempatkan di bangunan sementara dan *portable cabin*, iaitu membina bangunan kekal bagi Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar, dalam masa yang terdekat ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi mengakhiri ucapan kaola di Dewan Majlis yang indah ini, sekali lagi bagi mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong, kaola menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas keprihatinan baginda yang mendalam kepada rakyat baginda.

Abis kaola berdoa Ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga baginda akan sentiasa dalam peliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.
آمين يا رب العالمين

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kaola mengundur diri kaola iringi dengan 3 rangkap pantun.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana,
Mempengerusikan sidang cukup sempurna,
Soalan diterima adil dan saksama,
Untuk kepentingan rakyat dan Negara.

Yang Berhormat Menteri yang kaola hormati,
Soalan dijawab penuh ikhlas dan bersungguh hati,
Terima kasih eloknya budi,
Menjadi ingatan kekal abadi.

Naik junjung berhidang makan,
Sudah penat mengetam padi,
Salah dan silap mohon maafkan,
Jangan disimpan di dalam hati.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar Ucapan-Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik yang mengandungi beberapa sasaran dan kenyataan dan nampaknya telah menjual beberapa rangkap pantun oleh setiap Ahli Yang Berhormat.

Jadi, untuk membolehkan Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan untuk mengamat-amati pantun-pantun yang dijual tadi, maka saya kira sangat berpatutan bagi Majlis Mesyuarat ini kita tangguhkan sehingga esok hari dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada hari Selasa, 13 Jamadilakhir 1437 bersamaan 22 Mac 2016, pada pukul 10.00 pagi.

Sekian. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Selasa, 13 Jamadilakhir 1437 / 22 Mac 2016

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.
(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini iaitu hari yang terakhir, hari yang ketiga belas, Selasa 13 Jamadilakhir 1437 bersamaan 22 Mac 2016, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ini iaitu hari ketiga belas.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan sekarang disambung lagi bagi Perkara IX iaitu Ucapan-Ucapan Penangguhan. Pada sidang yang telah kita adakan pada hari Isnin semalam, seramai 19 orang Ahli Yang Berhormat yang membuat kenyataan masing-masing dalam Ucapan-Ucapan Penangguhan mereka.

Walau bagaimanapun, di hadapan saya masih lagi ada senarai Ahli Yang Berhormat yang terdiri daripada Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan yang suka untuk membuat kenyataan Ucapan-Ucapan Penangguhan mereka. Sekarang saya persilakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya untuk membuat Ucapan-Ucapan Penangguhan masing-masing.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya yang akan dibuat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلْحَمْدُ لِلّٰه kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita sampai ke sesi menutup Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 1437 bersamaan 2016.

Kaola lebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan jayanya telah memimpin dan membantu permesyuaratan ini dengan penuh lancar lagi sempurna dalam suasana tenang dan harmoni, terbuka dan saling memahami yang membolehkan Dewan ini berbahas dengan penuh tanggungjawab bagi membuahkan *outcome* yang positif lagi membina.

Ucapan penghargaan juga dirakamkan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan semua warga Dewan Majlis ini atas kegigihan mereka dalam membantu melicinkan permesyuaratan di Dewan yang mulia ini. Penghargaan juga kaola ucapkan kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara kerana telah menyokong dan meluluskan pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan tanpa sebarang pindaan. Ini terutama dalam sama-sama mendukung kerajaan bagi menangani cabaran ekonomi masa kini secara berkesan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini akan terus terpelihara. Sokongan berterusan, makluman balas serta saranan konstruktif daripada Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat-sangat kaola hargai dan sekali lagi diucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Apa jua saranan dan buah fikiran yang dikongsikan إِنْ شَاءَ اللّٰه akan diteliti secara holistik (menyeluruh), mendalam dan sewajarnya, mengikut keutamaan dan kemampuan selaras jua dengan usaha-usaha kita untuk sama-sama mencapai Pembangunan Negara yang *sustainable* dan *inclusive*. Ini termasuklah pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang positif yang khususnya dikemukakan bagi Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. Ia akan dijadikan sebagai nilai tambah dan *input* strategik dalam sebarang pengemaskinian, penelitian dasar dan strategi yang sedia ada terutama dalam menambah baik lagi kualiti dan keberkesanan perkhidmatan kepada orang ramai di samping dalam usaha pengukuhan perekonomian negara secara menyeluruh dan cadangan-cadangan reformasi belanjawan yang bakal dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagaimana jua yang pernah kaola nyatakan dalam

Dewan yang mulia ini Tahun Kewangan 2016/2017 ini merupakan tahun yang paling mencabar bagi pengurusan kewangan negara kita. Kerana realitinya Belanjawan Negara dijangka akan berterusan mengalami defisit. Ke arah itulah bagi memastikan keadaan ini ditangani secara efektif dan terurus kerajaan perlu meneruskan dasar *fiscal sustainability* yang diamalkan dengan merencana, merangka dan melaksanakan langkah-langkah yang fiskal dengan sebaik mungkin demi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta ekonomi negara akan terus dapat dipelihara bukan sahaja bagi manfaat generasi masa kini akan tetapi juga generasi yang akan datang, إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Sehubungan dengan itu, kita akan terus memantau perkembangan hanya minyak dunia yang telah menurun secara merudum sejak pertengahan tahun 2014, yang mana sehingga masa ini pun masih rendah dan terus mengalami ketidaktentuan ataupun *volatility* yang sukar diramal.

Oleh itu, sebagai langkah beringat-ingat dan berwaspada, jika terdapat keperluan kerajaan akan mengambil langkah-langkah lanjut dalam memastikan perbelanjaan kerajaan akan sentiasa dalam kemampuan kewangannya yang *sustainable* bagi jangka masa panjang supaya kehidupan rakyat dan penduduk negara ini terutama golongan yang berpendapatan rendah dan yang memerlukan akan sentiasa terpelihara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. الْحَمْدُ لله dengan izin Allah Subhannahu Wata'ala dengan kepimpinan bijaksana dan berpandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dasar *Fiscal Sustainability* dan *Fiscal Consolidation* yang diamalkan secara berterusan selama ini telah membolehkan negara untuk meneruskan rancangan dan program pembangunannya walaupun dalam kesederhanaan dan bajet yang lebih rendah.

Langkah berhemah ini perlu diutamakan dan diteruskan memandangkan realiti semasa yang dialami oleh ekonomi global dan negara pada ketika ini. Oleh itu, corak dan keutamaan perbelanjaan perlu *rationalise* dan diseimbangkan bagi memberi laluan kepada program-program dan perancangan yang menjurus kepada mempelbagaikan sumber ekonomi dan memperluaskan asas pendapatan negara dengan tidak menjejaskan kesejahteraan, keperluan dan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Dalam erti kata lain, fokus kita perlu ditumpukan kepada memperkembangkan sektor perniagaan dan pelaburan agar sektor swasta ini akan menjadi jentera peneraju pertumbuhan ekonomi ataupun *engine of economic growth* yang diharap akan dapat menyumbang kepada peningkatan pelaburan modal ataupun *capital formation* dan menjana lebih banyak peluang-peluang pekerjaan yang

berkualiti kepada anak-anak tempatan yang pada waktu ini peranan ini masih banyak dipikul oleh kerajaan. Untuk itu, usaha-usaha akan terus dipertingkatkan bagi membina asas atau *fundamental* ekonomi negara yang lebih kukuh dan *sustainable* yang kurang bergantung pada perbelanjaan kerajaan dan sektor minyak dan gas.

Bagi mencapai matlamat dasar tersebut, kerajaan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan berterusan berusaha menyediakan persekitaran atau iklim perniagaan dan pelaburan yang lebih kondusif. الْحَمْدُ لله setakat ini menerusi Unit PENGGERAK dan Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 yang kedua-duanya diterajui oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Organisasi ini telah bekerja rapat dengan agensi kerajaan untuk memudah cara aktiviti-aktiviti ekonomi melalui inisiatif *Ease of Doing Business* supaya ianya lebih propertumbuhan, probisnes dan propelaburan.

Di samping itu, berbagai reformasi bagi menggalak dan mengukuhkan lagi pertumbuhan sektor swasta terutama Pengusaha Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) dan juga dalam menarik Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* ke negara ini telah dan berterusan akan dilaksanakan. Usaha menarik lebih banyak *FDI* ini adalah merupakan salah satu strategi utama kerajaan untuk membangun asas ekonomi negara yang lebih kukuh, berdaya maju dan berdaya tahan.

Pelaburan Langsung Asing dijangka akan membantu dalam meningkatkan lagi sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), di samping memberikan *spin off* ataupun kesan limpahan yang dapat mendukung usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

Ini termasuklah dalam membuka lebih banyak peluang yang berkualiti kepada anak-anak tempatan, pemindahan teknologi dan kemahiran, membuka peluang perniagaan kepada Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana, meningkatkan permintaan tempatan, meningkatkan eksport negara, mengenalkan inovasi terkini yang dapat dikomersialkan dan lain-lain lagi. Selain itu, ianya juga diharap dapat mengisi jurang ataupun *gap* yang timbul dari langkah pengawalan perbelanjaan kerajaan melalui peningkatan *capital formation* ataupun pelaburan kapital dari pihak swasta. إِنْ شَاءَ اللَّهُ rakan sejawat kaola Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri akan menerangkan secara *detail* mengenai *FDI* yang telah dan sedang beroperasi di negara ini nanti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Setakat ini inisiatif-inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baik dari segi penjimatan perbelanjaan mahupun yang berkaitan usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

الْحَمْدُ لله menunjukkan pencapaian yang menggalakkan walaupun sebahagian hasil tersebut hanya akan dirasai dalam jangka sederhana dan panjang. Namun demikian inisiatif-inisiatif ini hanyalah sebahagian usaha-usaha awal untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi bisnes dan pelaburan yang lebih menarik, kompetitif dan berdaya maju. Kerajaan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan berterusan memperkenalkan lebih banyak lagi perubahan-perubahan yang akan dapat membantu meningkatkan daya saing negara dan berterusan memelihara kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara.

Walau bagaimanapun, resepi kejayaan bagi perkara yang kaola nyatakan tadi akan memerlukan kita semua selaku rakyat dan penduduk negara ini dalam apa jua peringkat kehidupan untuk bersatu hati, bekerja keras dan bersatu padu, berdiri teguh menyokong dan mendukung dasar-dasar kerajaan di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam apa jua keadaan, jika kita ingin melihat reformasi ekonomi ini akan berjaya kita laksanakan.

Sumbangan rakyat sekecil mana pun bentuknya, adalah amat bermakna bagi negara dalam mengharungi cabaran pada masa ini. Rakyat yang berdiri teguh di belakang kerajaan akan mampu merubah apa jua halangan dan rintangan, dan berjaya menjadikan cabaran menjadi peluang keemasan serta mampu menghasilkan kreativiti, motivasi, produktiviti dan inovasi yang tinggi. Kaola bersyukur dan berbangga, sekarang kita telah mempunyai ramai belia-belia tempatan yang sanggup mengharungi cabaran-cabaran ini dengan melibatkan diri dalam perniagaan secara berdikari tanpa banyak bergantung harap kepada bantuan-bantuan kerajaan. Usahawan-usahawan generasi baharu yang bersikap positif dan berani meneroka bidang-bidang baharu ini, diharap akan menjadi pemangkin lebih ramai lagi belia-belia yang lain yang akan menceburkan diri dalam alam perniagaan.

Dalam kesempatan ini, kaola juga ingin menyeru kepada peniaga-peniaga dan pengusaha yang berkecimpung di negara ini akan dapat memanfaatkan inisiatif-inisiatif kerajaan ini dengan mengambil peluang untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti perniagaan mereka dan membantu negara dalam menjana lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan, menerokai teknologi dan inovasi baharu bagi melonjakkan perniagaan mereka ke peringkat serantau dan antarabangsa supaya *economic fundamental* dan asas pendapatan negara akan dapat diperluaskan dan dipelbagaikan إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله kita amat bersyukur kerana dengan kurnia, taufik dan kemurahan Allah Subhanahu Wata'ala serta dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, rakyat dan penduduk negara ini masih mampu untuk terus menikmati tahap kebajikan dan kesejahteraan hidup yang selesa. Titik tolaknya, semua ini dapat kita capai dengan berkat sokongan kuat, berterusan dan padu daripada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini terhadap semua dasar, usaha-usaha dan perancangan yang diambil oleh pihak kerajaan selama ini.

Kita penuh yakin, jika kita semua bersatu hati dan bekerjasama menyambut baik dan mendukung semua inisiatif kerajaan ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ, kita bukan sahaja akan dapat menangani cabaran masa kini dengan berkesan malahan akan meningkatkan keteguhan ataupun *resilient* dan *dynamism* kita dan mampu memastikan kesejahteraan yang kita nikmati pada masa ini akan dapat diteruskan bagi generasi yang akan datang. Ini kerana tanggungjawab ini bukanlah hanya terletak atas bahu kerajaan semata-mata, malahan juga perlu dipikul oleh kita semua yang ada di Dewan yang mulia ini dan juga seluruh rakyat penduduk di negara ini secara kolektif ataupun bersepadu sesuai dengan *whole of nation approach* yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Akhir sekali, marilah kita sama-sama menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya menerapkan *mindset* yang positif kepada diri kita sendiri, keluarga, masyarakat dan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini. Pada hemat kaola, penghijrahan *mindset* ini merupakan cabaran yang paling besar kepada kita semua selaku Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara ini kerana penghijrahan kepada minda positif ini hanya akan berlaku dan berjaya jika kita sendiri menerima hakikat yang sebenar yang perubahan tersebut perlu datang dan bermula dari dalam diri kita sendiri.

Kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan petunjuk dan hidayah-Nya membuka minda, menyatukan hati dan membimbing kita semua ke arah jalan-jalan yang berkebajikan dalam mengharungi cabaran ini dengan tabah, ikhlas dan penuh keredaan.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لله, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan

rahmat-Nya jua negara kita terus berada dalam keadaan aman, makmur serta terus membangun di bawah pemerintahan dan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola dengan tulus ikhlas merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas keprihatinan dan keikhlasan mereka dalam mengetengahkan isu yang menjadi perhatian dan kepentingan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Dalam perbincangan di Majlis ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ dapat membantu dalam memperbaiki dan meningkatkan lagi pentadbiran kerajaan termasuklah jabatan dan sektor di bawah kaola.

Kaola ingin menyentuh mengenai isu pekerjaan anak-anak tempatan di sektor minyak dan gas. Kaola sekali lagi menekankan bahawa pihak kerajaan akan dengan sedaya upaya mempertahankan *job security* anak-anak tempatan, walaupun iklim ekonomi pada masa ini setentunya mencabar kerana pihak kerajaan sangat menitikberatkan perkara ini.

Kaola ingin menyampaikan bahawa pihak kerajaan telah berusaha dengan gigih dengan bermuzakarah dan mendengar suara anak-anak tempatan di beberapa syarikat minyak dan gas untuk melihat realiti yang sebenar. Pihak kerajaan telah banyak membantu anak-anak tempatan yang bekerja di syarikat-syarikat minyak dan gas secara terbuka mahupun secara tertutup.

Pihak kerajaan juga membuat penelitian isu pekerjaan anak-anak tempatan secara komprehensif, holistik dan menyeluruh serta melibatkan segala pihak dan *stakeholder* yang berkenaan dan bukan mendengar dari satu pihak sahaja. Kaola menyeru jika masih ada isu-isu yang belum diselesaikan pihak berkenaan bolehlah berunding dengan abis kaola yang sentiasa mengambil berat tentang perkara ini.

Namun demikian, pihak Jabatan Tenaga dan Perindustrian akan terus memantau dan sentiasa proaktif dalam perkara ini, misalannya dalam menegaskan konsep *role over*. Pada masa yang sama, anak-anak tempatan disarankan untuk memantapkan prestasi kerja dan disiplin yang baik kerana sememangnya aspek ini asas penting bagi ketahanan pekerjaan seseorang dalam sektor minyak dan gas negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti mana di Dewan yang mulia ini yang sudah sedia maklum, penggantungan ekonomi pada sumber minyak dan gas menjadikan ekonomi negara mudah terjejas kerana harga minyak yang tidak stabil.

Usaha-usaha dalam mempelbagaikan ekonomi akan diteruskan dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan diperkembangkan melalui proses

kajian Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) yang baharu dan menyediakan prasarana yang kondusif supaya negara dikenali sebagai destinasi yang probisnes, berkonsepkan ekonomi digital dan menggalakkan usahawan untuk memajukan bisnesnya melalui inovasi, sebagai hala tuju ekonomi negara yang akan datang.

Kaola seterusnya merujuk kepada saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin pada pagi kelmarin mengenai keberkesanan kerajaan berkaitan dengan isu pemilikan tanah yang menjejaskan peluang Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* dalam membuat pelaburan di negara ini.

Seperti rakan kaola, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), sudah menjelaskan secara terperinci semasa beliau membentangkan Rang Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 pada minggu lepas, Jawatankuasa Pelaburan Langsung Asing dan Hiliran telah dan sedang merancang dan meneliti strategi dan pelan tindakan yang kompetitif termasuklah menyediakan infrastruktur tapak tanah perindustrian yang boleh digunakan untuk membina kilang dan tempat perusahaan dengan secepat mungkin. Ianya akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asasi seperti bekalan elektrik, air dan jalan raya.

الْحَمْدُ لله setakat ini, kaola tidak mendengar sebarang rungutan atau aduan daripada pihak Pelabur Asing mengenai isu kemudahan tapak tanah bagi perindustrian. Di samping itu, pihak pelabur asing tidak menghadapi sebarang jua masalah untuk memperolehi kemudahan perumahan atau tempat kediaman pada kadar yang sangat kompetitif dan berpatutan di negara ini.

Selain itu, bagi pelabur yang membawa ahli keluarga mereka ke negara ini, mereka telah menikmati alam sekitar yang sangat berkualiti, aman dan selamat serta pelbagai kemudahan yang bertaraf antarabangsa seperti institusi pengajian tinggi dan sekolah antarabangsa yang telah mendapat pujian dan pengiktirafan antarabangsa.

الْحَمْدُ لله kita telah melihat semakin banyak pelabur asing yang telah melabur dan memulakan perusahaan mereka. Izinkan kaola memberi kenyataan tentang syarikat pelabur asing yang sedang beroperasi di Negara Brunei Darussalam pada masa ini iaitu *Simpor Pharma, CAE MPTC Brunei Sdn. Bhd., Gold Coin, Brunei Methanol Company Sdn. Bhd., Golden Corporation Sdn. Bhd., United Agri-Fishery Sdn. Bhd.* dan syarikat yang berasaskan penyelidikan dan pembangunan yang sedang beroperasi *Sengenics Sdn. Bhd., Pixela Sdn. Bhd., Neptune Bio Innovation Sdn. Bhd., Sesame World Technology Sdn. Bhd.,* dan seterusnya projek Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) yang dalam projek pelaksanaan ialah *MC Biotech Sdn. Bhd., HLDS (B) Steel Sdn. Bhd., Sumitomo Corporation Co. Ltd., Hengyi Industrial Sdn Bhd., Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd.*

Seterusnya inisiatif dalam peringkat *Request for Proposal* ialah Pusat Data *(Data Centre)* dan Pengekalan Perbekalan Marin Bersepadu *(Integrated Marine Supply Base).*

Di samping itu, dengan kewujudannya *Business Support Centre (BSC)* di bawah *Darussalam Enterprise, Business Support Centre (BSC)* ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat menampung dan mendukung syarikat-syarikat pelabur langsung asing dan seterusnya memudah cara pelaburan dan menjalankan bisnes di Negara Brunei Darussalam.

Kaola mengharapkan bahawa orang ramai akan dapat memberikan peluang bagi *Business Support Centre (BSC)* ini untuk beroperasi dengan sepenuhnya mulai bulan April 2016. Kaola yakin ia akan mendatangkan impak yang positif dan bermakna bagi penarikan Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* dan memudahcarakan bisnes di negara.

Kaola seterusnya beralih kepada *Darussalam Enterprise (DARe)* yang baru jua ditubuhkan dan kaola menyeru semua pihak termasuk Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk memberikan sokongan penuh kepada organisasi berkenaan. Kerja-kerja penelitian dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana *(MSME's)* secara holistik baru sahaja dilaksanakan.

DARe setentunya akan berusaha sepenuhnya untuk menyediakan alam sekitar yang probisnes dan kondusif serta membangunkan *MSME's* tempatan untuk menembusi pasaran luar. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, hasrat ini akan dicapai dan kaola mengharapkan orang ramai akan memberikan masa bagi *DARe* untuk membuat perubahan pengurusan *(change management)* dalaman dan bekerjasama dengan pihak yang berkenaan supaya organisasi ini akan dapat mencapai objektifnya. Yang penting adalah maklum balas yang konstruktif daripada orang ramai termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri.

Kesemua Ahli Lembaga *DARe* berazam untuk membuat perubahan yang memberi impak dalam sektor bisnes di Negara Brunei Darussalam. Mereka sendiri telah memulakan kerja turun padang untuk melibatkan usahawan-usahawan tempatan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, inisiatif ini akan dilaratkan ke semua daerah untuk melibatkan orang ramai seperti mana sebelum ini telah disarankan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat.

Darussalam Enterprise perlu dilihat, bukan saja dari segi keindahan nama sahaja tetapi sebagai sebuah organisasi yang akan dapat menggerakkan dan memperkasakan sektor bisnes. Dengan ini, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih ke atas cadangan-cadangan dan saranan-saranan Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bertitik tolak daripada baik sangka, semasa sesi Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Kaola seterusnya juga ingin menyatakan bahawa usaha di bawah *Ease of Doing Business* juga dipertingkatkan lagi seperti mana yang di Dewan yang mulia

ini sedia maklum, inisiatif ini sangat-sangat diambil berat oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Dengan itu, setiap langkah reformasi yang diambil di bawah inisiatif ini telah dikaji dan ditekankan dan kaola mengharapkan bahawa ia akan dapat disambut dengan baik. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan akan sentiasa mengalu-alukan maklum balas dan cadangan yang munasabah daripada orang ramai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu yang dibangkitkan bagi Sektor Tenaga, Perindustrian dan Teknologi Maklumat sedang dan akan diteliti semula. Isu berkenaan akan dipamerkan di laman web Jabatan Tenaga dan Perindustrian *(www.ei.gov.bn).* Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik bolehlah mengikuti perkembangan isu ini melalui laman web tersebut.

Dalam pada itu juga, kaola ingin menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan termasuk dalam sesi muzakarah mengenai inisiatif jabatan termasuk dalam peningkatan dan perkembangan usahawan negara. Apa jua sumbangan dan pengalaman yang dapat dikongsikan sangat-sangat dihargai.

Sebelum kaola mengundurkan diri, marilah kita bersama-sama memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara ini sebagai sebuah Majlis yang mulia, bersifat bermuzakarah dan menjurus kepada isu yang strategik dan holistik seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Alangkah baiknya sekiranya perbahasan di Dewan yang mulia ini diadakan secara konstruktif dan setentunya tidak hanya berpandukan sentimen sahaja. Jika kita bersandarkan kepada sentimen sahaja, sudah setentunya akan menggugat keharmonian negara yang tercinta ini.

Mudahan-mudahan inisiatif berterusan memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara ini akan dapat dipraktikkan di Majlis Mesyuarat Negara yang akan datang. Marilah kita sama-sama berdoa agar Negara Brunei Darussalam sentiasa dikurniakan rahmat serta perlindungan dan dalam keadaan aman dan damai di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sentiasa berpegang teguh kepada prinsip negara Melayu Islam Beraja.

Akhirnya, kaola bersatu dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menyokong Ucapan Penangguhan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin

Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan kepada Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini. Dalam kesempatan ini, kaola ingin menyampaikan setinggi tahniah dan penghargaan atas keberkesanan dan keupayaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin perjalanan permuzakarahan semasa persidangan ini dilaksanakan di peringkat Majlis Mesyuarat Negara ataupun di peringkat Jawatankuasa dengan sebaik-baiknya. Kaola juga ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis serta pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang bersama-sama menjayakan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

وَالسَّلَامُ عَلٰى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدٰى اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَبِهِ نَسْتَعِيْنُ عَلٰى أُمُوْرِ الدُّنْيَا وَالدِّيْنِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kesempatan yang diberikan kepada kaola menyertai rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan ini dari kedua belah bahagian susunan duduk di hadapan Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk menyokong Usul Ucapan Penangguhan daripada rakan kaola Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

اَلْحَمْدُ لله Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Permesyuaratan kita telah sampai ke hujungnya, tiada aral gundalanya (tergendala) melainkan semuanya lancar dan sempurna. Sesungguhnya lancar dan sempurnanya itu berkat persefahaman kita sekalian terutama kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua sendiri memimpin permesyuaratan ini.

Maka kaola dengan ikhlas merekodkan setinggi-tinggi penghargaan dengan iringan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua sentiasa dalam inayah dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala, dilimpahi rahmat, sihat dan sejahtera bersama keluarga. Begitu juga Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik serta Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan sejawatan kaola Menteri-menteri Kabinet.

Tidak kurang berperanan ialah pegawai-pegawai utama Majlis ini Yang Dimuliakan Pehin Jurutulis, Yang Mulia Puan Timbalan Jurutulis dengan disertai

oleh semua peringkat pegawai yang ramah lagi santun. Kepada mereka ini juga setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kaola ucapkan semoga Allah Subhanahu Wata'ala menceriakan sekalian mereka itu setelah mereka berjasa menceriakan suasana permesyuaratan kita pada musim ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin untuk merespons saranan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal Ahli Yang Dilantik supaya ditimbangkan lagi peruntukan untuk membina masjid dalam perbelanjaan Belanjawan Perbekalan Tahun 2016/2017 ini dan saranan membaca Surah Al-Wa'qiah pada setiap malam.

Mengenai masjid itu, memanglah ideal jika ada peruntukan membangun sebuah dua dalam Tahun Peruntukan Belanjawan Tahun 2016/2017. Namun Kementerian Hal Ehwal Ugama menerima hakikat ketiadaan peruntukan mengenainya. Maka kementerian tentu sahaja akan berikhtiar mendapatkan peruntukan, hatta dari sumber lain misalannya wang kutipan Tabung Dana Pembinaan Masjid dan yang seumpamanya. Seperti dana dari Majlis Ugama Islam Brunei isunya ialah Yang Berhormat Pehin Pengerusi mengaharapkan dana kerajaan Memanglah dari segi hukum syarak, kerajaan yang dipimpin oleh raja Islam tidak terlepas kewajipannya daripada membina masjid terutama sekali dalam rangka syiar Islam.

Adapun Tabung Dana Pembinaan Masjid diwujudkan dengan hasrat membawa orang ramai bersama-sama ampit (berkongsi) untuk menanam saham akhirat. Ini bukanlah bertujuan melepaskan tanggungjawab kerajaan. Sebagaimana kaola nyatakan tadi, kementerian menerima hakikat realiti kesuntukan peruntukan yang diharapkan juga berikhtiar untuk memikirkan mana-mana pilihan yang bersesuaian.

Sementara mengenai saranan mengamalkan Surah Al-Wa'qiah setiap malam sesuai dengan saranan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam iaitu bagi melepaskan ataupun mengurangkan tekanan kesempitan hidup yakni al-faqah bukan semestinya fakir. Ia sesuai dibaca setiap malam sebagai amalan. Kaola menyambut baik saranan ini dan kaola berharap saranan Yang Berhormat juga akan disambut baik oleh orang ramai sebagai amalan bersama-sama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Permesyuaratan kita ini telah mendapat liputan luas dalam media termasuk media sosial. Ertinya orang ramai memberi perhatian sambil menaruh harapan. Apakah mereka puas ataukah mereka kecewa? Tentu sahaja perkara yang relatif, nisbi, sukar untuk dinilai sejauh mana ketepatannya.

Namun demikian satu hakikat yang jelas ialah kita telah bermesyuarat sesuai dengan fungsi Dewan ini. Antara ketetapan yang penting yang telah diluluskan ialah belanjawan untuk

Tahun Kewangan 2016/2017. Kita mendapati perkara belanjawan itu bukan sahaja telah dibahaskan dalam Dewan ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara permesyuaratan yang formal bahkan juga oleh orang ramai yang berminat secara perkurapakan (percakapan) di mana-mana.

Kaola melihat hal itu adalah wajar sebagai reaksi terhadap ehwal semasa yang berlegar pada musimnya iaitu musim permesyuaratan Dewan ini. Kita terimalah ia sebagai tanda-tanda sihat iaitu suatu proses dalam peranan orang ramai turut membentuk pemikiran umum yang positif terhadap isu semasa dalam negeri. Dan isu semasa pada musim ini ialah belanjawan yang berjimat lagi berhemah. Tentu mereka perlu memahaminya dalam perspektifnya yang sebenar.

Dalam hubungan ini, pembentangan mukadimah dalam Perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Ugama tempoh hari, kaola telah membentangkan secara ringkas sudut pandang agama dalam melihat kekurangan hasil kerajaan. Kaola mohon izin untuk sekali lagi menegaskan bahawa kekurangan hasil kerajaan berkaitan harga minyak yang jauh menurun dari harga anggaran dalam merumuskan sokongan belanjawan tempoh hari, adalah suatu ujian pada menentukan sikap dan tindakan yang wajar pihak kerajaan.

Maka sikap dan tindakan berjimat dan berhemah yang telah diambil adalah wajar sesuai dengan ajaran Allah seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal dengan memetik kisah Nabi Yusuf Alaihissalam (sebelum dilantik menjadi nabi). Baginda telah menasihatkan dengan menta'birkan mimpi Raja Mesir berhubung dengan keadaan yang dihadapi oleh Mesir pada masa itu.

Kita wajar pula menaruh keyakinanan itu ditambah lagi dengan beberapa inisiatif ekonomi dan kewangan yang telah diambil dan akan diambil oleh kerajaan. Maka semuanya itu adalah ikhtiar yang apabila terlaksana dengan jaya nanti bukan sahaja membawa impak ekonomi dan kewangan khasnya pada menambahkan hasil dari sumber lain namun dalam jangka panjang dengan perkiraan harga minyak juga akan meningkat ke paras yang dianggarkan untuk belanjawan yang seimbang, maka kita tidaklah akan sampai terpunduk yakni jatuh dan menjadi negara yang lemah dan seterusnya negara yang gagal seperti yang diramalkan oleh sesetengah orang.

Kita wajar menaruh keyakinan. Apa yang dilakukan oleh kerajaan sedemikian itu kerana sikap dan tindakan wajar yang diambil oleh kerajaan tentu tidak semata-mata dengan berdasarkan angka dan indikator lainnya. Kerana kita di Brunei dengan kepimpinan Raja yang kuat berpegang pada agama dan teguh yakin kepada pertolongan Allah. Kita akan melihat juga kepada kuasa dan kehendak Allah yang berhikmah.

Kaola seterusnya ingin menegaskan bahawa kita menaruh keyakinan berdasarkan pengalaman sejarah bangsa dan negara bahawa pasti ada lagi rahmat pertolongan Allah selama mana kita mengurus pemerintahan dengan tetap berlandaskan dasar untuk menolong menjayakan tujuan-tujuan kebaikan yang dikehendaki dan diredai oleh Allah dan melaksanakannya menurut hukum atau selaras dengan hukum Allah.

Pasti akan ada lagi berkat Allah selama mana kita memberikan khidmat bakti kepada rakyat dengan ikhlas semata-mata pada mendatangkan kebajikan yang dikehendaki dan diredai oleh Allah. Semua ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua lengkap dirangkum dengan janji Allah Subhanahu Wata'ala.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن تَنصُرُواْ ٱللَّهَ يَنصُرۡكُمۡ وَيُثَبِّتۡ أَقۡدَامَكُمۡ ٧

Surah Muhammad Ayat 7.

Tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan pendirian kamu".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. الْحَمْدُ لله kita dalam Dewan ini sedang menjalankan tanggungjawab kenegaraan mendukung pemerintahan yang berlandaskan dasar untuk menjayakan tujuan kebaikan yang dikehendaki dan diredai oleh Allah itu.

Sebagaimana terbukti dengan inisiatif yang sedang dirancang atau telah pun dijalankan dan orang ramai, rakyat sekaliannya hendaklah terus-menerus memberikan keyakinan kepada kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola bersyukur, seperti juga sekalian kita di sini pada hemat kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kita adalah generasi atau setidak-tidaknya pun zuriat generasi dari negara ini yang masih kuat ingatannya kepada *survival Brunei* sejak 700 tahun sejarah berpemerintahan berajanya. Kita masih ingat kita merupakan generasi yang mengingat bahawa *survival Brunei* itu adalah dengan berkat dan rahmat Allah kepada raja dan rakyatnya, kepada bumi dan segenap isi di dalamnya.

Kaola secara peribadi masih terngiang-ngiang lagi akan kata-kata datu nini yang sempat kaola dengar tentang suka duka mereka bernegerikan Brunei, dan berajakan Raja Brunei. Mereka tidak putus-putus menyebut rahmat dan berkat Allah sambil juga menekankan daulat raja kerana adil dan kebajikan pemerintahannya telah menyebabkan Brunei ditanai oleh malaikat dan selamat daripada terjalimpuk (tersungkur). Perkataan yang digunakan oleh orang tua-tua. Semasa kanak-kanak ekspresi yang seperti ini kaola mendengarnya seperti dongeng. Namun cerita dongeng apa pun secara tidak disedari ia menyelinap ke dalam diri kaola. Kemudian setelah disaring-saring pula dengan pendidikan yang kaola terima yang berlatarkan agama dan

pengalaman dan berkhidmat dalam kerajaan sampai sekarang, kaola mendapati bahawa apa yang disebut berkat dan rahmat itu janji Allah Subhanahu Wata'ala dalam firman-Nya yang kaola sebutkan tadi dan ayat-ayat lain dalam konteks pertolongan Allah kepada hamba-hambanya yang beriman dan taqwa. Sebagaimana yang disebutkan dalam surah Al-Imran, ayat 9.

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُخْلِفُ ٱلْمِيعَادَ ﴿٩﴾

Tafsirnya: "Sesungguhnya kita yakinlah bahawa Allah tidak memungkiri janjinya".

Ini bukanlah suatu dongeng. Ia kenyataan sejarah tentang jatuh bangun Brunei Darussalam dari sebuah empayar kepada sebuah *state*, dari sebuah *state* kepada apa yang disebut *mini state*. Walaupun kaola tidak gemar untuk menyebut Brunei ini sebagai *mini state*. Apa lagi menerimanya tetapi itulah sebutan orang. *We are nation, a sovereign nation.*

Ringkasnya, kaola dengan rendah hati bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala ingin mengongsikan sebahagian daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Titah baginda di hadapan Dewan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai Titah Penerimaan Rasmi Negara Brunei Darussalam menjadi anggota ke-159 (PPB) iaitu 21 September 1984 di New York.

Titah yang baginda kurniakan dalam Perhimpunan Agung PPB, 33 tahun yang lalu itu, kaola yakin dengan mengukuhkan lagi pembentangan kaola bahawa Negara Brunei Darussalam ini kekal wujud sampai sekarang sebagai negara moden dan kita bangsanya yang dinamis ini adalah berkat dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpahan rezeki kepada rakyatnya yang taat beraja dan dengan raja serta Pemerintahan baginda yang sentiasa menjalankan dasar menolong Allah dalam makna melaksanakan perintah Allah dalam melaksanakan tujuan-tujuan kebajikan yang dikehendaki dan diredai oleh Allah termasuklah berusaha dengan ikhtiar serta inisiatif-inisiatif yang akan mengekalkan kesejahteraan rakyat, mengekalkan kesinambungan hasrat murni sebagai kesinambungan kepada pendiri Arkitek Brunei Moden iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Kaola memohon memetik beberapa paragraph yang kaola kira relevan untuk Majlis ini.

Titah baginda *"In Short Our country has known peace – but also war: wealth, but also poverty energetic commerce, but also isolation development but also exploitation: self-government, but also foreign rule all this has not been without*

benefit to us. It is thought us to appreciate the realities of the world.

We are determine to continue to modernize our country while keeping faith is the principles of our ancient faith – Islam.

We are confident of the possibilities of success, because we have before us the example of my father, His Royal Highness The Seri Begawan Sultan General Sir Omar 'Ali Saifuddien the 28th Sultan of Brunei Darussalam and The Architect of Modern Brunei. He began the modern development of Brunei. Its successful commercial relations, its new building, its educational, religious and social welfare and insituation. He held to the gold of national independence despite pressure to make other choices. He said before us the challenges of reinvesting of our well to clear other resources of well and for the well-being for our people".

Demikian yang dapat kaola petik, dan kaola harap barangkali kaola menyebutnya tidak jelas. Sesiapa yang ingin merujuk lebih lanjut bolehlah merujuk buku kecil yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga Pusat Dakwah Islamiah yang bertajuk "Illahi Selamatkan Brunei Darussalam".

Maksud kaola bercakap lain daripada perbincangan ialah kaola ingin menegaskan bahawa antara perkara cabaran yang kita terima pada masa ini ialah cabaran untuk mengukuhkan keyakinan diri kita terhadap institusi kenegaraan kitani. Jadi dalam hal ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Hal Ehwal Ugama antara strategik dalam pengukuhan keyakinan itu akan memilih pendekatan agama sebagai bidang tugasnya yang antaranya sekurang-kurangnya dalam masa 4 tahun atau 5 tahun, إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan izin Allah.

Kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakan-rakan sejawatan. Kaola juga memohon maaf sambil mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberikan selama kaola bertugas di sini. Sekian. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ternampak seorang Ahli Yang Berhormat mengangkat tangan yang nampaknya akan membuat Ucapan Penangguhannya barangkali. Saya persilakan sekarang sebelum saya persilakan orang lain. Yang Berhormat Dato Paduka Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, silakan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat rakan-rakan sejawatan dan Ahli-ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan dan kebijaksanaan Yang Berhormat mempengerusikan Majlis Mesyuarat Negara Kali Kedua Belas bagi tahun 2016. Sebagai ahli baharu Majlis Mesyuarat Negara ini, kaola melihat bahawa permesyuaratan ini atas kepimpinan dan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua jua telah berjalan dengan penuh tersusun dan teratur dan dalam keadaan dan suasana yang harmoni penuh keselesaan dan produktif serta memfokus kepada membincangkan perkara strategik demi kepentingan, kemajuan dan pertumbuhan negara.

Seterusnya, kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan sejawatan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik atas segala nasihat, tunjuk ajar dan juga sokongan yang diberikan kepada kaola selaku ahli baharu Majlis Mesyuarat Negara ini selama kita bermesyuarat dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini. Pandangan yang diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat dinafikan sangat penting dan membina untuk pihak abis kaola bawa dan fikirkan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ segala kelemahan yang ada akan pihak abis kaola perbaiki demi kemajuan negara jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Ucapan Penangguhan ini, kaola hanya sekadar ingin mengajak semua ahli Dewan termasuk juga rakyat dan penduduk negara ini, pihak swasta, pengusaha kecil dan sederhana dan dewan pertubuhan perniagaan dan perusahaan untuk kita sama-sama sentiasa mengingati akan intipati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 yang lalu.

Seperti mana yang kaola sampaikan pada hari Isnin, 27 Jamadilawal 1437 bersamaan 7 Mac 2016 yang lalu iaitu semasa kaola menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas pengurniaan titah baginda itu. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat-sangatlah mengharapkan agar kita akan berpandangan lebih jauh ke hadapan

bagi sama-sama membawa kemajuan dan pertumbuhan ekonomi KDNK negara ini.

Dalam keadaan ekonomi kita yang lembab beberapa tahun kebelakangan ini, ditambah pula dengan kejatuhan harga minyak dunia, negara kita ini sebenarnya mengharapkan penambahan besar dalam keluaran dari industri dan perusahaan di luar minyak dan gas supaya ini akan secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan KDNK dan peluang pekerjaan.

Jika merujuk perangkaan JPKE, 89.5 peratus KDNK bersumber dari keluaran sektor swasta termasuk *GLCs*. Oleh itu, kita merayu dan sangat-sangat berharap antaranya untuk melihat pengusaha kita terutama yang sudah *established* supaya lebih progresif, berwawasan dan sentiasa mahu tumbuh serta menyerapkan teknologi terkini iaitu sebanding dengan amalan-amalan syarikat terkemuka di dunia supaya lebih bersiap siaga menghadapi cabaran persaingan dan risiko dan seterusnya bersiap siaga untuk berpindah dari pengusaha yang *risk-averse* kepada pengusaha yang *risk-taker* supaya lebih bersiap siaga untuk keluar dari zon keselesaan dan berani berkembang ke luar negara, bukan pengusaha yang sentiasa beralasan bahawasanya saiz ekonomi yang kecil sebagai penghalang pertumbuhan perniagaan dan supaya lebih bersedia menyerapkan *talent* atau bakat tinggi dalam syarikat, bersedia mengamalkan urus tadbir terbaik, bersedia serta layak untuk menerima suntikan pelaburan yang signifikan daripada dana *bench capital*. Malah selanjutnya bersedia untuk layak tersenarai di bursa saham terkemuka di dalam ataupun di luar negara.

Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan sedaya upaya membuka peluang kepada pengusaha tempatan untuk terlibat dalam aktiviti industri sumber-sumber utama terutamanya bersandarkan sasaran yang telah kaola nyatakan dalam mukadimah kaola tempoh hari.

Walau bagaimanapun, memandangkan kita perlu bergerak cepat bagi mempercepatkan pertumbuhan KDNK, pertumbuhan eksport dan bagi menjana lebih banyak peluang pekerjaan, kita akan menawarkan peluang pelaburan ini juga kepada pihak *GLCs* dan juga kepada pihak-pihak *FDI*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola menjawab beberapa persoalan dan saranan yang telah diajukan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik semalam iaitu terutamanya yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Haji Ahmad, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit. Soalan-soalan yang diajukan berkisar berkenaan dengan aktiviti pelancongan dan aktiviti perikanan.

Saranan yang pertama iaitu berkenaan dengan memajukan beberapa kawasan di Daerah Belait dan Daerah Tutong sebagai destinasi pelancongan atau

mempamerkan kebudayaan dan kesenian tempatan serta daya kreatif mereka kepada pengunjung-pengunjung supaya menjadi sumber pendapatan dan sumber pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Seperti yang dinyatakan pada minggu lalu, strategi utama kementerian pada masa ini ialah:-

1. Bagi mengukuhkan produk utama seperti destinasi Bandar Seri Begawan di sekitar Kampung Air dan sekitar kawasan Batang Duri dan Ulu Temburong. Tempat-tempat ini memang sudah menjadi kunjungan pelancong ketika ini. Akan tetapi standard produk ini perlu diberikan perhatian supaya benar-benar berkualiti, bersih, selamat dan menarik sehingga pelancong yang datang ke tempat-tempat ini berfikir untuk datang semula atau mengkhabarkan keunikannya kepada pelancong lain dari negara asal mereka;

2. Untuk memberikan perhatian kepada produk-produk yang *emerging* seperti pantai, tasik, taman-taman dan hutan simpanan yang memang dibukakan kepada orang ramai; dan

3. Mengembangkan pelancongan yang bercorak kegiatan seperti *diving, boat watching, MICE Education Islamic Tourism* termasuk juga aktiviti *homestays*. Seperti yang kaola sudah jawab tempoh hari, kementerian memang telah banyak menerima cadangan dari dalam kementerian dan dari luar kementerian bagi memajukan berbagai-bagai kawasan di seluruh negara untuk dijadikan destinasi pelancongan contohnya Kampung Labi dan Rampayoh, Luagan Lalak, Kampung Kuala Balai, Pantai Lumut, Anduki di Daerah Belait, Tasek Merimbun, Kampung Kiudang, Bukit Ambuk, Pantai Seri Kenangan, Sungai Basong di Daerah Tutong dan lain-lain.

   Senarai lebih banyak di Daerah Brunei Muara seperti Kampung Kapok, Taman Tasek Sarubing, Pantai Bukit Tempayan Pisang, Taman Agri Kampung Katimahar, Taman Herba Kampung Putat dan malah juga di Daerah Temburong seperti Kampung Belais, Buda-Buda dan Bukit Patoi.

Cadangan-cadangan ini semuanya baik belaka. Walau bagaimanapun, cadangan yang diberikan keutamaan bergantung pada pelbagai faktor, termasuk keupayaan Jabatan Kemajuan Pelancongan dan pegawai-pegawainya yang terhad.

Ini juga bergantung pada *Commercial Viability,* tempat berkenaan menjadi tempat pelancongan terutama jika kita kaedahkan penggunaan *PPP* seperti mana juga yang kaola nyatakan minggu lepas dan yang dinyatakan ataupun yang disarankan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad semalam.

Tempat-tempat yang paling menjanjikan keuntungan komersial kepada pengendalinya nanti jika kaedah *PPP* hendak digunakan. Inilah yang sedang dibuat oleh kementerian ketika ini sebagai projek rintis. Kementerian telah pun mengeluarkan tender bagi pihak swasta mengurus, mengendali dan memelihara Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas pada bulan Januari yang lalu. Tarikh tutup bagi menerima cadangan pihak swasta adalah dalam bulan Mei ini.

Kementerian bercadang untuk melantik pengurus ini pada bulan Jun dan menjangkakan pihak swasta mula menguruskan taman ini mulai bulan Ogos 2016 ini. إِنْ شَاءَ اللَّهُ modaliti *PPP* ini bagi Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas ini jika berjaya akan dilaratkan dan dikongsikan oleh agensi lain untuk memajukan beberapa lokasi di semua daerah sebagai destinasi pelancongan sama ada kunjungan dari luar ataupun dari dalam negara.

Kementerian telah pun menerima berbagai-bagai pertanyaan dari beberapa jabatan dari pelbagai kementerian berkenaan dengan modaliti ini. Dengan beberapa pengubahsuaian modaliti ini ia boleh dijadikan sebagai asas bagi *outsourcing* pengurusan, pengendalian dan pemeliharaan beberapa lokasi pelancongan yang berpotensi dan juga beberapa kemudahan awam yang lain di seluruh negara.

Dengan menggunakan kaedah *outsourcing* dan *PPP* ini diharap ia bukan sahaja akan dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan malah memberikan peluang pelaburan dan perniagaan bagi sektor swasta di negara ini. Ia juga diharap akan membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Soalan kedua iaitu berkenaan dengan menggunakan program bagi melatih anak-anak tempatan yang menganggur dan lain-lainnya, supaya mereka mendapat berbagai-bagai kemahiran, dan akan dapat menggunakan kemahiran ini untuk memohon sebarang pekerjaan. Belia ini boleh juga diajarkan atau diberi pelbagai peluang untuk memulakan perniagaan sama ada perniagaan kecil ataupun perniagaan besar seperti mengendalikan kapal besar untuk menceburkan diri dalam industri perikanan laut dalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi menjawab soalan berkenaan mengadakan latihan bagi belia yang menganggur untuk mendapatkan berbagai-bagai kemahiran, kerajaan seperti yang dimaklumi menyediakan pelbagai kemudahan misalannya Pusat Pembangunan Belia di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Sekolah Vokasional Wasan di bawah Kementerian Pendidikan dan skim di bawah *DPTB* kendalian Jabatan Kemajuan Perancangan dan Ekonomi untuk menyalurkan penuntut yang tidak dapat menyambung ke Pusat Tingkatan Enam memasuki sekolah-sekolah teknikal swasta.

Sekolah Vokasional Wasan lebih kepada pendidikan pertanian, agrimakanan dan perikanan. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan memang terlibat dalam mengendalikan kursus yang dikendalikan di sekolah berkenaan. Pada masa yang sama kementerian juga memberikan peluang pada para penuntut untuk menjalani program penempatan di jabatan-jabatan di bawah kementerian ini dan juga dengan industri yang berkaitan. Kursus ini sebagai persediaan kepada para penuntut untuk berkecimpung dalam industri pertanian, agrimakanan dan perikanan, setelah selesai mengikuti kursus tersebut.

Seperti yang juga kaola telah nyatakan kepada Yang Berhormat minggu lepas, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan telah membuat berbagai-bagai simulasi kewangan bagi pelbagai aktiviti pertanian, penternakan dan perikanan bagi mengenal pasti berapakah modal permulaan bagi memandu sesiapa sahaja yang memulakan perniagaan dalam sektor ini. Simulasi juga dibuat berkenaan kos operasi tahunan dan saiz optimum operasi bagi memastikan keuntungan dan kedayatahanan, aktiviti dukungan yang boleh dilaratkan kepada harga pasaran produk dan lain-lain.

Seperti lazimnya jabatan juga memberi khidmat nasihat berkenaan dengan baja tanaman, racun musuh tanaman dan benih hasil tinggi bagi aktiviti pertanian.

Jabatan Perikanan pula memberi khidmat nasihat berkenaan pembekalan anak-anak ikan dan udang, makanan ikan, pembinaan sangkar dan kolam, cara kaedah ternakan yang terbaik termasuk penyerapan *good aquaculture practices* bagi memastikan ternakan sentiasa sihat, mengurangkan kadar kematian dan lain-lain.

Contohnya dalam perikanan, pengusaha baharu dan lama juga akan didedahkan kepada beberapa pilihan yang ada jika hendak berkecimpung dalam industri perikanan. Sama ada melalui penggunaan sangkar, kolam ataupun menggunakan kapal-kapal penangkap ikan. Umumnya kementerian menggalakkan penggunaan sangkar atau kolam, kerana kos yang lebih berkesan dan hasil yang lebih terjamin dan tidak bergantung pada keadaan cuaca seperti musim tengkujuh yang menyebabkan kapal tidak dapat ke laut untuk menangkap ikan.

Dari itu, pengusaha juga didedahkan dengan perkiraan bagi memulakan perniagaan, dukungan seperti pemeliharaan anak-anak ikan dan udang, pengeluaran dan pembekalan makanan ikan dan udang. Perkhidmatan logistik yang termasuk perkhidmatan pembungkusan, penyejukan hasil tangkapan dan pemprosesan sebelum dijual untuk dieksport ke luar negara.

Sebagai kesimpulan, objektif kementerian ini bukan sahaja untuk pengurangan pergantungan pada import bagi bekalan ikan dan termasuk juga produk pertanian di negara ini, tetapi juga untuk menggalakkan pengeluaran yang lebih daripada keperluan dalam

negara. Malah sebahagian besarnya dapat dieksport ke luar negara iaitu bagi mempercepatkan pertumbuhan KDNK dan membuka peluang perniagaan dan pekerjaan kepada orang-orang tempatan.

Untuk tujuan itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan akan sentiasa memberikan khidmat nasihat yang berkaitan dengan pengusaha atau bakal pengusaha yang ingin berkecimpung dalam industri Pertanian dan Agrimakanan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekianlah sahaja yang dapat kaola sampaikan sebagai Ucapan Penangguhan dan juga menjawab soalan dan saranan yang diajukan semalam.

Kaola mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas peluang yang diberikan. Dalam kesempatan ini kaola juga mengucapkan syabas kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis kerana telah berjaya mentadbir mesyuarat kita pada tahun ini.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته. Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan sebagai menggulung ucapan-ucapan yang lainnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi izin bagi kaola berdiri sekali lagi dalam membincangkan Tajuk Ucapan Penangguhan ini.

Kaola tidak berhasrat untuk menggulung Ucapan-Ucapan Penangguhan ini, tetapi ingin merespons Ucapan Penangguhan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin yang telah disampaikan pada sesi semalam yang menyentuh mengenai jawapan surat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan kepada pemohon yang telah lulus peperiksaan untuk mendapatkan Taraf Kerakyatan selaku rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara Pendaftaran di bawah Bab V (i) dari Akta Kebangsaan Brunei Penggal 15 *(Chapter 15)*.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin juga menyatakan bahawa seperti yang direkodkan dalam Laporan Penuh *(Hansard)* bahawa "Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dulu dan menteri sekarang menyatakan bahawa "*passing examination does not guarantee your citizenship*."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, apa yang telah Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh

King Chin nyatakan itu mengenai '*passing examination does not guarantee your citizenship*' kurang tepat. Tidak sedemikian penjelasan kaola seperti yang direkodkan dalam Laporan Penuh *(Hansard)* bertarikh 10 Mac 2016. Kaola merasa kesal kerana Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin tidak merujuk Laporan Penuh *(Hansard)* tetapi memetik apa yang dilaporkan dalam media massa.

Oleh yang demikian, kaola ingin memberi semula penjelasan bahawa dalam Peruntukan Bab 5 - Akta Kebangsaan Brunei Penggal 15, terdapat beberapa syarat yang mesti dipenuhi. Salah satu syaratnya ialah pemohon dikehendaki lulus ujian Bahasa Melayu seperti yang ditetapkan dalam undang-undang berkenaan. Dalam hal ini, bererti setiap pemohon dimestikan memenuhi semua syarat peruntukan perundangan yang ada yang disebutkan dalam akta berkenaan. Inilah yang dimaksudkan dengan proses-proses yang perlu dilalui seperti yang terkandung dalam undang-undang berkenaan.

Perkara yang kedua, berkenaan dengan Bab 11 (3) - Akta Kebangsaan Brunei Penggal 15 yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. Kaola ingin menjelaskan bahawa Bab tersebut berkaitan dengan perlucutan taraf kerakyatan dan ia tidak ada kaitangan dengan proses bagi permohonan Taraf Kerakyatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sekian sahaja yang dapat kaola jelaskan Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola ingin merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah mempengerusikan dan memimpin Majlis Mesyuarat Negara ini dengan begitu berwibawa dan bijaksana dengan sokongan padu daripada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis yang sangat berkesan sehingga segala-galanya telah berjalan dengan lancar.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik atas soalan-soalan dan saranan yang telah dikemukakan yang begitu membina dalam mesyuarat ini. Kaola cuma ingin merespons kepada beberapa soalan kelmarin yang menyentuh bidang kuasa kementerian kaola. Izin kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Soalan yang pertama daripada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, menyentuh mengenai isu *land owner ship rule for foreign investors*. Kaola rasa tidak perlu dijawab kerana telah dijawab dengan terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Terus sahaja kaola beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, bukan soalan sebenarnya ialah seruan supaya pihak berkenaan untuk meningkatkan strategi dalam mengatasi kelambatan proses pemohonan orang ramai.

Sebagai menjawabnya, pihak berkenaan di bawah Kementerian Pembangunan termasuk Jabatan Tanah, setakat ini telah pun melaksanakan beberapa langkah untuk memperbaiki proses atau prosedur di peringkat jabatan dan berhasrat untuk meneruskan usaha sedemikian sebagaimana yang diperlukan. Sebagai misalan, baru-baru ini pada bulan Februari, sistem *LARIS (Land Application and Registration Information System)* telah dilancarkan yang tujuannya untuk mengemaskinikan semua jenis pemohonan yang berkaitan dengan isu tanah. Sistem ini dijangka akan dapat membantu memendekkan tempoh masa semua permohonan yang tiada bermasalah.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Kenyataan sebenarnya mengenai isu *power of attorney* yang dengan adanya penjelasan yang diberikan mengenai *power of attorney and trusted* ini pelabur-pelabur tidak perlu lagi runsing mengenai mencari rumah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam negara sedang menekankan strategi mempelbagaikan ekonomi dalam menarik pelabur asing ke negara kita, saya rasa penting dan menjadi tanggungjawab kita untuk memperbetulkan mana-mana perspektif atau persepsi yang kurang tepat.

Mengenai isu tempat tinggal bagi eksekutif luar negara yang ingin melabur di negara ini, kita berkeyakinan bahawa isu ini tidaklah menjadi penghalang, kerana penyediaan kemudahan sedemikian banyak ditawarkan oleh pihak swasta termasuk kediaman yang bermutu tinggi yang boleh didapatkan dengan harga yang begitu kompetitif. Dari pengalaman dalam kalangan pelabur asing yang sudah mula bertapak di negara kita ini misalannya *Simpor Pharma, CAE, MPTC Brunei Sdn. Bhd., Hengyi Industries Sdn. Bhd.*, dan sebagainya setahu kita *feedback* daripada mereka berhubung hal ini sungguh meyakinkan bahawa mereka tidak menemui sebarang kerumitan sama sekali dan sekali lagi dikongsikan semula bahawa jika ada antara mereka berhasrat memiliki hartanah secara *list world* atau secara *list title.* Cara ini, sudah mula

diperbolehkan, tertakluk kepada kelayakan.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, berhubung Peruntukan Jalan Raya sebanyak $89 juta supaya akan dapat memperbanyakkan lagi rangkaian jalan raya, mana-mana kawasan perumahan yang padat seperti Meragang, Tanah Jambu dan Mengkubau yang selalu *traffic jammed* serta Pusing Keliling Mentiri dan Sungai Akar perlu dinaik taraf dan juga seruan Yang Berhormat untuk menaik taraf sistem bekalan air. Perkara ini sedang dalam pengusahaan pada masa ini dan sudah setentunya akan melalui proses pertimbangan mengikut kemampuan pembiayaan.

Berhubung penaiktarafan bekalan air, projek paip air utama di *coastal road* di jalan pantai sudah pun berjalan dan projek ini adalah projek yang membawa air dari Bukit Barun ke Daerah Brunei dan Muara. Seperti yang sudah kaola terangkan jua semasa perdebatan tempoh hari, dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat di*commission*kan pada penghujung tahun ini. Dengan demikian masalah air di kawasan Tanah Jambu dan Meragang, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan jauh berkurangan.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu mengenai kolam tadahan banjir tidak dapat menampung jika hujan lebat di kawasan Jalan Ikas Bandung, Kampung Kupang. Peningkatan usaha mengurangkan dan mengatasi masalah banjir di kawasan berkenaan adalah secara berfasa. Peruntukan telah dipohonkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN11) bagi meningkatkan sistem saliran di bawah hilir kawasan tadahan termasuk bagi aktiviti penggorekan sungai yang sudah tertentunya tertakluk kepada keutamaan berbanding program dan projek RKN11 yang lain.

Itu sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang dapat kaola jelaskan dan kaola ucapkan berbanyak-banyak terima kasih. وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah mendengar selama 2 hari Ucapan-ucapan Penangguhan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan juga Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk berucap dalam tempoh yang singkat ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan dengan Ucapan-Ucapan Penangguhan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dibentangkan sejak hari Isnin semalam dan pada pagi ini. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, الْحَمْدُ لله kita sekali lagi berpeluang untuk menyaksikan dan turut serta dalam penghujung Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis

Mesyuarat Negara yang boleh dikirakan berakhir dengan jayanya.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang ikhlas atas kerjasama yang diberikan oleh semua Ahli Yang Berhormat sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat *Ex-Officio* (Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet) mahupun Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik kerana dengan memberikan kerjasama sepenuhnya, kita telah dapat menjalankan permesyuaratan kita ini dengan baik, lancar dan yang penting sekali penuh harmoni.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis, Bentara Dewan dan pegawai pengapit beliau, maklumlah 10 kilo yang diangkat serta ke semua pegawai di semua peringkat sama ada dari Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat sendiri mahupun pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipinjamkan dari beberapa kementerian dan jabatan atas usaha gigih dan komitmen sepenuhnya dalam menyediakan berbagai-bagai keperluan di luar permesyuaratan kita sepanjang permesyuaratan ini.

Kesempurnaan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini juga atas usaha kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang membantu menyediakan keperluan logistik, termasuklah liputan media massa dan pihak kerajaan yang lain iaitu Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan serta media cetak dalam negeri yang telah membolehkan orang ramai mendengar, mengikuti dan saya harap mereka ini dapat menghayati perbincangan sepanjang persidangan ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini, secara tulus ikhlas mengucapkan terima kasih atas kerjasama itu. Saya juga ingin menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli untuk membuka rasmi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara iaitu pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 dan seterusnya baginda telah berkenan mengurniakan titah pada majlis tersebut.

Dalam titah baginda itu baginda telah menggariskan hala tuju dasar kerajaan baginda dalam menempuh keadaan ekonomi yang menurun bagi Tahun Kewangan 2016/2017 dan menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat agar dapat memikirkan dalam membantu baginda untuk menangani masalah yang dihadapi pada masa ini. Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dalam Kerajaan baginda juga telah menggariskan beberapa langkah yang akan diambil bagi melaksanakan hasrat baginda tersebut dengan penuh terperinci.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertitah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara antara titah baginda adalah menyentuh tentang peranan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik supaya dapat menyuarakan lagi saranan-saranan atau buah fikiran mengenai cara mengurangkan kebergantungan negara terhadap sumber minyak dan gas.

الْحَمْدُ لله dalam menanai hasrat baginda itu, pihak Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, saya kira telah memberikan pandangan cadangan dan pendapat yang bernilai. Dari cetusan minda tersebut bagi mana-mana pandangan atau cadangan yang sesuai dan berfaedah yang boleh diguna pakai oleh kementerian yang berkaitan dalam usaha merancang dan menjalankan usaha kerajaan bagi menangani penurunan hasil kerajaan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, الْحَمْدُ لله dari Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini, kita sekali lagi dengan jayanya membincangkan perkara signifikan, tepat dan berinspirasikan Tema Kewangan 2016 iaitu "Mengukuhkan Iklim Perekonomian Bagi Mendukung Pembangunan Berterusan".

Sesi Majlis Mesyuarat Negara melalui peringkat Jawatankuasa telah pun membincangkan meneliti dan menganalisis Belanjawan Rang Undang-Undang sebelum ia diluluskan untuk menjadi Akta Perbekalan. Dari pemerhatian dan pengamatan saya sendiri apa yang telah dibincangkan sepanjang persidangan pada tahun ini, termasuklah soalan yang telah dikemukakan, cadangan, saranan serta jawapan dan respons yang diberikan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan membawa hasil yang produktif, kondusif dan konklusif.

Dalam suasana perekonomian dunia yang tidak menentu yang negara kita terjejas disebabkan oleh penurunan harga minyak yang dikatakan jatuh merudum dan kesannya amatlah ketara dengan penurunan anggaran hasil dan belanjawan negara bagi tahun ini, sebagaimana yang digambarkan dalam Akta Perbekalan 2016/2017. Maka saya berkesimpulan bahawa:-

1. Kita hendaklah menjauhi sikap *complacent* ataupun dalam *comfort zone.* Kita terus dan haruslah mengambil sikap berbelanja, berhemat dengan cara lebih melihat kepada keperluan dan keutamaan;

2. Janganlah kita lalai dan lemah semangat disebabkan kemerosotan ekonomi ini tetapi anggaplah insiden ini sebagai cubaan dan sepatutnya akan dapat menjadikan sebagai *stepping stone* untuk negara agar kita lebih berfikiran terbuka dan ia dapat mengajar dan melatih kita

secara *outside the box* ini termasuklah usaha seperti menerokai peluang-peluang dan juga menceburi bidang-bidang yang membawa kepada perekonomian kita yang belum kita lihat;

3. Kita juga haruslah bersifat optimistik di samping menanamkan pemikiran realistik. Usaha untuk meningkatkan perekonomian negara bukanlah hanya tertumpu kepada satu pihak sahaja malah ia tanggungjawab kita bersama. Kalau kita bertepuk sebelah tangan maka tidak ada bunyinya yang dapat kita dengar; dan

4. Kita haruslah meningkatkan lagi integriti kita sebagai satu pasukan dan memberi usaha sepenuhnya secara *collectively*. Saya harap perkara itu dapat dipertimbangkan dan difikirkan demi kepentingan negara, rakyat dan kepentingan raja kita yang mengharapkan hasil yang berkesan dari kita semua.

Dengan ucapan yang ringkas ini maka mengikut Peruntukan 35 (i) dari Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, maka dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini kepada satu tarikh yang akan ditetapkan dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan berjumpa lagi.

(Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengetuk lapik (alas) dengan *gavel* (tukul kayu) menandakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)

Majlis kita tangguhkan.

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)